Alawi Abbas al-Maliki
Hasan Sulaiman al-Nuri

إبانة الأحكام
شرح
بلوغ المرام

IBANAH AL-AHKAM
SYARAH BULUGH AL- MARAM
(Jilid Kedua)

Penterjemah:
Nor Hasanuddin H.M. Fauzi

Penyunting/Editor:
Ustazah Sabariah Bakri (IIUM)

Pengurus Projek
Hj. Kamaluddin Hj Ibrahim

AL-HIDAYAH

AL-HIDAYAH PUBLICATION
KUALA LUMPUR
2010

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha
Pemurah Lagi Maha Penyayang

Kami adalah **penerbit** dan **pengedar buku-buku Islam** kontemporari dinihari. Bergerak bersama mendokong **kebenaran Al-Quran** dan As-sunnah sebagai teras pengabdian. **Menyebarkan ilmu** di mana dan ke mana saja demi **merealisasikan** cita-cita dan harapan **Membina generasi** di **masa depan.** Pastinya usaha kami **bukan meraih** keuntungan yang sedikit **di dunia** ini tetapi mahu melihat **generasi** dan **negara** ini mencapai mercu kecemerlangan di dunia dan di akhirat. Untuk itu kami sedia **memberi perkhidmatan** yang terbaik untuk keperluan masa **depan anda.**

AL - HIDAYAH

AL-HIDAYAH PUBLICATION

IBANAH AL-AHKAM
SYARAH BULUGH AL- MARAM

Judul Asal	:	Ibanatu al-Ahkam Syarhu Bulughu al-Maram
Penulis	:	Alawi Abbas al-Maliki Hasan Sulaiman al-Nuri
Penerbit Asal	:	Dar al-Haramain, Jeddah
Penterjemah	:	Nor Hasanuddin H.M. Fauzi
Penyunting	:	Ustazah Sabariah Bakri (IIUM)
Tata Letak	:	Tim al-Hidayah

Cetakan Pertama …..… 2010

Diterbitkan Oleh:

AL-HIDAYAH PUBLICATION
No. 27, Jalan DBP Dolomite Business Park 68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-6185 3002, 61857006, 6185 4009
Fax: 03-6185 9006
laman web: www.hidayah.com.my
E-mail: hidayah@streamyx.com

Diedarkan Oleh:

AR-RISALAH PRODUCT SDN. BHD
No. 27, Jalan DBP Dolomite Business Park 68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-6185 3002, 61857006, 6185 4009
Fax: 03-6185 9006
laman web: www.hidayah.com.my
E-mail: hidayah@streamyx.com

Dicetak Oleh:

PERCETAKAN ZAFAR SDN. BHD
Lot 18, Jalan 4/10B, Spring Crest Industrial Park Batu Caves,
68100 Kuala Lumpur

بسم الله الرحمن الرحيم

KATA PENGANTAR PENERBIT

SEGALA puji bagi Allah Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam disampaikan kepada junjungan Nabi Muhammad SAW, keluarga serta sahabat-sahabat baginda.

Dalam usaha untuk menambahkan buku-buku bacaan di kalangan masyarakat masa kini, dengan syukur dipanjatkan kepada Allah SWT kerana kami dapat menerbitkan sebuah lagi buku yang bertajuk **IBANAH AL-AHKAM SYARAH BULUGH AL-MARAM.**

Sebagai penerbit, besar harapan kami agar buku ini dapat bermanfaat kepada pembaca. Segala amalan yang baik ini semoga mendapat keredaan Allah SWT.

Segala kesilapan dan kekurangan adalah kelemahan daripada kami, oleh itu teguran membina amatlah dialu-alukan.

Sekian, Wabillahi Taufiq, Wassalamu'alaikum.

Penerbit,
Al-Hidayah Publication

ISI KANDUNGAN

BAB SOLAT ORANG MUSAFIR DAN ORANG SAKIT

١- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: أَوَّلُ مَا فُرِضَتْ الصَّلاَةُ رَكْعَتَيْنِ، فَأُقِرَّتْ صَلاَةُ السَّفَرِ وَأُتِمَّتْ صَلاَةُ الْحَضَرِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَلِلْبُخَارِيِّ: ثُمَّ هَاجَرَ، فَفُرِضَتْ أَرْبَعًا، وَأُقِرَّتْ صَلاَةُ السَّفَرِ عَلَى الْأَوَّلِ. زَادَ أَحْمَدُ: إِلاَّ الْمَغْرِبَ فَإِنَّهَا وِتْرُ النَّهَارِ، وَإِلاَّ الصُّبْحَ، فَإِنَّهَا تَطُولُ فِيهَا الْقِرَاءَةُ.

1. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Pada mulanya solat difardukan dua rakaat lalu ia ditetapkan dalam solat musafir, dan disempurnakan solat orang yang berada di tempat tinggalnya." (Muttafaq 'alaih)

Menurut riwayat al-Bukhari: "Kemudian Rasulullah (s.a.w) berhijrah, maka ia difardukan sebanyak empat rakaat dan solat musafir ditetapkan seperti keadaan semula." Imam Ahmad menambahkan seperti berikut: "Kecuali solat Maghrib, kerana ia merupakan solat witir bagi siang hari dan solat Subuh, kerana bacaan al-Qur'an ketika mengerjakan solat Subuh mesti dipanjangkan."

Makna Hadis

Oleh kerana bermusafir sering kali menyebabkan keletihan, maka syariat Islam mempersingkat solat empat rakaat seperti solat Zohor, Asar, dan Isyak menjadi dua rakaat sebagai satu kemudahan bagi orang musafir sehinggalah dia kembali pulang ke tempat tinggalnya.

Solat Maghrib tidak boleh dipersingkatkan, kerana ia merupakan witir bagi solat siang hari, sedangkan witir disukai oleh Allah. Begitu pula solat Subuh, tidak boleh dipersingkat, kerana dalam mengerjakan solat Subuh bacaan al-Qur'an mesti dipanjangkan. Bacaan dalam solat Subuh disaksikan oleh para malaikat dan usaha mempercepat pelaksanaan solat Subuh bercanggah dengan anjuran supaya bacaan al-Qur'an di dalamnya dipanjangkan.

Solat qasar disunatkan, kerana ia adalah rukhsah. Solat qasar lebih afdal daripada solat secara sempurna. Allah suka apabila rukhsah-Nya dikerjakan, sebagaimana Dia suka apabila 'azimah-Nya dilakukan.

Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa solat qasar wajib hukumnya, kerana ia merupakan hukum asal solat, kemudian ditambah bilangan rakaat solat fardu itu ketika sedang tidak dalam perjalanan seperti mana yang diterangkan oleh hadis Aisyah (r.a). Dalam kaitan ini Imam Abu Hanifah tidak mengemukakan pandangannya itu berlandaskan akal semata, sebaliknya semata-mata berlandaskan *tawqif* (ketentuan syariat). Jumhur ulama mengatakan bahawa hadis Aisyah itu berkedudukan *mawquf*, hanya sampai kepada Aisyah (r.a).

Analisis Lafaz

"السفر", menurut bahasa menempuh perjalanan, sedangkan menurut syarak pula ialah melakukan perjalanan dengan menempuh jarak khusus.

"المرض", setiap keadaan yang menyebabkan seseorang keluar daripada keadaan sihat, yakni sakit. Sakit adalah suatu keadaan di luar kebiasaan dan membahayakan.

"أَوَّلُ مَا فُرِضَتْ الصَّلاَةُ رَكْعَتَيْنِ", pertama sekali yang difardukan oleh Allah (s.w.t) pada waktu malam Israk ialah solat fardu. Setiap solat wajib dikerjakan sebanyak dua rakaat, kecuali solat Maghrib.

"فَأُقِرَّتْ صَلاَةُ السَّفَرِ", Allah menetapkan solat musafir seperti keadaannya yang semula sebaik difardukan, iaitu dua rakaat.

"وَأُتِمَّتْ صَلاَةُ الْحَضَرِ", dan ditambahkan solat ketika berada di tempat tinggal hingga jumlahnya menjadi empat rakaat apabila dibandingkan dengan solat ketika dalam perjalanan.

"ثُمَّ هَاجَرَ", kemudian Nabi (s.a.w) berhijrah ke Madinah.

"فَفُرِضَتْ أَرْبَعًا", maka solat yang difardukan itu menjadi empat rakaat dengan menambah dua rakaat pada masing-masing solat itu.

"عَلَى الأَوَّلِ", seperti keadaannya yang semula, iaitu dua rakaat.

"زَادَ أَحْمَدُ", Imam Ahmad menambahkan dan lafaznya adalah daripada Aisyah (r.a): "Pada mulanya solat yang difardukan ialah dua rakaat, kecuali solat Maghrib, kerana solat Maghrib difardukan tiga rakaat."

"إِلاَّ الْمَغْرِبَ فَإِنَّهَا وِتْرُ النَّهَارِ", solat yang dilakukan pada waktu siang hari adalah genap, kecuali solat Maghrib. Memandangkan solat Maghrib dilakukan pada bahagian paling akhir waktu siang, maka ia disebut witir bagi solat siang hari, sebagaimana witir (yang disyariatkan untuk dilakukan pada waktu malam hari).

"وَإِلاَّ الصُّبْحَ", kecuali solat Subuh. Solat Subuh tidak ada mengalami perubahan. Ia tetap kekal dua rakaat, sama ada ketika bermusafir mahupun ketika bermukim.

Fiqh Hadis

1. Mengqasar solat ketika dalam perjalanan menurut mazhab Hanafi adalah wajib. Mereka mengemukakan dalil bagi menyokong pendapatnya berlandaskan dalil hadis yang mengatakan: "فرضت" (Diwajibkan). Menurut jumhur ulama, solat qasar merupakan rukhsah dan mengerjakannya dengan sempurna adalah lebih diutamakan. Mereka mengatakan bahawa makna "فرضت" ialah ditetapkan berdasarkan firman Allah (s.w.t):

   ..... فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن تَقْصُرُوا۟ مِنَ ٱلصَّلَوٰةِ ..... ﴿١٠١﴾

   "*… Apabila kamu musafir di muka bumi, maka tidaklah mengapa kamu mengqasar solatmu...*" (Surah al-Nisa': 101)
2. Solat Maghrib dan solat Subuh tidak boleh mengalami perubahan, sama ada ketika bermukim mahupun ketika bermusafir.
3. Disyariatkan memperpanjang bacaan al-Qur'an ketika mengerjakan solat Subuh.

٢- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقْصُرُ فِي السَّفَرِ وَيُتِمُّ، وَيَصُومُ وَيُفْطِرُ. رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ وَرُوَاتُهُ ثِقَاتٌ إِلاَّ أَنَّهُ مَعْلُولٌ. وَالْمَحْفُوظُ عَنْ عَائِشَةَ مِنْ فِعْلِهَا وَقَالَتْ: إِنَّهُ لاَ يَشُقُّ عَلَيَّ. أَخْرَجَهُ الْبَيْهَقِيُّ.

2. Daripada Aisyah (r.a) bahawa ketika dalam perjalanan, Nabi (s.a.w) mengqasar dan menyempurnakan solat, berpuasa dan berbuka. (Diriwayatkan oleh al-Daraquthni. Periwayat hadis ini tsiqah, meskipun berkedudukan ma'lul). Akan tetapi yang apa *mahfuzh* daripada Aisyah (r.a) berdasarkan kepada perbuatannya, beliau berkata: "Sesungguhnya itu tidak menyusahkan diri saya." (Disebut oleh al-Baihaqi)

Makna Hadis

Dalam perjalanan dibolehkan mengqasar dan menyempurnakan solat, sebagaimana juga dibolehkan berbuka dan puasa, kerana berbuka dan qasar merupakan satu keringanan (*rukhsah*). Barang siapa yang lebih menyukai *'azimah*, maka itu dia boleh melakukan dan barang siapa yang ingin mengambil *rukhsah*, maka itu lebih diutamakan baginya, kerana Allah menyukai apabila *rukhsah*-Nya dikerjakan, sebagaimana suka apabila *'azimah*-Nya dikerjakan.

Analisis Lafaz

"كَانَ يَقْصُرُ فِي السَّفَرِ وَيُتِمُّ، وَيَصُومُ وَيُفْطِرُ", Rasulullah (s.a.w) mengerjakan ini dan itu, yakni mengqasar solat dan menyempurnakannya serta berpuasa dan berbuka bagi menerangkan kepada umatnya bahawa kedua-dua pilihan itu dibolehkan.

"إِلاَّ أَنَّهُ مَعْلُولٌ", dikatakan *ma'lul* kerana Imam Ahmad menilai hadis ini munkar, sebab 'Urwah telah meriwayatkannya daripada Aisyah bahawa Aisyah telah mengerjakan solatnya dengan sempurna dan dia bertakwil[1] seperti mana Utsman juga pernah bertakwil.[2] Seandainya riwayat daripada Aisyah ini bersumber daripada Nabi (s.a.w), nescaya 'Urwah tidak akan mengatakan bahawa Aisyah bertakwil.

"إِنَّهُ لاَ يَشُقُّ عَلَيَّ", mengerjakan solat dan puasa dengan sempurna itu tidak memberatkan diri saya.

Fiqh Hadis

1. Dalam perjalanan dibolehkan mengqasar solat.
2. Dalam perjalanan dibolehkan berbuka puasa.
3. Dalam perjalanan dibolehkan mengerjakan solat dengan sempurna.
4. Dalam perjalanan tetap dibolehkan berpuasa.

٣- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ اللهَ يُحِبُّ أَنْ تُؤْتَى رُخَصُهُ كَمَا يَكْرَهُ أَنْ تُؤْتَى مَعْصِيَتُهُ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ وَابْنُ حِبَّانَ. وَفِي رِوَايَةٍ: "كَمَا يُحِبُّ أَنْ تُؤْتَى عَزَائِمُهُ".

3. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Sesungguhnya Allah suka apabila rukhsah-Nya dikerjakan sebagaimana Allah benci apabila perbuatan maksiat terhadap-Nya dikerjakan.*" (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah dan Ibn Hibban) Di dalam riwayat lain disebutkan: "*Sebagaimana Allah suka apabila 'azimah (ketetapan-ketetapan)-Nya*

[1] Aisyah melakukan takwil semasa dalam perjalanan bahawa beliau berada di tempat tinggal kemanakannya sebagaimana beliau juga telah mengadakan perjalanan tanpa disertai mahram memandangkan beliau dia adalah Ummul Mukminin. Beliau selalu berkata: "Aku berada di tempat tinggal kemanakan saya."

[2] Khalifah Utsman mengerjakan solat dengan sempurna ketika mengerjakan ibadah haji, yakni ketika beliau singgah di Mina. Ketika ditegur oleh sahabat yang lain, beliau mengatakan bahawa beliau berbuat demikian kerana pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَنْ تَأَهَّلَ فِي مَحَلٍّ فَإِنَّهُ يُتِمُّ فِيْهِ صَلاَتَهُ.

"*Barang siapa yang berihram haji di tempat (tinggalnya), maka orang itu mestilah mengerjakan solatnya dengan sempurna di tempat itu.*"

dikerjakan."

Makna Hadis

Islam merupakan agama toleransi, di dalamnya tidak ada sebarang tekanan dan bebanan yang melebihi kemampuan orang mukallaf. Allah (s.w.t) berfirman:

..... يُرِيدُ ٱللَّهُ بِكُمُ ٱلْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ ٱلْعُسْرَ..... ﴿١٨٥﴾

"*… Allah menghendaki kemudahan bagi kamu dan tidak menghendaki kesukaran bagi kamu….*" (Surah al-Baqarah: 185)

Allah suka apabila hamba-Nya mengerjakan apa yang telah diberi keringanan oleh-Nya sebagai bukti ketaatan kepada-Nya, sebagaimana Allah benci apabila perbuatan derhaka terhadap-Nya dikerjakan kerana melanggar perintah-Nya. Allah reda terhadap orang yang berpegang teguh kepada apa yang telah ditetapkan-Nya demi memperoleh reda-Nya.

Analisis Lafaz

"إِنَّ اللهَ يُحِبُّ", kecintaan Allah merupakan salah satu daripada sifat-Nya yang kemudian melahirkan keredaan Allah.

"رُخَصُهُ", *al-rukhsah* ialah hukum syariat yang mudah sebagai pengganti kepada hukum syariat yang lebih sukar, tetapi disertai dengan adanya sebab hukum asal."

"يَكْرَهُ أَنْ تُؤْتَى مَعْصِيَتُهُ", kebencian Allah merupakan salah satu daripada sifat-Nya yang kemudian menyebabkan Allah murka terhadap orang yang berbuat maksiat.

"عَزَائِمُهُ", *al-'azimah* adalah hukum Allah yang disyariatkan pada permulaannya, yakni hukum asal."

Fiqh Hadis

Mengerjakan rukhsah lebih diutamakan berbanding mengerjakan 'azimah. Allah (s.w.t) berfirman:

..... يُرِيدُ ٱللَّهُ بِكُمُ ٱلْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ ٱلْعُسْرَ..... ﴿١٨٥﴾

"*… Allah menghendaki kemudahan bagi kamu dan tidak menghendaki kesukaran bagi kamu….*" (Surah al-Baqarah: 185)

٤- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا خَرَجَ مَسِيرَةَ ثَلاَثَةِ أَمْيَالٍ أَوْ فَرَاسِخَ، صَلَّى رَكْعَتَيْنِ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

4. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) apabila keluar (musafir) sejauh perjalanan tiga mil atau tiga farsakh, baginda mengerjakan solat dua rakaat." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Syarat dibolehkan mengqasar solat ialah hendaklah musafir menempuh perjalanan sejauh empat *burud*. Ia boleh memulakan solat qasar itu bila telah meninggalkan pusat kota. Ulama berbeza pendapat mengenai jarak yang membolehkan seseorang mengqasar solat. Menurut jumhur ulama, perjalanan itu mestilah sejauh dua *marhalah*, menurut Imam Abu Hanifah tiga *marhalah*, sedangkan menurut mazhab Zahiri tiga mil, kerana berlandaskan hadis Aisyah (r.a) ini. Jumhur ulama menyanggah batasan yang ditentukan oleh hadis ini. Batasan yang disebutkan dalam hadis ini masih diragukan dan oleh kerananya, ia tidak dapat dijadikan sebagai hujah. Mereka berpegang kepada hadis Ibnu Abbas (r.a) yang menyebutkan:

لاَ تَقْصُرُوا الصَّلاَةَ فِي أَقَلَّ مِنْ أَرْبَعَةِ بُرُدٍ.

"*Janganlah kamu mengqasar solat dalam jarak kurang daripada empat burud*." (Diriwayatkan oleh al-Baihaqi dengan sanad yang sahih)

Analisis Lafaz

"إِذَا خَرَجَ مَسِيرَةَ", apabila baginda ingin mengadakan perjalanan yang membolehkannya mengqasar solat. Ini tidak bermaksud apabila baginda hendak melakukan suatu perjalanan yang jauh tidak melakukan qasar dalam perjalanan yang melebihi jarak qasar itu dibolehkan, yakni lebih daripada tiga mil atau tiga farsakh.

"ثَلاَثَةِ أَمْيَالٍ", *amyal* merupakan jamak kepada perkataan mil. Satu mil menurut ukuran orang Arab adalah sejauh mata memandang di permukaan bumi. Misalnya seseorang memandang orang lain di permukaan tanah rata dan dia tidak tahu sama ada orang yang dilihatnya dari kejauhan itu seorang lelaki ataupun seorang perempuan.

Menurut ukuran moden, jarak satu mil itu lebih kurang empat ribu hasta falaki; setiap satu hasta sama dengan 46 sentimeter dan ini bererti satu mil sama dengan 1,855 meter. Pendapat inilah yang menjadi pilihan mazhab Hanafi di mana satu hasta sama dengan dua puluh empat jari. Mazhab Maliki mengatakan bahawa satu mil itu sama dengan tiga ribu lima ratus hasta, seperti mana yang dikatakan oleh Ibnu Abdul Barr. Tetapi pendapat masyhur di kalangan mazhab Maliki mengatakan bahawa satu mil itu sama dengan dua ribu hasta, sedangkan satu hasta sama dengan 36 jari. Mazhab al-SyafiI dan begitu pula mazhab Hanbali mengatakan bahawa satu mil sama dengan enam ribu hasta, dan satu hasta sama dengan dua puluh empat jari.

"ثَلاَثَةِ أَمْيَالٍ أَوْ فَرَاسِخَ", menurut riwayat Muslim disebutkan seperti ini, iaitu dengan menggunakan *aw* yang menunjukkan makna syak atau ragu. *Farasikh* adalah bentuk

jamak kepada lafaz *farsakh*, berasal dari bahasa Parsi yang telah diserap ke dalam bahasa Arab. Satu *farsakh* sama dengan tiga mil menurut ijmak ulama, sedangkan satu *farsakh* sama dengan 5,565 meter.

Fiqh Hadis

Boleh mengqasar solat empat rakaat dalam perjalanan dengan mempersingkatnya menjadi dua rakaat. Ulama berselisih pendapat mengenai jarak perjalanan yang membolehkan seseorang mengqasar solat. Mazbab Hanafi mengatakan bahawa setidaknya perjalanan itu memerlukan masa tiga hari atau tiga malam mengikut ukuran hari atau malam yang paling singkat dalam satu tahun dan perjalanan itu ditempuh dengan kecepatan sederhana seperti kecepatan unta biasa berjalan. Perjalanan ini diperkirakan sejauh 72 mil. Jumhur ulama mengatakan bahawa perjalanan yang membolehkan qasar solat adalah sejauh dua *marhalah*, iaitu 48 mil atau empat *burud*.

٥- وَعَنْهُ قَالَ: خَرَجْنَا مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنَ الْمَدِينَةِ إِلَى مَكَّةَ، فَكَانَ يُصَلِّي رَكْعَتَيْنِ رَكْعَتَيْنِ حَتَّى رَجَعْنَا إِلَى الْمَدِينَةِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

5. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "Kami keluar (musafir) bersama Rasulullah (s.a.w) dari Madinah menuju Mekah, lalu baginda mengerjakan solat dua rakaat-dua rakaat hingga kami kembali pulang ke Madinah." (Muttafaq alaih. Lafaz hadis ini menurut al-Bukhari)

Makna Hadis

Antara kasih sayang Allah kepada hamba-Nya ialah mereka disyariatkan mengqasar solat semasa dalam perjalanan. Hal ini merupakan satu nikmat yang boleh dilakukan secara berterusan selagi seseorang itu masih berada dalam perjalanan dan masih belum menetap di daerah tertentu.

Jumhur ulama berkata: "Jika seseorang yang bermusafir berniat tinggal di suatu daerah selama empat hari, maka setelah itu hukum musafir sudah dianggap habis dan dia mesti mengerjakan solatnya dengan sempurna."

Mazhab Hanafi mengatakan bahawa bertempat tinggal yang dapat memutuskan hukum musafir ialah bertempat tinggal selama lima belas hari di suatu tempat. Jika hamba seseorang itu melarikan diri atau untanya hilang lalu dia mencarinya atau mempunyai urusan yang tidak diketahui bila urusan itu selesai, maka orang itu dibolehkan mengqasar solat secara berterusan hingga urusannya itu selesai.

Mazhab al-Syafi'i memberi batasan maksimum untuk mengqasar solat selama lapan belas hari. Setelah itu seseorang berkenaan mesti mengerjakan solatnya dengan sempurna.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Anas (r.a), yakni sama sumbernya dengan hadis sebelum ini.

"مِنْ الْمَدِينَةِ", dari Madinah. Ini dilakukan pada tarikh 25 Zulkedah.

"إِلَى مَكَّةَ", untuk melaksanakan ibadah haji. Menurut satu pendapat, ini terjadi pada tahun pembebasan kota Mekah dan menurut pendapat yang lain, ia terjadi pada waktu haji wada'.

"فَكَانَ يُصَلِّي", Nabi (s.a.w) sentiasa mengerjakan solat empat rakaat.

"رَكْعَتَيْنِ رَكْعَتَيْنِ", menjadi dua rakaat; yakni solat empat rakaat dikerjakan menjadi dua rakaat kerana diqasar.

"وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ", lafaz hadis ini menurut riwayat al-Bukhari dan hadis ini masih ada sambungannya seperti berikut:

قُلْتُ: أَقَمْتُمْ بِمَكَّةَ شَيْئًا؟ قَالَ: أَقَمْنَا بِهَا عَشْرًا.

"Aku (periwayat hadis) bertanya: "Berapa hari kamu bermukim di Mekah?" Anas (r.a) menjawab: "Kami tinggal (bermukim) di Mekah selama sepuluh hari?"

Fiqh Hadis

Disyariatkan mengqasar solat empat rakaat semasa dalam perjalanan.

٦- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: أَقَامَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تِسْعَةَ عَشَرَ يَقْصُرُ. وَفِي لَفْظٍ: "بِمَكَّةَ تِسْعَةَ عَشَرَ يَوْمًا. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

وَفِي رِوَايَةٍ لأَبِي دَاوُدَ: سَبْعَ عَشْرَةَ. وَفِي أُخْرَى: خَمْسَ عَشْرَةَ. وَلَهُ عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ: ثَمَانِيَ عَشْرَةَ. وَلَهُ عَنْ جَابِرٍ: أَقَامَ بِتَبُوكَ عِشْرِينَ يَوْمًا يَقْصُرُ الصَّلاَةَ. وَرُوَاتُهُ ثِقَاتٌ، إِلاَّ أَنَّهُ اخْتُلِفَ فِي وَصْلِهِ.

6. Daripada Ibnu Abbas (r.a), beliau berkata: "Nabi (s.a.w) bermukim (tinggal) selama sembilan belas hari dalam keadaan tetap mengqasar solat." Menurut lafaz lain disebutkan: "Di Mekah selama sembilan belas hari." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Menurut riwayat Abu Dawud: "Tujuh belas hari." Menurut riwayat yang lain: "Lima belas hari." Abu Dawud melalui Imran ibn Hushain menyebutkan: "Lapan belas hari." Menurut riwayat Abu Dawud daripada Jabir (r.a) disebutkan: "Nabi (s.a.w) tinggal di Tabuk selama dua puluh hari dalam keadaan tetap mengqasar solat." (Periwayat hadis ini tsiqah. Namun ulama berselisih sama ada ia *mawshul* ataupun tidak)

Makna Hadis

Hadis-hadis yang menerangkan Nabi (s.a.w) tinggal di Mekah pada tahun pembebasan kota Mekah terlampau banyak dan berbeza-beza antara satu sama lain. Ada yang mengatakan lima belas hari, tujuh belas hari, lapan belas hari, sembilan belas hari, dan dua puluh hari.

Al-Baihaqi berkata: "Riwayat paling sahih ialah mengatakan sembilan belas hari." Al-Haramain dan al-Baihaqi menggabungkan kesemua riwayat tersebut di mana ulama yang mengatakan sembilan belas hari itu kerana menghitung hari kedatangan dan hari kepulangan. Ulama yang mengatakan tujuh belas hari kerana membuang hari-hari kedatangan dan kepulangan, sedangkan ulama yang mengatakan lapan belas hari itu kerana membuang salah satu daripada kedua hari tersebut. Ulama yang mengatakan lima belas hari meyakini bahawa asal mukim selama tujuh belas hari, kemudian hari kedatangan dan hari kepulangan tidak dikira.

Riwayat yang mengatakan dua puluh hari, meskipun sanadnya sahih namun ia *syadz* (menyalahi pendapat orang lain kebanyakan) kerana bercanggah dengan riwayat jamaah. Riwayat yang mengatakan sembilan belas hari lebih kuat, sebab periwayatnya lebih ramai.

Nabi (s.a.w) mengqasar solat selama baginda tinggal di Mekah, kerana setiap hari baginda ragu antara ingin menetap untuk sementara waktu di Mekah dan berangkat pulang menuju Madinah. Nabi (s.a.w) terus mengqasar solat, kerana pada prinsipnya baginda masih berada dalam keadaan musafir yang tidak dihapuskan melainkan setelah betul-betul berniat untuk tinggal di daerah itu.

Ulama berbeza pendapat mengenai masa tempat tinggal yang boleh menghilangkan hukum musafir. Menurut jumhur ulama, niat tinggal selama empat hari. Menurut Imam Abu Hanifah, tidak ada apa yang boleh memutuskan hukum musafir kecuali telah berniat tinggal selama lima belas hari.

Dari sini disimpulkan bahawa Islam tidak membatasi, sama ada dalam al-Qur'an ataupun dalam Sunnah, mengenai masa bertempat tinggal yang boleh memutuskan hukum musafir secara nash. Oleh itu, masalah ini hendaklah tetap sentiasa menjadi ruang untuk berijtihad.

Analisis Lafaz

"أَقَامَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", Nabi (s.a.w) tinggal di Mekah pada di mana baginda berjaya membukanya.

"يَقْصُرُ", melakukan solat empat rakaat menjadi dua rakaat

"وَفِي لَفْظٍ", menurut lafaz yang lain oleh Abu Dauwd daripada Ibnu Abbas (r.a).

"وَلَهُ", dan oleh Imam Abu Dawud daripada 'Imran ibn Hushain disebutkan:

عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ قَالَ: غَزَوْتُ مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَشَهِدْتُ مَعَهُ الْفَتْحَ، فَأَقَامَ بِمَكَّةَ ثَمَانِي عَشْرَةَ لَيْلَةً لاَ يُصَلِّي إِلاَّ رَكْعَتَيْنِ، وَيَقُولُ: يَا أَهْلَ الْبَلَدِ، صَلُّوا أَرْبَعًا فَإِنَّا قَوْمٌ سَفْرٌ.

"Aku pernah berperang bersama Rasulullah (s.a.w) dan aku pun ikut bersamanya dalam pembukaan kota Mekah, lalu baginda tinggal di Mekah selama lapan belas hari. Baginda tidak solat kecuali dua rakaat dan baginda bersabda: 'Wahai penduduk kota (Mekah), hendaklah kamu tetap mengerjakan solat sebanyak empat rakaat, kerana sesungguhnya kami adalah kaum yang sedang bermusafir'!"

"سَفْرٌ", orang yang bermusafir. Lafaz ini berkedudukan sebagai sifat kepada lafaz *qawmun*.

"وَلَهُ", dan oleh Abu Dawud.

"أَقَامَ بِتَبُوكَ", Perang Tabuk yang merupakan perang terakhir yang dipimpin oleh Nabi (s.a.w) dan ia terjadi pada bulan Rejab tahun 9 Hijriah. Jarak antara Tabuk dengan Madinah ke arah Syam lebih kurang empat belas *marhalah*, setiap *marhalah* sama dengan 24 mil. Tempat tersebut diberi nama Tabuk kerana sabda Rasulullah (s.a.w) ketika melihat sekumpulan sahabat sedang menimba air dari mata air yang ada di situ:

مَا زِلْتُمْ تَبُوْكُوْنَهَا بُوْكًا.

"Kamu benar-benar masih menimbanya."

"اخْتُلِفَ فِي وَصْلِهِ", hadis ini dinilai *mawashul* oleh Ma'mar daripada Yahya bin Abu Katsir, Muhammad ibn Abdul Rahman, Tsauban dan Jabir. Abu Dawud berkata: "Selain Ma'mar, tidak yang menilai *mawshul* sanadnya." Al-Daruqutni menilainya mursal dan *munqathi'*. Al-Baihaqi turut mengetengahkan hadis hadis dengan lafaz: "بضع عشرة" (belasan hari).

Fiqh Hadis

1. Orang yang bermukim sah bermakmum kepada orang yang bermusafir tanpa wujud sebarang hukum makruh dan orang yang bermukim hendaklah menyempurnakan solatnya sesudah imam bersalam.
2. Imam harus memberitahu keadaan solatnya kepada orang yang bermakmum kepadanya kerana ini mengikuti amalan Nabi (s.a.w).
3. Menjelaskan masa bertinggal tinggal di mana apabila seorang yang bermusafir hendak bermukim, maka dia mestilah menyempurnakan solatnya dan tidak boleh mengqasar solat setelah itu. Mazhab Hanafi mengatakan bahawa tempoh seseorang yang bermusafir mesti menyempurnakan solatnya setelah lima belas hari bermukim di suatu daerah tertentu. Imam Malik dan Imam al-Syafi'i mengatakan bahawa itu dilakukan setelah

bermukim empat hari, selain hari ketibaan dan hari kepulangan. Imam Ahmad mengatakan bahawa solay mesti disempurnakan apabila lebih empat hari bermukim di suatu daerah. Manakala seseorang yang masih ragu tentang masa dia untuk bermukim lantaran menunggu urusan selesai, maka jumhur ulama dalam satu riwayat daripada Imam al-Syafi'i berkata: "Seseorang itu boleh mengqasar solatnya selama urusannya masih belum selesai, kerana pada dasarnya dia masih dikategorikan sebagai musafir. Namun menurut pendapat yang masyhur di sisi Imam al-Syafi'i, boleh mengqasar solat selama lapan belas hari sahaja.

٧- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا ارْتَحَلَ قَبْلَ أَنْ تَزِيغَ الشَّمْسُ أَخَّرَ الظُّهْرَ إِلَى وَقْتِ الْعَصْرِ، ثُمَّ نَزَلَ فَجَمَعَ بَيْنَهُمَا، فَإِنْ زَاغَتْ الشَّمْسُ قَبْلَ أَنْ يَرْتَحِلَ صَلَّى الظُّهْرَ، ثُمَّ رَكِبَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَفِي رِوَايَةِ الْحَاكِمِ فِي "الْأَرْبَعِينَ" بِإِسْنَادِ الصَّحِيحِ: صَلَّى الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ، ثُمَّ رَكِبَ.

وَلِأَبِي نُعَيْمٍ فِي "مُسْتَخْرَجِ مُسْلِمٍ": كَانَ إِذَا كَانَ فِي سَفَرٍ، فَزَالَتْ الشَّمْسُ صَلَّى الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ جَمِيعًا، ثُمَّ ارْتَحَلَ.

7. Daripada Anas (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) apabila berangkat sebelum matahari tergelincir selalunya mengakhirkan solat Zohor hingga waktu Asar, kemudian baginda turun dan menjamak antara kedua-dua solat itu. Apabila matahari telah tergelincir sebelum baginda berangkat, maka terlebih dahulu baginda mengerjakan solat Zohor, kemudian berangkat dengan menaiki kenderaannya. (Muttafaq 'alaih)

Menurut riwayat al-Hakim dalam kitab al-Arba'in dengan sanad yang sahih disebutkan: "Baginda mengerjakan solat Zohor dan solat Asar, kemudian berangkat dengan menaiki kenderaannya."

Menurut Abu Nu'aim dalam kitab *Mustakhraj Muslim* disebutkan seperti berikut: "Apabila Nabi (s.a.w) berada dalam suatu perjalanan, lalu matahari tergelincir, maka baginda mengerjakan solat Zohor dan solat Asar dengan cara dijamak, kemudian barulah meneruskan perjalanamya."

Makna Hadis

Memandangkan musafir merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kesusahan, maka Islam memberikan keringanan kepada musafir untuk menjamak di antara dua solat yang waktunya saling berdekatan seperti solat Zohor dengan solat Asar dan solat Maghrib dengan solat Isyak, sama ada jamak ta'khir ataupun jamak taqdim. Ini merupakan salah satu daripada rahmat kepada orang yang

sedang bermusafir. Inilah pendapat jumhur ulama. Dari hadis ini mereka berkesimpulan bahawa boleh melakukan jamak ta'khir dan dari hadis ini pula kemudian disimpulkan boleh melakukan jamak taqdim.

Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa tidak boleh melakukan jamak di antara kedua solat, sama ada jamak taqdim mahupun jamak ta'khir. Beliau mentakwil hadis-hadis yang menyebut masalah jamak ini dengan mengatakan bahawa jamak yang disebutkan oleh hadis-hadis tersebut hanyalah dalam bentuk formality sahaja. Dengan kata lain, mengerjakan solat pertama di akhir waktunya dan solat yang kedua pada permulaan waktunya. Barang siapa yang memandang kepada zahir hadis ini, dia pasti meyakini bahawa kedua-dua solat itu dilakukan secara jamak; dan barang siapa yang memandang hakikat hadis ini, maka dia yakin bahawa kedua-dua solat tersebut dikerjakan pada waktunya masing-masing.

Analisis Lafaz

"إِذَا ارْتَحَلَ", apabila berangkat hendak melakukan suatu perjalanan.

"قَبْلَ أَنْ تَزِيغَ الشَّمْسُ", sebelum matahari tergelincir, yakni sebelum tiba waktu Zohor.

"أَخَّرَ الظُّهْرَ إِلَى وَقْتِ الْعَصْرِ، ثُمَّ نَزَلَ فَجَمَعَ بَيْنَهُمَا", baginda mengakhirkan solat Zohor hingga waktu Asar, kemudian menjamak solat Zohor dengan solat Asar secara jamak ta'khir.

"فَإِنْ زَاغَتْ الشَّمْسُ", apabila matahari condong ke arah zawal —yakni telah tergelincir— dan waktu solat Zohor telah tiba.

"قَبْلَ أَنْ يَرْتَحِلَ", sebelum melakukan perjalanan.

"صَلَّى الظُّهْرَ", maka baginda mengerjakan solat Zohor sahaja.

"صَلَّى الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ", baginda mengerjakan solat Zohor dan solat Asar secara jamak apabila matahari telah tergelincir sebelum memulakan perjalanan.

"ثُمَّ رَكِبَ", kemudian baginda berangkat meneruskan perjalanannya. Kalimat ini membuktikan adanya jamak taqdim dan itu dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w).

"وَلأَبِي نُعَيْمٍ فِي مُسْتَخْرَجِ مُسْلِمٍ", oleh Abu Nu'aim dalam kitabnya *Mustakhraj Shahih Muslim*.

"كَانَ", adalah Nabi (s.a.w).

"إِذَا كَانَ فِي سَفَرٍ، فَزَالَتْ الشَّمْسُ صَلَّى الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ جَمِيعًا، ثُمَّ ارْتَحَلَ", apabila baginda berada dalam suatu perjalanan, kemudian matahari telah tergelincir, maka terlebih dahulu baginda mengerjakan solat Zohor dan solat Asar secara jamak, kemudian barulah meneruskan perjalanannya. Kalimat ini menunjukkan bukti akan adanya jamak taqdim.

Fiqh Hadis

Seorang yang bermusafir dibolehkan melakukan jamak taqdim dan jamak ta'khir di antara dua solat yang waktu saling berdekatan antara satu sama lain. Inilah pendapat Imam Malik, Imam Ahmad dan Imam al-Syafi'i.

Menurut suatu riwayat daripada Imam Malik dan Imam Ahmad, musafir hanya dibolehkan melakukan jamak ta'khir. .

Menurut Imam Abu Hanifah, orang yang bermusafir tidak dibolehkan melakukan solat jamak, sama ada jamak taqdim ataupun jamak ta'khir. Beliau mentafsirkan hadis yang menerangkan bahawa Nabi (s.a.w) melakukan solat jamak dalam bentuk formaliti sahaja, yakni melakukan solat Zohor di akhir waktunya dan mengerjakan solat Asar pada permulaan waktu. Begitu pula dengan solat Maghrib dan solat Isyak.

Boleh melakukan jamak taqdim di 'Arafah untuk menjamak solat Zohor dengan solat Asar, dan jamak ta'khir untuk menjamak solat Maghrib dengan solat Isyak di al-Muzdalifah. Hal ini merupakan satu bentuk kesempurnaan bagi manasik haji.

Periwayat Hadis

Abu Nu'aim, nama asalnya adalah al-Fadhl ibn Amr ibn al-Ahwal al-Hafiz. Beliau meriwayatkan hadis daripada al-A'masy, Imam Malik, al-Tsauri, Zuhair ibn Mu'awiyah dan ramai lagi. Orang yang telah mengambil riwayat hadis daripadanya adalah Imam Ahmad, Ishaq ibn Rahawaih, Abu Hatim, Abu Zir'ah, Ibnu Mu'in dan ramai lagi.

Imam Ahmad berkata: "Abu Nu'aim adalah seorang yang tsiqah dan pakar hadis." Semua murid Ya'qub ibn Sufyan telah bersepakat mengatakan bahawa Abu Nu'aim adalah seorang yang sangat menguasai hadis. Mereka berkata: "Ketika Abu Nu'aim telah meninggal dunia, kitabnya menjadi rujukan untuk menyelesaikan perselisihan pendapat dan mereka merujuk kitabnya." Beliau dikenali sebagai seorang yang jujur dalam hadis, dilahirkan pada tahun 130 Hijriah dan meninggal dunia pada tahun 218 Hijriah.

٨- عَنْ مُعَاذٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: خَرَجْنَا مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي غَزْوَةِ تَبُوكَ، فَكَانَ يُصَلِّي الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ جَمِيعًا، وَالْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ جَمِيعًا. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

8. Daripada Mu'adz ibn Jabal (r.a), beliau berkata: "Kami berangkat bersama Rasulullah (s.a.w) menuju Perang Tabuk, lalu baginda selalu mengerjakan solat Zohor dengan Asar dan solat Maghrib dengan solat Isyak secara jamak." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Syariat Islam telah menetapkan waktu-waktu tertentu untuk mengerjakan solat. Setiap solat pada dasarnya mestilah dikerjakan dalam waktu-waktu yang telah ditetapkan itu. Memandangkan musafir merupakan salah satu faktor yang boleh mmenyebabkan kesusahan, maka syariat Islam memberi keringanan atau *rukhsah* untuk menjamak dua solat yang waktunya saling berdekatan berdekatan antara satu sama lain; solat Zohor dengan solat Asar disatukan, sama ada jamak taqdim ataupun jamak ta'khir, demikian pula solat Maghrib dengan solat Isyak disatukan, sama ada jamak taqdim atau jamak ta'khir.

Jika perjalanan telah dimulakan pada waktu solat yang pertama, maka jamak yang dilakukan adalah jamak ta'khir. Jika perjalanan telah dimulakan pada waktu solat yang kedua, maka maka jamak yang dilakukan adalah jamak taqdim. Faktor yang membolehkan berbuat demikian adalah kesusahan dan hukumnya mubah, sedangkan hikmahnya adalah memberikan keringanan kepada orang yang sedang bermusafir. Melakukan solat jamak di tempat tinggal hukumnya dilarang. Hadis-hadis yang menyebutkan hal ini mestilah ditafsirkan sebagai jamak formaliti sahaja, tetapi pada hakikatnya setiap solat mesti dikerjakan pada waktunya, di mana solat pertama dikerjakan pada akhir waktunya dan solat yang kedua dikerjakan pada permulaan waktunya.

Imam Abu Hanifah tetap berpegang kepada kaedah asal di mana beliau mewajibkan setiap solat dikerjakan pada waktunya yang telah ditetapkan, kecuali jamak taqdim di Arafah dan jamak ta'khir di Muzdalifah, kerana adanya nash yang menerangkan hal tersebut. Beliau menjadikan jamak ini sebagai salah satu daripada kesempurnaan manasik haji dan inilah yang menjadi faktor yang membolehkan jamak. Beliau mentafsirkan keadaan-keadaan yang disebutkan di dalam Sunnah berkaitan disyariatkan solat jamak, bahawa jamak yang dimaksud itu adalah jamak formaliti sahaja.

Analisis Lafaz

"يُصَلِّ الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ جَمِيعًا", mengerjakan solat Zohor dan solat Asar secara jamak taqdim, tetapi dapat pula ditafsirkan bahawa jamak ini adalah jamak ta'khir.

Fiqh Hadis

Seseorang yang bermusafir disyariatkan menjamak dua solat yang waktunya saling berdekatan antara satu sama lain.

٩- عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ تَقْصُرُوا الصَّلاَةَ فِي أَقَلَّ مِنْ أَرْبَعَةِ بُرُدٍ؛ مِنْ مَكَّةَ إِلَى عُسْفَانَ". رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ وَالصَّحِيحُ أَنَّهُ مَوْقُوفٌ، كَذَا أَخْرَجَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ.

9. Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Janganlah kamu mengqasar solat dalam jarak yang kurang daripada empat burud dari Mekah hingga 'Usfan.*" (Diriwayatkan oleh al-Daraquthni dengan sanad yang dha'if. Tetapi menurut pendapat yang sahih, kedudukan hadis ini *mawquf*. Hadis yang serupa turut disebut oleh Ibn Khuzaimah)

Makna Hadis

Di dalam Sunnah tidak terdapat hadis *marfu'* yang sahih mengenai batasan jarak qasar ketika dalam musafir. Jadi masalah ini terbuka luas bagi ijtihad untuk memainkan peranannya. Menurut jumhur ulama, solat boleh diqasar ketika dalam perjalanan yang menempuh jarak dua *marhalah* yang diperkirakan sama dengan empat *burud*. Menurut Imam Abu Hanifah, solat boleh diqasar dalam jarak tiga *marhalah*. Menurut sebahagian ulama lain, solat boleh diqasar dalam setiap perjalanan, tetapi pendapat ini dinilai tidak berlandaskan kepada kajian yang memadai, kerana hadis dalam bab ini meskipun sanadnya dhaif tetapi dikuatkan oleh hadis *mawquf* Ibn Khuzaimah yang sanadnya sahih.

Analisis Lafaz

"بُرُدٍ", bentuk jamak dari lafaz *bariid*, ertinya sama dengan empat *farsakh*; satu farsakh sama dengan tiga mil. Ini bererti empat *barid* sama dengan 48 mil.

"عُسْفَانَ", nama sebuah kampung yang terletak antara Mekah dengan Madinah, tetapi lebih dekat ke Mekah. Diberi nama 'Usfan kerana banjir yang menggenangi tempat itu. Solat qasar yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) ketika itu pada bulan Jumadil Ula tahun 6 Hijriah.

"بِإِسْنَادٍ ضَعِيف", dengan sanad yang dha'if kerana berasal daripada riwayat Abdul Wahhab ibn al-Mujahid. Al-Tsauri menilainya sebagai pendusta dan al-Azdi berkata: "Riwayatnya tidak boleh diterima." Selain itu hadis ini *munqathi'*, sebab Abdul Wahhab tidak pernah mendengar daripada ayahnya.

"أَنَّهُ مَوْقُوفٌ", *mawquf*, yakni terhenti sampai kepada Ibn Abbas, tetapi sanadnya sahih.

Fiqh Hadis

Batasan minimum jarak perjalanan yang membolehkan seseorang melakukan solat qasar sejauh empat *burud* atau 48 mil.

١٠- عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "خَيْرُ أُمَّتِي الَّذِينَ إِذَا أَسَاءُوا اسْتَغْفَرُوا، وَإِذَا سَافَرُوا قَصَرُوا وَأَفْطَرُوا". أَخْرَجَهُ الطَّبَرَانِيُّ فِي "الْأَوْسَطِ" بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ. وَهُوَ فِي مُرْسَلِ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ عِنْدَ الْبَيْهَقِيِّ مُخْتَصَراً.

10. Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Sebaik-baik umatku ialah orang yang apabila berbuat kejahatan segera memohon ampunan (kepada Allah) dan apabila musafir mereka mengqasar solat dan berbuka (puasa).*" (Diriwayatkan oleh al-Tabarani dalam kitab *al-Awsath* dengan sanad yang dha'if). Hadis ini turut disebut oleh al-Baihaqi dalam bahagian hadis-hadis mursal Sa'id ibn al-Musayyab secara ringkas.

Analisis Lafaz

"خَيْرُ", sebaik-baik.

"أُمَّتِي", makna yang dimaksudkan di sini ialah umat Nabi Muhammad (s.a.w).

"أَسَاءُوا", melakukan perbuatan yang buruk, yakni dosa.

"اسْتَغْفَرُوا", memohon ampunan kepada Allah kerana tidak seorang pun yang dapat mengampuni dosa-dosa selain hanya Allah.

"قَصَرُوا" , mengqasar solat empat rakaat menjadi dua rakaat.

"أَفْطَرُوا", berbuka pada siang hari Ramadhan ketika sedang dalam perjalanan kerana mengamalkan *rukhsah*.

"بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ", dengan sanad yang dha'if. Hadis ini hanya diriwayatkan oleh Abdullah ibn Ma'bad al-Muradi daripada Abu al-Zubair yang dikenali mudallis, daripada Ibnu Luhai'ah yang dikenali periwayat dha'if lantaran perpustakaannya terbakar sehingga menyebabkan kesemua riwayatnya bercelaru.

Sa'id ibn al-Musayyab ibn Hazn ibn 'Umar al-Makhzumi, tokoh tabi'in yang disegani. Beliau meriwayatkan hadis daripada Umar, Utsman, Ali, Ibn Abbas, Abu Dzarr, Abu Hurairah, dan sahabat yang lain. Orang telah mengambil riwayat daripadanya antara lain adalah Qatadah, Amr ibn Dinar, Atha' ibn Rabah, Yahya ibn Sa'id al-Ansari dan lain-lain.

Qatadah berkata: "Aku belum pernah melihat seseorang yang lebih alim tentang masalah halal dan haram selain daripada Sa'id bin al-Musayyab." Beliau adalah ulama Hijaz yang paling alim dalam ilmu fiqh, dilahirkan setelah dua tahun masa pemerintahan Khalifah Umar ibn al-Khatthab, dan meninggal dunia pada tahun 94 Hijriah. Ramai ulama yang telah mengetengahkan hadis-hadisnya.

"مُخْتَصَراً", secara ringkas. Lafaz hadis al-Baihaqi melalui Sa'id ibn al-Musayyab adalah seperti berikut:

خِيَارُ أُمَّتِيْ مَنْ قَصَّرَ الصَّلاَةَ فِي السَّفَرِ وَأَفْطَرَ.

"*Orang yang paling baik di kalangan umatku ialah orang yang mengqasar solat dalam perjalanan dan berbuka puasa.*"

Fiqh Hadis

1. Mengqasar solat dan berbuka puasa ketika dalam perjalanan lebih baik bagi orang yang bermusafir daripada mengerjakan solat dengan sempurna

dan berpuasa.

2. Menghapus dosa dengan cara banyak membaca istighfar. Allah (s.w.t) berfirman:

وَٱلَّذِينَ إِذَا فَعَلُواْ فَٰحِشَةً أَوْ ظَلَمُوٓاْ أَنفُسَهُمْ ذَكَرُواْ ٱللَّهَ فَٱسْتَغْفَرُواْ لِذُنُوبِهِمْ

وَمَن يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا ٱللَّهُ ..... ﴿١٣٥﴾

"*Dan (juga) orang yang apabila mengerjakan perbuatan keji atau menganiaya diri sendiri, mereka mengingat Allah, lalu memohon ampun di atas dosa-dosa mereka, dan siapa yang dapat mengampuni dosa selain dari Allah*?..." (Surah Ali 'Imran: 135)

١١- عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَتْ بِي بَوَاسِيرُ، فَسَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ الصَّلاَةِ؟ فَقَالَ: "صَلِّ قَائِمًا، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَقَاعِدًا، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى جَنْبٍ". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

11. Daripada 'Imran ibn Hushain (r.a), beliau berkata: "Aku menderita sakit buasir, lalu aku bertanya kepada Nabi (s.a.w) mengenai cara mengerjakan solat. Baginda menjawab: "Solatlah dalam keadaan berdiri. Jika kamu tidak mampu berdiri, maka solatlah dalam keadaan duduk. Jika kamu masih tidak mampu duduk, maka solatlah dalam keadaan berbaring pada lambung." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Solat merupakan salah satu rukun Islam yang lima. Orang yang meninggalkannya berhak mendapat seksaan dari Allah dan orang yang mengingkari kewajipan solat hukumnya kafir. Jadi solat tidak dapat ditinggalkan dalam keadaan apa jua sekali pun. Solat mesti dikerjakan dalam keadaan berdiri bagi orang yang mampu berdiri, dan bagi yang tidak mampu berdiri kerana sakit, maka dia boleh mengerjakannya sambil duduk. Jika tidak mampu duduk, maka dia hendaklah mengerjakannya dalam keadaan berbaring pada lambungnya seraya menghadapkan dadanya ke arah kiblat. Jika tidak mampu berbaring, dia boleh melakukannya dengan isyarat kepalanya untuk mengerjakan rukun ucapan dan rukun perbuatan.

Hadis ini merupakan dorongan untuk sentiasa tetap mengerjakan solat dan memuatkan kemudahan hukum-hakam syariat apabila seseorang itu menderita sakit. Agama itu mudah dan tidak sekali-kali Allah menentukan sesuatu di dalam agama yang membawa kesusahan bagi kita.

Analisis Lafaz

"بَوَاسِيرُ", sakit buasir.

Fiqh Hadis

1. Solat lima waktu itu hukumnya wajib dan tidak boleh ditinggalkan walau dalam keadaan apa jua sekali pun.
2. Menjelaskan cara mengerjakan solat bagi orang sakit dan beruzur.
3. Berdiri ketika mengerjakan solat fardu tidak boleh ditinggalkan kecuali kerana uzur, misalnya sakit, pening kepala atau takut tenggelam di dalam lautan.

١٢- عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: عَادَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرِيضًا، فَرَآهُ يُصَلِّي عَلَى وِسَادَةٍ، فَرَمَى بِهَا، وَقَالَ: "صَلِّ عَلَى الْأَرْضِ إِنْ اسْتَطَعْتَ، وَإِلاَّ فَأَوْمِ إِيمَاءً، وَاجْعَلْ سُجُودَكَ أَخْفَضَ مِنْ رُكُوعِكَ". رَوَاهُ الْبَيْهَقِيُّ. وَصَحَّحَ أَبُو حَاتِمٍ وَقْفَهُ.

12. Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: "Nabi (s.a.w) melawat orang yang sedang sakit, lalu baginda melihatnya solat dengan memakai bantal, lalu baginda mencampakkan bantal itu dan bersabda: "Solatlah di atas tanah jika engkau mampu. Jika engkau tidak mampu, lakukanlah dengan isyarat, tetapi jadikanlah isyarat untuk sujudmu lebih rendah daripada isyarat untuk rukukmu!" (Diriwayatkan oleh al-Baihaqi dan Abu Hatim menilainya sebagai *mawquf*)

Makna Hadis

Syariat Islam memberikan keringanan dengan dibolehkan mengerjakan solat dengan isyarat apabila seseorang tidak mampu sujud di atas tanah. Rasulullah (s.a.w) memberikan petunjuk bahawa hendaklah seseorang membezakan antara isyarat untuk rukuk dan sujud dengan cara lebih merendahkan isyarat untuk sujud berbanding isyarat untuk rukuk. Apapun, dia tidak boleh mengangkat sesuatu daripada tanah untuk digunakan sebagai tempat sujud ketika menggunakan isyarat untuk sujud. Oleh itu, Nabi (s.a.w) mengingkari perbuatan seseorang yang meletakkan bantal sebagai tempat sujud, lalu baginda mencampakkan bantal itu.

Analisis Lafaz

"عَادَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرِيضًا", Nabi (s.a.w) melawat orang yang sedang sakit.

"وِسَادَةٍ", sebuah bantal.

"فَأَوْمِ إِيمَاءً", maka gunakanlah isyarat, lafaz "إيماء" dalam bentuk *mashdar* digunakan untuk memperkuatkan lagi maknanya.

"أَخْفَضَ", lebih rendah.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan melawat orang yang sedang sakit.
2. Orang yang sedang sakit ketika mengerjakan solat tidak boleh memakai apa-apa objek sebagai tempat bersujud.

١٣- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي مُتَرَبِّعًا. رَوَاهُ النَّسَائِيُّ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

13. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Saya pernah melihat Nabi (s.a.w) solat sambil duduk bersila." (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i, dan dinilai sahih oleh al-Hakim)

Makna Hadis

Berdiri ketika mengerjakan solat fardu merupakan salah satu rukun solat bagi orang yang mampu berdiri. Orang yang sedang sakit dan tidak mempunyai kemampuan untuk berdiri boleh mengerjakan solat dalam keadaan duduk mengikut kemampuannya.

Ini merupakan salah satu daripada kemudahan hukum Islam. Pahala orang yang solat sambil duduk kerana sakit sama dengan pahala orang yang solat sambil berdiri. Dalil yang mewajibkan berdiri dalam solat fardu ialah firman Allah (s.w.t):

..... وَقُومُواْ لِلَّهِ قَـٰنِتِينَ ﴿٢٣٨﴾

"*... Dan berdirilah untuk Allah (dalam solatmu) dengan khusyuk.*" (Surah al-Baqarah: 238)

Ketika mengerjakan solat sunat tidak diwajibkan berdiri, tetapi apabila dikerjakan dengan berdiri maka itu lebih diutamakan."

Analisis Lafaz

"يُصَلِّي مُتَرَبِّعًا", solat sambil duduk bersila. Ketika itu Nabi (s.a.w) baru jatuh dari atas kudanya hingga telapak kakinya terkilir. Istilah duduk *tarabbu'* ialah menjadikan bahagian dalaman telapak kaki kanan berada di bawah paha kiri, dan bahagian dalaman telapak kaki kiri berada di bawah paha kanan, sedangkan telapak tangan

baginda diletakkan pada kedua lututnya seraya membuka semua jarinya.

Nabi (s.a.w) mengerjakan solat sambil duduk bersila, bukan duduk *iftirasy*. Tujuannya ialah untuk membezakan antara cara duduk wajib yang dijadikan sebagai pengganti berdiri dengan cara duduk tasyahhud yang disunatkan. Lafaz "متربعا" berkedudukan sebagai kata keterangan keadaan dari *fa'il* lafaz "يصلي".

Fiqh Hadis

Menjelaskan gambaran duduk seseorang yang solat apabila dia mempunyai uzur kerana sakit hingga tidak mampu berdiri.

Catatan

Ketiga-tiga hadis iaitu hadis no. 11, no. 12 dan no. 13 adalah berkaitan bab: "solat orang yang sakit."

Kesimpulan

Berdasarkan hadis-hadis yang telah disebutkan dalam bab ini, dapat ditarik beberapa kesimpulan sebagai berikut:

1. Dibolehkan mengqasar solat ketika dalam perjalanan; berbuka puasa semasa dalam perjalanan, mengerjakan solat dengan sempurna semasa dalam perjalanan, berpuasa dalam perjalanan, dan melakukan jamak taqdim serta jamak ta'khir di antara dua solat bagi orang yang sedang dalam perjalanan.
2. Disyariatkan memperpanjang bacaan al-Qur'an ketika mengerjakan solat Subuh, menjamak di antara dua solat bagi orang musafir, dan melawat orang sakit.
3. Tidak boleh merubah jumlah rakaat solat Magrib dan solat Subuh, sama ada ketika bermukim ataupun ketika bermusafir; serta tidak boleh memakai apa-apa objek sebagai tempat bersujud.
4. Menjelaskan jarak perjalanan yang membolehkan seseorang mengerjakan solat qasar, masa bertempat tinggal yang membolehkan solat qasar, cara mengerjakan solat bagi orang uzur kerana sakit, dan gambaran tentang cara duduk seseorang yang solat apabila dia tidak mampu berdiri kerana sakit.
5. Menghapuskan keburukan (dosa) dengan cara beristighfar.

Soalan

1. Mengapa solat qasar disyariatkan semasa dalam perjalanan?
2. Mengapa solat Maghrib dan solat Subuh tidak boleh diqasar?

3. Bagaimanakah hukum solat qasar menurut pendapat ulama?
4. Jelaskan apa-apa yang boleh dilakukan semasa dalam perjalanan sama ada mengerjakan solat dengan sempurna atau mengqasarkannya! Sebutkan mana yang lebih utama di antara kedua-duanya itu!
5. Apakah definisi *rukhsah* dan *'azimah*? Manakah yang lebih utama untuk dikerjakan di antara kedua-duanya itu?
6. Jelaskan jarak perjalanan yang membolehkan seseorang mengqasar solat menurut pendapat mazhab Hanafi dan jumhur ulama!
7. Terangkan jarak perjalanan qasar menurut mazhab Zahiri! Apakah yang menjadi landasan bagi hujah mereka?
8. Jelaskan sanggahan jumhur ulama terhadap hadis dalam masalah ini!
9. Jelaskan masa bertempat tinggal yang boleh memutuskan hukum musafir! Sebutkan perbezaan pendapat ulama mengenainya!
10. Bagaimana hukum seseorang yang mencari hambanya yang melarikan diri atau sedang mempunyai urusan penting? Bilakah dia boleh mengqasar dan mengerjakan solatnya dengan sempurna?
11. Berapa lamakah Nabi (s.a.w) di Mekah pada tahun pembebasan kota itu? Jelaskan pendapat yang paling kuat mengenai batasan masa tinggalnya itu!
12. Mengapa Nabi (s.a.w) mengqasar solat secara berterusan selama tinggal di Mekah dan tidak mengerjakannya dengan sempurna?
13. Bolehkah orang yang bermukim bermakmum kepada orang yang bermusafir?
14. Bagaimana hukum menjamak di antara dua solat semasa dalam perjalanan dan ketika bermukim? Sebutkan pendapat-pendapat ulama mengenainya!
15. Apakah yang dianjurkan bagi imam yang bermusafir apabila dia mengerjakan solat dengan orang yang bermukim?
16. Apakah yang dimaksudkan dengan jamak *shuri* atau jamak dalam bentuk formaliti sahaja?
17. Sebutkan hikmah yang terkandung di dalam masalah boleh menjamak solat semasa dalam musafir!
18. Bolehkah melakukan solat jamak semasa dalam perjalanan? Sebutkan perbezaan pendapat para ulama mengenainya!
19. Apakah hujah ulama yang melarang jamak dan ulama yang membolehkannya?
20. Jelaskan jarak perjalanan yang membolehkan seseorang mengqasar solat! Jelaskan alasan perbezaan pendapat ulama mengenai hal ini!
21. Jelaskan makna "فرسخ", "بريد", dan "ميل"!
22. Jelaskan mana yang lebih utama antara mengqasar atau mengerjakan solat dengan sempurna, berbuka atau berpuasa, menjamak solat atau mengerjakannya pada waktunya yang telah ditentukan (*tawqit*)! Sebutkan pendapat ulama mengenainya!

23. Apakah yang dimaksudkan dengan lafaz *al-Ummah* dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "خير أمتي"!
24. Sebutkan autobiografi Sa'id ibn al-Musayyab!
25. Terangkan keadaan-keadaan solat bagi orang sakit!
26. Sebutkan perbezaan antara sujud dan rukuk bagi orang yang solat menggunakan isyarat!
27. Bagaimana hukum orang yang sujud dengan menggunakan bantal atau peralatan yang lain apabila dia terpaksa mengerjakan solat dengan cara isyarat?
28. Bagaimana cara solat bagi orang yang tidak mampu berdiri dan orang yang mampu berdiri?
29. Mengapa Nabi (s.a.w) mengerjakan solat dalam keadaan duduk dan baginda duduk dengan cara bersila?
30. I'rabkan sabda Nabi (s.a.w): "متربعا"!

BAB SOLAT JUMAAT

١٤- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عُمَرَ وَأَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّهُمَا سَمِعَا رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ -عَلَى أَعْوَادِ مِنْبَرِهِ-: "لَيَنْتَهِيَنَّ أَقْوَامٌ عَنْ وَدْعِهِمُ الْجُمُعَاتِ أَوْ لَيَخْتِمَنَّ اللهُ عَلَى قُلُوبِهِمْ، ثُمَّ لَيَكُونُنَّ مِنَ الْغَافِلِينَ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

14. Daripada Abdullah ibn Umar (r.a) dan Abu Hurairah (r.a) bahawa mereka berkedua pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) berkhutbah di atas mimbar: "*Hendaklah setiap kaum benar-benar menghentikan kebiasaan mereka meninggalkan solat Jumaat atau Allah benar-benar akan mengunci mati hati mereka, kemudian mereka benar-benar termasuk orang yang lalai.*" (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Hari Jumaat merupakan hari mulia. Sejak dahulu hari Jumaat selalu diagungkan, hingga ketika di zaman Jahiliah pun diagungkan. Nama lain hari Jumaat ialah hari 'Urubah. Nabi (s.a.w) mengenai hari Jumaat ini pernah bersabda:

خَيْرُ يَوْمٍ طَلَعَتْ فِيهِ الشَّمْسُ يَوْمُ الْجُمُعَةِ، فِيهِ خُلِقَ آدَمُ، وِفِيهِ دَخَلَ الْجَنَّةَ، وَفِيهِ أُخْرِجَ مِنْهَا، وَلاَ تَقُومُ السَّاعَةُ إِلاَّ فِي يَوْمِ جُمُعَةٍ.

"*Sebaik-baik hari yang matahari terbit padanya ialah hari Jumaat. Pada hari Jumaat Adam diciptakan, pada hari Jumaat pula dia masuk ke dalam syurga, dan pada hari Jumaat pula dia dikeluarkan daripadanya. Dan tidak sekali-kali hari kiamat terjadi kecuali pada hari Jumaat.*"

Diberi nama hari Jumaat kerana orang ramai berhimpun pada hari itu untuk mengerjakan ibadah solat Jumaat. Hari Jumaat merupakan hari raya mingguan bagi umat Islam yang datang secara berulang dalam setiap minggu. Pada hari Jumaat terdapat suatu saat di mana pada saat itu doa dimakbulkan oleh Allah (s.w.t). Rasulullah (s.a.w) memerintahkan supaya menghadiri dua khutbah dan mengikuti

solat Jumaat, serta mengingatkan umatnya daripada memandang rendah masalah ini. Untuk itu, baginda menjelaskan bahawa meninggalkan solat Jumaat akan mengakibatkan seseorang terhina dan hatinya dikunci mati oleh Allah.

Solat Jumaat adalah fardu 'ain bagi kaum lelaki dan tidak wajib bagi kaum wanita, hamba sahaya dan orang yang bermusafir. Waktu solat Jumaat merupakan waktu solat Zohor. Orang yang mengingkari kewajipan solat Jumaat hukumnya kafir dan dalil kewajipan mengerjakan solat Jumaat adalah firman Allah (s.w.t):

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَوٰةِ مِن يَوۡمِ ٱلۡجُمُعَةِ فَٱسۡعَوۡاْ إِلَىٰ ذِكۡرِ ٱللَّهِ وَذَرُواْ ٱلۡبَيۡعَۚ ..... ﴿٩﴾

"*Hai orang yang beriman, apabila diseru untuk menunaikan solat pada hari Jumaat, maka bersegeralah kamu mengingat Allah dan tinggalkanlah jual beli.*" (Surah al-Jumu'ah: 9)

Solat Jumaat difardukan di Mekah, tetapi masih belum dilaksanakan kecuali setelah Nabi (s.a.w) berada di Madinah memandangkan saat itu kaum muslimin masih belum memiliki kekuatan. Solat Jumaat pertama yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) ialah di kalangan Bani Amr ibn Mu'adz yang terletak di antara Quba dan Madinah, tepatnya di lembah Ranunah.

Analisis Lafaz

"الجمعة", nama hari yang paling mulia di antara hari-hari yang lain dalam satu minggu. Diberi nama demikian kerana kaum muslimin berhimpun pada hari itu. Pada zaman Jahiliah hari ini dinamakan hari 'Urubah (hari raya mingguan bagi orang Arab).

"عَلَى أَعْوَادِ مِنْبَرِهِ", di atas tangga mimbarnya. Mimbar Nabi (s.a.w) ketika itu terdiri daripada tiga tingkatan, dibuat oleh Maimun —salah seorang hamba milik wanita Ansar— pada tahun 7 Hijriah, namun menurut pendapat yang lain pada tahun 8 Hijriah.

"وَدْعِهِمُ", kebiasaan mereka meninggalkan solat Jumaat.

"الْجُمُعَاتِ", bentuk jamak dari lafaz *Jumuah*.

"لَيَخْتِمَنَّ اللهُ عَلَى قُلُوبِهِمْ", *al-khatm* bermaksud "mengunci", tetapi apa yang dimaksudkan di sini ialah perkara-perkara yang diciptakan oleh Allah di dalam kalbu mereka berupa kebodohan, kekerasan dan kekasaran hingga membuat hati mereka tertutup.

"لَيَكُونُنَّ مِنَ الْغَافِلِينَ", setelah Allah mengunci mati hati mereka, mereka menjadi orang yang lalai untuk melakukan perkara-perkara yang bermanfaat bagi diri mereka dan lalai pula untuk menghindari apa-apa yang membahayakan diri mereka.

Fiqh Hadis

1. Disunatkan membuat mimbar. Ini merupakan Sunnah Rasulullah (s.a.w).
2. Hukum solat Jumaat adalah fardu 'ain.

١٥- عَنْ سَلَمَةَ بْنِ الْأَكْوَعِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كُنَّا نُصَلِّي مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْجُمُعَةَ، ثُمَّ نَنْصَرِفُ وَلَيْسَ لِلْحِيطَانِ ظِلٌّ نَسْتَظِلُّ بِهِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

وَفِي لَفْظٍ لِمُسْلِمٍ: كُنَّا نُجَمِّعُ مَعَهُ إِذَا زَالَتِ الشَّمْسُ، ثُمَّ نَرْجِعُ، نَتَتَبَّعُ الْفَيْءَ.

15. Daripada Salamah ibn al-Akwa' (r.a), beliau berkata: "Kami melakukan solat Jumaat bersama Rasulullah (s.a.w), kemudian kami pulang, sedangkan di kawasan perkebunan itu tidak lagi baying-bayang yang mamadai bagi untuk (kami) bernaung (dalam perjalanan pulang kami)." (Muttafaq 'alaih. Lafaz hadis menurut al-Bukhari)

Menurut lafaz Muslim disebutkan seperti berikut: "Kami mengerjakan solat Jumaat bersama baginda ketika matahari telah tergelincir, kemudian kami pulang seraya menelusuri naungan (yang ada)."

Makna Hadis

Menurut pendapat kebanyakan ulama, waktu solat Jumaat sama dengan waktu solat Zohor. Rasulullah (s.a.w) selalunya mengerjakan solat Jumaat ketika matahari telah tergelincir (dari tengah langit) agar orang ramai kembali pulang ke tempat tinggalnya masing-masing untuk beristirehat dari sengatan panasnya terik matahari.

Menurut pendapat Imam Ahmad, waktu solat Jumaat sama dengan waktu solat hari raya. Beliau melandaskan pendapatnya dengan makna zahir hadis ini: "Sedangkan di kawasan perkebunan tidak ada lagi nampak bayangannya."

Jumhur ulama mengatakan bahawa kalimat *nafi* mestilah ditujukan konteksnya di mana pemahamannya adalah: "Sedangkan di kawasan perkebunan tidak lagi terdapat bayangan yang memadai sebagai naungan."

Analisis Lafaz

"لَيْسَ لِلْحِيطَانِ ظِلٌّ نَسْتَظِلُّ بِهِ", tiada bayangan yang mamadai untuk dijadikan sebagai naungan.

"نُجَمِّعُ مَعَهُ", kami melakukan solat Jumaat bersama Rasulullah (s.a.w).

"زَالَتِ الشَّمْسُ", telah condong dari tengah langit ke arah barat.

"نَتَتَبَّعُ الْفَيْءَ", menelusuri naungan.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan bersegera melaksanakan solat Jumaat sebaik matahari tergelincir kerana waktu itu merupakan waktu di mana Rasulullah (s.a.w) biasa mengerjakannya. Inilah pendapat jumhur ulama. Sedangkan menurut mazhab Hanbali, dibolehkan mengerjakan solat Jumaat sebelum matahari tergelincir, kerana berlandaskan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, al-Nasa'i dan Muslim daripada Jabir (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) mengerjakan solat Jumaat, kemudian kami pergi menuju ke tempat ternak unta kami, lalu mengistirehatkannya ketika matahari sedang tergelincir.
2. Sahabat memiliki perhatian yang sangat tinggi terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan ibadah dan pelaksanaan syiar-syiar agama.

Periwayat Hadis

Salamah ibn al-Akwa' ibn 'Amr ibn al-Akwa' al-Sulami, nama panggilannya ialah Abu Muslim al-Madani. Beliau turut serta dalam Bai'at al-Ridhwan. Beliau seorang pemberani, ahli memanah, dan memiliki kecepatan dalam berlari hingga mampu menyaingi kecepatan pasukan berkuda. Hadis yang telah diriwayatkannya berjumlah 77. Beliau meninggal dunia pada tahun 74 Hijriah dalam usia 80 tahun.

١٦- عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: مَا كُنَّا نَقِيلُ وَلاَ نَتَغَدَّى إِلاَّ بَعْدَ الْجُمُعَةِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ. وَفِي رِوَايَةٍ: فِي عَهْدِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

16. Daripada Sahl ibn Sa'd (r.a), beliau berkata: "Kami tidak pernah istirehat pada waktu tengah hari dan tidak pula makan siang melainkan sesudah solat Jumaat." (Muttafaq 'alaihi. Lafaz hadis menuru Muslim). Di dalam riwayat lain disebutkan: "Pada zaman Rasulullah (s.a.w)."

Makna Hadis

Makna zahir hadis ini menjadi hujah bagi ulama yang mengatakan boleh mengerjakan solat Jumaat sebelum matahari tergelincir ke arah barat. Jumhur ulama menyanggahnya dengan mengatakan bahawa ini hanyalah tradisi di mana makan siang dan istirehat dilakukan sesudah matahari tergelincir. Allah (s.w.t) telah berfirman:

..... وَحِينَ تَضَعُونَ ثِيَابَكُم مِّنَ ٱلظَّهِيرَةِ ..... ﴿٥٨﴾

"… *Ketika kamu menanggalkan pakaian (luar)mu di tengah hari...*" (Surah al-Nur: 58)

Analisis Lafaz

"نَقِيلُ", *al-maqil dan al-qailulah* adalah istirehat pada waktu tengah hari sekalipun tidak tidur.

"نَتَغَدَّى", *al-ghidza'* adalah makan siang.

"فِي عَهْدِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", di zaman Rasulullah (s.a.w). Hadis ini berkedudukan sebagai *marfu'*.

Fiqh Hadis

Bersegera mengerjakan solat Jumaat pada permulaan waktu *zawal* yakni sebaik matahari tergelincir hendaklah bersegera mengerjakan solat Jumaat.

Periwayat Hadis

Sahl ibn Sa'ad ibn Malik ibn Khalid ibn Haritsah ibn 'Amr ibn al-Khazraj ibn Sa'idah al-Ansari, nama panggilannya adalah Abu al-Abbas al-Madani. Beliau meriwayatkan 188 hadis dan telah diambil riwayat hadis daripadanya oleh al-Zuhri dan Abu Hazim. Beliau meninggal dunia pada tahun 91 Hijriah dalam usia 100 tahun. Dia termasuk sahabat di Madinah yang paling akhir meninggal dunia.

١٧- عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَخْطُبُ قَائِمًا، فَجَاءَتْ عِيرٌ مِنَ الشَّامِ، فَانْفَتَلَ النَّاسُ إِلَيْهَا، حَتَّى لَمْ يَبْقَ إِلاَّ اثْنَا عَشَرَ رَجُلاً. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

17. Daripada Jabir (r.a) bahawa ketika Nabi (s.a.w) sedang berkhutbah seraya berdiri, maka datanglah kafilah niaga dari negeri Syam, lalu para sahabat segera berlari menemuinya hingga tidak seorang pun yang tersisa (di dalam masjid) selain dua belas orang lelaki." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Tidak ada batasan yang jelas secara syarak berapa jumlah jemaah solat Jumaat yang dengan demikian solat Jumaat kemudian dinyatakan sah. Oleh itu, masalah ini merupakan ruang bagi ijtihad. Menurut Abu Hanifah, solat Jumaat dapat didirikan hanya dengan tiga orang termasuk imam di dalamnya. Menurut Imam Malik dan qaul qadim Imam al-Syafi'i, solat Jumaat boleh didirikan apabila ada

dua belas orang lelaki. Menurut Imam al-Syafi'i dalam qaul jadid, solat Jumaat hanya dapat didirikan apabila ada empat puluh orang lelaki; pendapat yang sama turut dikatakan pula oleh Imam Ahmad.

Analisis Lafaz

"عِيرٌ", kafilah yang membawa bahan makanan atau barang perniagaan.

"فَانْفَتَلَ النَّاسُ", lalu para sahabat meninggalkan masjid dan solat Jumaat.

"حَتَّى لَمْ يَبْقَ", hingga tidak ada lagi yang tertinggal di dalam masjid.

"إِلاَّ اثْنَا عَشَرَ", kecuali dua belas orang lelaki antara lain ialah Abu Bakar, Umar dan Jabir.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan berdiri ketika menyampaikan khutbah.
2. Tidak disyaratkan jumlah tertentu bagi sahnya solat Jumaat. Inilah yang menjadi pegangan Imam Malik. Beliau berkata: "Hendaklah jumlah orang yang mengikuti pelaksanaan solat Jumaat terdiri daripada dua belas orang lelaki selain imam." Murid-murid Imam al-Syafi'i dan ulama yang lain yang mensyaratkan empat puluh orang lelaki mengatakan bahawa hadis ini dapat ditafsirkan atas dasar mereka melaksanakan solat Jumaat atau sebahagian mereka kembali hingga jumlah mereka kemudian menjadi empat puluh orang lelaki dan Rasulullah (s.a.w) setelah itu melaksanakan solat Jumaat bersama mereka. Imam Abu Hanifah berkata: "Solat Jumaat dapat didirikan dengan tiga orang termasuk imam di dalamnya. Bilangan tersebut merupakan jumlah minimum bagi sahnya solat Jumaat." Imam Abu Hanifah melandaskan pendapatnya kepada firman Allah (s.w.t):

   ..... فَٱسْعَوْاْ إِلَىٰ ذِكْرِ ٱللَّهِ ..... ﴿٩﴾

   "*... Maka bersegeralah kamu mengingat Allah...*" (Surah al-Jumu'ah: 9) Perintah dalam ayat ini ditujukan kepada jemaah sesudah adanya seruan supaya mereka mengerjakan solat Jumaat, sedangkan bilangan minimum bagi suatu jemaah itu adalah tiga orang.
3. Menjelaskan perjalanan hidup yang terpuji bagi Abu Bakar, Umar, dan Jabir serta mereka yang tidak tergoda oleh harta benda dan tidak meninggalkan solat Jumaat kerana disibukkan oleh harta benda tersebut.

١٨- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ أَدْرَكَ رَكْعَةً مِنْ صَلاَةِ الْجُمُعَةِ وَغَيْرِهَا فَلْيُضِفْ إِلَيْهَا أُخْرَى، وَقَدْ تَمَّتْ صَلاَتُهُ". رَوَاهُ النَّسَائِيُّ وَابْنُ مَاجَه وَالدَّارَقُطْنِيُّ وَاللَّفْظُ لَهُ وَإِسْنَادُهُ صَحِيحٌ، لَكِنْ قَوَّى أَبُو حَاتِمٍ

إِرْسَالَهُ.

18. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Barang siapa yang sempat menjumpai satu rakaat daripada solat Jumaat dan solat-solat yang selainnya, maka hendaklah dia menambahkan rakaat lain yang kurang itu. Dengan demikian, maknanya dia telah menyempurnakan sempurna solatnya.*" (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i, Ibn Majah dan al-Daraquthni. Lafaz hadis ini menurut al-Daraquthni, dan sanadnya sahih, tetapi Abu Hatim memastikannya sebagai *mursal*)

Makna Hadis

Menghadiri dua khutbah bukanlah syarat bagi sahnya solat Jumaat. Seorang makmum masbuq yang tidak sempat mendengarkan sedikit pun khutbah tetap dianggap sah solat Jumaatnya, berbeza dengan orang yang menduga bahawa solatnya itu batal. Hadis ini merupakan hujah bagi mereka yang beranggapan sedemikian.

Barang siapa yang sempat menjumpai satu rakaat daripada solat Jumaat maka dia tinggal menyempurnakan atau menambahkan satu rakaat yang kurang itu hingga dengan sempurnalah solatnya. Jika sempat menjumpai imam kurang daripada satu rakaat misalnya menjumpai imam solat Jumaat dalam keadaan sedang duduk kedua, maka hendaklah dia mengerjakan solat Zohor, yakni empat rakaat. Lain halnya dengan mazhab Hanafi di mana mereka mengatakan bahawa seseorang itu tetap meneruskan solat Jumaatnya, yakni tetap dua rakaat.

Analisis Lafaz

"وَغَيْرِهَا", dan solat-solat yang selainnya bersama imam.

"فَلْيُضِفْ إِلَيْهَا أُخْرَى", dalam solat Jumaat hanya perlu menambahkan satu rakaat lagi, sedangkan dalam solat yang selainnya mesti menambahkan sisa rakaat yang dia tertinggal itu.

Fiqh Hadis

1. Barang siapa yang sempat menjumpai satu rakaat solat Jumaat bersama imam, maka bererti dia telah menjumpai solat Jumaat.
2. Solat Jumaat sah bagi orang yang datang terlambat, sekalipun dia tidak sempat mendengarkan khutbah.

١٩- عَنْ جَابِرِ بْنِ سَمُرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَخْطُبُ قَائِمًا، ثُمَّ يَجْلِسُ، ثُمَّ يَقُومُ فَيَخْطُبُ قَائِمًا، فَمَنْ أَنْبَأَكَ أَنَّهُ كَانَ يَخْطُبُ جَالِسًا، فَقَدْ

كَذَبَ. أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

19. Daripada Jabir ibn Samurah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) berkhutbah dalam keadaan berdiri, kemudian duduk, lalu berdiri semula untuk meneruskan khutbahnya sambil berdiri. Jadi barang siapa menceritakan kepadamu bahawa baginda berkhutbah dalam keadaan duduk, maka yakinlah sungguhnya orang itu telah berdusta." (Disebut oleh Muslim)

Makna Hadis

Khatib menyampaikan dua khutbah dalam keadaan berdiri dan duduk di antaranya merupakan perbuatan yang disyariatkan. Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa berdiri ketika menyampaikan dua khutbah hukumnya sunat. Sedangkan jumhur ulama mengatakan, wajib berdiri semasa menyampaikan kedua-dua khutbah itu. Mereka mengatakan demikian kerana berdalilkan dengan kebiasaan yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w). Setiap perkara yang telah dijadikan sebagai kebiasaan oleh Nabi (s.a.w) pada umumnya bermaksud hukum wajib. Sebaliknya setiap perkara yang tidak dibiasakan oleh baginda atau baginda malah meninggalkannya dalam keadaan atau waktu-waktu tertentu maka itu menunjukkan hukum tidak wajib. Rasulullah (s.a.w) bersabda:

صَلُّوْا كَمَا رَأَيْتُمُوْنِي أُصَلِّي.

"*Solatlah kamu sebagaimana kamu melihat aku mengerjakan solat.*"

Manakala hadis yang menyebutkan bahawa Nabi (s.a.w) pernah melakukannya dalam keadaan duduk, maka itu bukan ketika menyampaikan khutbah Jumaat. Sedangkan hadis yang dinukil daripada Mu'awiyah (r.a) yang menyatakan bahawa beliau pernah berkhutbah dalam keadaan duduk, maka itu kerana beliau ketika itu mengalami uzur di mana tubuhnya sudah gemuk.

Analisis Lafaz

"ثُمَّ يَجْلِسُ", kemudian baginda duduk, yakni di antara dua khutbah.

"فَمَنْ أَنْبَأَك أَنَّهُ كَانَ يَخْطُبُ جَالِسًا، فَقَدْ كَذَبَ", barang siapa yang memberitakan kepadamu. Makna yang dimaksudkan di sini ialah untuk mengukuhkan bahawa Nabi (s.a.w) melakukan khutbah dalam keadaan berdiri."

Fiqh Hadis

1. Menjelaskan bahawa solat Jumaat terdiri daripada dua khutbah, meskipun ulama pendapat mengenai hukumnya. Jumhur ulama mengatakan bahawa dua khutbah merupakan syarat sah bagi solat Jumaat. Mereka mengatakan demikian kerana berdalilkan dengan keterangan yang datang daripada

Nabi (s.a.w) dalam hadis sahih bahawa baginda sentiasa menyampaikan khutbah setiap kali hendak mengerjakan solat Jumaat. Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa khutbah sudah memadai hanya sekali, sedangkan khutbah yang kedua hukumnya sunat.

Ulama fiqh menyebutkan syarat dan rukun kedua-dua khutbah meskipun sebahagian daripadanya masih dipertikaikan. Mazhab Hanafi mengatakan bahawa rukun khutbah adalah kadar yang memadai untuk dikatakan sebagai khutbah; batasan minimumnya ialah tasbih, tahlil, atau tahmid, dan niat berkhutbah. Sedangkan syaratnya pula adalah hendaklah khutbah dilakukan pada waktunya iaitu sebelum mengerjakan solat Jumaat dan dihadiri oleh sejumlah lelaki yang dibolehkan mendirikan solat Jumaat (iaitu tiga orang selain imam), antara khutbah dengan solat Jumaat tidak dipisahkan oleh apa jua sekali pun.

Mazhab Maliki mengatakan bahawa rukun khutbah itu ada lapan sebagai berikut: memuatkan peringatan dan berita gembira; dilakukan dengan menggunakan bahasa Arab; diucapkan dengan suara kuat; dilakukan sebelum mengerjakan solat Jumaat; dilakukan setelah tergelincir matahari; isi dan tajuk khutbah mestilah saling berkaitan antara satu sama lain; tidak ada pemisah antara khutbah dengan solat Jumaat; dilakukan dengan dihadiri oleh jemaah yang dapat dijadikan syarat sahnya solat Jumaat, iaitu dua belas orang lelaki selain imam; dilakukan di dalam masjid. Tetapi sebahagian mazhab Maliki menyebut kesemua itu sebagai syarat.

Mazhab al-Syafi'i mengatakan bahawa rukun khutbah itu ada lima, iaitu: dimulakan dengan pujian kepada Allah (s.w.t); membaca selawat dan salam ke atas Rasulullah (s.a.w) dan kerabatnya dengan lafaz yang telah ditentukan bukan sekadar makna; berwasiat supaya bertakwa kepada Allah (s.w.t) di mana ketiga-tiga rukun ini mesti ada pada kedua khutbah; membaca ayat pada salah satu daripada kedua-dua khutbah itu; berdoa untuk kaum mukminin. Sedangkan syarat khutbah pula menurut mazhab al-Syafi'i adalah sebagai berikut: khutbah dilakukan dengan menggunakan bahasa Arab; dilakukan pada waktunya; kesemua rukun khutbah mestilah dikerjakan beriringan tanpa ada pemisah dan begitu pula di antara kedua-dua khutbah dengan solat Jumaat; khatib hendaklah suci daripada hadas dan najis; khatib mestilah menutup aurat; khatib mestilah berdiri apabila mampu berbuat demikian; duduk di antara dua khutbah dengan thuma'ninah; khutbah diperdengarkan kepada empat puluh orang lelaki yang menjadi syarat sahnya solat Jumaat.

Mazhab Hanbali mengemukakan seperti apa yang dikatakan oleh mazhab al-Syafi'i, namun mereka menyebutnya sebagai syarat. Mereka menambahkan bahawa waktu khutbah boleh dimulai sejak waktu mengerjakan solat hari raya dan khatib mestilah layak menjadi imam solat Jumaat.

2. Disyariatkan berdiri ketika menyampaikan khutbah, meskipun ulama masih mempertikai hukumnya. Menurut jumhur ulama, hukum berdiri

ketika menyampaikan khutbah adalah wajib kerana mereka melandasi pendapatnya dengan berdalilkan kepada hadis ini.

Imam Abu Hanifah dan murid-muridnya serta satu riwayat daripada Imam Ahmad mengatakan bahawa hukum berdiri ketika menyampaikan khutbah adalah sunat, kerana berdalilkan dengan perbuatan Rasulullah (s.a.w) dan para khalifah sesudahnya, di samping semata perbuatan belum memadai untuk menunjukkan bahawa berdiri ketika menyampaikan khutbah adalah diwajibkan.

3. Disyariatkan duduk di antara dua khutbah. Menurut jumhur ulama, itu sunat, sedangkan menurut Imam al-Syafi'i, itu wajib. Imam al-Syafi'i menganggap sunat bahawa kadar duduk itu lebih kurang sama dengan membaca Surah al-Ikhlas, kerana mengikut amalan dan tradisi ulama salaf dan ulama khalaf. Imam al-Syaf'ii berkata: "Hendaklah ketika khatib sedang duduk di antara dua khutbah membaca ayat-ayat al-Qur'an kerana mengikuti amalan yang pernah diamalkan oleh Nabi (s.a.w) sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh Ibn Hibban."

٢٠- عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا خَطَبَ، احْمَرَّتْ عَيْنَاهُ، وَعَلاَ صَوْتُهُ، وَاشْتَدَّ غَضَبُهُ، حَتَّى كَأَنَّهُ مُنْذِرُ جَيْشٍ يَقُولُ: صَبَّحَكُمْ وَمَسَّاكُمْ، وَيَقُولُ: "أَمَّا بَعْدُ، فَإِنَّ خَيْرَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللهِ، وَخَيْرَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ، وَشَرَّ الْأُمُورِ مُحْدَثَاتُهَا، وَكُلَّ بِدْعَةٍ ضَلاَلَةٌ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

وَفِي رِوَايَةٍ لَهُ كَانَتْ خُطْبَةُ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ: "يَحْمَدُ اللهَ وَيُثْنِي عَلَيْهِ، ثُمَّ يَقُولُ عَلَى إِثْرِ ذَلِكَ، وَقَدْ عَلاَ صَوْتُهُ".

وَفِي رِوَايَةٍ لَهُ: "مَنْ يَهْدِهِ اللهُ فَلاَ مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يُضْلِلْ فَلاَ هَادِيَ لَهُ".

وَلِلنَّسَائِيِّ: "وَكُلَّ ضَلاَلَةٍ فِي النَّارِ".

20. Daripada Jabir bin Abdullah (r.a), beliau berkata: "Jika Rasulullah (s.a.w) sedang berkhutbah, kedua-dua matanya nampak kemerahan, suaranya lantang dan kelihatan seolah-olah sedang marah sehingga baginda bagaikan seorang panglima perang yang mengingatkan kedatangan pasukan musuh, lalu berkata: "Musuh datang secara tiba-tiba pada waktu pagi hari, musuh datang secara tiba-tiba pada waktu petang menyerang kamu." Baginda bersabda: "Amma ba'du. Sesungguhnya sebaik-baik perkataan adalah Kitab Allah, dan sebaik-baik petunjuk adalah petunjuk Muhammad. Seburuk-buruk perkara adalah perkara bid'ah, dan setiap perkara yang bid'ah itu sesat." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Menurut riwayat lain yang juga dikemukakan oleh Muslim disebutkan sebagai berikut: "Khutbah yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) pada hari Jumaat dimulakan

dengan pujian dan sanjungan kepada Allah (s.w.t). Setelah itu, barulah baginda berkhutbah dengan suara yang keras.

Di dalam riwayat lain yang diketengahkan oleh Muslim disebutkan sebagai berikut: "Barang siapa yang diberi petunjuk oleh Allah, maka tidak seorang pun yang mampu menyesatkannya dan barang siapa yang disesatkan oleh Allah, maka tidak seorang pun yang dapat memberinya petunjuk."

Menurut riwayat al-Nasa'i disebutkan sebagai berikut: "Dan setiap kesesatan itu berada di dalam neraka."

Makna Hadis

Disyariatkan menyampaikan dua khutbah untuk tujuan memberi nasihat, peringatan dan ancaman. Allah (s.w.t) berfirman:

..... فَٱسْعَوْاْ إِلَىٰ ذِكْرِ ٱللَّهِ وَذَرُواْ ٱلْبَيْعَ ..... ﴿٩﴾

"*… Maka bersegeralah kamu mengingat Allah dan tinggalkanlah jual beli…*" (Surah al-Jumu'ah: 9)

Kebiasaan yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) ketika berkhutbah ialah memulakannya dengan membaca *hamdalah*, dua kalimat syahadat, dan selawat serta salam ke atas Nabi (s.a.w) beserta keluarganya. Kemudian disusuli dengan membaca *Amma Ba'du*, anjuran untuk bertakwa dan membaca suatu ayat daripada al-Qur'an pada salah satu daripada khutbah itu. Semua itu merupakan penjelasan terhadap apa-apa yang terdapat Surah al-Jumu'ah.

Antara petunjuk Nabi (s.a.w) ialah baginda menyampaikan khutbah dalam keadaan berdiri, dibaca dengan suara yang keras serta menggunakan bahasa singkat dan padat yang memuatkan *targhib* dan *tarhib*. Semua disampaikan dalam gaya bahasa yang fasih lagi sempurna dan sarat dengan isi serta bimbingan. Dalam pada itu, Imam Malik berkata: "Khutbah masih belum memadai kecuali apabila telah memenuhi syarat-syarat khutbah."

Analisis Lafaz

"عَلاَ صَوْتُهُ", ketika membaca khutbah, Rasulullah (s.a.w) menguatkan suaranya sebagai bukti yang baginda sangat mengharapkan seluruh kaum yang hadir mendengarkannya.

"وَاشْتَدَّ غَضَبُهُ", dan nampak sangat seperti sedang marah supaya nasihatnya didengar hingga dapat meresap ke dalam lubuk hati.

"يَقُولُ", seakan-akan baginda sedang mengingatkan kaumnya bahawa musuh akan tiba.

"صَبَّحَكُمْ وَمَسَّاكُمْ", musuh akan mendatangi kamu secara mengejut pada waktu pagi atau waktu petang.

"خَيْرَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ", sebaik-baik tuntunan adalah tuntunan Nabi (s.a.w).

"مُحْدَثَاتُهَا", maksud lafaz ini ialah perkara-perkara yang tidak ditetapkan oleh syariat, sama ada di dalam kitab Allah mahupun Sunnah Rasul-Nya. Ia ada dua jenis. Pertama, sesuatu yang baru dan bercanggah dengan kitab Allah, Sunnah, atsar sahabat mahupun ijma' ulama. Inilah yang dikenali dengan bid'ah yang sesat. Kedua, sesuatu yang baru, tetapi mengandung kebaikan dan tidak seorang ulama pun yang memprotesnya. Ini tidak dikategorikan sebagai bid'ah tercela. Umar (r.a) pernah mengatakan sehubungan dengan solat sunat tarawih di bulan Ramadhan: "Sebaik-baik bid'ah adalah hal ini."

"بِدْعَةٍ", membuat suatu perkara yang tidak pernah wujud pada zaman Rasulullah (s.a.w) dan tidak diterangkan dalam dalil syarak dan kaedah-kaedahnya secara umum.

"إِثْرِ ذَلِكَ", sesudah itu, yakni sesudah membaca hamdalah, selawat, dan salam serta amma ba'du.

"وَفِي رِوَايَةٍ لَهُ", dan menurut riwayat lain yang diketengahkan oleh Muslim daripada Jabir (r.a).

"وَلِلنَّسَائِيِّ", dan diriwayatkan oleh al-Nasa'i daripada Jabir (r.a).

"وَكُلَّ ضَلاَلَةٍ فِي النَّارِ", setiap bid'ah adalah sesat dan kesesatan itu berada di dalam neraka, yakni pelakunya dimasukkan ke dalam neraka.

Fiqh Hadis

1. Khatib disunatkan menyampaikan khutbah dengan penuh tumpuan, menguatkan suara ketika membacanya, menggunakan bahasa yang mudah difahami dan memuatkan targhib dan tarhib, serta menyentuh isu-isu sosial yang sedang berlaku. Dengan kata lain, khutbah hendaklah memuatkan isu-isu yang sedang berlaku, bukan memuatkan isu-isu lama yang tidak lagi bersesuaian dengan perkembangan zaman dan tidak memiliki sebarang kesan.
2. Disunatkan memulakan khutbah dengan kalimat *Amma Ba'du*, sama ada dalam khutbah Jumaat, khutbah hari raya mahupun dalam ceramah biasa.
3. Khutbah hendaklah memuatkan perintah untuk bertakwa kepada Allah, anjuran melakukan kewajipan yang boleh mendatangkan reda Allah, dan peringatan daripada melakukan perbuatan yang menimbulkan murka-Nya.
4. Khutbah dimulakan dengan pujian dan sanjungan kepada Allah setiap kali memulakan khutbah Jumaat.

٢١- عَنْ عَمَّارِ بْنِ يَاسِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "إِنَّ طُولَ صَلاَةِ الرَّجُلِ، وَقِصَرَ خُطْبَتِهِ مَئِنَّةٌ مِنْ فِقْهِهِ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

21. Daripada Ammar ibn Yasir (r.a), beliau berkata: Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Sesungguhnya panjangnya solat dan singkatnya khutbah yang dilakukan oleh seorang lelaki itu merupakan bukti kealimannya.*" (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) menjelaskan bahawa bukti yang menunjukkan kealiman seorang lelaki yang mengerjakan solat itu ada dua. Pertama, solat yang dikerjakannya dalam waktu yang lama, tetapi tidak sampai melebihi batasan waktu yang dilarang atau membuat mudarat kepada para makmum yang berada di belakangnya. Kedua, khutbah yang disampaikannya dilakukan dalam waktu singkat, tetapi isinya padat, gaya bahasanya jelas, mampu mendatangkan kesan di dalam hati para pendengar dan dapat meresap ke dalam kalbu mereka. Tingkatan khutbah yang paling hebat ini dapat dilakukan oleh Nabi (s.a.w), kerana baginda dianugerahkan *jawami' al-kalim*. Tingkatan khutbah bagi orang selain baginda adalah berbeza-beza antara satu sama lain mengikut bakat para khatib masing-masing.

Analisis Lafaz

"رَوَاهُ مُسْلِمٌ", hadis ini diriwayatkan oleh Muslim dan sambungannya adalah:

فَأَطِيْلُوا الصَّلاَةَ، وَاقْصُرُوا الْخُطْبَةَ، وَإِنَّ مِنَ الْبَيَانِ لَسِحْرًا.

"*Maka panjangkan solat kamu dan singkatkan khutbah kamu, sesungguhnya bahasa yang fasih itu mampu memberikan kesan di dalam hati seperti sihir.*"

"مَئِنَّةٌ مِنْ فِقْهِهِ", satu bukti yang menunjukkan kealiman seseorang. Orang alim sebelum bercakap, dia mesti berfikir terlebih dahulu untuk mencari bahasa yang paling bersesuaian untuk kemudian disampaikan kepada orang ramai hingga dengan demikian bahasa yang disampaikan ringkas dan mudah difahami oleh para pendengar dan dapat menerima nasihat-nasihatnya.

"فَأَطِيْلُوا الصَّلاَةَ", maksudnya ialah memperpanjang solat yang tidak menyebabkan seseorang itu melebihi batasan waktu yang dilarang.

"وَإِنَّ مِنَ الْبَيَانِ لَسِحْرًا", pengaruh bahasa di dalam hati sanubari dan akal umpama pengaruh sihir terhadap objek yang disihirnya. Persamaan bahasa dengan sihir terletak pada aspek kemudahan, keterkaitan makna, mampu memberi kefahaman yang luas serta dapat disusun dalam bentuk majaz yang berisikan targhib dan tarhib serta selainnya, di mana semua itu tidak dapat dilakukan kecuali oleh orang yang memahami ilmu ma'ani.

Fiqh Hadis

1. Khutbah hendaklah dilakukan secara singkat, tetapi mengandungi nasihat-nasihat yang mampu menyentuh hati.

2. Dianjurkan memperpanjang waktu pelaksanaan solat selagi tidak menyusahkan makmum. Salah satu keistimewaan Rasulullah (s.a.w) ialah baginda dianugerahkan *jawami'al-kalim*.
3. Menjelaskan tanda kepandaian seorang lelaki.

٢٢- عَنْ أُمِّ هِشَامٍ بِنْتِ حَارِثَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: مَا أَخَذْتُ: "ق وَالْقُرْآنِ الْمَجِيدِ"، إِلاَّ عَنْ لِسَانِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَؤُهَا كُلَّ جُمُعَةٍ عَلَى الْمِنْبَرِ إِذَا خَطَبَ النَّاسَ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

22. Daripada Ummu Hisyam binti Haritsah (r.a), beliau berkata: "Aku tidak menerima Surah "ق وَالْقُرْآنِ الْمَجِيدِ" melainkan secara langsung daripada lisan Rasulullah (s.a.w). Baginda sering kali membacanya setiap hari Jumaat di atas mimbar ketika menyampaikan khutbah kepada orang ramai." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Dalam menyampaikan khutbah Jumaat, Rasulullah (s.a.w) memilih surah-surah yang memuatkan penjelasan tentang hari berbangkit, kematian, nasihat dan berita ancaman agar para sahabat mahu mengambil pengajaran daripadanya dan mereka bersiap sedia menyambut hari akhirat.

Analisis Lafaz

"يَقْرَؤُهَا كُلَّ جُمُعَةٍ عَلَى الْمِنْبَرِ", Ummu Hisyam menerima surah ini secara keseluruhan langsung daripada lisan Rasulullah (s.a.w) dalam khutbah Jumaat yang disampaikan oleh baginda. Namun ada pula kemungkinan bahawa Ummu Hisyam menerimanya satu ayat demi satu ayat atau beberapa ayat yang dibaca oleh Rasulullah (s.a.w) dalam setiap khutbah yang disampaikan oleh baginda. Ini kerana membaca surah secara lengkap dalam satu kali khutbah bercanggah dengan hadis sebelum ini yang menyuruh supaya mempersingkat penyampaian khutbah dan memperpanjang solat.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan membaca al-Qur'an ketika menyampaikan khutbah. Imam al-Syafi'i menganggapnya sebagai wajib.
2. Mengulangi nasihat dan pengajaran semasa dalam khutbah.
3. Perhatian yang besar kaum wanita pada zaman permulaan Islam di mana mereka mahu mendengar, menghafal dan menukil Sunnah Nabi (s.a.w)

dalam setiap kesempatan.

Periwayat Hadis

Ummu Hisyam binti Haritsah ibn al-Nu'man adalah seorang sahabat wanita terkenal. Beliau turut serta dalam Bai'at al-Ridhwan dan riwayat hadisnya telah diambil oleh saudara perempuan seibunya, iaitu 'Umrah binti Abdul Rahman. Hadis-hadisnya banyak yang diketengahkan oleh Muslim dan Abu Dawud.

٢٣- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ تَكَلَّمَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَالْإِمَامُ يَخْطُبُ فَهُوَ كَمَثَلِ الْحِمَارِ يَحْمِلُ أَسْفَارًا، وَالَّذِي يَقُولُ لَهُ: أَنْصِتْ، لَيْسَتْ لَهُ جُمُعَةٌ". رَوَاهُ أَحْمَدُ بِإِسْنَادٍ لاَ بَأْسَ بِهِ. وَهُوَ يُفَسِّرُ حَدِيثَ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ فِي "الصَّحِيحَيْنِ" مَرْفُوعًا: "إِذَا قُلْتَ لِصَاحِبِكَ: أَنْصِتْ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَالْإِمَامُ يَخْطُبُ، فَقَدْ لَغَوْتَ".

23. Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Barang siapa yang bercakap pada hari Jumaat ketika imam sedang berkhutbah, maka orang itu umpama seekor keldai yang membawa kitab-kitab dan orang yang berkata kepadanya: "Senyap!" maka tiada pahala Jumaat baginya.*" (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dengan sanad yang tidak ada celanya). Hadis ini mentafsirkan hadis Abu Hurairah (r.a) yang disebut dalam kitab *al-Shahihain* secara *marfu'*, iaitu: "*Jika kamu mengatakan kepada temanmu: "Senyap" pada hari Jumaat ketika imam sedang berkhutbah, maka bererti kamu telah melakukan sesuatu yang lagha (menghilangkan pahala solat Jumaat).*"

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) mahukan solat Jumaat dilakukan dalam suasana yang tenang dan tenteram disertai dengan kedisiplinan yang tinggi dan kesopanan yang luhur. Seseorang yang bercakap kepada teman duduk yang berada di sisinya ketika khutbah sedang disampaikan oleh imam, dia tidak memperoleh ganjaran pahala Jumaat dan keutamaannya, kerana dia telah melakukan perbuatan yang merosak etika Jumaat serta menyia-nyiakan fadhilat solat Jumaat kerana tidak mahu belajar hukum-hakam yang disampaikan dalam khutbah. Ini kerana seandainya dia mengatakan: "Senyap", kemudian orang lain mengatakan pula perkara yang serupa, nescaya setiap orang akan berusaha untuk menyuruh orang lain berdiam, sehingga khutbah imam tidak lagi didengar dan hilanglah tujuan utama berhimpun untuk mengerjakan solat Jumaat, iaitu menciptakan keharmonian, saling mengenal antara satu sama lain dan memahami agama serta hukum-hakamnya. Atas dasar faktor-faktor inilah yang mendorong Rasulullah (s.a.w) mengeluarkan satu hukum

ke atas orang yang bercakap ketika khutbah sedang disampaikan, bahawa dia telah berbuat *lagha* dan barang siapa yang berbuat *lagha*, bererti dia tidak memperoleh ganjaran pahala Jumaat.

Analisis Lafaz

"كَمَثَلِ الْحِمَارِ يَحْمِلُ أَسْفَارًا", *asfar* adalah bentuk jamak dari lafaz *sifr*, ertinya "kitab yang besar". Keldai pasti tidak faham apa yang terkandung di dalam kitab-kitab itu, meskipun ia telah berusah payah memikul kitab yang besar-besar itu di atas tulang belakangnya yang sentiasa menjadi bebanan berat baginya ke mana pun ia pergi. Kemudian seseorang itu diumpamakan seekor keldai yang memikul kitab-kitab itu, kerana ia tidak memperoleh sebarang manfaat ketika menghadiri solat Jumaat, meskipun dia telah berusah payah menghadirinya, kerana dia tidak memperoleh apa-apa faedah dari jerih payahnya itu.

"أَنْصِتْ", senyaplah. Pemahaman ini mencakupi semua ucapan, sama ada dengan menggunakan lafaz tersebut ataupun lafaz yang selainnya, sebagaimana ia turut mencakupi perkara-perkara lain yang tidak dikategorikan sebagai perkataan, seperti bahasa isyarat dan gerak-geri yang mempunyai makna sama dengan menyuruh orang lain supaya senyap. Ini kerana perbuatan tersebut secara umum berusaha memalingkan orang lain daripada suasana yang penuh ketenteraman dan ketenangan hingga tidak dapat lagi memberi tumpuan sepenuhnya merenungi, memikirkan serta mendengarkan khutbah.

"لَيْسَتْ لَهُ جُمُعَةٌ", tidak sempurna solat Jumaat baginya. Perkataan *nafi* dalam kalimat ini ditujukan kepada keutamaan, yakni seseorang itu tidak memperoleh sebarang keutamaan seperti yang diperoleh oleh orang yang berdiam diri untuk mendengarkan khutbah Jumaat.

"فَقَدْ لَغَوْتَ", engkau telah keliru dan mengeluarkan kata-kata tanpa difikirkan terlebih dahulu. Makna asal lafaz "لغو" ialah kata-kata yang tidak baik.

Fiqh Hadis

Haram bercakap walau apapun keadaannya ketika khutbah sedang disampaikan, meskipun seseorang itu tidak mendengarnya menurut Imam Malik. Mazhab Hanafi mengatakan bahawa bercakap ketika khutbah sedang disampaikan hukumnya makruh tahrim, meskipun seseorang itu tidak mendengar khutbah. Imam Ahmad berkata: "Bercakap itu haram bagi orang yang berdekatan dengan khatib, tetapi tidak bagi orang yang berjauhan dengan khatib."

Mazhab al-Syafi'i menegaskan bercakap ketika khatib sedang berkhutbah hukumnya makruh tanzih bagi orang yang mendengarnya, sedangkan bagi orang yang tidak mendengarnya tidaklah dimakruhkan. Ketentuan yang telah disebutkan di atas berlaku apabila tidak dalam keadaan darurat yang menuntut seseorang bercakap, misalnya mengingatkan orang lain yang ada kalajengking dan lain-lain sebagainya yang berbahaya. Tetapi jika ada sesuatu yang menuntut seseorang

bercakap, maka hukumnya menjadi wajib misalnya mencegah perbuatan mungkar. Adakalanya pula bercakap itu disunatkan, misalnya menjawab salam, mendoakan orang yang bersin, membaca selawat ke atas Nabi (s.a.w) apabila nama baginda disebutkan, berdoa memohon syurga dan meminta perlindungan kepada Allah daripada sesuatu yang apabila disebut namanya kita disuruh berbuat demikian.

Adapun khutbah selain khutbah Jumaat, maka tidak seorang ulama pun yang berselisih pendapat bahawa berdiam mendengarkannya adalah disunatkan. Bercakap ketika imam sedang duduk di atas mimbar atau sedang berada di antara dua khutbah atau sesudah dia menyelesaikan khutbah terakhir dan hendak memulakan pelaksanaan solat, maka hukumnya dibolehkan.

٢٤- عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: دَخَلَ رَجُلٌ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَالنَّبِيُّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ يَخْطُبُ. فَقَالَ: "صَلَّيْتَ؟" قَالَ: لاَ. قَالَ: "قُمْ فَصَلِّ رَكْعَتَيْنِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

24. Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: “Seorang lelaki memasuki (masjid) pada hari Jumaat ketika Nabi (s.a.w) sedang berkhutbah, lalu baginda bertanya: “Sudahkah engkau mengerjakan solat?” Lelaki itu menjawab: “Belum.” Nabi (s.a.w) lalu bersabda: “Berdirilah, lalu solatlah kamu sebanyak dua rakaat.” (Muttafaq ‘alaih)

Makna Hadis

Jabir (r.a) menceritakan suatu peristiwa yang dialami oleh Nabi (s.a.w) ketika baginda sedang menyampaikan khutbah pada hari Jumaat. Ketika Nabi (s.a.w) dalam keadaan sedemikian, masuklah seseorang yang dikenali dengan nama Sulaik al-Ghathfani; dia terus duduk dan tidak mengerjakan solat tahiyyatul masjid. Nabi (s.a.w) menyerunya seraya bersabda: “Sudahkah engkau mengerjakan solat?” Sulaik menjawab: “Belum.” Maka Nabi (s.a.w) menyuruhnya berdiri dan mengerjakan solat dua rakaat sebagai menghormati masjid.

Analisis Lafaz

“دَخَلَ رَجُلٌ”, seorang lelaki masuk ke dalam masjid. Dia bernama Sulaik al-Ghathfani.

“فَصَلِّ رَكْعَتَيْنِ”, solatlah kamu dua rakaat (sebagai menghormati masjid). Diungkapkan dengan kata “rukuk” memandangkan rukuk merupakan bahagian solat yang paling penting.

Fiqh Hadis

1. Perintah dan larangan yang boleh dilakukan oleh khatib ketika sedang menyampaikan khutbah di samping boleh menjelaskan hukum-hakam yang diperlukan dan ini tidak memutuskan khutbah yang mesti disampaikan

secara bersambung, kerana semua itu termasuk bahagian daripada khutbah.

2. Disyariatkan mengerjakan solat dua rakaat bagi orang yang memasuki masjid sebagai menghormatinya. Imam al-Syafi'i berkata: "Mengerjakan solat tahiyyatul masjid disyariatkan pada setiap waktu, meskipun ketika khutbah Jumaat sedang disampaikan dan masuk ke dalam masjid secara dilakukan berulang kali." Beliau mentafsirkan hadis-hadis yang melarang daripada solat sesudah fajar hingga matabari terbit, dan solat sesudah Asar hingga matahari tenggelam hanya khusus bagi solat yang tidak mempunyai sebab-sebab yang mendahuluinya. Beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) belum pernah meninggalkan solat tahiyyatul masjid walau dalam keadaan apa jua sekalipun. Baginda yang ketika itu sedang menyampaikan khutbah malah menyuruh lelaki yang baru masuk ke dalam masjid itu berdiri untuk mengerjakan solat dua rakaat. Seandainya Rasulullah (s.a.w) tidak menganggapnya penting, nescaya baginda tidak menyuruh lelaki itu mengerjakan solat ketika sedang berkhutbah."

   Imam Malik berkata: "Mengerjakan solat tahiyyatul masjid pada waktu-waktu yang dilarang adalah makruh. Sedangkan ketika khutbah sedang disampaikan, matahari sedang terbit, dan matahari sedang tenggelam, maka hukumnya haram." Beliau berkata lagi: "Jika seseorang berulang kali masuk ke dalam masjid, maka memadai baginya solat yang pertama, tetapi dengan syarat dia kembali masuk ke dalam masjid dalam waktu yang tidak terlampau lama mengikut ukuran tradisi. Jika kembali masuk ke dalam masjid dalam waktu yang lama, maka dia disunatkan mengulangi semula solat tahiyyatul masjid itu."

   Imam Abu Hanifah memandang makruh mengerjakan solat tahiyyatul masjid pada waktu-waktu yang dilarang dan ketika khatib sedang berkhutbah. Solat tahiyyatul masjid tidak boleh dilakukan secara berulang kali, sekalipun seseorang itu keluar masuk masjid secara berulang kali, tetapi sudah memadai baginya melakukannya satu kali dalam sehari.

   Imam Ahmad berkata: "Solat tahiyyatul masjid disunatkan bagi setiap orang yang memasukinya pada waktu-waktu yang tidak dimakruhkan sebelum dia duduk dan dalam keadaan telah bersuci, sekalipun dia memasuki masjid secara berulang kali apabila dia bukan khatib yang masuk ke dalam masjid untuk menyampaikan khutbah, bukan pula orang yang masuk ke dalamnya untuk mengerjakan solat hari raya, dan bukan pula pengurus masjid yang berulang kali masuk ke dalamnya."

   Ulama berselisih pendapat sama ada waktu solat tahiyyatul masjid habis waktunya kerana duduk ataupun sebaliknya. Imam Malik dan Imam Abu Hanifah berkata: "Waktu solat tahiyyatul masjid masih belum terlewatkan kerana duduk, meskipun dalam waktu yang agak lama, tetapi duduk sebelum melakukan solat tahiyyatul masjid adalah dimakruhkan." Kedua-dua ulama ini melandaskan pendapatnya kepada hadis ini di mana Rasulullah (s.a.w) menyuruh lelaki tersebut untuk mengerjakan solat

tahiyyatul masjid, padahal lelaki itu sudah duduk.

Imam Ahmad berkata: "Waktu solat tahiyyatul masjid telah terlewatkan kerana duduk dalam waktu yang agak lama, namun tidak demikian apabila seseorang itu duduk dalam waktu yang agak singkat."

Imam al-Syafi'i mempunyai pendapat yang memperincikan lagi masalah duduk ini. Beliau berkata: "Apabila duduk kerana tidak sengaja atau lupa, maka waktu solat tahiyyatul masjid tidak terlewatkan. Namun apabila duduk kerana selain itu, maka waktu solat terlewatkan.

Menurut Imam Malik, seseorang yang berjalan melewati masjid tidak disunatkan mengerjakan solat tahiyyatul masjid, sedangkan menurut pendapat jumhur ulama, dia tetap disunatkan untuk mengerjakannya.

3. Ulama bersepakat bahawa masjid merupakan syarat untuk mengerjakan solat Jumaat memandangkan solat tahiyyatul masjid tidak disyariatkan kecuali di dalam masjid.

٢٥- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقْرَأُ فِي صَلاَةِ الْجُمُعَةِ سُورَةَ الْجُمُعَةِ، وَالْمُنَافِقِينَ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

وَلَهُ عَنِ النُّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ: كَانَ يَقْرَأُ فِي الْعِيدَيْنِ وَفِي الْجُمُعَةِ: بِـ "سَبِّحِ اسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى"، وَ: "هَلْ أَتَاكَ حَدِيثُ الْغَاشِيَةِ".

25. Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) membaca Surah al-Jumu'ah dan Surah al-Munafiquun ketika mengerjakan solat Jumaat." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Menurut Muslim daripada al-Nu'man ibn Basyir disebutkan sebagai berikut: "Nabi (s.a.w) dahulu seringkali membaca Surah "سَبِّحِ اسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى" dan Surah "هَلْ أَتَاكَ حَدِيثُ الْغَاشِيَةِ" ketika mengerjakan solat dua hari raya dan solat Jumaat."

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) sering membaca Surah al-Jumu'ah pada rakaat pertama solat Subuh setiap hari Jumaat dan pada rakaat yang kedua Surah al-Munafiqun. Baginda melakukan demikian kerana di dalam surah pertama yakni Surah al-Jumu'ah itu memuatkan hukum-hakam yang berkaitan dengan solat Jumaat dan pujian kepada kaum mukminin serta menjelaskan keutamaan Rasulullah (s.a.w) yang berperanan membacakan ayat-ayat-Nya, menyucikan mereka dan mengajarkan al-Kitab dan Sunnah kepada mereka. Sedangkan di dalam surah kedua yakni Surah al-Munafiqun memuatkan celaan bagi kaum munafik kerana mereka tidak mahu bertaubat dan enggan beriman kepada Rasulullah (s.a.w) supaya baginda memohonkan keampunan kepada Allah (s.w.t) di atas kesalahan yang mereka lakukan.

Nabi (s.a.w) seringkali membaca Surah al-A'la dan Surah al-Ghasyiyah ketika mengerjakan solat Jumaat memandangkan kedua-dua surah itu memuatkan ilmu, kebaikan, mengingatkan kepada keadaan akhirat dan janji serta ancaman Allah (s.w.t).

Analisis Lafaz

"الْعِيدَيْنِ", Aidilfitri dan Aidiladha; hari raya dinamakan *id* kerana suasana gembira yang meliputi hari itu berulang setiap tahun sekali.

"الْغَاشِيَةِ", hari kiamat.

Fiqh Hadis

1. Disunatkan membaca Surah al-Jumu'ah pada rakaat pertama solat Subuh pada hari Jumaat memandangkan di dalam surah al-Jumu'ah itu terkandung anjuran untuk berzikir mengingati Allah.
2. Disunatkan membaca Surah al-Munafiqun pada rakaat kedua solat Subuh pada hari Jumaat memandangkan di dalamnya terkandung pengajaran-pengajaran penting, terutama sekali yang terdapat di dalam firman-Nya:

   يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تُلْهِكُمْ أَمْوَٰلُكُمْ وَلَآ أَوْلَـٰدُكُمْ عَن ذِكْرِ ٱللَّهِ ..... ﴿٩﴾

   "*Hai orang yang beriman, janganlah harta-hartamu dan anak-anakmu membuat kamu lalai daripada mengingat Allah…*" (Surah al-Munafiqun: 9)
3. Disunatkan membaca Surah al-A'la dan al-Ghasyiyah pada solat dua hari raya dan hari Jumaat memandangkan di dalam kedua-dua surat itu terkandung keadaan atau peristiwa hari akhirat.

Periwayat Hadis

Al-Nu'man ibn Basyir al-Ansari al-Khazraji adalah orang pertama yang dilahirkan di kalangan orang Ansar setelah Rasulullah (s.a.w) tiba di Madinah, iaitu pada tahun kedua Hijriah. Beliau telah meriwayatkan 124 hadis, dan dia adalah seorang yang fasih. Al-Sya'bi dan sekumpulan tabi'in yang lain telah menerima riwayat hadis daripadanya. Beliau pernah menjawat sebagai gabenor Kufah dan Damsyiq. Pada tahun 64 Hijriah beliau meninggal dunia di Syam kerana dibunuh.

٢٦- عَنْ زَيْدِ بْنِ أَرْقَمَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: صَلَّى النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْعِيدَ، ثُمَّ رَخَّصَ فِي الْجُمُعَةِ، فَقَالَ: "مَنْ شَاءَ أَنْ يُصَلِّيَ فَلْيُصَلِّ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ إِلاَّ التِّرْمِذِيَّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ.

52. Daripada Zaid ibn Arqam (r.a), beliau berkata: "Nabi (s.a.w) mengerjakan solat hari raya, kemudian baginda memberikan *rukhsah* untuk tidak mengerjakan solat Jumaat pada hari itu melalui sabdanya: "Barang siapa yang hendak mengerjakan solat Jumaat, maka dia hendaklah mengerjakannya." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, kecuali al-Tirmizi dan dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah)

Makna Hadis

Agama itu mudah dan antara kemudahannya ialah adanya *rukhsah* dengan tujuan tidak memberatkan umat manusia ketika melaksanakan *'azimah*. Misalnya, jika dalam satu hari itu bertemu dua hari raya, iaitu hari raya pada hari Jumaat, maka Islam memberikan *rukhsah* bagi orang yang telah mengerjakan solat hari raya cukup hanya mengerjakan solat Zohor di rumahnya pada hari itu dan tidak wajib baginya keluar untuk mengerjakan solat Jumaat. Demikian menurut mazhab Imam Ahmad. Tetapi menurut jumhur ulama, solat Jumaat tetap diwajibkan, kerana dalil yang mewajibkannya bersifat umum. Sedangkan hadis-hadis mengenai hal ini masih belum cukup kuat untuk men*takhsis*nya memandangkan sanadnya masih dipertikai dan ini dapat pula ditafsirkan sebagai sesuatu yang khusus bagi Nabi (s.a.w) sahaja.

Analisis Lafaz

"صَلَّى النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْعِيدَ", Nabi (s.a.w) mengerjakan solat hari raya yang kebetulan jatuh pada hari Jumaat.

"ثُمَّ رَخَّصَ فِي الْجُمُعَةِ", kemudian Nabi (s.a.w) memberikan *rukhsah* untuk tidak mengerjakan solat Jumaat. Solat Jumaat sesudah solat hari raya menjadi suatu yang bersifat rukhsah dengan erti kata lain boleh dikerjakan atau ditinggalkan. Hal ini hanya khusus bagi orang yang mengerjakan solat hari raya dan tidak untuk orang yang selainnya.

"مَنْ شَاءَ أَنْ يُصَلِّيَ", barang siapa yang hendak mengerjakan solat Jumaat.

"فَلْيُصَلِّ", hendaklah dia mengerjakannya, yakni solat Jumaat.

Fiqh Hadis

Boleh mengerjakan solat Jumaat atau meninggalkannya bagi orang yang telah mengerjakan solat hari raya pada hari itu.

٢٧- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمُ الْجُمُعَةَ فَلْيُصَلِّ بَعْدَهَا أَرْبَعًا. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

27. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Jika seseorang di antara kamu mengerjakan solat Jumaat, maka hendaklah dia mengerjakan solat*

lagi empat rakaat sesudahnya." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Disyariatkan mengerjakan solat sunat ba'diyyah setelah mengerjakan solat Jumaat sebanyak empat rakaat. Perintah dalam hadis ini menunjukkan hukum sunat. Bimbingan Nabi (s.a.w) dalam masalah ini ialah apabila mengerjakannya di dalam masjid, maka baginda mengerjakannya sebanyak empat rakaat. Jika mengerjakannya di dalam rumah, maka baginda mengerjakannya sebanyak dua rakaat. Hikmah disyariatkan mengerjakan solat sunat ba'diyah Jumaat ini ialah untuk menutupi kekurangan yang terjadi di dalamnya.

Analisis Lafaz

"فَلْيُصَلِّ بَعْدَهَا أَرْبَعًا", yakni empat rakaat sesudah mengerjakan solat Jumaat sebagai solat sunat. Makna zahir perintah ini menunjukkan hukum wajib, namun ia tidak lagi menjadi wajib kerana di dalam lafaz yang lain menurut riwayat Ibn al-Shabbah disebutkan sebagai berikut:

مَنْ كَانَ مُصَلِّيًا بَعْدَ الْجُمُعَةِ فَلْيُصَلِّ أَرْبَعًا.

"*Barang siapa yang mengerjakan solat sesudah solat Jumaat, maka hendaklah dia mengerjakan solat itu sebanyak empat rakaat.*" (Diriwayatkan oleh Muslim)

Dari sini dapat disimpulkan bahawa perintah dalam hadis pertama itu tidak menunjukkan wajib dan mengerjakannya sebanyak empat rakaat adalah lebih diutamakan berbanding dua rakaat, kerana perintah hadis menunjukkan pada bilangan tersebut dan inilah yang kerap dilakukan oleh Nabi (s.a.w).

Fiqh Hadis

Disunatkan mengerjakan solat sunat ba'diyah setelah solat Jumaat dan dianjurkan agar solat sunat ini dikerjakan dengan jumlah rakaat yang maksimum sebanyak empat rakaat dan jumlah minimum pula dua rakaat.

٢٨- عَنِ السَّائِبِ بْنِ يَزِيدَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ مُعَاوِيَةَ قَالَ لَهُ: إِذَا صَلَّيْتَ الْجُمُعَةَ فَلاَ تَصِلْهَا بِصَلاَةٍ حَتَّى تُكَلَّمَ أَوْ تَخْرُجَ، فَإِنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَنَا بِذَلِكَ؛ أَنْ لاَ نُوصِلَ صَلاَةً بِصَلاَةٍ حَتَّى نَتَكَلَّمَ أَوْ نَخْرُجَ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

28. Daripada al-Sa'ib ibn Yazid (r.a) bahawa Mu'awiyah pernah berkata kepadanya: "Jika kamu mengerjakan solat Jumaat, maka janganlah kamu menyambung terus dengan solat yang lain sebelum kamu bercakap atau keluar (dari masjid). Ini

kerana Rasulullah (s.a.w) pernah menyuruh kami berbuat demikian di mana kami (para sahabat) dikehendaki tidak menyambung terus suatu solat (fardu) dengan solat lain (yang sunat) sebelum kami bercakap atau keluar." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Islam merasa khuatir terhadap orang awam kalau-kalau mereka mengalami kebingungan dalam masalah ibadah hingga mereka meyakini sunat sebagai fardu. Oleh itu, di sini ditetapkan beberapa kaedah dalam masalah ibadah bagi tujuan membuang dakwaan dan keraguan itu. Misalnya, Islam melarang daripada terus menyambung secara langsung pelaksanaan solat fardu dengan solat sunat, agar keduanya dapat dibezakan. Bagi merealisasikan tujuan ini, imam disyariatkan berpindah tempat dari tempat asal setelah melakukan solat fardu ke tempat lain untuk menunaikan solat sunat seperti mengerjakan solat sunat di dalam rumahnya atau di tempat selain tempat dia mengerjakan solat fardu.

Analisis Lafaz

"فَلاَ تَصِلْهَا", berasal dari lafaz *al-washl*, yakni menyambungnya secara langsung dengan solat yang lain. Larangan ini menurut pendapat jumhur ulama menunjukkan hukum makruh, dan menurut pendapat yang lain pula menunjukkan hukum haram.

"أَوْ نَخْرُجَ", atau kami keluar dari masjid.

Fiqh Hadis

Disunatkan memisahkan antara solat sunat dengan solat fardu sama ada dengan cara bercakap atau berpindah ke tempat lain di dalam masjid itu supaya tempat yang dijadikan sebagai tempat sujud menjadi banyak sekali gus bertujuan membezakan antara solat sunat dengan solat fardu. Adalah diutamakan bahawa seseorang hendaklah kembali pulang ke rumahnya untuk mengerjakan solat sunat, kerana ada anjuran yang menyuruh berbuat demikian.

Periwayat Hadis

Al-Sa'ib ibn Yazid ibn Sa'd ibn Tsumamah al-Kindi telah meriwayatkan hadis daripada ayahnya, Umar, Utsman, Abdullah ibn al-Sa'di, Talhah dan lain-lain. Al-Zuhri, Yahya ibn Sa'id, dan Ibrahim ibn Qarizh telah meriwayatkan hadis daripadanya. Beliau meninggal dunia pada tahun 86 Hijriah di Madinah.

٢٩- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنِ اغْتَسَلَ ثُمَّ أَتَى الْجُمُعَةَ، فَصَلَّى مَا قُدِّرَ لَهُ، ثُمَّ أَنْصَتَ، حَتَّى يَفْرُغَ الْإِمَامُ مِنْ خُطْبَتِهِ، ثُمَّ يُصَلِّي مَعَهُ: غُفِرَ لَهُ مَا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْجُمُعَةِ الْأُخْرَى، وَفَضْلُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

29. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Barang siapa yang mandi, kemudian datang ke (masjid untuk) mengerjakan solat Jumaat, lalu mengerjakan solat (sunat) semampunya, kemudian dia berdiam diri mendengarkan khutbah hingga imam selesai menyampaikan khutbahnya, lalu dia mengerjakan solat (Jumaat) bersamanya, maka diampunilah semua dosanya antara hari itu hingga hari Jumaat berikutnya dan ditambah tiga hari.*" (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) menjelaskan keutamaan solat Jumaat bahawa menunaikan solat Jumaat berikut etikanya merupakan antara faktor yang menyebabkan seseorang itu diampuni dosanya. Oleh itu, seseorang yang hendak memohon ampun kepada Allah dianjurkan mandi terlebih dahulu, lalu segera berangkat ke masjid dan mendengarkan khutbah dengan penuh khusyuk, mengambil tempat duduk yang berdekatan dengan imam dan mengerjakan solat sunat semampunya agar memperoleh pahala yang berlimpah. Jika tidak melaksanakan salah satu daripada perkara di atas, maka bererti dia tidak memperoleh bahagian yang paling besar dari ampunan Allah.

Di dalam hadis ini disebutkan tambahan tiga hari dalam memperoleh ampunan di samping yang tujuh hari dan tidak lain untuk merealisasikan janji Allah (s.w.t) yang telah menetapkan bahawa barang siapa yang mengerjakan suatu amal kebaikan, maka baginya pahala sepuluh kali ganda kebaikan.

Analisis Lafaz

"أَتَى الْجُمُعَةَ", menghadiri dan melaksanakan solat Jumaat.

"فَصَلَّى", lalu dia mengerjakan solat sunat.

"مَا قُدِّرَ لَهُ", semampunya.

"أَنْصَتَ", diam mendengarkan khutbah.

"حَتَّى يَفْرُغَ الْإِمَامُ", hingga imam selesai menyampaikan khutbahnya.

"غُفِرَ لَهُ", *al-ghufraan* menurut pendapat jumhur ulama adalah ampunan terhadap dosa-dosa kecil. Adapun dosa-dosa besar, tidak dapat dihapus kecuali dengan cara bertaubat dan mengembalikan hak yang dia ambil secara zalim kepada pemiliknya. Ini berlandaskan kepada satu hadis yang menyatakan:

الصَّلَوَاتُ الْخَمْسُ، وَالْجُمُعَةُ إِلَى الْجُمُعَةِ، وَصِيَامُ رَمَضَانَ مُكَفِّرَاتٌ لِمَا بَيْنَهُنَّ مَا اجْتُنِبَتِ الْكَبَائِرُ.

"Solat lima waktu, solat Jumaat hingga Jumaat yang berikutnya dan puasa bulan Ramadhan merupakan penghapus dosa-dosa di antara semua itu selagi dosa-dosa besar dijauhi."

"مَا بَيْنَهُ", antara solat Jumaat yang sedang dia kerjakan.

"وَبَيْنَ الْجُمُعَةِ", hingga Jumaat berikutnya.

"وَفَضْلُ", dan dilebihkan hingga jumlah keseluruhannya menjadi sepuluh hari, sebab setiap kebaikan dilipatgandakan menjadi sepuluh kebaikan.

Fiqh Hadis

1. Menjelaskan tentang keutamaan mandi ketika hendak mengerjakan solat Jumaat.
2. Disunatkan mengerjakan solat sebanyak mana yang mungkin sebelum khutbah dimulakan.
3. Dianjurkan diam ketika khatib sedang berkhutbah.
4. Orang yang mengerjakan solat Jumaat diberi keampunan selama seminggu, yakni sejak solat Jumaat yang sedang dia kerjakan hingga solat Jumaat yang berikutnya, ditambah lagi tiga hari.
5. Pahala dan keutamaan solat Jumaat dilipatgandakan, kerana solat yang selainnya hanya dapat menghapus dosa-dosa di antara dua solat sahaja.
6. Haram bercakap pada waktu khutbah sedang disampaikan, bukan sesudahnya.

٣٠- وَعَنْهُ؛ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَكَرَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فَقَالَ: "فِيهِ سَاعَةٌ لاَ يُوَافِقُهَا عَبْدٌ مُسْلِمٌ وَهُوَ قَائِمٌ يُصَلِّي، يَسْأَلُ اللهَ عَزَّ وَجَلَّ شَيْئًا إِلاَّ أَعْطَاهُ إِيَّاهُ، وَأَشَارَ بِيَدِهِ يُقَلِّلُهَا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَفِي رِوَايَةٍ لِمُسْلِمٍ: "وَهِيَ سَاعَةٌ خَفِيفَةٌ".

30. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) menceritakan hari Jumaat melalui sabdanya: "Pada hari Jumaat terdapat suatu saat yang tidak seorang muslim pun dapat menjumpainya, sedangkan dia dalam keadaan berdiri mengerjakan solat lalu dia memohon sesuatu kepada Allah (s.w.t), melainkan Dia memberikan kepadanya apa yang dipintanya itu seraya mengisyaratkan dengan tangannya yang menunjukkan betapa waktu itu teramat singkat. (Muttafaq 'alaih)

Di dalam riwayat Muslim disebutkan: "Saat itu merupakan waktu yang singkat."

٣١- عَنْ أَبِي بُرْدَةَ عَنْ أَبِيهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "هِيَ مَا بَيْنَ أَنْ يَجْلِسَ الْإِمَامُ إِلَى أَنْ تُقْضَى الصَّلَاةُ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ، وَرَجَّحَ الدَّارَقُطْنِيُّ أَنَّهُ مِنْ قَوْلِ أَبِي بُرْدَةَ. وَفِي حَدِيثِ عَبْدِ اللهِ بْنِ سَلَامٍ عِنْدَ ابْنِ مَاجَه، وَجَابِرٍ عِنْدَ أَبِي دَاوُدَ وَالنَّسَائِيِّ: أَنَّهَا مَا بَيْنَ صَلَاةِ الْعَصْرِ إِلَى غُرُوبِ الشَّمْسِ. وَقَدْ اخْتُلَفَ فِيهَا عَلَى أَكْثَرَ مِنْ أَرْبَعِينَ قَوْلاً، أَمْلَيْتُهَا فِي "شَرْحِ الْبُخَارِيِّ".

31. Daripada Abu Burdah daripada ayahnya yang mengatakan bahawa dia pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Saat (mustajab) itu terletak di antara imam mula hendak duduk hingga solat (Jumaat) selesai." (Diriwayatkan oleh Muslim, tetapi al-Daraquthni memastikan bahawa hadis ini merupakan perkataan Abu Burdah)

Dalam hadis Abdullah ibn Salam yang ada pada Ibn Majah dan dalam hadis Jabir yang ada pada Abu Dawud dan al-Nasa'i disebutkan seperti berikut bahawa saat (mustajab) tersebut terletak di antara solat Asar hingga matahari terbenam. Lebih empat puluh pendapat yang memperdebatkan waktu saat (doa mustajab) ini. Semua itu kami huraikan dalam kitab Syarh al-Bukhari.

Makna Hadis

Hari Jumaat mempunyai beberapa keistimewaan yang antara lain ialah *sa'ah al-mubarakah* (waktu yang penuh dengan keberkatan). Pada waktu itu doa dimakbulkan selagi tidak ada melakukan dosa atau memutuskan ikatan silaturahim. Waktu ini amatlah singkat di mana Nabi (s.a.w) menganjurkan agar ia diberi perhatian memandangkan waktunya yang sempit itu.

Ulama berselisih pendapat mengenai ketentuannya, hingga ada empat puluh tiga pendapat yang membahas masalah ini. Tetapi menurut pendapat yang sahih, waktu tersebut masih belum dapat dipastikan, namun waktu antara solat Asar hingga matahari tenggelam merupakan waktu yang paling diharapkan supaya doa dimakbulkan. Ada pula kemungkinan bahawa waktu itu berpindah-pindah, tetapi itu masih berlaku pada hari Jumaat. Hikmah merahsiakan waktu mustajab doa ini ialah supaya seluruh hari Jumaat diisi dengan dengan ibadah.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Abu Hurairah (r.a), yakni sama sumbernya dengan hadis sebelumnya.

"سَاعَةٌ", waktu yang masih dirahsiakan saatnya agar seseorang pada keseluruhan siang hari itu sentiasa mengambil berat terhadap waktu tersebut dan mengisinya dengan amal ibadah, zikir, berdoa dan menjauhkan diri daripada godaan duniawi dengan harapan memperoleh rahmat Allah.

"لاَ يُوَافِقُهَا", tidaklah sekali-kali dia menjumpainya, yakni *sa'ah al-ijabah* itu.

"قَائِمٌ", tetap dan rajin mengerjakannya sama dengan pengertian yang terdapat di dalam firman-Nya:

..... مَا دُمْتَ عَلَيْهِ قَآئِمًا ..... ﴿٧٥﴾

"*... Kecuali jika kamu berterusan menagihnya...*" (Surah Ali Imran: 75)

"يُصَلِّي", makna asalnya ialah solat, tetapi makna yang dimaksud dalam hadis ini ialah berdoa.

"شَيْئًا", suatu permintaan yang patut dipohon oleh seorang muslim kepada Allah.

"وَأَشَارَ بِيَدِهِ يُقَلِّلُهَا", isyarat yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) menunjukkan makna sempit. Tujuannya adalah untuk memacu agar perkara itu sentiasa diambil berat memandangkan waktunya yang sempit, tetapi keutamaan yang ada padanya terlampau banyak.

"هِيَ مَا بَيْنَ أَنْ يَجْلِسَ الْإِمَامُ", *sa'ah al-ijabah* ada sejak imam duduk di atas mimbarnya.

"إِلَى أَنْ تُقْضَى الصَّلاَةُ", hingga solat Jumaat selesai dikerjakan.

"وَفِي حَدِيثِ عَبْدِ اللهِ بْنِ سَلاَمٍ عِنْدَ ابْنِ مَاجَه", di dalam hadis Abdullah ibn Salam yang ada pada Ibn Majah. Lafaznya dikatakan seperti berikut:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ سَلاَمٍ قَالَ: قُلْتُ وَرَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَالِسٌ: إِنَّا لَنَجِدُ فِي كِتَابِ اللهِ (أَيِ التَّوْرَاةِ) فِي الْجُمُعَةِ سَاعَةٌ لاَ يُوَافِقُهَا عَبْدٌ مُؤْمِنٌ يُصَلِّي يَسْأَلُ اللهَ فِيْهَا شَيْئًا إِلاَّ قَضَى اللهُ حَاجَتَهُ. قَالَ عَبْدُ اللهِ: فَأَشَارَ إِلَيَّ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَوْ بَعْضَ سَاعَةٍ. فَقُلْتُ: صَدَقْتَ يَا رَسُوْلَ اللهِ أَوْ بَعْضَ سَاعَةٍ، قُلْتُ: أَيُّ سَاعَةٍ هِيَ؟ قَالَ: هِيَ آخِرُ سَاعَاتِ النَّهَارِ. قُلْتُ: إِنَّهَا لَيْسَتْ سَاعَةَ صَلاَةٍ؟ قَالَ: إِنَّ الْعَبْدَ الْمُؤْمِنَ إِذَا صَلَّى ثُمَّ جَلَسَ، لاَ يُجْلِسُهُ إِلاَّ الصَّلاَةَ فَهُوَ فِي الصَّلاَةِ".

"Daripada Abdullah bin Salam, beliau berkata: "Aku berkata yang ketika itu Rasulullah (s.a.w) sedang duduk: "Sesungguhnya kami benar-benar menjumpainya di dalam kitab Taurat, bahawa pada hari Jumaat terdapat suatu saat di mana tidaklah sekali-kali seorang muslim menjumpainya, sedangkan dia dalam keadaan berdoa meminta sesuatu kepada Allah (s.w.t), melainkan Allah menunaikan keperluannya."

Abdullah bin Salam melanjutkan ceritanya: "Lalu Rasulullah (s.a.w) memberikan isyarat (sambil bersabda): "Atau sebahagian dari saat itu (kurang dari satu jam)." Aku berkata: "Tuan benar, wahai Rasulullah atau sebahagian daripada saat itu." Aku bertanya: "Bilakah saat itu?" Rasulullah (s.a.w) menjawab: "(Ia) terletak pada akhir siang hari." Aku berkata lagi: "Sesungguhnya saat itu bukanlah waktu untuk solat." Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Sesungguhnya seorang mukmin apabila telah melakukan solat, kemudian dia duduk, sedangkan duduknya itu tidak lain hanyalah kerana menunggu solat yang berikutnya, maka bererti dia masih dikira berada dalam solat."

Fiqh Hadis

1. Keutamaan hari Jumaat adalah adanya *sa'ah al-ijabah* di di mana pada waktu doa dimakbulkan.
2. Boleh menggunakan isyarat untuk mengungkapkan isi hati seperti mana yang biasa dilakukan oleh orang Arab dalam pembicaraan mereka.
3. Menentukan *sa'ah al-ijabah* pada hari Jumaat iaitu antara imam mula duduk di atas mimbar hingga dia selesai mengerjakan solat Jumaat. Menurut hadis Abdullah ibn Salam (r.a), ia terletak pada akhir siang hari, sedangkan menurut hadis Jabir (r.a), ia terletak antara solat Asar hingga matahari terbenam.[3]
4. Syariat yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) membenarkan kitab-kitab suci yang terdahulu.

Periwayat Hadis

Abu Burdah, nama asalnya adalah Amir ibn Abdullah ibn Qais al-Asy'ari. Beliau mendengar hadis daripada ayahnya, Ali, Umar dan ramai lagi. Ia termasuk salah seorang tabi'in yang terkenal.

Abu Musa al-Asy'ari, nama asalnya ialah Abdullah ibn Qais al-Asy'ari, turut serta berhijrah ke Habsyah. Beliau pernah menjawat sebagai gabenor Zubaid dan 'Adan, kemudian menjadi gabenor Kufah pada masa pemerintahan Khalifah Umar. Telah meriwayatkan hadis sebanyak 360 dan anak lelakinya telah mengambil riwayat hadis daripadanya. Beliau meninggal dunia pada tahun 42 Hijriah.

Abdullah ibn Salam ibn al-Harits al-Isra'ili, nama panggilannya ialah Abu Yusuf, masuk Islam ketika Nabi (s.a.w) tiba di Madinah. Beliau turut serta dalam membuka Baitul Muqdis bersama Khalifah Umar dan Nabi (s.a.w) telah menyampaikan berita gembira kepadanya bahawa dia masuk syurga. Beliau telah meriwayatkan 25 hadis, dan kedua-dua anak lelakinya yang bernama Yusuf dan Muhammad telah mengambil riwayat hadis daripadanya, begitu pula Abu Hurairah dan Anas ibn Malik. Allah (s.w.t) berfirman mengenai dirinya:

[3] Rujuk Fath al-Bari, jil. 2, hlm. 283, cetakan al-Amiriyyah.

..... وَشَهِدَ شَاهِدٌ مِّنۢ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ..... ﴿١٠﴾

"… *Dan seorang saksi dari Bani Israil mengakui...*" (Surah al-Ahqaf: 10)

Di dalam ayat yang lain Allah (s.w.t) berfirman mengenai dirinya:

..... وَمَنْ عِندَهُۥ عِلْمُ ٱلْكِتَٰبِ ﴿٤٣﴾

"… *Dan di antara orang yang mempunyai ilmu al-Kitab.*" (Surah al-Ra'd: 43) Abdullah ibn Salam meninggal dunia pada tahun 43 Hijriah di Madinah.

٣٢- عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: مَضَتِ السُّنَّةُ أَنَّ فِي كُلِّ أَرْبَعِينَ فَصَاعِدًا جُمُعَةً. رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ.

32. Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: "Sunnah Nabi (s.a.w) telah menetapkan bahawa setiap ada empat puluh orang atau lebih wajib mengerjakan solat Jumaat." (Diriwayatkan oleh al-Daraquthni dengan sanad yang dha'if)

Makna Hadis

Solat Jumaat merupakan salah satu syiar Islam yang paling mulia. Oleh itu, solat Jumaat hanya dilakukan secara berjemaah dan mesti ada dua khutbah untuk memberikan pengajaran dan nasihat kepada segenap kaum muslimin. Tetapi tidak ada keterangan yang tegas yang menentukan berapa batasan minimum orang yang mesti menghadiri solat Jumaat itu dan oleh kerananya, ulama berselisih pendapat mengenainya.

Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad mengatakan bahawa solat Jumaat tidak sah kecuali dihadiri oleh empat puluh orang lelaki. Imam Malik mengatakan dua belas orang lelaki selain imam dan ini adalah pendapat yang kedua daripada Imam al-Syafi'i. Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa solat Jumaat sah dengan adanya tiga orang lelaki termasuk imam.

Analisis Lafaz

"مَضَتِ السُّنَّةُ", kalimat ini menunjukkan bahawa hadis ini berkedudukan sebagai *marfu'* kerana perkataan Sunnah apabila dikatakan oleh seorang sahabat, makna ia bermaksud Sunnah Nabi (s.a.w). Makna lafaz "مضت" adalah amalannya terus berlangsung dan tidak ada yang bukti yang memansukhkannya. Jika ada bukti yang memansukhnya, nescaya itu tidak akan diperlakukan.

"فَصَاعِدًا", lebih.

"بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ", dengan sanad berkedudukan dha'if, kerana hadis ini berasal daripada riwayat Abdul Aziz ibn Abdul Rahman. Dalam pada itu, Imam Ahmad

berkata: "Hadis-hadis Abdul Aziz dusta atau palsu." Al-Nasa'i berkata: "Abdul Aziz bukanlah orang tsiqah dalam meriwayatkan hadis." Al-Daruqutni berkata: "Hadis Abdul Aziz berkedudukan munkar." Ibn Hibban berkata: "Hadisnya tidak dapat dijadikan sebagai hujah."

Fiqh Hadis

Menjelaskan bilangan yang sah untuk mengerjakan solat Jumaat, iaitu seramai empat puluh orang lelaki. Inilah menurut pendapat Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad berdasarkan hadis ini.

٣٣- عَنْ سَمُرَةَ بنِ جُنْدُبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَسْتَغْفِرُ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ كُلَّ جُمُعَةٍ. رَوَاهُ الْبَزَّارُ بِإِسْنَادٍ لَيِّنٍ.

33. Daripada Samurah ibn Jundub (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) selalunya memohonkan ampunan bagi kaum mukminin lelaki dan perempuan setiap Jumaat. (Diriwayatkan oleh al-Bazzar dengan sanad berkedudukan lemah)

Makna Hadis

Khatib disunatkan berdoa untuk dirinya sendiri dan memohonkan keampunan bagi kaum mukminin lelaki dan perempuan, kerana khutbah merupakan masa yang tepat supaya doa-doa dimakbulkan oleh-Nya.

Analisis Lafaz

"بِإِسْنَادٍ لَيِّنٍ", dengan sanad berstatus lemah kerana di dalam sanadnya terdapat Yusuf ibn Khalid al-Busti, seorang yang dha'if.

Fiqh Hadis

Disyariatkan berdoa dan memintakan ampun bagi kaum mukminin lelaki dan perempuan.

٣٤- عَنْ جَابِرِ بْنِ سَمُرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ فِي الْخُطْبَةِ يَقْرَأُ آيَاتٍ مِنَ الْقُرْآنِ، وَيُذَكِّرُ النَّاسَ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُد. وَأَصْلُهُ فِي مُسْلِمٍ.

34. Daripada Jabir ibn Samurah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) ketika berkhutbah selalunya membaca beberapa ayat al-Qur'an bagi mengingatkan umat manusia." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud sedangkan hadis ini berasal daripada Muslim)

Makna Hadis

Membaca satu ayat al-Qur'an pada salah satu daripada dua khutbah Jumaat merupakan salah satu rukun khutbah. Inilah pendapat Imam al-Syafii, sedangkan menurut ulama yang selainnya, ia hanyalah sunat.

Rasulullah (s.a.w) sentiasa membaca ayat-ayat al-Qur'an semasa menyampaikan khutbah untuk tujuan mengingatkan umat manusia, kerana al-Qur'an merupakan nasihat yang paling baik.

Analisis Lafaz

"يُذَكِّرُ النَّاسَ", menasihati mereka.

"وَأَصْلُهُ فِي مُسْلِمٍ", hadis ini berasal daripada Muslim seperti yang telah disebut di dalam hadis Ummu Hisyam bahawa tidaklah sekali-kali dia menghafal Surat Qaf melainkan dia menerimanya secara langsung daripada lisan Rasulullah (s.a.w) yang baginda bacakan ketika menyampaikan khutbah setiap Jumaat di atas mimbar.

Fiqh Hadis

Disyariatkan membaca ayat al-Qur'an ketika khutbah untuk mengingatkan dan menganjurkan umat manusia beramal kebaikan.

٣٥- عَنْ طَارِقِ بْنِ شِهَابٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "الْجُمُعَةُ حَقٌّ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ فِي جَمَاعَةٍ إِلاَّ أَرْبَعَةً: مَمْلُوكٌ، وَامْرَأَةٌ، وَصَبِيٌّ، وَمَرِيضٌ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ، وَقَالَ: لَمْ يَسْمَعْ طَارِقٌ مِنَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. وَأَخْرَجَهُ الْحَاكِمُ مِنْ رِوَايَةِ طَارِقٍ الْمَذْكُورِ عَنْ أَبِي مُوسَى.

35. Daripada Tariq ibn Syihab (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Solat Jumaat hukumnya wajib ke atas setiap mulim yang dilakukan secara berjemaah, kecuali bagi empat kumpulan; hamba sahaya, perempuan, kanak-kanak dan orang sakit.*" (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan berkata: "Tariq belum pernah mendengar secara langsung daripada Nabi (s.a.w). Hadis ini turut disebut oleh al-Hakim daripada Tariq daripada Abu Musa (r.a).

٣٦- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَيْسَ عَلَى مُسَافِرٍ جُمُعَةٌ". رَوَاهُ الطَّبَرَانِيُّ بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ.

36. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Tidak ada kewajipan bagi orang yang sedang bermusafir mengerjakan solat Jumaat.*" (Diriwayatkan oleh al-Thabarani dengan sanad yang dha'if)

Makna Hadis

Islam sentiasa mengambil berat kemaslahatan umat manusia ketika menetapkan sesebuah hukum syariat tanpa memuatkan unsur yang bakal memudaratkan mereka apabila mereka berhalangan sehingga tidak dapat menunaikan kewajipan tersebut. Halangan tersebut ada kalanya bersifat peribadi atau bersifat mendatang. Kanak-kanak yang belum mencapai batas usia baligh tidak diwajibkan mengerjakan solat Jumaat. Wanita selalunya sibuk dengan urusan rumah tangga dan mengasuh anaknya di samping dikhuatiri menimbulkan fitnah apabila keluar rumah dan oleh kerananya, dia tidak diwajibkan mengerjakan solat Jumaat.

Seorang yang bermusafir tidak wajib mengerjakan solat Jumaat, kerana fikirannya sibuk dengan perjalanannya sehingga dia pun turut memperoleh keringanan untuk tidak mengerjakan kewajipan ini. Orang yang sedang sakit tidak mampu menghadiri solat Jumaat dan oleh kerananya, dia tidak wajib mengerjakan solat Jumaat dan tidak berdosa apabila tidak menghadirinya. Hamba sahaya mempunyai kewajipan melayan majikannya, sehingga solat Jumaat pun tidak diwajibkan ke atasnya.

Ketika haji wada', Nabi (s.a.w) tidak mengerjakan solat Jumaat di Arafah kerana baginda sedang dalam keadaan bermusafir. Dengan demikian, jelaslah kemudahan hokum-hakam Islam.

Analisis Lafaz

"الْجُمُعَةُ حَقٌّ وَاجِبٌ", solat Jumaat adalah wajib ke atas setiap orang yang telah memenuhi syarat-syarat wajib untuk melakukan solat Jumaat, iaitu lelaki, merdeka, bermukim, berusia baligh dan berkemampuan. Tetapi solat Jumaat tidak diwajibkan ke atas wanita, hamba sahaya, orang yang sedang bermusafir, kanak-kanak dan orang yang sedang sakit.

"رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ", hadis ini diriwayatkan oleh Abu Dawud. Lafaz hadisnya adalah seperti berikut:

الْجُمُعَةُ حَقٌّ وَاجِبٌ فِي جَمَاعَةٍ إِلاَّ أَرْبَعَةً: عَبْدٌ مَمْلُوْكٌ أَوِ امْرَأَةٌ أَوْ صَبِيٌّ أَوْ مَرِيْضٌ.

"*Solat Jumaat hukumnya wajib dilakukan secara berjemaah kecuali bagi empat kumpulan; hamba sahaya, wanita, kanak-kanak atau orang yang sedang sakit.*" Kemudian Abu Dawud berkata: "Tariq memang pernah melihat Nabi (s.a.w) dan dia termasuk salah seorang sahabatnya. Namun dia belum pernah mendengar satu hadis pun daripadanya."

"وَأَخْرَجَهُ الْحَاكِمُ مِنْ رِوَايَةِ طَارِقٍ الْمَذْكُورِ عَنْ أَبِي مُوسَى", Ibn Hajar di sini ingin menegaskan bahawa hadis ini berkedudukan sebagai *mawshul*, padahal sebelumnya berkedudukan sebagai *mursal*.

"بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ", dengan sanad yang dha'if, kerana hadis ini berasal daripada riwayat Abdullah ibn Nafi', seorang yang dha'if.

Fiqh Hadis

Solat Jumaat adalah fardu ain bagi setiap orang mukmin selain hamba sahaya, kerana jika itu diwajibkan ke atasnya maka keadaan ini boleh meninggalkan banyak pekerjaan dan tugasan majikannya. Apapun, jika majikannya membenarkannya untuk turut hadir mengerjakan solat Jumaat, maka dia dibolehkan menghadirinya dan solat Jumaatnya itu tetap dianggap sah. Wanita tidak diwajibkan mengerjakan solat Jumaat kerana dia sibuk dengan segala pekerjaan rumah tangga. Kanak-kanak juga tidak diwajibkan mengerjakan solat Jumaat kerana dia masih belum lagi diwajibkan mengerjakan solat, apatah lagi solat Jumaat. Begitu pula orang sakit tidak wajib menghadirinya kerana sakit yang dialaminya. Orang yang sedang bermusafir pun tidak diwajibkan mengerjakan solat Jumaat kerana fikirannya sentiasa disibukkan oleh urusan perjalanannya dan diselimuti oleh perasaan khuatir ditinggal oleh rombongannya.

Periwayat Hadis

Tariq ibn Syihab ibn Abd Syams ibn Salamah ibn Hilal al-Bajali al-Ahmasi, nama panggilannya Abu Abdullah. Beliau sempat menemui masa Jahiliah dan masa Nabi (s.a.w), tetapi beliau belum pernah mendengar badis daripadanya. Beliau meriwayatkan hadis daripada Nabi (s.a.w) secara mursal. Beliau juga meriwayatkan hadis daripada empat orang Khulafa' al-Rasyidin, Bilal, Huzaifah, dan sahabat-sahabat yang lain.

Telah diambil riwayat hadis daripadanya oleh Isma'il ibn Abu Khalid, Alqamah ibn Martsad, Qais ibn Muslim, Simak ibn Harb, dan sejumlah ulama yang lain. Hadis-hadisnya diriwayatkan oleh al-Jama'ah. Beliau meninggal dunia pada tahun 82 Hijriah.

٣٧- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ إِذَا اسْتَوَى عَلَى الْمِنْبَرِ اسْتَقْبَلْنَاهُ بِوُجُوهِنَا. رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ. وَلَهُ شَاهِدٌ مِنْ حَدِيثِ الْبَرَاءِ عِنْدَ ابْنِ خُزَيْمَةَ.

37. Daripada Abdullah ibn Mas'ud (r.a), beliau berkata: "Jika Rasulullah (s.a.w) telah naik ke atas mimbar, kami menghadapkan muka ke arahnya." (Diriwayatkan

oleh al-Tirmizi dengan sanad yang dha'if. Tetapi hadis ini mempunyai *syahid* yang menguatkannya, iaitu hadis al-Barra' yang ada pada Ibn Khuzaimah)

Makna Hadis

Para jemaah yang mendengarkan khutbah pada dasarnya dianjurkan untuk menghadapkan muka ke arah khatib sehingga dia pun dapat mengarahkan khutbahnya kepada mereka. Adalah tidak mungkin khutbah disampaikan sedangkan mereka memalingkan muka atau membelakangi khatib. Menghadapkan muka ke arah khatib merupakan perkara yang sentiasa dilakukan oleh para sahabat dan oleh kerananya, ia pun dianggap sebagai satu ijmak.

Analisis Lafaz

"إِذَا اسْتَوَى عَلَى الْمِنْبَرِ", apabila telah duduk di atas mimbar.

"اسْتَقْبَلْنَاهُ بِوُجُوهِنَا", kami menghadapkan muka ke arah wajahnya hingga kami berhadapan ke arahanya. Di dalam naskhah yang lain disebutkan "قابلناه بوجوهنا".

"بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ", dengan sanad yang dha'if, kerana hadis ini berasal daripada riwayat Muhammad ibn al-Fadhl ibn 'Atiyyah, seorang yang dha'if. Al-Tirmizi berkata: "Seorang yang memiliki sifat pelupa terhadap hadis."

Fiqh Hadis

Kaum muslimin yang menghadiri solat Jumaat disyariatkan menghadapkan muka mereka ke arah khatib. Andai kata mereka memalingkan muka ke arah lain, siapa pula yang menjadi sasaran khutbah?

٣٨- عَنِ الْحَكَمِ بْنِ حَزْنٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: شَهِدْنَا الْجُمُعَةَ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَامَ مُتَوَكِّئًا عَلَى عَصًا أَوْ قَوْسٍ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ.

38. Daripada al-Hakam ibnu Hazn (r.a), beliau berkata: "Kami pernah melakukan solat hari raya bersama Nabi (s.a.w), lalu baginda berdiri seraya bersandar ke arah sebuah tongkat atau sebuah busur panah." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) melakukan khutbah Jumaat dengan mengekalkan tradisi orang Arab berkhutbah dengan tujuan untuk mempujuk mereka. Oleh itu, baginda selalunya memelihara tata cara yang biasa dipakai oleh mereka. Di kalangan mereka seorang khatib melakukan khutbah sambil berdiri dan tangan kanannya bersandar atau memegangi sebuah tongkat atau sebilah busur panah. Tujuannya ialah untuk

menjaga agar khutbah tidak diperlekeh dan meneguhkan hati khatib agar tidak gentar sehingga penampilannya kelihatan berwibawa dan penuh dengan keteguhan hati. Oleh itu, disyariatkan berdiri ketika melakukan dua khutbah dan bersandar pada busur atau tongkat serta menghadapkan muka ke arah kaum muslimin yang hadir di hadapannya.

Analisis Lafaz

"رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ", hadis riwayat Abu Daud yang secara lengkap sesuai dengan tulisan yang terdapat dalam kitab Sunan Abu Dawud adalah seperti berikut:

فَحَمِدَ اللهَ، وَأَثْنَى عَلَيْهِ كَلِمَاتٍ خَفِيْفَاتٍ طَيِّبَاتٍ مُبَارَكَاتٍ، ثُمَّ قَالَ: "أَيُّهَا النَّاسُ! إِنَّكُمْ لَنْ تَطِيْقُوْا -أَوْ: لَنْ تَفْعَلُوْا- كُلَّ مَا أُمِرْتُمْ بِهِ، وَلَكِنْ سَدِّدُوْا وَأَبْشِرُوْا". قَالَ أَبُوْ عَلِيٍّ: سَمِعْتُ أَبَا دَاوُدَ قَالَ: ثَبَّتَنِي فِي شَيْءٍ مِنْهُ بَعْضُ أَصْحَابِي.

"Lalu baginda memuji Allah dan menyanjung-Nya melalui kalimat-kalimat yang singkat dipenuhi dengan keindahan dan keberkatan. Kemudian baginda bersabda: "Wahai umat manusia, sesungguhnya kamu tidak akan mampu atau tidak akan dapat mengerjakan seluruh apa yang diperintahkan kepada kamu, tetapi bersikaplah sederhana dan gembirakanlah hati kamu."[4] Abu Ali berkata: "Aku pernah mendengar Abu Dawud berkata: "Sebahagian hadis ini dianggap kuat oleh sebahagian murid-muridku."

"لَنْ تَطِيْقُوْا -أَوْ: لَنْ تَفْعَلُوْا- كُلَّ مَا أُمِرْتُمْ بِهِ", kamu tidak akan mampu mengerjakan seluruh apa yang diperintahkan kepada kamu. Jadi hendaklah kamu bersikap sederhana dalam beramal.

"سَدِّدُوْا", tetaplah kamu pada jalan yang lurus, iaitu jalan yang benar, tidak berlaku sesuka hati dan berlebihan. Maksudnya adalah hendaklah kamu berlaku sederhana dalam beramal.

"وَأَبْشِرُوْا", menggembirakan hati orang yang tidak mampu beramal secara sempurna, kerana ketidakmampuan itu selagi bukan kerana dibuat-buat tidak akan mengurangi ganjaran pahala.

"قَالَ أَبُوْ عَلِيٍّ", Abu Ali nama asalnya ialah Muhammad al-Lu'lu'i, salah seorang murid Ibn Hajar. Abu Dawud berkata: "Sebahagian hadis ini telah disebut oleh sebahagian muridnya yang sebelum ini dia merasa ragu terhadap hadis ini kerana

[4] Di dalam riwayat yang lain disebutkan: "ويسروا" (mudahkanlah) dengan sanad yang hasan, tetapi Ibn al-Sakan menilainya sahih. Hadis ini mempunyai *syahid* seperti mana yang disebut Abu Dawud daripada al-Barra' (r.a) yang mengatakan bahawa apabila Nabi (s.a.w) berkhutbah, baginda memegang sebilah *'anazah* miliknya. *'Anazah* adalah tombak pendek yang panjangnya kira-kira setengah atau lebih daripada tombak biasa, pada bahagian hujungnya terdapat besi tajam seperti yang terdapat pada tombak.

sebahagian daripada tulisannya telah hilang." Di sini dapat disimpulkan bahawa Ibn Hajar sangat menekankan ketelitian dalam mengemukakan hadis-hadisnya.

Periwayat Hadis

Al-Hakam ibn Hazn al-Kalafi ibn Abu Wahb al-Makhzumi. Muslim berkata: "Al-Asy'ats ibn Zuraiq belum pernah mengambil riwayat daripadanya."

Fiqh Hadis

1. Seorang khatib disunatkan berpegang pada sebuah tongkat atau busur panah ketika sedang menyampaikan khutbah. Hikmahnya ialah supaya tangan khatib tidak melakukan perkara-perkara yang dianggap sia-sia.
2. Disyariatkan memulakan khutbah dengan membaca *hamdalah* dan sanjungan kepada Allah (s.w.t).
3. Khatib dianjurkan memberikan bimbingan kepada umat manusia untuk melakukan perkara-perkara yang boleh mendatangkan maslahat bagi diri mereka dan menyampaikan berita gembira kepada mereka bahawa mereka akan memperoleh ganjaran pahala dari amal kebaikannya, supaya mereka bersemangat untuk terus beramal. Selain itu, khatib hendaklah menganjurkan mereka bersikap sederhana dalam beramal, yakni tidak memandangnya remeh dan tidak pula berlebihan.

Kesimpulan

Dari hadis-hadis yang telah disebut dalam bab ini dapat diambil beberapa kesimpulan seperti berikut:

1. Disunatkan membuat mimbar, memulakan khutbah, nasihat, ceramah, khutbah Jumaat dan khutbah hari raya dengan perkataan *amma ba'du*, membaca Surah al-Jumu'ah dan Surah al-Munafiqun ketika mengerjakan solat Subuh pada hari Jumaat, membaca Surah al-A'la dan Surah al-Ghasyiyah ketika mengerjakan solat dua hari raya dan solat Jumaat, solat sunat ba'diyah Jumaat maksimum empat rakaat, memisahkan solat fardu dengan solat sunat, solat sunat semampu yang mungkin sebelum khutbah dimulakan dan seorang khatib disunatkan berpegang pada sebuah tongkat atau sebuah busur ketika berkhutbah.
2. Disyariatkan mendirikan solat Jumaat dengan segera sesudah matahari tergelincir dari tengah langit, berdiri ketika berkhutbah, membaca al-Qur'an ketika khutbah, solat dua rakaat tahiyyatul masjid bagi orang yang memasuki masjid, berdoa dan memohon ampun kepada Allah bagi kaum mukminin lelaki dan perempuan ketika berkhutbah, menghadap kepada khatib, dan memulakan khutbah dengan membaca *hamdalah* dan sanjungan kepada Allah (s.w.t).

3. Menjelaskan bahawa solat Jumaat memiliki dua khutbah, rukun-rukun dua khutbah, jumlah orang yang menjadi syarat sahnya pelaksanaan solat Jumaat, syariat yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) membenarkan kitab-kitab suci yang terdahulu, dan orang yang tidak wajib mengerjakan solat Jumaat.
4. Dianjurkan singkat dalam berkhutbah, memanjangkan waktu pelaksanaan solat (Jumaat), dan menyuruh umat manusia bertakwa kepada Allah dalam berkhutbah.
5. Haram bercakap ketika khutbah sedang disampaikan dan dianjurkan *inshat* (diam) ketika mendengarkan khutbah.
6. Masjid merupakan syarat bagi solat Jumaat.
7. Keutamaan hari Jumaat kerana ia mengandungi *sa'ah al-ijabah*.
8. Pahala solat Jumaat berlipat ganda.
9. Menentukan sebahagian waktu *sa'ah al-ijabah* pada hari Jumaat.
10. Orang yang telah menghadiri solat hari raya yang bersamaan dengan hari Jumaat boleh mengerjakan solat Jumaat dan boleh pula meninggalkannya.
11. Salah satu keistimewaan Rasulullah (s.a.w) ialah baginda telah dianugerahi *jawami' al-kalim*.
12. Hukum orang yang sempat menjumpai satu rakaat bersama imam.
13. Perjalanan hidup para sahabat yang soleh dan sejauh mana perhatian mereka terhadap ibadah serta menegakkan syiar-syiar agama.

Soalan

1. Sebutkan keutamaan hari Jumaat!
2. Apakah hukum mengerjakan solat Jumaat dan bilakah ia difardukan?
3. Dimanakah solat Jumaat yang pertama sekali dikerjakan oleh Rasulullah (s.a.w)?
4. Bagaimanakah hukum membuat mimbar? Siapakah yang membuat mimbar untuk Nabi (s.a.w)? Sebutkan tahun berapa mimbar pertama kali dibuat! Berapa tingkat mimbar Nabi (s.a.w)?
5. Jelaskan makna *al-Khatm*!
6. Apakah akibat yang bakal diterima oleh orang meninggalkan solat Jumaat?
7. Jelaskan waktu solat Jumaat!
8. Siapakah ulama yang berpendapat bahawa solat Jumaat boleh dikerjakan pada waktu solat hari raya dan apa pula landasannya?
9. Apakah untuk mendirikan solat Jumaat disyaratkan jumlah tertentu bagi orang yang menghadirinya?
10. Jelaskan perbezaan pendapat ulama tentang jumlah paling sedikit bagi sahnya solat Jumaat! Siapakah di antara mereka yang tidak mensyaratkan

jumlah tertentu itu?

11. Jelaskan makna lafaz-lafaz berikut: "عير"، "فانفتل"، "مئنة"، "منذر جيش"، "أسفارا"، "أنصت" dan "لغوت"!
12. Apakah menghadiri dua khutbah merupakan syarat bagi sahnya solat Jumaat?
13. Bagaimanakah hukum dua khutbah pada solat Jumaat dan apakah syarat yang mesti dipenuhi untuk kedua-dua khutbah itu?
14. Bagaimanakah hukum orang yang menjumpai satu rakaat dari solat Jumaat? Bagaimanakah hukum orang yang menjumpai solat Jumaat kurang daripada satu rakaat?
15. Bagaimanakah hukum berdiri dalam melakukan dua khutbah dan duduk di antara keduanya? Sebutkan perselisihan pendapat ulama mengenai masalah ini!
16. Jelaskan dalil ulama yang mengatakan wajib berdiri ketika melakukan dua khutbah!
17. Bagaimanakah bimbingan Nabi (s.a.w) dalam melakukan dua khutbah?
18. Apakah yang disunatkan bagi khatib?
19. Jelaskan tanda yang menunjukkan kealiman seorang lelaki!
20. Sebutkan hikmah yang terkandung dalam kaitan antara solat yang panjang dengan kealiman seseorang! Apakah yang dimaksudkan dengan pengertian solat yang panjang?
21. Jelaskan hikmah yang terdapat dalam kaitan antara khutbah yang singkat dan kealiman seseorang! Sebutkan tingkatan-tingkatan dalam khutbah!
22. Apakah surah yang sering dibaca setiap Jumaat oleh Nabi (s.a.w) di atas mimbar? Mengapa baginda memilih surah itu? Sebutkan hikmahnya!
23. Bolehkah mengulang-ulangi nasihat di dalam khutbah?
24. Jelaskan keutamaan para sahabat wanita pada permulaan Islam!
25. Bagaimanakah hukum bercakap ketika khutbah sedang disampaikan?
26. Bagaimanakah hukum bercakap selain dalam khutbah Jumaat?
27. Apakah percakapan yang dibolehkan ketika khutbah sedang dibacakan?
28. Apakah bercakap diharamkan selain waktu khutbah Jumaat?
29. Siapakah nama lelaki yang masuk ke dalam masjid seperti mana yang disebutkan di dalam hadis "bahawa seorang lelaki masuk (ke dalam masjid) pada hari Jumaat ketika Nabi (s.a.w) sedang berkhutbah"?
30. Apakah maksud solat yang diinginkan oleh Nabi (s.a.w) dalam perintahnya terhadap lelaki tersebut: "Berdirilah kamu dan kerjakan solat dua rakaat!"?
31. Bagaimanakah hukum mengerjakan solat tahiyyatul masjid pada waktu-waktu yang dimakruhkan?
32. Apakah orang yang hanya lewat di dalam masjid turut disunatkan melakukan solat tahiyyatul masjid?

33. Apakah solat tahiyyatul masjid terlewatkan waktunya lantaran duduk? Jelaskan pendapat ulama mengenai masalah ini!
34. Apakah surah yang dibaca oleh Nabi (s.a.w) ketika mengerjakan solat Jumaat dan solat dua hari raya?
35. Jelaskan hikmah mengapa Nabi (s.a.w) secara khusus sering membaca surah-surah tersebut!
36. Bagaimanakah hukum apabila pada hari yang sama terjadi dua hari raya? Bagaimanakah pendapat jumhur ulama mengenainya? Apakah sanggahan mereka terhadap hadis yang menerangkan masalah ini?
37. Orang yang mendapat rukhsah boleh meninggalkan solat Jumaat, apakah wajib mengerjakan solat Zohor di rumahnya?
38. Apakah setelah solat Jumaat ada sunat ba'diyah dan berapa jumlah rakaat yang paling sempurna?
39. Bagaimanakah bimbingan Nabi (s.a.w) apabila baginda mengerjakan solat tersebut di dalam masjid atau di dalam rumahnya?
40. Jelaskan bagaimana perhatian syariat Islam terhadap keadaan orang awam!
41. Mengapa syariat Islam menganjurkan agar solat fardu dipisahkan dengan solat sunat?
42. Apakah hukum larangan yang terdapat dalam hadis berikut: "Apabila kamu mengrjakan solat Jumaat, maka janganlah kamu terus menyambungnya dengan solat yang lain sebelum kamu bercakap atau keluar (dari masjid)"?
43. Ceritakan keutamaan hari Jumaat! Jelaskan jenis dosa yang diampuni pada hari Jumaat!
44. Bilakah bercakap diharamkan pada hari Jumaat?
45. Apakah hikmah yang terdapat dalam tambahan tiga hari setelah tujuh hari mengenai masalah ampunan?
46. Jelaskan sabda Nabi (s.a.w) yang mengatakan: "فصلى ما قدر له"!
47. Apakah yang dimaksudkan dengan istilah *al-sa'ah* dalam hitungan waktu? Apakah waktu yang dimaksudkan di ini bersifat tertentu ataukah masih samar? Apakah hikmah yang terdapat di sebalik rahsia waktu itu?
48. Apakah makna yang dimaksudkan dari lafaz *al-qiyam* dan *al-shalah* dalam hadis: "وهو قائم يصلي"!
49. Apakah hukum khatib yang memohonkan ampunan bagi kaum mukminin lelaki dan perempuan ketika menyampaikan khutbah? Sebutkan hikmahnya!
50. Bagaimanakah hukum membaca suatu ayat pada salah satu daripada dua khutbah? Jelaskan pendapat ulama mengenainya!
51. Bagaimanakah hukum memilih ayat-ayat al-Qur'an untuk dibaca?
52. Jelaskan syarat-syarat wajib solat Jumaat!
53. Sebutkan siapakah orang yang tidak wajib mengerjakan solat Jumaat! Jelaskan alasannya!

54. Huraikan autobiografi Tariq ibn Syihab!
55. Apakah yang harus dilakukan oleh kaum muslimin ketika mendengar khutbah Jumaat? Sebutkan hukumnya!
56. Bagaimanakah tatacara berkhutbah di kalangan masyarakat Arab? Mengapa Nabi (s.a.w) mengekalkan tradisi mereka?
57. Sebutkan hikmah memegang tongkat atau busur panah ketika sedang melakukan khutbah!

BAB SOLAT KHAUF

٣٩- عَنْ صَالِحِ بْنِ خَوَّاتٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَمَّنْ صَلَّى مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ ذَاتِ الرِّقَاعِ صَلاَةَ الْخَوْفِ: أَنَّ طَائِفَةً مِنْ أَصْحَابِهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَفَّتْ مَعَهُ وَطَائِفَةً وِجَاهَ اَلْعَدُوِّ، فَصَلَّى بِالَّذِينَ مَعَهُ رَكْعَةً، ثُمَّ ثَبَتَ قَائِمًا وَأَتَمُّوا لِأَنْفُسِهِمْ، ثُمَّ انْصَرَفُوا فَصَفُّوا وِجَاهَ الْعَدُوِّ، وَجَاءَتِ الطَّائِفَةُ الْأُخْرَى، فَصَلَّى بِهِمْ الرَّكْعَةَ الَّتِي بَقِيَتْ، ثُمَّ ثَبَتَ جَالِسًا وَأَتَمُّوا لِأَنْفُسِهِمْ، ثُمَّ سَلَّمَ بِهِمْ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَهَذَا لَفْظُ مُسْلِمٍ. وَوَقَعَ فِي "الْمَعْرِفَةِ" لِابْنِ مَنْدَهْ عَنْ صَالِحِ بْنِ خَوَّاتٍ عَنْ أَبِيهِ.

39. Daripada Shalih ibn Khawwat (r.a) daripada seseorang yang pernah mengerjakan solat bersama Nabi (s.a.w) ketika Perang Zat al-Riqa', iaitu solat khauf bahawa sekumpulan sahabat berbaris membuat satu saf bersamanya, sedangkan sekumpulan yang lain menghadapi musuh, lalu baginda solat bersama orang yang berbaris dengannya sebanyak satu rakaat. Kemudian baginda diam seraya berdiri, sedangkan mereka menyelesaikan solatnya masing-masing bersendirian. Setelah itu mereka salam dan langsung berbaris menghadapi musuh. Lalu datanglah golongan yang lain, baginda pun solat bersama mereka sejumlah rakaat yang tersisa, kemudian baginda diam seraya duduk, sedangkan mereka menyelesaikan solatnya masing-masing bersendirian, kemudian baginda melakukan salam bersama-sama mereka." (Muttafaq 'alaih. Lafaz hadis menurut Muslim. Di dalam kitab *al-Ma'rifah* karya Ibn Mandah disebutkan daripada Shalih ibn Khawwat daripada ayahnya).

Makna Hadis

Oleh kerana solat adalah tiang agama yang kedua, maka Islam selalu memelihara agar solat dikerjakan tepat pada waktunya, walau dalam keadaan yang sangat genting sekalipun seperti ketika sedang perang dan saling serang menyerang dengan musuh. Maka dalam keadaan disyariatkan solat khauf dan Rasulullah

(s.a.w) menerangkannya dengan caranya yang beraneka ragam mengikut situasi dan keadaan. Semua itu bertujuan supaya kaum muslimin sentiasa mengambil berat soal solat yang merupakan tiang agama, kecintaan ahli ibadah serta merupakan munajat kepada Tuhan semesta alam.

Analisis Lafaz

"صلاة الخوف", solat dalam keadaan takut diserang musuh, kerana dalam situasi sedemikian diperkirakan bakal terjadi perkara-perkara yang di luar jangkaan. Tata caranya pun beraneka ragam. Adakalanya satu cara dengan cara yang lain saling melengkapkan, tetapi semua itu dapat disimpulkan bahawa musuh itu adakalanya berada di arah kiblat dan adakalanya pula berada di arah yang selain. Hikmah solat khauf ini ialah mengerjakan solat secara berjemaah bagi memperoleh keutamaannya tetapi tetap disertai dengan kewaspadaan terhadap serangan musuh.

"عَنْ صَالِحِ بْنِ خَوَّاتٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَمَّنْ صَلَّى مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", di dalam kitab Shahih Muslim disebutkan daripada Shalih ibn Khawwat ibn Jubair, daripada Sahl ibn Abu Hatsmah. Muslim dalam satu riwayat menjelaskan semua orang yang meriwayatkannya dan di dalam riwayat yang lain tidak menyebutkannya.

"يَوْمَ ذَاتِ الرِّقَاعِ", Perang Zat al-Riqa' terjadi pada akhir tahun ke-5 Hijriah sesudah Perang Khaibar. Perang ini diberi nama demikian kerana telapak kaki kaum muslimin ketika itu melepuh akibat panas yang menyengat dan kerasnya batu-batuan hingga mereka terpaksa membalut kaki mereka dengan kain pembalut. Menurut pendapat yang lain, perang ini diberi nama dengan nama sebuah bukit yang terdapat di daerah itu dan bukit tersebut tanahnya ada yang berwarna putih, hitam serta merah. Menurut pendapat yang lain, tanah yang mereka datangi mempunyai warna yang beraneka ragam hingga mirip dengan tambalan sulam. Menurut pendapat yang lain pula, panji perang milik mereka koyak, lalu mereka menambalnya dengan cara menyulamnya.

"صَفَّتْ", mereka membuat barisan (saf).

"طَائِفَةٌ", sekelompok manusia, yakni sebahagian pasukan. Lafaz ini menunjukkan jumlah suatu kelompok, sama ada yang berjumlah sedikit mahupun ramai.

"وِجَاهَ الْعَدُوِّ", berhadapan dengan musuh.

"وَأَتَمُّوا لِأَنْفُسِهِمْ", mereka mengerjakan rakaat yang bakinya masing-masing secara bersendirian, lalu mengucapkan salam.

"ثُمَّ ثَبَتَ جَالِسًا", lalu Nabi (s.a.w) tetap dalam keadaan duduk tanpa salam kerana menunggu golongan lain untuk menyelesaikan rakaat yang terakhir. Ketika mereka telah selesai mengerjakannya, barulah Nabi (s.a.w) bersalam bersama mereka supaya memperoleh keutamaan ikut salam bersamanya, sebagaimana golongan pertama memperoleh keutamaan takbiratul ihram bersamanya.

“وَوَقَعَ فِي الْمَعْرِفَةِ”, dan telah dicatat di dalam kitab *al-Ma’rifah*.

“لاَبْنِ مَنْدَهْ”, beliau seorang imam, hafiz, pengembara, dan pakar hadis pada zamannya. Nama panggilannya Abu Abdullah, sedangkan nama asalnya Muhammad ibn al-Syeikh Abu Ya’qub Ishaq ibn al-Hafiz Abu Abdullah Muhammad ibn Abu Zakariyya atau Yahya ibn Mandah. Ibn Mandah tidak banyak mengetengahkan hadis, meninggal dnia pada tahun 395 Hijriah.

“عَنْ أَبِيهِ”, ayah Shalih adalah Khawwat ibn Jubair, seorang sahabat yang disegani. Peperangan yang mula-mula diikutinya ialah Perang Uhud. Beliau meninggal dunia di Madinah pada tahun 40 Hijriah. Di sini disebutkan secara jelas nama orang yang menceritakan hadis ini, iaitu Abu Shalih, tetapi di dalam Shahih Muslim disebutkan bahawa dia adalah Sahl ibn Abu Hatsmah.

Fiqh Hadis

1. Memuliakan solat dengan mengerjakannya secara berjemaah, kerana Rasulullah (s.a.w) sentiasa memeliharanya, sekalipun itu pada waktu perang. Oleh itu, sebahagian ulama ada yang mengatakan bahawa solat berjemaah adalah fardu ain.
2. Disyariatkan mengqasar solat dalam perjalanan dan dalam keadaan ketakutan.
3. Menjelaskan mengenai cara yang pertama dalam mengerjakan solat khauf, sementara musuh berada di arah lain selain kiblat. Caranya, imam menunggu golongan yang kedua, sedangkan golongan pertama menyelesaikan rakaat kedua sendiri-sendiri hingga keluar dari solat dengan mengucapkan salam, lalu pergi untuk menghadapi serangan musuh. Jumhur ulama memilih cara ini kerana cara ini lebih mendekati pemahaman zahir ayat yang membahas mengenainya. Sedangkan Imam Abu Hanifah memilih cara yang kedua, yang akan disebutkan di dalam hadis Ibnu Umar (r.a) sesudah hadis ini.

Periwayat Hadis

Shalih ibn Khawwat ibn Jubair ibn al-Nu’man al-Ansari al-Madani. Beliau meriwayatkan hadis daripada ayahnya dan juga daripada Sahl ibn Abu Hatsmah. Telah diambil riwayat hadis daripadanya oleh al-Qasim ibn Muhammad ibn Abu Bakar al-Shiddiq, Amir ibn Abdullah, dan Yazid ibnu Ruman. Al-Nasa’i dan Ibn Hibban menilainya sebagai orang yang *tsiqah* (boleh dipercaya).

Sahl ibn Abu Hatsmah nama asalnya adalah Abdullah ibn Amir ibn Sa’idah al-Ansari al-Haritsi, seorang sahabat yang masih berusia kanak-kanak dan turut serta dalam Bai’at al-Ridhwan. Beliau meriwayatkan 25 hadis, dan telah diambil riwayat hadis daripadanya oleh Shalih ibn Khawwat dan Urwah ibn al-Zubair. Al-Hafiz al-Zahabi berkata: “Beliau meninggal dunia pada zaman pemerintahan Mu’awiyah.”

٤٠- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: غَزَوْتُ مَعَ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قِبَلَ نَجْدٍ، فَوَازَيْنَا الْعَدُوَّ، فَصَافَفْنَاهُمْ، فَقَامَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي بِنَا، فَقَامَتْ طَائِفَةٌ مَعَهُ، وَأَقْبَلَتْ طَائِفَةٌ عَلَى الْعَدُوِّ، وَرَكَعَ بِمَنْ مَعَهُ، وَسَجَدَ سَجْدَتَيْنِ، ثُمَّ انْصَرَفُوا مَكَانَ الطَّائِفَةِ الَّتِي لَمْ تُصَلِّ فَجَاءُوا، فَرَكَعَ بِهِمْ رَكْعَةً، وَسَجَدَ سَجْدَتَيْنِ، ثُمَّ سَلَّمَ، فَقَامَ كُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمْ، فَرَكَعَ لِنَفْسِهِ رَكْعَةً، وَسَجَدَ سَجْدَتَيْنِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَهَذَا لَفْظُ الْبُخَارِيِّ.

40. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: "Aku pernah ikut berperang bersama Rasulullah (s.a.w) menuju daerah Najd. Maka kami menghadapi musuh, lalu kami menyiapkan barisan untuk menghadapi mereka. Rasulullah berdiri, lalu baginda mengerjakan solat bersama kami. Sekumpulan kaum berdiri bersamanya, sedangkan golongan yang lain menghadapi musuh. Baginda melakukan rukuk bersama orang yang bermakmum kepadanya dan melakukan dua kali sujud (bersama mereka). Kemudian mereka pergi untuk menggantikan kedudukan orang yang belum solat, lalu mereka yang belum solat itu datang, dan Nabi (s.a.w) melakukan satu rukuk dan dua sujud bersama-sama mereka hingga baginda salam (sendirian). Setelah itu, masing-masing dari kedua-dua golongan tersebut melakukan satu rukuk dan dua sujud secara sendiri-sendiri (secara bergantian)." (Muttafaq 'alaih. Lafaz hadis menurut al-Bukhari)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) mengerjakan solat khauf pada hari-hari yang berlainan dengan menggunakan cara yang berlainan pula. Setiap solat yang dilakukannya dalam keadaan ketakutan selalunya mengambil berat kawalan keselamatan yang ketat dan berhati-hati dalam mengerjakan solat tanpa mengabaikan cara yang paling mudah untuk dilaksanakan kerana merasa kasihan kepada para mujahidin. Solat khauf, meskipun memiliki cara yang berlainan, tetapi maksudnya adalah sama. Dalil solat khauf ini adalah firman Allah (s.w.t):

فَإِنْ خِفْتُمْ فَرِجَالًا أَوْ رُكْبَانًا ..... ﴿٢٣٩﴾

"*Jika kamu dalam keadaan takut (bahaya), maka solatlah sambil berjalan atau berkenderaan…*" (Surah al-Baqarah: 239)

Analisis Lafaz

"غَزَوْتُ مَعَ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", *ghazwah* adalah peperangan yang diikuti oleh Rasulullah (s.a.w), yakni baginda sendiri yang memimpin peperangan tersebut. Jumlah *ghazwah* yang diikuti oleh Rasulullah (s.a.w) sebanyak dua puluh tujuh. Lawan kata *ghazwah* ialah *sariyyah* iaitu suatu pasukan yang dikirim oleh Rasulullah (s.a.w) sedangkan baginda tidak bersama mereka. Jumlah keseluruhan *sariyyah* yang pernah dikirimnya sebanyak lima puluh.

"قِبَلَ", ke arah atau menuju.

"نَجْدٍ", ia terletak di Ghathfan. Najd adalah dataran tinggi yang terletak di Semenanjung Arab mulai dari Tihamah sampai Iraq.

"فَوَازَيْنَا الْعَدُوَّ", maka kami menghadapi musuh.

"فَقَامَتْ طَائِفَةٌ مَعَهُ", maka segolongan dari pasukan kaum muslimin berdiri untuk mengerjakan solat bersamanya, kerana pada kesempatan itu musuh berada di arah selain kiblat.

"وَأَقْبَلَتْ طَائِفَةٌ عَلَى الْعَدُوِّ", sedangkan segolongan yang lain berdiri dan berjaga menghadap musuh.

"وَرَكَعَ بِمَنْ مَعَهُ، وَسَجَدَ سَجْدَتَيْنِ، ثُمَّ انْصَرَفُوا", para makmum pergi sesudah mereka menyelesaikan satu rakaat kemudian bersiap menghadap musuh, kerana saat itu musuh berada di arah selain kiblat, sedangkan Rasulullah (s.a.w) tetap berdiri.

"مَكَانَ الطَّائِفَةِ الَّتِي لَمْ تُصَلِّ", untuk menggantikan kedudukan dan posisi pasukan yang belum solat dalam menghadapi musuh.

"فَجَاءُوا", kemudian golongan yang kedua datang, iaitu mereka yang semula berjaga, sedangkan Rasulullah (s.a.w) ketika itu dalam keadaan berdiri pada rakaatnya yang kedua menunggu mereka yang belum solat. Kemudian baginda mengerjakan solat bersama mereka satu rakaat hingga baginda menyelesaikan rakaatnya yang kedua, sedangkan mereka menyempurnakan rakaat mereka yang kedua.

"ثُمَّ سَلَّمَ", kemudian Rasulullah (s.a.w) mengucapkan salam secara bersendirian.

"فَقَامَ كُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمْ، فَرَكَعَ لِنَفْسِهِ رَكْعَةً، وَسَجَدَ سَجْدَتَيْنِ", mereka menyelesaikan rakaat mereka yang kedua secara bersendirian, sedangkan usaha menyelesaikan solat ini mereka lakukan secara bergantian agar situasi tetap dalam keadaan terkawal dan terjaga.

Fiqh Hadis

1. Mengutamakan pelaksanaan solat secara berjemaah, sekalipun dalam keadaan yang sangat genting.
2. Menjelaskan cara kedua dalam mengerjakan solat khauf ketika musuh tidak berada di arah kiblat. Caranya, golongan yang telah mengerjakan solat satu rakaat bersama imam pergi, lalu bersiap menghadapi serangan musuh

meskipun mereka masih berada dalam solat untuk menggantikan golongan yang sebelumnya berjaga. Kemudian golongan yang kedua meninggalkan tugas kawalan untuk bermakmum kepada Nabi (s.a.w) pada rakaat yang terakhir, sedangkan mereka menyelesaikan solatnya secara sendiri-sendiri secara bergantian. Cara inilah yang menjadi pegangan Imam Abu Hanifah dan Imam Muhammad.

٤١- عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: شَهِدْتُ مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَاةَ الْخَوْفِ، فَصَفَّنَا صَفَّيْنِ: صَفٌّ خَلْفَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالْعَدُوُّ بَيْنَنَا وَبَيْنَ الْقِبْلَةِ، فَكَبَّرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَبَّرْنَا جَمِيعًا، ثُمَّ رَكَعَ وَرَكَعْنَا جَمِيعًا، ثُمَّ رَفَعَ رَأْسَهُ مِنَ الرُّكُوعِ وَرَفَعْنَا جَمِيعًا، ثُمَّ انْحَدَرَ بِالسُّجُودِ وَالصَّفُّ الَّذِي يَلِيهِ، وَقَامَ الصَّفُّ الْمُؤَخَّرُ فِي نَحْرِ الْعَدُوِّ، فَلَمَّا قَضَى السُّجُودَ، قَامَ الصَّفُّ الَّذِي يَلِيهِ.... فَذَكَرَ الْحَدِيثَ.

وَفِي رِوَايَةٍ: ثُمَّ سَجَدَ وَسَجَدَ مَعَهُ الصَّفُّ الْأَوَّلُ، فَلَمَّا قَامُوا سَجَدَ الصَّفُّ الثَّانِي، ثُمَّ تَأَخَّرَ الصَّفُّ الْأَوَّلِ وَتَقَدَّمَ الصَّفُّ الثَّانِي... فَذَكَرَ مِثْلَهُ. وَفِي آخِرِهِ: ثُمَّ سَلَّمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَسَلَّمْنَا جَمِيعًا. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

وَلِأَبِي دَاوُدَ: عَنْ أَبِي عَيَّاشٍ الزُّرَقِيِّ مِثْلُهُ، وَزَادَ: أَنَّهَا كَانَتْ بِعُسْفَانَ.

41. Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: "Saya ikut bersama Rasulullah (s.a.w) ketika mengerjakan solat khauf, lalu baginda membariskan kami menjadi dua saf. Satu saf berada di belakang Rasulullah (s.a.w), sedangkan musuh berada di antara kami dan arah kiblat. Lalu Nabi (s.a.w) bertakbir dan kami pun bertakbir bersamanya. Kemudian baginda rukuk dan kami juga turut rukuk bersamanya. Kemudian baginda mengangkat kepala dari rukuk, kami pun mengangkat kepala bersamanya. Kemudian baginda menunduk untuk sujud diikuti oleh saf yang berada di belakangnya, sedangkan saf yang berada paling belakang tetap berdiri (siaga) menghadapi musuh. Setelah baginda melakukan sujud, maka berdirilah saf yang berada di belakangnya, hingga akhir hadis.

Di dalam riwayat yang lain disebutkan seperti berikut: "Kemudian baginda sujud, dan saf yang pertama sujud pula bersamanya. Setelah mereka berdiri, maka saf yang kedua sujud. Untuk itu, saf yang pertama mundur, sedangkan saf yang kedua maju ke hadapan. Sambungan hadis ini sama dengan hadis yang sebelumnya, tetapi pada bahagian akhir disebutkan: "Kemudian Nabi (s.a.w) bersalam dan kami bersalam pula (bersamanya)." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Menurut riwayat Abu Dawud daripada Abu Ayyasy al-Zurqi disebutkan perkara yang serupa, namun ditambahkan: "Sesungguhnya solat khauf ini terjadi di Usfan."

Makna Hadis

Hadis ini menceritakan salah satu cara mengerjakan solat khauf apabila musuh berada di arah kiblat. Oleh kerana kawalan dapat dilakukan dalam keadaan sedemikian meskipun setiap pasukan sibuk dengan solat, maka Nabi (s.a.w) melakukan solat bersama para sahabatnya. Namun ketika mereka sujud, segolongan dari kaum muslimin maju ke hadapan, sedangkan golongan yang lain mundur. Hal tersebut dilakukan sebagai satu usaha untuk memastikan keselamatan tetap diutamakan, kerana dikhuatiri musuh menyerang mereka ketika sedang sujud. Cara ini menggabungkan antara solat dan kawalan yang rapi secara sekali gus.

Analisis Lafaz

"فَذَكَرَ الْحَدِيثَ", Jabir (r.a) meneruskan kisahnya hingga akhir hadis. Bentuk lengkap hadis ini seperti berikut:

انْحَدَرَ الصَّفُّ الْمُؤَخَّرُ بِالسُّجُودِ وَقَامُوا، ثُمَّ تَقَدَّمَ الصَّفُّ الْمُؤَخَّرُ وَتَأَخَّرَ الصَّفُّ الْمُقَدَّمُ، ثُمَّ رَكَعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَرَكَعْنَا جَمِيعًا، ثُمَّ رَفَعَ رَأْسَهُ مِنَ الرُّكُوعِ وَرَفَعْنَا جَمِيعًا، ثُمَّ انْحَدَرَ بِالسُّجُودِ وَالصَّفُّ الَّذِي يَلِيهِ الَّذِي كَانَ مُؤَخَّرًا فِي الرَّكْعَةِ الْأُولَى وَقَامَ الصَّفُّ الْمُؤَخَّرُ فِي نُحُورِ الْعَدُوِّ، فَلَمَّا قَضَى النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ السُّجُودَ وَالصَّفُّ الَّذِي يَلِيهِ انْحَدَرَ الصَّفُّ الْمُؤَخَّرُ بِالسُّجُودِ فَسَجَدُوا، ثُمَّ سَلَّمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَسَلَّمْنَا جَمِيعًا، قَالَ جَابِرٌ: كَمَا يَصْنَعُ حَرَسُكُمْ هَؤُلَاءِ بِأُمَرَائِهِمْ.

"Saf yang berada di belakang Nabi (s.a.w) menunduk untuk sujud, lalu mereka berdiri, kemudian saf yang berada di belakangnya maju ke hadapan, sedangkan saf yang berada di hadapan mundur ke belakang. Kemudian Nabi (s.a.w) rukuk dan kami pun rukuk bersamanya. Setelah itu baginda mengangkat kepalanya dari rukuk, dan kami pun mengangkat kepala (bersamanya). Sesudah itu, baginda menunduk untuk sujud bersama saf yang berada di belakangnya, iaitu mereka yang pada rakaat pertama berada di belakang, sedangkan saf yang berada di belakang berdiri menghadapi musuh. Ketika Nabi (s.a.w) telah menyelesaikan sujudnya bersama saf yang ada di belakangnya, maka barulah saf yang (tadinya) berada di belakang menunduk untuk sujud. Setelah mereka sujud, Nabi (s.a.w) bersalam, dan kami pun bersalam (bersamanya). Jabir berkata: "Itu sama seperti yang dilakukan oleh para pengawal kamu ketika menjaga amir-amir kamu."

"شَهِدْتُ مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", aku ikut solat bersama baginda.

"وَالْعَدُوُّ بَيْنَنَا وَبَيْنَ الْقِبْلَةِ", sedangkan musuh berada di arah kiblat.

"ثُمَّ انْحَدَرَ بِالسُّجُودِ وَالصَّفُّ الَّذِي يَلِيهِ", kemudian Nabi (s.a.w) melakukan sujud bersama saf yang di belakangnya.

"ثُمَّ تَقَدَّمَ الصَّفُّ الْمُؤَخَّرُ وَتَأَخَّرَ الصَّفُّ الْمُقَدَّمُ", maka majulah saf yang kedua ke belakang imam, sedangkan saf yang tadinya berada di belakang imam mundur ke belakang menempati posisi saf yang kedua.

"فِي نُحُورِ الْعَدُوِّ", di hadapan musuh.

"فَلَمَّا قَضَى النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ السُّجُودَ", Nabi (s.a.w) telah selesai dari sujudnya.

"كَمَا يَصْنَعُ حَرَسُكُمْ هَؤُلَاءِ بِأُمَرَائِهِمْ", seperti yang dilakukan oleh para penjaga ketika menjaga amir, iaitu mereka berdiri di hadapan kepalanya dalam keadaan bersiap sedia untuk menjaganya dari serangan musuh ketika ia sedang melakukan solat. *Al-Hurras* adalah para pengawal peribadi yang menerima gaji dari amir, khusus untuk menjaga dan mengawalnya. Bentuk tunggal dari lafaz *hurras* ialah *haris*.

"وَفِي رِوَايَةٍ", maksudnya dalam riwayat yang lain menurut Muslim daripada Jabir (r.a) disebutkan seperti berikut:

غَزَوْنَا مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَوْمًا مِنْ جُهَيْنَةَ فَقَاتَلُونَا قِتَالاً شَدِيدًا، فَلَمَّا صَلَّيْنَا الظُّهْرَ، قَالَ الْمُشْرِكُونَ: لَوْ مِلْنَا عَلَيْهِمْ مَيْلَةً لاَقْتَطَعْنَاهُمْ، فَأَخْبَرَ جِبْرِيلُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَلِكَ فَذَكَرَ ذَلِكَ لَنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: فَقَالُوا إِنَّهُ سَتَأْتِيهِمْ صَلاَةٌ هِيَ أَحَبُّ إِلَيْهِمْ مِنَ الأُولَى، فَلَمَّا حَضَرَتِ الْعَصْرُ، قَالَ: صَفَفْنَا صَفَّيْنِ وَالْمُشْرِكُونَ بَيْنَنَا وَبَيْنَ الْقِبْلَةِ، قَالَ: فَكَبَّرَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَبَّرْنَا وَرَكَعَ فَرَكَعْنَا، ثُمَّ سَجَدَ وَسَجَدَ مَعَهُ الصَّفُّ الأَوَّلُ، فَلَمَّا قَامُوا سَجَدَ الصَّفُّ الثَّانِي، ثُمَّ تَأَخَّرَ الصَّفُّ الأَوَّلُ وَتَقَدَّمَ الصَّفُّ الثَّانِي، فَقَامُوا مَقَامَ الأَوَّلِ فَكَبَّرَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَبَّرْنَا وَرَكَعَ فَرَكَعْنَا، ثُمَّ سَجَدَ مَعَهُ الصَّفُّ الأَوَّلُ وَقَامَ الثَّانِي، فَلَمَّا سَجَدَ الصَّفُّ الثَّانِي جَلَسُوا جَمِيعًا، ثُمَّ سَلَّمَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَسَلَّمْنَا جَمِيعًا.

"Kami bersama Rasulullah (s.a.w) berperang melawan suatu kaum dari kalangan Juhainah. Mereka memerangi kami dengan sengit. Ketika kami telah menyelesaikan solat Zohor, orang musyrik berkata: "Andaikan kita menyerang mereka (kaum muslimin) dengan serangan yang serentak (ketika mereka sedang solat), nescaya

kita mampu mencerai-beraikan mereka." Lalu malaikat Jibril memberilahukan hal tersebut kepada Rasulullah (s.a.w), kemudian baginda menceritakannya kepada kami. Baginda bersabda: "Mereka (kaum musyrikin) mengatakan bahawa sebentar lagi akan datang suatu solat yang lebih dicintai oleh mereka (kaum muslimin) daripada solat yang pertama (solat Zohor)." Ketika waktu solat Asar telah masuk, baginda membariskan kami menjadi dua saf, sedangkan kaum musyrikin (musuh) berada di antara kami dan arah kiblat. Rasulullah (s.a.w) bertakbir, kami pun bertakbir; baginda rukuk, kami juga rukuk; baginda melakukan sujud, lalu yang mengikutinya hanyalah orang yang berada pada saf yang pertama; dan ketika mereka telah berdiri, maka barulah saf yang kedua sujud. Saf yang pertama mundur menggantikan kedudukan saf kedua, sedangkan saf yang kedua maju menduduki posisi saf pertama. Lalu Rasulullah (s.a.w) bertakbir, kami pun bertakbir; baginda rukuk, kami juga ikut rukuk; kemudian baginda sujud dan diikuti oleh saf yang pertama, sedangkan saf yang dua bangun (berdiri siaga). Ketika saf kedua telah melakukan sujud, mereka duduk lalu Nabi (s.a.w) salam dan kami juga ikut salam (bersamanya)."

"قَوْمًا مِنْ جُهَيْنَةَ", suatu kaum dari kalangan kabilah Juhainah.

"لَوْ مِلْنَا عَلَيْهِمْ مَيْلَةً لاَقْتَطَعْنَاهُمْ", seandainya kita serang mereka ketika sedang melakukan solat, nescaya kita dapat membinasakan mereka.

"فَأَخْبَرَ جِبْرِيلُ رَسُولَ الله صَلَّى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", malaikat Jibril memberitahu kepada Nabi (s.a.w) apa yang telah direncanakan oleh kaum musyrikin.

"فَذَكَرَ ذَلِكَ لَنَا رَسُولُ الله صَلَّى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", Rasulullah (s.a.w) menceritakan pada kami apa yang telah disampaikan oleh malaikat Jibril (a.s).

"وَلِأَبِي دَاوُدَ: عَنْ أَبِي عَيَّاشٍ الزُّرَقِيِّ مِثْلُهُ", yakni hadis yang serupa dengan apa yang diriwayatkan oleh Jabir (r.a).

"وَزَادَ: أَنَّهَا كَانَتْ بِعُسْفَانَ", tambahan ini menjelaskan tentang tempat solat. Lafaz hadis ini adalah seperti berikut:

كُنَّا مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِعُسْفَانَ، وَعَلَى الْمُشْرِكِينَ خَالِدُ بْنُ الْوَلِيدِ فَصَلَّيْنَا الظُّهْرَ، فَقَالَ الْمُشْرِكُونَ: لَقَدْ أَصَبْنَا غِرَّةً، لَقَدْ أَصَبْنَا غَفْلَةً، لَوْ كُنَّا حَمَلْنَا عَلَيْهِمْ وَهُمْ فِي الصَّلاَةِ، فَنَزَلَتْ آيَةُ الْقَصْرِ بَيْنَ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ، فَلَمَّا حَضَرَتْ الْعَصْرُ قَامَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُسْتَقْبِلَ الْقِبْلَةِ وَالْمُشْرِكُونَ أَمَامَهُ، فَصَفَّ خَلْفَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَفٌّ وَصَفَّ بَعْدَ ذَلِكَ الصَّفِّ صَفٌّ آخَرُ فَرَكَعَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَرَكَعُوا جَمِيعًا، ثُمَّ سَجَدَ وَسَجَدَ الصَّفُّ الَّذِينَ يَلُونَهُ، وَقَامَ الْآخَرُونَ يَحْرُسُونَهُمْ، فَلَمَّا صَلَّى هَؤُلاَءِ السَّجْدَتَيْنِ وَقَامُوا سَجَدَ الْآخَرُونَ الَّذِينَ كَانُوا

خَلْفَهُمْ، ثُمَّ تَأَخَّرَ الصَّفُّ الَّذِي يَلِيهِ إِلَى مَقَامِ ٱلآخَرِينَ وَتَقَدَّمَ الصَّفُّ ٱلأَخِيرُ إِلَى مَقَامِ الصَّفِّ ٱلأَوَّلِ، ثُمَّ رَكَعَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَرَكَعُوا جَمِيعًا، ثُمَّ سَجَدَ وَسَجَدَ الصَّفُّ الَّذِي يَلِيهِ وَقَامَ ٱلآخَرُونَ يَحْرُسُونَهُمْ، فَلَمَّا جَلَسَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالصَّفُّ الَّذِي يَلِيهِ سَجَدَ ٱلآخَرُونَ، ثُمَّ جَلَسُوا جَمِيعًا، فَسَلَّمَ عَلَيْهِمْ جَمِيعًا فَصَلاَّهَا بِعُسْفَانَ وَصَلاَّهَا يَوْمَ بَنِي سُلَيْمٍ.

"Kami bersama Rasulullah (s.a.w) berada di Usfan. Pasukan kaum musyrikin di bawah pimpinan (komando) Khalid ibn al-Walid (yang pada ketika itu belum masuk Islam). Kemudian kami melakukan solat Zohor, dan orang musyrik berkata: "Sesungguhnya kita telah mengetahui kaum muslimin lengah dan lalai. Seandainya kita serang mereka ketika sedang solat (nescaya kita dapat menghancurkan mereka)." Maka turunlah ayat qasar (yang membolehkan mengqasar solat) antara solat Zohor dengan solat Asar. Ketika waktu solat tiba, Rasulullah (s.a.w) bangkit berdiri menghadap ke arah kiblat, sedangkan pasukan kaum musyrikin berada di hadapannya. Lalu segolongan kaum muslimin membentuk suatu saf di belakang Rasulullah (s.a.w), sedangkan golongan yang lain membentuk satu saf lagi di belakang saf pertama. Kemudian Rasulullah (s.a.w) rukuk, mereka pun rukuk. lalu baginda melakukan sujud yang diikuti oleh saf yang berada di belakangnya, sedangkan saf yang lain tetap berdiri dalam keadaan siaga penuh menjaga mereka. Ketika saf pertama telah melakukan dua kali sujud dan berdiri, maka sujudlah saf yang lain yang berada di belakang mereka (saf pertama). Saf yang berada di belakang Nabi (s.a.w) mundur menduduki posisi saf yang berada di belakangnya, sedangkan saf yang berada di belakang maju ke hadapan menempati kedudukan saf pertama. Kemudian Rasulullah (s.a.w) rukuk, mereka pun ikut rukuk. Lalu baginda sujud diikuti oleh saf yang berada di belakangnya, sedangkan saf yang paling belakang mengawal mereka. Ketika Rasulullah (s.a.w) duduk bersama dengan saf yang berada di belakangnya, maka barulah saf yang lain sujud. Selanjutnya mereka sama-sama duduk, dan Nabi (s.a.w) bersalam bersama mereka. Nabi (s.a.w) melakukan solat ini di Usfan juga ketika berperang dengan Bani Sulaim."

"بِعُسْفَانَ", nama sebuah tempat. Ini terjadi sesudah Perang al-Khandaq dan perang Bani Quraizhah.

"وَعَلَى الْمُشْرِكِينَ خَالِدُ بْنُ الْوَلِيدِ", panglima perang pasukan kaum musyrikin adalah Khalid ibn al-Walid yang pada ketika itu belum masuk Islam.

"لَقَدْ أَصَبْنَا غِرَّةً", sesungguhnya kita telah mengetahui kaum muslimin sedang lengah, kerana mereka disibukkan oleh solat.

"لَوْ كُنَّا حَمَلْنَا عَلَيْهِمْ", seandainya kita menyerang mereka ketika mereka sedang solat.

"فَنَزَلَتْ آيَةُ الْقَصْرِ", maka turunlah ketika itu ayat qasar, iaitu firman-Nya:

وَإِذَا ضَرَبْتُمْ فِى ٱلْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن تَقْصُرُوا۟ مِنَ ٱلصَّلَوٰةِ ..... ﴿١٠١﴾

"*Apabila kamu musafir di muka bumi, maka tidaklah mengapa kamu mengqasar solat (kamu)...*" (Surah al-Nisa: 101)

"فَصَفَّ خَلْفَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", maka berdirilah segolongan pasukan kaum muslimin di belakang Rasulullah (s.a.w) dalam keadaan berbaris saf demi saf.

"ثُمَّ جَلَسُوا جَمِيعًا", masing-masing dari kedua saf tersebut duduk untuk melakukan tasyahhud.

"فَصَلاَّهَا بِعُسْفَانَ وَصَلاَّهَا يَوْمَ بَنِي سُلَيْمٍ", Nabi (s.a.w) melakukan solat khauf seperti ini dua kali: Pertama, di Usfan; Kedua, di tempat Bani Sulaim. Perang melawan Bani Sulaim terjadi sesudah Perang Badar dan Perang Uhud, iaitu di al-Kudr, nama sebuah tempat yang terletak lapan *barid* (batu) dari kota Madinah.

Fiqh Hadis

1. Mengutamakan solat berjemaah, kerana Rasulullah (s.a.w) sentiasa melakukannya, sekalipun dalam keadaan perang.
2. Menjelaskan cara yang ketiga dalam melakukan solat khauf ketika musuh berada di arah kiblat. Caranya, kedua saf melakukan rukuk bersama-sama dengan imam. Namun, saf pertama sahaja yang ikut sujud bersamanya, sedangkan saf yang kedua tetap berdiri untuk berjaga-jaga. Setelah saf pertama selesai sujud, mereka berdiri untuk berjaga-jaga, sedangkan saf kedua melakukan sujud pertama bersama imam setelah menempati kedudukan saf pertama. Kemudian pada rakaat yang kedua mereka melakukan hal yang sama seperti apa yang telah mereka lakukan pada rakaat pertama dan akhirnya mereka bersalam secara bersamaan.

   Penjagaan terhadap serangan musuh hanya mereka lakukan ketika sujud, bukan ketika rukuk, sedangkan semua mereka berada dalam solat.
3. Disyariatkan jamak dan qasar semasa dalam perjalanan, dan kasih sayang Allah berlimpah ke atas umat ini.
4. Solat khauf pada mulanya disyariatkan di 'Usfan.

Periwayat Hadis

Abu 'Ayyasy al-Zurqi, nama asalnya adalah Zaid ibn al-Shamit, namun menurut pendapat yang lain adalah Abdul Rahman ibn Mu'awiyah ibn al-Shamit ibn Zaid ibn Khaldah ibn Mukhallad ibn Amir ibn Zuraiq. Beliau telah meriwayatkan hadis ini daripada Nabi (s.a.w), riwayatnya telah diambil oleh Mujahid ibn Jabr dan Abu Shalih al-Zayyat. Beliau turut serta dalam Perang Uhud dan peperangan

lain sesudahnya. Abu Dawud dan al-Nasa'i menyebut hadis-hadis yang diriwayatkannya.

٤٢- وَلِلنَّسَائِيِّ مِنْ وَجْهٍ آخَرَ عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى بِطَائِفَةٍ مِنْ أَصْحَابِهِ رَكْعَتَيْنِ، ثُمَّ سَلَّمَ، ثُمَّ صَلَّى بِآخَرِينَ أَيْضًا رَكْعَتَيْنِ، ثُمَّ سَلَّمَ. وَمِثْلُهُ لِأَبِي دَاوُدَ، عَنْ أَبِي بَكْرَةَ.

42. Menurut al-Nasa'i menerusi jalur yang lain daripada Jabir (r.a) disebutkan sebagai berikut: "Nabi (s.a.w) mengerjakan solat dua rakaat bersama segolongan sahabatnya, lalu baginda bersalam. Kemudian baginda mengerjakan solat lagi sebanyak dua rakaat bersama dengan segolongan yang lain, lalu bersalam." Hadis yang serupa turut disebutkan oleh Abu Dawud daripada Abu Bakrah.

Makna Hadis

Apa yang disebutkan di dalam hadis ini merupakan cara keempat dalam mengerjakan solat khauf. Cara ini mempunyai keistimewaan tersendiri memandangkan Nabi (s.a.w) melakukan solat secara sempurna yang baginda bahagikan kepada kedua golongan pasukan kaum muslimin, sedangkan musuh tidak berada di arah kiblat.

Al-Tahawi meyakini bahawa cara ini telah di-*mansukh*. Beliau mengatakan demikian kerana berlandaskan kepada kaedah mazhabnya yang menegaskan bahawa orang yang solat fardu tidak boleh bermakmum kepada orang yang sedang mengerjakan solat sunat sedangkan ulama yang selainnya mengatakan bahawa tidak ada dalil yang me-*mansukh* hadis ini.

Analisis Lafaz

"وَلِلنَّسَائِيِّ مِنْ وَجْهٍ آخَرَ", dan menurut al-Nasa'i di mana ini berlainan dengan jalur yang disebut oleh Muslim.

"صَلَّى بِطَائِفَةٍ مِنْ أَصْحَابِهِ رَكْعَتَيْنِ، ثُمَّ سَلَّمَ، ثُمَّ صَلَّى بِآخَرِينَ أَيْضًا رَكْعَتَيْنِ، ثُمَّ سَلَّمَ", maksudnya ialah Nabi (s.a.w) melakukan solat yang pertama sebagai solat fardu, sedangkan solat yang berikutnya sebagai solat sunat.

"وَمِثْلُهُ لِأَبِي دَاوُدَ", hadis yang serupa turut diketengahkan oleh Abu Dawud daripada Abu Bakrah yang lafaznya sebagai berikut:

عَنْ أَبِي بَكْرَةَ قَالَ: صَلَّى النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي خَوْفٍ الظُّهْرَ فَصَفَّ بَعْضُهُمْ خَلْفَهُ وَبَعْضُهُمْ بِإِزَاءِ الْعَدُوِّ فَصَلَّى بِهِمْ رَكْعَتَيْنِ، ثُمَّ سَلَّمَ فَانْطَلَقَ الَّذِينَ صَلَّوْا مَعَهُ

فَوَقَفُوا مَوْقِفَ أَصْحَابِهِمْ، ثُمَّ جَاءَ أُولَئِكَ فَصَلَّوْا خَلْفَهُ فَصَلَّى بِهِمْ رَكْعَتَيْنِ، ثُمَّ سَلَّمَ فَكَانَتْ لِرَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَرْبَعًا وَلِأَصْحَابِهِ رَكْعَتَيْنِ رَكْعَتَيْنِ.

"Nabi (s.a.w) mengerjakan solat Zohor dalam keadaan khauf (perang), lalu baginda membariskan sebahagian daripada mereka (pasukan kaum muslimin) satu saf di belakangnya, sedangkan sebahagian yang lain menghadapi musuh. Nabi (s.a.w) mengerjakan solat sebanyak dua rakaat, lalu bersalam sementara itu orang yang telah solat bersamanya pergi, lalu mereka berdiri menggantikan posisi teman-temannya yang sedang berjaga. Selanjutnya datanglah mereka yang belum solat untuk mengerjakan solat di belakang Nabi (s.a.w). Kemudian baginda mengerjakan solat dua rakaat lagi bersama mereka dan bersalam. Rasulullah (s.a.w) melakukan solat sebanyak empat rakaat, sedangkan bagi para sahabatnya yang terdiri daripada dua kumpulan itu sebanyak dua rakaat-dua rakaat."

"إِزَاءِ الْعَدُوِّ", menghadapi musuh.

"فَانْطَلَقَ", maka pergilah.

Fiqh Hadis

1. Mengutamakan solat berjemaah.
2. Menjelaskan cara keempat dalam melakukan solat khauf ketika musuh tidak berada di arah kiblat, di mana imam mengerjakan solat sebanyak dua kali untuk golongan masing-masing.
3. Disyariatkan mengqasar solat dalam keadaan khauf (perang).
4. Orang yang sedang solat fardu boleh bermakmum kepada orang yang sedang mengerjakan solat sunat.

٤٣- عَنْ حُذَيْفَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى صَلَاةَ الْخَوْفِ بِهَؤُلَاءِ رَكْعَةً، وَبِهَؤُلَاءِ رَكْعَةً، وَلَمْ يَقْضُوا. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ. وَمِثْلُهُ عِنْدَ ابْنِ خُزَيْمَةَ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ.

43. Daripada Huzaifah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah melakukan solat khauf satu rakaat bersama mereka dan satu rakaat berikutnya bersama golongan yang lain dan mereka tidak melanjutkan solat itu lagi. (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud dan al-Nasa'i, dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban. Hadis yang serupa turut dikemukakan oleh Ibn Khuzaimah daripada Ibn Abbas (r.a).

٤٤- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "صَلَاةُ الْخَوْفِ رَكْعَةٌ عَلَى أَيِّ وَجْهٍ كَانَ". رَوَاهُ الْبَزَّارُ بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ.

44. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Solat khauf dikerjakan satu rakaat dengan menghadap ke mana-mana arah." (Diriwayatkan oleh al-Bazzar dengan sanad yang dha'if)

Makna Hadis

Ini merupakan cara kelima untuk mengerjakan solat khauf, tetapi agak sukar untuk fahami kerana solat ini dilakukan hanya satu rakaat tanpa ada kelanjutannya. Sehubungan ini, Imam al-Syafi'i berkata: "Hadis ini tidak kuat." Dengan demikian, pendapat ini sudah cukup untuk memecahkan masalah berkaitan dengannya. Sedangkan ulama yang selainnya memilih makna zahir hadis dan mereka menjadikan solat khauf hanya satu rakaat bagi imam dan makmum. Mereka yang mengatakan demikian antara lain ialah al-Tsauri dan sekumpulan ulama yang lain.

Penulis (Ibn Hajar) dalam kitab ini (Bulugh al-Maram) hanya mengemukakan lima cara pelaksanaan solat khauf, sedangkan Abu Dawud menambah tiga lagi cara sebagai tambahan ke atas apa yang disebut oleh Ibn Hajar. Dengan demikian, cara mengerjakan solat khauf menurut Abu Dawud ada lapan cara. Sedangkan ada pula sebahagian ulama yang menjadikannya hingga tujuh belas cara.

Nabi (s.a.w) secara garis besarnya telah mengerjakan solat khauf berulang kali. Oleh itu, penukilan yang dilakukan oleh para sahabat mengenai tatacaranya berbeza-beza antara satu sama lain, hingga ia banyak memiliki ragam. Akan tetapi, cara yang paling kuat di antara semua itu ialah cara yang disebut di dalam hadis Ibn Umar (r.a). Ini disebabkan oleh dua faktor; pertama, sanad hadisnya kuat; kedua, cara tersebut bersesuaian dengan kaedah asal yang mengatakan bahawa makmum masih belum sempurna solatnya kecuali sesudah imam menyempurnakan solatnya.

Analisis lafaz

"لَمْ يَقْضُوا", mereka tidak menyelesaikan rakaat yang berikutnya secara sendiri-sendiri, tetapi setiap kumpulan cukup melakukan satu rakaat yang mereka lakukan bersama imam.

"وَمِثْلُهُ عِنْدَ ابْنِ خُزَيْمَةَ", hadis yang serupa turut disebut oleh Ibnu Khuzaimah yang hadisnya sama dengan hadis Huzaifah dan lafaznya daripada Ibn Abbas (r.a) sebagai berikut:

فَرَضَ اللّٰهُ تَعَالَى الصَّلاَةَ عَلَى لِسَانِ نَبِيِّكُمْ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْحَضَرِ أَرْبَعًا وَفِي السَّفَرِ رَكْعَتَيْنِ وَفِي الْخَوْفِ رَكْعَةً.

"Allah telah memfardukan solat ke atas Nabi kamu di mana ketika bermukim sebanyak empat rakaat, ketika dalam perjalanan sebanyak dua rakaat, dan ketika

keadaan perang satu rakaat."

"عَلَى أَيِّ وَجْهٍ كَانَ", sama ada menghadap kiblat ataupun tidak adalah sama sahaja.

"بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ", dengan sanad yang dhaif, kerana di dalam sanadnya terdapat Muhammad ibn Abdul Rahman al-Bailamani, seorang yang sangat dha'if.

Al-Nasa'i mengemukakan satu hadis yang mengatakan bahawa Rasulullah (s.a.w) mengerjakan solat dengan cara sedemikian di Dzu Qirad. Ibn Hibban menilainya sahih, begitu pula yang selainnya; tetapi Imam al-Syafi'i mengatakan bahawa kesahihan hadis ini masih belum dapat dibuktikan.

Fiqh Hadis

1. Menjelaskan cara kelima untuk melakukan solat khauf ketika musuh tidak berada di arah kiblat. Kumpulan pertama mengerjakan satu rakaat bersama imam dan demikian pula kumpulan kedua hanya mengerjakan satu rakaat bersama imamnya.
2. Solat khauf satu rakaat bagi imam dan makmum, sama ada menghadap ke arah kiblat ataupun tidak. Ini adalah mengikut pendapat ulama yang berpegang kepada makna zahir hadis, sedangkan pendapat jumhur ulama telah diterangkan sebelum ini.

٤٥- وَعَنْهُ مَرْفُوعًا: "لَيْسَ فِي صَلاَةِ الْخَوْفِ سَهْوٌ". أَخْرَجَهُ الدَّارَقُطْنِيُّ بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ.

45. Daripada Ibn Umar (r.a) secara *marfu'* bahawa dalam solat khauf tidak ada *sahwi*. (Disebut oleh al-Daraquthni dengan sanad yang dha'if)

Makna Hadis

Solat khauf sama dengan solat-solat yang lain di mana ada kemungkinan dilakukan *sahwi* (lupa) ketika mengerjakan solat yang kemudian ditampal dengan sujud sahwi yang dilakukan oleh seseorang yang lupa itu tanpa mengira sama ada sujud sahwi itu dilakukan sebelum salam ataupun sesudahnya. Cara mengerjakan sujud sahwi dalam solat khauf sama dengan sujud sahwi dalam solat biasa. Dalam solat khauf tidak ada keistimewaan yang membolehkannya bebas daripada melakukan sujud sahwi jika lupa melakukan sesuatu yang semestinya dilakukan ketika solat. Hadis yang diketengahkan oleh penulis (Ibn Hajar) daripada Ibn Umar (r.a) sebenarnya berkedudukan *mawquf* dan hadis *mawquf* termasuk bahagian daripada hadis dha'if. Ia tidak dapat dijadikan sebagai hujah dan oleh kerananya, tidak seorang ulama pun yang menjadikannya sebagai pegangan dan tidak ada seorang pun yang mahu mengamalkannya.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Ibn Umar (r.a) yang sumbernya sama dengan hadis sebelumnya.

"أَخْرَجَهُ الدَّارَقُطْنِيُّ", hadis diketengahkan oleh al-Daraquthni yang pada kenyataannya tidak dijumpai dalam kitab yang ditulis oleh al-Daraquthni, tetapi ia boleh didapati di dalam kitab *Majma' al-Zawa'id*. Al-Thabarani telah meriwayatkan pula hadis ini di dalam kitab *al-Kabir*.

"بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ", dengan sanad berkedudukan sebagai dha'if, kerana di dalamnya terdapat al-Walid ibn al-Fadhl. Ibn Hibban dan al-Daraquthni menilainya sebagai dha'if.

Pembahasan

Ulama telah mengemukakan beberapa syarat berikut dalam solat khauf, iaitu:

1. Bermusafir, kerana berlandaskan kepada firman-Nya:

   وَإِذَا ضَرَبْتُمْ فِى ٱلْأَرْضِ..... ﴿١٠١﴾

   "*Dan apabila kamu bermusafir di muka bumi….*" (Surah al-Nisa': 101)

   Dalil yang lain pula adalah Rasulullah (s.a.w) belum pernah mengerjakannya ketika baginda sedang bermukim. Tetapi mazhab Hanafi dan mazbab al-Syaf'ii mengatakan bahawa bermusafir bukanlah syarat bagi melaksanakan solat khauf, kerana berlandaskan kepada firman-Nya:

   وَإِذَا كُنتَ فِيهِمْ ..... ﴿١٠٢﴾

   "*Dan apabila kamu berada di tengah-tengah mereka (sahabatmu)…*" (Surah al-Nisa: 102) Ini satu kefahaman bahawa ayat ini di-*'athaf*-kan (dikaitkan) dengan firman-Nya sebelum ini, iaitu: "*Dan apabila kamu bermusafir di muka bumi...*" (Surah al-Nisa': 101)

   Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa makna ayat yang kedua ini tidak termasuk ke dalam ikatan yang terdapat di dalam ayat pertama.

2. Hendaklah solat khauf dilakukan pada akhir waktunya, kerana solat khauf merupakan pengganti solat dalam keadaan aman, sehingga masih belum memenuhi syarat untuk mengerjakannya kecuali tidak ada harapan lagi untuk mengerjakan solat seperti mana dalam keadaan aman.

   Ulama mazhab al-Syafi'i dan mazbab Hanafi mengatakan bahawa solat khauf sudah memadai apabila dikerjakan pada awal waktunya memandangkan keumuman dalil mengenai masalah waktu solat.

3. Menyandang senjata ketika sedang solat. Menurut Imam al-Syafi'i, ini wajib kerana adanya perintah supaya berbuat demikian di dalam ayat. Hendaklah berperang untuk tujuan yang suci sama ada kewajipan berperang adalah

wajib aini ataupun wajib kifayah.

4. Hendaklah orang yang solat merasa khuatir akan diserang musuh dan berada dalam keadaan yang terdedah kepada serangan musuh, bukan berada dalam keadaan sebagai penyerang. Ini kerana apabila pasukan Islam berada dalam keadaan menyerang, bererti mereka mempunyai kesempatan untuk mengerjakan solat secara sempurna.

Kesimpulan

Berdasarkan hadis-hadis yang dikemukakan dalam bab ini dapatlah diambil beberapa kesimpulan sebagai berikut:

1. Menjelaskan empat cara melakukan solat khauf apabila musuh tidak berada di arah kiblat dan satu cara untuk melakukan solat khauf apabila musuh berada di arah kiblat.
2. Orang yang solat fardu boleh bermakmum kepada imam yang solat sunat.

Soalan

1. Bilakah Perang Zat al-Riqa' terjadi? Mengapa diberi nama sedemikian?
2. Gambarkan solat khauf yang disebutkan dalam hadis Perang Zat al-Riqa'! Sebutkan pula keistimewaannya!
3. Islam sentiasa mengambil berat dan mementingkan solat berjemaah, meskipun dalam keadaan khauf (perang). Sebutkan hikmahnya!
4. Cara yang berlainan dalam mengerjakan solat khauf mengandung hikmah tersendiri. Sebutkan dengan jelas!
5. Gambarkan cara kedua dalam melakukan solat khauf! Siapakah di antara ulama yang menjadikannya sebagai pegangan? Sebutkan keistimewaan yang terdapat di dalam cara kedua ini!
6. Ceritakan cara ketiga dalam melakukan solat khauf! Di mana ia dilakukan dan apa pula keistimewaan yang ada padanya?
7. Jelaskan perkara-perkara yang menunjukkan keutamaan solat Asar yang terdapat di dalam hadis tersebut!
8. Sebutkan *asbab al-nuzul* yang terdapat dalam ayat qasr!
9. Ceritakan cara keempat dalam melakukan solat khauf! Sebutkan keistimewaan yang ada padanya! Apakah manfaat yang dapat diambil daripadanya? Siapakah yang mengatakan bahawa cara tersebut telah di-*mansukh*?
10. Sebutkan cara kelima dalam melakukan solat khauf! Sebutkan keistimewaan yang ada padanya! Siapakah yang berpegang dengan makna zahir hadis ini? Bagaimanakah cara memecahkan kemusykilan (kesukaran) yang ada padanya?

11. Sebutkan jumlah kesemua nukilan cara-cara solat khauf! Sebutkan dalil yang paling kuat!
12. Jelaskan kelemahan hadis yang mengatakan: "*Di dalam solat khauf tidak ada sahwi*"! Apakah hadis ini dijadikan pegangan oleh mana-mana ulama?

BAB SOLAT HARI RAYA AIDIL FITRI DAN AIDIL ADHA

٤٦- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الْفِطْرُ يَوْمَ يُفْطِرُ النَّاسُ، وَالْأَضْحَى يَوْمَ يُضَحِّي النَّاسُ". رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ.

46. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Hari raya aidil fitri adalah hari orang berbuka dan hari raya aidil adha adalah hari orang berkurban.*" (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi)

Makna Hadis

Jika seseorang melihat anak bulan pada malam hari raya, maka wajib baginya mengamalkan apa yang dia yakini dalam dirinya tanpa perlu mengira sama ada hakim bakal menerima kesaksiannya ataupun tidak. Dalam masalah solat hari raya, berbuka dan berqurban, dia wajib mengikut keputusan yang telah dibuat oleh lembaga kehakiman kerana dikhuatir menimbulkan kekacauan. Inilah kefahaman yang terdapat di dalam hadis ini. Adapun sanggahan Ibn Abbas (r.a) terhadap kesaksian seseorang iaitu Kuraib yang telah menyaksikan penduduk negeri Syam telah berpuasa pada hari Jumaat melalui perkataannya: "Sesungguhnya kami melihat anak bulan pada malam Sabtu," maka ini memuatkan dua tafsiran. Pertama, barangkali Ibn Abbas (r.a) ingin menyatakan adanya perbezaan waktu kemunculan anak bulan antara negeri Syam dengan negeri Hijaz. Inilah landasan yang betul. Kedua, barangkali pula Ibn Abbas (r.a) menolak kesaksian satu orang kerana beliau mensyaratkan adanya sejumlah saksi dalam masalah ini. Apapun, di dalam hadis tersebut tidak didapati bukti yang menunjukkan bahawa Ibn 'Abbas (r.a) menyuruh Kuraib mengamalkan apa yang bercanggah dengan keyakinan dirinya.

Analisis Lafaz

"العيدين", bentuk *tatsniyah* daripada lafaz "عيد", diambil dari kata terbitan "العود". Kemudian huruf *waw* diganti dengan huruf *ya'*, lalu harakat *'ain* diganti menjadi *kasrah* supaya munasabah dengan huruf *ya'* yang jatuh sesudahnya, hingga jadilah "العيد". Menurut tatabahasa, seharusnya bentuk jamak kalimat ini adalah "أعواد", tetapi ternyata dijamakkan dalam bentuk "أعياد" untuk membezakan lafaz ini dengan lafaz "أعواد" yang merupakan bentuk jamak dari lafaz "عود" yang bermaksud "kayu". Menurut pakar bahasa pula, itu lantaran kekalnya huruf *ya'* dalam bentuk tunggalnya.

Diberi nama "عيد" (hari raya) kerana ia kembali berulang dalam setiap tahun dan rahmat serta kebaikan berlimpah kepada hamba Allah pada hari itu, terlebih-lebih lagi yang berkaitan dengan pengampunan dosa. Kedua-dua hari raya yang dimaksudkan di sini adalah hari raya aidil fitri dan hari raya aidil adha. Waktu mengerjakan solat hari raya aidil fitri ialah ketika matahari berada pada ketinggian dua penggalan (setinggi dua tombak), sedangkan waktu mengerjakan solat hari raya aidil adha ialah ketika matahari berada pada ketinggian sepenggalah (setinggi tombak). Inilah pendapat jumhur ulama. Hikmah yang terdapat dalam solat hari raya aidil adha ialah disunatkan menahan diri untuk tidak makan sebelum selesai solat dan sesudahnya barulah seseorang dibolehkan makan sebahagian daripada haiwan qurbannya. Jika solat tidak segera dikerjakan, maka ini bakal mengganggu mereka yang melakukannya sebab terlampau lama mereka menahan diri untuk tidak makan. Sedangkan dalam solat hari raya aidil fitri disunatkan mengakhirkan solat, kerana dengan mengakhirkan solat terdapat waktu luang yang memadai untuk mengagihkan zakat fitrah sebelumnya memandangkan inilah yang lebih diutamakan.

Menurut mazhab Maliki, solat dua hari raya dilakukan apabila matahari telah tinggi sepenggalah tanpa ada perbezaan di antara keduanya. Hukum mengerjakan solat hari raya adalah sunat mu'akkad menurut jumhur ulama dan fardu kifayah bagi lelaki menurut ulama mazhab Hanbali.

"الْفِطْرُ يَوْمَ يُفْطِرُ النَّاسُ", hari raya aidil fitri adalah hari raya berbuka bersama dengan orang ramai.

"يَوْمَ يُضَحِّي النَّاسُ", hari ketika orang ramai menyembelih haiwan qurban untuk mendekatkan diri kepada Allah (s.w.t).

Fiqh Hadis

Apa yang mesti dijadikan pedoman dalam menetapkan hari raya ialah mengikuti orang ramai. Seseorang yang melihat rukyah hari raya tetap diwajibkan menyesuaikan dirinya dengan khalayak ramai secara hukum dalam mengerjakan solat hari raya, berbuka dan melakukan qurban. Jumhur ulama mengatakan bahawa barang siapa yang melihat anak bulan Syawal, namun kesaksiannya tidak dapat diterima oleh majlis hakim, maka dia tidak boleh berbuka.

Imam al-Syafi'i berkata: "Dia boleh berbuka kecuali jika dikhuatir akan dituduh dengan tuduhan yang buruk. Dalam keadaan ini hendaklah dia menahan diri daripada makan dan minum, tetapi dengan meyakini bahawa dirinya berada dalam hari raya."

Ulama bersepakat bahawa barang siapa yang melihat anak bulan puasa, walaupun kesaksiannya tidak dapat diterima oleh majlis hakim, maka dia tetap diwajibkan puasa sendirian."

٤٧- عَنْ أَبِي عُمَيْرِ بْنِ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنْ عُمُومَةٍ لَهُ مِنَ الصَّحَابَةِ أَنَّ رَكْبًا جَاءُوا، فَشَهِدُوا أَنَّهُمْ رَأَوُا الْهِلاَلَ بِالْأَمْسِ، فَأَمَرَهُمْ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُفْطِرُوا، وَإِذَا أَصْبَحُوا يَغْدُوا إِلَى مُصَلاَّهُمْ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ -وَهَذَا لَفْظُهُ- وَإِسْنَادُهُ صَحِيحٌ.

47. Daripada Abu 'Umair ibn Anas ibn Malik (r.a) daripada salah seorang bapa saudaranya yang juga dikategorikan sebagai sahabat bahawa serombongan kafilah datang, lalu mereka bersaksi bahawa mereka telah melihat anak bulam pada hari sebelumnya. Mendengar itu, Nabi (s.a.w) menyuruh berbuka dan pada keesokan harinya mereka diperintahkan keluar menuju ke tempat solat (untuk mengerjakan solat hari raya). (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Dawud. Hadis ini menurut riwayat Abu Dawud, dan sanadnya berkedudukan sahih)

Makna Hadis

Jika waktu hari raya telah diketahui sebelum waktu solatnya habis, maka solat hari raya hendaklah segera dikerjakan pada hari itu. Namun jika hari raya masih belum diketahui melainkan sesudah waktu solatnya habis, maka solat hari raya hendaklah dilakukan pada hari berikutnya dan dianggap sebagai solat qadha'.

Hadis yang menerangkan hukum ini berkaitan hari raya aidil fitri, kemudian diqiaskan kepadanya hari raya aidil adha.

Analisis Lafaz

"عُمُومَةٍ لَهُ", lafaz *'umuumah* merupakan bentuk jamak dari lafaz "عم" yang bermaksud bapa saudara. Bapa saudara Abu Umair adalah sahabat dan oleh kerananya, ini tidak menimbulkan cacat hadis meskipun nama dan identiti mereka tidak diketahui dengan berlandaskan kepada satu kaedah bahawa setiap sahabat adalah adil.

"رَكْبًا", serombongan kafilah dalam perjalanan pulang setelah melakukan usaha perniagaan yang berada di luar kota Madinah.

"رَأَوُا الْهِلاَلَ بِالْأَمْسِ", mereka telah melihat anak bulan Syawal, sedangkan penduduk Madinah tidak melihatnya, kerana ketika itu cuaca Madinah dipenuhi

awan hingga pada waktu pagi hari itu mereka tetap berpuasa.

"فَأَمَرَهُمْ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُفْطِرُوا", Nabi (s.a.w) menyuruh mereka berbuka, kerana hari itu merupakan hari raya sesuai dengan kesaksian beberapa saksi.

"وَإِذَا أَصْبَحُوا يَغْدُوا إِلَى مُصَلاَّهُمْ", dan pada keesokan harinya mereka diperintahkan keluar menuju tempat solat untuk mengerjakan solat hari raya.

Fiqh Hadis

Jika waktu solat hari raya telah berlalu pada hari pertama, maka solat hari raya hendaklah dilaksanakan pada hari kedua bulan Syawal sebelum matahari tergelincir. Inilah pendapat mazhab Hanbali dan mazhab Hanafi. Mereka mengatakan pula bahawa tidak ada perbezaan antara terlewat lantaran keliru atau wujudnya faktor lain yang dikategorikan sebagai uzur.

Menurut pendapat yang sahih dalam mazhab al-Syafi'i, solat mestilah diqadha' dalam waktu yang tidak perlu diberi batasan, kerana disunatkan mengqadha' solat sunat yang dilakukan pada waktu tertentu apabila waktunya telah berlalu.

Imam Malik berkata: "Jika mereka mengetahui hari raya sebelum matahari tergelincir, maka solat hari raya mestilah segera dikerjakan. Jika matahari telah tergelincir, maka solat hari raya tidak perlu lagi dikerjakan, sama ada pada hari itu ataupun pada hari berikutnya kerana solat hari raya itu merupakan suatu amal ibadah yang mesti dilakukan pada waktu yang telah ditentukan, ia tidak boleh dikerjakan pada waktu lain selain daripada waktu yang telah ditetapkan."

Periwayat Hadis

Abu Umair ibn Anas ibn Malik, nama asalnya ialah Abdullah ibn Anas ibn Malik. Beliau meriwayatkan hadis daripada bapa saudaranya dan telah diambil riwayatnya oleh Abu Bisyr yang nama asalnya adalah Ja'far ibn Iyas.

٤٨- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لاَ يَغْدُو يَوْمَ الْفِطْرِ حَتَّى يَأْكُلَ تَمَرَاتٍ. أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ. وَفِي رِوَايَةٍ مُعَلَّقَةٍ -وَوَصَلَهَا أَحْمَدُ-: وَيَأْكُلُهُنَّ أَفْرَادًا.

48. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) belum pernah berangkat waktu pagi hari untuk mengerjakan solat hari raya aidil fitri sebelum makan beberapa biji buah kurma." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari) Di dalam riwayat yang mu'allaq, tetapi dinilai *mawshul* oleh Imam Ahmad dengan kalimat berikut: "Dan baginda memakannya sebiji demi sebiji."

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) adalah seorang pembimbing yang bijaksana dalam setiap perkataan dan tingkah lakunya. Baginda sama sekali tidak memberi ruang kepada orang melampau dan sentiasa berusaha mematahkan hujah orang yang melewati batas kewajaran. Baginda sentiasa makan sebelum mengerjakan solat hari raya supaya orang ramai tidak mengira bahawa puasa tetap wajib dilaksanakan hingga solat hari raya selesai. Baginda ibarat seorang tabib yang mahir dan tahu betul bahawa puasa dapat melemahkan pandangan mata, sehingga dengan cara itu baginda memberikan petunjuk untuk mengelakkannya dengan cara memakan sesuatu yang manis ketika berbuka, kerana memakan sesuatu yang manis dapat menguatkan dan mencergaskan semula pandangan mata, dan kekuatan tubuh kembali seperti semula. Inilah yang diungkapkan oleh Rasulullah (s.a.w) sekali gus mengisyaratkan akan keesaan Allah (s.w.t) dengan cara memakan buah kurma satu demi satu.

Analisis Lafaz

"لاَ يَغْدُو يَوْمَ الْفِطْرِ", baginda tidak keluar pada waktu pagi hari menuju ke tempat solat untuk mengerjakan solat hari raya aidil fitri.

"وَفِي رِوَايَةٍ مُعَلَّقَةٍ", dalam salah satu riwayat al-Bukhari yang berkedudukan mu'allaq daripada Anas (r.a).

"وَوَصَلَهَا أَحْمَدُ", Imam Ahmad menambahkan ke dalam hadis ini sesudah kalimat sebelum memakan beberapa biji buah kurma: 'dan baginda memakannya satu demi satu'. Ini mengisyaratkan keesaan Allah (s.w.t) seperti mana yang dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w) dalam setiap perkara yang lain untuk mengambil berkat dengan memakan buah kurma dalam hitungan ganjil.

Fiqh Hadis

1. Rasulullah (s.a.w) selalunya makan terlebih dahulu sebelum mengerjakan solat hari raya aidil fitri.
2. Disunatkan berbuka dengan memakan buah kurma atau makanan yang manis, kerana makanan yang mengandung zat gula dapat menguatkan pandangan mata sesudah dilemahkan oleh pengaruh puasa.
3. Disunatkan memakan buah kurma satu demi satu, kerana itu mengandungi isyarat yang menunjukkan keesaan Allah.

٤٩- عَنِ ابْنِ بُرَيْدَةَ عَنْ أَبِيهِ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لاَ يَخْرُجُ يَوْمَ الْفِطْرِ حَتَّى يَطْعَمَ، وَلاَ يَطْعَمُ يَوْمَ الْأَضْحَى حَتَّى يُصَلِّيَ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالتِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ

حِبَّانَ.

49. Daripada Ibn Buraidah daripada ayahnya, beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) tidak pernah keluar (rumah) pada waktu hari raya aidil fitri sebelum makan dan baginda tidak pernah makan pada hari raya aidil adha sebelum mengerjakan solat (hari raya aidil adha)." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Tirmizi, dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban).[5]

Makna Hadis

Menceritakan dan mengingati nikmat Allah merupakan sesuatu yang dibenarkan oleh syariat dan begitu pula memperlihatkan kemurahan Allah dengan membuktikan pelbagai rahsia ibadah yang telah disyariatkan merupakan sebahagian daripada nilai-nilai baik syariat Islam. Ketika Allah (s.w.t) menyuruh untuk menyembelih haiwan qurban pada waktu hari raya aidil adha, maka apa yang paling penting untuk dilakukan adalah bersegera memakan sebahagian daging haiwan qurban tersebut sebaik selesai mengerjakan solat sebagai luahan perasaan syukur kepada Allah di samping memperlihatkan rahsia-rahsia ibadah qurban yang memuatkan manfaat dunia dan ganjaran pahala di akhirat. Oleh itu, Allah (s.w.t) berfirman:

..... كَذَٰلِكَ سَخَّرْنَٰهَا لَكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٣٦﴾

"*... Demikianlah kami telah menundukkan unta-unta itu bagi kamu, mudah-mudahan kamu bersyukur.*" (Surah al-Hajj: 36)

Analisis Lafaz

Ibn Buraidah, nama asalnya ialah Abdullah ibn Buraidah.

"عَنْ أَبِيهِ", daripada ayahnya, iaitu Buraidah ibn al-Hashib.

"حَتَّى يَطْعَمَ", sebelum baginda makan.

"وَلاَ يَطْعَمُ يَوْمَ الأَضْحَى حَتَّى يُصَلِّيَ", baginda tidak pernah makan pada hari raya aidil adha sebelum mengerjakan solat hari raya aidil adha.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan makan terlebih dahulu sebelum mengerjakan solat hari raya aidil fitri, kerana menurut sunnah dianjurkan bersedekah pada hari raya

[5] Al-Baihaqi turut meriwayatkan hadis ini dan menambahkan bahawa Rasulullah (s.a.w) apabila telah kembali pulang (setelah selesai mengerjakan solat hari raya aidil adha), baginda memakan sebahagian hati haiwan qurbannya.

aidil fitri sebelum mengerjakan solat sehingga disunatkan pula makan agar dapat turut serta meramaikannya bersama kaum fakir miskin.

2. Disyariatkan makan pada hari raya aidil adha sesudah mengerjakan solat, kerana sedekah pada hari raya aidil adha hanya dilakukan setelah mengerjakan solat, iaitu sedekah haiwan qurban, sehingga disunatkan meramaikannya secara bersama, di samping kedua-dua hari raya tersebut berbeza dengan hari-hari sebelumnya, kerana sebelum hari raya aidil fitri diharamkan makan, berbeza dengan hari-hari sebelum hari raya aidil adha.

٥٠- عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: أُمِرْنَا أَنْ نُخْرِجَ الْعَوَاتِقَ، وَالْحُيَّضَ فِي الْعِيدَيْنِ؛ يَشْهَدْنَ الْخَيْرَ وَدَعْوَةَ الْمُسْلِمِينَ، وَيَعْتَزِلُ الْحُيَّضُ الْمُصَلَّى. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

50. Daripada Ummu Atiyyah (r.a), beliau berkata: "Pada dua hari raya kami disuruh membawa keluar rumah anak-anak gadis dan wanita yang sedang berhaid untuk menyaksikan kebaikan dan doa kaum muslimin, namun wanita-wanita yang sedang berhaid dikehendaki menjauhi tempat solat." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Syariat Islam yang telah diperkenalkan oleh Rasulullah (s.a.w) menganjurkan supaya anak-anak gadis remaja yang sudah baligh dan mereka yang mendekati usia baligh keluar menuju ke tempat di mana solat hari raya akan dilaksanakan. Nabi (s.a.w) menyuruh berbuat demikian menunjukkan betapa penting mengajarkan ilmu-ilmu agama kepada kaum wanita. Penyertaan mereka untuk menghadiri nasihat dan majlis taklim diharapkan mampu menanamkan akhlak mulia dan membersihkan hati mereka. Dengan demikian, mereka turut serta bersama kaum lelaki memetik manfaat yang terdapat pada hari perayaan ini berupa ilmu, bimbingan dan rahmat. Ini khusus apabila keluarnya wanita tidak menimbulkan fitnah. Tetapi apabila menimbulkan fitnah, maka kaum wanita dilarang keluar rumah. Aisyah (r.a) berkata: "Seandainya Nabi (s.a.w) mengetahui apa yang dilakukan oleh kaum wanita sesudahnya, nescaya baginda melarang mereka daripada hadir di dalam masjid."

Analisis Lafaz

"أُمِرْنَا", Rasulullah (s.a.w) menyuruh kami. Dikatakan demikian, meskipun makna yang sebenar adalah "kami diperintahkan", kerana hanya baginda yang berhak memerintah dan melarang.

"الْعَوَاتِقَ", bentuk jamak dari lafaz "عاتق" yang bermaksud gadis yang telah berusia baligh atau mendekati usia baligh dan sudah tiba masanya untuk dikahwinkan.

Disebut demikian kerana dia telah dibebaskan daripada masa asuh dan bersedia untuk mempelajari perkara-perkara yang berkaitan dengan kewanitaan.

"الْحُيَّضَ", bentuk jamak daripada lafaz "حائض" yang bermaksud wanita yang sedang berhaid.

"يَشْهَدْنَ الْخَيْرَ", turut serta mengerjakan solat hari raya bagi yang tidak berhaid.

"وَدَعْوَةَ الْمُسْلِمِينَ", dan doa kaum muslimin agar doa mereka mencakupi kesemua mereka.

"يَعْتَزِلُ الْحُيَّضُ الْمُصَلَّى", sedangkan wanita-wanita yang sedang haid dikehendaki mengambil tempat khusus yang agak berjauhan dengan orang yang solat kerana dikhuatiri darah haidnya mencemari tempat solat dan mengakibatkan saf solat tidak rapi. Jika solat hari raya dilakukan di dalam masjid, mereka hanya diperkenankan berdiri di pintu masjid, sebab mereka haram masuk ke dalam masjid.

Fiqh Hadis

Pada kedua-dua hari raya itu kaum wanita disyariatkan keluar menuju ke tempat di mana solat hari raya dilaksanakan tanpa wujud perbezaan antara anak dara dengan janda, antara pemuda dengan orang tua, wanita yang sedang berhaid dengan yang tidak haid. Namun wanita yang sedang berhaid tidak boleh turut serta mengerjakan solat dan hendaklah mereka keluar rumah tanpa menimbulkan sebarang fitnah.

Mazbab al-Syafi'i menegaskan bahawa wanita disunatkan keluar pada hari raya aidil fitri dan hari raya aidil adha, kecuali gadis yang masih muda dan gadis cantik. Mereka makruh keluar rumah menuju tempat di mana solat dilaksanakan kerana dikhuatiri menimbulkan fitnah.

Mazhab Hambali pula menyatakan bahawa tidak ada salahnya kaum wanita keluar rumah menuju tempat di mana solat hari raya dilaksanakan, tetapi tidak boleh memakai minyak wangi dan pakaian yang menjolok mata. Zahir pendapat mereka ini menunjukkan tidak ada perbezaan antara wanita yang masih muda dengan yang selainnya di mana mereka sama dibolehkan keluar rumah untuk menyaksikan pelaksanaan solat hari raya.

Mazhab Maliki pula mengatakan bahawa apabila kewujudan wanita tidak menimbulkan hasrat kaum lelaki, maka dia dibolehkan keluar untuk melakukan solat fardu, solat hari raya, dan solat istisqa'. Namun jika wanita itu masih muda meskipun tidak cantik, maka tidak dibolehkan keluar rumah kerana alasan di atas, di mana solat hari raya selalunya dipenuhi orang ramai hingga mereka berasak-asakan. Wanita dibolehkan keluar menuju ke masjid untuk mengerjakan solat berjemaah, tetapi dengan syarat tidak memakai minyak wangi dan perhiasan. Hendaklah penampilan dirinya tidak dikhuatiri bakal menimbulkan fitnah, tidak memakai pakaian yang menjolok mata, tidak berdesak-desakan dengan kaum lelaki, dan hendaklah jalan yang dilaluinya selamat daripada sebarang gangguan. Jika tidak selamat, maka haram baginya keluar rumah. Jika wanita itu memiliki kecantikan yang mempesonakan, maka secara mutlak dia diharamkan keluar

rumah.

Imam Abu Hanifah menegaskan bahawa wanita-wanita yang dikurung tidak boleh keluar rumah. Abu Yusuf mengatakan bahawa wanita makruh keluar rumah mereka secara mutlak.

٥١- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبُو بَكْرٍ، وَعُمَرُ: يُصَلُّونَ الْعِيدَيْنِ قَبْلَ الْخُطْبَةِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

51. Daripada Ibn Umar (r.a) bahawa Nabi (s.a.w), Abu Bakar serta Umar selalunya melakukan solat dua hari raya sebelum khutbah." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Oleh kerana mendengarkan dua khutbah solat dua hari raya tidak diwajibkan, maka Nabi (s.a.w) mengemukakan satu pilihan menerusi sabdanya:

إِنَّا نَخْطُبُ، فَمَنْ أَحَبَّ أَنْ يَجْلِسَ لِلْخُطْبَةِ فَلْيَجْلِسْ، وَمَنْ أَحَبَّ أَنْ يَذْهَبَ فَلْيَذْهَبْ.

"*Sesungguhnya kami akan berkhutbah. Barang siapa yang hendak mendengarkan khutbah, maka hendaklah dia duduk, tapi barang siapa yang tidak ingin mendengarkannya, maka dia bolehlah pergi.*"

Mula-mula yang baginda lakukan ialah mengerjakan solat hari raya, kerana solat merupakan suatu yang paling penting kerana dengan mendahulukan solat akan memudahkan orang ramai. Orang yang mula-mula mendahulukan khutbah ke atas solat hari raya ialah Marwan ibn al-Hakam, gabenor Madinah. Tindakan ini dilakukan kerana orang ramai segera meninggalkan tempat solat sebaik solat selesai tanpa mahu mendengarkan khutbah terlebih dahulu. Ini disebabkan isi khutbahnya selalunya memuatkan maki hamun terhadap orang yang tidak patut diaibkan.

Analisis Lafaz

"يُصَلُّونَ الْعِيدَيْنِ", mereka yakni Nabi (s.a.w), Abu Bakar dan Umar selalunya mengerjakan solat hari raya aidil fitri dan hari raya aidil adha.

Fiqh Hadis

Mendahulukan solat hari raya ke atas khutbah. Ini merupakan pendapat para ulama kerana mengikuti Sunnah Nabi (s.a.w) dan dua orang khalifah sesudahnya.

Tetapi mereka berselisih pendapat mengenai khutbah yang dilakukan sebelum solat hari raya. Mazhab al-Syafi'i dan mazhab Hanbali menegaskan khutbah tidak

diambil kira dan mesti diulang semula sesudah mengerjakan solat.

Mazhab Hanafi mengatakan bahawa khutbah sudah dianggap sah, tetapi itu dimakruhkan.

Mazhab Maliki mengatakan bahawa khutbah dianggap sah, dan mengulanginya sesudah solat merupakan sesuatu yang dianjurkan. Menurut pendapat yang lain di sisi mereka, mengulangi khutbah merupakan sesuatu yang disunatkan.

٥٢- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى يَوْمَ الْعِيدِ رَكْعَتَيْنِ، لَمْ يُصَلِّ قَبْلَهَا وَلاَ بَعْدَهَا. أَخْرَجَهُ السَّبْعَةُ.

52. Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) mengerjakan solat hari raya dua rakaat; baginda tidak melakukan solat lain, sama ada sebelum ataupun sesudahnya. (Diriwayatkan oleh al-Sab'ah)

Makna Hadis

Solat sunat pada hari raya disyariatkan sebagai tanda syukur kepada Allah (s.w.t) di atas semua nikmat yang telah dilimpahkan kepada hamba-hamba-Nya berupa hidayah dan taufik hingga dapat menyempurnakan ibadah puasa pada hari raya aidil fitri dan dapat menunaikan manasik haji pada hari raya aidil adha.

Solat hari raya berjumlah dua rakaat dengan tujuan memberi keringanan kepada umat manusia dan dilakukan sebelum dua khutbah kerana kaum wanita dan kanak-kanak turut hadir di situ. Barang siapa yang hendak menghadiri dua khutbah, maka dia dibolehkan terus duduk dan barang siapa yang tidak ingin menyaksikannya, maka dia boleh terus pergi.

Solat hari raya adalah solat *jahriyyah* (yang bacaan ayatnya dengan suara kuat), meskipun ia termasuk solat yang dikerjakan pada waktu siang hari, kerana dengan ini diharapkan seluruh makmum dapat menikmati sekali gus merenungi bacaan al-Qur'an. Ulama bersepakat bahawa solat hari raya itu terdiri daripada dua rakaat bagi orang yang menghadirinya di tempat solat sejak mula bersama imam. Barang siapa ketinggalan menurut pendapat Imam Ahmad, maka hendaklah dia melakukannya empat rakaat. Menurut Imam Abu Hanifah, seseorang itu dibolehkan memilih antara dua rakaat atau empat rakaat.

Solat hari raya hukumnya sunat mu'akkad menurut pendapat jumhur ulama. Sedangkan menurut Imam Abu Hanifah wajib, kerana ada perintah untuk mengerjakannya.

Apabila melakukan solat hari raya, maka tidak dibolehkan melakukan solat sunat yang lain, sama ada sebelum ataupun sesudahnya agar masyarakat awam tidak menyangka bahawa solat hari raya adalah wajib di samping Nabi (s.a.w) tidak pernah melakukan solat sunat yang selainnya, sama ada sebelum ataupun sesudahnya dan tidak pula memerintahkannya. Ini menunjukkan bahawa mengerjakan solat sunat yang lain tidak disyariatkan, tetapi dibenarkan apabila

seseorang telah pulang ke rumahnya, lalu dia mengerjakan solat sunat di dalam rumahnya.

Analisis Lafaz

"لَمْ يُصَلِّ قَبْلَهَا وَلاَ بَعْدَهَا", maksudnya ialah solat sunat sebelum solat hari raya dan sesudahnya. Nabi (s.a.w) tidak pernah mengerjakan solat sunat yang lain, sama ada sebelum ataupun sesudahnya.

Fiqh Hadis

1. Menjelaskan jumlah rakaat solat hari raya, iaitu sebanyak dua rakaat.
2. Tidak disyariatkan melakukan solat sunat yang lain, sama ada sebelum ataupun sesudah solat hari raya. Imam Ahmad mengatakan bahawa makruh melakukan solat sunat sebelum dan sesudahnya.

   Imam al-Syaf'ii mengatakan bahawa orang lain selain imam boleh melakukan solat sunat, sama ada sebelum ataupun sesudahnya, tetapi bagi imam itu dimakruhkan kerana berdalilkan dengan hadis ini.

   Mazhab Hanafi mengatakan bahawa makruh mengerjakan solat sunat yang lain sebelum dan sesudah solat hari raya apabila itu dilakukan di tempat solat hari raya. Jika melakukan solat sebelum itu di dalam rumah, maka hukumnya dimakruhkan. Mereka mengatakan bahawa melakukan solat sesudahnya di dalam rumah hukumnya tidak dimakruhkan, kerana berdalilkan dengan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Majah yang akan diketengahkan dalam hadis no. 54.

   Mazhab Maliki membezakan antara masjid dengan tempat solat. Menurut mereka, makmum makruh mengerjakan solat sunat di tempat solat sebelum solat hari raya, demikian pula sesudahnya, kerana berdalilkan dengan hadis ini. Tetapi jika makmum mengerjakan sunat yang selainnya itu di dalam masjid, kerana hujan dan lain-lain sebagainya, maka dia boleh mengerjakan solat sunat sebelum solat hari raya, iaitu solat tahyatul masjid dan dibolehkan pula sesudahnya, kerana tidak ada larangan mengenainya. Adapun bagi imam, maka hukumnya makruh secara mutlak tanpa wujud perbezaan antara masjid dengan tempat solat di tengah padang.

٥٣- وَعَنْهُ: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى الْعِيدَ بِلاَ أَذَانٍ وَلاَ إِقَامَةٍ. أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَأَصْلُهُ فِي الْبُخَارِيِّ.

53. Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) mengerjakan solat hari raya tanpa mengumandangkan azan dan iqamah. (Diriwayatkan oleh Abu Dawud. Asal hadis ini berada dalam al-Bukhari)

Makna Hadis

Oleh kerana hukum solat hari raya adalah sunat mu'akkad, maka tidak disyariatkan azan dan iqamah, kerana azan dan iqamah hanya khusus bagi solat fardhu. Mengumandangkan azan untuk mengerjakan solat hari raya adalah bi'dah dan orang yang pertama berbuat demikian adalah Mu'awiyah ibn Abu Sufyan.

Juru azan untuk solat hari raya dianjurkan mengumandangkan: "الصَّلاَةُ جَامِعَةٌ" (Kerjakanlah solat dengan berjemaah) kerana berdalilkan kepada hadis Muslim dan diperkuat oleh qiyas ke atas solat gerhana yang semua itu telah pun ditetapkan.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Ibnu Abbas (r.a) yang sumbernya sama dengan hadis sebelumnya.

"أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ", diketengahkan oleh Abu Dawud daripada Abdul Rahman ibn 'Abis, beliau berkata:

سَأَلَ رَجُلٌ ابْنَ عَبَّاسٍ: أَشَهِدْتَ الْعِيدَ مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؟ قَالَ: نَعَمْ، وَلَوْلاَ مَنْزِلَتِي مِنْهُ مَا شَهِدْتُهُ مِنَ الصِّغَرِ، فَأَتَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْعَلَمَ الَّذِي عِنْدَ دَارِ كَثِيرِ بْنِ الصَّلْتِ فَصَلَّى، ثُمَّ خَطَبَ وَلَمْ يَذْكُرْ أَذَانًا وَلاَ إِقَامَةً، قَالَ: ثُمَّ أَمَرَنَا بِالصَّدَقَةِ، قَالَ: فَجَعَلَ النِّسَاءُ يُشِرْنَ إِلَى آذَانِهِنَّ وَحُلُوقِهِنَّ، قَالَ: فَأَمَرَ بِلاَلاً فَأَتَاهُنَّ، ثُمَّ رَجَعَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

"Seorang lelaki bertanya kepada Ibn Abbas: 'Apakah tuan pernah mengikuti hari raya bersama Rasulullah (s.a.w)?" Dia menjawab: "Ya, seandainya bukan kerana kedudukanku yang sangat dekat kepadanya, nescaya aku tidak dapat ikut solat bersamanya kerana waktu itu aku masih kanak-kanak. Rasulullah (s.a.w) berjumpa dengan Katsir ibn al-Shalt yang di tempatnya telah terpancang bendera, lalu baginda mengerjakan solat, kemudian berkhutbah: tetapi baginda tidak mengumandangkan azan dan iqamah." Ibn Abbas (r.a) melanjutkan kisahnya: "Kemudian Nabi (s.a.w) menyuruh kami untuk bersedekah." Ibn Abbas (r.a) berkata: "Sedangkan kaum wanita mengisyaratkan ke telinga dan leher mereka." Ibn Abbas (r.a) melanjutkan kisahnya: "Nabi (s.a.w) menyuruh Bilal (untuk mengambil anting-anting dan kalung mereka), lalu Bilal mendatangi mereka (kaum wanita). Ssetelah itu dia kembali menemui Nabi (s.a.w)."

"سَأَلَ رَجُلٌ", seorang lelaki bertanya. Namanya tidak disebutkan dalam hadis ini.

"أَشَهِدْتَ الْعِيدَ مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؟", apakah tuan pernah mengerjakan solat hari raya bersama Rasulullah (s.a.w)?

"وَلَوْلاَ مَنْزِلَتِي مِنْهُ مَا شَهِدْتُهُ مِنَ الصِّغَرِ", seandainya bukan kerana pertalian kerabatku dengan Rasulullah (s.a.w), nescaya aku tidak menghadiri solat hari raya kerana usiaku ketika itu masih kecil.

"الْعَلَمَ", bendera yang dipasang di tempat tinggal Katsir ibn al-Shalt ibn Mu'awiyah al-Kindi. Dia seorang tabi'in kenamaan, dilahirkan pada masa Nabi (s.a.w) masih hidup, lalu dia dan seluruh saudaranya berpindah dan menetap ke Madinah. Nafi' berkata: "Pada mulanya dia bernama Qalil, kemudia namanya diganti oleh Khalifah 'Umar menjadi Katsir."

"فَجَعَلَ النِّسَاءُ يُشِرْنَ إِلَى آذَانِهِنَّ وَحُلُوقِهِنَّ", kaum wanita mengisyaratkan ke arah anting-anting dan kalung mereka dengan tujuan ingin menyedekahkannya.

"فَأَمَرَ بِلاَلاً فَأَتَاهُنَّ", Rasulullah (s.a.w) menyuruh Bilal menjumpai kaum wanita untuk mengambil apa yang hendak mereka sedekahkan.

"ثُمَّ رَجَعَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", kemudian Bilal kembali mendatangi Rasulullah (s.a.w) untuk menyerahkan apa yang mereka (kaum wanita) sedekahkan agar baginda menyalurkannya ke jalan yang baginda inginkan.

"وَأَصْلُهُ فِي الْبُخَارِيِّ", hadis ini berasal dari al-Bukhari yang 1afaznya seperti berikut:

وَأَخْبَرَنِي عَطَاءٌ أَنَّ ابْنَ عَبَّاسٍ أَرْسَلَ إِلَى ابْنِ الزُّبَيْرِ فِي أَوَّلِ مَا بُويِعَ لَهُ إِنَّهُ لَمْ يَكُنْ يُؤَذَّنُ بِالصَّلاَةِ يَوْمَ الْفِطْرِ، إِنَّمَا الْخُطْبَةُ بَعْدَ الصَّلاَةِ.

"Atha' telah menceritakan kepadaku bahawa Ibn Abbas (r.a) telah berkirim surat kepada al-Zubair setelah dia dibai'at, bahawa tidak ada azan untuk mengerjakan solat hari raya, sebaliknya apa yang mesti dilakukan sesudah itu adalah khutbah."

"إِنَّمَا الْخُطْبَةُ بَعْدَ الصَّلاَةِ", khutbah dilakukan setelah mengerjakan solat hari raya.

Fiqh Hadis

1. Tidak disyariatkan mengumandangkan azan dan iqamah untuk mengerjakan solat dua hari raya.
2. Kaum wanita boleh keluar menuju ke tempat solat.
3. Pada hari raya imam disunatkan menasihati kaum wanita dan menganjurkan mereka untuk bersedekah dan lain-lain sebagainya.
4. Boleh meminta sedekah untuk orang yang memerlukannya.
5. Wanita boleh menyedekahkan hartanya tanpa perlu meminta kebenaran suaminya.

6. Kaum wanita pada zaman Rasulullah (s.a.w) sentiasa bersegera mengeluarkan sedekah dari harta milik mereka meskipun itu adalah harta kesayangan mereka seperti perhiasan yang sedang mereka pakai.

Periwayat Hadis

Abdul Rahman ibn 'Abis ibn Rabi'ah al-Nakha'i al-Kufi telah meriwayatkan hadis daripada Ibn Abbas dan riwayatnya telah diambil oleh Raqabah ibn Mashqalah. Ibnu Mu'in dan al-Nasa'i serta Abu Hatim menilainya tsiqah. Al-Zahabi berkata: "Abdul Rahman ibn 'Abis meninggal dunia pada tahun 119 Hijriah."

٥٤- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لاَ يُصَلِّي قَبْلَ الْعِيدِ شَيْئًا، فَإِذَا رَجَعَ إِلَى مَنْزِلِهِ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ. رَوَاهُ ابْنُ مَاجه بِإِسْنَادٍ حَسَنٍ.

54. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: "Nabi (s.a.w) tidak pernah mengerjakan apa-apa solat sebelum mengerjakan solat hari raya. Jika telah kembali pulang ke rumahnya, maka barulah baginda mengerjakan solat dua rakaat." (Diriwayatkan Ibn Majah dengan sanad hasan)

Makna Hadis

Jika ada dua hadis yang maknanya secara zahir saling bercanggah, maka pemahaman keduanya mestilah digabungkan. Dalam hadis sebelum ini telah disebutkan bahawa tidak ada solat (sunat) pada hari raya (yakni solat sunat hari raya), sama ada sebelum ataupun sesudahnya, sedangkan hadis ini menunjukkan bahawa disyariatkan mengerjakan solat sunat dua rakaat sesudahnya. Jika kedua-dua hadis ini digabungkan, maka bererti penafian ini ditujukan kepada tempat solat, sedangkan penetapan ditujukan kepada pelaksanaannya di dalam rumah. Dengan ini diharapkan tidak ada lagi percanggahan pemahaman di antara kedua-dua hadis ini.

Analisis Lafaz

"لاَ يُصَلِّي قَبْلَ الْعِيدِ شَيْئًا", tidak pernah melakukan solat apa-apa sunat sebelum mengerjakan solat hari raya.

"فَإِذَا رَجَعَ إِلَى مَنْزِلِهِ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ", jika baginda kembali pulang ke rumahnya sesudah mengerjakan solat hari raya.

Fiqh Hadis

1. Tidak disunatkan mengerjakan solat sunat sebelum mengerjakan solat hari raya.
2. Disyariatkan mengerjakan solat dua rakaat di rumah setelah kembali pulang dari melaksanakan solat hari raya.

٥٥- وَعَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْرُجُ يَوْمَ الْفِطْرِ وَالأَضْحَى إِلَى الْمُصَلَّى، وَأَوَّلُ شَيْءٍ يَبْدَأُ بِهِ الصَّلاَةُ، ثُمَّ يَنْصَرِفُ فَيَقُومُ مُقَابِلَ النَّاسِ -وَالنَّاسُ عَلَى صُفُوفِهِمْ- فَيَعِظُهُمْ وَيَأْمُرُهُمْ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

55. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: "Nabi (s.a.w) keluar menuju tempat solat pada waktu hari raya aidil fitri dan hari raya aidil adha. Perkara pertama yang dilakukan oleh baginda ialah melakukan solat hari raya. Setelah itu baginda bangkit dan berdiri menghadap ke arah kaum muslimin sedangkan mereka tetap berada dalam safya masing-masing, lalu baginda memberikan nasihat dan menyuruh mereka berbuat kebaikan." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Apa yang dikerjakan oleh Nabi (s.a.w) ketika hari raya adalah keluar menuju tempat solat dan mengerjakan solat hari raya sebelum khutbah. Ketika berkhutbah, beliau menghadapkan wajahnya ke arah kaum muslimin. Apa yang disampaikannya di dalam khutbah adalah nasihat, petunjuk, peringatan dan larangan. Baginda tidak melakukan solat sunat, sama ada sebelum ataupun sesudahnya. Demikianlah Sunnah yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w).

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a) yang sama sumbernya dengan hadis sebelumnya.

"إِلَى الْمُصَلَّى", tempat yang telah diketahui, ia terletak lebih kurang seribu hasta daripada Masjid Nabawi.

"ثُمَّ يَنْصَرِفُ فَيَقُومُ مُقَابِلَ النَّاسِ", lalu Rasulullah (s.a.w) bangkit dari tempat solatnya supaya kedudukan baginda berada di hadapan kaum muslimin untuk menyampaikan khutbah.

"وَالنَّاسُ عَلَى صُفُوفِهِمْ", sedangkan kaum msulimin tetap dalam keadaan duduk di dalam safnya, kerana mereka tahu bahawa khutbah akan disampaikan sesudah solat hari raya, sehingga mereka tetap berada di tempatnya masing-masing untuk

mendengarkan nasihat dan hukum-hakam yang bakal disampaikan Nabi (s.a.w).

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan keluar menuju tempat solat untuk mengerjakan solat hari raya.
2. Mendahulukan solat hari raya sebelum berkhutbah.
3. Tidak ada mimbar di tempat solat kerana solat hari raya dilakukan di luar masjid.
4. Khutbah memuatkan perintah melakukan amal kebaikan dan nasihat.

٥٦- عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ: قَالَ نَبِيُّ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: التَّكْبِيرُ فِي الْفِطْرِ سَبْعٌ فِي الْأُولَى وَخَمْسٌ فِي الْأُخْرَى، وَالْقِرَاءَةُ بَعْدَهُمَا كِلْتَيْهِمَا. أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ. وَنَقَلَ التِّرْمِذِيُّ عَنِ الْبُخَارِيِّ تَصْحِيحَهُ.

56. Daripada Amr ibn Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya bahawa Nabi (s.a.w) bersabda: "*Takbir ketika mengerjakan solat solat hari raya aidil fitri adalah tujuh kali pada rakaat pertama dan lima kali pada rakaat yang kedua, sedangkan membaca al-Qur'an pada kedua-dua rakaat tersebut setelah dilakukan kedua takbir.*" (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Tirmizi telah menukil daripada al-Bukhari dalam menilainya sebagai sahih)

Makna Hadis

Bilangan witir mempunyai pengaruh yang besar dalam mengingat keesaan Allah yang segala sesuatu bergantung kepada-Nya. Bilangan tujuh mengandungi rahsia besar di mana syariat Islam menjadikan bilangan takbir solat hari raya menjadi ganjil. Syariat Islam menjadikannya pada rakaat pertama sebanyak tujuh kali untuk mengingatkan ada pekerjaan haji yang dilakukan sebanyak tujuh kali, iaitu tawaf, sa'i dan melontar jumrah, yang kesemuanya dilakukan sebanyak tujuh kali. Di samping itu, ia bertujuan membuat hati sentiasa rindu untuk mengerjakan ibadah haji, kerana menghayati hari raya aidil adha mampu mengingatkan diri kepada Allah yang telah menciptakan alam semesta ini melalui renungan terhadap semua perbuatan-Nya seperti penciptaan tujuh langit, tujuh bumi, dan tujuh hari beserta segala isinya. Hal ini mampu mengingatkan kepada Allah apabila dilakukan pada hari raya aidil adha berbanding hari-hari biasa yang selainnya.

Kebiasaan yang dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w) dalam mensyariatkan segala sesuatu selalunya mengambil berat kemudahan, kerana belas kasihan terhadap umat ini. Antara kemudahan itu ialah bilangan rakaat kedua-dua solat hari raya lebih diringankan berbanding rakaat yang pertama. Oleh kerana bilangan lima

adalah bilangan yang mendekati angka tujuh, maka syariat Islam menetapkan lima kali takbir untuk rakaat kedua kerana belas kasihan kepada umat ini sehingga diharapkan mereka selalu dalam keadaan taat kepada Allah dan Rasul-Nya.

Analisis Lafaz

"عَنْ أَبِيهِ", daripada ayahnya, iaitu Syu'aib ibn Muhammad. Autobiografinya telah disebutkan sebelum ini.

"عَنْ جَدِّهِ", daripada datuknya, iaitu Muhammad ibn Abdullah ibn Amr ibn al-'Ash al-Sahmi. Beliau telah meriwayatkan hadis daripada ayahnya, kemudian anaknya yang bernama Syu'aib telah mengambil riwayat daripadanya. *Dhamir* (kata ganti) yang terdapat di dalam lafaz "جده", jika merujuk kepada Muhammad bererti hadis ini berkedudukan mursal, kerana Muhammad tidak menjumpai masa Nabi (s.a.w). Namun jika *dhamir* (kata ganti) itu merujuk kepada Abdullah, maka hadis ini berkedudukan *munqathi'* kerana Syu'aib tidak menjumpai masa Abdullah. Al-Zahabi berkata: "Ada bukti yang menyatakan Syu'aib pernah mendengar daripada datuknya dan riwayatnya dijadikan sebagai hujah oleh al-Arba'ah, Ibn Hibban, Ibn Khuzaimah dan al-Hakim."

"سَبْعٌ فِي الْأُولَى", tujuh kali takbir pada rakaat pertama.

"وَخَمْسٌ فِي الْأُخْرَى", dan lima kali takbir pada rakaat kedua.

"وَالْقِرَاءَةُ بَعْدَهُمَا كِلْتَيْهِمَا", membaca al-Qur'an pada dua rakaat itu dilakukan sesudah kedua-dua takbir tersebut. Inilah pendapat jumhur ulama. Imam Abu Hanifah berkata: "Pada rakaat pertama takbir didahulukan, sedangkan pada rakaat kedua hendaklah ia diakhirkan bagi memastikan bacaan al-Qur'an dilakukan secara berurutan atau bersambung pada kedua-dua rakaat itu." Lafaz "كلتيهما" berkedudukan sebagai *tawkid* (yang mengukuhkan makna) bagi huruf *ha'* pada lafaz "بعدهما".

Fiqh Hadis

1. Disunatkan bertakbir dalam solat dua hari raya, iaitu pada rakaat pertama sebanyak tujuh kali takbir, sedangkan pada rakaat kedua lima kali takbir. Imam Malik dan Imam Ahmad berkata: "Pada rakaat pertama takbir dilakukan sebanyak tujuh kali termasuk takbiratul ihram, sedangkan pada rakaat kedua takbir dilakukan sebanyak lima kali selain takbir berdiri."

   Imam al-Syafi'i berkata: "Takbir dilakukan sebanyak tujuh kali pada rakaat pertama selain takbiratul ihram dan pada rakaat kedua lima kali takbir selain takbir berdiri." Imam Abu Hanifah berkata: "Empat kali takbir termasuk takbiratul ihram pada rakaat pertama dan takbir rukuk pada rakaat kedua tetap dikira empat takbir itu."

   Adapun kesinambungan dalam membaca takbir-takbir tersebut, maka Imam Abu Hanifah dan Imam Malik berpendapat bahawa hendaklah

seseorang melakukannya secara berkesinambungan tanpa memisahkannya dengan zikir ataupun bacaan doa dan hendaklah imam berdiam sekejap menunggu para makmum menyelesaikan bacaan takbirnya.

Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad pula berpendapat bahawa antara setiap takbir hendaklah dipisahkan dengan waktu yang kadarnya lebih kurang sama dengan membaca satu ayat yang tidak panjang dan tidak pula pendek. Murid-murid Imam al-Syafi'i berbeza pendapat mengenai bacaan yang seharusnya dibaca dalam waktu berdiam itu. Kebanyakan mereka menyatakan bahawa waktu berdiam itu hendaklah diisi dengan bacaan:

سُبْحَانَ ا اللهِ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ وَلاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ.

"Maha Suci Allah dan segala puji bagi Allah, tidak ada Tuhan selain Allah, Allah Maha-besar." Sebahagian mereka pula mengatakan bahawa bacaan itu ialah:

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ.

"Tidak ada Tuhan selain Allah semata, tiada sekutu bagi-Nya, bagi-Nya kerajaan dan bagi-Nya segala puji. Dia Maha Kuasa ke atas segala sesuatu."

Mazhab Hanbali pula mengatakan bahawa kalimat yang dibaca ketika berdiam itu ialah:

اللهُ أَكْبَرُ كَبِيْرًا وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ كَثِيْرًا وَسُبْحَانَ اللهِ بُكْرَةً وَأَصِيْلاً وَصَلَّى اللهُ عَلَى مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ وَآلِهِ وَسَلَّمَ تَسْلِيْمًا كَثِيْرًا.

"Allah Maha Besar, segala puji bagi Allah dengan pujian yang berlimpah, dan Maha Suci Allah pada waktu pagi dan waktu petang, semoga Allah melimpahkan salawat-Nya ke atas Nabi Muhammad serta keluarganya, semoga pula keselamatan Allah sentiasa melimpah kepadanya."

Jumhur ulama mengatakan bahawa setiap kali membaca takbir, kedua-dua tangan mestilah diangkat. Abu Yusuf mengatakan bahawa kedua-dua tangan tidak boleh diangkat melainkan hanya ketika takbiratul ihram. Pendapat ini merupakan salah satu riwayat daripada Imam Malik seperti mana yang telah diriwayatkan pula oleh Ibn Mutharrif daripada Imam Malik bahawa disunatkan mengangkat kedua-dua tangan setiap kali membaca takbir. Dalam riwayat lain yang bersumber daripada Imam Malik disebutkan bahawa seseorang boleh memilih mana yang dia sukai.

Hukum takbir ketika mengerjakan solat hari raya menurut pendapat jumhur ulama adalah sunat, sedangkan menurut mazhab Hanafi adalah wajib, di mana seseorang berdosa apabila meninggalkannya dengan sengaja. Seseorang yang meninggalkan bacaan takbir itu atau sebahagian daripadanya kerana lupa, maka ulama berbeza pandangan dalam masalah

ini:

Mazhab al-Syafi'i dan mazhab Hanbali menyatakan bahawa apabila seseorang meninggalkannya hingga selesai bacaan al-Qur'an, dia tidak boleh mengulanginya semula dan tidak perlu pula melakukan sujud sahwi.

Mazhab Maliki menegaskan bahawa apabila seseorang lupa hingga tidak membaca takbir hingga selesai bacaan al-Qur'an, sedangkan dia masih belum rukuk, maka dia dibolehkan melakukan takbir, kemudian melakukan sujud sahwi sesudah salam. Ini kerana setiap takbir daripada takbir-takbir solat hari raya merupakan sunat mu'akkad. Jika seseorang ingat setelah melakukan rukuk, maka hendaklah dia meneruskan solatnya. Jika dia sebagai imam, maka hendaklah melakukan sahwi sesudah salam dan begitu pula seseorang yang mengerjakan solat secara bersendirian.

Mazhab Hanafi mengatakan bahawa seandainya seseorang meninggalkan takbir hingga selesai bacaan al-Qur'an, namun dia baru mengingatinya ketika sedang rukuk, maka dia boleh membaca takbir dalam keadaan rukuk itu. Jika mengingatinya setelah mengangkat tubuh daripada rukuk, maka hendaklah dia melakukan sujud sahwi sebagai penggantinya kerana orang itu telah melalaikan suatu yang wajib.

2. Membaca al-Qur'an pada solat hari raya. Menurut jumhur ulama, ia dilakukan sesudah membaca takbir pada kedua-dua rakaat tersebut.

   Imam Abu Hanifah menegaskan bahawa seseorang hendaklah meneruskan kedua-dua bacaan itu secara berkesinambungan. Dengan erti kata lain, dia melakukan takbir pada rakaat pertama, lalu membaca al-Qur'an dan pada rakaat yang kedua, dia terus membaca al-Qur'an dan setelah itu barulah melakukan takbir. Beliau mengatakan bahawa takbir merupakan pujian, sedangkan pujian yang disyariatkan pada rakaat pertama mendahului bacaan al-Qur'an dan doa *iftitah* sedangkan pada rakaat yang kedua disyariatkan mengakhirkannya sama halnya dengan doa qunut.

٥٧- عَنْ أَبِي وَاقِدٍ اللَّيْثِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ فِي الْأَضْحَى وَالْفِطْرِ بِـ (ق)، وَ (اقْتَرَبَتْ). أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

57. Daripada Abu Waqid al-Laitsi (r.a), beliau berkata: "Adalah Nabi (s.a.w) ketika mengerjakan solat dua hari raya aidil fitri dan aidil adha membaca Surah Qaf dan Surah *Iqtarabat* (al-Qamar)." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Oleh solat hari raya dihadiri oleh ramai orang hingga memenuhi tempat solat yang terdiri daripada kaum lelaki, wanita, bahkan kanak-kanak, maka keadaan ini merupakan satu peluang untuk memberikan nasihat dan menyedarkan mereka. Oleh itu, Nabi (s.a.w) memilih Surah Qaf dan Surah al-Qamar ketika mengerjakan

solat dua hari raya.

Surah Qaf dibaca pada rakaat pertama kerana di dalamnya menjelaskan huru-hara hari kiamat, keadilan ditegakkan di hadapan Allah, hisab amal, dan perkara-perkara yang tentu menggerunak. Begitu pula Surah Qaf, di dalamnya memuatkan kisah singkat tentang keadaan umat terdahulu hingga mereka dibinasakan dan peringatan terbadap umat ini untuk tidak mengikuti jalan umat terdahulu yang sesat supaya azab yang telah menimpa umat terdahulu tidak menimpa mereka.

Dalam riwayat yang lain disebutkan bahawa pada rakaat pertama dibaca Surah al-A'la, sedangkan pada rakaat kedua dibaca Surah al-Ghasyiyah. Rahsia yang terdapat di dalamnya hanya Allah yang mengetahuinya, tetapi Surah al-A'la menjelaskan permulaan kejadian, menceritakan nikmat Allah yang berlimpah dan perintah untuk sentiasa mengingatkan umat manusia dari kelalaian. Surah al-Ghasyiyah pula menggambarkan tentang ahli neraka dan ahli syurga. Ia turut menerangkan seksaan yang telah disediakan oleh Allah bagi musuh-Nya serta kenikmatan yang berlimpah bagi kekasih-Nya. Surah ini mengingatkan umat manusia akan nikmat-nikmat Allah dan perintah mengingatkan umat manusia dari kelalaian sekali gus menerangkan tempat kembali semua makhluk adalah kepada Allah (s.w.t).

Ketentuan membaca surah-surah ini ketika mengerjakan solat dua hari raya bukanlah sesuatu yang wajib, melainkan ia hanya sunat sahaja. Seandainya seseorang membaca surah selain itu, maka ia pun sudah dianggap memadai baginya.

Analisis Lafaz

"يَقْرَأُ فِي الْأَضْحَى وَالْفِطْرِ بِـ (ق)، وَ (اقْتَرَبَتْ)", Nabi (s.a.w) membaca Surah Qaf hingga selesai pada rakaat pertama solat dua hari raya, dan pada rakaat kedua baginda membaca Surah Surah al-Qamar hingga selesai.

Tetapi disebutkan dalam riwayat yang lain bahawa Nabi (s.a.w) pernah membaca Surah al-A'la dan Surah al-Ghasyiyah. Nabi (s.a.w) adakalanya membaca Surah al-A'la dan Surah al-Ghasyiyah dalam kesempatan yang lain, dan pada kesempatan yang lain pula baginda membaca Surah Qaf dan Surah al-Qamar. Dengan demikian, bererti tidak ada percanggahan di antara kedua-dua riwayat tersebut.

Fiqh Hadis

1. Menguatkan suara bacaan al-Qur'an ketika mengerjakan solat dua hari raya.
2. Disyariatkan membaca Surah Qaf dan Surah al-Qamar pada solat dua hari raya, kerana dalam kedua-dua surah tersebut memuatkan berita hari berbangkit, kisah umat terdahulu yang mendustakan rasul mereka sehingga mereka dibinasakan, kemunculan manusia pada hari raya yang

diumpamakan dengan kebangkitan mereka pada hari berbangkit, dan kebangkitan umat manusia dari alam kubur diumpamakan dengan belalang yang beterbangan.

٥٨- عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا كَانَ يَوْمُ الْعِيدِ خَالَفَ الطَّرِيقَ. أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ. وَلِأَبِي دَاوُدَ: عَنِ ابْنِ عُمَرَ نَحْوُهُ.

58. Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: "Pada waktu hari raya Rasulullah (s.a.w) selalunya menempuh jalan yang berlainan (antara berangkat dengan pulang). (Diriwayatkan oleh al-Bukhari. Hadis yang serupa turut dikemukakan pula oleh Abu Dawud daripada Ibn Umar (r.a)

Makna Hadis

Solat hari raya merupakan salah satu syiar agama Islam. Pada hari itu, seluruh kaum muslimin berkumpul, meskipun status mereka berlainan antara satu sama lain, untuk meraikan hari raya yang dipenuhi kegembiraan sebagai tanda syukur kepada Allah (s.w.t) di atas segala nikmat yang telah Dia limpahkan. Antara nikmat Allah itu adalah kaum muslimin berjaya melaksanakan ibadah puasa dan solat sunat Ramadan serta mereka berjaya melaksanakan manasik haji di Baitul Haram.

Oleh itu, Nabi (s.a.w) ingin menyemarakkan lagi syiar ini secara meluas dan salah satu caranya adalah disunatkan menempuh jalan yang berlainan antara berangkat dan pulang di mana seseorang hendaklah pulang dengan tidak menempuh jalan yang dilaluinya ketika dia berangkat menuju tempat solat agar para malaikat yang berada pada kedua-dua jalan tersebut menyaksikannya dan turut mendoakannya. Di samping itu, diharapkan syiar Islam kelihatan semarak di serata jalan-jalan dan dipenuhi oleh orang ramai sambil bertakbir dan berzikir serta memakai pakaian baru. Suasana ini tentu penuh dengan kegembiraan dan nampaklah keagungan Islam dalam bentuk kemeriahan yang luar biasa itu.

Analisis Lafaz

"خَالَفَ الطَّرِيقَ", pergi ke tempat solat hari raya dengan menempuh suatu jalan dan pulang dengan menempuh jalan yang berbeza.

"نَحْوُهُ", hadis yang serupa. Lafaznya adalah seperti berikut:

أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَخَذَ يَوْمَ الْعِيْدِ فِي طَرِيْقٍ ثُمَّ رَجَعَ فِي طَرِيْقٍ آخَرَ.

"*Pada waktu hari raya, Rasulullah (s.a.w) menempuh suatu jalan, dan pulang menempuh jalan yang lain.*"

Fiqh Hadis

Disunatkan berangkat menuju tempat solat hari raya dengan menempuh suatu jalan dan pulang dengan menempuh jalan yang berlainan. Ini berlaku bagi imam dan makmum,

Hikmah menempuh jalan yang berlainan adalah supaya kedua-dua jalan yang dilaluinya turut bersaksi dengan kebaikan untuknya (kelak di akhirat); begitu pula penduduk yang tinggal di sekitar jalan itu, baik jin ataupun manusia yang berada di sekitarnya. Selain itu, ia bertujuan menyemarakkan lagi syiar Islam di kedua-dua jalan tersebut agar orang kafir menjadi gentar melihat kaum muslimin dan semoga keberkatan memenuhi kedua-dua jalan tersebut.

٥٩- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَدِمَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ، وَلَهُمْ يَوْمَانِ يَلْعَبُونَ فِيهِمَا. فَقَالَ: "قَدْ أَبْدَلَكُمُ اللهُ بِهِمَا خَيْرًا مِنْهُمَا: يَوْمَ الْأَضْحَى وَيَوْمَ الْفِطْرِ. أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ بِإِسْنَادٍ صَحِيحٍ.

59. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) tiba di Madinah dan ketika itu di Madinah memiliki dua hari raya yang pada kedua hari raya itu mereka (penduduk Madinah) bergembira (bersenang ria), lalu baginda bersabda: "Sesungguhnya Allah telah menggantikan keduanya (kedua-dua perayaan itu) bagi kamu dengan hari yang lebih baik lagi iaitu hari raya aidil adha dan hari raya aidil fitri." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Nasa'i dengan sanad yang sahih)

Makna Hadis

Oleh kerana memperlihatkan keceriaan pada dua hari raya merupakan perkara yang disunatkan untuk menghibur diri dan memberikan kegembiraan kepada kanak-kanak sebagai satu tanda syukur kepada Allah (s.w.t), maka Allah (s.w.t) mensyariatkan dua hari raya kepada hamba-Nya iaitu hari raya aidil fitri dan hari raya aidil adha, sebagaimana pada zaman Jahiliah di mana mereka memiliki dua hari raya dalam setiap tahunnya. Namun hari raya pada zaman Jahiliah diramaikan dengan melakukan perkara-perkara yang dilarang dan mengetepikan nilai-nilai ibadah. Hari-hari raya dalam Islam diramaikan dengan melakukan sesuatu yang tidak dilarang oleh syariat disertai suasana kegembiraan dan syukur di atas nikmat Allah (s.w.t). Allah (s.w.t) berfirman:

قُلْ بِفَضْلِ ٱللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِۦ فَبِذَٰلِكَ فَلْيَفْرَحُوا۟ ..... ﴿٥٨﴾

"*Katakanlah, "Dengan kurnia Allah dan rahmat-Nya, hendaklah mereka bergembira…"* (Surah Yunus: 58)

Hari raya itu merupakan salah satu tanda syukur dan pujian kepada Allah (s.w.t). Hari raya yang mula-mula disyariatkan dalam Islam ialah hari raya aidil fitri bersamaan dengan tahun kedua Hijriah.

Analisis Lafaz

"قَدِمَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ", ketika Rasulullah (s.a.w) tiba di Madinah pada permulaan hijrah, baginda bersabda kepada mereka: "Sesungguhnya Allah telah memberikan pengganti bagi kamu." Ucapan ini baginda sabdakan beberapa saat sebaik tiba di Madinah. Makna huruf *'athaf* yang menggunakan *fa* dalam lafaz "فقال" menunjukkan susunan dan hubungan yang langsung (tanpa ada jarak waktu pemisah).

"وَلَهُمْ يَوْمَانِ", dua hari yang bercuaca sederhana; tidak terlampau panas dan tidak pula terlampau sejuk di mana pusingan waktu antara malam dengan siang itu sama. Kedua-dua hari itu disebut hari Nairuz, iaitu permulaan matahari pindah ke Burj al-Haml dan hari Mahrajan iaitu hari pertama Burj al-Mizan.

"قَدْ أَبْدَلَكُمُ اللهُ بِهِمَا خَيْرًا مِنْهُمَا", sesungguhnya Allah telah membatalkan semua amalan Jahiliah yang biasa mereka lakukan pada kedua-dua hari raya itu dan kini Allah mensyariatkan gantinya iaitu dua hari raya.

"يَوْمَ الْأَضْحَى", hari raya aidil adha, iaitu hari raya paling mulia untuk mendekatkan diri kepada Allah (s.w.t) dengan cara menyembelih haiwan qurban.

"وَيَوْمَ الْفِطْرِ", hari raya aidil fitri. Diberi nama demikian kerana hari itu merupakan hari berbuka puasa. Hari raya aidil adha lebih dahulu disebutkan kerana ia merupakan hari raya paling mulia.

Fiqh Hadis

1. Dilarang bermain dan bergembira pada dua hari Nairuz dan Mahrajan, tidak boleh bagi seorang mukmin meniru amalan orang kafir dalam mengagungkan kedua-dua hari tersebut dan demikian pula hari-hari lain yang termasuk hari perayaan mereka, kerana dikhuatiri menyerupai mereka.
2. Disyariatkan memperlihatkan kegembiraan dan keceriaan pada dua hari raya Islam. Ini termasuk syariat yang ditetapkan oleh Allah (s.w.t) ke atas hamba-hamba-Nya. Mengganti hari-hari perayaan Jahiliah dengan dua hari raya aidil fitri dan aidil adha yang telah disebutkan dalam hadis ini menunjukkan bahawa dibolehkan melakukan perkara-perkara yang biasa dilakukan pada zaman Jahiliah pada dua hari raya itu selagi tidak dilarang oleh Islam dan tidak melalaikan amal ibadah. Perbezaan antara hari raya pada zaman Jahiliah dengan hari raya Islam ialah berkaitan ketentuan waktunya.

٦٠- عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: مِنَ السُّنَّةِ أَنْ يَخْرُجَ إِلَى الْعِيدِ مَاشِيًا. رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَحَسَّنَهُ.

60. Daripada Ali (r.a), beliau berkata: "Adalah termasuk amalan Sunnah bahawa seseorang keluar (untuk mengerjakan solat) pada hari raya dengan berjalan kaki." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan menilainya sebagai hasan)

Makna Hadis

Pada hakikatnya dibolehkan berkenderaan atau berjalan kaki ketika pergi menuju tempat solat hari raya mahupun ketika pulang. Ini antara kemudahan yang diberikan oleh Islam. Al-Bukhari telah membincangkan masalah ini dalam bab tersendiri dalam kitabnya *al-Shahih*. Namun apa yang paling utama dalam Sunnah Nabi (s.a.w) ialah berangkat menuju tempat solat hari raya dengan berjalan kaki, kerana berjalan kaki lebih menampakkan lagi sikap *tawadhu'* (rendah hati), memperbanyakkan lagi langkah, menghasilkan ganjaran pahala lebih banyak dan jalur lalu lintas lebih teratur memandangkan kanak-kanak dan kaum wanita turut hadir dalam perayaan itu. Dengan demikian, berjalan kaki menjadi lebih baik kerana berbelas kasihan kepada golongan yang kurang mampu.

Antara bimbingan yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) pada hari raya aidil fitri ialah hendaklah seseorang berbuka terlebih dahulu dengan beberapa butir buah kurma atau manisan yang berjumlah ganjil sebelum dia keluar berangkat menuju tempat solat hari raya. Ini merupakan bukti wajib berbuka pada hari itu dan haram berpuasa demi menjunjung perintah Allah (s.w.t).

Apa yang disunatkan pada hari raya aidil adha ialah berbuka setelah mengerjakan solat hari raya dan setelah haiwan qurban disembelih serta memakan sebahagian daripada dagingnya.

Analisis Lafaz

"مِنَ السُّنَّةِ", antara amalan Sunnah, iaitu bimbingan yang dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w).

"أَنْ يَخْرُجَ إِلَى الْعِيدِ مَاشِيًا", hendaklah seseorang keluar menuju tempat solat dengan berjalan kaki agar darjat pahalanya di sisi Allah (s.w.t) bertambah banyak seiring dengan banyaknya langkah yang dia hayunkan.

"رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ", hadis ini diriwayatkan oleh al-Tirmizi. Bentuk lengkapnya adalah sebagai berikut:

وَأَنْ يَأْكُلَ شَيْئًا قَبْلَ أَنْ يَخْرُجَ.

"Dan hendaklah seseorang memakan sesuatu sebelum keluar menuju tempat solat hari raya."

Fiqh Hadis

1. Disunatkan keluar menuju tempat solat hari raya dengan berjalan kaki, kerana setiap langkah dikira memperoleh satu pahala hingga semakin bertambah banyak pahala itu seiring dengan banyaknya langkah yang dihayunkannya.
2. Makan sebelum berangkat menuju tempat solat hari raya aidil fitri.

٦١- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُمْ أَصَابَهُمْ مَطَرٌ فِي يَوْمِ عِيدٍ، فَصَلَّى بِهِمْ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلاَةَ الْعِيدِ فِي الْمَسْجِدِ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ بِإِسْنَادٍ لَيِّنٍ.

61. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa mereka pernah kehujanan pada waktu hari raya, sehingga Nabi (s.a.w) mengerjakan solat hari raya bersama mereka di dalam masjid." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dengan sanad berkedudukan lemah)

Makna Hadis

Pada asalnya solat hari raya dikerjakan di suatu tempat yang lapang dan luas agar orang ramai dapat berkumpul di tempat tersebut. Dalam kaitan ini, Nabi (s.a.w) menganjurkan semua gadis remaja, gadis pingitan dan lain-lain turut serta mengerjakan solat dan berdoa bersama-sama kaum muslimin.

Rasulullah (s.a.w) selalunya mengerjakan solat hari raya di lapangan yang khusus digunakan untuk mengerjakan solat. Hal ini menunjukkan bahawa mengerjakan solat hari raya di lapangan lebih utama daripada melakukannya di dalam masjid, sekalipun masjid itu luas dan dapat menampung orang ramai.

Tetapi menurut pendapat sekumpulan ulama, solat hari raya di dalam Masjidil Haram adalah lebih utama kerana masjid itu luas, dapat melihat Kaabah secara langsung dan pahalanya dilipatgandakan. Adapun solat hari raya yang pernah dilakukan oleh Nabi (s.a.w) di dalam Masjid Nabawi, seperti yang disebutkan di dalam hadis ini, dapat ditafsirkan untuk menunjukkan hukum boleh atau kerana adanya uzur seperti hujan atau kerana masjid itu sendiri cukup luas dapat menampung semua orang yang akan melakukannya.

Analisis Lafaz

"صَلاَةَ الْعِيدِ فِي الْمَسْجِدِ", solat hari raya di dalam masjid, yakni Masjid Nabawi di Madinah.

"بِإِسْنَادٍ لَيِّنٍ", dengan sanad yang rapuh kerana di dalam sanadnya terdapat seorang periwayat yang *majhul* (tidak dikenali). Al-Hakim dan Ibn Majah turut mengetengahkan hadis ini dengan sanad yang dha'if.

Fiqh Hadis

Dibolehkan melakukan solat hari raya di dalam masjid kerana ada uzur seperti hujan. Jika tidak ada uzur, maka ada disunatkan bahawa solat hari raya itu dikerjakan di tanah lapang. Mengerjakannya di tanah lapang adalah lebih diutamakan berbandingkan dikerjakan di dalam masjid, kerana ini telah menjadi kebiasaan Rasulullah (s.a.w) dan para Khulafa' al-Rasyidin sesudahnya.

Inilah mazhab jumhur ulama. Alasan mereka kerana Rasulullah (s.a.w) sudah biasa melakukannya di samping ia dapat menyemarakkan lagi syiar Islam dan memberi kemudahan kepada para penunggang yang datang dari tempat yang jauh. Mazhab Hanbali dan mazhab Maliki mengecualikan Masjidil Haram memandangkan masjid itu memiliki keluasan yang mampu menampung ramai umat manusia.

Mazhab al-Syafi'i mengatakan bahawa mengerjakan solat hari raya di dalam Masjidil Haram dan Baitul Muqdis adalah lebih utama berbanding di tengah padang memandangkan kesucian kedua-dua masjid itu, mudah untuk mendatanginya dan memiliki keluasan yang boleh menampung ramai manusia. Adapun mengerjakan solat hari raya di dalam masjid-masjid yang lain kerana masjid itu luas atau kerana turun hujan seperti mana yang ditegaskan oleh hadis ini, maka itu dibolehkan memandangkan kemuliaan yang ada padanya, mudah untuk didatangi serta tempatnya yang cukup luas pada keadaan pertama dan lantaran ada uzur pada keadaan kedua. Oleh itu, seandainya solat dikerjakan di tengah padang, bererti mereka telah mengabaikan perbuatan yang lebih utama sehingga makruh pada keadaan kedua, bukan pada keadaan pertama. Apabila masjid itu sempit dan tidak ada uzur untuk mengerjakan di tengah padang, maka makruh melakukan solat hari raya di dalam masjid, kerana adanya alasan kesusahan dan bakal berlaku desak-desakan di kalangan orang ramai. Jalan keluarnya adalah hendaklah orang yang sihat dan kuat pergi ke tengah padang untuk mengerjakan solat hari raya, kemudian melantik seorang imam di dalam masjid untuk mengerjakan solat hari raya bersama orang yang lemah seperti orang tua dan orang sakit. Ini kerana Khalifah Ali (r.a) pernah melantik Abu Mas'ud al-Ansari untuk berbuat demikian.

Pembahasan

Disyariatkan membaca takbir selain takbir ketika mengerjakan solat dua hari raya, malah kebanyakan ulama fiqh menganggap sunat takbir itu dibaca dengan suara yang kuat. Sedangkan menurut Abu Hanifah, takbir hendaklah dibaca dengan suara tidak kuat kerana berdalilkan dengan firman Allah (s.w.t):

وَٱذۡكُر رَّبَّكَ فِي نَفۡسِكَ تَضَرُّعٗا وَخِيفَةٗ ..... ﴿٢٠٥﴾

"*Dan sebutlah (nama) Tuhanmu dalam hatimu dengan merendahkan diri dan rasa takut….*" (Surah al-A'raf: 205)

Demikian pula berlandaskan dengan sabda Nabi (s.a.w):

خَيْرُ الذِّكْرِ الْخَفِيُّ.

"*Sebaik-baik zikir adalah yang dilakukan dengan suara tidak kuat.*" Alasan lain pula menegaskan bahawa pujian pada asalnya dilakukan dengan suara tidak kuat, kecuali dalam keadaan-keadaan yang telah dikhususkan oleh syariat seperti pada waktu hari raya aidil adha.

Adapun mengenai hari raya aidil adha, maka menurut mazhab Hanafi disebutkan bahawa waktu takbir hari raya aidil adha dilakukan ketika fajar hari Arafah, tetapi mereka berselisih pendapat mengenai batasannya yang paling akhir. Abu Hanifah sendiri mengatakan bahawa akhir takbir ialah solat Asar pada hari raya aidil adha. Abu Yusuf dan Muhammad mengatakan, batasan paling akhir ialah solat Asar pada hari tasyriq yang terakhir.

Mazhab al-Syafi'i dan mazhab Hanbali mengatakan bahawa takbir dimulai sejak solat Subuh pada hari Arafah hingga solat Asar pada akhir hari Tasyriq. Hal ini berlaku bagi orang yang tidak melakukan ihram di kalangan jemaah haji. Sedangkan bagi orang yang melakukan ihram, takbir dilakukan sejak waktu Zohor pada hari Arafah hingga Asar pada akhir hari tasyriq.

Mazhab Maliki mengatakan bahawa takbir dilakukan sebaik selesai mengerjakan solat fardu yang jumlahnya lima belas kali solat, iaitu bermula waktu Zohor pada hari raya aidil adha hingga waktu Subuh pada akhir hari tasyriq.

Waktu takbir hari raya aidil fitri menurut Malik dimulai sejak berangkat ke tempat solat pada pagi hari hingga imam keluar menuju tempat solat.

Mazhab Hanafi mengatakan bahawa takbir dimulakan sejak berangkat ke tempat solat pada waktu pagi hari. Mengenai batasan akhirnya secara jelas ada dua pendapat; pendapat pertama mengatakan hingga sampai di tempat solat, sedangkan menurut pendapat kedua apabila imam memulai pelaksanaan solat hari raya.

Mazhab Hanbali mengatakan bahawa permulaan waktu takbir dimulakan apabila matahari telah tenggelam pada malam hari raya dan lebih disunatkan lagi ketika mereka keluar meninggalkan rumah masing-masing menuju tempat solat dan barulah selesai setelah khutbah disampaikan.

Mazhab al-Syafi'i mengatakan bahawa permulaan waktunya apabila matahari telah tenggelam pada malam hari raya aidil fitri dan menurut pendapat yang paling sahih di kalangan mereka, waktu takbir selesai pada saat imam memulakan pelaksanaan solat hari raya.

Kesimpulan

Dari hadis-hadis yang disebutkan dalam bab ini dapat disimpulkan beberapa perkara sebagai berikut:

1. Disunatkan berbuka dengan memakan buah kurma atau makanan yang manis, memakannya dengan bilangan ganjil, imam disunatkan memberikan nasihat kepada kaum wanita pada hari raya dan menganjurkan mereka untuk bersedekah, menempuh jalah yang berlainan ketika berangkat menuju tempat solat hari raya dengan waktu pulang menuju rumah dan berangkat untuk melakukan solat hari raya dengan berjalan kaki.
2. Hukum waktu solat hari raya yang lewat daripada permulaan waktunya.
3. Disyariatkan makan terlebih dahulu sebelum mengerjakan solat hari raya aidil fitri; pada hari raya aidil adha makan dilakukan setelah solat hart raya; kaum wanita berangkat menuju ke tempat solat pada dua hari raya; berangkat menuju ke tempat solat untuk menunaikan solat hari raya; membaca Surah Qaf dan Surah al-Qamar pada dua hari raya; memperlihatkan kegembiraan pada dua hari raya; membaca takbir pada dua hari raya, namun bukan pada waktu solat.
4. Menjelaskan bilangan rakaat solat dua hari raya, bilangan takbir pada rakaat pertama dan rakaat kedua pada solat hari raya, dan permulaan waktu untuk melakukan takbir pada dua hari raya serta batasan akhir waktu takbir di luar solat.
5. Dibolehkan meminta sedekah untuk diberikan kepada orang yang memerlukannya, wanita dibolehkan menyedekahkan sebahagian harta miliknya tanpa perlu meminta kebenaran suami, dan solat hari raya di dalam masjid kerana ada uzur.
6. Dianjurkan membaca al-Qur'an ketika mengerjakan solat dua hari raya dengan suara kuat.
7. Tidak disyariatkan melakukan sunat qabliyah dan sunat ba'diyyah dalam solat hari raya, dan azan serta iqamah bagi solat dua hari raya.
8. Mendahulukan pelaksanaan solat hari raya sebelum khutbah, dan mendahulukan takbir daripada membaca al-Qur'an pada solat dua hari raya.

Soalan

1. Mengapa hari raya diberi nama *al-id* dalam bahasa Arab?
2. Sebutkan apa nama kepada dua hari raya itu!
3. Bagaimanakah hukum solat hari raya?
4. Bagaimanakah hukum apabila seseorang melihat anak seorang diri dan apa yang mesti dia amalkan?
5. Mengapa Ibn Abbas (r.a) menolak kesaksian Kuraib?

6. Bagaimanakah hukumnya apabila hari raya baru diketahui ketika masih berada pada waktu solat hari raya? Bagaimana pula apabila terjadi sebaliknya?
7. Bilakah solat hari raya dikerjakan secara *ada'an*? Bilakah pula ia dikerjakan secara *qadha'an*?
8. Jelaskan tuntunan Sunnah mengenai apa yang mula-mula mesti dilakukan pada hari raya aidil fitri! Sebutkan hikmah melakukan itu di sisi hukum syarak dan menurut ilmu kesihatan!
9. Jelaskan hikmah makan dengan hitungan ganjil! Apakah hikmah yang terdapat dalam mengakhirkan berbuka pada hari raya aidil adha hingga solat selesai?
10. Bagaimanakah hukum wanita yang keluar untuk melakukan solat hari raya?
11. Anak gadis dan wanita yang berhaid dianjurkan keluar menuju tempat solat hari raya. Sebutkan hikmahnya!
12. Jelaskan makna lafaz: "يشهدن", "الحُيَّض", "العواتق" dan "يعتزل"!
13. Pelaksanaan solat lebih didahulukan daripada dua khutbah pada dua hari raya. Sebutkan hikmahnya!
14. Apakah hukum mendengarkan khutbah hari raya?
15. Siapakah orang pertama yang mendahulukan khutbah sebelum mengerjakan solat hari raya?
16. Sebutkan hikmah pensyariatan solat hari raya, bagaimanakah hukumnya dan berapa jumlah rakaatnya?
17. Apakah solat hari raya mempunyai solat sunat yang dilakukan sebelum dan sesudahnya?
18. Mengapa tidak disyariatkan azan dan iqamah untuk solat hari raya? Apakah yang diucapkan oleh mu'azzin hari raya sebagai penggantinya?
19. Bagaimanakah hukumnya apabila ada dua hadis yang pemahamannya saling bercanggah antara satu sama lain? Jelaskan cara menggabungkan pemahaman di antara keduanya!
20. Sebutkan bimbingan Rasulullah (s.a.w) mengenai hari raya!
21. Apakah hikmah mewitirkan takbir pada solat dua hari raya?
22. Jelaskan pendapat ulama tentang hukum takbir sama ada sunat ataupun wajib! Bagaimana hukum orang yang meninggalkannya?
23. Jelaskan perbezaan pendapat di kalangan ulama mengenai bacaan pada rakaat yang kedua! Apakah ia dilakukan sebelum takbir ataupun sesudahnya?
24. Apakah bacaan yang diucapkan di antara takbir itu!
25. Terangkan bilangan takbir pada rakaat pertama dan rakaat kedua menurut pendapat para ulama!
26. Kemanakah *dhamir* (kata ganti) yang terdapat pada lafaz "جده" merujuk?

27. I'rabkan lafaz "كلتيهما"!
28. Sebutkan surah-surah yang sering dibaca oleh Rasulullah pada solat dua hari raya sesudah membaca al-Fatihah!
29. Jelaskan cara menggabungkan pemahaman di antara riwayat-riwayat yang menceritakan masalah ini!
30. Jelaskan rahsia mengkhususkan surah-surah itu dalam solat dua hari raya!
31. Sebutkan hikmah menempuh jalan yang berlainan pada hari raya ketika berangkat ke tempat solat dan ketika pulang ke rumah daripadanya! Apakah ini disyariatkan bagi imam dan makmum?
32. Jelaskan bimbingan Nabi (s.a.w) dalam dua hari raya sama ada baginda keluar menuju tempat solat dengan berjalan kaki atau dengan menaiki kenderaan?
33. Sebutkan hikmah mengutamakan berjalan kaki menuju tempat solat hari raya!
34. Jelaskan hikmah mendahulukan berbuka (makan) sebelum berangkat menuju tempat solat hari raya aidil fitri! Sebutkan pula hikmah mengakhirkan berbuka (makan) pada hari raya aidil adha!
35. Manakah yang lebih diutamakan antara melakukan solat hari raya di tengah padang atau di dalam masjid? Manakah yang paling kerap dilakukan oleh Nabi (s.a.w)?
36. Sebutkan hikmah Rasulullah (s.a.w) memilih padang sebagai tempat melaksanakan solat hari raya! Mengapa Rasulullah (s.a.w) melakukannya di dalam masjid?
37. Sebutkan pendapat ulama mengenai hukum takbir pada dua hari raya di luar solat!

BAB SOLAT GERHANA

٦٢- عَنِ الْمُغِيرَةِ بْنِ شُعْبَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: انْكَسَفَتِ الشَّمْسُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ مَاتَ إِبْرَاهِيمُ، فَقَالَ النَّاسُ: انْكَسَفَتِ الشَّمْسُ لِمَوْتِ إِبْرَاهِيمَ، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَتَانِ مِنْ آيَاتِ اللهِ لاَ يَنْكَسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلاَ لِحَيَاتِهِ، فَإِذَا رَأَيْتُمُوهُمَا، فَادْعُوا اللهَ وَصَلُّوا، حَتَّى تَنْكَشِفَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَفِي رِوَايَةٍ لِلْبُخَارِيِّ: "حَتَّى تَنْجَلِيَ. وَلِلْبُخَارِيِّ مِنْ حَدِيثِ أَبِي بَكْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ: فَصَلُّوا وَادْعُوا حَتَّى يُكْشَفَ مَا بِكُمْ.

62. Daripada al-Mughirah ibn Syu'bah (r.a), beliau berkata: "Matahari pernah mengalami gerhana pada zaman Rasulullah (s.a.w) iaitu ketika Ibrahim meninggal dunia. Melihat fenomena itu, orang ramai berkata: "Matahari mengalami gerhana kerana Ibrahim meninggal dunia." Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sesungguhnya matahari dan bulan merupakan dua dari sekian tanda kekuasaan Allah, keduanya tidak mengalami gerhana kerana kematian atau kehidupan seseorang. Jika kamu melihat keduanya (mengalami gerhana), maka berdoalah kepada Allah dan solatlah hingga gerhana kembali norma." (Muttafaq 'alaih)

Di dalam riwayat al-Bukhari yang lain disebutkan: "Hingga cuaca menjadi terang semula." Menurut riwayat al-Bukhari daripada Abu Bakrah (r.a) disebutkan: "Maka solatlah kamu dan berdoalah (kepada Allah) hingga gerhana yang kami alami itu segera kembali normal."

Makna Hadis

Pada Zaman Rasulullah (s.a.w) pernah terjadi gerhana. Peristiwa itu bersamaan dengan kematian putera Nabi (s.a.w), iaitu Ibrahim. Itu terjadi pada tahun ke-10 Hijriah. Lalu sekumpulan kaum muslimin berkesimpulan bahawa matahari

mengalami gerhana kerana kematian Ibrahim. Mereka mengatakan demikian dengan tujuan memuliakan Nabi (s.a.w) dan puteranya. Ketika Rasulullah (s.a.w) mendengar apa yang mereka katakan itu, baginda pun marah, lalu berkhutbah kepada mereka yang isinya menjelaskan bahawa matahari dan bulan merupakan dua dari sekian banyak tanda yang menunjukkan kekuasaan Allah (s.w.t) dan tidak ada satu kekuasaan pun bagi seseorang untuk mempengaruhi gerhana itu. Kedua-duanya tidak gerhana kerana kematian atau kehidupan seseorang, betapa pun besar atau hebatnya orang itu. Peristiwa gerhana itu hanyalah merupakan fenomena alam yang menunjukkan kekuasaan Tuhan Yang Maha Pencipta lagi Maha Besar agar manusia menyaksikan suatu gambaran tentang hari kiamat, hingga mereka segera kembali kepada-Nya dengan berdoa dan mengerjakan solat serta ingat bahawa Allah ada kalanya menjatuhi hukuman bagi orang yang tidak berdosa, lebih-lebih lagi orang yang berdosa. Akhirnya manusia tidak mempunyai jalan lain kecuali segera bertaubat dan kembali kepada-Nya agar dimasukkan ke dalam golongan orang yang berjaya.

Analisis Lafaz

"الخسوف", menurut bahasa adalah berubah menjadi gelap (hitam). Ulama fiqh menggunakan istilah *al-kusuf* untuk gerhana matahari, sedangkan istilah *al-khusuf* untuk gerhana bulan. *Al-Khusuf* menurut bahasa adalah berkurang. Perkataan "انكسفت الشمس" bermaksud matahari menjadi gelap dan sinarnya lenyap.

"انْكَسَفَتِ الشَّمْسُ", pada masa Nabi (s.a.w) masih hidup.

"آيَتَانِ مِنْ آيَاتِ اللهِ", dua tanda yang menunjukkan kekuasaan Allah (s.w.t) yang dengannya Dia ingin memberi peringatan kepada hamba-Nya. Menyebutkan lafaz *al-qamar* dalam hadis ini memberikan kefahaman tambahan untuk menjelaskan bahawa hukum kedua-dua benda tersebut (matahari dan bulan) adalah sama.

"لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلاَ لِحَيَاتِهِ", kalimat ini mengingatkan kepada kebatilan akidah yang rosak, sebab mereka berkeyakinan bahawa matahari dan bulan tidak gerhana kecuali kerana kematian seseorang yang hebat. Sabda Rasulullah (s.a.w): "وَلاَ لِحَيَاتِهِ" adalah sebagai tambahan kefahaman, sekalipun mereka tidak menyebutkannya, dengan tujuan menjelaskan bahawa ucapan seperti itu tidak boleh dikatakan ketika terjadi kematian dan tidak boleh pula dikatakan ketika terjadi kehidupan.

"فَادْعُوا اللهَ وَصَلُّوا", "Berdoalah kepada Allah dan solatlah kamu!" Ini menurut riwayat Muslim, sedangkan menurut riwayat al-Bukhari disebutkan: "Solatlah dan berdoalah kamu!"

"حَتَّى تَنْكَشِفَ", hingga gerhana lenyap. Ini menurut lafaz Muslim, sedangkan menurut lafaz al-Bukhari disebutkan: :Hingga bersinar kembali," yakni sinarnya tidak dihalang lagi oleh gerhana.

"وَلِلْبُخَارِيِّ مِنْ حَدِيثِ أَبِي بَكْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ: فَصَلُّوا وَادْعُوا حَتَّى يُكْشَفَ مَا بِكُمْ"; menurut riwayat al-Bukhari daripada Abu Bakrah (r.a) disebutkan: "فَصَلُّوا وَادْعُوا حَتَّى يُكْشَفَ" sebagai

pengganti kepada apa yang terdapat dalam riwayat Muslim yang menyebutkan: "فَادْعُوا اللهَ وَصَلُّوا، حَتَّى تَنْكَشِفَ". Makna yang dimaksudkan daripada riwayat al-Bukhari ialah "حَتَّى يُكْشَفَ" (Hingga lenyaplah apa yang menimpa kamu, baik gerhana matahari ataupun gerhana bulan."

Perintah yang terdapat di dalam lafaz "فَصَلُّوا" ditafsirkan sebagai sunat oleh jumhur ulama memandangkan solat yang wajib hanya terbatas kepada lima waktu sahaja. Akan tetapi, telah dinukil daripada Abu Hanifah bahawa perintah ini mengandung makna wajib, kerana berpegang kepada makna zahir perintah, tetapi pendapat ini bercanggah dengan pendapat yang lebih masyhur daripadanya juga.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan melakukan solat ketika terjadi gerhana matahari dan gerhana bulan. Imam al-Syafi'i mengatakan bahawa solat gerhana ini boleh dikerjakan pada bila-bila masa lantaran wujud sebab telah mendahuluinya, sekalipun dikerjakan pada waktu makruh untuk mengerjakan solat. Jumhur ulama mengatakan bahawa solat gerhana tidak boleh dikerjakan pada waktu-waktu makruh. Solat gerhana bulan dilakukan pada waktu malam hari tanpa ada pengecualian kerana pada malam hari tidak ada waktu yang dimakruhkan.
2. Sanggahan terhadap sekumpulan manusia yang mengatakan bahawa matahari dan bulan mengalami gerhana kerana kematian seorang yang hebat atau ada peristiwa besar yang sedang berlaku. Pada zaman Jahiliah mereka berkeyakinan bahawa gerhana memastikan terjadinya suatu perubahan di bumi seperti kematian seseorang atau petaka besar sedang berlaku. Oleh itu, Nabi (s.a.w) memberitahu para sahabat bahawa itu merupakan keyakinan yang salah. Matahari dan bulan merupakan dua makhluk yang tunduk patuh kepada Allah. Kedua-duanya tidak mempunyai apa-apa kekuatan untuk berbuat sesuatu terhadap dirinya dan tidak ada seorang pun yang mempunyai kekuasaan melakukan sesuatu terhadap keduanya.
3. Sanggahan terhadap sebahagian masyarakat Jahiliah yang menyembah matahari dan bulan. Rasulullah (s.a.w) menjelaskan kepada mereka bahawa matahari dan bulan adalah dua makhluk Allah (s.w.t), sama halnya dengan makhluk-makhluk yang lain. Kedua-duanya pasti mengalami perubahan dan tidak ada kekuasaan bagi sesiapa pun untuk berbuat sesuatu terhadap kedua-duanya.
4. Berlindung kepada Allah ketika terjadi fenomena-fenomena yang menakutkan dan peristiwa dahsyat dengan cara mengerjakan solat dan lain-lain sebagainya berupa doa dan istighfar untuk menolak petaka yang bakal berlaku, baik yang bersifat segera di dunia ataupun yang ditangguhkan nanti di akhirat kerana adanya perbuatan maksiat.

٦٣- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَهَرَ فِي صَلاَةِ الْكُسُوفِ بِقِرَاءَتِهِ، فَصَلَّى أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ فِي رَكْعَتَيْنِ، وَأَرْبَعَ سَجَدَاتٍ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ وَهَذَا لَفْظُ مُسْلِمٍ. وَفِي رِوَايَةٍ لَهُ: فَبَعَثَ مُنَادِيًا يُنَادِي: الصَّلاَةُ جَامِعَةٌ.

63. Daripada Aisyah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) menguatkan bacaan ketika mengerjakan solat gerhana. Dalam dua rakaat baginda mengerjakan solat dengan empat kali rukuk dan empat kali sujud." (Muttafaq 'alaih dan ini berdasarkan lafaz Muslim)

Dalam riwayat lain yang juga diriwayatkan oleh Muslim disebutkan seperti berikut: "Lalu baginda menyuruh seorang juru azan untuk menyeru: "الصَّلاَةُ جَامِعَةٌ" (Solat dengan berjemaah!)."

Makna Hadis

Hadis-hadis yang disebut dalam bab ini menunjukkan bahawa solat gerhana dilakukan dengan pelbagai macam cara yang berbeza antara satu sama lain, antara lain ialah ada yang menyebutkan dua rakaat dengan cara yang sama seperti solat sunat yang selainnya. Ada riwayat yang menyebutkan dua rakaat, tetapi dalam setiap rakaat terdiri daripada tiga kali rukuk. Ada pula yang mengatakan dua rakaat dan setiap rakaat terdiri daripada empat rukuk. Dan ada riwayat yang mengatakan dua rakaat, tetapi setiap rakaat terdiri daripada lima kali rukuk.

Cara-cara tersebut telah diriwayatkan melalui perbuatan Nabi (s.a.w) yang kesemuanya merupakan Sunnah Nabi (s.a.w). Dengan kata lain, apa pun cara yang dilakukan oleh seorang mukallaf dalam mengerjakan solat gerahana ini bererti dia telah melakukan apa yang telah disyariatkan untuknya.

Tetapi memilih riwayat yang paling sahih merupakan kebiasaan yang dilakukan oleh orang yang mencintai keutamaan dan mengetahui bagaimana cara menyimpulkan dalil syariat. Di sini dapat disimpulkan bahawa hadis-hadis yang meriwayatkan dua kali rukuk pada setiap rakaat adalah yang paling sahih. Hal ini berkat kesahihan hadisnya dan ramai ulama yang menilainya sebagai lebih kuat.

Analisis Lafaz

"فَصَلَّى أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ فِي رَكْعَتَيْنِ", dengan empat kali rukuk, yakni solat dua rakaat, dan pada setiap rakaat terdiri daripada dua kali rukuk.

"وَأَرْبَعَ سَجَدَاتٍ", dengan empat kali sujud, setiap rakaat dua kali sujud.

"وَفِي رِوَايَةٍ لَهُ", dan dalam riwayat lain oleh Muslim daripada Aisyah (r.a).

"فَبَعَثَ مُنَادِيًا", Nabi (s.a.w) menyuruh seseorang untuk memberitahu orang ramai dengan seruan: "الصَّلاَةُ جَامِعَةٌ" dibaca dalam keadaam *rafa'* kerana terdiri

daripada *mubtada* dan *khabar*. Ia bermaksud solat memanggil seluruh manusia untuk berkumpul di masjid. Solat gerhana tidak memerlukan azan dan iqamah kerana azan dan iqamah hanya khusus bagi solat-solat fardu.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan menguatkan suara bacaan ketika mengerjakan solat gerhana. Imam Ahmad dan dua orang murid Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa bacaan surah ketika mengerjakan solat gerhana hendaklah dikuatkan. Jumhur ulama mengatakan bahawa ketika mengerjakan solat gerhana matahari suara bacaan hendaklah tidak dikuatkan, sedangkan ketika mengerjakan solat gerhana bulan suara bacaan hendaklah dikuatkan. Mereka mengatakan demikian kerana menqiaskannya dengan solat lima waktu.
2. Menjelaskan cara yang pertama dalam melakukan solat gerhana iaitu dengan empat kali rukuk dalam dua rakaat; setiap rakaat terdiri daripada dua rukuk dan dua sujud. Inilah yang dijadikan pegangan oleh jumhur ulama. Mazhab Hanafi mengatakan bahawa solat gerhana dilakukan dua rakaat yang caranya sama dengan solat-solat sunat yang lain iaitu satu kali rukuk dan dua kali sujud pada setiap rakaat.
3. Solat gerhana dikerjakan secara berjemaah, tetapi menurut jumhur ulama, solat gerhana sah dilakukan secara bersendirian. Mazhab Hanafi mengatakan bahawa solat gerhana hendaklah dikerjakan secara berjemaah dengan imam solat Jumaat. Jika imam menolak berbuat demikian, maka hendaklah mereka mengerjakannya secara sendiri-sendiri kerana dikhuatir timbul fitnah.

   Adapun solat gerhana bulan, menurut mazhab al-Syafi'i dan mazhab Hanbali, solat itu hendaklah dilakukan sebanyak dua rakaat, pada setiap rakaat terdiri daripada dua rukuk sama dengan solat gerhana matahari dan dilakukan secara berjemaah.

   Mazhab Hanafi mengatakan bahawa solat gerhana bulan hendaklah dikerjakan dua rakaat dengan satu kali rukuk sama dengan solat sunat yang lain dan dikerjakan sendiri-sendiri, kerana pernah terjadi gerhana bulan berkali-kali pada zaman Rasulullah (s.a.w), tetapi tidak ada satu riwayat pun yang menyatakan bahawa baginda menghimpun orang ramai untuk mengerjakan solat gerhana bulan secara berjemaah. Dengan demikian, setiap orang melakukannya secara sendiri-sendiri.

   Mazhab Maliki mengatakan bahawa disunatkan melakukan solat gerhana bulan sebanyak dua rakaat dengan suara bacaan yang kuat dan dikerjakan satu kali berdiri serta satu kali rukuk sama dengan solat sunat yang lain. Ia hendaklah dilakukan oleh setiap orang Islam di dalam rumahnya secara sendiri-sendiri.

   Solat hendaklah dilakukan berulang kali hingga gerhana bulan lenyap atau bulan tenggelam atau fajar terbit. Makruh melakukan solat gerhana

bulan di dalam masjid, baik secara berjemaah ataupun secara sendiri-sendiri.

٦٤- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: انْخَسَفَتِ الشَّمْسُ عَلَى عَهْدِ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَصَلَّى، فَقَامَ قِيَامًا طَوِيلاً نَحْوًا مِنْ قِرَاءَةِ سُورَةِ الْبَقَرَةِ، ثُمَّ رَكَعَ رُكُوعًا طَوِيلاً، ثُمَّ رَفَعَ فَقَامَ قِيَامًا طَوِيلاً وَهُوَ دُونَ الْقِيَامِ الْأَوَّلِ، ثُمَّ رَكَعَ رُكُوعًا طَوِيلاً، وَهُوَ دُونَ الرُّكُوعِ الْأَوَّلِ، ثُمَّ سَجَدَ ثُمَّ قَامَ قِيَامًا طَوِيلاً، وَهُوَ دُونَ الْقِيَامِ الْأَوَّلِ، ثُمَّ رَكَعَ رُكُوعًا طَوِيلاً، وَهُوَ دُونَ الرُّكُوعِ الْأَوَّلِ، ثُمَّ رَفَعَ، فَقَامَ قِيَامًا طَوِيلاً، وَهُوَ دُونَ الْقِيَامِ الْأَوَّلِ، ثُمَّ رَكَعَ رُكُوعًا طَوِيلاً، وَهُوَ دُونَ الرُّكُوعِ الْأَوَّلِ، ثُمَّ سَجَدَ، ثُمَّ انْصَرَفَ وَقَدْ تَجَلَّتِ الشَّمْسُ، فَخَطَبَ النَّاسَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

وَفِي رِوَايَةٍ لِمُسْلِمٍ: صَلَّى حِينَ كَسَفَتِ الشَّمْسُ ثَمَانَ رَكَعَاتٍ فِي أَرْبَعِ سَجَدَاتٍ. وَعَنْ عَلِيٍّ مِثْلُ ذَلِكَ. وَلَهُ: عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ: صَلَّى سِتَّ رَكَعَاتٍ بِأَرْبَعِ سَجَدَاتٍ. وَلِأَبِي دَاوُدَ: عَنْ أُبَيِّ بْنِ كَعْبٍ: "صَلَّى، فَرَكَعَ خَمْسَ رَكَعَاتٍ وَسَجَدَ سَجْدَتَيْنِ، وَفَعَلَ فِي الثَّانِيَةِ مِثْلَ ذَلِكَ.

64. Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Matahari mengalami gerhana pada zaman Rasulullah (s.a.w), lalu baginda mengerjakan solat (gerhana). Baginda berdiri (dalam solatnya) dalam waktu yang cukup lama, yang lama waktunya sama dengan membaca Surah al-Baqarah. Kemudian baginda rukuk dalam waktu yang cukup lama, lalu bangkit dan berdiri dalam waktu yang cukup lama, tetapi tidak selama waktu yang pertama. Sesudah itu baginda melakukan rukuk dalam waktu yang cukup lama, tetapi tidak selama waktu yang pertama. Kemudian baginda melakukan sujud, lalu baginda bangkit dan berdiri dalam waktu yang cukup lama tetapi tidak selama waktu pada rakaat yang pertama. Selanjutnya baginda rukuk dengan rukuk yang cukup lama, tetapi tidak selama waktu rakaat pertama. Kemudian baginda bangkit dan berdiri dalam waktu yang cukup lama, tetapi tidak selama waktu yang pertama, lalu baginda rukuk dengan rukuk yang cukup lama, tetapi tidak selama waktu yang pertama. Setelah itu baginda mengangkat kepalanya, lalu (menyungkur) sujud. Sesudah itu baginda pergi (setelah selesai mengerjakan solatnya), sedangkan matahari telah bersinar semula, dan baginda langsung berkhutbah. (Muttafaq 'alaih. Lafaz hadis menurut riwayat al-Bukhari)

Di dalam riwayat Muslim disebutkan: "Ketika terjadi gerhana matahari, Nabi (s.a.w) mengerjakan solat dengan lapan kali rukuk dalam empat kali sujud (dua rakaat). Ali (r.a) menceritakan pula hadis yang sama seperti di atas. Menurut

riwayat yang lain oleh Muslim daripada Jabir (r.a) disebutkan sebagai berikut: "Nabi (s.a.w) mengerjakan solat dengan enam kali rukuk dalam empat kali sujud." Menurut riwayat Abu Dawud daripada Ubay ibn Ka'b (r.a) disebutkan sebagai berikut: "Nabi (s.a.w) mengerjakan solat dengan melakukan rukuk sebanyak lima kali dan sujud sebanyak dua kali, kemudian pada rakaat yang kedua baginda melakukan hal yang sama."

Makna Hadis

Menurut pendapat yang paling kuat, hukum solat gerhana adalah sunat mu'akkad. Pada dasarnya solat gerhana terdiri daripada dua rakaat. Tetapi telah disebutkan dalam hadis yang riwayatnya berbeza-beza antara satu sama lain tentang bilangan rukunya, iaitu lebih banyak daripada solat fardu, meskipun seluruh riwayat itu bersepakat tentang bilangan sujudnya sebanyak dua kali. Hadis ini menyebutkan perincian solat gerhana agar dapat diketahui oleh orang yang belum mengetahuinya.

Pelbagai macam riwayat yang menceritakan bilangan rukuk pada setiap rakaat solat gerhana. Menurut riwayat al-Bukhari daripada Ibn Abbas (r.a), solat gerhana itu sebanyak dua rakaat, pada setiap rakaat terdapat dua rukuk dan dua sujud. Menurut riwayat Muslim, dua rakaat dan pada setiap rakaat terdapat empat kali rukuk dan dua kali sujud. Dalam riwayat yang lain oleh Muslim daripada Jabir (r.a) disebutkan dua rakaat dan pada setiap rakaat terdapat tiga kali rukuk dan dua kali sujud. Dalam riwayat Abu Daud disebutkan bahawa pada setiap rakaat terdapat lima kali rukuk dan dua kali sujud.

Analisis Lafaz

"عَلَى عَهْدِ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", ketika Rasulullah (s.a.w) masih hidup.

"فَصَلَّى", baginda mengerjakan solat, yakni solat gerhana matahari.

"نَحْوًا مِنْ قِرَاءَةِ سُورَةِ الْبَقَرَةِ", bacaan yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) ketika berdiri pada rakaat pertama diperkirakan sama lamanya dengan membaca Surah al-Baqarah di mana jumlah ayatnya berjumlah 281 ayat. Ini menunjukkan bahawa bacaan yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) dalam solatnya itu dengan suara yang tidak kuat.

"رَكَعَ رُكُوعًا طَوِيلاً", baginda rukuk dalam waktu yang lama di mana lamanya diperkirakan sama dengan membaca lebih kurang seratus ayat.

"فَقَامَ قِيَامًا طَوِيلاً وَهُوَ دُونَ الْقِيَامِ الْأَوَّلِ", baginda berdiri lama meskipun tidak selama waktu ketika berdiri yang pertama di mana diperkirakan bacaan yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) dalam waktu berdiri kali ini sama dengan membaca Surah Ali Imran di mana ayatnya berjumlah dua ratus.

"ثُمَّ رَكَعَ رُكُوعًا طَوِيلاً، وَهُوَ دُونَ الرُّكُوعِ الْأَوَّلِ", kemudian baginda rukuk dalam waktu yang lama meskipun tidak selama waktu rukuk yang pertama di mana kira-kira lamanya

sama dengan membaca lapan puluh ayat.

"ثُمَّ سَجَدَ ،", kemudian baginda sujud dua kali.

"ثُمَّ قَامَ قِيَامًا طَوِيلاً، وَهُوَ دُونَ الْقِيَامِ الأَوَّلِ", kemudian baginda berdiri dalam waktu yang lama meskipun tidak selama waktu waktu berdiri yang pertama di mana diperkirakan bacaan yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) pada waktu berdiri yang pertama rakaat kedua sama dengan membaca Surah al-Nisa' yang mengandungi 186 ayat.

"ثُمَّ رَكَعَ رُكُوعًا طَوِيلاً، وَهُوَ دُونَ الرُّكُوعِ الأَوَّلِ", kemudian baginda rukuk dalam waktu yang lama meskipun tidak selama waktu rukuk yang pertama di mana diperkirakan lamanya sama dengan membaca tujuh puluh ayat.

"فَقَامَ قِيَامًا طَوِيلاً، وَهُوَ دُونَ الْقِيَامِ الأَوَّلِ", kemudian baginda berdiri dalam waktu yang lama meskipun tidak selama waktu berdiri yang pertama di mana diperkirakan bacaan ketika berdiri kali ini sama dengan membaca Surah al-Ma'idah yang mengandungi 120 ayat.

"ثُمَّ رَكَعَ رُكُوعًا طَوِيلاً، وَهُوَ دُونَ الرُّكُوعِ الأَوَّلِ", kemudian baginda rukuk dalam waktu yang lama meskipun tidak selama waktu rukuk yang pertama di mana lamanya sama dengan membaca lima puluh ayat.

"ثُمَّ سَجَدَ", kemudian baginda sujud sebanyak dua kali.

"ثُمَّ انْصَرَفَ", lalu baginda pergi setelah selesai mengerjakan solat dengan diakhiri salam.

"وَقَدْ تَجَلَّتِ الشَّمْسُ", sedangkan matahari telah kembali bercahaya dan terang seperti semula.

"فَخَطَبَ", lalu baginda berkhutbah setelah selesai mengerjakan solat, menyuruh orang ramai bersedekah dan memerdekakan hamba serta memerintahkan mereka bertakwa kepada Allah.

"وَفِي رِوَايَةٍ لِمُسْلِمٍ", dan menurut riwayat lain oleh Muslim daripada Ibn Abbas (r.a).

"ثَمَانَ رَكَعَاتٍ", lapan kali rukuk, yakni baginda mengerjakan solat dua rakaat, pada setiap rakaat terdiri daripada empat kali rukuk.

"فِي أَرْبَعِ سَجَدَاتٍ", dengan empat kali sujud, masing-masing rakaat dua kali sujud.

"وَعَنْ عَلِيٍّ", Muslim telah mengetengahkan daripada Ali (r. a) satu hadis seperti riwayat Ibn Abbas (r.a) yang menegaskan bahawa Rasulullah (s.a.w) mengerjakan solat ketika gerhana matahari dengan lapan kali rukuk dan empat kali sujud.

"وَلَهُ", dan oleh Muslim daripada Jabir (r.a).

"سِتَّ رَكَعَاتٍ بِأَرْبَعِ سَجَدَاتٍ", baginda mengerjakan solat dua rakaat, pada setiap rakaat terdapat tiga kali rukuk dan dua kali sujud.

"خَمْسَ رَكَعَاتٍ وَسَجَدَ سَجْدَتَيْنِ", baginda melakukan rukuk lima kali dan sujud dua kali pada rakaat pertama.

"وَفَعَلَ فِي الثَّانِيَةِ مِثْلَ ذَلِكَ", dan pada rakaat yang kedua baginda melakukan perkara yang sama, iaitu rukuk lima kali dan sujud dua kali.

Fiqh Hadis

1. Solat gerhana adalah dua rakaat.
2. Menjelaskan cara pertama mengerjakan solat gerhana, iaitu dua rakaat; pada setiap rakaat dua kali rukuk dan dua kali sujud.
3. Menjelaskan cara kedua mengerjakan solat gerhana, iaitu dua rakaat; pada setiap rakaat empat kali rukuk dan dua kali sujud.
4. Menjelaskan cara ketiga mengerjakan solat gerhana, iaitu dua rakaat; pada setiap rakaat tiga kali rukuk dan dua kali sujud.
5. Menjelaskan cara keempat mengerjakan solat gerhana, iaitu dua rakaat dengan lima kali rukuk dan dua kali sujud pada setiap rakaatnya.
6. Disyariatkan berkhutbah sesudah mengerjakan solat gerhana. Isi khutbah memuatkan pujian dan sanjungan kepada Allah (s.w.t) dan anjuran untuk berdoa dan bersedekah. Imam al-Syafi'i mengatakan bahawa disunatkan melakukan dua khutbah sesudah mengerjakan solat. Imam Malik, Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad meriwayatkan bahawa solat gerhana tidak ada khutbah setelahnya dan mereka mentafsirkan hadis-hadis yang menyebutkan adanya khutbah di dalamnya hanyalah semata-mata sebagai khutbah nasihat.

٦٥- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: مَا هَبَّتْ رِيحٌ قَطُّ إِلاَّ جَثَا النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى رُكْبَتَيْهِ، وَقَالَ: "اللَّهُمَّ اجْعَلْهَا رَحْمَةً، وَلاَ تَجْعَلْهَا عَذَابًا". رَوَاهُ الشَّافِعِيُّ وَالطَّبَرَانِيُّ.

65. Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Tidaklah sekali-kali angin bertiup kencang, melainkan Nabi (s.a.w) duduk sambil memegang dam merapatkan kedua lututnya, lalu membaca doa: "اللَّهُمَّ اجْعَلْهَا رَحْمَةً، وَلاَ تَجْعَلْهَا عَذَابًا" (Ya Allah, jadikanlah angin ini sebagai rahmat dan janganlah Engkau menjadikannya sebagai azab)." (Diriwayatkan oleh al-Syafi'i dan al-Thabarani)

Makna Hadis

Angin datang bertiup dari sisi Allah dengan tunduk perintah-Nya. Adakalanya ia membawa rahmat dan adakalanya pula membawa azab. Oleh itu, seorang yang

berakal apabila ada angin bertiup kencang dihendaki memohon perlindungan kepada Allah (s.w.t) dengan berdoa dan merendahkan diri kepada-Nya agar diselamatkan daripada malapetaka yang dibawanya dan memperoleh kebaikan yang ada padanya. Dia tidak boleh memaki angin yang sedang bertiup kerana angin datang berdasarkan perintah Allah.

Jika ada angin kencang bertiup, Nabi (s.a.w) duduk sambil merapatkan kedua lututnya. Cara duduk seperti ini menggambarkan keadaan orang yang sedang dilanda ketakutan dan merendah diri memohon perlindungan kepada Allah (s.w.t). Baginda berbuat demikian kerana khuatir terhadap umatnya yang sentiasa menyimpan sejuta kasih sayang kepada umatnya.

Analisis Lafaz

"هَبَّتْ رِيحٌ", angin bertiup kencang. *Al-Rih* merupakan *isim jinis* (bentuknya tunggal, tetapi maknanya jamak) yang di antaranya ada yang datang dengan membawa rahmat dan ada pula yang datang membawa azab. Angin yang membawa rahmat selalunya diungkapkan dalam bentuk jamak seperti mana dalam firman Allah (s.w.t):

وَأَرْسَلْنَا ٱلرِّيَٰحَ لَوَٰقِحَ ..... ﴿٢٢﴾

"*Dan Kami telah meniupkan angin untuk mengahwinkan (tumbuh-tumbuhan)….*" (Surah al-Hijr: 22)

Maksudnya ialah angin yang datang untuk membantu persenyawaan putik betina dengan putik jantan, hingga pepohonan berbuah. Ia juga datang dengan membawa awan yang mengandungi air hujan.

Ada pula angin yang datang membawa azab. Angin ini selalunya diungkapkan dalam bentuk *mufrad* (tunggal) seperti mana dalam firman-Nya:

وَفِي عَادٍ إِذْ أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمُ ٱلرِّيحَ ٱلْعَقِيمَ ﴿٤١﴾

"*Juga pada (kisah) 'Ad ketika Kami kirimkan kepada mereka angin yang membinasakan.*" (Surah al-Zariyat: 41)

Ia adalah angin yang tidak sedikit pun membawa kebaikan, kerana angin tersebut tidak membawa air hujan dan tidak pula mengahwinkan tumbuh-tumbuhan. Angin jenis ini dinamakan *al-dabur* (angin taufan).

"جَثَا النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى رُكْبَتَيْهِ", Nabi (s.a.w) segera duduk dengan merapatkan kedua lututnya. Cara duduk seperti ini biasanya hanya dilakukan oleh orang yang sedang dilanda perasaan takut.

"اللَّهُمَّ اجْعَلْهَا رَحْمَةً، وَلاَ تَجْعَلْهَا عَذَابًا", ya Allah, jadikanlah angin ini pembawa rahmat dan janganlah Engkau jadikan angin ini sebagai pembawa azab. Di dalam hadis Ibn Abbas (r.a) disebutkan sambungannya sebagai berikut:

اللَّهُمَّ اجْعَلْهَا رِيَاحًا وَلاَ تَجْعَلْهَا رِيحًا.

"*Ya Allah, jadikanlah angin ini sebagai pembawa rahmat, dan janganlah Engkau jadikan angin ini sebagai pembawa kebinasaan.*"

Ungkapan bentuk *mufrad* menunjukkan makna angin yang membawa azab, sedangkan yang dalam bentuk jamak dimaksudkan angin yang membawa rahmat.

Fiqh Hadis

1. Rasulullah (s.a.w) sentiasa merasa takut kepada Allah.
2. Nabi (s.a.w) betapa saying kepada umatnya di mana baginda sentiasa memohonkan rahmat-Nya bagi mereka dan memohon supaya mereka diselamatkan daripada azab.
3. Menjelaskan doa yang seharusnya dibaca ketika angin bertiup kencang.

٦٦- وَعَنْهُ: أَنَّهُ صَلَّى فِي زَلْزَلَةٍ سِتَّ رَكَعَاتٍ، وَأَرْبَعَ سَجَدَاتٍ، وَقَالَ: هَكَذَا صَلاَةُ الْآيَاتِ. رَوَاهُ الْبَيْهَقِيُّ. وَذَكَرَ الشَّافِعِيُّ عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ مِثْلَهُ دُونَ آخِرِهِ.

66. Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) ketika terjadi gempa bumi melakukan solat (dua rakaat) dengan enam kali rukuk dan empat kali sujud. Ibnu Abbas (r.a) berkata: "Inilah cara mengerjakan solat apabila melihat tanda-tanda kekuasaan Allah." (Diriwayatkan oleh al-Baihaqi) Imam al-Syafi'i turut menyebutkan hadis yang serupa daripada Ali (r.a), namun tanpa menyebutkan kalimat yang terakhir itu.

Makna Hadis

Gempa bumi, gerhana matahari, gerhana bulan dan banjir menunjukkan tanda-tanda kekuasaan Allah yang dengannya Allah ingin mengingatkan hamba-hamba-Nya mudah-mudahan mereka segara bertaubat kepada-Nya. Oleh itu, dianjurkan meminta pertolongan kepada Allah dengan cara mengerjakan solat sebagaimana yang dianjurkan di dalam firman-Nya:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱسْتَعِينُوا۟ بِٱلصَّبْرِ وَٱلصَّلَوٰةِ ..... ﴿١٥٣﴾

"*Hai orang yang beriman, jadikanlah sabar dan solat sebagai penolongmu…*" (Surah al-Baqarah: 153)

Jika Nabi (s.a.w) menghadapi suatu peristiwa besar, baginda segera melakukan solat namun belum pernah dibuktikan dalam Sunnah bahawa baginda melakukan

solat secara berjemaah ketika sedang dilanda gempa bumi dan tidak menyeru orang ramai untuk turut sama melakukannya. Oleh itu, dianjurkan bahawa solat itu dilakukan secara perseorangan sama halnya dengan solat sunat yang lain. Apapun, Imam Ahmad mengatakan bahawa solat kerana ada gempa bumi dilakukan sama dengan solat kerana ada gerhana.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Ibn Abbas (r.a) yang sama sumbernya dengan hadis sebelumnya.

"زَلْزَلَةٍ", gempa bumi.

"الْآيَاتِ", tanda-tanda yang menunjukkan keesaan Allah (s.w.t) yang dengannya Dia ingin mengingatkan hamba-Nya supaya sentiasa berlindung kepada-Nya, baik dalam keadaan suka ataupun dalam keadaan duka, dan mereka mengetahui bahawa Allah (s.w.t) Maha Kuasa ke atas segala sesuatu.

"مِثْلَهُ", hadis yang sama dengan hadis Ibnu Abbas (r.a).

"دُونَ آخِرِهِ", Imam al-Syafi'i di dalam riwayatnya tidak menyebutkan kalimat: "Inilah cara mengerjakan solat apabila melihat tanda-tanda kekuasaan Allah."

Fiqh Hadis

Disyariatkan mengerjakan solat ketika melihat tanda-tanda kekuasaan Allah, misalnya gempa bumi dan lain-lain yang dengannya Allah (s.w.t) ingin mengingatkan hamba-Nya. Mazhab al-Syafi'i dan mazhab Hanafi mengatakan bahawa solat ini dikerjakan secara bersendirian, bukan dengan cara berjemaah.

Mazhab Hanbali mengatakan bahawa tidak disunatkan mengerjakan solat apabila melihat tanda-tanda kekuasaan Allah, kecuali gempa bumi yang berlaku secara berteruan. Solat itu dikerjakan dengan tatacara yang sama dengan solat gerhana.

Sekumpulan ulama telah menukil daripada Imam Ahmad bahawa disunatkan melakukan solat apabila melihat tanda-tanda kekuasaan-Nya, tanpa kecuali.

Imam Malik berkata: "Makruh melakukan solat kerana melihat salah satu daripada tanda kekuasaan dari sekian tanda-tanda yang menunjukkan kekuasaan Allah, kecuali gerhana."

Kesimpulan

Dari hadis-hadis yang telah disebut alam bab ini dapat diambil beberapa kesimpulan sebagai berikut:

1. Disyariatkan melaksanakan solat sebaik melihat gerhana matahari dan gerhana bulan, mengerjakan solat kerana melihat tanda-tanda kekuasaan Allah, menguatkan suara bacaan al-Qur'an ketika mengerjakan solat gerhana bulan, dan tidak menguatkan bacaan ketika mengerjakan solat

gerhana matahari.
2. Memohon perlindungan kepada Allah ketika terjadi peristiwa-peristiwa yang menggerunkan dan setiap kali berlaku malapetaka.
3. Menjelaskan secara terperinci tentang keempat-empat cara pelaksanaan solat gerhana.
4. Sanggahan terhadap orang yang mengatakan bahawa matahari dan bulan mengalami gerhana kerana kematian seseorang yang hebat dan sanggahan terhadap sebahagian masyarakat Jahiliah yang dahulunya menyembah matahari dan bulan.
5. Membaca istighfar atau memohon keampunan kepada Allah merupakan salah satu pendinding malapetaka yang sedang melanda.
6. Menjelaskan tentang perasaan takut Rasulullah (s.a.w) kepada Allah dan betapa baginda bersifat kasih sayang kepada umatnya.

Soalan

1. Mengapa bulan disebut di dalam hadis dan apa maksudnya?
2. Jelaskan ibadah apa yang disyariatkan ketika melihat gerhana!
3. Jelaskan makna perintah dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "Maka solatlah kamu!"
4. Bagaimanakah hukum melakukan solat gerhana pada waktu-waktu yang dimakruhkan?
5. Apakah solat gerhana disyariatkan mengumandangkan azan dan iqamah?
6. Jelaskan cara yang paling sahih di antara cara-cara mengerjakan solat gerhana!
7. Jelaskan cara solat gerhana menurut mazhab Hanafi! Apakah solat itu dilakukan dengan cara jahriyah atau sirriyah?
8. Terangkan pendapat ulama mengenai cara solat gerhana bulan!
9. Apakah solat gerhana bulan dikerjakan secara berjemaah atau secara bersendirian?
10. Apakah solat gerhana dikerjakan di dalam masjid atau di dalam rumah masing-masing?
11. Jelaskan keistimewaan solat gerhana yang berbeza dengan solat yang selainnya! Bagaimanakah hukumnya?
12. Bilakah khutbah solat gerhana dilakukan?
13. Apakah fakta-fakta yang mesti dimuatkan di dalam khutbah solat gerhana? Sebutkan perbezaan pendapat ulama mengenainya!
14. Mengapa Rasulullah (s.a.w) duduk dengan merapatkan kedua lututnya ketika angin bertiup kencang?
15. Jelaskan perbezaan ungkapan antara lafaz "الرياح" dengan lafaz "الريح"!
16. Jelaskan doa yang mesti dibaca ketika angin bertiup kencang!

17. Terangkan apa makna lafaz "الزلزلة"!
18. Apakah disunatkan solat kerana ada gempa bumi! Sebutkan perbezaan pendapat ulama mengenai cara pelaksanaan solatnya!
19. Apakah solat kerana ada gempa bumi dilakukan dengan cara berjemaah?

BAB SOLAT ISTISQA'

٦٧- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: خَرَجَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُتَوَاضِعًا مُتَبَذِّلاً مُتَخَشِّعًا مُتَرَسِّلاً مُتَضَرِّعًا، فَصَلَّى رَكْعَتَيْنِ، كَمَا يُصَلِّي فِي الْعِيدِ، لَمْ يَخْطُبْ خُطْبَتَكُمْ هَذِهِ. رَوَاهُ الْخَمْسَةُ وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ وَأَبُو عَوَانَةَ وَابْنُ حِبَّانَ.

67. Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Nabi (s.a.w) keluar (menuju tempat solat) dalam merendah hati, berpakaian sederhana, penuh rasa khusyuk dengan langkah yang tenang dan ber-*tadharru'*, lalu baginda mengerjakan solat dua rakaat seperti solat hari raya, tetapi baginda tidak berkhutbah seperti khutbah kamu sekarang ini." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, dan dinilai sahih oleh al-Tirmizi, Abu Awanah dan Ibn Hibban)

Makna Hadis

Istisqa' adalah meminta hujan kepada Allah (s.w.t) apabila terjadi kekeringan. Penyebab terjadinya kekeringan dan kemarau yang panjang itu adalah manusia tidak mahu berzakat dan sering curang dalam melakukan timbangan serta sukatan mereka. jika itu sudah terjadi, maka tidak cara lain untuk menghilangkannya kecuali dengan memohon perlindungan kepada Allah melalui berdoa dan ber-*tadharru'* kepada-Nya.

Pernah ada suatu kaum mengadu kepada Nabi (s.a.w) tentang kemarau panjang yang menimpa negeri mereka, lalu baginda bersabda kepada mereka: "Duduklah di atas lutut kamu lalu berdoalah: 'Wahai Tuhanku, wahai Tuhanku'." Kemudian disyariatkan solat istisqa'.

Jika Nabi (s.a.w) menghadapi suatu masalah besar, baginda segera melakukan solat. Baginda pernah melakukan solat untuk memohon hujan sebanyak dua rakaat seperti halnya baginda melakukan solat hari raya sebagai satu syariat bagi umatnya. Adakalanya baginda tidak melakukan solat, tetapi cukup dengan berdoa di dalam khutbah Jumaat atau dalam kesempatan-kesempatan yang lain. Ini bagi menjelaskan bahawa cara itu juga dibolehkan.

Sesudah melakukan solat istisqa', baginda selalunya menyampaikan khutbah untuk memberikan nasihat serta berdoa kepada Allah (s.w.t). Khatib dianjurkan menggunakan lafaz doa yang pernah dibaca oleh Nabi (s.a.w) ketika meminta turun hujan, kerana dengan cara ini diharapkan apa yang dipintanya itu segera dimakbulkan. Tetapi ada sebahagian ulama yang tidak berkhutbah ketika mengerjakan solat istisqa, dan mereka mentafsirkan semua riwayat yang menceritakan masalah khutbah ini sebagai doa semata-mata.

Analisis Lafaz

"الإستسقاء", menurut bahasa adalah memohon hujan, sedangkan menurut syariat adalah memohon hujan kepada Allah (s.w.t) ketika terjadi musim kemarau yang panjang dengan memanjatkan pujian kepada-Nya, memohon ampunan dan mengerjakan solat. Ini dianjurkan oleh syariat. Apa yang paling sempurna ialah mengerjakan solat dua rakaat dan dua khutbah. Sebelum itu mereka digalakkan bersedekah, berpuasa, bertaubat, mengerjakan amal kebaikan serta menjauhi kejahatan dan lain-lain sebagainya yang termasuk berbuat taat kepada Allah (s.w.t).

"مُتَوَاضِعًا مُتَبَذِّلاً", dengan memakai pakaian sederhana, yakni pakaian seharian bukan pakaian perhiasan.

"مُتَخَشِّعًا", khusyuk kepada Allah dan memohon dengan sangat akan kurnia-Nya.

"مُتَرَسِّلاً", melangkah dengan langkah yang tenang dan tidak terburu-buru.

"مُتَضَرِّعًا", *al-tadharru'* adalah memohon dengan sangat dan penuh rasa rendah diri.

"لَمْ يَخْطُبْ خُطْبَتَكُمْ هَذِهِ", Nabi (s.a.w) tidak melakukan khutbah seperti mana khutbah Jumaat dan hari raya, tetapi khutbah lain yang berbeza dengan semua itu.

"فَصَلَّى رَكْعَتَيْنِ، كَمَا يُصَلِّي فِي الْعِيدِ", sama seperti solat hari raya, iaitu dengan tujuh kali takbir pada rakaat pertama dan lima kali takbir pada rakaat kedua. Hadis inilah yang dijadikan pegangan oleh Imam al-Syafi'i.

Imam Ahmad dan Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa tidak ada takbir tambahan. Mereka mentafsirkan hadis ini bahawa menyamakan solat istisqa' dengan solat hari raya adalah dalam hal bilangan rakaat, membaca surah dengan suara yang kuat dan solat dikerjakan sebelum khutbah.

"رَوَاهُ الْخَمْسَةُ", menurut riwayat Abu Dawud dan sambungannya sebagai berikut:

وَلَكِنْ لَمْ يَزَلْ فِي الدُّعَاءِ وَالتَّضَرُّعِ وَالتَّكْبِيْرِ، ثُمَّ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ كَمَا يُصَلِّي فِي الْعِيْدِ.

"*Akan baginda terus berdoa, ber-tadharru', dan bertakbir, kemudian mengerjakan solat dua rakaat seperti mana solat hari raya.*"

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan mengerjakan solat istisqa'. Cara mengerjakan solat istisqa' sama dengan mengerjakan solat hari raya. Imam al-Syafi'i berkata: "Takbir pada rakaat pertama dilakukan sebanyak tujuh kali selain takbiratul ihram, sedangkan pada rakaat kedua dilakukan sebanyak lima kali selain takbir berdiri. Imam Malik dan Imam Ahmad mengatakan bahawa tidak ada takbir tambahan dalam solat istisqa dan mereka mentafsirkan hadis ini dengan mengatakan bahawa maksud menyamakan solat istisqa' dengan solat hari raya ialah dalam bilangan rakaat, bacaan mesti dibaca dengan suara kuat dan solat dilakukan sebelum menyampaikan khutbah. Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa solat istisqa' tidak disyariatkan, sebaliknya apa yang disyariatkan adalah berdoa memohon turun hujan.
2. Disyariatkan khutbah sesudah mengerjakan solat. Jumhur ulama mengatakan bahawa apa yang paling afdal ialah mengakhirkan khutbah seperti mana dalam solat hari raya. Namun jika khutbah didahulukan ke atas solat, maka khutbah dan solat istisqa' tetap dianggap sah.

Periwayat Hadis

Abu Awanah, nama asalnya ialah al-Wadhdhah ibn Abdullah al-Wasithi, salah seorang imam kenamaan. Al-Hafiz berkata: "Beliau salah seoran ulama yang kenamaan dan rujukan ramai ulama." Ia telah meriwayatkan hadis daripada Muhammad ibn al-Munkadir, 'Amr ibn Dinar, Qatadah dan ramai lagi. Telah diambil riwayat hadis daripadanya oleh Syu'bah, Waki', Abu Dawud al-Tayalisi, Musaddad, dan sejumlah ulama yang lain. Beliau meninggal dunia pada tahun 176 Hijriah, namun menurut pendapat yang lain pada tahun 175 Hijriah. Al-Jamaah telah meriwayatkan hadisnya.

٦٨- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: شَكَا النَّاسُ إِلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قُحُوطَ الْمَطَرِ، فَأَمَرَ بِمِنْبَرٍ، فَوُضِعَ لَهُ فِي الْمُصَلَّى، وَوَعَدَ النَّاسَ يَوْمًا يَخْرُجُونَ فِيهِ، فَخَرَجَ حِينَ بَدَا حَاجِبُ الشَّمْسِ، فَقَعَدَ عَلَى الْمِنْبَرِ، فَكَبَّرَ وَحَمِدَ اللهَ، ثُمَّ قَالَ: "إِنَّكُمْ شَكَوْتُمْ جَدَبَ دِيَارِكُمْ، وَقَدْ أَمَرَكُمْ اللهُ أَنْ تَدْعُوَهُ، وَوَعَدَكُمْ أَنْ يَسْتَجِيبَ لَكُمْ، ثُمَّ قَالَ: "الْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ, الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ يَفْعَلُ مَا يُرِيدُ، اللَّهُمَّ أَنْتَ اللهُ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ، أَنْتَ الْغَنِيُّ وَنَحْنُ الْفُقَرَاءُ، أَنْزِلْ عَلَيْنَا الْغَيْثَ، وَاجْعَلْ مَا أَنْزَلْتَ قُوَّةً وَبَلاَغًا إِلَى حِينٍ". ثُمَّ رَفَعَ يَدَيْهِ، فَلَمْ يَزَلْ حَتَّى رُئِيَ بَيَاضُ إِبِطَيْهِ،

ثُمَّ حَوَّلَ إِلَى النَّاسِ ظَهْرَهُ، وَقَلَبَ رِدَاءَهُ، وَهُوَ رَافِعٌ يَدَيْهِ، ثُمَّ أَقْبَلَ عَلَى النَّاسِ وَنَزَلَ، وَصَلَّى رَكْعَتَيْنِ، فَأَنْشَأَ اللهُ سَحَابَةً، فَرَعَدَتْ، وَبَرَقَتْ، ثُمَّ أَمْطَرَتْ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَقَالَ: "غَرِيبٌ وَإِسْنَادُهُ جَيِّدٌ".

وَقِصَّةُ التَّحْوِيلِ فِي "الصَّحِيحِ" مِنْ حَدِيثِ عَبْدِ اللهِ بْنِ زَيْدٍ، وَفِيهِ: فَتَوَجَّهَ إِلَى الْقِبْلَةِ يَدْعُو، ثُمَّ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ، جَهَرَ فِيهِمَا بِالْقِرَاءَةِ. وَلِلدَّارَقُطْنِيِّ مِنْ مُرْسَلِ أَبِي جَعْفَرٍ الْبَاقِرِ: وَحَوَّلَ رِدَاءَهُ؛ لِيَتَحَوَّلَ الْقَحْطُ.

68. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Orang ramai mengadu kepada Rasulullah (s.a.w) tentang kemarau panjang yang menimpa mereka, lalu baginda menyuruh agar mimbar didirikan, kemudian diletakkan di tempat solat (di tengah padang). Baginda menjanjikan kepada orang ramai suatu hari yang pada hari itu mereka berangkat menuju ke tempat solat. Nabi (s.a.w) keluar (menuju ke tempat solat) ketika sinar matahari mula kelihatan dengan jelas, lalu baginda duduk di atas mimbar dan bertakbir serta memuji Allah. Setelah itu baginda bersabda: "Sesungguhnya kamu mengeluh tentang kekeringan yang melanda tempat tinggal kamu, sedangkan Allah telah memerintahkan kamu untuk berdoa kepada-Nya dan Dia berjanji akan memakbulkannya." Selanjutnya Nabi (s.a.w) berdoa:

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ, الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ يَفْعَلُ مَا يُرِيدُ، اللَّهُمَّ أَنْتَ اللهُ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ، أَنْتَ الْغَنِيُّ وَنَحْنُ الْفُقَرَاءُ، أَنْزِلْ عَلَيْنَا الْغَيْثَ، وَاجْعَلْ مَا أَنْزَلْتَ قُوَّةً وَبَلاَغًا إِلَى حِينٍ.

"Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, yang menguasai hari pembalasan. Tidak ada Tuhan selain Allah, Dia berbuat apa yang dikehendaki-Nya. Ya Allah, Engkau adalah Allah, tidak ada Tuhan selain Engkau. Engkau Maha Kaya, sedangkan kami fakir miskin. Turunkanlah kepada kami hujan, dan jadikanlah hujan yang Engkau turunkan kepada kami sebagai kekuatan dan bekalan kami sampai masa yang mencukupi." Kemudian baginda mengangkat kedua tangannya, dan masih terus dalam keadaan demikian hingga kedua ketiaknya yang putih itu kelihatan. Sesudah itu baginda menghadapkan tulang belakangnya ke arah orang ramai dan membalikkan kain selendangnya serta tetap dalam keadaan mengangkat kedua tangannya. Sesudah itu baginda menghadapkan dirinya kepada orang ramai, lalu turun dan mengerjakan solat dua rakaat. Maka Allah (s.w.t) mengirim sekumpulan awan, lalu terdengar suara petir dan sinaran kilat, selanjutnya turunlah hujan (dengan lebatsnya). (Diriwayatkan oleh Abu Dawud. Beliau mengatakan bahawa hadis ini berstatus gharib, tetapi sanadnya berkedudukan *jayyid*)

Kisah tentang membalikkan kain selendang di dalam kitab al-Shahih melalui hadis Abdullah ibn Zaid. Di dalamnya disebutkan sebagai berikut: "Lalu baginda menghadap ke arah kiblat seraya berdoa, kemudian mengerjakan solat dua rakaat dengan menguatkan suara bacaannya." Menurut riwayat al-Daruqutni daripada hadis mursal Abu Ja'far al-Baqir disebutkan sebagai berikut: "Dan baginda membalikkan kain selendangnya dengan harapan agar kemarau segera pergi."

Makna Hadis

Solat istisqa' terdiri daripada dua khutbah, doa, menghadap ke arah kiblat, dan membalikkan kain selendang. Pelaksanaan solatnya sama dengan solat hari raya, iaitu terdiri daripada dua rakaat dan setelah imam memberitahunya kepada orang ramai hari di mana mereka akan mengerjakan solat istisqa' dengan tujuan mereka bersiap sedia untuk bertaubat, bersedekah dan mengembalikan hak-hak milik orang lain yang sebelum ini diambil dengan cara tidak betul.

Dua khutbah dilakukan sesudah mengerjakan solat dan dimulakan membaca istighfar disertai dengan doa. Doa dilakukan ketika menghadap ke arah kiblat pada akhir khutbah kedua. Hendaklah khatib berdoa dengan bahasa yang dia mahukan, tetapi apa yang lebih utama ialah membaca doa-doa yang pernah diajarkan oleh Rasulullah (s.a.w), seperti yang tercantum di dalam hadis ini.

Manakala *tahwil* atau membalikkan kain selendang pula hendaklah dilakukan ketika khatib hendak turun dari atas mimbar. Cara membalikkan kain selendang ialah dengan membalikkan bahagian tepi selendang yang sebelah kanan ke arah kiri dan sebaliknya. Hikmah membalikkan kain selendang in ialah memuatkan harapan yang baik dan sebagai isyarat permohonan semoga keadaan berubah menjadi lebih baik. Ini seakan-akan dikatakan kepadanya: "Balikkanlah kain selendangmu agar keadaanmu berubah menjadi lebih baik!" Membalikkan kain selendang ini sunat dan bukannya fardu.

Analisis Lafaz

"شَكَا النَّاسُ", orang ramai menceritakan keadaan yang tidak disukai yang menimpa diri mereka, maksudnya mengadukan kepada Nabi (s.a.w) tentang perkara tersebut.

"قُحُوطَ الْمَطَرِ", kemarau yang panjang.

"وَوَعَدَ النَّاسَ يَوْمًا", Nabi (s.a.w) menentukan suatu hari kepada mereka yang pada hari itu mereka mesti keluar untuk mengerjakan solat istisqa'.

"حِينَ بَدَا حَاجِبُ الشَّمْسِ", ketika sinar matahari nampak kelihatan di ufuk sebelah timur. Sinaran ini dinamakan *hajib* yang bermaksud alis, kerana pada awal kemunculannya mirip seperti alis mata manusia.

"إِنَّكُمْ شَكَوْتُمْ جَدَبَ دِيَارِكُمْ", kamu mengeluh tentang kemarau panjang yang menimpa tempat tinggal kamu dan hujan yang tidak kunjung datang serta tidak seperti mana pada waktu kebiasaan.

"وَقَدْ أَمَرَكُمْ اللهُ أَنْ تَدْعُوهُ، وَوَعَدَكُمْ أَنْ يَسْتَجِيبَ لَكُمْ", sedangkan Allah telah menyuruh kamu berdoa kepada-Nya dan Dia berjanji memakbulkan doa kamu melalui firman-Nya:

..... ٱدْعُونِىٓ أَسْتَجِبْ لَكُمْ ..... ﴿٦٠﴾

"*... Berdoalah kamu kepada-Ku, nescaya akan Kumakbulkan doa kamu...*" (Surah al-Mu'min: 60)

"أَنْزِلْ عَلَيْنَا الْغَيْثَ", turunkanlah hujan ke atas kami.

"وَاجْعَلْ مَا أَنْزَلْتَ قُوَّةً وَبَلَاغًا إِلَى حِينٍ", turunkanlah kepada kami hujan yang bermanfaat hingga menjadi penyebab tumbuhnya tanam-tanaman yang menjadi bahan kekuatan bagi kami, dan jadikanlah hujan tersebut mencukupi keperluan kami selagi kami memerlukannya.

"فَأَنْشَأَ اللهُ سَحَابَةً، فَرَعَدَتْ، وَبَرَقَتْ", Allah mengutus awan dan memperdengarkan suara petir serta memperlihatkan kilauan halilintar. Guntur dan kilat disandarkan kepada awan. Ungkapan ini hanyalah ungkapan majaz, kerana petir adalah malaikat yang diperintahkan menjaga awan, sedangkan kilatan halilintar merupakan kilatan cambuk yang ia gunakan untuk menggiring awan tersebut.

"حَتَّى رُئِيَ بَيَاضُ إِبِطَيْهِ", hingga kulit ketiaknya yang putih itu kelihatan dengan jelas kerana baginda ber-*tadharru'* ketika berdoa dengan mengangkat kedua tangannya.

"رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ", hadis diriwayatkan oleh Abu Dawud yang sambungannya adalah sebagai berikut:

بِإِذْنِ اللهِ فَلَمْ يَأْتِ مَسْجِدَهُ، حَتَّى سَالَتِ السُّيُولُ، فَلَمَّا رَأَى سُرْعَتَهُمْ إِلَى الْكِنِّ، ضَحِكَ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى بَدَتْ نَوَاجِذُهُ، فَقَالَ: أَشْهَدُ أَنَّ اللهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَأَنِّي عَبْدُ اللهِ وَرَسُولُهُ.

"Dengan seizin Allah, belum lagi baginda sampai di masjidnya, arus air telah mengalir dengan lebatnya. Ketika Nabi (s.a.w) melihat orang ramai bergegas menuju tempat hujan turun, baginda tertawa hingga gigi serinya kelihatan dengan jelas, lalu bersabda: "Aku bersaksi bahawa Allah Maha Kuasa ke atas segala sesuatu dan aku adalah hamba Allah dan pesuruh-Nya."

"فَلَمْ يَأْتِ مَسْجِدَهُ", masih belum sampai ke Masjid Nabawi.

"فَلَمَّا رَأَى سُرْعَتَهُمْ إِلَى الْكِنِّ، ضَحِكَ", ketika Nabi (s.a.w) melihat orang ramai bergegas menuju tempat hujan turun, maka baginda tertawa.

"حَتَّى بَدَتْ نَوَاجِذُهُ", hingga gigi seri baginda kelihatan dengan jelas.

"فَقَالَ: أَشْهَدُ أَنَّ اللهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ", kalimat ini merupakan ungkapan yang mengagungkan kekuasaan Allah (s.w.t) kerana Dialah yang menurunkan hujan

lebat, meskipun sebelumnya bumi kering kontang. Hal ini juga merupakan pengakuan yang Nabi (s.a.w) adalah hamba-Nya dan sebagai ungkapan sikap rendah diri serta tunduk patuh kepada-Nya. Di samping itu, ia sebagai ungkapan bahawa baginda diberi pertolongan oleh Allah (s.w.t) hingga doanya dimakbulkan dalam sekelip mata memandangkan baginda adalah pesuruh-Nya.

"وَقَالَ: غَرِيبٌ", Abu Dawud mengatakan bahawa hadis ini berkedudukan sebagai gharib.

"وَقِصَّةُ التَّحْوِيلِ فِي الصَّحِيحِ", kisah mengenai membalikkan kain selendang terdapat di dalam Shahih al-Bukhari.

"فَتَوَجَّهَ إِلَى الْقِبْلَةِ يَدْعُو", di dalam kitab Shahih al-Bukhari disebutkan: "Baginda memindahkan kain selendangnya" dan di dalam lafaz yang lain disebutkan: "Baginda membalikkan kain selendangnya." Membalikkan kain selendang dapat dilakukan dengan menjadikan yang sebelah kanan ke sebelah kiri; demikian pula sebaliknya.

Abu Ja'far al-Baqir, nama asalnya ialah Muhammad ibn Ali ibn al-Husain ibn Ali ibn Abu Talib al-Hasyimi. Beliau dikenali dengan panggilan Abu Ja'far al-Baqir. Beliau telah meriwayatkan hadis daripada ayahnya, Abu Sa'id al-Khudri, Jabir ibn Abdullah, dan Ibn Umar serta segolongan sahabat yang lain. Telah diambil riwayat daripadanya oleh anak lelakinya yang bernama Ja'far al-Shadiq, al-Zuhri, dan sejumlah ulama yang lain.

Ibn Sa'ad berkata: "Beliau seorang tsiqah yang memiliki banyak riwayat hadis." Beliau dilahirkan pada tahun 56 Hijriah dan meninggal dunia di Madinah pada tahun 117 Hijriah dalam usia 63 tahun, sedangkan jenazahnya dikebumikan di al-Baqi', iaitu di dalam suatu kubah yang di dalamnya terdapat makam ayahnya dan bapa saudara ayahnya, iaitu al-Hasan. Beliau diberi gelaran al-Baqir kerana memiliki kecerdasan yang luar biasa dalam ilmu agama dan mempunyai wawasan yang luas.

"وَحَوَّلَ رِدَاءَهُ؛ لِيَتَحَوَّلَ الْقَحْطُ", membalikkan kain selendang dengan cara menjadikan yang sebelah kanan berada di sebelah kiri dan sebaliknya. Hal ini dilakukan dengan harapan semoga keadaan berubah daripada kekeringan menjadi subur.

Fiqh Hadis

1. Merujuk kepada pemimpin ketika terjadi malapetaka.
2. Imam disyariatkan keluar dengan membawa semua anggota masyarakat menuju padang untuk mengerjakan solat istisqa' dan menentukan harinya agar mereka bersiap sedia menyambutnya dengan terlebih dahulu membersihkan diri daripada perbuatan zalim dan dosa lain yang selama mereka lakukan, dan diharapkan mereka bertaubat terlebih dahulu.
3. Disunatkan keluar menuju tempat solat istisqa' pada permulaan siang hari.
4. Disunatkan melakukan khutbah di tempat yang tinggi dan memulainya dengan membaca takbir, pujian, dan apa-apa yang ada kaitannya dengan

istisqa'.

5. Dalam khutbah solat istisqa dibolehkan mengulang-ulangi pujian.
6. Dianjurkan orang yang melakukan khutbah adalah orang yang dikenal bersifat zuhud dan warak agar doanya cepat dimakbulkan.
7. Imam disunatkan menghadap ke arah orang ramai ketika sedang menyampaikan khutbah.
8. Disunatkan mengangkat kedua tangan setinggi yang mungkin ketika berdoa istisqa' dengan menghadap ke arah kiblat. Adapun hadis yang diriwayatkan daripada Anas (r.a) yang menyatakan bahawa Nabi (s.a.w) tidak pernah mengangkat kedua-dua tangannya ketika berdoa kecuali dalam doa istisqa', maka ini ditafsirkan bahawa apa yang dinafikan ialah sifat kesungguhannya atau dengan kata lain tidak bersungguh-sungguh mengangkat kedua tangannya. Ini kerana telah disebutkan dalam beberapa hadis yang menceritakan bahawa mengangkat kedua-dua tangan ketika berdoa sememangnya disyariatkan.
9. Imam boleh membalikkan tulang belakang ketika dia telah selesai berdoa.
10. Disunatkan membalikkan kain selendang dengan niat ber-*tafa'ul* (beroptimis) agar keadaan dibalikkan menjadi lebih baik, menurut pendapat jumhur ulama. Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa tidak boleh membalikkan kain selendang. Hal ini merupakan satu riwayat yang bersumber daripada Abu Yusuf, salah seorang murid Imam Abu Hanifah. Ulama berselisih pendapat mengenai cara membalikkannya. Mazbab Maliki dan mazhab Hanbali mengatakan bahawa bahagian tepi yang sebelah kanan dibalikkan ke arah kiri, dan yang sebelah kiri dibalikkan ke arah kanan. Hal yang sama dikatakan pula oleh mazhab Imam al-Syafi'i. Mazhab Imam al-Syafii mengatakan bahawa itu dilakukan apabila kain selendangnya berbentuk bulat; jika kainnya berbentuk empat persegi panjang, maka cara membalikkannya ialah dengan menjadikan bahagian atasnya ke arah bawah dan bahagian bawahnya ke arah atas. Imam Muhammad dari mazhab Hanafi mengatakan bahawa imam membalikkan kain selendangnya dengan cara menjadikan bahagian atasnya ke bahagian bawah, sedangkan para makmum tidak dianjurkan berbuat demikian. Apabila kain selendangnya berbentuk bulat, maka bahagian dalaman dikeluarkan, sedangkan bahagian luaran dimasukkan ke dalaman.
11. Boleh melakukan khutbah sebelum solat.
12. Disyariatkan menguatkan suara bacaan dalam solat.
13. Khatib boleh tersenyum di atas mimbar kerana kagum melihat orang ramai.
14. Menjelaskan kedudukan Rasulullah (s.a.w) yang mulia di sisi Allah, kerana doanya dimakbulkan dengan seketika.
15. Menjelaskan keadaan hadis di mana hadis ini boleh dijadikan sebagai hujah.

٦٩- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلاً دَخَلَ الْمَسْجِدَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ، وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَائِمٌ يَخْطُبُ. فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، هَلَكَتِ الْأَمْوَالُ، وَانْقَطَعَتِ السُّبُلُ، فَادْعُ اللهَ عَزَّ وَجَلَّ يُغِيثُنَا، فَرَفَعَ يَدَيْهِ، ثُمَّ قَالَ: "اَللَّهُمَّ أَغِثْنَا، اللَّهُمَّ أَغِثْنَا..." فَذَكَرَ الْحَدِيثَ، وَفِيهِ الدُّعَاءُ بِإِمْسَاكِهَا. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

69. Daripada Anas (r.a) bahawa seorang lelaki memasuki masjid pada hari Jumaat. Ketika itu Nabi (s.a.w) sedang berkhutbah. Lalu lelaki itu berkata: "Harta benda (ternakan) telah binasa dan semua makanan telah habis, berdoalah kepada Allah, semoga Dia menurunkan hujan kepada kami." Kemudian Nabi (s.a.w) berdoa: "Ya Allah, hujanilah kami. Ya Allah, hujanilah kami" hingga akhir hadis. Di dalam hadis ini terdapat doa memohon hujan dihentikan." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Kedudukan Nabi (s.a.w) di sisi Allah sangat tinggi dan doanya sentiasa dimakbulkan. Sepanjang hidupnya, kedudukan baginda di hati umat manusia sangatlah mulia. Pada suatu hari ada seorang Arab badwi mengadu kepadanya tentang musim kemarau yang membinasakan harta (ternakan) mereka dan begitu pula anak-anak mereka hidup dalam kesengsaraan kerana sumber kehidupan mereka terganggu. Ketika itu Nabi (s.a.w) berada di atas mimbar sedang berkhutbah. Tetapi keadaan ini tidak mencegah baginda untuk mendengarkan aduan lelaki badwi itu. Baginda mendengarkan dan memenuhi permintaannya yang didorong oleh perasaan kasih sayang yang sememangnya tabiat semula jadinya, sehingga Nabi (s.a.w) segera berdoa memohon kepada Allah. Allah memakbulkan doanya dan ketika itu juga turun hujan dengan lebatnya bagaikan dicurahkan dari atas langit secara berterusan tanpa henti selama satu minggu.

Datang pula seorang lelaki badwi yang lain memohon agar hujan tersebut dihentikan kerana khuatir akan menimbulkan kerosakan, banjir dan kemudaratan. Nabi (s.a.w) berdoa agar hujan ditahan dan airnya dipindahkan ke bukit-bukit serta dataran-dataran yang tinggi. Dalam hal ini Nabi (s.a.w) tidak memohon agar hujan dihentikan demi melestarikan nikmat. Kisah ini termasuk salah satu bukti kenabiannya, kasih sayangnya kepada umat dan betapa perhatian kepada kemaslahatan umum, tetapi tanpa melupakan etika terhadap Allah Tuhan semesta alam.

Analisis Lafaz

"فَذَكَرَ الْحَدِيثَ", lalu Anas melanjutkan hadis hingga selesai. Sambungan hadis ini menurut riwayat Muslim adalah sebagai berikut:

قَالَ أَنَسٌ: وَلاَ وَ اللهِ مَا نَرَى فِي السَّمَاءِ مِنْ سَحَابٍ وَلاَ قَزَعَةٍ وَمَا بَيْنَنَا وَبَيْنَ سَلْعٍ مِنْ بَيْتٍ وَلاَ دَارٍ، قَالَ: فَطَلَعَتْ مِنْ وَرَائِهِ سَحَابَةٌ مِثْلُ التُّرْسِ، فَلَمَّا تَوَسَّطَتْ السَّمَاءَ انْتَشَرَتْ ثُمَّ أَمْطَرَتْ، قَالَ: فَلاَ وَ اللهِ مَا رَأَيْنَا الشَّمْسَ سَبْتًا، قَالَ: ثُمَّ دَخَلَ رَجُلٌ مِنْ ذَلِكَ الْبَابِ فِي الْجُمُعَةِ الْمُقْبِلَةِ وَرَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَائِمٌ يَخْطُبُ فَاسْتَقْبَلَهُ قَائِمًا، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ هَلَكَتْ الْأَمْوَالُ وَانْقَطَعَتْ السُّبُلُ فَادْعُ اللهَ يُمْسِكْهَا عَنَّا، قَالَ: فَرَفَعَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدَيْهِ، ثُمَّ قَالَ: اللَّهُمَّ حَوَالَيْنَا وَلاَ عَلَيْنَا، اللَّهُمَّ عَلَى الْآكَامِ وَالظِّرَابِ وَبُطُونِ الْأَوْدِيَةِ وَمَنَابِتِ الشَّجَرِ، فَانْقَلَعَتْ وَخَرَجْنَا نَمْشِي فِي الشَّمْسِ. قَالَ شَرِيكٌ: فَسَأَلْتُ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ: أَهُوَ الرَّجُلُ الْأَوَّلُ؟ قَالَ: لاَ أَدْرِي.

"Anas (r.a) berkata: "Demi Allah, kami tidak melihat mendung atau segumpal awan pun, sedangkan antara kami dengan Bukit Sala' tidak terdapat rumah atau suatu perkampungan." Anas (r.a) melanjutkan kisahnya: "Tiba-tiba dari sebalik Bukit Sala'' muncullah iring-iringan awan yang bentuknya sama seperti benteng. Ketika awan tersebut sampai di tengah langit, lalu menyebar dan tidak lama kemudian turunlah hujan dengan lebat." Anas (r.a) menceritakan: "Demi Allah, sungguh kami tidak melihat matahari selama seminggu." Anas (r.a) melanjutkan kisahnya: "Kemudian masuklah seorang lelaki dari pintu yang sama pada hari Jumaat berikutnya, ketika itu Rasulullah (s.a.w) sedang berdiri menyampaikan khutbah. Lalu lelaki itu menghadap kepadanya seraya berdiri dan berkata: "Wahai Rasulullah, binasalah semua harta (ternakan), dan semua jalan penghidupan kami telah terputus. Berdoalah kepada Allah, semoga Dia menahannya." Anas (r.a) melanjutkan kisahnya: "Kemudian Rasulullah (s.a.w) mengangkat kedua-dua tangannya, lalu berdoa: "Ya Allah, turunkanlah hujan di sekitar kami, dan jangan Engkau turunkan di atas kami. Ya Allah, turunkanlah hujan di atas bukit-bukit dan dataran tinggi serta tempat-tempat pepohonan tumbuh." Anas (r.a) melanjutkan kisahnya: "Lalu hujan pun berhenti, dan kami keluar dengan berjalan kaki di bawah sinar matahari." Syarik berkata: "Aku bertanya kepada Anas ibn Malik: "Apakah lelaki yang kedua itu sama dengan lelaki yang pertama?" Anas (r.a) menjawab: "Aku tidak dapat memastikannya."

"أَنَّ رَجُلاً", di dalam Musnad Imam Ahmad nama lelaki tersebut adalah Ka'ab ibnu Murrah. Sedangkan di dalam riwayat al-Baihaqi disebutkan bahawa lelaki itu adalah Kharijah ibn Hushain al-Fazzari.

Ka'ab ibn Murrah berasal dari Basrah. Beliau seorang sahabat, riwayat hadisnya telah diambil oleh Syurahbil ibn al-Shamt dan lain-lain. Beliau meninggal dunia di Jordan pada tahun 59 Hijriah.

Kharijah ibn Hushain ibn Huzaifah ibn Badr ibn Amr ibn Hawiyyah ibn Laudzan ibnu Tsa'labah ibn Adi ibn Fazzarah, nama panggilannya ialah Abu Asma' al-Fazzari. Beliau datang kepada Nabi (s.a.w) ketika baginda sedang dalam perjalanan pulang dari Tabuk.

"هَلَكَتِ الْأَمْوَالُ", haiwan ternakan banyak yang mati kerana tidak ada makanan yang dapat dimakannya. Harta menurut orang Arab adalah haiwan ternakan unta, sedangkan menurut para peniaga adalah emas dan perak. Tetapi menurut bahasa adalah segala sesuatu yang dapat dijadikan sebagai harta, baik berupa tanah, benda ataupun wang.

"انْقَطَعَتِ السُّبُلُ", orang ramai tidak memiliki bekalan makanan, sehingga mereka tidak menemukan sesuatu apa pun yang dapat mereka bawa ke pasar untuk ditukar dengan keperluan asas mereka.

"يُغِيثُنَا", menurunkan hujan kepada kami.

"اللَّهُمَّ أَغِثْنَا", ya Allah, turunkanlah hujan kepada kami.

"وَلاَ قَزَعَةٍ", awan yang berkelompok-kelompok. Hal ini sering terjadi pada musim luruh.

"وَمَا بَيْنَنَا وَبَيْنَ سَلْعٍ", tidak ada gejala-gejala turunnya hujan yang menghalangi penglihatan kami ke Bukit Sala'. Dengan kata lain, hari itu nampak cerah sekali, tiada satu pun awan di langit sejauh mata memandang. Sala' adalah nama bukit yang terkenal di Madinah.

"مِنْ بَيْتٍ وَلاَ دَارٍ", tidak ada sesuatu pun yang menghalangi penglihatan kami dari Bukit Sala' kerana awan sama sekali tidak kelihatan, ia tidak berlindung di sebalik rumah atau perkampungan. *Al-bait* adalah khemah yang dibuat daripada bulu, sedangkan *al-dar* adalah tempat tinggal yang dibuat daripada bahan-bahan yang selainnya.

"فَطَلَعَتْ مِنْ وَرَائِهِ", muncullah dari sebalik Bukit Sala'.

"مِثْلُ التُّرْسِ", *al-turs* adalah alat yang digunakan untuk menangkis pukulan pedang atau senjata yang lain. Ringkasnya benteng. Awan diumpamakan dengan benteng kerana ia sama-sama memiliki ukuran bulat dan tebal, meskipun tidak sama dari segi ukuran.

"مَا رَأَيْنَا الشَّمْسَ سَبْتًا", hujan dan awan terus berlangsung terjadi selama satu minggu.

"هَلَكَتْ الْأَمْوَالُ", harta benda (ternakan) binasa kerana satu sebab, tetapi bukan kerana sebab yang pertama iaitu kekeringan, melainkan tempat-tempat gembala telah musnah dilanda banjir sehingga ternakan pun binasa.

"وَانْقَطَعَتِ السُّبُلُ", dan semua jalan terputus kerana dipenuhi dengan air dan lumpur.

"حَوَالَيْنَا", turunkanlah hujan di sekitar tempat-tempat tinggal kami, iaitu di tempat-tempat pepohonan dan tanaman tumbuh.

"وَلاَ عَلَيْنَا", dan janganlah Engkau turunkan hujan di atas tempat-tempat tinggal kami dan rumah-rumah kami.

"بُطُونِ الْأَوْدِيَةِ", perut lembah merupakan tempat penampungan air.

"الْآكَامِ", bentuk jamak dari lafaz "أكمة" yang bermaksud bahagian yang lebih tinggi daripada dataran tinggi.

"الظِّرَابِ", bentuk jamak dari lafaz "ظرب" yang bermaksud bukit kecil.

"مَنَابِتِ الشَّجَرِ", akar-akarnya dan bukan pada jalan yang menjadi laluan manusia. Antara etika yang diamalkan Rasulullah (s.a.w) tidak meminta agar hujan dihentikan secara keseluruhan, kerana hujan merupakan rahmat Allah, tetapi baginda berdoa semoga apa yang membahayakan mereka itu dilenyapkan.

"فَانْقَلَعَتْ", maka awan pun pergi dan hujan berhenti dengan sendirinya.

"قَالَ شَرِيكٌ", Syarik ibn Abdullah ibn Abu Namir al-Qurasyi. Nama panggilannya Abu Abdullah al-Madani. Beliau telah meriwayatkan hadis daripada Anas, Ibn al-Musayyab dan Kuraib. Riwayat hadisnya telah diambil oleh Imam Malik dan Imam Tsauri. Ibn Sa'd mengatakan bahawa Syurik seorang yang *tsiqah* (dapat dipercaya) lagi banyak meriwayatkan hadis. Al-Waqidi berkata: "Syarik meninggal dunia pada tahun 140 Hijriah."

"أَهُوَ الرَّجُلُ الْأَوَّلُ؟", apakah lelaki yang kedua itu sama dengan lelaki pertama yang datang meminta hujan seminggu sebelumnya?

"لاَ أَدْرِي", Anas masih belum dapat memastikan lelaki yang kedua itu.

Fiqh Hadis

1. Boleh bercakap dengan imam ketika dia sedang berkhutbah apabila ada keperluan penting, sebab khutbah tidak terputus kerana adanya percakapan yang penting diperlukan, misalnya menjawab soalan seseorang.
2. Berdiri ketika berkhutbah.
3. Boleh bersuara keras di dalam masjid kerana ada keperluan penting yang mendorong untuk berbuat demikian.
4. Meminta didoakan kepada orang alim dan orang soleh ketika ditimpa malapetaka dan mengulang-ulangi permintaan itu supaya dimakbulkan.
5. Mengulang-ulangi doa sebanyak tiga kali.
6. Memasukkan doa istisqa' dan solatnya di dalam khutbah Jumaat.
7. Tingginya kedudukan Rasulullah (s.a.w) di sisi Allah kerana doanya dimakbulkan dengan seketika.
8. Kebijaksanaan Nabi (s.a.w) yang luar biasa kerana baginda memenuhi permintaan si penanya dengan perkara yang bakal mendatangkan kemaslahatan.
9. Etika dalam berdoa memandangkan Rasulullah (s.a.w) tidak berdoa agar hujan dihentikan secara mutlak, kerana adanya kemungkinan bahawa kita masih memerlukannya. Oleh itu, dalam doanya itu Nabi (s.a.w) mengecualikan jenis hujan yang dapat membuat mudarat (bahaya), dan baginda meminta bujan yang membawa manfaat. Barang siapa

yang telah dianugerahi suatu kenikmatan oleh Allah, maka tidak layak baginya membenci nikmat tersebut hanya kerana suatu peristiwa yang menghambatnya, tetapi hendaklah dia meminta kepada Allah agar hambatan tersebut dilenyapkan dan nikmat tetap wujud lestari.

٧٠- وَعَنْهُ أَنَّ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ كَانَ إِذَا قَحِطُوا اسْتَسْقَى بِالْعَبَّاسِ بْنِ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ. وَقَالَ: اللَّهُمَّ إِنَّا كُنَّا نَسْتَسْقِي إِلَيْكَ بِنَبِيِّنَا فَتَسْقِينَا، وَإِنَّا نَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِعَمِّ نَبِيِّنَا فَاسْقِنَا، فَيُسْقَوْنَ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

70. Daripada Anas (r.a) bahawa apabila Khalifah Umar (r.a) melihat kaum muslimin sedang dilanda kemarau yang panjang, beliau beristisqa' melalui al-Abbas ibn Abdul Muttalib dan beliau berdoa: "Ya Allah, sesungguhnya kami dahulu memohon hujan kepada-Mu melalui Nabi kami, lalu Engkau menurunkan hujan kepada kami. Dan sesungguhnya sekarang kami bertawassul kepada-Mu melalui bapa saudara Nabi kami, maka turunkanlah hujan kepada kami," akhirnya mereka diberi hujan. (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Pada masa Khalifah Umar ibn al-Khatthab (r.a), umat manusia pernah mengalami musim kemarau yang panjang pada tahun 18 Hijriah. Tahun tersebut dikenali dengan tahun al-Ramadah, hingga permukaan tanah nampak kering gersang kerana tidak ada hujan. Orang ramai mengadukan hal tersebut kepada Khalifah Umar, lalu beliau mengumpulkan semua sahabat Nabi (s.a.w). Orang yang mula-mula dijemput hadir ialah al-Abbas ibn Abdul Muttalib, bapa saudara Nabi (s.a.w), kerana kedudukannya yang dihormati dan kedekatan pertalian kekerabatannya dengan Rasulullah (s.a.w). Kemudian Khalifah Umar bertawassul kepada Allah melalui bapa saudara Nabi (s.a.w) dengan harapan Dia menurunkan hujan kepada mereka. Lalu al-Abbas berdoa, sedangkan orang yang berada di sekelilingnya mengaminkan doanya.

Di dalam riwayat lain telah disebutkan bahawa al-Abbas (r.a) ber-*tadharru'* memohon hujan kepada Allah pada hari itu. Beliau membaca doa berikut:

اللَّهُمَّ إِنَّهُ لَمْ يُنْزَلْ بَلاَءٌ إِلاَّ بِذَنْبٍ وَلَمْ يُرْفَعْ إِلاَّ بِتَوْبَةٍ، وَهَذِهِ أَيْدِينَا إِلَيْكَ بِالذُّنُوْبِ وَنَوَاصِيْنَا إِلَيْكَ بِالتَّوْبَةِ، فَاسْقِنَا الْغَيْثَ.

"Ya Allah, sesungguhnya tidak ada malapetaka yang diturunkan melainkan kerana perbuatan dosa, dan tidak ada cara lain yang mampu melenyapkannya melainkan dengan cara bertaubat. Sekarang inilah tangan-tangan kami menengadah kepada Engkau dengan semua dosa kami, dan kami kembali kepada-Mu dengan bertaubat. Maka siramilah kami

dengan hujan."

Seketika itu juga langit menjadi mendung dan turunlah hujan dengan lebat bagaikan dicurah dari atas langit, hingga bumi menjadi subur kembali dan kehidupan umat manusia pun berjalan lancar.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Anas (r.a) yang sama sumbernya dengan hadis sebelumnya.

"إِذَا قَحِطُوا", ditimpa paceklik dan kekeringan kerana tidak turun hujan dalam masa yang lama.

"اسْتَسْقَى, meminta supaya hujan diturunkan kepada Allah (s.w.t).

"بِالْعَبَّاسِ بْنِ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ", ber-*tawassul* (meminta didoakan oleh al-Abbas ibn Abdul Muttalib ibn Hasyim ibn Abd Manaf al-Qurasyi, bapa saudara Nabi (s.a.w). Nama panggilannya ialah Abul Fadhl, beliau dilahirkan di Mekah, dua tahun sebelum kelahiran Nabi (s.a.w). Beliau pernah hilang ketika masih kanak-kanak, lalu ibunya bernazar jika dia dapat menemukan kembali puteranya yang hilang itu, dia akan memberi kelambu kepada Kaabah yang dibuat daripada kain sutera. Ternyata anaknya yang hilang itu dapat dia temukan kembali dan ibunya segera membuatkan kelambu untuk Kaabah dengan kain yang dibuat daripada sutera, dan ibunya merupakan orang pertama yang memberi kain kelambu kepada Kaabah.

Pada masa Jahiliah, jawatan *siqayah* (pemberi minum bagi jemaah haji) dipegang oleh al-'Abbas. Beliau hijrah ke Madinah dan tidak lama kemudian Mekah ditaklukkan; beliau turut serta dalam perang penaklukkan itu serta Perang Hunain.

Nabi (s.a.w) pernah bersabda mengenai al-'Abbas:

مَنْ أَذَى الْعَبَّاسَ فَقَدْ آذَانِي، فَإِنَّمَا عَمُّ الرَّجُلِ صِنْوُ أَبِيْهِ.

"*Barang siapa yang menyakiti al-'Abbas, bererti orang itu menyakiti diriku, kerana sesungguhnya bapa saudara seseorang itu tiada lain sama dengan ayahnya sendiri.*"

Semua anak al-Abbas (r.a) telah mengambil riwayat hadis daripadanya, begitu pula Amir ibn Sa'id, al-Ahnaf ibn Qais, Abdullah ibn al-Harits, dan lain-lain. Beliau meninggal dunia di Madinah pada tahun 32 Hijriah.

"بِالْعَبَّاسِ بْنِ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ", bapa saudara Nabi (s.a.w) termasuk kerabat baginda dan Allah menyuruh kita untuk mencintai mereka. Dengan demikian, tawassul yang dilakukan oleh Khalifah Umar dianggap sebagai mengamalkan perintah Allah di samping menjalin hubungan silaturahim dengan Nabi (s.a.w) seraya memohon kepada Allah melaluinya.

"فَيُسْقَوْنَ", mereka diberi siraman air hujan. Hal ini terjadi pada tahun 18 Hijriah yang dikenali dengan tahun al-Ramadan. Disebut tahun Ramadah atau "tahun kelabu" kerana musim kemarau yang sangat panjang hingga semua kawasan persekitaran dipenuh dengan debu. Musim kemarau ini dimulai pada permulaan

bulan-bulan haji dan terus berlangsung selama sembilan bulan, hingga Khalifah 'Umar melakukan istisqa' bersama kaum muslimin seraya ber-tawassul kepada Allah melalui al-Abbas (r.a).

Fiqh Hadis

1. Meminta syafaat kepada Allah melalui orang soleh dan orang alim serta ahli bait Nabi (s.a.w).
2. Keutamaan al-Abbas (r.a) dan kedudukannya yang tinggi di sisi Allah kerana doanya dimakbulkan oleh Allah (s.w.t).
3. Keutamaan Umar (r.a) kerana beliau bersikap rendah diri terhadap al-Abbas dan mengetahui apa yang sepatutnya beliau lakukan.

٧١- وَعَنْهُ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: أَصَابَنَا -وَنَحْنُ مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- مَطَرٌ قَالَ: فَحَسَرَ ثَوْبَهُ، حَتَّى أَصَابَهُ مِنَ الْمَطَرِ، وَقَالَ: "إِنَّهُ حَدِيثُ عَهْدٍ بِرَبِّهِ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

71. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "Kami bersama Rasulullah (s.a.w) pernah kehujanan." Anas (r.a) menceritakan: "Lalu baginda menyingsingkan sebahagian bajunya hingga air hujan mengenai sebahagian tubuhnya, dan baginda bersabda: 'Sesungguhnya hujan ini baru sahaja diciptakan oleh Tuhannya'." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Barakah merupakan limpahan kurnia ilahi yang diberikan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan untuk tujuan yang Dia kehendaki pula. Allah (s.w.t) menjadikan air hujan sebagai berkat seperti yang disebutkan di dalam firman-Nya:

وَنَزَّلْنَا مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً مُّبَٰرَكًا ..... ﴿٩﴾

"*Dan Kami turunkan air dari langit yang banyak mengandung manfaat...*" (Surah Qaf: 9)

Oleh kerana Allah (s.w.t) menjadikannya sebagai rahmat dan menciptakannya dalam waktu yang singkat, maka disunatkan menyambut kedatangannya untuk mengambil berkat daripadanya. Dalam kaitan ini, Rasulullah (s.a.w) membuka sebahagian pakaiannya agar sebahagian tubuhnya terkena air hujan bagi menyambut berkat yang terdapat di dalamnya, hingga air hujan menitis dari janggutnya. Baginda bersabda: "Sesungguhnya hujan ini baru sahaja diciptakan oleh Tuhannya."

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Anas (r.a), yang sumbernya sama dengan hadis sebelumnya.

"فَحَسَرَ ثَوْبَهُ", lalu baginda membuka sebahagian bajunya agar tubuhnya terkena curahan hujan.

"إِنَّهُ حَدِيثُ عَهْدٍ بِرَبِّهِ", sesungguhnya hujan ini adalah rahmat dan ia baru sahaja diciptakan oleh Allah (s.w.t), maka patut diambil berkatnya.

Fiqh Hadis

1. Disunatkan membuka baju ketika hujan mulai turun agar memperoleh berkat.
2. Menegaskan bahawa air hujan mengandungi berkat (manfaat).

٧٢- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا رَأَى الْمَطَرَ قَالَ: "اللَّهُمَّ صَيِّبًا نَافِعًا". أَخْرَجَاهُ.

72. Daripada Aisyah (r.a) bahawa apabila Nabi (s.a.w) melihat hujan turun (dengan lebat), maka baginda berdoa: "اللَّهُمَّ صَيِّبًا نَافِعًا" (Ya Allah, jadikanlah hujan ini hujan yang bermanfaat)." (Diriwayatkan oleh al-Syaikhain)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) amat pengasih lagi penyayang. Jika melihat hujan turun dengan lebat, baginda segera berdoa kepada Allah memohon agar hujan tersebut dijadikan sebagai hujan yang bermanfaat dan kaum muslimin terhindar daripada hujan yang membahayakan seperti hujan yang menumbangkan pepohonan dan meruntuhkan rumah-rumah. Oleh itu, Nabi (s.a.w) berdoa: "Ya Allah, jadikanlah hujan ini hujan yang bermanfaat." Oleh itu, doa ini sunat dibaca ketika hujan turun.

Analisis Lafaz

"صَيِّبًا", hujan yang turun. Tetapi makna yang tersirat di dalamnya ialah hujan yang lebat. Oleh itu, Nabi (s.a.w) melengkapinya dengan kalimat "نافعا" yang bermaksud "bermanfaat" untuk mengecualikannya hujan yang membahayakan dan merosak. Lafaz "صيبا" berkedudukan sebagai maf'ul kedua dari *fi'il* yang dibuang, tetapi telah diketahui dari konteks kalimatnya di mana bentuk lengkapnya ialah "اللَّهُمَّ اجعله صيبا". Sedangkan lafaz "نافعا" berkedudukan sebagai sifat kepada lafaz sebelumnya, yakni sifat yang mengikat agar terhindar daripada hujan yang membahayakan.

"أَخْرَجَاهُ", maksudnya ialah al-Syaikhain, iaitu al-Bukhari dan Muslim. Istilah ini menyimpang daripada kebiasaan Ibn Hajar. Barangkali beliau ingin mencorakkan

ragam dan gaya penulisan.

Fiqh Hadis

Disunatkan berdoa ketika hujan turun.

٧٣- عَنْ سَعْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَعَا فِي الْإِسْتِسْقَاءِ: "اَللَّهُمَّ جَلِّلْنَا سَحَابًا كَثِيفًا قَصِيفًا دَلُوقًا ضَحُوكًا تُمْطِرُنَا مِنْهُ رَذَاذًا قِطْقِطًا سَجْلاً يَا ذَا الْجَلاَلِ وَالْإِكْرَامِ". رَوَاهُ أَبُو عَوَانَةَ فِي "صَحِيحِهِ".

73. Daripadea Sa'ad (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah berdoa dalam istisqa':

اللَّهُمَّ جَلِّلْنَا سَحَابًا كَثِيفًا قَصِيفًا دَلُوقًا ضَحُوكًا تُمْطِرُنَا مِنْهُ رَذَاذًا قِطْقِطًا سَجْلاً يَا ذَا الْجَلاَلِ وَالْإِكْرَامِ.

(Ya Allah, ratakanlah mendung yang tebal bagi kami, petirnya yang menggegar, curahan yang lebat, dan kilatnya yang banyak, Engkau hujani kami dari sebahagiannya dengan hujan yang kecil dan hujan yang gerimis serta hujan yang deras, wahai Tuhan yang memiliki kebesaran dan kemuliaan)." (Diriwayatkan oleh Abu Awanah di dalam kitabnya *al-Shahih*)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) dianugerahi *jawami' al-kalim* dan semua doa yang dibaca ketika beristisqa merupakan doa yang paling fasih dari segi bahasa dan memiliki nilai kesusasteraan yang paling tinggi. Di dalamnya terdapat ungkapan *tadharru'*, memohon kepada Allah agar rahmat-Nya tetap dilestarikan, sedangkan bahaya yang terkandung di dalamnya dihilangkan. Ia turut memuatkan etika ketika memohon kepada-Nya melalui sabdanya: "يا ذا الجلال والإكرام" yang bermaksud: (Wahai Tuhan yang memiliki kekayaan secara mutlak dan memiliki anugerah yang sempurna, lestarikanlah anugerah-Mu, dan lenyapkanlah malapetaka dari kami). Pada suatu hari Nabi (s.a.w) bersua dengan seorang lelaki yang sedag berdoa di dalam solatnya seraya membaca: "ياذا الجلال والإكرام" (Wahai Tuhan Yang memiliki kebesaran dan kemuliaan." Mendengar itu, baginda bersabda kepada lelaki itu: "Sungguhnya doamu itu telah dimakbulkan oleh Allah."

Analisis lafaz

"جَلِّلْنَا", *al-Tajliil* adalah meratakan. Makksudnya adalah curahkan hujan ke bumi dengan merata.

"سَحَابًا كَثِيفًا", awan yang tebal.

"قَصِيفًا", suara petirnya menggegar. Ini menunjukkan bahawa curah hujannya sangat kuat.

"دَلُوقًا", yang curah hujannya kuat.

"ضَحُوكًا", yang banyak kilatan petirnya.

"رَذَاذًا", hujan kecil.

"قِطْقِطًا", hujan gerimis.

"سَجْلاً", yang turun bagaikan dicurahkan dari atas langit. Maksudnya adalah hujan yang lebat dan turun dengan mudah.

"يَا ذَا الْجَلاَلِ وَالْإِكْرَام", Tuhan yang di sisi-Nya terdapat kebesaran dan kemuliaan yang disediakan bagi hamba-hamba-Nya yang ikhlas. Kedua-duanya merupakan sebahagian daripada sifat-sifat Allah yang paling mulia.

Fiqh Hadis

Disyariatkan membaca doa istisqa' dengan salah satu daripada doa-doa yang dinukil daripada Rasulullah (s.a.w).

٧٤- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "خَرَجَ سُلَيْمَانُ عَلَيْهِ السَّلاَمُ يَسْتَسْقِي، فَرَأَى نَمْلَةً مُسْتَلْقِيَةً عَلَى ظَهْرِهَا رَافِعَةً قَوَائِمَهَا إِلَى السَّمَاءِ تَقُولُ: اَللَّهُمَّ إِنَّا خَلْقٌ مِنْ خَلْقِكَ، لَيْسَ بِنَا غِنًى عَنْ سُقْيَاكَ، فَقَالَ: ارْجِعُوا لَقَدْ سُقِيتُمْ بِدَعْوَةِ غَيْرِكُمْ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

74. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Nabi Sulaiman (a.s) keluar untuk melakukan (solat) istisqa', tetapi beliau malah melihat seekor semut sedang berbaring di atas tulang belakangnya seraya mengangkat kakinya ke langit dalam keadaan berdoa:

اللَّهُمَّ إِنَّا خَلْقٌ مِنْ خَلْقِكَ، لَيْسَ بِنَا غِنًى عَنْ سُقْيَاكَ.

(Ya Allah, sesungguhnya kami adalah salah satu daripada makhluk-Mu, kami sangat memerlukan siraman (hujan). Nabi Sulaiman (a.s) bersabda: "Kembalilah, sesungguhnya kamu akan diberi hujan berkat doa seseorang selain kamu." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan dinilai sahih oleh al-Hakim)

Makna hadis

Allah (s.w.t) menciptakan haiwan dan binatang dengan membekalinya fitrah untuk selalu memohon perlindungan kepada-Nya dan mereka tahu bahawa yang menciptakan mereka adalah Allah (s.w.t) Yang Maha Suci yang ada di atas Arasy-Nya, sebagaimana yang dikehendaki-Nya tanpa ada yang dapat menggambarkan-Nya dan tanpa ada yang dapat menyerupakan-Nya. Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَإِن مِّن شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِۦ ..... ﴿٤٤﴾

"*... Dan tak ada suatu (makhluk) pun melainkan bertasbih dengan memuji-Nya...*" (Surah al-Isra: 44)

Akan tetapi, ada sekumpulan haiwan berwujud manusia menggambarkan Allah yang menciptakan mereka dengan sifat-sifat makhluk. Mereka menggambarkan pengertian *fawqiyyah* sebagai pengertian alam nyata yang memiliki batasan ruang serta tempat tertentu. Pengertian seperti itu pada hakikatnya tidak memahami hakikat Allah yang sebenar di samping keluar daripada pemahaman yang sebenar dan menyimpang daripada apa yang disifatkan oleh Allah (s.w.t) terhadap zat-Nya di dalam Kitab-Nya dan oleh Rasul-Nya. Tidak ada suatu nash pun yang menggambarkan Tuhan Yang Maha Pencipta dengan gambaran yang mempunyai batasan, arah dan rupa Allah (s.w.t) sebagaimana yang dijelaskan di dalam firman-Nya:

..... لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَيْءٌ ۖ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿١١﴾

"*Tidak ada sesuatu pun yang menyerupai-Nya dan Dia-lah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat...*" (Surah al-Syura: 11)

Dalam ayat yang lain Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنتُمْ ۚ ..... ﴿٤﴾

"*... Dan Dia bersama kamu di mana sahaja kamu berada...*" (Surah al-Hadid: 4)

Dengan demikian, tidak ada *ta'til* (meniadakah sifat-sifat Allah), *ta'wil*, *tasybih* dan *tamtsil* melainkan kita menyifatkan Allah (s.w.t) sesuai dengan apa yang Dia sifatkan untuk zat-Nya dan sesuai dengan apa yang disifatkan oleh Rasul-Nya.

Analisis Lafaz

"خَرَجَ سُلَيْمَانُ عَلَيْهِ السَّلاَمُ", Nabi Sulaiman adalah salah seorang Raja Bani Israel dan nabi mereka. beliau memegang tampuk kerajaan sesudah ayahnya, Nabi Daud (a.s). Kisah mengenainya disebutkan di dalam kitab Taurat, sebagaimana disebutkan pula di dalam al-Qur'an. Beliau memiliki mukjizat-mukjizat yang khusus, antara lain Allah (s.w.t) menganugerahinya kecerdasan dan kemampuan memutuskan hukum dengan bijaksana sejak usia kanak-kanak lagi. Oleh itu, beliau mendapat

gelaran *al-Fahim*. Selain itu, Allah menundukkan angin untuknya. Beliau pun turut diberi pengetahuan yang dapat memahami bahasa burung dan haiwan yang lain. Menurut satu pendapat, beliau mempunyai permaidani yang luasnya mencapai seratus kilometer.

"يَسْتَسْقِي", berdoa meminta hujan kepada Allah.

"مُسْتَلْقِيَةً عَلَى ظَهْرِهَا", tertelentang di atas tulang belakangnya.

"رَافِعَةً قَوَائِمَهَا", seraya mengangkat kaki-kakinya.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan berangkat menuju padang untuk mengerjakan solat istisqa'.
2. Istisqa turut disyariatkan bagi umat-umat terdahulu.
3. Dianjurkan mengeluarkan semua haiwan ternakan ketika beristisqa', kerana haiwan juga mempunyai tabiat semula jadi yang berkaitan dengan pengetahuan mengenai Allah. Ia berzikir dan berdoa kepada-Nya dengan bahasanya sendiri yang hanya difahami oleh Allah (s.w.t), meskipun manusia tidak memahaminya.

٧٥- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَسْقَى فَأَشَارَ بِظَهْرِ كَفَّيْهِ إِلَى السَّمَاءِ. أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

75. Daripada Anas (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah melakukan istisqa' dengan mengisyaratkan bahagian luaran kedua telapak langannya ke langit." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Dalam berdoa disunatkan memohon agar malapetaka dijauhkan seperti memohon agar musim kemarau dihilangkan dan lain-lain sebagainya. Hendaklah seseorang mengangkat kedua-dua tangan dan menjadikan kedua telapak tangannya menghadap ke arah langit sebagai isyarat, semoga keadaan hidup yang keras dan gersang berubah menjadi keadaan yang subur dan makmur.

Dalam berdoa memohon kebaikan, hendaklah bahagian dalaman kedua telapak tangan diarahkan ke langit. Hal ini diperkuatkan lagi dengan apa yang disabdakan oleh Nabi (s.a.w) dalam hadis yang lain:

إِذَا سَأَلْتُمْ اللهَ فَسَلُوْهُ بِبُطُوْنِ أَكُفِّكُمْ وَلَا تَسْأَلُوْهُ بِظُهُوْرِهَا.

"Jika kamu memohon sesuatu kepada Allah, maka pohonlah kepada-Nya dengan menengadahkan bahagian dalaman telapak tangan kamu; dan janganlah kamu meminta

kepada-Nya dengan bahagian luar telapak tangan kamu."

Analisis Lafaz

"اسْتَسْقَى", memohon hujan kepada Allah (s.w.t).

"فَأَشَارَ بِظَهْرِ كَفَّيْهِ إِلَى السَّمَاءِ", isyarat untuk mengungkapkan apa yang dipintanya. Ini mengandungi makna: "Semoga Allah menjadikan bahagian dalam awan terarah ke bumi, agar hujan yang terdapat di dalamnya tercurah kepadanya." Ini sama sama halnya dengan telapak tangan apabila bahagian dalamannya ditelungkupkan ke bawah, maka tumpahlah air yang ada padanya."

Fiqh Hadis

Menjelaskan cara mengangkat kedua tangan ketika berdoa memohon agar malapetaka dihilangkan.

Kesimpulan

Dari hadis-hadis yang telah disebutkan dalam bab ini dapat disimpulkan beberapa kesimpunan sebagai berikut:

1. Istisqa' disyariatkan bagi umat-umat terdahulu.
2. Disyariatkan mengerjakan solat istisqa', khutbah istisqa' dilakukan sesudah selesai mengerjakan solat, berdiri ketika melakukan khutbah, imam keluar bersama orang ramai menuju ke tanah lapang untuk mengerjakan solat istisqa', menguatkan suara bacaan solat istisqa', dan membaca doa istisqa' dengan kalimat-kalimat yang dinukil daripada Nabi (s.a.w).
3. Mengadukan masalah kepada pemimpin pabila terjadi suatu malapetaka.
4. Meminta syafaat melalui orang alim dan orang soleh, serta mengutamakan khatib yang dikenali zuhud dan wara', agar doanya dimakbulkan.
5. Disunatkan keluar rumah untuk mengerjakan istisqa', keluar pada permulaan siang hari (pagi hari), melakukan khutbah di tempat yang tinggi, khatib menghadap ke arah orang ramai ketika sedang melakukan khutbah istisqa', mengangkat setinggi yang mungkin kedua-dua tangan ketika berdoa meminta hujan dengan cara yang betul, membalikkan kain selendang ketika melakukan doa istisqa', berdoa ketika hujan turun serta membuka pakaian agar tubuh terkena curahan hujan yang mengandungi limpahan kebaikan dari langit, dan mengeluarkan haiwan ternakan ke tempat solat istisqa.
6. Boleh mengulangi doa istisqa' sebanyak tiga kali, mengulangi-ulangi pujian dalam khutbah istisqa', imam memalingkan tulang belakangnya ke arah para hadirin sesudah berdoa, khutbah dilakukan sebelum solat, khatib boleh tersenyum kagum melihat keadaan orang ramai, boleh bercakap

dengan imam yang sedang berkhutbah kerana ada keperluan yang penting, boleh menguatkan suara di dalam masjid kerana adanya suatu keperluan, boleh memasukkan doa istisqa' dan solatnya ke dalam khutbah dan solat Jumaat.

7. Kedudukan Rasulullah (s.a.w) yang sangat tinggi di sisi Allah kerana doanya dimakbulkan dalam seketika, beretika dalam berdoa kerana baginda tidak meminta agar hujan diberhentikan serta merta. Kebijaksanaan baginda amat sempurna kerana baginda memenuhi permintaan seseorang dengan apa yang mengandungi kemaslahatan baginya.
8. Keutamaan dan sikap rendah hati Umar terhadap al-Abbas serta beliau faham apa yang mesti dilakukan terhadap al-Abbas (r.a). Menjelaskan kedudukan al-Abbas yang tinggi di sisi Allah kerana doanya dimakbulkan oleh-Nya.

Soalan

1. Apakah takrif istisqa' itu?
2. Apakah yang menyebabkan paceklik (kekeringan)?
3. Sebutkan ragam-ragam istisqa yang pernah dilakukan oleh Nabi (s.a.w)!
4. Jelaskan cara solat istisqa' dan perbezaan pendapat ulama mengenainya!
5. Apakah solat istisqa' terdiri daripada dua khutbah yang sama dengan solat hari raya?
6. Apakah khutbah istisqa' dilakukan sebelum atau sesudah mengerjakan solat?
7. Sebutkan etika yang dianjurkan bagi istisqa' sebelum mengerjakan solat!
8. Apakah yang dianjurkan bagi khatib ketika berdoa?
9. Bilakah disyariatkan menghadap kiblat ketika hendak melakukan dua khutbah?
10. Bagaimanakah hukum membalikkan kain selendang? Siapakah yang dianjurkan melakukan itu? Sebutkan hikmah membalikkan selendang ini! Jelaskan pendapat ulama mengenainya!
11. Sebutkan doa yang dinukil daripada Rasulullah (s.a.w) dalam beristisqa' dan terangkan makna lafaz-lafaznya!
12. Apakah mengangkat kedua-dua tangan dianjurkan ketika berdoa? Apakah yang dimaksudkan oleh Anas (r.a) tentang penafiannya terhadap masalah mengangkat tangan ini kecuali hanya dalam istisqa'?
13. Bolehkah berbicara kepada imam ketika sedang menyampaikan khutbah?
14. Bolehkah memasukkan doa istisqa' dan solatnya ke dalam solat Jumaat?
15. Terangkanlah makna lafaz-lafaz berikut: "قزعة", "سلع", "الظراب", "الآكام", "فحسر", "إنه حديث عهد بربه", "صيبا", "جللنا", "كثيفا", "قصيفا", "دلوقا", "ضحوكا", "راذاذ", "قطقطا" dan "سجلا"!

16. Apakah yang sepatutnya dilakukan oleh seseorang apabila dianugerah suatu nikmat oleh Allah, kemudian terjadi sesuatu yang menghalanginya?
17. Bolehkah meminta syafaat (pertolongan) melalui doa orang soleh atau orang alim?
18. Mengapa 'Umar al-Faruq memilih al-Abbas sebagai perantara untul beristisqa'?
19. Jelaskan apa yang dibaca oleh al-Abbas (r.a) di dalam doanya!
20. Mengapa air hujan mengandungi berkat? Sebutkan makna berkat itu!
21. I'rabkan sabda Rasulullah (s.a.w): "صيبا نافعا"? Sebutkan fungsi perkataan "نافعا"!
22. Jelaskan makna sabda Rasulullah (s.a.w): "يا ذا الجلال والإكرام"!
23. Apakah istisqa' disyariatkan pula bagi umat sebelum kita?
24. Apakah sebaiknya berangkat menuju ke tanah lapang untuk melakukan solat istisqa'?
25. Apakah sebaiknya mengeluarkan semua haiwan ternakan ke tanah lapang dan mengapa harus demikian?
26. Apakah mengangkat kedua-dua tangan ketika berdoa itu disunatkan?
27. Jelaskan cara mengangkat kedua-dua tangan dalam berdoa menolak bala'! Sebutkan rahsia yang terdapat di dalam cara ini!

BAB PAKAIAN

٧٦- عَنْ أَبِي عَامِرٍ الْأَشْعَرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَيَكُونَنَّ مِنْ أُمَّتِي أَقْوَامٌ يَسْتَحِلُّونَ الْحِرَّ وَالْحَرِيرَ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَأَصْلُهُ فِي الْبُخَارِيِّ.

76. Daripada Abu Amir al-Asy'ari (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Kelak benar-benar akan ada suatu kaum dari kalangan umatku yang menghalalkan kemaluan (zina) dan kain sutera.*" (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan asal hadis ini berada pada al-Bukhari)

Makna Hadis

Allah (s.w.t) menganugerahkan pakaian kepada hamba-Nya, lalu dimudahkan-Nya untuk memperolehinya. Allah (s.w.t) berfirman:

يَٰبَنِيٓ ءَادَمَ قَدۡ أَنزَلۡنَا عَلَيۡكُمۡ لِبَاسٗا يُوَٰرِي سَوۡءَٰتِكُمۡ وَرِيشٗاۖ ..... ﴿٢٦﴾

"*Hai anak Adam, sesungguhnya Kami telah menurunkan kepadamu pakaian untuk menutupi auratmu dan pakaian yang indah sebagai perhiasanmu...*" (Surah al-A'raf: 26)

Pakaian itu ada dua jenis. Pertama, pakaian yang bersifat konkrit, seperti pakaian yang lazim kita pakai. Jenis ini ada dua jenis, iaitu pakaian halal dan pakaian haram. Pakaian halal seperti pakaian yang dibuat daripada bahan kapas atau bahan yang selainnya yang halal. Sedangkan pakaian haram pula seperti pakaian yang dibuat daripada sutera dan emas, khusus bagi kaum lelaki tanpa wujud uzur untuk memakainya.

Kedua, jenis pakaian yang bersifat abstrak, iaitu menghiasi diri dengan akhlak mulia dan mengerjakan perintah Allah (s.w.t) Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَلِبَاسُ ٱلتَّقۡوَىٰ ذَٰلِكَ خَيۡرٌۚ ..... ﴿٢٦﴾

"*… Dan pakaian takwa itulah yang paling baik...*" (Surah al-A'raf: 26)

Salah seorang penyair bermadah:

Jika akhlak seseorang tidak dinodai perangai tercela

maka seluruh pakaian yang dipakainya indah belaka.

Seorang bijak pandai berpesan: "Jika seseorang tidak menghiasi dirinya dengan takwa sebagai pakaiannya, maka bererti dia sama dengan bertelanjang, sekalipun dia berpakaian secara zahir."

Analisis Lafaz

"اللباس", pakaian yang dipakai di tubuh badan manusia bagi menutupi aurat sekali gus melindungi tubuh daripada panas terik matahari dan cuaca sejuk. Allah (s.w.t) berfirman:

..... سَرَٰبِيلَ تَقِيكُمُ ٱلْحَرَّ وَسَرَٰبِيلَ تَقِيكُم بَأْسَكُمْ ..... ﴿٨١﴾

"*… Dan Dia menjadikan pakaian yang memeliharamu daripada panas dan pakaian (baju besi) yang memeliharamu dalam peperangan…*" (Surah al-Nahl: 81)

Pakaian yang pertama adalah pakaian yang biasa dalam keadaan aman yang berfungsi untuk melindungi tubuh daripada panasnya terik matahari dan cuaca yang sejuk. Sedangkan pakaian yang kedua pula ialah pakaian dalam keadaan perang yang berfungsi melindungi tubuh daripada senjata musuh.

"يَسْتَحِلُّونَ", mereka menghalalkan apa-apa yang telah diharamkan.

"الْحِرَّ", kemaluan. Lafaz inilah yang disebut di dalam kebanyakan riwayat yang lain. Maksudnya ialah mereka menghalalkan zina, tetapi di dalam suatu riwayat disebutkan pula dengan lafaz "الخز" iaitu sejenis kain sutera atau kain yang bahannya terdiri daripada campuran antara benang sutera dan bulu. Jika campuran ini sama banyaknya, maka hukum memakainya adalah dimakruhkan, namun boleh dipakai jika campuran suteranya lebih sedikit, tetapi haram dipakai jika campuran suteranya lebih banyak, kerana hukum mengikuti kadar yang lebih banyak. Hukum yang membolehkan pemakaian 'الخز' sebagaimana yang telah disebut dalam beberapa hadis adalah berdasarkan kriteria bahawa campuran suteranya sedikit.

"الْحَرِيرَ", sutera murni. Diberi nama demikian kerana kemurniannya atau ketulenannya. Hal yang sama dikatakan pula terhadap sesuatu yang murni. Jadi perkataan "حررت الشيئ" bermaksud apabila engkau membebaskannya daripada campuran.

Fiqh Hadis

1. Lelaki haram memakai kain sutera, kerana pakaian yang dibuat daripada kain sutera merupakan pakaian mewah dan perhiasan yang hanya layak dipakai oleh kaum wanita atau pakaian sutera menunjukkan penampilan yang bongkak dan sombong atau ia dilarang sebagai perkara yang dilarang oleh Islam.

2. Haram berzina dan tidak boleh menghalalkan kemaluan wanita kecuali setelah berkahwin dengannya.
3. Barang siapa yang menghalalkan perkara yang diharamkan seperti mana yang telah dinyatakan oleh agama dengan tegas, maka sesungguhnya orang itu dianggap telah keluar daripada agama dan tidak termasuk umat Islam lagi sehinggalah dia bertaubat.

Periwayat Hadis

Abu Amir al-Asy'ari, nama asalnya adalah Abdullah ibn Hani', salah seorang sahabat. Beliau mempunyai banyak hadis, menetap di negeri Syam, dan meninggal dunia pada masa pemerintahan Abdul Malik ibn Marwan.

٧٧-عَنْ حُذَيْفَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: نَهَى رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ نَشْرَبَ فِي آنِيَةِ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ، وَأَنْ نَأْكُلَ فِيهَا، وَعَنْ لُبْسِ الْحَرِيرِ وَالدِّيبَاجِ، وَأَنْ نَجْلِسَ عَلَيْهِ". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

77. Daripada Huzaifah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melarang kami daripada makan dan minum dengan menggunakan tempat yang dibuat daripada emas dan perak, juga melarang kami daripada memakai kain sutera yang nipis dan tebal, serta duduk di atasnya." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Diharamkan memakai kain sutera tulen bagi kaum lelaki yang telah berusia baligh. Rasulullah (s.a.w) pernah menerima hadiah sehelai baju daripada sutera, lalu para sahabat memegangnya sambil menaruh sikap takjub. Melihat itu, Rasulullah (s.a.w) bertanya: "Apakah kamu mengagumi kain sutera ini?" Mereka menjawab: "Ya." Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sapu tangan Sa'ad ibn Mu'adz di dalam syurga jauh lebih baik daripada ini."

Peristiwa yang menjadi latar belakang hadis yang bersumber daripada Huzaifah ini adalah ketika beliau berada di al-al-Mada'in, ibu kota Kerajaan Parsi, dia minta minum, lalu datanglah pemimpin kaum membawa sebuah bekas yang dibuat daripada perak yang berisikan air. Huzaifah membuang bekas tersebut berikut airnya, kemudian dia berkata kepada hadirin yang merasa hairan dengan sikapnya itu: "Tidaklah sekali-kali aku membuangnya, melainkan kerana aku telah berkali-kali melarangnya dengan cara yang baik supaya tidak menyediakan minuman dengan bekas yang dibuat daripada perak, namun terayata dia tidak mahu mematuhinya. Sesungguhnya aku pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Janganlah kamu memakai sutera nipis dan tebal, serta makan dengan menggunakan bekas yang dibuat daripada perak, kerana sesungguhnya barang-

barang tersebut biasa digunakan oleh orang kafir di dunia. Maka bezakanlah diri kamu dengan mereka, nescaya barang-barang tersebut untuk kamu kelak di akhirat."

Diqiyaskan dengan bekas yang digunakan untuk makan dan minum adalah bekas minyak wangi dan celak mata.

Analisis Lafaz

"نَهَى رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", *al-Nahy* adalah larangan melakukan sesuatu. Larangan ini menunjukkan hukum haram.

"آنِيَةِ", bentuk jamak dari lafaz "إناء" maksudnya bekas, baik yang bersaiz besar ataupun bersaiz yang kecil walau dalam bentuk apa pun.

"الدِّيبَاج", pakaian yang dibuat daripada bahan *ibrasim* (Parsi) yang bermaksud sutera. Sutera nipis diberi nama *sundus*, sedangkan sutera tebal diberi nama *istibraq*. Kain sutera yang beredar di negeri Arab kala itu didatangkan dari negeri Parsi. Bentuk jamaknya ialah "دبابج" dan "دبابيج".

Fiqh Hadis

1. Haram makan dan minum dengan menggunakan bekas yang dibuat daripada emas dan perak bagi kaum lelaki dan wanita. Lain halnya jika dijadikan perhiasan bagi kaum wanita, sehingga emas dan perak boleh dipakai oleh mereka.
2. Lelaki diharamkan memakai kain sutera. Jumhur ulama mengharamkan kaum lelaki duduk di atas hamparan kain sutera, kerana berlandaskan kepada satu hadis yang mengatakan: "Nabi (s.a.w) melarang kami (kaum lelaki) daripada memakai kain sutera yang nipis dan yang tebal, serta melarang kami daripada duduk di atasnya." Tetapi Imam Abu Hanifah membolehkan kaum lelaki duduk di atasnya. Beliau menyanggah pendapat jumhur ulama bahawa lafaz "نهى" tidak menunjukkan hukum haram secara pasti atau larangan tersebut ditujukan kepada gabungan antara memakainya dengan duduk di atasnya, bukan hanya ditujukan kepada duduk di atasnya semata-mata. Adapun memegang kain sutera, memperjualbelikannya dan memanfaatkannya maka itu tidaklah diharamkan.

٧٨- عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: نَهَى النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ لُبْسِ الْحَرِيرِ إِلاَّ مَوْضِعَ إِصْبَعَيْنِ أَوْ ثَلاَثٍ أَوْ أَرْبَعٍ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ.

78. Daripada Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melarang daripada memakai kain sutera kecuali hanya selebar dua, tiga atau empat jari." (Muttafaq 'alaih. Lafaz hadis menurut riwayat Muslim)

Makna Hadis

Antara tolak angsur Islam adalah memberikan keringanan kepada kaum lelaki untuk memakai pakaian yang bercampur dengan sutera selebar kain bendera, iaitu selebar empat jari tangan, baik ketika diagungkan ataupun ketika dipisahkan. Kain sutera selebar empat jari ini diberi nama *tathrif* atau *tathriz*.

Kaum wanita dibolehkan memakai kain sutera secara mutlak, baik untuk perhiasan ataupun untuk tujuan yang selainnya.

Analisis Lafaz

"مَوْضِعَ", makna asalnya ialah tempat, tetapi apa yang dimaksudkan di sini ialah kadar.

"أَوْ", menunjukkan makna *tanwi'* (variasi), bukan *syak* (keraguan).

Fiqh Hadis

Lelaki dibolehkan memakai pakaian yang bercampur dengan sedikit sutera, misalnya selebar bendera, baik secara disatukan ataupun dipisahkan, tetapi apapun campuran tersebut dalam kadar yang sedikit.

٧٩- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَخَّصَ لِعَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ وَالزُّبَيْرِ فِي قَمِيصِ الْحَرِيرِ فِي سَفَرٍ مِنْ حَكَّةٍ كَانَتْ بِهِمَا. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

79. Daripada Anas (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) memberikan keringanan kepada Abdul Rahman ibn Auf dan al-Zubair memakai gamis sutera dalam perjalanan kerana mereka menderita penyakit gatal. (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Antara toleransi Islam ialah lelaki dibolehkan memakai pakaian sutera apabila dia berpenyakit kudis atau kurap. Sedangkan wanita dibolehkan memakainya secara mutlak tanpa apa-apa ikatan.

Analisis Lafaz

"رَخَّصَ", *al-Rukhsah* adalah perubahan hukum dari yang sukar kepada yang lebih mudah, kerana ada uzur dan disertai adanya penyebab hukum asalanya. Pada asalnya kaum lelaki memakai kain sutera itu haram, kemudian hukum yang sukar ini berubah menjadi mudah, iaitu dibolehkan, kerana ada uzur, iaitu penyakit gatal; sedangkan penyebab hukum asalnya (haram) wujud, iaitu sifat sombong,

menyerupai kaum wanita dan bertentangan dengan sifat kejantanan seorang lelaki.

Al-Zubair ibn al-Awwam ibn Khuwailid ibn Asad adalah pembela Rasulullah (s.a.w) sekali gus sebagai anak makciknya, Shafiyyah binti Abdul Muttalib. Beliau salah seorang sahabat yang termasuk ke dalam kelompok sepuluh orang yang paling dahulu masuk Islam, salah seorang ahli Badar, dan orang yang mula-mula menghunuskan pedang di jalan Allah. Turut serta dalam dua hijrah dan semua peperangan yang dilancarkan oleh Rasulullah (s.a.w). Hadis yang diriwayatkannya berjumlah 38. Telah diambil riwayat hadis daripadanya oleh Malik ibn Aus dan kedua-dua anaknya, iaitu Abdullah dan Urwah. Beliau meninggal dunia pada tahun 36 Hijriah, sedangkan jenazahnya dikebumikan di Lembah al-Siba', salah satu daerah berhampiran Basrah.

"مِنْ حَكَّةٍ", kerana penyakit gatal. Lafaz "من" menunjukkan makna ta'lil (alasan).

Fiqh Hadis

Boleh memakai pakaian sutera apabila ada uzur seperti penyakit gatal, kerana kain sutera memiliki keistimewaan khusus, iaitu dapat meredam rasa gatal. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad, tetapi tidak demikian halnya dengan Imam malik dan Imam Abu Hanifah.

٨٠- عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَسَانِي النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حُلَّةً سِيَرَاءَ، فَخَرَجْتُ فِيهَا، فَرَأَيْتُ الْغَضَبَ فِي وَجْهِهِ، فَشَقَقْتُهَا بَيْنَ نِسَائِي. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَهَذَا لَفْظُ مُسْلِمٍ.

80. Daripada Ali (r.a), beliau berkata: "Nabi (s.a.w) memberikan pakaian yang dibuat daripada kain sutera tulen kepadaku, lalu aku keluar memakainya, namun aku melihat tanda marah pada wajah baginda, sehingga aku segera memotong pakaian itu dan membahagikannya untuk kaum wanita keluargaku." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Memakai pakaian sutera menurut hukum syarak adalah haram bagi lelaki yang telah berusia baligh dan ini merupakan satu ketetapan. Rasulullah (s.a.w) pernah mengirimkan sehelai pakaian yang dibuat daripada kain sutera kepada Ali ibn Abu Talib dengan tujuan bukan untuk dipakainya melainkan untuk dimanfaatkan dengan cara lain, iaitu membahagikannya kepada kaum kerabat wanitanya dengan cara memotongnya menjadi beberapa helai kerudung, lalu dibahagikan kepada mereka. Akan tetapi, Ali malah mentafsirkan pengertian ini berdasarkan makna

zahir pengiriman, sehingga memanfaatkannya dengan cara memakainya.

Ketika Nabi (s.a.w) melihat itu, baginda marah, kerana itu tidak bersesuaian dengan apa yang dimaksudkannya. Lalu Nabi (s.a.w) memberinya petunjuk apa yang dimaksudnya dan menjelaskan kepadanya bahawa memakai kain sutera tidak dibolehkan baginya. Hal ini menunjukkan boleh mengakhirkan dua keterangan sampai dengan waktu yang diperlukan kerana mengandalkan kecerdasan *mukhatab* (lawan bicara) atau sebagai pendorong agar *mukhatab* mengajukan soalan sehingga jawapan itu diberikan setelah pertanyaan itu diajukan, dan keadaan sedemikian lebih berkesan di dalam hatinya.

Analisis Lafaz

"حُلَّةً", kain dan selendang atau pakaian yang berlapis.

"سِيَرَاءَ", sejenis kain sutera yang tulen.

"فَخَرَجْتُ فِيهَا", maka aku keluar dengan memakainya.

"فَرَأَيْتُ الْغَضَبَ فِي وَجْهِهِ", wajah Rasulullah (s.a.w) berubah menjadi merah kerana marah.

"فَشَقَقْتُهَا", maka aku memotongnya.

"بَيْنَ نِسَائِي", untuk dibahagikan kepada kaum wanita di kalangan keluargaku.

"مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ", hadis di atas menurut lafaz yang diketengahkan oleh Muslim dan ia dalam riwayat lain menambahkan sesudah kalimat: "Lalu aku melihat tanda marah pada wajah baginda" iaitu seperti berikut:

فَقَالَ: إِنِّي لَمْ أَبْعَثْهَا إِلَيْكَ لِتَلْبَسَهَا إِنَّمَا بَعَثْتُهَا إِلَيْكَ لِتُشَقِّقَهَا خُمُرًا بَيْنَ النِّسَاءِ، وَلِذَا شَقَقْتُهَا خُمُرًا بَيْنَ الْفَوَاطِمِ.

"Maka Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sesungguhnya aku tidak mengirimkan pakaian itu supaya kamu pakai, tetapi memotongnya menjadi beberapa helai tudung untuk kaum wanita dari kalangan keluargamu." Oleh itu, aku memotongnya menjadi beberapa helai tudung yang dibahagikan kepada beberapa orang wanita yang bernama Fatimah."

"خُمُرًا", bentuk jamak dari lafaz "خمار" yang bermaksud kain yang dipakai oleh wanita untuk menutupi kepalanya.

"الْفَوَاطِم", bentuk jamak daripada Fatimah, iaitu Fatimah binti Muhammad (s.a.w), isteri Ali (r.a); Fatimah binti Asad, ibu Ali; Fatimah anak perempuan bapa saudaranya sendiri, iaitu Hamzah ibn Abdul Muttalib dan yang keempat ialah Fatimah isteri saudara lelakinya, iaitu Uqail ibn Abu Talib. Dengan demikian, jelaslah bahawa apa yang dimaksud dengan lafaz "نسائه" ialah kaum wanita dari kalangan keluarganya; kesemua mereka bernama Fatimah.

Fatimah binti Rasulullah (s.a.w) adalah penghulu wanita kaum muslimi. Sepanjang hidupnya sentiasa dihormati sehingga Allah (s.w.t) mengharamkannya masuk neraka. Beliau telah meriwayatkan 18 hadis, dan riwayatnya telah diambil oleh Ali, suaminya sendiri; al-Husain, anak lelakinya; Aisyah, Anas, dan sekumpulan sahabat yang lain. Beliau meninggal dunia pada tahun 11 Hijriah, dan jenazahnya dikebumikan oleh Ali (r.a) di waktu malam hari.

Fatimah binti Asad ibn Hasyim ibn Abd Manaf al-Qurasyiyyah al-Hasyimiyyah, ibu Ali ibn Abu Talib beserta saudaranya. Beliau hijrah ke Madinah dan meninggal dunia di Madinah. Rasulullah (s.a.w) mengkafaninya dengan baju gamisnya, lalu berbaring di dalam kuburnya. Lalu mereka bertanya kepada Rasulullah (s.a.w): "Kami belum pernah melihatmu melakukan hal ini sebelumnya." Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Sesungguhnya tidak ada seorang pun yang lebih menyayangiku sesudah Abu Talib selain dirinya. Sesungguhnya aku mengkafaninya dengan baju gamisku tidak lain agar dia diberi pakaian perhiasan syurga, dan aku berbaring di dalam kuburnya (sejenak) agar seksa kubur diringankan baginya."

Fatimah binti Hamzah ibn Abdul Muttalib al-Qurasyiyyah al-Hasyimiyyah, anak bapa saudara Rasulullah (s.a.w). Abu Nu'aim berkata: "Nama asalnya adalah Umamah, namun menurut pendapat yang lain, namanya adalah Umarah dan diberi gelaran Ummul Fadhl."

Fatimah binti Syaiban ibn Rabi'ah, anak bapa saudara Hindun binti Rabi'ah. Beliau adalah isteri Uqail ibn Abu Talib. Uqail menemuinya pada Perang Hunain, sementara pedangnya masih bersimbah darah. Lalu Fatimah bertanya: "Apakah yang engkau dapatkan dari harta ghanimah kaum musyrik?" Lalu Uqail menyerahkan sebilah jarum kepadanya dan berkata: "Ini untuk menjahit bajumu." Tetapi dia mendengar juru seru Nabi (s.a.w) menyerukan: "Kumpulkanlah semua benang dan jarum." Uqail kemudian mengambil jarum itu dan segera mengumpulkannya menjadi satu ke dalam hasil ghanimah yang lain. Kisah ini diketengahkan oleh Ibn Hisyam daripada Zaid ibn Aslam yang berasal daripada ayahnya.

Fiqh Hadis

1. Wajib mempererat ikatan silaturahim dengan kaum kerabat dan handai taulan.
2. Boleh menerima hadiah.
3. Kaum lelaki haram memakai kain sutera.
4. Boleh mengakhirkan penjelasan hukum sampai waktu yang dikehendakinya, kerana Ali (r.a) memanfaatkan kiriman Rasulullah (s.a.w) dengan memakainya, kemudian baginda menjelaskan kepadanya bahawa dia tidak boleh memakai kain sutera itu.
5. Boleh menghadiahkan sesuatu yang dihalalkan bagi penerimanya agar dia memanfaatkannya untuk kaum kerabatnya yang halal untuk memakai hadiah itu.

٨١- عَنْ أَبِي مُوسَى رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "أُحِلَّ الذَّهَبُ وَالْحَرِيرُ لِإِنَاثِ أُمَّتِي، وَحُرِّمَ عَلَى ذُكُورِهِمْ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالنَّسَائِيُّ وَالتِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ.

81. Daripada Abu Musa (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Emas dan kain sutera dihalalkan bagi kaum wanita di kalangan umatku, dan diharamkan bagi kaum lelaki di kalangan umatku." (Diriwayatkan oleh Ahmad, al-Nasa'i dan Tirmizi yang menilainya sebagai sahih)

Makna Hadis

Allah (s.w.t) Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana. Dia mengharamkan pakaian sutera dan emas bagi kaum lelaki, kerana itu menunjukkan kemewahan, perhiasan dan sifat sombong, sebaliknya ia hanya patut dipakai oleh kaum wanita. Kaum lelaki adalah pembela negara yang berkewajipan menjaga keamanan negara. Jika lelaki menyerupai kaum wanita dalam berpakaian dan sikap berlemah-lembut, maka tugasan tersebut sukar untuk mereka pikul. Oleh itu, Rasulullah (s.a.w) melaknat kaum lelaki yang menyerupai kaum wanita dan begitu pula sebaliknya kaum wanita yang menyerupai lelaki.

Analisis Lafaz

"أُحِلَّ الذَّهَبُ وَالْحَرِيرُ", Allah menghalalkan emas dan kain sutera. Maksudnya ialah halal memakainya. *Fa'il*-nya dibuang, iaitu lafaz al-Jalalah, lalu fi'il dijadikan *mabni majhul* kerana *fa'il*-nya sudah diketahui.

"لِإِنَاثِ أُمَّتِي", bagi kaum wanita.

"وَحُرِّمَ عَلَى ذُكُورِهِمْ", Allah mengharamkan pakaian emas dan sutera bagi kaum lelaki.

"وَصَحَّحَهُ", dinilai sahih oleh al-Tirmizi. Hadis ini berasal daripada Sa'id ibn Abu Hindun yang dia terima daripada Abu Musa. Tetapi Abu Hatim menilai hadis ini ada kelemahannya, kerana Sa'id ibn Abu Hindun tidak pernah bersua dengan Abu Musa.

Ibn Hibban dalam kitabnya al-Shahih berkata: "Hadis Sa'id ibn Abu Hindun daripada Abu Musa berkedudukan sebagai *ma'lul* dan tidak sahih."

Fiqh Hadis

Pakaian sutera dan emas haram dipakai oleh kaum lelaki, namun halal bagi kaum wanita.

٨٢- عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِنَّ اللهَ يُحِبُّ إِذَا أَنْعَمَ عَلَى عَبْدِهِ أَنْ يَرَى أَثَرَ نِعْمَتِهِ عَلَيْهِ". رَوَاهُ الْبَيْهَقِيُّ.

82. Daripada 'Imran ibn Hushain (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah bersabda: "*Sesungguhnya Allah menyukai hamba-Nya yang diberi suatu nikmat oleh-Nya, kemudian hamba itu memperlihatkan anugerah nikmat itu pada dirinya.*" (Diriwayatkan oleh al-Baihaqi)

Makna Hadis

Seseorang yang memperlihatkan nikmat Allah yang dianugerahkan ke atasnya baik dalam hal makan, minum, pakaian dan lain-lain merupakan ungkapan syukur kepada Allah (s.w.t). oleh itu, Allah (s.w.t) menyukai apabila anugerah nikmat-Nya itu diperlihatkan oleh hamba-Nya sebagai ungkapan syukur kepada Allah (s.w.t) dan memperlihatkan anugerah Allah agar dengan demikian dia didekati oleh orang yang memerlukan bantuannya dan dia pun dapat bersedekah kepada mereka. Dengan demikian, terangkatlah diri mereka dari sikap yang tidak terpuji seperti memperlihatkan penampilan miskin dan bersikap minta belas kasihan orang lain. Salah seorang bijak pandai berpesan: "Seandainya aku mengungkapkan rasa syukur di atas kebaikan-Mu, maka aku ungkapkan itu melalui tingkah lakuku kerana ungkapan dengan cara tersebut lebih berkesan."

Seseorang yang diberi anugerah oleh Allah dikehendaki mengungkapkan perasaan syukur melalui lisannya di atas anugerah yang telah diterimanya itu. Ini merupakan ungkapan syukur melalui lisan. Allah (s.w.t) berfirman:

وَأَمَّا بِنِعْمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّثْ ﴿١١﴾

"*Dan terhadap nikmat Tuhanmu, hendaklah kamu menyebut-nyebutnya (dengan bersyukur).*" (Surah al-Dhuha: 11)

Analisis Lafaz

"عَلَى عَبْدِهِ", kepada hamba-Nya. Maksudnya ialah hamba yang telah diciptakan.

"نِعْمَتِهِ", segala sesuatu yang disukai lagi terpuji akibatnya.

Fiqh Hadis

Mensyukuri nikmat ialah dengan cara memperlihatkannya dalam hal makanan dan pakaian agar dia didatangi oleh orang yang memerlukan bantuannya hingga dengan itu dia dapat bersedekah kepada orang tersebut.

٨٣- عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ لُبْسِ الْقَسِيِّ وَالْمُعَصْفَرِ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

83. Daripada Ali (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) melarang daripada memakai kain sutera dan pakaian yang dicelup dengan zakfaran." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) mengharamkan kaum laki-laki yang telah berusia baligh memakai kain sutera tulen bagi mengelakkan mereka bersifat bongkak dan memelihara sikap kelelakiannya. Kain sutera qisiy juga termasuk kain sutera. Larangan ini menunjukkan bahawa kaum lelaki haram memakai pakaian dengan jenis tertentu. Nabi (s.a.w) menyebutkan jenis khusus yang dilarang ini memandangkan pada masa itu jenis inilah yang paling banyak didatangkan dari negeri Mesir dan Syam.

Selain itu Nabi (s.a.w) melarang pula memakai pakaian yang dicelup dengan bahan zakfaran yang berwarna kuning. Namun larangan ini menurut jumhur ulama menunjukkan hukum makruh, bukan haram.

Analisis Lafaz

"نَهَى", larangan yang pertama menunjukkan hukum haram, sedangkan yang kedua menunjukkan hukum makruh menurut Imam Ahmad. Lafaz *al-nahyi* menurut makna hakikinya menunjukkan hukum haram, sedangkan menurut majaznya menunjukkan hukum makruh.

"الْقَسِيِّ", sejenis pakaian yang dibuat daripada sutera murni. Namanya dikaitkan dengan al-Qiss, nama sebuah kota di negeri Mesir.

"الْمُعَصْفَرِ", pakaian yang dicelup dengan *'ashfar*, nama sejenis tumbuhan yang telah dikenal di mana hasil celupannya berwarna kuning.

Fiqh Hadis

1. Kaum lelaki haram memakai sutera, kerana larangan dalam hadis ini menunjukkan hukum haram.
2. Makruh memakai pakaian yang dicelup dengan *'ashfar* (zakfaran) menurut Imam Ahmad, tetapi menurut jumhur ulama, itu dibolehkan.

٨٤- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: رَأَى عَلَيَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثَوْبَيْنِ مُعَصْفَرَيْنِ، فَقَالَ: "أُمُّكَ أَمَرَتْكَ بِهَذَا؟" رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

84. Daripada Abdullah ibn Umar (r.a), beliau berkata: "Nabi (s.a.w) melihat diriku memakai dua pakaian yang dicelup dengan *'ashfar*, lalu baginda bersabda: "Apakah ibumu yang menyuruhmu berbuat demikian?" (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Pakaian *mu'ashfarah* adalah pakaian yang dicelup dengan *'ashfar*. Nabi (s.a.w) melarang kaum lelaki daripada memakai baju jenis ini. Larangan ini menunjukkan hukum makruh kerana itu menyerupai kaum wanita. Inilah pendapat jumhur sahabat dan tabi'in.

Imam Ahmad mengatakan bahawa memakai baju tersebut adalah haram kerana berdalilkan makna zahir larangan dan berpegang kepada sabda Nabi (s.a.w): "Apakah ibumu yang menyuruhmu memakainya?" Kalimat ini menunjukkan larangan keras dan hukuman. Seseorang yang memiliki baju yang telah dicelup dengan *'ashfar* hendaklah diberikan kepada isterinya kerana dia boleh memakainya. Pakaian itu tidak boleh dibakar, kerana dilarang membakar harta selagi ia boleh dimanfaatkan. Adapun riwayat yang menyebutkan adanya perintah untuk membakar pakaian tersebut, maka itu ditafsirkan untuk menanamkan rasa antipati terhadapnya, kerana ada satu riwayat yang menunjukkan bahawa Nabi (s.a.w) pernah memprotes sikap seorang sahabat yang membakar pakaian *mu'ashfarah*. Dalam kaitan ini, baginda bersabda: "Mengapa engkau tidak memberikannya kepada salah seorang isterimu?"

Malah dalam riwayat yang lai, baginda bersabda: "Kenapa kamu tidak memberikannya kepada ibu kamu? Ini merupakan pemberitahuan bahawa pakaian tersebut adalah pakaian kaum wanita dan perhiasan mereka. Menurut pendapat yang lain, pakaian ini dilarang bagi kaum lelaki memandangkan pakaian tersebut merupakan pakaian orang kafir. Dalilnya adalah riwayat yang menegaskan:

إِنَّ هَذِهِ مِنْ ثِيَابِ الْكُفَّارِ فَلاَ تَلْبَسْهَا.

"*Sesungguhnya pakaian ini merupakan pakaian orang kafir, maka janganlah kamu memakainya.*"

Analisis lafaz

"مُعَصْفَرَيْنِ", dua pakaian yang dicelup dengan *'ashfar*, nama setangkai tumbuh-tumbuhan yang sudah terkenal dan berasal dari negeri Yaman.

"أُمُّكَ أَمَرَتْكَ بِهَذَا؟", dikatakan demikian kerana pakaian tersebut merupakan pakaian wanita dan perhiasan mereka, sehingga hanya khusus untuk mereka dan tidak boleh dipakai oleh kaum lelaki.

"رَوَاهُ مُسْلِمٌ", hadis ini diriwayatkan oleh Muslim. Lengkapnya adalah sebagai berikut:

قُلْتُ: أَغْسِلُهُمَا، قَالَ: بَلْ أَحْرِقْهُمَا.

"Aku bertanya: "Apakah aku harus mencuci kedua pakaian ini?" Nabi (s.a.w) menjawab: "Tidak, bakarlah keduanya itu."

Fiqh Hadis

Larangan memakai pakaian yang dicelup dengan *'ashfar* kerana orang yang memakainya menyerupai kaum wanita dan pakaian tersebut hanya dipakai oleh kaum wanita.

٨٥- عَنْ أَسْمَاءَ بِنْتِ أَبِي بَكْرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّهَا أَخْرَجَتْ جُبَّةَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَكْفُوفَةَ الْجَيْبِ وَالْكُمَّيْنِ وَالْفَرْجَيْنِ بِالدِّيبَاجِ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ.

وَأَصْلُهُ فِي "مُسْلِمٍ"، وَزَادَ: كَانَتْ عِنْدَ عَائِشَةَ حَتَّى قُبِضَتْ فَقَبَضْتُهَا، وَكَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَلْبَسُهَا، فَنَحْنُ نَغْسِلُهَا لِلْمَرْضَى نَسْتَشْفِي بِهَا.

وَزَادَ الْبُخَارِيُّ فِي "الْأَدَبِ الْمُفْرَدِ": وَكَانَ يَلْبَسُهَا لِلْوَفْدِ وَالْجُمُعَةِ.

85. Daripada Asma' binti Abu Bakar (r.a) bahawa beliau pernah mengeluarkan sehelai jubah milik Rasulullah (s.a.w), di mana bahagian saku, kedua lengan dan kedua belahan tepinya dibuat daripada kain sutera. (Diriwayatkan oleh Abu Dawud)

Asal hadis ini berada pada Muslim dan beliau menambahkannya sebagai berikut: "Pakaian jubah itu berada pada Aisyah (r.a) hingga beliau meninggal dunia, kemudian aku mengambilnya (setelah Aisyah meninggal dunia). Dahulu Nabi (s.a.w) sering kali memakainya dan kami mencucinya supaya dapat digunakan oleh orang yang sakit sebagai ubat penawar."

Al-Bukhari dalam *al-Adab al-Mufrad* menambahkan: "Nabi (s.a.w) sentiasa memakainya untuk menyambut para delegasi dan melakukan solat Jumaat."

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) menganjurkan menghias diri dengan pakaian yang indah ketika menyambut para delegasi agar penampilan seseorang sedap dipandang mata, kerana Allah Maha Indah dan menyukai keindahan. Allah menyukai apabila anugerah nikmat yang Dia berikan kepada hamba-Nya diperlihatkan oleh hamba yang berkenaan.

Antara toleransi yang diberikan oleh Islam ialah dibolehkan memakai kain sutera sebagai penghias pakaian seperti pada bahagian saku, hujung lengan dan

bahagian tepinya. Hal ini tidak termasuk pakaian yang diharamkan, bahkan dikecualikan daripada hukum haram tersebut. Oleh itu, Asma' (r.a) mengeluarkan kain jubah Nabi (s.a.w) yang bermotif demikian untuk menjelaskan bahawa seandainya ini dilarang, nescaya Nabi (s.a.w) pun tidak mahu memakainya. Hal ini ditafsirkan bahawa pakaian kain sutera penghias tersebut hanya selebar empat jari atau kurang daripada itu.

Analisis Lafaz

"مَكْفُوفَةَ الْجَيْبِ", *al-makfuf* adalah bahagian tepi saku diberi campuran kain sutera, begitu pula hujung lengan dan bahagian tepinya.

"الْفَرْجَيْنِ", bentuk *tatsniyah* dari lafaz *al-farj* yang bermaksud belahan yang terdapat pada kedua tepi jubah.

"الدِّيبَاج", pakaian yang dibuat daripada *ibrasim*, sejenis kain sutera di negeri Parsi. Bentuk jamaknya ialah "دبابج" *dabaabij* dan "دبابيج".

"وَزَادَ", Muslim menambahkan riwayat Asma' (r.a).

"كَانَتْ", kain jubah itu dahulunya berada disimpan oleh Asiyah (r.a).

"قُبِضَتْ", hingga dia meninggal dunia.

"فَقَبَضْتُهَا", lalu aku mengambilnya setelah Aisyah meninggal dunia.

"نَسْتَشْفِي بِهَا", dipakaikan kepada orang sakit, sehingga dengan seizin Allah mereka sembuh berkat baju jubah yang sering dipakai oleh Rasulullah (s.a.w) itu.

"وَزَادَ الْبُخَارِيُّ", al- Bukhari menambahkan riwayat Asma' (r.a).

"لِلْوَفْدِ", Rasulullah (s.a.w) dahulu selalunya memakai jubah tersebut apabila menyambut kedatangan delegasi para raja dan para pemimpin kabilah.

Fiqh Hadis

1. Boleh memakai pakaian yang dicampur dengan sedikit kain sutera, tetapi dalam batasan yang tidak melebihi keluasan empat jari, baik ketika disatukan ataupun ketika dipisahkan.
2. Boleh memakai kain jubah dan pakaian lain yang mempunyai dua belahan pada kedua-dua tepinya.
3. Melakukan pengubatan dengan pakaian-pakaian yang pernah digunakan oleh Rasulullah (s.a.w) dan yang pernah disentuh oleh jasad baginda.
4. Disunatkan merapikan diri dan berhias untuk pergi mengerjakan solat Jumaat, menyambut kedatangan delegasi (tetamu), dan lain-lain.

Kesimpulan

Dari hadis-hadis yang terdapat dalam bab ini dapat diambil beberapa kesimpulan sebagai berikut:

1. Haram memakai kain sutera walau apa pun jenisnya bagi kaum lelaki, duduk di atas hamparan sutera bagi kaum lelaki dan kaum wanita, dan memakai bekas atau tempat yang dibuat daripada emas atau perak bagi kaum lelaki dan kaum wanita.
2. Dibolehkan memakai kain sutera bagi kaum wanita; dibolehkan pula menghadiahkan kain sutera.
3. Dibolehkan memakai pakaian yang dihiasi dengan kain sutera, dengan syarat lebarnya tidak melebihi empat jari apabila dipisahkan. Kaum lelaki boleh memakai kain sutera murni kerana berpenyakit gatal, kudis atau kurap. Boleh melakukan pengubatan dengan menggunakan pakaian yang pernah digunakan oleh Rasulullah (s.a.w) dan pernah disentuh oleh tubuh baginda.
4. Dianjurkan menjalin silaturahim dengan kaum kerabat dan rakan-rakan sejawat serta memperlihatkan nikmat yang dianugerahkan oleh Allah dalam hal makan dan minum.
5. Larangan memakai baju yang dicelup dengan *'ashfar* (bagi kaum lelaki).
6. Disunatkan menghias diri dengan berpakaian yang elok ketika hendak pergi mengerjakan solat Jumaat, solat hari raya, menyambut kedatangan delegasi (tetamu), dan lain-lain sebagainya.

Soalan

1. Apakah definisi *al-libas*? Berapakah bahagian *al-libas*? Sebutkan contoh yang halal dan yang haram!
2. Apakah definisi *al-hirr*? Jelaskan pengganti lafaz ini dalam riwayat yang kedua!
3. Bagaimanakah hukum orang yang menghalalkan sesuatu yang diharamkan?
4. Jelaskan makna lafaz-lafaz berikut: "يستحلون", "الرخصة", "الحكة", "سيراء", "خمرا", "الفرجين", "مكفوفة", "العصفر", "المعصفر", "القسي", "الفواطم", dan "الديباج"!
5. Bagaimanakah hukum menggunakan bekas atau tempat yang dibuat daripada emas dan perak?
6. Apa yang disamakan dalam masalah diharamkan memakai emas dan perak untuk makan dan minum?
7. Apakah haram memakai itu ditujukan kepada kaum lelaki dan kaum wanita secara sekali gus?
8. Bagaimanakah hukum memakai sutera bagi kaum lelaki dan kaum wanita?
9. Sebutkan kisah yang menjadi latar belakang hadis Huzaifah!
10. Sebutkan perbezaan pendapat ulama mengenai masalah duduk di atas hamparan sutera! Sebutkan alasan masing-masing ulama!

11. Jelaskan pakaian yang dibolehkan bagi kaum lelaki dengan memakai sutera!
12. Apakah makna lafaz "أو" dalam kalimat: "أو ثلاث"?
13. Bagaimanakah hukum wanita memakai pakaian sutera?
14. Sebutkan hikmah dibolehkan memakai kain sutera kerana penyakit gatal (bagi kaum lelaki)! Jelaskan pendapat ulama mengenainya!
15. Bolehkah mengakhirkan penjelasan hukum dari waktu yang diperlukannya?
16. Mengapa Ali (r.a) memakai pakaian kain sutera itu?
17. Jelaskan maksud syukur melalui ucapan dan syukur melalui perbuatan!
18. Jelaskan cara seseorang memperlihatkan nikmat yang telah diberikan oleh Allah (s.w.t) kepadanya! Apakah takrif nikmat itu?
19. Apakah yang dimaksudkan dengan dari lafaz "العبد" dalam sabdanya: "على عبده"?
20. Jelaskan makna larangan yang terdapat di dalam hadis bahawa Nabi (s.a.w(melarang daripada memakai *al-qisiy* dan *mu'ashfar*!
21. Terangkan pendapat ulama mengenai pakaian yang dicelup dengan menggunakan bahan *'ashfar*!
22. Mengapa Nabi (s.a.w) melarang daripada memakai pakaian *mu'ashfar*! Apakah makna yang terkandung di dalam larangan ini? Apakah boleh membakarnya?
23. Bagaimana hukum menghias diri dengan pakaian yang elok?
24. Sebutkan dalil yang menunjukkan boleh melakukan perubatan dengan menggunakan pakaian yang pernah dipakai oleh Nabi (s.a.w)!
25. Bolehkah memakai jubah yang mempunyai belahan pada kedua tepinya?
26. Sebutkan batasan yang dibolehkan apabila ingin memakai kain sutera!

KITAB JENAZAH

KITAB JENAZAH

٨٦- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَكْثِرُوا ذِكْرَ هَاذِمِ اللَّذَّاتِ: الْمَوْتِ". رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَالنَّسَائِيُّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

86. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Perbanyaklah kamu mengingat sesuatu yang memutuskan segala bentuk kesenangan, yakni kematian.*" (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi, al-Nasa'i dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban)

Makna Hadis

Manusia dianjurkan untuk tidak melupakan Allah, kerana mengingat Allah merupakan benteng yang paling kuat dalam kehidupan ini. Mereka juga dinasihatkan untuk tidak melupakan pengajaran paling besar, iaitu mengingati kematian. Dengan mengingati kematian akan timbul perasaan zuhud terhadap perkara duniawi, menghapus dosa-dosa dan seseorang merasa reda dengan kehidupannya. Apabila seseorang sedang dalam berada keadaan sukar, maka dengan mengingati kematian dapat menghibur hatinya. Jika dia sedang berada dalam keadaan lapang, maka dengan mengingat kematian akan membuatnya merasa sempit. Mengingati kematian dapat memutuskan semua kesenangan, cukuplah mati sebagai pengajaran dan al-Qur'an sebagai pengingat.

Analisis Lafaz

"الجنائز", bentuk jamak dari lafaz "جنازة"; berasal daripada *fi'il* "جنز" yang bermaksud menutupi dan *jinazah* menurut bahasa keranda untuk membawa mayat, kalau dibaca *janazah* bermaksud mayat.

"هَاذِمِ اللَّذَّاتِ", yang memutuskan segala bentuk kesenangan. "الهادم" adalah sesuatu yang melenyapkan sesuatu yang lain. Maksudnya adalah maut dapat melenyapkan segala bentuk kesenangan, sebagaimana ia pun dapat memutuskannya.

Fiqh Hadis

Manusia dianjurkan untuk tidak melupakan mati, kerana mengingat kematian ini merupakan pengajaran yang paling berharga. Jika seseorang mengingatnya pada waktu kaya, maka itu membuatnya zuhud terhadap duniawi. Jika mengingatnya pada waktu miskin, maka itu membuatnya reda dengan kehidupannya.

٨٧- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ يَتَمَنَّيَنَّ أَحَدُكُمُ الْمَوْتَ لِضُرٍّ يَنْزِلُ بِهِ، فَإِنْ كَانَ لاَ بُدَّ مُتَمَنِّيًا فَلْيَقُلْ: "اللَّهُمَّ أَحْيِنِي مَا كَانَتِ الْحَيَاةُ خَيْرًا لِي، وَتَوَفَّنِي إِذَا كَانَتِ الْوَفَاةُ خَيْرًا لِي". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

87. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Janganlah seseorang di antara kamu mengharapkan kematian kerana musibah yang menimpa dirinya. Jika terpaksa untuk tetap mengharapkannya, maka hendaklah dia membaca doa berikut:*

"اللَّهُمَّ أَحْيِنِي مَا كَانَتِ الْحَيَاةُ خَيْرًا لِي، وَتَوَفَّنِي إِذَا كَانَتِ الْوَفَاةُ خَيْرًا لِي".

"*Ya Allah, hidupkanlah aku selagi hidup ini lebih baik bagiku dan matikanlah aku selagi mati lebih baik bagiku.*" (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Seseorang yang mengharapkan segera mati bererti tidak sabar dan tidak reda dengan apa yang telah ditakdirkan untuk dirinya. Oleh itu, Nabi (s.a.w) melarang seseorang mengharapkan mati lantaran ditimpa musibah, dugaan, perasaan takut terhadap musuh atau kerana sakit dan lain-lain sebagainya.

Nabi (s.a.w) mengajarkan seseorang yang mendapat musibah besar hingga membuat hatinya merasa sempit supaya memohon perlindungan kepada Allah (s.w.t) dengan berdoa seperti mana yang telah disebutkan di atas. Doa tersebut menunjukkan pasrah diri diri sepenuhnya kepada kehendak Allah dan reda dengan qadha serta takdir-Nya.

Jika seseorang ingin mati lantaran merasa khuatir ditimpa fitnah dalam agamanya, maka itu tidak dilarang seperti mana yang telah ditegaskan oleh hadis berikut ini:

إِذَا أَرَدْتَ بِعِبَادِكَ فِتْنَةً فَاقْبِضْنِي إِلَيْكَ غَيْرَ مَفْتُوْنٍ.

"*Jika Engkau ingin menimpakan satu fitnah ke atas hamba-hamba-Mu, maka cabutlah nyawaku, sehingga aku menghadap kepada-Mu dalam keadaan tidak terfitnah.*"

Dibolehkan mengharapkan mati demi memperoleh ganjaran pahala syahid. Hal ini dianjurkan oleh syariat seperti mana yang banyak dilakukan oleh ulama

salaf. Demikian pula apabila seseorang mengharapkan mati kerana merasa khuatir kehormatannya diinjak-injak, maka dibolehkan baginya mengharapkan mati. Allah (s.w.t) berfirman menceritakan keluhan Maryam (a.s):

..... يَٰلَيۡتَنِي مِتُّ قَبۡلَ هَٰذَا ..... ﴿٢٣﴾

"*… Aduhai, alangkah baiknya aku mati sebelum ini…*" (Surah Maryam: 23)

Dengan iuni dapat disimpulkan bahawa rahsia adanya ikatan dalam larangan hadis ini, iaitu "kerana musibah yang menimpanya."

Analisis Lafaz

"لاَ يَتَمَنَّيَنَّ", *al-Tamanni* adalah mengharapkan sesuatu dengan segera.

"لِضُرٍّ يَنْزِلُ بِهِ", sakit, miskin atau dugaan yang menimpanya dalam kehidupan di dunia ini. Ini menunjukkan bahawa seseorang itu tidak sabar dan tidak reda dengan keputusan yang telah ditakdirkan oleh Allah (s.w.t) terhadap dirinya.

"فَإِنْ كَانَ", jika dia sakit.

"لاَ بُدَّ", terpaksa mengharapkan.

"مُتَمَنِّيًا", apabila hatinya telah sempit dan kesabarannya telah habis, hendaklah dia membaca doa berikut.

"فَلْيَقُلْ", perintah yang terdapat di dalam kalimat ini menunjukkan makna persetujuan yang bersifat mutlak, bukan menunjukkan makna wajib ataupun sunat, kerana perintah itu apabila datang sesudah larangan, maka ia tidak lagi mengandungi makna yang hakiki.

"اللَّهُمَّ أَحْيِنِي", hidupkan diriku selagi hidup ini lebih baik bagiku daripada mati.

"تَوَفَّنِي", matikan diriku apabila mati lebih baik bagiku daripada hidup. Ungkapan ini merupakan berserah diri dan rela kepada takdir, lain halnya dengan kehendak yang pertama, kerana di dalamnya terdapat sikap menentang dan tidak reda terhadap takdir yang telah dipastikan.

"مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ", al-Bukhari menyebut hadis ini di dalam *Kitab al-Mardha wa al-Thibb*, Bab: "Mengharapkan Mati". Sedangkan Muslim menyebutnya di dalam Bab: "Doa-doa".

Fiqh Hadis

1. Dilarang mengharapkan mati lantaran ditimpa musibah, dugaan, takut terhadap musuh, sakit atau kerana miskin, memandangkan ini menunjukkan sikap tidak sabar dan tidak reda dengan takdir yang telah ditentukan oleh Allah.
2. Dianjurkan berserah diri kepada Allah (s.w.t) dalam setiap urusan.
3. Seorang hamba dianjurkan memilih doa yang lebih baik.

4. Boleh mengharapkan mati, namun bukan kerana mudarat yang menimpa diri seseorang, melainkan kerana adanya tujuan-tujuan yang dibolehkan oleh syariat Islam.

٨٨- عَنْ بُرَيْدَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "الْمُؤْمِنُ يَمُوتُ بِعَرَقِ الْجَبِينِ". رَوَاهُ الثَّلاَثَةُ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

88. Daripada Buraidah (r.a) daripada Nabi (s.a.w), baginda pernah bersabda: "Ciri orang mukmin mati adalah apabila peluh yang membasahi keningnya." (Diriwayatkan oleh al-Tsalatsah dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) menggambarkan cara mati yang dialami oleh orang mukmin. Baginda menjelaskan bahawa rasa sakit yang dialaminya adalah untuk membersihkan saki baki dosa-dosanya dan menaikkan lagi darjat pahalanya. Ketika dia sedang dalam keadaan nazak mengalami rasa sakit yang tidak terperikan, hingga keningnya berpeluh dan keluarlah roh dari dalam tubuhya. Maksud dalam hadis ini dapat ditafsirkan bahawa ia merupakan gambaran tentang keadaan seorang mukmin ketika mencari rezeki halal dan sabar menanggung semua bebanan dan resiko ketika mencarinya hingga keningnya berpeluh kerana kerja keras yang dicurahkannya.

Di samping itu, dia tetap menjalankan amal ibadah kepada Allah (s.w.t). Tiada sesuatu apa pun yang dapat memalingkannya daripada Allah, baik perniagaan mahupun jual beli. Dari sini, maksud hadis ini ialah menggambarkan tentang keadaan seorang mukmin yang berusaha dan taat, kemudian maut datang menjemputnya secara tiba-tiba.

Analisis Lafaz

"الْمُؤْمِنُ يَمُوتُ بِعَرَقِ الْجَبِينِ", semua penderitaan yang dialaminya ketika dia sedang nazak hingga keningnya mengucurkan peluh akibat menahan rasa sakit adalah untuk membersihkan dosa-dosanya. Menurut tafsiran yang lain, orang mukmin mencurahkan jerih payahnya dalam mencari rezeki yang halal tanpa pernah mengabaikan kewajipannya seperti solat, puasa, dan zakat hingga dia dimatikan oleh Allah (s.w.t).

Fiqh Hadis

Maut dan sakratul mautnya, hidup dan seluruh jerih payahnya merupakan penderitaan yang menyebabkan kening seseorang beriman berpeluh ketika menghembuskan nafas yang terakhir. Semoga Allah menolong kita dalam kehidupan ini dan menetapkan hati kita dalam keimanan ketika berhadapan

dengan sakratul maut.

٨٩- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ وَأَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالاَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَقِّنُوا مَوْتَاكُمْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ وَالْأَرْبَعَةُ.

89. Daripada Abu Sa'id (r.a) dan Abu Hurairah (r.a), mereka berdua berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: *"Ajarkan kepada orang yang hampir mati di antara kamu kalimah: "لاَ إِلَه إِلاَّ الله" (Tidak ada tuhan selain Allah)*." (Diriwayatkan oleh Muslim dan al-Arba'ah)

Makna Hadis

Mengajarkan kalimah tauhid dan kalimah syahadat kepada orang yang sedang menghadapi kematiannya merupakan salah satu cara untuk mengingatkannya. Allah (s.w.t) berfirman:

وَذَكِّرْ فَإِنَّ ٱلذِّكْرَىٰ تَنفَعُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٥﴾

"*Dan tetaplah memberi peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu bermanfaat bagi orang yang beriman.*" (Surah al-Zariyat: 55)

Hukum mengajarkan kalimah tauhid kepada orang yang sedang dalam sakaratul maut adalah sunat dan setiap orang muslim dianjurkan melakukan hal tersebut terhadap saudaranya yang sedang nazak. Ini telah disepakati oleh seluruh ulama. Tujuannya adalah agar kalimah syahadat merupakan akhir dari ucapannya ketika meninggal dunia, kerana kalimah syahadat dapat menghapus semua dosa sebelumnya serta menjadi penyebab baginya untuk masuk ke dalam syurga.

Akan tetapi, dimakruhkan memperbanyak talqin ini terhadap orang yang sedang sakratul maut, agar seseorang berkenaan tidak terganggu dan tidak merasa sempit.

Adapun talqin sesudah mengkebumikan jenazah dan dilakukan di atas kuburan, maka itu masih dipertikai oleh ulama. Menurut Imam Ahmad, itu tidak disyariatkan, namun menurut Imam Malik, itu makruh kerana ia belum pernah dilakukan oleh ulama Madinah. Sedangkan menurut Imam al-Syafi'i dan Imam Abu Hanifah, itu disunatkan kerana berdalilkan kepada hadis-hadis dha'if yang menerangkan masalah ini, seperti mana hadis yang diceritakan oleh Abu Umamah (r.a).

Analisis Lafaz

"لَقِّنُوا مَوْتَاكُمْ", ingatkanlah seseorang di antara kamu yang sedang dalam keadaan sakratul maut dengan kalimah tauhid atau kalimah syahadatain, supaya dia mahu mengucapkannya. Dengan demikian, akhir ucapannya ketika meninggal dunia

adalah kalimah mulia tersebut hingga dia pun masuk syurga. Dalam kaitan ini, anda yang mengajarkan kalimah tauhid atau kalimat syahadat tidak boleh memaksanya atau mendesaknya, kerana saat itu merupakan saat yang menegangkan dan penuh dengan penderitaan. Ada ketikanya desakan itu menyebabkannya berubah sikap atau mengganggunya. Perintah dalam hadis ini menunjukkan hukum sunat.

"لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ", istilah lain daripada dua kalimat syahadat yang diucapkan oleh lisan menurut syarak. Ibn Hibban di dalam hadis yang diriwayatkannya menambahkan seperti berikut:

فَمَنْ كَانَ آخِرُ كَلاَمِهِ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ دَخَلَ الْجَنَّةَ.

"Barang siapa yang akhir ucapannya: "لا إله إلا الله" (Tidak ada tuhan selain Allah), nescaya dia masuk syurga."

Fiqh Hadis

1. Galakan memperbanyak zikir kalimah "لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ", lebih-lebih lagi di hadapan orang yang sedang dalam keadaan sakaratul maut, kerana itu dapat menyebabkannya memperoleh kebahagiaan yang abadi.
2. Orang lain selain kaum muslimin tidak boleh diajarkan talqin tersebut, tetapi mereka hendaklah disuruh masuk Islam terlebih dahulu apabila nyawa mereka belum sampai tenggorokan seperti mana yang pernah dilakukan oleh Nabi (s.a.w) terhadap bapa saudaranya, Abu Talib. Nabi (s.a.w) menawarkannya supaya masuk Islam ketika dia sedang menghadapi kematiannya, dan baginda pernah melakukan hal yang sama kepada seorang pembantunya yang masih berstatus kafir dzimmi. Ketika itu si pembantu sakit tenat yang membawa kematian, lalu Nabi (s.a.w) datang melawat dan menawarkannya supaya masuk Islam. Si pembantu itu menerima tawaran Nabi (s.a.w) dan dia masuk Islam. Dia akhirnya selamat.

٩٠- عَنْ مَعْقِلِ بْنِ يَسَارٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "اقْرَؤُوا عَلَى مَوْتَاكُمْ يس". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

90. Daripada Ma'qil ibn Yasar (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) bersabda: "Bacakanlah kepada orang yang menjelang mati di antara kamu Surah Yasin." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, al-Nasa'I dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban)

Makna Hadis

Ketika al-Qur'an dibacakan, maka rahmat dan ketenangan diturunkan serta berkat menyelimuti si pembaca beserta orang yang mendengarnya. Oleh itu, jika Surah

Yasin dibacakan di hadapan orang yang sedang dalam keadaan sakaratul maut, Allah memudahkannya menghadapi penderitaan nazak yang dahsyat itu. Surah Yasin secara khusus disebutkan di dalam hadis ini kerana memiliki keistimewaan, iaitu sebagai jantung al-Qur'an, seperti mana yang disebutkan di dalam hadis yang lain dan jantung kepada sesuatu itu mempunyai rahsia yang khusus.

Analisis Lafaz

"اقْرَؤُوا عَلَى مَوْتَاكُمْ يس", maksud dengan "الموتى" ialah orang yang sedang dalam keadaan sekartul maut. Daripada Abu al-Darda secara *marfu'* diceritakan:

مَا مِنْ مَيِّتٍ تُقْرَأُ عَلَيْهِ يس إِلاَّ هَوَّنَ اللهُ عَلَيْهِ.

"Tidaklah sekali-kali dibacakan kepada seorang yang dalam keadaan sakaratul maut Surah Yasin, melainkan Allah memudahkan baginya (menghadapi nazak yang dahsyat itu)."

Orang yang sedang dalam keadaan sakaratul maut diungkapkan dengan lafaz mayat (orang mati), kerana dia telah digolongkan sebagai orang yang telah mati.

Fiqh Hadis

Keutamaan Surah Yasin dan sunat membacakannya di hadapan orang yang sedang dalam keadaan sakaratul maut. Hikmah membacakannya di hadapan orang yang sedang menjelang kematiannya ialah dia berada dalam keadaan hatinya lemah, sedangkan hatinya ketika sedang menghadap kepada Allah. Jika dibacakan kepadanya Surah Yasin, maka hatinya kembali menjadi kuat dan keyakinannya terhadap agama menjadi kuat kembali serta menjadi rindu dengan kisah tentang keadaan-keadaan pada hari kiamat.

Periwayat Hadis

Ma'qil ibn Yasar al-Muzani, nama panggilannya adalah Abu Ali. Beliau berbai'at di bawah pohon kepada Nabi (s.a.w) bersama sahabat lain yang turut sama berbaiat. Hadis yang telah diriwayatkannya sebanyak 34. Beliau meriwayatkan hadis daripada al-Nu'man ibn Muqarrin, dan riwayatnya telah diambil oleh 'Imran ibn Hushain, al-Hasan al-Basri, dan sejumlah ulama yang lain. Orang yang menyebut hadisnya ialah al-Bukhari, Muslim, al-Nasa'i, Ibn Majah dan al-Tirmizi. Beliau meninggal dunia di Basrah pada akhir pemerintahan Khalifah Mu'awiyah.

٩١- عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: دَخَلَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى أَبِي سَلَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ وَقَدْ شُقَّ بَصَرُهُ فَأَغْمَضَهُ، ثُمَّ قَالَ: "إِنَّ الرُّوحَ إِذَا قُبِضَ، اتَّبَعَهُ الْبَصَرُ"، فَضَجَّ نَاسٌ مِنْ أَهْلِهِ، فَقَالَ: "لاَ تَدْعُوا عَلَى أَنْفُسِكُمْ إِلاَّ بِخَيْرٍ. فَإِنَّ الْمَلاَئِكَةَ

تُؤَمِّنُ عَلَى مَا تَقُولُونَ". ثُمَّ قَالَ: "اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِأَبِي سَلَمَةَ، وَارْفَعْ دَرَجَتَهُ فِي الْمَهْدِيِّينَ، وَافْسِحْ لَهُ فِي قَبْرِهِ، وَنَوِّرْ لَهُ فِيهِ، وَاخْلُفْهُ فِي عَقِبِهِ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

91. Daripada Ummu Salamah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melawat Abu Salamah yang ketika itu kedua matanya terbeliak, lalu baginda memejamkannya, kemudian bersabda: "Sesungguhnya apabila ruh itu telah dicabut, maka ia diikuti oleh mata." Maka sebahagian orang dari keluarga Abu Salamah menangis. Nabi (s.a.w) bersabda: "Janganlah kamu mendoakan diri sendiri kecuali dengan doa yang baik-baik, kerana sesungguhnya para malaikat mengaminkan apa yang kamu ucapkan." Kemudian Nabi (s.a.w) melanjutkan sabdanya:

"اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِأَبِي سَلَمَةَ، وَارْفَعْ دَرَجَتَهُ فِي الْمَهْدِيِّينَ، وَافْسِحْ لَهُ فِي قَبْرِهِ، وَنَوِّرْ لَهُ فِيهِ، وَاخْلُفْهُ فِي عَقِبِهِ".

"Ya Allah, ampuni Abu Salamah, dan naikkan darjatnya di kalangan orang yang mendapat hidayah. Lapangkan kuburnya, dan berilah dia cahaya di dalamnya serta berilah pengganti untuk orang yang ditinggalkannya." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) menjelaskan kepada orang yang hadir di hadapan orang yang sedang dalam keadaan sakratul maut supaya mereka segera memejamkan kedua mata orang yang nazak setelah ruhnya dicabut. Baginda menjelaskan hikmahnya bahawa pandangan mata itu melihat kepergian ruhnya dan mengikutinya. Oleh itu, disunatkan segera memejamkan kedua-dua mata si mayat agar penampilannya tidak mengerikan.

Nabi (s.a.w) menjelaskan kepada mereka bahawa antara etika yang dianjurkan untuk dilakukan pada saat itu ialah hendaklah mereka mendoakan si mayat, keluarga dan orang yang ditinggalkannya, semoga agama dan dunia mereka tetap dalam keadaan baik, demikian pula urusan akhiratnya, kerana doa pada saat itu dimakbulkan memandangkan para malaikat yang bertugas mencabut nyawa si mayat mengaminkannya. Doa yang dibaca oleh Nabi (s.a.w) dalam hadis ini menunjukkan adanya nikmat dan seksa kubur.

Analisis Lafaz

Abu Salamah ibn Abdul Rahman ibn Auf al-Zuhri al-Madani, salah seorang sahabat masyhur dan saudara sesusuan Rasulullah (s.a.w). Beliau bersama Rasulullah (s.a.w) menyusu kepada Tsuwaibiyah, pembantu Abu Lahab. Beliau meriwayatkan hadis daripada Abu Ayyub al-Ansari dan Usamah ibn Zaid. Riwayat hadisnya telah diambil oleh al-Sya'bi. Ibn Sa'ad menilainya tsiqah. Beliau meninggal dunia pada

tahun 94 Hijriah.

"وَقَدْ شُقَّ بَصَرُهُ", kedua-dua matanya terbeliak dan tidak tertutup lagi.

"فَأَغْمَضَهُ", lalu Nabi (s.a.w) memejamkan kedua-dua mata Abu Salamah agar tidak nampak mengerikan.

"إِنَّ الرُّوحَ إِذَا قُبِضَ، اتَّبَعَهُ الْبَصَرُ", sesungguhnya pandangan mata memperhatikan ke mana ruhnya pergi.

"فَضَجَّ نَاسٌ مِنْ أَهْلِهِ", sebahagian orang dari keluarga Abu Salamah menangis dengan suara yang keras hingga suasana menjadi bising.

"لاَ تَدْعُوا عَلَى أَنْفُسِكُمْ إِلاَّ بِخَيْرٍ", janganlah kamu mendoakan keburukan diri kamu sendiri, seperti mana yang biasa dilakukan pada zaman Jahiliah, tetapi doakanlah kebaikan seperti doa berikut:

اللَّهُمَّ أَجِرْنَا فِي مُصِيْبَتِنَا وَاخْلُفْنَا خَيْرًا مِنْهَا وَاغْفِرْ لَنَا وَرَضِّنَا بِقَضَائِكَ وَقُدْرَتِكَ.

"Ya Allah, berilah kami pahala dalam menghadapi musibah ini dan gantikan dengan yang lebih baik daripadanya. Ampuni kami dan jadikan diri kami reda dengan keputusan dan takdir-Mu."

"فِي الْمَهْدِيِّينَ", orang yang mendapat petunjuk Allah dan telah dianugerahi nikmat oleh-Nya.

"وَافْسِحْ لَهُ فِي قَبْرِهِ", luaskanlah kubumya.

"وَاخْلُفْهُ فِي عَقِبِهِ", jadilah Engkau sebagai penggantinya dalam memperbaiki keadaan orang yang ditinggalkannya.

Fiqh Hadis

1. Disunatkan memejamkan kedua mata mayat yang terbeliak.
2. Berdoa untuk mayat dan keluarganya yang ditinggalkan dengan kebaikan di dunia dan akhirat mereka.
3. Mayat adakalanya mengalami nikmat kubur dan seksa kubur.
4. Roh adalah tubuh yang tidak nampak oleh kasat mata dan menyatu dengan tubuh. Jasad tidak dapat hidup lagi dengan kepergiannya, tetapi ruh bukanlah sesuatu seperti tubuh.

٩٢- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ تُوُفِّيَ سُجِّيَ بِبُرْدٍ حِبَرَةٍ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

92. Daripada Aisyah (r.a) bahawa setelah wafat, Nabi (s.a.w) diselimuti dengan baju burdah yang bergaris." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Menutupi tubuh mayat sebelum dimandikan dengan selimut yang paling baik merupakan suatu perbuatan yang disunatkan. Hikmahnya ialah menjaga agar tubuhnya tidak terbuka dan menutupinya daripada pandangan mata apabila terjadi sebarang perubahan.

Sesungguhnya menutupi tubuh mayat ini hanya dilakukan setelah menanggalkan kesemua pakaian si mayat daripada tubuhnya, agar tubuh mayat tidak berubah dan mencegah agar tubuhnya tidak terkena kotoran yang keluar daripada tubuhnya ketika sedang nazak dan ruhnya keluar.

Analisis Lafaz

"حِينَ تُوُفِّيَ", setelah wafat

"سُجِّيَ", ditutupi. Caranya ialah dengan melipatkan kain penutup ke bawah kepalanya, sedangkan hujung yang lain daripada kain itu dilipatkan di bawah kedua-dua kakinya, agar kain penutup tidak mudah terbuka. Penutupan ini dilakukan sebelum mayat dimandikan.

"حِبَرَةٍ", pakaian buatan Yaman daripada bahan kapas atau kapas dengan corak yang beralur. Pakaian tersebut merupakan pakaian kegemaran Nabi (s.a.w) sehingga dipilihlah sebagai kain penutup jenazahnya.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan menutupi tubuh mayat. Hal ini dilakukan untuk menjaga agar tubuhnya yang berubah tidak terdedah akibat proses kematiannya.
2. Disyariatkan menanggalkan pakaian yang dipakai oleh si mayat ketika dia mati agar tubuhnya tidak berubah kerana pakaian tersebut.
3. Disunatkan mengikat dagunya dengan kain yang agak lebar, dan melenturkan sendi-sendi tulangnya setelah rohnya keluar dengan cara menekukkan tangan ke lengannya, betis ke pahanya, dan paha ke perutnya, kemudian dikembalikan lagi kepada posisi semula agar mudah dimandikan, kerana pada saat itu tubuh masih dalam keadaan hangat.

٩٣- وَعَنْهَا أَنَّ أَبَا بَكْرٍ الصِّدِّيقَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَبَّلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْدَ مَوْتِهِ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

93. Daripada Aisyah (r.a) bahawa Abu Bakar (r.a) mencium tubuh Nabi (s.a.w) sesudah kewafatannya." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Allah (s.w.t) memuliakan anak Adam dan menjadikan mayatnya pun suci. Allah (s.w.t) berfirman:

﴿ وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِىٓ ءَادَمَ ..... ﴾ ٧٠

"*Dan sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam...*" (Surah al-Isra': 70)

Oleh itu, dibolehkan mencium orang yang telah mati. Nabi (s.a.w) sendiri pernah mencium saudara sesusuannya, iaitu Utsman ibn Mazh'un ketika meninggal dunia, sedangkan air mata baginda bercucuran. Abu Bakar (r.a) mencium Rasulullah (s.a.w) ketika baginda telah wafat. Cukuplah perbuatan Rasulullah (s.a.w) sebagai dalil dan hujah sebagaimana apa yang telah dilakukan oleh Abu Bakar (r.a). Hal ini menunjukkan bahawa perbuatan itu tidak hanya khusus kepada Nabi (s.a.w) sahaja.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهَا", daripada Aisyah (r.a).

"قَبَّلَ النَّبِيَّ صَلَّى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْدَ مَوْتِهِ", mencium wajah Nabi (s.a.w) setelah baginda wafat.

Fiqh Hadis

Boleh mencium orang yang telah meninggal dunia.

٩٤- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "نَفْسُ الْمُؤْمِنِ مُعَلَّقَةٌ بِدَيْنِهِ، حَتَّى يُقْضَى عَنْهُ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالتِّرْمِذِيُّ وَحَسَّنَهُ.

94. Daripada Abu Hurairah (r.a) daripada Nabi (s.a.w), baginda bersabda: "*Nyawa seorang mukmin tergantung kepada hutangnya hingga hutangnya dilangsaikan.*" (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Tirmizi yang menilainya hasan)

Makna Hadis

Hutang membuat seseorang tidak dapat tidur lena pada waktu malam bari, sedangkan waktu pada siang harinya merupakan kesusahan dan kesulitan yang selalu mengejar dirinya. Orang yang berakal akan berusaha sedaya upaya untuk membebaskan diri daripada berhutang.

Ini kerana si mayat terhambat oleh hutangnya sesudah dia mati dan hadis ini menjelaskan bahawa jiwa seorang mukmin tergantung pada hutangnya hingga tidak

dapat mencapai kedudukan yang sebenar, sebelum hutangnya dilangsaikan. Nabi (s.a.w) tidak mahu menyembahyangkan jenazah orang yang masih mempunyai hutang, kerana solat jenazah merupakan doa untuk si mayat, sedangkan doa Nabi (s.a.w) dimakbulkan, maka baginda tidak mahu menyia-nyiakan hak-hak hamba Allah. Tetapi apabila ada seseorang yang mahu menanggung hutang si mayat, maka barulah Nabi (s.a.w) menyembahyangkannya.

Ini terjadi pada permulaan Islam, kemudian ketika Allah menganugerahkan banyak harta ghanimah, maka Nabi (s.a.w) tetap menyembahyangkan setiap orang muslim yang meninggal dunia, dan baginda sendiri yang membayarkan hutangnya dari baitul mal, kerana Nabi (s.a.w) adalah wali bagi orang yang tidak mempunyai wali. Inilah salah satu contoh kesempurnaan kasih sayang baginda terhadap umatnya.

Selain itu hadis ini menyarankan supaya seseorang mengelakkan diri daripada kebiasaan berhutang. Di dalam hadis tersebut disebutkan bahawa setiap dosa orang yang mati syahid diampuni, kecuali hutang. Jika itu berkaitan dengan hutang yang diambil melalui cara yang dibenarkan oleh syariat, lebih-lebih lagi hutang yang diambil secara paksa dan merompak.

Ya Allah, semoga Engkau melangsaikan hutang kami di dunia dan di akhirat.

Analisis Lafaz

"نَفْسُ الْمُؤْمِنِ مُعَلَّقَةٌ بِدَيْنِهِ", maksud jiwa ialah ruh orang yang berhutang dalam keadaan tertahan dan terhambat untuk mencapai kedudukannya yang mulia, sekalipun sudah berada di alam barzakh (alam kubur).

"حَتَّى يُقْضَى عَنْهُ", hingga hutangnya dilangsaikan atau ada orang lain yang mahu melangsaikan hutangnya.

Fiqh Hadis

1. Dianjurkan membebaskan diri daripada hutang sebelum mati.
2. Mayat masih tetap disibukkan oleh hutangnya sebelum ada orang yang melangsaikannya.

٩٥- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فِي الَّذِي سَقَطَ عَنْ رَاحِلَتِهِ فَمَاتَ: "اغْسِلُوهُ بِمَاءٍ وَسِدْرٍ، وَكَفِّنُوهُ فِي ثَوْبَيْهِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

95. Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah bersabda berkaitan seseorang yang jatuh dari atas untanya lalu meninggal dunia: "*Mandikanlah dia dengan air dan daun bidara, lalu kafanilah dengan kedua pakaiannya.*" (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Ibn Abbas (r.a) menceritakan bahawa ketika beliau bersama Nabi (s.a.w) sedang berwukuf di Arafah dan ramai orang yang di sekelilingnya, tiba-tiba ada seorang lelaki jatuh dari atas kenderaannya, hingga lehernya patah dan meninggal dunia seketika itu juga. Melihat itu, Rasulullah (s.a.w) menyuruh para sahabatnya untuk memandikannya dan meletakkan daun bidara di dalam air mandinya serta mengafaninya dengan kedua pakaian ihramnya. Ketika itu lelaki tersebut sedang berihram dan memakai pakaian ihram, iaitu kain dan selendang.

Nabi (s.a.w) melarang mereka meletakkan *hanuth* (bahan pengawet) dan menutupi kepalanya. Mereka harus membiarkannya dalam keadaan berpakaian ihram seperti mana ketika dia mati, kerana sesungguhnya kelak pada hari kiamat dia akan dihimpun dalam keadaan berpakaian ihram seperti mana keadaannya ketika dia meninggal dunia seraya mengucapkan: "لبيك اللّٰهُمَّ لبيك".

Analisis Lafaz

"سَقَطَ عَنْ رَاحِلَتِهِ", mengenai seorang lelaki yang jatuh dari atas kenderaannya. Lafaz hadis secara lengkap yang dikisahkan oleh Ibn Abbas (r.a) sebagai berikut:

بَيْنَمَا رَجُلٌ وَاقِفٌ بِعَرَفَةَ إِذْ وَقَعَ عَنْ رَاحِلَتِهِ فَوَقَصَتْهُ – أَوْ قَالَ فَأَوْقَصَتْهُ – قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: اغْسِلُوهُ بِمَاءٍ وَسِدْرٍ وَكَفِّنُوهُ فِي ثَوْبَيْهِ، وَلاَ تُحَنِّطُوهُ، وَلاَ تُخَمِّرُوا وَجْهَهُ وَرَأْسَهُ، فَإِنَّهُ يُبْعَثُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مُلَبِّيًا.

"Ketika seorang lelaki sedang wukuf di Arafah, tiba-tiba dia jatuh dari atas unta kenderaannya hingga lehernya patah dan mati seketika. Lalu Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Mandikanlah dia dengan air yang bercampur daun bidara, dan kafanilah dia dengan kedua pakaiannya, tetapi janganlah kamu men-*tahnith*-nya serta menutupi wajah dan kepalanya, kerana sesungguhnya dia kelak dibangkitkan pada hari kiamat dalam keadaan bertalbiyah."

"بَيْنَمَا", lafaz ini merupakan *zharaf zaman* dan sebagai jawapannya adalah lafaz "إذا وقع". Bentuk lengkapnya sebagai berikut: "Seorang lelaki jatuh dari kenderaannya ketika dia sedang melakukan wukuf di Arafah bersama Rasulullah (s.a.w)."

"وَاقِفٌ", maksudnya ialah bukan wukuf yang merupakan lawan kata duduk, kerana lelaki tersebut berada di atas haiwan kenderaannya.

"وَقَعَ عَنْ رَاحِلَتِهِ", jatuh dari atas kenderaannya ke tanah.

"فَوَقَصَتْهُ", hingga mematahkan tulang lehemya.

"أَوْ قَالَ فَأَوْقَصَتْهُ", berasal dari lafaz "القعص" bermaksud membunuhnya dengan seketika. Lafaz "أو" menunjukkan periwayat ragu.

"سِدْر", daun pohon bidara.

"وَكَفِّنُوهُ فِي ثَوْبَيْهِ", maksudnya kedua pakaiannya ialah kain dan selendangnya yang dipakainya untuk berihram, kerana orang yang sedang berihram tidak boleh memakai pakaian yang berjahit.

"وَلاَ تُحَنِّطُوهُ", janganlah kamu meletakkan *hanuth* di dalam kain kafannya atau di dalam air mandinya. *Al-Hanuth* adalah sejenis wangian seperti kapur barus yang dibalurkan pada tubuh si mayat yang bertujuan mengawetkan sekali gus mewangikan dan mengeringkan kelembabannya. Kalimat ini menunjukkan bahawa *hanuth* telah pun wujud di kalangan mereka pada waktu itu.

"وَلاَ تُخَمِّرُوا وَجْهَهُ وَرَأْسَهُ", janganlah kamu menutup wajah dan kepalanya agar kesan ihramnya tetap nampak kelihatan yang kelak akan menjadi saksi baginya.

"فَإِنَّهُ يُبْعَثُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مُلَبِّيًا", kelak pada hari kiamat dia akan dihimpun dalam keadaan berihram seperti mana ketika dia meninggal dunia, baik ihram haji ataupun ihram umrah. Lafaz "ملبيا" di-*nashab*-kan kerana menjadi *hal* (kata keterangan keadaan). Maksudnya, seraya membaca: "لبيك اللّٰهُمَّ لبيك".

Fiqh Hadis

1. Wajib memandikan mayat dan mengkafaninya.
2. Boleh memandikan mayat yang mati dalam keadaan berihram dengan daun bidara dan air kerana berlandaskan kepada perintah Rasulullah (s.a.w) dalam hadis ini. Imam al-Syafi'i berkata: "Orang hidup yang sedang berihram dibolehkan mandi dengan air dan daun bidara." Sedangkan menurut jumhur ulama, itu makruh.
3. Boleh mengkafankan mayat dengan dua pakaian, tetapi yang lebih afdal ialah dengan tiga helai pakaian, iaitu tiga helai kain.
4. Ihram lelaki berkaitan dengan kepalanya, bukan dengan wajahnya.
5. Disunatkan mengkafankan mayat yang mati selagi berihram dengan pakaian ihramnya.
6. Orang yang sedang mengerjakan amal ibadah lalu dia mati ketika mengerjakannya dan amal ibadahnya itu belum sempat dia selesaikan, maka diharapkan kelak pada hari kiamat dihimpun bersama orang yang rajin dalam amal ibadah itu.
7. Jika seseorang yang sedang ihram meninggal dunia, maka status ihramnya masih tetap wujud pada dirinya. Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad mengatakan bahawa haram menutup kepala mayat yang mati ketika sedang berihram, bagitu pula memberinya wangian, kerana berlandaskan kepada hadis ini. Imam Malik dan Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa menutup kepala dan memberinya wangian boleh dilakukan ke atasnya sama dengan apa yang diperlakukan ke atas orang yang mati dalam keadaan tidak berihram. Ketetapan ini berdasarkan qiyas, kerana status ibadah telah terputus dengan hilangnya beban taklif, iaitu hidup. Mereka menyanggah

hadis ini bahawa hal tersebut merupakan keistimewaan bagi lelaki yang mati sedang berihram pada zaman Rasulullah (s.a.w) itu sahaja. Ini kerana pemberitahuan baginda yang menyatakan bahawa lelaki itu kelak akan dibangkitkan dalam keadaan bertalbiyah (berihram) merupakan kesaksian baginda yang haji lelaki itu telah diterima dan status ini tidak dapat diperlakukan kepada orang lain.

٩٦- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: لَمَّا أَرَادُوا غَسْلَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالُوا: وَ اللهِ مَا نَدْرِي، نُجَرِّدُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَمَا نُجَرِّدُ مَوْتَانَا، أَمْ لا؟... الْحَدِيثَ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ.

96. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Ketika mereka ingin memandikan (jenazah) Rasulullah (s.a.w), mereka berkata: "Demi Allah, kami tidak mengetahui apakah kami menanggalkan kesemua pakaian Rasulullah (s.a.w) sebagaimana kami menanggalkan pakaian orang yang mati di antara kami atau tidak?..." hingga akhir hadis. (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Dawud)

Makna Hadis

Para sahabat menduga Nabi (s.a.w) mempunyai keistimewaan tersendiri sesudah kewafatannya dalam hal memandikan, mengkafankan, membuka kesemua pakaiannya dan mengkebumikannya. Kemudian timbullah satu idea yang dilakukan melalui musyawarah di antara mereka atau melalui suara tanpa diketahui siapa orang yang mengeluarkan suara itu dari arah rumah Nabi (s.a.w). Suara itu mengatakan bahawa Nabi (s.a.w) diperlakukan sama dengan jenazah yang lain, kemudian baginda dimandikan, dan seluruh pakaiannya dibuka kecuali baju gamisnya, kemudian dikafankan dan disembahyangkan serta dikebumikan. Ini kerana semasa hidupnya, baginda telah mensyariatkan demikian kepada umatnya. Jika baginda mengkhususkan sesuatu selain itu, nescaya itu telah dijelaskan kepada para sahabatnya.

Analisis Lafaz

"الْحَدِيثَ", hingga akhir hadis. Bentuk lengkap hadis adalah sebagai berikut:

لَمَّا أَرَادُوا غَسْلَ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالُوا: وَ اللهِ، مَا نَدْرِي أَنُجَرِّدُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ ثِيَابِهِ كَمَا نُجَرِّدُ مَوْتَانَا أَمْ نَغْسِلُهُ وَعَلَيْهِ ثِيَابُهُ؟ فَلَمَّا اخْتَلَفُوا أَلْقَى اللهُ عَلَيْهِمْ النَّوْمَ حَتَّى مَا مِنْهُمْ رَجُلٌ إِلاَّ وَذَقْنُهُ فِي صَدْرِهِ، ثُمَّ كَلَّمَهُمْ مُكَلِّمٌ

مِنْ نَاحِيَةِ الْبَيْتِ لاَ يَدْرُونَ مَنْ هُوَ؛ أَنْ اغْسِلُوا النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعَلَيْهِ ثِيَابُهُ، فَقَامُوا إِلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَغَسَلُوهُ وَعَلَيْهِ قَمِيصُهُ يَصُبُّونَ الْمَاءَ فَوْقَ الْقَمِيصِ، وَيُدَلِّكُونَهُ بِالْقَمِيصِ دُونَ أَيْدِيهِمْ، وَكَانَتْ عَائِشَةُ تَقُولُ: لَوْ اسْتَقْبَلْتُ مِنْ أَمْرِي مَا اسْتَدْبَرْتُ مَا غَسَلَهُ إِلاَّ نِسَاؤُهُ.

"Ketika mereka ingin memandikan jenazah Rasulullah (s.a.w), mereka berkata: "Demi Allah, kami tidak mengetahui apakah kami harus membuka pakaian Rasulullah (s.a.w) sebagaimana kami membuka pakaian orang yang mati di antara kami atau kami memandikannya berikut pakaian yang melekat pada tubuhnya?" Pada saat mereka sedang berselisih pendapat, akhirnya Allah mengirim rasa mengantuk yang berat kepada mereka hingga tidak ada seorang pun dari mereka melainkan dagunya melekat pada dadanya (tertidur). Kemudian ada suara yang menyeru kepada mereka dari arah rumah Nabi (s.a.w), tetapi mereka tidak mengetahui siapa dia: "Mandikan Nabi (s.a.w) berikut pakaian yang melekat di tubuhnya." Lalu mereka bangkit menuju jenazah Rasulullah (s.a.w) dan memandikannya berikut baju gamis yang melekat pada tubuhnya. Mereka menyiramkan air ke tubuhnya yang memakai baju gamis dan menggosoknya dengan tangan mereka dari sebelah luar baju gamisnya. Aisyah (r.a) berkata: "Jika aku mengetahui apa yang aku ketahui sekarang, nescaya tiada yang memandikannya kecuali hanya isteri-isterinya."

"فَلَمَّا اخْتَلَفُوا", ketika mereka berselisih pendapat.

"أَلْقَى الله عَلَيْهِمْ النَّوْمَ", maka Allah mengutus rasa mengantuk yang teramat sangat kepada mereka.

"وَذَقْنُهُ فِي صَدْرِهِ", kepala mereka tertunduk hingga dagu mereka melekat di dada mereka kerana tertidur.

"مِنْ نَاحِيَةِ الْبَيْتِ", dari salah satu ruangan di dalam rumah tempat mereka berada.

"أَنْ اغْسِلُوا النَّبِيَّ صَلَّى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعَلَيْهِ ثِيَابُهُ", mereka mengetahui apa yang harus mereka lakukan, iaitu memelihara kehormatan Rasulullah (s.a.w) setelah adanya suara itu. Oleh itu, mereka memandikaanya berikut baju gamis yang dipakainya, tetapi bukan bererti mereka melakukan itu hanya berpegang kepada suara tersebut memandangkan hal seperti itu tidak dapat dijadikan pegangan dalam menentukan hukum syarak, sebaliknya ia hanya memang memperkuatkan sahaja.

"وَيُدَلِّكُونَهُ بِالْقَمِيصِ دُونَ أَيْدِيهِمْ", baju gamis yang dipakai oleh Nabi (s.a.w) menghalangi persentuhan tangan mereka dengan tubuh Nabi (s.a.w).

"لَوْ اسْتَقْبَلْتُ مِنْ أَمْرِي مَا اسْتَدْبَرْتُ مَا غَسَلَهُ إِلاَّ نِسَاؤُهُ", kalimat ini seakan-akan menunjukkan Aisyah (r.a) memikirkan urusan tersebut setelah waktunya berlalu. Beliau berkata: "Seandainya aku memahami cara memandikan Nabi (s.a.w) seperti apa yang aku ketahui sekarang, nescaya tiada orang lain yang memandikannya kecuali hanya isteri-isterinya." Seakan-akan Aisyah (r.a) mengambil kesimpulan ini melalui qiyas terhadap apa yang pernah disabdakan oleh Rasulullah (s.a.w):

مَا ضَرَّكِ لَوْ مِتِّ قَبْلِي فَقُمْتُ عَلَيْكِ فَغَسَّلْتُكِ وَكَفَّنْتُكِ وَصَلَّيْتُ عَلَيْكِ وَدَفَنْتُكِ.

"Tidak ada salahnya seandainya engkau mati sebelumku. Aku akan mengurusmu, aku akan memandikanmu, mengkafankanmu, menyembahyangkan dan mengkebumikanmu." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah)

Fiqh Hadis

1. Wajib memandikan mayat.
2. Seorang lelaki boleh memandikan mayat isterinya, begitu pula sebaliknya menurut pendapat jumhur ulama. Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa isteri boleh memandikan suami, tetapi suami tidak boleh memandikan isteri. Imam Abu Hanifah menjelaskan alasannya bahawa mati itu merupakan perpisahan yang membolehkan suami berkahwin dengan saudara perempuan isterinya atau empat orang wanita yang lain. Oleh itu, si suami tidak boleh menyentuh dan memandang ke arasnya. Lain halnya apabila si isteri yang memandikan suaminya, isteri boleh memandikan suaminya kerana dia masih berada dalam iddahnya. Imam Abu Hanifah mentakwilkan perkataan Aisyah (r.a) tadi bahawa itu sebagai keistimewaan bagi Rasulullah (s.a.w), sebab perkahwinan antara Rasulullah (s.a.w) dengan Aisyah (r.a) tidak terputus sekalipun baginda telah wafat.

٩٧- عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: دَخَلَ عَلَيْنَا النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَنَحْنُ نُغَسِّلُ ابْنَتَهُ، فَقَالَ: "اغْسِلْنَهَا ثَلاَثًا، أَوْ خَمْسًا، أَوْ أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ، إِنْ رَأَيْتُنَّ ذَلِكَ بِمَاءٍ وَسِدْرٍ وَاجْعَلْنَ فِي الْآخِرَةِ كَافُورًا، أَوْ شَيْئًا مِنْ كَافُورٍ"، فَلَمَّا فَرَغْنَا آذَنَّاهُ، فَأَلْقَى إِلَيْنَا حِقْوَهُ. فَقَالَ: "أَشْعِرْنَهَا إِيَّاهُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَفِي رِوَايَةٍ: ابْدَأْنَ بِمَيَامِنِهَا وَمَوَاضِعِ الْوُضُوءِ مِنْهَا.

وَفِي لَفْظٍ لِلْبُخَارِيِّ: فَضَفَّرْنَا شَعْرَهَا ثَلاَثَةَ قُرُونٍ، فَأَلْقَيْنَاهُ خَلْفَهَا.

97. Daripada Ummu Atiyyah (r.a), beliau berkata: "Nabi (s.a.w) menjumpai kami ketika kami sedang memandikan jenazah puterinya, lalu baginda bersabda: "Mandikanlah dia dengan air dan daun bidara sebanyak tiga kali, atau lima kali siraman, atau lebih sesuai dengan keperluan. Kemudian gunakan wangian kafur, atau sedikit air dari wangian kafur pada siraman kali yang terakhir." Setelah selesai, kami beri tahu kepada baginda, lalu baginda memberikan kain sarungnya seraya bersabda: "Kafanilah dia dengan kain ini!" (Muttafaq 'alaih)

Di dalam riwayat lain disebutkan sebagai berikut: "Mulailah memandikannya pada bahagian sebelah kanan dan anggota-anggota wuduknya."

Dalam riwayat lain oleh al-Bukhari disebutkan sebagai berikut: "Kami mengepang rambutnya menjadi tiga lalu kamu meletakkannya di bahagian belakang."

Makna Hadis

Para ulama berpedoman dengan hadis Ummu 'At iyyah dalam cara memandikan mayat, kerana dalam hadis ini Nabi (s.a.w) menjelaskan kepadanya bagaimana cara memandikan mayat dan baginda sendiri yang memimpinnya sehingga ini merupakan satu ketetapan daripadanya.

Untuk memandikan mayat ada dua cara. Pertama ialah cara minimum iaitu dengan meratakan basuhan ke seluruh tubuh si mayat. Kedua ialah cara maksimum iaitu memandikannya dengan basuhan (siraman) dalam hitungan witir (ganjil), memberinya wangian, dan mulai membasuh anggota wuduk sebelah kanan, kemudian mengepangkan rambutnya menjadi tiga bahagian.

Analisis Lafaz

"نُغَسِّلُ ابْنَتَهُ", ketika itu kami sedang memandikan jenazah puterinya yang bernama Zainab yang dikenali dengan panggilan Ummu Umamah, isteri Abul 'Ash ibn al-Rabi'.

"إِنْ رَأَيْتُنَّ ذَلِكَ", jika itu sememangnya diperlukan oleh kamu, yakni mengulangi basuhan hingga jasad si mayat benar-benar bersih, namun disunatkan membasuh-nya dalam hitungan ganjil.

"سِدْرٍ", daun pohon bidara.

"كَافُورًا", nama sejenis tumbuhan. Baunya sangat harum, berkhasiat mengeraskan tubuh mayat serta mencegahnya daripada cepat membusuk untuk menghormati para malaikat yang hadir.

"فَلَمَّا فَرَغْنَا آذَنَّاهُ", ketika kami telah selesai memandikannya, kami segera memberitahunya kepada Rasulullah (s.a.w).

"فَأَلْقَى إِلَيْنَا حِقْوَهُ", lalu baginda memberikan kain sarungnya kepada kami.

"أَشْعِرْنَهَا إِيَّاهُ", jadikanlah kain ini sebagai kain kafannya.

"ابْدَأْنَ بِمَيَامِنِهَا", mandikan dia mulai dari anggota tubuh sebelah kanannya untuk memuliakannya.

"ثَلاَثَةَ قُرُونٍ", tiga kepangan.

Fiqh Hadis

1. Wajib memandikan mayat. Cara manimum ialah meratakan air pada seluruh tubuh si mayat. Sedangkan cara maksimum ialah memandikannya dalam hitungan witir apabila dianggap memadai untuk menyucikannya dengan mendahulukan anggota wuduk daripada yang lain untuk memuliakannya dan memelihara *ghurrah* dan *tahjil* bagi mayat.
2. Imam dikehendaki memberi nasihat kepada orang yang tidak memahami apa-apa yang dialaminya serta menyerahkan pelaksanaannya kepada seseorang apabila dia mampu mengerjakannya sendiri setelah mendapat petunjuk daripada imam atau imam sendiri yang memimpin pelaksanaannya.
3. Disunatkan memandikan jenazah dengan air yang dicampur daun bidara.
4. Disunatkan memakai kafur barus pada siraman kali yang terakhir, kerana bau kafur barus ini sangat wangi, bermanfaat untuk mengusir lalat dan lain-lain daripada jenazah, serta dapat mencegah pembusukan.
5. Disunatkan memulai memandikan mayat dari sebelah kanan.
6. Wanita lebih berhak memandikan mayat perempuan daripada suaminya. Jumhur ulama berpendapat bahawa seorang suami boleh memandikan jenazah isterinya. Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa suami tidak boleh memandikannya, tetapi ulama telah bersepakat bahawa seorang isteri boleh memandikan jenazah suaminya.
7. Boleh mengkafankan seorang mayat wanita dengan pakaian lelaki.
8. Mengambil berkat daripada pakaian-pakaian yang pernah dipakai oleh Rasulullah (s.a.w).
9. Disunatkan menyikat rambut jenazah wanita, lalu mengepangnya menjadi tiga bahagian dan meletakkan semua kepangan ke belakang tubuhnya. Demikianlah menurut pendapat Imam Ahmad, Imam al-Syafi'i, dan mazhab Malik. Sedangkan mazhab Hanafi mengatakan bahawa rambut jenazah wanita tidak boleh disikat, tetapi hanya dikepang menjadi dua bahagian, lalu diletakkan pada dadanya di luar baju gamisnya.

٩٨- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كُفِّنَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي ثَلاَثَةِ أَثْوَابٍ بِيضٍ سَحُولِيَّةٍ مِنْ كُرْسُفٍ، لَيْسَ فِيهَا قَمِيصٌ وَلاَ عِمَامَةٌ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

98. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) dikafankan dengan tiga helai kain putih bersih daripada kapas, tanpa memakai gamis dan serban." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Kain kafan disyariatkan untuk menutupi aurat si mayat dan memperindah penampilannya. Batas minimum ukuran kain kafan adalah yang dapat menutup aurat. Jika tidak ada kain kafan, kecuali kain yang hanya dapat menutupi aurat, maka itu pun sudah dianggap memadai. Jika ada kain kafan yang lebih lebar, maka bahagian kepala si mayat harus ditutup, dan bahagian kakinya dibubuhi rerumputan atau yang sejenisnya, seperti yang pernah dilakukan terhadap Mush'ab bin 'Umair.

Sedangkan yang paling sempurna adalah seperti kain kafan. yang dipakai untuk mengkafankan Rasulullah (s.a.w) ketika meninggal dunia, iaitu tiga helai kain putih yang dipakaikan berlapis-lapis antara satu sama lain.

Analisis Lafaz

"سَحُولِيَّةٍ", dinisbahkan atau dikaitkan kepada *sahul*, nama sebuah kampung di negeri Yaman, tempat pembuatan kain tersebut. Kain yang dipakai untuk mengkafankan Nabi (s.a.w) berwarna putih bersih, dibuat daripada bahan kapas.

"لَيْسَ فِيهَا قَمِيصٌ وَلاَ عِمَامَةٌ", selain daripada tiga helai kain tersebut, tidak ada pakaian yang selainnya. Adapun hadis yang meriwayatkan bahawa baginda diselimuti dengan burdah yang beralur, maka itu bermaksud menutupi tubuh Nabi (s.a.w) sebelum dimandikan. Ini bukan bererti baginda dikafankan dengan kain itu. Dengan demikian, tidak ada percanggahan di antara kedua hadis tersebut.

Fiqh Hadis

1. Disunatkan mengkafankan jenazah dengan kain putih.
2. Disunatkan bagi jenazah lelaki dikafankan dengan tiga helai kain yang menutupi seluruh tubuhnya. Ini merupakan cara yang paling sempurna. Namun menurut cara yang minimum sekadar menutupi semua auratnya dan itu sudah memadai. Imam al-Syafi'i berkata: "Di dalam kain kafan disunatkan tidak terdapat gamis dan serban." Imam Ahmad berkata: "Disunatkan mengkafankan mayat dengan tiga helai kain, dan makruh melebihi tiga helai kain kerana berlandaskan kepada makna zahir hadis ini. Jika jenazah dikafankan dengan memakai baju gamis yang berlengan dan sehelai kain kafan, maka hukumnya boleh, tanpa makruh." Mazhab Maliki mengatakan bahawa disunatkan memakaikan kain, baju gamis, dan dua helai kain serta serban yang panjang hujung kainnya mencecah satu hasta, lalu disampirkan pada wajah si mayat. Mazhab Hanafi mengatakan bahawa disunatkan memakaikan kain sarung, baju gamis, dan satu helai kain. Ciri baju gamis itu ialah panjang dari kedua pundak hingga kedua telapak kaki, bahagian bawah tidak dilonggarkan dan bahagian tepi tidak dijahit, serta tidak berlengan. Sedangkan panjang sehelai kain dan sarung

dari atas kepala hingga telapak kaki. Mazhab Hanafi menyanggah hadis Aisyah (r.a) bahawa beliau telah meniadakan baju gamis dan serban, kerana beliau tidak melihat pengurusan jenazah sejak awal, sedangkan selain Aisyah (r.a) menetapkan adanya baju gamis, kain sarung serta serban. Ada pula kemungkinan bahawa Aisyah (r.a) bermaksud baju gamis dan serban tersebut selain tiga helai kain kafan.

٩٩- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: لَمَّا تُوُفِّيَ عَبْدُ اللهِ بْنِ أُبَيٍّ جَاءٍ ابْنُهُ إِلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: أَعْطِنِي قَمِيصَكَ أُكَفِّنْهُ فِيهِ، فَأَعْطَاهُ إِيَّاهُ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

99. Daripada Ibn Umar (r.a). beliau berkata: "Ketika Abdullah ibn Ubay meninggal dunia, anaknya datang kepada Rasulullah (s.a.w) lalu berkata: "Berikanlah kepadaku baju gamismu, kerana aku akan menjadikannya sebagai kain kafan buat ayahku." Lalu Rasulullah (s.a.w) memberikan baju gamisnya kepadanya." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) sentiasa bersikap kasih sayang untuk menjinakkan hati orang lain agar mahu menerima ajarannya, gemar memberikan imbalan kepada orang yang pernah berbuat kebaikan dan tidak pernah menolak orang yang meminta sesuatu kepadanya.

Ketika Abdullah ibn Ubay, tokoh munafiq terkemuka meninggal dunia, anak lelakinya datang menghadap Rasulullah (s.a.w) untuk meminta baju gamisnya. Baju gamis Rasulullah (s.a.w) itu kelak akan dia gunakan untuk mengkafankan ayahnya kerana dia meyakini itu dapat meringankan seksa neraka bagi ayahnya dan menolak seksa kuburnya. Lalu Rasulullah (s.a.w) memberikan apa yang dipintanya kerana menghormati kedudukan anaknya yang telah berbuat baik di dalam Islam dan untuk melunakkan hati kaumnya sekali gus membalas kebaikan yang pernah dilakukan oleh ayahnya terhadap bapa saudara Nabi (s.a.w) (al-Abbas r.a) ketika ditawan di Badar. Pada saat itu bapa saudara Nabi (s.a.w) tidak memakai baju gamis, kemudian Ibn Ubay memberikan baju gamis kepadanya. Dengan demikian, Nabi (s.a.w) telah membalas jasa kebaikan yang pernah dilakukan Ibn Ubay terhadap bapa saudaranya sebagai bakti seorang anak terhadap bapa saudaranya.

Analisis Lafaz

"لَمَّا تُوُفِّيَ عَبْدُ اللهِ بْنِ أُبَيٍّ", tatkala Abdullah bin Ubay meninggal dunia. Abdullah bin Ubay adalah pemimpin orang munafik.

"جَاءٍ ابْنُهُ", datanglah anak lelakinya yang bernama Abdullah yang termasuk salah seorang sahabat yang disegani. Dia turut serta dalam Perang Badar dan peperangan yang terjadi sesudahnya. Nama asalnya adalah al-Habbab, kemudian

Rasulullah (s.a.w) menggantinya menjadi Abdullah, dan baginda bersabda kepadanya sempena mengganti namanya, bahawa al-Habbab adalah nama salah satu syaitan. Ketika mendengar tentang sikap ayahnya yang memusuhi Islam, dia datang menghadap Nabi (s.a.w) meminta izin untuk membunuh ayahnya. Tetapi Nabi (s.a.w) menjawab: "Jangan, tetaplah engkau berbuat baik kepadanya." Oleh itu, dia menjadi orang yang paling berbakti kepada orang tuanya, baik ketika orang tuanya masih hidup ataupun sesudah meninggal dunia.

"فَقَالَ: أَعْطِنِي قَمِيصَكَ أُكَفِّنْهُ فِيهِ", Abdullah meminta baju gamis yang sering dipakai oleh Rasulullah (s.a.w) untuk dijadikan kain kafan ayahnya.

"فَأَعْطَاهُ إِيَّاهُ", Rasulullah (s.a.w) memberikan baju gamisnya kerana menghormati Abdullah yang telah terbukti keimanannya dan menjinakkan hati kaumnya memandangkan Abdullah adalah pemimpin kaumnya. Pemberian dan pemakaiannya ini dilakukan sesudah jenazah dikebumikan seperti mana yang dikisahkan dalam hadis Jabir (r.a). Di dalam hadis Jabir (r.a) disebutkan bahawa Nabi (s.a.w) datang kepada Abdullah ibn Ubay setelab jenazah (ayahnya) dikebumikan, lalu jenazah Abdullah dikeluarkan semula, dan Nabi (s.a.w) meniupkan nafas beserta sedikit ludahnya kepada jenazah Abdullah bin Ubay. Setelah itu baju gamis Nabi (s.a.w) dipakaikan kepadanya.

Fiqh Hadis

1. Akhlak Rasulullah (s.a.w) yang mulia dan sifat dermawannya di mana baginda tidak pernah menolak orang yang pernah meminta kepadanya.
2. Orang munafik tetap diperlakukan hukum-hakam Islam ke atas dirinya kerana memandangnya berdasarkan zahir semata, seperti memandikan, mengkafankan dan mengkebumikan jenazahnya hendaklah mengikut hukum Islam.
3. Disyariatkan melawat mayat dan memberitakan kematiannya.
4. Boleh meminta pakaian-pakaian orang soleh untuk mengambil berkat daripadanya, sekalipun si peminta adalah orang yang berkemampuan.
5. Disyariatkan mengafankan mayat dengan baju gamis. Keutamaan Abdullah ibn Abdullah ibn Ubay, kerana Rasulullah (s.a.w) telah memperkenankan permintaannya dan memberikan baju gamis kepadanya.

١٠٠- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "الْبَسُوا مِنْ ثِيَابِكُمُ الْبَيَاضَ، فَإِنَّهَا مِنْ خَيْرِ ثِيَابِكُمْ، وَكَفِّنُوا فِيهَا مَوْتَاكُمْ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ إِلاَّ النَّسَائِيَّ وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ.

100. Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) bersabda: "*Pakailah di antara pakaian kamu yang berwarna putih, kerana sesungguhnya pakaian yang berwarna putih*

itu adalah pakaian kamu yang paling baik. Dan kafanilah orang mati di antara kamu dengan kain yang berwarna putih." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, kecuali al-Nasa'i dan dinilai sahih oleh al-Tirmizi)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) menganjurkan kita memakai pakaian yang berwarna putih kerana warna putih adalah simbol kebersihan dan kita segera mencucinya apabila ada kotoran yang melekat padanya. Berbeza dengan warna yang lain, kotoran sukar kelihatan. Nabi (s.a.w) menganjurkan kita mengkafankan orang mati di antara kita dengan kain putih sebagai *tafa'ul* (harapan baik) semoga si mayat dibersihkan dan dijernihkan daripada dosa-dosanya. Pakaian berwarna putih juga menunjukkan kesederhanaan.

Apapun, dibolehkan mengkafankan mayat dengan kain yang tidak berwarna putih, kerana sekumpulan syuhada' Uhud dikafani dengan kain beralur. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa perintah yang terdapat di dalan bab: "Berpakaian dan Mengkafankan Mayat dengan Kain Berwarna Putih" hanyalah sunat, bukan wajib. Faktor yang memalingkan perintah daripada hukum wajib ialah ijmak ulama yang menyatakan boleh mengkafankan mayat dengan kain selain yang berwarna putih.

Analisis Lafaz

"مِنْ ثِيَابِكُمُ", termasuk pakaian yang afdal kerana menunjukkan bersih dan jernih.

"وَكَفِّنُوا فِيهَا مَوْتَاكُمْ", kafanilah orang mati di antara kamu dengan kain berwarna putih. Perintah dalam kalimat ini menunjukkan hukum sunat.

"وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ", dinilai sahih oleh al-Tirmizi. Abu 'Isa berkata: "Hadis Ibn Abbas berkedudukan hasan sahih; hadis inilah yang disukai oleh ulama."

Fiqh Hadis

1. Disunatkan memakai pakaian berwarna putih.
2. Disunatkan mengkafankan mayat dengan kain berwarna putih.

١٠١- عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا كَفَّنَ أَحَدُكُمْ أَخَاهُ فَلْيُحْسِنْ كَفَنَهُ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

101. Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jika seseorang di antara kamu mengkafankan saudaranya, maka hendaklah dia mengkafankannya dengan cara yang baik." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) menganjurkan agar mengkafankan mayat dengan cara yang baik. Di dalam hadis yang lain disebutkan alasan di sebalik anjuran itu bahawa orang yang mati saling berbangga diri dan saling mengunjungi dengan memakai kain kafan mereka masing-masing di dalam kubur. Demikianlah menurut riwayat yang disebut oleh al-Dailami secara *marfu'* daripada Jabir (r.a).

Mengkafankan mayat dengan cara yang baik hendaklah mencakupi kriteria berikut; hendaknya kain yang dipakai lebar dan dapat menutupi seluruh tubuh badan; hendaklah menggunakan kain yang bermutu baik sebagaimana dianjurkan pula untuk tidak berlebihan atau menggunakan kain yang diharamkan, misalnya kain sutera bagi mayat lelaki.

Analisis Lafaz

"إِذَا كَفَّنَ أَحَدُكُمْ أَخَاهُ", di dalam kalimat ini terdapat peringatan untuk menjunjung tinggi nilai persaudaraan dengan si mayat yang menuntut dia diperlakukan dengan cara yang baik ketika mengkafankannya sebagaimana seseorang memperlakukan saudaranya.

"فَلْيُحْسِنْ كَفَنَهُ", hendaklah memilih kain yang paling bersih, paling putih dan memiliki ukuran yang memadai, serta jenis kain yang dibenarkan oleh syariat.

Fiqh Hadis

1. Disunatkan mengkafankan mayat dengan cara yang baik.
2. Menjelaskan keutamaan mengkafankan mayat. Barang siapa yang menutupi seorang muslim, nescaya Allah akan menutupinya di dunia dan akhirat.

١٠٢- وَعَنْهُ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ يَجْمَعُ بَيْنَ اَلرَّجُلَيْنِ مِنْ قَتْلَى أُحَدٍ فِي ثَوْبٍ وَاحِدٍ، ثُمَّ يَقُولُ: "أَيُّهُمْ أَكْثَرُ أَخْذًا لِلْقُرْآنِ؟"، فَيُقَدِّمُهُ فِي اللَّحْدِ، وَلَمْ يُغَسَّلُوا، وَلَمْ يُصَلِّ عَلَيْهِمْ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

102. Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: "Nabi (s.a.w) menghimpun dua orang lelaki yang mati syahid dalam Perang Uhud dalam satu kain kafan, kemudian baginda bersabda: "Siapakah di antara mereka yang paling banyak hafal al-Qur'an?" Orang yang paling banyak hafal al-Qur'an dimasukkan paling dahulu ke dalam liang lahad dan baginda tidak menyembahyangkan mereka." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Orang yang mati syahid dalam peperangan mempunyai ketentuan hukum yang khusus berkaitan bagaimana cara memandikan dan mengkafankannya namun tidak menyembahyangkan. Hukum-hakam masalah ini diketahui melalui peristiwa kaum muslimin yang mati syahid dalam Perang Uhud. Pada hari itu Nabi (s.a.w) memberikan pelbagai petunjuk hukum kepada para sahabatnya yang antara lain ialah: Pertama, boleh menghimpun dua mayat dalam satu kain kerana keadaan darurat. Mereka yang mati syahid hendaklah setiap orang daripada mereka dikafankan dengan cara meletakkannya pada salah satu bahagian daripada kain agar kulit keduanya tidak bersentuhan secara langsung.

Kedua, boleh mengumpulkan mereka dalam satu liang lahad kerana keadaan darurat. Ketika meletakkan jenazah di dalam kubur hendaklah didahulukan orang yang paling banyak hafal al-Qur'an bagi menghormati keutamaan al-Qur'an. Dengan demikian, urutan meletakkan mereka di dalam al-Qur'an adalah berdasarkan penilaian mana yang lebih utama. Demikian pula dibolehkan mengumpulkan mayat lelaki dan mayat perempuan dalam satu liang lahad kerana keadaan darurat. Caranya ialah mendahulukan lelaki, kemudian dibuat penghalang di antara keduanya dengan tanah. Detelah itu barulah diletakkan mayat perempuan ke dalam liang lahad. Semua ketentuan tersebut disimpulkan daripada dua hadis yang masing-masing diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan Abdul Razzaq.

Ketiga, orang yang mati syahid tidak boleh dimandikan bagi memelihara bekas darahnya yang kelak pada hari kiamat akan menjadi saksi bagi jihadnya seperti yang disebutkan di dalam hadis Jabir (r.a):

لاَ تَغْسِلُوْهُمْ، فَإِنَّ كُلَّ جُرْحٍ أَوْ كُلَّ دَمٍ يَفُوْحُ مِسْكًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

"*Janganlah kamu memandikan mereka, kerana sesungguhnya setiap luka atau setiap darah akan menyebarkan aroma minyak kasturi pada hari kiamat.*"

Keempat, orang yang mati syahid tidak boleh disolatkan. Adapun beberapa hadis yang menceritakan bahawa Nabi (s.a.w) pernah menyembahyangkan orang yang mati syahid dalam Perang Uhud, maka itu ditafsirkan sebagai doa bagi mereka, bukan solat jenazah. Oleh itu, Nabi (s.a.w) tidak mengajak sahabat-sahabatnya untuk melakukan solat jenazah secara berjemaah.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Ibn Jabir (r.a) yang sumbernya sama dengan hadis sebelumnya.

"أُحُدٍ", nama sebuah bukit yang berwarna merah. Bukit ini terletak di sebelah utara Madinah, jauhnya lebih kurang dua mil dari kota Madinah. Di tempat tersebut pernah terjadi peperangan sengit antara kaum muslimin dengan orang kafir. Dalam perang tersebut bapa saudara Rasulullah (s.a.w), iaitu Hamzah (r.a) mati syahid dan wajah baginda sendiri mengalami luka serta gigi serinya ada yang tanggal. Perang Uhud terjadi pada tahun ke-3 Hijriah.

"اللَّحْدِ", liang yang dibuat di bahagian tepi kubur, luasnya sekadar cukup untuk meletakkan mayat, lalu si mayat diletakkan di dalamnya dan ditutup dengan batu bata atau papan setelah mengganjalkannya dengan tanah dan menghadapkan mayat ke arah liang lahad.

Fiqh Hadis

1. Boleh mengkafankan dua orang lelaki dalam satu kain kafan kerana keadaan darurat.
2. Boleh mengkebumikan dua orang dalam satu liang lahad kerana keadaan darurat.
3. Disunatkan mendahulukan yang lebih utama di antara kedua mayat ke dalam liang lahad, misalnya orang yang lebih banyak hafal al-Qur'an; seorang ayah lebih didahulukan daripada anaknya, sekalipun si anak lebih afdal daripadanya demi menghormati kedudukannya sebagai ayah; dan ibu lebih didahulukan daripada anak perempuannya; kemudian segi-segi penilaian keutamaan diqiyaskan dengan aspek tersebut.
4. Orang yang mati syahid tidak boleh dimandikan dan disolatkan demi menjaga bekas darah syahidnya, kerana setiap luka atau titisan darah kelak pada hari kiamat akan menyebarkan aroma minyak kasturi.

١٠٣- عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "لاَ تُغَالُوا فِي الْكَفَنِ، فَإِنَّهُ يَسْلُبُ سَرِيعًا". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ.

103. Daripada Ali (r.a), beliau berkata: Saya pernah mendengar Nabi (s.a.w) bersabda: "*Janganlah kamu berlebihan dalam menggunakan kain kafan, kerana sesungguhnya kain kafan itu cepat rosak*." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud)

Makna Hadis

Tujuan utama mengkafankan mayat untuk menutupi auratnya. Oleh itu, Nabi (s.a.w) melarang berlebihan dalam melakukannya. Nabi (s.a.w) mengisyaratkan bahawa kain kafan senang rosak. Dalam kaitan ini, Khalifah Abu Bakar (r.a) ketika sedang sakit dan memakai pakaian yang berbekas zakfaran, beliau berkata: "Cucilah pakaianku ini, kemudian nambahkanlah kepadanya dua pakaian lain sebagai kain kafanku." Lalu Aisyah (r.a) berkata: "Sesungguhnya baju ini sudah lapuk." Khalifah Abu Bakar (r.a) menjawab: "Sesungguhnya orang yang hidup lebih berhak untuk memakai kain yang baru, kerana sesungguhnya kain kafan itu hanyalah untuk nanah." Riwayat ini diketengahkan oleh al-Bukhari.

Analisis Lafaz

"لاَ تُغَالُوا فِي الْكَفَنِ", janganlah kamu berlebihan dalam menggunakan kain kafan sehingga melampaui batas yang telah ditetapkan oleh syariat kerana perbuatan sama sama halnya dengan menyia-nyiakan harta. Larangan ini mengandungi hukum makruh.

"فَإِنَّهُ يسْلُبُ سَرِيعًا", sesungguhnya kain kafan itu mudah rosak dan tidak dapat dimanfaatkan lagi. Inilah alasan larangan tersebut.

Fiqh Hadis

1. Tidak boleh berlebihan dalam menggunakan kain kafan.
2. Menyebutkan hukum sebaiknya disertai alasan hujah supaya lebih berkesan di dalam jiwa dan lebih mantap untuk difahami.

١٠٤- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَهَا: "لَوْ مُتِّ قَبْلِي فَغَسَّلْتُكِ" الْحَدِيثَ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَابْنُ مَاجَه وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

104. Daripada Aisyah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) bersabda kepadanya: *"Jika kamu meninggal dunia sebelumku, nescaya aku yang akan memandikanmu,..."* hingga akhir hadis. (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Ibn Majah, dinilai sahih oleh Ibn Hibban)

Makna Hadis

Menurut kaedah asal, sesuatu itu ditetapkan seperti keadaannya semula. Oleh itu, seorang suami dibolehkan memandikan jenazah isterinya. Inilah menurut pendapat jumhur ulama kerana berlandaskan kepada kekalnya hukum perkahwinan di samping berdasarkan kepada sabda Nabi (s.a.w) kepada isterinya, Aisyah (r.a): "Seandainya kamu mati sebelumku, nescaya aku yang akan memandikan (jenazah)mu. Selain itu, pendapat jumhur ulama ini turut disokong oleh wasiat Fatimah (r.a) yang meminta agar Ali (r.a), suaminya memandikannya. Dalil yang lain pula adalah berdasarkan wasiat Khalifah Abu Bakar (r.a) kepada isterinya, Asma' binti 'Umais yang meminta agar isterinya memandikan jenazahnya. Asma' meminta bantuan Abdul Rahman ibn Auf agar membantunya melakukan wasiat tersebut memandangkan keadaan tubuhnya ketika itu yang lemah dan ternyata tidak ada seorang pun yang memprotesnya.

Dari huraian di atas dapat diambil satu kesimpulan bahawa salah seorang di antara suami isteri apabila memandikan yang lain merupakan tradisi yang telah

dikenali sejak zaman Rasulullah (s.a.w) dan demikian pula setelah baginda wafat. Akan tetapi, hukum jenazah bukan mahram tentu memiliki hukum yang berlainan di mana apabila ada seorang wanita meninggal dunia di tengah-tengah lelaki tanpa ada seorang wanita pun di antara mereka atau ada seorang lelaki meninggal dunia di kalangan wanita lain tanpa ada seorang lelaki pun di antara mereka, maka kedua-dua jenazah ini hendaklah ditayamumkan, lalu dikebumikan dan jenazah mereka ini disamakan dengan orang yang tidak menemukan air.

Adapun wanita yang memandikan jenazah suaminya, maka itu dibolehkan mengikut kesepakatan ulama.

Analisis Lafaz

"الْحَدِيثَ", hingga akhir hadis dan sambungannya sebagai berikut:

رَجَعَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ الْبَقِيعِ، فَوَجَدَنِي وَأَنَا أَجِدُ صُدَاعًا فِي رَأْسِي، وَأَنَا أَقُولُ: وَا رَأْسَاهُ فَقَالَ: بَلْ أَنَا يَا عَائِشَةُ وَا رَأْسَاهُ، ثُمَّ قَالَ: مَا ضَرَّكِ لَوْ مِتِّ قَبْلِي فَقُمْتُ عَلَيْكِ فَغَسَّلْتُكِ وَكَفَّنْتُكِ وَصَلَّيْتُ عَلَيْكِ وَلَقَّنْتُكِ.

"Rasulullah (s.a.w) kembali pulang dari al-Baqi' dan baginda menemukan diriku sedang merasakan sakit kepala. Ketika itu aku berkata: "Aduh, sakit kepalaku." Lalu baginda bersabda: "Tidak, Aisyah, sebenarnya akulah yang sedang sakit. Aduh, sakitnya kepalaku." Lalu baginda bersabda: "Tidak mengapa, seandainya engkau mati sebelumku, akulah yang akan mengurus jenazahmu, kemudian aku memandikanmu, mengkafankanmu, menyembahyangkanmu dan mentalqinimu." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah)

"الْبَقِيع", Baqi' al-Gharqad adalah kawasan pekuburan penduduk Madinah.

"وَأَنَا أَجِدُ صُدَاعًا فِي رَأْسِي", aku merasa sakit kepala.

"بَلْ أَنَا يَا عَائِشَةُ", akulah yang lebih berhak mengucapkan kalimat itu kerana sakitmu akan segera sembuh dan akan kembali sihat seperti mula, lain halnya dengan sakitku ini. Ini terjadi ketika Nabi (s.a.w) sudah mendekati masa kewafatannya.

Fiqh Hadis

1. Orang yang sakit boleh memperlihatkan rasa sakitnya, tetapi bukan sebagai keluhan, melainkan untuk mencari doktor atau ubat.
2. Seorang suami boleh memandikan jenazah isterinya, lain halnya dengan Imam Abu Hanifah yang meriwayatkan hadis dengan bermakna yang sebaliknya.

١٠٥- عَنْ أَسْمَاءَ بِنْتِ عُمَيْسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ فَاطِمَةَ عَلَيْهَا السَّلاَمُ أَوْصَتْ أَنْ يُغَسِّلَهَا عَلِيٌّ رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْهُ. رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ.

105. Daripada Asma' binti 'Umais (r.a) bahawa Fatimah (r.a) berwasiat agar dirinya dimandikan oleh Ali (r.a), (suaminya). (Diriwayatkan oleh al-Daraquthni)

Makna Hadis

Riwayat ini merupakan salah satu dalil yang menjadi pegangan jumhur ulama di mana seorang suami dibolehkan memandikan jenazah isterinya kerana adanya ikatan perkahwinan di antara suami isteri yang masih belum terputus.

Wasiat itu dapat dijadikan sebagai dalil, sekalipun bersumber daripada perkataan seorang sahabat wanita, kerana ternyata tidak ada seorang pun yang menyangkalnya. Dengan demikian, ia merupakan sesutu yang telah diketahui dan biasa diperlakukan pada zaman Nabi (s.a.w).

Analisis Lafaz

"أَنْ يُغَسِّلَهَا عَلِيٌّ", dimandikan oleh suaminya, iaitu Ali (r.a) apabila dia meninggal dunia nanti.

Fiqh Hadis

1. Suami boleh memandikan jenazah isterinya.
2. Melaksanakan wasiat sesudah meninggal dunia.

١٠٦- عَنْ بُرَيْدَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ -فِي قِصَّةِ الْغَامِدِيَّةِ الَّتِي أَمَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِرَجْمِهَا فِي الزِّنَا- قَالَ: ثُمَّ أَمَرَ بِهَا فَصُلِّيَ عَلَيْهَا وَدُفِنَتْ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

106. Daripada Buraidah (r.a) menceritakan hadis yang memuatkan kisah tentang al-Ghamidiyyah yang diperintahkan oleh Nabi (s.a.w) untuk menjalani hukuman rejam kerana telah berbuat zina: "Kemudian baginda memerintahkan agar jenazah wanita itu diselenggarakan, lalu disolatkan dan dikebumikan." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) adalah pembimbing yang bijaksana, bersifat lemah lembut dan menyayangi kaum mukminin. Baginda tidak mahu melakukan sesuatu apabila

itu lebih bagus untuk baginda tinggalkan. Tetapi adakalanya baginda menyuruh sahabatnya untuk melakukan hal tersebut sebagai bukti kasih sayangnya.

Nabi (s.a.w) tidak mahu menyembahyangkan jenazah orang yang fasik agar dijadikan peringatan bagi orang yang berkelakuan sama dengan mereka sekali gus sebagai peringatan terhadap yang lain. Sikap ini merupakan salah satu cara pengajaran sekali gus hukuman memandangkan telah diketahui oleh Nabi (s.a.w) bahawa sahabat sangat bergantung kepada solat yang dilakukan baginda terhadap orang yang mati di antara mereka.

Solat jenazah merupakan syafaat dan syafaat Rasulullah (s.a.w) tidak ditolak. Demikianlah alasan Nabi (s.a.w) tidak mahu menyembahyangkan orang yang membunuh dirinya sendiri dengan pisau agar dijadikan peringatan bagi orang yang lain di samping sebagai protes terhadap perbuatan keji tersebut. Begitu pula baginda tidak mahu menyembahyangkan jenazah yang masih meninggalkan hutang pada masa permulaan Islam untuk memacu para sahabat agar mereka segera melangsaikan hutang.

Sungguhpun begitu, adakalanya Nabi (s.a.w) menyuruh sahabat untuk menyembahyangkan jenazah teman-teman mereka yang masih mempunyai hutang agar tidak ada mayat yang dikebumikan tanpa disolatkan terlebih dahulu, tetapi baginda sendiri bersabda: "Aku tidak mahu menyembahyangkannya."

Analisis Lafaz

Kisah seorang wanita yang berasal dari al-Ghamidiyyah adalah sebagai berikut:

قَالَ عَبْدُ اللهِ بْنُ بُرَيْدَةَ: جَاءَتْ الْغَامِدِيَّةُ، فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنِّي قَدْ زَنَيْتُ فَطَهِّرْنِي، وَإِنَّهُ رَدَّهَا، فَلَمَّا كَانَ الْغَدُ، قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللهِ، لِمَ تَرُدُّنِي لَعَلَّكَ أَنْ تَرُدَّنِي كَمَا رَدَدْتَ مَاعِزًا، فَوَ اللهِ إِنِّي لَحُبْلَى، قَالَ: إِمَّا لاَ، فَاذْهَبِي حَتَّى تَلِدِي، فَلَمَّا وَلَدَتْ أَتَتْهُ بِالصَّبِيِّ فِي خِرْقَةٍ، قَالَتْ: هَذَا قَدْ وَلَدْتُهُ، قَالَ: اذْهَبِي فَأَرْضِعِيهِ حَتَّى تَفْطِمِيهِ، فَلَمَّا فَطَمَتْهُ أَتَتْهُ بِالصَّبِيِّ فِي يَدِهِ كِسْرَةُ خُبْزٍ، فَقَالَتْ: هَذَا يَا نَبِيَّ اللهِ قَدْ فَطَمْتُهُ، وَقَدْ أَكَلَ الطَّعَامَ، فَدَفَعَ الصَّبِيَّ إِلَى رَجُلٍ مِنَ الْمُسْلِمِينَ، ثُمَّ أَمَرَ بِهَا فَحُفِرَ لَهَا إِلَى صَدْرِهَا، وَأَمَرَ النَّاسَ فَرَجَمُوهَا، فَيُقْبِلُ خَالِدُ بْنُ الْوَلِيدِ بِحَجَرٍ فَرَمَى رَأْسَهَا، فَتَنَضَّحَ الدَّمُ عَلَى وَجْهِ خَالِدٍ فَسَبَّهَا، فَسَمِعَ نَبِيُّ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَبَّهُ إِيَّاهَا، فَقَالَ: مَهْلاً يَا خَالِدُ، فَوَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَقَدْ تَابَتْ تَوْبَةً لَوْ تَابَهَا صَاحِبُ مَكْسٍ لَغُفِرَ لَهُ، ثُمَّ أَمَرَ بِهَا فَصَلَّى عَلَيْهَا وَدُفِنَتْ.

"Abdullah ibn Buraidah telah menceritakan hadis berikut bahawa seorang wanita al-Ghamidiyyah datang menghadap Rasulullah (s.a.w) lalu berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya saya telah berbuat zina. Maka sucikanlah diriku." Nabi (s.a.w) menolak kenyataannya itu. Pada keesokan harinya wanita itu berkata lagi: "Wahai Rasulullah, mengapa tuan menolakku, barangkali tuan menolakku seperti tuan menolak kenyataan Ma'iz. Demi Allah, sesungguhnya saya sekarang sedang mengandung." Nabi (s.a.w) bersabda: "Jika engkau tidak mahu menutupi dirimu dan bertaubat serta mencabut kembali pengakuanmu, maka pergilah hingga anakmu lahir." Abdullah ibn Buraidah melanjutkan kisahnya: "Setelah wanita itu melahirkan bayinya, dia datang menghadap Rasulullah (s.a.w) sambil membawa bayinya yang dia bungkus di dalam kain, lalu dia berkata: "Inilah bayi yang telah kulahirkan." Nabi (s.a.w) bersabda: "Pergilah engkau dan susuilah dia hingga engkau menyapihnya." Ketika wanita itu telah menyapih bayinya, dia datang membawa bayi tersebut yang di tangannya tergenggam sepotong roti, lalu dia berkata: "Wahai Nabi Allah, inilah anakku. Aku telah menyapihnya dan dia kini sudah boleh makan makanannya." Lalu anak itu diserahkan kepada seorang lelaki dari kaum muslimin, kemudian Nabi (s.a.w) memerintahkan agar hukuman dilaksanakan ke atas wanita itu. Untuk itu, dibuatkan satu lubang separas dadanya, dan baginda memerintahkan orang untuk merejamnya. Ketika Khalid ibn al-Walid datang dengan membawa batu, lalu dilemparkan ke kepalanya, hingga darahnya mengalir dan mengenai wajah Khalid, maka Khalid memakinya. Kemudian Nabi (s.a.w) mendengar caci makian Khalid yang ditujukan kepada wanita itu, lalu baginda bersabda: "Tenangkan dirimu, wahai Khalid. Demi Tuhan yang jiwaku di dalam kekuasaan-Nya. Sesungguhnya wanita ini telah bertaubat dengan suatu taubat yang seandainya dilakukan oleh orang yang gemar melakukan pungutan liar, nescaya dia diampuni." Setelah itu Nabi (s.a.w) memerintahkan agar jenazah wanita itu dimandikan, disolatkan dan dikebumikan." (Diriwayatkan oleh Muslim di dalam Kitab al-Hudud: Bab: Orang yang Mengaku Dirinya Berbuat Zina)

"الْغَامِدِيَّةُ", berasal dari suatu kota yang terletak di Hijaz, dikenal dengan nama Ghamid, penduduknya merupakan salah satu puak dari kabilah Juhainah.

"وَإِنَّهُ رَدَّهَا", Nabi (S.a.w) tidak mahu mendengar pengakuan wanita itu.

"فَلَمَّا كَانَ الْغَدُ", pada keesokan harinya.

"لِمَ تَرُدُّنِي", mengapa tuan tidak mahu mendengar pengakuanku?

"إِمَّا لاَ", apabila engkau tidak mahu menutup perbuatanmu, bertaubat, dan menarik kembali pengakuanmu.

"فَاذْهَبِي حَتَّى تَلِدِي", pergilah hingga engkau melahirkan kandunganmu.

"حَتَّى تَفْطِمِيهِ", *al-fitham* adalah menyapih anak dari penyusuan.

"كِسْرَةُ خُبْزٍ", seketul roti.

"فَرَجَمُوهَا", *al-rajm* adalah melempar dengan batu.

"فَيُقْبِلُ خَالِدُ", kalimat ini menceritakan keadaan di masa lalu, maksudnya ketika Khalid tiba.

"فَتَنَضَّحَ الدَّمُ", darah memancut dan mengalir.

"مَهْلاً", tenangkanlah dirimu.

"تَابَتْ تَوْبَةً", dia telah bertaubat dengan sebenar-benar taubat, kerana dia mengakui dosanya dan bersedia dihukum rejam kerana takut kepada Allah dan mengharap keredaan-Nya, maka tidak ada yang lebih utama daripada taubat orang seperti itu.

"لَوْ تَابَهَا صَاحِبُ مَكْسٍ", lafaz "مكس" disebutkan secara khusus memandangkan dosanya amat jahat, kerana sering kali berbuat zalim terhadap orang lain. Maksud lafaz "صاحب مكس" ialah orang yang menarik pungutan liar dari masyarakat tanpa alasan yang dibenarkan. Kemudian lafaz ini sering kali dipakai untuk menunjukkan sesuatu yang dipungut oleh para pembantu orang yang zalim setiap kali mengadakan transaksi jual beli.

"ثُمَّ أَمَرَ بِهَا", kemudian Nabi (s.a.w) memerintahkan agar jenazah al-Ghamidiyyah dimandikan.

Fiqh Hadis

1. Orang yang melanggar hukuman hudud dianjurkan untuk meminta agar hukuman hudud ditegakkan ke atas dirinya yang disertai dengan taubat agar penyucian dirinya benar-benar menjadi sempurna.
2. Tidak boleh menggugurkan hukuman hudud hanya dengan bertaubat setelah kesannya dilaporkan kepada hakim.
3. Dalam menegakkan hukuman hudud harus disertai bukti yang nyata demi memelihara jiwa dan kehormatan.
4. Dibolehkan mengakhirkan hukuman hudud terhadap wanita yang sedang hamil hingga melahirkan kandungannya dan menyapih bayinya kerana menghormati janin yang tidak berdosa. Sehubungan dengan ini, Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad serta satu pendapat yang masyhur di kalangan mazhab Maliki mengatakan bahawa wanita berkenaan tidak boleh direjam sebelum menemukan wanita lain yang bersedia menyusukan bayinya. Jika tidak dapat menemukan wanita lain yang menyusui anaknya, maka hendaklah dia menyusukan anaknya sendiri hingga menyapihnya. Setelah itu barulah dia menjalani hukuman rejam. Imam Abu Hanifah berkata: "Jika wanita itu telah melahirkan anaknya, maka dia harus menjalani hukuman rejam tanpa harus menunggu wanita lain yang bakal menyusukan anaknya."
5. Hukuman hudud bagi orang sakit ditangguhkan hingga sembuh dari sakitnya atau mendekati sembuh. Sesudah itu barulah dilaksanakan hukuman hudud ke atasnya.
6. Hukum rejam hanya berlaku bagi orang yang melakukan zina *muhsan*, yakni orang yang pernah berkahwin yang sah di sisi syarak.

7. Menempatkan wanita ke dalam suatu lubang ketika menjalani hukuman hudud agar auratnya tidak terdedah.
8. Larangan memaki orang yang sedang menjalani hukuman hudud.
9. Melakukan hubungan liar merupakan satu perbuatan kejahatan yang dosanya dapat dihapuskan dengan cara bertaubat dan tidak mengulangi lagi perbuatan yang serupa.
10. Boleh bersumpah tanpa diminta untuk memperbesarkan perkara yang sedang terjadi.
11. Disyariatkan menyembahyangkan jenazah orang yang telah menjalankan hukuman hudud dan rajam. Imam al-Syafi'i dan Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa imam dan orang soleh serta selain mereka turut serta menyembahyangkan orang yang mati kerana hukuman hudud. Tetapi menurut Imam Malik dan Imam Ahmad, imam dan orang soleh makruh menyembahyangkan orang yang mati kerana hukuman hudud, namun selain mereka tidak dimakruhkan.

١٠٧- عَنْ جَابِرِ بْنِ سَمُرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: أُتِيَ النَّبِيُّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ بِرَجُلٍ قَتَلَ نَفْسَهُ بِمَشَاقِصَ، فَلَمْ يُصَلِّ عَلَيْهِ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

107. Daripada Jabir ibn Samurah (r.a), beliau berkata: "Didatangkan kepada Nabi (s.a.w) jenazah orang yang membunuh dirinya sendiri dengan pisau tetapi baginda tidak mahu menyembahyangkannya." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Orang yang membunuh dirinya sendiri, jika dia menganggap halal apa yang telah dilakukannya itu, maka dia kafir, namun jika tidak menganggap halal apa yang dilakukannya itu, maka dia orang fasik.

Rasulullah (s.a.w) tidak mahu menyembahyangkan jenazah orang yang membunuh dirinya sendiri. Sikap baginda itu sebagai peringatan bagi orang lain agar tidak melakukan perbuatan yang serupa dengannya. Tetapi para sahabat menyembahyangkannya agar jenazah orang tersebut tidak dikebumikan dalam keadaan tanpa disolatkan.

Analisis Lafaz

"بِمَشَاقِصَ", bentuk jamak dari lafaz "مشقص" iaitu pisau besar.

"فَلَمْ يُصَلِّ عَلَيْهِ", Nabi (s.a.w) tidak mahu menyembahyangkan jenazah orang itu. Itu sebagai hukuman ke atasnya sekali gus sebagai peringaan bagi yang lain agar tidak melakukan perbuatan yang serupa.

Fiqh Hadis

Hakim tidak boleh menyembahyangkan jenazah orang yang membunuh dirinya sendiri, tetapi selain hakim dibolehkan untuk menyembahyangkannya. Ini berlandaskan kepada hadis yang diriwayatkan oleh al-Nasa'i bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

أَمَّا أَنَا فَلاَ أُصَلِّ عَلَيْهِ.

"*Aku tidak mahu menyembayangkannya.*" Dari riwayat ini dapat disimpulkan bahawa selain hakim atau imam boleh menyembahyangkannya.

١٠٨- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ -فِي قِصَّةِ الْمَرْأَةِ الَّتِي كَانَتْ تَقُمُّ الْمَسْجِدَ- قَالَ: فَسَأَلَ عَنْهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالُوا: مَاتَتْ، فَقَالَ: "أَفَلاَ كُنْتُمْ آذَنْتُمُونِي؟" فَكَأَنَّهُمْ صَغَّرُوا أَمْرَهَا، فَقَالَ: "دُلُّونِي عَلَى قَبْرِهَا"، فَدَلُّوهُ، فَصَلَّى عَلَيْهَا. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَزَادَ مُسْلِمٌ ثُمَّ قَالَ: إِنَّ هَذِهِ الْقُبُورَ مَمْلُوءَةٌ ظُلْمَةً عَلَى أَهْلِهَا، وَإِنَّ اللهَ يُنَوِّرُهَا لَهُمْ بِصَلاَتِي عَلَيْهِمْ.

108. Daripada Abu Hurairah (r.a) menceritakan seorang wanita yang bertugas membersihkan masjid, lalu Nabi (s.a.w) menanyakan dirinya (kerana sudah lama tidak melihatnya: Mereka (para sahabat) menjawab: "Dia telah meninggal dunia." Mendengar itu, Nabi (s.a.w) bersabda: "Mengapa kamu tidak memberitahunya kepadaku?" Mereka selama ini seakan-akan tidak menganggap penting wanita yang bertugas menyapu masjid itu, lalu Nabi (s.a.w) bersabda: "Tunjukkan kuburannya kepadaku di mana kuburnya." Kemudian mereka menunjukkan kuburannya kepada Nabi (s.a.w) lalu baginda menyembahyangkannya di atas perkuburannya itu." (Muttafaq 'alaih)

Muslim menambahkan bahawa setelah itu Nabi (s.a.w) bersabda: "Sesungguhnya kegelapan menyelimuti penghuni kuburan ini dan sesungguhnya Allah memberikan cahaya kepada penghuni kuburan ini berkat solatku ke atas mereka."

Makna Hadis

Inilah sikap rendah hati yang amat terpuji dan etika mulia yang diajarkan oleh Rasulullah (s.a.w) kepada para sahabatnya ketika baginda bertanya tentang pembantu wanita masjid. Baginda merasa sudah lama tidak melihat wanita itu meskipun dia tidak menjadi pembantu Nabi (s.a.w) secara peribadi, melainkan bertugas menjaga kebersihan masjid. Adakalanya rakan-rakan yang sebaya dengannya menganggap tugasnya sebagai sesuatu yang remeh dan tidak berharga,

namun menurut Nabi (s.a.w), tugasan itu mempunyai kedudukan yang mulia.

Sungguh suatu pengajaran besar yang diajarkan oleh Rasulullah (s.a.w) kepada para sahabatnya ketika baginda mengetahui bahawa mereka mengkebumikannya tanpa memberitahu terlebih dahulu kematiannya kepada baginda, sekalipun mereka pada hakikatnya tidak ingin menyibukkan Nabi (s.a.w) hanya kerana seorang tukang sapu masjid meninggal dunia. Rasulullah (s.a.w) menegur mereka melalui sabdanya: "Tidak baik sikap seperti itu dilakukan oleh kamu. Jangan sekali-kali kamu mengulangi perbuatan yang sama. Mulai sekarang aku harus mengetahui setiap orang yang meninggal dunia di antara kamu tanpa melihat siapa itu orangnya selagi aku masih hidup di hidup di tengah-tengah kamu."

Betapa kasih sayangnya engkau kepada umatmu, wahai Rasulullah. Betapa indahnya sopan santunmu kepada mereka. Perasaan sayangmu kepada kaum fakir miskin demikian kuat, semoga Allah membalasmu dengan imbalan yang setimpal.

Dari kisah ini nampak jelas satu fenomena yang menunjukkan betapa kasih sayang Nabi (s.a.w), kerana baginda sudi melakukan solat jenazah di atas kubur tukang sapu tersebut sesudah disolatkan oleh orang lain. Dengan demikian, ini merupakan cahaya di atas cahaya. Solat untuk mayat merupakan syafaat dan doa baginya, dan doa Nabi (s.a.w) tidak ditolak. Wanita hitam ini ternyata beruntung memperoleh darjat yang paling tinggi sebagai satu kemuliaan baginya berkat amal kebaikan yang selama dia lakukan ketika berkhidmat menjadi tukang sapu masjid.

Analisis Lafaz

"فِي قِصَّةِ الْمَرْأَةِ الَّتِي كَانَتْ تَقُمُّ الْمَسْجِدَ", hadis ini menurut riwayat yang dikemukakan oleh Muslim di dalam kitabnya al-Shahih daripada Abu Hurairah (r.a) adalah sebagai berikut:

أَنَّ امْرَأَةً سَوْدَاءَ كَانَتْ تَقُمُّ الْمَسْجِدَ -أَوْ شَابًّا- فَفَقَدَهَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَأَلَ عَنْهَا أَوْ عَنْهُ، فَقَالُوا: مَاتَ، قَالَ: أَفَلاَ كُنْتُمْ آذَنْتُمُونِي؟ قَالَ: فَكَأَنَّهُمْ صَغَّرُوا أَمْرَهَا أَوْ أَمْرَهُ، فَقَالَ: دُلُّونِي عَلَى قَبْرِهِ، فَدَلُّوهُ فَصَلَّى عَلَيْهَا، ثُمَّ قَالَ: إِنَّ هَذِهِ الْقُبُورَ مَمْلُوءَةٌ ظُلْمَةً عَلَى أَهْلِهَا، وَإِنَّ اللهَ عَزَّ وَجَلَّ يُنَوِّرُهَا لَهُمْ بِصَلاَتِي عَلَيْهِمْ.

"Seorang wanita hitam atau seorang pemuda biasa membersihkan masjid. Pada suatu hari, Rasulullah (s.a.w) merasa kehilangan wanita ini, lalu menanyakannya kepada para sahabat. Mereka menjawab bahawa wanita itu telah meninggal dunia. Mendengar itu, Nabi (s.a.w) bersabda: "Mengapa kamu tidak memberitahunya kepadaku?" Jawapan mereka seakan-akan memandangkan remeh pekerjaan harian yang dilakukan oleh wanita itu, lalu baginda bersabda: "Tunjukkan kepadaku di

mana kuburnya." Akhirnya mereka menunjukkan kuburan wanita itu, lalu Nabi (s.a.w) melakukan solat jenazah di atas kuburnya. Setelah itu baginda bersabda: "Sesungguhnya kuburan ini dipenuhi dengan kegelapan yang menyelimuti penghuninya. Dan sesungguhnya Allah (s.w.t) menyinarinya berkat solatku itu tadi."

"امْرَأَةً سَوْدَاءَ", wanita yang berkulit hitam, namanya Kharqa', sedangkan panggilannya ialah Ummu Mihjan.

"تَقُمُّ الْمَسْجِدَ", membersihkan masjid dan membuang sampah-sampah yang ada di dalamnya.

"فَفَقَدَهَا", Nabi (s.a.w) mencari-carinya dan tidak menjumpainya.

"فَقَالُوا: مَاتَ", orang yang memberikan jawapan kepada Nabi (s.a.w) adalah Abu Bakar (r.a) seperti mana yang disebutkan di dalam riwayat al-Baihaqi.

"آذَنْتُمُونِي", memberitahunya kepadaku.

"فَكَأَنَّهُمْ صَغَّرُوا أَمْرَهَا", seakan-akan jawapan mereka menganggap remeh apa yang telah dilakukannya selama ini.

"إِنَّ هَذِهِ الْقُبُورَ مَمْلُوءَةٌ ظُلْمَةً عَلَى أَهْلِهَا", kuburan yang diisyaratkan oleh Nabi (s.a.w) adalah kuburan tempat baginda melakukan solat jenazah.

Imam al-Syafi'i mengambil kesimpulan dalil daripada hadis ini, bahawa boleh mengulangi pelaksanaan solat jenazah. Sedangkan menurut ulama lain yang melarangnya, bahawa solat yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) adalah untuk menerangi kuburan itu dan keadaan seperti ini tidak dijumpai dalam solat selainnya. Dengan demikian, mengulangi solat jenazah bukan sesuatu yang disyariatkan memandangkan tujuan utama solat jenazah telah dilakukan, sekalipun hanya sekali.

Fiqh Hadis

1. Rasulullah (s.a.w) adalah seorang yang bersifat rendah hati.
2. Rasulullah (s.a.w) sentiasa ingin menaikkan darjat umatnya, mencari tahu keadaan mereka, menunaikan hak-hak mereka dan mengutamakan kemaslahatan mereka.
3. Membalas dengan doa dan kasih sayang terhadap orang yang pernah mengabdikan dirinya untuk kepentingan dan kemaslahatan kaum muslimin.
4. Mengurus masjid dan membersihkannya.
5. Disyariatkan memberitahu kematian kepada orang ramai.
6. Galakan menyaksikan jenazah orang soleh.
7. Allah menyinari kuburan kerana solat Nabi (s.a.w) bagi para penghuninya, namun tidak bermaksud meniadakan syariat mengerjakan solat jenazah di atas kuburan bagi orang selain baginda. Ulama berselisih pendapat syariat solat jenazah di atas kuburan bagi orang yang belum menyembahyangkan jenazah sebelumnya. Imam al-Syafi'i dan Imam

Ahmad mengakui bahawa disyariatkan solat jenazah di atas kuburan bagi orang yang belum menyembahyangkan jenazah sebelumnya. Namun kedua-dua ulama berselisih pendapat mengenai batasan waktu yang dibolehkan menyembahyangkannya di atas kuburan. Imam al-Syafi'i berkata: "Batasan maksimum adalah hingga satu bulan, kerana Nabi (s.a.w) menyembahyangkan Ummu Sa'ad ibn Ubadah sesudah satu bulan dikebumikan. Imam Ahmad berkata: Batas maksimum ialah selagi tubuh mayat masih belum hancur. Apabila tubuhnya telah hancur, maka tidak boleh lagi mengerjakan solat di atas kuburnya." Tetapi Imam Ahmad mempunyai pendapat yang lain yang mengatakan tidak ada batasan waktu tertentu untuk mengerjakan solat jenazah, kerana tujuan solat jenazah ialah mendoakan mayat dan ini boleh dilakukan pada bila-bila masa. Mazhab Hanafi mengatakan bahawa mengkebumikan mayat yang dilakukan tanpa solat jenazah hendaklah disembahyangkan selagi diyakini jenazahnya masih belum hancur, namun jika jenazahnya telah hancur, maka tidak perlu lagi disembahyangkan. Mazhab Maliki mengatakan bahawa barang siapa yang dikebumikan tanpa disolatkan terlebih dahulu, maka jenazahnya dikeluarkan semula, lalu disolatkan jika tidak dikhuatirkan telah berubah. Tapi jika diyakini telah berubah, maka disolatkan di atas kuburnya. Hal ini wajib selagi diyakini bahawa jenazahnya belum lagi hancur. Bagi mayat yang telah disolatkan, makruh melakukan solat jenazah di atas kuburnya. Mereka memberikan jawapan mengenai hadis ini bahawa masalah ini bersifat kes tertentu dan tidak boleh diperlakukan secara umum. Dengan kata lain, menyembahyangkan jenazah wanita di atas kubur seperti mana yang telah dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w) merupakan satu keistimewaan tersendiri baginya.

١٠٩- عَنْ حُذَيْفَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَنْهَى عَنِ النَّعْيِ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالتِّرْمِذِيُّ وَحَسَّنَهُ.

109. Daripada Huzaifah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) melarang daripada melakukan *al-na'yu* (meratap dengan cara Jahiliah). (Diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Tirmizi yang menilainya sebagai hasan)

Makna Hadis

Al-Na'yu ialah memberitahu kematian seseorang dan untuk menyampaikan berita kematian ada beberapa cara. Pertama, memberitahu kepada keluarga si mayat, rakan-rakannya, orang soleh dan jiran tetangga. Ini termasuk amalan Sunnah memandangkan si mayat harus dihadiri oleh jemaah yang akan memandikan, menyembahyangkan dan mengkebumikannya yang semua itu merupakan fardu kifayah dan harus dilakukan.

Kedua, mengajak orang ramai untuk tujuan membanggakan diri. Cara ini dimakruhkan kecuali bertujuan untuk memperbanyakkan pahala dan syafa'at

dengan ramainya orang yang menyembahyangkan si mayat.

Ketiga, memberitahu dengan cara *niyahah* dan menangis yang disertai dengan jeritan pada setiap pintu rumah, di pasar dan di atas mimbar. Ada pula dengan mengirimkan seseorang untuk berkeliling ke seluruh kabilah seperti mana yang dilakukan oleh orang Arab pada zaman Jahiliyah. Cara inilah yang dilarang oleh Nabi (s.a.w) dalam hadis ini, kerana baginda tidak suka meniru perbuatan mereka. Ini dikuatkan oleh sabda Nabi (s.a.w) dalam hadis yang lain:

إِيَّاكُمْ وَالنَّعْيَ، فَإِنَّ النَّعْيَ مِنْ أَعْمَالِ الْجَاهِلِيَّةِ.

"*Janganlah kamu melakukan na'yu, kerana sesungguhnya na'yu termasuk perbuatan Jahiliah.*"

Adapun pemberitahuan secara mutlak tanpa disertai *niyahah* dan berbangga-bangga, maka itu dibolehkan dengan berdalilkan sabda Nabi (s.a.w): "Mengapa kamu tidak memberitahukannya kepadaku?" seperti mana dalam kisah kematian seorang wanita yang bekerja membersihkan masjid sebelum ini.

Analisis lafaz

"النَّعْي", memberitahu kematian seseorang. Ini disunatkan sedangkan *na'yu* yang dilarang ialah cara yang biasa dilakukan oleh masyarakat Jahiliah apabila ada orang yang dihormati di kalangan mereka meninggal dunia atau mati dibunuh. Mereka mengirimkan sekumpulan orang yang berkenderaan untuk memberitahu kematiannya kepada semua kabilah.

Fiqh Hadis

1. Larangan melakukan perbuatan yang dahulu biasa dikerjakan oleh masyarakat Jahiliah apabila ada orang yang dihormati di kalangan mereka meninggal dunia atau mati dibunuh.
2. Disyariatkan memberitahu kematian seseorang agar seluruh keluarganya berkumpul, begitu pula teman-teman si mayat dan orang soleh.

١١٠- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَعَى النَّجَاشِيَّ فِي الْيَوْمِ الَّذِي مَاتَ فِيهِ، وَخَرَجَ بِهِمْ إِلَى الْمُصَلَّى، فَصَفَّ بِهِمْ، وَكَبَّرَ عَلَيْهِ أَرْبَعًا. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

110. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah mengumumkan berita tentang kematian al-Najasyi pada hari kematiannya, lalu baginda keluar bersama mereka menuju tempat solat dan membariskan mereka menjadi bersaf-saf. Nabi (s.a.w) melakukan empat kali takbir untuk al-Najasyi. (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Oleh kerana makna zahir hadis yang pertama menunjukkan larangan melakukan *na'yu* secara mutlak, maka Ibn Hajar mengiringinya dengan hadis Abu Hurairah yang bertujuan mengecualikannya sekali gus menjelaskan bahawa melakukan *na'yu* tidak dilarang apabila hanya sekadar memberitahu kematian seseorang tanpa disertai *niyahah* (tangisan ala Jahiliah dan juga tidak bertujuan membanggakan diri).

Nabi (s.a.w) melakukan solat jenazah untuk ahli Badar dengan enam kali takbir, lima kali takbir untuk sahabat yang lain, dan empat kali takbir untuk orang selain mereka. Ketika Raja al-Najasyi meninggal dunia, baginda mengerjakan solat jenazah untuknya sebanyak empat kali takbir, kemudian solat jenazah ditetapkan menjadi empat kali takbir hingga baginda wafat.

Rasulullah (s.a.w) menyukai apabila bilangan orang yang solat jenazah diperbanyak, agar permohonan ampun bagi si mayat bertambah, begitu pula doa untuknya.

Analisis Lafaz

"نَعَى النَّجَاشِيَّ", Rasulullah (s.a.w) mengumumkan berita kematian Raja al-Najasyi tepat pada hari kematiannya. *Al-Najasyi* adalah gelaran bagi Raja Habsyah, nama asalnya adalah Ash-hamah yang menurut bahasa Arab bermaksud '*atiyyah* (anugerah). Setiap orang yang menjadi raja di negeri Habasyah diberi gelaran al-Najasyi. Orang yang menjadi pemimpin kaum muslimin diberi gelaran Amirul Mu'minin. Orang yang menjadi raja di Negeri Parsi diberi gelaran Kisra. Orang yang menjadi raja di negeri Rom diberi gelaran Heraklius. Orang yang berkuasa ke atas bangsa Qibti diberi gelaran Fir'aun. Orang yang berkuasa ke atas negeri Mesir diberi gelaran al-'Aziz. Orang yang berkuasa ke atas negeri Turki diberi gelaran Khaqan, dan orang yang berkuasa ke atas negeri Yaman diberi gelaran Tubba', serta orang yang berkuasa ke atas negeri Himyar diberi gelaran al-Qail, tetapi kekuasaannya masih berada di bawah raja.

"وَخَرَجَ بِهِمْ إِلَى الْمُصَلَّى", Nabi (s.a.w) membawa para sahabat menuju tempat solat dua hari raya di Bathhan dengan tujuan para sahabat turut serta mengerjakan solat jenazah bertambah ramai sekali gus memberitahu Raja al-Najasyi telah meninggal dunia dalam keadaan beragama Islam. Ini merupakan satu penghormatan daripada Rasulullah (s.a.w) kepada al--\Najasyi.

"وَكَبَّرَ عَلَيْهِ أَرْبَعًا", dalam melakukan solat jenazah untuk Raja al-Najasyi, baginda melakukan empat kali takbir. Sesudah takbir pertama membaca Surah al-Fatihah, sesudah takbir kedua membaca selawat untuk dirinya sendiri, sesudah takbir ketiga mendoakan si mayat, dan sesudah takbir keempat membaca doa berikut:

اللَّهُمَّ لاَ تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ وَلاَ تَفْتِنَّا بَعْدَهُ وَاغْفِرْ لَنَا وَلَهُ.

"Ya Allah, janganlah Engkau halangi pahalanya bagi kami, dan janganlah Engkau menimpakan cubaan kepada kami sesudahnya, serta berikanlah ampunan bagi kami dan dia."

Sesudah itu Nabi (s.a.w) melakukan salam dan menyudahi solat jenazahnya.

Fiqh Hadis

1. Boleh memberitahu kematian seseorang agar jenazahnya segera dilawat dan segala sesuatunya segera dipersiapkan dengan cepat, menyembahyangkannya, berdoa untuknya, dan memohonkan ampunan baginya. Hal ini tidak termasuk cara *na'yu* yang dilarang.
2. Boleh melakukan solat ghaib ke atas kematian seseorang yang berada di negeri yang berjauhan menurut pendapat Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad. Tetapi Imam Malik dan Imam Abu Hanifah melarang daripada melakukan solat ghaib; mereka mengatakan bahawa sesungguhnya solat untuk Raja al-Najasyi merupakan suatu keistimewaan baginya.
3. Salah satu mukjizat Rasulullah (s.a.w) ialah baginda memberitahu kematian Raja al-Najasyi tepat pada hari kematiannya kepada orang ramai, padahal jarak antara kota Madinah dengan negeri Habsyah sangatlah jauh.
4. Keutamaan Raja al-Najasyi bertambah.
5. Takbir solat jenazah berjumlah empat kali. Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad berkata: "Disyariatkan mengangkat kedua-dua tangan pada setiap kali bertakbir." Imam Abu Hanifah dan pendapat yang masyhur di kalangan mazhab Maliki mengatakan bahawa tidak ada mengangkat tangan setiap kali bertakbir, kecuali takbir pertama sahaja.

١١١- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا: سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "مَا مِنْ رَجُلٍ مُسْلِمٍ يَمُوتُ، فَيَقُومُ عَلَى جَنَازَتِهِ أَرْبَعُونَ رَجُلاً، لاَ يُشْرِكُونَ بِاللهِ شَيْئًا إِلاَّ شَفَّعَهُمُ اللهُ فِيهِ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

111. Daripada Ibnu Abbas (r.a) bahawa saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tidaklah sekali-kali ada seorang muslim meninggal dunia, lalu jenazahnya disolatkan oleh empat puluh orang lelaki yang tidak menyekutukan Allah dengan sesuatu apa pun, kecuali Allah memberikan syafaat kepada mereka untuk si mayat." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Antara rahmat Allah (s.w.t) kepada hamba-Nya ialah diterima-Nya syafaat saudara-saudara si mayat yang menyembahyangkannya, kerana rahsia solat jenazah untuk

mayat ialah memohonkan syafaat untuknya. Jika orang yang melakukan solat itu ramai, maka syafaat yang diinginkan diterima oleh Allah. Telah disebutkan di dalam beberapa hadis yang mengkhususkan jumlah orang yang melakukan solat jenazah sehingga syafaatnya dapat diterima, misalnya empat puluh orang lelaki, namun ada pula yang mengatakan bahawa jumlah mereka mestilah seramai seratus orang. Telah diketahui bahawa jumlah ini bukanlah batasan melainkan menganjurkan agar memperbanyak jumlah orang yang melakukan solat jenazah. Barangkali hadis tersebut sebagai jawapan terhadap soalan yang menanyakan jumlahnya, sehingga muncullah jawapan seperti itu. Apapun, kesemua hadis itu boleh dapat diamalkan, sekalipun jumlah orang yang mengerjakan solat jenazah itu sedikit dan syafaat mereka insya Allah dapat diterima di sisi Allah sebagai wujud daripada kurnia-Nya:

Analisis Lafaz

"فَيَقُومُ عَلَى جَنَازَتِهِ", ikut menyembahyangkan jenazahnya.

"رَجُلاً", lafaz ini berkedudukan sebagai *tamyiz* dari lafaz "أربعين", yakni empat puluh orang lelaki.

"لاَ يُشْرِكُونَ بِاللهِ شَيْئًا", keislaman mereka telah diakui sekali gus menjelaskan keutamaan tauhid.

"إِلاَّ شَفَّعَهُمْ اللهُ فِيهِ", Allah menerima permohonan syafaat mereka untuk si mayat dan tidak menolak permintaan mereka. Ini merupakan kurnia Allah yang tidak terhingga.

Fiqh Hadis

1. Keutamaan memperbanyak jemaah ketika mengerjakan solat jenazah.
2. Syafaat orang yang beriman bermanfaat dan diterima di sisi Allah.
3. Menjelaskan betapa berlimpah rahmat Allah ketika dengan syafaat itu diterima di sisi-Nya.

١١٢- عَنْ سَمُرَةَ بْنِ جُنْدُبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: صَلَّيْتُ وَرَاءَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى امْرَأَةٍ مَاتَتْ فِي نِفَاسِهَا، فَقَامَ وَسْطَهَا. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

112. Daripada Samurah ibn Jundub (r.a), beliau berkata: "Aku pernah mengerjakan solat jenazah di belakang Nabi (s.a.w) untuk seorang wanita yang meninggal dunia kerana melahirkan. Baginda berdiri di tengah-tengah (tubuh)nya." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Ulama telah bersepakat membolehkan imam berdiri berdekatan mayat ketika melakukan solat jenazah di bahagian mana pun yang disukainya. Tetapi mereka berselisih pendapat tentang tempat berdiri yang paling afdal bagi imam. Hadis ini menunjukkan adanya perbezaan antara jenazah lelaki dengan jenazah perempuan. Jika jenazah tersebut adalah seorang perempuan, maka apa yang lebih afdal hendaklah imam berdiri di bahagian tengahnya. Jika jenazahnya lelaki, maka apa yang lebih afdal adalah berdiri berdekatkan kepala. Apa yang diwajibkan ialah menghadap ke mana-mana anggota si mayat, baik mayat itu lelaki mahupun mayat perempuan.

Analisis Lafaz

"صَلَّيْتُ وَرَاءَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", di belakang Nabi (s.a.w), yakni bermakmum kepadanya.

"عَلَى امْرَأَةٍ", menyembahyangkan jenazah seorang wanita. Dia adalah Ummu Ka'ab al-Ansariyyah, meninggal dunia pada zaman Nabi (s.a.w). Baginda melakukan solat jenazah ke atasnya sambil berdiri di bahagian tengah jenazahnya.

"مَاتَتْ فِي نِفَاسِهَا", kerana nifas, yakni setelah melahirkan anaknya.

"فَقَامَ وَسْطَهَا", berdekatan dengan duburnya untuk menutupinya daripada penglihatan orang lain.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan melakukan solat jenazah ke atas mayat wanita, sama ada meninggal dunia kerana melahirkan anak, pendarahan ketika haid ataupun sebab-sebab yang lain.
2. Imam berdiri di bahagian tengah jenazah wanita. Tetapi apabila jenazahnya itu lelaki, maka imam berdiri berdekatan kepalanya. Imam al-Syafi'I, Imam Ahmad dan Abu Yusuf berkata: "Imam dan makmum disunatkan berdiri berdekatan dubur jenazah wanita. Jika jenazahnya itu lelaki, hendaklah berdiri berdekatan kepalanya agar tidak memandang ke arah kemaluannya, lain halnya dengan jenazah wanita yang biasanya diletakkan di dalam keranda. Maksud "imam berdiri di bahagian tengahnya" ialah untuk menutupi jenazah daripada penglihatan orang ramai. Menurut pendapat yang masyhur di kalangan mazhab Hanafi, hendaklah imam berdiri sejajar dengan dada mayat baik mayat lelaki mahupun mayat perempuan. Imam Malik berkata: "Jika mayat itu lelaki, maka imam berdiri di bahagian tengahnya. Jika mayat itu perempuan, maka imam berdiri berdekatan kedua bahunya."

١١٣- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: وَاللهِ لَقَدْ صَلَّى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى ابْنَيْ بَيْضَاءَ فِي الْمَسْجِدِ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

113. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Demi Allah, sesungguhnya Rasulullah (s.a.w) pernah menyembahyangkan jenazah kedua-dua anak lelaki Baidha' di dalam masjid." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Ketika Sa'ad ibn Abu Waqqash meninggal dunia, semua isteri Nabi (s.a.w) mengirimkan utusan meminta agar orang ramai membawa jenazah Sa'ad melewati masjid supaya mereka dapat turut serta menyembahyangkannya. Akhirnya orang ramai pun memenuhi permintaan mereka lalu jenazah Sa'ad dihentikan di hadapan rumah-rumah mereka, lalu mereka menyembahyangkannya. Sesudah itu jenazah Sa'ad dikeluarkan melalui pintu al-Jana'iz, lalu tersiarlah berita bahawa orang ramai mencela perbuatan isteri-isteri Nabi dan mereka mengatakan bahawa tidak patut jenazah dimasukkan ke dalam masjid. Keadaan itu kemudian terdengar oleh Aisyah (r.a) lalu beliau berkata: "Orang ramai terlalu terburu-buru mencela suatu perbuatan, padahal mereka tidak mempunyai pengetahuan apapun mengenainya. Mereka mencela kami yang meminta agar iringan jenazah melewati masjid. Saya bersumpah bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah melakukan solat jenazah untuk kedua-dua anak Baidha' di dalam masjid."

Analisis Lafaz

"ابْنَيْ بَيْضَاءَ", kedua-dua anak lelaki Baidha', iaitu Sahl dan Suhail. Nama mereka dinisbahkan kepada ibu mereka yang bernama al-Baidha' yang nama asalnya adalah Da'dun binti al-Juhdam ibn Umayyah ibn Dhabbah ibn al-Harits ibn Fihr.

Sahl ibn Wahb ibn Rabi'ah ibn 'Amr ibn 'Amir ibn Hilal ibn Malik ibn Dhabbah ibn al-Harits ibn Fihr ibn Malik ibn Kinanah al-Qursyi al-Fihri, termasuk orang yang berani menampilkan keislamannya di Mekah. Dialah yang menghubungi Nafar[6], iaitu orang yang bangkit membatalkan *sahifah* yang ditulis oleh kaum musyrikin Mekah terhadap Bani Hasyim, lalu mereka membatalkan dan mengingkarinya. Sahl meninggal dunia pada masa hidup Rasulullah (s.a.w) pada tahun ke-9 Hijriah, dan baginda menyembahyangkannya di dalam masjid.

Suhail ibn Wahb ibn Rabi'ah ibn 'Amr ibn 'Amir ibn Hilal ibn Malik ibn Dhabbah ibn al-Harits ibn Fihr ibn Malik ibn al-Nadhr ibn Kinanah al-Qurasyi. Beliau

[6] Nafar adalah sekumpulan manusia. Mereka adalah Hisyam ibn 'Amr ibn Rabi'ah, al-Muth'im ibn Adi ibn Naufal, Rabi'ah ibn al-Aswad ibn Abdul Muttalib ibn Asad, Abu al-Buhturi ibn Hisyam ibn al-Harits ibn Asad, dan Zuhair ibn Umayyah ibn al-Mughirah al-Makhzumi.

masuk Islam sejak dahulu lagi. Beliau pernah hijrah ke negeri Habsyah, kemudian kembali pulang ke Mekah, lalu hijrah lagi ke Madinah. Dengan demikian, beliau telah melakukan dua kali hijrah. Turut serta dalam Perang Badar, juga peperangan yang lain dan meninggal dunia di Madinah ketika Nabi (s.a.w) masih hidup pada tahun ke-9 Hijriah, dan Rasulullah (s.a.w) menyembahyangkan jenazahnya di dalam Masjid Nabawi.

Fiqh Hadis

1. Boleh bersumpah tanpa diminta untuk mengukuhkan perkara yang telah terjadi.
2. Menurut Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad, boleh melakukan solat jenazah di dalam masjid. Tetapi menurut pendapat yang masyhur dari Imam Abu Hanifah dan Imam Malik, itu dimakruhkan. Kedua-dua ulama ini melandaskan pendapatnya dengan hadis Abu Hurairah (r.a) berikut:

مَنْ صَلَّى عَلَى جَنَازَةٍ فِي الْمَسْجِدِ فَلاَ شَيْءَ لَهُ.

"*Barang siapa yang menyembahyangkan jenazah di dalam masjid, maka dia tidak memperoleh apa-apa ganjaran pahala.*"

Tetapi sanad hadis ini dha'if memandangkan di dalamnya terdapat Shalih, pembantu al-Taw'amah, seperti yang ditegaskan oleh Imam Ahmad.

Umar pernah menyembahyangkan jenazah Abu Bakar di dalam masjid. Begitu pula Shuhaib, beliau pernah menyembahyangkan jenazah 'Umar di dalam masjid.

١١٤- عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي لَيْلَى رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ زَيْدُ بْنُ أَرْقَمَ يُكَبِّرُ عَلَى جَنَائِزِنَا أَرْبَعًا، وَإِنَّهُ كَبَّرَ عَلَى جَنَازَةٍ خَمْسًا، فَسَأَلْتُهُ فَقَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُكَبِّرُهَا. رَوَاهُ مُسْلِمٌ وَالْأَرْبَعَةُ.

114. Daripada Abdul Rahman ibn Abu Laila (r.a), beliau berkata: "Zaid ibn Arqam melakukan empat kali takbir ketika menyembahyangkan jenazah kami. Pada suatu ketika, beliau melakukan lima kali takbir ketika mengerjakan solat jenazah, lalu aku bertanya kepadanya (mengenai hal itu), kemudian beliau berkata: "Dahulu Rasulullah (s.a.w) pernah melakukannya." (Diriwayatkan oleh Muslim dan al-Arba'ah)

١١٥- عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ كَبَّرَ عَلَى سَهْلِ بْنِ حُنَيْفٍ سِتًّا، وَقَالَ: إِنَّهُ بَدْرِيٌّ. رَوَاهُ سَعِيدُ بْنُ مَنْصُورٍ وَأَصْلُهُ فِي "الْبُخَارِيِّ".

115. Daripada Ali (r.a) bahawa beliau pernah bertakbir sebanyak enam kali untuk menyembahyangkan jenazah Sahl ibn Hunaif. Beliau mengatakan bahawa sesungguhnya Sahl ibn Hunaif seorang ahli Badar. (Diriwayatkan oleh Sa'id ibn Manshur dan asal hadis berada pada al-Bukhari)

Makna Hadis

Para sahabat melakukan takbir solat jenazah pada zaman Rasulullah (s.a.w), ada yang empat kali, lima kali dan ada pula yang enam serta tujuh kali. Kemudian Khalifah Umar (r.a) mengumpulkan seluruh sahabat Rasulullah (s.a.w), setiap mereka memberitahu jumlah takbir sesuai dengan apa yang pernah mereka lihat. Lalu Khalifah 'Umar (r.a) menghimpun pendapat-pendapat itu, hingga terjadilah kesepakatan untuk melakukan empat kali takbir dalam solat jenazah.

Sesudah Raja al-Najasyi meninggal dunia, Rasulullah (s.a.w) melakukan solat jenazah dengan empat kali takbir, lalu ditetapkan seterusnya menjadi empat kali takbir hingga Allah (s.w.t) mewafatkannya. Akan tetapi, Khalifah 'Umar (r.a) dan orang yang bersamanya masih belum mengetahui bahawa takbir itu telah ditetapkan menjadi empat kali, hingga Khalifah 'Umar (r.a) mengumpulkan mereka dan bermusyawarah memecahkan masalah ini.

Analisis Lafaz

"كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُكَبِّرُهَا", pada mulanya Rasulullah (s.a.w) melakukan takbir untuk mengerjakan solat jenazah sebanyak lima kali, kemudian meringkasnya menjadi empat kali, dan akhirnya takbir solat jenazah ditetapkan empat kali.

Ibn Majah mengemukakan hadis berikut daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa:

أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى عَلَى جَنَازَةٍ فَكَبَّرَ أَرْبَعًا.

"Rasulullah (s.a.w) mengerjakan solat jenazah dengan empat kali takbir." Ibn Abu Daud berkata: Dalam bab ini tidak ada suatu hadis pun yang lebih sahih daripada hadis ini."

Sahl ibn Hunaif ibn Wahib ibn al-'Akim ibn Tsa'labah ibn Mujdi'ah ibn al-Harits ibn 'Amr ibn Khannas. Oleh itu, beliau diberi gelaran Ibn Khunsa'. Beliau turut serta dalam Perang Badar dan peperangan yang lain bersama Rasulullah (s.a.w). beliau bertahan dengan gigih dalam Perang Uhud membela Rasulullah (s.a.w) ketika pasukan kaum muslimin terpaksa mundur. Pada hari itu beliau berbaiat kepada Nabi (s.a.w) untuk mati syahid dan melindungi Rasulullah (s.a.w) dengan anak panahnya. Beliau menemani Ali ibn Abu Talib hingga Ali dibaiat menjadi khalifah. Ketika Khalifah Ali berangkat menuju Basrah meninggalkan Madinah, beliau melantik Sahl ibn Hunaif sebagai penggantinya di Madinah dan Sahl turut serta dalam Perang Shiffin di pihak Ali (r.a). Beliau dilantik oleh Khalifah Ali menjadi gabenor Parsi, tetapi para penduduk setempat malah menghalaunya. Kemudian Khalifah Ali melantik penggantinya, iaitu Ziad ibn Abihi. Akhirnya mereka mahu

berdamai dengannya dan bersedia membayar kharaj.

Telah diambil riwayat hadis daripadanya oleh Ubaid ibn al-Sibaq, Abu Wa'il, dan Abdul Rahman ibn Abu Laila serta kedua-dua anak lelakinya, iaitu Abu Umamah dan Abdul Malik. Beliau meninggal dunia di Kufah pada tahun 38 Hijriyah, dan khalifah Ali turut menyembahyangkan jenazahnya dengan enam kali takbir, lalu dia berkata bahawa Sahl ibn Hunaif seorang ahli Badar.

"إِنَّهُ بَدْرِيٌّ", beliau termasuk salah seorang yang ikut bersama Rasulullah (s.a.w) dalam perang Badar pada tahun ke-2 Hijriyah. Badar terletak empat marhalah dari Madinah, pada mulanya kawasan itu milik seorang lelaki yang dikenali dengan nama "Badar", kemudian tempat itu dikenali dengan nama lelaki tersebut.

Fiqh Hadis

Jumhur ulama bersepakat bahawa takbir solah jenazah adalah empat kali.

Periwayat Hadis

Abdul Rahman ibn Abu Laila al-Ansari al-Alusi, nama panggilannya ialah Abu Isa al-Kufi. Beliau pernah bersua dengan seratus dua puluh orang sahabat dan telah diambil riwayat hadis daripadanya oleh Mujahid dan Minhal ibn Amr. Beliau dinilai *tsiqah* oleh Ibn Mu'in, dan meninggal dunia pada tahun 83 Hijriah.

Sa'id ibn Manshur ibn Syu'bah al-Khurrasani, nama panggilannya ialah Abu Utsman, dibesarkan di Balakh. Beliau dikenali sebagai seorang *hafiz* dan pengembara, serta menulis kitab *al-Sunan* yang di dalamnya dihimpun hadis-hadis yang belum pernah dihimpun oleh ulama yang lain. Beliau telah mengambil riwayat daripada Malik, al-Laits, Abu Awanah, Mahdi ibn Maimun, dan ulama-ulama yang lain. Telah diambil riwayat hadis daripadanya oleh Abu Dawud, Yahya ibn Musa, dan Ahmad ibn Hanbal, hingga kedudukannya bertambah tinggi dan mempunyai pengaruh besar. Harb al-Kirmani berkata: "Sa'id ibn Manshur telah mengimla'kan sepuluh ribu hadis yang telah dihafalnya kepada kami." Ibnu Sa'ad berkata: "Beliau meninggal dunia pada tahun 227 Hijriah."

١١٦- عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُكَبِّرُ عَلَى جَنَائِزِنَا أَرْبَعًا وَيَقْرَأُ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ فِي التَّكْبِيرَةِ الْأُولَى. رَوَاهُ الشَّافِعِيُّ بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ.

116. Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bertakbir untuk jenazah kami sebanyak empat kali dan pada takbir yang pertama baginda membaca Surah al-Fatihah." (Diriwayatkan oleh al-Syafi'i dengan sanad berkedudukan dha'if)

١١٧- عَنْ طَلْحَةَ بْنِ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَوْفٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: صَلَّيْتُ خَلْفَ ابْنِ عَبَّاسٍ عَلَى جَنَازَةٍ، فَقَرَأَ فَاتِحَةَ الْكِتَابِ فَقَالَ: "لِتَعْلَمُوا أَنَّهَا سُنَّةٌ". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَالنَّسَائِيُّ.

117. Daripada Talhah ibn Abdullah ibn Auf (r.a), beliau berkata: "Saya pernah melakukan solat jenazah di belakang Ibn Abbas, lalu beliau membaca Surah al-Fatihah dan berkata: "Ketahuilah bahawa bacaan al-Fatihah ini Sunnah (tuntunan Nabi (s.a.w)." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Ulama berselisih pendapat mengenai hukum disyariatkan bacaan al-Fatihah dalam solat jenazah. Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad, mengatakan bahawa membaca Surah al-Fatihah sesudah takbir pertama adalah wajib. Mereka beralasan bahawa solat jenazah termasuk salah satu solat, sedangkan Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda:

لاَ صَلاَةَ إِلاَّ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ.

"*Tidak ada solat kecuali dengan Fatihah al-Kitab.*"

Dengan demikian, solat jenazah termasuk ke dalam pengertian umum hadis ini. Selain itu, ia turut berlandaskan kepada hadis di atas yang mengatakan bahawa bacaan al-Fatihah ini adalah Sunnah atau termasuk Sunnah. Menurut riwayat lain disebutkan haq, iaitu suatu ketetapan. Ini mengukuhkan lagi bahawa membaca al-Fatihah adalah wajib, kerana Sunnah adalah kebiasaan yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) atau tuntunan Nabi (s.a.w), sementara pengertian haq adalah sesuatu yang telah ditetapkan.

Imam Malik dan Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa di dalam solat jenazah tidak ada bacaan al-Qur'an, kerana tujuan utamanya adalah mendoakan si mayat. Mereka melandaskan pendapatnya dengan perkataan Ibn Mas'ud (r.a): "Rasulullah (s.a.w) tidak menetapkan suatu bacaan apa pun dalam solat jenazah kepada kami." Apapun, pendapat kedua-dua imam yang pertama lebih baik untuk dijadikan pegangan.

Analisis Lafaz

"بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ", dengan sanad yang dha'if, kerana hadis ini bersumber daripada riwayat Ibrahim ibn Muhammad daripada Abdullah ibn Muhammad ibn Uqail daripada Jabir (r.a) sedangkan ulama hadis menilai ibn Uqail sebagai dha'if.

"لِتَعْلَمُوا أَنَّهَا سُنَّةٌ", Sunnah dalam hadis ini ialah tuntunan atau tunjuk ajar Rasulullah (s.a.w) yang mesti kita patuhi, bukan sunat dalam pengertian lawan kepada perkataan fardu, kerana itu mengikut istilah 'urfi, sedangkan sunat adalah menurut istilah wadh'i.

"رَوَاهُ النَّسَائِيُّ", hadis ini turut diriwayatkan oleh al-Nasa'i dengan lafaz sebagai berikut:

فَأَخَذْتُ بِيَدِهِ فَسَأَلْتُهُ عَنْ ذَلِكَ، فَقَالَ: نَعَمْ يَا ابْنَ أَخِيْ، إِنَّهُ حَقٌّ وَسُنَّةٌ.

"Lalu aku bersalaman tangan dengannya dan bertanya kepadanya mengenai hal itu, lantas dia menjawab: "Memang benar, wahai anak saudaraku, sesungguhnya ini haq dan Sunnah."

Fiqh Hadis

Disyariatkan membaca Surah al-Fatihah ketika mengerjakan solat jenazah. Sehubungan ini, ulama berbeza pendapat. Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad mengatakan bahawa membaca Surah al-Fatihah ketika mengerjakan solat jenazah adalah wajib. Sedangkan menurut mazhab Maliki, membaca Surah al-Fatihah dalam solat jenazah adalah makruh.

Mazhab Hanafi mengatakan bahawa tidak ada bacaan Surah al-Fatihah dalam solat jenazah.Antara yang mensyariatkan membaca Surah al-Fatihah dalam mengerjakan solat jenazah adalah Ibnu Mas'ud, al-Hasan ibn Ali dan Ibn Umar. Manakala antara yang tidak mensyariatkannya adalah Ibn 'Umar dan Abu Hurairah. Kebanyakan ulama mengatakan bahawa Surah al-Fatihah dibaca dengan suara yang tidak kuat dan mereka bersepakat untuk tidak membaca satu surah pun sesudah membaca Surah al-Fatihah.

Periwayat Hadis

Talhah ibn Abdullah ibn Auf al-Zuhri, nama panggilannya adalah Abu Abdullah al-Madani sebagai kadi kota Madinah; dikenali pula dengan panggilan Talhah al-Nadi. Beliau meriwayatkan hadis daripada bapa saudaranya, iaitu Abdul Rahman ibn Auf, Utsman dan Ibn Abbas. Al-Zuhri dan Abu al-Zinad telah mengambil riwayat hadis daripadanya. Ibnu Mu'in, al-Nasa'i dan Ibn Sa'ad menilainya tsiqah, sementara Ibn Sa'ad menambahkan bahawa beliau meninggal dunia pada tahun 97 Hijriah, sedangkan Ibn Adi mengatakan bahawa beliau meninggal dunia pada tahun 99 Hijriah.

١١٨- عَنْ عَوْفِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: صَلَّى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى جَنَازَةٍ، فَحَفِظْتُ مِنْ دُعَائِهِ: "اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ، وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ، وَاعْفُ عَنْهُ، وَأَكْرِمْ نُزُلَهُ، وَوَسِّعْ مَدْخَلَهُ، وَاغْسِلْهُ بِالْمَاءِ وَالثَّلْجِ وَالْبَرَدِ، وَنَقِّهِ مِنَ الْخَطَايَا كَمَا نَقَّيْتَ الثَّوْبَ الْأَبْيَضَ مِنَ الدَّنَسِ، وَأَبْدِلْهُ دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهِ، وَأَهْلاً خَيْرًا مِنْ أَهْلِهِ، وَأَدْخِلْهُ الْجَنَّةَ، وَقِهِ فِتْنَةَ الْقَبْرِ وَعَذَابَ النَّارِ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

118. Daripada Auf ibn Malik (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) telah menyembahyangkan jenazah dan aku telah menghafal doa yang telah dibaca baginda itu:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ، وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ، وَاعْفُ عَنْهُ، وَأَكْرِمْ نُزُلَهُ، وَوَسِّعْ مَدْخَلَهُ، وَاغْسِلْهُ بِالْمَاءِ وَالثَّلْجِ وَالْبَرَدِ، وَنَقِّهِ مِنَ الْخَطَايَا كَمَا نَقَّيْتَ الثَّوْبَ الْأَبْيَضَ مِنَ الدَّنَسِ، وَأَبْدِلْهُ دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهِ، وَأَهْلاً خَيْرًا مِنْ أَهْلِهِ، وَأَدْخِلْهُ الْجَنَّةَ، وَقِهِ فِتْنَةَ الْقَبْرِ وَعَذَابَ النَّارِ.

"Ya Allah, ampunilah dia dan berilah rahmat kepadanya. Selamatkanlah dirinya dan berilah kemaafan kepadanya, muliakanlah tempat tinggalnya, luaskanlah kuburnya, dan mandikanlah dia dengan air, salju dan embun. Bersihkanlah dirinya dari dosa-dosa sebagaimana membersihkan baju putih daripada kotoran, dan gantilah untuknya rumah yang lebih baik daripada rumahnya, dan keluarga yang lebih baik daripada keluarganya. Dan masukkanlah dia ke dalam syurga serta peliharalah dirinya daripada seksa kubur dan seksa neraka." (Diriwayatkan oleh Muslim)

١١٩- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا صَلَّى عَلَى جَنَازَةٍ يَقُولُ: "اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِحَيِّنَا، وَمَيِّتِنَا، وَشَاهِدِنَا، وَغَائِبِنَا، وَصَغِيرِنَا، وَكَبِيرِنَا، وَذَكَرِنَا، وَأُنْثَانَا، اللَّهُمَّ مَنْ أَحْيَيْتَهُ مِنَّا فَأَحْيِهِ عَلَى الْإِسْلَامِ، وَمَنْ تَوَفَّيْتَهُ مِنَّا فَتَوَفَّهُ عَلَى الْإِيمَانِ، اللَّهُمَّ لاَ تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ، وَلاَ تُضِلَّنَا بَعْدَهُ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ وَالْأَرْبَعَةُ.

119. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Jika Rasulullah (s.a.w) menyembahyangkan jenazah, baginda berdoa seraya mengatakan:

"اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِحَيِّنَا، وَمَيِّتِنَا، وَشَاهِدِنَا، وَغَائِبِنَا، وَصَغِيرِنَا، وَكَبِيرِنَا، وَذَكَرِنَا، وَأُنْثَانَا، اللَّهُمَّ مَنْ أَحْيَيْتَهُ مِنَّا فَأَحْيِهِ عَلَى الْإِسْلَامِ، وَمَنْ تَوَفَّيْتَهُ مِنَّا فَتَوَفَّهُ عَلَى الْإِيمَانِ، اللَّهُمَّ لاَ تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ، وَلاَ تُضِلَّنَا بَعْدَهُ".

"Ya Allah, berikanlah ampunan bagi orang yang hidup di antara kami, orang yang mati di antara kami, orang yang hadir di antara kami, orang yang tidak hadir di antara kami, kanak-kanak dan orang tua di antara kami, lelaki dan perempuan kami. Ya Allah, sesiapa yang Engkau kurniakan hidup di antara kami, maka hidupkanlah dia dalam Islam dan sesiapa yang Engkau matikan di antara kami, maka matikanlah dia dalam iman. Ya Allah, janganlah Engkau halangi kami untuk meraih pahala dan janganlah Engkau sesatkan kami sepeninggalannya." (Diriwayatkan oleh Muslim dan al-Arba'ah)

Makna Hadis

Topik kedua-dua hadis ini sama, iaitu cara berdoa untuk si mayat. Rasulullah (s.a.w) menyuruh kita supaya ikhlas ketika mendoakan mayat, kerana orang yang mengerjakan solat jenazah adalah orang yang memohon syafaat, dan orang yang memohon syafaat itu hendaklah ikhlas supaya doanya dimakbulkan. Tidak diragukan bahawa doa yang pernah dibaca oleh Nabi (s.a.w) lebih afdal untuk didahulukan, kerana baginda dianugerahkan *Jawami' al-Kalim* dan baginda adalah seorang yang paling mengetahui cara berdoa.

Banyak hadis yang menceritakan doa mayat ini dengan pelbagai bentuk kalimat yang dimuatkannya. Ini menunjukkan bahawa masalah ini luas dan tidak ada batasan dengan doa tertentu. Doa-doa tersebut diucapkan ketika mengerjakan solat jenazah dengan suara yang tidak kuat. Doa-doa untuk mayat yang dinukil oleh para sanabat daripada Nabi (s.a.w) dapat ditafsirkan bahawa sesekali Nabi (s.a.w) menguatkan suara bacaan doa ketika mengerjakan solat jenazah supaya didengar oleh makmum di belakang, meskipun tidak menutup kemungkinan mereka bertanya tentang apa yang dibaca oleh baginda dalam doanya itu, lalu Nabi (s.a.w) memberitahu hal tersebut kepada mereka.

Analisis Lafaz

"فَحَفِظْتُ مِنْ دُعَائِهِ", Rasulullah (s.a.w) menguatkan suara bacaan doanya untuk mengajarkan doa tersebut kepada mereka.

"وَعَافِهِ", berasal dari perkataaan "المعافاة" yang bermaksud selamatkanlah dia daripada perkara-perkara yang tidak disukainya.

"وَأَكْرِمْ نُزُلَهُ", muliakanlah tempat tinggalnya. Asal perkataan "النزل" ialah hidangan yang disuguhkan kepada tetamu ketika baru datang. Maksudnya ialah berikanlah kepadanya bahagian yang paling baik di dalam syurga.

"وَوَسِّعْ مُدْخَلَهُ", luaskanlah kuburnya.

"وَاغْسِلْهُ بِالْمَاءِ وَالثَّلْجِ وَالْبَرَدِ", *al-tsalj* adalah salju, sedangkan *al-barad* adalah embun. Kedua-duanya disebutkan secara khusus untuk mengukuhkan kesuciannya, kerana kedua-duanya merupakan air yang diciptakan dalam bentuknya tersendiri, keduanya belum pernah dipakai dan tidak pernah dijamah oleh tangan manusia serta tidak pernah diinjak oleh kaki, tidak seperti jenis air yang lain. Jenis air yang lain telah bercampur tanah dan mengalir di sungai serta ditampung di dalam kolam. Ini bererti air salju dan air embun lebih sempurna kesuciannya.

"وَنَقِّهِ مِنْ الْخَطَايَا", bersihkanlah daripada dosa-dosa dan sucikanlah dirinya dari semua kesalahan.

"كَمَا نَقَّيْتَ الثَّوْبَ الْأَبْيَضَ مِنَ الدَّنَسِ", sucikanlah dia dengan kesucian yang sempurna dan teliti, kerana mencuci pakaian yang putih daripada kotoran yang melekat memerlukan ketelitian.

"وَقِهِ فِتْنَةَ الْقَبْرِ", peliharalah dia daripada soalan-soalan kubur dan seksanya, seperti dihimpit oleh bumi dan kegelapan.

"وَشَاهِدِنَا وَغَائِبِنَا", orang yang menghadiri jenazah dan orang yang tidak menghadirinya. Tujuan kalimat ini agar doa mencakupi keseluruhan umat manusia secara umum.

"وَصَغِيرِنَا وَكَبِيرِنَا", kanak-kanak di antara kami dan orang dewasa di antara kami. Doa untuk kanak-kanak bertujuan mengangkat darjat mereka, kerana mereka masih belum lagi dibebani hukum taklif dan mereka belum berdosa.

"وَمَنْ تَوَفَّيْتَهُ مِنَّا فَتَوَفَّهُ عَلَى الْإِيمَانِ", orang yang Engkau matikan di antara kami semoga dimatikan dalam keadaan iman, yakni hatinya teguh dengan iman.

"لاَ تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ", maksud pahala di sini ialah pahala sabar dalam menanggung musibah dan pahala menanggung biaya. Orang mukmin bersaudara dengan orang mukmin yang lain, musibah yang menimpa salah seorang di antara mereka merupakan musibah bagi yang lain.

"وَلاَ تُضِلَّنَا بَعْدَهُ", janganlah Engkau jadikan kami orang yang sesat lagi menyimpang dari jalan yang benar sesudah kematian, dan teguhkanlah hati kami pada keimanan.

Fiqh Hadis

1. Dalam solat jenazah disyariatkan berdoa untuk si mayat.
2. Disunatkan berdoa dengan doa-doa yang terdapat di dalam hadis, kerana doa-doa tersebut lebih lebih afdal.
3. Menetapkan adanya seksa kubur dan seksa neraka.
4. Dianjurkan berdoa dengan doa yang memiliki makna yang menyeluruh.

Periwayat Hadis

Auf ibn Malik al-Asyja'i al-Ghathafani, beliaulah yang memegang bendera Bani Asyja' pada hari penaklukan Mekah. Beliau meriwayatkan 67 hadis, dan Jubair ibn Nufair serta Katsir ibn Murrah telah mengambil riwayat hadis daripadanya. Al-Waqidi berkata: "Beliau turut serta dalam Perang Khaibar dan meninggal dunia pada tanun 73 Hijriah."

١٢٠- وَعَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِذَا صَلَّيْتُمْ عَلَى الْمَيِّتِ فَأَخْلِصُوا لَهُ الدُّعَاءَ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

120. Daripada Abu Hurairah (r.a), bahawa Nabi (s.a.w) bersabda: "*Jika kamu melakukan solat jenazah, maka ikhlaslah ketika kamu mendoakan jenazah itu.*" (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban)

Makna Hadis

Seseorang yang melakukan solat jenazah adalah orang yang memohon syafaat untuk jenazah dan berharap semoga syafaatnya diterima untuk si mayat. Oleh itu, sudah sepatutnya dia bersungguh-sungguh ketika berdoa dan ikhlas dalam melakukannya. Rasulullah (s.a.w) menyuruh kita untuk berbuat demikian melalui sabdanya: "Ikhlaslah kamu ketika mendoakan jenazah itu." Perintah yang terdapat di dalam hadis ini menunjukkan hukum sunat.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Abu Hurairah (r.a) yang sumbemya sama dengan hadis sebelumnya.

"فَأَخْلِصُوا لَهُ الدُّعَاءَ", berdoalah untuknya dengan hati yang ikhlas dan berniat untuk memperoleh reda Allah (s.w.t). Doa yang ikhlas tidak dapat dipenuhi kecuali dengan hati yang jernih dan bersih daripada kesibukan-kesibukan duniawi, juga dilakukan dengan hati yang tunduk patuh serta diikuti pula oleh segenap anggota tubuh yang lain. Sabda Nabi (s.a.w): "له" bermaksud doa permohonan syafaatnya untuk si mayat diterima oleh Allah (s.w.t).

Fiqh Hadis

Dikehendaki ikhlas ketika mendoakan mayat.

١٢١- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "أَسْرِعُوا بِالْجَنَازَةِ، فَإِنْ تَكُ صَالِحَةً فَخَيْرٌ تُقَدِّمُونَهَا إِلَيْهِ، وَإِنْ تَكُ سِوَى ذَلِكَ فَشَرٌّ تَضَعُونَهُ عَنْ رِقَابِكُمْ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

121. Daripada Abu Hurairah (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Bersegeralah kamu mengusung jenazah. Jika jenazah itu orang soleh, bererti kamu telah melakukan kebaikan untuknya. Jika jenazah itu bukan orang soleh, bererti kamu telah membuang keburukan dari bahu kamu." (Muttafaq ;alaih)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) mengingatkan kaum muslimin apabila mayat telah diletakkan di dalam keranda, lalu diusung oleh sekumpulan kaum lelaki, maka disunatkan bersegera membawanya ke liang lahad, kerana apabila mayat itu orang soleh, sebaiknya disegerakan acara pengkebumiannya agar dia segera menjumpai pahala yang telah disediakan oleh Allah (s.w.t) untuknya.

Namun jika mayat itu bukan orang soleh, maka tidak ada untungnya melewatkan masa pengkebumiannya, kerana berteman dengan orang jahat merupakan perbuatan tercela. Antara amalan kebaikan ialah menjauhi kejahatan dan oleh kerananya dianjurkan bersegera mengkebumikan jenazah yang tidak soleh untuk membebaskan diri daripada keburukannya. Melalui hadis ini Rasulullah (s.a.w) seakan-akan membangkitkan dorongan untuk berbuat amal kebaikan kepada orang lain, sekalipun mereka telah menjadi mayat di samping mendorong mereka menjauhi kejahatan serta pelaku maksiat, sekalipun mereka telah menjadi mayat

Analisis Lafaz

"أَسْرِعُوا بِالْجَنَازَةِ", bersegeralah kamu mengusung mayat ke tempat pengkebumiannya. Apa yang dimaksudkan dengan *isra'* ialah melangkah dengan cepat dan perintah ini menunjukkan hukum sunat yang ditujukan kepada orang yang menyelenggarakan jenazah dan mengusungnya ke perkuburan.

Disunatkan bagi orang yang mengusung jenazah supaya setiap seorang daripada mereka memegang keempat-empat sisi usungan, seperti mana yang disebutkan di dalam kitab al-Sunan al-Kubra oleh al-Baihaqi yang sanadnya sampai kepada Abdullah ibn Mas'ud (r.a) bahawa:

إِذَا تَبِعَ أَحَدُكُمْ الْجَنَازَةَ فَلْيَأْخُذْ بِجَوَانِبِ السَّرِيْرِ الْأَرْبَعَةِ ثُمَّ لِيَتَطَوَّعَ بَعْدُ أَوْ يَذَرَ فَإِنَّهُ مِنَ السُّنَّةِ.

"Jika seseorang di antara kamu mengiringi jenazah, maka hendaklah dia mengambil salah satu daripada keempat-empat sisi usungan itu, kemudian hendaklah dia bersuka rela mengusungnya sesudah itu atau dia tinggalkan, kerana sesungguhnya itu adalah termasuk Sunnah."

"فَخَيْرٌ", huruf *fa'* merupakan jawapan kepada *in syarthiyyah*, sedangkan lafaz "خير" berkedudukan sebagai *khabar* kepada *mubtada'* yang dibuang. Bentuk lengkapnya ialah "فهو خير" yang bermaksud bersegera adalah hal yang lebih baik."

"إِلَيْهِ", *dhamir* yang *majrur* merujuk kepada lafaz "خير".

"تَضَعُونَهُ عَنْ رِقَابِكُمْ", kalimat ini berkedudukan sebagai *sifat* dari lafaz "شر" dan berkedudukan pada *mahall rafa'*. Maksudnya ialah kamu dibebaskan dari keburukan mayat dengan menurunkannya daripada bahu-bahu orang yang mengusungnya, lalu diletakkan di dalam kuburnya.

Fiqh hadis

1. Disunatkan bersegera membawa jenazah dengan langkah-langkah kaki yang sederhana antara berjalan cepat dengan jalan lambat hingga tidak menimbulkan mudharat pada mayat atau tidak menimbulkan kesusahan bagi para pengiring dan orang yang mengusungnya. Jika terlalu cepat

hingga menimbulkan perkara-perkara yang tidak diingini, maka hukumnya haram.

2. Disunatkan bersegera mengkebumikan mayat, kecuali orang yang mati itu menderita sakit jantung atau sakit lumpuh, lalu mati mengejut, maka kematiannya harus diperiksa terlebih dahulu oleh doktor dan menangguhkan pengkebumiannya.
3. Tidak boleh bergaul dengan orang jahat dan pelaku maksiat kerana tidak ada kebaikannya bergaul dengan mereka.

١٢٢- وَعَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ شَهِدَ الْجِنَازَةَ حَتَّى يُصَلَّى عَلَيْهَا فَلَهُ قِيرَاطٌ، وَمَنْ شَهِدَهَا حَتَّى تُدْفَنَ فَلَهُ قِيرَاطَانِ". قِيلَ: وَمَا الْقِيرَاطَانِ؟ قَالَ: "مِثْلُ الْجَبَلَيْنِ الْعَظِيمَيْنِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ. وَلِمُسْلِمٍ: حَتَّى تُوضَعَ فِي اللَّحْدِ.

وَلِلْبُخَارِيِّ: "مَنْ تَبِعَ جَنَازَةَ مُسْلِمٍ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا، وَكَانَ مَعَهُ حَتَّى يُصَلَّى عَلَيْهَا وَيُفْرَغَ مِنْ دَفْنِهَا فَإِنَّهُ يَرْجِعُ بِقِيرَاطَيْنِ، كُلُّ قِيرَاطٍ مِثْلُ جبل أُحُدٍ".

122. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Barang siapa yang menghadiri jenazah hingga menyembahyangkannya, maka baginya pahala satu qirath. Barang siapa yang menghadirinya hingga dikebumikan, maka baginya pahala dua qirath. Seorang sahabat bertanya: "Apakah maksud dua qirath itu?" Nabi (s.a.w) menjawab: "Seperti dua buah bukit yang besar.*" (Muttafaq 'alaih) Menurut riwayat Muslim disebutkan: "*Hingga jenazah dimasukkan ke dalam liang lahad.*"

Menurut riwayat al-Bukhari yang juga daripada Abu Hurairah (r.a) disebutkan: "*Barang siapa yang mengiringi jenazah seorang muslim berlandaskan iman dan mengharap pahala Allah, sedangkan dia selalu bersamanya hingga menyembahyangkannya dan selesai mengikuti acara pengkebumiannya, maka sesungguhnya dia pulang dengan membawa pahala dua qirath; setiap satu qirath sama seperti bukit Uhud.*"

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) menganjurkan untuk menyelenggarakan jenazah dan membantu keluarganya mengiringinya ke tempat pemakaman, mengusung, menyembahyangkan dan mengkebumikannya. Oleh itu, baginda memberitakan bahawa barang siapa yang mengiringi jenazah setelah menyembahyangkannya, maka baginya pahala satu qirath yang besar. Nabi (s.a.w) menggambarkan sesuatu yang abstrak ini dengan sesuatu yang nyata yang mereka kenal, iaitu Bukit Uhud. Bukit Uhud berada berhampiran mereka dan bukit yang paling disukai oleh jiwa mereka yang beriman.

Pahala makin bertambah apabila seseorang mengiringi jenazah sesudah menyembahyangkannya hingga jenazah dikebumikan. Pahala yang dijanjikan

di dalam hadis ini tidak diperoleh kecuali oleh orang yang menghadiri, menyembahyangkan dan mengkebumikan jenazah yang berlandaskan percaya kepada janji Allah yang menganugerahkan ganjaran pahala untuknya di sisi-Nya. Lain halnya dengan orang yang berbuat demikian kerana ingin mengharapkan imbalan upah semata-mata, atau riya dan menginginkan populariti, maka dia tidak memperoleh ganjaran pahala tersebut.

Analisis Lafaz

"مَنْ شَهِدَ", barang siapa yaug menghadiri dan mengiringinya, iaitu mengiringi jenazah ke tempat pengkebumian dan menyembahyangkan jenazah, maka baginya pahala satu qirath; begitu pula orang yang menghadiri pengkebumiannya, tetapi tidak turut serta menyembahyangkannya. Barang siapa yang tidak turut serta menyembahyangnya serta tidak menyaksikan pengkebumiannya, melainkan hanya melayatnya sahaja, maka pahalanya kurang daripada satu qirath sesuai dengan niat.

"فَلَهُ قِيرَاطٌ", dia mendapat bahagian pahala yang tidak seorang pun mengetahui besarnya kecuali hanya Allah (s.w.t). Sedangkan menyebutkan satu qirath hanyalah untuk memberikan pemahaman, kerana itu sudah dikenali oleh lawan bicara, maka dibuatlah perumpamaan dengan apa yang telah mereka ketahui.

"وَمَنْ شَهِدَهَا حَتَّى تُدْفَنَ", barang siapa yang melawatnya, mengiringi acara pengkebumiannya, menyembahyangkan, dan menghantarkan ke perkuburan hingga selesai proses pengkebumiannya, maka dia memperoleh pahala dua qirath.

"حَتَّى تُوضَعَ فِي اللَّحْدِ, hingga jenazah dikebumikan dan ditimbun tanah hingga selesai proses pengkebumiannya seperti mana yang ditafsirkan oleh riwayat Muslim: "Hingga selesai proses pengkebumiannya."

"إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا", kedua-dua perkara ini merupakan satu kemestian memandangkan amal perbuatan yang mendatangkan pahala itu menuntut adanya niat yang ikhlas demi mengharapkan pahala Allah, bukan kerana menginginkan yang lain. Lafaz "إيمانا" dan "احتسابا" kedua-duanya di-*nashab*-kan kerana menjadi *maf'ul li ajlih*.

"وَيُفْرَغَ مِنْ دَفْنِهَا", selesai dari proses pengkebumiannya.

"مِثْلُ جبل أُحُدٍ", berkedudukan sebagai pentafsir lafaz qirath, kerana pengertian qirath masih abstrak, maka ia dijelaskan kadarnya dan dibuatlah satu perumpamaan dengan bukit yang paling besar dan paling dicintai oleh jiwa yang mukmin, iaitu Uhud.

Fiqh Hadis

1. Diwajibkan mengkafan, menyembahyangkan, dan mengiringinya hingga selesai dari penguburannya.
2. Adalah satu kemuliaan dan penghormatan bagi mayat kerana orang yang menyelenggarakan jenazahnya memperoleh ganjaran pahala yang banyak.

3. Kemurahan Allah (s.w.t) dan penghormatan-Nya kepada si mayat kerana orang yang memperlakukannya dengan baik diberi ganjaran pahala yang berlimpah oleh-Nya.
4. Membuat perumpamaan dengan sesuatu yang nyata supaya mudah difahami dan lebih berkesan di hati.

١٢٣- عَنْ سَالِمٍ عَنْ أَبِيهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ رَأَى النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبَا بَكْرٍ وَعُمَرَ يَمْشُونَ أَمَامَ الْجَنَازَةِ. رَوَاهُ الْخَمْسَةُ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَأَعَلَّهُ النَّسَائِيُّ وَطَائِفَةٌ بِالْإِرْسَالِ.

123. Daripada Salim daripada ayahnya bahawa dia pernah melihat Nabi (s.a.w), demikian pula Khalifah Abu Bakar dan Khalifah Umar berjalan di hadapan jenazah. (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, dinilai sahih oleh Ibn Hibban, dan dinilai mursal oleh al-Nasa'i dan sekumpulan ulama yang lain)

Makna Hadis

Orang yang mengiringi jenazah adalah orang yang memohonkan syafaat bagi si mayat dan antara kebiasaan orang yang memohonkan syafaat adalah hendaklah mereka berada di hadapan orang yang dipintakan syafaat, kerana mengharap supaya syafaat itu diterima. Inilah yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) dan para khalifah sesudahnya mengikut pendapat jumhur ulama.

Menurut Imam Abu Hanifah, orang yang mengiringi jenazah hendaklah berada di belakangnya dan ini lebih diutamakan dengan tujuan permohonan syafaat dimakbulkan dan perjalanan menghantarkannya ke tempat pengkebumian cepat sampai. Perbezaan ini hanya berkaitan masalah mana yang lebih utama, kerana walau apapun dibolehkan berjalan di sebelah mana pun, baik di belakang jenazah, di hadapan, di sebelah kanan ataupun di sebelah kirinya. Bagi orang yang berkenderaan, hendaklah berjalan di belakang jenazah mengikut kesepakatan ulama.

Analisis Lafaz

"يَمْشُونَ أَمَامَ الْجَنَازَةِ", mereka berjalan di hadapan jenazah memandangkan orang yang mengiringi jenazah adalah orang yang memohonkan syafaat bagi jenazah dan kedudukan orang yang memohonkan syafaat itu hendaklah berada di hadapan orang yang didoakannya.

"أَعَلَّهُ النَّسَائِيُّ", al-Daraquthni menyebutkan di dalam kitab al-'Ilal tentang perselisihan pendapat yang cukup tajam mengenai hadis ini bersumber daripada al-Zuhri.

"وَطَائِفَةٌ بِالْإِرْسَالِ", sekumpulan ulama hadis berpendapat bahawa kedudukan hadis ini yang benar adalah mursal.

Fiqh Hadis

Orang yang mengiringi jenazah disunatkan berada di sebelah hadapannya. Imam al-Syafi'i dan Imam Malik berpendapat bahawa berjalan di hadapan jenazah lebih afdal berdasarkan pemahaman yang terdapat di dalam hadis ini, iaitu perbuatan yang telah dilakukan oleh Nabi (s.a.w) dan para khalifah sesudahnya.

Imam Ahmad mengatakan bahawa boleh berjalan di hadapan jenazah atau di sebelah belakangnya, di sebelah kanan atau di sebelah kirinya. Di dalam pendapatnya ini terdapat kebebasan bagi orang yang menghantarkan jenazah untuk berjalan di sebelah manapun, dan ini bersesuaian dengan sunat menyegerakan untuk menghantar jenazah tanpa ada diikat dengan tempat tertentu bagi posisi mereka ketika berjalan, agar tidak memberatkan mereka atau sebahagian mereka yang mengiringi jenazah.

Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa berjalan di belakang jenazah lebih utama berdasarkan satu riwayat yang diketengahkan oleh Ibn Thawus daripada ayahnya:

مَا مَشَى رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى مَاتَ إِلاَّ خَلْفَ الْجَنَازَةِ.

"*Rasulullah (s.a.w) belum pernah berjalan (ketika mengiringi jenazah) hingga baginda wafat, melainkan sentiasa berada di belakang jenazah.*"

Periwayat Hadis

Salim ibn Abdullah ibn Umar ibn al-Khatthab al-Adawi al-Madani al-Faqih (pakar fiqh). Beliau meriwayatkan hadis daripada ayahnya, iaitu Abdullah ibn Umar ibn al-Khatthab sebagaimana beliau mengambil riwayat hadis daripada orang lain, seperti Abu Hurairah dan Rafi' ibnu Khadij. Riwayat hadisnya telah diambil oleh anak lelakinya yang bernama Abu Bakar, juga Hanzalah ibn Abu Sufyan. Beliau meninggal dunia pada tahun 106 Hijriah.

١٢٤- عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: نُهِينَا عَنِ اتِّبَاعِ الْجَنَائِزِ، وَلَمْ يُعْزَمْ عَلَيْنَا. مُتَّفَقٌ عَلَيْه.

124. Daripada Ummu Atiyyah (r.a), beliau berkata: "Kami (kaum wanita) telah dilarang mengiringi jenazah, tetapi larangan tersebut tidak diperketatkan." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Pendapat paling kuat pada zaman sekarang di mana banyak kerosakan terjadi dan hijab tidak lagi diendahkan adalah dilarang kaum wanita mengiringi jenazah ke tempat pengkebumian. Selain itu perasaan pedih akibat musibah yang baru menimpa mereka belum lagi hilang dari dalam diri mereka, tidak mempunyai kesabaran dan tidak memiliki kemampuan untuk mengusung jenazah, lebih-lebih lagi dikhuatiri aurat mereka terdedah. Oleh itu, adalah wajar apabila Rasulullah (s.a.w) bersabda kepada kaum wanita yang mengiringi jenazah:

ارْجِعْنَ مَأْزُوْرَاتٍ غَيْرَ مَأْجُوْرَاتٍ.

"Kembalilah kamu dalam keadaan membawa dosa, tanpa memperoleh sebarang pahala!"

Analisis Lafaz

"نُهِينَا", Rasulullah (s.a.w) melarang kami (kaum wanita). Larangan dalam hadis ini menurut jumhur ulama menunjukkan hukum makruh. Apa yang telah disebutkan sebelum ini yang menyatakan haram maka itu bersifat mendatang.

"عَن اتِّبَاعِ الْجَنَائِزِ", mengiringi jenazah, kerana mereka (kaum wanita) diperintahkan agar berhijab, sedangkan mengiringi jenazah menyebabkan hijab mereka terdedah.

"وَلَمْ يُعْزَمْ عَلَيْنَا", tetapi baginda tidak mengukuhkan larangannya kepada kami, sebagaimana dalam masalah-masalah yang lain. Dengan demikian, seakan-akan Ummu Atiyyah mengatakan bahawa Nabi (s.a.w) tidak menyukai kami (kaum wanita) mengiringi jenazah, tetapi tidak pula mengharamkannya.

Pendapat yang mengatakan makruh adalah menurut jumhur ulama. Mereka mentafsirkan hadis-hadis yang memuatkan kecaman (hukum haram) kerana melihat kepada keadaan kaum wanita itu sendiri.

Fiqh Hadis

Kaum wanita dilarang menghantarkan jenazah ke tempat pengkebumian.

١٢٥- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِذَا رَأَيْتُمُ الْجَنَازَةَ فَقُومُوا، فَمَنْ تَبِعَهَا فَلاَ يَجْلِسْ حَتَّى تُوضَعَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

125. Daripada Abu Sa'id (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jika kamu melihat jenazah, maka berdirilah dan barang siapa yang mengiringinya, maka janganlah dia duduk sebelum jenazah diturunkan (ke tempat pengkebumian)." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Pada permulaan Islam berdiri untuk menghormati jenazah adalah disyariatkan berdasarkan sabda Rasulullah (s.a.w): "Jika kamu melihat jenazah, maka berdirilah!" Ini dilakukan bagi menghormati Allah yang mencabut nyawa si mayat dan para malaikat yang ditugaskan untuk melaksanakan tugasan itu.

Ulama berbeza pendapat mengenai hukum perintah berdiri ini. Sebahagian mereka ada yang mentafsirkannya sebagai perintah wajib sehingga diwajibkan berdiri untuk menghormati jenazah apabila lalu di hadapan seorang yang mukallaf, meskipun dia tidak berniat turut serta mengiringinya.

Ulama yang lain pula mengatakan bahawa perintah wajib ini telah dimansukh oleh hadis Ali (r.a) yang menceritakan bahawa Nabi (s.a.w) pernah berdiri untuk menghormati jenazah, kemudian setelah itu baginda duduk. Hadis ini memansukh perintah wajib yang ada hadis sebelum ini. Pendapat ini dianut oleh Imam al-Syafi'i.

Antara mereka ada pula yang mentafsirkan perintah ini menunjukkan hukum sunat. Faktor yang memalingkan perintah wajib ialah adanya *qarinah* (bukti). Mereka mengatakan bahawa hadis Ali (r.a) menunjukkan hukum mubah dan oleh kerananya, ia tidak bercanggah dengan hukum sunat. Boleh pula ditafsirkan bahawa Nabi (s.a.w) duduk untuk tujuan membezakan diri dengan orang Yahudi seperti mana yang disebutkan dalam hadis 'Ubadah ibnu al-Shamit yang dikemukakan oleh Imam Ahmad. Dianjurkan tetap dalam keadaan berdiri hingga jenazah diturunkan ke tanah. Al-Baihaqi mengemukakan hadis Abu Hurairah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) bersabda:

الْقَائِمُ كَالْحَامِلِ فِي الْأَجْرِ.

"*Orang yang berdiri beroleh pahala yang sama dengan orang yang mengusung (jenazah).*"

Analisis Lafaz

"فَقُومُوا", berdirilah kamu untuk menghormati Allah yang telah mencabut telah nyawa si mayat sebagaimana yang disebutkan di dalam hadis riwayat Imam Ahmad.

"فَمَنْ تَبِعَهَا", barang siapa yang berjalan mengiringinya.

"فَلاَ يَجْلِسْ", maka janganlah dia duduk terlebih dahulu. Larangan ini menunjukkan hukum makruh memandangkan berdiri hukumnya sunat.

"حَتَّى تُوضَعَ", hingga diturunkan dari atas bahu para pengusungnya.

Fiqh Hadis

1. Seseorang yang sedang dalam keadaan duduk disyariatkan berdiri apabila iringan jenazah lalu di hadapannya untuk mengagungkan Allah (s.w.t).
2. Orang yang mengiringi jenazah tidak boleh duduk sebelum jenazah diturunkan dari atas bahu para pengusungnya ke tanah, kerana orang yang mengiringi jenazah itu bertujuan mementingkan jenazah, bukan mementingkan dirinya sendiri.

١٢٦- عَنْ أَبِي إِسْحَاقَ أَنَّ عَبْدَ اللهِ بْنَ يَزِيدَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَدْخَلَ الْمَيِّتَ مِنْ قِبَلِ رِجْلَي الْقَبْرِ، وَقَالَ: هَذَا مِنَ السُّنَّةِ. أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ.

126. Daripada Abu Ishaq (r.a) bahawa Abdullah ibn Yazid (r.a) memasukkan mayat ke dalam liang kubur dari arah kedua kakinya, lalu dia berkata: "Ini merupakan Sunnah Rasulullah (s.a.w)." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud)

Maka Hadis

Memasukkan mayat ke dalam kubur walau dengan apa cara jua sekali pun tetap dibolehkan, tetapi cara yang paling afdal dalam Sunnah Nabi (s.a.w) masih diperselisihkan.

Jumhur ulama berpendapat bahawa mayat dimasukkan ke dalam kuburnya dari arah di mana kedua-dua kakinya akan diletakkan. Menurut pendapat yang lain, mayat diturunkan dari arah kiblat. Inilah menurut pendapat Abu Hanifah yang diperkuatkan lagi dengan hadis al-Tirmizi.

Memasukkan mayat ke dalam liang kubur boleh dengan apa jua cara sekali pun. Semua itu dibolehkan, kerana telah disebutkan di dalam Sunnah. Antara amalan Sunnah adalah membentangkan kain di atas kubur ketika mayat sedang dimasukkan ke dalamnya. Inilah yang disebut *al-Tajlil*.

Analisis lafaz

Abdullah ibn Yazid al-Khuthami al-Ausi, nama panggilannya adalah Abu Musa. Beliau turut serta dalam Perang Hudaibiyah ketika baru berusia tujuh belas tahun. Beliau telah meriwayatkan 27 hadis dan al-Sya'bi serta Ibn Sirin telah mengambil riwayat hadis daripadanya. Beliau seorang yang berasal dari kabilah Aus dan tidak termasuk sahabat. Beliau seorang tabi'in.

"مِنْ قِبَلِ رِجْلَي الْقَبْرَ", dari arah diletakkannya kedua kaki mayat setelah berada di dalam kubumya. Ungkapan seperti ini termasuk ke dalam Bab "*Ithlaq al-Haal 'Alal Mahall*".

"هَذَامِنَ السُّنَّةِ", ini termasuk amalan Sunnah Rasulullah (s.a.w) dalam memasukkan mayat ke kubur. Hadis ini berkedudukan sebagai *mawquf*.

Fiqh Hadis

Menjelaskan tatacara menurunkan mayat ke dalam kubur. Jumhur ulama mengatakan bahawa Sunnah Nabi (s.a.w) dalam memasukkan mayat ke kubur adalah dimulakan dengan kepala dengan cara meletakkan keranda di bahagian belakang kubur hingga kepala mayat berada pada posisi yang lurus dengan tempat kedua kakinya apabila dia telah berada di dalam kubur, kemudian memasukkannya dengan menurunkan kepalanya.

Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa mayat dimasukkan ke dalam kubur dengan posisi melintang dari arah kiblat, kerana cara inilah yang paling mudah dilakukan.

Pembahasan

Ulama berselisih pendapat mengenai hukum membentangkan kain penutup pada mulut kubur ketika memasukkan mayat ke dalamnya.

Mazhab al-Syafi'i mengatakan bahawa ini disunatkan bagi mayat lelaki dan mayat perempuan, kerana berlandaskan kepada hadis yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa:

جَلَّلَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَبْرَ سَعْدٍ بِثَوْبِهِ.

"*Rasulullah (s.a.w) menaungi kuburan Sa'ad dengan bajunya.*"

Jumhur ulama berpendapat bahawa ini disunatkan bagi mayat perempuan sahaja berlandaskan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abu Syaibah daripada al-Tsauri, daripada Abu Ishaq al-Subai'i, beliau berkata:

شَهِدْتُ جَنَازَةَ الْحَارِثِ فَمَدُّوْا عَلَى قَبْرِهِ ثَوْبًا فَجَذَبَهُ عَبْدُ اللهِ بْنُ يَزِيْدَ، وَقَالَ: إِنَّهُ رَجُلٌ.

"Aku turut sert menghadiri jenazah al-Harits, lalu mereka membentangkan sehelai kain di atas kuburnya, tetapi Abdullah ibn Yazid malah menariknya dan berkata: "Sesungguhnya mayat ini lelaki."

Jumhur ulama menjawab ke atas hadis Ibn Abbas (r.a) bahawa itu hanya khusus bagi Sa'ad ibn Mu'adz, kerana jenazahnya memiliki luka yang telah membusuk, sehingga Rasulullah (s.a.w) terpaksa menutupnya supaya baunya tidak terhidu oleh para hadirin. Al-Baihaqi berkata: "Saya tidak mengenali hadis ini selain daripada Yahya ibn 'Uqbah ibn Abu al-'Aizar, sedangkan dia berstatus dha'if."

Periwayat Hadis

Abu Ishaq adalah Amr ibn Abdullah al-Hamadani al-Subai'i al-Kufi, salah seorang ulama tabi'in masyhur. Beliau meriwayatkan hadis daripada Jarir al-Bajali, Adi ibn Hatim, Jabir ibn Samurah, dan Zaid ibn Arqam dan sahabat-sahabat yang lain.

Anak lelakinya yang bernama Yunus telah mengambil riwayat hadis daripadanya, juga cucunya yang bernama Isra'el, Qatadah, dan Sulaiman al-Taimi serta sejumlah ulama yang lain. Abu Hatim berkata: "Abu Ishaq seorang yang tsiqah, mirip dengan al-Zuhri kerana banyak meriwayatkan hadis." Al-Waqidi berkata: "Abu Ishaq meninggal dunia pada tahun 127 Hijriah."

١٢٧- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِذَا وَضَعْتُمْ مَوْتَاكُمْ فِي الْقُبُورِ، فَقُولُوا: "بِسْمِ اللهِ، وَعَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ". أَخْرَجَهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَأَعَلَّهُ الدَّارَقُطْنِيُّ بِالْوَقْفِ.

127. Daripada Ibn Umar (r.a) daripada Nabi (s.a.w), beliau bersabda: "*Jika kamu meletakkan orang mati di antara kamu ke dalam kubur, maka hendaklah kamu membaca:*

"بِسْمِ اللهِ، وَعَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ".

"*Dengan nama Allah dan agama Rasulullah (s.a.w).*" (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud dan al-Nasa'I, dinilai sahih oleh Ibn Hibban dan al-Daraquthni menilainya *mawquf*)

Makna Hadis

Memasukkan mayat ke dalam kubur merupakan suatu keadaan yang menuntut seseorang melakukannya membaca doa. Oleh itu, disunatkan membaca doa ketika memasukkan jenazah ke dalam kubur. Apa yang paling afdal ialah doa yang datang daripada Rasulullah (s.a.w), meskipun tidak diwajibkan membaca doa tertentu dalam masalah ini. Antara doa yang pernah dibaca oleh Rasulullah (s.a.w) ialah doa berikut yang dibacanya ketika memasukkan jenazah Ummu Kultsum ke dalam kuburnya.

مِنْهَا خَلَقْنَاكُمْ وَفِيهَا نُعِيدُكُمْ وَمِنْهَا نُخْرِجُكُمْ تَارَةً أُخْرَى، بِاسْمِ اللهِ، وَفِي سَبِيْلِ اللهِ، وَعَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللهِ.

"*Dari tanah Kami ciptakan kamu dan ke dalam tanah Kami kembalikan kamu, serta dari tanah Kami keluarkan (bangkitkan) sekali lagi. Dengan nama Allah, dan dalam jalan Allah serta berada pada agama Rasulullah.*"

Analisis Lafaz

"إِذَا وَضَعْتُمْ مَوْتَاكُمْ فِي الْقُبُورِ", apabila kamu memasukkan orang yang telah meninggal dunia di antara kamu ke dalam kubur.

"فَقُولُوا", maka bacalah. Perintah ini menunjukkan hukum sunat.

"بِسْمِ اللهِ", dengan menyebut asma' Allah, kami meletakkan engkau ke dalam kuburmu.

"وَعَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللهِ", dan berada pada jalan Rasulullah serta agamanya kami menyerahkan engkau.

"وَأَعَلَّهُ الدَّارَقُطْنِيُّ", al-Daraquthni berkata: "Hadis ini berkedudukan *mawquf* dan sahih." Tetapi al-Nasa'i memastikannya sebagai *mawquf* ke atas Ibn Umar, namun hadis ini mempunyai banyak syahid yang berkedudukan *marfu'*.

Fiqh Hadis

1. Disunatkan berdoa ketika meletakkan mayat ke dalam kubur.
2. Disunatkan membaca doa yang terdapat di dalam hadis ini secara khusus ketika meletakkan mayat ke dalam kubur, kerana adanya anjuran daripada Rasulullah (s.a.w) dengan harapan agar asma' Allah dan Sunnah baginda menjadi benteng dan bekalan yang dapat menyelamatkannya dari fitnah kubur.

١٢٨- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "كَسْرُ عَظْمِ الْمَيِّتِ كَكَسْرِهِ حَيًّا". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ بِإِسْنَادٍ عَلَى شَرْطِ مُسْلِمٍ. وَزَادَ ابْنُ مَاجَه مِنْ حَدِيثِ أُمِّ سَلَمَةَ: "فِي الْإِثْمِ".

128. Daripada Aisyah (r.a) bahawa, Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Mematahkan tulang mayat sama dengan mematahkannya sewaktu masih hidup.*" (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dengan sanad mengikut syarat Muslim) Ibn Majah menambahkan dalam hadis Ummu Salamah (r.a): "*(di mana mereka) sama-sama berdosa.*"

Makna Hadis

Para sahabat bersama Rasulullah (s.a.w) berangkat mengiringi suatu jenazah, lalu baginda duduk di tepi kubur disertai oleh sahabat yang lain. Kemudian penggali kubur mengeluarkan sebuah tulang betis atau tulang paha dari tanah yang digalinya, lalu dia berhasrat mematahkannya. Melihat itu, Rasulullah (s.a.w) bersabda

kepadanya: "Jangan kamu patahkan tulang itu, kerana jika kamu mematahkannya meskipun ia sudah mati, maka bererti sama dengan mematahkannya ketika dalam keadaan hidup. Tanamlah semula di sebelah kuburnya itu!"

Dengan demikian, Rasulullah (s.a.w) telah membuat satu perumpamaan yang paling indah untuk menghormati manusia, baik semasa hidup ataupun sesudah mati. Barang siapa yang melakukan itu, yakni mematahkan tulang mayat, bererti dia telah berdosa, tetapi dia tidak dikenakan ganti rugi dan hukuman qisas kerana adanya perbezaan hukum antara orang hidup dengan orang mati.

Analisis Lafaz

"فِي الْإِثْمِ", dalam hal dosa, bukan dalam hal hukuman. Inilah persamaan antara mematahkan tulang orang yang sudah mati dengan tulang orang yang masih hidup. Mematahkan tulang orang yang sudah mati tidak dikenakan ganti rugi dan qisas, lain halnya apabila seseorang itu berbuat demikian ke atas orang yang masih hidup.

Fiqh Hadis

1. Mayat pun turut merasakan sakit, sama halnya dengan orang yang hidup.
2. Dianjurkan menghormati manusia, baik ketika masih hidup ataupun sesudah mati.
3. Wajib memelihara tulang-belulang mayat yang berada dalam kubur ketika dilakukan penggalian. Oleh itu, orang yang menggali kubur mestilah menanamnya semula dan dilarang mematahkannya.

١٢٩- عَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "أَلْحِدُوا لِي لَحْدًا، وَانْصِبُوا عَلَى اللَّبِنِ نُصْبًا، كَمَا صُنِعَ بِرَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ." رَوَاهُ مُسْلِم.

وَلِلْبَيْهَقِيِّ عَنْ جَابِرٍ نَحْوُهُ، وَزَادَ: "وَرُفِعَ قَبْرُهُ عَنِ الْأَرْضِ قَدْرَ شِبْرٍ. وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

129. Daripada Sa'ad ibn Abu Waqqash (r.a), beliau berkata: "Buatkanlah liang lahad untukku dan tutupilah liang lahad itu dengan batu bata, sebagaimana yang telah dilakukan ke atas Rasulullah (s.a.w)." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Menurut riwayat al-Baihaqi daripada Jabir (r.a) disebutkan hadis yang serupa, tetapi ditambahkan sebagai berikut: "Dan kuburnya ditinggikan sejengkal dari permukaan tanah." (Hadis ini dinilai sahih oleh Ibn Hibban)

Makna Hadis

Asal mula wasiat Sa'ad ini ketika sahabat-sahabat yang lain mengatakan sesuatu kepadanya menjelang kematiannya: "Perlukah kami buatkan sesuatu untukmu seperti peti yang dibuat daripada kayu?" Lalu Sa'ad menjawab: "Lakukanlah sesuatu untukku seperti mana apa yang telah dilakukan ke atas Rasulullah (s.a.w)." Hal ini merupakan bukti jelas tentang keinginan sahabat untuk mengikuti jejak langkah Rasulullah (s.a.w), baik sewaktu baginda masih hidup mahupun sesudah wafat.

Analisis Lafaz

"أَلْحَدُوا لِي لَحْدًا", *al-lahd*, belahan yang dibuat pada salah satu tepi kubur yang keluasannya mampu memuat tubuh mayat, lalu mayat diletakkan di dalamnya dan ditutup dengan batu bata (papan) sebelum ditimbun tanah ke atasnya.

"وَانْصِبُوا عَلَى اللَّبِنِ نُصْبًا", *al-labin* adalah batu bata merah.

"نَحْوُهُ", serupa dengan hadis Sa'ad ibn Abu Waqqash (r.a).

Fiqh Hadis

1. Disunatkan membuat liang lahad dan menutupnya dengan bata merah setelah meletakkan mayat di dalamnya. Cara inilah yang dilakukan ke atas Rasulullah (s.a.w) mengikut kesepakatan para sahabat. Sahabat telah menceritakan bahawa jumlah batu bata yang digunakan untuk menutupi makam Rasulullah (s.a.w) sebanyak sembilan biji.
2. Disunatkan meninggikan kubur satu jengkal dari permukaan tanah supaya tidak dipijak orang lain atau supaya seseorang tidak membuang hajat di atasnya atau duduk di atasnya. Ini dilakukan bagi menghormati mayat.

Pembahasan

Jika tanah yang digali itu lembek, maka sebaiknya menggunakan belahan di bahagian tengah kubur. Jika tanah itu kering, maka dibolehkan menggunakan belahan dan liang lahad, tetapi liang lahad adalah lebih utama, kerana berlandaskan kepada hadis lain di mana Rasulullah (s.a.w) bersabda:

اللَّحْدُ لَنَا وَالشَّقُّ لِغَيْرِنَا.

"*Menggunakan liang lahad merupakan kebiasaan kami, sedangkan membelah tanah bukan merupakan kebiasaan kami.*"

Di samping itu, liang lahad telah dilakukan ke atas Rasulullah (s.a.w) dan telah dipilih Allah (s.w.t) sebagai kubur Nabi-Nya, kerana lelaki yang membuat liang lahad (Abu Talhah al-Ansari) datang lebih dahulu sebelum lelaki yang biasa

membuat belahan tanah; kedua-duanya memang telah dipanggil oleh para sahabat untuk membuatkannya.

Al-Syaq atau "membelah tanah" ialah membuat galian di bahagian tengah kubur, seperti galian parit dengan kedalaman yang dapat memuatkan tubuh jenazah, lalu jenazah diletakkan di antara kedua sisinya dan ditutup dengan batu (bata merah), kemudian ditimbun dengan tanah. Ini merupakan kebiasaan penduduk Mekah.

Al-Lahd atau "liang lahad" ialah membuat galian pada salah satu sisi kubur yang menghadap ke arah kiblat. Galian tersebut cukup untuk tubuh jenazah, kemudian ditutup dengan bata merah, selanjutnya ditimbun dengan tanah. Ini merupakan tradisi penduduk Madinah hingga sekarang.

١٣٠- وَلِمُسْلِمٍ عَنْهُ: نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُجَصَّصَ الْقَبْرُ، وَأَنْ يُقْعَدَ عَلَيْهِ، وَأَنْ يُبْنَى عَلَيْهِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

130. Menurut riwayat Muslim daripada Jabir (r.a) disebutkan sebagai berikut bahawa Rasulullah (s.a.w) telah melarang daripada mengecat perkuburan, duduk di atasnya dan membuat binaan di atasnya." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Hukum-hakam syariat telah ditetapkan demi kemaslahatan sekali gus mengetepikan kemudharatan, baik kemudharatan itu sendiri ataupun akibat yang bakal ditimbulkan oleh kemudharatan itu. Kejahilan telah bermaharajalela di kalangan umat terdahulu hingga mereka menjadikan bangunan sebagai kenangan berganti peranan menjadi berhala-berhala yang disembah. Dalam pada itu, syariat Islam melarang mengecat kuburan, membuat binaan di atasnya, dan menghiasinya dengan kain kelambu serta mengusap dindingnya. Larangan ini untuk mencegah perkara-perkara yang bakal mengakibatkan kemudharatan sesuai dengan hikmah yang terdapat di sebalik rahsia syariat Islam ini.

Analisis Lafaz

"وَلِمُسْلِمٍ عَنْهُ", oleh Muslim daripada melalui Jabir (r.a).

"يُجَصَّصَ الْقَبْرُ", mengecat kuburan dengan *al-jash*, yakni batu kapur.

"يُقْعَدَ عَلَيْهِ", duduk di atas kuburan.

Fiqh Hadis

1. Dilarang mengecat kuburan. Larangan ini menunjukkan hukum makruh menurut pendapat keempat-empat imam mazhab. Hikmah larangan ini

ialah kerana kuburan itu sifatnya sementara, bukan untuk selamanya; dan mengecatnya merupakan perhiasan duniawi, sedangkan mayat tidak memerlukan itu di samping dikhuatiri kuburan tersebut akan berubah peranan menjadi tempat sesembahan apabila kejahilan telah bermaharajalela di kalangan umat. Adapun mengecatnya dengan tanah liat, maka menurut Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad, itu tidak dilarang selagi bertujuan kewujudan kuburan sentiasa diketahui. Imam Malik pula berkata: "Makruh mengecat kuburan dengan tanah liat selagi tidak bertujuan untuk mencegah bau busuk, tetapi apabila itu dibuat untuk tujuan mencegah penyebaran bau busuk itu, maka ia dibolehkan. Imam Abu Hanifah dan murid-muridnya, menurut pendapat yang dipilih di kalangan mereka, mengatakan bahawa mengecat kuburan dengan tanah liat tidaklah dimakruhkan.

2. Dilarang duduk di atas kuburan. Menurut jumhur ulama, larangan ini menunjukkan hukum makruh. Jika duduk di atasnya untuk membuang hajat, baik hajat kecil ataupun hajat besar, maka larangan ini menunjukkan hukum haram. Menurut pendapat yang masyhur dari Imam Malik, makruh duduk dan berjalan di atas kuburan sama ada kuburan tersebut ditinggikan permukaannya atau diratakan sedangkan jalan berada di bawahnya dan diyakini masih ada tulang mayat di dalamnya. Jika diyakini sudah tidak ada lagi tulang di dalamnya, maka dibolehkan tanpa sebarang hukum makruh. Imam Malik mentafsirkan hadis yang melarang berbuat demikian bahawa larangan itu ditujukan kepada orang yang duduk di atasnya untuk membuang hajat kecil atau hajat besar.
3. Dilarang membuat bangunan di atas kuburan. Menurut pendapat yang paling sahih di sisi Imam al-Syafi'i dan murid-muridnya, Imam Abu Hanifah dan mazhab Hanbali, larangan ini menunjukkan hukum makruh apabila bangunan tersebut berada di tanah milik si pembangun; sedangkan larangan yang menunjukkan hukum haram adalah apabila bangunan tersebut berada di kawasan perkuburan umum. Al-Nawawi berkata: Bangunan tersebut wajib diruntuhkan tanpa ada seorang ulama pun yang berselisih pendapat dalam masalah ini. Imam Abu Hanifah berkata: "Bangunan tersebut wajib diruntuhkan, sekalipun berada di dalam masjid." Menurut mazhab Maliki, makruh membuat bangunan di atas kuburan apabila kuburan itu berada di atas tanah umum atau milik orang lain setelah mendapat kebenaran daripada pemiliknya, atau berada di atas tanah yang tidak bertuan selagi tidak bertujuan membanggakannya. Haram membuat bangunan di atas tanah yang bukan milik umum, misalnya di atas tanah waqaf khusus untuk perkuburan atau itu dilakukan untuk membanggakan diri kerana si mayat termasuk orang yang disegani semasa hidupnya. Diharamkan berbuat demikian kerana itu bererti menguasai hak umum, di samping tindakan sedemikian dianggap sifat takabbur dan perbuatan berbangga diri yang dilarang oleh Islam.

١٣١- عَنْ عَامِرِ بْنِ رَبِيعَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى عَلَى عُثْمَانَ بْنِ مَظْعُونٍ، وَأَتَى الْقَبْرَ، فَحَثَى عَلَيْهِ ثَلاَثَ حَثَيَاتٍ، وَهُوَ قَائِمٌ. رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ.

131. Daripada 'Amir ibnu Rabi'ah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah menyembahyangkan jenazah Utsman ibn Mazh'un, lalu baginda datang ke kuburnya dan menaburkan tanah di atas kuburannya sebanyak tiga kali dalam keadaam berdiri. (Diriwayatkan oleh al-Daraquthni)

Makna Hadis

Orang yang menghadiri acara pengkebumian disyariatkan menaburkan tanah dengan kedua-dua tangannya sebanyak tiga kali dalam keadaan berdiri berrdekatan kepala tempat mayat dikebumikan seperti mana yang pernah dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w). Seseorang yang berbuat demikian demikian dicatat memperoleh satu pahala kebaikan baginya untuk setiap taburan tanah itu seperti mana yang telah disebutkan di dalam satu hadis dha'if, tetapi dengan syarat seseorang yang berbuat demikian berniat mengharapkan ganjaran pahala daripada Allah (s.w.t).

Analisis Lafaz

Utsman ibn Mazh'un ibn Habib ibn Wahb ibn Hudzafah ibn Jumah al-Jumahi, beliau masuk Islam setelah tiga belas orang lelaki masuk Islam. Beliau turut serta berhijrah ke Habsyah bersama anaknya yang bernama al-Sa'ib. Ketika orang ramai melakukan hijrah ke Habsyah, mereka mendengar bahawa kabilah Quraisy telah masuk Islam. Oleh itu, mereka kembali pulang. Utsman ibnu Mazh'un meninggal dunia pada tahun ke-2 Hijriah setelah mengikuti Perang Badar. Beliaulah orang pertama yang meninggal dunia di Madinah dari kalangan kaum Muhajirin, dan orang pertama yang dikebumikan di al-Baqi' dari kalangan Muhajirin.

Utsman ibn Mazh'un adalah saudara sesusuan Rasulullah (s.a.w). Perjalanan hidupnya sungguh terpuji. Aisyah (r.a) menceritakan hadis berikut: "Rasulullah (s.a.w) telah mencium wajah Utsman ibn Mazh'un ketika meninggal dunia dalam keadaan kedua-dua mata baginda berlinangan air mata."

"حَثَيَاتٍ", beberapa genggaman.

Fiqh Hadis

Disyariatkan menaburkan tanah sebanyak tiga kali di atas kuburan. Murid-murid Imam al-Syafi'i menganggap sunat membaca doa berikut ketika melakukan itu:

مِنْهَا خَلَقْنَاكُمْ وَفِيهَا نُعِيدُكُمْ وَمِنْهَا نُخْرِجُكُمْ تَارَةً أُخْرَى.

"Dari tanah kami menciptakan kalian, ke dalam tanah kami mengembalikan kalian, dan pada kesempatan lain Kami mengeluarkan kalian dari tanah (pada hari berbangkit kelak)."

١٣٢- عَنْ عُثْمَانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا فَرَغَ مِنْ دَفْنِ الْمَيِّتِ وَقَفَ عَلَيْهِ وَقَالَ: "اسْتَغْفِرُوا لِأَخِيكُمْ وَسَلُوا لَهُ التَّثْبِيتَ، فَإِنَّهُ الْآنَ يُسْأَلُ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

132. Daripada Utsman (r.a), beliau berkata: "Jika Rasulullah (s.a.w) selesai mengkebumikan mayat, baginda berdiri dan bersabda: "Pohonkanlah ampunan untuk saudara kamu ini dan pintakanlah agar dirinya diteguhkan, kerana sesungguhnya dia sedang ditanya sekarang ini." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan dinilai sahih oleh al-Hakim)

Makna Hadis

Oleh kerana mayat ditanya di dalam kubur dan permohonan ampunan orang yang masih hidup untuknya boleh mendatangkan manfaat, maka disyariatkan membaca istighfar dan mendoakan dengan kebaikan kepada si mayat. Dalilnya adalah firman Allah (s.w.t):

..... رَبَّنَا ٱغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَٰنِنَا ٱلَّذِينَ سَبَقُونَا بِٱلْإِيمَٰنِ ..... ﴿١٠﴾

"... Ya Tuhan kami, ampunilah kami dan saudara-saudara kami yang telah beriman lebih dahulu daripada kami..." (Surah al-Hasyr: 10)

Demikian pula firman-Nya:

..... وَٱسْتَغْفِرْ لِذَنۢبِكَ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتِ ..... ﴿١٩﴾

"... Dan mohonlah ampunan bagi dosamu dan bagi (dosa) orang mukmin lelaki dan perempuan…." (Surah Muhammad: 19)

Hikmah adanya soalan ini ialah Allah membezakan yang buruk dan yang baik dengan membuka rahsia orang yang mati, menyingkap akidah serta keadaan mereka yang sebenar dan memberitahu balasan setiap mereka ke atas amal perbuatan yang telah dilakukannya selama ini di alam dunia.

Analisis Lafaz

"إِذَا فَرَغَ مِنْ دَفْنِ الْمَيِّتِ", apabila pengkebumian mayat telah selesai.

"وَقَفَ عَلَيْهِ", berdiri di dekat kuburnya.

"اسْتَغْفِرُوا لأَخِيكُمْ", berdoalah kamu untuk memohon ampunan untuk saudara

kamu.

"وَسَلُوا لَهُ التَّثْبِيتَ", mintakanlah untuknya agar Allah meneguhkan hatinya dalam kebenaran dan memberikan jawapan yang benar.

"فَإِنَّهُ ٱلْآنَ يُسْأَلُ", sesungguhnya dia sekarang sedang ditanya mengenai siapakah Tuhannya, agamanya dan nabinya.

Fiqh Hadis

1. Dianjurkan memohon ampunan untuk mayat setelah selesai proses pengkebumiannya.
2. Dianjurkan memohon keteguhan hati untuk si mayat ketika menghadapi pertanyaan dua malaikat.
3. Mayat memperoleh manfaat daripada doa orang hidup yang mendoakannya.
4. Mayat mengalami kehidupan yang lain di dalam kubur.
5. Pertanyaan kubur itu ada dan terjadi setelah proses pengkebumian.

١٣٣- عَنْ ضَمْرَةَ بْنِ حَبِيبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَحَدِ التَّابِعِينَ قَالَ: كَانُوا يَسْتَحِبُّونَ إِذَا سُوِّيَ عَلَى الْمَيِّتِ قَبْرُهُ، وَانْصَرَفَ النَّاسُ عَنْهُ، أَنْ يُقَالَ عِنْدَ قَبْرِهِ: يَا فُلَانُ! قُلْ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ. ثَلَاثُ مَرَّاتٍ، يَا فُلَانُ! قُلْ: رَبِّيَ اللهُ، وَدِينِيَ الْإِسْلَامُ، وَنَبِيِّ مُحَمَّدٌ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. رَوَاهُ سَعِيدُ بْنُ مَنْصُورٍ مَوْقُوفًا. وَلِلطَّبَرَانِيِّ نَحْوُهُ مِنْ حَدِيثِ أَبِي أُمَامَةَ مَرْفُوعًا مُطَوَّلًا.

133. Daripada Dhamrah ibn Habib (r.a), salah seorang tabi'in, berkata: "Mereka (para sahabat) menyukai apabila mayat telah dikebumikan dan orang ramai mula meninggalkannya, di dekat kuburnya para sahabat membaca: "Hai polan, katakanlah: 'Tidak ada tuhan selain Allah,' sebanyak tiga kali. Hai polan, katakanlah: 'Tuhanku adalah Allah, agamaku adalah Islam dan Nabi panutanku adalah Muhammad'." (Diriwayatkan oleh Sa'id ibn Manshur secara *mawquf*. Al-Thabarani turut mengemukakan hadis yang serupa daripada Abu Umamah secara *marfu'* secara panjang lebar)

Makna Hadis

Mentalqin mayat ada dua cara: Pertama, cara yang telah disepakati oleh seluruh ulama, iaitu talqin ketika seseorang sedang menghadapi kematiannya. Ini disunatkan di mana seseorang yang mentalqin disunatkan tidak mengatakan: 'Katakanlah!' dengan menggunakan kata-kata perintah, tetapi dia hendaklah

mengucapkan dua kalimat syahadat berhampiran telinganya dengan suara yang lemah lembut supaya orang yang sedang nazak itu tidak merasa terganggu dan menyusahkannya orang yang ditalqinnya. Jika orang yang ditalqinnya telah mengucapkan dua kalimat syahadat, maka janganlah dia mengulanginya kerana itu sudah memadai.

Dalilnya adalah Nabi (s.a.w) bersabda:

لَقِّنُوْا مَوْتَاكُمْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ، فَإِنَّ مَنْ كَانَ آخِرُ كَلاَمِهِ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ دَخَلَ الْجَنَّةَ.

"*Ajarkanlah kepada orang yang sedang nazak di antara kamu kalimat "لا إله إلا الله" (Tidak ada tuhan selain Allah), kerana apabila kalimat terakhir yang diucapkan oleh seseorang adalah "لا إله إلا الله" (Tidak ada tuhan selain Allah), nescaya dia masuk syurga.*"

Kedua, cara yang masih dipertikan oleh ulama, iaitu talqin yang diucapkan berdekatan kuburan sesudah mayat dikebumikan. Imam Malik dan Imam Ahmad tidak mengakui adanya talqin dengan cara seperti ini, kerana ia tidak pernah diamalkan dan hadis-hadisnya tidak mencapai status sahih.

Tetapi Imam al-Syafi'i dan Imam Abu Hanifah mengakui adanya talqin seperti ini, kerana berlandaskan kepada keumuman makna hadis berikut:

مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يَنْفَعَ أَخَاهُ فَلْيَفْعَلْ.

"*Barang siapa di antara kamu mampu berbuat manfaat untuk saudaranya, maka hendaklah dia melakukannya.*"

Di samping itu, adanya dalil yang menyatakan bahawa mayat dapat mendengar percakapan orang yang masih hidup dan mendengar suara terompah mereka. Dalil yang lain pula ialah hadis Abu Umamah yang serupa dengan hadis ini, meskipun hadisnya berstatus dha'if, tetapi itu sudah menjadi tradisi penduduk negeri Syam.

Analisis Lafaz

"أَحَدِ التَّابِعِينَ", tabi'in merupakan bentuk jamak dari tabi', iaitu orang yang sempat berjumpa sahabat dalam keadaan beriman dan mati dalam keadaan beriman pula, sekalipun di tengah-tengah masa itu dia pernah murtad, menurut pendapat yang paling sahih.

"كَانُوا يَسْتَحِبُّونَ", apa yang dimaksud dengan mereka yang menyukai hal tersebut adalah para sahabat yang mulia.

"إِذَا سُوِّيَ عَلَى الْمَيِّتِ قَبْرُهُ", apabila mereka telah menyelesaikan pengkebumian mayat. Lafaz "سُوِّيَ" berasal dari fi'il madhi "سَوَّى" yang dijadikan *mabni majhul*, asal mula katanya ialah "تسوية" yang bermakdud menyelesaikan.

"قُلْ: لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ", kalimat tauhid hendaklah diulangi sebanyak tiga kali.

"رَوَاهُ سَعِيدُ بْنُ مَنْصُورٍ مَوْقُوفًا", hadis ini berkedudukan sebagai dha'if, dikemukakan oleh Sa'id ibn Manshur di dalam kitabnya al-Sunan daripada Dhamrah ibn Habib

daripada para syeikh penduduk kota Himsha. Dengan ini, tradisi ini merupakan tradisi penduduk kota Himsha.

"وَلِلطَّبَرَانِيِّ", al-Thabarani di dalam kitab al-Kabir turut mengemukakan hadis ini, tetapi di dalam sanadnya terdapat sekumpulan orang yang tidak kami kenal dan di dalam keterangannya terdapat 'Ashim ibn Abdullah, sedangkan dia seorang periwayat dha'if.

"نَحْوُهُ", serupa dengan hadis Dhamrah daripada Abu Umamah yang lafaznya adalah sebagai berikut:

إِذَا أَنَا مُتُّ، فَاصْنَعُوا بِي كَمَا أَمَرَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ نصْنَعَ بِمَوْتَانَا، أَمَرَنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ:"إِذَا مَاتَ أَحَدٌ مِنْ إِخْوَانِكُمْ، فَسَوَّيْتُم التُّرَابَ عَلَى قَبْرِهِ، فَلْيَقُمْ أَحَدُكُمْ عَلَى رَأْسِ قَبْرِهِ، ثُمَّ لِيَقُلْ: يَا فُلانَ بن فُلانَةَ، فَإِنَّهُ يَسْمَعُهُ وَلا يُجِيبُ، ثُمَّ يَقُولُ: يَا فُلانَ بن فُلانَةَ، فَإِنَّهُ يَسْتَوِي قَاعِدًا، ثُمَّ يَقُولُ: يَا فُلانَ بن فُلانَةَ، فَإِنَّهُ يَقُولُ: أَرْشِدْنَا رَحِمَكَ اللهُ، وَلَكِنْ لا تَشْعُرُونَ، فَلْيَقُلْ: اذْكُرْ مَا كُنْتَ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا مِنْ شَهَادَةِ أَنْ لا إِلَهَ إِلا اللهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، وَأَنَّكَ رَضِيتَ بِاللهِ رَبًّا، وَبِالإِسْلامِ دِينًا، وَبِمُحَمَّدٍ نَبِيًّا، وَبِالْقُرْآنِ إِمَامًا، فَإِنَّ مُنْكَرًا وَنَكِيرًا يَأْخُذُ وَاحِدٌ مِنْهُمَا بِيَدِ صَاحِبِهِ، وَيَقُولُ: انْطَلِقْ بنا مَا نَقْعُدُ عِنْدَ مَنْ قَدْ لُقِّنَ حُجَّتَهُ"، فَقَالَ رَجُلٌ: يَا رَسُولَ اللهِ، فَإِنْ لَمْ نَعْرِفْ أُمَّهُ؟ قَالَ:"تَنْسُبُهُ إِلَى أُمِّهِ حَوَّاءَ، يَا فُلانَ بن حَوَّاءَ".

"Jika aku meninggal dunia, maka perlakukanlah diriku seperti apa yang diperintahkan oleh Rasulullah (s.a.w) terhadap orang yang mati di antara kami. Rasulullah (s.a.w) telah menyuruh kami melalui sabdanya: "Jika ada seseorang dari saudara-saudara kamu meninggal dunia, lalu kamu telah meratakan tanah di atas kuburnya, maka hendaklah ada seseorang di antara kamu bangkit, lalu menuju ke tempat kepalanya, kemudian hendaklah dia mengucapkan: 'Hai polan bin polanah'. Sesungguhnya dia mendengarnya, tetapi tidak dapat menjawab. Kemudian hendaklah dia mengucapkan lagi: 'Hai polan bin polanah!' Maka sesungguhnya dia bangkit duduk. Kemudian hendaklah dia mengatakan: 'Hai polan bin polanah!' Maka sesungguhnya dia akan menjawab: 'Berilah kami bimbingan, semoga Allah merahmatimu', tetapi kamu tidak merasakan (jawapan)nya. Lalu hendaklah dia mengucapkan: 'Sebutlah apa yang engkau yakini ketika di dunia, iaitu bersaksi bahawa tidak ada tuhan selain Allah dan Muhammad adalah hamba dan pesuruh Allah. Engkau reda Allah sebagai Tuhanmu, Islam sebagai agamamu, Nabi Muhammad sebagai Nabi panutanmu, dan al-Qur'an sebagai imam (pembimbing)mu. Ini kerana Malaikat Munkar dan Malaikat Nakir masing-masing akan memegang tangan temannya, lalu berkata kepadanya: 'Marilah

kita pergi, tidak ada gunanya kita berlama-lama dengan orang yang jawapannya diajarkan kepadanya'. Kemudian ada seorang lelaki bertanya: "Wahai Rasulullah, bagaimana kalau kami tidak mengetahui nama ibunya?" Nabi (s.a.w) menjawab: "Kamu nisbahkan kepada ibu Hawa: 'Hai polan bin Hawa'."

"وَلَكِنْ لا تَشْعُرُونَ", tetapi kamu tidak mengetahui bahawa dia duduk tegak dan berkata: "Berilah aku bimbingan, semoga Allah merahmatimu."

"مُنْكَرًا وَنَكِيرًا", nama dua malaikat yang ditugaskan untuk menanyakan mayat di dalam kubur.

Fiqh Hadis

1. Dibolehkan mentalqin mayat sesudah menimbunkan tanah ke atas kuburnya dan menyelesaikan proses pengkebumiannya. Hal ini dianggap sunat oleh para pengikut mazhab al-Syafi'i. Ibn al-Qayyim dalam kitabnya al-Ruh berkata: "Hadis ini dha'if." Jumhur ulama mengatakan bahawa hadis dha'if boleh diamalkan untuk tujuan keutamaan beramal.
2. Pertanyaan kubur itu ada dan terjadi setelah mayat dikebumikan.
3. Mayat mengalami kehidupan dalam bentuk yang lain di dalam kubur.

Periwayat Hadis

Dhamrah ibn Habib al-Himshi, nama panggilannya adalah Abu Ubaid. Beliau meriwayatkan hadis daripada Umaman dan Syaddad ibn Aus. Telah diambil riwayat hadis daripadanya oleh 'Utbah dan Artha'ah ibn al-Mundzir. Beliau dinilai tsiqah oleh Ibn Mu'in.

١٣٤- عَنْ بُرَيْدَةَ بْنِ الْحُصِيبِ الْأَسْلَمِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ فَزُورُوهَا". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

زَادَ التِّرْمِذِيُّ: "فَإِنَّهَا تُذَكِّرُ الْآخِرَةَ". زَادَ ابْنُ مَاجَه مِنْ حَدِيثِ ابْنِ مَسْعُودٍ: "وَتُزَهِّدُ فِي الدُّنْيَا".

134. Daripada Buraidah ibn al-Hashib al-Aslami (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Dahulu aku melarang kamu daripada menziarahi kubur, namun sekarang kamu hendaklah menziarahinya!*" (Diriwayatkan oleh Muslim)

Al-Tirmizi menambahkan: "*Ini kerana ziarah kubur itu boleh mengingatkan hari akhirat.*" Ibn Majah daripada Ibn Mas'ud (r.a) menambahkan sebagai berikut: "*Dan menyebabkan zuhud terhadap urusan duniawi.*"

Makna Hadis

Menziarahi kubur sememangnya disyariatkan. Pada masa permulaan Islam, Nabi (s.a.w) melarang ziarah kubur kerana mereka masih baru meninggalkan penyembahan kubur. Kemudian Nabi (s.a.w) membenarkan mereka menziarahi kubur setelah beberapa waktu kemudian dan baginda menjelaskan hikmah yang terdapat di dalam menziarahi kubur yang antara lain adalah mengingatkan seseorang kepada hari akhirat dan menyebabkan zuhud terhadap urusan duniawi. Oleh itu, menziarahi kubur hendaklah dilakukan oleh orang yang mempunyai ketabahan yang kuat dan sempurna agamanya.

Ziarah kubur ini dikukuhkan lagi kepada kedua ibu bapa yang telah meninggal dunia kerana ada hadis yang menganjurkan berbuat demikian.

Analisis Lafaz

"نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ فَزُورُوهَا", pada mulanya Nabi (s.a.w) melarang mereka daripada menziarahi kubur kerana mereka masih baru masuk Islam dan masih dekat dengan masa jahilih, di samping mereka dikhuatiri membincangkan kebiasaan mereka yang buruk itu di masa lalu. Setelah Islam bertambah mantap dan hukum-hakamnya telah berjalan dengan baik, Rasulullah (s.a.w) menyuruh mereka untuk menziarahi kubur dengan tetap memegang etika dan sopan santun yang dianjurkan oleh syariat Islam. Di dalam riwayat al-Nasa'i disebutkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

كُنْتُ نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ، فَمَنْ أَرَادَ أَنْ يَزُورَ فَلْيَزُرْ وَلاَ تَقُولُوا هُجْرًا.

"*Sebelum ini aku melarang kamu daripada menziarahi kubur. Jadi sekarang barang siapa yang ingin menziarahi kubur, maka berziarahlah, tetapi janganlah kamu mengucapkan kata-kata yang keji.*"

Perintah di dalam hadis ini mengandungi hukum sunat, menurut pendapat jumhur ulama. Hikmah yang terdapat di dalam menziarahi kubur ini ialah untuk mengambil pengajaran dan nasihat bagi diri seseorang. Disunatkan bagi seseorang yang menziarahi kubur membaca doa berikut apabila telah sampai di kawasan perkuburan:

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ دَارَ قَوْمٍ مُؤْمِنِيْنَ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ يَرْحَمُ اللهُ الْمُتَقَدِّمِيْنَ مِنَّا وَالْمُتَأَخِّرِيْنَ وَإِنَّا إِنْ شَاءَ اللهُ بِكُمْ لاَحِقُوْنَ.

"Semoga keselamatan dilimpahkan ke atas kamu, wahai para penghuni kubur, dari kalangan kaum mukminin. Semoga pula rahmat Allah serta berkat-Nya dilimpahkan ke atas kamu. Semoga Allah merahmati orang yang telah mendahului kami dan orang yang kemudian menyusul kami. Sesungguhnya Insya Allah kami akan menyusul kamu."

Selain itu hendaklah dia berdoa memohonkan ampunan kepada Allah bagi ahli kubur. Al-Baihaqi di dalam kitab Syu'ab al-Iman ada menyebut hadis berikut:

مَنْ زَارَ قَبْرَ الْوَالِدَيْنِ أَوْ أَحَدِهِمَا فِيْ كُلِّ جُمُعَةٍ غُفِرَ لَهُ وَكُتِبَ بَارًّا.

"*Barang siapa yang menziarahi kubur kedua ibu bapanya atau salah seorang daripada keduanya setiap hari Jumaat, maka dia mendapat ampunan dan dicatat sebagai anak yang berbakti (kepada kedua ibu bapanya).*"

"فَإِنَّهَا تُذَكِّرُ الْآخِرَةَ", ziarah kubur menjadi pengajaran dan peringatan serta nasihat bagi seseorang, di mana dia sedar akan mengalami nasib yang sama dengan ahli kubur itu.

"زَادَ ابْنُ مَاجَه مِنْ حَدِيثِ ابْنِ مَسْعُودٍ", Ibn Majah di dalam hadis yang disebutkannya daripada Ibn Mas'ud menambahkan yang lengkapnya sebagai berikut:

أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: كُنْتُ نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ فَزُورُوهَا، فَإِنَّهَا تُزَهِّدُ فِي الدُّنْيَا وَتُذَكِّرُ الْآخِرَةَ.

"Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Dahulu aku melarang kamu daripada menziarahi kubur, maka sekarang hendaklah kamu menziarihinya, kerana menziarah kubur itu dapat membuat zuhud terhadap urusan duniawi dan mengingatkan hari akhirat.*"

"تُزَهِّدُ فِي الدُّنْيَا", menganggap remeh perkara duniawi menurut pandangan orang yang merasakan dirinya pasti mati.

Fiqh Hadis

Disyariatkan menziarahi kubur dan dianjurkan melakukannya, kerana menziarahi kubur merupakan pengajaran dan nasihat bagi orang yang rajin melakukannya. Ulama telah bersepakat bahawa menziarahi kubur itu sunat bagi kaum lelaki, tetapi mereka berselisih pendapat bagi kaum wanita. Ada di antara mereka yang mengharamkan kaum wanita menziarahi kubur kerana mereka memiliki kesabaran yang rapuh dan cepat beremosi. Mereka yang mengharamkannya melandaskan pendapatnya dengan berdalilkan kepada laknat Rasulullah (s.a.w) terhadap kaum wanita yang melakukan ziarah kubur di mana hadis mengenainya akan disebutkan setelah ini.

Ada pula di antara mereka yang membolehkan kaum wanita melakukan menziarahi kubur dengan alasan bahawa *rukhsah* yang diberikan oleh Nabi (s.a.w) dalam masalah menziarahi kubur ini bersifat umum yang mencakup kaum lelaki dan kaum wanita. Selain itu, ada pula hadis yang mengatakan bahawa Nabi (s.a.w) pernah mengajarkan doa yang mesti dibaca ketika menziarah kubur kepada Aisyah (r.a). Hukum boleh ini menurut mereka yang membolehkannya diikat oleh satu syarat, iaitu selagi wanita itu tidak melakukan perbuatan mungkar atau melakukan *niyahah*.

١٣٥- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَعَنَ زَائِرَاتِ الْقُبُورِ. أَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ .

135. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) melaknat wanita-wanita yang melakukan ziarah kubur." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi, dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban)

Makna Hadis

Laknat adalah dihalau atau dijauhkan daripada rahmat Allah. Di antara bukti yang menunjukkan bahawa sesuatu itu dianggap sebagai dosa besar ialah adanya hukum rejam, hudud atau ancaman yang berat bagi pelakunya. Di sini Nabi (s.a.w) telah melaknat wanita-wanita yang melakukan ziarah kubur. Hal ini dijadikan sebagai dalil oleh ulama yang mengharamkan kaum wanita melakukan ziarah kubur secara mutlak.

Menurut mereka yang membolehkan kaum wanita melakukan ziarah kubur, hadis ini hendaklah ditafsirkan khusus berkaitan wanita yang melakukan perbuatan mungkar ketika berziarah, seperti menampar pipi sendiri, mengoyak kerah baju sendiri dan menangis dengan cara *niyahah* (menjerit-jerit). Ini kerana kesabaran mereka sangat rapuh dan cepat beremosi.

Analisis Lafaz

"لَعَنَ", laknat adalah dijauhkan daripada rahmat Allah (s.w.t).

"زَائِرَاتِ الْقُبُورِ", wanita-wanita yang melakukan ziarah kubur.

Fiqh Hadis

Haram menziarahi kubur bagi kaum wanita kerana kebiasaan mereka dalam berziarah seperti gemar menampar pipi sendiri, mengoyak baju, menangis dengan cara menjerit, mengabaikan hak suami dan ber-*tabarruj*.

١٣٦- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: لَعَنَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ النَّائِحَةَ وَالْمُسْتَمِعَةَ. أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ.

136. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melaknat wanita yang melakukan *niyahah* dan yang gemar mendengarkannya." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud)

Makna Hadis

Al-Niyahah ialah menangis dengan suara yang kuat disertai dengan perkataan yang menyebut-nyebut perihal si mayat dan kebaikan-kebaikannya. Ini adalah tradisi masyarakat Jahiliah. Nabi (s.a.w) telah mengharamkannya dan para ulama pun telah bersepakat bahawa ia diharamkan. Adapun menangis sekadar menitiskan air mata tanpa menguatkan suara, maka itu tidak termasuk *niyahah*, dan Allah tidak menyeksa mayat, kerana menangis seperti itu.

Hikmah diharamkan *niyahah* kerana perbuatan ini menunjukkan perasaan kecewa dan penyesalan terhadap takdir Allah, padahal seorang mukmin diwajibkan beriman dengan qadha' dan takdir Allah disertai dengan perasaan berserah diri kepada-Nya.

Wanita lain yang mendengarkan wanita yang sedang melakukan *niyahah* dianggap bersekutu dengannya dalam hal dosa. Wanita yang biasa ber-*niyahah* apabila dia mati dalam keadaan belum bertaubat daripada perbuatannya itu, maka Allah membuatkan untuknya baju yang dibuat daripada tar dan baju besai yang dibuat daripada api neraka. Inilah ancaman yang disebutkan dalam hadis lain.

Rasulullah (s.a.w) telah berlepas diri daripada wanita-wanita yang sering melakukan *niyahah*. Dalam kaitan ini, baginda bersabda:

لَيْسَ مِنَّا مَنْ ضَرَبَ الْخُدُوْدَ وَشَقَّ الْجُيُوْبَ وَدَعَا بِدَعْوَى الْجَاهِلِيَّةِ.

"Tidak termasuk golongan kami orang yang suka memukul-mukul pipi, mengoyak baju dan mengucapkan kata-kata Jahiliah."

Analisis Lafaz

"لَعَنَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", Rasulullah (s.a.w) melaknat dan mendoakan agar dijauhkan daripada rahmat Allah (s.w.t).

"النَّائِحَةَ", wanita yang menangisi mayat dengan menyebut-nyebut kebaikan si mayat disertai dengan suara tangisan yang kuat.

"وَالْمُسْتَمِعَةَ", wanita yang suka mendengarkan wanita-wanita lain yang ber-*niyahah*, maka dia turut mendapat dosa yang sama dengan pelakunya.

Fiqh Hadis

Haram melakukan niyahah dan mendengarkannya, kerana kedua-dua perbuatan ini termasuk dosa besar yang mengakibatkan pelakunya dijauhkan daripada rahmat Allah (s.w.t).

١٣٧- عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: أَخَذَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ لاَ نَنُوحَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

137. Daripada Ummu Athiyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) telah membaiat kami untuk tidak melakukan niyahah." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) telah membaiat kaum wanita yang dilakukannya secara lisan tanpa bersalaman tangan, kerana baginda sama sekali tidak pernah bersalaman tangan dengan wanita lain. Dalil bai'at ini adalah firman Allah (s.w.t):

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ إِذَا جَآءَكَ ٱلْمُؤْمِنَـٰتُ يُبَايِعْنَكَ عَلَىٰٓ أَن لَّا يُشْرِكْنَ بِٱللَّهِ شَيْـًٔا وَلَا يَسْرِقْنَ وَلَا يَزْنِينَ وَلَا يَقْتُلْنَ أَوْلَـٰدَهُنَّ وَلَا يَأْتِينَ بِبُهْتَـٰنٍ يَفْتَرِينَهُۥ بَيْنَ أَيْدِيهِنَّ وَأَرْجُلِهِنَّ وَلَا يَعْصِينَكَ فِى مَعْرُوفٍ ۙ فَبَايِعْهُنَّ وَٱسْتَغْفِرْ لَهُنَّ ٱللَّهَ ۖ ..... ﴿١٢﴾

"Hai Nabi, apabila datang kepadamu perempuan-perempuan yang beriman untuk mengadakan janji setia, bahawa mereka tidak akan mempersekutukan Allah dengan sesuatu apapun, tidak akan mencuri, tidak akan berzina, tidak akan membunuh anak-anaknya, tidak akan berbuat dusta yang mereka ada-adakan antara tangan dan kaki mereka, dan tidak akan menderhakaimu dalam urusan yang baik, maka terimalah janji setia mereka dan mohonkanlah ampunan kepada Allah untuk mereka..." (Surah al-Mumtahanah: 12)

Antara bai'at Rasulullah (s.a.w) kepada kaum wanita itu ialah tidak boleh *niyahah*. Ini menunjukkan perbuatan *niyahah* adalah haram dan haram pula mendengarkannya.

Analisis Lafaz

"أَخَذَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", Rasulullah (s.a.w) bersumpah ketika kami berbaiat kepadanya.

"أَنْ لاَ نَنُوحَ", kami tidak boleh ber-*niyahah*, kerana perbuatan tersebut melambangkan kekecewaan dan tidak reda terhadap takdir. Ini bererti bertolak belakang dengan iman sekali gus mengungkapkan sikap membangkang terhadap hukum Allah.

Fiqh Hadis

Haram melakukan niyahah dan betapa besar dosa melakukan *niyahah*. Ia wajib diingkari dan dijauhi, sebab perbuatan ini menggugah perasaan sedih, menghilangkan kesabaran dan di dalamnya terdapat sikap yang menentang sikap berserah diri kepada takdir Allah dan tunduk kepada keputusan-Nya.

١٣٨- عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "الْمَيِّتُ يُعَذَّبُ فِي قَبْرِهِ بِمَا نِيحَ عَلَيْهِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ. وَلَهُمَا: نَحْوُهُ عَنِ الْمُغِيرَةِ بْنِ شُعْبَةَ.

138. Daripada Ibn 'Umar (r.a) daripada Nabi (s.a.w), beliau bersabda: "*Mayat diseksa di dalam kuburnya kerana niyahah yang ditujukan kepadanya.*" (Muttafaq 'alaih) Hadis yang serupa turut dikemukakan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada al-Mughirah ibn Syu'bah (r.a).

Makna Hadis

Mayat diseksa di dalam kubur kerana tangisan keluarganya apabila dia berwasiat supaya berbuat demikian kepada mereka. Wasiat seperti itu merupakan tradisi Jahiliah yang telah dihapuskan oleh Islam untuk selama-lamanya. Barang siapa yang berwasiat bahawa apabila dirinya mati kelak supaya ditangisi, maka dia diseksa lantaran wasiatnya itu dan apabila mereka mematuhi wasiatnya, maka si mayat diseksa lagi kerananya, hingga dia harus menerima dua kali ganda seksaan; pertama kerana wasiatnya supaya ditangisi dan kedua kerana *niyahah* yang ditujukan kepadanya.

Jika si mayat tidak berwasiat supaya berbuat demikian sebelumnya, maka dia tidak diseksa kerana perbuatan niyahah yang dilakukan oleh keluarganya yang ditujukan kepadanya. Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ..... ﴿١٦٤﴾

"... *Dan seorang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang lain...*" (Surah al-An'am: 164)

Analisis Lafaz

"الْمَيِّتُ يُعَذَّبُ فِي قَبْرِهِ بِمَا نِيحَ عَلَيْهِ", mayat diseksa di dalam kuburnya kerana tangisan keluarganya yang ditujukan kepadanya, apabila dia berwasiat supaya berbuat demikian sebelumnya. Ini merupakan tradisi yang berlaku pada zaman Jahiliah. Salah seorang penyair mereka yang bernama Tarfah ibn al-'Abd mengatakan dalam salah satu bait syairnya: "Jika aku mati, maka tangisilah aku dengan menyebut semua yang patut bagiku; dan koyaklah kerah bajumu, wahai anak Ma'bad."

"وَلَهُمَا", oleh al-Bukhari dan Muslim.

"نَحْوُهُ", hadis yang serupa dengan hadis Ibn Umar (r.a) daripada al-Mughirah ibn Syu'bah (r.a) yang lafaznya berbunyi sebagai berikut:

سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ: إِنَّ كِذْبًا عَلَيَّ لَيْسَ كَكِذْبٍ عَلَى أَحَدٍ، مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

"Saya pernah mendengar Nabi (s.a.w) bersabda: "Sesungguhnya suatu perbuatan dusta terhadapku tidak sama dengan perbuatan dusta terhadap orang selain diriku. Barang siapa yang berdusta terhadapku dengan sengaja, maka hendaklah dia bersiap sedia untuk mengambil tempat duduknya di dalam neraka."

سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ: مَنْ نِيْحَ عَلَيْهِ يُعَذَّبُ بِمَا نِيْحَ عَلَيْهِ.

"Saya pernah mendengar Nabi (s.a.w) bersabda: "Barang siapa yang dirinya ditangisi (secara *niyahah*), maka dia akan diseksa kerana tangisan yang ditujukan kepadanya."

Fiqh Hadis

1. Seksa kubur itu benar-benar ada.
2. Mayat diseksa di dalam kubur kerana tangisan keluarganya yang ditujukan kepadanya apabila sebelumnya dia pernah berwasiat supaya ditangisi atau itu merupakan tradisi yang biasa dilakukan oleh keluarganya, dan ketika masih hidup dia bersetuju dengan apa yang mereka lakukan.

١٣٩- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: شَهِدْتُ بِنْتًا لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تُدْفَنُ وَرَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَالِسٌ عِنْدَ الْقَبْرِ، فَرَأَيْتُ عَيْنَيْهِ تَدْمَعَانِ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

139. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "Saya pernah menghadiri pengkebumian salah seorang puteri Nabi (s.a.w). Ketika itu Rasulullah (s.a.w) duduk di tepi kuburan dan saya melihat kedua-dua mata baginda mengeluarkan air mata." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Mati merupakan satu perkara yang telah ditetapkan oleh Allah (s.w.t) di mana setiap makhluk pasti mengalaminya. Adalah satu kewajipan bagi keluarga mayat untuk bersikap reda terhadap ketetapan dan takdir Allah serta berserah diri kepada-Nya.

Nabi (s.a.w) telah memberikan *rukhsah* dengan membolehkan menangisi mayat, tetapi bukan dengan tangisan yang menjerit-jerit, niyahah, mengoyak pakaian atau

menampar pipi, kerana perbuatan itu merupakan tradisi Jahiliah sekali gus bukti membenci dan kecewa terhadap takdir Allah (s.w.t). Tangisan dengan suara yang keras disertai niyahah merupakan dosa besar dan haram hukumnya.

Analisis Lafaz

"شَهِدْتُ بِنْتًا", al-Waqidi dan pakar sejarah mengatakan bahawa anak perempuan yang dimaksudkan di sini ialah Ummu Kultsum binti Rasulullah (s.a.w) yang pernah berkahwin dengan 'Utbah ibn Abu Lahab sebelum zaman baginda dilantik menjadi Rasul. 'Utbah masih belum mencampurinya hingga Nabi (s.a.w) dilantik menjadi Rasul. Setelah itu Abu Lahab menyuruh anaknya menceraikannya. Kemudian Ummu Kultsum berkahwin dengan Utsman ibn Affan (r.a) setelah saudara perempuannya, iaitu Ruqayyah binti Rasulullah (s.a.w) meninggal dunia pada tahun ke-3 Hijriah. Pengkebumian Ruqayyah tidak dihadiri oleh Nabi (s.a.w) yang pada saat itu sedang berada dalam peperangan. Ummu Kultsum meninggal dunia setelah menjadi isteri Utsman pada tahun ke-9 Hijriah.

"فَرَأَيْتُ عَيْنَيْهِ تَدْمَعَانِ", saya melihat kedua-dua mata baginda menitiskan air mata, iaitu air mata seorang ayah yang sedih yang tidak dapat dibendungnya.

Fiqh Hadis

1. Boleh menangisi kematian seseorang tanpa menyebut-nyebut kebaikannya memandangkan kesedihan di kala itu tidak dapat dibendung hingga mata pun mengeluarkan air mata kerana berpisah dengan keluarga atau orang yang disayangi.
2. Boleh duduk di sisi kubur menunggu selesainya proses pengkebumian.
3. Para sahabat sentiasa memperhatikan segala tindak-tanduk Nabi (s.a.w) untuk kemudian diikuti dan diamalkan.

١٤٠- عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لاَ تَدْفِنُوا مَوْتَاكُمْ بِاللَّيْلِ إِلاَّ أَنْ تُضْطَرُّوا". أَخْرَجَهُ ابْنُ مَاجَه. وَأَصْلُهُ فِي "مُسْلِمٍ"، لَكِنْ قَالَ: زَجَرَ أَنْ يُقْبَرَ الرَّجُلُ بِاللَّيْلِ، حَتَّى يُصَلَّى عَلَيْهِ.

140. Daripada Jabir (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) bersabda: "*Janganlah kamu mengkebumikan orang mati di antara kamu pada waktu malam hari, kecuali jika dalam keadaan terpaksa.*" (Diriwayatkan oleh Ibn Majah) Asal hadis ini berada pada riwayat Muslim. Namun di dalam riwayat Muslim disebutkan sebagai berikut: "Nabi (s.a.w) melarang daripada melakukan proses pengkebumian seorang lelaki pada waktu malam hari hingga sebelum baginda menyembahyangkannya."

Makna Hadis

Mengikut hukum asal, pengkebumian mayat dilakukan pada waktu siang hari. Ini lebih diutamakan kerana melakukan pengkebumian pada waktu malam hari diyakini akan mengakibatkan perlakuan yang tidak betul terhadap hak si mayat, seperti jumlah orang yang menyembahyangkan tidak ramai, penyelenggaraan proses pengkafanan tidak betul, orang yang diharapkan datang malah tidak hadir, padahal kehadiran dan doa mereka sangat diharapkan, malaikat siang hari jauh lebih bersifat penyayang apabila dibandingkan dengan malaikat yang bertugas pada waktu malam hari seperti mana yang telah disebutkan di dalam sebuah atsar. Selain itu, dikhuatiri orang yang melakukan pengkebumian pada waktu malam hari diganggu oleh haiwan berbisa yang terdapat di sekitar perkuburan.

Apapun, pengkebumian mayat pada waktu malam hari, syariat telah memberikan *rukhsah* bahawa apabila dalam keadaan mendesak, misalnya dikhuatir mayat akan membusuk seandainya pengkebumian ditangguhkan hingga menunggu waktu pagi hari, orang yang menyembahyangkannya akan kepanasan, dikhuatiri bakal terjadi kesesakan atau dikhuatiri akan terjadi fitnah, maka dalam keadaan ini dibolehkan.

Rasulullah (s.a.w) sendiri dikebumikan pada waktu malam hari. Ali (r.a) mengkebumikan Fatimah pada waktu malam hari, Abu Bakar (r.a) pun dikebumikan pada waktu malam hari. Di dalam hadis Ibn Abbas (r.a) disebutkan sebagai berikut:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ قَبْرًا لَيْلاً فَأُسْرِجَ لَهُ سِرَاجٌ فَأَخَذَهُ مِنْ قِبَلِ الْقِبْلَةِ، وَقَالَ: رَحِمَكَ اللهُ إِنْ كُنْتَ لَأَوَّاهًا تَلاَّءً لِلْقُرْآنِ.

"Nabi (s.a.w) memasuki kuburan pada suatu malam, lalu dinyalakan pelita untuknya, kemudian baginda mengambil posisi di hadapan arah kiblat seraya bersabda: "Semoga Allah merahmatimu, jika kamu benar-benar penghuni kuburan ini dalam keadaan banyak membaca al-Qur'an." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan berkata: "Hadis ini hasan.")

Selain itu telah ditetapkan di dalam hadis Uqbah ibn 'Amir larangan melakukan pengkebumian dalam tiga waktu, iaitu: ketika matahari terbit hingga tinggi, pada waktu tengah hari hingga matahari tergelincir dan ketika matahari mulai condong untuk tenggelam hingga tenggelam dengan sempurna.

Analisis Lafaz

"لاَ تَدْفِنُوا مَوْتَاكُمْ بِاللَّيْلِ", larangan ini menunjukkan hukum makruh. Tetapi jika ada bahaya yang benar-benar bakal terjadi, maka larangan ini menunjukkan hukum haram.

"وَأَصْلُهُ فِي مُسْلِمٍ", asal hadis ini berada pada Muslim yang lafaznya sebagai berikut:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَطَبَ يَوْمًا فَذَكَرَ رَجُلاً مِنْ أَصْحَابِهِ قُبِضَ، فَكُفِّنَ فِي كَفَنٍ غَيْرِ طَائِلٍ، وَدُفِنَ لَيْلاً وَزَجَرَ أَنْ يُقْبَرَ الرَّجُلُ بِاللَّيْلِ حَتَّى يُصَلَّى عَلَيْهِ إِلاَّ أَنْ يُضْطَرَّ الْإِنْسَانُ إِلَى ذَلِكَ.

"Pada suatu hari Nabi (s.a.w) berkhutbah, lalu disebutkanlah seorang lelaki dari kalangan sahabatnya yang meninggal dunia dan diberi kain kafan yang tidak mencukupi serta dikebumikan pada waktu malam hari. Baginda melarang pengkebumian lelaki tersebut pada waktu malam hari sebelum baginda menyembahyangkannya, kecuali apabila dalam keadaan terpaksa."

"قُبِضَ", meninggal dunia.

"غَيْرِ طَائِلٍ", kurang sempurna kain kafannya, yakni tidak dapat menutupi seluruh tubuhnya.

"وَدُفِنَ لَيْلاً", dikebumikan pada waktu malam hari.

"زَجَرَ", menegur dengan keras.

"أَنْ يُقْبَرَ الرَّجُلُ", mengkebumikan orang itu pada waktu malam hari.

"إِلاَّ أَنْ يُضْطَرَّ", kecuali apabila dalam keadaan darurat yang mendorong agar pengkebumian dilakukan pada waktu malam hari.

Fiqh Hadis

1. Makruh melakukan pengkebumian pada waktu malam hari, kerana diyakini akan mengakibatkan perbuatan sempurna terhadap hak mayat seperti mayat tidak disolatkan dan proses pengkafanan kurang sempurna.
2. Boleh melakukan pengkebumian pada waktu malam hari kerana keadaan darurat seperti dikhuatiri akan menyebabkan kesesakan orang ramai yang menghadirinya, jenazah akan membusuk atau dikhuatiri akan menimbulkan perkara-perkara lain yang tidak diingini. Jumhur ulama dan ulama khalaf membolehkan melakukan pengkebumian pada waktu malam hari, kerana berlandaskan kepada amalan para sahabat.

١٤١- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ جَعْفَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: لَمَّا جَاءَ نَعْيُ جَعْفَرٍ -حِينَ قُتِلَ- قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "اصْنَعُوا لِآلِ جَعْفَرٍ طَعَامًا، فَقَدْ أَتَاهُمْ مَا يَشْغَلُهُمْ". أَخْرَجَهُ الْخَمْسَةُ، إِلاَّ النَّسَائِيَّ.

141. Daripada Abdullah ibn Ja'far (r.a), beliau berkata: "Ketika sampai berita tentang kematian Ja'far pada hari kematiannya, Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Buatkan makanan untuk keluarga Ja'far kerana telah datang sesuatu yang membuat mereka sibuk." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, kecuali al-Nasa'i)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) menganjurkan supaya keluarga mayat dihibur dengan cara membuatkan makanan untuk mereka kerana mereka sedang berada dalam keadaan berkabung. Berkumpul di rumah keluarga mayat dan menghidangkan makanan untuk para tetamu yang datang ke rumah duka tidak termasuk amalan Sunnah. Ini kerana orang ramai yang berkumpul di rumah keluarga mayat boleh menyebabkan keluarga mayat bertambah sedih dan berniyahah.

Analisis Lafaz

"لَمَّا جَاءَ نَعْيُ جَعْفَرٍ", ketika sampai berita kematian Ja'far ibn Abu Talib sewaktu Perang Mu'tah. Mu'tah adalah nama satu tempat di kawasan al-Balqan yang terletak di kawasan sempadan negeri Syam.

Ja'far ibn Abu Talib al-Hasyimi, nama panggilannya adalah Abu Abdullah al-Thayyar, salah seorang sahabat yang paling awal masuk Islam dan telah melakukan hijrah sebanyak dua kali. Beliau mempunyai banyak hadis dan telah diambil riwayat hadis daripadanya oleh Ibn Mas'ud, Ummu Salamah serta anaknya sendiri yang bernama Abdullah. Nabi (s.a.w) bersabda:

دَخَلْتُ الْجَنَّةَ الْبَارِحَةَ فَإِذَا جَعْفَرُ يَطِيْرُ مَعَ الْمَلاَئِكَةِ.

"*Aku memasuki syurga tadi malam, lalu tiba-tiba aku melihat Ja'far sedang terbang bersama para malaikat.*"

Beliau mati syahid semasa dalam Perang Mu'tah pada tahun ke-8 Hijriah dalam usia 41 tahun. Di tubuhnya dijumpai sembilan puluh lebih luka bekas tusukan pedang dan lemparan panah.

"اصْنَعُوا لِآلِ جَعْفَرٍ طَعَامًا، فَقَدْ أَتَاهُمْ مَا يَشْغَلُهُمْ", Nabi (s.a.w) menganjurkan mereka membuat makanan untuk keluarga mayat, kerana mereka sedang dalam keadaan berkabung hingga tidak sempat menyediakan makanan untuk diri mereka sendiri. Perintah ini menunjukkan hukum sunat.

Fiqh Hadis

Disyariatkan menghibur keluarga mayat dengan membuatkan makanan untuk mereka, kerana mereka sedang disibukkan oleh musibah yang menimpa diri mereka, hingga lupa menyediakan makanan untuk diri mereka sendiri.

١٤٢- عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ بُرَيْدَةَ عَنْ أَبِيهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَلِّمُهُمْ إِذَا خَرَجُوا إِلَى الْمَقَابِرِ: "السَّلاَمُ عَلَى أَهْلِ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَإِنَّا إِنْ شَاءَ اللهُ بِكُمْ لَلاَحِقُونَ، أَسْأَلُ اللهَ لَنَا وَلَكُمُ الْعَافِيَةَ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

142. Daripada Sulaiman ibn Buraidah (r.a) daripada ayahnya, beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah mengajarkan doa berikut ini apabila mereka hendak menziarahi kubur:

"السَّلاَمُ عَلَى أَهْلِ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَإِنَّا إِنْ شَاءَ اللهُ بِكُمْ لَلاَحِقُونَ، أَسْأَلُ اللهَ لَنَا وَلَكُمُ الْعَافِيَةَ".

"Semoga keselamatan sentiasa dilimpah ke atas kamu wahai para penghuni kubur dari kalangan kaum mukminin dan muslimin. Sesungguhnya, insya Allah, kami akan menyusul kamu. Kami memohon keselamatan kepada Allah untuk diri kami dan diri kamu." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) menganjurkan menziarahi kubur agar dapat mengambil pengajaran daripadanya sekaligus mendoakan para penghuninya agar diselamatkan daripada seksa kubur dan pertanyaan semasa hisab.

Orang yang melakukan ziarah akan teringat dengan hari akhirat dan tertanam dalam dirinya sikap zuhud terhadap urusan duniawi. Mengucapkan salam kepada orang yang telah meninggal dunia sama dengan mengucapkan salam kepada orang yang masih hidup. Mendoakan mereka sememangnya disyariatkan dan dalilnya adalah firman Allah (s.w.t):

وَٱلَّذِينَ جَآءُو مِنۢ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا ٱغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَٰنِنَا ٱلَّذِينَ سَبَقُونَا بِٱلْإِيمَٰنِ وَلَا تَجْعَلْ فِى قُلُوبِنَا غِلًّا لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ رَبَّنَآ إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٠﴾

"*Dan orang yang datang sesudah mereka (Muhajirin dan Ansar), mereka berdoa: 'Wahai Tuhan kami, ampunilah kami dan saudara-saudara kami yang telah beriman lebih dahulu daripada kami, janganlah Engkau membiarkan kedengkian dalam hati kami terhadap orang yang beriman. Wahai Tuhan kami, sesungguhnya Engkau Maha Penyantun lagi Maha Penyayang'*." (Surah al-Hasyr: 10)

Analisis Lafaz

"عَنْ أَبِيهِ", daripada ayahnya, iaitu Buraidah ibn al-Hashib.

"إِذَا خَرَجُوا إِلَى الْمَقَابِرِ", pergi untuk berziarah kubur.

"أَهْلَ الدِّيَارِ", kuburan disebut rumah kerana diumpamakan dengan tempat tinggal orang yang masih hidup, sebab ahli kubur pun berkumpul seperti halnya orang yang masih hidup. Orang yang menyebutkan lafaz *al-dar* menurut bahasa ditujukan kepada tempat yang dihuni dan tempat yang telah menjadi bangunan lama telah membuktikan kebenaran penggunaan perkataan *al-dar* sebagai kuburan.

"مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُسْلِمِينَ", mukmin dan muslim ada kalanya memiliki makna yang sama, lalu antara satu sama lain di-*'athaf*-kan untuk menunjukkan perbezaan ungkapan dan lafaz. Allah (s.w.t) berfirman:

فَأَخْرَجْنَا مَن كَانَ فِيهَا مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٣٥﴾ فَمَا وَجَدْنَا فِيهَا غَيْرَ بَيْتٍ مِّنَ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿٣٦﴾

"*Lalu Kami keluarkan orang yang beriman yang berada di negeri kaum Luth itu. Dan Kami tidak menemui sesuatu di negeri itu, kecuali sebuah rumah dari orang yang berserah diri.*" (Surah al-Zariyat: 35-36)

"وَإِنَّا إِنْ شَاءَ اللهُ بِكُمْ لَلاَحِقُونَ", menyebutkan kalimat *masyi'ah* untuk tabarruk dan bukan menggantungkan kematian kepada *masyi'ah*, kerana mati merupakan sesuatu yang pasti dan tidak diragukan lagi.

"الْعَافِيَةَ", kesejahteraan untuk si mayat ialah keselamatannya daripada seksa kubur dan pertanyaan dalam hisab.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan menziarahi kubur dan mengucapkan salam kepada para penghuninya serta berdoa untuk diri sendiri, untuk orang yang masih hidup dan orang yang telah mati dengan doa-doa yang pernah dibaca oleh Nabi (s.a.w) dalam masalah ini.
2. Rasulullah (s.a.w) sentiasa memberikan pengajaran tentang cara berziarah kubur yang dibenarkan oleh syariat kepada para sahabatnya.
3. Hendaklah kalimat-kalimat doa mengandungi makna umum yang mencakupi kaum lelaki dan wanita.

Periwayat Hadis

Sulaiman ibn Buraidah ibn al-Hashib al-Aslami al-Marwazi, telah meriwayatkan hadis daripada Aisyah, daripada ayahnya dan daripada 'Imran ibn al-Hushain. 'Alqamah ibn Martsad, Abdullah ibn Atha' dan Dhirar ibn Murrah serta lain-lain telah mengambil riwayat daripadanya.

Beliau dinilai tsiqah oleh Ibn Mu'in dan Abu Hatim. Al-Bukhari berkata: "Sulaiman belum pernah mendengar hadis daripada ayahnya." Al-Jamaah telah mengetengahkan hadisnya, kecuali al-Bukhari. Beliau dilahirkan pada zaman Khalifah Umar ibn al-Khatthab dan meninggal dunia pada tahun 105 Hijriah.

١٤٣- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: مَرَّ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِقُبُورِ الْمَدِينَةِ، فَأَقْبَلَ عَلَيْهِمْ بِوَجْهِهِ فَقَالَ: "السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ يَا أَهْلَ الْقُبُورِ، يَغْفِرُ اللهُ لَنَا وَلَكُمْ، أَنْتُمْ سَلَفُنَا وَنَحْنُ بِالْأَثَرِ". رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ، وَقَالَ: حَسَنٌ.

143. Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melewati kuburan penduduk Madinah, lain baginda menghadapkan wajahnya ke arah mereka, kemudian membaca:

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ يَا أَهْلَ الْقُبُورِ، يَغْفِرُ اللهُ لَنَا وَلَكُمْ، أَنْتُمْ سَلَفُنَا وَنَحْنُ بِالْأَثَرِ.

"Semoga keselamatan sentiasa dilimpahkan ke atas kamu, wahai para penghuni kubur. Semoga Allah mengampuni kami dan kamu. Kamu adalah orang yang mendahului kami, dan kami akan menyusul kemudian." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi)

Makna Hadis

Barang siapa yang tidak ingin menziarahi kubur, tetapi hanya melewatinya sahaja kerana kuburan tersebut terletak di tengah laluan perjalanan, maka dia disunatkan mengucapkan salam kepada para penghuninya, kerana mereka mengetahui orang yang melewati kawasan perkuburan mereka dan mengucapkan salam kepadanya. Itu terjadi kerana Allah telah memperlihatkan hal tersebut kepada mereka dan menjadikan mereka dapat mendengar salamnya.

Ini lebih disunatkan lagi apabila dilakukan pada hari Jumaat dan pada waktu malam harinya. Ini menunjukkan bahawa seseorang memperoleh manfaat daripada amalan orang lain sebagai kurniaan Allah (s.w.t). Seseorang yang mendoakan orang lain dikehendaki memulakan doa untuk dirinya sendiri terlebih dahulu. Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَٱسْتَغْفِرْ لِذَنۢبِكَ وَلِلْمُؤْمِنِينَ ..... ﴿١٩﴾

"*...Dan mohonlah ampunan bagi dosamu dan bagi (dosa) orang mukmin....*" (Surah Muhammad: 19)

Analisis Lafaz

"فَأَقْبَلَ عَلَيْهِمْ بِوَجْهِهِ", Nabi (s.a.w) menghadapkan wajahnya ke arah kuburan untuk berbicara kepada mereka, para penghuninya.

"أَنْتُمْ سَلَفُنَا", kamu adalah orang yang mendahului kami, yakni lebih dahulu mati daripada kami.

"وَنَحْنُ بِالْأَثَرِ", dan kami pun bakal menyusul kamu.

Fiqh Hadis

1. Mayat mengetahui orang yang lalu berhampiran dengannya dan mengetahui ucapan salam yang ditujukan kepadanya.
2. Memohonkan ampunan kepada Allah untuk orang yang masih hidup dan orang yang telah mati.
3. Memulakan berdoa untuk diri sendiri terlebih dahulu, kemudian untuk orang lain, baik bagi mereka yang masih hidup mahupun yang sudah mati.

١٤٤- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ تَسُبُّوا الْأَمْوَاتَ، فَإِنَّهُمْ قَدْ أَفْضَوْا إِلَى مَا قَدَّمُوا". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ. وَرَوَى التِّرْمِذِيُّ عَنِ الْمُغِيرَةِ نَحْوَهُ، لَكِنْ قَالَ: "فَتُؤْذُوا الأَحْيَاءَ".

144. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "Janganlah kamu mencela orang yang telah mati, kerana mereka telah menjumpai apa-apa yang telah mereka amalkan." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari) Al-Tirmizi turut meriwayatkan hadis ini daripada al-Mughirah, tetapi di dalam riwayatnya disebutkan: "Kerana dengan perbuatan tersebut kamu telah menyakiti orang yang hidup (dari kalangan keluarga mereka)."

Makna Hadis

Orang yang sudah mati telah menjumpai balasan amal yang dia kerjakan selama dunia ini. Dalam pada itu, tidak ada gunanya memaki dan mengaibkan diri mereka, kerana itu hanya menyakiti ahli warisnya yang muslim yang masih hidup, kecuali jika si mayat adalah orang yang secara terang-terangan berbuat kefasikan selama hidupnya, maka dibolehkan memakinya. Ini merupakan peringatan bagi orang lain agar tidak melakukan perkara yang sama mengumpat orang fasik hingga dia tidak berdosa. Inilah jawapan ke atas hadis-hadis yang membolehkan memaki sesetengah orang yang telah mati, kerana adanya larangan daripada berbuat demikian.

Analisis Lafaz

"لاَ تَسُبُّوا", larangan ini menunjukkan hukum haram.

"قَدْ أَفْضَوْا", telah menjumpai.

"إِلَى مَا قَدَّمُوا", balasan ke atas amal perbuatan mereka. Jika amal mereka baik, maka balasannya baik. Jika amal mereka buruk, maka balasannya buruk pula. Masalah ini hendaklah diserahkan sepenuhnya kepada Allah. Jadi tidak ada gunanya memaki mereka yang sudah mati. Dibolehkan memaki kaum kafir yang sudah mati secara umum, tetapi tidak boleh mencelanya secara khusus, kerana adanya kemungkinan dia mati sebagai seorang muslim, kecuali jika orang itu telah dinyatakan sebagai orang kafir, seperti Abu Lahab dan Abu Jahal.

"نَحْوَهُ", sama seperti hadis Aisyah (r.a) yang lafaznya sebagai berikut:

لاَ تَسُبُّوا الْأَمْوَاتَ، فَتُؤْذُوا الأَحْيَاءَ.

"Janganlah kami mencela orang yang telah mati, kerana dengan demikian kamu telah menyakiti orang yang masih hidup (dari kalangan kaum kerabatnya)."

"فَتُؤْذُوا الأَحْيَاءَ", kerana itu menyakiti hati orang yang masih hidup dari kalangan kaum kerabatnya.

Fiqh Hadis

1. Haram mencela orang yang sudah mati.
2. Disebutkan penyebab larangan, iaitu mereka (orang yang sudah mati) telah menjumpai balasan amalnya dan itu boleh menyakiti hati orang yang masih hidup dari kalangan keluarganya.

Kesimpulan

Dari hadis-hadis yang telah dihimpun dalam bab ini dapat diambil beberapa kesimpulan sebagai berikut:

1. Tidak boleh lalai mengingati mati, kerana mengingat mati dalam keadaan miskin membuat seseorang reda terhadap keadaan yang sedang dihadapinya, sedangkan mengingatinya dalam keadaan kaya akan menghancurkan segala bentuk sifat sombong di dalam dirinya.
2. Dilarang mengharapkan mati lantaran musibah atau cubaan yang menimpa diri atau keluarganya, kerana itu menunjukkan kekecewaan dan sikap tidak sabar terhadap apa yang telah ditakdirkan oleh Allah. Dilarang pula melakukan tradisi yang biasa dilakukan oleh orang Jahiliah yang apabila ada seseorang yang disegani di kalangan mereka mati atau terbunuh, mereka mengecat kuburan, duduk di atas kuburan, membuat bangunan di atas kuburan, dan wanita dilarang mengikuti proses pengkebumian jenazah.

3. Digalakkan memperbanyak zikir kepada Allah, lebih-lebih lagi di hadapan orang yang sedang sakaratul maut, kerana kalimat tauhid dapat menyebabkannya memperoleh kebahagiaan yang abadi.
4. Dianjurkan menyerahkan semua urusan kepada Allah (s.w.t), menanggalkan baju mayat yang dipakainya sebaik dia meninggal dunia, menegakkan hukuman hudud ke atas wanita atau lelaki yang berzina apabila keduanya mengakui perbuatannya agar dosa keduanya disucikan dengan sempurna, ikhlas dalam berdoa untuk mayat, memohonkan ampunan untuk si mayat setelah pengkebumiannya, meneguhkan hati si mayat ketika menghadapi pertanyaan kubur dari dua malaikat, menghormati anak Adam, baik dalam keadaan hidup ataupun sesusudah mati. Dianjurkan memelihara tulang belulang mayat. Oleh itu, para penggali kubur dianjurkan menanamnya semula dan tidak boleh mematahkannya, kerana mayat pun turut merasakan sakit sama seperti orang yang hidup. Dianjurkan memohonkan ampunan kepada Allah bagi orang yang hidup dan orang yang sudah mati, meletakkan wanita yang akan menjalani hukuman rejam di dalam suatu lubang galian sebelum hukuman dilaksanakan terhadapnya untuk mematikan auratnya tidak terdedah, melakukan penyelidikan sebelum menegakkan hukuman hudud, pelaku zina *muhsan* dihukum rejam; imam mengajarkan suatu perkara yang terjadi pada diri seseorang yang tidak memahaminya dan menyerahkan perkara itu kepadanya apabila dia pakar dalam bidang itu, mendoakan mayat dan keluarganya untuk kebaikan dunia dan akhirat, melaksanakan wasiat seseorang apabila dia telah meninggal dunia, dan tidak bergaul dengan orang yang jahat.
5. Keutamaan Surah Yasin dan anjuran membacanya berhampiran orang yang sedang dalam keadaan sakaratul maut.
6. Wajib memandikan mayat.
7. Disunatkan memejamkan kedua-dua mata si mayat, mengkafani mayat dengan pakaian ihramnya, memandikan mayat dengan air bercampur daun bidara, memberi sedikit kafur pada kali siraman yang terakhir, memandikan mayat dengan memulakannya dari sebelah kanan, begitu pula anggota-anggota wuduknya. Disunatkan menyikat rambut si mayat, lalu mengepangnya menjadi tiga kepangan dan menyampirkannya ke belakang, memilih kain putih untuk kafan, melakukan pengkafanan dengan baik, mendahulukan memasukkan mayat yang paling dimuliakan di antara dua mayat yang dikebumikan dalam satu liang kubur, berdoa dengan doa yang pernah dibaca oleh Nabi (s.a.w), dan memilih mana yang lebih baik di antaranya. Disunatkan pula bersegera membawa jenazah dengan langkah yang sederhana, bersegera mengkebumikan mayat, membuat liang lahad dan menutupinya dengan batu bata, dan meninggikan kuburan dari permukaan tanah sekitar satu jengkal sebagai tanda yang ia adalah kuburan supaya tidak dipijak dan tidak ada seseorang yang membuang hajat di atasnya.
8. Dilarang berlebihan memakai kain kafan, mencela orang yang sedang

menjalani hukuman hudud, memandikan orang yang mati syahid, dan menyembahyangkannya agar bekas darah syahidnya tetap utuh.

9. Dbolehkan mencium orang yang telah meninggal dunia, memandikan mayat yang berihram dengan air yang dicampur daun bidara, mengkafankan mayat dengan dua helai pakaian, suami memandikan jenazah isterinya, isteri memandikan jenazah suaminya, dan meminta bekas-bekas yang pernah dipakai oleh orang soleh untuk diambil berkatnya, sekalipun orang yang meminta itu orang yang berkemampuan. Dibolehkan mengkafankan mayat lelaki dengan sehelai pakaian apabila dalam keadaan darurat, mengkebumikan dua orang dalam satu liang lahad kerana dalam keadaan darurat, orang yang sakit boleh menampakkan rasa sakitnya, tetapi bukan untuk mengeluh, melainkan untuk meminta ubat atau memperlihatkan sakitnya kepada doktor, melakukan pengkebumian pada waktu malam hari, sumpah tanpa diminta bersumpah untuk mengukuhkan masalah yang sedang terjadi, memberitahu kematian seseorang agar jenazahnya segera diselenggarakan, solat ghaib untuk mayat, solat jenazah di dalam masjid, berdoa dengan doa yang mengandungi makna secara umum, membuat perumpamaan dengan sesuatu yang nyata agar lebih terkesan di dalam jiwa dan menangisi mayat tanpa menyebut-nyebut kebaikannya.
10. Disyariatkan menutupi mayat dengan kain untuk menjaga supaya auratnya tidak kelihatan dan menutupi tubuhnya yang telah berubah; memberitahu kematian seseorang agar keluarga si mayat, teman-temannya dan orang soleh berkumpul menyaksikan jenazahnya; solat di atas kuburan bagi orang yang belum menyembahyangkan jenazah, membaca Surah al-Fatihah ketika mengerjakan solat jenazah; berdiri bagi orang yang menyaksikan iringan jenazah yang lalu di hadapannya; menaburkan tanah ke atas kuburan sebanyak tiga kali; mentalqin mayat; berziarah kubur bagi kaum lelaki, anjuran melakukannya dan mengucapkan salam kepada ahli kubur, berdoa dengan doa yang mengandungi makna umum untuk din sendiri, orang yang masih hidup dan orang yang sudah mati dengan doa-doa yang pernah diajarkan oleh Nabi (s.a.w); menghibur keluarga mayat dengan membuatkan makanan untuk mereka kerana mereka sedang disibukkan dengan musibah kematian keluarga mereka; dan berziarah kubur bagi orang yang melewati kuburan, sekalipun dia tidak bermaksud menziarahinya.
11. Dianjuran membebaskan diri daripada hutang, menyaksikan jenazah orang soleh, mengiringi jenazah, menyembahyangkan dan menghantarkannya hingga jenazah dikebumikan, memperhatikan keadaan masjid-masjid dan membersihkannya.
12. Menjelaskan mengenai jumlah takbir solat jenazah; posisi berdiri imam dari jenazah apabila mayat itu lelaki atau perempuan; cara berjalan mengiringi jenazah apabila orang yang mengiringinya berkenderaan atau berjalan kaki; cara menurunkan mayat ke kuburan; ruh itu adalah jasad yang tidak kelihatan dan menyatu dengan tubuh, mayat ada yang memperoleh kenikmatan di dalam kuburnya dan ada pula yang beroleh seksaan; tatacara

berziarah yang disyariatkan dengan membaca doa-doa yang pernah dibaca oleh Nabi (s.a.w).

13. Menetapkan doa ketika mengerjakan solat jenazah, pertanyaan kubur yang terjadi sesudah mayat dikebumikan, dan seksa kubur serta seksa neraka.
14. Keutamaan Raja al-Najasyi bertambah, dan anugerah Allah serta kurniaan-Nya yang diberikan kepada mayat kerana Dia melimpahkan pahala bagi orang yang memperlakukannya dengan baik sesudah dia mati.
15. Membalas jasa dengan membacakan doa dan memohonkan rahmat bagi orang yang membaktikan dirinya untuk kepentingan kaum muslimian dan kemaslahatan mereka.
16. Mengambil berkat dari bekas-bekas yang pernah dipakai oleh Rasulullah (s.a.w), dan kemuliaan akhlak baginda kerana baginda tidak pernah menolak orang yang meminta sesuatu kepadanya.
17. Kesempurnaan sikap rendah hati Rasulullah (s.a.w).
18. Belas kasihan Rasulullah (s.a.w) kepada umatnya. Baginda sentiasa memeriksa keadaan mereka, menyampaikan hak-hak mereka, dan mengutamakan kemaslahatan mereka.
19. Salah satu mukjizat Rasulullah (s.a.w) adalah baginda memberitahu kematian Raja al-Najasyi tepat pada hari kematiannya, padahal jarak antara Madinah dengan Habsyah itu teramat jauh.
20. Diperlakukan hukum-hakam Islam ke atas orang munafik, seperti memandikan jenazahnya, mengkafankan dan mengkebumikannya.
21. Menyembahyangkan jenazah orang yang mati lantaran dijatuhi hukuman hudud.
22. Mayat diseksa lantaran tangisan keluarganya yang ditujukan kepadanya apabila itu termasuk tradisinya atau dia telah berwasiat untuk berbuat demikian.
23. Rasulullah (s.a.w) sentiasa mengambil berat usaha mengajarkan sahabat-sahabatnya dengan sesuatu yang boleh memberikan manfaat kepada mereka.

Soalan

1. Sebutkan hikmah mengingati kematian!
2. Jelaskan makna lafaz “هاذم” dan lafaz “هادم! Lafaz manakah di antara keduanya yang digunakan dalam hadis ini?
3. I’rabkan lafaz “لا يتمنين”!
4. Sebutkan hikmah larangan menginginkan kematian!
5. Bilakah dibolehkan menginginkan kematian! Sebutkan rahsia ikatan dalam kalimat “لضر نزل به”!
6. Terangkan makna lafaz-lafaz berikut, iaitu: “لا بد”, ”سدر“, ”حنوط“, ”كافور“, ”حقوه“,” ”أشعرنها“, ”فضفرن“, ”قرون“, ”سحولية“, ”كرسف“, ”مشاقص“, ”النعي“, ”نزله“, ”مدخله“ dan

"نقه"!

7. Gambarkan betapa dahsyat kematian itu bagi orang mukmin! Sebutkanhikmahnya!
8. Terangkan kedua-dua makna hadis yang mengatakan: "المؤمن يموت بعرق الجبين"!
9. Apakah makna talqin? Sebutkan hukum dan hikmahnya! Jelaskan talqin yang telah disepakati pensyariatannya dan talqin yang masih diperselisihkan!
10. Apakah makna perintah yang terdapat di dalam sabda Nabi (s.a.w): "لقنوا"!
11. Apakah yang dianjurkan ketika berada di dekat seseorang yang bukan muslim yang sedang sakaratul maut?
12. Apakah makna "موتاكم" dalam sabda Nabi (s.a.w)?
13. Apakah surah yang dibacakan berdekatan orang yang sedang sakaratul maut? Sebutkan hikmahnya!
14. Jelaskan perkara-perkara yang dianjurkan untuk dilakukan oleh seseorang apabila berhadapan dengan orang yang sedang dalam sakaratul maut!
15. Sebutkan hikmah memejamkan kedua-dua mata si mayat!
16. Apakah dianjurkan berdoa ketika ruh orang yang sakaratul maut telah keluar dan mengapa demikian?
17. Apakah definisi ruh itu?
18. Apakah di dalam kubur terdapat nikmat atau seksaan?
19. Jelaskan perkara-perkara yang dianjurkan untuk dilakukan terhadap mayat!
20. Terangkan makna lafaz "سجي"! Sebutkan hikmahnya! Apakah ini dilakukan sebelum atau sesudah memandikannya?
21. Bagaimana hukum mencium mayat? Sebutkan dalilnya! Sebutkan isyarat yang menunjukkan tidak adanya keistimewaan!
22. Mengapa syariat Islam amat menekankan masalah hutang?
23. Apakah Nabi (s.a.w) pada mulanya mahu menyembahyangkan jenazah orang yang masih mempunyai hutang?
24. Apakah mati syahid dapat menghapuskan kewajipan membayar hutang?
25. Jelaskan makna "معلقة بدينه" dalam sabda Nabi (s.a.w)!
26. Jelaskan kedudukan i'rab lafaz "ملبيا"! Sebutkan maknanya!
27. Mengapa Rasulullah (s.a.w) melarang men-*tahnith* lelaki dan menutupi kepalanya?
28. Mengapa Nabi (s.a.w) membatasi pengkafanan hanya dengan dua helai pakaian?
29. Apakah status ihram terputus kerana pelakunya telah meninggal dunia? Sebutkan pendapat ularna mengenai masalah ini!
30. Sebutkan perselisihan sahabat mengenai apa yang sepatutnya yang dilakukan terhadap jenazah Rasulullah (s.a.w) ketika baginda wafat! Jelaskan apa yang terjadi sesudahnya!

31. Bagaimanakah hukum suami atau isteri yang memandikan pasangannya? Sebutkan pendapat ulama mengenainya!
32. Bagaimanakah hukum memandikan mayat? Ada berapakah cara memadikannya? Apa yang disunatkan ketika memandikannya? Sebutkan hikmah perintah yang menganjurkan mewudukkannya!
33. Sebutkanlah sesuatu yang patut dilakukan oleh imam!
34. Sebutkan hikmah mengkafankan mayat! Mengapa itu disyariatkan?
35. Jelaskan cara mengafankan yang paling minimum dan paling sempurna!
36. Sebutkan hikmah baju gamis Nabi (s.a.w) yang diminta oleh Ibn Ubay! Bilakah baju gamis itu dipakaikan?
37. Mengapa Rasulullah (s.a.w) memperkenankan permintaan Abdullah?
38. Sebutkan hukum mengambil berkat daripada bekas-bekas yang pernah disentuh oleh Rasulullah (s.a.w)!
39. Bagaimanakah hukum mengkafankan mayat dengan kain putih?
40. Bolehkah memakai kain selain warna putih dan menjadikannya sebagai kain kafan?
41. Apakah makna perintah yang terdapat di dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "ألبسوا وكفنوا"! Sebutkan faktor yang memalingkannya daripada makna wajib!
42. Bagaimanakah hukum mengkafankan mayat dengan kain yang elok? Terangkan sebabnya!
43. Jelaskan keutamaan mengkafankan mayat!
44. Terangkan hukum orang yang mati syahid yang disebutkan di dalam hadis ini!
45. Bolehkah mengkebumikan mayat lelaki dan wanita di dalam satu liang kubur?
46. Bagaimanakah pengertian menghimpun dua mayat dalam satu kain kafan?
47. Sebutkan hikmah bahawa tidak boleh memandikan orang yang mati syahid!
48. Apakah Nabi (s.a.w) menyembahyangkan orang yang masti syahid dalam Perang Uhud?
49. Bagaimanakah hukum menggunakan kain kafan yang berlebihan? Sebutkan penyebabnya!
50. Apakah yang dimaksudkan dengan larangan yang terdapat di dalam sabdanya: "لا تغالوا في الكفن"!
51. Bilakah mayat lelaki dan mayat perempuan ditayamumkan dan tidak dimandikan?
52. Sebutkan kesimpulan dalil dalam wasiat Fatimah (r.a)!
53. Ceritakan kisah wanita al-Ghamidiyyah! Jelaskan hukum-hukum yang dapat diambil daripadanya serta perjalanan hidup terpuji yang terdapat di

dalam hadisnya!

54. Mengapa Nabi (s.a.w) tidak mahu menyembahyangkan wanita al-Ghamidiyah, sedangkan baginda sendiri menyuruh para sahabat untuk menyembahyangkannya?
55. Bilakah orang yang bunuh diri dinamakan sebagai orang fasik? Apakah jenazahnya disolatkan?
56. Mengapa Rasulullah (s.a.w) tidak mahu menyembahyangkan orang yang mati bunuh diri?
57. Siapakah nama wanita hitam yang bekerja sebagai tukang sapu masjid? Siapakah nama sahabat yang menjawab pertanyaan Nabi (s.a.w)? Sebutkan sikap terpuji yang terdapat di dalam hadisnya!
58. Ceritakan fenomena kasih sayang Rasulullah (s.a.w) kepada umatnya!
59. Apakah takrif *al-na'yu* itu? Jelaskan *al-na'yu* yang dibolehkan, dimakruhkan, dan yang diharamkan oleh syariat!
60. Jelaskan dalil *al-na'yu* yang dibolehkan oleh syariat!
61. Sebutkan sebahagian gelaran raja-raja di pelbagai penuru dunia!
62. Jelaskan perbezaan pendapat ulama dalam masalah solat ghaib untuk mayat!
63. Di dalam hadis al-Najasyi terdapat satu mukjizat dan sikap yang terpuji. Huraikan kedua-duanya!
64. Berapakah jumlah takbir dalam solat jenazah?
65. Sebutkan kedudukan i'rab lafaz "رجلا"!
66. Siapakah yang dimaksudkan dengan orang yang disebutkan di dalam sabdanya: "لا يشركون بالله شيئا"!
67. Apakah bilangan empat puluh orang merupakan batasan ataukah memiliki makna yang lain?
68. Apakah banyaknya bilangan orang yang menyembahyangkan jenazah memiliki suatu keutamaan?
69. Jelaskan perbezaan pendapat ulama mengenai posisi yang lebih utama bagi orang yang menyembahyangkan mayat lelaki atau mayat perempuan!
70. Apakah yang diwajibkan saat berdiri?
71. Bagaimanakah hukum memasukkan jenazah ke dalam masjid? Sebutkan perbezaan pendapat ulama mengenainya serta dalil ulama yang membolehkannya!
72. Siapakah nama dua anak lelaki Baidha' itu?
73. Sebutkan latar belakang hadis Aisyah (r.a): "Demi Allah, sesungguhnya Rasulullah (s.a.w) telah menyembahyangkan jenazah kedua-dua anak Baidha' di dalam masjid"!
74. Bagaimanakah cara menjawab perselisihan mengenai riwayat-riwayat dalam bilangan takbir? Sebutkan riwayat yang paling sahih dalam masalah ini!

75. Apakah membaca Surah al-Fatihah disyariatkan dalam solat jenazah? Bilakah ia dibaca? Sebutkan perbezaan pendapat ulama mengenainya berikut dalil-dalil orang yang menetapkannya! Manakah di antara semua itu yang lebih baik?
76. Apakah yang dimaksudkan dengan lafaz Sunnah dalam hadis: "لتعلموا أنها سنة"?
77. Apakah ada doa tertentu untuk mendoakan mayat? Sebutkan cara doa yang pernah dilakukan oleh Nabi (s.a.w)!
78. Apakah doa dalam solat jenazah dibaca dengan suara tidak kuat atau sebaliknya? Bagaimanakah sahabat dapat memperhatikannya?
79. Mengapa baju (kain) putih disebutkan secara khusus dalam di doa yang pernah dibaca oleh Rasulullah (s.a.w)?
80. Apakah yang dimaksudkan dengan mendoakan kanak-kanak supaya mereka diampuni oleh Allah?
81. Apakah hikmah dianjurkan ikhlas dalam mendoakan mayat?
82. Terangkan makna perintah yang terdapat di dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "فأخلصوا له الدعاء"!
83. Apakah yang dimaksudkan dengan istilah "bersegera"? Sebutkanlah definisinya! Jelaskanlah hikmahnya! Bilakah ia diharamkan?
84. Terangkan makna perintah yang terdapat di dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "فأسرعوا"!
85. Apakah makna lafaz "تضعونه عن رقابكم"?
86. Jelaskan kedudukan i'rab lafaz "فخير"!
87. Apakah yang dimaksudkan dengan istilah "qirath"?
88. Sebutkanlah hikmah perumpamaan dengan dua bukit!
89. Jelaskan kadar pahala bagi orang yang mengiringkan jenazah, menyembahyangkannya dan menyaksikan pengkebumiannya! Jelaskan pahala orang yang tidak ikut menyembahyangkannya, tidak pula mengkebumikannya, tetapi hanya mengiringinya sahaja! Jelaskan pahala orang yang ikut menyembahyangkannya, tetapi tidak ikut mengkebumikannya atau hanya menyaksikan pengkebumiannya, tetapi tidak ikut menyembahyangkannya!
90. Sebutkan kedudukan i'rab lafaz "إيمانا" dan "احتسابا"!
91. Terangkan apa yang lebih utama bagi posisi orang yang berjalan menghantarkan jenazah! Sebutkanlah perbezaan pendapat ulama serta dalil mengenainya!
92. Apakah hikmah keutamaan berjalan di hadapan jenazah?
93. Apakah orang yang berkenderaan boleh berada di hadapan jenazah?
94. Bagaimanakah hukum kaum wanita mengiringi jenazah?
95. Sebutkanlah makna hadis yang mengatakan: "ولم يعزم علينا"! Apakah maksud yang terdapat di dalam larangan ini?

96. Apakah berdiri kerana lewatnya iringan jenazah merupakan sesuatu yang disyariatkan? Apakah sesudah itu tindakan ini dimansukh? Sebutkan apa faktor yang memansukhnya!
97. Terangkan makna perintah di dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "فقوموا"!Sebutkanlah sebab di sebalik pensyariatan berdiri ini!
98. Apakah makna larangan yang terdapat di dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "فلا يجلس"! Apakah orang yang berdiri turut mendapat pahala?
99. Apakah memasukkan mayat ke dalam kubur mempunyai cara tertentu atau ada pilihan yang lain?
100. Jelaskan bimbingan Nabi (s.a.w) ketika memasukkan mayat ke dalam kuburnya! Sebutkan perbezaan pendapat ulama mengenainya!
101. Terangkanlah makna *al-tajlil*! Apakah *al-tajlil* ini berlaku bagi mayat lelaki dan mayat perempuan?
102. Apakah yang disunatkan ketika memasukkan mayat ke dalam kuburnya?
103. Jelaskan doa yang pernah dibaca oleh Nabi (s.a.w) ketika memasukkan mayat ke dalam kubur!
104. Apakah makna perintah yang terdapat di dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "فقولوا"?
105. Jelaskan perumpamaan yang dibuat oleh Nabi (s.a.w) untuk memuliakan mayat! Jelaskan letak persamaan dalam hadis ini!
106. Apakah diwajibkan memberikan diyat atau qisas apabila mematahkan tulang mayat?
107. Jelaskanlah makna *al-lahd* dan *al-syaqq*! Manakah yang lebih afdal di antara keduanya? Kemukakan alasannya!
108. Apakah hikmah yang terdapat dalam meninggikan kubur dari permukaan tanah setinggi satu jengkal?
109. Jelaskan mengapa sebegitu tinggi perhatian sahabat untuk mengikuti jejak Nabi (s.a.w)!
110. Jelaskan penyebab perkataan Sa'ad!
111. Apakah hikmah yang terdapat di dalam larangan mengecat kuburan dan membuat bangunan di atasnya? Menurut jumhur ulama, apakah makna yang terdapat di dalam larangan tersebut?
112. Bilakah diharamkan dan dimakruhkan duduk di atas kuburan?
113. Bilakah membuat bangunan di atas kuburan diharamkan dan dimakruhkan? Sebutkan perbezaan pendapat ulama mengenainya!
114. Apakah menaburkan tanah di atas kuburan merupakan perbuatan yang disyariatkan? Sebutkan pahalanya! Jelaskan syaratnya dan doa yang dibaca ketika melakukannya!
115. Apakah orang yang telah mati memperoleh manfaat daripada bacaan istighfar orang yang masih hidup?
116. Apakah mayat di dalam kubur akan menjalani pertanyaan kubur? Sebutkan hikmah adanya pertanyaan tersebut!

117. Terangkan maksud sabda Rasulullah (s.a.w): "واسألوا له التثبيت"!
118. Jelaskan jenis-jenis pertanyaan kubur itu!
119. Siapakah tabi'in itu?
120. I'rabkan lafaz "سُوِّيَ"!
121. Terangkan jenis-jenis talqin! Manakah talqin yang telah disepakati oleh ulama? Sebutkan dalil serta caranya! Apakah talqin yang masih diperselisihkan oleh ulama? Sebutkan perbezaan pendapat ulama mengenainya! Bagaimanakah caranya!
122. Bagaimanakah hukum menziarahi kubur pada permulaan Islam dan mengapa dilarang? Apakah sesudah itu Rasulullah (s.a.w) mengizinkannya? Jelaskan hikmahnya!
123. Apakah makna yang terdapat di dalam perintah: "فزوروها"?
124. Bagaimanakah hukum menziarahi kubur bagi seseorang? Jelaskan perbezaan pendapat ulama mengenainya!
125. Terangkan doa yang seharusnya dibaca oleh penziarah kubur mengikut apa yang telah diajarkan oleh Nabi (s.a.w)!
126. Apakah makna laknat itu?
127. Jelaskan tanda dosa besar itu!
128. Sebutkan perbezaan pendapat ulama mengenai kaum wanita yang berziarah kubur! Bagaimanakah jawapan ulama yang membolehkannya terhadap hadis yang mengatakan: "Sesungguhnya Rasulullah (s.a.w) telah melaknat kaum wanita penziarah kubur"!
129. Apakah takrif niyahah itu dan bagaimanakah hukumnya?
130. Bagaimanakah hukum mendengarkan niyahah?
131. Apakah Rasulullah (s.a.w) berlepas diri daripada wanita-wanita yang gemar melakukan niyahah!
132. Apakah menangis hanya dengan mengeluarkan air mata tanpa suara yang keras dinamakan niyahah?
133. Terangkan tentang bai'at kaum wanita dan sebutkan dalilnya!
134. Bagaimanakah cara bai'at mereka kepada Nabi (s.a.w)?
135. Bilakah mayat diseksa atau tidak diseksa kerana niyahah yang dilakukan oleh keluarganya?
136. Jelaskan tradisi Jahiliah dalam masalah niyahah!
137. Apakah yang wajib dilakukan oleh keluarga si mayat?
138. Jelaskan tangisan yang dibolehkan dan yang dilarang terhadap si mayat!
139. Siapakah nama puteri Nabi (s.a.w) yang pengkebumiannya disaksikan secara langsung oleh baginda?
140. Bagaimanakah asal mula cara pengkebumian?
141. Apakah hikmah yang terdapat di dalam larangan melakukan pengkebumian pada waktu malam hari?

142. Jelaskan jenis-jenis keadaan darurat yang membolehkan melakukan pengkebumian pada waktu malam hari!
143. Siapakah yang dikebumikan pada waktu malam hari?
144. Jelaskan waktu-waktu yang dilarang oleh syariat untuk melakukan pengkebumian!
145. Bagaimanakah hukum membuat makanan bagi keluarga mayat? Sebutkan hikmahnya!
146. Bagaimanakah hukum memberikan makanan kepada orang yang berkumpul di rumah keluarga mayat? Sebutkan hikmah perbuatan sebegini dilarang!
147. Jelaskan cara mengucapkan salam kepada ahli kubur!
148. Apakah yang dimaksudkan dengan lafaz *al-diyar* di dalam hadis ini?
149. Sebutkan segi *taqyid* (ikatan) dengan *masyi'ah* (kehendak Allah) di dalam hadis: "Dan sesungguhnya kami, *insya Allah*, akan menyusul kamu"!
150. Apakah makna *al-'afiyah* (kesejahteraan) untuk mayat?
151. Apakah disyariatkan ziarah kubur bagi orang yang lalu di kawasan pekuburan?
152. Apakah orang yang telah mati mengetahui salam orang yang melewati kuburnya?
153. Apakah yang pertama sekali dilakukan oleh orang yang berdoa?
154. Bagaimanakah hukum mencela orang yang sudah mati?
155. Sebutkan penyebab dilarang mencela itu!
156. Bagaimanakah hukum mencela mayat orang kafir!
157. Kemukakan jawaban anda terhadap riwayat yang menyebutkan celaan terhadap orang yang sudah mati!

KITAB ZAKAT

KITAB ZAKAT

١٤٥- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ مُعَاذًا رَضِيَ اللهُ عَنْهُ إِلَى الْيَمَنِ... فَذَكَرَ اَلْحَدِيثَ، وَفِيهِ: "أَنَّ اللهَ قَدِ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ، تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَائِهِمْ، فَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

145. Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) mengutus Mu'adz ke negeri Yaman. Kemudian Ibn Abbas (r.a) melanjutkan ceritanya yang antara lain di dalamnya disebutkan: "Sesungguhnya Allah telah mewajibkan sedekah (zakat) harta benda yang diambil dari kalangan kaum hartawan dan kemudian diberikan kepada kaum fakir miskin di antara mereka." (Muttafaq 'alaih. Lafaz hadis ini menurut riwayat al-Bukhari)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) mengutus Mu'adz ke negeri Yaman pada akhir tahun ke-9 Hijriah ketika baginda kembali pulang dari medan Perang Tabuk. Mu'adz (r.a) diberi tugas untuk menjadi gabenor kepada penduduk negeri Yaman sekali gus mengajarkan al-Qur'an, hukum-hakam Islam, memutuskan sengketa yang terjadi di antara mereka dan mengutip zakat.

Nabi (s.a.w) telah membekalinya dengan arahan dan nasihat yang diperlukan ketika menjalankan tugasan itu. Baginda menyuruhnya bahawa langkah pertama yang mesti dilakukan menganjurkan mereka mengucapkan dua kalimah syahadat, kerana dua kalimah syahadat merupakan pokok utama yang boleh mengeluarkan seorang mukallaf daripada belenggu kemusyrikan dan masuk ke dalam naungan Islam. Jika mereka menerimanya dengan baik, maka hendaklah dia mengajarkan fardu-fardu agama dan tiangnya yang pertama, iaitu solat fardu; kemudian zakat yang dibebankan kepada kaum hartawan untuk kemudian diberikan kepada kaum fakir miskin, kerana zakat merupakan hak Allah yang terdapat di dalam harta kaum hartawan, lalu diagihkan kepada orang yang berhak menerimanya dari kalangan kaum fakir miskin muslim.

Nabi (s.a.w) mengingatkan gabenor dan hakim ini supaya berhati-hati dengan doa orang yang dianiaya dan menyuruh mengelak daripada berbuat zalim dengan cara menjauhi faktor-faktor yang boleh mengakibatkannya. Hendaklah seseorang tidak berbuat aniaya terhadap orang lain yang berada di bawah kekuasaannya, baik ke atas diri mereka seperti menyakiti ataupun ke atas harta mereka dengan cara mengambil zakat dari harta dan haiwan ternakan kesayangan mereka. Ini boleh menyebabkan dada bergejolak dan lisan pun bergerak untuk mengucapkan doa-doa panas yang keluar dari dalam lubuk hati. Doa itu naik ke langit dan menembusi semua lapisannya tanpa ada sesuatu pun yang menghalanginya. Kemudian Allah memakbulkannya dengan penuh reda bagi orang yang berdoa itu. Ini seksaan yang dikenakan ke atas orang yang berbuat aniaya.

Analisis Lafaz

"الزكاة", menurut bahasa adalah berkembang, sedangkan menurut syariat ialah kewajipan yang terdapat pada harta khusus untuk diberikan kepada golongan yang khusus pula. Hikmah zakat ialah membantu orang fakir dan miskin, memupuk rasa belas kasih terhadap orang yang memerlukan bantuan sekali gus mengikis sifat bakhil.

"فَذَكَرَ اَلْحَدِيثَ", kemudian Ibn Abbas (r.a) melanjutkan kisahnya. Lafaz hadis menurut riwayat al-Bukhari adalah sebagai berikut:

قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِمُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ حِينَ بَعَثَهُ إِلَى الْيَمَنِ: إِنَّكَ سَتَأْتِي قَوْمًا أَهْلَ كِتَابٍ، فَإِذَا جِئْتَهُمْ فَادْعُهُمْ إِلَى أَنْ يَشْهَدُوا أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللهِ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لَكَ بِذَلِكَ فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّ اللهَ قَدْ فَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لَكَ بِذَلِكَ فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّ اللهَ قَدْ فَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَائِهِمْ فَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لَكَ بِذَلِكَ فَإِيَّاكَ وَكَرَائِمَ أَمْوَالِهِمْ، وَاتَّقِ دَعْوَةَ الْمَظْلُومِ فَإِنَّهُ لَيْسَ بَيْنَهُ وَبَيْنَ اللهِ حِجَابٌ.

"Rasulullah (s.a.w) bersabda kepada Mu'adz ibn Jabal ketika baginda mengutusnya ke negeri Yaman: "Sesungguhnya engkau akan mendatangi kaum ahli kitab. Jika engkau telah tiba di kalangan mereka, maka serulah mereka untuk bersaksi bahawa tidak ada tuhan selain Allah dan Muhammad adalah pesuruh Allah. Jika mereka mentaatimu dalam hal itu, maka beritakanlah kepada mereka bahawa Allah telah mewajibkan solat lima waktu sehari semalam kepada mereka. jika mereka mentaatimu dalam hal itu, maka beritakanlah kepada mereka bahawa Allah telah mewajibkan sedekah (zakat) yang diambil dari kaum hartawan di antara mereka lalu diagihkan kepada kaum fakir miskin di antara mereka. jika mereka mentaati dalam hal itu, maka hendaklah kamu berhati-hati terhadap harta kesayangan

mereka dan hendaklah kamu takut terhadap doa orang yang dianiaya, kerana tidak ada suatu penghalang pun antara dirinya dengan Allah."

"حِينَ بَعَثَهُ إِلَى الْيَمَنِ", ketika Nabi (s.a.w) mengutusnya ke negeri Yaman pada akhir tahun ke-9 Hijriah. Rasulullah (s.a.w) membahagikan negeri Yaman untuk lima orang utusan, iaitu Khalid ibn Sa'id untuk Shan'a, al-Muhajir ibn Umayyah untuk Kindah, Ziyad ibn Abu Sa'id untuk Hadhramaut, Abu Musa al-Asy'ari untuk Zubaid, 'Adn serta Sahil, dan paling akhir sekali Mu'adz ibn Jabal untuk al-Janad. Nabi (s.a.w) mengirim mereka untuk mengajarkan syariat Islam kepada penduduk Yaman sekali gus sebagai hakim di kalangan mereka, di samping bertugas mengutip zakat dari kaum hartawan, kemudian diagihkan kepada kaum fakir miskin.

"إِنَّكَ سَتَأْتِي قَوْمًا أَهْلَ كِتَابٍ", yakni kaum yang memiliki kitab suci seperti Taurat dan Inji. Mereka adalah kaum Yahudi dan kaum Nasrani. Rasulullah (s.a.w) mengingatkan Mu'adz keadaan masyarakat Yaman supaya dia membuat persediaan sebelum berangkat ke negeri itu untuk berdebat dengan mereka dan menyusun strategi bagi mematahkan hujah mereka. Ini kerana mereka adalah kaum ahli kitab terdahulu, berbeza dengan kaum musyrik dan para penyembah berhala.

"فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لَكَ بِذَلِكَ", apabila mereka mahu mentaatimu dan mahu mengucapkan dua kalimah syahadat.

"أَنَّ اللهَ قَدْ فَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ", Allah telah mewajibkan solat lima waktu kepada mereka.

"أَنَّ اللهَ قَدْ فَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً", Allah telah mewajibkan mereka membayar zakat. Zakat di dalam hadis ini disebut "sedekah" kerana zakat menunjukkan kebenaran iman pelakunya.

"فَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ", yang diberikan kepada kaum fakir. Lafaz "الفقراء" adalah bentuk jamak dari lafaz "الفقير" yang bermaksud orang yang tidak mempunyai harta dan mata pencarian atau dia mempunyai harta dan mata pencarian, tetapi masih belum mencukupi keperluan asasnya. Misalnya seseorang memerlukan sepuluh dirham, sedangkan dia hanya memiliki dua dirham sahaja. Kaum fakir disebut di dalam hadis ini secara khusus kerana di zaman itu tidak terdapat golongan lain yang berhak menerima zakat di samping mereka golongan majoriti pada masa itu.

"فَإِيَّاكَ وَكَرَائِمَ أَمْوَالِهِمْ", aku ingatkan engkau untuk tidak mengambil barang yang paling berharga di antara harta benda mereka, seperti unta yang sedang mengandung dan yang sedang menyusui anaknya, kerana kedua-dua jenis itu sangat berharga di kalangan mereka di samping zakat itu bertujuan membantu orang fakir dari harta orang kaya, bukan bertujuan memeras pemilik harta. Dalam hal ini syariat memberikan toleransi yang luar biasa terhadap para pemilik harta untuk tidak memberikan harta mereka yang paling berharga, dan baginda melarang petugas zakat mengambilnya.

"وَاتَّقِ دَعْوَةَ الْمَظْلُوم", hindarilah perbuatan aniaya agar orang yang dianiaya tidak mendoakan kecelakaan terhadap dirimu, kerana doa orang yang dianiaya dimakbulkan oleh Allah, sekalipun dia seorang pelaku maksiat, kerana kemaksiatannya itu adalah tanggung jawabnya sendiri.

"لَيْسَ بَيْنَهُ وَبَيْنَ اللهِ حِجَابٌ", tidak seorang pun yang dapat memalingkan dan mencegahnya doa orang yang dianiaya.

Fiqh Hadis

1. Memulakan (dakwah) dengan menyampaikan rukun agama dan syiar Islam yang paling penting.
2. Bersikap lemah lembut dalam berdakwah dan dilakukan secara bertahap, dimulakan dengan yang lebih penting; setiap tahapan hendaklah disampaikan hingga tuntas, lalu berpindah ke tahapan yang berikutnya.
3. Mengajak orang kafir untuk masuk Islam sebelum memerangi mereka dan mereka dikatakan sebagai orang Islam apabila mengucapkan dua kalimah syahadat.
4. Inti Islam ialah mengakui keesaan Allah dan kerasulan Nabi Muhammad (s.a.w).
5. Solat lima waktu sehari semalam adalah fardu.
6. Zakat merupakan salah satu kewajipan Islam dan pemimpin yang wajib mengatur kutipannya dengan cara dia sendiri yang terjun langsung untuk mengutipnya atau menyuruh orang lain menjalankan tugas itu sebagai wakilnya.
7. Mengutus para amil untuk mengutip zakat.
8. Zakat tidak wajib diagihkan kepada seluruh kelapan-lapan golongan yang wajib menerima zakat[7], dan pemimpin boleh memberikannya hanya kepada satu golongan sahaja. Pendapat ini berlandaskan kepada sabda Nabi (s.a.w): "Lalu diagihkan kepada orang fakir di kalangan mereka." Ini kerana Rasulullah (s.a.w) di sini hanya menyebutkan satu golongan sahaja. Imam Abu Hanifah, murid-muridnya dan Imam Ahmad mengatakan bahawa disunatkan meratakan pembahagian bagi kelapan-lapan golongan ini selagi itu memungkinkan dan boleh memberikannya hanya kepada sebahagian di antara mereka, meskipun hanya satu orang. Imam Malik berkata: "Pemberian zakat diutamakan bagi orang yang paling memerlukannya, lalu orang yang di bawahnya dan tidak perlu pemerataan." Menurut pendapat yang muktamad di kalangan mazhab al-Syafi'i disebutkan bahawa wajib dibahagikan secara sama rata jika pemimpin yang mengagihkannya, begitu pula jika pemiliknya sendiri yang mengagihkannya, sedangkan jumlah penerima zakat terbatas.

[7] Kelapan-lapan golongan tersebut disebut di dalam Surah al-Taubah: "*Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk orang fakir, orang miskin, pengurus zakat, para mu'allaf yang dipujuk hatinya, untuk (memerdekakan) hamba sahaya, orang yang berhutang, untuk Jalan Allah, dan orang yang sedang dalam perjalanan.*" (Surah al-Taubah: 60)

9. Tidak boleh memberikan zakat kepada orang kafir.
10. Tidak boleh memindahkan zakat dari suatu negeri ke negeri lain. Imam Malik dan Imam al-Syafi'i mengatakan bahawa zakat tidak boleh diberikan kepada selain kaum fakir miskin negeri berkenaan. Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad mengatakan bahawa apabila diketahui dalam keadaan darurat, maka boleh memindahkan zakat, tetapi makruh. Nabi (s.a.w) sendiri pernah memindahkan zakat penduduk badwi ke Madinah, lalu baginda mengagihkannya kepada kaum fakir miskin Muhajirin dan Ansar.
11. Memerintahkan para gebenor untuk bertakwa kepada Allah.
12. Tidak boleh mengambil harta yang paling disayangi oleh pemiliknya ketika mengutip zakat.
13. Peringatan supaya tidak berbuat aniaya.
14. Doa orang yang dianiaya dimakbulkan oleh Allah (s.w.t).

١٤٦- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ أَبَا بَكْرٍ الصِّدِّيقَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ كَتَبَ لَهُ: "هَذِهِ فَرِيضَةُ الصَّدَقَةِ الَّتِي فَرَضَهَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى الْمُسْلِمِينَ، وَالَّتِي أَمَرَ اللهُ بِهَا رَسُولَهُ فِي أَرْبَعٍ وَعِشْرِينَ مِنَ الْإِبِلِ فَمَا دُونَهَا الْغَنَمُ فِي كُلِّ خَمْسٍ شَاةٌ، فَإِذَا بَلَغَتْ خَمْسًا وَعِشْرِينَ إِلَى خَمْسٍ وَثَلاثِينَ فَفِيهَا بِنْتُ مَخَاضٍ أُنْثَى فَإِنْ لَمْ تَكُنْ فَابْنُ لَبُونٍ ذَكَرٍ، فَإِذَا بَلَغَتْ سِتًّا وَثَلاَثِينَ إِلَى خَمْسٍ وَأَرْبَعِينَ فَفِيهَا بِنْتُ لَبُون أُنْثَى، فَإِذَا بَلَغَتْ سِتًّا وَأَرْبَعِينَ إِلَى سِتِّينَ فَفِيهَا حِقَّةٌ طَرُوقَةُ الْجَمَلِ، فَإِذَا بَلَغَتْ وَاحِدَةً وَسِتِّينَ إِلَى خَمْسٍ وَسَبْعِينَ فَفِيهَا جَذَعَةٌ، فَإِذَا بَلَغَتْ سِتًّا وَسَبْعِينَ إِلَى تِسْعِينَ فَفِيهَا بِنْتَا لَبُونٍ، فَإِذَا بَلَغَتْ إِحْدَى وَتِسْعِينَ إِلَى عِشْرِينَ وَمِائَةٍ فَفِيهَا حِقَّتَانِ طَرُوقَتَا الْجَمَلِ، فَإِذَا زَادَتْ عَلَى عِشْرِينَ وَمِائَةٍ فَفِي كُلِّ أَرْبَعِينَ بِنْتُ لَبُونٍ، وَفِي كُلِّ خَمْسِينَ حِقَّةٌ، وَمَنْ لَمْ يَكُنْ مَعَهُ إِلاَّ أَرْبَعٌ مِنَ الْإِبِلِ فَلَيْسَ فِيهَا صَدَقَةٌ إِلاَّ أَنْ يَشَاءَ رَبُّهَا. وَفِي صَدَقَةِ الْغَنَمِ فِيْ سَائِمَتِهَا إِذَا كَانَتْ أَرْبَعِينَ إِلَى عِشْرِينَ وَمِائَةِ شَاةٍ شَاةٌ، فَإِذَا زَادَتْ عَلَى عِشْرِينَ وَمِائَةٍ إِلَى مِائَتَيْنِ فَفِيهَا شَاتَانِ، فَإِذَا زَادَتْ عَلَى مِائَتَيْنِ إِلَى ثَلاَثمِائَةٍ فَفِيهَا ثَلاَثُ شِيَاهٍ، فَإِذَا زَادَتْ عَلَى ثَلاَثمِائَةٍ فَفِي كُلِّ مِائَةٍ شَاةٌ، فَإِذَا كَانَتْ سَائِمَةُ الرَّجُلِ نَاقِصَةً مِنْ أَرْبَعِينَ شَاة شَاةً وَاحِدَةً فَلَيْسَ فِيهَا صَدَقَةٌ، إِلاَّ أَنْ يَشَاءَ رَبُّهَا. وَلاَ يُجْمَعُ بَيْنَ مُتَفَرِّقٍ وَلاَ يُفَرَّقُ بَيْنَ مُجْتَمِعٍ خَشْيَةَ الصَّدَقَةِ، وَمَا كَانَ مِنْ خَلِيطَيْنِ فَإِنَّهُمَا يَتَرَاجَعَانِ بَيْنَهُمَا بِالسَّوِيَّةِ، وَلاَ يُخْرَجُ فِي

الصَّدَقَةِ هَرِمَةٌ وَلاَ ذَاتُ عَوَارٍ وَلاَ تَيْسٌ، إِلاَّ أَنْ يَشَاءَ الْمُصَّدِّقُ، وَفِي الرِّقَةِ فِيْ مِائَتَيْ دِرْهَمٍ رُبُعُ الْعُشْرِ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ إِلاَّ تِسْعِينَ وَمِائَةً فَلَيْسَ فِيهَا صَدَقَةٌ إِلاَّ أَنْ يَشَاءَ رَبُّهَا، وَمَنْ بَلَغَتْ عِنْدَهُ مِنَ الْإِبِلِ صَدَقَةُ الْجَذَعَةِ وَلَيْسَتْ عِنْدَهُ جَذَعَةٌ وَعِنْدَهُ حِقَّةٌ، فَإِنَّهَا تُقْبَلُ مِنْهُ الْحِقَّةُ، وَيَجْعَلُ مَعَهَا شَاتَيْنِ إِنِ اسْتَيْسَرَتَا لَهُ، أَوْ عِشْرِينَ دِرْهَمًا، وَمَنْ بَلَغَتْ عِنْدَهُ صَدَقَةُ الْحِقَّةِ وَلَيْسَتْ عِنْدَهُ الْحِقَّةُ، وَعِنْدَهُ الْجَذَعَةُ، فَإِنَّهَا تُقْبَلُ مِنْهُ الْجَذَعَةُ، وَيُعْطِيهِ الْمُصَّدِّقُ عِشْرِينَ دِرْهَمًا أَوْ شَاتَيْنِ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

146. Daripada Anas (r.a) bahawa Khalifah Abu Bakar (r.a) mengirim surat kepadanya yang isinya adalah: "Inilah sedekah fardu yang telah difardukan oleh Rasulullah (s.a.w) ke atas kaum muslimin dan Allah telah menyuruh Rasul-Nya untuk melaksanakannya. Setiap dua puluh empat ekor unta ke bawah maka zakat setiap lima ekor daripadanya adalah satu ekor kambing. Setiap lima ekor unta maka zakatnya satu ekor kambing. Jika unta mencapai dua puluh lima ekor hingga tiga puluh lima ekor, maka zakatnya adalah seekor unta betina *bintu makhadh*. Jika unta betina *bintu makhadh* tidak ada, maka diganti dengan unta jantan *ibnu labun*. Jika jumlah unta mencapai tiga puluh enam ekor hingga empat puluh lima ekor, maka zakatnya ialah unta betina *bintu labun*. Jika bilangan unta mencapai empat puluh enam ekor sampai dengan enam puluh ekor, maka zakatnya adalah seekor unta *hiqqah* yang siap didatangi oleh unta pejantan. Jika jumlah unta mencapai enam puluh satu ekor hingga tujuh puluh lima ekor, maka zakatnya adalah seekor unta *jadz'ah*. Jika jumlah unta mencapai tujuh puluh enam ekor hingga sembilan puluh ekor, maka zakatnya adalah dua ekor unta *bintu labun*. Jika jumlah unta mencapai sembilan puluh satu ekor hingga seratus dua puluh ekor, maka zakatnya adalah dua ekor unta betina *hiqqah* yang siap didatangi unta pejantan. Jika jumlah unta lebih daripada seratus dua puluh ekor, maka setiap empat puluh ekor zakatnya seekor unta *bintu labun*, dan setiap lima puluh ekor zakatnya seekor unta *hiqqah*. Barang siapa yang tidak memiliki unta selain empat ekor, maka tidak perlu sedekah kecuali apabila pemiliknya ingin berbuat demikian. Sedekah kambing yang dipelihara dalam gembalaannya apabila jumlahnya empat puluh ekor hingga seratus dua puluh ekor, maka zakatnya seekor kambing. Jika jumlahnya melebihi seratus dua puluh ekor hingga mencapai dua ratus ekor, maka zakatnya dua ekor kambing. Jika jumlah kambing mencapai lebih dua ratus ekor hingga tiga ratus ekor, maka zakatnya tiga ekor kambing. Jika kambing jumlahnya mencapai lebih tiga ratus ekor, maka setiap seratus ekor kambing zakatnya seekor kambing. Jika jumlah kambing gembalaan seseorang kurang daripada empat puluh ekor, misalnya kurang satu ekor, maka tidak perlu sedekah kecuali jika pemiliknya ingin berbuat demikian. Tidak boleh mengumpulkan ternakan yang terpisah-pisah, tidak boleh pula memisahkan ternakan yang bersatu kerana khuatir akan dikenakan kewajipan sedekah. Jika ternakan dimliki oleh dua orang yang berserikat, maka

kedua-dua pemilik harus saling merujuk dengan cara yang adil. Haiwan yang telah berusia tua, cacat dan pejantan tidak boleh digunakan sebagai bayaran untuk sedekah kecuali jika pengeluar zakat menghendakinya (mengizinkannya). Zakat perak apabila jumlahnya mencapai dua ratus dirham, maka zakatnya dua empat persepuluh. Jika jumlah perak hanya seratus sembilan puluh dirham, maka tidak perlu mengeluarkan sedekah kecuali apabila pemiliknya ingin berbuat demikian. Barang siapa yang memiliki ternakan unta dalam jumlah yang mewajibkannya membayar sedekah berupa seekor unta *jadz'ah*, sedangkan dia tidak memiliki unta *jadz'ah*, tetapi hanya memiliki unta *hiqqah*, maka unta *hiqqah* boleh diterima dengan ditambah dua ekor kambing apabila dia memiliki dua ekor kambing atau wang sebesar dua puluh dirham. Barang siapa yang memiliki ternakan dengan jumlah yang mewajibkannya membayar sedekah berupa seekor unta *hiqqah*, sedangkan dia tidak memiliki unta *hiqqah*, tetapi hanya memiliki unta *jadz'ah*, maka unta *jadz'ah* boleh diterima dan pembayar sedekah menerima pengembalian wang sebesar dua puluh dirham atau dua ekor kambing." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Allah (s.w.t) di dalam kitab-Nya telah menyebutkan sejumlah hukum syariat yang penjelasannya bersifat umum, sedangkan perincian hukumnya diserahkan kepada Nabi (s.a.w). Dengan demikian, kedudukan Sunnah untuk menjelaskan dan mentafsirkan al-Qur'an, seperti mana yang diungkapkan oleh firman-Nya:

..... وَأَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ ..... ﴿٤٤﴾

"*... Dan Kami menurunkan kepadamu (Muhammad) al-Qur'an agar engkau menjelaskan kepada manusia hukum-hakam yang diturunkan kepada mereka...*" (Surah al-Nahl: 44).

Nabi (s.a.w) menjelaskan maksud Allah yang terdapat di dalam kitab-Nya melalui Sunnahnya, sama ada secara lisan, perbuatan, pengakuan, mahupun tulisan. Hadis ini merupakan surat Nabi (s.a.w) yang pernah ditujukan kepada Amr ibn Hazm, lalu dikutip oleh para khalifahnya yang ditujukan kepada amil-amil mereka. Dalam surat ini disebutkan penjelasan mengenai jumlah zakat yang waijb dikeluarkan, batasan nisab zakat, dan usia haiwan yang wajib dikeluarkan sebagai zakat. Semoga Allah memberikan balasan yang paling baik kepada Nabi kita atas nama Islam dan kaum muslimin, demikian pula kepada para khalifahnya. Merekalah yang memelihara khzanah ilmiah paling berharga ini, lalu mereka menukilnya untuk disampaikan kepada umat Islam dengan penuh kejujuran dan kepercayaan.

Analisis Lafaz

"كَتَبَ لَهُ", Khalifah Abu Bakar al-Shiddiq (r.a) mengirim surat kepada Anas (r.a) setelah beliau mengutusnya ke negeri Bahrain sebagai amil.

"فَرِيضَةُ الصَّدَقَةِ", maksudnya ialah zakat, kerana lafaz sedekah adakalanya bermaksud zakat.

"الَّتِي فَرَضَهَا رَسُولُ اللهِ", yang telah ditetapkan oleh Rasulullah (s.a.w) kerana kewajipan berzakat telah ditetapkan berdasarkan nash al-Qur'an.

"وَالَّتِي أَمَرَ اللهُ بِهَا رَسُولَهُ", Allah (s.w.t) memerintahkan Rasul-Nya untuk menjelaskan jenis dan kadar zakat yang wajib dikeluarkan seperti yang akan dijelaskan berikut ini.

"فِي أَرْبَعٍ وَعِشْرِينَ مِنَ الْإِبِلِ فَمَا دُونَهَا الْغَنَمُ فِي كُلِّ خَمْسٍ شَاةٌ", dua puluh empat ekor unta zakatnya ialah setiap lima ekor unta adalah seekor kambing. Jadi, jumlah zakatnya empat ekor kambing untuk dua puluh ekor unta, sedangkan empat ekor unta yang lain tidak dikenakan zakat. Lafaz "الغنم" berkedudukan sebagai *mubtada' mu'akhkhar*, sedangkan lafaz "وفي كل أربع وعشرين" berkedudukan sebagai *khabar muqaddam*.

"بِنْتُ مَخَاضٍ أُنْثَى", unta yang telah mencapai usia satu tahun dan mula memasuki usia dua tahun, sedangkan induknya mula mengandung lagi. *Al-Makhidh* adalah unta yang mengandung. Maksudnya ialah unta tersebut telah memasuki masa mengandung, sekalipun masih belum lagi mengandung.

"فَإِنْ لَمْ تَكُنْ فَابْنُ لَبُونٍ", jika *bintu makhadh* tidak dijumpai, maka gantinya ialah unta *ibnu labun*, iaitu unta jantan yang telah berusia dua tahun dan mula memasuki usia tiga tahun, sedangkan induknya menjadi unta *labun* kerana telah melahirkan anak.

"حِقَّةٌ طَرُوقَةُ الْجَمَلِ", telah mencapai usia yang siap untuk dibuahi oleh unta pejantan. Unta ini telah mencapai usia tiga tahun dan mula memasuki usia empat tahun.

"جَذَعَةٌ", berasal dari lafaz "الجذع" yang maksudnya "gugur". Diberi nama demikian kerana giginya ada yang rongak. Unta ini telah berusia empat tahun dan mula memasuki usia lima tahun.

"إِلاَّ أَنْ يَشَاءَ رَبُّهَا", kecuali apabila pemiliknya ingin mengeluarkan sedekah ternakannya sebagai amal sunatnya.

"وَفِي صَدَقَةِ الْغَنَمِ", dan dalam zakat ternakan kambing.

"فِي سَائِمَتِهَا", yang digembalakan di tempat gembalaannya dengan bebas, yakni ternakan kambing yang tidak diternak di dalam kandang.

"وَلاَ يُجْمَعُ بَيْنَ مُتَفَرِّقٍ", sebagai gambaran misalnya ada tiga orang yang setiap mereka memiliki empat puluh ekor ternakan kambing. Setiap orang diwajibkan membayar zakat berupa seekor kambing. Tetapi ketika petugas zakat yang ditugaskan oleh imam datang kepada mereka, maka mereka mengumpulkan haiwan ternakannya menjadi satu dengan tujuan agar mereka banyak dikenakan kewajipan membayar zakat berupa seekor kambing sahaja sebagai ganti daripada tiga ekor kambing apabila dipisah-pisahkan.

"وَلاَ يُفَرَّقُ بَيْنَ مُجْتَمِعٍ", apa yang dimaksud dengan "مجتمعين" ialah dua orang yang bersyarikat, masing-masing memiliki seratus satu ekor kambing. Ini bererti jumlah ternakan keduanya adalah dua ratus dua ekor kambing. Jadi, zakatnya adalah tiga ekor kambing. Tetapi ketika petugas zakat datang kepada mereka,

mereka memisahkan ternakan kambingnya, hingga masing-masing pemilik hanya membayar satu ekor kambing sahaja.

"خَشْيَةَ الصَّدَقَةِ", kerana takut dikenakan kewajipan membayar zakat yang banyak.

"وَمَا كَانَ مِنْ خَلِيطَيْنِ فَإِنَّهُمَا يَتَرَاجَعَانِ بَيْنَهُمَا بِالسَّوِيَّةِ", gambarannya ialah dua orang yang berkongsi mempunyai empat puluh ekor kambing, masing-masing pihak memiliki dua puluh ekor kambing dan telah mengetahui harta miliknya. Maka petugas zakat mengambil seekor kambing dari salah seorang di antara keduanya. Kemudian orang yang diambil ternakannya ilu menerima kembalian daripada rakan kongsinya berupa wang seharga setengah kambing. Perkongsian seperti ini disebut *khilthah al-jiwaar*.

"هَرِمَةٌ", haiwan yang telah berusia tua di mana semua giginya telah tanggal.

"عَوَارٍ", haiwan yang mempunyai cacat, misalnya matanya buta; haiwan yang berpenyakit kudis dan sakit.

"وَلاَ تَيْسٌ، إِلاَّ أَنْ يَشَاءَ الْمُصَّدِّقُ", *al-tais* ialah kambing induk. Jika tidak disetujui oleh pembayar zakat, maka itu tidak boleh diambil sebagai bayaran zakat.

"الرِّقَة", perak murni.

"مِائَتَيْ دِرْهَم", dua ratus dirham.

"رُبُعُ الْعُشْرِ", empat persepuluh, yakni setiap dua ratus dirham zakatnya lima dirham.

"فَإِنْ لَمْ تَكُن", jika perak itu tidak dimiliki.

"إِلاَّ تِسْعِينَ وَمِائَةً", kecuali hanya seratus sembilan puluh dirham.

"فَلَيْسَ فِيهَا صَدَقَةٌ", maka tidak ada kewajipan membayar zakat padanya.

"وَمَنْ بَلَغَتْ عِنْدَهُ مِنَ الْإِبِلِ صَدَقَةُ الْجَذَعَةِ", dan barang siapa yang memiliki ternakan unta dalam jumlah yang mengharuskannya membayar satu ekor unta *jadz'ah*.

"وَلَيْسَتْ عِنْدَهُ", sedangkan di dalam ternakan miliknya tidak terdapat unta *jadz'ah*.

"وَعِنْدَهُ حِقَّةٌ", tetapi dia hanya memiliki unta *hiqqah*.

"فَإِنَّهَا تُقْبَلُ مِنْهُ الْحِقَّةُ، وَيَجْعَلُ مَعَهَا شَاتَيْنِ إِنِ اسْتَيْسَرَتَا", maka petugas zakat boleh menerima unta *hiqqah* daripadanya sebagai pengganti unta *jadz'ah*. Di samping itu, pemilik ternakan pun membayar dua ekor kambing jika dia memilikinya sebagai penutup kekurangannya, kerana unta *hiqqah* lebih murah dibandingkan dengan unta *jadz'ah*.

"أَوْ عِشْرِينَ دِرْهَمًا", atau dua puluh dirham, jika dia tidak memiliki dua ekor kambing. Perkiraan ini berdasarkan nilai harga beli pada masa itu dan untuk masa sekarang mestilah harganya disesuaikan.

"وَمَنْ بَلَغَتْ عِنْدَهُ صَدَقَةُ الْحِقَّةِ", dan bagi orang yang wajib membayar zakat berupa unta *hiqqah*.

"وَلَيْسَتْ عِنْدَهُ", sedangkan dia tidak mempunyai unta *hiqqah*.

"وَعِنْدَهُ الْجَذَعَةُ", tetapi dia hanya memiliki unta *jadz'ah*.

"فَإِنَّهَا تُقْبَلُ مِنْهُ الْجَذَعَةُ، وَيُعْطِيهِ الْمُصَدِّقُ عِشْرِينَ دِرْهَمًا أَوْ شَاتَيْنِ", petugas zakat mengambil unta *jadz'ah* daripadanya. Ini kerana harga unta *jadz'ah* lebih mahal dan oleh itu, petugas zakat hendaklah mengembalikan lebihan itu kepadanya berupa dua ekor kambing jika keduanya dapat dijumpai atau wang yang senilai dengan harga dua ekor kambing.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan mengutus amil untuk mengutip zakat.
2. Dibolehkan mengambil unta *ibnu labun* apabila tidak ada *bint al-makhadh*.
3. *Khithab* ditujukan kepada pemilik harta dan petugas zakat, di mana mereka diperintahkan untuk tidak melakukan suatu perbuatan yang berkaitan dengan penyatuan dan pemisahan ternakan kerana khuatir dikenakan kewajipan zakat. Pemilik harta khuatir dikenakan kewajipan zakat yang lebih banyak danb oleh kerananya, dia melakukan penyatuan atau pemisahan supaya zakatnya menjadi sedikit. Sedangkan petugas zakat khuatir apabila kutipan zakat yang diperolehinya sedikit dan oleh kerananya, dia melakukan penyatuan ataupun pemisahan supaya zakat menjadi lebih banyak.
4. Dua orang yang berkongsi dalam suatu perkongsian haiwan ternakan boleh dianggap sebagai satu orang pemilik. Jika pertugas zakat mengambil zakat daripada salah satu di antara mereka, maka pihak yang membayar zakat merujuk kepada rakan kongsinya untuk mengambil harga zakat yang semestinya dia bayar.
5. Petugas zakat dibolehkan berijtihad untuk memilih mana yang lebih mendatangkan maslahat bagi kaum fakir miskin, kerana kedudukannya sama dengan wakil sehingga dia terikat oleh kemaslahatan mereka.
6. Menjelaskan barang-barang yang tidak boleh diambil oleh petugas zakat kecuali dengan keredaan daripada pemilik harta, misalnya kambing pejantan, memandangkan pemiliknya amat memerlukannya.
7. Menjelaskan barang-barang yang tidak boleh diterima sebagai zakat, misalnya ternakan yang sudah tua, sakit, berkudis dan haiwan buta.
8. Petugas zakat diwajibkan menerima barang yang lebih rendah nilainya daripada wajib zakat dan mengambil perbezaan harga mengikut jenis yang tidak wajib dikeluarkan zakatnya.
9. Petugas zakat diwajibkan menerima barang yang lebih tinggi nilainya daripada zakat yang sebenar, dan dia harus membayar perbezaan harga itu kepada si pemilik harta, sekalipun bukan daripada jenis yang wajib dikeluarkan zakat.
10. Menjelaskan nisab sebahagian harta yang wajib dikeluarkan zakat, misalnya ternakan unta, ternakan kambing dan perak. Manakala jenis yang lain pula akan diterangkan kemudian.

11. Harta yang jumlahnya kurang daripada nisab tidak wajib dikeluarkan zakatnya, tetapi apabila pemilik harta secara suka rela mengeluarkannya, maka petugas zakat boleh menerimanya dan dianggap sebagai sedekah sunat daripada pemiliknya.
12. Gembalaan merupakan syarat utama wajib zakat bagi ternakan kambing menurut pendapat jumhur ulama, tetapi Imam Malik tidak mensyaratkannya.
13. Peringatan terhadap orang yang melakukan tipu muslihat yang bertujuan untuk menghindari kewajipan berzakat.

١٤٧- عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَهُ إِلَى الْيَمَنِ، فَأَمَرَهُ أَنْ يَأْخُذَ مِنْ كُلِّ ثَلاَثِينَ بَقَرَةً تَبِيعًا أَوْ تَبِيعَةً، وَمِنْ كُلِّ أَرْبَعِينَ مُسِنَّةً، وَمِنْ كُلِّ حَالِمٍ دِينَارًا أَوْ عَدْلَهُ مُعَافِرِيًّا. رَوَاهُ الْخَمْسَةُ وَاللَّفْظُ لِأَحْمَدَ، وَحَسَّنَهُ التِّرْمِذِيُّ وَأَشَارَ إِلَى اخْتِلاَفٍ فِي وَصْلِهِ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ، وَالْحَاكِمُ.

147. Daripada Mu'adz ibn Jabal (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah mengutusnya ke negeri Yaman. Baginda menyuruhnya mengutip zakat daripada setiap tiga puluh ekor lembu satu ekor anak lembu jantan atau satu ekor anak lembu betina. Setiap empat puluh ekor lembu satu ekor sapi *musinnah* dan setiap orang yang telah baligh satu dinar atau yang sebanding dengan harga pakaian *ma'afir*. (Diriwayatkan oleh al-Khamsah. Lafaz hadis ini menurut riwayat Imam Ahmad. Hadis dinilai hasan oleh Imam al-Tirmizi, tetapi beliau mengisyaratkan adanya perselisihan mengenai status *mawshul*-nya. Ibn Hibban dan al-Hakim menilai hadis ini sahih)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) amat mementingkan masalah zakat. Oleh itu, baginda mengutus amil-amilnya ke pelbagai negeri untuk mengutip zakat. Nabi (s.a.w) membekalkan para pengtip zakat dengan nasihat dan mengingatkan mereka agar tidak berbuat zalim. Baginda menjelaskan kadar jizyah yang harus mereka ambil dari ahli kitab.

Analisis Lafaz

"بَعَثَهُ إِلَى الْيَمَنِ", Nabi (s.a.w) mengutus Mu'adz (r.a) ke negeri Yaman pada akhir tahun ke-9 Hijriah. Mu'adz merupakan salah seorang daripada lima orang amil yang diberi tugas sebagai amil zakat oleh Rasulullah (s.a.w) ke seluruh negeri Yaman.

"أَنْ يَأْخُذَ مِنْ كُلِّ ثَلاَثِينَ بَقَرَةً", supaya mengambil zakat daripada orang yang memiliki tiga puluh ekor sapi, iaitu seekor anak lembu, baik jantan ataupun betina. *Al-tabi'* ialah anak lembu yang berusia genap satu tahun dan memasuki usia tahun kedua.

Dinamakan *al-tabi'* kerana masih mengikuti induknya. Jenis betina dinamakan *al-tabi'ah*, dan huruf *aw* yang ada pada hadis menunjukkan makna *takhyir* (pilihan) dengan maksud bahawa pemungut zakat boleh memilih antara anak lembu jantan atau anak lembu betina yang telah berusia satu tahun.

"وَمِنْ كُلِّ أَرْبَعِينَ", dan dari setiap empat puluh ekor lembu hendaklah dia mengutip zakatnya daripada pemiliknya.

"مُسِنَّةً", lembu betina yang telah berusia dua tahun dan mula memasuki usia tiga tahun.

"وَمِنْ كُلِّ حَالِمٍ", apa yang dimaksudkan dengan *halim* adalah *muhtalim* iaitu orang yang telah berusia baligh dari kalangan selain kaum muslimin untuk diambil jizyahnya.

"دِينَارًا", sekeping wang dinar (wang emas) yang telah mereka kenali pada masa itu.

"أَوْ عَدْلَهُ مُعَافِرِيًّا", atau barang yang seharga satu dinar berupa pakaian *ma'afir*. *Ma'afir* dinisbahkan kepada salah satu kampung di negeri Yaman, tempat asal mula baju ini.

"وَحَسَّنَهُ التِّرْمِذِيُّ وَأَشَارَ إِلَى اخْتِلاَفٍ فِي وَصْلِهِ", dikatakan demikian kerana sebahagian ulama hadis meriwayatkan hadis ini darhipada al-A'masy, daripada Abu Wa'il, daripada Masruq, bahawa Nabi (s.a.w) mengutus Mu'adz ke negeri Yaman, seraya menyuruhnya mengambil, hingga akhir hadis. Riwayat yang lain daripada Masruq, daripada Mu'adz daripada Nabi (s.a.w).

Fiqh Hadis

1. Wajib zakat bagi pemilik ternakan lembu sekali gus menjelaskan nisabnya.
2. Tidak ada kewajipan zakat bagi ternakan lembu yang jumlahnya kurang daripada tiga puluh ekor, dan nisab merupakan perkara *ta'abbud* sehingga tidak boleh melibatkan hukum qiyas di dalamnya.
3. Jizyah hanya diambil daripada lelaki yang telah berusia baligh dan belum masuk Islam, kadarnya satu dinar, atau yang senilai dengannya, seperti pakaian.

١٤٨- عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "تُؤْخَذُ صَدَقَاتُ الْمُسْلِمِينَ عَلَى مِيَاهِهِمْ". رَوَاهُ أَحْمَدُ.

وَلِأَبِي دَاوُدَ: "وَلاَ تُؤْخَذُ صَدَقَاتُهُمْ إِلاَّ فِي دُورِهِمْ".

148. Daripada 'Amr ibn Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Zakat kaum muslimin (seperti ternakan) dikutip secara langsung dari tempat-tempat mereka memberi minum ternakannya.*" (Diriwayat oleh Imam Ahmad)

Menurut riwayat Abu Dawud disebutkan sebagai berikut: "*Zakat-zakat mereka tidak dikutip kecuali di rumah-rumah mereka.*"

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) mengambil cara yang paling lemah lembut dan penuh kasih sayang terhadap para pemilik harta. Oleh itu, baginda memberikan hak kepada mereka untuk mendatangkan para petugas zakat ke tempat mereka memberi minum haiwan ternakannya, atau ke rumah-rumah mereka, tempat mereka menghimpun haiwan ternakan milik mereka, dan baginda tidak membebani mereka membawa haiwan ternakannya ke tempat para amil zakat.

Analisis Lafaz

"تُؤْخَذُ صَدَقَاتُ الْمُسْلِمِينَ", apa yang dimaksud dengan sedekah ialah zakat.

"عَلَى مِيَاهِهِمْ", makna yang dimaksud ialah petugas zakat pergi mengambil zakat ke tempat para pemilik haiwan ternakan yang biasa memberi minum haiwan ternakannya, kerana cara ini lebih memudahkan mereka.

"لاَ تُؤْخَذُ صَدَقَاتُهُمْ إِلاَّ فِي دُورِهِمْ", para petugas zakat yang ditugaskan oleh imam pergi ke rumah-rumah mereka untuk mengambil zakat daripada para pemilik harta, kerana kasihan dan untuk meringankan bebanan mereka.

Fiqh Hadis

1. Tidak wajib membawa (zakat) haiwan ternakan kepada amil zakat, tetapi amil sendiri yang wajib mendatangi para pemilik harta di tempat-tempat yang biasa mereka datangi, misalnya di tempat-tempat mereka memberi minum haiwan ternakannya atau di rumah-rumah mereka. Tujuannya ialah untuk meringankan mereka.
2. Tanggungan kewajipan para pemilik harta telah bebas sebaik zakat diserahkan kepada utusan-utusan imam. Bagi mereka yang menyerahkannya dengan cara yang betul mendapatkan ganjaran pahala, dan bagi orang yang menyelewengkannya berdosa.

١٤٩- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَيْسَ عَلَى الْمُسْلِمِ فِي عَبْدِهِ وَلاَ فِي فَرَسِهِ صَدَقَةٌ". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

وَلِمُسْلِمٍ: "لَيْسَ فِي الْعَبْدِ صَدَقَةٌ إِلاَّ صَدَقَةُ الْفِطْرِ".

149. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Orang muslim tidak diwajibkan mengeluarkan zakat hamba sahaya dan kudanya.*"

(Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Menurut riwayat Muslim disebutkan sebagai berikut: "*Tidak ada kewajipan zakat pada hamba sahaya kecuali zakat fitrah.* "

Makna Hadis

Memiliki kuda dan hamba sahaya untuk dirinya sendiri tidak dikenakan kewajipan membayar zakat, kecuali apabila keduanya diniagakan. Ini merupakan salah satu keistimewaan syariat Islam. Zakat itu bukan pada zatnya, melainkan pada nilainya, sama seperti barang-barang perniagaan.

Imam Abu Hanifah mengemukakan pendapat yang berbeza dalam masalah kuda, tetapi semua ulama bersepakat bahawa zakat fitrah untuk budak dibebankan kepada tuannya.

Analisis Lafaz

"فِي عَبْدِهِ", hamba sahaya miliknya. *Al-Riqq* menurut makna asal ialah seseorang yang secara hukum tidak memiliki apa-apa kemampuan. Penyebabnya ialah kekafiran dan kemudian mereka diperjualbelikan berikut keturunannya.

"فَرَسِهِ", *al-Faras* adalah haiwan yang meringkik dan biasa digunakan oleh masyarakat Arab untuk berperang.

"صَدَقَةٌ", zakat

"إِلاَّ صَدَقَةُ الْفِطْرِ", kecuali zakat fitrah, kerana zakat fitrah diwajibkan ke atas tuannya secara mutlak.

Fiqh Hadis

1. Tuan hamba wajib membayarkan zakat fitrah hambanya secara mutlak, baik hambanya itu untuk dijadikan sebagai hak milik ataupun untuk diperjualbelikan.
2. Harga hamba wajib dikeluarkan zakat apabila hamba sahaya itu diperjualbelikan, kerana zakat barang perniagaan wajib hukumnya menurut kesepakatan ulama. Manakala pendapat mazhab Zhahiri yang mengecualikan kuda pula tidak dapat dijadikan sebagai pegangan.
3. Hamba sahaya yang tidak diperjualbelikan tidak dikenakan wajib zakat.
4. Kuda tidak wajib dikeluarkan zakatnya secara mutlak menurut pendapat jumhur ulama. Tetapi Imam Abu Hanifah membuat perincian dalam masalah ini. Dalam kaitan ini, beliau berkata: "Kuda wajib dikeluarkan zakatnya apabila kuda itu terdiri daripada jenis jantan dan betina serta digembalakan, dan pemiliknya dibolehkan memilih di mana dia boleh membayar satu dinar untuk setiap ekor kuda atau mentaksir harganya, kemudian mengeluarkan zakatnya sebanyak dua setengah peratus tanpa perlu menunggu nisab. Pemilik ternakan kuda yang hanya terdiri daripada

jenis jantan sahaja tidak dikenakan wajib zakat; kecuali jika kesemuanya terdiri daripada jenis betina, maka dia dikenakan wajib zakat.

١٥٠- عَنْ بَهْزِ بْنِ حَكِيمٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "فِي كُلِّ سَائِمَةِ إِبِلٍ: فِي أَرْبَعِينَ بِنْتُ لَبُونٍ، لاَ تُفَرَّقُ إِبِلٌ عَنْ حِسَابِهَا، مَنْ أَعْطَاهَا مُؤْتَجِرًا بِهَا فَلَهُ أَجْرُهُ، وَمَنْ مَنَعَهَا فَإِنَّا آخِذُوهَا وَشَطْرَ مَالِهِ، عَزْمَةً مِنْ عَزَمَاتِ رَبِّنَا، لاَ يَحِلُّ لِآلِ مُحَمَّدٍ مِنْهَا شَيْءٌ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ، وَعَلَّقَ الشَّافِعِيُّ الْقَوْلَ بِهِ عَلَى ثُبُوتِهِ.

150. Daripada Bahz ibn Hakim daripada ayahnya daripada datuknya bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Ternakan unta yang digembalakan, pada setiap empat puluh ekor unta zakatnya adalah seekor unta binti labun; ternakan unta tidak boleh dipisahkan daripada perhitungannya. Barang siapa yang mengeluarkan zakatnya kerana mengharapkan ganjaran pahala daripada Allah, maka dia mendapat pahala itu. Barang siapa yang tidak mengeluarkan zakatnya, maka kami akan mengambilnya berikut separuh daripada seluruh hartanya, sebagai suatu kepastian daripada ketentuan-ketentuan Tuhan kami. Tidak dihalalkan bagi keluarga Muhammad sedikit pun dari harta zakat itu.*" (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud, dan al-Nasa'i, serta dinilai sahih oleh al-Hakim. Al-Syafi'i memberi komentar status hadis ini seraya mengulas pendapatnya)

Makna Hadis

Pemimpin dan wakilnya boleh mengutip zakat ternakan dengan cara paksa daripada orang yang enggan membayarnya. Ini merupakan kesepakatan ulama. Jika pemilik harta berniat membayarnya ketika pemimpin mengambil zakat daripada hartanya, maka gugurlah kewajipan zakat daripadanya, dia memperoleh ganjaran pahala dan keberkatan. Jika tetap tidak mahu membayar zakat secara suka rela, lalu pemimpin mengambilnya dengan cara paksa, maka itu sudah sianggap memadai dan gugurlah kewajipan zakat daripadanya. Dalam kes ini, niat pemimpin menggantikan niatnya, tetapi pemilik harta tidak mendapat sebarang ganjaran pahala.

Analisis Lafaz

"فِي كُلِّ سَائِمَةِ إِبِلٍ: فِي أَرْبَعِينَ", pada setiap empat puluh ekor unta yang digembalakan dengan bebas hingga pemiliknya tidak bersusah payah lagi mengurusnya.

"بِنْتُ لَبُونٍ", unta betina yang telah berusia dua tahun dan mula memasuki usia tiga tahun, sedangkan induknya menjadi unta labun kerana telah melahirkan

anaknya kembali dan mula menyusukannya.

"لاَ تُفَرَّقُ إِبِلٌ", ternakan milik dua orang yang bersekutu tidak boleh dipisahkan untuk tujuan mengelakkan bayaran zakat.

"عَنْ حِسَابِهَا", dari kadar dan bilangan yang wajib dikeluarkan zakatnya. Gambarannya ialah salah seorang daripada dua orang yang berkongsi memiliki tiga ekor unta, sedangkan yang lain memiliki dua ekor unta. Jadi jumlah keseluruhannya adalah lima ekor unta dan ini bererti zakatnya adalah seekor kambing. Tetapi apabila dipisahkan, maka kedua-duanya tidak wajib membayar zakat barang sedikit pun.

"مَنْ أَعْطَاهَا مُؤْتَجِرًا", barang siapa yang membayar zakat dengan hati yang ikhlas demi memperoleh pahala daripada Allah, nescaya Allah akan memberi pahala itu kepadanya.

"وَمَنْ مَنَعَهَا فَإِنَّا آخِذُوهَا وَشَطْرَ مَالِهِ", barang siapa yang membangkang, tidak mahu membayar zakat, maka zakat diambil daripadanya dengan cara paksa berikut separuh daripada harta miliknya sebagai hukuman ke atas dirinya. Lafaz "شطرَ" dibaca *nashab* berkedudukan sebagai *maf'ul ma'ah*. Menurut riwayat yang lain dibaca "شطرُ" dengan baris dhammah, berkedudukan sebagai *na'ib al-fa'il* bagi *fi'il* yang dibuang, iaitu lafaz "يأخذ". Dari sini bererti pemahamannya ialah harta si penentang zakat itu dibahagi menjadi dua bahagian, kemudian petugas zakat dipersilakan memilih salah satu bahagian daripadanya. Dia boleh mengambil zakat daripada setengah harta yang dipilihnya itu sebagai hukuman terhadap si pembangkang zakat, tetapi apabila dia mengambil lebih daripada apa yang diwajibkan, maka itu tetap tidak dibolehkan.

"عَزْمَةً", *al-'azmah* adalah bertekad dalam suatu perkara, tetapi apa yang dimaksudkan dalam hadis ini ialah hak yang wajib. Lafaz "عزمة" boleh dibaca *rafa'* dan *nashab*. Jika dibaca *rafa'* bererti kedudukannya menjadi *khabar* bagi *mubtada* yang dibuang sedangkan bentuk lengkapnya ialah "هي عزمة". Jika dibaca *nashab* bererti menjadi *maf'ul muthlaq* yang mengukuhkan dirinya sendiri.

"مِنْ عَزَمَاتِ رَبِّنَا", hak-hak Allah dan kewajipan-kewajipan yang harus ditunaikan kepada-Nya.

"لاَ يَحِلُّ لِآلِ مُحَمَّدٍ مِنْهَا شَيْءٌ", zakat merupakan salah satu daripada hak Allah yang diharamkan ke atas keluarga Muhammad. Mereka tidak mempunyai bahagian di dalam harta zakat, kerana harta zakat adalah kotoran manusia. Lagi pula zakat itu bertujuan untuk meraih pahala akhirat, maka tidak layak ada tangan yang lebih tinggi daripada tangan baginda dalam urusan akhirat

"وَعَلَّقَ الشَّافِعِيُّ الْقَوْلَ بِهِ عَلَى ثُبُوتِهِ", al-Syafi'i berkata: "Hadis ini tidak dikukuhkan oleh ulama. Sekiranya telah dikukuhkan oleh ulama, nescaya kami pun sependapat dengan mereka."

Fiqh Hadis

1. Ternakan unta yang digembalakan dengan bebas wajib dikeluarkan zakatnya.

2. Dua orang yang berkongsi dilarang memisahkan ternakan unta mereka dengan tujuan agar mengelakkan kewajipan membayar zakat atau untuk meminimkan zakatnya.
3. Dianjurkan ikhlas dalam menunaikan zakat untuk memperoleh keredaan Allah (s.w.t).
4. Boleh mengambil zakat dengan cara paksa apabila pemilik harta yang wajib membayar zakat tidak mahu menunaikannya. Jika diambil dengan cara paksa, bererti dia telah melaksanakan kewajipan, sekalipun dia tidak mendapatkan ganjaran pahala.
5. Haram menjatuhkan hukuman dengan cara mengambil harta, kerana haram mengambil harta orang muslim. Dalilnya adalah *qath'i*, sedangkan hadis Bahz ini adalah *ahad* yang bersifat *zhanni*; sedangkan dalil *zhanni* tidak boleh didahulukan ke atas dalil *qath'i*. Akan tetapi, sebahagian ulama ada yang membolehkan menjatuhkan hukuman berupa harta berlandaskan makna zahir hadis ini. Ulama yang berpendapat demikian adalah Imam Ahmad, tetapi pendapat ini lemah, kerana boleh membuka kemungkinan bagi orang zalim meluahkan kejahatannya seperti memakan harta orang lain dengan cara yang batil.
6. Zakat haram secara mutlak bagi keluarga Nabi Muhammad (s.a.w) bagi memuliakan mereka, kerana zakat merupakan kotoran harta manusia. Ulama berbeza pendapat mengenai definisi keluarga Nabi (s.a.w) ini. Imam Abu Hanifah dan murid-muridnya mengatakan bahawa apa yang dimaksudkan dengan keluarga Nabi (s.a.w) adalah Bani Hasyim. Mereka adalah keluarga al-Abbas, keluarga Ali ibn Abu Talib, keluarga Ja'far dan keluarga Uqail yang merupakan saudara Ali (r.a), termasuk pula keluarga al-Harits ibn Abdul Muttalib. Bani Lahab tidak termasuk ke dalam golongan mereka. Imam Malik dan Imam Ahmad mengatakan bahawa keluarga Nabi (s.a.w) adalah Bani Hasyim secara mutlak. Dengan demikian, termasuk pula orang yang masuk Islam dari kalangan Bani Lahab, seperti Utbah dan Mu'tib. Imam al-Syafi'i mengatakan bahawa pendapatnya sama dengan pendapat sebahagian Imam Maliki dan Imam Ahmad. Mereka adalah Bani Hasyim dan Bani Abdul Muttalib, kerana Nabi (s.a.w) telah memberikan sebahagian ahli bait kepada mereka, sedangkan baginda tidak memberikannya kepada seorang pun dari kalangan kabilah Quraisy. Bahagian tersebut sebagai pengganti harta zakat yang diharamkan ke atas mereka.
7. Sedekah fardhu haram bagi Nabi (s.a.w) dan keluarganya. Begitu pula sedekah sunat, menurut pendapat yang kuat di kalangan mazhab Hanafi. Menurut pendapat yang muktamad dari kalangan mazhab Maliki, mazhab al-Syafi'i dan mazhab Hanbali, keluarga Nabi (s.a.w) dan para mawali dibolehkan menerima sedekah sunat kerana diqiyaskan kepada hadiah, hibah, dan wakaf. Menurut Imam Ahmad, apabila keluarga Nabi (s.a.w) tidak diberi hak sebagai ahli bait, maka bahagian zakat tidak diberikan kepada mereka walaupun itu sedikit. Ini merupakan pendapat yang sahih dari mazhab al-Syafii berlandaskan kepada keumuman dalil-dalil

yang melarangnya. Ini kerana kemuliaan mereka yang masih ada ikatan kekerabatan dengan Nabi (s.a.w). Kedudukan ini sifatnya tetap, kerana itu sebaiknya tetap dilarang. Imam Malik dan sebahagian mazhab Hanafi mengatakan bahawa zakat boleh diberikan kepada mereka dalam keadaan seperti itu, yakni mereka tidak mendapat bahagian *dzawul qurba*. Jumhur ulama berpendapat bahawa para mawali sebagai kerabat Nabi (s.a.w) tidak boleh menerima zakat, yakni haram menerima zakat. Imam Malik dan sebahagian kalangan mazhab al-Syafii mengatakan bahawa zakat dapat diberikan kepada mereka memandangkan mereka bukan kerabat yang sebenar dan tidak mendapat bahagian dari bahagian *dzawul qurba*. Oleh itu, zakat tidak diharamkan ke atas mereka, sama halnya dengan orang lain, di samping penyebab diharamkan zakat iaitu kemuliaan kerabat Nabi (s.a.w) dan ini tidak ada pada diri mereka.

Periwayat Hadis

Bahz ibn Hakim ibn Mu'awiyah ibn Haidah al-Qusyairi, nama panggilannya ialah Abu Abdul Malik al-Basri. Beliau mengambil riwayat hadis daripada ayahnya, juga dari datuknya yang bernama Mu'awiyah. Riwayat hadisnya telah diambil oleh al-Tsauri dan Ibn Aliyyah. Ibn Hibban berkata: "Seandainya dia tidak meriwayatkan hadis yang mengatakan: "Sesungguhnya kami akan mengambilnya berikut setengah daripada hartanya sebagai suatu ketetapan daripada ketetapan-ketetapan Tuhan kami," niscaya kami akan memasukkannya ke dalam golongan orang yang berstatus tsiqah." Beliau meninggal dunia pada usia 140 tahun.

Hakim ibn Mu'awiyah ibn Haidah al-Qusyairi telah menerima riwayat hadis daripada ayahnya, dan telah diambil riwayat hadis daripadanya oleh kesemua anaknya, iaitu Bahz, Sa'id, Mahran, dan Sa'id ibn Iyas. Beliau dinilai tsiqah oleh al-'Ajali, dan al-Nasa'i berkata: "Dia tidak memiliki masalah." Sedangkan Ibn Hibban menyebutnya di dalam senarai orang tsiqah.

Mu'awiyah ibn Haidah ibn Qusyair al-Qusyairi menerima riwayat hadis secara langsung daripada Nabi (s.a.w). Telah diambil riwayat hadis daripadanya oleh anak lelakinya yang bernama Hakim, juga 'Urwah ibn Ruwayyim al-Lakhami. Ibn Sa'ad berkata: "Mu'awiyah pernah menjadi delegasi kaumnya untuk menemui Nabi (s.a.w) dan para sahabatnya, dan mereka pernah menanyakan banyak perkara kepadanya." Ia meriwayatkan banyak hadis secara langsung daripada Nabi (s.a.w) dan pernah memerangi negeri Khurrasan. Beliau meninggal dunia di Khurrasan. Abu Dawud, al-Nasa'i dan al-Tirmizi adalah imam-imam yang mengetengahkan hadis-hadisnya.

١٥١- عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا كَانَتْ لَكَ مِائَتَا دِرْهَمٍ -وَحَالَ عَلَيْهَا الْحَوْلُ- فَفِيهَا خَمْسَةُ دَرَاهِمَ، وَلَيْسَ عَلَيْكَ شَيْءٌ حَتَّى يَكُونَ لَكَ عِشْرُونَ دِينَارًا، وَحَالَ عَلَيْهَا الْحَوْلُ، فَفِيهَا نِصْفُ دِينَارٍ، فَمَا زَادَ فَبِحِسَابِ

ذَلِكَ، وَلَيْسَ فِي مَالٍ زَكَاةٌ حَتَّى يَحُولَ عَلَيْهِ الْحَوْلُ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَهُوَ حَسَنٌ، وَقَدِ اِخْتُلِفَ فِي رَفْعِهِ.

وَلِلتِّرْمِذِيِّ عَنِ ابْنِ عُمَرَ: "مَنِ اسْتَفَادَ مَالاً، فَلاَ زَكَاةَ عَلَيْهِ حَتَّى يَحُولَ الْحَوْلُ". وَالرَّاجِحُ وَقْفُهُ.

151. Daripada Ali (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Jika engkau mempunyai dua ratus dirham dan masa satu tahun telah berlalu, maka zakatnya adalah lima dirham. Engkau tidak berkewajipan (membayar zakat) walau sedikit pun sebelum engkau mempunyai dua puluh dinar dan masa satu tahun telah berlalu. Zakat dua puluh dinar adalah setengah dinar. Jika lebih daripada itu, maka ia dihitungkan berdasarkan ketentuan tersebut. Harta benda sebelum masa satu tahun berlalu tidak dikenakan kewajipan membayar zakat.*" (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan statusnya hasan, tetapi sama ada ia *marfu"* ataupun tidak masih dipertikai)

Menurut riwayat al-Tirmizi daripada Ibn Umar (r.a) disebutkan sebagai berikut: "*Barang siapa yang memperoleh harta, maka dia tidak dikenakan kewajipan membayar zakat sebelum masa satu tahun berlalu.*" Menurut pendapat yang kuat, hadis ini berkedudukan *mawquf*.

Makna Hadis

Kewajipan berzakat pada harta dapat dilakukan apabila syarat-syarat berikut telah dipenuhi:

1. Jumlah harta mencapai batasan nisab. Oleh itu, pemilik harta yang kurang daripada batas nisab tidak dikenakan wajib membayar zakat.
2. Kepemilikan harta itu telah berlangsung selama satu tahun sesudah mencapai nisab. Oleh itu, tidak ada kewajipan membayar zakat sebelum masa satu tahun.
3. Hendaklah harta itu adalah milik kepada pemilik harta wajib zakat secara sempurna. Jika harta itu milik orang lain atau miliknya sendiri namun dia masih memiliki hutang kepada orang lain, maka dia tidak dikenakan kewajipan membayar zakat harta.

Nisab emas adalah dua puluh dinar dan nisab perak adalah dua ratus dirham, seperti yang telah ditetapkan oleh Sunnah Nabi (s.a.w). Harta yang jumlahnya kurang daripada itu tidak dikenakan kewajipan membayar zakat, sedangkan harta yang lebih daripada nisab yang telah ditetapkan tetap dihitung tanpa ada pengurangan.

Analisis Lafaz

"إِذَا كَانَتْ لَكَ مِائَتَا دِرْهَمٍ", apabila seseorang memiliki dua ratus dirham.

"وَحَالَ عَلَيْهَا الْحَوْلُ", pemilikannya telah melampaui masa satu tahun, kerana perkembangan itu secara umum tidak nampak melainkan setelah berlalu masa satu tahun. Syarat haul ini hanya berlaku selain pada buah-buahan dan barang galian. Buah-buahan zakatnya setelam musim panen, seperti mana yang diterangkan oleh firman-Nya:

..... وَءَاتُوا۟ حَقَّهُۥ يَوْمَ حَصَادِهِۦ ۖ ..... ﴿١٤١﴾

"… *Dan tunaikanlah haknya pada saat memetik hasilnya*…." (Surah al-An'am: 141)

Apa yang dimaksud dengan haknya ialah zakatnya. Zakat barang galian pula dilakukan setelah penapisan.

"فَفِيهَا خَمْسَةُ دَرَاهِمَ", zakatnya adalah lima dirham, yakni dua setengah peratus atau seperempat dari sepersepuluh.

"حَتَّى يَكُونَ لَكَ عِشْرُونَ دِينَارًا", sebelum kamu memiliki dua puluh dinar dan untuk masa sekarang diperkirakan sebesar dua belas pound emas.

"نِصْفُ دِينَارٍ", setengah dinar, yakni dua setengah peratus dari dua puluh dinar.

"فَمَا زَادَ فَبِحِسَابِ ذَلِكَ", selebihnya tetap dikenakan wajib zakat yang hitungannya disatukan dengan yang sudah mencapai nisab.

"وَلَيْسَ فِي مَالٍ زَكَاةٌ حَتَّى يَحُولَ عَلَيْهِ الْحَوْلُ", apa yang dimaksud dengan harta ialah harta yang berkembang seperti ternak dan mata uang kerana perkembangan ini tidak nampak kecuali setelah berlalu masa satu tahun.

"رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَهُوَ حَسَنٌ، وَقَدِ اخْتُلِفَ فِي رَفْعِهِ", hadis ini diriwayatkan oleh Abu Dawud secara *marfu'* daripada hadis al-A'war, kecuali sabdanya: "فَمَا زَادَ فَبِحِسَابِ ذَلِكَ"" dan lafaz "وَلَيْسَ فِي مَالٍ زَكَاةٌ حَتَّى يَحُولَ عَلَيْهِ الْحَوْلُ". Abu Dawud berkata: "Saya tidak tahu sama ada Ali (r.a) yang mengatakan "فَبِحِسَابِ ذَلِكَ" ataupun beliau yang menilainya *marfu'* kepada Nabi (s.a.w)." Dari perkataan Abu Dawud ini dapat disimpulkan bahawa kedudukan *marfu'* bagi hadis ini secara keseluruhan masih diperselisihkan.

"وَالرَّاجِحُ وَقْفُهُ", al-Tirmizi meriwayatkannya secara *m*arfu, tetapi menurut pendapat yang kuat mengatakan ia *mawquf*, namun hadis ini berkedudukan *marfu'* secara hukum kerana tidak memberikan peluang berijtihad di dalamnya. Hadis ini diperkuat oleh atsar-atsar sahih daripada empat oragn khalifah dan selain mereka. Jika masa satu tahun telah berlalu bagi harta, maka dianjurkan segera mengeluarkan zakatnya.

"مَنِ اسْتَفَادَ مَالاً", menghasilkan harta.

Fiqh Hadis

1. Nisab perak adalah dua ratus dirham dan zakatnya adalah seperempat dari sepersepuluh atau dua setengah peratus; yakni setiap dua ratus dirham

zakatnya adalah lima dirham.

2. Nisab emas adalah dua puluh dinar, zakatnya adalah seperempat dari sepersepuluh atau dua setengah peratus, yakni setengah dinar.
3. Pengeluaran zakat disyaratkan setelah berlalu masa satu tahun.
4. Emas dan perak tidak dipotong.
5. Harta yang jumlahnya masih di bawah nisab tidak dikenakan wajib zakat.
6. Barang yang tidak dimiliki secara sempurna tidak dikenakan wajib zakat.

١٥٢- عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: لَيْسَ فِي الْبَقَرِ اَلْعَوَامِلِ صَدَقَةٌ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالدَّارَقُطْنِيُّ، وَالرَّاجِحُ وَقْفُهُ أَيْضًا.

152. Daripada Ali (r.a) berkata: "Lembu yang digunakan untuk bekerja tidak dikenakan wajib zakat." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Daruqutni. Menurut pendapat yang kuat, hadis ini berstatus *mawquf*)

Makna Hadis

Ternakan lembu dikenakan wajib zakat apabila mencapai nisab yang diwajibkan, iaitu pada setiap tiga puluh ekor lembu zakatnya adalah seekor anak lembu yang berusia satu tahun, sama ada jenis jantan ataupun betina. Dan pada setiap empat puluh ekor zakatnya adalah lembu musinnah, tanpa wujud perbezaan sama ada lembu itu digembalakan dengan bebas atau dipelihara di dalam kandang. Demikian menurut mazhab Imam Maliki.

Jumhur ulama mengatakan bahawa zakat lembu dikenakan hanya pada ternakan lembu yang digembalakan dengan bebas, bukan lembu yang diternakkan di dalam kandangnya. Ini kerana diqiyaskan kepada ternakan unta dan ternakan kambing yang syarat utamanya ialah digembalakan dengan bebas. Ternakan yang dipekerjakan tidak dikenakan wajib zakat. Tidak ada hujah dalam hadis ini memandangkan ia berstatus *mawquf* lagi dha'if.

Analisis Lafaz

"لَيْسَ فِي الْبَقَرِ اَلْعَوَامِلِ صَدَقَةٌ", ternakan lembu yang dipekerjakan seperti dijadikan sebagai pengangkutan, membajak tanah atau pekerjaan yang selainnya tidak dikenakan wajib zakat

"وَالدَّارَقُطْنِيُّ", al-Daruqutni turut menyebut hadis ini daripada Ali (r.a) sebagaimana dia pun menyebutnya daripada Jabir (r.a), namun dengan lafaz sebagai berikut:

لَيْسَ فِي الْبَقَرِ الْمُثِيْرَةِ صَدَقَةٌ.

"Ternakan lembu yang dipekerjakan tidak dikenakan wajib zakat."

Al-Baihaqi menilai hadis ini dha'if kerana di dalam sanadnya terdapat 'Ashim dan al-Harits al-A'war; kedua-duanya berstatus dha'if. Al-Mundziri berkata: "Al-Harits dan Ashim tidak dapat dijadikan hujah. Hadis keduanya tidak boleh dijadikan sebagai dalil untuk mengukuhkan suatu hukum."

"وَالرَّاجِحُ وَقْفُهُ أَيْضًا", al-Baihaqi berkata: "Hadis ini diriwayatkan oleh al-Nufaili daripada Zuhair yang status *mawquf* dan *marfu'* yang masih diragui. Namun hadis ini disebutkan oleh Ibn Hajar dengan lafaz:

لَيْسَ فِي الْبَقَرِ الْعَوَامِلِ شَيْئٌ.

"Tidak dikenakan apa-apa kewajipan bagi ternakan lembu yang dipekerjakan."

Ibn Hajar telah meriwayatkan pula hadis ini daripada Ibn Abbas (r.a) yang lafaznya sebagai berikut:

لَيْسَ فِي الْبَقَرِ الْعَوَامِلِ صَدَقَةٌ.

"Tidak dikenakan zakat bagi ternakan lembu yang dipekerjakan."

Ibn Hajar menisbahkannya kepada al-Daruqutni dan di dalamnya terdapat periwayat yang matruk.

Fiqh Hadis

Seseorang yang memiliki ternakan lembu yang khusus untuk dipekerjakan tidak dikenakan wajib zakat. Ini maksud hadis ini, tetapi maknanya bertentangan dengan pendapat jumhur ulama.

١٥٣- عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مِنْ وَلِيَ يَتِيمًا لَهُ مَالٌ، فَلْيَتَّجِرْ لَهُ وَلاَ يَتْرُكْهُ حَتَّى تَأْكُلَهُ الصَّدَقَةُ". رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ، وَالدَّارَقُطْنِيُّ، وَإِسْنَادُهُ ضَعِيفٌ. وَلَهُ شَاهِدٌ مُرْسَلٌ عِنْدَ الشَّافِعِيِّ.

153. Daripada 'Amr ibn Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya yang bernama Abdullah ibn 'Amr (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: *"Barang siapa yang menjadi wali seorang anak yatim yang mempunyai harta, maka hendaklah dia mengembangkannya untuk kesejahteraan anak yatimnya itu, dan tidak boleh membiarkannya hingga harta itu habis dimakan oleh zakat."* (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan al-Daraquthni. Sanad hadis dha'if, tetapi hadis ini mempunyai *syahid* hadis lain yang berkedudukan mursal yang ada pada Imam al-Syafi'i)

Makna Hadis

Zakat diwajibkan ke atas harta milik kanak-kanak apabila kepemilikannya sempurna dan telah melewati masa satu tahun serta mencapai jumlah nisab. Orang yang diperintahkan untuk mengeluarkannya adalah wali kepada kanak-kanak itu, kerana anak itu masih belum mukallaf. Inilah pendapat jumhur ulama. Tetapi menurut Imam Abu Hanifah, harta kanak-kanak tidak dikenakan wajib zakat kerana diqiyaskan kepada masalah bahawa dia tidak wajib mengerjakan solat. Namun pendapat Imam Abu Hanifah ini disanggah bahawa zakat itu termasuk ke dalam bab perintah secara wadh'i, bukan perintah yang berkaitan dengan taklif (usia baligh).

Analisis Lafaz

"مِنْ وَلِيَ يَتِيمًا", mengurus anak yatim. Anak yatim ialah anak yang belum mencapai usia dewasa yang ditinggal mati oleh ayahnya. Sedangkan pada haiwan ialah anak haiwan yang ditinggal mati oleh induknya dan ada burung pula ialah anak burung yang ditinggal mati oleh kedua-dua induknya.

"فَلْيَتَّجِرْ لَه", hendaklah dia mengembangkannya dengan cara berniaga demi kesejahteraan anak yatim itu.

"وَلاَ يَتْرُكْهُ حَتَّ تَأْكُلَهُ الصَّدَقَةُ", janganlah dia membiarkannya hingga harta itu habis dimakan oleh zakat dan tiada sesuatu pun yang tersisa daripada hartanya.

"إِسْنَادُهُ ضَعِيفٌ", sanad hadis ini dha'if kerana riwayat al-Tirmizi daripada al-Mutsanna ibn al-Shabah, sedangkan al-Mutsanna dinilai dha'if, begitu pula dalam riwayat al-Daraquthni yang bersumber daripada riwayat Mandil ibn Ali yang dinilai dha'if. Hadis yang sama dikemukakan pula melalui riwayat al-'Azumi, sedangkan dia seorang yang matruk.

"وَلَهُ شَاهِدٌ", hadis ini mempunyai *syahid* yang menguatkan, iaitu hadis Amr ibn Syu'aib.

"مُرْسَلٌ عِنْدَ الشَّافِعِيِّ", apa yang dimaksud adalah sabda Nabi (s.a.w) yang mengatakan:

ابْتَغُوْا فِيْ أَمْوَالِ الْيَتَامَى لاَ تَأْكُلُهَا الزَّكَاةُ.

"*Kembangkanlah harta anak-anak yatim, nescaya harta-harta mereka tidak habis dimakan oleh zakat.*" (Diriwayatkan oleh al-Syafi'i melalui riwayat Ibn Juraij daripada Yusuf ibn Mahik secara mursal)

Imam al-Syafi'i mengukuhkannya dengan keumuman makna hadis-hadis sahih yang mewajibkan zakat secara mutlak.

Fiqh Hadis

1. Harta kanak-kanak wajib dikeluarkan zakatnya, sama dengan harta orang mukallaf. Jumhur ulama mengatakan bahawa orang yang mengeluarkan

zakat adalah wali kepada kanak-kanak itu sebagai wakilnya. Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa harta kanak-kanak tidak wajib dikeluarkan zakatnya kerana kanak-kanak masih belum mukallaf berlandaskan kepada hadis yang mengatakan: "Qalam diangkat daripada kanak-kanak hingga dia berusia baligh, sampai akhir hadis." Ini membawa maksud bahawa kanak-kanak itu dimaafkan hingga dia mencapai usia baligh.

2. Orang yang mengurus urusan anak yatim yang berharta diwajibkan mengembangkannya dengan cara berdagang atau cara lain agar harta anak yatim itu tidak habis kerana membayar zakat.

١٥٤- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ أَبِي أَوْفَى رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَتَاهُ قَوْمٌ بِصَدَقَتِهِمْ قَالَ: "اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَيْهِمْ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

154. Daripada Abdullah ibn Abu Aufa (r.a), beliau berkata: "Jika Rasulullah (s.a.w) kedatangan suatu kaum yang membawa zakat mereka, baginda selalunya membaca doa berikut: "اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَيْهِمْ" (Ya Allah, rahmatilah mereka)." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) bersegera melaksanakan perintah Allah ketika menyuruhnya mendoakan orang yang datang kepadanya dengan membawa zakat dan memohonkan rahmat buat mereka. Baginda segera melakukan itu dengan membaca doa: "Ya Allah, rahmatilah keluarga Abu Aufa." Baginda menggunakan lafaz "الصلاة" yang bermaksud rahmat, kerana menjalankan perintah Allah. Di dalam riwayat yang lain disebutkan Nabi (s.a.w) mendoakan keberkatan kepada seorang lelaki yang datang membawa harta zakatnya:

اللَّهُمَّ بَارِكْ فِيْهِ وَفِيْ أَهْلِهِ.

"*Ya Allah, berkatilah dia dan keluarganya.*" (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i)

Makna "صلاة النبي" ialah permohonan ampun buat pembayar zakat. Pengertian lafaz "الصلاة" dalam hadis ini adalah makna secara bahasa, iaitu doa. Doa ini dianjurkan agar diucapkan pula oleh pemimpin dan para wakilnya yang bertugas mengutip zakat orang banyak.

Perintah yang terdapat di dalam sabdanya: "Rahmatilah (ampunilah) mereka", mengandungi hukum sunat, kerana berlandas kepada ijma' yang menyatakan bahawa doa itu sunat hukumnya.

Analisis Lafaz

"بِصَدَقَتِهِمْ", dengan membawa zakat harta benda mereka.

"اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَيْهِمْ", Ya Allah, ampunilah dan rahmatilah mereka.

Fiqh Hadis

Pemimpin dan para wakilnya yang bertugas mengutip zakat untuk orang yang membayar zakat disunatkan mendoakan mereka. Dibolehkan berselawat dengan bebas untuk selain para nabi menurut Imam Ahmad, berlandaskan kepada makna zahir hadis ini dan firman Allah (s.w.t):

خُذْ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِم بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ ۖ إِنَّ صَلَوٰتَكَ سَكَنٌ لَّهُمْ ..... ﴿١٠٣﴾

"*Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka, dan berdoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka…*" (Surah al-Taubah: 103)

Jumhur ulama mengatakan bahawa tidak boleh bersalawat dengan bebas untuk selain para nabi kerana salawat bermaksud mengagungkan orang yang dibacakan salawat ke atasnya dan memuliakannya, sedangkan kedua-dua tujuan ini hanya dikhususkan kepada para nabi di kala nama mereka disebutkan. Mereka memberikan jawapan ke atas hadis ini, bahawa salawat Nabi (s.a.w) mengandung makna doa sahaja, dan di dalamnya sama sekali tidak mengandung makna mengagungkan, kerana ia hanya dikhususkan kepada para nabi. Salawat untuk selain para nabi dan para malaikat dengan pengertian tidak bebas, hukumnya boleh menurut ijma' ulama.

١٥٥- عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ الْعَبَّاسَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي تَعْجِيلِ صَدَقَتِهِ قَبْلَ أَنْ تَحِلَّ، فَرَخَّصَ لَهُ فِي ذَلِكَ. رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَالْحَاكِمُ.

155. Daripada Ali (r.a) bahawa al-Abbas (r.a) pernah bertanya kepada Nabi (s.a.w) tentang sedekah (zakat)nya yang akan beliau bayar dengan segera sebelum jatuh tempoh satu tahun. Maka Nabi (s.a.w) memberikan *rukhsah* kepadanya dalam hal itu." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan al-Hakim)

Makna Hadis

Pada asalnya kewajipan berzakat itu dibayar apabila telah berlalu masa satu tahun bagi harta benda tersebut, sementara menyegerakan pembayaran zakat sebelum jatuh tempoh haul pada asalnya tidak dibolehkan, namun Nabi (s.a.w) memberikan keringanan dalam masalah ini bagi pemilik harta, sehingga si pemilik harta dibolehkan menunaikannya sebelum waktunya.

Apapun, orang yang diwasiatkan atau yang menjadi wali harta tidak mempunyai hak baginya untuk menyegerakan pembayaran zakat sebelum jatuh waktu haulnya.

Analisis Lafaz

"فِي تَعْجِيلِ صَدَقَتِهِ قَبْلَ أَنْ تَحِلَّ", makna yang dimaksudkan ialah mendahulukan pembayaran zakat sebelum jatuh waktunya.

"فَرَخَّصَ لَهُ فِي ذَلِكَ", Rasulullah (s.a.w) membolehkannya untuk menyegerakan pembayaran zakatnya.

Fiqh Hadis

Dibolehkan menyegerakan pembayaran zakat sebelum tiba masa waktunya dan ini mengikut pendapat jumhur ulama. Tetapi mereka mensyaratkan beberapa perkara berikut: pertama, hendaklah pengeluaran zakat dilakukan setelah mencapai nisab; kedua, hendaklah jumlah yang telah mencapai nisab tersebut tidak terputus di tengah-tengah haul; ketiga, hendaklah dilakukan di akhir haul; keempat, menyegerakan pembayaran zakat hanya boleh dilakukan oleh si pemilik harta. Oleh itu, tidak sah apabila dilakukan oleh pengelola harta secara wasiat atau perwalian.

Mazhab Maliki mengatakan bahawa mendahulukan zakat boleh dilakukan dalam jarak waktu satu bulan sebelum tiba masa haul, tetapi makruh menurut pendapat yang muktamad.

١٥٦- عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَيْسَ فِيمَا دُونَ خَمْسِ أَوَاقٍ مِنَ الْوَرِقِ صَدَقَةٌ، وَلَيْسَ فِيمَا دُونَ خَمْسٍ ذَوْدٍ مِنَ الْإِبِلِ صَدَقَةٌ، وَلَيْسَ فِيمَا دُونَ خَمْسَةِ أَوْسُقٍ مِنَ التَّمْرِ صَدَقَةٌ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

وَلَهُ مِنْ حَدِيثِ أَبِي سَعِيدٍ: "لَيْسَ فِيمَا دُونَ خَمْسَةِ أَوْسُقٍ مِنْ تَمْرٍ وَلاَ حَبٍّ صَدَقَةٌ". وَأَصْلُ حَدِيثِ أَبِي سَعِيدٍ مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

156. Daripada Jabir bin Abdullah (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), beliau bersabda: "*Perak yang jumlahnya masih di bawah lima auqiyah tidak wajib dikeluarkan zakatnya. Demikian pula ternakan unta yang jumlahnya kurang daripada lima ekor tidak wajib dikeluarkan zakatnya. Begitu pula buah kurma yang jumlahnya kurang daripada lima wasaq tidak wajib dikeluarkan zakatnya.*" (Diriwayatkan oleh Muslim)

Imam Muslim turut mengemukakan hadis ini melalui Abu Sa'id (r.a(yang lafaznya sebagai berikut: "*Buah kurma dan biji-bijian yang jumlahnya masih di bawah lima wasaq tidak dikenakan wajib zakat.*" (Asal hadis Abu Sa'id ini Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Harta benda tidak dikenakan wajib zakat kecuali apabila jumlahnya telah mencapai nisab. Oleh kerana untuk mengetahui masalah nisab ini bergantung kepada dalil naqli kerana ia termasuk perkara *ta'abbudiyyah*, maka tidak ada ruang bagi akal untuk ikut campur di dalamnya. Nabi (s.a.w) sendiri yang menjelaskan nisab masing-masing jenis dan batasan bilangan harta itu. Baginda memutuskan bahawa sesuatu yang jumlahnya masih di bawah nisab tidak wajib dikeluarkan zakatnya sebagai bentuk kasih sayang Allah terhadap hamba-Nya sekali gus untuk memberi keringanan kepada mereka.

Analisis Lafaz

"لَيْسَ فِيمَا دُونَ", kurang.

"أَوَاقٍ", bentuk jamak dari lafaz *auqiyah*, sejenis timbangan yang dikenali di kalangan masyarakat Arab, diperkirakan sama dengan jumlah empat puluh dirham. Jika dikalikan dengan lima bererti ia sama dengan dua ratus dirham.

"مِنَ الْوَرِقِ", perak.

"صَدَقَةٌ", apa yang dimaksudkan di sini ialah zakat.

"ذَوْدٍ مِنَ الْإِبِلِ", lafaz "الذود" adalah bilangan yang jumlahnya antara tiga sampai dengan sepuluh ekor. Makna yang dimaksudkan di sini menunjukkan pengertian satuan.

"أَوْسُقٍ", bentuk jamak lafaz *wasaq* yang takarannya sama dengan enam puluh sha'. Satu sha' sama dengan empat mud, dan satu mud sama dengan cidukan kedua telapak tangan orang yang pertengahan, yakni orang yang telapak tangannya tidak terlampau besar dan tidak pula terlampau kecil.

Fiqh Hadis

1. Perak dan haiwan ternak wajib dikeluarkan zakatnya. Hadis ini menjelaskan tentang nisab masing-masing jenis harta yang wajib dikeluarkan zakatnya.
2. Orang yang memiliki buah kurma dan biji-bijian yang jumlah takarannya lima wasaq atau lebih, maka diwajibkan mengeluarkan zakat, menurut pendapat jumhur ulama. Tetapi Imam Abu Hanifah tidak mensyaratkan nisab. Beliau mengatakan bahawa zakat buah-buahan dan biji-bijian diwajibkan mengeluarkan zakat, baik jumlah takarannya sedikit mahupun banyak, berlandaskan kepada keumuman makna yang terdapat di dalam firman-Nya:

    ..... وَءَاتُوا۟ حَقَّهُۥ يَوْمَ حَصَادِهِۦ ۖ ..... ﴿١٤١﴾

    "... *Dan tunaikanlah hak (zakat)nya pada saat memetik hasilnya...*" (Surah al-An'Am: 141)

3. Kewajipan membayar zakat gugur pada harta perak yang jumlahnya kurang daripada lima *auqiyah*, ternakan unta yang jumlahnya kurang daripada lima ekor, dan buah kurma serta biji-bijian yang jumlah takarannya kurang daripada lima wasaq.

١٥٧- عَنْ سَالِمِ بْنِ عَبْدِ اللهِ عَنْ أَبِيهِ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "فِيمَا سَقَتِ السَّمَاءُ وَالْعُيُونُ، أَوْ كَانَ عَثَرِيًّا: الْعُشْرُ، وَفِيمَا سُقِيَ بِالنَّضْحِ: نِصْفُ الْعُشْرِ". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

وَلأَبِي دَاوُدَ: "أَوْ كَانَ بَعْلاً: الْعُشْرُ، وَفِيمَا سُقِيَ بِالسَّوَانِي أَوِ النَّضْحِ: نِصْفُ الْعُشْرِ".

157. Daripada Salim ibn Abdullah daripada ayahnya daripada Nabi (s.a.w), baginda bersabda: "*Tanaman yang diairi oleh air hujan dan mata air atau tanaman yang diairi dengan sendirinya, maka zakatnya adalah satu persepuluh. Sedangkan tanaman yang diairi dengan memakai alat penyiraman maka zakatnya adalah seperdua puluh.*" (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Menurut riwayat Abu Dawud disebutkan sebagai berikut: "*Jika tanaman yang diairi dengan sendirinya, maka zakatnya sepersepuluh, sedangkan tanaman yang diairi dengan memakai alat penyiraman atau angkutan haiwan, maka zakatnya seperempat dari sepersepuluh.*"

Makna Hadis

Oleh kerana penyiraman tanaman menggunakan alat penyiraman memerlukan jerih payah dan usaha tambahan, maka syariat Islam mengurangi sebahagian zakat yang wajib ditunaikan sebagai rahmat kepada hamba Allah. Oleh itu, Nabi (s.a.w) menetapkan zakatnya hanya setengah daripada sepersepuluh.

Penyiraman tanaman melalui air hujan dan air sungai dilakukan tanpa susah payah seperti mana keadaan pertama, maka syariat Islam menetapkan zakatnya adalah sepersepuluh.

Dengan demikian, hadis yang mengatakan bahawa "yang jumlahnya kurang daripada lima wasaq tidak wajib dikeluarkan zakatnya" men-*takhshish* hadis ini memandangkan maknanya yang bersifat umum.

Sabda Nabi (s.a.w) yang mengatakan bahawa tanaman yang diairi oleh hujan maka zakatnya adalah sepersepuluh. Maksudnya ialah apabila hasilnya mencapai lima wasaq. Ini kerana sebahagian Sunnah boleh men-*takhshish* sebahagian yang lain. Hadis yang menerangkan ukuran wasaq berkedudukan sahih menjelaskan kadar yang harus dikeluarkan zakatnya, sehingga hadis tersebut wajib diamalkan untuk membatasi pengertian umum yang terdapat pada hadis yang lain dalam masalah yang sama.

Analisis Lafaz

"فِيمَا سَقَتِ السَّمَاءُ", tanaman yang disirami oleh Allah melalui hujan. Menyebutkan keadaan dengan menggunakan nama tempat kerana hujan turun dari langit, seperti mana pengertian yang terdapat di dalam firman Allah (s.w.t):

..... وَأَنزَلْنَا مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً طَهُورًا ﴿٤٨﴾

"*… Dan Kami turunkan dari langit air yang amat bersih.*" (Surah al-Furqan: 48)

"وَالْعُيُونُ", bentuk jamak dari lafaz *'ain* yang bermaksud mata air.

"عَثَرِيًّا", yang menyerap air dengan sendirinya melalui akarnya, kerana terletak berhampran dengan air atau daerah yang banyak mengandungi air, hingga pengairannya tidak memerlukan tenaga manusia untuk menyiramnya, tetapi secara ia disiram secara alami.

"الْعُشْرُ", zakat tanaman yang telah disebutkan di atas adalah sepersepuluh daripada hasil yang diperoleh, kerana pengairannya tidak memerlukan biaya dan tenaga.

"بِالنَّضْحِ", tanaman disiram menggunakan alat. Asal maknanya ialah unta yang biasa digunakan untuk mengangkut air dari sumur dan dari tempat lain untuk menyirami tanaman. *Al-Nadhih* adalah unta pengangkut air untuk menyirami tanaman, kemudian lafaz ini digunakan untuk menunjukkan unta itu sendiri, sekalipun tidak digunakan untuk mengangkut air.

"نِصْفُ الْعُشْرِ", separuh dari sepersepuluh merupakan zakat tanaman tersebut, yakni lima peratus. Oleh kerana pengairannya menggunakan tenaga dan biaya, maka Allah pun menguranginya daripada kadar yang semestinya sebagai rahmat ke atas hamba-Nya sekali gus menghargai usaha dan kerja yang dilakukan oleh mereka.

"وَلأَبِي دَاوُدَ", menurut riwayat Abu Dawud, melalui Salim ibn Abdullah, daripada ayahnya, bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda. Lafaznya adalah sebagai berikut:

فِيمَا سَقَتْ السَّمَاءُ وَالْأَنْهَارُ وَالْعُيُونُ أَوْ كَانَ بَعْلاً الْعُشْرُ، وَفِيمَا سُقِيَ بِالسَّوَانِي أَوْ النَّضْحِ نِصْفُ الْعُشْرِ.

"*Tanaman yang diairi oleh hujan, sungai-sungai, dan mata-mata air atau diairi secara alami, maka zakatnya adalah sepersepuluh; sedangkan tanaman yang diairi dengan timba atau angkutan haiwan, maka zakatnya setengah dari sepersepuluh, (5%).*

"الْأَنْهَارُ", bentuk jamak dari *nahr*, maksudnya sungai.

"بَعْلاً", tanaman yang menyerap air dari tanah melalui akarnya tanpa disiram oleh hujan dan lain-lain. *Al-Ba'l* adalah pohon kurma, pohon yang lain, dan tanam-tanaman yang tidak disirami atau yang disirami oleh air hujan. Kedudukan lafaz ini sama dengan lafaz "عثريا" yang terdapat pada hadis sebelumnya.

"السَّوَانِي", bentuk jamak lafaz *saniyah*, makna asalnya ialah unta yang dijadikan sebagai alat pengangkut air untuk menyirami tanaman. Tetapi makna yang dimaksudkan dalam hadis ini ialah ember besar atau alat yang digunakan untuk menyiram tanaman.

Fiqih hadis

1. Hasil tanaman wajib dikeluarkan zakatnya.
2. Wajib mengeluarkan sepersepuluh dari hasil tanaman yang pengairannya tidak menggunakan alat penyiraman untuk memberikan keluasan bagi orang fakir.
3. Wajib mengeluarkan setengah dari sepersepuluh hasil tanaman yang pengairannya dilakukan dengan menggunakan alat penyiraman yang memerlukan tenaga dan biaya untuk meringankan pemilik harta.

١٥٨- عَنْ أَبِي مُوسَى ٱلْأَشْعَرِيِّ وَمُعَاذٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَهُمَا: "لاَ تَأْخُذَا فِي الصَّدَقَةِ إِلاَّ مِنْ هَذِهِ ٱلْأَصْنَافِ ٱلْأَرْبَعَةِ: الشَّعِيرِ، وَالْحِنْطَةِ، وَالزَّبِيبِ، وَالتَّمْرِ". رَوَاهُ الطَّبَرَانِيُّ، وَالْحَاكِمُ.

وَلِلدَّارَقُطْنِيِّ عَنْ مُعَاذٍ: "فَأَمَّا الْقِثَّاءُ، وَالْبِطِّيخُ، وَالرُّمَّانُ، وَالْقَصَبُ، فَقَدْ عَفَا عَنْهُ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ". وَإِسْنَادُهُ ضَعِيفٌ.

158. Daripada Abu Musa al-Asy'ari (r.a) dan Mu'adz ibn Jabal (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) bersabda kepada mereka: "*Janganlah kamu mengutip zakat kecuali dari empat jenis tanaman berikut, iaitu: barli, gandum, anggur kering, dan buah kurma.*" (Diriwayatkan oleh al-Tabarani dan al-Hakim)

Menurut riwayat al-Daruqutni daripada Mu'adz ibn Jabal (r.a) disebutkan bahawa Mu'adz (r.a) berkata: "Jambu, tembikai, delima, dan tebu, Rasulullah (s.a.w) telah memaafkannya." (Sanad hadis ini dha'if)

Makna Hadis

Mengutus tenaga pengajar ke berbagai kabilah dan daerah merupakan kebiasaan yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w). Dahulu baginda selalunya mengutus sahabat pilihan untuk menyiarkan dakwah Islam dan mengajarkan hukum-hakam agama. Baginda mengutus Abu Musa dan Mu'adz ke negeri Yaman sebagai da'i dan pengutip zakat. Kemudian baginda membekalkan mereka berdua dengan nasihat yang antara lain berkaitan dengan masalah zakat menerusi sabdanya: "Janganlah kamu mengutip zakat kecuali daripada keempat jenis ini." Barangkali jenis tanaman

lain tidak dijumpai di tempat itu. Dengan demikian, batasan ini bersifat nisbi atau berdasarkan penilaian keadaan pada masa itu. Ulama memasukkan buah-buahan selainnya ke dalam kategori keempat jenis tadi apabila itu boleh dijadikan sebagai makanan asas. Ini termasuk qiyas jali sebagaimana pula ada ulama yang memandang keumuman makna wajib zakat pada setiap hasil yang ditumbuhkan oleh bumi hingga termasuk pula sayur-sayuran dengan berlandaskan kepada keumuman makna zahir hadis yang mengatakan: "*Tanaman yang diairi oleh hujan maka zakatnya sepersepuluh.*"

Analisis Lafaz

"فِي الصَّدَقَةِ", dalam masalah zakat.

"إِلاَّ مِنْ هَذِهِ الْأَصْنَافِ الْأَرْبَعَةِ", kecuali empat jenis barang ini. Kalimat ini membawa maksud bahawa tidak wajib zakat bagi selain keempat-empat jenis tanaman itu, seperti mana yang akan dijelaskan berikut ini.

"عَفَا عَنْهُ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", Rasulullah (s.a.w) tidak mewajibkan zakat pada jenis-jenis tersebut.

"إِسْنَادُهُ ضَعِيفٌ", sanad hadis ini dha'if kerana di dalamnya terdapat Muhammad ibn Abdullah al-Azrumi. Sehubungan dengan ini, Imam Ahmad berkata: "Ulama hadis tidak memakai hadisnya, dan ada seorang ulama yang mempertikai dirinya."

Fiqh Hadis

1. Gandum, barli, anggur kering, dan buah kurma wajib dikeluarkan zakatnya.
2. Tembikai, jambu, delima dan tebu tidak wajib dikeluarkan zakatnya. Imam Ahmad berkata: "Zakat diwajibkan ke atas sesuatu yang ditakar, mampu bertahan lama dan dapat dikeringkan yang termasuk jenis tanaman yang biasa ditanam oleh manusia berupa biji-bijian dan buah-buahan sama ada ia dapat dijadikan sebagai makanan asas seperti gandum, barli, jagung, padi dan gandum atau tidak dapat dijadikan sebagai makanan asas seperti kacang, dal, himsh, kamun, turmus, simsim dan jenis biji-bijian serta buah-buahan yang lain misalnya misymisy, tin, luz, fistuq dan bunduq. Jenis buah-buahan yang tidak dapat dikeringkan tidak dikenakan kewajipan zakat ke atasnya seperti khukh, epal dan jambu. Demikian pula sayur-syuran seperti labu, timun, tembikai, terong, lobak, dan wortel. Imam al-Syafi'i dan Imam Malik berpendapat bahawa zakat diwajibkan atas segala sesuatu yang ditumbuhkan oleh bumi apabila jumlahnya telah mencapai nisab dan dapat dijadikan sebagai makanan asas dan termasuk jenis tanaman yang biasa ditanam oleh manusia, seperti gandum, barli, jagung, padi, dal, humush, kacang hijau, dan lain-lain. Jenis yang tidak dapat

dijadikan sebagai makanan asas seperti kammun, kurrawiyah, kuzbarah, sayur-sayuran, halabah, kacang sudan, turmus dan simsim. Semua itu tidak wajib dikeluarkan zakatnya. Ini mengikut mazhab al-Syafi'i, tetapi menurut mazhab Imam Malik justeru sebaliknya. Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa segala sesuatu yang ditumbuhkan oleh bumi wajib dikeluarkan zakatnya tanpa memerlukan syarat nisab dan perbezaan jenis tanaman sama ada sayur-sayuran ataupun selainnya. Tetapi Imam Abu Hanifah mengikatnya dengan syarat penanamannya sengaja dilakukan untuk memanfaatkan lahan kosong mengikut tradisi. Oleh itu, menurut mereka tanaman jenis kayu-kayuan, rumput lalang, rumput makanan ternakan, daun kurma, dan biji tembikai tidak dikeluarkan zakatnya, kerana penanamannya tidak dilakukan untuk memanfaatkan tanah dan mengembangkannya menurut kebiasaan. Lain halnya apabila seseorang memanfaatkan tanah, lalu ditanaminya dengan pohon, tebu atau rumput ilalang, maka hasil yang diperolehinya wajib dikeluarkan zakatnya, kerana ini dilakukan dengan tujuan memanfaatkan lahan kosong. Imam Abu Hanifah melandaskan pendapatnya ini dengan berdalilkan kepada firman Allah (s.w.t):

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَنفِقُوا۟ مِن طَيِّبَـٰتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّآ أَخْرَجْنَا لَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ ۖ ..... ﴿٢٦٧﴾

"*Wahai orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebahagian daripada hasil usahamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu...*" (Surah al-Baqarah: 267)

Demikian pula firman Allah (s.w.t):

..... وَءَاتُوا۟ حَقَّهُۥ يَوْمَ حَصَادِهِۦ ۖ ..... ﴿١٤١﴾

"*… Dan tunaikanlah zakatnya pada saat memetik hasilnya…*" (Surah al-An'am: 141)

Abu Yusuf dan Imam Muhammad murid Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa zakat diwajibkan pada jenis buah-buahan yang mampu bertahan disimpan selama satu tahun tanpa memerlukan kepada bahasan pengawet, baik jenis yang dapat ditakar seperti kurma ataupun jenis yang tidak dapat ditakar seperti kapas. Jika barang tersebut termasuk jenis yang ditakar, maka jumlahnya harus mencapai lima wasaq. Jika tidak termasuk jenis yang ditakar, maka menurut Abu Yusuf tidak wajib dikeluarkan zakatnya, kecuali apabila harganya mencapai nisab mengikut hitungan minimum barang yang ditakar. Kapas tidak wajib dikeluarkan zakatnya, kecuali apabila harganya mencapai lima wasaq gandum. Menurut Imam Muhammad, barang yang tidak ditakar tidak dikenakan zakat, kecuali apabila jumlahnya mencapai lima kali ganda jenis yang paling unggul.

Dan kapas tidak wajib dikeluarkan zakatnya, kecuali apabila jumlahnya mencapai lima *qintarah*. Dari sini dapat diambil satu kesimpulan bahawa buah-buahan dan sayur-sayuran tidak dikenakan zakat.

١٥٩- عَنْ سَهْلِ بْنِ أَبِي حَثْمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: أَمَرَنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا خَرَصْتُمْ، فَخُذُوا، وَدَعُوا الثُّلُثَ، فَإِنْ لَمْ تَدَعُوا الثُّلُثَ، فَدَعُوا الرُّبُعَ. رَوَاهُ اَلْخَمْسَةُ إِلاَّ ابْنَ مَاجَه، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ، وَالْحَاكِمُ.

159. Daripada Sahl ibn Abu Hatsmah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) menyuruh kami bahawa: "Apabila kamu mentaksir buah-buahan, maka ambillah, tetapi sisakanlah sepertiga daripadanya. Apabila kamu tidak menyisakan sepertiganya, maka tinggalkanlah seperempat daripadanya." (Diriwayatkan oleh Khamsah, kecuali Ibn Majah dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban serta al-Hakim)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) menyuruh amil zakat yang bertugas mentaksir hasil buah-buahan hendaklah memberikan keringanan kepada pemiliknya dengan menyisakan seperempat atau sepertiga daripada sepersepuluhnya. Ini merupakan salah satu kebaikan syariat dan satu rahmat bagi pemilik buah-buahan sebagai gantian kepada kekurangan dan kerosakan yang mungkin berlaku. Demikianlah menurut tafsiran sebahagian ulama terhadap hadis ini.

Menurut ulama yang lain pula, zakat merupakan hukum syarak dan telah ditentukan bahagiannya di mana perkiraan dan nisabnya tidak mungkin diubah. Jadi maksud ini adalah hendaklah orang yang betugas mentaksir zakat buah-buahan membiarkan sepertiga atau seperempat daripada sepersepuluhnya untuk pemiliknya agar dia membahagikannya sendiri kepada para jiran tetangganya dan kaum kerabatnya serta orang yang biasa dia beri hadiah. Pengertian ini mengandungi rasa belas kasihan terhadap pemilik buah-buahan dan para pengikutnya.

Menurut pendapat lain, makna hadis ini ialah membiarkan sejumlah apa yang biasa dimakan oleh pemiliknya dan keluarganya menurut tradisi yang berlaku, lalu jumlah itu tidak boleh dimasukkan ke dalam taksiran.

Tetapi mengikut pendapat yang lebih kuat ialah mentafsirkan hadis menurut makna yang pertama di atas, kerana itu telah pun diperkuat oleh riwayat Jabir (r.a) yang kesimpulannya memberikan keringanan dalam menentukan taksiran.

Analisis Lafaz

"إِذَا خَرَصْتُمْ", *al-khars* adalah mentaksir buah kurma dan anggur yang masih bergantung pada pohonnya. Makna yang dimaksudkan di sini ialah apabila amil

zakat telah melakukan taksiran, dan kamu telah mengetahui hak Allah, maka petiklah sebahagian daripadanya sesuka hati kamu. Taksiran ini meringankan si pemilik buah-buahan, kerana sebahagian buah-buahan itu ada yang jatuh, rosak, serta ada pula yang dimakan oleh burung dan manusia.

"وَدَعُوا الثُّلُثَ", sisakanlah sepertiga dari sepersepuluhnya untuk si pemilik agar dia dapat bersedekah kepada kaum kerabatnya dan jiran tetangganya, hingga bahagian mereka tidak diambil dari kepemilikannya.

"فَإِنْ لَمْ تَدَعُوا الثُّلُثَ، فَدَعُوا الرُّبُعَ", pilihan ini diserahkan sepenuhnya kepada para pengutip zakat, iaitu memilih antara menyisakan sepertiga atau seperempatnya.

Fiqh Hadis

Disyariatkan melakukan taksiran untuk memelihara hak kaum fakir miskin. Akan tetapi, hukum dan jenis yang dapat ditaksir masih diperselisihkan. Imam Malik mengatakan bahawa taksiran wajib dilakukan ke atas buah anggur dan buah kurma yang masih belum masak. Imam Malik melandaskan pendapatnya dengan berdalil hadis 'Attab yang akan disebutkan setelah hadis ini.

Imam Ahmad dan Imam al-Syafii mengatakan bahawa melakukan taksiran hanya disunatkan pada pohon kurma dan pohon anggur sahaja. Mereka melandaskan pendapatnya dengan berdalilkan hadis 'Attab.

Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa tidak boleh melakukan taksiran, kerana ia hanya sekadar dugaan dan perkiraan yang tidak dipastikan. Beliau melandaskan pendapatnya dengan berdalilkan hadis Jabir (r.a) yang mengatakan Rasulullah (s.a.w) melarang melakukan taksiran, lalu baginda bersabda:

أَرَأَيْتُمْ إِنْ هَلَكَ التَّمْرُ أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْخُذَ مَالَ أَخِيْهِ بِالْبَاطِلِ؟

"*Bagaimana menurut kamu apabila buah kurma itu rosak, apakah seseorang di antara kamu gemar apabila mengambil harta saudaranya dengan cara yang batil?*"

Imam Abu Hanifah menjawab hadis 'Itab dengan mengatakan bahawa itu terjadi sebelum adanya larangan riba, kemudian ia dimansukh. Akan tetapi, ulama yang lain menyanggahnya. Jika anda ingin mengetahui pembahasan ini lebih mendalam, sila rujuk kitab-kitab fiqh.

١٦٠- عَنْ عَتَّابِ بنِ أَسِيْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: أَمَرَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُخْرَصَ الْعِنَبُ كَمَا يُخْرَصُ النَّخْلُ، وَتُؤْخَذَ زَكَاتُهُ زَبِيبًا. رَوَاهُ الْخَمْسَةُ، وَفِيهِ انْقِطَاعٌ.

160. Daripada Attab ibn Asid (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) menyuruh kami melakukan taksiran ke atas buah anggur sebagaimana melakukan taksiran ke atas buah kurma, sedangkan zakat buah anggur dipungut dalam bentuk *zabib* (anggur kering)." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, namun di dalam sanad hadis

ini terdapat *inqita'*)

Makna Hadis

Kaum fakir miskin adalah sekutu orang yang memiliki harta termasuk buah-buahan dalam kadar yang telah diwajibkan oleh Allah kepada mereka daripada zakat buah-buahan itu. Jika pemilik buah-buahan dilarang daripada memanfaatkan buah-buahan mereka hingga masak, nescaya ini akan menyusahkan mereka. Jika dia memetiknya dengan sesuka hatinya, nescaya itu merugikan hak kaum fakir miskin yang terdapat pada buah-buahan miliknya.

Oleh kepercayaan atau sifat amanah tidak dapat diwujudkan di kalangan setiap pemilik harta, demikian pula para pekerjanya, maka syariat menetapkan satu kaedah ini dengan membuat taksiran yang dilakukan oleh amil zakat. Tujuannya supaya pemilik harta segera dapat memanfaatkan harta miliknya sekali gus memelihara hak kaum fakir miskin yang ada pada hartanya itu.

Analisis Lafaz

"أَنْ يُخْرَصَ الْعِنَبُ كَمَا يُخْرَصُ النَّخْلُ", dilakukan taksiran zakat terhadap buah anggur. Rasulullah (s.a.w) telah menjadikan taksiran terhadap buah anggur sama kadarnya dengan taksiran buah kurma. Buah kurma dan buah anggur dapat dilihat dengan jelas oleh pandangan mata, tiada sesuatu pun yang menutupinya daripada pandangan mata kerana tersembunyi di sebalik dedaunannya, seperti jenis-jenis buah-buahan yang lain.

"وَتُؤْخَذَ زَكَاتُهُ زَبِيبًا", zakat buah anggur berupa zabib (setelah dikeringkan).

"وَفِيهِ انْقِطَاعٌ", ini kerana Sa'id ibn al-Musayyab (periwayat hadis ini) tidak pernah bersua dengan Attab. Sa'id ibn al-Musayyab dilahirkan pada masa pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khatthab, sedangkan 'Attab meninggal dunia pada masa pemerintahan Khalifah Abu Bakar.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan melakukan taksiran zakat terhadap buah kurma dan anggur yang masih bergantung pada pohonnya.
2. Zakat buah kurma dan anggur diambil setelah keduanya benar-benar masak, yakni setelah menjadi tamar dan kismis.

Periwayat Hadis

'Attab ibn Asid ibn Abu al-'Aish ibn Umayyah ibn Abd al-Syams al-Umawi, nama panggilan nya adalah Abu Abdul Rahman. Beliau masuk Islam ketika Mekah

dibuka oleh kaum muslimin, dan Nabi (s.a.w) melantiknya menjadi gabenor Mekah ketika baginda keluar (berangkat) menuju Hunain ketika usianya baru memasuki dua puluh tahun. Pada masa pemerintahan Khalifah Abu Bakar (r.a), beliau tetap diakui sebagai gabenor Mekah. Jawatan ini tetap dipegang hingga beliau meninggal dunia pada hari Khalifah Abu Bakar meninggal dunia. Riwayat hadisnya telah diambil oleh Atha' ibn Abu Rabah dan Sa'id ibn Abu 'Aqrab. Abu Dawud, al-Tirmizi, al-Nasa'i dan Ibn Majah adalah orang yang mengemukakan hadisnya.

١٦١- عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ أَنَّ امْرَأَةً أَتَتِ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَعَهَا ابْنَةٌ لَهَا، وَفِي يَدِ اِبْنَتِهَا مِسْكَتَانِ مِنْ ذَهَبٍ، فَقَالَ لَهَا: "أَتُعْطِينَ زَكَاةَ هَذَا؟" قَالَتْ: لاَ. قَالَ: "أَيَسُرُّكِ أَنْ يُسَوِّرَكِ اللهُ بِهِمَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ سِوَارَيْنِ مِنْ نَارٍ؟". فَأَلْقَتْهُمَا. رَوَاهُ الثَّلاَثَةُ، وَإِسْنَادُهُ قَوِيٌّ. وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ مِنْ حَدِيثِ عَائِشَةَ.

161. Daripada 'Amr ibn Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya bahawa ada seorang wanita datang kepada Nabi (s.a.w) dengan membawa seorang anak perempuannya, sedangkan pada tangan anak perempuannya itu dipakaikan sepasang gelang emas. Melihat itu, Nabi (s.a.w) bersabda kepada wanita itu: "Adakah engkau membayarkan zakatnya?" Wanita itu menjawab: "Tidak." Nabi (s.a.w) bersabda: "Apakah engkau suka apabila Allah (s.w.t) akan memakaikan kepadamu dua gelang daripada api kelak pada hari kiamat sebagai pengganti daripada sepasang gelang itu?" (Diriwayatkan oleh al-Tsalatsah dengan sanad yang kuat dan al-Hakim menilainya sahih melalui hadis Aisyah (r.a)

١٦٢- عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّهَا كَانَتْ تَلْبَسُ أَوْضَاحًا مِنْ ذَهَبٍ فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللهِ، أَكَنْزٌ هُوَ؟ فَقَالَ: "إِذَا أَدَّيْتِ زَكَاتَهُ، فَلَيْسَ بِكَنْزٍ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالدَّارَقُطْنِيُّ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

162. Daripada Ummu Salamah (r.a) bahawa beliau pernah memakai perhiasan dari emas, lalu bertanya: "Wahai Rasulullah, apakah ini termasuk harta simpanan?" Nabi (s.a.w) menjawab: "Jika engkau menunaikan zakatnya, maka itu tidak lagi dinamakan harta simpanan." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Daruqutni, dinilai sahih oleh al-Hakim)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) membolehkan kaum wanita memakai perhiasan emas dan perak, seperti mana yang telah disebutkan di dalam hadis lain yang mengatakan bahawa

Rasulullah (s.a.w) mengambil kain sutera, lalu dipegang di tangan kanannya, dan emas yang baginda pegang di tangan kirinya, kemudian bersabda:

إِنَّ هَذَيْنِ حَرَامٌ عَلَى ذُكُوْرِ أُمَّتِيْ حِلٌّ لِإِنَاثِهَا.

"*Sesungguhnya kedua-dua barangan ini haram bagi kaum lelaki umatku, namun halal bagi kaum wanita.*"

Hadis ini menunjukkan bahawa perhiasan kaum wanita tidak dikenakan wajib zakat. Inilah yang dijadikan pegangan oleh jumhur ulama dan dikuatkan oleh fatwa ulama salaf serta kebiasaan yang berlaku yang tidak mengenakan wajib zakat terhadap perhiasan kaum wanita.

Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa perhiasan wajib dikenakan zakat, apabila jumlahnya telah mencapai nisab kerana disamakan dengan makna umum wajib zakat ke atas emas dan perak, di samping berdasarkan hadis-hadis yang mengancam dan mengingatkan orang yang tidak menunaikan zakatnya. Akan tetapi, menurut jumhur ulama kesahihan hadis-hadis yang mengandung ancaman masih belum dapat dibuktikan.

Analisis Lafaz

"امْرَأَةً", seorang wanita yang dimaksudkan di ini adalah Asma' binti Yazid ibn al-Sakan al-Ansariyyah. Beliau adalah saudara sepupu Mu'adz ibn Jabal dari sebelah ayahnya. Dalam Perang al-Yarmuk, Asma' sempat membunuh sembilan orang pasukan Rom dengan tiang khemahnya. Telah diambil riwayat hadis daripadanya oleh Syahr ibn Hausyab, Mujahid, Mahmud ibn Amr, dan lain-lain.

"مِسْكَتَانِ", dua gelang dibuat daripada emas. Tetapi menurut makna asalnya bentuk *tatsniyah* lafaz "مسكة" yang bermaksud gelang yang dibuat daripada kulit kura-kura laut, gading gajah atau tanduk rusa."

"أَيَسُرُّكِ", apakah engkau senang?

"يُسَوِّرَكِ الله", apabila Allah memakaikan kepadamu sepasang gelang daripada api neraka pada hari kiamat kelak sebagai gentian kepada sepasang gelangmu itu, kerana zakatnya tidak dibayarkan.

"فَأَلْقَتْهُمَا", di dalam sambungan hadis ini disebutkan bahawa setelah itu Asma' menanggalkan sepasang gelangnya dan memberikannya kepada Nabi (s.a.w) seraya berkata: "Kedua-duanya untuk Allah dan Rasul-Nya." Demikianlah menurut riwayat Abu Dawud pada bahagian akhir hadisnya.

"أَوْضَاحًا مِنْ ذَهَبٍ", bentuk jamak dari "وضح", menurut makna asalnya ialah perhiasan yang dibuat daripada perak. Diberi nama demikian kerana perhiasan jenis ini nampak kelihatan dengan jelas. Akan tetapi, di dalam hadis ini kalimat tersebut menunjukkan makna perhiasan yang dibuat daripada emas.

"أَكَنْزٌ هُوَ؟", apakah ini termasuk harta simpanan, yang bererti termasuk di dalam kategori apa yang dimaksud oleh firman-Nya:

..... وَٱلَّذِينَ يَكۡنِزُونَ ٱلذَّهَبَ وَٱلۡفِضَّةَ وَلَا يُنفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ فَبَشِّرۡهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٖ ﴿٣٤﴾

"Dan orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak menafkahkannya pada jalan Allah, maka beritahukanlah kepada mereka, (bahawa mereka akan mendapat) seksa yang pedih." (Surah al-Taubah: 34)

Makna asal "كنز" adalah harta yang terpendam di dalam perut bumi.

"إِذَا أَدَّيْتِ زَكَاتَهُ", apabila engkau menunaikan zakatnya.

Fiqh Hadis

Barang perhiasan wajib dikeluarkan zakatnya menurut Imam Abu Hanifah yang melandaskan pendapatnya dengan berdalilkan hadis Ummu Salamah.

Jumhur ulama mengatakan bahawa barang perhiasan yang dibuat untuk dipakai tidak dikenakan kewajipan membayar zakat.

Segolongan ulama ada yang mengatakan bahawa zakat barang perhiasan itu ialah meminjamkannya.

Segolongan ulama yang lain mengatakan bahawa perhiasan itu wajib dikeluarkan zakat satu kali selama hidupnya.

١٦٣- عَنْ سَمُرَةَ بْنِ جُنْدُبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْمُرُنَا أَنْ نُخْرِجَ الصَّدَقَةَ مِنَ الَّذِي نَعُدُّهُ لِلْبَيْعِ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ، وَإِسْنَادُهُ لَيِّنٌ.

163. Daripada Samurah ibn Jundub (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) dahulu pernah menyuruh kami mengeluarkan zakat harta benda yang kami persiapkan untuk perniagaan." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, tetapi sanadnya lemah).

Makna Hadis

Harta yang disediakan untuk perniagaan adalah harta dagangan; harta itu dikenakan zakat apabila jumlahnya telah mencapai nisab. Hal ini telah disepakati oleh ulama, sedangkan perbezaan pendapat ulama mengenainya tidak dapat dijadikan sebagai pertimbangan.

Ibn al-Mundzir berkata: "Ulama telah berijma' bahawa wajib zakat ke atas harta perniagaan. Ulama yang menyatakan wajib adalah ahli fiqh yang tujuh, tetapi tidak kufur bagi orang yang mengingkarinya memandangkan masalah ini masih diperselisihkan."

Analisis Lafaz

"أَنْ نُخْرِجَ الصَّدَقَةَ", apa yang dimaksudkan di sini ialah zakat, bukan sedekah.

"مِنَ الَّذِي نَعُدُّهُ لِلْبَيْعِ", terhadap harta yang kami persiapkan untuk perniagaan.

"إِسْنَادُهُ لَيِّنٌ", sanad hadis ini lemah kerana ia bersumber daripada Sulaiman ibn Samurah, sedangkan dia seorang seorang yang majhul.

Fiqh Hadis

Harta perniagaan wajib dikeluarkan zakatnya. Imam Malik dan Imam al-Syafi'i mengatakan bahawa ada tidak ketentuan nisab dalam harta perniagaan, sebaliknya apa yang penting adalah sudah mencapai satu haul. Jika telah genap satu tahun dan jumlah harta mencapai nisab, maka wajib dikeluarkan zakatnya. Namun jika belum mencapai nisab, maka tidak wajib dikeluarkan zakatnya. Barang siapa yang memiliki harta kurang daripada nisab, lalu dia mengembangkannya melalui cara berniaga, hingga di akhir tahun jumlahnya mencapai nisab, maka hartanya itu wajib dikeluarkan zakatnya.

Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa disyaratkan nisab pada permulaan haul dan akhirnya dalam harta perniagaan, tetapi tidak ada pengaruhnya apabila pada pertengahan tahun jumlahnya berkurang daripada nisab.

Imam Ahmad mengatakan bahawa disyaratkan adanya nisab secara tetap sepanjang tahun dalam harta perniagaan.

١٦٤- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "وَفِي الرِّكَازِ الْخُمُسُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْه.

164. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Zakat harta rikaz ialah satu perlima.*" (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Setelah Ibn Hajar selesai menyebutkan hadis-hadis mengenai zakat barang perniagaan, beliau menyebutkan hukum zakat harta rikaz. Dalam pada itu, beliau mengemukakan hadis Abu Hurairah (r.a) yang menunjukkan bahawa zakat harta rikaz itu adalah satu perlima.

Ulama berselisih pendapat mengenai makna rikaz. Pendapat mereka dibahagikan menjadi dua kumpulan. Pertama, pendapat jumhur ulama, iaitu Imam Malik, Imam al-Syafi'i, dan Imam Ahmad di mana mereka mengatakan bahawa harta rikaz adalah harta terpendam di dalam tanah yang merupakan saki baki peninggalkan harta berharga pada zaman Jahiliah. Rikaz berbeza dengan harta galian kerana berdasarkan dalil hadis:

الْعَجْمَاءُ جُبَارٌ، وَالْمَعْدِنُ جُبَارٌ، وَفِي الرِّكَازِ الْخُمُسُ.

"Luka kerana haiwan adalah sia-sia, barang galian adalah sia-sia, dan di dalam harta rikaz terdapat zakat satu perlima." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Meng-*'athaf*-kan lafaz *al-rikaz* kepada lafaz *al-ma'adin* menunjukkan bahawa keduanya barang yang berlainan.

Kedua, adalah menurut pendapat Imam Abu Hanifah di mana beliau mengatakan bahawa rikaz sama dengan *al-ma'adin* (barang galian). Beliau menetapkan zakat satu perlima ke atasnya, baik yang berjumlah sedikit ataupun banyak tanpa ada ikatan nisab.

Imam al-Syafi'i mensyaratkan nisab pada rikaz berdasarkan hadis:

لَيْسَ فِيْمَا دُوْنَ خَمْسِ أَوْسُقٍ صَدَقَةٌ.

"*Emas yang jumlahnya kurang daripada lima auqiyah tidak dikenakan kewajipan mengeluarkan zakat.*"

Barang galian, menurut jumhur ulama, wajib dikeluarkan zakatnya apabila jumlahnya mencapai nisab.

Analisis Lafaz

"الرِّكَازِ", harta terpendam di dalam tanah sejak zaman Jahiliah berupa emas dan perak.

"الْخُمُسُ", dua puluh peratus daripada harga keseluruhan memandangkan rikaz diperoleh tanpa memerlukan usaha keras.

Fiqh Hadis

Harta rikaz wajib dikeluarkan zakatnya. Jumhur ulama mengatakan bahawa baik sedikit ataupun banyak, adalah sama di mana ia wajib dikeluarkan zakatnya sebanyak satu perlima.

Imam al-Syafi'i dalam qaul jadid mensyaratkan jumlahnya mencapai nisab. Oleh itu, harta rikaz yang jumlahnya masih di bawah nisab tidak wajib dikeluarkan zakatnya, kecuali apabila di dalam milik seseorang itu terdapat harta lain yang sama jenisnya dengan harta rikaz yang dijumpainya hingga jumlahnya genap mencapai nisab. Imam al-Syafi'i menambahkan bahawa syarat wajib zakat pada harta rikaz apabila berupa dua mata wang atau dalam bentuk lain, tetapi masih tetap dianggap sebagai mata wang, kerana berlandaskan kepada makna zahir hadis.

Hal yang sama turut dikemukakan pula oleh mazhab Hanafi, namun mereka mewajibkan satu perlima dan menjadikannya sebagai harta fai'.

Imam Ahmad mewajibkan satu perempat daripada sepersepuluh, yakni dua setengah peratus dan beliau menjadikannya sebagai zakat.

Menurut Imam Malik, ada dua riwayat seperti mana dua pendapat yang di atas; masing-masing riwayat ini diceritakan oleh Ibn al-Qasim. Penjelasan mengenai kadar zakat harta rikaz zaman dahulu, iaitu satu perlima, kerana harta tersebut dikeluarkan tanpa bersusah payah. Lain halnya dengan barang galian, kerana barang galian dikeluarkan dengan kerja berat dan bersusah payah.

Penjelasan yang mengatakan bahawa orang yang menemukan harta rikaz sesudah dia mengeluarkan satu perlimanya bererti dia memiliki sisanya sebanyak empat perlimanya atau lapan puluh peratus.

١٦٥- عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ -فِي كَنْزٍ وَجَدَهُ رَجُلٌ فِي خَرِبَةٍ-: "إِنْ وَجَدْتَهُ فِي قَرْيَةٍ مَسْكُونَةٍ فَعَرِّفْهُ، وَإِنْ وَجَدْتَهُ فِي قَرْيَةٍ غَيْرِ مَسْكُونَةٍ، فَفِيهِ وَفِي الرِّكَازِ الْخُمُسُ". أَخْرَجَهُ ابْنُ مَاجَه بِإِسْنَادٍ حَسَنٍ.

165. Daripada 'Amr ibn Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda sehubungan dengan harta rikaz yang dijumpai oleh seorang lelaki di sekitar tanah yang tidak bertuan: "*Jika engkau menjumpainya di dalam suatu kampung yang berpenghuni, maka umumkanlah penemuanmu itu. Jika engkau menjumpainya di dalam suatu kampung yang tidak berpenghuni, maka barang temuanmu itu dan juga di dalam harta rikaz mesti dikeluarkan satu perlimanya sebagai zakat.*" (Diriwayatkan oleh Ibn Majah dengan sanad yang hasan)

Makna Hadis

Harta yang ditemukan di atas permukaan tanah tanpa dipendam atau ditemukan di kawasan tanah yang bertuan, yakni tanah milik seseorang atau ditemukan dalam keadaan terpendam di tengah jalan, di dalam masjid, atau di tempat pos kawalan, tidaklah disebut harta rikaz, sebaliknya barang temuan dan berlaku ke atasnya hukum barang temuan.

Harta rikaz yang menurut syariat wajib dikeluarkan seperlimanya mestilah memenuhi dua kriteria. Pertama, hendaklah dalam keadaan terpendam sebagai peninggalan zaman dahulu. Kedua, hendaklah barang tersebut berada di dalam tanah yang tidak bertuan. Dengan demikian, jelaslah perbezaan antara barang temuan dengan harta rikaz. Hadis ini menetapkan pengertian tersebut dengan jelas.

Analisis Lafaz

"فِي كَنْزٍ", harta rikaz adalah harta terpendam di dalam tanah.

"وَجَدَهُ رَجُلٌ", dijumpai oleh seseorang.

"فِي خَرِبَةٍ" kawasan tidak berpenghuni dan tidak dimiliki oleh sesiapa pun.

"قَرْيَةٍ مَسْكُونَةٍ", kampung yang sarat penduduk.

"فَعَرِّفْهُ", maka umumkanlah barang yang kamu jumpai itu. Ini kerana barang tersebut kala itu dianggap sebagai barang temuan atau *luqatah*. *Luqatah* ialah sesuatu yang ditemukan, sedangkan menurut syariat ialah barang temuan milik seseorang yang kehilangan dalam keadaan terbiar sedangkan penemunya tidak mengetahui siapa pemiliknya. Jika barang itu ditemukan di dalam tanah milik seseorang, maka ia adalah milik orang itu selagi dia tidak membantahnya. Tetapi apabila si pemilik tanah membantahnya, maka bererti barang itu menjadi milik orang pertama sebelumnya. Demikianlah hendaklah ditelusuri seterusnya hingga sampai kepada orang yang mula-mula membuka tanah tersebut.

"وَإِنْ وَجَدْتَهُ", jika engkau menemukan harta karun itu.

"فِي قَرْيَةٍ غَيْرِ مَسْكُونَةٍ", di dalam suatu kampung yang tidak berpenghuni.

"فَفِيهِ وَفِي الرِّكَازِ الْخُمُسُ", maka barang terpendam itu dikeluarkan zakatnya seperlimanya kerana barang itu telah menjadi milik penemunya. Adapun barang yang ditemukan di dalam masjid atau di dalam tanah jalanan, maka barang itu diserahkan kepada baitul mal.

Fiqh Hadis

1. Boleh mengambil barang yang dijumpai tetapi dengan syarat harus mengumumkannya terlebih dahulu.
2. Zakat harta karun yang ditemukan di dalam kampung yang telah ditinggalkan oleh penduduknya adalah satu perlima, yakni dua puluh peratus, kerana diqiaskan kepada rikaz.

١٦٦- عَنْ بِلاَلِ بْنِ الْحَارِثِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَخَذَ مِنَ الْمَعَادِنِ الْقَبَلِيَّةِ الصَّدَقَةَ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ.

166. Daripada Bilal ibn al-Harits (r.a) bahawa "Rasulullah (s.a.w) telah mewajibkan zakat ke atas barang galian al-Qabaliyyah." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud)

Makna Hadis

Pemimpin berhak memberikan tanah yang tidak bertuan kepada sesiapa yang dikehendakinya dari kalangan orang yang mahu mengelolanya. Nabi (s.a.w) pernah memberikan tanah yang mengandung barang galian yang terletak di al-Qabaliyyah kepada Bilal al-Muzani. Al-Qabaliyyah adalah nama sebuah tempat yang terletak lima hari perjalanan dari kota Madinah menuju ke arah al-Furu'. Baginda mengenakan zakat terhadap hasil yang digali di lombong itu. Apapun, makna sedekah di sini masih diperselisihkan oleh ulama. Menurut satu pendapat, itu merupakan zakat, tetapi dengan syarat jumlahnya mencapai nisab dengan

alasan bahawa barang galian bukanlah rikaz. Menurut pendapat lain, apa yang dimaksud dengan zakat ialah al-khumus atau seperlima dengan alasan bahawa barang galian itu sama dengan rikaz. Ini adalah pendapat Imam Abu Hanifah.

Analisis Lafaz

"الْمَعَادِنِ", bentuk jamak dari lafaz *al-ma'din*, iaitu suatu tempat yang mengandungi galian emas atau perak. Nabi (s.a.w) pernah memberikan tanah yang mengandungi barang galian tersebut kepada Bilal ibn al-Harits.

"الْقَبَلِيَّةِ", suatu tempat yang terletak berhampiran tepi pantai yang jauhnya lima hari perjalanan dari Madinah.

"الصَّدَقَةَ", menurut satu pendapat adalah "khumus", sedangkan menurut pendapat lain adalah "zakat".

Fiqh Hadis

1. Barang siapa yang memperoleh barang galian, maka pada saat itu juga dia diwajibkan membayar zakatnya sebanyak dua puluh peratus. Jumhur ulama mengatakan bahawa zakat barang tambang adalah dua puluh peratus dibayar seketika dan tunai. Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa barang tambang dikenakan khumus atau seperlimanya kerana kedudukannya sama dengan rikaz.
2. Wajib mengeluarkan zakat emas dan perak, sedangkan perhiasan selain itu tidak wajib dizakati, kerana emas dan perak dapat dikembangkan dan dengan itu segala sesuatu dapat terbeli.

Pembahasan

Hukum surat berharga menurut mazhab Maliki dan mazhab Hanafi wajib dikeluarkan zakatnya apabila nilainya telah mencapai nisab dan telah berlalu masa satu tahun, kerana surat berharga dapat diguna pakai sebagai alat pembayaran dalam bermuamalah sama seperti emas dan perak di samping dapat menggantikan kedudukan wang emas dan perak untuk tujuan pembayaran. Selain itu, surat-surat berharga juga merupakan sijil pemilikan.

Mazhab al-Syafi'i mengatakan bahawa surat berharga tidak wajib dikeluarkan zakatnya kerana surat berharga merupakan bukti pemindahan kepada bank dengan cara yang tidak sahih kerana tidak disertai ijab kabul secara lisan di antara kedua belah pihak, kecuali apabila surat berharga itu dicairkan menjadi wang dan telah berlalu masa satu tahun.

Mazhab Hanbali mengatakan bahawa surat-surat berharga itu tidak wajib dikeluarkan zakatnya kecuali jika dicairkan menjadi wang.

Periwayat Hadis

Bilal ibn al-Harits al-Muzanni menjadi delegasi kaumnya pada tahun 5 Hijriah. Beliau memegang panji Muzayyanah pada hari pembukaan Mekah. Beliau meriwayatkan 8 hadis, dan riwayat hadisnya telah diambil oleh 'Alqamah ibn Waqqash dan Amr ibn Auf. Beliau meninggal dunia pada tahun 60 Hijriah dalam usia 80 tahun.

Kesimpulan

Dari hadis-hadis yang terdapat di dalam bab ini dapat diambil beberapa kesimpulan sebagai berikut:

1. Mengutus amil zakat untuk mengutip zakat, kerana pemimpin yang berhak mengutipnya, baik dilakukan sendiri ataupun melalui wakilnya.
2. Mengajak kaum kafir untuk masuk Islam dan doa orang yang dizalimi itu diterima serta tidak ditolak oleh Allah.
3. Lemah lembut dalam berdakwah dan menggunakan metoda secara bertahap dengan cara berpindah dari satu masalah ke masalah yang lain apabila yang pertama telah dikuasainya, demikianlah seterusnya hingga selesai.
4. Tidak wajib meratakan pengagihan zakat kepada lapan golongan yang berhak menerima zakat.
5. Dilarang memberikan zakat kepada orang kafir dan memindahkan zakat dari suatu negeri ke negeri lain.
6. Diingatkan agar tidak mengambil harta kesayangan pembayar zakat ketika mengutip zakat, dan tidak boleh berbuat aniaya.
7. Menjelaskan perkara-perkara yang tidak diterima sebagai zakat, nisab jenis kekayaan yang wajib dikeluarkan zakatnya, iaitu unta, lembu, kambing, kuda, harta perniagaan, emas, perak, perhiasan yang dipakai, harga hamba sahaya apabila mereka diperjualbelikan, buah kurma, biji-bijian, gandum, kismis, hasil pertanian, rikaz, harta galian, dan besarnya jizyah; jizyah wajib dikenakan ke atas orang yang telah berusia baligh sahaja. Menjelaskan hukum surat berharga dan keluarga Nabi (s.a.w).
8. Pengembalaan dengan bebas di ladang gembala merupakan syarat wajib zakat ke atas ternakan kambing.
9. Ternakan yang jumlahnya kurang daripada nisab tidak wajib dikeluarkan zakatnya kecuali apabila pemilik ternakan itu secara sukarela memberikannya, maka itu dapat diterima.
10. Emas dan perak tidak ada pengurangan padanya dan lebihan daripada nisab tetap dihitung sebagai zakatnya.
11. Pemilik hamba sahaya wajib mengeluarkan zakat fitrah hambanya secara mutlak tanpa mengira sama ada mereka diniagakan atau untuk dipelihara sendiri. Zakat diwajibkan ke atas harta anak kanak-kanak. Wajib

mengusahakan harta anak yatim dengan cara berniaga dan cara yang selainnya, serta tidak boleh membiarkannya agar tidak habis dimakan zakat.

12. Dianjurkan ikhlas dalam berniat ketika mengeluarkan zakat.
13. Dibolehkan berselawat meskipun bukan untuk para nabi, menyegerakan zakat sebelum tiba waktunya dan membahagikan tanah yang tidak bertuan.
14. Zakat haram bagi Nabi (s.a.w) dan keluarganya.
15. Tidak diwajibkan mengeluarkan zakat hamba sahaya apabila untuk dimiliki sendiri, juga lembu yang digunakan untuk bekerja, begitu pula jenis ternakan lain kerana diqiyaskan kepada lembu.
16. Disunatkan berdoa untuk pemilik harta ketika mengutip zakat daripadanya.
17. Disyariatkan melakukan taksiran zakat ke atas buah anggur dan kurma demi memelihara hak kaum fakir miskin.
18. Perbezaan antara barang temuan dengan rikaz.

Soalan

1. Apakah definisi zakat menurut bahasa dan syariat?
2. Siapakah yang dimaksudkan dengan "ahli kitab"?
3. Mengapa Rasulullah (s.a.w) mengingatkan tentang ahli kitab? Jelaskan!
4. Siapakah amil yang dimaksudkan dalam hadis itu? Bilakah pelantikannya?
5. Siapakah yang berhak mengutip zakat?
6. Apakah yang dimaksudkan "كرائم أموالهم"?
7. Jelaskan makna kalimat "ليس بينه وبين الله حجاب"!
8. Mengapa pemberian zakat hanya terbatas kepada kaum fakir di antara golongan lain yang berhak menerimanya?
9. Bolehkah memindahkan zakat dari suatu negeri ke negeri lain?
10. Wajibkah meratakan pembahagian zakat kepada seluruh golongan yang berhak menerimanya?
11. Bolehkah mengambil harta kesayangan yang dimiliki seseorang ketika mengutip zakat?
12. Jelaskan peranan surat-surat Nabi (s.a.w) dalam menerangkan hukum-hakam agama!
13. Bolehkah surat (tulisan) dijadikan sebagai rujukan dalam ilmu pengetahuan?
14. Jelaskan makna umur unta yang akan disebutkan berikut dan setiap unta tersebut dibayarkan untuk sejumlah berapa ternak unta, iaitu: "بنت مخاض"، "بنت لبون"، "ابن لبون"، "حقة"، "جذعة"، "بنتا لبون"، dan "حقتان"!

15. Sebutkan haiwan yang tidak wajib dikeluarkan zakatnya!
16. Apakah makna “السوم” pada ternakan kambing? Apakah itu disyaratkan?
17. Apakah makna “الخليطة”? Bilakah ia diharamkan dan dibolehkan? Bilakah dapat memberi manfaat dan menyebabkan mudarat?
18. Bagaimanakah hukum apabila pengutip zakat hanya mengambil zakat daripada salah seorang di antara dua orang yang berkongsi?
19. Jelaskan ternakan yang tidak boleh dikeluarkan zakatnya!
20. Apakah orang yang tidak dapat menemukan ternakan yang wajib dikeluarkan zakat dibolehkan mengutip yang selainnya? Berikan perumpamaan tentang hal ini!
21. Terangkanlah makna lafaz-lafaz berikut: “الرقة”, “المصدق”, “ذات عوار”, “هرمة”, “تبيعة”, “مسنة”, “حالم”, “عدله”, “معافريا”, “أواق”, “ذود”, “أوسق”, “السماء”, “عثريا”, “العشر”, “النضح”, “بعلا”, “السواني”, “مسكتان”, “يسورك”, dan “أوضاحا”!
22. Bagaimanakah caranya mengeluarkan zakat perak?
23. Jelaskan nisab ternakan lembu!
24. Terangkan jenis lembu yang tidak dikenakan zakat!
25. Apakah nisab dapat ditetapkan berdasarkan qiyas?
26. Siapakah orang yang berkewajipan membayar jizyah?
27. Wajibkah mendatangkan ternakan zakat kepada pengutip zakat?
28. Mengapa disebutkan secara khusus tempat pemberian minum ternakan dan rumah-rumah agar didatangi oleh pengumpul zakat? Sebutkan hikmahnya!
29. Apakah tanggungan pemilik harta bebas apabila dia telah menyerahkan zakatnya kepada amil zakat?
30. Bilakah diwajibkan zakat pada kepemilikan kuda dan hamba sahaya?
31. Jelaskan hukum zakat pada kuda dan hamba sahaya apabila keduanya dimiliki untuk tujuan dipelihara atau diniagakan! Jelaskan pula perbezaan pendapat ulama mengenai zakat kuda!
32. Apakah ternakan “السائمة” itu?
33. Apakah ternakan yang diberi makan di kandangnya dikenakan zakat?
34. Apakah dua orang yang berkongsi dilarang memisahkan masing-masing miliknya?
35. Bolehkah imam mengutip zakat dengan cara paksa apabila pemilik harta membangkang tidak mahu berzakat?
36. Bolehkah imam menghukum dengan cara menyita sebahagian harta? Jelaskan perbezaan pendapat ulama mengenainya!
37. Siapakah yang dimaksudkan dengan istilah keluarga Nabi (s.a.w)? Apakah zakat dihalalkan bagi mereka?
38. Sebutkan kedudukan i'rab lafaz “وشطر ماله” dengan harakat nasab!
39. Apakah makna lafaz “عزمة”? Ada berapa jenis i'rabnya?
40. Jelaskan nisab emas dan perak!

41. Terangkan syarat-syarat zakat!
42. Jelaskan barang yang tidak boleh dikurangi!
43. Terangkan jenis harta yang tidak bersyarat haul dalam zakat!
44. Apakah wajib mengeluarkan zakat ternakan lembu yang dipekerjakan?
45. Apakah "السوم" disyaratkan dalam zakat ternakan lembu?
46. Apakah harta anak kanak-kanak wajib dikeluarkan zakatnya? Sebutkan dalil ulama yang mencegahnya dan ulama yang mewajibkannya!
47. Bagaimanakah hukum mendoakan orang yang membayar zakatnya?
48. Bagaimanakah cara Rasulullah (s.a.w) mendoakannya?
49. Bolehkah bersalawat untuk selain para nabi?
50. Jelaskan makna perintah yang ada pada firman-Nya: "خذ من أموالهم"!
51. Bolehkah menyegerakan zakat? Apakah itu termasuk rukhsah ataukah azimah?
52. Bolehkah orang yang diwasiatkan dan orang yang diserahi tugas mengurus harta menyegerakan pembayaran zakat?
53. Sebutkan hikmah penjelasan nisab bagi setiap jenis!
54. Apakah sesuatu yang kurang daripada nisab wajib dikeluarkan zakatnya?
55. Jelaskan kadar zakat tanaman yang diairi dengan alat penyiraman dan zakat yang diairi secara alami oleh hujan!
56. Mengapa tanaman yang diairi memakai alat diringankan zakatnya? Sebutkan hikmahnya!
57. Mengapa secara khusus hanya disebutkan empat jenis sahaja!
58. Apakah sayur-sayuran harus dikeluarkan zakatnya? Sebutkan perbezaan pendapat ulama mengenainya?
59. Apakah makna "الخرص"? Bagaimanakah hukum memberikan keringanan padanya?
60. Apakah yang dilakukan taksiran zakat terhadapnya? Sebutkan manfaatnya!
61. Mengapa diperintahkan mentaksir zakat anggur seperti mentaksir buah kurma?
62. Bagaimanakah hukum zakat perhiasan? Sebutkan perbezaan pendapat ulama mengenainya! Jelaskan dalil ulama yang mewajibkannya dan yang mencegahnya!
63. Bagaimanakah pengertian harta yang disediakan untuk perniagaan?
64. Apakah harta perniagaan wajib dikeluarkan zakatnya? Sebutkan perbezaan pendapat ulama mengenainya!
65. Sebutkan dalil yang mewajibkan zakat pada harta perniagaan!
66. Bagaimanakah hukum orang yang mengingkari zakat harta perniagaan?
67. Apakah rikaz itu? Sebutkan perbezaan pendapat ulama mengenai tafsirannya!

68. Apakah perbezaan antara rikaz dengan barang galian? Sebutkan kadar zakat masing-masing!
69. Bagaimanakah hukum membahagikan tanah?
70. Bagaimana hukum barang galian yang ditemukan padanya?
71. Bolehkah barang galian dikatakan rikaz?
72. Jelaskan zakat barang galian berdasarkan kedua perkiraan tersebut!
73. Apakah surat-surat berharga dikeluarkan zakatnya? Jelaskan perbezaan pendapat ulama mengenainya!

BAB ZAKAT FITRAH DAN NAMA-NAMANYA

١٦٧- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: فَرَضَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ: عَلَى الْعَبْدِ وَالْحُرِّ وَالذَّكَرِ وَالْأُنْثَى وَالصَّغِيرِ وَالْكَبِيرِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَمَرَ بِهَا أَنْ تُؤَدَّى قَبْلَ خُرُوجِ النَّاسِ إِلَى الصَّلاَةِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْه.

وَلِابْنِ عَدِيٍّ وَالدَّارَقُطْنِيِّ بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ: اغْنُوهُمْ عَنِ الطَّوَافِ فِي هَذَا الْيَوْمِ.

167. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) telah mewajibkan zakat fitrah sebanyak satu *sha'* kurma atau satu sha' gandum bagi hamba sahaya, orang merdeka, lelaki, perempuan, kanak-kanak dan orang dewasa dari kalangan kaum muslim. Dan baginda memerintahkan agar zakat fitrah itu dikeluarkan sebelum kaum muslimin berangkat menuju ke (tempat) solat (hari raya aidil fitri)." (Muttafaq 'alaih)

Menurut riwayat Ibn Adi dan al-Daruqutni dengan sanad yang dha'if disebutkan sebagai berikut: "Berikan mereka kecukupan agar tidak berkeliling meminta-minta pada hari (raya) itu."

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) mewajibkan zakat fitrah setelah puasa bulan Ramadhan untuk membersihkan orang yang puasa daripada perkataan yang tidak bermanfaat dan keji di mana adakalanya itu dilakukan ketika sedang berpuasa. Zakat fitrah dapat menutupi kekurangan yang terjadi selama berpuasa, sebagaimana sujud sahwi dapat menutupi kekurangan yang terjadi di dalam solat.

Zakat fitrah pada hari itu berfungsi memberikan kecukupan kepada orang fakir hingga mereka tidak lagi meminta-minta di samping sebagai pemberitahuan kepada mereka tentang hari raya yang dipenuhi dengan suasana kegembiraan

dan kebahagiaan serta keagungan Islam. Pada hari itu seluruh kaum muslimin berhimpun dengan penuh rasa kasih sayang dan kebahagiaan.

Nabi (s.a.w) menjadikan zakat fitrah sebanyak satu sha' kurma atau gandum atau selainnya yang merupakan makanan asas negeri setempat. Baginda menetapkan kewajipannya ke atas setiap orang merdeka, hamba sahaya, lelaki, perempuan, kanak-kanak atau orang dewasa dari kalangan kaum muslimin. Baginda menyuruh dengan perintah sunat agar zakat fitrah diberikan sebelum solat mengerjakan solat hari raya aidil fitri.

Analisis Lafaz

"زكاة الفطر", lafaz zakat dikaitkan dengan fitri kerana zakat ini diwajibkan setelah berbuka (selesai) berpuasa di bulan Ramadhan. Nama yang selain itu ialah zakat Ramadhan, zakat al-shaum, sedekah al-fithri, sedekah Ramadhan, zakat badan dan sedekah kepala. Orang awam memberinya nama fitrah di mana istilah ini diambil dari bahasa asing. Zakat fitrah diwajibkan pada tahun ke-2 Hijriah, iaitu pada bulan Ramadhan bersamaan dua hari sebelum hari raya. Waktu menunaikannya dimulai sejak permulaan bulan Ramadhan hingga akhir bulan Ramadhan. Apabila ditunaikan sesudah Ramadhan, bererti *qadha'an* wajib, tetapi sebahagian ulama ada yang mengatakan bahawa itu merupakan *ada'an* wajib.

"فَرَضَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ", hingga akhir hadis. Ini menurut lafaz al-Bukhari. Sedangkan menurut lafaz Muslim disebutkan: "فرض رسول الله صلى الله عليه وسلم زكاة من رمضان" hingga akhir hadis, yakni dengan tambahan lafaz "من رمضان".

"صَاعًا", satu sha' terdiri daripada empat mud dan satu mud adalah satu sepertiga kati Iraq. Pada masa sekarang istilah sha' ini disebut dengan al-kaylah, sedangkan mud disebut dengan al-rub'ah.

"مِنَ الْمُسْلِمِينَ", dari kalangan kaum muslimin, bukan dari kalangan orang kafir, kerana fungsi zakat fitrah adalah untuk membersihkan badan, sedangkan mereka tidak layak berbuat demikian, sekalipun diwajibkan ke atas mereka kerana mereka dikenakan taklif untuk mengamalkan cabang-cabang syariat.

"وَأَمَرَ بِهَا أَنْ تُؤَدَّى قَبْلَ خُرُوجِ النَّاسِ إِلَى الصَّلاَةِ", Rasulullah (s.a.w) memerintahkan agar zakat fitrah diberikan sebelum mengerjakan solat hari raya untuk memberikan kecukupan kepada kaum fakir miskin agar tidak meminta-minta, kerana adakalanya itu menyebabkan mereka lupa melaksanakan solat hari raya.

"بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ", dengan sanad yang dha'if, kerana di dalamnya terdapat Muhammad ibn Umar al-Waqidi.

"اغْنُوهُمْ", berilah kaum fakir miskin kecukupan dengan memberikan zakat kepada mereka pada hari pertama.

"عَنِ الطَّوَافِ", berkeliling di setiap penjuru, jalan dan pasar untuk mencari penghidupan.

"هَذَا الْيَوْمِ", pada hari ini, maksudnya ialah hari raya aidil fitri.

Fiqh Hadis

1. Kewajipan zakat fitrah dan menjelaskan hukum wajib ini berlaku umum yang mencakupi seluruh orang muslim, baik lelaki ataupun perempuan, kanak-kanak ataupun orang dewasa, orang merdeka ataupun hamba sahaya. Zakat fitrah anak yatim diambil daripada hartanya sendiri apabila dia mempunyai harta, namun apabila tidak mempunyai harta, maka zakat fitrahnya ditanggung oleh penanggung jawab nafkahnya. Zakat fitrah hamba sahaya dibebankan kepada tuannya. Jumhur ulama mengatakan bahawa zakat fitrah isteri wajib dikeluarkan oleh suaminya kerana dianggap sama dengan wajib nafkah. Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa zakat fitrah isteri wajib ke atas dirinya sendiri kerana berpegang kepada makna zahir sabda Nabi (s.a.w): "*atau perempuan*."
2. Menjelaskan kadar zakat fitrah, iaitu satu sha' atau satu al-kaylah. Jumhur ulama mengatakan bahawa zakat fitrah itu dalam bentuk makanan asas kebanyakan penduduk negeri setempat. Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa zakat fitrah boleh dibayar dalam bentuk wang yang senilai dengan satu sha' makanan, kerana orang fakir dapat bebas menggunakannya untuk memenuhi keperluannya yang lebih penting.
3. Menjelaskan waktu pembayaran zakat fitrah, iaitu sebelum mengerjakan solat hari raya aidil fitri. Imam Abu Hanifah dan Imam Malik mengatakan bahawa zakat fitrah diwajibkan saat fajar hari raya terbit, kerana waktu itu adalah waktu berbuka yang hakiki, di samping zakat fitrah merupakan amal taqarrub yang berkaitan dengan hari raya, maka waktu wajib tidak boleh didahulukan ke atas hari raya. Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad mengatakan bahawa zakat fitrah diwajibkan setelah matahari akhir Ramadhan tenggelam, kerana berbuka dari puasa Ramadhan tidak lain kecuali setelah matahari tenggelam di akhir harinya. Adapun menyegerakan zakat fitrah, Imam al-Syafi'i mengatakan bahawa itu dibolehkan sejak awal Ramadhan kerana penyebab untuk berzakat fitrah telah wujud. Imam Malik dan Imam Ahmad mengatakan bahawa boleh mendahulukan zakat fitrah sehari atau dua hari saja sebelum hari raya. Mazhab Hanafi mengatakan bahawa boleh mendahulukan zakat fitrah secara mutlak tanpa perlu merincikan waktunya menurut pendapat yang sahih di kalangan mereka sebab penyebab yang mewajibkannya telah pun wujud, iaitu orang yang wajib diberi nafkah.

١٦٨– عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كُنَّا نُعْطِيهَا فِي زَمَانِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَاعًا مِنْ طَعَامٍ أَوْ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ زَبِيبٍ. مُتَّفَقٌ عَلَيْه.

وَفِي رِوَايَةٍ: أَوْ صَاعًا مِنْ أَقِطٍ. قَالَ أَبُو سَعِيدٍ: أَمَّا أَنَا فَلاَ أَزَالُ أُخْرِجُهُ كَمَا كُنْتُ أُخْرِجُهُ فِي زَمَنِ رَسُولِ اللهِ. وَلِأَبِي دَاوُدَ: لاَ أُخْرِجُ أَبَدًا إِلاَّ صَاعًا.

168. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: "Dahulu pada zaman Nabi (s.a.w) kami biasa mengeluarkan zakat fitrah sebanyak satu sha' makanan, satu sha' buah kurma, satu sha' gandum atau satu sha' anggur kering." (Muttafaq 'alaih)

Menurut riwayat yang lain disebutkan: "Atau satu sha' keju." Abu Sa'id (r.a) berkata: "Aku juga sampai sekarang masih tetap mengeluarkannya dalam kadar yang biasa kukeluarkan pada zaman Rasulullah (s.a.w)." Menurut riwayat Abu Dawud disebutkan sebagai berikut: "Selama ini aku tidak akan mengeluarkan (zakat fitrah), melainkan hanya satu sha'."

Makna Hadis

Kifarat, nisab dan kadar zakat merupakan perkara yang bersifat ta'abbudi, tidak ada ruang bagi akal untuk berperanan dalam masalah ini. Jika syariat telah menentukan suatu kadar tertentu, maka tidak boleh dikurangi, kerana pengurangan itu bererti tidak mematuhi apa yang telah ditetapkan oleh syariat Islam sebagaimana tidak boleh pula menambahkannya kerana itu bererti membangkang terhadap hukum syariat. Oleh itu, Abu Sa'id (r.a) memprotes pendapat Mu'awiyah yang mengeluarkan zakat fitrah hanya setengah sha' samara' sebagai pengganti kepada satu sha' jenis yang selainnya, kerana perbuatan tersebut bertentangan dengan kebiasaan yang pernah berlaku pada zaman Nabi (s.a.w).

Analisis Lafaz

"كُنَّا نُعْطِيهَا فِي زَمَانِ النَّبِيِّ صَلَّى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", kami dahulu membayar zakat fitrah kepada orang yang berhak menerimanya. Ketika itu Rasulullah (s.a.w) berada di antara mereka. Baginda mengetahui kadar zakat yang mereka keluarkan, malah baginda bersetuju dengannya. Hal ini membuktikan hadis ini secara hukum berkedudukan sebagai *marfu'*.

"صَاعًا مِنْ طَعَام", *al-Tha'am* menurut makna asalnya adalah sesuatu yang mencakupi semua jenis makanan asas, baik gandum, oat, buah kurma dan lain-lain sebagainya. Kemudian lafaz sesudahnya di-*'athaf*-kan kepadanya dengan *'athaf khash* kepada *'am*. Dahulu lafaz *al-Tha'am* apabila diucapkan bermaksud gandum. Jika dikatakan: "Pergilah ke pasar *al-Tha'am*" maka itu bermaksud pasar tempat gandum diperjualbelikan. Jika tradisi ini telah menjadi budaya, maka lafaz tersebut digunakan untuk maksud ini sehingga ketika diucapkan, maka maknanya langsung ditujukan kepada gandum. Dari analisis ini bererti lafaz *al-tha'am* di dalam hadis ini secara khusus menunjukkan makna gandum. Akan tetapi, menurut pendapat yang benar ialah memahaminya secara umum tanpa mengkhususkannya dengan gandum.

"مِنْ أَقِطٍ", *al-Aqith* ialah susu kering yang telah diambil buihnya. Di Hijaz dikenali dengan nama *al-Mudhyar*, sedangkan di Mesir dikenali dengan nama *al-Kasyk*. Cara pembuatannya ialah susu dikerau terlebih dahulu hingga buihnya keluar, lalu dibuang. Setelah itu diletakkan di atas api, yakni direbus hingga kental dan kadar airnya habis. Kemudian susu dikeringkan dalam bentuk ketulan kecil.

"قَالَ أَبُو سَعِيدٍ", Abu Sa'id (r.a) berkata. Ini menunjukkan bahawa di dalam hadis terdapat sesuatu sesudah lafaz *al-aqith*, tetapi tidak disebutkan, iaitu perkataan Abu Sa'id (r.a):

فَلَمْ نَزَلْ نُخْرِجُهُ حَتَّى قَدِمَ مُعَاوِيَةُ حَاجًّا أَوْ مُعْتَمِرًا، فَكَلَّمَ النَّاسَ عَلَى الْمِنْبَرِ، فَكَانَ فِيْمَا كَلَّمَ النَّاسَ أَنْ قَالَ: إِنِّي أَرَى أَنَّ مُدَّيْنِ مِنْ سَمَرَاءِ الشَّامِ تَعْدِلُ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ، فَأَخَذَ النَّاسُ بِذَلِكَ، قَالَ أَبُوْ سَعِيْدٍ: أَمَّا أَنَا فَلاَ أَزَالُ أُخْرِجُهُ فِي زَمَنِ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

"Hingga kini kami tetap mengeluarkannya sebanyak satu sha'," hingga Mu'awiyah tiba untuk melakukan ibadah haji atau umrah. Kemudian Mu'awiyah berkhutbah di atas minbar kepada orang ramai yang antara isi pidatonya ialah: "Sesungguhnya aku berpendapat bahawa dua mud samara' Syam nilainya sama dengan satu sha' buah kurma," lalu orang ramai berpegang kepada pendapatnya, tetapi Abu Sa'id (r.a) tetap berpegang pada prinsip asal di mana beliau berkata: "Aku masih tetap mengeluarkannya sebagaimana aku mengeluarkannya pada zaman Rasulullah (s.a.w)," yakni satu sha'.

"مُدَّيْنِ", dua mud. Isinya sama dengan setengah sha', kerana satu sha' sebanding dengan empat mud.

"سَمَرَاءِ الشَّام", gandum berwarna hitam. Ini merupakan ijtihad Mu'awiyah sendiri dan beliau pun menyatakan bahawa apa yang dikemukakannya itu semata-mata pendapatnya. Tetapi pendapat Abu Sa'id lebih kuat kerana bersesuaian dengan nash. Di samping itu Abu Sa'id lebih lama bersahabat dengan Nabi (s.a.w) dan lebih mengetahui keadaannya berbanding Mu'awiyah.

"قَالَ أَبُو سَعِيدٍ: أَمَّا أَنَا فَلاَ أَزَالُ أُخْرِجُهُ", aku masih tetap mengeluarkan zakat fitrah satu sha' gandum secara lengkap selama hidupku.

"كَمَا كُنْتُ أُخْرِجُهُ فِي زَمَنِ رَسُولِ اللهِ", sebagaimana aku melakukannya ketika Nabi (s.a.w(masih hidup berada di antara kami.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan mengeluarkan zakat fitrah sebanyak satu sha' dari jenis-jenis yang telah disebutkan di dalam hadis tersebut kerana nashnya sudah jelas.
2. Zakat fitrah itu berupa makanan asas kebanyakan penduduk negeri setempat. Pada zaman Nabi (s.a.w) makanan asas kebanyakan adalah buah

kurma, gandum, keju, anggur kering, dan oat. Seandainya pada suatu negeri tidak terdapat jenis-jenis makanan asas tersebut, maka itu boleh diganti dengan makanan asas lain yang biasa dijadikan sebagai makanan asas di negeri setempat, misalnya beras, jagung atau roti.

3. Keteguhan Abu Sa'id dalam mengikuti jejak Nabi (s.a.w).
4. Boleh berijtihad kerana ia merupakan aktiviti yang terpuji. Tetapi apabila ada nash, maka ijtihad tidak dapat dijadikan sebagai pegangan.

١٦٩– عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: فَرَضَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ طُهْرَةً لِلصَّائِمِ مِنَ اللَّغْوِ وَالرَّفَثِ وَطُعْمَةً لِلْمَسَاكِينِ، فَمَنْ أَدَّاهَا قَبْلَ الصَّلاَةِ فَهِيَ زَكَاةٌ مَقْبُولَةٌ، وَمَنْ أَدَّاهَا بَعْدَ الصَّلاَةِ فَهِيَ صَدَقَةٌ مِنَ الصَّدَقَاتِ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَابْنُ مَاجَه وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

169. Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) telah mewajibkan zakat fitrah untuk membersihkan orang yang puasa daripada perbuatan sia-sia dan perkataan kotor sekali gus sebagai makanan bagi orang miskin. Barang siapa yang menunaikannya sebelum mengerjakan solat aidil fitri, maka itu merupakan zakat yang diterima dan barang siapa yang menunaikannya sesudah mengerjakan solat aidil fitri, maka itu merupakan sedekah biasa." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan Ibn Majah, dinilai sahih oleh al-Hakim)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) menjelaskan kewajipan zakat fitrah kepada umatnya sebagaimana baginda turut menjelaskan hikmah syariat apabila dikaitkan dengan orang yang puasa dan orang yang menerimanya. Baginda menjelaskan waktu wajibnya di mana kewajiban zakat fitrah itu mempunyai batasan waktu tertentu.

Analisis Lafaz

"فَرَضَ رَسُولُ الله صَلَّى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", Rasulullah (s.a.w) mewajibkan hal tersebut. Menurut pendapat jumhur ulama, lafaz fardu dan lafaz wajib mempunyai pengertian yang sama, iaitu sesuatu yang dianjurkan supaya dilakukan dengan anjuran yang pasti berdasarkan dalil qath'i ataupun zhanni. Zakat fitrah menurut jumhur ulama termasuk ke dalam sesuatu yang difardukan. Tetapi kalangan mazhab Hanafi membezakan wajib dengan fardu. Mereka mengatakan bahawa fardu adalah sesuatu yang ditetapkan berdasarkan dalil yang ketetapannya bersifat qath'i sedangkan wajib pula ialah sesuatu yang ditetapkan berdasarkan dalil yang ketetapannya bersifat zhanni. Zakat fitrah menurut mereka adalah wajib kerana ia ditetapkan berdasarkan dalil yang bersifat zhanni, sekalipun di dalam hadis ini

disebutkan dengan lafaz fardu kerana maknanya ialah "قدر" (menetapkan).

"طُهْرَةً", untuk membersihkan dirinya. Lafaz ini di-*nashab*-kan kerana berkedudukan sebagai *maf'ul li ajlih*.

"مِنَ اللَّغْوِ", dari perkara-perkara yang tidak bermanfaat, baik perkataan ataupun perbuatan, misalnya mainan dan gurauan.

"وَالرَّفَثِ", perkataan yang kotor.

"طُعْمَةً", makanan. Ini berupa makanan asas dan sedia dimakan oleh kaum fakir miskin. Tujuannya ialah untuk menyamakan mereka dengan orang yang berkemampuan dalam hal tersedianya makanan asas pada hari itu.

"مَنْ أَدَّاهَا قَبْلَ الصَّلاَةِ", barang siapa yang menunaikan zakat fitrah dan memberikannya kepada orang yang berhak menerimanya sebelum mengerjakan solat hari raya.

"فَهِيَ زَكَاةٌ مَقْبُولَةٌ", maka itu merupakan zakat fitrah, dan pelakunya mendapat pahala yang sempurna.

"صَدَقَةٌ مِنَ الصَّدَقَاتِ", sedekah biasa yang dapat diberikan pada bila-bila masa. Ini lebih sedikit pahalanya apabila dibandingkan dengan yang ditunaikan sebelum mengerjakan solat hari raya.

Fiqh Hadis

1. Wajib menunaikan zakat fitrah.
2. Zakat fitrah adalah suatu kebaikan di antara sekian banyak amal kebaikan yang lain dan dapat menghapus kejahatan seperti mana yang dijelaskan di dalam firman-Nya:

   ..... إِنَّ ٱلْحَسَنَٰتِ يُذْهِبْنَ ٱلسَّيِّـَٔاتِ ..... ﴿١١٤﴾

   "*... Sesungguhnya perbuatan yang baik itu menghapuskan (dosa) perbuatan yang buruk...*" (Surah Hud: 114)
3. Mengeluarkan zakat fitrah sebelum mengerjakan solat hari raya aidil fitri adalah lebih afdal. Hikmahnya ialah agar orang miskin tidak sibuk meminta-minta hingga meninggalkan solat hari raya.

Kesimpulan

Dari hadis-hadis yang terdapat dalam bab ini dapat diambil beberapa kesimpulan sebagai berikut:

1. Setiap orang muslim wajib mengeluarkan zakat fitrah, baik lelaki mahupun perempuan, kanak-kanak ataupun orang dewasa, dan orang merdeka ataupun hamba sahaya.
2. Menjelaskan jenis-jenis yang dapat digunakan untuk zakat fitrah, kadar zakat fitrah, waktu mengeluarkan zakat fitrah, hikmah disyariatkan zakat

fitrah, dan ijtihad tidak diambil kira apabila bertembung dengan nash.

3. Betapa gigih usaha para sahabat untuk sentiasa ber-*ittiba'* dan berpegang teguh dengan Sunnah Rasulullah (s.a.w). Boleh berijtihad dalam masalah-masalah yang tidak ada nash di dalamnya.

Soalan

1. Bagaimana hukum zakat fitrah? Jelaskan hikmah pensyariatannya? Apakah hukumnya bersifat umum atau khusus?
2. Sebutkan waktu wajib menunaikan zakat fitrah! Jelaskan perbezaan pendapat para ulama mengenai masalah boleh menyegerakannya sebelum waktu wajibnya!
3. Jelaskan kadar zakat fitrah!
4. Terangkan makna perintah dalam hadis: “وأمر بها أن تؤدى”!
5. Sebutkan jenis-jenis yang boleh dikeluarkan sebagai zakat fitrah! Bagaimanakah hukumnya apabila jenis-jenis tersebut tidak didapati di suatu negeri?
6. Apakah makanan asas kebanyakan penduduk pada zaman Nabi (s.a.w)?
7. Jelaskan bantahan Abu Sa'id yang tertera dalam perkataannya: “Aku masih tetap mengeluarkannya sebagaimana aku mengeluarkannya pada zaman Rasulullah (s.a.w)”! Mengapa pendapatnya lebih sahih?
8. Jelaskan makna lafaz-lafaz berikut: “طعام”, “أقط”, “سمراء الشام”, “طهرة”, “اللغو”, “طعمة”, “الرفث”, dan “صدقة”!
9. Jelaskan makna yang dimaksudkan dengan istilah “طعام”! Adakah ia memiliki pengertian yang khusus atau umum?
10. Apakah kewajipan zakat fitrah mempunyai waktu yang tertentu?

BAB SEDEKAH SUNAT

١٧٠- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لاَ ظِلَّ إِلاَّ ظِلُّهُ...." فَذَكَرَ الْحَدِيثَ وَفِيهِ: "وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ بِصَدَقَةٍ فَأَخْفَاهَا حَتَّى لاَ تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

170. Daripada Abu Hurairah (r.a) daripada Nabi (s.a.w), baginda bersabda: "Ada tujuh manusia yang bakal mendapat naungan Allah pada hari yang tiada naungan kecuali hanya naungan-Nya. Abu Hurairah (r.a) melanjutkan hadisnya, yang antara lain disebutkan: "Dan seorang lelaki yang mengeluarkan sedekah dengan sembunyi-sembunyi hingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang dinafkahkan oleh tangan kanannya." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Ada tujuh jenis amalan mulia di mana sesiapa yang menyandang salah satu daripadanya, nescaya dia mendapat pertolongan Allah dan rahmat-Nya, iaitu berada di bawah naungan Aras-Nya pada hari di mana matahari berada di atas kepala seluruh makhluk. Rasulullah (s.a.w) menjelaskan keadaan tersebut dalam ungkapan yang paling indah untuk memikat hati dan mendorong semangat setiap insan untuk beramal ke arahnya.

Rasulullah (s.a.w) menganjurkan untuk berbuat adil dan menjauhi sikap ekstrim dan berlebihan bagi setiap orang yang memegang jawatan untuk mengurus suatu kepentingan yang menyangkut kemaslahatan kaum muslimin, baik jawatan yang bersifat umum ataupun khusus. Baginda menyeru para pemuda untuk taat kepada Allah dan beribadah kepada-Nya sejak usia mereka masih muda lagi. Tujuannya ialah agar mereka menjadi generasi yang baik, masyarakat yang sejahtera dan berakhlak terpuji. Nabi (s.a.w) menganjurkan kaum muslimin agar sering berada di dalam masjid untuk menunggu solat berjemaah, supaya mereka dapat saling berkenalan antara satu sama lain, membina keharmonian, persatuan, saling membantu serta apa-apa yang dapat diperoleh daripada manfaat berjemaah.

Nabi (s.a.w) menganjurkan setiap muslim mencintai saudaranya yang muslim, baik mereka keluarga ataupun selain mereka dengan tujuan supaya mereka memperoleh ganjaran pahala dari Allah, yakni bukan kerana kepentingan murahan atau manfaat duniawi melainkan cinta yang suci lagi bersih dan meningkatkan diri kepada persahabatan yang mulia.

Rasulullah (s.a.w) menjelaskan kedudukan memelihara kehormatan dan menjauhkan diri daripada perbuatan zina baik zahir mahupun batin, kerana takut kepada Allah, Tuhan semesta alam, sebagaimana baginda menyeru umat manusia untuk bersikap dermawan dan rajin menyalurkan bantuan secara ikhlas dan menjauhkan diri daripada sifat riya' dan gemar populariti. Pada akhirnya baginda menganjurkan kita untuk membersihkan diri melalui banyak berzikir dan menanamkan perasaan bahawa diri kita sentiasa berada di bawah pengawasan Allah (s.w.t) hingga hati kita bergetar dan perasaan bergelora. Oleh itu, hati kita penuh rasa takut kepada-Nya dan ini diungkapkan dengan situasi di mana air mata dalam keadaan berlinang. Inilah yang disebut kedudukan orang -orang yang berzikir lagi khusyuk dan ikhlas. Allah sentiasa menjadi penolong bagi orang yang soleh.

Analisis Lafaz

"صدقة التطوع", sedekah sunat. Tujuan sedekah sunat ini ialah untuk menutupi segala kekurangan yang ada pada sedekah wajib.

"فَذَكَرَ الْحَدِيثَ", Abu Hurairah (r.a) melanjutkan hadisnya yang lafaznya secara lengkap adalah sebagai berikut:

سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لاَ ظِلَّ إِلاَّ ظِلُّهُ؛ اْلإِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ، وَرَجُلاَنِ تَحَابَّا فِي اللهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ، فَقَالَ: إِنِّي أَخَافُ اللهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ بِصَدَقَةٍ فَأَخْفَاهَا حَتَّى لاَ تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ.

"Ada lujuh golongan manusia yang akan mendapat naungan Allah pada hari yang tiada naungan kecuali hanya naungan-Nya, iaitu: pemimpin yang adil, seorang pemuda yang hidup dalam ibadah kepada Allah, seorang lelaki yang hatinya sentiasa merindukan masjid, dua orang lelaki yang saling mencintai kerana Allah (keduanya bersua kerana Allah dan berpisah kerana Allah), seorang lelaki yang diajak oleh seorang wanita yang berkedudukan lagi cantik, kemudian lelaki itu berkata: "Sesungguhnya aku takut kepada Allah", seorang lelaki yang mengeluarkan suatu sedekah dengan sembunyi-sembunyi hingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang dikeluarkan oleh tangan kanannya, dan seorang lelaki yang berzikir mengingat Allah dalam kesendiriannya, lalu kedua matanya mengalirkan air mata."

"سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمْ اللهُ فِي ظِلِّهِ", tujuh golongan manusia sebagai penghormatan bagi mereka. Kelak mereka akan berada di bawah naungan 'Arasy pada hari kiamat. Ketika itu umat manusia berada dalam kesulitan yang dahsyat dan hebat. Perkataan tujuh golongan di sini tidak bermaksud batasan dengan maksud bahawa hanya mereka yang mendapatkan naungan Allah (s.w.t). Perkataan seperti ini tidak diambil kira kerana telah disebutkan pula beberapa amal kebaikan selainnya yang dapat menghantarkan pelakunya mendapat naungan Allah. Al-Hafiz Ibn Hajar dalam kitab al-Fath menyebutkan bahawa keseluruhan amalan menjadi dua puluh lapan. Al-Hafiz al-Suyuthi pula menambahkan hingga mencapai tujuh puluh amal kebaikan di mana beliau telah menyusunnya dalam karya tulisan tersendiri, kemudian beliau meringkaskannya dalam satu risalah kecil dengan judul *Buzuugh al-Hilal fi Khishal al-Muqtadhiyah li al--Zhilal*.

"اْلإِمَامُ الْعَادِلُ", pemimpin secara umum yang patuh kepada perintah Allah (s.w.t), iaitu pemimpin yang meletakkan segala sesuatu pada tempatnya tanpa bersikap berlebihan dan ekstrim. Ini termasuk pula seorang amir, wakilnya, seorang lelaki terhadap keluarganya, dan seorang isteri terhadap rumah tangganya serta seorang guru terhadap muridnya. Nabi (s.a.w) memulakan hadis ini dengan menyebut orang yang adil kerana kehidupannya tidak hanya menyangkut kepentingan dirinya sendiri, sebaliknya menyangkut kepentingan orang ramai. Ini kerana pemimpin yang adil adalah orang yang mampu mematahkan kekuatan orang yang zalim dan jahat. Pemimpin adalah penolong kepada orang lemah dan kaum fakir miskin. Dengan adanya pemimpin, maka urusan umat berjalan lancar dan mereka merasa aman ke atas jiwa, harta, dan kehormatan mereka.

"شَابٌّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ", seorang pemuda yang hidup dalam ketaatan kepada Allah dan dia dikenali sebagai seorang yang rajin beribadah. Ini kerana berbuat ketaatan pada usia muda amat sukar. Dia sentiasa berjihad melawan hawa nafsunya. Apa yang dimaksudkan dengan istilah pemuda ialah orang yang usianya belum mencapai empat puluh tahun. Apa yang dimaksudkan dengan ibadah ialah amal ibadah secara umum. Apa yang dimaksudkan dengan istilah "نشأ" ialah amal ibadahnya lebih banyak apabila dibandingkan dengan kemaksiatannya sejak dia masih muda.

"وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ", seseorang yang sentiasa pergi ke masjid kerana cinta kepada Allah (s.w.t) dan rajin mengerjakan solat berjemaah.

"وَرَجُلاَنِ تَحَابَّا فِي اللهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ", persahabatan dan kasih sayang di antara keduanya hanyalah semata-mata kerana Allah, maka tidak ada sesuatu pun yang dapat mengubah hubungan persahabatan di antara keduanya seandainya salah seorang dari keduanya melakukan kesilapan atau kesalahan.

"وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ", ada seorang wanita yang mengajaknya berbuat zina dan mahu menyerahkan dirinya kepadanya.

"ذَاتُ مَنْصِبٍ", wanita yang mempunyai kedudukan kerana keturunan, jawatan atau kerana harta benda yang dimilikinya.

"فَقَالَ: إِنِّي أَخَافُ اللهَ", kalimat ini adakalanya diucapkan di dalam hati sebagai peringatan terhadap dirinya agar tidak terjerumus ke dalam godaan wanita

tersebut dan adakalanya pula diucapkan dengan lisan untuk mencegah wanita tersebut agar tidak melakukan perbuatan zina.

"تَصَدَّقَ بِصَدَقَةٍ فأَخْفَاها", lalu dia menyembunyikan sedekahnya, kerana cara ini mampu menyelamatkan diri daripada sifat riya dan gemar populariti.

"حَتَّى لاَ تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ", seandainya tangan kiri diumpamakan seseorang yang memperhatikannya, nescaya ia tidak mengetahui apa yang disedekahkan oleh tangan kanannya kerana sedekah itu ia lakukan dengan sangat rahsia, kerana cara inilah yang lebih mendekati untuk diterima (di sisi Allah). Ulama mengatakan bahawa apa yang lebih afdal dalam sedekah sunat ialah merahsiakannya. Tetapi dalam sedekah fardu iaitu zakat, maka apa yang lebih afdal ialah memperlihatkannya.

"ذَكَرَ اللهَ خَالِيًا", berzikir mengingat Allah jauh dari keramaian orang lain agar lebih mendekati kepada ikhlas dan menjauhkan diri daripada sifat riya.

"فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ", kedua-dua matanya mengalirkan air mata kerana takut akan kebesaran dan kekuasaan Allah (s.w.t).

Fiqh Hadis

1. Boleh meringkaskan hadis dengan hanya menyebutkan butiran yang ada kaitannya dengan topik pembahasan.
2. Anjuran untuk berlaku adil dan betapa tinggi kedudukan pemimpin yang adil di sisi Allah.
3. Anjuran beribadah kepada Allah dengan mengalahkan keinginan hawa nafsu dan menutup semua pintu keinginannya serta mendorongnya untuk bermujahadah dan sentiasa melakukan amal ibadah dan ketaatan, sekalipun kekuatan hawa nafsu pada masa muda sedang berada pada kemuncaknya.
4. Keutamaan iman dan cinta kepada Allah dengan cara rajin datang ke masjid.
5. Anjuran untuk berkasih sayang kerana Allah dan menjelaskan keutamaannya. Ini merupakan salah satu faktor yang menghantarkan seseorang memperoleh keberuntungan yang besar dari Allah (s.w.t).
6. Mengungkapkan sesuatu yang buruk dengan ungkapan kiasan (kinayah) dan tidak menyebutkannya dengan ungkapan secara terang-terangan.
7. Hanya orang yang berjiwa besar dapat mengalahkan hawa nafsunya. Wanita merupakan fitnah yang paling besar, lebih-lebih lagi apabila di dalam diri wanita itu terhimpun kedudukan, keturunan dan kecantikan, sehingga kekuatan berahi dan keinginan terhadapnya pun turut semakin kuat. Oleh itu, amat besar ganjaran pahala seseorang lelaki yang mampu menghindarinya.
8. Anjuran untuk melakukan sedekah dengan sembunyi-sembunyi dan keutamaannya berbanding melakukannya secara terang-terangan, kerana bersedekah secara sembunyi-sembunyi itu memiliki keikhlasan yang lebih sempurna.

9. Keutamaan menangis kerana takut kepada Allah untuk memelihara mata daripada diseksa di dalam neraka pada hari kiamat kelak.

١٧١- عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "كُلُّ امْرِئٍ فِي ظِلِّ صَدَقَتِهِ حَتَّى يُفْصَلَ بَيْنَ النَّاسِ". رَوَاهُ ابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ.

171. Daripada 'Uqbah ibn 'Amir (r.a), beliau berkata: "Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Setiap orang berada di bawah naungan amal sedekahnya hingga diputuskan semua perkara di antara manusia.*" (Diriwayatkan oleh Ibn Hibban dan al-Hakim)

Makna Hadis

Sedekah memiliki keutamaan besar dan pahalanya pun berlimpah. Nabi (s.a.w) memberitakan bahawa setiap orang pada hari kiamat kelak berada di bawah naungan sedekahnya, baik sedekah wajib mahupun sedekah sunat. Sedekah tersebut menaunginya dan melindunginya daripada panas terik matahari pada hari yang penuh dengan penderitaan dan kesengsaraan yang tidak terperikan itu.

Demikianlah manfaat sedekah sunat, dan manfaat yang lebih besar lagi ialah barang siapa yang melakukan kecuaian ketika menunaikan zakat fardu, maka kekurangan itu akan ditutupi oleh sedekah sunat sebagai rahmat, kebaikan dan anugerah dari Allah kepada hamba-Nya. Dia Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Oleh itu, orang yang berakal semestinya melestarikan sedekah sunat agar sedekahnya itu kelak dapat menutupi segala kekurangan yang ada pada zakat fardu, iaitu pada hari di mana dia sangat memerlukan tambahan amal kebaikan, sekalipun itu hanya sedikit memandangkan pada hari itu dia tidak dapat mengamalkannya dan tiada pula orang yang mahu meminjamkan amal kebaikan itu kepadanya.

Analisis Lafaz

"كُلُّ امْرِئٍ فِي ظِلِّ صَدَقَتِهِ", setiap orang berada di bawah naungan sedekahnya. Apa yang dimaksudkan dengan naungan ialah pemeliharaan yang melindungi dirinya kelak pada hari kiamat daripada panas terik matahari yang membakar. Apapun, hadis ini dapat pula ditafsirkan sebagai jenis sedekahnya itu datang dan menolak panas terik matahari daripadanya. Makna kedua ini lebih kuat, kerana kaedah asal menyatakan bahawa selagi masih dibolehkan mendatangkan makna hakiki maka tidak boleh berpindah kepada makna majazi.

"حَتَّى يُفْصَلَ بَيْنَ النَّاسِ", hingga Allah memutuskan perkara di antara makhluk-Nya kelak pada hari kiamat.

Fiqh Hadis

Dianjurkan bersedekah. Sedekah itu dapat memberikan manfaat kepada pelakunya pada hari kiamat, di mana sedekahnya itu kelak akan menaunginya pada hari yang tidak dapat memberikan manfaat kepada seorang pun kecuali hanya apa yang telah dikerjakannya ketika di dunia.

١٧٢- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "أَيُّمَا مُسْلِمٍ كَسَا مُسْلِمًا ثَوْبًا عَلَى عُرْيٍ كَسَاهُ اللهُ مِنْ خُضْرِ الْجَنَّةِ، وَأَيُّمَا مُسْلِمٍ أَطْعَمَ مُسْلِمًا عَلَى جُوعٍ أَطْعَمَهُ اللهُ مِنْ ثِمَارِ الْجَنَّةِ، وَأَيُّمَا مُسْلِمٍ سَقَى مُسْلِمًا عَلَى ظَمَإٍ سَقَاهُ اللهُ مِنْ الرَّحِيقِ الْمَخْتُومِ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَفِي إِسْنَادِهِ لِينٌ.

172. Daripada Abu Sa'id (r.a) daripada Nabi (s.a.w), baginda bersabda: "*Setiap orang muslim yang memberikan sehelai pakaian kepada seorang muslim lain yang tidak mempunyai pakaian, nescaya Allah akan memakaikan kepadanya sebahagian daripada pakaian mewah di dalam syurga. Setiap orang muslim yang memberikan makanan kepada seorang muslim lain yang sedang kelaparan, nescaya Allah akan memberinya makanan sebahagian dari buah-buahan syurga. Dan setiap orang muslim yang memberikan minuman kepada seorang muslim lain yang sedang dahaga, nescaya Allah akan memberinya minuman sebahagian daripada khamr pilihan syurga.*" (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, tetapi di dalam sanadnya terdapat kelemahan)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) menganjurkan supaya mengamalkan kebaikan dan menjelaskan bahawa amal kebaikan itu memiliki pelbagai jenis. Baginda menganjurkan supaya orang baik turut serta dalam setiap amal kebaikan dan memulakannya dengan amal yang lebih penting serta mengutamakan pemberian kepada orang yang lebih memerlukan bantuan. Allah (s.w.t) tidak menyia-nyiakan ganjaran pahala dan balasan amal perbuatan itu serupa dengan jenis amal yang telah dilakukannya. Rahmat Allah itu amat luas dan Dia memberikan balasan kepada orang yang mahu bersedekah.

Analisis Lafaz

"أَيُّمَا", huruf "ما" yang ada pada lafaz ini adalah *za'idah* yang berfungsi mengukuhkan makna, sedangkan lafaz "أي" berkedudukan sebagai *mudhaf*, dan lafaz muslim sebagai *mudhaf ilaih*. Makna kalimat ini menunjukkan pengertian umum, yakni sesiapa sahaja orang muslim atau setiap orang muslim.

"كَسَا مُسْلِمًا", memakaikan kepadanya sehelai pakaian, yakni memberikan sehelai pakaian kepada saudara sesama muslim.

"عُرْيٍ", sangat memerlukan pakaian untuk melindungi tubuhnya daripada panas matahari atau cuaca sejuk, atau untuk menghiasi dirinya, sekalipun orang itu tidak terbuka auratnya.

"مِنْ خُضْرِ الْجَنَّةِ", sebahagian pakaian syurga yang berwarna hijau. Pakaian tersebut merupakan pakaian yang paling mewah dan paling berharga.

"ثِمَارِ الْجَنَّةِ", sebahagian daripada buah-buahan syurga yang masak lagi pula jenisnya belum pernah dilihat oleh mata.

"عَلَى ظَمَإٍ", yang sedang dahaga.

"مِنْ الرَّحِيقِ", khamar yang telah disaring dan sama sekali tidak ada kotorannya.

"الْمَخْتُومِ", yang pilihan, yakni tertutup dan belum pernah digunakan serta tidak ada yang pernah menyentuhnya kecuali para pemiliknya, kerana khamar jenis ini sangat berharga dan bernilai tinggi. Maksudnya ketika mereka meminum khamar syurga, mereka merasakan aroma khamar tersebut seperti mana minyak kasturi, seperti yang telah diisyaratkan oleh firman Allah:

يُسْقَوْنَ مِن رَّحِيقٍ مَّخْتُومٍ ﴿٢٥﴾ خِتَـٰمُهُۥ مِسْكٌ ..... ﴿٢٦﴾

"*Mereka diberi minum dari khamar murni yang dilak (tempatnya), laknya adalah kasturi...*" (Surah al-Muthaffifiin: 25-26)

"وَفِي إِسْنَادِهِ لِينٌ", Al-Mundziri dalam kitab Mukhtashar Kitab al-Sunan berkata: "Di dalam sanad hadis ini terdapat Abu Khalid yang nama asalnya Yazid ibn Abdul Rahman dan dikenali dengan sebutan al-Dalani. Tidak hanya satu orang yang memujinya, tetapi tidak hanya satu orang pula yang mempertikaikan kedudukannya." Al-Zahabi berkata: "Beliau pernah dituduh *waham*, tetapi sebenarnya beliau seorang yang *shaduq* (jujur)."

Fiqh Hadis

1. Anjuran untuk menghiasi diri dengan budi bahasa yang mulia. Barang siapa yang mengerjakan sesuatu amal kebaikan akan mendapat balasan yang sejenis dengan amal perbuatannya pada hari kiamat kelak.
2. Menjelaskan amal kebajikan itu memiliki banyak ragam dan orang yang baik itu seharusnya turut serta melakukannya.
3. Dalam melakukan amal kebaikan, dahulukanlah orang yang lebih memerlukan bantuan, kerana berlandaskan kepada sabda Rasulullah (s.a.w): "*yang tidak mempunyai pakaian, yang sedang dahaga, dan yang sedang kelaparan.*"

١٧٣- عَنْ حَكِيمِ بْنِ حِزَامٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "الْيَدُ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى، وَابْدَأْ بِمَنْ تَعُولُ، وَخَيْرُ الصَّدَقَةِ عَنْ ظَهْرِ غِنًى، وَمَنْ يَسْتَعْفِفْ يُعِفَّهُ اللهُ، وَمَنْ يَسْتَغْنِ يُغْنِهِ اللهُ." مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

173. Daripada Hakim ibn Hizam (r.a) daripada Nabi (s.a.w), baginda bersabda: "*Tangan di atas lebih baik daripada tangan di bawah dan mulailah dengan orang yang menjadi tanggunganmu. Sebaik-baik sedekah ialah yang dilakukan dalam keadaan berkemampuan dan barang siapa yang memelihara dirinya daripada meminta-minta, nescaya Allah akan memelihara kehormatannya; dan barang siapa yang merasa berkemampuan, nescaya Allah akan memberinya kecukupan.*" (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) mengutamakan tangan yang memberi di atas tangan yang meminta dan memerintahkan orang yang membelanjakan hartanya supaya memulainya untuk diri sendiri, kemudian anak dan isterinya, lalu untuk keluarga dan kaum kerabatnya yang paling dekat.

Dari satu sisi Nabi (s.a.w) menganjurkan para hartawan untuk menyedekahkan sebahagian hartanya yang tidak dia perlukan, tetapi dari sisi yang lain pula baginda menganjurkan kaum fakir miskin menahan diri daripada meminta-minta untuk memelihara kehormatan mereka. Baginda menjelaskan kepada mereka bahawa barang siapa yang meminta kehormatan dan kemuliaan kepada Allah, nescaya Allah akan memberinya jalan untuk meraihnya. Barang siapa yang mencari jalan agar dia tidak meminta-minta kepada orang lain, nescaya Allah akan membukakan jalan kepadanya dan menganugerahkan kepadanya penyebab-penyebab yang menjadikannya berkemampuan, memperoleh kehormatan, dan kemuliaan.

Analisis Lafaz

"الْيَدُ الْعُلْيَا", maksudnya ialah tangan orang yang memberi sedekah. Ini mengikut pendapat yang paling kuat, kerana Nabi (s.a.w) sendiri yang mentafsirkannya. Menurut pendapat lain, maksudnya ialah tangan yang tidak mahu menerima. Menurut pendapat yang lain lagi, maksudnya ialah tangan yang menerima tanpa meminta-minta.

"خَيْرٌ", lebih utama. Lafaz ini berkedudukan sebagai khabar dan lafaz "اليد" yang berkedudukan sebagai mubtada', sedangkan lafaz "العليا" berkedudukan sebagai sifat kepada lafaz "اليد".

"مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى", menurut pendapat yang paling kuat adalah "tangan yang menerima". Pendapat yang lain menyatakan "tangan yang tidak mahu memberi." Menurut pendapat yang lain lagi, "tangan yang meminta."

"وَابْدَأْ بِمَنْ تَعُولُ", mulailah memberikan sedekahmu kepada orang yang wajib engkau nafkahi. Oleh itu, janganlah engkau menyia-nyiakan mereka dan jangan pula mengutamakan orang lain ke atas mereka.

"وَخَيْرُ الصَّدَقَةِ عَنْ ظَهْرِ غِنًى", sedekah yang paling utama ialah sedekah yang dikeluarkan oleh seseorang dari hartanya setelah menyisakan untuk keperluannya sendiri, agar kehidupannya tetap berjalan dengan baik dan memberinya kecukupan hingga tidak perlu meminta-minta kepada orang lain, kerana orang yang menyedekahkan seluruh harta miliknya sering kali menyesali perbuatannya pada saat tidak ada gunanya lagi untuk penyesalan. Lafaz "ظهر" ditambahkan ke dalam kalimat ini untuk mengukuhkan makna dan memberikan keluasan pengertian. Sabda Nabi (s.a.w): "عن ظهر غنى" bermaksud "عن غنى" (dalam keadaan berkemampuan).

"وَمَنْ يَسْتَعْفِفْ يُعِفَّهُ الله", barang siapa yang memelihara kehormatan dengan menjauhi perbuatan meminta-minta dan menerima apa adanya, nescaya Allah akan memberinya rezeki berupa kehormatan dan dapat menahan diri daripada perbuatan haram.

"وَمَنْ يَسْتَغْنِ يُغْنِهِ الله", barang siapa yang memperlihatkan sikap berkemampuan dengan cara tidak mengharapkan harta orang lain, nescaya Allah memberinya rezeki berupa sifat qana'ah di dalam hatinya dan berkemampuan hingga tidak memerlukan bantuan orang lain.

Fiqh Hadis

1. Dianjurkan untuk berinfak.
2. Keutamaan tangan yang memberi di atas tangan yang meminta.
3. Celaan terhadap perbuatan meminta-minta dan peringatan supaya tidak melakukan perbuatan hina itu.
4. Dianjurkan bersedekah kepada kaum kerabat dan bersilaturahim.
5. Hartawan dianjurkan untuk bersedekah.
6. Sedekah yang paling utama ialah apabila seseorang sentiasa dalam keadaan berkemampuan setelah mengeluarkan sedekahnya, tanpa memerlukan bantuan orang lain setelah bersedekah.
7. Orang miskin dianjurkan untuk memelihara kehormatannya dan tidak meminta-minta kepada orang lain serta bertawakal yang penuh keyakinan kepada Allah (s.w.t).

١٧٤- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قِيلَ يَا رَسُولَ اللهِ: أَيُّ الصَّدَقَةِ أَفْضَلُ؟ قَالَ: "جُهْدُ الْمُقِلِّ، وَابْدَأْ بِمَنْ تَعُولُ". أَخْرَجَهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ وَابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ.

174. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Pernah ada seseorang bertanya: "Wahai Rasulullah, apakah sedekah yang paling diutamakan?" Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Sedekah yang dikeluarkan orang miskin mengikut kemampuannya dan mulailah (bersedekah) dengan orang yang menjadi tanggunganmu." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Dawud, dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah, Ibn Hibban dan al-Hakim)

Makna Hadis

Para sahabat sentiasa ingin memperbanyak pahala. Untuk itu, mereka bertanya kepada Rasulullah (s.a.w) tentang sedekah yang paling banyak pahalanya. Lalu Rasulullah (s.a.w) memberitakan kepada mereka bahawa sedekah yang paling banyak pahalanya ialah yang dikeluarkan oleh seorang yang fakir lagi sabar dalam menanggung kemiskinannya dan merasa cukup dengan penghidupannya yang serba kekurangan itu. Sedekah ini mereka keluarkan mengikut kemampuannya. Pengertian ini dijelaskan oleh hadis lain yang diketengahkan oleh al-Nasa'i daripada Abu Dzar (r.a) bahawa:

قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: سَبَقَ دِرْهَمٌ مِائَةَ أَلْفٍ، قَالُوا: يَا رَسُولَ اللهِ، وَكَيْفَ؟ قَالَ: رَجُلٌ لَهُ دِرْهَمَانِ؛ فَأَخَذَ أَحَدَهُمَا فَتَصَدَّقَ بِهِ وَرَجُلٌ لَهُ مَالٌ كَثِيرٌ فَأَخَذَ مِنْ عُرْضِ مَالِهِ مِائَةَ أَلْفٍ فَتَصَدَّقَ بِهَا.

"Nabi (s.a.w) bersabda: "Satu dirham telah mendahului seratus ribu dirham, iaitu seorang lelaki mempunyai dua dirham, lalu dia mengambil salah satunya dan menyedekahkannya dan seorang lelaki lain mempunyai harta banyak sekali, lalu dia mengambil dari hartanya yang berlimpah itu seratus ribu dirham dan menyedekahkannya."

Sedangkan di dalam hadis yang lain disebutkan pula sebagai berikut:

خَيْرُ الصَّدَقَةِ مَا كَانَ عَنْ ظَهْرِ غِنًى.

"Sebaik-baik sedekah ialah yang dikeluarkan dalam keadaan berkemampuan."

Kedua-dua hadis ini perlu digabungkan pengertiannya untuk mengelakkan pemahaman yang saling bercanggah iaitu keadaan tersebut berbeza-beza mengikut perbezaan keadaan setiap orang sejauh mana kemudahan dan kesulitan ekonomi, sejauh mana pula niat dan ikhlas dalam berinfak.

Analisis Lafaz

"أَيُّ الصَّدَقَةِ أَفْضَلُ؟", apakah sedekah yang lebih banyak pahalanya dan lebih besar imbalannya?

"جُهْدُ", kemudahan dan kemampuan.

"الْمُقِلِّ", orang miskin yang sedikit hartanya. Maksudnya ialah sedekah yang paling afdal adalah sedekah orang miskin mengikut kemampuan yang dimilikinya.

"وَابْدَأْ بِمَنْ تَعُولُ", berikanlah sedekahmu terlebih dahulu kepada orang yang wajib engkau nafkahi.

Fiqh Hadis

1. Tidak makruh menyedekahkan semua harta bagi orang yang mampu bersabar dan bertawakal kepada Allah (s.w.t). Sedekah orang miskin yang sabar, sekalipun sedikit jumlahnya, jauh lebih baik daripada sedekah orang yang memiliki harta banyak, sekalipun sedekahnya itu besar jumlahnya. Ini kerana orang miskin memberikannya pada saat dia sangat memerlukannya. Untuk itu, dia harus melawan diri, hawa nafsu dan menanggung bebanan yang sukar ditanggung oleh orang kaya.
2. Anjuran untuk bersedekah bahawa sedekah itu terlebih dahulu untuk kaum kerabat sebelum memberikannya kepada orang lain.

١٧٥- وَعَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "تَصَدَّقُوا"، فَقَالَ رَجُلٌ: يَا رَسُولَ اللهِ، عِنْدِي دِينَارٌ؟ قَالَ: "تَصَدَّقْ بِهِ عَلَى نَفْسِكَ"، قَالَ: عِنْدِي آخَرُ، قَالَ: "تَصَدَّقْ بِهِ عَلَى وَلَدِكَ"، قَالَ: عِنْدِي آخَرُ، قَالَ: "تَصَدَّقْ بِهِ عَلَى خَادِمِكَ"، قَالَ: عِنْدِي آخَرُ، قَالَ: "أَنْتَ أَبْصَرُ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ.

175. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Bersedekahlah kamu!" Seorang lelaki bertanya: "Wahai Rasulullah, aku mempunyai satu dinar." Baginda menjawab: "Sedekahkanlah ia untuk dirimu sendiri." Lelaki itu berkata: "Aku mempunyai satu dinar yang selainnya." Baginda bersabda: "Sedekahkanlah ia untuk anakmu." Lelaki itu berkata: "Aku mempunyai yang selainnya." Baginda bersabda: "Sedekahkanlah ia untuk pembantumu." Lelaki itu berkata: "Aku mempunyai yang selainnya lagi." Baginda bersabda: "Engkau lebih bijak untuk menentukan mana yang lebih baik daripada itu." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Nasa'i serta dinilai sahih oleh Ibn Hibban dan al-Hakim)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) menganjurkan umatnya untuk bersedekah, sehingga baginda bersabda: "Bersedekahlah kamu!" Oleh kerana menginfakkan harta itu harus dimulakan dengan yang lebih penting secara berurutan, iaitu diberikan kepada

kerabat yang paling dekat terlebih dahulu, kemudian menyusul kerabat yang jauh, maka ada seorang lelaki bertanya mengenai urutan tersebut seraya berkata: "Aku memiliki satu dinar." Lalu Rasulullah (s.a.w) memberinya petunjuk supaya dia memulakannya dengan dirinya sendiri, kerana menafkahi diri sendiri merupakan sedekah. Kemudian lelaki itu bertanya lagi tentang orang yang berhak diberi sedekah sesudahnya, dan Nabi (s.a.w) memberinya petunjuk agar dia menyedekahkannya untuk anaknya yang masih kecil atau yang belum mampu berusaha. Ini berlaku apabila dia tidak mempunyai isteri. Jika mempunyai isteri, maka nafkah didahulukan untuk isterinya, kemudian barulah anaknya.

Sesudah itu lelaki tersebut bertanya tentang orang selanjutnya berhak menerima sedekah, maka Nabi (s.a.w) menyuruhnya memberi nafkah kepada pembantunya. Ini mencakup hamba sahaya dan orang lain dari kalangan orang yang dia jamin nafkahnya. Kemudian Nabi (s.a.w) memberinya petunjuk agar memberikan nafkahnya kepada sesiapa sahaja yang dia kehendaki.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Abu Hurairah (r.a) yang sumbernya sama dengan hadis sebelumnya.

"تَصَدَّقُوا", Nabi (s.a.w) memerintahkan untuk bersedekah.

"تَصَدَّقْ بِهِ عَلَى نَفْسِكَ", nafkahkanlah untuk keperluanmu sendiri. Diri sendiri didahulukan kerana haknya lebih besar daripada orang lain.

"تَصَدَّقْ بِهِ عَلَى وَلَدِكَ", anak diletakkan pada nombor dua setelah diri sendiri kerana anak sangat memerlukan nafkah dan pertaliannya sangat dekat dengan ayahnya. Anak adalah belahan jiwa ibu bapa. Jika disia-siakan dengan cara tidak diberi nafkah oleh ibu bapanya, nescaya anak itu akan terlantar dan tidak ada orang lain yang menggantikan kedudukannya untuk memberi nafkah kepada anak tersebut.

"تَصَدَّقْ بِهِ عَلَى خَادِمِكَ", pembantu disebut pada bahagian paling akhir kerana hamba sahaya boleh dijual apabila tuannya tidak mampu lagi memberi nafkah kepadanya dan nafkahnya akan menjadi tanggungan orang yang membelinya.

"أَنْتَ أَبْصَرُ", engkau lebih mengetahui cara menafkahkannya setelah aku menjelaskan kepadamu ketentuan-ketentuan menyalurkan nafkah. Kaum kerabat itu lebih berhak untuk menerima sedekah daripada keluarga yang jauh sesuai dengan perbezaan jauh atau kedekatan pertalian kekerabatan.

Fiqh Hadis

1. Dianjurkan menyedekahkan lebihan harta sesudah keperluan diri sendiri mencukupi, begitu juga keperluan orang yang dijamin penghidupannya oleh orang yang berkenaan.
2. Hendaklah memulakan pemberian sedekah kepada orang yang paling dekat hubungan kekeluargaan, setelah itu baru kerabat yang jauh; dimulai dengan yang lebih penting, kemudian yang penting. Menjelaskan nafkah

itu wajib diberikan kepada orang yang urutannya telah disebutkan di dalam hadis ini.

١٧٦- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا أَنْفَقَتِ الْمَرْأَةُ مِنْ طَعَامِ بَيْتِهَا غَيْرَ مُفْسِدَةٍ، كَانَ لَهَا أَجْرُهَا بِمَا أَنْفَقَتْ وَلِزَوْجِهَا أَجْرُهُ بِمَا اكْتَسَبَ وَلِلْخَازِنِ مِثْلُ ذَلِكَ وَلاَ يَنْقُصُ بَعْضُهُمْ أَجْرَ بَعْضٍ شَيْئًا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

176. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: Nabi (s.a.w) bersabda: "*Jika seorang perempuan mengeluarkan sedekah dari makanan rumahnya tanpa merosakkan keadaan, maka dia memperoleh pahala dari apa yang dia sedekahkan; suaminya pun memperoleh pahala dari apa yang diusahakan; begitu pula pembantunya turut mendapat pahala yang serupa. Pahala sebahagian dari mereka tidak mengurangi pahala sebahagian yang lain.*" (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) memberitakan kepada para sahabat bahawa seorang isteri boleh mengeluarkan sedekah daripada harta milik suaminya yang berada di bawah pengaturannya di dalam rumah berupa sebahagian daripada sesuatu yang menurut tradisi biasa diberikan dengan secara percuma kepada orang lain, misalnya makanan atau sesuatu yang mendapat izin secara tidak langsung apabila menginfakkannya untuk tetamu dan fakir miskin, tetapi dengan syarat hendaklah infak isteri itu tidak bertujuan merosakkan bahagian orang yang dijaminnya, maka dia memperoleh pahala dari infaknya itu. Suaminya yang tidak mengetahui sedekah itu pun turut memperoleh pahala dari hasil usaha dan mata pencariannya. Begitu pula pembantu yang diberikan tugas untuk memelihara hartanya apabila dia menyedekahkannya dengan kebenaran pemilik harta, juga memperoleh pahala dari pelaksanaan perintah pemilik harta apabila dia menunaikannya secara utuh tanpa sedikit pun dia menguranginya.

Kemudian Rasulullah (s.a.w) mengingatkan mereka yang telah disebutkan itu mendapat pahala yang khusus hingga setiap pihak tidak saling mengurangi pahala antara satu sama lain, melainkan memperoleh bahagian pahalanya sesuai dengan kedudukan dan keikhlasan mereka dalam mengerjakan tugasannya. Sebahagian mereka tidak mengurangi pahala sebahagian yang lain walau sedikit pun, kerana pahala merupakan anugerah Allah yang Dia berikan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya.

Analisis Lafaz

"إِذَا أَنْفَقَتِ الْمَرْأَةُ مِنْ طَعَامِ بَيْتِهَا", apabila seorang isteri bersedekah setelah mendapat izin daripada suaminya, sekalipun izin itu yang bersifat umum. Dalam kalimat

ini disebut secara khusus perkataan "makanan", kerana hanya makanan yang dibolehkan oleh suami menurut tradisi lain halnya dengan wang, kerana isteri tidak boleh menafkahkan sebahagian daripada wang suaminya kecuali setelah mendapat izin daripada suaminya.

"غَيْرَ مُفْسِدَةٍ", dengan pemberiannya itu dia tidak bertujuan merosakkan ekonomi rumah tangga suaminya dan tidak memberikan barang yang tidak biasa diberikan menurut tradisi.

"كَانَ لَهَا أَجْرُهَا بِمَا أَنْفَقَتْ", maka isteri memperoleh pahala dari sedekahnya itu.

"وَلِزَوْجِهَا أَجْرُهُ بِمَا اكْتَسَبَ", dan suaminya pun memperoleh pahala dari sedekah isterinya itu kerana dialah yang mengadakan barang tersebut berkat usahanya.

"وَلِلْخَازِنِ مِثْلُ ذَلِكَ", dan pembantu rumah tangga pun memperoleh pahala yang sama seperti mereka. *Al-Khazin* ialah pembantu yang diberi kuasa menyimpan dan memelihara harta tuannya.

"وَلاَ يَنْقُصُ بَعْضُهُمْ أَجْرَ بَعْضٍ", sebahagian mereka tidak saling berebut pahala dengan sebahagian yang lain, kerana setiap pihak memperoleh pahalanya yang sempurna sesuai dengan peranannya. Kalimat ini merupakan kalimat baru yang berkedudukan sebagai jawapan ke atas soalan yang timbul dari konteks kalimat sebelumnya. Ini seakan-akan dikatakan: "Apakah sebahagian mereka mengambil pahala sebahagian yang lain?" Maka dijawablah dengan ucapan: "Sebahagian daripada mereka tidak mengurangi pahala sebahagian yang lain walau sedikit pun."

Fiqh Hadis

1. Anjuran untuk berlapang hati dan bersuka rela dalam mengerjakan kebaikan dan gemar membantu untuk merealisasikannya.
2. Anjuran terhadap wanita dan pembantu untuk memuliakan orang yang meminta-minta dan tidak menolaknya dengan cara yang mengecewakannya. Sebaiknya mereka memberi orang yang meminta-minta itu lebih sedikit dari apa yang dipintanya dengan syarat tidak melampaui batasan kebiasaan dan telah mengetahui keadaan si pemilik harta bahawa seandainya dia mengetahui itu, nescaya dia akan mengizinkannya untuk menyedehakannya, kerana dia turut memperoleh imbalan dan pahalanya.

١٧٧- وَعَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَتْ زَيْنَبُ امْرَأَةُ ابْنِ مَسْعُودٍ، فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنَّكَ أَمَرْتَ الْيَوْمَ بِالصَّدَقَةِ، وَكَانَ عِنْدِي حُلِيٌّ لِي، فَأَرَدْتُ أَنْ أَتَصَدَّقَ بِهِ، فَزَعَمَ ابْنُ مَسْعُودٍ أَنَّهُ وَوَلَدُهُ أَحَقُّ مَنْ تَصَدَّقْتُ بِهِ عَلَيْهِمْ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "صَدَقَ ابْنُ مَسْعُودٍ، زَوْجُكِ وَوَلَدُكِ أَحَقُّ مَنْ تَصَدَّقْتِ بِهِ عَلَيْهِمْ".

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

177. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: "Zainab isteri Ibn Mas'ud datang menghadap Rasulullah (s.a.w), lalu bertanya: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya hari ini engkau memerintahkan untuk bersedekah, sedangkan aku memiliki sebuah perhiasan miliku peribadi. Aku sekarang ingin menyedekahkannya. Lalu Ibnu Mas'ud menduga bahawa dia dan anaknya adalah orang yang paling berhak menerima sedekahku ini." Nabi (s.a.w) menjawab: "Benarlah apa yang dikatakan oleh Ibn Mas'ud, suami dan anakmu adalah orang yang paling berhak menerima sedekahmu." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Sedekah kepada kerabat lebih diutamakan apabila dibandingkan dengan sedekah kepada keluarga jauh, kerana itu merupakan sedekah sekali gus bersilaturahim. Oleh itu, Nabi (s.a.w) menganjurkan agar sedekah terlebih dahulu diberikan kepada kaum kerabat terdekat daripada keluarga yang jauh.

Jika suami seorang wanita kaya adalah orang miskin, maka si isteri boleh memberikan zakat hartanya kepada suaminya, mengikut pendapat jumhur ulama. Tetapi Imam Abu Hanifah mengemukakan pendapat yang berlainan. Beliau mengatakan bahawa tidak dilarang apabila harta zakat itu kembali kepada si isteri sebagai nafkah suami untuknya, kerana itu melalui jalan nafkah wajib, yakni nafkah yang dibebankan kepada suami untuk isterinya. Seperti mana sedia maklum, si suami pasti memberikan nafkah daripada harta tersebut kepada anak-anaknya. Jadi, ini seakan-akan si isteri memberikan kepada mereka sebahagian dari hartanya. Ibu bapa yang memberikan zakat kepada anaknya secara terpisah tidak dibolehkan kerana nafkah kepada anak merupakan kewajiban kedua ibu bapanya dan setiap orang yang dijamin nafkahnya tidak berhak menerima sebahagian daripada zakat orang yang menanggung nafkahnya. Oleh itu, ulama bersepakat bahawa seorang suami tidak boleh memberikan zakat kepada isterinya, kerana menafkahi isteri merupakan kewajipan suami. Adapun sedekah sunat, suami boleh memberikannya kepada sesiapa sahaja.

Analisis Lafaz

Zainab binti Abdullah al-Tsaqafiyyah, isteri Abdullah ibn Mas'ud (r.a). Beliau meriwayatkan banyak hadis, dan riwayat hadisnya telah diambil oleh Busr ibn Sa'id serta anak lelakinya sendiri yang bernama Abu Ubaidah.

"إِنَّكَ أَمَرْتَ الْيَوْمَ بِالصَّدَقَةِ", Rasulullah (s.a.w) berkhutbah kepada mereka yang di dalam khutbahnya baginda menyuruh kaum wanita supaya bersedekah.

"حُلِيٌّ", perhiasan yang dipakai oleh wanita yang dibuat daripada emas.

"فَأَرَدْتُ أَنْ أَتَصَدَّقَ بِهِ", dan aku ingin menyedekahkan perhiasan milikku ini. Huruf "أن" dan perkataan yang dimasukinya berada dalam ta'wil mashdar dan

berkedudukan menjadi maf'ul kepada lafaz "أردت".

"فَزَعَمَ ابْنُ مَسْعُودٍ", lalu Ibn Mas'ud menduga.

"وَوَلَدُهُ", dengan dibaca *nashab* kerana di-*'athaf*-kan kepada *isim anna*.

"أَحَقُّ مَنْ", lafaz *ahaqqu* adalah bentuk *af'al tafdhil*, berkedudukan sebagai *mudhaf*, sedangkan *mudhaf ilaih*-nya adalah lafaz *man*.

Fiqh Hadis

1. Memerintahkan masyarakat supaya gemar bersedekah dan berbuat amal kebaikan.
2. Nasihat khusus ditujukan kepada kaum wanita harus disertai dengan keadaan yang selamat daripada fitnah dan keadaan yang mencurigakan.
3. Wanita boleh mendermakan hartanya sendiri meskipun tanpa kebenaran suaminya. Berbeza dengan mazhab Maliki yang melarang wanita bersedekah lebih daripada sepertiga hartanya kecuali setelah memperoleh kebenaran suaminya.
4. Keutamaan bersedekah kepada kaum kerabat yang terdekat dan kaum keluarga yang memiliki pertalian kekeluargaan.
5. Seorang wanita dibolehkan memberikan zakat hartanya kepada suaminya.

١٧٨- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ يَزَالُ الرَّجُلُ يَسْأَلُ النَّاسَ حَتَّى يَأْتِيَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ لَيْسَ فِي وَجْهِهِ مُزْعَةُ لَحْمٍ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

178. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Seorang lelaki sentiasa meminta-minta kepada orang lain hingga kelak pada hari kiamat dia datang dalam keadaan pada wajahnya tidak terdapat seketul daging pun.*" (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Islam adalah agama yang menganjurkan bekerja dan berkarya, bukan agama yang menganjurkan pengangguran dan bermalas-malasan. Allah (s.w.t) berfirman:

وَقُلِ ٱعْمَلُوا۟ فَسَيَرَى ٱللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُۥ وَٱلْمُؤْمِنُونَ ۖ ..... ﴿١٠٥﴾

"*Dan katakanlah, "Bekerjatah kalian, maka Allah dan Rasul-Nya serta orang mukmin akan melihat pekerjaan kalian itu...*" (Surah al-Taubah: 105)

Oleh itu, Nabi (s.a.w) mengingatkan setiap manusia tidak meminta-minta kepada orang lain dengan tujuan untuk menimbun kekayaan. Orang yang meminta-minta kepada orang lain untuk memenuhi keperluan asas dan kemiskinan, sedangkan dia tidak mampu bekerja, maka orang itu dibolehkan meminta-minta,

seperti orang yang meminta haknya kepada pemimpin negara dari baitul mal. Dia hanya meminta haknya yang telah disyariatkan oleh Allah baginya di dalam baitul mal dan oleh kerananya, dia dibolehkan meminta itu. Lain halnya dengan seseorang yang meminta-minta untuk menimbun kekayaan sendiri, padahal dia sudah berkemampuan, maka kelak pada hari kiamat dia datang dalam keadaan semua daging yang ada pada wajahnya habis berjatuhan di hadapan semua saksi. Ini terjadi padanya sebagai simbol untuk memalukan dirinya pada hari itu. Dengan demikian, ini menunjukkan bahawa dia adalah orang yang tidak mempunyai harga diri dan tidak mempunyai kedudukan apa pun, lebih-lebih lagi di hadapan Allah.

Analisis Lafaz

"لاَ يَزَالُ الرَّجُلُ يَسْأَلُ النَّاسَ", meminta-minta kepada orang lain untuk menambah kekayaan, padahal dia sendiri sudah berkemampuan. Ini tidak berlaku ke atas lelaki sahaja, malah wanita pun termasuk di dalamnya. Dalam hadis ini, hanya lelaki yang disebutkan kerana wanita mengikuti lelaki dalam masalah hukum, kecuali berkaitan dengan perkara khusus baginya. Lafaz "الناس" berkedudukan sebagai *maf'ul bihi* yang pertama bagi lafaz "يسأل", sedangkan *maf'ul* kedua dibuang kerana telah diketahui dari konteks kalimat. Bentuk lengkapnya ialah "يسأل الناس أموالهم".

"مُزْعَةُ لَحْمٍ", seketul daging. Maksudnya ialah kelak pada hari kiamat dia datang dalam keadaan dihinakan, tidak ada harganya sama sekali, dan tidak mempunyai apa-apa kedudukan. Ada pula kemungkinan ia bermaksud ialah dia mengalami seksaan pada wajahnya hingga semua dagingnya gugur sebagai hukuman ke atas dirinya kerana dia telah menghina wajahnya sendiri dengan meminta-minta kepada orang lain. Ada pula kemungkinan bahawa maksudnya adalah kelak dia dibangkitkan dalam keadaan wajahnya berbentuk tengkorak sebagai pemberitahuan agar dia dikenali orang ramai.

Fiqh Hadis

1. Selalu meminta-minta merupakan perbuatan yang tercela.
2. Hukuman itu akan menimpa anggota tubuh yang melakukan keburukan itu, kerana orang itu telah menghinakan wajahnya dengan meminta-minta kepada orang lain, meskipun dia dalam keadaan berkemampuan.

١٧٩- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ سَأَلَ النَّاسَ أَمْوَالَهُمْ تَكَثُّرًا، فَإِنَّمَا يَسْأَلُ جَمْرًا، فَلْيَسْتَقِلَّ أَوْ لِيَسْتَكْثِرْ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

179. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Barang siapa yang meminta-minta kepada orang lain ntuk memperbanyak hartanya, maka*

apa yang dipintanya itu hanyalah bara api. Jadi terserah kamu sama ada kamu mempersedikit atau memperbanyak." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Ibn Hajar mengetengahkan hadis ini kerana ia mengkhususkan hadis Ibn Umar sebelum ini, kerana di dalam hadis ini meminta-minta dikaitkan dengan tujuan memperbanyak, sedangkan pada hadis sebelumnya tidak ada keterangan seperti itu.

Hadis ini menerangkan bahawa barang siapa yang meminta-minta kepada orang lain, sedangkan dia sendiri dalam keadaan berkemampuan dan tidak memerlukan apa-apa, maka kelak dia akan diseksa dengan api neraka dan apa yang diterimanya itu akan menjadi bara api, lalu disetrikakan ke seluruh tubuhnya, seperti mana yang dilakukan ke atas orang yang enggan berzakat.

Allah (s.w.t) berfirman:

يَوۡمَ يُحۡمَىٰ عَلَيۡهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكۡوَىٰ بِهَا جِبَاهُهُمۡ وَجُنُوبُهُمۡ وَظُهُورُهُمۡۖ ..... ﴿٣٥﴾

"*Pada hari dipanaskan emas perak itu dalam Jahannam, lalu dibakar dengannya dahi mereka, lambung dan tulang belakang mereka...*" (Surah al-Taubah: 35)

Sabda Nabi (s.a.w): "فَلْيَسْتَقِلَّ أَوْ لِيَسْتَكْثِرْ" bermaksud "*Jadi terserah kamu sama ada kamu mempersedikit atau memperbanyak*" merupakan amaran ancaman keras dan peringatan tegas sekali gus menunjukkan betapa buruk perbuatan meminta-minta tanpa adanya keperluan yang mendesak itu.

Analisis Lafaz

"تَكَثُّرًا", agar hartanya bertambah banyak dan bukan kerana dia memerlukannya. Lafaz "تَكَثُّرًا" ini di-*nashab*-kan kerana berkedudukan sebagai *maf'ul li ajlih*.

"فَإِنَّمَا يَسْأَلُ جَمْرًا", maka sesungguhnya yang dipintanya itu hanyalah bara api. Maksudnya ialah sepotong api dari neraka Jahannam, yakni apa yang diterimanya itu mengakibatkan seksaan di neraka dan akan menjadi bara api yang menyeksanya.

"فَلْيَسْتَقِلَّ أَوْ لِيَسْتَكْثِرْ", hendaklah dia mempersedikit permintaannya atau memperbanyaknya. Kalimat ini menunjukkan makna hinaan dan ancaman. Apa yang dimaksudkan di sini ialah sama ada dia meminta sesuatu dengan jumlah sedikit ataupun banyak.

Fiqh Hadis

1. Haram meminta-minta kepada orang lain untuk tujuan memperkaya diri.
2. Boleh meminta-minta kepada orang lain kerana adanya keperluan yang mendesak. Pengertian ini merupakan makna yang tersirat di dalam hadis

tersebut.

١٨٠- عَنِ الزُّبَيْرِ بْنِ الْعَوَّامِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَأَنْ يَأْخُذَ أَحَدُكُمْ حَبْلَهُ فَيَأْتِي بِحُزْمَةٍ مِنَ الْحَطَبِ عَلَى ظَهْرِهِ فَيَبِيعَهَا فَيَكُفَّ بِهَا وَجْهَهُ، خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ النَّاسَ أَعْطَوهُ أَوْ مَنَعُوهُ". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

180. Daripada al-Zubair ibn al-Awwam (r.a) daripada Nabi (s.a.w), baginda bersabda: "*Sesungguhnya apabila seseorang di antara kamu mengambil tali miliknya, lalu datang dengan membawa seikat kayu bakar yang dipikul di bahunya, kemudian dia menjualnya untuk memelihara air mukanya, maka itu lebih baik baginya daripada meminta-minta kepada orang lain sama ada mereka mahu memberi atau menolaknya.*" (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) menganjurkan untuk bekerja dan berusaha serta makan dari hasil titik peluh sendiri. Baginda menjelaskan keutamaan seorang lelaki yang mengambil seutas tali serta kapaknya, lalu pergi ke bukit mencari kayu bakar. Setelah kayu-kayu berhasil dia kumpulkan, dia kemudian memikulnya dan turut dari bukit untuk menjual kayu yang diperolehinya itu. Harga yang dia terima itu lalu dia nafkahkan untuk dirinya sendiri dan anak-anaknya. Orang yang berbuat demikian lebih baik daripada dia mendatangi orang kaya untuk meminta sedikit harta orang kaya itu, sama dia mahu memberi, menolak, atau mengusirnya dengan cara halus.

Seorang lelaki yang melakukan pekerjaan berat untuk membiayai hidupnya dan mencari sumber-sumber rezeki lebih disukai oleh Allah dan lebih berguna bagi masyarakat dan umat, daripada dia hidup namun malah menjadi bebanan kepada orang lain dan masyarakatnya serta menjadi anggota masyarakat yang lemah dan tidak berdaya. Orang mukmin yang kuat lebih baik daripada orang mukmin yang lemah. Orang yang rajin dan berakal cerdas lebih baik daripada orang yang malas dan beku akal fikirannya.

Analisis Lafaz

"فَيَكُفَّ بِهَا وَجْهَهُ", dari hasil jualan kayunya itu dia dapat melindungi air mukanya dari kehinaan sifat meminta-minta.

Fiqh Hadis

1. Anjuran untuk memelihara kehormatan diri dan membersihkan diri daripada perbuatan meminta-minta, kerana orang yang meminta-minta

itu hina, lebih-lebih lagi apabila ditolak permintaannya, di samping orang yang dimintainya akan dibuat sibuk apabila dia perlu memberi setiap orang yang meminta-minta kepadanya.

2. Anjuran untuk berusaha, sekalipun dengan mengumpulkan kayu bakar, kerana mengumpulkan kayu, lalu menjual hasilnya untuk menampung penghidupannya lebih baik daripada meminta-minta kepada orang lain.
3. Menjelaskan bahawa Islam itu agama yang mulia dan peringatan terhadap para pemeluknya agar tidak melakukan perbuatan yang hina.

١٨١- عَنْ سَمُرَةَ بْنِ جُنْدُبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْمَسْأَلَةُ كَدٌّ يَكُدُّ بِهَا الرَّجُلُ وَجْهَهُ، إِلاَّ أَنْ يَسْأَلَ الرَّجُلُ سُلْطَانًا أَوْ فِي أَمْرٍ لاَ بُدَّ مِنْهُ". رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ.

181. Daripada Samurah ibn Jundub (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Meminta-minta merupakan kehinaan yang mencoreng wajah pelakunya, kecuali apabila seseorang meminta suatu perkara kepada sultan atau meminta sesuatu mesti dia lakukan dengan cara meminta-minta.*" (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan menilainya sebagai sahih)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) menetapkan bahawa perbuatan meminta-minta kepada orang lain tanpa keperluan yang mendesak merupakan perbuatan tercela, kerana akibat perbuatan itu akan menyebabkan pelakunya menanggung kehinaan meminta-mina dan keburukan mengharap supaya diperkenankan permintaannya itu. Akan tetapi, baginda mengecualikan dua perkara dalam masalah ini: Pertama, seseorang meminta kepada sultan supaya mendapat bahagiannya daripada harta baitul mal kerana dia mempunyai hak di dalamnya. Di samping itu, meminta sesuatu kepada sultan tidak ada salahnya, kerana sultan adalah orang yang dipercayai untuk memikul amanah umat di samping sebagai wakil rakyat, sehingga tidak ada salahnya jika seseorang meminta haknya kepada wakilnya. Kedua, seseorang yang meminta suatu perkara, sedangkan perkara tersebut tidak akan dapat diwujudkan kecuali dengan cara meminta-minta kerana keadaan darurat, misalnya kemiskinan yang amat sangat atau memerlukan bantuan darah atau hutang yang tidak mampu dia langsaikan.

Analisis Lafaz

"الْمَسْأَلَةُ كَدٌّ يَكُدُّ بِهَا الرَّجُلُ وَجْهَهُ", banyak meminta tanpa didesak oleh suatu keperluan merupakan perbuatan jahat dan mencoreng wajahnya sendiri kelak pada hari kiamat. Oleh itu, barang siapa yang menghendaki agar wibawanya tetap terpelihara,

maka hendaklah dia tidak melakukan perbuatan meminta-minta.

"إِلاَّ أَنْ يَسْأَلَ الرَّجُلُ سُلْطَانًا", meminta kepada sultan tidak ada salahnya, kerana dia meminta haknya yang ada di baitul mal. Si peminta tidak dilarang berbuat demikian kerana sultan adalah wakil rakyat, sama halnya dengan seseorang yang meminta kepada wakilnya agar haknya yang ada pada wakilnya diberikan kepadanya.

"أَوْ فِي أَمْرٍ لاَ بُدَّ مِنْهُ", tidak ada cara lain untuk menghasilkannya dan tidak dapat diwujudkan kecuali dengan cara meminta-minta.

Fiqh Hadis

1. Barang siapa yang menginginkan wajahnya kelak di hari kiamat tidak didapati sebarang noda, maka hendaklah dia memelihara dirinya daripada perbuatan meminta-minta.
2. Meminta kepada sultan tidak dianggap berdosa, kerana meminta kepada sultan sama halnya dengan meminta sebahagian daripada hak si peminta yang ada di baitul mal.
3. Tidak dianggap dosa meminta sesuatu kerana darurat dan tidak ada jalan lain kecuali dengan cara meminta, misalnya seseorang yang dibelenggu oleh hutang akibat mendamaikan pihak-pihak yang bersengketa, seseorang yang jatuh miskin, atau seseorang yang hartanya habis dilanda musibah.

Kesimpulan

Dari hadis-hadis yang terdapat dalam bab ini dapat diambil beberapa kesimpulan sebagai berikut:

1. Dibolehkan meringkaskan hadis hanya dengan menyebutkan butiran yang berkaitan dengan topik tertentu. Wanita dibolehkan mendermakan harta miliknya sendiri tanpa perlu meminta kebenaran suami.
2. Dianjurkan bersikap adil dan betapa tinggi kedudukan seorang pemimpin yang adil di sisi Allah. Dianjurkan beribadah kepada Allah dengan mengalahkan hawa nafsu yang sedang menggebu-gebu pada usia muda dan memaksanya untuk bermujahadah dan melestarikan ibadah; cinta kerana Allah dan menjelaskan keutamaannya, di mana itu dapat membolehkan pelakunya untuk mendapat keuntungan yang besar dari Allah Yang Maha Mulia, bersedekah dengan sembunyi-sembunyi dan keutamaannya ke atas sedekah secara terang-terangan, kerana bersedekah secara sembunyi-sembunyi memiliki keikhlasan yang lebih sempurna; bersedekahlah kerana sedekah itu kelak pada hari kiamat akan menaungi pelakunya, menghiasi diri dengan akhlak mulia kerana barang siapa yang mengerjakan suatu amal kebaikan, maka dia mendapat ganjaran pahala yang sama dengan jenis amalnya pada hari kiamat nanti, berinfak di jalan Allah, bersedekah kepada kaum kerabat dan bersilaturahim, menghindarkan diri dari perbuatan meminta-minta dan membersihkan diri daripada perbuatan tersebut

dengan cara berusaha (bekerja) dan tidak menjadi bebanan kepada orang lain, iman yang sempurna dan cinta kepada Allah dibuktikan dengan rajin mendatangi masjid.

3. Betapa besar pahala dalam mengekang hawa nafsu.
4. Menggunakan ungkapan sindirian atau kiasan untuk menyebutkan sesuatu yang buruk, yakni tidak menggunakan makna kata yang sesungguhnya.
5. Keutamaan menangis kerana takut kepada Allah (s.w.t).
6. Keutamaan tangan yang memberi.
7. Sedekah yang paling diutamakan ialah sedekah yang setelah dikeluarkan pelakunya tetap dalam keadaan berkemampuan dan tidak memerlukan bantuan orang lain.
8. Meminta-minta untuk memperkaya diri sendiri merupakan perbuatan tercela.
9. Orang yang miskin dianjurkan untuk tidak meminta-minta dan tidak menjadi bebanan kepada orang lain serta bertawakal kepada Allah (s.w.t) sedangkan orang kaya dianjurkan untuk bersedekah.
10. Dianjurkan menyedekahkan sebahagian daripada lebihan harta sesudah keperluan diri sendiri dan orang yang wajib dia nafkahi telah dipenuhi; berhati baik dan berlapang dada dalam mengerjakan kebaikan serta membantu merealisasikannya; dan menganjurkan kepada isteri serta pembantu untuk menghormati orang yang meminta-minta, jangan menolaknya dengan kasar hingga dia pun merasa kecewa.
11. Rakyat diperintahkan untuk bersedekah dan mengerjakan amal kebaikan, serta menasihati kaum wanita apabila itu tidak mengakibatkan timbulnya kerosakan atau fitnah.
12. Hukuman itu akan ditimpakan ke atas anggota tubuh yang melakukan perbuatan jahat.
13. Diharamkan meminta-minta untuk memperkaya diri sendiri.
14. Meminta kepada sultan kerana dalam keadaan darurat tidak termasuk perbuatan dosa.

Soalan

1. Siapakah ketujuh-tujuh golongan manusia yang mendapat naungan Allah pada hari kiamat kelak?
2. Siapakah nama ulama yang secara khusus menulis karya tentang orang yang mendapat naungan Allah kelak pada hari kiamat?
3. Jelaskan makna lafaz "التظليل"!
4. Mengapa hadis ini dimulakan dengan sebutan pemimpin yang adil?
5. Terangkan mana yang lebih utama antara sedekah secara sembunyi-sembunyi dengan sedekah secara terang-terangan!
6. Apakah bilangan tujuh mengandung makna batasan?

7. Berapakah makna yang terkandung di dalam kalimat "في ظل صدقته"? Jelaskan makna yang paling kuat dan sebutkan alasanannya.
8. Jelaskanlah makna "حتى يفصل"!
9. Sebutkan manfaat sedekah sunat!
10. I'rabkan lafaz "أيما" dan jelaskan maknanya!
11. Sebutkan kegunaan lafaz: "على ظمأ", "على عري", dan "على جوع"!
12. Jelaskan makna lafaz "الرحيق المختوم"!
13. I'rabkan kalimat "اليد العليا خير"!
14. Jelaskan makna lafaz-lafaz berikut: "جهد", "أفضل", "تعول" dan "المقل"!
15. Jelaskan tentang sedekah yang paling diutamakan!
16. Terangkan lafaz "من يستعفف يعفه الله"!
17. Apakah yang dimaksudkan dengan kalimat "عن ظهر غنى"?
18. Sebutkan hikmah pertanyaan sahabat tentang sedekah yang paling diutamakan!
19. Mengapa sedekah orang yang miskin lebih diutamakan?
20. Sebutkan urutan atau susunan untuk memberikan sedekah!
21. Bilakah sedekah kepada anak itu diwajibkan?
22. Bilakah sedekah kepada pembantu itu diwajibkan?
23. Apakah makna kalimat "أنت أبصر به"!
24. Mengapa di dalam hadis ini tidak disebutkan isteri? Dimanakah letak urutannya dalam hal menerima sedekah?
25. Bilakah seorang isteri boleh menyedekahkan sebahagian daripada harta suaminya tanpa seizin suami? Mengapa pahalanya diperoleh pula oleh suaminya selain dirinya sendiri?
26. Apakah makna lafaz "غير مفسدة"!
27. Bilakah wanita diwajibkan meminta izin suami dalam berinfak (bersedekah)?
28. Siapakah *al-Khazin* itu? Bilakah dia berhak mendapat pahala dan mengapa?
29. Bagaimana hukum seorang isteri yang memberikan zakat hartanya kepada suami?
30. Bolehkah seorang suami memberikan zakat harta kepada isterinya?
31. Jelaskan siapakah orang yang paling berhak mendapat sedekah!
32. I'rabkan kalimat berikut: "أن أتصدق به وولده" dan "وأحق من أتصدق به"!
33. Bolehkah memberikan zakat kepada orang yang nafkahnya ditanggung oleh si pemberi zakat?
34. Bolehkah memberikan sebahagian daripada sedekah sunat kepada orang yang nafkahnya dijamin oleh si pemberi sedekah?
35. Mengapa Islam mengingatkan agar tidak terlampau banyak meminta-minta?

36. Bagaimanakah hukum seseorang yang meminta-minta untuk memperkaya dirinya sendiri?
37. Bagaimanakah hukum meminta-minta kepada sultan?
38. Sebutkan kedua-dua *maf'ul* kepada lafaz "يسأل"!
39. Terangkan makna "مزعة لحم"!
40. Sebutkan kaitan antara hukuman dengan dosa!
41. Terangkan kedudukan i'rab lafaz "تكثرا"!
42. Bagaimanakah hukum berusaha mencari mata pencarian ketika mampu melakukannya?
43. Apakah faktor yang membolehkan seseorang meminta-minta?
44. Apakah jenis darurat yang membolehkan seseorang meminta-minta?

BAB PENGAGIHAN ZAKAT

١٨٢- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ تَحِلُّ الصَّدَقَةُ لِغَنِيٍّ إِلاَّ لِخَمْسَةٍ: لِعَامِلٍ عَلَيْهَا، أَوْ رَجُلٍ اشْتَرَاهَا بِمَالِهِ، أَوْ غَارِمٍ، أَوْ غَازٍ فِي سَبِيلِ اللهِ، أَوْ مِسْكِينٍ تُصُدِّقَ عَلَيْهِ مِنْهَا، فَأَهْدَى مِنْهَا لِغَنِيٍّ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَابْنُ مَاجَه وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ، وَأُعِلَّ بِالْإِرْسَالِ.

182. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sedekah (zakat) tidak dihalalkan bagi orang kaya kecuali bagi lima golongan, iaitu: amil zakat, orang yang membeli zakat dengan hartanya sendiri, orang yang berhutang, orang yang berperang di jalan Allah, atau orang miskin yang diberi zakat, namun dia kemudian menghadiahkannya kepada orang kaya." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud, dan Ibn Majah serta dinilai sahih oleh al-Hakim, tetapi hadis ini dinilai mursal)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) melarang daripada memberikan zakat kepada orang kaya dan menjelaskan bahawa memberikan zakat kepada orang kaya hukumnya haram. Apa yang dimaksudkan dengan istilah "sedekah" dalam hadis ini ialah zakat harta benda. Adapun sedekah sunat, jika diberikan kepada orang kaya tentu itu sudah dianggap sah dan pemberinya tetap memperoleh pahala dari apa yang telah diniatkannya. Apa yang dimaksudkan dengan istilah *al-Ghaniyy* ialah orang yang memiliki harta dalam batasan wajib mengeluarkan zakat. Rasulullah (s.a.w) bersabda:

أُمِرْتُ أَنْ آخُذَهَا مِنْ أَغْنِيَائِكُمْ وَأَرُدَّهَا فِي فُقَرَائِكُمْ.

"*Aku telah diperintahkan untuk mengutip zakat dari orang kaya di antara kamu dan mengagihkannya kepada kaum fakir miskin di antara kamu.*"

Dari hadis ini dapat disimpulkan bahawa lawan kata "orang kaya yang wajib berzakat" ialah "orang miskin yang berhak menerimanya".

Akan tetapi, Nabi (s.a.w) mengecualikan hukum haram ini ke atas lima golongan, meskipun mereka adalah orang kaya, tetapi mereka boleh menerimanya secara halal. Mereka adalah amil zakat, orang yang berhutang, orang yang sedang berjihad di jalan Allah, orang kaya yang memperoleh hadiah daripada orang miskin yang telah menerima zakat, atau orang kaya yang membeli zakat daripada orang miskin kerana zakat tersebut telah menjadi miliknya.

Analisis Lafaz

"قسم الصدقات", apa yang dimaksudkan dengan sedekah dalam bab ini ialah sedekah wajib iaitu zakat. Lafaz "قسم" bermaksud mengagihkannya kepada orang yang berhak menerimanya.

"لاَ تَحِلُّ الصَّدَقَةُ لِغَنِيٍّ", orang kaya tidak boleh menerima zakat dan memilikinya kerana berlandasakan firman Allah:

﴿ إِنَّمَا ٱلصَّدَقَٰتُ لِلۡفُقَرَآءِ وَٱلۡمَسَٰكِينِ وَٱلۡعَٰمِلِينَ عَلَيۡهَا وَٱلۡمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمۡ وَفِي ٱلرِّقَابِ وَٱلۡغَٰرِمِينَ وَفِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱبۡنِ ٱلسَّبِيلِۖ فَرِيضَةٗ مِّنَ ٱللَّهِۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٞ ٦٠ ﴾

"*Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, dan orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.*" (Surah al-Taubah: 60)

"لِعَامِلٍ عَلَيْهَا", amil zakat yang dilantik oleh pemimpin untuk mengutip zakat di mana termasuk di dalamnya adalah tukang kutip, juru tulis, tukang agih dan orang yang mengumpulkan zakat untuk kemudian diserahkan kepada pengutip serta pemelihara zakat. Setiap mereka mesti diberi bahagian sesuai dengan prestasi kerja mereka. ini kerana mereka telah menghabiskan masa untuk bekerja demi kemaslahatan kaum muslimin, maka mereka berhak menerima upah.

"أَوْ رَجُلٍ اشْتَرَاهَا بِمَالِهِ", seseorang yang membeli zakat dengan hartanya sendiri daripada tangan orang yang menerima zakat.

"أَوْ غَارِمٍ", orang yang menanggung hutang demi mendamaikan dua orang pihak yang bersengketa. Dia diberi sebahagian zakat bagi menutupi hutangnya itu, meskipun dia termasuk orang kaya. Dia tidak dibebani untuk membayar hutang tersebut. Menurut pendapat yang lain, *al-gharim* ialah orang yang mempunyai hutang lebih banyak daripada harta miliknya sendiri.

"أَوْ غَازٍ فِي سَبِيلِ اللهِ", mujahid yang berperang demi memperjuangkan kalimah (ajaran) Allah. Dia diberi bahagian daripada zakat, meskipun dia orang kaya untuk

memberikan semangat kepadanya agar sentiasa lebih giat lagi berjihad.

"أَوْ مِسْكِينٍ تُصُدِّقَ عَلَيْهِ مِنْهَا، فَأَهْدَى مِنْهَا لِغَنِيٍّ", dalam kes seperti ini orang kaya boleh menerima zakat, sebab pada hakikatnya zakat itu telah keluar daripada fungsinya sebagai zakat. Ini kerana dia telah menjadi milik penerimanya, maka orang yang menerimanya berhak membelanjakannya menurut apa yang dikehendakinya.

"وَأُعِلَّ بِالْإِرْسَالِ", riwayat al-Hakim yang ia nilai sahih, namun dianggap sebagai hadis mursal.

Fiqh Hadis

1. Haram memberikan zakat kepada orang kaya.
2. Anjuran untuk mendamaikan pihak-pihak yang bersengketa.
3. Orang miskin boleh memberikan hadiah kepada orang kaya.
4. Boleh menjual zakat dan membelinya daripada tangan si penerima, kerana zakat itu telah menjadi milik si penerima, hingga sifatnya berubah dan lenyaplah nama zakat daripada barang tersebut.
5. Orang kaya boleh menerima hadiah daripada orang miskin.
6. Dianjurkan menghimpun zakat daripada para pemilik harta.

١٨٣- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَدِيٍّ بْنِ الْخِيَارِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلَيْنِ حَدَّثَاهُ أَنَّهُمَا أَتَيَا رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْأَلَانِهِ مِنَ الصَّدَقَةِ، فَقَلَّبَ فِيهِمَا النَّظَرَ، فَرَآهُمَا جَلْدَيْنِ، فَقَالَ: "إِنْ شِئْتُمَا أَعْطَيْتُكُمَا، وَلاَ حَظَّ فِيهَا لِغَنِيٍّ وَلاَ لِقَوِيٍّ مُكْتَسِبٍ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَقَوَّاهُ، وَأَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ.

183. Daripada Abdullah ibn Adi ibn al-Khiyar (r.a) bahawa ada dua orang lelaki bercerita kepadanya bahawa kedua-duanya pernah datang kepada Rasulullah (s.a.w) untuk meminta bahagian zakat. Lalu baginda mengamati mereka dengan pandangannya, dan berpendapat bahawa kedua-duanya adalah orang yang masih kuat. Kemudian baginda bersabda: "Jika kamu berdua tetap ingin memintanya, aku bersedia memberimu, tetapi ingat tidak ada bahagian zakat bagi orang kaya dan orang yang kuat lagi mampu berusaha." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan dinilai kuat oleh Abu Dawud serta al-Nasa'i)

Makna Hadis

Orang kaya yang haram menerima zakat ada dua jenis: Pertama, orang kaya hakiki, iaitu orang yang memiliki banyak harta. Kedua, orang kaya maknawi, iaitu orang yang kuat lagi memiliki usaha. Dengan berusaha, dia dikategorikan sebagai orang kaya. Orang yang jenis kedua ini pun turut diharamkan menerima zakat, seperti mana yang telah diltegaskan oleh hadis di atas.

Analisis Lafaz

"رَجُلَيْنِ", dua orang lelaki. Di dalam hadis ini tidak disebutkan nama kedua-duanya, tetapi dapat disimpulkan bahawa kedua-dua orang tersebut adalah sahabat. Sementara itu nama sahabat tidak disebutkan secara jelas. Sungguhupun demikian, itu tidak mencacatkan kedudukan hadis, kerana seluruh sahabat adalah adil dan terpercaya.

"حَدَّثَاهُ", kedua-duanya bercerita kepada Abdullah ibn Adi.

"يَسْأَلاَنِهِ مِنَ الصَّدَقَةِ", kedua-duanya meminta bahagian zakat kepada Rasulullah (s.a.w).

"فَقَلَّبَ فِيهِمَا النَّظَرَ", lalu Rasulullah (s.a.w) menatap kedua-duanya dengan pandangan yang teliti.

"جَلْدَيْنِ", kedua-duanya adalah orang yang masih kuat dan sihat.

"إِنْ شِئْتُمَا أَعْطَيْتُكُمَا", jika kamu berdua tetap ingin memintanya, aku bersedia memberimu zakat. Aku serahkan urusan ini kepadamu yang telah mengetahui keadaanmu sendiri, dan kamu berdua berdosa sekiranya kamu berdua termasuk orang yang berkemampuan atau mampu berusaha.

"وَلاَ حَظَّ فِيهَا لِغَنِيٍّ", tidak ada bahagian zakat bagi orang yang berkemampuan atau orang yang dianggap berkemampuan.

"وَلاَ لِقَوِيٍّ مُكْتَسِبٍ", orang yang mampu bekerja dan mencukupi keperluannya tidak berhak pula menerima zakat.

Fiqh Hadis

1. Orang yang tidak mempunyai harta berhak menerima zakat.
2. Zakat haram diberikan kepada dua golongan yang dinilai berkemampuan.
3. Hanya memiliki kekuatan (kesihatan) bukanlah faktor yang mengharamkannya menerima zakat, melainkan harus dipenuhi oleh syarat lain, iaitu mampu mencari penghidupan.
4. Orang yang mempunyai usaha dan dapat mencukupi keperluannya tidak boleh menerima zakat, kerana kedudukannya sama dengan orang yang banyak memiliki harta.

Periwayat Hadis

Abdullah ibn Adi[8] ibn al-Khiyar ibn Adi ibn Naufal al-Qurasyi al-Madani. Beliau meriwayatkan hadis daripada Umar, Utsman, Ali, al-Miqdad ibn al-Aswad,

---

[8] Ayah Abdullah ini yakni Adi ibn al-Khiyar adalah salah seorang pasukan kaum musyrikin yang mati sewaktu Perang Badar.

dan para sahabat lain. Orang yang telah mengambil riwayat hadis daripadanya adalah Atha' ibn Yazid, Urwah ibn al-Zubair, Yahya ibn Yazid al-Bahili, dan lain-lain.

Al-'Ajali berkata: "Abdullah ibn Adi adalah orang yang tsiqah dan termasuk salah seorang tabi'in terkemuka." Al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, dan al-Nasa'i adalah para imam yang mengetengahkan hadis-hadisnya.

١٨٤- عَنْ قَبِيصَةَ بْنِ مُخَارِقٍ الْهِلاَلِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ الْمَسْأَلَةَ لاَ تَحِلُّ إِلاَّ لِأَحَدِ ثَلاَثَةٍ: رَجُلٌ تَحَمَّلَ حَمَالَةً، فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ حَتَّى يُصِيبَهَا، ثُمَّ يُمْسِكَ، وَرَجُلٌ أَصَابَتْهُ جَائِحَةٌ اجْتَاحَتْ مَالَهُ، فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ حَتَّى يُصِيبَ قِوَامًا مِنْ عَيْشٍ، وَرَجُلٌ أَصَابَتْهُ فَاقَةٌ حَتَّى يَقُومَ ثَلاَثَةٌ مِنْ ذَوِي الْحِجَى مِنْ قَومِهِ: لَقَدْ أَصَابَتْ فُلاَنًا فَاقَةٌ؛ فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ حَتَّى يُصِيبَ قِوَامًا مِنْ عَيْشٍ، فَمَا سِوَاهُنَّ مِنَ الْمَسْأَلَةِ يَا قَبِيصَةُ سُحْتٌ يَأْكُلُهُ صَاحِبُهَا سُحْتًا". رَوَاهُ مُسْلِمٌ وَأَبُو دَاوُدَ وَابْنُ خُزَيْمَةَ وَابْنُ حِبَّانَ.

184. Daripada Qabishah ibn Mukhariq al-Hilali (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Sesungguhnya meminta-minta itu tidak boleh dilakukan kecuali hanya oleh salah seorang di antara tiga golongan berikut, iaitu: Pertama, seorang lelaki yang menanggung suatu bebanan (hutang), maka dihalalkan baginya meminta-minta hingga dilangsaikan seluruh tanggungannya, dan setelah itu dia tidak boleh lagi meminta-minta. Kedua, seorang lelaki yang ditimpa malapetaka hingga hartanya habis, maka dibolehkan baginya meminta-minta hingga dia mendapatkan pegangan untuk penghidupannya. Ketiga, seorang lelaki yang jatuh miskin hingga ada tiga orang yang berakal dari kalangan kaumnya mengatakan bahawa si polan itu benar-benar telah ditimpa kemiskinan. Maka dihalalkan baginya meminta-minta hingga memperoleh pegangan untuk penghidupannya. Adapun perbuatan meminta-minta yang dilakukan oleh selain mereka, wahai Qabishah, maka itu merupakan perbuatan yang diharamkan dan apa yang dimakan oleh pelakunya daripada hasil meminta-minta adalah barang haram.*" (Diriwayatkan oleh Muslim, Abu Dawud, Ibn Khuzaimah dan Ibn Hibban)

Makna Hadis

Meminta sesuatu kepada orang lain merupakan perbuatan hina dan rendah diri, kecuali apabila dalam keadaan mendesak. Ini kerana perbuatan meminta-minta itu sama dengan menconteng muka sendiri dan membuat diri seseorang dianggap remeh. Perbuatan meminta-minta tidak halal dilakukan kecuali oleh salah seorang daripada ketiga golongan berikut:

Pertama, seorang lelaki yang mendamaikan pihak-pihak yang bersengketa hingga dia menanggung hutang, atau dia mendamaikan masalah pembunuhan hingga dia terpaksa menanggung diyat. Maka dia dibolehkan meminta kepada orang kaya sebahagian daripada zakat mereka, meskipun pada kenyataannya dia sendiri adalah orang kaya, tetapi dia tidak dibebani untuk melangsaikan tanggungan tersebut daripada hartanya sendiri.

Kedua, orang yang hartanya ditimpa malapetaka, baik yang datang dari langit ataupun dari bumi. Maka dia dibolehkan meminta-minta hingga mendapatkan kembali pegangan hidupnya. Tetapi sesudah keadaannya bertambah baik, maka dia diharamkan meminta-minta.

Ketiga, seorang lelaki yang sangat memerlukan bantuan dan disaksikan oleh beberapa orang yang berakal dari kalangan kaumnya, bahawa keadaannya benar-benar sangat dha'if. Maka dihalalkan pula baginya meminta-minta, apabila pada mulanya dia adalah orang kaya, lalu jatuh miskin. Adapun seseorang yang keadaannya belum pernah dikenali sebagai orang kaya sejak semula, maka dihalalkan baginya meminta-minta, sekalipun tanpa memakai wujud saksi.

Analisis Lafaz

"وَأَبُو دَاوُدَ", hadis ini diketengahkan oleh Abu Dawud melalui Qabishah ibn Mukhariq al-Hilali, yang kalimatnya adalah sebagai berikut:

"Aku menanggung suatu bebanan hutang, lalu aku datang kepada Nabi (s.a.w), kemudian baginda bersabda: "Duduklah di sini dahulu, wahai Qabishah, hingga ada sedekah (zakat) yang datang kepada kita. Nanti kuperintahkan agar sedekah itu diberikan kepadamu." Selanjutnya baginda bersabda: "Wahai Qabishah, sesungguhnya meminta-minta itu tidak halal dilakukan kecuali oleh salah seorang di antara tiga golongan…" hingga akhir hadis.

"الْمَسْأَلَةَ", meminta-minta kepada orang lain.

"تَحَمَّلَ حَمَالَةً", menanggung bebanan hutang yang dia pinjam daripada seseorang untuk mendamaikan orang yang bersengketa atau dia gunakan untuk melerai dua orang yang terlibat dalam sengketa. Dia boleh mengambil sebahagian daripada harta zakat untuk menutupi hutangnya itu, meskipun dia sendiri orang kaya.

"حَتَّى يُصِيبَهَا", hingga dia dapat menutupi tanggungannya.

"ثُمَّ يُمْسِكَ", setelah itu dia tidak boleh lagi meminta-minta walau sedikit pun.

"أَصَابَتْهُ جَائِحَةٌ اجْتَاحَتْ مَالَهُ", hartanya dilanda malapetaka, misalnya dilanda banjir atau kebakaran, maka dia dibolehkan meminta-minta dan wajib diberi sebahagian daripada harta zakat hingga dia dapat berdiri sendiri untuk memenuhi keperluan hidupnya dan tidak lagi memerlukan bantuan orang lain. Semasa proses memberi dilangsungkan, tidak diperlukan adanya saksi yang membuktikan keperluannya, kerana kesan musibah atau bencana seperti itu tidak samar lagi ketika musibah itu berlaku.

"قِوَامًا", *al-Qiwam* adalah sesuatu yang dapat menjamin keperluan seseorang dan dapat memenuhi kekurangannya.

"رَجُلٌ أَصَابَتْهُ فَاقَةٌ", ditimpa kemiskinan hingga dia dikenal sebagai orang yang jatuh miskin, padahal sebelum ini dia termasuk orang kaya.

"حَتَّى يَقُومَ ثَلاَثَةٌ مِنْ ذَوِي الْحِجَى مِنْ قَومِهِ", hingga disaksikan oleh tiga orang yang berakal dari kalangan kaumnya, bahawa dia benar-benar ditimpa kemiskinan dan keadaannya kini perlu diberi bantuan. Tiga orang yang dijadikan syarat itu merupakan tindakan berjaga-jaga dan sebagai bukti yang kuat terhadap penilaian kemiskinan seseorang serta supaya pernyataan mereka dapat membebaskan diri si peminta daripada tuduhan mendakwa dirinya jatuh miskin, di samping mendorong supaya permintaannya diperkenankan. Dalam hadis ini disebutkan secara khusus orang berakal dari kalangan kaumnya kerana mereka lebih mengetahui keadaan zahir dan batin seseorang di sekitarnya apabila dibandingkan dengan orang lain.

"فَمَا سِوَاهُنَّ مِنَ الْمَسْأَلَةِ يَا قَبِيصَةُ سُحْتٌ يَأْكُلُهُ صَاحِبُهَا سُحْتًا", selain daripada tiga jenis permintaan tersebut maka hukumnya haram dan hasil yang diperoleh daripada meminta-minrta itu tidak boleh dimakan. Dinamakan *suht* kerana itu dapat menghilangkan keberkatan.

Fiqh Hadis

1. Anjuran untuk berakhlak mulia.
2. Haram meminta-minta kepada orang lain kecuali apabila dalam terpaksa.
3. Batasan tentang jumlah pemberian yang diberikan kepada seseorang daripada harta zakat, iaitu sebatas apa yang dapat mencukupi keperluan si penerimanya. Standarnya berbeza-beza antara satu orang dengan orang lain dan ini mesti disesuaikan dengan keperluan mereka masing-masing.

Periwayat Hadis

Qabishah ibn Mukhariq al-Hilali ibn Abdullah ibn Syaddad al-Amiri, seorang sahabat. Beliau meriwayatkan enam hadis, dan riwayat hadisnya telah diambil oleh Abu Qilabah serta Abu Utsman al-Nahdi. Muslim, Abu Dawud, al-Tirmizi dan al-Nasa'i adalah para imam yang turut mengetengahkan hadisnya.

١٨٥- عَنْ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ بْنِ رَبِيعَةَ بْنِ الْحَارِثِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ الصَّدَقَةَ لاَ تَنْبَغِي لِآلِ مُحَمَّدٍ، إِنَّمَا هِيَ أَوْسَاخُ النَّاسِ".

وَفِي رِوَايَةٍ: "وَإِنَّهَا لاَ تَحِلُّ لِمُحَمَّدٍ وَلاَ آلِ مُحَمَّدٍ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

185. Daripada Abdul Muttalib ibn Rabi'ah ibn al-Harits (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Sesungguhnya sedekah (zakat) itu tidak layak bagi keluarga Muhammad, kerana sedekah itu merupakan kotoran manusia.*"

Di dalam riwayat yang lain disebutkan sebagai berikut: "*Dan sesungguhnya zakat itu tidak halal bagi Muhammad dan keluarganya.*" (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Allah (s.w.t) memuliakan Nabi (s.a.w) dan demikian pula keluarganya sebagai penghormatan bagi mereka di atas pertalian kekerabatan mereka dengan Nabi (s.a.w). Oleh itu, Allah melarang mereka daripada menerima zakat yang merupakan kotoran harta manusia. Kedudukan mereka tidak patut menjadi penadah bagi saki aki kotoran tersebut dan sebagai gantinya Allah memuliakan mereka dengan mengkhususkan seperlima dari seperlima (empat peratus) bahagian ghanimah untuk menjamin dan membuat mereka hidup berkemampuan.

Pengharaman zakat ke atas Nabi (s.a.w) telah pun disepakati oleh seluruh ulama. Tetapi bagi keluarga baginda, menurut satu pendapat, zakat diharamkan ke atas mereka secara mutlak, sama ada mereka masih mendapat bahagian dari *khumus al-khumus* ataupun tidak. Namun menurut pendapat yang lain, apabila mereka tidak mendapat bahagian dari *khumus al-khumus*, maka zakat dihalalkan ke atas mereka apabila keadaan mereka miskin dan memerlukannya. Akan tetapi, makna zahir kebanyakan hadis yang membincangkan masalah ini telah mengharamkannya dan ini hanya semata-mata berkaitan sedekah wajib atau zakat. Adapun sedekah sunat, maka ia diharamkan ke atas Nabi (s.a.w) menurut kesepakatan semua ulama, namun dihalalkan bagi keluarganya. Sungguhpun demikian, ada segolongan ulama yang memilih tetap mengharamkannya bagi keluarga Nabi (s.a.w) berdasarkan keumuman dalil-dalilnya dan adanya 'illat hukum, kerana sedekah pun termasuk kotoran harta manusia. Apa yang dimaksudkan dengan keluarga Nabi (s.a.w) adalah kaum kerabatnya, iaitu Bani Hasyim dan Bani al-Muttalib, menurut mazhab al-Syafi'i. Menurut mazhab Maliki dan mazhab Hanbali, keluarga baginda adalah Bani Hasyim sahaja. Sedangkan menurut pendapat mazhab Hanafi, mereka terdiri daripada lima puak yang berakar daripada Bani Hasyim, iaitu keluarga Ali, keluarga al-Abbas, keluarga Ja'far, keluarga 'Uqail, dan keluarga al-Harits. Tafsiran mazhab Hanafi terhadap maksud keluarga ini cenderung lebih sempit.

Analisis Lafaz

"إِنَّ الصَّدَقَةَ", maksudnya adalah zakat.

"لاَ تَنْبَغِي", tidak layak, yakni tidak halal.

"لآلِ مُحَمَّدٍ", keluarga Nabi (s.a.w) tidak halal menerima zakat.

"إِنَّمَا هِيَ أَوْسَاخُ النَّاسِ", sesungguhnya zakat itu untuk membersihkan harta manusia dan jiwa mereka, seperti mana yang dijelaskan oleh firman Allah:

خُذْ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِم بِهَا ..... ﴿١٠٣﴾

"*Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka dan dengan zakat itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka….*" (Surah al-Taubah: 103)

Fiqh Hadis

Zakat diharamkan ke atas Nabi (s.a.w) dan keluarganya. 'Illat ia diharamkan ialah menghormati Nabi (s.a.w) dan keluarganya serta untuk membersihkan mereka daripada kotoran manusia.

Periwayat Hadis

Abdul Muttalib ibn Rabi'ah ibn al-Harits ibn Abdul Muttalib al-Hasyimi. Ibunya bernama Ummu al-Hakam binti al-Zubair ibn Abdul Muttalib. Abdullah ibn al-Harits dan anak lelakinya yang bernama Abdullah telah meriwayatkan hadis daripadanya. Ibn Abdul Barr berkata: "Abdul Muttalib ibn Rabi'ah meninggal dunia pada tahun 62 Hijriah."

١٨٦- عَنْ جُبَيْرِ بْنِ مُطْعِمٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: مَشَيْتُ أَنَا وَعُثْمَانُ بْنُ عَفَّانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُلْنَا: يَا رَسُولَ اللهِ، أَعْطَيْتَ بَنِي الْمُطَّلِبِ مِنْ خُمُسِ خَيْبَرَ وَتَرَكْتَنَا، وَنَحْنُ وَهُمْ بِمَنْزِلَةٍ وَاحِدَةٍ، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "إِنَّمَا بَنُو الْمُطَّلِبِ وَبَنُو هَاشِمٍ شَيْءٌ وَاحِدٌ". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

186. Daripada Jubair ibnu Muth'im (r.a), beliau berkata: "Aku dan Utsman ibn Affan pernah berangkat menemui Nabi (s.a.w), lalu kami berkata: "Wahai Rasulullah, engkau telah memberikan seperlima ghanimah Khaibar kepada Bani al-Muttalib, sedangkan engkau membiarkan kami tidak memperoleh apa-apa bahagian, padahal kami dan mereka berada dalam satu kedudukan." Maka Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Sesungguhnya Bani al-Muttalib dan Bani Hasyim merupakan satu keluarga." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Ibn Hajar mengetengahkan satu hadis yang menjadi dalil bagi orang yang mengatakan bahawa Bani al-Muttalib haram menerima zakat kerana mereka adalah saudara Bani Hasyim; mereka dan Bani Hasyim adalah satu keluarga. Oleh kerana Bani al-Muttalib bersekutu dengan Bani Hasyim dalam bahagian dzawil qurba yang ada di dalam baitul mal, maka diharamkan zakat bagi Bani al-Muttalib seperti mana yang berlaku ke atas Bani Hasyim. Kesetiaan Bani al-Muttalib terhadap Bani Hasyim berlangsung secara berterusan sejak masa Jahiliah hingga masa Islam. Oleh itu, mereka berhak untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan Bani Hasyim, meskipun terdapat keturunan yang berlainan nasab, seperti Bani Abd Syams dan Bani Naufal. Namun kesetiaan Bani Abd Syams dan Bani Naufal tidak berlangsung secara berterusan.

Sedangkan orang yang mengatakan bahawa Bani al-Muttalib tidak dapat disamakan dengan Bani Hasyim dalam hal pengharaman zakat mengemukakan alasannya bahawa sesungguhnya pemberian Nabi (s.a.w) berupa bahagian dzawul qurba kepada mereka hanya dipandang sebagai penghormatan semata, bukan sebagai hak yang mesti mereka terima.

Analisis Lafaz

"بَنُو الْمُطَّلِبِ", mereka adalah Hamzah, al-Abbas, dan Abu Talib; kesemua mereka adalah anak-anak Abdul Muttalib ibn Abd Manaf.

"وَنَحْنُ وَهُمْ بِمَنْزِلَةٍ وَاحِدَةٍ", apa yang dimaksudkan dengan "منزلة واحدة" adalah saudara-saudara sepupu. Jubair ibn Muth'im ibn Naufal ibn Abd Manaf dan Utsman ibn Affan ibn Abd Syams ibn Abdu Manaf.

"وَبَنُو هَاشِمٍ", mereka terdiri daripada keluarga Ja'far, keluarga Ali, keluarga Uqail, keluarga al-Harits, dan keluarga al-Abbas.

"شَيْءٌ وَاحِدٌ", satu keluarga, kerana kesetiaan Bani al-Muttalib kepada Bani Hasyim berlangsung secara berterusan. Mereka tidak pernah meninggalkan Nabi (s.a.w) pada masa Jahiliah mahupun pada masa Islam, sehingga mereka seakan-akan merupakan satu keluarga.

Fiqh Hadis

1. Bani al-Muttalib bersekutu dengan Bani Hasyim dalam bahagian dzawul qurba (kerabat Nabi (s.a.w).
2. Diharamkan zakat bagi Bani Hasyim dan Bani al-Muttalib.

١٨٧- عَنْ أَبِي رَافِعٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ رَجُلاً عَلَى الصَّدَقَةِ مِنْ بَنِي مَخْزُومٍ، فَقَالَ لِأَبِي رَافِعٍ: اصْحَبْنِي، فَإِنَّكَ تُصِيبُ مِنْهَا، فَقَالَ: لاَ حَتَّى آتِيَ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَسْأَلَهُ. فَأَتَاهُ فَسَأَلَهُ، فَقَالَ: "مَوْلَى الْقَوْمِ مِنْ أَنْفُسِهِمْ، وَإِنَّهَا لاَ تَحِلُّ لَنَا الصَّدَقَةُ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالثَّلاَثَةُ وَابْنُ خُزَيْمَةَ وَابْنُ حِبَّانَ.

187. Daripada Abu Rafi' (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) mengutus seorang lelaki untuk mengutip zakat dari kalangan Bani Makhzum, lalu lelaki tersebut berkata kepada Abu Rafi': "Temanilah aku, kerana sesungguhnya engkau pun akan memperoleh bahagian dari hasilnya." Abu Rafi' menjawab: "Tidak, sebelum aku datang kepada Nabi (s.a.w) untuk minta izin daripadanya." Abu Rafi' datang menghadap kepada Nabi (s.a.w) dan minta izin daripadanya. Baginda menjawab: "Maula (mantan hamba) suatu kaum termasuk kalangan kaum itu, dan sesungguhnya zakat itu tidak dihalalkan bagi kami." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, al-Tsalatsah, Ibn

Khuzaimah dan Ibn Hibban)

Makna Hadis

Bekas hamba milik keluarga Nabi (s.a.w) diharamkan menerima zakat, sebagaimana tuan-tuan mereka dari kalangan keluarga Nabi (s.a.w) sebagai menghormati mereka berkat adanya pertalian yang bersifat umum itu, di mana hamba sahaya tersebut adalah orang yang dimerdekakan oleh mereka, meskipun hamba itu bukan daripada kalangan nasab mereka. Sesungguhnya pengikut itu menjadi terhormat lantaran kehormatan orang yang diikutinya. Hadis ini mengukuhkan keumuman tafsiran perkataan "keluarga" yang telah diterangkan sebelum ini.

Analisis Lafaz

"بَعَثَ رَجُلاً عَلَى الصَّدَقَةِ", Rasulullah (s.a.w) mengirimkan seorang amil untuk mengutip zakat. Dia adalah al-Arqam ibn al-Arqam al-Qurasyi. Dia termasuk kaum Muhajirin pertama, rumahnya di Mekah, tepatnya di bawah Bukit Shafa. Rasulullah (s.a.w) sering melakukan ibadah kepada Allah di dalam rumahnya secara rahsia dan menyerukan Islam secara sembunyi-sembunyi hingga empat puluh orang lelaki memeluk agama Islam dan yang terakhir di antara mereka adalah Umar ibn al-Khatthab (r.a). Setelah itu barulah Nabi (s.a.w) melancarkan dakwahnya secara terang-terangan dan beribadah kepada Allah secara terang-terangan pula.

"اصْحَبْنِي، فَإِنَّكَ تُصِيبُ مِنْهَا", temanilah aku agar engkau mendapat bahagian dari zakat.

"فَقَالَ: لاَ حَتَّى آتِي اَلنَّبِي صَلَّى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", Abu Rafi' menjawab: "Aku tidak mahu pergi bersamamu sebelum meminta izin kepada Rasulullah."

"فَأَسْأَلَه", untuk meminta izin kepadanya.

"فَأَتَاهُ فَسَأَلَهُ", dia pergi menemui Rasulullah (s.a.w) dan meminta izin daripadanya untuk berangkat, tetapi Rasulullah (s.a.w) melarangnya pergi agar dia turut bersih daripada kotoran manusia kerana kedudukannya disamakan dengan kedudukan Nabi (s.a.w) dan keluarganya.

"مَوْلَى الْقَوْمِ مِنْ أَنْفُسِهِمْ", bekas hamba suatu kaum hukumnya sama dengan kaum yang memerdekakannya.

"وَإِنَّهَا لاَ تَحِلُّ لَنَا اَلصَّدَقَةُ", sesungguhnya wahai kalangan Bani Hasyim tidak dihalalkan bagi kita sedekah wajib atau sedekah sunat, kerana cukup dengan apa yang mereka terima berupa seperlima ghanimah yang merupakan bahagian dzawul qurba.

Fiqh Hadis

Zakat diharamkan ke atas Nabi (s.a.w), keluarganya dan bekas hamba mereka. Keterangan yang mendalam mengenai keluarga Nabi (s.a.w) dan hukum mawali mereka telah diketengahkan dalam pembahasan hadis no. 150.

Periwayat Hadis

Abu Rafi' adalah maula Rasulullah (s.a.w). Pada mulanya dia adalah hamba al-Abbas, lalu dihadiahkan kepada Nabi (s.a.w) dan baginda memerdekakannya setelah mendapat berita gembira daripadanya bahawa al-Abbas telah masuk Islam.

Nama asalnya adalah Ibrahim. Menurut pendapat lain, namanya Aslam, namun ada pula yang mengatakan namanya Tsabit. Dia masuk Islam sebelum Perang Badar dan turut serta dalam Perang Uhud serta Perang al-Khandaq.

Dia telah meriwayatkan 68 hadis, dan mengambil riwayat hadis daripada Abdullah ibn Mas'ud (r.a). Anak-anaknya mengambil riwayat hadis daripadanya, begitu pula Abu Sa'id al-Maqburi, Sulaiman ibn Yasar, dan Atha' ibn Yasar serta lain-lain. Dia meninggal dunia pada masa pemerintahan Khalifah Ali (r.a).

١٨٨- عَنْ سَالِمِ بْنِ عَبْدِ اللهِ بْنِ عُمَرَ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُعْطِي عُمَرَ الْعَطَاءَ، فَيَقُولُ: أَعْطِهِ أَفْقَرَ مِنِّي، فَيَقُولُ: "خُذْهُ فَتَمَوَّلْهُ، أَوْ تَصَدَّقْ بِهِ، وَمَا جَاءَكَ مِنْ هَذَا الْمَالِ، وَأَنْتَ غَيْرُ مُشْرِفٍ وَلاَ سَائِلٍ فَخُذْهُ، وَمَا لاَ فَلاَ تُتْبِعْهُ نَفْسَكَ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

188. Daripada Salim ibn Abdullah ibn Umar daripada ayahnya bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah memberikan sesuatu kepada Umar ibn al-Khatthab, tetapi Umar berkata: "Berikan itu kepada orang yang lebih memerlukannya." Nabi (s.a.w) bersabda: "Terimalah ini dan jadikanlah sebagai hartamu atau sedekahkanlah. Apa yang datang kepadamu dari jenis harta ini, sedangkan engkau tidak mengharapkannya dan tidak pula memintanya, maka terimalah ia. Tetapi jika keadaanmu tidak demikian, maka janganlah engkau memperturutkan kehendakmu." (Diriwayatkan oleh Muslim).

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) pernah memberikan sesuatu kepada Umar ibn al-Khatthab, namun Umar al-Faruq mengajukan permintaan kepada Nabi (s.a.w) supaya baginda memberikannya kepada orang yang lebih memerlukannya. Baginda tidak mahu menerima penolakannya untuk tujuan mengajarkannya etika yang baik terhadap seorang pemimpin dan memberitahu kepadanya bahawa pemberian tersebut bukanlah zakat, melainkan ia adalah hak yang semestinya diterima oleh Umar bin al-Khatthab sebagai imbalan di atas jerih payahnya ketika bekerja. Nabi (s.a.w) menyuruhnya supaya menerima pemberian tersebut dan memasukkannya ke dalam harta miliknya. Setelah itu dia boleh menyedekahkannya.

Dengan demikian, maka jelaslah hukum syar'i yang umum dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "*Dan apa yang datang kepadamu daripada jenis harta ini, sedangkan kamu tidak mengharapkannya dan tidak pula memintanya, maka terimalah ia.*" Dengan erti kata lain, barang siapa yang diberikan suatu pemberian daripada harta yang halal, sedangkan dia tidak memintanya dan tidak pula mengharapkannya, maka apa yang lebih baik adalah menerimanya, dan hukumnya sunat.

Akan tetapi, jika harta itu harta yang haram atau harta yang halal, tetapi orang yang berkenaan mempunyai keinginan untuk menerimannya dan tamak untuk mendapatkannya, maka janganlah dia memperturutkan kehendaknya, melainkan hendaklah dia memalingkan dirinya daripada pemberian tersebut dan tidak menerimannya. Ini merupakan sikap orang yang terhormat dan beretika.

Analisis Lafaz

"خُذْهُ فَتَمَوَّلْهُ", terimalah pemberian ini dan masukkanlah ke dalam kepemilikanmu. Ini menunjukkan bahawa pemberian tersebut bukanlah harta zakat, kerana orang miskin tidak layak menerima sedekah untuk dia jadikan sebagai hartanya.

"غَيْرُ مُشْرِفٍ", *al-Musyrif* adalah orang yang menginginkan sesuatu dan sangat berharap untuk mendapatkannya.

"وَلاَ سَائِلٍ", dan tidak pula memintanya.

"وَمَا لاَ فَلاَ تُتْبِعْهُ نَفْسَكَ", dan harta yang tidak dalam keadaan sedemikian, seperti harta tersebut tidak datang kepadamu, namun kamu mengharapkannya, maka janganlah kamu memperturutkan hawa nafsumu dengan mencari-carinya, melainkan berpalinglah kamu daripadanya dan tinggalkanlah ia.

Fiqh Hadis

1. Seorang pemimpin dianjurkan memberi hadiah kepada sebahagian rakyatnya apabila itu dipandang perlu, sekalipun ada orang lain yang lebih memerlukannya.
2. Adalah tidak sopan apabila menolak pemberian seorang pemimpin, lebih-lebih lagi Rasulullah (s.a.w), kerana Allah (s.w.t) berfirman:

   ..... وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ ..... ﴿٧﴾

   "*Apa yang diberikan Rasul kepada kamu, maka terimalah.*" (Surah al-Hasyr: 7)
3. Menjelaskan keutamaan Umar (r.a) dan kezuhudannya serta usahanya yang lebih mementingkan orang lain daripada dirinya sendiri.
4. Barang siapa yang datang kepadanya suatu harta tanpa diminta, maka dia tidak boleh menolaknya. Dia boleh menjadikannya sebagai harta miliknya dan boleh pula menyedekahkannya kepada orang lain.

5. Amil dianjurkan menerima upah di atas apa yang telah dikerjakannya dan tidak boleh menolaknya. Riwayat Muslim turut menjelaskan bahawa hadis ini berkaitan dengan masalah upah amil.
6. Menahan diri daripada perkara yang diharamkan dan syubhat serta mengekang keinginan hawa nafsu.

Kesimpulan

Dari hadis-hadis yang dihimpun dalam bab ini, dapat disimpulkan beberapa butiran sebagai berikut, iaitu:

1. Diharamkan harta zakat bagi Nabi (s.a.w), keluarganya, dan bekas hambanya. Dan diharamkan sedekah dan zakat bagi orang kaya serta diharamkan meminta-minta kepada orang lain.
2. Dibolehkan menjual zakat dan membelinya daripada tangan penerimanya, kerana nama zakat telah hilang daripadanya dan sifatnya pula telah berubah kerana penerimanya telah menjadikannya sebagai hak miliknya. Orang miskin dibolehkan memberi hadiah kepada orang kaya. Boleh pula memindahkan zakat dari suatu tempat ke tempat yang lain, meminta-minta kerana keadaan terdesak, amil boleh menerima upah serta sebaiknya dia tidak menolaknya.
3. Orang kaya boleh menerima hadiah daripada orang miskin.
4. Dianjurkan mendamaikan pihak-pihak yang bersengketa dan menghimpun zakat daripada para pemilik harta wajib zakat.
5. Orang yang tidak mempunyai harta berhak menerima zakat.
6. Tidak boleh memberikan zakat kepada orang yang mampu berusaha.
7. Pemimpin hendaklah memberikan sesuatu kepada salah seorang daripada rakyatnya apabila itu dianggap perlu, meskipun ada orang lain yang lebih memerlukannya.
8. Adalah tidak sopan apabila seseorang menolak pemberian pemimpin.
9. Menjelaskan pembahagian zakat dan pengagihannya.
10. Barang siapa diberikan suatu harta, sedangkan dia tidak memintanya, maka dia tidak boleh menolaknya. Dia boleh menjadikannya sebagai harta miliknya atau menyedekahkannya kepada orang lain.

Soalan

1. Apakah yang dimaksudkan dengan istilah sedekah di dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "لا تحل الصدقة لغني"?
2. Apakah maksud perkataan "الغني" itu?
3. Apakah pengecualian yang diberikan oleh syariat Islam dalam hal pemberian sebahagian zakat kepada orang yang berkemampuan? Jelaskan!

4. Terangkan makna lafaz-lafaz berikut: "غارم", "غازى", "فقلب فيهما النظر", "جلدين","لا حظ", "مكتسب", "المسألة", "حمالة", "جائحة", "اجتاحت", "قواما", "فاقة", "الحجى", "سحت", "فتموله", "وأنت غير مشرف", dan "فلا تتبعه أهلك"!
5. Mengapa orang kaya dihalalkan membeli dan menerima zakat dari orang miskin?
6. Apakah orang yang kuat lagi mempunyai pekerjaan dianggap orang yang berkemampuan? Apakah zakat diharamkan baginya?
7. Bilakah perbuatan meminta-minta dibolehkan dan bila pula perbuatan ini dilarang?
8. Apakah juru pendamai diwajibkan menutupi tanggungannya dari harta bendanya?
9. Jelaskan akhlak mulia yang tersirat dari hadis Qabishah!
10. Apakah hikmah yang terdapat di dalam masalah boleh meminta-minta bagi orang yang disebutkan di dalam hadis Qabishah?
11. Apakah zakat diharamkan bagi Nabi (s.a.w) dan keluarganya? Sebutkan alasannya!
12. Apakah sedekah sunat diharamkan pula bagi Nabi (s.a.w) dan keluarganya?
13. Siapakah yang dimaksudkan dengan keluarga Nabi (s.a.w) itu?
14. Apakah maksud yang tersirat di dalam lafaz "ينبغى" dalam hadis tersebut?
15. Dalam hal apakah Bani al-Muttalib bersekutu dengan Bani Hasyim?
16. Mengapa Bani Abd Syams dan Bani Naufal tidak turut bersekutu dengan Bani Hasyim, padahal mereka adalah saudara-saudara sepupu Bani Hasyim?
17. Apakah makna perkataan Jubair dan Utsman: "نحن وهم بمنزلة واحدة"!
18. Sebutkan nama lelaki yang diutus oleh Rasulullah (s.a.w) untuk menjadi amil zakat!
19. Apakah zakat diharamkan pula bagi *mawali* (bekas hamba sahaya) keluarga Nabi (s.a.w)? Sebutkan perbezaan pendapat ulama dalam masalah ini!
20. Sebutkan hikmah diharamkan zakat bagi para *mawali* keluarga Nabi (s.a.w)!
21. Apakah upah amil itu sebaiknya diterima?
22. Terangkan makna lafaz "فخذه"!
23. Bagaimanakah hukum menerima pemberian sultan?

KITAB PUASA

KITAB PUASA

١٨٩- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ تَقَدَّمُوا رَمَضَانَ بِصَوْمِ يَوْمٍ وَلاَ يَوْمَيْنِ، إِلاَّ رَجُلٌ كَانَ يَصُومُ صَوْمًا، فَلْيَصُمْهُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

189. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Janganlah kamu mendahului puasa Ramadhan dengan puasa sehari dan jangan pula dengan puasa dua hari, kecuali bagi lelaki yang biasa melakukan puasa tertentu, maka hendaklah dia melakukan puasanya.*" (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Puasa merupakan salah satu rukun Islam yang difardukan berdasarkan al-Qur'an, Sunnah dan ijma'. Allah (s.w.t) berfirman:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُتِبَ عَلَيۡكُمُ ٱلصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾ أَيَّامًا مَّعۡدُودَٰتٍۚ ..... ﴿١٨٤﴾

"Wahai orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang sebelum kamu agar kamu bertakwa, (iaitu) dalam beberapa hari tertentu…." (Surah al-Baqarah: 183-184)

Dalil yang bersumber daripada sunnah antara lain ialah hadis Ibn Umar (r.a) di dalam Shahih al-Bukhari dan Shahih Muslim bahawa: "Islam dibangun di atas lima perkara," antara lain di dalamnya disebutkan: "Dan puasa Ramadhan." Seluruh umat Islam telah pun berijma' akan kewajipan ibadah puasa ini.

Nabi (s.a.w) melarang daripada melakukan puasa sebelum Ramadhan sebagai langkah berhati-hati, kerana ibadah puasa itu berkaitan dengan *ru'yah* (melihat anak bulan). Barang siapa mendahuluinya dengan berpuasa sehari atau dua hari dengan niat berhati-hati, maka dia melakukan satu perbuatan yang menentang

hukum syariat Islam. Akan tetapi dibolehkan berpuasa sebelum Ramadhan bagi orang yang mempunyai kebiasaan berpuasa, kemudian kebiasaannya itu bertepatan dengan hari tersebut.

Analisis Lafaz

"الصيام", menurut bahasa adalah menahan diri secara mutlak sedangkan menurut syarak pula adalah menahan diri yang terdiri daripada kedua jenis syahwat perut dan kemaluan sejak terbit fajar yang kedua sampai dengan tenggelamnya matahari dengan disertai niat. Ibadah puasa difardukan pada tahun kedua Hijriah pada bulan Ramadhan.

"لاَ تَقَدَّمُوا رَمَضَانَ بِصَوْمِ يَوْمٍ وَلاَ يَوْمَيْنِ", janganlah kamu mendahului Ramadhan dengan berpuasa sehari atau lebih banyak supaya amalan sunat tidak bercampur dengan amalan fardu di samping tidak ditambahkan ke dalam Ramadhan perkara-perkara yang tidak termasuk asalnya, seperti yang biasa dikerjakan oleh ahli kitab. Selain itu, bulan Ramadhan dapat dihadapi dengan penuh kegigihan dan semangat yang berkobar.

Larang ini menunjukkan hukum haram. Oleh itu, diharamkan melakukan puasa dengan niat puasa Ramadhan sebagai langkah berjaga-jaga. Asal perkataan "تقدموا" adalah "تتقدموا" dengan menggunakan dua huruf *ta'*; yang pertama menunjukkan makna *mudhara'ah* sedangkan yang kedua untuk *mutawa'ah*. Kemudian salah satu daripada kedua-dua huruf *ta'* tersebut dibuang untuk meringankan pengucapan, hingga menjadilah "تقدموا". Lafaz "رمضان" adalah nama bagi bulan yang mulia. Di dalam hadis ini terdapat dalil yang membolehkan mengucapkan lafaz ini untuk pengertian bulan tersebut. Adapun riwayat yang melarang daripada menyebut bulan Ramadhan, maka kedudukan riwayat itu adalah lemah.

"إِلاَّ رَجُلٌ كَانَ يَصُومُ صَوْمًا، فَلْيَصُمْهُ", kecuali bagi seorang lelaki yang mempunyai kebiasaan berpuasa, maka dia boleh melakukan puasa menurut kebiasaannya itu. Misalnya dia biasa melakukan puasa *al-dahr* (sehari puasa sehari tidak sepanjang tahun) atau biasa melakukan puasa Isnin dan Khamis atau puasa yang selainnya, maka dia dibolehkan melakukan puasa pada hari itu demi memelihara kebiasaannya, kerana amalan yang paling disukai oleh Allah ialah amal yang dilakukan secara berterusan.

Fiqh Hadis

1. Dilarang berpuasa sehari atau dua hari sebelum Ramadhan dengan alasan sebagai langkah berjaga-jaga kerana itu bererti sama dengan menentang ketetapan syariat Islam dan mencampuradukkan antara sunat dengan fardu.
2. Anjuran untuk melaksanakan amal ibadah dan amal kebaikan yang biasa dilakukan oleh seseorang secara berkesinambungan.
3. Boleh melakukan puasa yang biasa dilakukan oleh seseorang, meskipun puasa menurut kebiasaannya itu bertepatan dengan sehari atau dua hari

sebelum Ramadhan.

4. Makruh melakukan puasa sunat dalam sehari atau dua hari sebelum bulan Ramadhan.

١٩٠- عَنْ عَمَّارِ بْنِ يَاسِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "مَنْ صَامَ الْيَوْمَ اَلَّذِي يُشَكُّ فِيهِ فَقَدْ عَصَى أَبَا الْقَاسِمِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ". وَذَكَرَهُ الْبُخَارِيُّ تَعْلِيقًا، وَوَصَلَهُ الْخَمْسَةُ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ وَابْنُ حِبَّانَ.

190. Daripada Ammar bin Yasir (r.a), beliau berkata: "Barang siapa yang berpuasa pada hari yang masih diragui, bererti dia telah berbuat derhaka kepada Abu al-Qasim (Nabi (s.a.w)." (Al-Bukhari menyebut hadis ini sebagai mu'allaq tetapi al-Khamsah telah menilainya sebagai *mawshul* dan dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah serta Ibn Hibban)

Makna Hadis

Apa yang dimaksudkan dengan "hari yang masih diragui" atau *yawm al-syakk* ialah tarikh tiga puluh bulan Sya'ban, iaitu apabila pada malam harinya masih belum kelihatan anak bulan kerana cuaca gelap, misalnya pengaruh mendung atau asap atau lain-lain sebagainya. Hari itu dapat dikatgeorikan sebagai bahagian permulaan Ramadhan sebagaimana dapat pula dianggap sebagai akhir bulan Sya'ban. Syariat Islam melarang daripada berpuasa pada hari itu. Ulama berbeza pendapat mengenai pengertian larang ini; sebahagian mereka ada yang menganggapnya bermakna haram dan sebahagian yang lain ada yang mengatakan makruh.

Analisis Lafaz

"الْيَوْمَ اَلَّذِي يُشَكُّ فِيهِ", hari yang masih diragui, iaitu tarikh 30 bulan Sya'ban. Hari itu masih diragukan sama ada termasuk permulaan bulan Ramadhan ataupun akhir bulan Sya'ban, misalnya pada hari itu orang ramai membicarakan bahawa anak bulan telah muncul, tetapi masih belum dapat dibuktikan atau ada orang yang menyaksikan anak bulan, namun kesaksiannya itu tidak dapat diterima kerana dia orang fasik atau sebab-sebab yang lain. Dalam ungkapan ini digunakan *isim mawshul* untuk mengisyaratkan bahawa melakukan puasa pada hari yang di dalamnya masih ada sedikit keraguan adalah dilarang, lebih-lebih lagi melakukan puasa pada hari yang jelas-jelas masih diragui.

"فَقَدْ عَصَى أَبَا الْقَاسِمِ", bererti dia telah menentang Nabi (s.a.w) kerana melanggar larangannya. Gelaran Abu al-Qasim bagi Nabi (s.a.w) adalah untuk mengisyaratkan bahawa baginda yang menyatakan hukum Allah kepada seluruh hamba-Nya mengikut kekuatan dan kemampuan mereka.

"ذَكَرَهُ الْبُخَارِيُّ تَعْلِيقًا", al-Bukhari menyebut hadis ini secara mu'allaq di dalam bab: "Jika Kamu Melihat Anak Bulan, Maka Berpuasalah". Hadis ini lafaznya *mawquf*, tetapi hukumnya *marfu'*, kerana masalah seumpama ini tidak boleh dikatakan berdasarkan akal logik, tetapi mesti berlandaskan *tawqif* (keterangan daripada Nabi (s.a.w).

"وَوَصَلَهُ الْخَمْسَةُ", mereka me-*mawshul*-kan (menghubungkan)nya melalui jalur Amr ibn Qais daripada Abu Ishaq. Lafaznya sebagai berikut:

كُنَّا عِنْدَ عَمَّارٍ فَأَتَى بِشَاةٍ مَصْلِيَةٍ، فَقَالَ: كُلُوْا فَتَنَحَّى بَعْضُ الْقَوْمِ، فَقَالَ: إِنِّي صَائِمٌ، فَقَالَ عَمَّارٌ: مَنْ صَامَ الْيَوْمَ الَّذِي يَشُكُّ فِيْهِ فَقَدْ عَصَى أَبَا الْقَاسِمِ.

"Kami sedang bertamu di rumah Ammar, lalu Ammar menghidangkan daging kambing yang telah dipanggang dan berkata: "Silakan makan!" Tetapi sebahagian kaum ada yang menolak dan berkata: "Sesungguhnya aku sedang puasa." Ammar berkata: "Barang siapa yang puasa pada hari yang masih diragui, bererti dia telah berbuat derhaka kepada Abu al-Qasim."

Amr ibn Qais ibn Tsaur ibn Mazin al-Kufi, nama gelarannya ialah Abu Tsaur al-Himshi. Beliau telah meriwayatkan hadis daripada Abdullah ibn Umar dan Abu Umamah, dan riwayatnya telah diambil oleh Tsaur ibn Yazid serta al-Auza'i. Beliau dinilai tsiqah oleh Abu Hatim. Beliau meninggal dunia pada tahun 140 Hijriah.

"بِشَاةٍ مَصْلِيَةٍ", kambing yang telah dipanggang.

"فَتَنَحَّى بَعْضُ الْقَوْمِ", seseorang di antara mereka tidak mahu makan.

Fiqh Hadis

Dilarang berpuasa pada hari yang masih diragui. Imam al-Syafi'i berkata: "Haram berpuasa pada hari yang diragukan itu meskipun menganggapnya sebagai sebahagian daripada Ramadhan atau puasa sunat bagi orang yang tidak biasa berpuasa pada hari itu. Akan tetapi, dibolehkan berpuasa pada hari itu untuk mengqadha' puasa wajib yang lain atau puasa sunat yang telah menjadi kebiasaannya." Imam al-Syafi'i berpegang dengan perkataan "عصى" (derhaka), kerana perbuatan derhaka itu tidak lain kecuali sebagai akibat daripada mengerjakan perbuatan yang diharamkan.

Jumhur ulama mengatakan bahawa hukum berpuasa pada hari yang diragukan itu sebagai puasa Ramadhan adalah makruh tahrim, namun mereka membolehkan puasa sunat pada hari itu atau puasa mengqadha' puasa wajib yang lain. Mereka berpendapat demikian kerana mentafsirkan hadis-hadis yang melarang berpuasa pada hari itu sebagai larangan untuk puasa Ramadhan. Mereka menjawab tentang perkataan "عصى", bahawa apa yang dimaksudkan dengannya ialah "خالف", yakni berbeda; kalau berbeza, bererti hukumnya makruh.

١٩١- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "إِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَصُومُوا، وَإِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَأَفْطِرُوا، فَإِنْ غُمَّ عَلَيْكُمْ فَاقْدُرُوا لَهُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَلِمُسْلِمٍ: "فَإِنْ أُغْمِيَ عَلَيْكُمْ فَاقْدُرُوا لَهُ ثَلاَثِينَ". وَلِلْبُخَارِيِّ: "فَأَكْمِلُوا الْعِدَّةَ ثَلاَثِينَ". وَلَهُ فِي حَدِيثِ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ: "فَأَكْمِلُوا عِدَّةَ شَعْبَانَ ثَلاَثِينَ".

191. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Jika kamu melihat anak bulan, maka berpuasalah dan apabila kamu melihatnya lagi, maka berbukalah. Jika kamu terhalang oleh mendung hingga tidak melihatnya, maka perkirakanlah ia oleh kamu.*" (Muttafaq 'alaih)

Menurut riwayat Muslim disebutkan: "*Dan apabila kamu terhalang oleh awan, maka perkirakanlah tiga puluh hari.*" Menurut riwayat al-Bukhari dikatakan: "*Maka sempurnakanlah bilangannya menjadi tiga puluh hari.*" Menurut riwayat al-Bukhari yang juga melalui Abu Hurairah (r.a) disebutkan sebagai berikut: "*Maka sempurnakanlah bilangan bulan Sya'ban menjadi tiga puluh hari.*"

Makna Hadis

Puasa Ramadhan wajib dilakukan setelah melihat anak bulan petanda masuknya bulan Ramadhan. Untuk melihat anak bulan tidak perlu disyaratkan bahawa itu disaksikan oleh seluruh kaum muslimin. Apa yang penting adalah anak bulan itu benar-benar dilihat dan dapat dibuktikan. Berita seorang yang adil sudah memadai untuk menyambut kedatangan puasa, dan dua orang yang adil untuk menyambut kedatangan Syawal.

Jika penglihatan terhalang oleh awan, baik untuk masuknya ataupun keluarnya bulan Ramadhan, maka bilangan bulan digenapkan menjadi tiga puluh hari. Para ulama melarang daripada mengambil kira pendapat pakar astronomi untuk membuktikan anak bulan, sekalipun khusus diamalkan untuk diri mereka sendiri.

Analisis Lafaz

"إِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَصُومُوا", apabila kamu melihat anak bulan Ramadhan, maka berpuasalah. Meskipun lafaz Ramadhan tidak disebutkan sebelumnya, tetapi ia masih dapat difahami melalui konteks hadis yang menunjukkan masalah itu.

"وَإِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَأَفْطِرُوا", apabila kamu melihat anak bulan Syawal, maka berbukalah (yakni berhentilah kamu puasa).

"فَإِنْ غُمَّ عَلَيْكُمْ", berasal dari perkataan "غممت الشيئ" yang bermaksud apabila

engkau menutupi sesuatu. Makna yang dimaksudkan di sini ialah apabila penglihatan kamu terhalang oleh awan hingga tidak dapat melihat anak bulan.

"فَاقْدُرُوا لَهُ", berasal dari perkataan "التقدير" yang bermaksud perkirakanlah oleh kamu bilangannya menjadi genap tiga puluh hari.

"وَلِمُسْلِمٍ", menurut riwayat Muslim melalui Nafi' dari Ibn Umar (r.a) disebutkan bahawa:

أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَكَرَ رَمَضَانَ فَضَرَبَ بِيَدَيْهِ، فَقَالَ: الشَّهْرُ هَكَذَا وَهَكَذَا وَهَكَذَا ثُمَّ عَقَدَ إِبْهَامَهُ فِي الثَّالِثَةِ فَصُومُوا لِرُؤْيَتِهِ وَأَفْطِرُوا لِرُؤْيَتِهِ، فَإِنْ أُغْمِيَ عَلَيْكُمْ فَاقْدِرُوا لَهُ ثَلاَثِينَ.

"Rasulullah (s.a.w) menyebutkan tentang bulan Ramadhan. Untuk itu, baginda memberi isyarat dengan kedua-dua tangannya, lalu bersabda: "Bulan Ramadhan itu sebegini, sebegini, dan sebegini (sedangkan dalam isyarat yang ketiga baginda menekukkan ibu jarinya untuk menyatakan bilangan dua puluh sembilan). Maka berpuasalah kamu kerana melihat anak bulan (Ramadhan), dan berbukalah kamu kerana melihatnya (anak bulan Syawal). Jika kamu terhalang oleh cuaca mendung, maka perkirakanlah untuknya tiga puluh hari."

Nafi' al-Adawi, nama panggilannya adalah Abu Abdullah al-Madani, merupakan salah seorang ulama kenamaan. Dia meriwayatkan hadis daripada Ibn Umar, Abu Lubabah, Abu Hurairah, Aisyah, dan para sahabat yang lain. Kedua-dua anaknya yang bernama Abu Bakar dan Umar telah meriwayatkan hadis daripadanya, begitu pula Ayyub dan Ibn Juraij serta Malik dan sejumlah ulama yang lain. Al-Bukhari berkata: "Sanad yang paling sahih ialah daripada Malik, daripada Nafi', daripada Ibn Umar." Al-Ajali, Ibn Kharrasy dan al-Nasai berkata: "Nafi' seorang yang tsiqah." Hammad ibn Zaid berkata: "Nafi' meninggal dunia pada tahun 120 Hijriah."

"فَضَرَبَ بِيَدَيْهِ", baginda menggerak-gerikan kedua-dua telapak tangannya atau memukulkan salah satunya kepada yang lain seperti mana yang dijelaskan di dalam kedua-dua riwayat yang selainnya. Riwayat yang pertama mengatakan: "Dan menepukkan kedua-dua telapak tangannya", sedangkan riwayat yang kedua mengatakan: "Dan menelungkupkan kedua-dua telapak tangannya."

"الشَّهْرُ هَكَذَا", Nabi (s.a.w) mengisyaratkan dengan membuka semua jari-jarinya yang sepuluh sebanyak tiga kali untuk menunjukkan bilangan hari-hari dalam satu bulan, tetapi pada kali yang ketiga baginda menekukkan ibu jarinya untuk mengisyaratkan kurang satu hari yang bererti jumlah keseluruhannya adalah dua puluh sembilan. Apa yang dimaksudkan di sini ialah satu bulan itu adakalanya berjumlah dua puluh sembilan hari dan tidak semua bulan berjumlah tiga puluh hari.

"فَإِنْ أُغْمِيَ عَلَيْكُمْ", jika ada hambatan untuk melihatnya kerana awan atau sebab-sebab yang lain.

"فَاقْدِرُوا لَهُ ثَلاَثِينَ", jika anak bulan tidak dapat kamu lihat sesudah dua puluh sembilan hari, maka perkirakanlah bilangannya menjadi satu bulan sempurna, yakni kamu menyempurnakan bilangannya menjadi tiga puluh hari.

"وَلِلْبُخَارِيِّ", menurut lafaz yang dikemukakan oleh al-Bukhari melalui Abdullah ibn Umar (r.a) disebutkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

الشَّهْرُ تِسْعٌ وَعِشْرُونَ لَيْلَةً فَلاَ تَصُومُوا حَتَّى تَرَوْهُ، فَإِنْ غُمَّ عَلَيْكُمْ فَأَكْمِلُوا الْعِدَّةَ ثَلاَثِينَ.

"Satu bulan itu terdiri daripada dua puluh sembilan malam, maka janganlah kamu berpuasa sebelum melihat anak bulan. Jika kamu mengalami mendung, maka sempurnakanlah bilangannya menjadi tiga puluh."

"وَلَهُ", juga oleh al-Bukhari.

"فِي حَدِيثِ أَبِي هُرَيْرَةَ", lafaznya disebutkan sebagai berikut: Muhammad ibu Ziad telah menceritakan kepada kami: "Aku pernah mendengar Abu Hurairah (r.a) bercerita bahawa Nabi (s.a.w) atau Abu al-Qasim pernah bersabda:

صُومُوا لِرُؤْيَتِهِ وَأَفْطِرُوا لِرُؤْيَتِهِ فَإِنْ غُبِّيَ عَلَيْكُمْ فَأَكْمِلُوا عِدَّةَ شَعْبَانَ ثَلاَثِينَ.

"*Berpuasalah kamu kerana melihat anak bulan (Ramadhan), dan berbukalah kamu kerana melihatnya (anak bulan Syawal). Jika kamu terhalang oleh sesuatu, maka sempurnaknalah bilangan bulan Sya'ban menjadi tiga puluh hari.*"

Muhammad ibn Ziyad al-Jumahi, nama panggilannya adalah Abu al-Harits al-Madani al-Basri. Dia meriwayatkan hadis daripada Abu Hurairah, Aisyah, Ibn Umar, dan lain-lain. Telah diambil riwayat hadis daripadanya oleh Ibrahim ibn Thahman, Syu'bah, dua ulama bernama Hammad dan al-Rabi' ibn Muslim serta sejumlah ulama yang lain. Dia dinilai tsiqah oleh Imam Ahmad, Ibn Mu'in, dan al-Nasa'i.

"غُبِّيَ", tertutup atau terlindung.

Fiqh Hadis

1. Puasa bulan Ramadhan itu hukumnya wajib.
2. Permulaan puasa adalah setelah melihat anak bulan.
3. Disyariatkan menyempurnakan bilangan bulan menjadi tiga puluh hari apabila anak bulan tidak dapat dilihat pada hari yang kedua puluh sembilan.
4. Wajib berbuka pada hari raya aidil fitri.
5. Tidak boleh merujuk kepada pendapat pakar astrologi dan pakar astronomi dalam menentukan anak bulan.

١٩٢- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: تَرَاءَى النَّاسُ الْهِلاَلَ، فَأَخْبَرْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنِّي رَأَيْتُهُ فَصَامَ وَأَمَرَ النَّاسَ بِصِيَامِهِ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ.

192. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: "Orang ramai berhimpun untuk melihat anak bulan dan aku memberitakan kepada Nabi (s.a.w) bahawa aku telah melihatnya, lalu baginda berpuasa dan menyuruh orang ramai untuk berpuasa." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, dan dinilai sahih oleh al-Hakim dan Ibn Hibban)

Makna Hadis

Pada mulanya kesaksian untuk menetapkan puasa dilakukan oleh dua orang saksi lelaki yang adil, kerana berlandaskan kepada satu hadis yang mengatakan:

صُومُوْا لِرُؤْيَتِهِ وَأَفْطِرُوْا لِرُؤْيَتِهِ، فَإِنْ غُمَّ عَلَيْكُمْ فَأَكْمِلُوْا عِدَّةَ شَعْبَانَ ثَلاَثِيْنَ يَوْمًا إِلاَّ أَنْ يَشْهَدَ شَاهِدَانِ.

"*Berpuasalah kamu kerana melihat anak bulan dan berbukalah kerana melihatnya. Jika kamu terhalang oleh sesuatu, maka sempurnakanlah bilangan bulan Sya'ban menjadi tiga puluh hari, kecuali apabila ada dua orang saksi lelaki yang melihatnya.*"

Hadis ini menjadi pegangan segolongan ulama terkemuka di mana mereka tidak membolehkan berpegang dengan berita satu orang untuk memulakan berpuasa, sedangkan ulama lain pula membolehkan berpegang dengan berita satu orang untuk memulakan puasa kerana berlandasan kepada hadis ini. Rasulullah (s.a.w) membolehkan kesaksian Ibn Umar dan memerintahkan kepada orang ramai untuk puasa. Ini menunjukkan berita yang disampaikan oleh satu orang dalam masalah memulakan puasa boleh diterima, namun dengan syarat hendaklah orang itu bersifat adil, kerana kesaksian orang yang tidak adil tidak dapat diambil kira.

Analisis Lafaz

"تَرَاءَى النَّاسُ الْهِلاَلَ", orang ramai berhimpun untuk melihat anak bulan. Makna asal kata "تراءى" ialah sebahagian kaum melihat sebahagian yang lain, yakni mereka saling memandang antara satu sama lain.

"فَصَامَ وَأَمَرَ النَّاسَ بِصِيَامِهِ", baginda berpuasa dan menyuruh orang ramai berpuasa kerana berlandaskan kepada kesaksian Ibn Umar semata yang telah melihat anak bulan.

Fiqh Hadis

Untuk membuktikan anak bulan bulan Ramadhan cukup dilihat oleh seorang saksi lelaki. Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad mengatakan bahawa cukup untuk membuktikan anak hilal bulan Ramadhan secara mutlak melalui penglihatan (rukyat) seorang yang bersifat adil. Saksi itu mestilah seorang lelaki dan merdeka. Tetapi untuk membuktikan anak bulan bulan yang selainnya seperti bulan Syawal maka itu tidaklah memadai, kecuali dengan kesaksian dua orang lelaki yang adil lagi merdeka.

Imam Malik berkata: "Anak bulan bulan Ramadhan dan bulan Syawal baru dapat dibuktikan melalui kesaksian dua orang lelaki yang adil atau jemaah yang berjumlah ramai yang sekurang-kurangnya terdiri daripada lima orang. Ini berlaku bagi lembaga khusus yang menangani masalah melihat anak bulan. Adapun bagi seseorang yang tidak menangani urusan ini, maka cukup dibuktikan hanya dengan kesaksian satu orang yang bersifat adil."

Imam Abu Hanifah dan murid-muridnya berkata: "Apabila di atas langit terdapat halangan seperti awan atau jerebu, maka kesaksian satu orang yang bersifat adil boleh diterima bagi membuktikan anak bulan bulan Ramadhan, meskipun dia adalah hamba sahaya atau seorang wanita. Oleh kerana masalah ini adalah masalah yang berkaitan dengan agama dan kesaksian orang yang bersifat adil dapat diterima dalam masalah-masalah agama, maka tidak disyaratkan mengucapkan kata-kata kesaksian. Apapun, untuk membuktikan anak bulan selain bulan Ramadhan, seperti bulan Syawal mestilah dengan kesaksian dua orang lelaki yang merdeka atau seorang lelaki merdeka dengan dua orang wanita merdeka, tetapi dengan syarat semua mereka bersifat adil, sebagaimana disyaratkan pula mengucapkan kata-kata kesaksian, kerana adanya kaitan hak hamba-hamba Allah dengan perkara itu, lain halnya dengan puasa Ramadhan yang merupakan hak Allah (s.w.t) semata. Jika di atas langit tidak terdapat halangan, maka dalam membuktikan bulan Ramadhan dan bulan yang selainnya diharuskan adanya kesaksian sejumlah orang yang telah diyakini mereka bersifat jujur. Ini kerana berita selain mereka dalam keadaan seperti itu jelas keliru, sehingga berita mereka pun tidak boleh diterima." Imam Abu Hanifah sendiri mengatakan cukup dengan kesaksian dua orang (lelaki) yang melihat anak bulan, sekalipun di atas langit tidak terdapat halangan.

١٩٣- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ أَعْرَابِيًّا جَاءَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: إِنِّي رَأَيْتُ الْهِلاَلَ، فَقَالَ: "أَتَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ؟" قَالَ: نعم. قَالَ: "أَتَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللهِ؟" قَالَ: نَعَمْ. قَالَ: "فَأَذِّنْ فِي النَّاسِ يا بِلاَلُ أَنْ يَصُومُوا غَدًا". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ وَابْنُ حِبَّانَ وَرَجَّحَ النَّسَائِيُّ إِرْسَالَهُ.

193. Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa ada seorang Arab badwi datang kepada Nabi (s.a.w), lalu berkata: "Sesungguhnya aku telah melihat anak bulan." Nabi (s.a.w) bersabda: "Apakah engkau telah bersaksi bahawa tidak ada tuhan selain Allah?" Orang Arab badwi itu menjawab: "Ya." Nabi (s.a.w) bersabda: "Apakah engkau telah bersaksi bahawa Muhammad adalah pesuruh Allah?" Orang Arab badwi itu menjawab: "Ya." Nabi (s.a.w) bersabda: "Wahai Bilal, serukanlah kepada orang ramai bahawa hendaklah mereka berpuasa esok hari." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, dan dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah dan Ibn Hibban, tetapi al-Nasa'i lebih mentarjihnya sebagai mursal)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) mahu menerima kesaksian seorang Arab badwi yang telah melihat anak bulan masuknya bulan Ramadhan setelah baginda yakin yang Arab badwi itu telah beragama Islam. Ketika telah dibuktikan yang dia mengakui dua kalimah syahadat dan Rasulullah (s.a.w) mengetahui bahawa dia orang yang adil, baik melalui wahyu ataupun melalui bukti yang lain, barulah baginda menerima kesaksiannya. Baginda segera menyuruh Bilal untuk memberitahu kepada orang ramai tentang masuknya bulan Ramadhan dan hendaklah mereka memulakan puasa pada keesokan harinya.

Ini menunjukkan bahawa seorang pemimpin wajib mengumumkan ketetapan puasa, sebagaimana diwajibkan pula baginya melakukan hal tersebut ketika waktu berpuasa habis dan mula memasuki bulan Syawal. Seruan ini boleh digantikan dengan bunyi dentuman meriam, semua menara dinyalakan, dan perkara-perkara lain yang diguna pakai sebagai tanda masuknya bulan yang dipenuhi keberkatan itu.

Analisis Lafaz

"أَعْرَابِيًّا", seorang Arab badwi, yakni orang yang mendiami daerah pedalaman.

"أَتَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ الله؟", kalimat ini menunjukkan bahawa kesaksian orang kafir dalam melihat anak bulan dianggap tidak memadai. Rasulullah (s.a.w) tidak menjelaskan lebih lanjut keadilan lelaki itu, kerana semua sahabat adalah adil.

"فَأَذِّنْ فِي النَّاسِ يَا بِلاَلُ أَنْ يَصُومُوا غَدًا", berasal daripada lafaz "التأذين" dan "الإيذان". Maksudnya ialah seruan dan pemberitahuan secara umum. Nabi (s.a.w) bersabda kepadanya: "Beritahukan kepada mereka akan masuknya bulan Ramadhan, dan hendaklah mereka mula berpuasa esok hari."

"وَرَجَّحَ النَّسَائِيُّ إِرْسَالَهُ", al-Nasa'i cenderung menguatkan yang hadis ini mursal, kerana ia diriwayatkan secara mursal melalui tiga jalur, namun satu di antaranya secara *mawshul*.

Fiqh Hadis

1. Berita daripada seorang Islam dalam masalah puasa boleh diterima.
2. Pada mulanya setiap kaum muslimin itu adalah adil.
3. Seorang pemimpin cukup menyatakan dengan menyuruh supaya orang yang melihat anak bulan mengucapkan dua kalimah syahadat.
4. Seorang pemimpin hendaklah mengumumkan masuknya bulan puasa kepada orang ramai agar mereka berpuasa.

١٩٤- عَنْ حَفْصَةَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ لَمْ يُبَيِّتِ الصِّيَامَ قَبْلَ الْفَجْرِ فَلاَ صِيَامَ لَهُ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ، وَمَالَ النَّسَائِيُّ وَالتِّرْمِذِيُّ إِلَى تَرْجِيحِ وَقْفِهِ، وَصَحَّحَهُ مَرْفُوعًا ابْنُ خُزَيْمَةَ وَابْنُ حِبَّانَ.

وَلِلدَّارَقُطْنِيِّ: "لاَ صِيَامَ لِمَنْ لَمْ يَفْرِضْهُ مِنَ اللَّيْلِ".

194. Daripada Hafsah Ummu al-Mukminin (r.a) daripada Nabi (s.a.w), baginda bersabda: "*Barang siapa yang tidak berniat puasa sebelum fajar, maka tidak ada puasa baginya.*" (Diriwayatkan oleh al-Khamsah. Al-Tirmizi dan al-Nasa'i lebih cenderung menguatkan hadis ini *mawquf*. Ibn Khuzaimah dan Ibn Hibban memastikannya sebagai *marfu'*)

Menurut riwayat al-Daruqutni disebutkan sebagai berikut: "*Tidak ada puasa bagi orang yang tidak meniatkannya sejak malam hari.*"

Makna Hadis

Puasa merupakan salah satu amal ibadah dan setiap amal itu bergantung kepada niat. Oleh kerana waktu siang hari berkaitan secara langsung dengan waktu malam hari dan tidak dipisahkan, maka puasa pada waktu siang hari secara keseluruhan tidak dapat diwujudkan kecuali apabila niatnya dilakukan pada salah satu waktu malam hari, kerana sesuatu yang menjadi syarat pelaksanaan sesuatu yang wajib, maka hukumnya adalah wajib. Ini telah ditegaskan oleh hadis di atas yang mengatakan: "*Barang siapa yang tidak berniat puasa sebelum fajar, maka tidak ada puasa baginya.*"

Kaedah asal dalam masalah nafi (peniadaan) bermaksud meniadakan hakikat. Ini berlaku umum yang mencakupi puasa fardu dan puasa sunat, baik ketika bulan Ramadhan ataupun bulan yang selainnya, puasa sunat mahupun puasa nazar. Ini dijadikan pegangan oleh sebahagian ulama, meskipun ada sesetengah ulama lain yang mengatakan bahawa tidak wajib berniat pada waktu malam hari dalam puasa sunat. Mereka melandaskan pendapatnya dengan berdalilkan hadis Aisyah (r.a) yang akan dikemukakan dalam hadis no. 195.

Analisis Lafaz

"مَنْ لَمْ يُبَيِّتِ الصِّيَامَ قَبْلَ الْفَجْرِ فَلاَ صِيَامَ لَهُ", barang siapa yang tidak berniat puasa sebelum fajar, maka puasanya tidak sah.

"لاَ صِيَامَ لِمَنْ لَمْ يَفْرِضْهُ مِنَ اللَّيْلِ", tidak sah puasa seseorang yang tidak meniatkannya sejak malam harinya. Nafi di sini bersifat umum yang mencakupi puasa fardu dan puasa sunat.

Fiqh Hadis

Wajib berniat puasa dengan melakukannya pada salah satu bahagian daripada waktu malam hari. Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad mengatakan bahawa tidak wajib berniat pada waktu malam hari dalam puasa sunat, tetapi itu wajib dalam puasa fardu kerana hadis ini hanya membatasinya dalam puasa fardu sahaja, bukan berkaitan dengan puasa sunat.

Imam Abu Hanifah dan murid-muridnya mengatakan bahawa sah melakukan puasa dengan berniat pada waktu malam hari dan siang hari selagi matahari belum tergelincir dari pertengahan langit apabila puasa yang dimaksudkan ada kaitannya dengan waktu tertentu, misalnya puasa Ramadhan, puasa nazar tertentu, dan puasa sunat mutlak. Mereka melandaskan pendapatnya dengan berdalilkan firman Allah (s.w.t):

..... وَكُلُوا۟ وَٱشْرَبُوا۟ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكُمُ ٱلْخَيْطُ ٱلْأَبْيَضُ مِنَ ٱلْخَيْطِ ٱلْأَسْوَدِ مِنَ ٱلْفَجْرِ ۖ ثُمَّ أَتِمُّوا۟ ٱلصِّيَامَ إِلَى ٱلَّيْلِ ۚ ..... ﴿١٨٧﴾

"*... Dan makan minumlah kamu hingga jelas bagi kamu benang putih dari benang hitam, iaitu fajar. Kemudian sempurnakanlah puasa itu sampai malam...*" (Surah al-Baqarah: 187)

Mereka mengatakan bahawa Allah telah membolehkan makan dan minum hingga fajar terbit, kemudian menyuruh berpuasa sesudah lafaz "ثم" yang maknanya menunjukkan pengertian *tarakhi* (lambat), hingga dipastikan niat menjadi 'azimah sesudah fajar. Mereka mentafsirkan hadis ini dan hadis-hadis yang selainnya dengan pemahaman yang meniadakan keutamaan, yakni tidak afdal puasa seseorang yang tidak meniatkannya pada waktu malam hari. Atau, makna yang dimaksudkan adalah larangan mendahulukan niat ke atas malam hari. Untuk itu, seandainya seseorang melakukan niat puasa sebelum matahari tenggelam dan dia hendak berpuasa pada keesokan harinya, maka puasanya tidak sah. Atau, makna yang dimaksud adalah ditujukan kepada puasa yang tidak mempunyai waktu tertentu, misalnya puasa qadha', puasa kifarat, dan nazar mutlak.

Imam Malik dan murid-muridnya mengatakan bahawa apabila seseorang berniat pada permulaan malam Ramadhan untuk berpuasa di seluruh bulan

Ramadhan, maka itu sudah memadai dan dia tidak perlu lagi berniat setiap malam, tetapi disunatkan memperbaharuinya setiap malam kerana diqiyaskan kepada ibadah haji dan rakaat-rakaat solat, sebab masing-masing ibadah haji dan solat cukup hanya dengan satu kali niat. Mereka mengatakan demikian dengan berdalilkan kepada hadis yang mengatakan:

وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى.

"*Sesungguhnya bagi setiap orang itu hanyalah apa yang telah diniatkannya.*"

Mereka mengatakan bahawa apabila seseorang berniat hendak berpuasa selama satu bulan penuh, maka dia wajib melakukan itu dengan syarat hendaklah puasa yang dilakukannya tidak terputus-putus, sebaliknya berturut-turut. Jika puasa secara berturut-turut tidak dapat dilakukan kerana sakit, haid atau bermusafir, maka niatnya wajib diperbaharui bagi sisa hari-hari yang dia belum berpuasa.

١٩٥- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: دَخَلَ عَلَيَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ. فَقَالَ: "هَلْ عِنْدَكُمْ شَيْءٌ؟" قُلْنَا: لاَ. قَالَ: "فَإِنِّي إِذًا صَائِمٌ"، ثُمَّ أَتَانَا يَوْمًا آخَرَ، فَقُلْنَا: أُهْدِيَ لَنَا حَيْسٌ، فَقَالَ: "أَرِينِيهِ، فَلَقَدْ أَصْبَحْتُ صَائِمًا"، فَأَكَلَ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

195. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Pada suatu hari Nabi (s.a.w) masuk ke dalam rumah kami, lalu baginda bertanya: "Apakah kamu memiliki sesuatu?" Kami menjawab: "Tidak." Nabi (s.a.w) bersabda: "Kalau demikian, aku berpuasa." Kemudian baginda mendatangi kami lagi pada hari yang lain, lalu kami berkata: "Ada yang mengirim kami *hais*." Nabi (s.a.w) bersabda: "Hidangkanlah kepadaku kerana sejak pagi aku puasa (tidak makan)," lalu baginda memakannya." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Hadis ini merupakan dalil bagi ulama yang membezakan antara puasa fardu dan sunat dalam hal wajib berniat puasa sejak waktu malam hari. Sedangkan ulama yang tidak membezakan antara puasa fardu dengan puasa sunat mentafsirkan hadis ini bahawa apa yang dimaksudkan dengan sabda Nabi (s.a.w): "فَإِنِّي إِذًا صَائِمٌ" ialah berita yang menceritakan keadaan Rasulullah (s.a.w) sedang berpuasa, dan bukannya bermaksud mengucapkan niat puasa pada saat itu. Hal ini dikuatkan oleh riwayat yang menyebutkan "فلقد أصبحتُ صائما". Malah mereka mengatakan bahawa pada asalnya tidak ada perbezaan di antara puasa sunat dengan sunat wajib.

Analisis Lafaz

"قَالَ: فَإِنِّي إِذًا صَائِمٌ", di dalam kalimat ini terdapat pemahaman bahawa boleh berniat puasa sunat pada waktu siang hari.

"أُهْدِيَ لَنَا حَيْسٌ", makanan yang dibuat daripada buah kurma dicampur menjadi satu dengan *samin* dan *aqith* (air susu yang telah diambil zubdahnya), tetapi adakalanya tepung terigu digunakan sebagai pengganti *aqith*.

"أَرِينِيهِ", berasal dari lafaz "الإراءة", hidangkanlah kepadaku.

"فَلَقَدْ أَصْبَحْتُ صَائِمًا, maka Rasulullah (s.a.w) memakan sebahagian *hais* itu dan berbuka, padahal sebelumnya baginda puasa.

Fiqh Hadis

1. Boleh berniat puasa sunat pada waktu siang hari menurut pendapat Imam Abu Hanifah dan Imam al-Syafi'i. Niat itu mesti dilakukan sebelum matahari tergelincir dan seseorang itu belum makan dan minum sesuatu apapun sebelumnya. Imam Ahmad berkata: "Boleh berpuasa sunat dengan berniat pada waktu siang hari sebelum matahari tergelincir atau sesudahnya, kerana dia telah melakukan niat pada salah satu waktu di siang hari dan oleh kerananya, keadaannya disamakan dengan apa yang dia niatkan pada permulaan siang hari. Oleh keseluruhan malam hari merupakan waktu untuk berniat puasa fardu, maka demikian pula dengan waktu siang hari, di mana keseluruhannya merupakan waktu bagi niat puasa sunat." Imam Malik berkata: "Dalam puasa sunat, seseorang tidak boleh berpuasa kecuali apabila dia telah berniat puasa pada waktu malam hari. Jika dia melangsungkan puasanya, maka tidak diperlukan lagi berniat puasa pada waktu malam hari."
2. Boleh berbuka daripada puasa sunat. Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad berkata: "Seorang yang berpuasa sunat dibolehkan berbuka dan tidak ada kewajiban qadha' ke atasnya." Kedua-duanya mengemukakan pendapat demikian kerana berdalilkan dengan hadis ini dan hadis-hadis lain yang lafaz-lafaz riwayatnya mempunyai makna yang hampir sama dan sanad kedudukan hadisnya pula *jayyid*.

   Imam Malik dan Imam Abu Hanifah mengatakan sehubungan dengan maksud zahir riwayat bahawa seseorang diwajibkan menyempurnakan amal sunat yang disyariatkan (yakni puasa sunat yang disyariatkan) dan tidak boleh berbuka tanpa uzur, kerana berlandaskan kepada firman Allah (s.w.t):

   ..... وَلَا تُبْطِلُوٓاْ أَعْمَٰلَكُمْ ﴿٣٣﴾

   "*... Dan janganlah kamu membatalkan amal-amal kamu.*" (Surah Muhammad: 33)

Jika seseorang itu berbuka tanpa uzur, maka dia tetap dibolehkan berbuka, tetapi mesti mengqadha'nya. Jika berbuka kerana uzur, misalnya salah seorang daripada kedua-dua ibu bapanya menyuruhnya berbuka atau gurunya menyuruhnya berbuka kerana kasihan kepadanya atau wanita yang tidak berhaid tiba-tiba datang haid lalu berbuka, maka dia tidak berdosa apabila berbuka dan tidak wajib mengqadha'nya. Namun menurut mazhab Maliki dan mazhab Hanafi, wajib qadha', kerana berlandaskan kepada hadis Aisyah (r.a) yang menceritakan:

كُنْتُ أَنَا وَحَفْصَةُ صَائِمَتَيْنِ، فَعُرِضَ لَنَا طَعَامٌ، فَأَكَلْنَا مِنْهُ، فَدَخَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَتْ حَفْصَةُ: يَا رَسُوْلَ اللهِ، إِنَّا كُنَّا صَائِمَتَيْنِ مُتَطَوِّعَتَيْنِ، فَأُهْدِيَ لَنَا طَعَامٌ فَأَفْطَرْنَا عَلَيْهِ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: اقْضِيَا مَكَانَهُ يَوْمًا آخَرَ.

"Ketika aku dan Hafsah sedang berpuasa (sunat), tiba-tiba ada yang mengirim makanan kepada kami, lalu kami makan sebahagiannya, kemudian Nabi (s.a.w) masuk, dan Hafsah bertanya: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya kami sedang berpuasa sunat, lalu ada yang menghadiahkan makanan kepada kami, lalu kami berbuka dengan makanan itu." Nabi (s.a.w) bersabda: "Kamu berdua mesti mengqadha'nya pada hari yang lain sebagai gantinya."

Al-Kamal ibn al-Hammam dari kalangan mazhab Hanafi mengatakan bahawa dibolehkan berbuka dari puasa sunat yang sedang dikerjakan, meskipun tanpa uzur. Inilah pendapat yang paling tepat, kerana dalil-dalilnya cukup banyak, seperti mana yang dikatakan oleh Mujahid: "Sesungguhnya berbuka dari puasa sunat tidak lain sama kedudukannya dengan seorang lelaki yang hendak mengeluarkan sedekah dari hartanya; dia boleh meneruskannya atau sebaliknya." (Diriwayatkan oleh Malik, Imam Ahmad dan al-Sittah, kecuali al-Bukhari)

١٩٦– عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لاَ يَزَالُ النَّاسُ بِخَيْرٍ مَا عَجَّلُوا الْفِطْرَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَلِلتِّرْمِذِيِّ: مِنْ حَدِيثِ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "قَالَ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ أَحَبُّ عِبَادِي إِلَيَّ أَعْجَلُهُمْ فِطْرًا".

196. Daripada Sahl ibn Sa'ad (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Umat manusia sentiasa dalam kebajikan selagi mereka menyegerakan berbuka.*" (Muttafaq

'alaih)

Menurut riwayat al-Tirmizi daripada Abu Hurairah (r.a) daripada Nabi (s.a.w), baginda bersabda: "Allah (s.w.t) telah berfirman (dalam hadis qudsi): "*Hamba yang paling Aku sukai ialah yang paling bersegera berbuka.*"

Makna Hadis

Berpegang kepada Sunnah Nabi (s.a.w) merupakan bukti kesempurnaan iman dan tanda yang seseorang itu mendapat kebaikan. Umat manusia sentiasa berada dalam kebaikan selagi mereka berpegang teguh kepada etika yang telah diajarkan oleh Nabi (s.a.w). Jika mereka mengabaikan Sunnah, itu menunjukkan betapa buruk keadaan mereka dan inilah yang akan mendatangkan nasib sial bagi mereka. Mereka sentiasa berada dalam keburukan ekoran perbuatan mereka yang mengabaikan Sunnah Nabi (s.a.w).

Antara Sunnah Nabi (s.a.w) adalah menyegerakan berbuka dan mengakhirkan sahur sebagaimana dinyatakan dalam riwayat lain, kerana ini berbelas kasihan kepada orang yang berpuasa dan membantu mereka dalam menunaikan amal ibadahnya.

Hadis ini merupakan salah satu tanda kenabian. Sejak dahulu hingga sekarang terdapat sekumpulan ahli bid'ah yang gemar menangguhkan waktu berbuka mereka hingga muncul bintang-bintang di atas langit. Orang yang berbuat seperti itu telah melanggar Sunnah dan menentang perintah syariat. Mereka berhak mendapat celaan. Dahulu orang Yahudi dan orang Nasrani menambahkan sebahagian waktu ibadah mereka dan ini telah mengakibatkan mereka akhirnya tidak mampu menunaikannya, sedangkan kita umat Islam diperintahkan agar berbeza dengan tradisi mereka.

Analisis Lafaz

"لَا يَزَالُ النَّاسُ بِخَيْرٍ", manusia sentiasa memperoleh kebaikan dalam agama mereka kerana mengamalkan Sunnah Nabi (s.a.w), berpegang dengan batasannya dan tidak berlebihan mengikuti akal hingga mereka melakukan perkara yang bercanggah dengan ketetapan yang telah disampaikan oleh Nabi (s.a.w). Mereka sentiasa berada dalam kebaikan selagi mereka tetap mengamalkan Sunnah ini. Jika mereka melanggarnya, maka itu merupakan satu bukti yang menunjukkan keadaan mereka sudah rosak.

"مَا عَجَّلُوا الْفِطْرَ", selagi mereka masih tetap bersegera berbuka setelah yakin matahari telah tenggelam, baik melalui ru'yah atau melalui berita daripada orang yang boleh dipegang ucapannya. Ini bertujuan supaya tidak ditambahkan ke dalam siang hari sebahagian waktu daripada malam hari dan cara ini mengandung sikap belas kasihan ke atas orang yang berpuasa di samping memberi kekuatan kepadanya untuk menunaikan ibadah yang selanjutnya.

"أَحَبُّ عِبَادِي إِلَيَّ أَعْجَلُهُمْ فِطْرًا", Rasulullah (s.a.w) menjelaskan penyebab kebaikan tersebut melalui sabdanya dalam hadis yang lain:

لِأَنَّ الْيَهُوْدَ وَالنَّصَارَى يُؤَخِّرُوْنَ.

"*Kerana orang Yahudi dan orang Nasrani sentiasa mengakhirkannya.*"

Di dalam hadis ini terdapat satu pemahaman yang menganjurkan agar berbeza dengan musuh-musuh agama. Selagi manusia tetap memelihara sikap berbeza dengan musuh-musuh Allah, maka Allah akan menolong mereka dan menjayakan agama mereka. Orang Yahudi dan lain-lain sentiasa mengakhirkan berbuka hingga munculnya bintang-bintang.

Fiqh Hadis

1. Disunatkan menyegerakan berbuka apabila sudah terbukti bahawa matahari telah tenggelam.
2. Makruh mengakhirkan berbuka bagi orang yang sengaja melakukannya dengan alasan berhati-hati atau untuk tujuan lebih meyakinkan lagi.
3. Memberitakan sesuatu yang bakal dilakukan oleh sekumpulan ahli bid'ah dan ini merupakan salah satu tanda kenabian.
4. Hadis ini tidak berkaitan dengan orang yang ingin melakukan puasa *wishal*. Seseorang yang hendak berpuasa *wishal* diberikan *rukhsah* untuk mengakhirkan berbuka. Apapun, menyegerakan berbuka adalah lebih afdal, kerana menyegerakan berbuka mengandungi belas kasihan terhadap orang yang berpuasa dan mampu memberi kekuatan kepadanya untuk mengerjakan amal ibadah yang selanjutnya.

١٩٧- عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "تَسَحَّرُوا، فَإِنَّ فِي السُّحُورِ بَرَكَةً". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

197. Daripada Anas ibn Malik (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Bersahurlah kamu, kerana sesungguhnya di dalam sahur itu terdapat keberkatan.*" (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Mengikuti Sunnah Nabi (s.a.w) dan amalah sahabat merupakan perbuatan yang dianjurkan. Makan sahur bagi orang yang puasa pada hakikatnya mengikuti Sunnah Nabi (s.a.w). Dengan bersahur, seseorang mampu mengerjakan ibadah dengan bersemangat, menghindarkan diri daripada perangai buruk ekoran lapar yang teramat sangat, mahu bersikap dermawan kepada orang yang meminta-

minta, mengajak orang lain berbuka bersama dan memperoleh doa para malaikat. Para malaikat mendoakan orang yang bersahur, kerana itu dilakukan dalam waktu ibadah, zikir, dan waktu yang diyakini orang yang berdoa pada saat itu dimakbulkan doanya. Selain itu, ini bererti berbeza dengan ahli kitab, seperti mana yang dijelaskan oleh hadis Muslim secara *marfu'*:

فَصْلُ مَا بَيْنَ صِيَامِنَا وَصِيَامِ أَهْلِ الْكِتَابِ أَكْلَةُ السَّحَرِ.

"*Perbezaan antara puasa kita dengan puasa ahli kitab ialah makan sahur.*"

Analisis Lafaz

"تَسَحَّرُوا", makan dan minumlah pada waktu sahur. *Al-Sahar* adalah nama waktu yang jatuh sebelum fajar. Perintah ini menunjukkan hukum sunat yang memalingkannya daripada hukum wajib ialah adanya ijma' yang menyatakan bahawa sahur bukanlah sesuatu yang fardu, di samping berlandaskan kepada riwayat yang menyatakan tentang *wishal* yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) dan para sahabat, yakni mereka berpuasa tanpa makan sahur.

"السُّحُور", makan pada waktu sahur. Sedangkan kalau dibaca "السَّحُوْر" bermaksud makanan yang dimakan untuk sahur.

"بَرَكَةً", keberkatan. Maksudnya memberikan kekuatan untuk berpuasa dan pahala yang besar, kerana waktu orang bersahur bertepatan dengan waktu zikir, solat, istighfar, atau ibadah lain yang menambah ganjaran pahala amal. Seandainya tidak bangun untuk makan sahur, nescaya seseorang masih tanggelam di dalam tidurnya dan meninggalkan amal ibadah tersebut. Lafaz "بركة" berkedudukan menjadi *isim inna* dengan dibaca baris fathah pada huruf ta'.

Fiqh Hadis

Disunatkan makan sahur kerana ada keberkatan padanya.

١٩٨- عَنْ سَلْمَانَ بْنِ عَامِرٍ الضَّبِّيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِذَا أَفْطَرَ أَحَدُكُمْ فَلْيُفْطِرْ عَلَى تَمْرٍ، فَإِنْ لَمْ يَجِدْ فَلْيُفْطِرْ عَلَى مَاءٍ، فَإِنَّهُ طَهُورٌ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ وَابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ.

198. Daripada Sulaiman ibn 'Amir al-Dhabbi (r.a) daripada Nabi (s.a.w), baginda bersabda: "*Jika seseorang di antara kamu berbuka, maka hendaklah dia berbuka dengan memakan buah kurma dan jika tidak memilikinya, maka hendaklah dia berbuka dengan meminum air, kerana sesungguhnya air itu menyucikan.*" (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, dan dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah, Ibn Hibban serta al-Hakim)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) sangat sayang kepada umatnya. Baginda sentiasa menasihati mereka dan memberikan bimbingan kepada mereka untuk kemaslahatan dan keberuntungan mereka di dunia mahupun di akhirat. Nabi (s.a.w) menganjurkan mereka untuk memakan buah kurma dan meminum air ketika berbuka puasa, kerana sesuatu yang manis apabila dimakan dalam keadaan perut kosong lebih mudah dihadam dan dapat memberikan kekuatan, lebih-lebih lagi kekuatan penglihatan mata, sedangkan air dapat menyejukkan hati. Ini merupakan salah satu bimbingan kesihatan yang telah diajarkan oleh Nabi (s.a.w) kepada umatnya.

Analisis Lafaz

"فَلْيُفْطِرْ عَلَى تَمْرٍ", perintah ini menunjukkan hukum sunat. Lafaz "التمر" merupakan *isim jinis* yang menunjukkan satu makna. Dengan demikian, perintah ini dapat diwujudkan hanya dengan memakan satu biji buah kurma, namun apa yang lebih afdal ialah memakannya dalam bilangan witir (ganjil). Betapa indah ungkapan seorang ahli hikmah: "Berbuka dengan buah kurma merupakan Sunnah yang diajarkan oleh Rasulullah (s.a.w). Pelakunya beroleh pahala selain mulutnya terasa manis kerananya."

Hikmah berbuka puasa dengan buah kurma kerana kurma itu rasanya manis dan makanan yang manis dapat menguatkan pandangan mata yang lemah akibat puasa. Di dalam anjuran ini terdapat isyarat yang menunjukkan bahawa iman itu manis, sedangkan maksiat itu pahit. Sesungguhnya puasa merupakan suatu amal ibadah yang paling besar pahalanya, sedangkan kebaikan dapat menghapuskan kejahatan.

"فَإِنَّهُ طَهُورٌ", air itu menyucikan dan mempunyai daya pembersih yang kuat. Jika buah kurma tidak diperoleh, maka berbuka pusa boleh dilakukan dengan meminum air dengan harapan semoga zahir dan batin seseorang itu menjadi bersih, di samping berfungsi menghilangkan rasa haus dan dahaga.

Fiqh Hadis

1. Menjelaskan perasaan kasih sayang Nabi (s.a.w) yang tidak berbelah bagi kepada umatnya. Baginda sentiasa mengharapkan kebaikan buat mereka.
2. Memberikan sesuatu yang manis kepada tubuh pada saat perut kosong lebih mudah dihadam oleh tubuh dan mampu membangkitkan kekuatan, terutama kekuatan pandangan mata yang jelas bertambah baik kerananya. Hati mengalami semacam kekeringan akibat berpuasa. Jika dibasahi dengan air, maka menjadi segar kembali, lebih-lebih lagi ditambah dengan menu lain yang bergizi. Di samping itu buah kurma dan air memiliki khasiat tersendiri yang berpengaruh terhadap kesihatan hati, dan itu tidak diketahui kecuali oleh para doktor penyakit hati.

Periwayat Hadis

Sulaiman ibn Amir ibn Aus ibn Hajar ibn Amr al-Dhabbi. Muslim berkata: "Di kalangan Bani Dhabbi tidak ada seorang sahabat pun selain dia seorang diri." Beliau meriwayatkan hadis langsung daripada Nabi (s.a.w), dan riwayat hadisnya telah diambil oleh al-Rabbab, serta Muhammad dan Hafsah, dua anak Sirin; juga Abdul Aziz ibn Bisyr. Beliau meninggal dunia dalam Perang al-Jamal dalam usia 100 tahun. Al-Bukhari dan al-Arba'ah telah mengetengahkan hadisnya.

١٩٩- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْوِصَالِ، فَقَالَ رَجُلٌ مِنَ الْمُسْلِمِينَ: فَإِنَّكَ تُوَاصِلُ يَا رَسُولَ اللهِ؟ قَالَ: "وَأَيُّكُمْ مِثْلِي؟ إِنِّي أَبِيتُ يُطْعِمُنِي رَبِّي وَيَسْقِينِي". فَلَمَّا أَبَوْا أَنْ يَنْتَهُوا عَنِ الْوِصَالِ وَاصَلَ بِهِمْ يَوْمًا، ثُمَّ يَوْمًا، ثُمَّ رَأَوُا الْهِلاَلَ، فَقَالَ: "لَوْ تَأَخَّرَ الْهِلاَلُ لَزِدْتُكُمْ"، كَالْمُنَكِّلِ لَهُمْ حِينَ أَبَوْا أَنْ يَنْتَهُوا. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

199. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melarang daripada melakukan *wishal*, lalu ada seorang lelaki dari kalangan kaum muslimin berkata: "Sesungguhnya tuan pun telah melakukan wishal, wahai Rasulullah." Mendengar itu, baginda bersabda: "Siapakah di antara kamu yang sama seperti diriku? Sesungguhnya aku semalaman diberi makan dan minum oleh Tuhanku." Ketika mereka menolak tidak mahu berhenti daripada melakukan *wishal*, maka baginda mengajak mereka berwishal sehari, kemudian melanjutkannya sehari lagi, tetapi mereka kemudian melihat anak (bulan Syawal). Baginda lalu bersabda: "Seandainya anak bulan datang terlambat, nescaya aku benar-benar menambahkan wishal kepada kamu," seperti mana orang yang menghukum mereka kerana mereka membangkang tidak mahu berhenti." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w), penghulu umat manusia, mempunyai banyak keistimewaan dan amal-amal tertentu yang baginda kerjakan, tidak seorang mukallaf pun yang mampu melakukannya. Antara lain ialah qiyamul lail dan puasa *wishal*. Baginda mengerjakan qiyamul lail secara sembunyi-sembunyi daripada penglihatan para sahabat kerana kasihan kepada mereka dan khuatir apabila itu difardukan ke atas mereka.

Nabi (s.a.w) melarang mereka daripada berpuasa *wishal* sesudah mereka berusaha untuk melakukannya. Baginda melarang mereka berpuasa *wishal* dengan tujuan memelihara kesihatan dan kekuatan mereka, kerana Islam bukan hanya mempersiapkan mereka untuk mengerjakan solat dan puasa semata, melainkan

juga untuk berperang, jihad dan berjuang untuk mencari penghidupan, dan menyediakan generasi yang kuat lagi disegani oleh musuh.

Larangan ini disanggah oleh seorang lelaki muslim yang sangat fanatik dalam mengikuti setiap Sunnah Rasulullah (s.a.w). Dia pun berkata: "Sesungguhnya tuan pun telah melakukan *wishal*, wahai Rasulullah." Baginkda menjawabnya bahawa Allah (s.w.t) membantunya untuk melakukan *wishal* lebih banyak daripada apa yang membantu mereka: "Siapakah di antara kamu yang sama seperti diriku? Sesungguhnya aku selalu berada di bawah naungan Tuhanku, yakni berada di dalam medan zikir dan makrifat-Nya. Dia seakan-akan memberiku makan dan minum. Para sahabat sangat ingin mencapai kedudukan yang sangat tinggi itu, lalu mereka tetap menuntut untuk melakukan puasa *wishal*. Maka baginda mengajak mereka berpuasa *wishal* pada hari kedua puluh lapan dan hari kedua puluh sembilan Ramadhan. Tetapi sesudah itu muncullah anak bulan Syawal, padahal keadaan mereka benar-benar telah bersusah payah dan sangat lemah akibat *wishal* yang mereka lakukan dua hari berturut-turut sebelumnya. Di sini nampaklah bagi mereka hikmah larangan Nabi (s.a.w) ini yang kemudian mendorong mereka untuk menerima larangan tersebut. Ketika Rasulullah (s.a.w) melihat keadaan mereka yang sedemikian tetapi mereka kelihatan tetap masih ingin berpuasa *wishal*, maka baginda bersabda: "Seandainya anak bulan Syawal tidak muncul, nescaya aku benar-benar mengajak kamu tetap berpuasa *wishal*, hingga orang yang bersikap berlebihan mahu meninggalkan sikap mereka yang keras itu. Maka janganlah sekali-kali kamu mencari-cari ibadah yang menyusahkan diri kamu sendiri dan kerjakanlah amal yang mampu kamu kerjakan."

Analisis Lafaz

"نَهَى رَسُولُ اللهِ", *maf'ul* kepada lafaz "نهى" dibuang. Bentuk lengkapnya ialah Rasulullah (s.a.w) melarang para sahabatnya. Larangan ini menunjukkan hukum makruh. Buktinya adalah Nabi (s.a.w) melakukan *wishal* bersama-sama dengan mereka.

"عَنِ الْوِصَالِ", melanjutkan puasa sehari semalam tanpa berbuka dan sahur.

"فَإِنَّكَ تُوَاصِلُ", sanggahan ini dilontarkan bagi memperoleh hukum atau hikmah atau menyatakan pengkhususan.

"وَأَيُّكُمْ مِثْلِي", huruf *waw* di-*'athaf*-kan kepada jumlah yang dapat difahami dari konteks kalimat. Bentuk lengkapnya ialah: "Ini adalah urusanku. Siapakah di antara kamu yang memiliki sifat seperti diriku, berkedudukan seperti kedudukanku, serta berada dekat dengan Allah sama seperti diriku?" Soalan ini mengandungi maksud cemuhan yang di dalamnya tersirat pengertian agar menjauhi itu.

"يُطْعِمُنِي رَبِّي وَيَسْقِينِي", Allah memberiku kekuatan seperti kekuatan orang yang makan dan minum, serta melimpahkan kepadaku hal-hal yang dapat menggantikan kedudukan makanan dan minuman, hingga aku kuat melakukan ketaatan, tanpa merasa lemah dan lelah.

"فَلَمَّا أَبَوْا أَنْ يَنْتَهُوا", ketika mereka menolak, tidak mahu menerima larangannya. Huruf "أن" dan lafaz sesudahnya berada dalam takwil *mashdar* berkedudukan sebagai *maf'ul* lafaz "أبوا".

"وَاصَلَ بِهِمْ يَوْمًا، ثُمَّ يَوْمًا، ثُمَّ رَأَوُا الْهِلاَلَ", Nabi (s.a.w) mengajak mereka berpuasa *wishal* selama dua hari. Sesudah itu muncullah anak bulan Syawal kerana *wishal* dilakukan menjelang akhir bulan Ramadhan.

"لَوْ تَأَخَّرَ الْهِلاَلُ لَزِدْتُكُمْ", anak bulan muncul sesudah tarikh dua puluh sembilan Ramadhan. Rasulullah (s.a.w) berharap seandainya bilangan bulan Ramadhan digenapkan menjadi tiga puluh hari, agar baginda dapat mengajak mereka untuk terus berpuasa *wishal* hingga mereka tidak mampu dan terpaksa meninggalkannya. *Maf'ul* kedua dari lafaz "زدتكم" dibuang. Bentuk lengkapnya ialah: "Nescaya aku benar-benar menambahkan puasa *wishal* kepada kamu."

"كَالْمُنَكِّلِ لَهُمْ حِينَ أَبَوْا أَنْ يَنْتَهُوا", dengan sabdanya itu Nabi (s.a.w) ingin menghukum mereka agar itu dijadikan pengajaran oleh orang lain selain mereka.

Fiqh Hadis

1. Makruh melakukan puasa *wishal* mengikut pendapat jumhur ulama. Namun Imam Ahmad dan sekumpulan mazhab Maliki membolehkan puasa *wishal* bagi orang yang kuat hingga waktu sahur. Mereka mengatakan bahawa apa yang disebutkan di dalam hadis ini bukanlah *wishal* hakiki, melainkan itu sama dengan mengakhirkan makan malam bagi orang yang menjadikan dirinya hanya cukup makan sekali dalam sehari semalam.
2. Dibolehkan menegur mufti tentang apa yang telah difatwakan apabila fatwanya bertentangan dengan keadaan dirinya, sedangkan orang yang diberi fatwa tidak mengetahui rahsia percanggahan itu.
3. Menyelidiki hikmah larangan.
4. Persamaan hak di antara kaum mukallaf dalam masalah hukum. Setiap hukum yang ditetapkan bagi Nabi (s.a.w) maka ditetapkan pula bagi umatnya, kecuali perkara-perkara yang telah dikecualikan oleh Rasulullah (s.a.w).
5. Rasulullah (s.a.w) boleh melakukan puasa *wishal* dan ini merupakan keistimewaan baginya.
6. Menjelaskan kekuasaan Allah dalam menciptakan gejala yang luar biasa tanpa penyebab yang jelas, kerana Rasulullah (s.a.w) beroleh kekuatan tanpa makan dan minum, sebab santapan rohani dapat mengganti santapan jasmani, bahkan lebih baik lagi. Ini sama halnya dengan apa yang diungkapkan oleh seorang penyair: "Wanita itu mempunyai banyak kisah nostalgia yang menyibukkan dirinya hingga lupa makan dan minum."
7. Belas kasihan Rasulullah (s.a.w) kepada umatnya agar mereka tidak melakukan amal yang memberatkan mereka sendiri sehingga mengakibatkan mereka merasa bosan beribadah dan meninggalkan sebahagian kewajiban

syariat pada waktu siang dan malam harinya.

٢٠٠- وَعَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ لَمْ يَدَعْ قَوْلَ الزُّورِ وَالْعَمَلَ بِهِ وَالْجَهْلَ، فَلَيْسَ لِلهِ حَاجَةٌ فِي أَنْ يَدَعَ طَعَامَهُ وَشَرَابَهُ". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَأَبُو دَاوُدَ وَاللَّفْظُ لَهُ.

200. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Barang siapa yang tidak mahu meninggalkan perkataan yang batil dan berhenti daripada mengerjakannya serta tetap melakukan kerja bodoh, maka Allah tidak mahu menerima ibadah puasanya.*" (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Abu Dawud. Lafaz hadis berdasarkan riwayat Abu Dawud).

Makna Hadis

Tujuan utama puasa ialah menahan diri daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang diharamkan sebelum menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan. Inilah puasa yang hakiki. Barang siapa yang berpuasa, tetapi tidak mahu meninggalkan perkataan kotor, dusta, fitnah dan mengumpat orang lain, maka tida kebaikan pada puasanya. Puasa zahir tidak memberi sebarang manfaat kepadanya dan Allah tidak mahu menerima jerih payahnya meskipun telah meninggalkan makan dan minum.

Meninggalkan ibadah puasa bererti melanggar kehormatan Allah dan hak-Nya, sedangkan berbuat dusta dan yang sejenis dengannya bererti melanggar kehormatan Allah dan hak hamba-hamba-Nya. Seandainya puasa ditimbang dengan dosa perkataan kotor itu, nescaya timbangan dosa lebih berat daripada timbangan pahala puasanya. Akhirnya dia tidak mendapat apa-apa dari puasanya.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Abu Hurairah (r.a) yang sumbernya sama dengan hadis sebelumnya.

"مَنْ لَمْ يَدَعْ قَوْلَ الزُّورِ وَالْعَمَلَ بِهِ", *al-Zur* adalah dusta. Barang siapa yang tidak mahu meninggalkan perkataan batil ketika sedang puasa, seperti dusta, kesaksian palsu, mengumpat, menghasut, menuduh berzina, memaki, melaknat dan menyimpang daripada jalan yang benar yang semestinya dijauhi oleh manusia dan haram dia kerjakan.

"الْجَهْلَ", kebodohan.

"فَلَيْسَ لِلهِ حَاجَةٌ فِي أَنْ يَدَعَ طَعَامَهُ وَشَرَابَهُ", maka Allah tidak mahu menerima jerih payahnya dalam meninggalkan makan dan minum. Ungkapan ini majaz yang bermaksud puasanya tidak diterima di sisi Allah. Ini termasuk ke dalam kategori

menyebutkan sebab yang dimaksud akibat, kerana tujuan puasa itu bukanlah hanya sekadar menahan lapar dan dahaga, melainkan untuk menahan diri daripada apa-apa yang diakibatkannya, iaitu mengawal syahwat dan menundukkan hawa nafsu hingga menjadi tenang dan stabil.

Fiqh Hadis

1. Peringatan terhadap orang yang puasa agar tidak mengucapkan perkataan batil, kerana perkataan batil boleh menghapus pahala puasanya.
2. Haram berdusta dan mengamalkannya serta haram berbuat kebodohan. Hukum haram ini ditujukan kepada seluruh umat manusia. Tetapi bagi orang yang sedang berpuasa, maka hukum ini lebih ditekankan lagi.
3. Menjelaskan bahawa puasa hakiki yang dianjurkan oleh syarak merupakan puasa yang dituntut oleh Islam, sedangkan puasa zahir tidak diambil kira dan tidak ada pengaruhnya, serta pelakunya tidak mendapat pahala.

٢٠١– عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُقَبِّلُ وَهُوَ صَائِمٌ، وَيُبَاشِرُ وَهُوَ صَائِمٌ، وَلَكِنَّهُ أَمْلَكُكُمْ لِإِرْبِهِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ. وَزَادَ فِي رِوَايَةٍ: فِي رَمَضَانَ.

201. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Dahulu sering kali Nabi (s.a.w) mencium(ku), padahal baginda sedang berpuasa dan baginda seringkali memeluk(ku), padahal ketika itu baginda sedang berpuasa, tetapi baginda adalah orang yang paling kuat dalam menahan berahinya di antara kamu." (Muttafaq 'alaih. Lafaz hadis ini menurut riwayat Muslim)

Di dalam riwayat yang lain ditambahkan: "ketika dalam bulan Ramadhan."

Makna Hadis

Orang yang puasa hendaklah menahan diri daripada melakukan perkara-perkara yang boleh menyebabkan puasanya batal, supaya dia tidak terjerumus ke dalam perbuatan yang diharamkan. Semua perbuatan yang dapat menyebabkan seseorang keluar air mani, bergelora berahi atau nafsunya hendaklah dijauhi. Rasulullah (s.a.w) merupakan orang yang paling kuat dalam beribadah dan mampu menahan kehendak dirinya. Jadi sukar untuk meniru seperti apa yang baginda lakukan dalam masalah ini.

Analisis Lafaz

"وَيُبَاشِرُ وَهُوَ صَائِمٌ", *al-mubasyarah* maksudnya memegang dengan tangan hingga kedua kulit bersentuhan. Apa yang dimaksudkan di sini lebih umum daripada

hanya sekadar berciuman, selagi tidak sampai bersetubuh. Maksud dalam hadis ini bukanlah bersetubuh, meskipun lafaz *mubasyarah* adakalanya diertikan sebagai bersetubuh.

Di dalam hadis Aisyah ini disebutkan berciuman, kemudian disebutkan *mubasyarah*, seperti bercumbu dan saling berpelukan. Tetapi ketika hendak mengungkapkan kata *mujama'ah* (bersetubuh), dia menggunakan istilah *al-irb* yang maksudnya baginda belum pernah melakukan hal itu apabila sedang puasa. Dengan kata lain, baginda adalah orang yang paling kuat di antara kamu dalam hal menahan berahinya untuk menghindar perbuatan-perbuatan yang tidak patut dilakukan oleh orang yang sedang berpuasa.

"وَزَادَ فِي رِوَايَةٍ: فِي رَمَضَانَ", Muslim di dalam riwayatnya yang kedua melalui Amr ibn Maimun daripada Aisyah (r.a) menambahkan bahawa Aisyah (r.a) berkata:

كَانَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُقَبِّلُ فِي رَمَضَانَ وَهُوَ صَائِمٌ.

"Rasulullah (s.a.w) sering kali mencium (isterinya) dalam bulan Ramadhan, sedangkan baginda dalam keadaan berpuasa."

Fiqh Hadis

Orang berpuasa yang mampu menahan dirinya dibolehkan melakukan ciuman dan puasanya tidak batal. Inilah pendapat Imam Ahmad. Sedangkan menurut Imam Malik dalam pendapat yang masyhur daripadanya, itu makruh dilakukan secara mutlak apabila diyakini tidak terjadi sesuatu yang tidak diingini, tetapi apabila sebaliknya, maka hukumnya adalah haram.

Imam Abu Hanifah berkata: "Makruh bagi orang yang berpuasa melakukan ciuman dan berpelukan selagi tidak keterlaluan apabila seseorang tidak dapat menjamin dirinya daripada mengeluarkan air mani, tetapi apabila dia mampu menahannya daripada mengeluarkan air mani, maka hukumnya tidak dimakruhkan.

Imam al-Syafi'i dan murid-muridnya mengatakan bahawa melakukan ciuman ketika sedang berpuasa tidak diharamkan bagi orang yang berahinya tidak digerakkan olehnya, tetapi apa yang lebih afdal adalah meninggalkannya. Perbuatan itu tidak dikatakan makruh melainkan mereka mengatakannya bertentangan dengan amalan yang lebih utama, kerana Nabi (s.a.w) pernah melakukannya, sebab baginda tidak mungkin melakukan itu hingga melampaui batasan ciuman. Namun orang selain baginda dikhuatiri akan melakukan sesuatu yang melampaui batas berciuman. Adapun orang yang berahinya mudah bergelora maka berciuman diharamkan ke atasnya menurut pendapat yang paling sahih. Hukum *mubasyarah* sama dengan masalah berciuman di mana ulama masih berselisih pendapat mengenainya. Perbezaan pendapat ini adalah bagi orang yang sedang puasa selagi tidak mengeluarkan air mani. Tetapi apabila mengeluarkan air mani, maka puasanya batal dan diwajibkan mengqadha' puasa mengikut menurut kesepakatan ulama.

Imam Malik menambahkan kifarat selain daripada kewajipan qadha'. Jika seseorang itu hanya mengeluarkan air madzi, maka dia hanya diwajibkan mengqadha' menurut Imam Malik dan Imam Ahmad. Tetapi jika diketahui bahawa madzi keluar sebelum dia melakukan ciuman dan pelukan, maka hukumnya haram dan tidak wajib qadha' mengikut mazhab Hanafi dan mazhab al-Syafi'i.

Adapun hukum khayalan dan pandangan, maka menurut mazhab Hanafi apabila seseorang itu mengeluarkan air mani kerana mengkhayal, meskipun dalam waktu yang lama atau kerana melihat kemaluan, maka puasanya tidak batal. Hal yang sama turut dikatakan oleh mazhab al-Syafi'i, namun mereka mengatakan bahawa jika seseorang membiasakan perkara itu, maka puasanya batal menurut pendapat yang muktamad.

Menurut mazhab Maliki, jika seseorang mengeluarkan air madzi kerana berkhayal atau pandangan, maka dia wajib mengqadha' puasanya. Jika mengeluarkan air mani kerana terlampau lama mengkhayal dan memandang, maka dia wajib membayar kifarat apabila kebiasaannya itu menyebabkannya air maninya keluar, sekalipun hanya sesaat Tetapi jika kebiasaannya itu tidak menyebabkan air maninya keluar meskipun dia lama memandang atau mengkhayal dan ternyata dia tidak seperti biasanya, lalu mengeluarkan air mani, maka dia tidak dikenakan kewajipan membayar kifarat menurut pendapat yang dipilih oleh Ibn Abdul Salam. Demikian pula jika seseorang mengeluarkan air mani hanya kerana memandang atau mengkhayal, maka dia tidak dikenakan kewajipan membayar kifarat mengikut pendapat Ibn al-Qasim.

Menurut mazhab Hanbali, jika pandangan dilakukan berulang kali, lalu seseorang itu mengeluarkan air mani, maka puasanya batal dan dia wajib mengqadha'nya. Jika dia keluar air mani kerana pandangan yang tidak berulang kali atau kerana mengkhayal, maka puasanya tidak batal, kerana kedua-dua keadaan ini sangat sukar untuk dielakkan, berbeza dengan pandangan yang berulang kali.

Periwayat Hadis

Amr ibn Maimun al-Azdi, nama panggilannya adalah Abu Yahya al-Kufi. Beliau meriwayatkan hadis daripada Umar dan Mu'adz, dan dia pernah melihat Nabi (s.a.w). Riwayat hadisnya telah diambil oleh al-Sya'bi, Sa'id ibn Jubair, dan Abu Ishaq. Abu Ishaq berkata: "Amr ibn Maimun telah melakukan enam puluh kali haji dan umrah." Isra'il meriwayatkan daripada Abu Ishaq, bahawa Amr ibn Maimun melakukan seratus kali haji dan umrah. Ibn Mu'in menilainya tsiqah. Abu Nu'aim berkata: "Beliau meninggal dunia pada tahun 74 Hijriah."

٢٠٢- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ احْتَجَمَ وَهُوَ مُحْرِمٌ، وَاحْتَجَمَ وَهُوَ صَائِمٌ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

202. Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah berbekam ketika sedang berihram, dan baginda pernah berbekam pula ketika sedang berpuasa." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Berbekam tidak membatalkan puasa dan tidak pula membatalkan ihram. Nabi (s.a.w) pernah melakukan berbekam ketika sedang berpuasa, dan pada waktu lain baginda pernah berbekam ketika sedang berihram. Semua perbuatan Rasulullah (s.a.w) merupakan syariat. Baginda tidak berpuasa ketika berihram, kerana kedua-duanya merupakan masalah yang berlainan, tetapi apabila orang yang berpuasa merasa yakin dia harus berbuka setelah berbekam kerana telah membuatnya lemah, maka hukum melakukan bekam adalah haram kecuali dalam keadaan darurat. Jika dia merasa ragu sama ada mampu meneruskan puasa atau tidak apabila berbekam, maka hukum berbekam baginya adalah makruh.

Analisis Lafaz

"احْتَجَمَ وَهُوَ مُحْرِمٌ", ini terjadi pada waktu haji wada' pada tahun 10 Hijriah. *Al-Hijamah* adalah mengambil darah dari kepala manakala *al-Fashd* pula mengambil darah daripada mana-mana bahagian anggota tubuh.

Fiqh Hadis

1. Orang yang sedang berihram dibolehkan melakukan berbekam.
2. Berbekam tidak membatalkan puasa. Imam Ahmad berkata: "Berbekam membatalkan puasa orang yang melakukan bekam dan orang yang dibekam; setiap mereka wajib mengqadha' puasanya. Menurut Imam Ahmad, ini kerana berlandaskan kepada hadis Syaddad yang akan disebutkan dalam hadis no. 203.
3. Jumhur ulama mengatakan bahawa berbekam tidak membatalkan puasa, tetapi hanya makruh bagi orang yang tidak memerlukannya mengikut mazhab al-Syafi'i dan makruh tanpa kecuali mengikut mazhab Maliki dan mazhab Hanafi apabila seseorang itu menjadi lemah setelah berbekam. Mereka menanggapi hadis Syaddad bahawa maksudnya adalah seseorang itu telah mendedahkan dirinya untuk dapat berbuka atau hadis Syaddad tersebut dimansukh oleh hadis Ibn Abbas kerana hadis Ibnu Abbas lebih akhir daripada hadis Syaddad.

٢٠٣- عَنْ شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَتَى عَلَى رَجُلٍ بِالْبَقِيعِ وَهُوَ يَحْتَجِمُ فِي رَمَضَانَ. فَقَالَ: "أَفْطَرَ الْحَاجِمُ وَالْمَحْجُومُ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ

إِلاَّ التِّرْمِذِيَّ وَصَحَّحَهُ أَحْمَدُ وَابْنُ خُزَيْمَةَ وَابْنُ حِبَّانَ.

203. Daripada Syaddad ibn Aus (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) mendatangi seorang lelaki yang sedang berbekam di al-Baqi' pada bulan Ramadhan, lalu baginda bersabda: "Telah batallah puasa tukang bekam dan orang yang dibekamnya itu." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, kecuali al-Tirmizi. Imam Ahmad, Ibn Khuzaimah dan Ibn Hibban menilainya sahih)

Makna Hadis

Kebiasaan Ibn Hajar selalunya mendahulukan hadis *nasikh* daripada hadis yang *mansukh* untuk menjelaskan bahawa mengamalkan hadis yang pertama lebih diutamakan kerana hukum hadis yang sesudahnya adakalanya telah dihapus menurut syarak sehingga pengamalannya tidak lagi berlaku.

Tetapi ada ulama yang menyebut hadis *mansukh* lebih dahulu daripada hadis yang *nasikh*, kerana waktunya lebih dahulu. Cara ini berpegang pada kaedah asal di mana setiap ulama mempunyai alasannya sendiri dalam menulis karyanya. Hadis ini diguna pakai oleh sekumpulan ulama, tetapi jumhur ulama menyatakan bahawa hadis ini telah di-*mansukh*. Pemansukhan tersebut dikuatkan lagi oleh hadis Ibn Abu Syaibah yang mengatakan:

أَنَّهُ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَخَّصَ فِي الْحِجَامَةِ لِلصَّائِمِ.

"Nabi (s.a.w) memberikan rukhsah untuk berbekam bagi orang yang sedang berpuasa."

Rukhsah itu hanya diberikan sesudah adanya 'azimah. Hal ini menunjukkan bahawa hadis Syaddad telah di-*mansukh* hukumnya.

Analisis Lafaz

"أَتَى عَلَى رَجُلٍ بِالْبَقِيعِ", Nabi (s.a.w) mendatangi seorang lelaki yang duduk di al-Baqi' dan sedang berbekam di bulan Ramadhan. Al-Baqi' adalah tempat perkuburan penduduk Madinah.

"أَفْطَرَ الْحَاجِمُ وَالْمَحْجُومُ", Imam Ahmad berkata: "Puasa tukang bekam dan orang yang dibekam adalah batal. Jumhur ulama mengatakan bahawa kedua-duanya telah melakukan sesuatu yang boleh mengakibatkan puasanya batal. Ini kerana tukang bekam tidak dijamin apabila ada sesuatu daripada darah orang yang dibekam masuk ke dalam perutnya ketika dia sedang menyedutnya. Orang yang dibekam pula dikhuatiri keadaannya menjadi lemah kerana banyak mengeluarkan darah.

Fiqh Hadis

Berbekam boleh membatalkan puasa tukang bekam dan orang yang dibekam menurut pendapat Imam Ahmad. Tetapi menurut jumhur ulama, berbekam tidak membatalkan puasa.

Periwayat Hadis

Syaddad ibn Aus ibn Tsabit ibn al-Mundzir ibn Haram al-Ansari al-Najjari, nama panggilannya Abu Ya'la al-Madani. Dia adalah anak Hassan ibn Tsabit. Dia meriwayatkan 50 hadis, dan riwayat hadisnya telah diambil oleh Ya'la, anaknya dan Mahmud ibn al-Rabi'. Ubadah ibn al-Shamit berkata: "Syaddad termasuk orang yang dianugerahi ilmu dan sikap murah hati." Dia meninggal dunia pada tahun 58 Hijriah di Baitul Muqdis.

٢٠٤- عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: أَوَّلُ مَا كُرِهَتِ الْحِجَامَةُ لِلصَّائِمِ أَنَّ جَعْفَرَ بْنَ أَبِي طَالِبٍ احْتَجَمَ وَهُوَ صَائِمٌ، فَمَرَّ بِهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: "أَفْطَرَ هَذَانِ"، ثُمَّ رَخَّصَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْدُ فِي الْحِجَامَةِ لِلصَّائِمِ، وَكَانَ أَنَسٌ يَحْتَجِمُ وَهُوَ صَائِمٌ. رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ وَقَوَّاهُ.

204. Daripada Anas ibn Malik (r.a), beliau berkata: "Mula-mula berbekam dimakruhkan bagi orang yang berpuasa adalah ketika Ja'far ibn Abu Talib berbekam, padahal dia sedang berpuasa. Nabi (s.a.w) kemudian lalu dan bersabda: "Kedua-dua orang ini telah batal puasanya." Setelah itu Nabi (s.a.w) memberikan rukhsah berbekam bagi orang yang sedang berpuasa dan Anas sendiri sering kali berbekam ketika sedang berpuasa. (Diriwayatkan oleh al-Daraquthni yang menilainya sebagai hadis yang kuat)

Makna Hadis

Hadis ini memperkuatkan lagi pendapat jumhur ulama yang menyatakan bahawa berbekam tidak membatalkan puasa, kerana di dalam hadis ini disebutkan lafaz "رخص بعد" dan para sahabat sendiri mengamalkan *rukhsah* ini. Adalah Anas (r.a) sering kali berbekam ketika sedang berpuasa.

Analisis Lafaz

"أَوَّلُ مَا كُرِهَتِ", 'illat berbekam dimakruhkan ketika sedang berpuasa ialah dikhuatiri melemahkan tubuh orang yang berkenaan.

"أَفْطَرَ هَذَانِ", tukang bekam dan orang yang dibekam, puasa mereka batal. Imam Ahmad berkata: "Puasa kedua-duanya batal kerana berpegang kepada makna zahir hadis ini. Orang yang dibekam tubuhnya menjadi lemah, sedangkan tukang bekam mungkin ada sebahagian darah yang masuk ke dalam perutnya menerusi alat yang dia gunakan untuk menyedut darah melalui mulutnya."

"ثُمَّ رَخَّصَ النَّبِيُّ صَلَّى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", *al-Rukhsah* ialah berpindah dari suatu hukum kepada hukum yang lain. Lafaz *rukhsah* apabila digunakan sesudah larangan pada umumnya menunjukkan kepada makna menghapus larangan tersebut.

"بَعْدُ", sesudah larangan itu, yakni baginda membolehkan berbekam bagi orang yang sedang berpuasa. Sebelum itu baginda melarangnya.

"رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ وَقَوَّاهُ", al-Daruqutni berkata: "Para periwayat hadis ini semuanya *tsiqah*, tidak ada sedikit pun cacat dalam hadis ini."

Fiqh Hadis

1. Menurut pendapat jumhur ulama, tidak batal puasa kerana berbekam.
2. Mengukuhkan penghapusan hadis Syaddad.

٢٠٥- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اكْتَحَلَ فِي رَمَضَانَ وَهُوَ صَائِمٌ. رَوَاهُ ابْنُ مَاجَه بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ. قَالَ التِّرْمِذِيُّ: لاَ يَصِحُّ فِيهِ شَيْءٌ.

205. Daripada Aisyah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) menggunakan celak mata di bulan Ramadhan ketika baginda sedang berpuasa." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah dengan sanad yang dha'if. Al-Tirmizi berkata: "Tidak ada satu hadis pun yang sahih dalam bab ini.")

Makna Hadis

Orang yang sedang berpuasa batal puasanya kerana ada sesuatu yang masuk ke dalam rongga tubuhnya melalui cara yang biasa dilakukan, misalnya melalui mulut dan hidung. Oleh itu, orang yang sedang berpuasa dimakruhkan berkumur dan menghirup air secara berlebihan.

Mata tidak termasuk cara masuk yang biasa untuk kemudian membatalkan puasa. Oleh itu, seandainya orang yang sedang berpuasa menggunakan celak mata, maka itu tidak membatalkan puasanya. Tetapi menurut sebahagian ulama, apabila seseorang merasakan rasa celak di dalam rongganya, sekalipun rasa tersebut masuk tidak melalui cara yang biasa, maka puasa orang itu menjadi batal. Pendapat inilah yang menjadi pegangan bagi orang yang mengatakan bahawa menggunakan celak mata membatalkan puasa orang yang melakukannya apabila dia ada merasakan rasanya.

Analisis Lafaz

"اكْتَحَلَ", *al-kahl* adalah mencelak mata dengan bahan khusus.

"لاَ يَصِحُّ فِيهِ شَيْءٌ", tidak ada satu pun hadis yang berkedudukan sahih dalam bab ini. Ini kerana sebahagian ulama membolehkannya di bulan Ramadhan, sedangkan sebahagian yang lain memakruhkannya.

Fiqh Hadis

Orang yang sedang berpuasa boleh menggunakan celak mata pada waktu siang hari. Mazhab al-Syafi'i dan mazhab Hanafi mengatakan bahawa menggunakan celak mata bagi orang yang berpuasa dibolehkan dan puasanya tidak batal, baik dia merasakan celak itu pada tenggorokannya ataupun tidak. Tetapi menurut mazhab al-Syafi'i, itu bertentangan dengan apa yang lebih afdal.

Mazhab Maliki dan mazhab Hanbali mengatakan bahawa puasa menjadi batal kerana menggunakan celak mata pada waktu siang hari apabila orang itu ada merasakan celak tersebut pada mulutnya, namun makruh apabila dia tidak merasakannya pada mulutnya.

٢٠٦- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ نَسِيَ وَهُوَ صَائِمٌ فَأَكَلَ أَوْ شَرِبَ، فَلْيُتِمَّ صَوْمَهُ، فَإِنَّمَا أَطْعَمَهُ اللهُ وَسَقَاهُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.
وَلِلْحَاكِمِ: "مَنْ أَفْطَرَ فِي رَمَضَانَ نَاسِيًا فَلاَ قَضَاءَ عَلَيْهِ وَلاَ كَفَّارَةَ". وَهُوَ صَحِيحٌ.

206. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Barang siapa yang lupa lalu makan atau minum ketika sedang berpuasa, maka hendaklah dia menyempurnakan puasanya, kerana hanya Allah yang telah memberinya makan dan minum.*" (Muttafaq 'alaih)

Menurut riwayat al-Hakim disebutkan sebagai berikut: "*Barang siapa yang berbuka di bulan Ramadhan kerana lupa, maka tidak ada kewajiban qadha' dan kifarat baginya.*" (Hadis ini sahih)

Makna Hadis

Allah (s.w.t) amat berbelas kasihan kepada hamba-hamba-Nya dan menolak segala bentuk kesusahan dan kesempitan daripada mereka serta memudahkan urusan ibadah mereka. Orang yang makan dan minum kerana lupa ketika sedang berpuasa tidaklah batal puasanya. Sesungguhnya makanan yang dimakannya dan minuman yang diteguknya merupakan ganjaran daripada Allah (s.w.t) untuknya, kerana dia telah mengerjakan apa yang telah diperintahkan oleh Allah kepadanya dan menjauhi apa yang telah dilarang-Nya. Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَمَا جَعَلَ عَلَيۡكُمۡ فِي ٱلدِّينِ مِنۡ حَرَجٖۚ ..... ﴿٧٨﴾

"... Dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan...." (Surah al-Hajj: 78)

Sebahagian ulama ada yang mengatakan bahawa sesungguhnya yang dimaafkan kerana lupa adalah dosa dan kifaratnya sahaja. Oleh itu, seseorang tetap diwajibkan mengqadha' puasa fardu. Mereka menanggapi sabda Rasulullah (s.a.w): "فَلْيُتِمَّ صَوْمَهُ" dengan maksud hendaklah seseorang itu menyempurnakan imsaknya daripada perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa bagi menghormati bulan puasa.

Analisis Lafaz

"فَأَكَلَ أَوْ شَرِبَ", hanya dua perkara yang disebutkan di dalam hadis ini, sedangkan perkara yang selainnya yang boleh membatalkan puasa tidak disebutkan, kerana kebanyakan lupa itu terjadi akibat kedua-dua perkara ini, baik sedikit ataupun banyak.

"فَلْيُتِمَّ صَوْمَهُ", hendaklah dia menyempurnakan puasanya. Perintah untuk melanjutkan puasa kerana puasanya tidak dianggap batal.

"فَإِنَّمَا أَطْعَمَهُ اللهُ وَسَقَاهُ", tidak ada jalan baginya untuk menghindarkan diri daripada perkara tersebut, kerana lupa itu datang dari Allah (s.w.t). Kalimat ini merupakan ungkapan kinayah yang menunjukkan tidak berdosa, kerana suatu perbuatan yang datang dari Allah tidak menimbulkan dosa.

Fiqh Hadis

1. Antara kemurahan Islam ialah memberikan kemudahan kepada umatnya dan berusaha menghilangkan segala bentuk kesulitan mereka.
2. Barang siapa yang berbuka pada waktu siang hari di bulan Ramadhaa kerana lupa, maka dia tidak dikenakan kewajipan mengqadha' dan kifarat. Imam al-Syafi'i dan Imam Abu Hanifah berkata: "Barang siapa makan atau minum atau melakukan perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa kerana lupa, maka puasanya tidak batal dan tidak ada apa-apa tanggungan baginya." Imam Ahmad berkata: "Orang itu wajib mengqadha' puasanya. Orang itu wajib membayar kifarat apabila dia bersetubuh, namun tidak dikenakan apa-apa kewajipan apabila kerana makan dan minum." Imam Malik berkata: "Barang siapa yang makan atau minum atau melakukan sesuatu yang boleh membatalkan puasa, maka dia mesti mengqadha'nya tanpa perlu membayar kifarat kerana puasanya batal." Masalah puasa di sini menurutnya diqiyaskan kepada masalah solat. Jadi barang siapa meninggalkan satu rakaat solat kerana lupa, maka solatnya batal. Begitu pula meninggalkan satu rukun puasa, iaitu menahan diri daripada perkara-

perkara yang boleh membatalkannya, maka ia dapat membatalkan puasa.

٢٠٧- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ ذَرَعَهُ الْقَيْءُ فَلاَ قَضَاءَ عَلَيْهِ، وَمَنْ اسْتَقَاءَ فَعَلَيْهِ الْقَضَاءُ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ، وَأَعَلَّهُ أَحْمَدُ، وَقَوَّاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ.

207. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Barang siapa yang mendadak muntah, maka dia tidak dikenakan kewajipan mengqadha' puasa dan barang siapa yang sengaja muntah, maka dia wajib mengqadha'nya.*" (Diriwayatkan oleh al-Khamsah. Imam Ahmad menilai hadis ini cacat sedangkan al-Daraquthni menilainya kuat)

Makna Hadis

Puasa menjadi batal kerana sesuatu yang masuk, bukan kerana ada sesuatu yang keluar. Dari sini, barang siapa yang mendadak muntah, sedangkan dia tidak sengaja berbuat demikian, maka puasanya tidak batal dan dia tidak dikenakan kewajipan mengqadha' puasa. Tidak perlu qadha' ini menunjukkan sahnya puasa. Jika puasanya itu batal, nescaya dia diwajibkan mengqadha'nya.

Jika muntah yang dialaminya itu sengaja dia lakukan, maka itu membatalkan puasanya. Begitu pula jika seseorang itu menelan semula sedikit muntahnya, maka puasanya dianggap batal.

Analisis Lafaz

"مَنْ ذَرَعَهُ", barang siapa yang terpaksa.

"الْقَيْءُ", keluarnya sesuatu dari dalam perut melalui mulut, yakni muntah. Barang siapa yang terpaksa muntah, sedangkan dia dalam keadaan puasa, maka puasanya tidak batal.

"اسْتَقَاءَ", sengaja muntah, misalnya dengan memasukkan jarinya ke dalam mulut hingga muntah, maka puasanya batal dan dia wajib mengqadha' puasanya.

"وَأَعَلَّهُ أَحْمَدُ", Imam Ahmad menilai bahawa di dalam hadis ini terjadi kekeliruan.

"وَقَوَّاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ", al-Daraquthni menilainya kuat kerana al-Bukhari meriwayatkan hadis ini melalui Ibn Abu Syaibah secara *mawquf*.

Fiqih hadis

1. Barang siapa yang terpaksa muntah sedangkan dia dalam keadaan berpuasa, maka puasanya tidak batal. Para ulama mengatakan bahawa

tidak batal puasa seseorang kerana terpaksa muntah, betapapun banyak muntahnya itu. Jumhur ulama mengatakan bahawa apabila dia menelan semula muntahnya ke dalam kerongkongnya meskipun itu sedikit, padahal dia mampu memuntahkannya dan mengeluarkannya, maka puasanya batal dan dia wajib mengqadha'nya. Menurut pendapat yang sahih di kalangan mazhab Hanafi, jika muntah itu masuk semula ke dalam kerongkong tanpa disengaja, maka puasanya tidak batal. Imam Abu Yusuf berkata: "Puasanya batal, baik kerana masuk semula dengan sendirinya ke dalam kerongkongan ataupun sengaja dimasukkan semula apabila kadar muntah itu sepenuh mulut."

2. Barang siapa yang sengaja muntah maka puasanya batal mengikut ijma' ulama.

٢٠٨- عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَرَجَ عَامَ الْفَتْحِ إِلَى مَكَّةَ فِي رَمَضَانَ، فَصَامَ حَتَّى بَلَغَ كُرَاعَ الْغَمِيمِ، فَصَامَ النَّاسُ، ثُمَّ دَعَا بِقَدَحٍ مِنْ مَاءٍ فَرَفَعَهُ، حَتَّى نَظَرَ النَّاسُ إِلَيْهِ، ثُمَّ شَرِبَ، فَقِيلَ لَهُ بَعْدَ ذَلِكَ: إِنَّ بَعْضَ النَّاسِ قَدْ صَامَ. قَالَ: "أُولَئِكَ الْعُصَاةُ، أُولَئِكَ الْعُصَاةُ".

وَفِي لَفْظٍ: فَقِيلَ لَهُ: إِنَّ النَّاسَ قَدْ شَقَّ عَلَيْهِمُ الصِّيَامُ، وَإِنَّمَا يَنْظُرُونَ فِيمَا فَعَلْتَ، فَدَعَا بِقَدَحٍ مِنْ مَاءٍ بَعْدَ الْعَصْرِ، فَشَرِبَ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

208. Daripada Jabir ibn Abdullah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) berangkat menuju Mekah pada tahun pembukaan Mekah dalam bulan Ramadhan. Ketika sampai di Kura' al-Ghamim, orang ramai masih tetap berpuasa, kemudian Rasulullah (s.a.w) meminta sekendi air, lalu diangkat hingga seluruh kaum muslimin melihat ke arahnya, kemudian baginda meminumnya. Sesudah itu ada orang yang berkata kepadanya, bahawa sesungguhnya sebahagian orang masih ada yang tetap berpuasa, lalu baginda bersabda: "Mereka adalah orang derhaka, mereka adalah orang derhaka."

Menurut lafaz yang lain disebutkan sebagai berikut: "Lalu dikatakan kepadanya, bahawa sesungguhnya orang ramai merasa berat untuk tetap berpuasa dan mereka hanya menunggu apa yang akan tuan kerjakan. Lalu baginda meminta sebuah bekas berisikan air sesudah Asar, dan baginda terus meminumnya." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Bermusafir merupakan salah satu uzur yang membolehkan seorang musafir berbuka puasa. Untuk itu, dia boleh berpuasa dan boleh pula berbuka mengikut

kesukaannya. Ini kerana bermusafir tidak terlepas daripada pelbagai kesusahan. Oleh itu, syariat Islam sering kali mengaitkan hukum ini dengan keadaan kesusahan tersebut. Dalil dalam masalah ini adalah firman Allah (s.w.t):

..... فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ..... ﴿١٨٤﴾

"*... Dan barang siapa sakit atau dalam perjalanan (lalu dia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkannya itu, pada hari-hari yang lain...*" (Surah al-Baqarah: 184)

Orang yang bermusafir diwajibkan mengqadha' puasanya apabila dia berbuka dalam perjalanan seperti mana yang telah dijelaskan oleh ayat di atas. Hikmah yang terdapat di dalam *rukhsah* ini ialah untuk memberikan kemudahan kepada orang yang sedang dalam perjalanan, seperti yang dijelaskan oleh Allah (s.w.t) dalam ayat lain:

..... يُرِيدُ ٱللَّهُ بِكُمُ ٱلْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ ٱلْعُسْرَ ..... ﴿١٨٥﴾

"*... Allah menghendaki kemudahan bagi kamu, dan tidak menghendaki kesukaran....*" (Surah al-Baqarah: 185)

Akan tetapi, tetap kekal berpuasa adalah lebih utama bagi orang yang tidak keberatan untuk melaksanakannya. Jika dia merasa keberatan untuk melaksanakannya, maka adalah lebih baik baginya berbuka. Inilah kesimpulan dari apa yang diungkapkan oleh hadis berikut:

لَيْسَ مِنَ الْبِرِّ الصِّيَامُ فِي السَّفَرِ.

"*Adalah tidak termasuk kebaikan melakukan puasa semasa dalam perjalanan.*" Malah menurut pendapat Imam Ahmad, berbuka adalah lebih afdal.

Analisis Lafaz

"خَرَجَ عَامَ الْفَتْحِ", pembukaan kota Mekah. Ini terjadi pada tahun ke-2 Hijriah.

"فِي رَمَضَانَ", pada tarikh tiga belas bulan Ramadhan.

"حَتَّى بَلَغَ", hingga sampai.

"كُرَاعَ الْغَمِيمِ", nama sebuah lembah di hadapan 'Usfan yang jauhnya lapan mil daripadanya, ditambah dengan bukit hitam yang bersambung secara langsung dengannya. *Al-Kura'* adalah setiap lembah yang terdapat di kaki bukit.

"ثُمَّ دَعَا بِقَدَحٍ مِنْ مَاءٍ فَرَفَعَهُ، حَتَّى نَظَرَ النَّاسُ إِلَيْهِ", Rasulullah (s.a.w) meminta sebuah bekas berisikan air, lalu baginda mengangkatnya agar kelihatan oleh orang ramai dan mereka mengikuti jejaknya, yakni mahu menerima *rukhsah* yang datang dari Allah (s.w.t). Barang siapa yang tetap berpuasa, bererti dia benar-benar telah berbuat derhaka kepada-Nya.

"أُولَئِكَ الْعُصَاةُ، أُولَئِكَ الْعُصَاةُ", kata-kata ini diulangi sebanyak dua kali. Ini dapat ditafsirkan bahawa orang Islam akan beroleh mudharat kerana meneruskan puasanya atau mereka diperintahkan untuk berbuka dengan perintah yang tegas demi kemaslahatan mereka sendiri di samping menjelaskan bahawa itu dibolehkan, tetapi mereka malah menentang apa yang wajib ini hingga mereka benar-benar derhaka. Atau, makna yang dimaksudkan adalah sebagai peringatan dan amaran keras, kerana sikap tersebut dilakukan oleh mereka berdasarkan ijtihad mereka yang keliru kerana belum pernah ada perintah yang jelas menganjurkan mereka berbuka.

"إِنَّ النَّاسَ قَدْ شَقَّ عَلَيْهِمُ الصِّيَامُ", sulit bagi mereka melakukan puasa dalam perjalanan yang melelahkan itu dan mereka tidak mampu meneruskannya.

Fiqh Hadis

Orang yang bermusafir dibolehkan memilih antara tetap berpuasa dan berbuka. Jumhur ulama mengatakan bahawa puasa bagi orang yang bermusafir adalah lebih afdal jika dia mampu melakukannya, tetapi menurut Imam Ahmad, berbuka lebih adalah afdal baginya.

٢٠٩- عَنْ حَمْزَةَ بْنِ عَمْرٍو الْأَسْلَمِيِّ رِضَى اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ قَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنِّي أَجِدُ فِيَّ قُوَّةً عَلَى الصِّيَامِ فِي السَّفَرِ، فَهَلْ عَلَيَّ جُنَاحٌ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "هِيَ رُخْصَةٌ مِنَ اللهِ، فَمَنْ أَخَذَ بِهَا فَحَسَنٌ، وَمَنْ أَحَبَّ أَنْ يَصُومَ فَلاَ جُنَاحَ عَلَيْهِ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ. وَأَصْلُهُ فِي "الْمُتَّفَقِ عَلَيْهِ" مِنْ حَدِيثِ عَائِشَةَ أَنَّ حَمْزَةَ بْنَ عَمْرٍو سَأَلَ.

209. Daripada Hamzah ibn 'Amr al-Aslami (r.a), beliau bertanya: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku mampu berpuasa semasa dalam perjalanan, apakah aku berdosa apabila berbuat demikian?" Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Itu merupakan *rukhsah* yang datang dari Allah. Barang siapa yang mengambilnya, maka itu baik dan barang siapa yang ingin tetap berpuasa, maka tidak ada cela baginya." (Diriwayatkan oleh Muslim. Asal hadis ini dari al-Bukhari dan Muslim daripada Aisyah (r.a) bahawa Hamzah ibn Amr bertanya, hingga akhir hadis)

Makna Hadis

Islam adalah agama yang dipenuhi dengan kemudahan dan toleransi antara lain ialah keadaan manusia selalu diambil kira sesuai dengan kemampuan mereka. Oleh kerana bermusafir biasanya menyebabkan kesukaran, maka Islam memberikan kelonggaran untuk memilih antara tetap berpuasa dan berbuka. Mengambil mana yang lebih mudah di antaranya merupakan satu *rukhsah* (kemudahan) dari Allah

(s.w.t) untuk hamba-hamba-Nya, seperti mana yang dijelaskan dalam firman Allah:

..... يُرِيدُ ٱللَّهُ بِكُمُ ٱلْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ ٱلْعُسْرَ ..... ﴿١٨٥﴾

"*…Allah menghendaki kemudahan bagi kamu dan tidak menghendaki kesukaran…*" (Surah al-Baqarah: 185)

Hal ini diperkuatkan lagi oleh hadis Anas (r.a) yang menceritakan sebagai berikut:

سَافَرْنَا مَعَ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمْ يَعِبِ الصَّائِمُ عَلَى الْمُفْطِرِ وَلاَ الْمُفْطِرُ عَلَى الصَّائِمِ.

"Kami melakukan suatu perjalanan bersama Rasulullah (s.a.w) dan ternyata orang yang puasa tidak mencela orang yang berbuka dan demikian pula sebaliknya."

Kesimpulannya, berpuasa dan berbuka dalam perjalanan adalah sama sahaja. Jika puasa dirasa memberatkan seseorang, maka berbuka adalah lebih afdal baginya. Di sini terdapat sanggahan terhadap orang yang melarang berpuasa semasa dalam perjalanan.

Analisis Lafaz

"إِنِّي أَجِدُ فِيَّ قُوَّةً عَلَى الصِّيَامِ فِي السَّفَرِ", aku mampu berpuasa semasa dalam perjalanan tanpa mengalami susah payah dan tidak pula keletihan.

"فَهَلْ عَلَيَّ جُنَاحٌ", apakah aku tercela kerana berpuasa semasa dalam perjalanan?

"هِيَ رُخْصَةٌ مِنَ اللهِ", berbuka dalam perjalanan merupakan kemudahan yang datang dari Allah (s.w.t) untuk hamba-hamba-Nya. *Dhamir* di-*tatsniyah*-kan kerana *khabar*-nya di-*tatsniyah*-kan, iaitu lafaz *rukhsah*.

"مَنْ أَحَبَّ أَنْ يَصُومَ", perbezaan ungkapan di antara dua syarat mengandungi makna yang menunjukkan bahawa puasa adalah lebih diutamakan.

"فَلاَ جُنَاحَ عَلَيْهِ, menurut zahir *muqabalah* (lawan kata) ialah hendaklah memakai lafaz "حسن" atau "أحسن", seperti *muqabalah* yang terdapat di dalam firman Allah (s.w.t):

..... وَأَن تَصُومُواْ خَيْرٌ لَّكُمْ ..... ﴿١٨٤﴾

"*… Dan berpuasa lebih baik bagi kamu...*" (Surah al-Baqarah: 184) Bahkan apabila melihat keadaan pertama sebagai *rukhsah*, sedangkan yang kedua sebagai *azimah*, maka ketentuan *muqabalah*-nya seharusnya disongsangkan. Misalnya dalam keadaan pertama dikatakan tidak ada cela, sedangkan pada keadaan kedua dikatakan baik. Akan tetapi makna yang dimaksudkan ialah *mubalaghah*, kerana apabila *rukhsah* itu dianggap baik, maka bererti *azimah* lebih baik lagi daripada

itu. Barangkali Rasulullah (s.a.w) mengetahui melalui cahaya kenabiannya bahawa maksud si penanya adalah: "Apakah aku berdosa apabila tetap puasa?" Hal ini dapat difahami dari perkataan si penanya yang mengatakan: "Sesungguhnya aku mempunyai kemampuan untuk berpuasa (semasa dalam perjalanan)."

"وَأَصْلُهُ فِي "الْمُتَّفَقِ عَلَيْهِ", asal hadis ini berada pada al-Bukhari dan Muslim daripada Aisyah (r.a) yang lafaznya berbunyi sebagai berikut:

أَنَّ حَمْزَةَ بْنَ عَمْرٍو الْأَسْلَمِيَّ سَأَلَ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنِّي رَجُلٌ أَسْرُدُ الصَّوْمَ، أَفَأَصُومُ فِي السَّفَرِ، قَالَ: صُمْ إِنْ شِئْتَ، وَأَفْطِرْ إِنْ شِئْتَ.

"Hamzah ibn Amr al-Aslami bertanya kepada Rasulullah (s.a.w): "Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku seorang lelaki yang (suka) berpuasa secara berterusan. Apakah aku boleh berpuasa dalam perjalanan?" Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Puasalah jika engkau suka, dan berbukalah jika engkau menghendakinya."

Hamzah ibn 'Amr ibn 'Uwaimir ibn al-Harits al-Aslami, nama panggilannya adalah Abu Shalih dan Abu Muhammad. Beliau seorang sahabat yang disegani, telah meriwayatkan 9 hadis. Riwayat hadisnya telah diambil oleh Muhammad (anaknya), Hanzalah, Sulaiman ibn Yasar dan Abu Salamah. Beliau meninggal dunia pada tahun 61 Hijriah.

"أَسْرُدُ الصَّوْمَ", aku biasa puasa secara berterusan. Dia rajin berpuasa, yakni puasa al-*Dahr* (puasa sehari, berbuka sehari).

"أَفَأَصُومُ فِي السَّفَرِ", bolehkah aku berpuasa semasa dalam perjalanan?

"صُمْ إِنْ شِئْتَ، وَأَفْطِرْ إِنْ شِئْتَ", Nabi (s.a.w) menyerahkan pilihan kepadanya, sama ada ingin berpuasa ataupun sebaliknya, kerana dia lebih mengetahui keadaan dirinya. Ini mengisyaratkan bahawa puasa fardu semasa dalam perjalanan bukan sesuatu yang diwajibkan.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan bertanya apabila menemui kesulitan dalam masalah ilmu.
2. Ketetapan *rukhsah* berbuka semasa dalam perjalanan.
3. Dibolehkan memilih antara tetap berpuasa atau berbuka semasa dalam perjalanan.
4. Tidak dimakruhkan melakukan puasa *al-dahr* apabila itu tidak melemahkan seseorang yang ingin berbuat demikian hingga tidak dapat melakukan kewajipan yang lain, dan tidak ada apa-apa kewajipan yang terlewatkan kerananya. Adapun protes Nabi (s.a.w) terhadap perbuatan Abdullah ibn Amr ibn al-Ash yang melakukan puasa *al-dahr*, maka itu disebabkan baginda tahu yang Abdullah akan lemah apabila itu terus dilakukan. Ini terbukti melalui perkataan Abdullah sendiri sesudah itu: "Aduhai, seandainya aku menerima *rukhsah* daripada Rasulullah (s.a.w) sebelum ini."

٢١٠- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: رُخِّصَ لِلشَّيْخِ الْكَبِيرِ أَنْ يُفْطِرَ، وَيُطْعِمَ عَنْ كُلِّ يَوْمٍ مِسْكِينًا، وَلاَ قَضَاءَ عَلَيْهِ. رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ وَالْحَاكِمُ وَصَحَّحَاهُ.

210. Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Dibolehkan bagi orang tua berbuka dan memberi makan seorang miskin setiap hari (sebagai gantiannya)." (Diriwayatkan oleh al-Daraquthni dan al-Hakim; keduanya menilai hadia ini sahih)

Makna Hadis

Islam amat berbelas kasihan terhadap orang tua yang tidak mampu berpuasa. Untuk itu dia dibolehkan berbuka, kerana Allah tidak membebani sesiapa pun melainkan mengikut batas kemampuannya. Akan tetapi, dia diwajibkan memberi makan seorang miskin sebanyak satu mud sebagai pengganti dari setiap hari puasa yang dia tinggalkan.

Para ulama berbeza pendapat mengenai wajib dan sunat memberi makan ini. Dalil masalah ini bersumber daripada firman Allah (s.w.t):

..... وَعَلَى ٱلَّذِينَ يُطِيقُونَهُۥ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ ۖ ..... ﴿١٨٤﴾

"*Dan wajib bagi orang yang berat menjalankannya (jika mereka tidak berpuasa) membayar fidyah, (iaitu) memberi makan seorang miskin.*" (Surah al-Baqarah: l84)

Makna "الذين يطيقونه" adalah orang yang berat untuk melakukan puasa. Menurut pendapat yang lain, ayat ini dimansukh oleh ayat lain, iaitu firman Allah (s.w.t):

..... فَمَن شَهِدَ مِنكُمُ ٱلشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۖ ..... ﴿١٨٥﴾

"*... Kerana itu, barang siapa di antara kamu hadir (di negeri tempat tinggalnya) pada bulan itu, maka hendaklah ia berpuasa pada bulan itu...*" (Surah al-Baqarah: 185)

Analisis Lafaz

"رُخِّصَ لِلشَّيْخِ الْكَبِيرِ أَنْ يُفْطِرَ", dibolehkan tidak puasa bagi lelaki dan wanita yang telah lanjut usia apabila keduanya tidak mampu melakukannya.

"وَيُطْعِمَ عَنْ كُلِّ يَوْمٍ مِسْكِينًا", dan sebagai gantianya dia memberi makan seorang miskin setiap harinya, iaitu sebanyak satu mud.

"رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ وَالْحَاكِمُ وَصَحَّحَاهُ", al-Daruqutni dan al-Hakim menilai hadis ini sahih secara *mawquf*, yakni hanya sampai kepada Ibnu 'Abbas (r.a). Tetapi secara hukum ia dinilai *marfu'*, kerana *rukhsah* itu tidak lain kecuali berdasarkan ketetapan daripada Nabi (s.a.w).

Fiqh Hadis

1. Lelaki dan wanita yang telah lanjut usia dibolehkan berbuka puasa apabila keduanya tidak mampu menjalankannya. Akan tetapi mereka setiap hari wajib memberi makan satu orang miskin sebagai ganti kepada satu hari yang dia tinggalkan. Jumhur ulama mengatakan bahawa lelaki dan wanita yang tidak mampu berpuasa, kerana usianya sudah lanjut dibolehkan berbuka dan memberi makan satu orang miskin untuk setiap hari yang dia tinggalkan sebanyak satu mud. Menurut Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad, hukum memberi makan kepada orang miskin ini wajib, sedangkan menurut Imam Malik, ia adalah sunat. Menurut Imam Abu Hanifah pula lelaki dan wanita yang telah lanjut usia dibolehkan berbuka puasa apabila keduanya tidak mampu berpuasa dan sebagai gantinya dia mesti memberi makan satu orang miskin untuk setiap hari yang dia tinggalkan sebanyak setengah sha' beras, tepung, sawiq, atau satu sha' buah kurma, gandum, anggur kering atau harga yang senilai dengannya jika dia mampu berbuat demikian. Jika tidak mampu, dia hendaklah beristighfar memohon ampun kepada Allah (s.w.t).
2. Wanita yang sedang menyusukan anak dan wanita yang sedang hamil dibolehkan berbuka. Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad mengatakan bahawa wanita yang sedang menyusukan anak dan wanita yang sedang hamil dibolehkan berbuka puasa, kemudian mereka diwajibkan mengqadha' puasa yang ditinggalkannya dengan syarat apabila mereka merasa khuatir terhadap keadaan dirinya di samping khuatir terhadap keadaan anaknya. Jika mereka hanya merasa khuatir terhadap keadaan anaknya sahaja, maka mereka mestilah mengqadha' puasa dan membayar fidyah untuk setiap hari yang ditinggalkannya sebanyak satu mud (makanan asas). Diwajibkan mengqadha' puasa kerana keadaan mereka sama dengan keadaan orang yang sedang sakit dan diwajibkan membayar fidyah kerana mereka mampu mengerjakan puasa tetapi disebabkan keadaan mereka yang terlampau berat. Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَعَلَى ٱلَّذِينَ يُطِيقُونَهُۥ فِدۡيَةٞ طَعَامُ مِسۡكِينٖۖ ..... ﴿١٨٤﴾

"… *Dan wajib bagi orang yang berat menjalankannya (jika mereka tidak berpuasa) membayar fidyah, (iaitu) memberi makan seorang miskin...*" (Surah al-Baqarah: 184)

Imam Abu Hanifah berkata: "Mereka dibolehkan berbuka puasa apabila merasa khuatir ke atas dirinya atau anaknya. Mereka hanya wajib mengqadha' puasa apabila mampu, namun tidak ada kewajipan membayar fidyah, kerana mereka berbuka disebabkan uzur seperti mana halnya orang sakit tidak ada kewajipan lain ke atasnya selain mengqadha' puasa. Allah (s.w.t) berfirman:

..... فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ..... ﴿١٨٤﴾

"*… Dan barang siapa sakit atau dalam perjalanan (lalu dia berbuka), maka (wajib baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkannya itu, pada hari-hari yang lain…*" (Surah al-Baqarah: 185)

Imam Malik sependapat dengan Imam Abu Hanifah dalam masalah wanita yang sedang hamil. Sedangkan dalam masalah wanita yang menyusukan anaknya, Imam Malik berkata: "Jika wanita berkenaan merasa khuatir terhadap kesihatan anak yang disusuinya atau merasa khuatir terhadap kesihatan dirinya sedangkan dia tidak mempunyai wang untuk mengupah wanita lain menyusukan anaknya, maka dia boleh berbuka dan mesti mengqadha' puasa yang ditinggalkannya serta membayar fidyah untuk setiap harinya sebanyak satu mud."

٢١١- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: هَلَكْتُ يَا رَسُولَ اللهِ. قَالَ: "وَمَا أَهْلَكَكَ؟" قَالَ: وَقَعْتُ عَلَى امْرَأَتِي فِي رَمَضَانَ، فَقَالَ: "هَلْ تَجِدُ مَا تَعْتِقُ رَقَبَةً؟" قَالَ: لاَ. قَالَ: "فَهَلْ تَسْتَطِيعُ أَنْ تَصُومَ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ؟" قَالَ: لاَ. قَالَ: "فَهَلْ تَجِدُ مَا تُطْعِمُ سِتِّينَ مِسْكِينًا؟" قَالَ: لاَ، ثُمَّ جَلَسَ، فَأُتِيَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِعَرَقٍ فِيهِ تَمْرٌ. فَقَالَ: "تَصَدَّقْ بِهَذَا"، فَقَالَ: أَعَلَى أَفْقَرَ مِنَّا؟ فَمَا بَيْنَ لاَبَتَيْهَا أَهْلُ بَيْتٍ أَحْوَجُ إِلَيْهِ مِنَّا، فَضَحِكَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى بَدَتْ أَنْيَابُهُ، ثُمَّ قَالَ: "اذْهَبْ فَأَطْعِمْهُ أَهْلَكَ". رَوَاهُ السَّبْعَةُ، وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ.

211. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Seorang lelaki datang kepada Nabi (s.a.w), lalu berkata: "Wahai Rasulullah, aku telah binasa." Rasulullah (s.a.w) bertanya: "Apakah yang menyebabkan engkau binasa?" Dia menjawab: "Aku telah menyetubuhi isteriku pada waktu siang hari Ramadhan." Baginda bersabda: "Apakah engkau mempunyai harta untuk memerdekakan seorang hamba sahaya?" Dia menjawab: "Tidak." Baginda bertanya lagi: "Apakah engkau mampu berpuasa selama dua bulan berlurut-turut?" Dia menjawab: "Tidak." Baginda bertanya lagi: "Apakah engkau mempunyai harta untuk memberi makan enam puluh orang miskin?" Dia menjawab: "Tidak." Kemudian Nabi (s.a.w) duduk dan tidak lama kemudian ada yang mengirimkan buah kurma sebanyak satu 'araq kepada Nabi (s.a.w), lalu baginda bersabda: "Sedekahkanlah ini." Lelaki itu berkata: "Adakah sedekah ini saya berikan kepada orang yang paling miskin di kalangan kami? Tidak ada satu keluarga pun di antara kedua batas kota Madinah yang lebih miskin daripada kami." Lalu Nabi (s.a.w) tertawa hingga gigi seri baginda kelihatan, lalu

bersabda: "Pergilah, dan berikanlah ini kepada keluargamu." (Diriwayatkan oleh al-Sab'ah, Lafaz hadis ini menurut Muslim)

Makna Hadis

Barang siapa yang menodai kemuliaan puasa dengan melakukan jimak bersama isterinya, maka bererti dia telah menjerumuskan dirinya ke dalam kebinasaan kerana perbuatan maksiat yang telah dilakukannya itu. Patutlah apabila dia dikenakan denda dengan cara menebus dirinya, adakalanya dengan cara memerdekakan seorang hamba sahaya, kerana barang siapa yang memerdekakan seorang hamba sahaya, maka Allah akan menyelamatkan setiap anggota tubuhnya dengan satu anggota tubuh daripada hamba yang dimerdekakannya itu daripada api neraka, hinggalah kemaluan dengan kemaluan. Adakalanya dengan melakukan tebusan dengan berpuasa selama dua bulan berturut-turut untuk menimpakan hukuman yang serupa dengan jenis kesalahan yang telah dikerjakannya, kerana ketika dia merosakkan puasanya dengan membatalkan satu hari kerana berjimak dengan isterinya, maka bererti dia sama dengan orang yang merosakkan selama satu bulan puasanya memandangkan ibadah puasa satu bulan itu sama dengan satu ibadah, maka dia dikenakan denda hukuman berpuasa selama dua bulan berturut-turut iaitu dua kali ganda daripada semula sebagai pengajaran agar dia kelak tidak mengulangi lagi perbuatannya itu. Adakalanya pula dengan memberi makan enam puluh orang miskin sebagai perbandingan kepada dua bulan berpuasa itu yang setiap harinya dia diwajibkan memberi makan seorang miskin, hingga jumlah keseluruhanhya menjadi enam puluh orang miskin. Demikian kifarat bagi orang yang berbuka secara sengaja pada waktu siang hari bulan Ramadhan dengan cara melakukan persetubuhan.

Analisis Lafaz

"جَاءَ رَجُلٌ", datang seorang lelaki kepadanya. Lelaki tersebut adalah Salamah ibn Shakhr ibn Sulaiman ibn al-Shammah ibn Haritsah ibn al-Harits ibn Zaid Mannah ibn Hubaib ibn Abd Haritsah ibn Malik ibn 'Adhb ibn Jusym ibn al-Khazraj al-Ansari al-Khazraji. Beliau sekutu Bani Bayadhah dan oleh kerananya, beliau juga disebut dengan nama al-Bayadhi. Bayadhah adalah anak Hubaib dan oleh kerananya, nasabnya menjadi satu dengan Abd Haritsah ibn Malik ibn 'Adhb. Menurut pendapat yang lain, lelaki tersebut bernama Sulaiman. Ini menurut riwayat yang lebih sahih dan lebih banyak.

"هَلَكْتُ", aku telah berbuat suatu yang membuat diriku binasa.

"وَقَعْتُ عَلَى امْرَأَتِي", aku bersetubuh dengan isteriku.

"هَلْ تَجِدُ", apakah engkau mempunyai?

"مَا تَعْتِقُ رَقَبَةً", sejumlah wang untuk memerdekakan seorang hamba sahaya. Mazhab Hanafi mengatakan bahawa ungkapan *raqabah* menunjukkan boleh

memerdekakan hamba muslim atau hamba kafir, lelaki atau perempuan, kanak-kanak atau dewasa tanpa wujud ikatan tertentu. Jumhur ulama mengatakan bahawa tidak memadai dalam masalah memerdekakan ini kecuali hamba yang beriman kerana mentafsirkan sesuatu yang mutlak dengan sesuatu yang *muqayyad* (terikat) dalam ayat kifarat membunuh, kerana di dalam ayat tersebut perkataan "hamba" dikaitkan dengan sifat mukmin. Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَمَن قَتَلَ مُؤْمِنًا خَطَئًا فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُّؤْمِنَةٍ ..... ﴿٩٢﴾

"*... Dan barang siapa membunuh seorang mukmin kerana keliru (hendaklah) dia memerdekakan seorang hamba sahaya yang beriman...*" (Surah al-Nisa: 92)

"فَهَلْ تَسْتَطِيعُ", *al-Istitha'ah* adalah kemampuan untuk melakukan sesuatu.

"أَنْ تَصُومَ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ", puasa selama dua bulan secara berturut-turut.

"فَهَلْ تَجِدُ", apakah engkau mempunyai?

"مَا تُطْعِمُ سِتِّينَ مِسْكِينًا", untuk memberi makan enam puluh orang miskin. Imam al-Syafi'i dan Imam Malik mengatakan bahawa setiap orang miskin diberi satu mud berupa makanan asas negeri berkenaan dan jumlahnya sama dengan satu sepertiga *rithl* (kati) Iraq. Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa apa yang diwajibkan ialah setiap orang miskin diberi makanan yang banyaknya sama dengan kewajipan berzakat fitrah, iaitu setengah sha' beras, atau satu sha' gandum, kurma atau yang seharga dengan itu. Imam Ahmad mengatakan bahawa setiap orang miskin diberi satu mud beras atau setengah sha' buah kurma atau gandum.

Orang miskin ialah seseorang yang memiliki penghasilan namun tidak mencukupi keperluannya, misalnya dia memerlukan sepuluh, sedangkan dia hanya dapat menghasilkan tujuh.

"بِعَرَقٍ فِيهِ تَمْرٌ", *al-'Araq* adalah nama takaran yang telah dikenali pula dengan sebutan *al-Zanbil*, isinya lebih kurang lima belas sha', sedangkan satu sha' terdiri daripada empat mud. Takaran ini dinamakan al-*'Araq* kerana wadahnya dibuat daripada pintalan daun pelepah kurma.

"فَقَالَ: أَعَلَى أَفْقَرَ مِنَّا", istifham atau kata tanya di sini menunjukkan perasaan hairan. Maksudnya, tidak seorang pun yang lebih miskin daripada diriku yang hendak aku sedekahkan ini.

"مَا بَيْنَ لَابَتَيْهَا", bentuk *tatsniyah* daripada perkataan "لابة" iaitu tanah yang berbatu hitam, dikenal pula dengan nama *al-Harrah*. Kota Madinah terletak di antara kedua *labah* tersebut, iaitu di sebelah timur dan sebelah barat.

"فَضَحِكَ النَّبِيُّ صَلَّى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", lalu Nabi (s.a.w) tertawa kerana kagum dengan keadaan dan sikap lelaki tersebut. Dia pada awalnya datang dengan penuh perasaan takut agar dirinya ditebus dengan segala yang mungkin dapat dia lakukan. Tetapi setelah menemukan *rukhsah*, dia tiba-tiba ingin memperoleh kifarat yang diserahkan kepadanya. Pada mulanya dia meminta fatwa kepada Nabi (s.a.w), tetapi pada akhirnya dia minta belas kasihan.

"حَتَّى بَدَتْ أَنْيَابُهُ", bentuk jamak kepada lafaz "ناب" bermaksud gigi taring yang berdampingan dengan gigi seri. Nabi (s.a.w) biasanya kalau tertawa hanya tersenyum, tetapi kali ini baginda benar-benar tertawa.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan bertanya tentang hukum suatu perbuatan yang melanggar hukum syarak.
2. Seorang lelaki boleh menceritakan apa yang telah dilakukannya terhadap isterinya kerana itu diperlukan.
3. Tidak boleh menghukum dan mentakzir seseorang yang datang meminta fatwa tentang masalah yang tidak ada hukuman hududnya.
4. Boleh menggunakan kata-kata kinayah untuk menceritakan perkara-perkara yang apabila diucapkan secara terang-terangan maka kesannya negatif.
5. Menyesali perbuatan maksiat dan merasa takut terhadap hukuman. Dosa merupakan kebinasaan. Oleh itu, orang yang berakal seharusnya menghindarinya dan membersihkan dirinya daripada dosa itu.
6. Menaruh perasaan belas kasihan terhadap orang yang belajar, bersikap lemah lembut ketika menyampaikan pengajaran, dan memudahkan masalah agama bagi orang awam.
7. Orang yang menyetubuhi isterinya pada waktu siang hari bulan Ramadhan wajib membayar kifarat. Imam al-Syafi'i berkata: "Kifarat ini diwajibkan ke atas lelaki sedangkan wanita tidak dikenakan kewajipan membayar kifarat." Imam Abu Hanifah berkata: "Wanita pun turut diwajibkan membayar kifarat jika dia yang mengajak dan merayu suaminya untuk bersetubuh." Imam Malik berkata: "Jika seseorang menyetubuhi hamba perempuannya pada waktu siang hari bulan Ramadhan, maka dia wajib membayar dua kifarat. Salah satunya untuk kifarat dirinya sedangkan yang lain untuk kifarat hamba perempuannya, meskipun hamba perempuannya yang merayu dirinya untuk bersetubuh. Begitu pula seseorang harus membayar kifarat isterinya jika dia yang memaksanya bersetubuh, tetapi pembayaran kifarat isterinya berdasarkan *niyabah*, bukan *ashalah*." Imam Ahmad berkata: "Wanita tidak diwajibkan membayar kifarat apabila disertai dengan uzur." Adapun makan dan minum pada waktu siang hari Ramadhan dengan sengaja, Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad berkata: "Tidak ada kifarat dalam masalah ini kerana berpegang pada latar belakang hadis ini iaitu bersetubuh dengan sengaja." Imam Malik dan Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa wajib kifarat bagi orang yang makan atau minum dengan sengaja pada waktu siang hari Ramadhan. Mereka menjadikan *'illat* wajib kifarat adalah kerana pelakunya melakukannya dengan sengaja.
8. Menjelaskan tentang urutan kifarat. Imam al-Syafi'i dan Imam Abu Hanifah serta pendapat yang masyhur di kalangan mazhab Imam Ahmad mengatakan

bahawa kifarat itu dilakukan secara berurutan. Imam Malik mengatakan bahawa kifarat itu wajib dan boleh dipilih antara memerdekakan hamba, berpuasa selama dua bulan berturut-turut, atau memberi makan enam puluh orang miskin.

9. Dalam membayar kifarat disyaratkan berpuasa dua bulan berturut-turut.
10. Disyaratkan saling membantu dalam masalah ibadah dan berusaha membebaskan orang mukmin daripada tanggungannya.
11. Dengan adanya serah terima maka sudah dianggap memadai dalam sedekah dan hibah, tidak diperlukan ijab kabul.
12. Boleh duduk di dalam masjid, meskipun bukan untuk tujuan mengerjakan solat.
13. Tidak perlu pembuktian ke atas orang yang mengaku dirinya miskin dalam masalah meminta fatwa.
14. Boleh ketawa apabila ada penyebabnya.

٢١٢- عَنْ عَائِشَةَ وَأُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُصْبِحُ جُنُبًا مِنْ جِمَاعٍ، ثُمَّ يَغْتَسِلُ وَيَصُومُ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ. زَادَ مُسْلِمٌ فِي حَدِيثِ أُمِّ سَلَمَةَ: وَ لاَ يَقْضِي.

212. Daripada Aisyah (r.a) dan Ummu Salamah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah berpagi hari dalam keadaan junub kerana berjimak, kemudian baginda mandi dan berpuasa." (Muftafaq 'alaih)

Di dalam riwayat Muslim daripada Ummu Salamah ditambahkan: "dan baginda tidak mengqadha'nya."

Makna Hadis

Allah (s.w.t) menghalalkan makan dan minum bagi hamba-hamba-Nya, begitu pula bersetubuh dengan isteri hingga fajar shadiq terbit, seperti mana yang telah dijelaskan melalui firman-Nya:

..... حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكُمُ ٱلۡخَيۡطُ ٱلۡأَبۡيَضُ مِنَ ٱلۡخَيۡطِ ٱلۡأَسۡوَدِ مِنَ ٱلۡفَجۡرِۖ ..... ﴿١٨٧﴾

"*... hingga jelas bagi kamu benang putih dari benang hitam, iaitu fajar...*" (Surah al-Baqarah: 187)

Ini bererti bersetubuh dibolehkan sehinggalah fajar terbit dan ekoran itu mengakhirkan mandi sesudah fajar terbit. Dengan demikian, seseorang itu berpagi hari dalam keadaan junub, kemudian dia mandi, namun itu tidak menjejaskan puasanya. Inilah yang pernah dilakukan Nabi (s.a.w) untuk menjelaskan bahawa itu dibolehkan dan ulama pun telah berijma' mengenainya. Apa yang disebutkan

oleh sebahagian riwayat yang menunjukkan sebaliknya, maka itu telah dimansukh oleh hadis ini dan hadis ini lebih kuat sanadnya.

Analisis Lafaz

"كَانَ يُصْبحُ", baginda pernah berpagi hari.

"جُنُبًا مِنْ جِمَاعٍ", dalam keadaan junub kerana bersetubuh dengan isterinya, bukan kĕrana bermimpi. Ini kerana bermimpi merupakan imajinasi yang datang daripada syaitan, sedangkan itu mustahil berlaku ke atas diri para nabi.

"ثُمَّ يَغْتَسِلُ وَيَصُومُ", kemudian baginda mandi dan puasa. Ini menunjukkan bahawa puasanya sah.

"زَادَ مُسْلِمٌ فِي حَدِيثِ أُمِّ سَلَمَةَ: وَ لاَ يَقْضِي", Muslim di dalam hadis Ummu Salamah menambahkan: "Tidak mengqadha'nya." Lafaz hadis ini adalah sebagai berikut:

عَنْ عَبْدِ اللهِ ابْنِ كَعْبٍ الْحِمْيَرِيِّ أَنَّ أَبَا بَكْرٍ حَدَّثَهُ أَنَّ مَرْوَانَ أَرْسَلَهُ إِلَى أُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا يَسْأَلُ عَنْ الرَّجُلِ يُصْبِحُ جُنُبًا أَيَصُومُ، فَقَالَتْ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصْبِحُ جُنُبًا مِنْ جِمَاعٍ لاَ مِنْ حُلُمٍ، ثُمَّ لاَ يُفْطِرُ وَلاَ يَقْضِي.

"Daripada Abdullah ibn Ka'ab al-Himyari yang telah menceritakan bahawa Abu Bakar bercerita kepadanya bahawa Marwan pernah mengutusnya kepada Ummu Salamah (r.a) untuk menanyakan tentang seorang lelaki yang berpagi hari dalam keadaan junub, apakah dia boleh berpuasa? Maka Ummu Salamah menceritakan bahawa Rasulullah (s.a.w) dahulu pernah berpagi hari dalam keadaan junub kerana berjimak, bukan kerana bermimpi, tetapi baginda tidak berbuka (tetap puasa) dan tidak pula mengqadha'nya."

Apa yang dimaksudkan di sini ialah Abu Bakar ibn Abdul Rahman ibn al-Harits ibn Hisyam ibn al-Mughirah al-Makhzumi al-Madani. Dia meriwayatkan hadis daripada Abu Hurairah, Ammar ibn Yasir, Aisyah dan Ummu Salamah serta lain-lain. Anak-anaknya iaitu Abdul Malik, Amr, Abdullah dan Salamah telah mengambil riwayat hadis daripadanya, begitu pula al-Qasim ibn Muhammad, Umar ibn Abdul Aziz dan al-Zuhri serta para ulama yang selainnya. Dia adalah salah seorang pakar fiqh yang tujuh orang.[9]

---

[9] Pakar fiqh yang tujuh itu adalah orang yang menjdi rujukan dan sumber fatwa di Madinah. Mereka adalah Ubaidillah ibn Utbah ibn Mas'ud al-Tsaqafi, Urwah ibn al-Zubair al-Asadi, al-Qasim ibn Muhammad ibn Abu Bakar al-Shiddiq al-Taimi, Sa'id ibn al-Musayyib ibn Hazn, Abu Bakar ibn Hazm, Sulaiman ibn Yasar, dan Kharijah ibn Zaid. Nama mereka terangkum di dalam bait syair berikut: "Hafallah nama-nama mereka, iaitu Ubaidillah, 'Urwah, Qasim, Sa'id, Abu Bakar, Sulaiman dan Kharijah."

Ibn Sa'ad berkata: "Dia seorang yang *tsiqah*, pakar fiqh, alim dan seorang syeikh dalam bidang hadis." Menurut satu pendapat, dia meninggal dunia pada tahun 93 Hijriah. Al-Jama'ah telah mengetengahkan hadis-hadisnya.

Marwan ibn al-Hakam ibn Abu al-'Ash ibn Umayyah al-Umawi, nama panggilannya Abu Abdul Malik al-Madani. Tidak ada satu hadis pun yang dia dengar daripada Nabi (s.a.w). Sa'ad ibn Sahl jauh lebih tua darinya menurut kitab Shahih al-Bukhari. Marwan pernah memerintah Mesir dan Syam. Dia meninggal dunia di Damaskus pada tahun 65 Hijriah.

"مِنْ جِمَاعٍ لاَ مِنْ حُلُمٍ", kerana bersetubuh, bukan kerana bermimpi, kerana bermimpi bersumber daripada syaitan, sedangkan para nabi terpelihara daripadanya. Di dalam kalimat ini terdapat sanggahan terhadap orang yang menduga bahawa seseorang yang melakukan itu dengan sengaja, maka puasanya batal. Orang yang sengaja melakukannya sahaja tidak batal, lebih-lebih lagi orang yang lupa mandi atau tidur dalam keadaan mempunyai junub, yakni tidak batal.

"ثُمَّ لاَ يُفْطِرُ", kemudian baginda tidak berbuka sepanjang siang harinya yakni tetap puasa.

"وَلاَ يَقْضِي", dan tidak mengqadha' puasa pada hari itu, kerana puasa pada hari itu sah, tidak ada cacatnya.

Fiqih hadis

1. Dibolehkan menyetubuhi isteri pada waktu malam puasa hingga fajar terbit.
2. Sah puasa orang yang berpagi hari dalam keadaan berjunub dan dia tidak diwajibkan qadha' untuk mengganti puasa pada hari itu.
3. Orang yang puasa dibolehkan mengakhirkan mandi junub hingga sesudah fajar terbit, tetapi apa yang lebih afdal ialah menyegerakan mandi sebelum fajar.
4. Wanita yang berhaid dan bernifas apabila darahnya berhenti pada waktu malam hari, kemudian fajar terbit, sedangkan keduanya belum mandi, maka puasanya sah.
5. Para nabi tidak akan mengalami bermimpi junub, kerana Allah (s.w.t) memelihara diri mereka daripada godaan syaitan.
6. Perbuatan Nabi (s.a.w) dapat dijadikan sebagai hujah untuk menetapkan suatu hukum, kerana semua perbuatannya merupakan syariat, sedangkan apa-apa yang bersifat khusus tidak dapat ditetapkan kecuali berdasarkan dalil.

Periwayat Hadis

Abdullah ibn Ka'ab al-Himyari adalah bekas hamba Khalifah Utsman. Dia meriwayatkan hadis daripada Amr ibn Salamah, dan riwayat hadisnya telah

diambil oleh Ibn Ishaq. Dia dinilai tsiqah oleh Ibn Hibban.

٢١٣- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ صِيَامٌ صَامَ عَنْهُ وَلِيُّهُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

213. Daripada Aisyah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah bersabda: "*Barang siapa yang meninggal dunia sedangkan dia mempunyai hutang puasa, maka hendaklah walinya membayar puasanya.*" (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Seseorang terputus amalnya kerana meninggal dunia, kerana masa taklif telah pun berakhir. Akan tetapi, kurnia Allah (s.w.t) kepada hamba-hamba-Nya amatlah luas. Allah menetapkan bahawa mayat dapat beroleh manfaat daripada amal orang yang masih hidup dalam keadaan tertentu sebagai satu kemurahan, kebaikan dan anugerah Allah (s.w.t). Antara lain ialah seandainya seseorang bernazar hendak berpuasa, lalu dia meninggal dunia sebelum sempat menunaikan nazar puasanya itu, maka walinya yang bertanggung jawab membayarkan puasanya itu. Ini sudah mencukupi dan dapat membebaskan kewajipan si mayat berkat kurnia Allah dan kasih sayang-Nya yang maha luas terhadap hamba-hamba-Nya. Dia Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Pokok masalah mayat beroleh manfaat daripada ibadah orang lain ialah disyariatkan adanya perwakilan dalam masalah haji melalui nash yang kuat.

Analisis Lafaz

"مَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ صِيَامٌ", barang siapa yang meninggal dunia, sedangkan dia mempunyai hutang puasa fardu atau puasa nazar.

"صَامَ عَنْهُ وَلِيُّهُ", kalimat ini merupakan kalimat berita, tetapi maknanya kalimat perintah, yakni hendaklah walinya membayar puasanya. Apa yang dimaksud dengan "wali" ialah kaum kerabatnya yang terdekat, baik *ashabah* ataupun ahli warisnya yang lain.

Fiqh Hadis

Boleh berpuasa untuk membayar hutang puasa orang yang telah meninggal dunia secara mutlak. Imam Malik, Imam Abu Hanifah, dan Imam al-Syafi'i di dalam qaul jadidnya berkata: "Dibolehkan berpuasa untuk membayar hutang puasa orang yang telah meninggal dunia."

Imam Ahmad berkata: "Tidak boleh berpuasa untuk membayar hutang puasa

si mayat kecuali puasa nazar kerana membatasi pengertian umum yang terdapat di dalam hadis ini dengan pengertian terikat yang terdapat dalam hadis Ibn Abbas (r.a) yang dikatakan sebagai berikut:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: يَا رَسُوْلَ اللهِ، إِنَّ أُمِّيْ مَاتَتْ وَعَلَيْهَا صَوْمُ شَهْرٍ أَفَأَقْضِيهِ؟ قَالَ: لَوْ كَانَ عَلَى أُمِّكَ دَيْنٌ، أَكُنْتَ قَاضِيَهُ عَنْهَا؟ قَالَ: نَعَمْ، قَالَ: فَدَيْنُ اللهِ أَحَقُّ أَنْ يُقْضَى.

"Seorang lelaki datang kepada Nabi (s.a.w), lalu bertanya: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya ibuku telah meninggal dunia, sedangkan dia mempunyai hutang puasa selama satu bulan, apakah aku harus mengqadha' (membayar)nya?" Nabi (s.a.w) bertanya: "Seandainya ibumu mempunyai hutang, adakah engkau akan membayarnya sebagai pengganti ibumu?" Lelaki itu menjawab: "Ya." Nabi (s.a.w) bersabda: "Hutang kepada Allah lebih berhak untuk dibayar."

Kesimpulan

Dari hadis-hadis yang terdapat dalam bab ini dapat diambil beberapa kesimpulan sebagai berikut:

1. Dilarang melakukan puasa sebelum bulan Ramadhan dalam jarak satu atau dua hari sebelumnya dengan alasan sebagai langkah berjaga-jaga. Dilarang pula melakukan puasa pada hari yang masih diragui.
2. Anjuran untuk rajin melakukan amal ibadah dan amal kebaikan yang biasa dilakukan oleh seseorang.
3. Dibolehkan melakukan puasa mengikut kebiasaannya, sekalipun bertepatan dengan sehari atau dua hari sebelum Ramadhan; niat puasa sunat pada waktu siang hari; berbuka bagi orang yang berpuasa sunat pada waktu tengah hari; merujuk kepada mufti tentang apa yang telah difatwakannya, bilamana keadaan mufti berbeza dengan fatwanya, sedangkan orang yang meminta fatwa tidak mengetahui rahsia daripada keadaan yang berbeza itu; *wishal* bagi Rasulullah (s.a.w); mencium bagi orang puasa yang mampu menahan dirinya; berbekam bagi orang yang sedang ihram; berbekam bagi orang yang sedang berpuasa; memakai celak mata pada waktu siang hari Ramadhan; lelaki menceritakan apa yang telah dilakukannya terhadap isterinya kerana itu diperlukan; memakai kata *kinayah* untuk mengungkapkan perkara-perkara yang apabila diucapkan secara terang-terangan maka kesannya negatif; duduk di dalam masjid yang tidak bertujuan untuk mengerjakan solat; berlebihan dalam ketawa apabila ada penyebabnya; mengakhirkan mandi junub bagi orang yang puasa hingga fajar telah terbit; dan mengqadha' puasa orang yang telah meninggal dunia.

4. Cara membuktikan bulan Ramadhan, memulakan puasa setelah anak bulan benar-benar kelihatan.
5. Menyempurnakan bilangan bulan Sya'ban menjadi tiga puluh hari apabila anak bulan tidak kelihatan.
6. Berita seorang dalam menetapkan puasa boleh diterima.
7. Tidak boleh cenderung kepada pendapat pakar astronomi dan pakar astrologi, tidak batal puasa orang yang makan atau minum kerana kelupaan; tidak batal puasa orang yang terpaksa muntah pada waktu siang hari; tidak boleh menghukum dan mentakzir orang yang datang untuk meminta fatwa tentang masalah yang tidak ada hukuman hududnya; tidak ada qadha' bagi orang puasa yang terlewat dalam keadaan junub dan puasanya tetap sah.
8. Untuk membuktikan keimanan, cukup dengan pengakuan seseorang yang berkenaan dengan mengucapkan dua kalimah syahadat, kerana pada asalnya seluruh kaum muslimin itu adalah bersifat adil.
9. Disunatkan menyegerakan berbuka ketika matahari benar-benar telah tenggelam, disunatkan makan sahur, sahur itu mengandung berkat.
10. Makruh mengakhirkan berbuka puasa dengan alasan langkah berhati-hati atau untuk tujuan meyakinkan dirinya, dan makruh melakukan puasa *wishal*.
11. Belas kasihan Rasulullah (s.a.w) yang sempurna kepada umatnya dan nasihat baginda yang menganjurkan agar ketika berbuka memakan sesuatu yang manis-manis, kerana ini baik bagi perut yang dalam keadaan kosong.
12. Setiap orang mukallaf semuanya sama dalam masalah hukum.
13. Menyelidiki hikmah larangan.
14. Menjelaskan kekuasaan Allah dalam menciptakan gejala-gejala yang biasa tanpa wujud penyebab yang jelas.
15. Saling membantu dalam beribadah dan berusaha untuk membebaskan orang mukmin.
16. Menerima sudah dianggap cukup dalam masalah sedekah dan hibah, meskipun tanpa adanya ijab kabul.
17. Sah puasa orang yang berhaid dan bernifas, bilamana darah keduanya telah berhenti pada waktu malam hari, kemudian fajar terbit sebelum keduanya mandi.
18. Bermimpi junub tidak pernah dialami oleh para nabi.
19. Haram berdusta, mengamalkannya dan melakukan kebodohan, tetapi bagi orang yang sedang puasa, maka ia lebih diharamkan lagi.
20. Orang yang puasa dilarang mengucapkan kata-kata batil kerana itu dapat menghilangkan pahala puasanya.
21. Kemurahan agama Islam dengan memberikan kemudahan kepada umatnya dan melenyapkan segala bentuk kesukaran serta kesulitan mereka.

22. Menaruh sikap belas kasihan kepada orang yang belajar dan bersikap lemah lembut ketika mengajar, serta memudahkan masalah agama terhadap orang awam.
23. Orang yang musafir disuruh memilih antara berpuasa dan berbuka, serta ketetapan rukhsah boleh berbuka bagi musafir yang berada dalam perjalanannya.
24. Disyariatkan menanyakan perkara-perkara yang belum difahami yang berkaitan dengan ilmu dan disyariatkan menanyakan sesuatu yang dikerjakan oleh seseorang yang bertentangan dengan hukum syarak.
25. Dibolehkan berbuka bagi lelaki dan wanita yang telah lanjut usia, juga bagi wanita yang sedang hamil dan menyusukan anak; dan dibolehkan menyetubuhi isteri pada waktu malam hari di bulan puasa sampai dengan fajar terbit, yakni fajar shadiq.
26. Takut kepada seksaan dan menyesali perbuatan maksiat yang telah dikerjakan.
27. Urutan membayar kifarat dan disyaratkan berturut-turut dalam melakukan kifarat puasa selama dua bulan.

Soalan

1. Apakah takrif puasa menurut bahasa dan syariat?
2. Bilakah puasa diwajibkan? Sebutkan dalil yang mewajibkannya!
3. Sebutkan hikmah larangan melakukan puasa sunat sehari atau dua hari sebelum bulan Ramadhan! Apakah yang dikecualikan daripadanya?
4. Bolehkah menggunakan perkataan Ramadhan untuk menyebut bulan Ramadhan?
5. Jelaskan makna lafaz-lafaz berikut: "غم", "فاقدروا", "تراءى", "الأعرابي", "الزور", "لابتيها", "بعرق", "هلكت", "لإربه", "يباشر", "يدع", "حاجة", "الجهل" dan "أنيابه"!
6. Kenapa puasa itu diwajibkan?
7. Bilakah bilangan bulan disempurnakan?
8. Apakah berita daripada seorang dapat diterima dalam masalah masuknya puasa? Apakah yang disyaratkan? Sebutkan perselisihan pendapat ulama mengenai masalah ini!
9. Apakah yang dimaksudkan dengan kalimat "فإذن" dan apakah kesimpulan yang dapat diambil daripadanya?
10. Apakah kesaksian orang kafir dapat diterima?
11. Apakah hukum asal para sahabat?
12. Sebutkan perbezaan pendapat ulama mengenai berniat puasa pada waktu malam hari! Sebutkan pula dalil ulama yang mengatakan wajib berniat pada waktu malam hari!

13. Apakah satu kali niat dapat dianggap memadai untuk puasa satu bulan penuh?
14. Jelaskan makna *nafi* dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "فلا صيام له"!
15. Apakah wajib menyempurnakan puasa sunat setelah melakukannya?
16. Bagaimanakah hukum orang yang berbuka dalam puasa sunat kerana uzur dan bukan kerana uzur? Apakah keduanya diwajibkan qadha'?
17. Jelaskan lafaz "إذا أنا صائم"!
18. Apakah maksud "الحيس" itu?
19. Jelaskan pengaruh berpegang kepada Sunnah dalam kehidupan umat!
20. Sebutkan hikmah menyegerakan berbuka!
21. Apakah takrif "السحر" itu?
22. Bezakan antara lafaz "السَّحور" dan lafaz "السُّحور"!
23. Jelaskan makna *barakah* yang pada sahur!
24. Sebutkan kedudukan lafaz "بركة"!
25. Apakah makna perintah dalam lafaz "تسحروا"!
26. Sebutkan hikmah berbuka dengan buah kurma dan air!
27. Jelaskan makna kalimat "فإنه طهور"!
28. Apakah pandangan mata menjadi kuat kerana berbuka dengan memakan buah kurma?
29. Apakah takrif *wishal*? Bagaimanakah hukumnya? Jelaskan hikmah larangahnya!
30. Adakah wishal hingga waktu sahur itu mengikut maksud yang hakiki atau sebaliknya?
31. Jelaskan makna kalimat "إني أبيت يطعمني ربي ويسقيني"!
32. Jelaskan makna kalimat "كالمنكل بهم"!
33. Mengapa Rasulullah (s.a.w) bersabda kepada mereka: "Seandainya anak bulan terlambat datang, nescaya aku akan menambahkannya kepada kamu"?
34. Sebutkan *maf'ul* lafaz "أبوا"!
35. Jelaskan pembahagian puasa!
36. Dusta itu untuk selamanya diharamkan maka jelaskan makna hukum haram dalam hadis ini!
37. Bagaimanakah hukum mencium isteri bagi orang yang yang sedang berpuasa?
38. Bagaimanakah hukum orang yang mencium isterinya lalu mengerluarkan air mani, sedangkan dia dalam keadaan berpuasa? Sebutkan perbezaan pendapat ulama mengenainya!
39. Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan Aisyah: "كان أملككم لإربه"?
40. Jelaskan makna *mubasyarah* dalam hadis: "يباشرها وهو صائم"!
41. Jelaskanlah makna *al-hijamah* dan *al-fashd*!

42. Bilakah berbekam dimakruhkan dan bilakah pula dibolehkan?
43. Apakah Nabi (s.a.w) berpuasa ketika berbekam semasa berihram?
44. Jelaskan perbezaan pendapat ulama mengenai batal puasa kerana berbekam! Bagaimanakah bantahan jumhur ulama tentang hadis Syaddad? Siapakah yang berpegang dengan hadisnya? Sebutkan riwayat yang mengukuhkan pendapat bahawa berbekam membatalkan puasa telah dimansukh!
45. Jelaskan kebiasaan Ibn Hajar dalam mengetengahkan hadis-hadis yang dimansukh!
46. Bagaimanakah hukum memakai celak mata bagi orang yang sedang berpuasa? Sebutkan perbezaan pendapat ulama mengenai hal itu!
47. Sebutkan landasan ulama yang mengatakan bahawa memakai celak mata boleh membatalkan puasa!
48. Terangkan kemudahan agama Islam dalam masalah puasa!
49. Bagaimanakah hukum orang yang makan atau minum kerana lupa, sedangkan dia dalam keadaan puasa? Sebutkan pendapat ulama mengenainya!
50. Bagaimanakah hukum orang yang menyetubuhi isterinya pada waktu siang hari bulan Ramadhan kerana lupa?
51. Apakah yang disebut muntah? Bagaimanakah hukum muntah apabila keluar secara terpaksa dan bagaimana pula hukumnya apabila keluar dengan cara disengaja?
52. Bagaimanakah hukumnya apabila seseorang menelan kembali sesuatu daripada muntahnya ke dalam tekaknya?
53. Apakah pemahaman yang ditunjukkan oleh kalimat "فلا قضاء عليه"?
54. Tahun berapakah pembukaan Mekah itu?
55. Di manakah letak *Kura' al-Ghamim* itu?
56. Rasulullah (s.a.w) mengangkat bekas air ketika hendak meminumnya. Sebutkan hikmahnya!
57. Apakah rahsia mengulangi kalimat "أولئك العصاة"?
58. Apakah berpuasa atau berbuka yang lebih diutamakan bagi orang yang bermusafir?
59. Sebutkan perbezaan pendapat ulama mengenainya!
60. Bagaimanakah makna hadis yang mengatakan: "Bukanlah termasuk kebaikan melakukan puasa semasa dalam perjalanan" mengikut pendapat jumhur ulama?
61. Apakah melakukan puasa *al-dahr* (sehari puasa sehari buka sepanjang tahun) dimakruhkan?
62. Rasulullah (s.a.w) mengingkari perbuatan Abdullah ibn Umar yang melakukan puasa *al-dahr*. Mengapa demikian?
63. Jelaskan dalil yang mengukuhkan *rukhsah* terhadap lelaki dan wanita yang telah lanjut usia yang tidak mampu berpuasa!

64. Jelaskan perbezaan pendapat ulama mengenai hukum memberi makan (*fidyah*), dan berapakah jumlah makanan yang harus diberikan?
65. Jelaskan makna firman Allah: "وعلى الذين يطيقونه فدية"!
66. Terangkan masalah kifarat! Sebutkan rahsia kifarat disyariatkan! Mengapa pula ia diwajibkan?
67. Terangkan jenis-jenis kifarat! Apakah ia mesti dilaksanakan berdasarkan urutan atau pilihan?
68. Apakah lafaz "رقبة" dalam hadis itu bermakna mutlak atau *muqayyad* (terikat)? Jelaskan perbezaan pendapat ahli fiqh mengenai masalah ini!
69. Jelaskan sebab yang membuat Rasulullah (s.a.w) tertawa!
70. Bagaimanakah hukum mengakhirkan mandi junub bagi orang yang puasa hingga fajar telah terbit? Terangkan dalilnya daripada al-Qur'an dan Sunnah!
71. Bagaimanakah hukum wanita yang berhaid dan bernifas apabila darah keduanya berhenti pada waktu malam hari namun belum sempat hinggalah terbit fajar?
72. Bolehkah keduanya mengakhirkan mandi hingga fajar telah terbit sementara niat puasanya telah dilakukan pada waktu malam hari?
73. Bagaimanakah hukum puasa untuk membayar hutang puasa orang yang telah meninggal dunia? Sebutkan pendapat ulama mengenainya!

BAB PUASA SUNAT DAN PUASA YANG DILARANG

٢١٤- عَنْ أَبِي قَتَادَةَ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ عَنْ صَوْمِ يَوْمِ عَرَفَةَ، قَالَ: "يُكَفِّرُ السَّنَةَ الْمَاضِيَةَ وَالْبَاقِيَةَ"، وَسُئِلَ عَنْ صِيَامِ يَوْمِ عَاشُورَاءَ، قَالَ: "يُكَفِّرُ السَّنَةَ الْمَاضِيَةَ"، وَسُئِلَ عَنْ صَوْمِ يَوْمِ الْإِثْنَيْنِ، قَالَ: "ذَاكَ يَوْمٌ وُلِدْتُ فِيهِ، وَبُعِثْتُ فِيهِ، وَ أُنْزِلَ عَلَيَّ الْوَحْيُ فِيهِ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

214. Daripada Abu Qatadah al-Ansari (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah ditanya mengenai puasa pada hari Arafah, lalu baginda menjawab: "Ia dapat menghapus (dosa) tahun yang lalu dan tahun yang akan datang?" Baginda pernah ditanya pula mengenai puasa pada hari Asyura', lalu baginda menjawab: "Ia dapat menghapus (dosa) tahun yang lalu." Baginda ditanya pula mengenai puasa pada hari Isnin, lalu baginda bersabda: "Hari itu merupakan hari aku dilahirkan, hari aku diutus, dan hari wahyu diturunkan kepadaku." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Hari Arafah adalah hari mulia, pada hari itu semua kesalahan dimaafkan dan semua dosa dihapuskan daripada para jemaah haji yang berwukuf di lapangan wukuf para rasul dan para nabi. Antara rahmat Allah lagi ialah memuliakan orang yang menyerupai jemaah haji dalam melaksanakan amal ibadah, lalu dia berpuasa pada hari itu untuk menghormatinya dan turut serta memperoleh rahmat Allah (s.w.t). Maka Allah mengampuni dosa-dosanya sepanjang tahun yang lalu dan sepanjang tahun yang akan datang. Pepatah ada mengatakan bahawa meniru-niru perbuatan orang yang mulia membawa keberuntungan.

Puasa hari Asyura dapat menghapuskan dosa-dosa tahun lalu. Hari itu merupakan hari Nabi Musa. Pada hari itu Allah menyelamatkan Nabi Musa (a.s) dan menenggelamkan Fir'aun. Puasa yang dilakukannya pada hari itu sebagai ungkapan bersyukur kepada Allah (s.w.t).

Hari Arafah merupakan hari Nabi Muhammad, di mana ganjaran pahala bagi orang yang berpuasa adalah lebih besar. Sedangkan hari Isnin merupakan hari kelahiran cahaya kenabian ke atas seluruh alam, hidayah al-Qur'an menyinari alam semesta, penghulu para rasul dilantik menjadi rasul, dan pada hari itu pula semua amal perbuatan dilaporkan kepada Allah Tuhan alam semesta. Berpuasa pada hari itu telah diakui oleh syariat Islam sebagai tanda bersyukur kepada Allah.

Analisis Lafaz

"صوم التطوع", puasa sunat.

"وما نهي عنه", hari-hari yang dilarang berpuasa.

"يَوْم عَرَفَة", tarikh sembilan Zulhijah. Diberi nama demikian kerana seluruh jemaah haji berwukuf di Arafah pada hari tersebut.

"يُكَفِّرُ", dapat menghapuskan dosa-dosa kecil yang tidak berkaitan dengan hak-hak manusia. Dosa besar tidak dihapuskan kecuali dengan cara bertaubat, sedangkan hak-hak yang berkaitan dengan manusia bergantung kepada keredaan dan kesediaan mereka untuk memaafkan. Jika seseorang itu tidak mempunyai dosa kecil, maka amal kebaikannya ditambah atau dia dipelihara daripada melakukan dosa atau dihindarkan daripada melakukan banyak dosa.

"السَّنَةَ الْمَاضِيَةَ وَالْبَاقِيَةَ", tahun yang lalu dan tahun yang akan datang. Maksudnya ialah dia sentiasa mendapat taufik daripada Allah hingga dihindarkan daripada perbuatan dosa pada tahun tersebut. Atau, jika dia melakukan suatu dosa, maka dia diberi taufik untuk melakukan sesuatu yang dapat menghapuskannya.

"يَوْم عَاشُورَاءَ", tarikh sepuluh bulan Muharam. Dahulu berpuasa pada hari ini diwajibkan sebelum puasa Ramadhan, kemudian setelah puasa Ramadhan diwajibkan, maka ia menjadi sunat.

"يُكَفِّرُ السَّنَةَ الْمَاضِيَةَ", Allah (s.w.t) hanya menghapus dosa-dosa tahun lalu.

"ذَاكَ يَوْمٌ وُلِدْتُ", hari kelahiran Nabi (s.a.w).

"وَبُعِثْتُ فِيهِ", pada hari itu pula aku dilantik menjadi rasul untuk semesta alam.

"وَ أُنْزِلَ عَلَيَّ الْوَحْيُ فِيهِ", pada hari itu pula Allah mula-mula menurunkan wahyu kepadaku.

Fiqh Hadis

1. Disunatkan berpuasa pada hari Arafah bagi orang yang sedang tidak meninaikan ibadah haji. Sementara itu bagi orang yang sedang beribadah haji, berbuka adalah paling afdal baginya supaya dia lebihi bertenaga menunaikan manasik-manasik haji sekali gus mengikuti Sunnah Rasul (s.a.w). Imam Ahmad berkata: "Jika orang yang sedang menunaikan haji mampu berpuasa, maka dia boleh melakukannya, namun dibolehkan berbuka, kerana dia memerlukan kekuatan tenaga pada hari itu."

2. Keutamaan berpuasa pada hari Arafah.
3. Dianjurkan menghormati hari yang di dalamnya Allah pernah menganugerahkan suatu nikmat yang besar kepada seorang hamba-Nya dengan cara berpuasa pada hari itu dan ber-*taqarrub* kepada-Nya.
4. Menjelaskan betapa luas rahmat Allah (s.w.t).

٢١٥- عَنْ أَبِي أَيُّوبَ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ صَامَ رَمَضَانَ، ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

215. Daripada Abu Ayyub al-Ansari (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Barang siapa yang berpuasa Ramadhan, kemudian mengiringinya dengan puasa enam hari pada bulan Syawal, maka seakan-akan dia puasa sepanjang tahun.*" (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Sesudah berpuasa Ramadhan, nafsu terhadap makan yang disukai semakin bergelora. Namun apabila kembali berpuasa sunat, maka itu dapat melemahkan gejolak hawa nafsu itu. Oleh itu, pahalanya lebih besar. Barang siapa berpuasa bulan Ramadhan, lalu mengikutinya dengan puasa enam hari pada bulan Syawal, maka seakan-akan orang itu berpuasa sepanjang tahun, kerana pahala satu hari puasa sama dengan pahala puasa sepuluh hari, seperti mana yang dijelaskan dalam firman Allah:

مَن جَآءَ بِٱلْحَسَنَةِ فَلَهُۥ عَشْرُ أَمْثَالِهَا ..... ﴿١٦٠﴾

"*Barang siapa membawa amal yang baik, maka baginya (pahala) sepuluh kali lipat amalnya.*" (Surah al- An'am: 160)

Dari sini satu bulan Ramadhan sama dengan sepuluh bulan, sedangkan enam hari sama dengan dua bulan, hingga jumlah keseluruhannya genap menjadi dua belas bulan.

Tidak disyaratkan melakukan puasa enam hari ini pada permulaan bulan Syawal, bahkan pengertian "mengiringi" di sini menunjukkan itu boleh dilakukan pada permulaan Syawal, pertengahannya atau di akhirnya. Imam Malik memakruhkannya apabila dilakukan secara berturut-turut sesudah hari raya bagi orang yang mengikuti pendapatnya. Alasannya ialah berlandaskan dalil asal menurut kaedah mazhabnya bahawa orang awam dikhuatiri meyakini amalan berpuasa itu wajib, hingga ada di antara mereka yang menjadikannya sebagai hari raya khusus untuknya dan menamakannya hari raya enam.

Analisis Lafaz

"مَنْ صَامَ رَمَضَانَ، ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ", barang siapa yang membiasakan diri puasa bulan Ramadhan setiap tahun dan puasa enam hari pada bulan Syawal sesudah hari raya, maka seakan-akan dia berpuasa seumur hidupnya. Lafaz "سِتًّا" merupakan *'adad* (bilangan) yang dibuang *ma'dud*-nya (subjek bilangan); bentuk lengkapnya ialah enam hari. Lafaz "سِتًّا" diungkapkan dalam bentuk *mudzakkar* (lelaki) dan bukannya *mu'annats* (wanita) kerana *ma'dud*-nya telah dibuang.

Fiqh Hadis

Disunatkan berpuasa enam hari pada bulan Syawal. Mazhab al-Syafi'i mengatakan bahawa apa yang lebih utama hendaklah puasa Syawal dilakukan secara berturut-turut sesudah hari raya, tetapi jika dia memisah-misahkanhya atau mengakhirkannya daripada permulaan Syawal, maka dia tetap beroleh pahala sunat puasa. Imam Ahmad berkata: "Tidak ada perbezaan keutamaan antara puasa secara berturut-turut dan memisahkannya; semua itu sama sahaja."

Imam Malik, Imam Abu Hanifah dan Abu Yusuf mengatakan bahawa makruh berpuasa pada hari-hari itu secara berturut-turut setelah hari raya bagi menghindari keyakinan bahawa puasa itu wajib. Akan tetapi ulama fiqh dari kalangan mazhab Maliki dan mazhab Hanafi mengatakan bahawa disunatkan melakukan puasa enam hari Syawal secara terpisah-pisah, tetapi tidak makruh apabila dikerjakan secara berturut-turut menurut pendapat yang terpilih. Lain halnya dengan Abu Yusuf, beliau berpendapat memakruhkannya. Mereka mentafsirkan pendapat kedua-dua imam (Imam Malik dan Imam Abu Hanifah) sebagai apabila seseorang menghubungkan secara langsung puasanya setelah hari raya, lalu dia mengerjakannya secara berturut-turut. Tetapi jika seseorang melakukannya tanpa menghubungkannya secara langsung dengan hari raya dan tidak berturut-turut, maka itu tidak makruh.

٢١٦- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَا مِنْ عَبْدٍ يَصُومُ يَوْمًا فِي سَبِيلِ اللهِ إِلاَّ بَاعَدَ اللهُ بِذَلِكَ الْيَوْمِ عَنْ وَجْهِهِ النَّارَ سَبْعِينَ خَرِيفًا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ.

216. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tidak sekali-kali seseorang hamba berpuasa sehari di jalan Allah, melainkan Allah menjauhkan wajahnya daripada neraka sejauh perjalanan tujuh puluh tahun berkat hari itu." (Muttafaq 'alaih, lafaz hadis menurut riwayat Muslim)

Makna Hadis

Berpuasa ketika berjihad amat besar pahalanya, kerana di dalamnya digabungkan antara puasa yang merupakan jihad kecil, iaitu melawan hawa nafsu diri sendiri dengan jihad besar, iaitu berperang melawan musuh. Di dalam gabungan ini terdapat keutamaan yang amat besar dengan satu syarat selagi puasa tidak melemahkan kekuatan fizikalnya, tetapi apabila puasa boleh melemahkannya, maka berbuka adalah lebih baik baginya supaya dia lebih bertenaga dalam melaksanakan jihad.

Analisis Lafaz

"مَا مِنْ عَبْدٍ", huruf "من" merupakan tambahan untuk mengukuhkan makna, sedangkan lafaz "عبد" berkedudukan sebagai *mubtada'*.

"يَصُومُ يَوْمًا فِي سَبِيلِ الله", maksudnya ialah "berperang" dan dikatakan lebih utama kerana di dalamnya terdapat di antara dua kesusahan, iaitu kesusahan jihad dan kesusahan puasa. Atau maksudnya ialah "demi Allah" untuk memperoleh reda-Nya.

"إِلاَّ بَاعَدَ اللهُ بِذَلِكَ الْيَوْم عَنْ وَجْهِهِ النَّارَ", Allah menyelamatkan dirinya daripada seksa neraka berkat puasa yang telah dikerjakannya itu. Ungkapan tersebut merupakan kata-kata kinayah yang menunjukkan makna selamat daripada seksa neraka.

"سَبْعِينَ خَرِيفًا", tujuh puluh tahun. Makna asal "خريفا" adalah salah satu daripada empat musim dalam satu tahun kemudian diucapkan untuk menunjukkan waktu selama satu tahun.

Fiqh Hadis

Keutamaan berpuasa semasa berjihad, kerana di dalamnya terdapat antara keutamaan berjihad melawan musuh dan berjihad melawan hawa nafsu dalam hal makan dan minum selagi tidak melemahkan kekuatan fizikalnya dalam berperang.

٢١٧- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصُومُ حَتَّى نَقُولَ لاَ يُفْطِرُ، وَيُفْطِرُ حَتَّى نَقُولَ لاَ يَصُومُ، وَمَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَكْمَلَ صِيَامَ شَهْرٍ قَطُّ إِلاَّ رَمَضَانَ، وَمَا رَأَيْتُهُ فِي شَهْرٍ أَكْثَرَ مِنْهُ صِيَامًا فِي شَعْبَانَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ.

217. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) seringkali berpuasa hingga kami mengatakan bahawa baginda tidak pernah berbuka, dan baginda pun sering berbuka hingga kami mengatakan bahawa baginda tidak

pernah berpuasa. Dan aku belum pernah melihat Rasulullah (s.a.w) berpuasa selama satu bulan sempurna melainkan puasa di bulan Ramadhan, dan aku belum pernah melihatnya banyak berpuasa dalam satu bulan melainkan di bulan Sya'ban." (Muttafaq 'alaih. Lafaz hadis menurut Muslim)

Makna Hadis

Oleh kerana bulan Sya'ban terletak di antara dua bulan yang mulia, iaitu bulan Rejab dan bulan Ramadhan, bulan puasa dan bulan ibadah, setiap orang sibuk di kedua-dua bulan itu hingga bulan Sya'ban diabaikan. Ramai orang menduga bahawa berpuasa di bulan Rejab lebih utama daripada berpuasa bulan Sya'ban, kerana bulan Rejab adalah bulan suci. Padahal Nabi (s.a.w) sering kali berpuasa di bulan Sya'ban seluruhnya kecuali hanya beberapa hari bagi menghormati bulan Ramadhan sekali gus mengisyaratkan kedudukannya yang mulia serta mengingati keutamaannya. Di bulan Sya'ban setiap amal perbuatan dilaporkan kepada Allah Tuhan semesta alam. Untuk itu, baginda suka apabila amal perbuatannya dilaporkan dalam keadaan baginda berpuasa. Nabi (s.a.w) tidak pernah melupakan perkara ini sebagaimana orang ramai sering melupakannya. Bulan Sya'ban merupakan bulan yang paling afdal untuk melakukan ibadah puasa sesudah Ramadhan. Adapun hadis tentang puasa yang paling utama sesudah Ramadhan adalah bulan Muharram (Rejab), maka perbandingan tersebut bersifat nisbi apabila dibandingkan dengan bulan-bulan haram yang lain.

Analisis Lafaz

"يَصُومُ حَتَّى نَقُولَ لاَ يُفْطِرُ", tidak pernah menghentikan puasanya hingga kami mengatakan bahawa baginda tidak pernah berbuka.

"وَيُفْطِرُ حَتَّى نَقُولَ لاَ يَصُومُ", tidak pernah berpuasa hingga kami mengatakan bahawa baginda tidak pernah berpuasa (sunat). Maksudnya ialah puasa baginda terlampau lama hingga kami menduga baginda tidak pernah berbuka. Jika baginda berbuka, maka itu dilakukannya dalam waktu yang cukup lama hingga kami menduga bahawa baginda tidak lagi melakukan puasa (sunat).

"وَمَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَكْمَلَ صِيَامَ شَهْرٍ قَطُّ إِلاَّ رَمَضَانَ", baginda belum pernah berpuasa sebulan sempurna selain bulan Ramadhan, supaya orang ramai tidak menduga bahawa puasa selain Ramadhan diwajibkan.

"وَمَا رَأَيْتُهُ فِي شَهْرٍ أَكْثَرَ مِنْهُ صِيَامًا فِي شَعْبَانَ", aku belum pernah melihat baginda rajin berpuasa dalam satu bulan selain pada bulan Sya'ban. Ini kerana bulan Sya'ban adalah bulan di mana waktu segala amal perbuatan dilaporkan kepada Allah Tuhan semesta alam. Rasulullah (s.a.w) sangat menyukai apabila amal perbuatannya dilaporkan dalam keadaan baginda berpuasa.

Perkataan Sya'ban berasal dari kata terbitan *al-sya'b* yang bermaksud perhimpunan, tetapi adakalanya pula diertikan sebagai perpecahan. Ia merupakan

salah satu dari lafaz *al-adhdad* (satu lafaz yang mempunyai dua erti yang berlawanan.

Menurut pendapat yang lain, bulan tersebut diberi nama sya'ban kerana memancarkan banyak kebaikan seperti mana bulan Ramadhan. Menurut pendapat yang lain pula, diberi nama demikian kerana mereka kembali bersatu sesudah bercerai-berai.

Fiqh Hadis

1. Di antara petunjuk Nabi (s.a.w) ialah berpuasa secara berterusan dalam satu waktu dan pada waktu yang lain berbuka secara berterusan. Baginda sentiasa melakukan amalan-amalan yang bersesuaian dengan situasi dan keadaan. Jika tidak ada kesibukan, baginda berpuasa secara berterusan, namun apabila sibuk dengan urusan kaum muslimin, baginda berbuka secara berterusan.
2. Keutamaan bulan Sya'ban.

٢١٨- عَنْ أَبِي ذَرٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: أَمَرَنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ نَصُومَ مِنْ الشَّهْرِ ثَلاَثَةَ أَيَّامٍ: ثَلاَثَ عَشْرَةَ، وَأَرْبَعَ عَشْرَةَ، وَخَمْسَ عَشْرَةَ. رَوَاهُ النَّسَائِيُّ وَالتِّرْمِذِيُّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

218. Daripada Abu Dzar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) menyuruh kami berpuasa setiap bulan sebanyak tiga hari, iaitu pada tarikh tiga belas, empat belas, dan lima belas." (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i dan al-Tirmizi, serta dinilai sahih oleh Ibn Hibban)

Makna Hadis

Anugerah Allah meliputi segala sesuatu dan kurnia-Nya kepada umat ini amat besar. Allah (s.w.t) telah menjadikan bagi mereka setiap satu amal kebaikan sepuluh kali ganda pahala amal kebaikannya. Dari sini, berpuasa tiga hari setiap bulan sama kedudukannya dengan berpuasa selama satu tahun. Ini merupakan satu keistimewaan yang paling besar. Di dalam riwayat yang lain maksud sebegini disebutkan dengan jelas, iaitu riwayat yang dikemukakan oleh al-Nasa'i bahawa satu kebaikan berpahala sepuluh kali ganda kebaikan yang seumpamanya.

Berpuasa selama tiga hari pada setiap bulan tidak dibezakan sama ada dilakukan secara berurutan ataupun berpisah-pisah pada permulaan, pertengahan atau pada bahagian akhir bulan seperti mana yang dijelaskan oleh riwayat Muslim daripada hadis Aisyah (r.a) bahawa beliau tidak kisah pada hari apa beliau berpuasa

pada bulan itu. Perbuatan Nabi (s.a.w) tidak hanya khusus pada hari-hari putih (tarikh bulan bersinar terang) sahaja, agar tidak ada anggapan bahawa batasan itu merupakan sesuatu yang wajib. Adakalanya baginda ada kesibukan yang bersifat mengejut, misalnya melakukan perjalanan, menerima para delegasi, atau sedang sakit, dan lain-lain.

Tetapi benar bahawa baginda sentiasa berpuasa dalam setiap bulan pada hari-hari putih, kerana itu lebih afdal. Sekalipun demikian, ini tidak bertentangan dengan anjuran berpuasa hari Isnin dan Khamis, kerana pada kedua-dua hari itu semua amal perbuatan dilaporkan kepada Allah (s.w.t). Dan lebih utama lagi apabila seseorang berpuasa ketika amal perbuatannya dilaporkan. Apapun, setiap sesuatu mempunyai keistimewaan tersendiri sesuai dengan kedudukannya.

Analisis Lafaz

"أَمَرَنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", perintah ini menunjukkan hukum sunat. Faktor yang memalingkannya daripada hukum wajib ialah adanya ijma' yang menyatakan bahawa puasa seperti itu tidak difardukan.

"مِنْ الشَّهْرِ ثَلاَثَةَ أَيَّامٍ", tiga hari pada setiap bulan, iaitu pada hari-hari putih berdasarkan tafsiran perkataan yang sesudahnya. Hari-hari tersebut disebut hari-hari putih kerana pada waktu sepanjang malamnya disinari oleh rembulan.

Fiqh Hadis

Anjuran berpuasa pada hari-hari putih mengikut pendapat jumhur ulama. Mazhab Maliki mengatakan bahawa disunatkan berpuasa tiga hari pada setiap bulan, namun makruh mengkhususkannya pada hari-hari putih agar orang yang tidak faham mengenainya tidak meyakininya sebagai wajib sekali gus mengikuti amalan Nabi (s.a.w).

٢١٩- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لاَ يَحِلُّ لِلْمَرْأَةِ أَنْ تَصُومَ وَزَوْجُهَا شَاهِدٌ إِلاَّ بِإِذْنِهِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

وَزَادَ أَبُو دَاوُدَ: "غَيْرَ رَمَضَانَ".

219. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Tidak halal bagi wanita berpuasa, sedangkan suaminya berada di tempat, kecuali setelah mendapat kebenaran daripadanya.*" (Muttafaq 'alaih. Lafaz hadis menurut al-Bukhari)

Di dalam riwayat Abu Dawud ditambahkan: "Selain bulan Ramadhan."

Makna Hadis

Seorang wanita diharamkan berpuasa sunat sebelum memperoleh kebenaran daripada suaminya, kerana suami mempunyai hak ber-*istimta'* dengannya pada bila-bila masa sedangkan hak suami adalah wajib segera dipatuhi. Oleh itu, tidak boleh mendahulukan amal sunat sebelum menunaikan hak tersebut sebagaimana kewajipan tersebut tidak pula melewatkan perkara wajib lain yang bersifat *tarakhi* (tidak segera), misalnya mengqadha' puasa Ramadhan, puasa kifarat, dan puasa nazar mutlak.

Jika seorang isteri berpuasa tanpa kebenaran suaminya, maka puasanya sah meskipun puasa itu haram baginya kerana hukum haram itu dilihat dari segi lain selain ibadah puasa itu sendiri. Ini sama dengan seseorang yang mengerjakan solat di dalam suatu rumah yang dia ambil secara paksa tanpa kebenaran daripada pemiliknya. Apa yang tersirat dari makna hadis tersebut bahawa jika suami sedang dalam musafir, isteri dibolehkan berpuasa. Tidak ada perselisihan pendapat ulama dalam masalah ini kerana penyebab larangan itu telah tidak wujud.

Analisis Lafaz

"لاَ يَحِلُّ لِلْمَرْأَةِ أَنْ تَصُومَ وَزَوْجُهَا شَاهِدٌ إِلاَّ بِإِذْنِهِ", seorang wanita tidak boleh berpuasa sunat ketika suaminya berada di tempat bersamanya, kecuali setelah mendapat izin daripadanya. Jika suami mengizinkannya berpuasa sunat, maka dia boleh melakukannya. Perkataan nafi dalam hadis ini mengandung makna larangan.

"وَزَادَ أَبُو دَاوُدَ: غَيْرَ رَمَضَانَ", lafaz hadis tersebut menurut riwayat Abu Dawud adalah sebagai berikut bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

لاَ تَصُومُ الْمَرْأَةُ وَبَعْلُهَا شَاهِدٌ إِلاَّ بِإِذْنِهِ غَيْرَ رَمَضَانَ.

"*Janganlah seorang wanita berpuasa (sunat), sedangkan suaminya berada di tempat bersamanya, kecuali setelah mendapat kebenaran daripadanya, selain puasa Ramadhan.*"

"لاَ تَصُومُ الْمَرْأَةُ وَبَعْلُهَا شَاهِدٌ إِلاَّ بِإِذْنِهِ", seorang wanita tidak boleh berpuasa sunat, sedangkan suaminya berada di kota tempat tinggal bersamanya kecuali setelah mendapat kebenaran daripadanya, baik izin secara tersirat ataupun secara tersurat, misalnya isteri tahu bahawa suaminya rela dengan apa yang dilakukannya itu.

"غَيْرَ رَمَضَانَ", selain puasa Ramadhan. Puasa Ramadhan boleh dia lakukan tanpa perlu mendapat kebenaran daripada suaminya lebih dahulu, kerana suami ketika itu juga pasti sedang berpuasa, hingga tidak dikhuatiri suami memerlukan dirinya. Selain puasa Ramadhan iaitu puasa nazar mutlak, di mana hukumnya sama dengan puasa di bulan Ramadhan.

Fiqh Hadis

1. Seorang wanita tidak boleh menyimpang daripada taat kepada suaminya, malah dalam masalah ibadah selain fardu, sebab hak suami terhadapnya lebih kuat, kerana menunaikan hak suami adalah lebih utama daripada sekadar berpuasa sunat.
2. Wajib berpuasa di bulan Ramadhan, sekalipun suami tidak menyukainya.

٢٢٠- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ صِيَامِ يَوْمَيْنِ: يَوْمِ الْفِطْرِ وَيَوْمِ النَّحْرِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

220. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) melarang daripada berpuasa dua hari, iaitu: hari raya aidil fitri dan hari raya aidil adha. (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Pada waktu zaman Jahiliah ada dua hari khusus tempat mereka saling membanggakan nasab (keturunan) mereka dan perkara-perkara yang lain. Pada kedua hari tersebut mereka berpesta pora dan bersuka ria. Kemudian Allah menggantikan kedua hari itu dengan dua hari yang lain, dan kedua-dua hari pengganti itu dijadikan oleh Allah sebagai hari raya kaum muslimin. Allah (s.w.t) mensyariatkan padanya zikir, takbir, berbuka, menjamu tetamu, dan bergembira kerana kemurahan Allah yang telah melimpahkan rahmat-Nya setelah selesai melakukan ibadah puasa pada hari raya aidil fitri dan sesudah menunaikan manasik haji pada hari raya aidil adha. Allah (s.w.t) berfirman:

قُلْ بِفَضْلِ ٱللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِۦ فَبِذَٰلِكَ فَلْيَفْرَحُوا۟ ..... ﴿٥٨﴾

"*Katakanlah: "Dengan kurnia Allah dan rahmat-Nya, hendaklah mereka bergembira...*" (Surah Yunus: 58)

Nabi (s.a.w) melarang berpuasa pada dua hari raya itu, kerana berpuasa pada hari-hari itu bererti sama dengan berpaling daripada kemurahan Allah (s.w.t).

Analisis Lafaz

"نَهَى عَنْ صِيَامِ يَوْمَيْنِ", larangan ini menunjukkan hukum haram. Hikmah larangan berpuasa pada dua hari raya ialah kerana ia bermaksud memalingkan diri daripada rahmat yang dianugerahkan oleh Allah (s.w.t).

"يَوْمِ الْفِطْرِ", hari raya aidil fitri yang bersamaan dengan tarikh 1 Syawal.

"يَوْمَ النَّحْرِ", hari raya aidil adha yang bersamaan dengan tarikh sepuluh bulan Zulhijah.

Fiqh Hadis

Haram berpuasa pada dua hari raya, sama ada puasa nazar, puasa kifarat, puasa sunat ataupun puasa qadha'. Jumhur ulama mengatakan bahawa jika seseorang bernazar ingin berpuasa pada kedua hari raya itu, maka nazarnya tidak sah dan tidak ada apa-apa kewajipan ke atasnya menurut kebanyakan ulama, kerana berlandasan kepada sabda Rasulullah (s.a.w):

لاَ نَذْرَ فِيْ مَعْصِيَةٍ.

"*Tidak ada nazar dalam kemaksiatan.*" Kifaratnya sama dengan kifarat melanggar sumpah.

Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa nazarnya tetap sah, dan dia wajib mengqadha'nya pada hari yang lain kerana dia telah bernazar untuk berpuasa yang disyariatkan, sedangkan larangan tersebut hanya kerana ada faktor yang lain, iaitu tidak mahu memenuhi seruan Allah (s.w.t). Nazarnya dianggap sah, tetapi dia wajib berbuka untuk menghindari perbuatan maksiat, kemudian dia wajib mengqadha'nya pada hari yang lain untuk menggugurkan kewajipan yang ada pada dirinya. Jika seseorang bernazar hendak berpuasa pada suatu hari dan ternyata hari tersebut bertepatan dengan hari raya, maka tidak halal baginya berpuasa menurut ijma' ulama, namun dia wajib mengqadha'nya, menurut mazhab Hanafi, sementara itu menurut pendapat jumhur ulama, dia tidak wajib mengqadha'nya.

٢٢١- عَنْ نُبَيْشَةَ الْهُذَلِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَيَّامُ اَلتَّشْرِيقِ أَيَّامُ أَكْلٍ وَشُرْبٍ، وَذِكْرٍ لِلّٰهِ عَزَّ وَجَلَّ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

221. Daripada Nubaisyah al-Hudzali (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "Hari-hari tasyriq itu adalah hari-hari makan dan minum, serta berzikir kepada Allah (s.w.t)." (Diriwayatkan oleh Muslim)

٢٢٢- عَنْ عَائِشَةَ وَابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالاَ: لَمْ يُرَخَّصْ فِي أَيَّامِ التَّشْرِيقِ أَنْ يُصَمْنَ إِلاَّ لِمَنْ لَمْ يَجِدِ الْهَدْيَ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

222. Daripada Aisyah (r.a) dan Ibn Umar (r.a), mereka berdua berkata: "Tidak dibolehkan berpuasa pada hari-hari tasyriq, kecuali bagi orang yang tidak menemukan haiwan kurban." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Hari-hari tasyriq iaitu tiga hari sesudah hari raya aidil adha, bukan waktu untuk berpuasa. Dikatakan demikian kerana syariat Islam menjadikan hari-hari tersebut

sebagai waktu untuk melontar jumrah dan menyembelih *al-hadyu* atau haiwan kurban, mencukur rambut atau memendeknya, tawaf, sa'i, takbir, dan lain-lain yang termasuk amalan manasik.

Ketiga-tiga hari ini merupakan hari-hari manasik dan ibadah khusus. Oleh itu, dilarang berpuasa pada hari-hari itu. Di antara ulama ada yang mentafsirkan larangan ini sebagai haram seperti mana pendapat yang masyhur di kalangan mazhab al-Syafi'i. Menurut mereka, puasa pada hari-hari tersebut dilarang bagi orang yang ber-*tamattu'* dan selainnya untuk men-*takhshish* pengertian yang terdapat di dalam firman Allah (s.w.t):

..... فَصِيَامُ ثَلَـٰثَةِ أَيَّامٍ فِى ٱلْحَجِّ ..... ﴿١٩٦﴾

"*… Maka wajib berpuasa tiga hari dalam masa haji….*" (Surah al-Baqarah: 196)

Di antara mereka ada yang membolehkan orang berikut ini berpuasa pada hari-hari tersebut, iaitu orang yang ber-*tamattu'*, orang yang ber-qurban, dan orang yang terkepung dari kalangan orang yang tidak menemukan *al-hadyu* (haiwan kurban). Ini dijadikan sebagai *rukhsah* kerana ada nash mengenainya, iaitu hadis yang diceritakan oleh Aisyah (r.a) dan Ibn Umar (r.a) di atas.

Analisis Lafaz

"أَيَّام التَّشْرِيق", tiga hari sesudah hari raya aidil adha, iaitu tarikh sebelas, tarikh dua belas bagi orang yang cepat berangkat meninggalkan (Mina), dan tarikh tiga belas bulan Zulhijah bagi orang yang menangguhkan keberangkatannya meninggalkan (Mina). Diberi nama hari-hari tasyriq kerana pada hari-hari tersebut daging-daging haiwan kurban dijemur untuk dijadikan dendeng. Menurut pendapat yang lain, dinamakan demikian kerana haiwan kurban tidaklah disembelih sebelum matahari terbit.

"لَمْ يُرَخَّصْ فِي أَيَّام التَّشْرِيق أَنْ يُصَمْنَ", tidak dibolehkan berpuasa pada hari-hari tasyriq.

"إِلاَّ لِمَنْ لَمْ يَجِدِ الْهَدْيَ", kecuali bagi orang yang tidak mampu menyembelih *al-hadyu* (haiwan kurban), maka dia dibolehkan berpuasa pada hari-hari tasyriq.

Fiqh Hadis

Larangan berpuasa pada hari-hari tasyriq. Imam al-Syafi'i berkata: "Haram berpuasa pada hari-hari itu dan puasanya tidak sah." Mazhab Hanbali mengatakan haram berpuasa pada hari-hari tersebut kecuali dalam ibadah haji bagi orang yang ber-*tamattu'* dan orang yang ber-*qiran* apabila keduanya tidak menemukan haiwan kurban.

Mazhab Hanafi mengatakan bahawa berpuasa pada hari-hari tasyriq hukumnya makruh tahrim, kecuali bagi orang yang sedang melakukan ibadah haji. Imam Malik berkata: "Haram berpuasa dua hari sesudah hari raya aidil adha, kecuali dalam ibadah haji bagi orang yang ber-*tamattu'* dan ber-*qiran*; mereka dibolehkan

berpuasa pada dua hari itu, sedangkan berpuasa pada hari yang ketiga hukumnya dimakruhkan."

Periwayat Hadis

Nubaisyah ibn Amr ibn Auf ibn Abdullah ibn 'Ittab ibn al-Harits ibn Hushain ibn Nabighah ibn Lihyan ibn Hudzail ibn Mudrikah ibn Ilyas ibn Mudhar. Beliau adalah saudara sepupu Salamah ibn al-Muhabbaq.

Rasulullah (s.a.w) memberinya gelaran "*Nubaisyah al-Khair*". Baginda memberinya gelaran demikian kerana pada suatu hari beliau masuk menghadap Nabi (s.a.w) sedangkan di hadapan baginda terdapat para tawanan perang. Lalu Nubaisyah berkata: "Wahai Rasulullah, tuan boleh menerima tebusan dari mereka atau tuan membebaskan mereka." Kemudian Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Engkau telah memerintahkan untuk melakukan kebaikan, engkau adalah *Nubaisyah al-Khair*."

٢٢٣- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لاَ تَخْتَصُّوا لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ بِقِيَامٍ مِنْ بَيْنِ اللَّيَالِي، وَلاَ تَخْتَصُّوا يَوْمَ الْجُمُعَةِ بِصِيَامٍ مِنْ بَيْنِ الْأَيَّامِ، إِلاَّ أَنْ يَكُونَ فِي صَوْمٍ يَصُومُهُ أَحَدُكُمْ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

223. Daripada Abu Hurairah (r.a) daripada Nabi (s.a.w) pernah bersabda: "*Janganlah kamu mengkhususkan malam Jumaat di antara malam-malam yang lain untuk melakukan ibadah dan jangan pula kamu mengkhususkan hari Jumaat di antara hari-hari yang lain untuk melakukan puasa, kecuali apabila seseorang di antara kamu sedang melakukan puasa sesuai dengan kebiasaannya.*" (Diriwayatkan oleh Muslim)

٢٢٤- وَعَنْهُ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ يَصُومَنَّ أَحَدُكُمْ يَوْمَ الْجُمُعَةِ، إِلاَّ أَنْ يَصُومَ يَوْمًا قَبْلَهُ، أَوْ يَوْمًا بَعْدَهُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

224. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Jangan sekali-kali seseorang di antara kamu berpuasa pada hari Jumaat, kecuali apabila dia melakukan puasa sehari sebelumnya atau sehari sesudahnya.*" (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Doa pada hari Jumaat dimakbulkan oleh Allah, kerana hari Jumaat merupakan hari zikir dan hari ibadah, misalnya mandi, segera ke masjid, menunggu pelaksanaan solat Jumaat dan mendengarkan khutbah serta memperbanyak zikir sesudahnya. Selain itu, disunatkan memperbanyak selawat ke atas Nabi (s.a.w) dan ibadah-ibadah yang lain. Jadi disunatkan pula berbuka agar dapat membantunya untuk

melaksanakan amal-amal ibadah tersebut dengan penuh semangat, hati yang gembira dan meresapinya dengan penuh rasa nikmat tanpa rasa jenuh dan dia memperoleh keutamaan puasa hari sebelum Jumaat atau yang sesudahnya. Dia dapat menutupi kekurangan yang adakalanya terjadi kerana lemah atau tidak sempurna dalam mengerjakan pekerjaan-pekerjaan ibadah hari Jumaat kerana puasanya.

Analisis Lafaz

"لاَ تَخْتَصُّوا لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ بِقِيَامٍ مِنْ بَيْنِ اللَّيَالِي", janganlah kamu mengkhususkan malam Jumaat di antara malam-malam yang lain untuk beribadah, misalnya mengerjakan solat dan membaca al-Qur'an yang tidak biasa dilakukan, kecuali amalan-amalan yang telah digalakkan oleh nash seperti membaca Surah al-Kahfi pada malam Jumaat, kerana ada hadis yang mengkhususkan membacanya pada malam itu.

"إِلاَّ أَنْ يَكُونَ فِي صَوْمٍ يَصُومُهُ أَحَدُكُمْ", kecuali apabila seseorang di antara kamu biasa mengerjakan puasa sebelumnya, seperti puasa yang biasa dilakukannya dan kemudian bertepatan dengan hari Jumaat

"وَعَنْهُ", daripada Abu Hurairah yang sumbernya sama dengan hadis sebelumnya.

"لاَ يَصُومَنَّ", jangan sekali-kali berpuasa. Larangan ini menunjukkan hukum makruh tanzih. Mengkhususkan puasa pada hari Jumaat itu dilarang tidak lain agar tidak sama dengan kaum ahli kitab yang menghormati hari-hari raya mereka dengan cara berpuasa. Jika seseorang telah berpuasa sehari sebelumnya atau sehari sesudahnya, maka hilanglah unsur kesamaan tersebut.

Fiqh Hadis

1. Dilarang mengkhususkan malam Jumaat untuk ibadah selain apa yang telah disebutkan oleh nash mengenainya.
2. Dibolehkan berpuasa pada hari Jumaat bagi orang yang mempunyai kebiasaan berpuasa yang kemudian bertepatan dengan hari Jumaat dan boleh pula bagi orang yang menghubungkannya dengan puasa sehari sebelum atau sesudahnya.
3. Makruh mengkhususkan puasa pada hari Jumaat. Mazhab Hanbali dan mazhab al-Syafi'i mengatakan makruh mengkhususkan berpuasa pada hari Jumaat. Mereka mentafsirkan larangan ini dengan hukum makruh. Mazhab Hanafi dan mazhab Maliki mengatakan bahawa dibolehkan berpuasa pada hari Jumaat secara mutlak tanpa makruh. Mereka melandaskan pendapatnya dengan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi yang menilainya hasan, al-Nasa'i dan Ibn Hibban yang menilainya sahih daripada Ibn Mas'ud (r.a):

كَانَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصُوْمُ ثَلاَثَةَ أَيَّامٍ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ وَقَلَّمَا كَانَ يُفْطِرُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ.

"Rasulullah (s.a.w) sering berpuasa tiga hari setiap bulan, namun jarang sekali baginda berbuka pada hari Jumaat."

٢٢٥- وَعَنْهُ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِذَا انْتَصَفَ شَعْبَانَ فَلاَ تَصُومُوا". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ وَاسْتَنْكَرَهُ أَحْمَدُ.

225. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Jika bulan Sya'ban sudah sampai pada pertengahan bulan, maka janganlah kamu berpuasa.*" (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, tetapi Imam Ahmad menilainya munkar)

Makna Hadis

Puasa Ramadhan adalah puasa fardu. Oleh itu, sebaiknya seseorang mempersiapkan dirinya untuk menyambutnya. Barangkali inilah rahsia larangan syariat Islam yang menyatakan tidak boleh melakukan puasa sesudah pertengahan bulan Sya'ban, untuk memperkuat dirinya dan membuat persediaan menyambut bulan Ramadhan! Ada pula kemungkinan itu dilakukan oleh syariat Islam kerana khuatir puasa sunat bercampur aduk dengan puasa fardu di kalangan orang awam.

Tetapi larangan ini bersifat terikat dan tidak mutlak di mana apabila tidak bertepatan dengan puasa yang biasa dilakukan seseorang yang biasa melakukannya. Jika waktunya bersamaan dengan puasa yang biasa dilakukannya, maka berpuasa tidaklah dilarang dan begitu pula dengan orang yang mempunyai puasa qadha' Ramadhan tahun lalu, maka dia wajib menunaikan qadha'nya dalam waktu yang sempit sebelum Ramadhan yang berikutnya tiba. Jika Ramadhan yang datang telah tiba, maka dia dikatakan sebagai orang yang berlaku cuai selagi tidak ada uzur yang mencegahnya untuk melakukan puasa qadha, misalnya dalam perjalanan atau sedang sakit. Jika dia berhalangan untuk melakukan puasa qadha', maka dia wajib menunaikan qadha'nya setelah selesai berpuasa Ramadhan yang akan datang, tanpa dosa dan kifarat kerana dia mempunyai uzur.

Analisis lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Abu Hurairah (r.a) yang sumbernya sama dengan hadis sebelumnya.

"إِذَا انْتَصَفَ شَعْبَانَ", apabila telah lewat setengahnya, yakni telah lewat lima belas hari.

"فَلاَ تَصُومُوا", janganlah kamu berpuasa. Larangan ini menunjukkan hukum makruh bagi orang yang tidak mempunyai kebiasaan berpuasa, atau puasa akan melemahkan dirinya.

"وَاسْتَنْكَرَهُ أَحْمَدُ", Imam Ahmad menilainya munkar, kerana hadis ini berasal daripada riwayat al-Ala' ibn Abdul Rahman, sedangkan dia termasuk salah seorang periwayat yang dinilai jujur oleh Muslim, meskipun kadang kala melakukan kesilapan.

Fiqh Hadis

Para ulama berbeza pendapat mengenai larangan berpuasa di pertengahan bulan Sya'ban. Kebanyakan ulama mazhab al-Syafi'i mengatakan haram kerana berlandasan hadis ini. Menurut pendapat yang lain pula makruh, khususnya bagi orang yang puasa dan itu mengakibatkan dirinya lemah namun hukum berpuasa itu menjadi haram apabila berpuasa sehari atau dua hari sebelum Ramadhan. Menurut pendapat yang lain lagi tidak makruh, bahkan ada yang mengatakan disunatkan seakan-akan mereka melandaskan pendapatnya dengan hadis yang mengatakan bahawa Nabi (s.a.w) sering menyambung puasa Sya'ban dengan Ramadhan.

Akan tetapi, sudah jelas bagi kita bahawa apabila hadis ucapan dan hadis perbuatan pertentangan, maka hadis ucapan hendaklah lebih diutamakan.

٢٢٦- عَنِ الصَّمَّاءِ بِنْتِ بُسْرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لاَ تَصُومُوا يَوْمَ السَّبْتِ إِلاَّ فِيمَا افْتُرِضَ عَلَيْكُمْ، فَإِنْ لَمْ يَجِدْ أَحَدُكُمْ إِلاَّ لِحَاءَ عِنَبٍ، أَوْ عُودَ شَجَرَةٍ فَلْيَمْضُغْهَا". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ، إِلاَّ أَنَّهُ مُضْطَرِبٌ. وَقَدْ أَنْكَرَهُ مَالِكٌ. وَقَالَ أَبُو دَاوُدَ: هُوَ مَنْسُوخٌ.

226. Daripada al-Shamma' binti Busr (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Janganlah kamu berpuasa pada hari Sabtu melainkan hanya puasa yang difardukan kepada kamu. Jika seseorang di antara kamu tidak menemukan (makanan) selain daripada kulit pohon anggur atau ranting pohon, maka hendaklah dia mengunyahnya.*" (Diriwayatkan oleh al-Khamsah. Periwayat hadis ini tsiqah, namun ia *mudhtharib*. Malik menilainya munkar dan Abu Dawud mengatakan bahawa hadis ini telah di-*mansukh*)

٢٢٧- عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ أَكْثَرَ مَا يَصُومُ مِنَ الْأَيَّامِ يَوْمُ السَّبْتِ وَيَوْمُ الْأَحَدِ، وَكَانَ يَقُولُ: "إِنَّهُمَا يَوْمَا عِيدٍ لِلْمُشْرِكِينَ،

227. Daripada Ummu Salamah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) sering kali berpuasa pada hari Sabtu dan Ahad di antara hari-hari yang lain. Baginda pernah bersabda bahawa kedua-dua hari itu merupakan hari raya kaum musyrikin, sedangkan aku menginginkan kamu membezakan diri dengan mereka." (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i dan dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah. Lafaz hadis ini menurut Ibn Khuzaimah)

Makna Hadis

Pada permulaan Islam, Rasulullah (s.a.w) suka melakukan penyesuaian dengan ahli kitab dalam perkara-perkara yang tidak ada ketentuan syariat yang mengatur di dalamnya. Oleh itu, baginda melarang berpuasa pada hari Sabtu untuk menyesuaikan diri dengan mereka, sebab itu merupakan hari raya mereka.

Tetapi pada akhirnya Rasulullah (s.a.w) menyuruh supaya bersikap membezakan diri kaum muslimin dengan mereka. Untuk itu, baginda berpuasa setiap hari Sabtu dan hari Ahad. Dalam usaha membezakan diri itu baginda tidak hanya mengkhususkan hari Sabtu dengan berpuasa, bahkan baginda berpuasa pula sehari sebelumnya dan sehari sesudahnya.

Analisis Lafaz

"إِلاَّ فِيمَا افْتُرِضَ عَلَيْكُمْ", kecuali dalam melaksanakan puasa yang telah difardukan oleh Allah kepada kamu, misalnya puasa Ramadhan, puasa nazar, atau puasa kifarat.

"لِحَاءَ عِنَبٍ", kulit pohon anggur.

"أَوْ عُودَ شَجَرَةٍ", ranting pohon.

"فَلْيَمْضُغْهَا", hendaklah dia mengunyahnya untuk membatalkan puasanya.

"وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ، إِلاَّ أَنَّهُ مُضْطَرِبٌ", dikatakan *mudhtharib* kerana hadis ini diriwayatkan melalui berbagai riwayat. Riwayat pertama melalui Abdullah ibn Busr daripada saudara perempuannya, iaitu al-Shamma'. Riwayat kedua melalui Abdullah ibn Busr daripada Nabi (s.a.w). Ini menurut riwayat Ibn Hibban. Riwayat ketiga melalui Abdullah ibn Busr daripada ayahnya. Riwayat keempat melalui Abdullah ibn Busr daripada saudara perempuannya al-Shamma' daripada Aisyah (r.a). Penilaian *mudhtharib* dipandang dari segi kepelbagaian ini, tetapi ini tidak mempengaruhi kesahihan hadis, kerana *idhthirab* ini berkisar di kalangan para sahabat, sedangkan para sahabat adalah adil.

"وَقَدْ أَنْكَرَهُ مَالِكٌ", Imam Malik berkata: "Hadis ini dusta."

Abdullah ibn Busr, nama panggilannya ialah Abu al-Busr. Beliau meriwayatkan hadis secara langsung daripada Nabi (s.a.w) dan adakalanya melalui ayahnya. Dan riwayat hadis daripadanya telah diambil oleh Abu al-Zahiriyyah, Khalid ibn Ma'dan, Shafwan ibn Umar serta Huraiz ibn Utsman, dan lain-lain. Beliau meninggal dunia pada tahun 88 Hijriah atau tahun 94 Hijriah dalam usia 100 tahun. Beliau adalah sahabat terakhir yang meninggal dunia di negeri Syam. Busr ibn Abu al-

Busr al-Mazini adalah seorang sahabat yang hanya meriwayatkan satu hadis yang disebutkan di dalam kitab Shahih Muslim dan riwayat hadis daripadanya telah diambil oleh Abdullah, anak lelakinya.

"وَقَالَ أَبُو دَاوُدَ: هُوَ مَنْسُوخٌ", barangkali Abu Dawud menilainya dari segi pengertian bahawa pada mulanya Nabi (s.a.w) suka melakukan penyesuaian dengan ahli kitab, kemudian pada akhir usianya Nabi (s.a.w) berbeza dengan mereka. Larangan berpuasa pada hari Sabtu adalah sesuai dengan keadaan pertama, sedangkan anjuran berpuasa pada hari sesuai dengan keadaan yang kedua. Hal seperti ini merupakan suatu gambaran tentang *nasakh*. Dari sini ini bererti hadis Ummu Salamah me-*nasakh* hadis al-Shamma'.

"كَانَ أَكْثَرَ مَا يَصُومُ مِنَ الْأَيَّامِ يَوْمُ السَّبْتِ وَيَوْمُ الْأَحَدِ", Rasulullah (s.a.w) sering berpuasa pada kedua-dua hari tersebut.

"وَكَانَ يَقُولُ: إِنَّهُمَا يَوْمَا عِيدٍ لِلْمُشْرِكِينَ", hari Sabtu dan hari Ahad termasuk hari raya kaum musyrikin, hari Sabtu merupakan hari raya Yahudi, dan hari Ahad merupakan hari raya Nasrani.

"وَأَنَا أُرِيدُ أَنْ أُخَالِفَهُمْ", pada mulanya Rasulullah (s.a.w) suka melakukan penyesuaian dengan ahli kitab, kemudian pada akhirnya baginda membezakan diri dengan mereka.

"وَهَذَا لَفْظُهُ", lafaz hadis ini menurut Ibn Khuzaimah.

Fiqh Hadis

1. Dilarang berpuasa pada hari Sabtu, yakni puasa sunat secara khusus, kemudian dibolehkan berpuasa pada hari itu sebagai *rukhsah*.
2. Menjelaskan hikmah larangan berpuasa pada hari Sabtu pada permulaannya, kemudian pada akhirnya dibolehkan.
3. Menjelaskan sikap Rasulullah (s.a.w) terhadap ahli kitab dalam hal penyesuaian dan perbezaan.
4. Lafaz "*musyrikin*" boleh ditujukan kepada kedua-dua ahli kitab, iaitu orang Yahudi dan Nasrani.

Periwayat Hadis

Al-Shamma' nama aslinya ialah Bahiyyah, menurut pendapat yang lain adalah Bahimah binti Busr, saudara perempuan Abdullah ibn Busr, kemudian dikenali dengan nama al-Shamma'.

Abu Zir'ah berkata: "Ada empat orang yang menjadi sahabat Nabi (s.a.w) dalam satu keluarga, iaitu Busr, kedua anaknya (iaitu Abdullah dan Atiyyah) serta anak perempuannya yang bernama al-Shamma." Ash-Shamma meriwayatkan hadis daripada Nabi (s.a.w) dan telah diambil riwayat daripadanya oleh Abdullah ibn Busr dan Ubaidullah ibn Ziyad. Di antara orang yang mengemukakan hadisnya ialah Abu Dawud, al-Nasa'i, Ibn Majah, dan al-Tirmizi.

٢٢٨- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ صَوْمِ يَوْمِ عَرَفَةَ بِعَرَفَةَ. رَوَاهُ الْخَمْسَةُ غَيْرَ التِّرْمِذِيِّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ وَالْحَاكِمُ وَاسْتَنْكَرَهُ الْعُقَيْلِيُّ.

228. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) melarang berpuasa pada hari Arafah di Arafah. (Diriwayatkan oleh al-Khamsah selain al-Tirmizi, dan dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah dan al-Hakim, tetapi al-Uqaili menilainya munkar)

Makna Hadis

Hari Arafah adalah hari yang kesembilan bulan Zulhijjah, iaitu hari berwukuf dan hari yang mulia. Pada hari Arafah banyak amalan ibadah yang dikerjakan berupa membaca talbiyah, doa, mandi, qasar, jamak, menghadiri dua khutbah, dan berwukuf. Oleh itu, apa yang lebih diutamakan bagi orang yang sedang ihram ialah hendaklah berada dalam keadaan berbuka agar tubuhnya tetap bertenaga untuk melakukan kesemua amal ibadah itu itu.

Demikianlah yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w). Baginda berbuka dan meminum air susu dari bekasnya di hadapan para sahabat yang ketika itu baginda berada di atas unta kenderaannya, dan para sahabat mengetahui tentang berita itu di samping mereka tahu bahawa baginda berbuka. Inilah hukum syariat yang baginda sampaikan melalui perbuatan. Baginda melarang berpuasa pada hari itu seperti mana yang telah disebutkan pada hadis ini dan disampaikan melalui lisan.

Larangan ini hanya berlaku bagi orang yang sedang berihram. Bagi selain mereka, maka apa yang lebih utama ialah berpuasa pada hari tersebut, kerana berpuasa pada hari itu dapat menghapuskan dosa-dosa satu tahun yang silam dan satu tahun yang akan datang, seperti mana yang telah disebutkan di dalam hadis yang lain.

Analisis Lafaz

"نَهَى عَنْ صَوْمِ يَوْمِ عَرَفَةَ بِعَرَفَةَ", Nabi (s.a.w) melarang orang yang sedang menunaikan haji berpuasa pada hari Arafah, kerana itu tersebut dapat melemahkan tubuhnya hingga tidak dapat berdoa, berzikir dan semua amal ibadah yang dianjurkan untuk dilaksanakan pada hari itu. Larangan ini menunjukkan hukum makruh. Faktor yang memalingkannya kepada hokum makruh ialah adanya ijma' ulama.

"وَاسْتَنْكَرَهُ الْعُقَيْلِيُّ", al-Uqaili menilai hadis ini munkar, kerana di dalam sanadnya terdapat Mahdi al-Hijri yang dinilai dha'if oleh al-Uqaili. Beliau berkata: "Mahdi tidak diiringi oleh periwayat lain, sedangkan periwayat yang mengambil riwayat daripadanya masih dipertikai."

Al-'Uqaili, al-Hafiz al-Imam Abu Ja'far Muhammad ibn Amr ibn Musa ibn Hammad al-Uqaili, penulis kitab al-Dhu'afa' al-Kabir. Beliau mendengar hadis daripada datuk dari sebelah ibunya, iaitu Yazid ibn Muhammad al-Uqaili dan sejumlah ulama yang lain. Beliau menetap di Mekah. Abu al-Hasan Muhammad ibn Nafi' al-Khuza'i dan lain-lain telah mengambil hadis daripadanya. Beliau terkenal produktif dalam menulis karya. Pada suatu hari ada seseorang dari kalangan ulama hadis datang kepadanya dan berkata: "Aku membaca sebahagian daripada kitabmu, tetapi ia tidak ada menyebut sebarang rujukan." Perkara itu menjadi bahan perbualan kami. Kami menilai ada kemungkinan al-Uqaili termasuk orang yang paling hafal atau orang yang paling dusta. Akhirnya kami berkumpul di tempat pengajiannya. Ketika aku memberikan tambahan dan pengurangan, beliau segera mengetahuinya. Kemudian beliau mengambil kitab yang kubaca dan langsung mengambil pena, lalu membetulkannya berdasarkan hafalannya. Lalu kami pergi meninggalkannya, sedangkan hati kami merasa senang dan kami mengetahui bahawa beliau termasuk orang yang paling hafal hadis. Beliau meninggal dunia pada tahun 322 Hijriah.

Fiqh Hadis

Dilarang berpuasa pada hari Arafah. Jumhur ulama mengatakan bahawa orang yang sedang mengerjakan ibadah haji disunatkan berbuka pada hari Arafah, sebagaimana dimakruhkan baginya berpuasa kerana boleh mengakibatkan tubuhnya lemah.

Imam Ahmad berkata: "Apabila orang yang sedang mengerjakan ibadah haji mampu berpuasa, maka dia boleh berpuasa. Namun jika berbuka, maka itu tetap dibolehkan kerana hari itu merupakan hari di mana dia perlu mengekalkan kekuatan jasmani."

٢٢٩- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ: "لاَ صَامَ مَنْ صَامَ الْأَبَدَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ. وَلِمُسْلِمٍ عَنْ أَبِي قَتَادَةَ بِلَفْظِ: لاَ صَامَ وَلاَ أَفْطَرَ.

229. Daripada Abdullah ibn Umar (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Tiada puasa bagi orang yang berpuasa selama-lamanya.*" (Muttafaq 'alaih) Menurut riwayat Muslim daripada Abu Qatadah (r.a) disebutkan sebagai berikut: "Tiada puasa dan tidak berbuka."

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) memberitahu kita bahawa barang siapa yang berpuasa sepanjang satu tahun penuh selain hari-hari yang dilarang berpuasa seperti dua hari raya, maka dia dikatakan tidak berpuasa. Ini kerana dengan menahan rasa dahaga

dan perihnya rasa lapar secara berterusan bererti seseorang itu terbiasa dengan puasanya, hingga dia tiada lagi sifat sabar yang menghasilkan keutamaan puasa dan yang membuahkan hasilnya, maka tidak dicatatkan baginya pahala yang besar.

Betapa sedih orang yang dikisahkan oleh Nabi (s.a.w) bahawa dia bukan orang yang berpuasa secara syarak. Rahsianya adalah orang yang berpuasa mempunyai hak-hak yang harus dia penuhi. Dia mempunyai hak ke atas dirinya sendiri, keluarganya, dan tetamunya. Di sini jelaslah dia pasti menyia-nyiakan hak-hak yang diwajibkan ke atasnya kerana dia sentiasa berpuasa sunat sepanjang tahun.

Memang, bagi orang yang kuat berpuasa sepanjang tahun tanpa mengurangi hak-hak dan kewajipan lain yang disandangnya tidaklah termasuk perbuatan yang dilarang. Dari sini dapat ditafsirkan sabda Nabi (s.a.w) yang mengatakan: "Tiada puasa bagi orang yang berpuasa selama-lamanya" sebagai jumlah *du'aiyyah* untuk mengingatkan seseorang daripada melakukan perbuatannya itu. Sungguh celakalah orang yang didoakan celaka oleh Nabi (s.a.w). Lafaz hadis Abu Qatadah yang ada pada Muslim, iaitu sabda Nabi (s.a.w) yang mengatakan: "Tiada puasa dan tiada berbuka" mengukuhkan makna yang pertama, iaitu kalimat hadis ini menunjukkan makna pemberitaan, bukan doa.

Analisis Lafaz

"لاَ صَامَ مَنْ صَامَ ٱلأَبَدَ", seluruh puasanya tidak sah, kerana di dalam satu tahun terdapat hari-hari yang dilarang untuk berpuasa, seperti dua hari raya dan hari-hari tasyriq. Dari sini, apa yang dimaksudkan ialah peringatan terhadap amalan berpuasa yang dilakukan sepanjang tahun. Larangan ini adakalanya kerana dikhuatiri akan menimbulkan kesusahan bagi seseorang atau kerana ada hak yang wajib dan kemudian dia melewatkannya. Dan adakalanya pula kerana berpuasa sepanjang tahun itu mencakupi pula hari-hari yang dilarang.

"وَلِمُسْلِم عَنْ أَبِي قَتَادَةَ", menurut riwayat Muslim melalui Abu Qatadah yang lafaznya adalah sebagai berikut:

أَنَّ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَا رَسُولَ اللهِ، كَيْفَ بِمَنْ يَصُومُ الدَّهْرَ كُلَّهُ قَالَ لَا صَامَ وَلَا أَفْطَرَ أَوْ قَالَ لَمْ يَصُمْ وَلَمْ يُفْطِرْ.

"Umar (r.a) pernah bertanya kepada Nabi (s.a.w): "Wahai Rasulullah, bagaimanakah dengan orang yang berpuasa sepanjang tahun?" Nabi (s.a.w) menjawab: "Tiada puasa dan tiada berbuka", atau baginda bersabda: "Bukan orang yang puasa dan bukan pula orang yang berbuka."

"لاَ صَامَ وَلاَ أَفْطَرَ", tiada puasa dan tiada berbuka, yakni tiada puasa dalam erti kata puasa yang mengandung keutamaan yang sempurna. Ini kerana apabila dia terbiasa dengan puasanya yang dilakukan sepanjang tahun itu, maka dia tidak lagi merasakan kesusahan yang erat kaitannya dengan pahala yang berlimpah. Jadi seakan-akan dia tidak puasa. Dan tiada berbuka dengan erti kata berbuka yang

melenyapkan rasa lapar dan rasa dahaga kerana dia tidak merasakan kenikmatan orang yang berbuka dari puasanya. Jadi seakan-akan sama dengan orang yang tidak berbuka.

Fiqh Hadis

Dilarang berpuasa sepanjang tahun apabila itu dapat melemahkan tubun seseorang daripada menunaikan hak dan kewajiannya. Jumhur ulama mengatakan bahawa disunatkan berpuasa sepanjang tahun bagi orang yang tidak melemahkannya daripada menunaikan kewajipan. Mereka mentakwilkan hadis-hadis larangan bahawa itu hanya bagi orang yang menjadi lemah akibat dia berpuasa hingga dia tidak mampu lagi menunaikan kewajipannya. Pengertian ini berdasarkan faktor yang disebutkan di dalam hadis Ibn Umar (r.a):

فَإِنَّ لِنَفْسِكَ عَلَيْكَ حَقٌّ.

"Sesungguhnya kamu mempunyai kewajipan ke atas dirimu sendiri."

Penutup

Melakukan ibadah umrah di bulan Ramadhan memiliki keutamaan dan fadhilat yang amat besar, kerana pahalanya sebanding dengan pahala satu kali melaksanakan ibadah haji bersama Nabi (s.a.w). Di dalam Shahih al-Bukhari disebutkan bahawa Nabi (s.a.w) pernah bersabda:

يَا أُمَّ سُلَيْمٍ، عُمْرَةٌ فِي رَمَضَانَ تَعْدِلُ حِجَّةً مَعِيْ.

"Wahai Ummu Sulaim, ibadah umrah di bulan Ramadhan sebanding (pahalanya) dengan melakukan haji bersamaku."

Al-Qadhi Abu Bakar al-Arabi berkata: "Pahalah umrah dapat menyamai pahala haji disebakan kemuliaan waktu pelaksanaannya. Ini kerana umrah dikerjakan di bulan Ramadhan sebagai kurnia Allah (s.w.t). Hal ini telah diberitakan oleh Nabi (s.a.w)."

Kesimpulan

Dari hadis-hadis yang terdapat dalam bab ini dapat diambil beberapa kesimpulan sebagai berikut:

1. Disunatkan berpuasa pada hari Arafah, puasa enam hari bulan Syawal, puasa tiga hari setiap bulan, dan puasa hari Sabtu dan hari Ahad.
2. Dibolehkan berpuasa pada hari Jumaat bagi orang yang mempunyai kebiasaan berpuasa pada hari itu, lalu kebiasaannya itu bersamaan dengan hari Jumaat dan dibolehkan berpuasa pada hari Jumaat bagi

orang yang menyambungnya dengan puasa sehari sebelumnya atau sehari sesudahnya.

3. Mendekatkan diri kepada Allah dengan mengagungkan hari yang pada hari itu Allah pernah melimpahkan suatu nikmat yang besar kepada seorang hamba-Nya.
4. Keutamaan bulan Sya'ban, kerana di bulan Sya'ban setiap amal perbuatan dilaporkan kepada Allah Tuhan semesta alam. Dan keutamaan melakukan ibadah umrah di bulan Ramadhan.
5. Seorang wanita diharamkan berpuasa sunat tanpa memperoleh kebenaran daripada suaminya, dan haram berpuasa pada hari raya aidil fitri dan hari raya aidil adha.
6. Dilarang berpuasa pada hari Arafah bagi orang yang sedang melakukan ibadah haji. Dilarang pula berpuasa pada hari-hari tasyriq, pada pertengahan bulan Sya'ban, pada hari Sabtu secara khusus, dan dilarang mengkhususkan malam Jumaat untuk beribadah, dan melakukan puasa sepanjang tahun.
7. Makruh mengkhususkan hari Jumaat untuk berpuasa.
8. Dianjurkan berbeza sikap dengan ahli kitab dan tidak menyerupai amalan serta perbuatan mereka.

Soalan

1. Jelaskan keutamaan puasa pada hari Arafah! Bagaimanakah hukum berpuasa pada hari itu?
2. Terangkan keutamaan hari Asyura'! Mengapa disunatkan berpuasa pada hari itu?
3. Jelaskan keutamaan hari Isnin! Bagaimanakah hukum berpuasa pada hari itu?
4. Apakah maksud menghapuskan dosa untuk tahun yang akan datang?
5. Bagaimanakah hukum berpuasa enam hari pada bulan Syawal? Mengapa berpuasa enam hari bulan Syawah itu apabila dicampur dengan puasa Ramadhan sama pahalanya dengan berpuasa selama satu tahun?
6. Apakah yang dimaksudkan dengan istilah *mutaba'ah* dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "ثم أتبعه"! Siapakah di antara ulama yang memakruhkan hukum *mutaba'ah* secara hakiki? Sebutkan faktornya menurut ulama tersebut?
7. Jelaskan Sunnah Nabi (s.a.w) dalam masalah puasa!
8. Mengapa Rasulullah (s.a.w) adakalanya melangsungkan puasa secara berterusan, namun adakalanya pula berbuka secara berterusan pula?
9. Jelaskan keutamaan bulan Sya'ban dan hikmah memperbanyak amalan berpuasa di bulan itu!
10. Apakah berpuasa Muharam lebih utama daripada berpuasa Sya'ban?
11. Apakah yang dimaksudkan dengan hari-hari putih?

12. Apakah berpuasa pada hari-hari putih setiap bulan sama dengan berpuasa sepanjang tahun? Sebutkan alasannya!
13. Apakah syariat berpuasa hari Isnin dan Khamis bercanggah dengan anjuran berpuasa pada hari-hari putih?
14. Jelaskan perbezaan pendapat dalam masalah menentukan ketiga-tiga hari putih berikut, iaitu hari ketiga belas, hari keempat belas dan hari kelima belas!
15. Apakah yang diwajibkan bagi wanita apabila hendak berpuasa sunat, sedangkan suaminya berada di rumah?
16. Apakah puasa yang tetap wajib dilakukan oleh wanita meskipun tanpa memperoleh kebenaran daripada suaminya?
17. Bagaimanakah hukum melakukan puasa pada dua hari raya?
18. Apakah larangan yang terdapat dalam hadis: "نهى عن صيام يومين" menunjukkan hukum haram? Sebutkan hikmahnya!
19. Bagaimanakah hukum seseorang yang bernazar hendak berpuasa pada dua hari raya?
20. Apakah yang dinamakan "hari-hari tasyriq" itu? Mengapa diberi nama demikian?
21. Bagaimanakah hukum berpuasa pada hari-hari tasyriq? Apakah orang yang ber-*tamattu'* dan ber-*qiran* turut dibolehkan berpuasa?
22. Sebutkan hikmah larangan berpuasa pada hari-hari tasyriq!
23. Sebutkan jenis-jenis amalan pada hari Jumaat! Mengapa pada hari itu dilarang berpuasa?
24. Sebutkan hikmah hilangnya larangan apbila berpuasa sehari sebelum hari Jumaat atau sehari sesudahnya!
25. Bagaimanakah hukum berpuasa pada hari-hari setelah pertengahan bulan Sya'ban?
26. Terangkan makna larangan dalam hadis: "إذ انتصف شعبان فلا تصوموا"! Sebutkan hikmahnya! Adakah larangan ini bersifat mutlak ataupun muqayyad!
27. Manakah yang lebih diutamakan untuk diamalkan apabila dalil *qauli* (perkataan) dan dalil *fi'li* (perbuatan) saling bercanggah?
28. Jelaskan sikap Nabi (s.a.w) terhadap ahli kitab pada permulaan dakwah dan pada waktu Islam sudah semakin bertambah kuat!
29. Sebutkan hikmah larangan pada masa permulaan dan hikmah *rukhsah* pada masa yang terakhir!
30. Apakah hadis *mudhtharib* itu menurut pendapat ulama mushthalah hadis!
31. Bagaimanakah hukum berpuasa pada hari Arafah bagi orang yang sedang berihram dan bagaimana pula hukum berpuasa pada hari itu bagi orang yang tidak berihram?
32. Sebutkan makna larangan dalam hadis: "نهى عن صوم يوم عرفة بعرفة"! Sebutkan pula hikmah larangan berpuasa pada hari itu!

33. Bagaimanakah hukum berpuasa sepanjang tahun? Jelaskan hikmah larangan mengenainya dan bagaimana pula menurut mazhab jumhur ulama! Bagaimanakah mereka mentakwilkan hadis-hadis larangan itu? Jelaskan makna yang paling kuat di antara kedua-dua makna mengenai hadisnya!

BAB IKTIKAF DAN QIYAMUL LAIL DI BULAN RAMADHAN

٢٣٠- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

230. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Barang siapa yang melakukan qiyamul lail di bulan Ramadhan kerana iman dan mengharapkan pahala Allah nescaya semua dosanya yang telah lalu diampuni.*" (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Melakukan qiyamul lail di bulan Ramadhan merupakan satu kejayaan yang besar, kerana Rasulullah (s.a.w) sentiasa menganjurkannya untuk berbuat demikian. Untuk itu, baginda bersabda:

إِنَّ اللهَ فَرَضَ صِيَامَ رَمَضَانَ وَسَنَنْتُ قِيَامَهُ، فَمَنْ صَامَهُ وَقَامَهُ إِيْمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

"*Sesungguhnya Allah mewajibkan puasa Ramadhan dan aku menganggap sunat melakukan qiyamul lail di dalamnya. Jadi, barang siapa yang berpuasa dan melakukan qiyamul lail kerana iman dan mengharapkan pahala Allah, maka diampuni baginya semua dosanya yang terdahulu.*"

Tidak diragukan lagi bahawa rajin beribadah dan menyerupai para malaikat kerana ber-*muraqabah* kepada Allah dan rajin melakukan ketaatan merupakan amal yang paling mulia. Ini dapat diwujudkan dengan cara beriktikaf yang sememangnya dianjurkan, lebih-lebih lagi di bulan Ramadhan.

Analisis Lafz

"الإعتكاف", menurut bahasa adalah tetap dengan sesuatu, sedangkan menurut syariat ialah berada di dalam masjid untuk melakukan amal ibadah kepada Allah (s.w.t) secara khusus.

"قيام رمضان", melakukan qiyamul lail dengan membaca al-Qur'an atau mengerjakan solat.

"إِيمَانًا", kerana percaya dengan janji Allah yang akan memberi pahala kepada orang yang mengamalkannya.

"وَاحْتِسَابًا", *al-Ihtisab* dalam mengerjakan amal-amal soleh maksudnya segera mencari pahala dan memperolehnya serta menempuh berbagai amal kebaikan dan istiqamah dengan cara seperti yang dianjurkan oleh syariat demi memperoleh pahala yang diharapkan. Lafaz "إيمانا" dan "احتسابا" berkedudukan sebagai *maf'ul li ajlih*.

"غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ", dosa-dosa kecilnya diampuni, manakala dosa-dosa besarnya tidak dapat dihapuskan kecuali dengan cara bertaubat dan mengembalikan semua hak yang dia zalimi kepada pemiliknya masing-masing.

Fiqh Hadis

1. Keutamaan melakukan qiyamul lail di bulan Ramadhan.
2. Anjuran untuk ikhlas dalam berniat.
3. Menjelaskan bahawa qiyamul lail di bulan Ramadhan merupakan salah satu penyebab yang mendatangkan ampunan daripada Allah terhadap dosa-dosa orang yang mengamalkan ibadah mulia itu.

٢٣١- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ اَلْعَشْرُ -أَيْ: الْعَشْرُ الْأَخِيرُ مِنْ رَمَضَانَ- شَدَّ مِئْزَرَهُ، وَأَحْيَا لَيْلَهُ، وَأَيْقَظَ أَهْلَهُ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

231. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Jika telah memasuki tarikh sepuluh, yakni sepuluh hari terakhir dari bulan Ramadhan, Rasulullah (s.a.w) selalunya menguatkan ikat pinggangnya dan menghidupkan malam harinya serta membangunkan keluarganya." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) selalunya menghidupkan sebahagian daripada malam-malam bulan puasa. Pada mulanya malam yang paling banyak baginda isi dengan amal ibadah di bulan Ramadhan ialah pada sepuluh hari yang pertengahan, kerana

waktu tersebut merupakan waktu yang sering kali diabaikan oleh kebanyakan umat manusia dan semangat mereka untuk beribadah kian bertambah menurun. Tetapi setelah dijelaskan kepadanya tentang keutamaan lailatul qadar, baginda lebih mengutamakan sepuluh malah yang terakhir, mengisi malam-malam harinya dengan amal ibadah, menjauhi isteri-isterinya untuk beribadah kepada Allah. Pada hari-hari tersebut baginda membangunkan keluarganya yang mampu melakukan qiyamul lail agar turut sama mencari lailatul qadar yang keutamaannya jauh lebih mulia daripada seribu bulan.

Analisis Lafaz

"أَيْ: الْعَشْرُ الْأَخِيرُ مِنْ رَمَضَانَ", kalimat ini merupakan kata periwayat hadis yang disisipkan ke dalam hadis untuk mentafsirkan makna yang dimaksudkan.

"شَدَّ مِئْزَرَهُ", mengencangkan ikat pinggangnya. Kalimat ini merupakan *kinayah* (kata kiasan) yang menunjukkan bersungguh-sungguh dan mengerahkan segala kemampuan untuk beribadah yang lebih daripada kebiasaannya. *Al-Izar* dan *al-Mi-zar* adalah kain yang biasa dipakai oleh kaum lelaki. Di dalam riwayat lain disebutkan sebagai berikut:

جَدَّ وَشَدَّ الْمِئْزَرَ.

"Baginda bersungguh-sungguh dan mengencangkan ikat pinggangnya."

Oleh kerana *athaf* memberikan makna yang berbeza, maka mereka mengatakan bahawa "شد المئزر" adalah perkataan kinayah yang menunjukkan pemahaman menjauhi isteri-isterinya (yakni tidak menggauli mereka dan hanya bertumpu untuk melakukan amal ibadah).

"وَأَحْيَا لَيْلَهُ", melakukan qiyamul lail dengan cara beribadah. Baginda tidak tidur pada kebanyakan malam harinya, namun bukan keseluruhan malam hari bulan Ramadhan berjaga seperti mana yang dijelaskan oleh Aisyah (r.a) dalam hadis yang sahih: "Aku belum pernah mengetahui baginda melakukan qiyamul lail pada waktu malam hingga pagi hari."

"وَأَيْقَظَ أَهْلَهُ", dan membangunkan keluarganya yang mampu mengerjakan qiyamul lail.

Fiqh Hadis

1. Disunatkan melakukan qiyamul lail.
2. Mengukuhkan betapa penting melakukan qiyamul lail pada waktu malam sepuluh hari terakhir di bulan Ramadhan.
3. Seorang lelaki disunatkan mengajak keluarganya untuk mengerjakan amal ibadah yang disunatkan seperti mana yang dianjurkan oleh Nabi (s.a.w).
4. Menjelaskan bahawa akhir bulan Ramadhan merupakan hari yang paling afdal, kerana hari itu merupakan penutup amal Ramadhan, sedangkan

segala amal perbuatan ini dinilai berdasarkan akhirnya. Jadi dikhususkan malam-malam sepuluh terakhir bulan Ramadhan dengan amal ibadah yang khusus pula antara lain beriktikaf, qiyamul lail dan membangunkan keluarga untuk turut serta menjauhi isteri (tidak menyetubuhinya), mandi di antara solat Maghrib dengan solat Isyak, memakai wangian, memakai pakaian yang terbaik untuk bermunajat dan banyak mengucapkan doa yang pernah diajarkan oleh Nabi (s.a.w) seperti doa berikut:

اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ كَرِيْمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنِّي.

"Ya Allah, sesungguhnya Engkau Maha Pemaaf lagi senang memberi maaf. Maka maafkanlah kami."

٢٣٢- - وَعَنْهَا: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَعْتَكِفُ الْعَشْرَ الْأَوَاخِرَ مِنْ رَمَضَانَ، حَتَّى تَوَفَّاهُ اللهُ، ثُمَّ اعْتَكَفَ أَزْوَاجُهُ مِنْ بَعْدِهِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

232. Daripada Aisyah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) sentiasa beriktikaf pada waktu sepuluh hari terakhir bulan Ramadhan hingga Allah (s.w.t) mewafatkannya, kemudian semua isterinya melakukan iktikaf pula sesudahnya. (Muttafaq 'alaih)

٢٣٣- وَعَنْهَا قَالَتْ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَرَادَ أَنْ يَعْتَكِفَ صَلَّى الْفَجْرَ، ثُمَّ دَخَلَ مُعْتَكَفَهُ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

233. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Jika Nabi (s.a.w) ingin beriktikaf, maka terlebih dahulu baginda mengerjakan solat Subuh, lalu barulah memasuki tempat iktikafnya." (Muttafaq 'alaih)

Maka Hadis

Jika seseorang rajin beriktikaf di dalam rumah Allah, itu merupakan pertanda bahawa dia mencintai Allah dan taat kepada-Nya. jika puasa, bererti dia sedang menjauhkan dirinya daripada kebiasaan dan nafsu syahwatnya, serta menyerupai amalan para malaikat yang berkerumun di sisi-Nya. Demikianlah hikmah beriktikaf mengingat seorang mukallaf yang rajin beriktikaf di dalam masjid yang merupakan rumah Allah merupakan pertanda ketaatannya dan mendekatkan diri kepada-Nya. Ini merupakan sunat mu'akkad lebih-lebih lagi pada waktu sepuluh hari terakhir bulan Ramadhan, kerana di dalam iktikaf yang dilakukan pada sepuluh hari terakhir bulan Ramadhan terdapat kesucian zaman dan kesucian tempat (masjid).

Rasulullah (s.a.w) sentiasa mengamalkan iktikaf pada waktu sepuluh hari yang terakhir bulan Ramadhan untuk mencari lailatul qadar, menambahkan

pahala serta memantapkan hati kepada Allah melalui bertafakur dalam perut kosong, menghadap kepada-Nya, menikmati berzikir kepada-Nya serta berpaling daripada selain-Nya. Jika seseorang beriktikaf pada suatu hari, maka hendaklah dia memasuki tempat iktikafnya pada waktu fajar setelah mengerjakan solat Subuh, kemudian barulah dia menyendiri di tempat yang dia khususkan untuk beriktikaf.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهَا", daripada Aisyah (r.a) yang sumbernya sama dengan hadis sebelumnya.

"حَتَّى تَوَفَّاهُ اللهُ", hingga baginda wafat. Maksudnya ialah hukum iktikaf tidak di-*mansukh*. Iktikaf merupakan sunat mu'akkad dan lebih disunatkan lagi pada waktu sepuluh hari terakhir bulan Ramadhan untuk mencari lailatul qadar.

"إِذَا أَرَادَ أَنْ يَعْتَكِفَ صَلَّى الْفَجْرَ، ثُمَّ دَخَلَ مُعْتَكَفَهُ", mu'takaf ialah tempat yang dituju untuk beriktikaf untuk kemudian beribadah. Hadis ini menunjukkan bahawa Nabi (s.a.w) memasuki tempat beriktikaf di dalam masjid sesudah mengerjakan solat Subuh.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan beri'likaf dan lebih disunatkan lagi pada waktu sepuluh hari terakhir bulan Ramadhan. Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad berkata: "Beriktikaf adalah sunat kerana Nabi (s.a.w) sentiasa mengerjakannya." Imam Malik berkata: "Beriktikaf sememangnya dianjurkan dan termasuk amalan sunat yang paling baik." Menurut mazhab Hanafi, hukum iktikaf itu ada tiga, iaitu:
    a. Sunat mu'akad pada waktu sepuluh hari terakhir bulan Ramadhan.
    b. Wajib kerana nazar mutlak, misalnya seseorang berkata: "Demi Allah, aku akan beriktikaf selama sekian hari kerana Allah" atau kerana nazar terikat, misalnya seseorang berkata: "Jika Allah menyembuhkan si polan, aku akan beriktikaf." Puasa merupakan syarat dalam iktikaf menurut Imam Malik dan Imam Abu Hanifah.
    c. Sunat bagi selain itu. Mereka berselisih pendapat tentang batasan waktu minimum bagi Iktikaf. Imam al-Syafi'i dan pendapat yang masyhur di kalangan mazhab Imam Ahmad mengatakan bahawa batasan minimum ialah sesaat, tetapi disunatkan hendaklah iktikaf dilakukan tidak kurang daripada satu hari bagi mengelakkan perselisihan pendapat dengan orang yang mewajibkannya. Imam Malik dalam pendapat yang masyhur daripadanya menyebutkan bahawa batasan minimum iktikaf ialah sehari semalam. Jika seseorang berniat iktikaf di dalam masjid kurang daripada sehari semalam untuk melakukan ibadah, maka itu dinamakan *jiwar*, bukan iktikaf. Imam Abu Hanifah berkata: "Batasan minimum

bagi iktikaf sunat ialah sesaat (satu jam), sedangkan bagi iktikaf yang bersifat wajib ialah satu hari, kerana disyaratkan puasa ketika mengerjakannya.

2. Masjid merupakan syarat bagi sahnya iktikaf. Imam Malik dan Imam al-Syafi'i mengatakan bahawa iktikaf sah dilakukan di setiap masjid. Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad mengatakan bahawa iktikaf sah dilakukan di setiap masjid yang digunakan untuk mengerjakan solat berjemaah dan solat-solat selainnya.
3. Permulaan waktu iktikaf ialah ketika fajar terbit bagi seseorang yang ingin beriktikaf pada waktu siang hari. Keempat-empat ulama mazhab mengatakan bahawa waktu iktikaf mulai masuk sebelum matahari terbenam bagi orang yang ingin beriktikaf selama sehari semalam.
4. Kaum wanita beriktikaf di dalam masjid setelah mendapat kebenaran daripada suaminya apabila tidak dikhuatir muncul fitnah terhadap diri mereka. Jumhur ulama mengatakan bahawa suami boleh melarang isterinya daripada melakukan iktikaf, sekalipun sudah memberi izin. Imam Malik mengatakan bahawa suami tidak berhak melarangnya daripada beriktikaf sesudah mengizinkannya. Menurut Imam Abu Hanifah, iktikaf sah bagi wanita hanya apabila dilakukan di dalam masjid yang ada dalam rumahnya (yakni tempat solatnya).

٢٣٤- وَعَنْهَا قَالَتْ: إِنْ كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيُدْخِلُ عَلَيَّ رَأْسَهُ -وَهُوَ فِي اَلْمَسْجِدِ- فَأُرَجِّلُهُ، وَكَانَ لاَ يَدْخُلُ اَلْبَيْتَ إِلاَّ لِحَاجَةٍ، إِذَا كَانَ مُعْتَكِفًا. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

234. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah memasukkan (menjulurkan) kepalanya kepadaku (di dalam rumah), sedangkan baginda sendiri berada di dalam masjid (sedang beriktikaf), lalu aku menyikat rambutnya. Baginda tidak pernah masuk ke dalam rumah kecuali kerana ada keperluan yang teramat penting apabila sedang beriktikaf." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Orang yang sedang beriktikaf boleh keluar dari masjid kerana adanya keperluan yang sangat penting, misalnya membuang air kecil atau air besar dan iktikafnya tidak batal. Ini kerana termasuk perbuatan yang dibolehkan oleh syariat, kerana tidak mungkin seseorang membuang air di dalam masjid. Dia dibolehkan pula membersihkan diri, berhias, dan menyikat rambut di dalam masjid, dan perkara-perkara yang dia perlukan.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهَا", daripada Aisyah (r.a) yang sumbernya sama dengan hadis sebelumnya.

"وَهُوَ فِي الْمَسْجِدِ", sedangkan baginda berada di dalam masjid beriktikaf dan Ummul Mukminin berada di dalam biliknya.

"فَأُرَجِّلُهُ", *al-Tarjil* adalah menyikat rambut.

"وَكَانَ لاَ يَدْخُلُ الْبَيْتَ إِلاَّ لِحَاجَةٍ، إِذَا كَانَ مُعْتَكِفًا", kalimat ini kata kinayah yang menunjukkan untuk melakukan perkara-perkara yang terpaksa dia lakukan, misalnya membuang air kecil dan air besar. Keadaan seperti ini mesti dia lakukan, kerana masjid merupakan tempat yang dilarang baginya untuk melakukan perkara itu.

Fiqh Hadis

1. Boleh menyikat rambut di dalam masjid termasuklah membersihkan diri, mandi, mencukur dan berhias.
2. Orang yang sedang beriktikaf tidak batal iktikafnya lantaran mengeluarkan kepala dari masjid. Dari sini dapat disimpulkan bahawa barang siapa bersumpah tidak akan memasuki rumah, lalu dia memasukkan kepalanya ke dalam rumah, sedangkan seluruh tubuhnya masih berada di luar rumah, maka dia tidak melanggar sumpahnya.
3. Orang yang sedang beriktikaf dibolehkan keluar untuk membuang air kecil dan air besar termasuklah keluar dari masjid untuk berbekam.
4. Lelaki dibolehkan meminta kepada isterinya agar melayaninya.
5. Seseorang dibolehkan melakukan pekerjaan ringan yang bersifat peribadi, sedangkan dia tetap berada di dalam masjid.

٢٣٥- وَعَنْهَا قَالَتْ: السُّنَّةُ عَلَى الْمُعْتَكِفِ أَنْ لاَ يَعُودَ مَرِيضًا، وَلاَ يَشْهَدَ جِنَازَةً، وَلاَ يَمَسَّ امْرَأَةً، وَلاَ يُبَاشِرَهَا، وَلاَ يَخْرُجَ لِحَاجَةٍ، إِلاَّ لِمَا لاَ بُدَّ لَهُ مِنْهُ، وَلاَ اعْتِكَافَ إِلاَّ بِصَوْمٍ وَلاَ اعْتِكَافَ إِلاَّ فِي مَسْجِدٍ جَامِعٍ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ، وَلاَ بَأْسَ بِرِجَالِهِ، إِلاَّ أَنَّ الرَّاجِحَ وَقْفُ آخِرِهِ.

235. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Mengikut Sunnah, orang yang beriktikaf hendaklah tidak melawat orang sakit, tidak melawat jenazah, tidak menyentuh isteri, tidak menyetubuhinya dan tidak keluar kecuali kerana ada keperluan yang tidak ada cara lain baginya melainkan dengan cara itu. Tidak ada iktikaf kecuali dengan cara puasa dan tidak ada iktikaf kecuali di dalam masjid jami'." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud. Semua periwayat nya tidak ada masalah, tetapi pendapat yang kuat menguatkanya *mawquf* pada bahagian akhirnya)

Makna Hadis

Di sini Aisyah (r.a) menjelaskan beberapa perkara yang boleh membatalkan iktikaf. Untuk itu, orang yang sedang beriktikaf hendaklah menjauhi perkara-perkara itu. Dalam hadis ini Aisyah (r.a) menisbahkan perkara itu kepada Sunnah yang bermaksud bimbingan Nabi (s.a.w). Oleh itu, kedudukan hadis ini adalah *marfu'*, kerana apa yang disebutkannya tidak berasal dari akal peribadi.

Antara perkara yang dilarang bagi orang yang sedang beriktikaf ialah melawat orang sakit, melawat jenazah, menyentuh isteri dan bersetubuh dengannya, dan keluar meninggalkan masjid kecuali kerana ada keperluan yang bersifat darurat. Jika melanggar salah satu daripada ketentuan ini, maka batallah iktikaf seseorang itu. Adapun iktikaf tidak dapat dilakukan kecuali dalam keadaan berpuasa dan mesti dilakukan dalam masjid jami', maka masalah ini masih dipertikai oleh ulama, seperti mana yang telah disebutkan dalam keterangan hadis sebelum ini.

Hadis yang akan disebutkan sesudah ini menunjukkan tidak ada syarat berpuasa bagi iktikaf kecuali apabila seseorang telah menazarkannya.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهَا", daripada Aisyah (r.a) yang sumbernya sama dengan hadis sebelumnya.

"أَنْ لاَ يَعُودَ مَرِيضًا", tidak boleh keluar dari tempat iktikafnya untuk melawat orang sakit.

"وَلاَ يَمَسَّ امْرَأَةً", tidak boleh menyentuhkan tangannya kepada isteri yang disertai dengan nafsu berahi. Adapun sentuhan yang tidak disertai nafsu syahwat, maka itu tidak dilarang kerana berdasarkan hadis lain, iaitu hadis Aisyah (r.a) yang mengatakan bahawa Nabi (s.a.w) mengeluarkan kepalanya, lalu Aisyah mencucikan rambutnya dan menyikatnya.

"وَلاَ يُبَاشِرهَا", makna lafaz *al-mubasyarah* menurut asalnya ialah pertemuan dua kulit, tetapi apa yang dimaksudkan di sini ialah bersetubuh kerana adanya *qarinah* penyebutan "menyentuh" pada kalimat sebelumnya.

"وَلاَ يَخْرُجَ لِحَاجَةٍ، إِلاَّ لِمَا لاَ بُدَّ لَهُ مِنْهُ", apa yang dimaksudkan di sini ialah membuang air besar dan air kecil, kerana ini merupakan keperluan darurat yang memaksakannya harus melakukannya, sedangkan masjid adalah tempat yang dilarang untuk membuang air besar atau air kecil di dalamnya.

"وَلاَ اعْتِكَافَ إِلاَّ بِصَوْمٍ", disyaratkan berpuasa ketika melakukan iktikaf.

"وَلاَ اعْتِكَافَ إِلاَّ فِي مَسْجِدٍ جَامِعٍ, disyaratkan melakukan iktikaf di dalam masjid yang biasa digunakan untuk mengerjakan solat Jumaat dan solat berjemaah.

"إِلاَّ أَنَّ الرَّاجِحَ وَقْفُ آخِرِهِ", namun pendapat yang kuat menilainya *mawquf* pada bahagian akhirnya, yakni menisbahkannya hanya sampai kepada Aisyah (r.a), tidak sampai kepada Nabi (s.a.w). Apa yang dimaksudkan di sini ialah kalimat: "Tidak ada iktikaf kecuali dengan cara berpuasa, dan tidak ada iktikaf kecuali di dalam masjid jami'."

Fiqh Hadis

1. Orang yang sedang beriktikaf dilarang keluar meninggalkan masjid untuk melawat jenazah atau menziarahi orang sakit. Imam Malik berkata: "Orang yang sedang beriktikaf tidak boleh keluar untuk menjenguk orang sakit, melawat jenazah dan menyembahyangkannya, meskipun solat jenazah baginya menjadi fardu 'ain apabila dia keluar, maka batallah iktikafnya. Jika salah seorang dari kedua ibu bapa orang yang sedang beriktikaf sakit atau kedua-duanya sakit, lalu dia keluar, maka batallah iktikafnya, tetapi dia tidak berdosa, kerana jika dia tidak keluar bererti dia telah menyakiti hati kedua ibu bapanya." Adapun jenazah kedua ibu bapanya yang meninggal dunia secara bersamaan, maka menurut pendapat yang masyhur di kalangan mazhab Maliki, dia tetap tidak boleh keluar meninggalkan masjid. Lain halnya dengan jenazah salah seorang di antara kedua ibu bapanya, maka dia harus keluar agar tidak menyakiti hati salah seorang di antara keduanya yang masih hidup. Imam Abu Hanifah berkata: "Orang yang sedang beriktikaf haram keluar pada waktu malam atau siang hari, baik Iktikaf sunat mahupun iktikaf wajib, kecuali kerana ada keperluan yang dibenarkan di sisi syariat, misalnya mengerjakan solat Jumaat dan solat hari raya atau ada keperluan yang bersifat alami, misalnya bersuci berikut semua apa-apa yang berkaitan dengannya, membuang air kecil dan air besar, juga menghilangkan najis dan mandi junub kerana bermimpi atau kerana adanya keperluan yang bersifat darurat, misalnya masjid runtuh, mengusir orang yang berbuat zalim dengan cara paksa, dan takut terhadap keselamatan diri atau hartanya daripada perbuatan orang zalim. Jika dia keluar kerana adanya keadaan-keadaan yang telah disebutkan itu, maka iktikafnya tidak batal, dan tidak haram baginya keluar meninggalkan masjid tempat iktikafnya. Jika dia keluar untuk menjenguk orang sakit, melawat jenazah sekalipun hukumnya fardu 'ain baginya, menyelamatkan orang yang tenggelam atau mangsa kebakaran atau berjihad yang hukumnya fardu 'ain baginya, maka iktikafnya batal, namun tidak ada dosa bagi dirinya. Adapun iktikaf sunat, maka waktunya tidak ditentukan. Untuk itu, barang siapa yang memasuki masjid dengan berniat iktikaf, maka dia disebut orang yang sedang beriktikaf selagi dia berada di dalam masjid dan keluar daripada iktikafnya apabila dia keluar dari dalam masjid."

   Mazhab al-Syafi'i membezakan antara iktikaf nazar dengan iktikaf yang selainnya. Dalam iktikaf nazar, seseorang tidak boleh keluar meninggalkan tempat iktikafnya kecuali ada keperluan yang bersifat darurat, misalnya makan, buang air kecil dan buang air besar. Dia tidak boleh keluar menjenguk orang sakit serta melawat jenazah selagi itu tidak menajdi fardu 'ain baginya, tetapi jika menjadi fardu 'ain baginya, maka dia boleh keluar. Jika orang yang beritikaf keluar untuk keperluan yang membolehkannya keluar, kemudian di tengah jalan dia menanyakan si sakit, tetapi tidak sampai ke rumahnya, maka iktikaf nazarnya tidak terputus. Jika dia berada dalam iktikaf yang bukan nazar, maka dia dibolehkan keluar untuk

menjenguk orang sakit dan lain-lain.

Mazhab Hanbali mengatakan bahawa apabila iktikaf itu wajib, maka seseorang tidak boleh keluar menjenguk orang sakit dan melawat jenazah serta tidak boleh pula untuk melakukan keperluan yang lain kecuali jika dia mensyaratkan itu, maka dibolehkan. Jika iktikaf yang dilakukannya bukan iktikaf yang wajib, maka dia dibolehkan keluar untuk menjenguk orang sakit, kerana iktikaf dan menjenguk orang sakit adalah perkara sunat, tetapi apa yang lebih afdal ialah hendaklah dia tetap di dalam tempat iktikafnya, kerana Nabi (s.a.w) belum pernah menjenguk orang sakit ketika baginda sedang beriktikaf yang bukan wajib. Jika seseorang yang sedang beriktikaf keluar untuk melakukan suatu keperluan yang bersifat wajib, lalu di tengah jalan dia menanyakan si sakit, sedangkan dia tidak sampai ke rumahnya, maka itu dibolehkan baginya kerana Nabi (s.a.w) pernah berbuat demikian.

2. Orang yang sedang beriktikaf dilarang menyentuh isteri. Ulama mazhab yang empat mengatakan bahawa jika menyentuhnya dilakukan dengan nafsu syahwat, maka hukumnya haram. Sedangkan menurut jumhur ulama iktikafnya menjadi rosak kerana menyentuhnya dengan nafsu syahwat apabila membuatnya mengeluarkan air mani. Imam Malik mengatakan bahawa iktikafnya menjadi rosak, sekalipun tidak mengeluarkan air mani.
3. Rasulullah (s.a.w) melarang seseorang keluar meninggalkan masjid ketika sedang beriktikaf, lalu dia bersetubuh dan kembali lagi (ke masjid). Ulama telah bersepakat bahawa bersetubuh dapat merosakkan iktikaf jika dilakukan dengan sengaja. Jumhur ulama mengatakan bahawa iktikafnya batal, sekalipun dia bersetubuh dalam keadaan lupa. Imam al-Syafi'i berkata: "Iktikaf tidak batal jika dia melakukannya dalam keadaan lupa, kerana itu juga tidak merosakkan puasa, maka begitu pula iktikafnya, tidak rosak kerananya. Imam Malik dan pendapat yang masyhur di kalangan mazhab Imam Ahmad mengatakan bahawa apabila iktikafnya rosak, maka seseorang mestilah mengqadha'nya apabila iktikafnya bersifat wajib, namun tidak ada kifarat baginya. Adapun orang yang merosakkan iktikafnya itu lantaran bersetubuh, maka dia mesti membayar kifarat zihar.[10]

---

[10] Apa yang dimaksudkan dengan kifarat zihar ialah memerdekakan seorang hamba sahaya. Jika tidak memiliki hamba, maka hendaklah berpuasa selama dua bulan secara berturut-turut. Jika tidak mampu, maka hendaklah memberi makan enam puluh orang miskin. Dalilnya firman Allah (s.w.t):

وَٱلَّذِينَ يُظَٰهِرُونَ مِن نِّسَآئِهِمۡ ثُمَّ يَعُودُونَ لِمَا قَالُواْ فَتَحۡرِيرُ رَقَبَةٖ مِّن قَبۡلِ أَن يَتَمَآسَّاۚ ذَٰلِكُمۡ تُوعَظُونَ بِهِۦۚ وَٱللَّهُ بِمَا تَعۡمَلُونَ خَبِيرٞ ﴿٣﴾ فَمَن لَّمۡ يَجِدۡ فَصِيَامُ شَهۡرَيۡنِ مُتَتَابِعَيۡنِ مِن قَبۡلِ أَن يَتَمَآسَّاۖ فَمَن لَّمۡ يَسۡتَطِعۡ فَإِطۡعَامُ سِتِّينَ مِسۡكِينٗاۚ ذَٰلِكَ لِتُؤۡمِنُواْ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦۚ وَتِلۡكَ حُدُودُ ٱللَّهِۗ وَلِلۡكَٰفِرِينَ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٤﴾

"Dan orang yang "ziharkan" isterinya, kemudian mereka berbalik dari apa yang mereka ucapkan (bahawa isterinya itu haram kepadanya), maka hendaklah (suami itu) memerdekakan seorang hamba sebelum mereka

4. Disyaratkan berpuasa ketika beriktikaf mengikut pendapat Imam Malik dan Imam Abu Hanifah, sedangkan menurut pendapat lain selain mereka tidak disyaratkan berpuasa.
5. Disyaratkan iktikaf dilakukan di dalam masjid jami' tempat didirikan solat berjemaah dan solat Jumaat, mengikut pendapat Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad, sedangkan menurut pendapat lain selain mereka tidak mensyaratkannya.

٢٣٦- عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَيْسَ عَلَى الْمُعْتَكِفِ صِيَامٌ إِلاَّ أَنْ يَجْعَلَهُ عَلَى نَفْسِهِ. رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ وَالْحَاكِمُ، وَالرَّاجِحُ وَقْفُهُ أَيْضًا.

236. Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah bersabda: "*Orang yang beriktikaf tidak diwajibkan melakukan puasa kecuali apabila dia menginginkannya untuk dirinya sendiri.*" (Diriwayatkan oleh al-Daraquthni dan al-Hakim. Menurut pendapat yang kuat, hadis ini *mawquf*)

Makna Hadis

Hadis ini merupakan salah satu dalil bagi ulama yang mengatakan bahawa puasa bukanlah syarat dalam beriktikaf, kecuali jika seseorang itu menazarkannya. Namun hadis ini terhenti sampai kepada Ibn Abbas (r.a) dan oleh kerananya, permasalahan ini bersifat ijtihadi serta untuk mentarjihkan dalil-dalil mengenainya memerlukan perbahasan yang mendalam.

Analisis Lafaz

"لَيْسَ عَلَى الْمُعْتَكِفِ صِيَامٌ", dikatakan demikian kerana iktikaf merupakan ibadah pada waktu malam hari, sehingga tidak disyaratkan berpuasa saat mengerjakannya.

"إِلاَّ أَنْ يَجْعَلَهُ عَلَى نَفْسِهِ", kecuali apabila dia bernazar ingin melakukan beriktikaf sekali gus berpuasa.

---

berdua (suami isteri) bercampur. Dengan hukum yang demikian, kamu diberi pengajaran (supaya jangan mendekati perkara yang mungkar itu). Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam PengetahuanNya akan apa yang kamu lakukan. Kemudian, sesiapa yang tidak dapat (memerdekakan hamba), maka hendaklah ia berpuasa dua bulan berturut-turut sebelum mereka (suami isteri) itu bercampur. Akhirnya sesiapa yang tidak sanggup berpuasa, maka hendaklah ia memberi makan enam puluh orang miskin. Ditetapkan hukum itu untuk membuktikan iman kamu kepada Allah dan RasulNya (dengan mematuhi perintahNya serta menjauhi adat Jahiliyah). Dan itulah batas-batas hukum Allah; dan bagi orang yang kafir disediakan azab seksa yang tidak terperi sakitnya." (Surah al-Mujadilah: 3-4)

"وَالرَّاجِحُ وَقْفُهُ أَيْضًا", al-Baihaqi berkata: "Mengikut pendapat yang sahih, hadis ini berkedudukan sebagai *mawquf*, yakni hanya sampai kepada Ibn Abbas (r.a) sahaja, tidak sampai kepada Nabi (s.a.w).

Fiqh Hadis

1. Dianjurkan menunaikan nazar.
2. Tidak disyaratkan berpuasa bagi orang yang ingin beriktikaf, menurut pendapat Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad.

٢٣٧- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا: أَنَّ رِجَالاً مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُرُوا لَيْلَةَ الْقَدْرِ فِي الْمَنَامِ فِي السَّبْعِ الْأَوَاخِرِ، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَرَى رُؤْيَاكُمْ قَدْ تَوَاطَأَتْ فِي السَّبْعِ الْأَوَاخِرِ، فَمَنْ كَانَ مُتَحَرِّيهَا فَلْيَتَحَرَّهَا فِي السَّبْعِ الْأَوَاخِرِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

237. Daripada Ibn Umar (r.a) bahawa sekumpulan kaum lelaki dari kalangan sahabat Nabi (s.a.w) melihat lailatul qadar dalam mimpi mereka pada tujuh malam yang terakhir, lalu Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Aku berpendapat bahawa mimpi kamu betul di mana lailatul qadar berlaku pada tujuh malam terakhir. Jadi barang siapa yang ingin mencarinya (lailatul qadar), maka hendaklah dia mencarinya pada tujuh malam terakhir (dari bulan Ramadhan). (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Lailatul qadar adalah malam yang dipenuhi dengan keberkatan. Allah (s.w.t) mengutamakannya ke atas malam-malam yang lain dan mengkhususkannya dengan menurunkan al-Qur'an secara sekali gus dari Lauh Mahfuzh ke langit dunia. Pada malam lailatul qadar Allah menurunkan para malaikat, keberkatan dan rahmat serta menjadikan di dalamnya pahala amal perbuatan berlipat ganda bahkan lebih baik daripada beramal selama seribu bulan.

Tidaklah menghairankan apabila malam lailatul qadar sangat mulia kedudukannya. Untuk itu, syariat Islam menganjurkan untuk sentiasa mengintainya, lebih-lebih lagi pada bilangan ganjil pada waktu sepuluh hari terakhir bulan Ramadhan. Allah (s.w.t) sengaja menyembunyikannya agar kaum muslimin menyibukkan dirinya dengan amal ibadah pada seluruh malam Ramadhan, lebih-lebih lagi pada akhir bulan Ramadhan yang dipenuhi dengan keberkatan itu.

Antara keistimewaan yang ada pada malam lailatul qadar ialah semua pintu langit dibuka, semua doa dimakbulkan dan banyak malaikat yang turun ke bumi pada malam itu serta pembebasan daripada neraka. Semoga Allah memuliakan kita dengan dapat menyaksikan malam lailatul qadar.

Analisis Lafaz

"أَنَّ رِجَالاً مِنْ أَصْحَابِ النَّبِي صَلَّى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُرُوا لَيْلَةَ الْقَدْرِ فِي الْمَنَامِ", apa yang dimaksudkan dengan mereka melihat dalam mimpi ialah dikatakan kepada mereka dalam mimpinya. Adapun lafaz *al-qadar* yang lafaz *al-lailah* di-*mudhaf*-kan kepadanya masih diperselisihkan maknanya. Menurut satu pendapat, maksudnya ialah mengagungkan, yakni malam itu memiliki kedudukan yang mulia, kerana di dalamnya banyak terjadi peristiwa yang besar seperti turunnya para malaikat, keberkatan, rahmat dan ampunan. Diberi nama "lailatul qadar" kerana pada malam itu para malaikat mencatat semua takdir, rezeki, dan ajal yang akan terjadi pada tahun itu. Ini merupakan salah satu keistimewaan umat Nabi Muhammad (s.a.w).

"فِي السَّبْعِ الْأَوَاخِرِ", para malaikat memberitahu kepada mereka bahawa malam lailatul qadar itu jatuh pada tujuh malam yang terakhir bulan Ramadhan.

"أَرَى", aku menduga.

"رُؤْيَاكُمْ", maksudnya ialah keseluruhannya, yakni mimpi mereka, kerana mimpi tersebut tidak hanya dialami oleh satu orang melainkan keseluruhannya.

"قَدْ تَوَاطَأَتْ", telah bersesuaian.

"فَمَنْ كَانَ مُتَحَرِّيَهَا", barang siapa yang ingin mencarinya.

"فَلْيَتَحَرَّهَا فِي السَّبْعِ الْأَوَاخِرِ", maka hendaklah dia mencarinya pada tujuh malam yang terakhir sesudah tarikh dua puluh tanpa ada kepastian yang jelas.

Fiqh Hadis

1. Mimpi dapat dijadikan sebagai dalil untuk perkara-perkara yang bersifat *wujudiyah*, tetapi dengan syarat tidak bercanggah dengan kaedah-kaedah syariat.
2. Rasulullah (s.a.w) membenarkan mimpi para sahabatnya.
3. Menetapkan adanya lailatul qadar dan lailatul qadar itu terjadi di bulan Ramadhan.
4. Keutamaan lailatul qadar dan mencarinya pada tujuh hari yang terakhir bulan Ramadhan.

٢٣٨- عَنْ مُعَاوِيَةَ بْنَ أَبِي سُفْيَانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ: "لَيْلَةُ سَبْعٍ وَعِشْرِينَ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ، وَالرَّاجِحُ وَقْفُهُ. وَقَدْ اخْتُلِفَ فِي تَعْيِينِهَا عَلَى أَرْبَعِينَ قَوْلاً أَوْرَدْتُهَا فِي "فَتْحِ الْبَارِي".

238. Daripada Mu'awiyah ibn Abu Sufyan (r.a) daripada Nabi (s.a.w), baginda bersabda tentang lailatul qadar: "Lailatul qadar jatuh pada malam dua puluh tujuh." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud. Tetapi menurut pendapat yang kuat, hadis ini *mawquf*. Ulama berbeza pendapat mengenai kepastian malam lailatul qadar hingga perselisihan mengenainya mencecah empat puluh pendapat yang semuanya itu telah kami kemukakan dalam kitab Fath al-Bari)

Makna Hadis

Lailatul qadar adalah penghulu seluruh malam. Ia merupakan malam yang paling mulia kedudukannya dan banyak mengandungi rahsia yang mulia pula. Allah (s.w.t) sengaja menyembunyikannya dalam malam-malam ganjil daripada tujuh hari terakhir bulan Ramadhan. Malam lailalul qadar tidak tetap, sebaliknya ia berpindah-pindah dan hikmahnya ialah supaya seluruh malam bulan yang dipenuhi dengan keberkatan itu sentiasa diisi dengan amal ibadah. Ada pula kemungkinan hikmah menyembunyikan sesuatu itu sama faedahnya dengan hikmah menjelaskannya. Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana. Oleh itu, Allah sengaja menyembunyikan ismul a'zham di dalam asma'ul husna, waktu ijabah pada hari Jumaat di dalam hari Jumaat, solat wustha di dalam solat lima yang waktu dan orang soleh (wali) di kalangan hamba-hamba-Nya agar tidak seorang manusia pun yang dihina.

Analisis Lafaz

"قَالَ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ", menjelaskan malam lailatul qadar.

"رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ", Abu Dawud meriwayatkannya secara *marfu'*.

"وَالرَّاجِحُ وَقْفُهُ", tetapi menurut pendapat yang kuat, hadis ini hanya sampai kepada Mu'awiyah, tetapi menurut hukum ia dinilai sebagai *marfu'* kerana masalah seperti ini tidak mungkin dikatakan oleh akal dan tidak ada ruang bagi pemikiran untuk berperanan di dalamnya.

Fiqh Hadis

Menjelaskan tentang lailatul qadar. Kebanyakan ulama mengatakan bahawa lailatul qadar itu jatuh pada malam dua puluh tujuh Ramadhan.

٢٣٩- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قُلْتُ يَا رَسُولَ اللهِ: أَرَأَيْتَ إِنْ عَلِمْتُ أَيَّ لَيْلَةٍ لَيْلَةُ الْقَدْرِ، مَا أَقُولُ فِيهَا؟ قَالَ: "قُولِي: اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ تُحِبُّ الْعَفْوَ، فَاعْفُ عَنِّي". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ غَيْرَ أَبِي دَاوُدَ، وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ وَالْحَاكِمُ.

239. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Aku bertanya: "Wahai Rasulullah, bagaimanakah menurut pendapat tuan jika saya mengetahui pada malam apa lailatul qadar itu berada, maka doa apakah yang mesti saya baca?" Nabi (s.a.w) menjawab: "Bacalah olehmu: "اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ تُحِبُّ الْعَفْوَ، فَاعْفُ عَنِّي" (Ya Allah, sesungguhnya Engkau Maha Pemaaf lagi suka sikap pemaaf. Oleh itu, maafkanlah diriku)." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah selain Abu Dawud dan dinilai sahih oleh al-Tirmizi serta al-Hakim)

Makna Hadis

Allah (s.w.t) telah memberi keistimewaan kepada Nabi (s.a.w) dengan *jawami' al-kalim* yang maksudnya kalimat singkat dan padat makna. Begitu pula doa-doanya yang sampai kepada kita melalui hadis yang di dalamnya telah digabungkan seluruh kebaikan dunia dan akhirat.

Tidak diragukan lagi bahawa nikmat yang paling utama bagi seseorang dalam hidupnya sesudah iman ialah dianugerahkan kesihatan tubuh dan bebas pada dari segala bentuk kecacatan. Itulah nikmat kesihatan yang wajib disyukuri. Sedangkan nikmat di akhirat yang paling besar ialah memperoleh ampunan. Inilah yang akan membawanya kepada kebahagiaan dan selamat daripada azab serta mendapat kedudukan yang tinggi. Oleh itu, Nabi (s.a.w) bersabda kepada Aisyah (r.a), isteri yang paling baginda cintai: "Ya Allah, sesungguhnya Engkau Maha Pemaaf lagi suka sikap pemaaf. Oleh itu, maafkanlah diriku."

Analisis Lafaz

"إِنْ عَلِمْتُ أَيَّ لَيْلَةٍ لَيْلَةُ الْقَدْرِ", apabila aku mengetahui bila lailatul qadar itu terjadi.

"مَا أَقُولُ فِيهَا", doa apakah yang mesti saya baca pada malam itu?

"قَالَ", Rasulullah (s.a.w) bersabda.

"قُولِي: اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ تُحِبُّ الْعَفْوَ، فَاعْفُ عَنِّي", bacalah: "Ya Allah, sesungguhnya Engkau Maha Pemaaf lagi menyenangi sifat pemaaf, maka maafkanlah daku," yakni meminta maaf kepada Allah (s.w.t) kerana Dialah yang memberi maaf dan yang mengasihi.

Fiqh Hadis

1. Menjelaskan doa *ma'tsur* (daripada Nabi (s.a.w) bagi orang yang menemui lailatul qadar.
2. Boleh bertanya tentang cara berdoa.

٢٤٠- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ تُشَدُّ الرِّحَالُ إِلاَّ إِلَى ثَلاَثَةِ مَسَاجِدَ: الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ، وَمَسْجِدِي هَذَا، وَالْمَسْجِدِ الْأَقْصَى". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

240. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Pelana tidak boleh ditambatkan kecuali untuk menuju tiga masjid, iaitu Masjidil Haram, masjidku ini dan Masjidil Aqsha.*" (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Semua masjid adalah rumah Allah dan cara meramaikannya dengan mengerjakan solat serta berzikir di dalamnya. Setiap masjid mempunyai keutamaan yang sama, tidak ada satu keistimewaan yang melebihkan satu masjid dengan yang lain, kecuali tiga masjid, iaitu Masjidil Haram, Masjid Nabawi dan Masjidil Aqsha. Ini kerana Allah (s.w.t) telah memberi ketiga-tiga masjid ini dengan keutamaan dan keistimewaan yang tidak dimiliki oleh masjid yang lain. Untuk itu, barang siapa yang bernazar melakukan solat di suatu masjid tertentu, maka tidak diharuskan menambatkan pelana kenderaannya untuk menuju kepadanya, tetapi cukup dengan melakukan solat di masjidnya untuk menunaikan nazarnya itu, kecuali jika dia bernazar melakukannya pada salah satu daripada ketiga-tiga masjid tersebut. Oleh itu, barang siapa yang bernazar ingin melakukan solat di dalamnya, maka dia mesti menambatkan pelana kenderaannya untuk menuju kepadanya kerana keutamaan yang dimilikinya berbeza dengan masjid yang lain. Pengertian ini berdasarkan riwayat yang dikemukakan oleh Imam Ahmad, iaitu: "Pelana kenderaan tidak boleh ditambatkan untuk menuju ke suatu masjid dan melakukan solat di dalamnya, kecuali ditujukan kepada tiga masjid,..." hingga akhir hadis.

Analisis Lafaz

"لاَ تُشَدُّ الرِّحَالُ", dengan menggunakan ungkapan nafi, tetapi maksudnya ialah *nahi* (larangan). Ungkapan dengan cara seperti ini bertujuan menjelaskan lagi pemahamannya berbanding menggunakan kata *nahi* secara terang-terangan, kerana itu diungkapkan pada saat suatu peristiwa terjadi, lalu diberitakan.

"الرِّحَالُ", bentuk jamak daripada lafaz "رحل", maksudnya sesuatu yang diletakkan di atas tulang belakang unta bagi memudahkan untuk dikenderai, yakni pelana. Ungkapan ini bertujuan untuk menggambarkan maksud melakukan perjalanan, kerana menambatkan pelana merupakan satu kepastian untuk mengadakan perjalanan. Menyebutkan kata "pelana" ini adalah mengikut tradisi orang Arab. Apapun, maksudnya tetap bersifat umum, iaitu menaiki apa jua jenis kenderaan. Dengan demikian, maka termasuklah naik unta, naik kapal terbang, kereta, keldai,

kuda dan berjalan kaki.

"الْمَسْجِدِ الْحَرَام", dengan dibaca *jar* kerana menjadi *badal* kepada lafaz yang sebelumnya. Lafaz *al-Haram* maknanya *al-Muharram*, sedangkan maksudnya ialah seluruh kota suci. Melakukan solat di dalam Masjidil Haram sama dengan melakukan seratus ribu kali solat di tempat lain.

"وَمَسْجِدِي هَذَا", maksudnya adalah Masjid Nabawi di Madinah. Di dalam masjid ini terdapat makam Nabi (s.a.w). Mengerjakan solat di dalam Masjid Nabawi lebih baik daripada seribu kali solat di tempat lain.

"وَالْمَسْجِدِ الْأَقْصَى", masjid yang perjalanannya paling jauh daripada Masjidil Haram, iaitu Masjid Baitul Muqaddas. Mengerjakan satu kali solat di dalamnya sama dengan melakukan solat lima ratus kali di tempat lain.

Perlu diketahui bahawa hadis ini dimasukkan ke dalam bab iktikaf kerana ada pendapat yang mengatakan bahawa beriktikaf tidak sah kecuali di dalam tiga masjid tersebut, kerana keistimewaan dan keutamaan yang dikhususkan oleh Allah untuknya. Menurut pendapat yang lain, ini untuk menjelaskan iktikaf yang paling utama, iaitu iktikaf yang dilakukan di dalam ketiga-tiga masjid ini.

Fiqh Hadis

1. Keutamaan ketiga-tiga masjid; Masjidil Haram, Masjid Nabawi dan Masjidil Aqsha.
2. Masjidil Haram adalah masjid yang paling mulia, kerana dalam urutan pertama dan ini menunjukkan keutamaannya ke atas masjid yang selainnya. Setelah itu disusuli oleh Masjid Nabawi, dan paling akhir sekali ialah Masjidil Aqsha.
3. Wajib menambatkan pelana kenderaan untuk menuju ketiga-tiga masjid apabila seseorang bernazar hendak melakukan solat di dalamnya.
4. Dilarang menambatkan pelana kenderaan untuk menuju salah satu masjid di dunia ini untuk menunaikan janji yang dinazarkan kecuali ketiga-tiga masjid yang telah disebutkan kerana keutamaan yang dimiliki oleh masjid lain adalah sama.

Penutup

Barang siapa yang berada di dalam Masjid Nabawi, lalu dia bernazar ingin mengerjakan solat di dalam Masjidil Haram, maka dia diharuskan menambatkan tali pelana kenderaannya dan berangkat menuju ke Masjidil Haram, kerana Masjidil Haram lebih utama berbanding Masjid Nabawj, namun tidak dengan sebaliknya. Barang siapa yang berada di dalam Masjidil Aqsha, lalu dia bernazar ingin mengerjakan solat di dalam Masjidil Haram atau Masjid Nabawi, maka diharuskan baginya berangkat menuju kepada kedua-dua masjid itu, namun tidak dengan sebaliknya.

Kesimpulan

Dari hadis-hadis yang terdapat dalam bab ini dapat diambil beberapa kesimpulan sebagai berikut:

1. Keutamaan beribadah pada waktu malam hari di bulan Ramadhan, keutamaan lailatul qadar dan mencarinya dalam tujuh malam terakhir bulan Ramadhan, dan keutamaan tiga masjid (iaitu Masjidil Haram, Masjid Nabawi, dan Masjidil Aqsha).
2. Disunatkan melakukan qiyamul lail dan mengajak keluarga dalam melakukan ibadah yang disunatkan.
3. Disyariatkan melakukan iktikaf dan lebih disunatkan lagi pada waktu sepuluh hari terakhir bulan Ramadhan.
4. Disyariatkan berpuasa semasa beriktikaf dan masjid adalah tempat beriktikaf.
5. Menjelaskan permulaan waktu iktikaf, lailatul qadar, doa ma'tsur bagi orang yang menemui lailatul qadar, masjid-masjid yang paling utama, dan malam-malam yang diyakini lailatul qadar akan terjadi.
6. Wanita dibolehkan beriktikaf di dalam masjid setelah mendapat kebenaran daripada suami mereka, boleh menyikat rambut di dalam masjid termasuklah membersihkan tubuh, mandi, bercukur, berhias dan memasang pakaian. Orang yang beriktikaf boleh keluar untuk membuang air kecil dan air besar serta berbekam. Seorang lelaki boleh dilayani oleh isterinya. Dibolehkan melakukan pekerjaan ringan yang bersifat peribadi di dalam masjid.
7. Tidak batal iktikaf seseorang yang mengeluarkan kepalanya dari dalam masjid. Orang yang beriktikaf tidak disyaratkan berpuasa.
8. Berpegang kepada kisah mimpi dalam berhujah dan pengakuan Nabi (s.a.w) terhadapnya.
9. Ketetapan adanya lailatul qadar. Lailatul qadar itu terjadi di bulan Ramadhan.

Soalan

1. Apakah takrif iktikaf menurut bahasa dan syarak?
2. Apakah maksud *qiyam* di bulan Ramadhan itu?
3. Jelaskan makna "إيمانا واحتسابا" dan kedudukan i'rabnya!
4. Apakah yang dimaksudkan dengan jenis dosa yang diampuni?
5. Jelaskan sepuluh hari yang paling utama dalam bulan Ramadhan! Mengapa demikian?
6. Terangkan amalan-amalan ibadah pada sepuluh hari terakhir bulan Ramadhan!
7. Jelaskan hikmah membangunkan ahli keluarga untuk turut serta mengerjakan solat malam!

8. Sebutkan hikmah beriktikaf itu?
9. Jelaskan batasan minimum beriktikaf menurut ulama!
10. Apakah puasa merupakan syarat bagi orang yang beriktikaf pada waktu siang hari dan bagi orang yang melakukannya selama sehari semalam?
11. Apakah yang membatalkan iktikaf itu?
12. Jelaskan apa-apa yang dibolehkan bagi seorang yang beriktikaf tanpa membatalkan iktikafnya!
13. Bagaimanakah hukum seseorang yang mengeluarkan kepalanya dari dalam masjid ketika dia sedang beriktikaf!
14. Jelaskan makna lafaz-lafaz berikut: “,“متحريها”, “تواطأت”, “أروا”, “لحاجة”, “فأرجله” الرحال”” dan “الأقصى”!
15. Apakah yang dimaksudkan oleh Aisyah (r.a) dalam hadisnya dengan istilah Sunnah!
16. Apakah iktikaf mesti dilakukan di dalam masjid jami'? Sebutkanlah perbezaan pendapat ulama mengenainya!
17. Apakah takrif hadis *mawquf* itu?
18. Jelaskan makna “إلا أن يجعله على نفسه”!
19. Terangkan keutamaan malam lailatul qadar!
20. Sebutkan pelbagai pendapat yang menentukan malam lailatul qadar. Manakah yang paling kuat di antara kesemua pendapat itu? Sebutkan hikmah mengapa lailatul qadar dirahsiakan!
21. Berikan contoh yang menggambarkan hikmah merahsiakan lailatul qadar!
22. Apakah mimpi dapat dijadikan hujah untuk mengukuhkan sesuatu hukum?
23. Bilakah malam lailatul qadar mesti dicari dan ditunggu?
24. Jelaskan nikmat yang paling besar bagi seorang hamba di dunia dan di akhirat!
25. Apakah makna *jawami al-kalim*!
26. Jelaskan makna nafi dalam sabda Rasulullah (s.a.w)” “لا تشد الرحال”!
27. Bagaimanakah hukum *syadd al-rihal* untuk ketiga-tiga masjid itu? Bagaimana pula hukumnya untuk selain ketiga-tiga masjid itu apabila seseorang bernazar untuk mengerjakan solat di dalamnya?
28. Sebutkan kedudukan i'rab lafaz “المسجد الحرام”!
29. Jelaskan mengapa hadis ketiga-tiga masjid dimasukkan di dalam bab iktikaf!

KITAB HAJI

KITAB HAJI

BAB KEUTAMAAN IBADAH HAJI DAN ORANG YANG WAJIB MELAKSANAKANNYA

٢٤١- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "الْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُمَا، وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلاَّ الْجَنَّةَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

241. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: *"Umrah sampai dengan umrah yang berikutnya merupakan penghapus dosa yang ada di antara keduanya, dan haji mabrur itu tidak ada balasan yang layak baginya selain syurga."* (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) menganjurkan supaya memperbanyak ibadah pelaksanaan umrah melalui pernyataannya bahawa setiap ibadah umrah dapat menghapuskan dosa-dosa yang terjadi di antaranya dengan umrah yang berlalu. Baginda turut menganjurkan supaya melakukan ibadah haji yang pada hakikatnya memenuhi seruan Allah (s.w.t) dengan mendatangi tanah suci yang dipenuhi keberkatan dan menziarahi syiar-syiar yang mengagungkannya termasuk sebahagian daripada ketakwaan hati serta mengharapkan limpahan rahmat di tempat yang paling mulia serta pada waktu yang paling suci. Bagaimana tidak! Haji merupakan rukun Islam yang kelima dan termasuk ibadah yang mampu menghapuskan semua dosa dan kesalanan apabila dilakukan dengan cara mabrur.

Haji mabrur ialah haji yang tidak dicampuri oleh perbuatan dosa dan dengan niat hanya kerana ingin mendapatkan reda Allah di mana balasannya adalah syurga. Betapa besar imbalan tersebut bagi suatu pekerjaan yang sebenarnya tidak terlampaui susah, lebih-lebih lagi pada masa sekarang, di mana harta berlimpah dan segala alat transportasi mudah diperoleh serta keamanan dapat dinikmati oleh umat manusia tanpa wujud lagi perasaan takut. Semua itu tidak lain berkat kurnia

Allah (s.w.t) yang memudahkan hamba-hamba-Nya untuk menempuh perjalanan haji ke Baitullah.

Analisis Lafaz

"الحج", menurut bahasa adalah menuju, sedangkan menurut syarak ialah berziarah ke Mekah untuk menunaikan manasik haji atau umrah pada masa yang khusus. Ibadah haji diwajibkan pada tahun 6 Hijriah, namun menurut pendapat yang lain pada tahun 8 Hijriah.

"الْعُمْرَةُ", menurut bahasa adalah ziarah, sedangkan menurut istilah syarak adalah ziarah ke Baitullah dengan syarat-syarat yang khusus.

"إِلَى الْعُمْرَةِ", perkataan "إلى" bermakna "مع", yakni dengan umrah yang pertama, bukan umrah yang kedua dalam erti kata tidak setahun.

"كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُمَا", menghapus dosa-dosa kecil, bukan dosa-dosa besar yang ada di antara keduanya.

"وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ", haji yang tidak dicampuri oleh apa-apa perbuatan dosa.

Fiqh Hadis

1. Menjelaskan keutamaan umrah. Ibadah umrah itu dapat menghapus dosa-dosa. Hukum ibadah umrah adalah sunat menurut Imam Malik dan Imam Abu Hanifah, tetapi menurut Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad adalah wajib.
2. Dianjurkan memperbanyak ibadah umrah. Tetapi Imam Malik menganggap makruh mengerjakannya secara berulang dalam satu tahun tanpa ada alasan yang mewajibkan untuk berbuat demikian.
3. Amal-amal soleh dapat menghapus dosa-dosa.
4. Anjuran untuk membersihkan ibadah haji daripada noda-noda dosa.
5. Dosa-dosa yang diampuni oleh ibadah umrah hanyalah dosa-dosa kecil. Dalil yang menunjukkan pengkhususan ini ialah hadis dalam Shahih al-Bukhari:

الصَّلَوَاتُ الْخَمْسُ وَالْجُمُعَةُ إِلَى الْجُمُعَةِ وَصَوْمُ رَمَضَانَ مُكَفِّرَاتٌ لِمَا بَيْنَهُنَّ مَا اجْتُنِبَتِ الْكَبَائِرُ.

"Solat lima waktu dan solat Jumaat sampai dengan solat Jumaat yang berikutnya serta puasa Ramadhan dapat menghapus dosa-dosa yang terdapat di antaranya selagi dosa-dosa besar dijauhi."

٢٤٢- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللهِ، عَلَى النِّسَاءِ جِهَادٌ؟ قَالَ: "نَعَمْ، عَلَيْهِنَّ جِهَادٌ لاَ قِتَالَ فِيهِ: الْحَجُّ وَالْعُمْرَةُ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَابْنُ مَاجَه وَاللَّفْظُ لَهُ، وَإِسْنَادُهُ صَحِيحٌ. وَأَصْلُهُ فِي الصَّحِيحِ.

242. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Aku pernah bertanya: "Wahai Rasulullah, apakah kaum wanita diwajibkan berjihad?" Baginda menjawab: "Ya, mereka diwajibkan berjihad, tetapi tanpa peperangan di dalamnya, iaitu ibadah haji dan ibadah umrah." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Ibn Majah. Lafaz hadis ini menurut riwayat Ibn Majah, sanadnya sahih dan asalnya berada dalam kitab Shahih al-Bukhari)

Makna Hadis

Allah (s.w.t) mengetahui betapa lemah kaum wanita dan mereka tidak mampu berjuang di medan perang. Untuk itu, Allah tidak mewajibkan jihad ke atas mereka. Namun para sahabat wanita yang dipimpin oleh Aisyah (r.a) yang didorong oleh ketinggian jiwa mereka dan keinginan mereka untuk memperoleh ganjaran pahala, mereka meminta kepada Rasulullah (s.a.w) supaya dibenarkan berjihad. Untuk itu, Aisyah (r.a) berkata: "Wahai Rasulullah, kami melihat bahawa jihad merupakan amalan yang paling utama. Bolehkah kami berjihad?" Baginda yang bijaksana dalam menjawab pertanyaannya menempuh cara yang lebih bijaksana. Baginda tidak berhasrat memadam semangat mereka untuk meraih kebaikan dan cita-cita yang tinggi itu. Baginda menjawab: "Ya, kamu pun berkewajipan untuk berjihad, tetapi tanpa peperangan, iaitu melakukan ibadah haji dan umrah."

Ibadah haji dan umrah disebut jihad kerana di dalamnya terdapat perjuangan melawan hawa nafsu, iaitu jihad maknawi yang lebih bersesuaian bagi kaum wanita. Jihad maknawi ini menggantikan pahala jihad agung di medan tempur yang tidak mampu mereka lakukan. Sekalipun demikian, para sahabat wanita tidak hanya berdiam diri sampai di situ dalam usaha mereka mengejar kebaikan, bahkan sebahagian mereka ada yang keluar turut serta berjihad menduduki pos-pos kawalan yang tidak dikhuatiri adanya fitnah terhadap mereka, misalnya mengubati pasukan yang mengalami luka dan mengagihkan air minum serta membantu pasukan kaum muslimin di garis belakang. Betapa mulia mereka yang sentiasa berlumba-lumba untuk meraih ganjaran pahala tersebut dan bersaing dalam amal ibadah.

Analisis Lafaz

"عَلَى النِّسَاءِ جِهَادٌ", memerangi orang kafir. Kalimat ini merupakan kalimat berita, tetapi maksudnya ialah soalan dengan memperkirakan adanya hamzah *istifham*. Lengkapnya adalah: "Apakah kaum wanita diwajibkan berjihad?"

"عَلَيْهِنَّ جِهَادٌ لاَ قِتَالَ فِيهِ", mereka diwajibkan berjihad tanpa ada peperangan di dalamnya. Ini seakan-akan Aisyah (r.a) bertanya: "Bagaimanakah caranya?" Jumlah (kalimat) "لا قتال فيه" berkedudukan menjadi sifat bagi lafaz "جهاد", kerana kalimat "لا قتال فيه" merupakan jumlah (kalimat) yang jatuh sesudah *isim nakirah*.

"الْحَجُّ وَالْعُمْرَةُ", kalimat ini berkedudukan untuk menjelaskan apa yang dimaksudkan di sini bahawa haji dan umrah itu menempati kedudukan jihad bagi kaum wanita. Kedua-duanya disebut sebagai jihad kerana mempunyai persamaan, iaitu kesusahan dalam melaksanakannya.

"وَاللَّفْظُ لَهُ", lafaz hadis ini menurut riwayat Ibn Majah.

"وَأَصْلُهُ فِي الصَّحِيحِ", yakni dalam Shahih al-Bukhari daripada Aisyah binti Talhah, daripada Aisyah Ummu al-Mu'minin bahawa:

أَنَّهَا قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللهِ، نَرَى الْجِهَادَ أَفْضَلَ الْعَمَلِ، أَفَلاَ نُجَاهِدُ؟ قَالَ: لاَ لَكِنَّ أَفْضَلَ الْجِهَادِ حَجٌّ مَبْرُورٌ.

"Beliau pernah bertanya: "Wahai Rasulullah, kami melihat bahawa jihad merupakan amalan yang paling diutamakan, bolehkah kami berjihad?" Nabi (s.a.w) menjawab: "Tidak, tetapi jihad yang paling utama ialah haji mabrur."

Aisyah binti Talhah al-Taimiyyah adalah ibu kepada 'Imran. Beliau meriwayatkan hadis daripada makciknya, Aisyah (r.a) dan riwayat hadisnya telah diambil oleh Hubaib ibn Abu 'Amrah, juga anak lelakinya yang bernama Talhah ibn Abdullah ibn Abdul Rahman. Ibn Mu'in menilainya tsiqah dan begitu pula al-Ajali.

"حَجٌّ مَبْرُورٌ", haji yang tidak dicampuri oleh perbuatan dosa sedikit pun, yakni ibadah haji yang dilakukan secara bersih dari segala bentuk dosa.

Fiqh Hadis

1. Ibadah haji hukumnya wajib.
2. Ibadah umrah wajib hukumnya menurut Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad, sedangkan menurut Imam Abu Hanifah dan Imam Malik ibadah umrah adalah sunat seperti mana yang ditegaskan oleh hadis Jabir berikut ini, hadis no. 243.
3. Menempuh cara yang bijaksana dalam memberikan jawapan untuk memberi semangat kepada si penanya sekali gus sebagai tanda setuju terhadap masalah yang ditanyakan.
4. Menjelaskan betapa tinggi semangat kaum wanita pada masa permulaan Islam dan semangat mereka dalam berlumba meraih kebaikan.
5. Menjelaskan bahawa ibadah haji tidak dapat menduduki kedudukan jihad yang hakiki bagi kaum lelaki.

٢٤٣- عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْرَابِيٌّ. فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، أَخْبِرْنِي عَنِ الْعُمْرَةِ، أَوَاجِبَةٌ هِيَ؟ فَقَالَ: "لاَ، وَأَنْ تَعْتَمِرَ خَيْرٌ لَكَ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالتِّرْمِذِيُّ وَالرَّاجِحُ وَقْفُهُ.

وَأَخْرَجَهُ ابْنُ عَدِيٍّ مِنْ وَجْهٍ آخَرَ ضَعِيفٍ عَنْ جَابِرٍ مَرْفُوعًا: الْحَجُّ وَالْعُمْرَةُ فَرِيضَتَانِ.

243. Daripada Jabir ibn Abdullah (r.a), beliau berkata: "Seorang Arab badwi datang kepada Nabi (s.a.w) lalu berkata: "Wahai Rasulullah, ceritakan kepadaku tentang umrah, apakah ia wajib?" Nabi (s.a.w) bersabda: "Tidak. Tetapi jika engkau melakukan umrah, maka itu lebih baik bagimu." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Tirmizi. Menurut pendapat yang kuat, hadis ini *mawquf*)

Ibn Adi turut mengemukakan hadis yang serupa dari jalur lain yang *marfu'* daripada Jabir (r.a): "Haji dan umrah hukumnya fardu."

Makna Hadis

Oleh kerana dalil-dalil yang mewajibkan umrah dan yang tidak mewajibkannya saling bercanggah antara satu sama lain, maka ulama pun berselisih pendapat mengenainya, baik ulama salaf mahupun ulama khalaf. Ibn Umar (r.a) lebih cenderung mewajibkannya melalui riwayat yang dikemukakan oleh al-Bukhari secara mu'allaq, kemudian dijadikan *mawshul* oleh Ibn Khuzaimah dan al-Daraquhtni dan diriwayatkan pula secara mu'allaq daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa ibadah umrah menjadi wajib kerana disebut di dalam Kitabullah, kemudian Ibnu Abbas (r.a) membacakan firman-Nya:

وَأَتِمُّوا۟ ٱلْحَجَّ وَٱلْعُمْرَةَ لِلَّهِ ..... ﴿١٩٦﴾

"*Dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah...*" (Surah al-Baqarah: 196)

Imam al-Syafi'i meriwayatkannya pula secara *mawshul*, sedangkan al-Bukhari secara jelas mengatakan wajib dan membuat bab tersendiri dengan judul bab wajib umrah dan keutamaannya. Pendapat ini diakui oleh ulama mazhab al-Syafi'i dan mazhab Hanbali. Dalam satu hadis disebutkan bahawa Nabi (s.a.w) bersabda:

حُجَّ عَنْ أَبِيْكَ وَاعْتَمِرْ.

"Kerjakanlah haji dan umrah sebagai wakil kepada ayahmu!

Kedudukan hadis ini sahih. Sehubungan dengan hadis di atas, Imam al-Syafi'i berkata: "Saya belum pernah mengetahui ada hadis yang mewajibkan umrah lebih baik daripada hadis jni."

Sedangkan ulama yang mengatakan bahawa umrah itu adalah sunat berdalilkan dengan hadis Jabir (r.a) ini. Mereka mengatakan bahawa pada mulanya tidak wajib sedangkan ayat berikut ini hanya menunjukkan hukum wajib setelah mengerjakannya. Ayat tersebut adalah:

وَأَتِمُّوا۟ ٱلْحَجَّ وَٱلْعُمْرَةَ لِلَّهِ ۚ ..... ﴿١٩٦﴾

"*Dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah…*" (Surah al-Baqarah: 196)

Dalam hal ini tidak ada seorang pun ulama yang mempertikaikannya. Apapun, perbincangan dalam pembahasan ini berkaitan hukum asal wajib, bukan wajib menyempurnakan umrah itu sendiri.

Analisis Lafaz

"أَعْرَابِيٌّ", dinisbahkan kepada Arab badwi. Mereka adalah orang yang tinggal di daerah pedalaman dan kehidupan mereka bergantung kepada tempat air dan tempat untuk mengembalakan ternakan.

"أَخْبِرْنِي عَنْ الْعُمْرَةِ", ceritakan kepadaku mengenai hukum ibadah umrah.

"وَأَنْ تَعْتَمِرَ خَيْرٌ لَكَ", melakukan umrah adalah lebih baik bagimu daripada meninggalkannya. Kebaikan dalam pahala ini menunjukkan bahawa hukum umrah adalah sunat dan huruf "أن" beserta kalimat yang dimasukinya berada dalam takwil mashdar, berkedudukan sebagai *mubtada'*, sedangkan khabarnya. adalah lafaz "خير".

"رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالتِّرْمِذِيُّ, hadis ini diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Tirmizi secara *marfu'*, tetapi di dalam sanadnya terdapat al-Hajjaj ibn Artha'ah, sedangkan dia seorang periwayat dha'if.

"وَالرَّاجِحُ وَقْفُهُ", menurut pendapat yang kuat, hadis ini berhenti hanya sampai kepada sahabat Jabir (r.a). dengan erti kata lain, Jabir yang ditanya oleh orang Arab badwi itu dan dia pula yang menjawab pertanyaan.

"وَأَخْرَجَهُ ابْنُ عَدِيٍّ مِنْ وَجْهٍ آخَرَ ضَعِيفٍ", apa yang dimaksudkan dengan jalur yang lain ialah melalui jalur Abu 'Ishmah, daripada Ibn al-Mukandir daripada Jabir. Sedangkan Abu 'Ishmah dinilai dusta oleh para ulama hadis.

"عَنْ جَابِرٍ مَرْفُوعًا: الْحَجُّ وَالْعُمْرَةُ فَرِيضَتَانِ", hadis ini dikemukakan oleh Ibn Adi dan al-Baihaqi melalui Ibn Lahi'ah, daripada Atha', daripada Jabir. Sedangkan Ibn Lahi'ah seorang periwayat dha'if. Ibn Adi berkata: "Dia belum pernah menerima hadis daripada Atha'."

Fiqh Hadis

Hukum umrah adalah sunat menurut Imam Malik dan Imam Abu Hanifah, sedangkan Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad menganggapnya fardu.

٢٤٤- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قِيلَ يَا رَسُولَ اللهِ، مَا السَّبِيلُ؟ قَالَ: "الزَّادُ وَالرَّاحِلَةُ". رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ، وَالرَّاجِحُ إِرْسَالُهُ. وَأَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ مِنْ حَدِيثِ ابْنِ عُمَرَ أَيْضًا، وَفِي إِسْنَادِهِ ضَعْفٌ.

244. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "Ada seseorang pernah bertanya: "Wahai Rasulullah, apakah yang dimaksudkan dengan *al-Sabil* itu?" Nabi (s.a.w) menjawab: "Bekalan dan kenderaan." (Diriwayatkan oleh al-Daraquthni dan dinilai sahih oleh al-Hakim, tetapi menurut pendapat yang kuat, ia *mursal*) Hadis yang serupa turut diketengahkan pula oleh al-Tirmizi daripada Ibn Umar r.a, tetapi di dalam sanadnya terdapat periwayat yang lemah.

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) adalah orang yang paling mengetahui apa yang dimaksudkan oleh Allah. Allah (s.w.t) telah menyerahkan tugas kepadanya untuk menjelaskan al-Qur'an, seperti mana yang disebutkan di dalam firman-Nya:

..... وَأَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ ..... ﴿٤٤﴾

"... *Dan Kami turunkan kepadamu al-Qur'an, agar kamu menerangkan kepada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka...*" (Surah al-Nahl:44)

Allah (s.w.t) berfirmana:

..... وَلِلَّهِ عَلَى ٱلنَّاسِ حِجُّ ٱلْبَيْتِ مَنِ ٱسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا ..... ﴿٩٧﴾

"... *Mengerjakan haji adalah kewajipan manusia terhadap Allah, iaitu (bagi) orang yang sanggup mengadakan perjalanan ke Baitullah...*" (Surah Ali Imran: 97)

Para sahabat kurang memahami tafsir dan maksud lafaz *al-Sabil*. Oleh itu, melalui seorang juru bicaranya mereka bertanya kepada Nabi (s.a.w): "Wahai Rasulullah, apakah yang dimaksudkan dengan *al-Sabil*. Nabi (s.a.w) memberikan tafsirannya kepada mereka bahawa apa yang dimaksud lafaz itu ialah bekalan dan kenderaan.

Analisis Lafaz

"مَا السَّبِيلُ؟", apakah yang dimaksudkan dengan istilah *al-Sabil*, yakni apa yang disebutkan di dalam firman-Nya:

..... وَلِلَّهِ عَلَى ٱلنَّاسِ حِجُّ ٱلْبَيْتِ مَنِ ٱسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا ..... ﴿٩٧﴾

"*Mengerjakan haji adalah kewajipan manusia terhadap Allah, iaitu (bagi) orang yang sanggup mengadakan perjalanan ke Baitullah.*" (Surah Ali Imran: 97)

Al-Sabil menurut bahasa adalah jalan (perjalanan), sedangkan menurut syarak pula ditafsirkan oleh Nabi (s.a.w) melalui sabdanya: "Bekalan dan kenderaan." Ini kerana ibadah haji merupakan ibadah yang memerlukan kenderaan untuk menempuh perjalanan dan biaya, maka kewajipan melakukan ibadah haji memerlukan adanya bekalan dan kenderaan, baik berupa haiwan kenderaan ataupun alat angkutan laut, udara atau darat dengan tetap mengambil berat aspek keselamatan semasa dalam perjalanan.

"رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ", diriwayatkan oleh al-Daruqutni dan dinilai sahih oleh al-Hakim. Ia turut diriwayatkan oleh al-Baihaqi melalui jalur Sa'id ibn Abu Amr, daripada Qatadah, daripada Anas (r.a) daripada Nabi (s.a.w).

"وَالرَّاجِحُ إِرْسَالُهُ", al-Baihaqi mengatakan bahawa apa yang benar ialah melalui Qatadah, daripada al-Hasan secara mursal.

"وَأَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ مِنْ حَدِيثِ ابْنِ عُمَرَ أَيْضًا", hadis ini turut dikemukakan oleh al-Tirmizi melalui hadis Ibn Umar, seperti mana turut dikemukakan pula oleh orang lain melalui hadis Anas (r.a).

"وَفِي إِسْنَادِهِ ضَعْفٌ", di dalam sanadnya terdapat Ibrahim ibnu Yazid al-Khuzi yang dinilai dha'if oleh Imam Ahmad dan al-Nasa'i. Di dalam bab ini terdapat hadis-hadis lain melalui sebahagian para sahabat yang naengukuhkan hadis ini dan hadis mursal yang sebelumnya.

Fiqh Hadis

1. Dianjurkan bertanya mengenai makna al-Qur'an yang tidak dapat difahami.
2. Nabi (s.a.w) mengetahui apa yang dimaksudkan oleh Allah. Baginda adalah orang yang paling mengetahui tentang tafsir al-Qur'an.
3. Tafsir makna *al-Istitha'ah* (kemampuan) dalam masalah ibadah haji ialah bekalan dan kenderaan. Kedua-duanya merupakan alat bagi kewajipan melakukan ibadah haji. Pemahaman seperti ini yang dimaksudkan dalam bab haji. Adapun pemahaman *al-istitha'ah* dalam masalah yang bersifat umum, yakni ibadah-ibadah yang lain adalah memiliki peluang untuk mengerjakannya disertai dengan kemampuan dan tidak ada hambatan.
4. Bekalan merupakan syarat mutlak, kerana seseorang yang mengerjakan ibadah haji tidak dapat melepaskan daripadanya. Adapun kenderaan adalah syarat bagi orang yang tanah airnya jauh daripada tanah suci yang menuntutnya menggunakan kenderaan untuk sampai ke tempat tujuan.
5. Bekalan yang dimaksudkan di sini ialah biaya yang diperlukan semasa dalam perjalanan di samping lebihan harta yang mesti ditinggalkan di tanah airnya untuk biaya orang yang berada di dalam tanggungannya. Pemahaman ini berdasarkan hadis Nabi (s.a.w):

كَفَى بِالْمَرْءِ إِثْمًا أَنْ يُضَيِّعَ مَنْ يَعُوْلُ.

"*Cukuplah dosa bagi seseorang apabila dia menyia-nyiakan (membiarkan) orang yang menjadi tanggungannya.*" Dengan demikian, bekalan dalam ibadah haji terikat dengan syarat yang ada dalam hadis ini.

6. Bekalan dan kenderaan merupakan dua syarat bagi kewajipan melakukan ibadah haji. Ia mestilah diperoleh dari harta yang halal. Harta haram tidak boleh digunakan untuk melakukan ibadah haji dan orang yang berbuat demikian berdosa, sekalipun kewajipan haji gugur kerananya. Demikian pendapat jumhur ulama, namun berbeza dengan pendapat Imam Ahmad.
7. Imam Malik tidak mahu mengambil tafsir kata *al-Sabil* dengan "bekalan dan kenderaan", kerana ada kemungkinan hadis ini dha'if atau kerana ulama Madinah tidak mahu mengamalkannya. Menurutnya, perkataan *al-istitha'ah* dalam ibadah haji bermaksud berpeluang sampai kepada tujuan tanpa adanya kesukaran yang menyusahkan, sekalipun tanpa bekalan dan kenderaan bagi orang yang mampu melakukannya. Dengan demikian, menurutnya perkataan *al-istitha'ah* mengandung maksud yang bersifat umum.

Catatan

Bekalan yang dimaksudkan oleh Nabi (s.a.w) untuk pengertian *al-Istilha'ah* dalam ibadah haji adalah bekalan yang bersifat material sedangkan bekalan yang hakiki ialah takwa. Dengan berbekalkan takwa, haji menjadi mabrur seperti mana yang disebutkan di dalam firman Allah (s.w.t):

..... وَتَزَوَّدُوا۟ فَإِنَّ خَيْرَ ٱلزَّادِ ٱلتَّقْوَىٰ ۚ وَٱتَّقُونِ يَـٰٓأُو۟لِى ٱلْأَلْبَـٰبِ ﴿١٩٧﴾

"*... Berbekallah dan sesungguhnya sebaik-baik bekalan adalah takwa; dan bertakwalah kepada-Ku, wahai orang yang berakal.*" (Surah al-Baqarah:197)

Oleh kerana ibadah haji adalah jihad melawan hawa nafsu dengan menanggung pelbagai kesusahan semasa dalam perjalanan dan melaksanakan pelbagai manasik, maka seseorang yang hendak beribadah haji disyaratkan memenuhi syarat-syarat untuk berjihad hakiki berupa bekalan seperti mana yang diisyaratkan dalam firman Allah (s.w.t):

..... وَلَا عَلَى ٱلَّذِينَ لَا يَجِدُونَ مَا يُنفِقُونَ حَرَجٌ ..... ﴿٩١﴾

"*... Dan tiada dosa bagi orang yang tidak memperoleh apa yang mereka nafkahkan....*" (Surah al-Taubah: 91)

Syarat yang lain pula ialah adanya kenderaan seperti yang diisyaratkan dalam firman-Nya:

وَلَا عَلَى ٱلَّذِينَ إِذَا مَآ أَتَوْكَ لِتَحْمِلَهُمْ ..... ﴿٩٢﴾

"*Dan tiada dosa pula bagi orang yang apabila mereka datang kepadamu, supaya kamu memberi mereka kenderaan...*" (Surah al-Taubah: 92)

Pada dasarnya bekalan dan kenderaan diperlukan dalam jihad, sebagaimana diperlukan pula bekalan yang hakiki dalam segala keadaan.

٢٤٥- عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَقِيَ رَكْبًا بِالرَّوْحَاءِ فَقَالَ: مَنِ الْقَوْمُ؟ قَالُوا: الْمُسْلِمُونَ. فَقَالُوا: مَنْ أَنْتَ؟ قَالَ: رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَرَفَعَتْ إِلَيْهِ امْرَأَةٌ صَبِيًّا. فَقَالَتْ: أَلِهَذَا حَجٌّ؟ قَالَ: نَعَمْ، وَلَكِ أَجْرٌ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

245. Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) bersua dengan suatu rombongan di al-Rauha, lalu baginda bertanya: "Siapakah kalian?" Mereka menjawab: "(Kami) kaum muslimin." Mereka bertanya: "Siapakah anda?" Baginda menjawab: "Rasululah." Lalu ada seorang wanita mengangkat seorang anak lelaki dan memperlihatkannya kepada Nabi (s.a.w) seraya bertanya: "Apakah anak ini dapat melakukan haji?" Nabi (s.a.w) menjawab: "Ya, dan bagimu turut mendapat ganjaran pahala." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Para sahabat dan orang yang hidup pada masa permulaan Islam selalunya mengambil peluang untuk menanyakan perkara-perkara yang mereka tidak mengetahuinya. Satu rombongan yang terdiri daripada kaum muslimin bersua dengan Rasulullah (s.a.w) pada waktu malam hari berhampiran kota Madinah hingga mereka tidak mengenalinya atau mereka belum pernah melihat Nabi (s.a.w). Kemudian Nabi (s.a.w) menanyakan siapa mereka melalui sabdanya: "Siapakah kalian, wahai kaum?" Mereka menjawab: "Kami kaum muslimin." Lalu mereka kembali bertanya kepada baginda: "Siapakah anda?" Nabi (s.a.w) menjawab: "Rasulullah."

Setelah itu, ada seorang wanita dari kalangan mereka bertanya kepada Nabi (s.a.w) tentang hukum haji anak kecil, sama ada haji yang dilakukannya sah dan diakui oleh syariat ataupun sebaliknya? Nabi (s.a.w) menjawab pertanyaannya bahawa anak kecil berhak memperoleh pahala hajinya dan itu sudah dinilai sah sama ada dia sudah mumayiz ataupun sebaliknya. Wali kepada anak itu yang bertugas memerintahkan agar dia melakukan perkara-perkara yang mampu dia lakukan, sedangkan perkara-perkara yang tidak mampu dilakukannya, maka si wali yang mesti mengerjakannya sebagai pengganti anak itu. Akan tetapi, haji yang

dilakukan oleh anak kecil masih belum mencukupi haji fardu yang merupakan rukun Islam baginya. Wali mendapat pahala kerana usahanya atau kerana dia telah bersusah payah menggendongnya dan si anak pula turut mendapat ganjaran pahala kerana mengerjakannya. Wanita yang mengajukan pertanyaan tersebut telah merekod satu pengajaran tentang haji anak kecil kerana pertanyaannya dan semangatnya yang tinggi. Haji anak kecil tetap dianggap sah oleh syariat dan memperoleh ganjaran pahala baginya.

Analisis Lafaz

"أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَقِيَ رَكْبًا", Nabi (s.a.w) bersua dengan jemaah yang berkenderaan.

"الرَّوْحَاءِ", di al-Rauha, nama sebuah tempat berdekatan Madinah yang jauhnya kurang lebih 36 mil dari Madinah.

"فَقَالَ", lalu bersabdalah Nabi (s.a.w).

"مَنِ الْقَوْمُ", siapakah kalian?

"قَالُوا: الْمُسْلِمُونَ", kami adalah kaum muslimin.

"فَقَالُوا: مَنْ أَنْتَ؟", mereka bertanya kepada baginda untuk mengetahui siapa baginda. Ini mungkin kerana mereka tidak pernah melihatnya sebelum ini, kerana itu terjadi pada waktu malam hari atau mereka belum pernah bersua dengan Nabi (s.a.w) hingga tidak mengenalinya.

"أَلِهَذَا حَجٌّ؟", apakah haji anak kecil ini sah?

"قَالَ: نَعَمْ، وَلَكِ أَجْرٌ", hajinya tetap sah dan engkau turut mendapat ganjaran pahala kerana telah bersusah payah menggendongnya.

Fiqh Hadis

Haji kanak kecil tetap sah sama dia sudah mumayiz ataupun belum selagi walinya telah mengerjakan perkara-perkara sebagaimana yang dilakukan oleh orang yang berhaji untuk anak tersebut. Jumhur ulama mengatakan bahawa haji yang dilakukan oleh anak kecil masih belum mencukupi haji fardu, kerana berlandaskan kepada hadis yang bakal disebutkan dalam no. 248 di mana anak kecil yang telah melakukan haji, kemudian usianya mencapai baligh, maka dia berkewajipan melakukan ibadah haji sekali lagi.

٢٤٦- وَعَنْهُ قَالَ: كَانَ الْفَضْلُ بْنُ عَبَّاسٍ رَدِيفَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَجَاءَتِ امْرَأَةٌ مِنْ خَثْعَمَ، فَجَعَلَ الْفَضْلُ يَنْظُرُ إِلَيْهَا وَتَنْظُرُ إِلَيْهِ، فَجَعَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصْرِفُ وَجْهَ الْفَضْلِ إِلَى الشِّقِّ الْآخَرِ. فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنَّ فَرِيضَةَ اللهِ

عَلَى عِبَادِهِ فِي الْحَجِّ أَدْرَكَتْ أَبِي شَيْخًا كَبِيرًا، لاَ يَثْبُتُ عَلَى الرَّاحِلَةِ، أَفَأَحُجُّ عَنْـهُ؟ قَـالَ: نَعَمْ، وَذَلِكَ فِي حَجَّةِ الْوَدَاعِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

246. Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Al-Fadhl ibn Abbas (r.a) pernah membonceng oleh Nabi (s.a.w), lalu datanglah seorang wanita dari Bani Khats'am. Kemudian al-Fadhl dan wanita itu saling berpandangan antara satu sama lain dan Nabi (s.a.w) memalingkan wajah al-Fadhl ke arah yang lain. Lalu wanita itu berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya Allah telah mewajibkan ibadah haji kepada hamba-hamba-Nya, sedangkan ayahku telah berusia lanjut lagi tidak mampu duduk tegak di atas kenderaan. Apakah aku boleh menghajikannya sebagai pengganti kepadanya?" Nabi (s.a.w) menjawab: "Ya." Itu terjadi pada waktu haji wada'." (Muttafaq 'alaih. Lafaz hadis ini menurut al-Bukhari)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) menerima seorang wanita dari Bani Khats'am yang bertanya kepadanya ketika baginda sedang melakukan haji wada' di Mina. Ketika itu Nabi (s.a.w) berada di atas unta kenderaannya, al-Qashwa, sedangkan baginda membonceng al-Fadhl ibn Abbas (r.a). Nabi (s.a.w) bersetuju dengan perkataannya yang mengatakan bahawa Allah telah mewajibkan ibadah haji ke atas hamba-hamba-Nya, sedangkan ayahnya telah berusia tua hingga tidak mampu lagi duduk tegak di atas kenderaannya. Hal ini menunjukkan kewajipan melaksanakan ibadah haji.

Al-Bukhari menjadikan hadis ini sebagai dalil yang menunjukkan kewajipan melaksanakan ibadah haji dan memasukkannya ke dalam bab haji, kerana Sunnah ini adakalanya berupa perkataan, perbuatan Nabi (s.a.w) atau pengakuannya. Di sini jelaslah bahawa ibadah haji diwajibkan ke atas orang yang sudah tidak berdaya, iaitu orang yang tidak diharapkan lagi dapat sembuh kerana usianya terlampau tua atau kerana sakit yang berterusan. Caranya ialah dengan menghajikannya sebagai pengganti dirinya.

Di sini jelaslah bahawa haji tetap diwajikan ke atas diri wanita yang mengemukakan soalan itu dengan syarat *al-Ististitha'ah* (berkemampuan). Tetapi dia tidak mengetahui perkara lain bahawa mewakilkan pelaksanakan ibadah haji bagi pihak ayahnya adalah dibolehkan apabila dia yang melakukannya, kerana ayahnya beruzur (berhalangan). Lalu Nabi (s.a.w) menjawabnya bahawa itu dibolehkan, namun tanya jawab ini tidaklah menghilangkan perhatian Nabi (s.a.w) terhadap apa yang terjadi saat itu, iaitu perbuatan saling memandang antara al-Fadhl yang berada di belakangnya dengan wanita tersebut. Baginda kemudian memalingkan wajah al-Fadhl daripada wanita tersebut ke arah yang lain.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Ibn Abbas (r.a) yang sumbernya sama dengan hadis sebelumnya.

Al-Fadhl ibn al-Abbas ibn Abdul Muttalib al-Hasyimi adalah anak bapa saudara Nabi (s.a.w). Al-Fadhl seorang yang segak dan rupawan. Dia meriwayatkan 24 hadis, dan riwayat hadisnya telah diambil oleh saudara lelakinya, begitu pula Abu Hurairah dan Kuraib. Ibn Sa'ad berkata: "Al-Fadhl turut serta dalam perang pembukaan kota Mekah dan Perang Hunain." Al-Waqidi berkata: "Al-Fadhl meninggal dunia di Amwas pada tahun 18 Hijriah." Namun, pendapat yang lain mengatakan bahawa dia mati syahid dalam Perang al-Yarmuk. Menurut pendapat yang lain lagi, dia meninggal dunia di Damaskus dalam keadaan memakai baju besi Nabi (s.a.w).

"رَدِيفَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", dibonceng Rasulullah (s.a.w).

"خَثْعَمَ", nama suatu kabilah di Yaman.

"فَجَعَلَ الْفَضْلُ يَنْظُرُ إِلَيْهَا", memperhatikan wanita itu kerana kecantikannya.

"وَتَنْظُرُ إِلَيْهِ", dan wanita itu pun memandang kepada al-Fadhl kerana dia seorang yang rupawan.

"فَجَعَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصْرِفُ وَجْهَ الْفَضْلِ إِلَى الشِّقِّ الْآخَرِ", maka Nabi (s.a.w) memalingkan wajah al-Fadhl agar tidak memandang wanita itu. Namun, Nabi (s.a.w) tidak menyuruh wanita itu untuk memalingkan wajahnya kerana keadaannya sudah cukup hanya dengan memalingkan wajah salah seorang di antara mereka berdua.

"لاَ يَثْبُتُ عَلَى الرَّاحِلَةِ", tidak mampu untuk duduk tegak di atas kenderaannya.

"شَيْخًا كَبِيرًا", kedua-dua lafaz ini berkedudukan menjadi *hal* kepada lafaz "أبي", sedangkan jumlah "لا يثبت على الراحلة" menjadi *hal* yang ketiga kepada lafaz "أبي".

"أَفَأَحُجُّ عَنْهُ؟", sudahkah memadai apabila saya yang menghajikannya?

"فِي حَجَّةِ الْوَدَاعِ", pada waktu haji wada' yakni haji terakhir yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) di akhir hayatnya.

Fiqh Hadis

1. Boleh dibonceng di bahagian belakang kenderaan apabila kenderaan yang dinaiki kuat dan selamat daripada fitnah.
2. Boleh dibonceng oleh para pemimpin dan penghulu kaum.
3. Menaiki kenderaan untuk melaksanakan ibadah baji adalah lebih afdal.
4. Rasulullah (s.a.w) membonceng seseorang di mana ini menunjukkan betapa baginda bersikap rendah hati, meskipun perbuatan seumpama ini jarang dilakukan seseorang yang bersifat takbur.
5. Wanita dianjurkan membuka wajahnya ketika sedang berihram.
6. Boleh mendengarkan suara wanita lain apabila diperlukan, misalnya meminta fatwa dan bermu'amalah.

7. Haram memandang wanita lain dan wajib menundukkan pandangan mata daripadanya.
8. Manusia itu lemah dan dapat dikuasai oleh nafsu syahwatnya.
9. Diwajibkan mencegah perkara yang mungkar dengan tangan (kekuasaan) bagi orang yang mampu melakukannya.
10. Wanita boleh menghajikan lelaki.
11. Anjuran berbakti kepada kedua-dua ibu bapa dengan mengerjakan apa-apa yang mendatangkan kemaslahatannya, melangsaikan hutangnya dan menghajikan orang yang tidak berkemampuan.
12. Wanita boleh mengerjakan ibadah haji tanpa mahram apabila keadaannya selamat. Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad berkata: "Wanita tidak diharuskan menunaikan ibadah haji apabila dia tidak mempunyai mahram yang hendak berangkat menunaikan haji bersamanya." Imam Malik berkata: "Wanita boleh mengerjakan ibadah haji bersama sekumpulan kaum wanita." Imam al-Syafi'i berkata: "Seorang wanita boleh berangkat bersama dengan seorang wanita merdeka muslimah dan dapat dipercaya." Perbezaan pendapat ini berkaitan dengan haji fardu. Adapun haji sunat, maka dia tidak boleh keluar kecuali bersama suami atau mahramnya.
13. Boleh menghajikan orang lain apabila seseorang itu tidak mampu lagi mengerjakannya kerana ada uzur yang tidak dapat dielakkan. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad tanpa mengambil kira sama telah diwajibkan baginya melakukan haji ketika sedang dalam keadaan sihat ataupun ketika dia sedang uzur, tetapi mampu mewakilkannya. Imam Abu Hanifah berkata: "Mewakilkan kepada orang lain untuk melakukan haji tidaklah cukup bagi orang yang tidak mampu mengerjakannya, kecuali jika dia diwajibkan haji ketika dalam keadaan sihat, namun dia tidak menunaikannya hingga tidak mampu melakukannya." Dari sini, dia dibolehkan mewakilkan haji sunat kepada orang lain, tetapi haji fardu tidak boleh diwakilkan, kecuali dengan syarat tidak mampu itu berterusan hingga dia meninggal dunia, maka haji yang dilakukan oleh orang lain dapat diberikan kepadanya. Imam Malik berkata: "Seseorang tidak boleh menghajikan orang lain sebagai penggantinya, kecuali menggantikan orang yang telah meninggal dunia dan belum pernah melakukan haji fardu dan pernah mewasiatkannya. Ini berlandaskan kepada firman Allah (s.w.t):

..... وَلِلَّهِ عَلَى ٱلنَّاسِ حِجُّ ٱلْبَيْتِ مَنِ ٱسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا ..... ﴿٩٧﴾

"*... Mengerjakan ibadah haji adalah kewajiban manusia terhadap Allah, iaitu (bagi) orang yang sanggup mengadakan perjalanan ke Baitullah...*" (Surah Ali Imran: 97)

Maksud *al-istitha'ah* hanyalah berkaitan dengan diri seseorang yang berkenaan. Oleh itu, apabila seseorang tidak mampu mengerjakan ibadah haji, maka dia tidak wajib melakukan ibadah haji, di samping ibadah haji

adalah ibadah yang tidak mengenali perwakilan apabila seseorang itu mampu mengerjakannya, sebagaimana solat tidak mengenali perwakilan, walau dalam keadaan tidak mampu sekalipun. Ini kerana ibadah itu merupakan cubaan, sedangkan ini tidak diwujudkan dalam ibadah badaniah, kecuali dengan menyusahkan tubuh kita saat mengerjakannya. Ini berbeza dengan zakat, kerana cubaan dalam masalah zakat adalah harta yang berkurang dan ini boleh boleh dialami oleh diri seseorang yang berkenaan dan orang lain.

٢٤٧- وَعَنْهُ: أَنَّ امْرَأَةً مِنْ جُهَيْنَةَ جَاءَتْ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ: إِنَّ أُمِّي نَذَرَتْ أَنْ تَحُجَّ، فَلَمْ تَحُجَّ حَتَّى مَاتَتْ، أَفَأَحُجُّ عَنْهَا؟ قَالَ: نَعَمْ، حُجِّي عَنْهَا، أَرَأَيْتِ لَوْ كَانَ عَلَى أُمِّكِ دَيْنٌ، أَكُنْتِ قَاضِيَتَهُ؟ اقْضُوا اللهَ، فَاللهُ أَحَقُّ بِالْوَفَاءِ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

247. Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa seorang wanita dari Bani Juhainah datang menghadap kepada Nabi (s.a.w), lalu wanita itu bertanya: "Sesungguhnya ibuku pernah bernazar hendak melakukan ibadah haji, tetapi dia belum sempat mengerjakannya sehinggalah meninggal dunia, apakah saya boleh menghajikannya sebagai pengganti dirinya?" Nabi (s.a.w) menjawab: "Ya, tunaikanlah haji untuknya. Bagaimanakah menurutmu apabila ibumu mempunyai hutang, apakah kamu melangsaikannya? Bayarkanlah hak kepada Allah, kerana hak Allah lebih berhak untuk ditunaikan." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Seorang wanita dari Bani Juhainah menghadap kepada Nabi (s.a.w) kerana dia seorang yang berbakti kepada ibunya yang telah meninggal dunia dengan cara menghajikannya. Dia bertanya kepada Rasulullah (s.a.w): "Sesungguhnya ibuku pernah bernazar hendak melakukan ibadah haji ke Baitullah, tetapi dia tidak sempat menunaikannya sehinggalah meninggal dunia. Bolehkah saya yang menghajikannya dan apakah pahala hajiku sampai kepadanya?" Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Hajikanlah dia!"

Kemudian Nabi (s.a.w) memberikan contoh untuk menggambarkan bahawa ibadah haji yang dia lakukan secara qadha' untuk ibunya itu sah melalui perumpamaan supaya lebih mudah difahami dan lebih mudah untuk diterima olehnya. Untuk itu Nabi (s.a.w) bersabda: "Bagaimanakah menurutmu apabila ibumu mempunyai hutang berupa harta kepada seseorang, apakah engkau akan melangsaikan hutangnya?" Wanita itu menjawab: "Ya." Nabi (s.a.w) bersabda: "Bayarkanlah hak Allah, sesungguhnya hak Allah itu lebih berhak untuk ditunaikan daripada hutang kepada Bani Adam."

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Ibn Abbas (r.a) yang sumbemya sama dengan hadis sebelumnya.

"امْرَأَةً مِنْ جُهَيْنَةَ", nama sebuah puak dari kabilah Qudha'ah. Menurut satu pendapat, nama wanita itu adalah Ghaniyah, isteri Sinan ibn Abdullah al-Juhani.

"نَذَرَتْ", nazar adalah janji seorang mukallaf terhadap dirinya untuk melakukan suatu ketaatan kepada Allah (s.w.t) yang bersifat tidak mustahil dan tidak wajib melalui ucapan yang menunjukkan kepadanya.

"أَفَأَحُجُّ عَنْهَا؟", hamzah dalam kalimat ini menunjukkan makna *istifham* dalam bentuk meminta berita, sedangkan huruf *fa'* adalah huruf *'athaf* yang dikaitkan dengan lafaz yang sudah dibuang. Bentuk lengkapnya ialah: "Apakah sah apabila seorang anak menggantikan orang tuanya hingga saya boleh menghajikannya?"

"أَكُنْتِ قَاضِيَتَهُ؟", melangsaikan hutang tersebut.

"اقْضُوا الله", di dalam kalimat ini terdapat *mudhaf* yang dibuang. Bentuk lengkapnya ialah: "Tunaikanlah oleh kamu hak Allah!"

Fiqh Hadis

1. Wanita boleh meminta fatwa kepada lelaki apabila itu diperlukan.
2. Sah mengqadha' haji wajib untuk orang yang telah meninggal dunia.
3. Lelaki dibolehkan melakukan haji untuk wanita dan begitu pula sebaliknya.
4. Disyariatkan berbakti kepada kedua ibu bapa dengan memperhatikan urusan mereka dan melaksanakan kepentingan mereka seperti melangsaikan hutang, menghulurkan bantuan dan memberi nafkah serta lain-lain yang berkaitan dengan urusan dunia dan akhirat.
5. Mendahulukan hak Allah daripada hak manusia.
6. Mengungkapkan sesuatu yang masih dipertikai dan sesuatu yang sukar dengan mengumpamakannya dengan sesuatu yang telah diketahui.
7. Mengumpamakan sesuatu yang abstrak dengan sesuatu yang nyata supaya mudah difahami dan mampu memberi kesan yang mendalam di dalam hati.
8. Memberikan peringatan melalui analogi apabila mengandungi kemaslahatan, kerana cara ini lebih menenangkan hati orang yang meminta fatwa dan lebih mendorongnya untuk patuh terhadap apa yang telah difatwakan.
9. Melangsaikan hutang mayat yang berupa harta merupakan sesuatu yang telah sedia maklum di kalangan mereka dan telah menjadi satu ketetapan, hingga perumpamaan di sini dianggap tepat.
10. Hadis ini dan hadis lain yang seumpama dengannya men-*takhshish* pemahaman yang terdapat di dalam firman Allah (s.w.t):

وَأَن لَّيْسَ لِلْإِنسَـٰنِ إِلَّا مَا سَعَىٰ ﴿٣٩﴾

"*Bahawa seorang manusia tidak memperoleh selain apa yang telah diusahakannya.*" (Surah al-Najm: 39)

Oleh itu, tidak ada lagi percanggahan maksud atau pemahaman antara hadis tersebut dengan ayat di atas.

٢٤٨- وَعَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَيُّمَا صَبِيٍّ حَجَّ، ثُمَّ بَلَغَ الْحِنْثَ، فَعَلَيْهِ أَنْ يَحُجَّ حَجَّةً أُخْرَى، وَأَيُّمَا عَبْدٍ حَجَّ، ثُمَّ أُعْتِقَ، فَعَلَيْهِ أَنْ يَحُجَّ حَجَّةً أُخْرَى". رَوَاهُ ابْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَالْبَيْهَقِيُّ وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ، إِلاَّ أَنَّهُ اخْتُلِفَ فِي رَفْعِهِ، وَالْمَحْفُوظُ أَنَّهُ مَوْقُوفٌ.

248. Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Mana-mana kanak-kanak yang telah melakukan ibadah haji kemudian dia mencapai usia baligh, maka dia tetap mempunyai kewajipan untuk melakukan ibadah haji sekali lagi. Mana-mana hamba sahaya yang telah melakukan ibadah haji lalu dia dimerdekakan, maka dia tetap berkewajipan melakukan ibadah haji sekali lagi.*" (Diriwayatkan oleh Ibn Abu Syaibah dan al-Baihaqi. Semua periwayatnya adalah tsiqah, namun statusnya sebagai *marfu'* masih dipertikai. Apapun, hadis ini dikenali sebagai *mawquf*)

Makna Hadis

Haji adalah fardu untuk dikerjakan satu kali seumur hidup dan hanya diwajibkan bagi orang yang sudah berusia baligh, merdeka dan berkemampuan. Jika ada seorang kanak-kanak melakukan ibadah haji sebelum berusia baligh, maka hajinya itu dianggap sebagai amalan sunat. Oleh itu apabila usianya kelak telah mencapai baligh, maka dia wajib melakukan haji sekali lagi sebagai haji yang menunaikan rukun Islam. Demikian pula seorang hamba sahaya apabila melakukan ibadah haji sebelum dimerdekakan, maka hajinya itu merupakan haji sunat. Oleh itu, apabila dia telah dimerdekakan, maka dia wajib melakukan ibadah haji sekali lagi sebagai haji yang menunaikan rukun Islam. Kewajipan haji bagi kanak-kanak dan haji hamba sahaya tidak mencukupi mereka sebelum berusia baligh dan sebelum merdeka, kerana setiap melakukannya sebelum dikenakan kewajipan taklif (berkewajipan mengerjakan ibadah haji).

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", melalui Ibnu Abbas r.a yang sumbernya sama dengan hadis sebelumnya.

"أَيُّمَا صَبِيٍّ حَجَّ", haji kanak-kanak tetap dianggap sah, kerana dikerjakan sendiri sebelum dikenakan taklif. Huruf "ما" adalah tambahan untuk mengukuhkan makna, sedangkan lafaz "أي" di-*mudhaf*-kan kepada lafaz "صبي".

"الْحِنْثَ", dosa. Tetapi apa yang dimaksudkan di sini ialah mencapai usia baligh dan segala amal yang dilakukannya mula dicatat oleh malaikat. Jika amalnya baik, maka balasannya baik, namun jika amalnya buruk, maka balasannya pun buruk.

"إِلاَّ أَنَّهُ اخْتُلِفَ فِي رَفْعِهِ", hanya masalah *marfu'*-nya masih diperselisihkan oleh ulama. Muhammad ibn Ka'ab al-Qurazhi meriwayatkan sebuah hadis berikut secara *marfu'* bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

إِنِّي أُرِيْدُ أَنْ أُجَدِّدَ فِي صُدُوْرِ الْمُؤْمِنِيْنَ، أَيُّمَا صَبِيٍّ حَجَّ بِهِ أَهْلُهُ فَمَاتَ أَجْزَأَتْ فَإِنْ أَدْرَكَ فَعَلَيْهِ الْحَجُّ.

"*Sesungguhnya aku ingin menyegarkan hati kaum mukminin. Mana-mana kanak-kanak yang telah dihajikan oleh keluarganya, lalu anak itu meninggal dunia, maka hajinya sudah dianggap memadai. Tetapi jika dia hidup dan mencapai usia baligh, maka dia berkewajipan melakukan ibadah haji (sekali lagi).*"

"وَالْمَحْفُوظُ أَنَّهُ مَوْقُوفٌ", Ibn Khuzaimah berkata: "Mengikut pendapat yang sahih, hadis ini *mawquf*." Para ulama hadis berselisih pendapat mengenai kedudukannya sebagai *marfu'* dan *mawquf*." Imam Ahmad menyebutkan di dalam riwayat anaknya, iaitu Abdullah daripada Muhammad ibn Ka'ab al-Qurazhi, bahawa Nabi (s.a.w) bersabda:

أَيُّمَا صَبِيٍّ حَجَّ بِهِ أَهْلُهُ فَمَاتَ أَجْزَأَتْ عَنْهُ فَإِنْ أَدْرَكَ فَعَلَيْهِ الْحَجُّ، وَأَيُّمَا رَجُلٍ مَمْلُوْكٍ حَجَّ بِهِ أَهْلُهُ فَمَاتَ أَجْزَأَتْ عَنْهُ فَإِنْ أُعْتِقَ فَعَلَيْهِ الْحَجُّ.

"*Mana-mana kanak-kanak yang telah dihajikan oleh keluarganya, lalu dia meninggal dunia, maka itu sudah memadai baginya, tetapi jika dia hidup dan mencapai usia baligh, maka dia berkewajipan melakukan ibadah haji sekali lagi. Mana-mana hamba yang telah dihajikan oleh tuannya, lalu dia meninggal dunia, maka itu sudah memadai baginya, tetapi jika dia dimerdekakan, maka dia berkewajipan melakukan ibadah haji (sekali lagi).*"

Hadis ini diriwayatkan pula oleh Sa'id ibn Manshur dalam kitabnya al-Sunan dan Abu Dawud di dalam kitabnya al-Marasil. Imam Ahmad menegaskan bahawa hadis ini boleh dijadikan hujah. Ibn Taimiyyah berkata: "Apabila hadis mursal diamalkan oleh seorang sahabat, maka ia boleh dijadikan sebagai hujah mengikut kesepakatan ulama."

Fiqh Hadis

1. Baligh dan merdeka merupakan syarat yang harus dipenuhi bagi kewajipan melakukan ibadah haji.
2. Haji bagi kanak-kanak dan budak yang dilakukan sebelum usia baligh dan sebelum merdeka adalah sah, tetapi tidak mencukupi sebagai pelaksanaan haji bagi rukun Islam, yakni haji yang wajib.

٢٤٩- وَعَنْهُ: قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْطُبُ يَقُولُ: "لاَ يَخْلُوَنَّ رَجُلٌ بِامْرَأَةٍ إِلاَّ وَمَعَهَا ذُو مَحْرَمٍ، وَلاَ تُسَافِرُ الْمَرْأَةُ إِلاَّ مَعَ ذِي مَحْرَمٍ"، فَقَامَ رَجُلٌ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنَّ امْرَأَتِي خَرَجَتْ حَاجَّةً، وَإِنِّي اكْتُتِبْتُ فِي غَزْوَةِ كَذَا وَكَذَا، قَالَ: "انْطَلِقْ فَحُجَّ مَعَ امْرَأَتِكَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ.

249. Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda di dalam khutbahnya: "Jangan sekali-kali seorang lelaki berkhalwat dengan seorang wanita kecuali apabila wanita itu ditemani oleh mahramnya. Janganlah seorang wanita melakukan perjalanan kecuali ditemani oleh mahramnya." Kemudian berdirilah seorang lelaki, lalu berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya isteri saya ingin melakukan ibadah haji, sedangkan saya sendiri ditugaskan ke dalam perang ini dan perang itu." Nabi (s.a.w) bersabda: "Berangkatlah kamu dan tunaikanlah haji bersama isterimu!" (Muttafaq 'alaih. Lafaz hadis menurut Muslim)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) mengharamkan berkhalwat dengan wanita lain yang bukan mahram, kerana dikhuatiri syaitan menjerumuskan mereka berdua ke dalam fitnah. Tidaklah sekali-kali seorang lelaki berkhalwat dengan seorang perempuan melainkan syaitan sebagai orang yang ketiga. Jika wanita itu ditemani oleh mahramnya, baik mahram nasab, sesusuan atau semenda, maka itu tidak lagi dikatakan sebagai khalwat bila dia bersama lelaki lain. Termasuk ke dalam pengertian khalwat adalah melakukan suatu perjalanan dengan wanita tanpa mengira sama ada perjalanan tersebut berjarak dekat ataupun berjarak jauh. Untuk itu, seorang wanita tidak boleh musafir kecuali dengan mahramnya kerana mengambil berat makna hadis di atas, iaitu dikhuatiri terjadi fitnah.

Nabi (s.a.w) menyuruh seorang suami berangkat bersama isterinya, kerana isterinya ingin melaksanakan haji fardu. Perintah ini hanyalah sebagai anjuran belaka, bukan wajib dan si suami tidak boleh melarang isterinya untuk menunaikan haji fardu, kerana ibadah haji merupakan ibadah fardu, sedangkan menurut kaedah tidak ada ketaatan kepada makhluk untuk berbuat maksiat terhadap Allah. Tetapi

suami dibolehkan melarangnya apabila haji yang dilakukannya itu adalah bersifat sunat. Kedudukan mahram dalam keadaan tertentu boleh digantikan dengan orang lain seperti seorang wanita musafir bersama rombongan yang boleh dipercaya.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Ibn Abbas (r.a) yang sumbernya sama dengan hadis sebelumnya.

"لاَ يَخْلُوَنَّ رَجُلٌ بِامْرَأَةٍ", seorang lelaki tidak boleh berkhalwat dengan seorang wanita lain, baik yang masih muda ataupun yang sudah tua. Larangan diungkapkan dalam bentuk *tawkid* (penekanan) untuk menunjukkan makna *mubalaghah* (sangat).

"إِلاَّ وَمَعَهَا ذُو مَحْرَمٍ", kecuali apabila wanita itu ditemani oleh mahramnya seperti ayahnya, saudara lelakinya, anak lelakinya, atau suaminya. Termasuk ke dalam pengertian mahram ini adalah mahram kerana nasab, seusuan atau semenda. Termasuk ke dalam pengertian mahram kerana nasab dan sesusuan ialah bapa saudara dari sebelah ayah, bapa saudara dari sebelah ibu, anak lelaki saudara lelaki, dan anak lelaki saudara perempuan. Termasuk ke dalam pengertian mahram kerana semenda adalah anak lelaki suami, mertua lelaki, suami apabila dikaitkan dengan mertua perempuan, anak perempuan isteri yang bukan dari hasil perkahwinan bersamanya dan isteri anak lelaki. Namun Imam Malik memakruhkan apabila seorang wanita musafir dengan anak lelaki suaminya sebagai langkah berjaga-jaga.

"إِنَّ امْرَأَتِي خَرَجَتْ حَاجَّةً", isteriku hendak menunaikan ibadah haji, sedangkan tidak ada seorang lelaki mahram pun yang menemaninya.

"وَإِنِّي اكْتُتِبْتُ فِي غَزْوَةِ كَذَا وَكَذَا", sedangkan aku telah ditetapkan termasuk salah seorang yang harus berangkat menunaikan jihad.

"انْطَلِقْ فَحُجَّ مَعَ امْرَأَتِكَ", berangkatlah bersama isterimu. Di dalam kalimat ini terdapat maksud yang mesti mengutamakan urusan yang lebih penting, kerana dalam berjihad kedudukannya boleh digantikan dengan orang lain. Sedangkan melakukan ibadah haji bersama isterinya, tidak ada seorang pun yang boleh menggantikan kedudukannya bersama isterinya.

Perintah dalam hadis ini mengandungi hukum sunat. Apa yang memalingkannya daripada hukum wajib ialah apa yang telah ditetapkan dalam kaedah agama bahawa seseorang tidak diwajibkan mengorbankan kepentingan peribadinya untuk menolong orang lain dalam menunaikan kewajipan yang mesti dipikul di atas tanggungjawabnya.

Fiqh Hadis

1. Haram berkhalwat dengan wanita lain yang bukan mahram.
2. Wanita diharamkan melakukan perjalanan tanpa ditemani oleh mahramnya. Mazhab Hanbali dan mazhab al-Syafi'i mengatakan bahawa seorang wanita tidak boleh musafir untuk tujuan apa jua sekalipun, meskipun untuk melakukan ibadah haji apabila tidak ditemani oleh suami atau mahramnya.

Mazhab Hanafi mengatakan bahawa wanita tidak boleh melakukan perjalanan selama tiga hari atau lebih, kecuali apabila ditemani oleh mahramnya atau suaminya. Namun, dia dibolehkan melakukan perjalanan yang kurang daripada tiga hari tanpa mahram atau tanpa suami dengan syarat keadaannya aman daripada fitnah. Mazhab Maliki mengatakan bahawa wanita tidak boleh melakukan musafir selama sehari semalam kecuali apabila ditemani oleh mahramnya atau rombongan yang boleh dipercaya, baik terdiri daripada kaum lelaki ataupun kaum wanita, tanpa mengira sama ada wanita yang musafir itu masih muda atau sudah tua, juga tanpa mengira sama ada mahram yang menemaninya sudah berusia baligh, masih kanak-kanak ataupun sudah mumayiz.

3. Dalam beberapa hadis telah disebutkan batasan larangan musafir bagi wanita selama satu hari satu malam, dua hari, atau tiga hari, tetapi bukanlah itu yang dimaksud sebenarnya, melainkan wanita dilarang melakukan musafir seorang diri apabila keselamatannya masih dikhuatirkan, lebih-lebih lagi pada zaman sekarang di mana banyak dijumpai kes-kes rogol dan gangguan seksual. Batasan ini hanyalah dikaitkan dengan situasi dan keadaan ketika hadis ini diketengahkan.
4. Ibadah haji wanita dianggap sah, sekalipun dia berangkat untuk menunaikannya tanpa ditemani oleh mahram tetapi dia dianggap telah melakukan maksiat kerana berangkat melakukan perjalanan seorang diri atau tanpa izin daripada suami.

٢٥٠- وَعَنْهُ: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَمِعَ رَجُلاً يَقُولُ: لَبَّيْكَ عَنْ شُبْرُمَةَ، قَالَ: "مَنْ شُبْرُمَةُ؟" قَالَ: أَخٌ لِي أَوْ قَرِيبٌ لِي، قَالَ: "حَجَجْتَ عَنْ نَفْسِكَ؟" قَالَ: لاَ. قَالَ: "حُجَّ عَنْ نَفْسِكَ، ثُمَّ حُجَّ عَنْ شُبْرُمَةَ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ، وَابْنُ مَاجَه وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ، وَالرَّاجِحُ عِنْدَ أَحْمَدَ وَقْفُهُ.

250. Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah mendengar seorang lelaki mengucapkan: "Aku penuhi panggilan-Mu sebagai pengganti Syubrumah." Mendengar itu, Nabi (s.a.w) bertanya: "Siapakah Syubrumah itu?" Lelaki itu menjawab: "Saudara lelakiku," atau "Seorang kerabatku." Nabi (s.a.w) bertanya: "Apakah engkau telah melakukan ibadah haji untuk dirimu sendiri?" Lelaki itu menjawab: "Belum." Nabi (s.a.w) bersabda: "Berhajilah untuk dirimu sendiri, kemudian hajikanlah Syubrumah." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan Ibn Majah, serta dinilai sahih oleh Ibn Hibban. Tetapi menurut pendapat yang kuat di sisi Imam Ahmad, ia adalah *mawquf*)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) menjelaskan bahawa orang yang belum pernah melakukan ibadah haji untuk dirinya sendiri tidak boleh menghajikan orang lain. Jadi, jika dia telah berihram untuk orang lain, maka ihramnya tidak sah melainkan untuk untuk dirinya sendiri, kerana niat untuk orang lain dalam keadaan seperti itu dilarang, sedangkan larangan itu menunjukkan apa yang dilakukannya itu batal. Batalnya sifat ihram tidak mengharuskan asal ihram itu sendiri menjadi batal, kerana Nabi (s.a.w) menyuruh orang yang bertalbiyah untuk Syubrumah tersebut agar menjadikan ihram untuk dirinya sendiri.

Haji diwajibkan pada permulaan tahun sejak seseorang itu memiliki kemampuan. Jadi, barang siapa yang berkemampuan mengerjakannya untuk dirinya sendiri, maka dia wajib melakukannya kerana haji tersebut hukumnya wajib baginya dan dia tidak boleh mengerjakannya untuk orang lain. Mengerjakan haji untuk orang lain hukumnya sunat sama halnya dengan orang yang mempunyai hutang di mana dia wajib membayar hutangnya terlebih dahulu sebelum bersedekah.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Ibn Abbas (r.a) yang sumbernya sama dengan hadis sebelumnya.

"أَخٌ لِي أَوْ قَرِيبٌ لِي", lafaz "أو" yang bermaksud "atau" menunjukkan makna ragu dari pihak periwayat.

"وَالرَّاجِحُ عِنْدَ أَحْمَدَ وَقْفُهُ", menurut pendapat yang kuat, Imam Ahmad berkata: "Hadis ini *mawquf*." Hadis yang serupa turut diriwayatkan oleh al-Daruqutni dan al-Baihaqi, namun al-Baihaqi berkata: "Sanad hadis ini sahih." Ibn Taimiyyah berkata: "Imam Ahmad dalam riwayat anaknya, Shaleh, yang bersumber daripadanya juga mengatakan bahawa hadis ini dha'if." Ini bererti Imam Ahmad telah meneliti kedudukan *marfu'* hadis ini dengan saksama dan ia mengatakan bahawa hadis ini telah dinilai *marfu'* oleh sekumpulan ulama." Pada dasarnya, meskipun hadis ini *mawquf*, tetapi tidak ada seorang pun yang berpendapat berbeza dengan Ibn Abbas (r.a).

Fiqh Hadis

Tidak sah menghajikan orang lain sebelum orang yang berkenaan melakukan ibadah haji untuk dirinya sendiri, kerana orang yang tidak mempunyai sesuatu tidak akan dapat memberikannya kepada orang lain.

Mazhab Hanbali dan mazhab al-Syafi'i mengatakan bahawa barang siapa melakukan ihram untuk orang lain, maka ihramnya itu untuk dirinya sendiri, bukan untuk orang lain.

Mazhab Hanafi dan mazhab Maliki mengatakan bahawa seseorang yang menghajikan orang lain maka hukumnya makruh, apabila dirinya sendiri belum

pernah melakukan haji. Mereka mentafsirkan perintah yang terdapat di dalam hadis ini sebagai sunat atau kes di dalam hadis ini hanya berkaitan dengan masalah peribadi hingga tidak bersifat umum.

٢٥١- وَعَنْهُ قَالَ: خَطَبَنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: "إِنَّ اللهَ كَتَبَ عَلَيْكُمُ الْحَجَّ"، فَقَامَ الْأَقْرَعُ بْنُ حَابِسٍ فَقَالَ: أَفِي كُلِّ عَامٍ يَا رَسُولَ اللهِ؟ قَالَ: "لَوْ قُلْتُهَا لَوَجَبَتْ، الْحَجُّ مَرَّةٌ، فَمَا زَادَ فَهُوَ تَطَوُّعٌ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ غَيْرَ التِّرْمِذِيِّ. وَأَصْلُهُ فِي مُسْلِمٍ مِنْ حَدِيثِ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ.

251. Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah berkhutbah kepada kami, lalu bersabda: "Sesungguhnya Allah telah mewajibkan ibadah haji bagi kamu." Kemudian berdirilah al-Aqra' ibn Habis, lalu bertanya: "Wahai Rasulullah, apakah untuk setiap tahun?" Nabi (s.a.w) menjawab: "Seandainya aku mengiyakannya, nescaya ia diwajibkan setiap tahun. Haji dilakukan hanya sekali (seumur hidup). Adapun selebihnya, maka hukumnya sunat." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah selain al-Tirmizi. Asal hadis ini berada pada riwayat Muslim daripada Abu Hurairah (r.a)

Makna Hadis

Haji merupakan rukun Islam kelima dan ia tidak diwajibkan sepanjang tahun melainkan hanya sekali seumur bagi setiap orang mukallaf yang berkemampuan. Adapun selebihnya, yakni lebih daripada satu kali, maka hukumnya sunat kecuali jika seorang bernazar untuk melaksanakan ibadah haji, maka dia wajib memenuhi nazarnya itu.

Rasulullah (s.a.w) amat berbelas kasihan kepada umatnya. Oleh itu, baginda tidak menyukai pertanyaan seorang lelaki yang menanyakan pengulangan kewajipan pelaksanaan haji. Nabi (s.a.w) merasa khuatir apabila Allah memfardukan ibadah haji secara berulang-ulang setiap tahun, hingga pada akhirnya mereka tidak mampu mengerjakannya, sebagaimana yang terjadi kepada kaum bani Israel yang kisahnya disebutkan di dalam firman-Nya:

.....وَرَهْبَانِيَّةً ٱبْتَدَعُوهَا مَا كَتَبْنَـٰهَا عَلَيْهِمْ إِلَّا ٱبْتِغَآءَ رِضْوَٰنِ ٱللَّهِ فَمَا رَعَوْهَا حَقَّ رِعَايَتِهَا ۖ ..... ﴿٢٧﴾

"... Dan mereka mengada-adakan ruhbaniyah, padahal Kami tidak mewajibkannya kepada mereka, tetapi (mereka sendirilah yang. mengada-adakannya) untuk mencari keredaan Allah, lalu mereka tidak memeliharanya dengan pemeliharaan yang semestinya..." (Surah

al-Hadid: 27)

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Ibn Abbas (r.a) yang sumbernya sama dengan hadis sebelumnya.

"إِنَّ اللهَ كَتَبَ عَلَيْكُمُ الْحَجَّ", sesungguhnya Allah telah mewajibkan ibadah haji kepada kamu.

"فَقَامَ الْأَقْرَعُ بْنُ حَابِسٍ", nama aslinya ialah Firas, sedangkan nama panggilannya ialah al-Aqra' kerana kepalanya botak. Dia menjadi delegasi kaumnya menghadap Nabi (s.a.w) dan turut serta dalam pembukaan kota Mekah, Hunain serta al-Tha'if. Pada mulanya dia termasuk salah seorang yang dijinakkan hatinya (muallaf) supaya masuk Islam, tetapi setelah masuk Islam dia pun banyak memberikan sumbangan yang besar untuk Islam. Pada zaman Jahiliah dia adalah orang yang disegani dan begitu pula pada masa Islam. Pada masa Khalifah Utsman dia dilantik oleh Abdullah ibn 'Amir menjadi pemimpin pasukan yang diberangkatkan menuju Khurrasan. Dia pun akhirnya mati syahid di al-Jauzujan. Menurut pendapat yang lain, dia mati syahid dalam Perang al-Yarmuk bersama sepuluh orang anak lelakinya.

"أَفِي كُلِّ عَامٍ", apakah ibadah haji difardukan kepada kami setiap tahun? Dia mengajukan pertanyaan ini berdasarkan analogi dengan ibadah-ibadah lain yang dilakukan secara berulang seperti puasa dan zakat. Ibadah yang pertama merupakan ibadah *badaniah*, sedangkan yang kedua merupakan ibadah *maliah* dan ibadah haji menggabungkan di antara keduanya, yakni badaniah dan maliah.

"لَوْ قُلْتُهَا لَوَجَبَتْ", nescaya ibadah haji diwajibkan berulang kali jika aku mengiyakannya.

"فَمَا زَادَ", adapun selebihnya, yakni lebih dari sekali.

"وَأَصْلُهُ فِي مُسْلِمٍ مِنْ حَدِيثِ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ", asal hadis ini berada pada Muslim daripada Abu Hurairah (r.a), yang lafaznya berbunyi sebagai berikut:

خَطَبَنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ فَرَضَ اللهُ عَلَيْكُمُ الْحَجَّ فَحُجُّوا، فَقَالَ رَجُلٌ: أَكُلَّ عَامٍ يَا رَسُولَ اللهِ، فَسَكَتَ حَتَّى قَالَهَا ثَلاَثًا، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَوْ قُلْتُ نَعَمْ لَوَجَبَتْ وَلَمَا اسْتَطَعْتُمْ، ثُمَّ قَالَ: ذَرُونِي مَا تَرَكْتُكُمْ، فَإِنَّمَا هَلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ بِكَثْرَةِ سُؤَالِهِمْ وَاخْتِلاَفِهِمْ عَلَى أَنْبِيَائِهِمْ، فَإِذَا أَمَرْتُكُمْ بِشَيْءٍ فَأْتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ وَإِذَا نَهَيْتُكُمْ عَنْ شَيْءٍ فَدَعُوهُ.

"Rasulullah (s.a.w) berkhutbah kepada kami. Baginda bersabda: "Wahai manusia, Allah telah mewajibkan ibadah haji kepada kamu. Oleh itu, tunaikanlah haji kamu!" Seorang lelaki bertanya: "Apakah setiap tahun, wahai Rasulullah?" Nabi

(s.a.w) diam hingga lelaki itu mengulangi semula pertanyaannya sampai tiga kali. Setelah itu Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Seandainya aku mengatakan ya, nescaya itu diwajibkan setiap tahun, tetapi kamu pasti tidak akan mampu melakukannya." Kemudian baginda bersabda: "Biarkanlah diriku selagi aku tidak memerintahkannya kepada kamu. Sesungguhnya orang sebelum kamu telah binasa hanya kerana mereka banyak bertanya dan sering kali menentang nabi-nabi mereka. Apabila aku memerintahkan sesuatu kepada kamu, maka kerjakanlah itu semampu kamu dan apabila aku melarang sesuatu kepada kamu, maka tinggalkanlah!"

"قَدْ فَرَضَ الله عَلَيْكُمْ الْحَجَّ فَحُجُّوا", ucapan ini disabdakan olehl Nabi (s.a.w) ketika diturunkan firman Allah:

..... وَلِلَّهِ عَلَى ٱلنَّاسِ حِجُّ ٱلْبَيْتِ مَنِ ٱسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا ۚ ..... ﴿٩٧﴾

"*… Mengerjakan haji adalah kewajipan manusia terhadap Allah, iaitu (bagi) orang yang sanggup mengadakan perjalanan ke Baitullah...*" (Surah Ali Imran: 97)

Maka berhajilah 'Itab ibn Usaid dengan membawa orang ramai pada tahun 8 Hijriah dan Abu Bakar (r.a) berhaji bersama mereka pada tahun 9 Hijriah, sedangkan haji yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) adalah pada tahun 10 Hijriah.

"أَكُلَّ عَامٍ", apakah kami wajib melakukannya setiap tahun?

"فَسَكَتَ", Rasulullah (s.a.w) diam dan tidak mahu menjawab soalan itu dengan tujuan tidak soalan lagi berkaitan masalah ini. Tetapi ketika baginda melihat dia tidak mahu menghentikan pertanyaannya, maka baginda menjawabnya dengan nada mencemuh.

"لَوْ قُلْتُ نَعَمْ لَوَجَبَتْ", seandainya aku katakan ya, nescaya itu akan diwajibkan ke atas kamu. *Dhamir* yang terdapat di dalam lafaz "لوجبت" merujuk kepada lafaz "الحج", tetapi dalam bentuk *ta'nits* kerana haji merupakan ibadah atau ia bermaksud "حجة", yakni nescaya ibadah haji itu diwajibkan setiap tahun.

"وَلَمَا اسْتَطَعْتُمْ", dan pasti kamu tidak akan mampu mengerjakannya kerana sangat berat.

"ذَرُونِي مَا تَرَكْتُكُمْ", biarkanlah diriku selagi tidak memerintahkannya kepada kamu.

"بِكَثْرَةِ سُؤَالِهِمْ", yakni pertanyaan-pertanyaan yang sama sekali tidak ada manfaatnya.

"وَاخْتِلاَفِهِمْ عَلَى أَنْبِيَائِهِمْ", mereka menentang nabi-nabi mereka.

"فَأْتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ", maka kerjakanlah menurut kemampuan kamu.

"وَإِذَا نَهَيْتُكُمْ عَنْ شَيْءٍ فَدَعُوهُ", apabila aku melarang sesuatu kepada kamu, maka tinggalkanlah seluruhnya, kerana meninggalkan perkara-perkara yang diharamkan secara keseluruhan lebih mudah dilakukan oleh seseorang, berbeza dengan mengerjakan segala bentuk amal ibadah.

Fiqh Hadis

1. Haji diwajibkan sekali seumur hidup. Jumhur ulama mengatakan bahawa ibadah haji merupakan kewajipan yang bersifat segera dan berdosalah bagi orang yang menangguhkannya apabila dia telah berkemampuan untuk mengerjakannya. Imam al-Syafi'i mengatakan bahawa haji merupakan wajib *tarakhi* (yang bersifat tidak segera). Oleh itu tidak berdosa menangguhkannya, meskipun seseorang itu sudah berkemampuan untuk melakukannya.
2. Jika seorang muslim pernah melakukan ibadah haji sebanyak satu kali, lalu dia murtad, kemudian masuk Islam lagi, maka dia tidak diwajibkan mengulangi semula ibadah hajinya. Imam al-Syafi'i berkata: "Orang murtad tidak diwajibkan mengulangi semula ibadah hajinya." Jumhur ulama mengatakan bahawa seandainya orang murtad kembali masuk Islam, maka semua amal baiknya tidak kembali lagi kepadanya. Tetapi dia tidak diwajibkan mengulangi semula amal-amal kebaikan yang telah dia kerjakan sebelum dia murtad, kecuali ibadah haji. Dia tetap diwajibkan mengulanginya kerana waktu ibadah haji hanya sekali seumur hidup. Setelah semua amalnya dihapuskan lantaran murtad, kemudian dia masuk Islam semula dan waktu haji tiba, maka dia wajib melakukan ibadah haji. Dia pun diwajibkan mengulangi amal fardu yang telah dikerjakannya sebelum murtad, lalu masuk Islam lagi pada saat itu.
3. Perintah yang mutlak tidak menunjukkan maksud secara berulang kecuali ada bukti yang menunjukkan adanya pengulangan.

Kesimpulan

Dari hadis-hadis yang dihimpun dalam bab ini dapat disimpulkan beberapa perkara sebagai berikut:

1. Anjuran untuk memperbanyak ibadah umrah dan membersihkan ibadah haji daripada noda-noda dosa.
2. Menjelaskan bahawa pahala ibadah haji tidak hanya sekadar menghapuskan sebahagian dosa-dosa, melainkan dapat menghantarkan seseorang masuk syurga. Menjelaskan bahawa hak Allah hendaklah lebih diutamakan daripada hak hamba-hamba-Nya dan menjelaskan hukum ibadah umrah.
3. Wajib mengerjakan haji dan menundukkan pandangan mata.
4. Disyaratkan memiliki bekalan dan kenderaan bagi orang yang hendak mengerjakan ibadah haji.
5. Haji bagi kanak-kanak dianggap sah dan sah pula mengqadha' haji wajib bagi orang yang telah meninggal dunia.
6. Dibolehkan membonceng di belakang haiwan kenderaan selagi haiwan itu kuat; dibonceng pemimpin suatu masyarakat; mendengarkan suara wanita yang bukan mahram apabila itu diperlukan, misalnya meminta fatwa dan

ber-*mu'amalah*; menghajikan orang lain; lelaki melakukan ibadah haji untuk wanita; wanita melakukan haji untuk lelaki; dan wanita berhaji tanpa mahram apabila keadaannya aman daripada sebarang fitnah.

7. Gambaran tentang sikap rendah hati Rasulullah (s.a.w).
8. Wanita hendaklah membuka tabir wajahnya ketika melakukan ihram.
9. Diwajibkan merubah perkara yang mungkar mengikut kemampuan.
10. Watak manusia itu lemah dan mudah dikuasai oleh nafsu syahwat.
11. Anjuran berbakti kepada kedua ibu bapa dengan mengerjakan urusan mereka, melangsaikan hutang mereka dan melakukan ibadah haji untuk yang tidak mampu di antara keduanya.
12. Mengumpamakan sesuatu yang abstrak dengan sesuatu yang nyata supaya lebih mudah difahami dan berkesan di dalam hati, dan mengumpamakan perkara yang sukar dengan sesuatu yang telah diketahui bersama.
13. Memberi peringatan dengan mengemukakan bukti-bukti apabila itu bermanfaat. Cara ini lebih mudah diterima oleh orang yang meminta fatwa dan lebih menggerakkan hatinya untuk mengamalkan fatwanya.
14. Melangsaikan hutang harta yang ditanggung oleh si mayat.
15. Haram memandang wanita lain yang bukan mahram, dan haram wanita melakukan perjalanan tanpa mahram.

Soalan

1. Apakah takrif ibadah haji dan umrah itu? Bagaimanakah hukumnya?
2. Bagaimanakah hukum mengulangi ibadah umrah pada tahun yang sama?
3. Apakah yang dimaksudkan dengan "dosa-dosa yang dapat dihapuskan" dalam hadis Rasulullah (s.a.w): "العمر إلى العمرة كفارة لما بينهما"?
4. Bilakah ibadah haji diwajibkan? Sebutkan hikmahnya!
5. Ceritakan perihal kaum wanita pada zaman permulaan Islam!
6. Apakah melakukan manasik dapat sebanding dengan nilai berjihad bagi kaum lelaki?
7. Mengapa manasik tersebut diberi nama jihad?
8. Apakah yang dimaksudkan dengan istilah al-Shahih di dalam kalimat: "وأصله في الصحيح"?
9. I'rabkan kalimat berikut "وأن تعتمر خير لك", "لا قتال فيه" dan "وأيما صبي"!
10. Sebutkan perselisihan pendapat ulama mengenai masalah wajib ataupun tidak melaksanakan ibadah umrah! Sebutkan pula dalil masing-masing kedua belah pihak!
11. Siapakah Arab badwi yang dimaksud dalam hadis itu?
12. Sebutkan takrif *al-Sabil* menurut bahasa dan syarak!
13. Apakah makna *al-Zad* dan apa pula syaratnya?
14. Apakah makna *al-Rahilah*! Siapakah yang disyaratkan untuknya?

15. Bezakan *al-Istitha'ah* secara khusus dan secara umum!
16. Bagaimanakah hukum melakukan ibadah haji dengan menggunakan harta haram?
17. Jelaskan mazhab Imam Malik dalam mentafsirkan lafaz *al-Istitha'ah* untuk haji! Mengapa beliau tidak mengamalkan hadis dalam bab ini?
18. Apakah *al-Rauha'* itu?
19. Mengapa rombongan itu tidak mengenali Rasulullah (s.a.w)?
20. Apakah haji kanak-kanak dianggap sah? Apakah hajinya itu sudah memadai untuk menggantikan haji Islam apabila dia telah berusia baligh (dewasa) kelak?
21. Bilakah seorang wali menggantikan haji kanak-kanak?
22. Sebutkan kisah wanita dari kabilah Khats'am! Bilakah itu terjadi dan di mana?
23. Apakah ketetapan Nabi (s.a.w) termasuk Sunnah? Sebutkanlah alasan anda!
24. Mengapa Nabi (s.a.w) memalingkan wajah al-Fadhl? Kesimpulan apakah yang dapat anda ambil dari kisah ini?
25. Bagaimanakah hukum membonceng di belakang haiwan kenderaan?
26. Bagaimanakah hukum melakukan haji untuk orang yang lanjut usia?
27. Apakah yang telah difahami oleh wanita yang bertanya kepada Nabi (s.a.w)? Apa pula yang belum dia fahami? Siapakah nama wanita itu?
28. Siapakah Juhainah itu?
29. Apakah wanita boleh melakukan haji untuk lelaki?
30. Apakah takrif nazar itu?
31. Jelaskan makna perumpamaan yang terdapat di dalam hadis: "Bagaimanakah menurutmu apabila ibumu mempunyai hutang, apakah engkau akan melangsaikannya"?
32. Sebutkan hikmah dalil hukum dalam hadis ini!
33. Manakah yang lebih diutamakan, apakah hutang kepada Allah ataukah utang kepada hamba Allah?
34. Apakah makna "الحنث"?
35. Sebutkan syarat fardu haji!
36. Apakah haji yang dilakukan oleh kanak-kanak dan hamba sahaya dianggap sah?
37. Bagaimanakah hukum berkhalwat dengan wanita lain yang bukan mahram?
38. Sebutkanlah hikmah larangan berkhalwat dengan wanita lain!
39. Apakah yang dimaksudkan dengan istilah mahram?
40. Apakah selain mahram dapat menduduki posisi orang mahram?

41. Apakah dalam perjalanan yang dilarang itu terdapat batasan waktu tertentu? Sebutkan makna hadis yang membahas masalah ini!
42. Bagaimanakah hukum wanita yang mengerjakan haji tanpa ditemani oleh mahramnya? Apakah hajinya sah? Apakah suami turut diwajibkan berangkat bersamanya?
43. Jelaskan makna perintah di dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "انطلق"! Sebutkanlah *qarinah*-nya (buktinya)!
44. Bagaimanakah hukum menghajikan orang lain sebelum dia sendiri melakukan ibadah haji untuk dirinya sendiri? Sebutkan pendapat ulama mengenai masalah ini serta dalil mereka yang membolehkannya dalam hadis ini!
45. Apakan yang dimaksudkan dengan hadis *mawquf* dan hadis *marfu'*!
46. Berapa kalikah ibadah haji diwajibkan selama hidup?
47. Apakah ibadah haji diwajibkan pada setiap tahun?
48. Apakah perintah itu menunjukkan makna berulang-ulang?
49. Mengapa Nabi (s.a.w) tidak suka dengan pertanyaan al-Aqra'?
50. Apakah yang dikhuatirkan oleh Rasulullah (s.a.w) terhadap umatnya?

BAB AL-MAWAQIT (TEMPAT (MEMULAKAN IHRAM

٢٥٢- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَّتَ لِأَهْلِ الْمَدِينَةِ: ذَا الْحُلَيْفَةِ، وَلِأَهْلِ الشَّامِ: الْجُحْفَةَ، وَلأَهْلِ نَجْدٍ: قَرْنَ الْمَنَازِلِ، وَلِأَهْلِ الْيَمَنِ: يَلَمْلَمَ، هُنَّ لَهُنَّ وَلِمَنْ أَتَى عَلَيْهِنَّ مِنْ غَيْرِهِنَّ مِمَّنْ أَرَادَ الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ، وَمَنْ كَانَ دُونَ ذَلِكَ فَمِنْ حَيْثُ أَنْشَأَ، حَتَّى أَهْلُ مَكَّةَ مِنْ مَكَّةَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

252. Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) telah menetapkan miqat bagi penduduk Madinah di Zul Hulaifah, bagi penduduk Syam di al-Juhfah, bagi penduduk Najd di Qarnul Manazil, dan bagi penduduk Yaman di Yalamlam. Miqat-miqat tersebut diperuntukkan bagi mereka dan juga bagi orang yang datang dari arah lain untuk menunaikan ibadah haji atau umrah. Bagi seseorang yang berada lebih dekat dengan apa yang telah ditetapkan itu maka miqatnya dimulai dari tempat dia berangkat, hingga penduduk Mekah memulakan ihram di Mekah. (Muttafaq 'alaih)

٢٥٣- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَّتَ لِأَهْلِ الْعِرَاقِ ذَاتَ عِرْقٍ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ. وَأَصْلُهُ عِنْدَ مُسْلِمٍ مِنْ حَدِيثِ جَابِرٍ إِلاَّ أَنَّ رَاوِيَهُ شَكَّ فِي رَفْعِهِ. وَفِي صَحِيحِ الْبُخَارِيِّ: أَنَّ عُمَرَ هُوَ الَّذِي وَقَّتَ ذَاتَ عِرْقٍ. وَعِنْدَ أَحْمَدَ وَأَبِي دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيِّ: عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَّتَ لِأَهْلِ الْمَشْرِقِ: الْعَقِيقَ.

253. Daripada Aisyah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) telah menetapkan miqat bagi penduduk Iraq di Dzat 'Irqin. (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Nasa'i) Asal hadis ini berada pada Muslim daripada Jabir (r.a) namun periwayatnya masih

meragukan sama ada *marfu'* atau sebaliknya. Di dalam kitab Shahih al-Bukhari disebutkan bahawa Khalifah Umar yang menetapkan miqat Dzat 'Irqin. Menurut riwayat Imam Ahmad dan Abu Dawud serta al-Tirmizi, daripada Ibn Abbas (r.a) disebutkan: "Nabi (s.a.w) telah menetapkan miqat bagi penduduk Masyriq (penduduk negeri Iraq) di al-Aqiq."

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) menjelaskan miqat-miqat bagi orang yang hendak memenuhi seruan Allah (s.w.t) (untuk menunaikan haji dan umrah) dari kalangan penduduk kota dan negeri yang bersebelahan dengannya.

Nabi (s.a.w) mengkhususkan ihram orang yang datang dari Madinah dimulai dari Zul Hulaifah, orang yang datang dari negeri Syam ihramnya dimulai dari al-Juhfah, orang yang datang dari Najd ihramnya dimulai dari Qarnul Manazil, orang yang datang dari negeri Yaman ihramnya dimulai dari Yalamlam, dan orang yang datang dari arah timur (Iraq) ihramnya dimulai dari al-'Aqiq.

Adapun orang yang berada di antara miqat dengan Mekah, maka dia berihram dari tempat di mana dia berangkat. Adapun bagi penduduk Mekah dan orang yang bermukim di dalamnya, mereka memulakan ihramnya dari Mekah (yakni tempat di mana dia tinggal), tanpa harus keluar lebih dahulu menuju ke tempat miqat.

Demikianlah penjelasan mengenai miqat-miqat syar'iyyah beserta penetapannya yang bersifat *ta'abbudiyyah*, yakni tidak ada peranan bagi akal untuk memutuskannya.

Analisis Lafaz

"النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَّتَ", Rasulullah (s.a.w) menetapkan tempat-tempat ini sebagai batasan untuk memulakan ihram. Oleh itu, orang yang hendak melakukan haji atau umrah tidak boleh melewatinya kecuali dalam keadaan berihram.

"لِأَهْلِ الْمَدِينَةِ: ذَا الْحُلَيْفَةِ", mereka berihram dari Zul Hulaifah. Zul Hulaifah adalah nama sebuah tempat yang terletak di sebelah barat daya kota Madinah. Jarak antara Madinah dengan Zul Hulaifah lebih kurang enam mil. Di tempat ini terdapat sebuah masjid yang dikenali dengan nama Masjid al-Syajarah dan sebuah sumur yang dikenali dengan nama Bi'ir 'Ali. Tempat ini merupakan miqat yang paling jauh daripada Mekah, terletak di sebelah utara dengan jarak sepuluh marhalah (450 km). Tetapi menurut pendapat yang lain, jaraknya sekitar sembilan marhalah dari Mekah.

"الْجُحْفَةَ, nama sebuah kampung yang terletak di sebelah barat laut Mekah, jauhnya lebih kurang empat marhalah dari Mekah (187 km). Diberi nama demikian kerana banjir pernah menyerangnya pada suatu masa dahulu hingga tanda-tanda daerah itu musnah. Oleh itu, orang ramai selalunya berihram dari Rabigh —nama sebuah tempat yang terletak di sebelah utaranya— sebagai langkah berhati-hati. Jarak antara Rabigh dengan Mekah lebih kurang 204 kilometer.

"نَجْدٍ", setiap dataran tinggi (pegunungan). Najd merupakan nama bagi sepuluh tempat, tetapi makna yang dimaksudkan di sini ialah tempat yang paling tinggi, iaitu Tihamah dan Yaman, sedangkan yang paling rendah ialah Syam dan Iraq.

"قَرْنَ الْمَنَازِل", nama sebuah bukit yang bundar lagi licin seakan-akan seperti sebuah telur yang kelihatan dari Arafah. Ia terletak di sebelah timur laut Mekah, jauhnya lebih kurang dua marhalah atau 94 kilometer dari Mekah. Makna asal *al-Qarn* ialah bukit kecil yang terpisah daripada bukit yang besar.

"يَلَمْلَمَ", nama sebuah bukit yang terletak di sebelah selatan Mekah, jauhnya lebih kurang dua marhalah dari Mekah.

"هُنَّ لَهُنَّ وَلِمَنْ أَتَى عَلَيْهِنَّ مِنْ غَيْرِهِنَّ", miqat-miqat tersebut diperuntukkan bagi orang yang telah disebutkan dari kalangan penduduk daerah-daerah tersebut dan bagi orang yang melewatinya yang bukan berasal dari kalangan penduduk daerah-daerah itu. Maksudnya ialah apabila seseorang datang dari Syam menuju Zul Hulaifah, maka miqatnya hendaklah dimulakan dari Zul Hulaifah. Oleh itu, dia mesti melakukan ihram dari Zul Hulaifah dan tidak boleh menangguhkannya sampai batas miqat penduduk Syam, iaitu al-Juhfah.

"مِمَّنْ أَرَادَ الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ", ihram dari miqat-miqat ini hanyalah diwajibkan bagi orang yang melewatinya dengan tujuan untuk berhaji atau berumrah, bukan bagi orang yang tidak bertujuan haji atau umrah.

"وَمَنْ كَانَ دُونَ ذَلِكَ", orang yang berada lebih dekat kepada Mekah, misalnya dia tempat tinggal di antara Mekah dengan miqat.

"فَمِنْ حَيْثُ أَنْشَأَ", maka ihramnya dimulai dari tempat dia berangkat dan titik keberangkatannya dianggap sebagai miqatnya.

"حَتَّى أَهْلُ مَكَّةَ مِنْ مَكَّةَ", penduduk Mekah berihram dari Mekah dan mereka tidak perlu lagi keluar menuju ke miqat ihram tertentu.

"وَأَصْلُهُ عِنْدَ مُسْلِمٍ", yang lafaznya adalah sebagai berikut:

أَخْبَرَنِي أَبُو الزُّبَيْرِ نَّهُ سَمِعَ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا يُسْأَلُ عَنْ الْمُهَلِّ، فَقَالَ: سَمِعْتُ (أَحْسَبُهُ رَفَعَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ)، فَقَالَ: مُهَلُّ أَهْلِ الْمَدِينَةِ مِنْ ذِي الْحُلَيْفَةِ، وَالطَّرِيقُ الْآخَرُ الْجُحْفَةُ، وَمُهَلُّ أَهْلِ الْعِرَاقِ مِنْ ذَاتِ عِرْقٍ، وَمُهَلُّ أَهْلِ نَجْدٍ مِنْ قَرْنٍ، وَمُهَلُّ أَهْلِ الْيَمَنِ مِنْ يَلَمْلَمَ.

"Abu al-Zubair menceritakan kepadaku bahawa dia pernah mendengar Jabir ibn Abdullah (r.a) pernah ditanya tentang tempat berihram, kemudian aku mendengarnya (aku menyangka dia menganggap *marfu'* ucapannya itu kepada Nabi (s.a.w). Dia berkata: "Tempat ihram bagi penduduk Madinah dari Zul Hulaifah dan jalan yang lain (peduduk Syam) dari al-Juhfah, tempat ihram bagi penduduk Iraq dari Dzat 'Irqin, tempat ihram bagi penduduk Najd dari Qarn, dan tempat ihram bagi penduduk Yaman dari Yalamlam."

"عَنْ الْمُهَلِّ", tempat berihlal dan melakukan ihram.

"أَحْسَبُهُ رَفَعَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", aku meyangka dia telah menilai *marfu'* kepada Nabi (s.a.w). Al-Nawawi berkata: "Hadis ini tidak boleh dijadikan sebagai hujah, kerana periwayatnya tidak menetapkan status nya dengan tegas."

"ذَاتِ عِرْقٍ", nama sebuah tempat yang terletak di sebelah barat laut Mekah, jarak antara Dzat 'Irqin dengan Mekah adalah 42 mil atau 94 kilometer. Tempat ini merupakan perbatasan antara Najd dengan Tihamah. Al-'Irq merupakan nama sebuah bukit kecil.

"وَفِي صَحِيْحِ الْبُخَارِيِّ: أَنَّ عُمَرَ هُوَ الَّذِي وَقَّتَ", berasal daripada Ibn Umar (r.a) yang lafaznya berbunyi sebagai berikut:

لَمَّا فُتِحَ هَذَانِ الْمِصْرَانِ أَتَوْا عُمَرَ، فَقَالُوا: يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ، إِنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَدَّ لِأَهْلِ نَجْدٍ قَرْنًا وَهُوَ جَوْرٌ عَنْ طَرِيقِنَا، وَإِنَّا إِنْ أَرَدْنَا قَرْنًا شَقَّ عَلَيْنَا، قَالَ: فَانْظُرُوا حَذْوَهَا مِنْ طَرِيقِكُمْ، فَحَدَّ لَهُمْ ذَاتَ عِرْقٍ.

"Ketika kedua-dua kota ini (Kufah dan Basrah) dibuka (ditaklukkan), mereka datang kepada Khalifah Umar, lalu bertanya: "Wahai Amirul Mu'minin, sesungguhnya Rasulullah (s.a.w) telah menetapkan Qarn bagi ahli Najd, sedangkan Qarn menyimpang daripada jalan kami dan sesungguhnya apabila kami harus melalui Qarn, maka itu terasa berat bagi kami." Khalifah Umar (r.a) menjawab: "Lihatlah tempat yang sejajar dengan jalan kamu itu." Khalifah Umar kemudian menetapkan miqat bagi mereka dari Dzat 'Irqin."

"لَمَّا فُتِحَ هَذَانِ الْمِصْرَانِ", bentuk *tatsniyah* dari lafaz *al-Mishr*. Maksudnya ialah kota Kufah dan kota Basrah yang keduanya merupakan bandar raya yang paling besar di Iraq. Apa yang dimaksudkan dengan istilah *al-fath* ialah kebanyakan kaum muslimin telah berjaya menduduki kedua-dua kota tersebut.

"جَوْرٌ", menyimpang.

"وَإِنَّا إِنْ أَرَدْنَا قَرْنًا شَقَّ عَلَيْنَا", dan jika kami menempuh jalan Qarn, maka itu terasa terlalu berat bagi kami.

"فَانْظُرُوا حَذْوَهَا", jadikanlah tempat yang sejajar dengan Qarn dari jalan yang kamu lalui tanpa menyimpang sebagai batasan miqat bagi kamu.

"فَحَدَّ لَهُمْ ذَاتَ عِرْقٍ", lalu Khalifah Umar menjadikan Dzat 'Irqin sebagai miqat bagi ihram mereka.

"وَقَّتَ لِأَهْلِ الْمَشْرِقِ: الْعَقِيقَ", Nabi (s.a.w) menjadikan al-'Aqiq untuk penduduk Masyriq, iaitu penduduk Iraq. Al-'Aqiq adalah nama sebuah tempat yang memiliki sumber air yang berlimpah di pedalaman Tihamah yang berdekatan dengan Dzat 'Irqin dan berhampiran dengan Iraq sejauh lebih kurang satu marhalah. Setiap dataran rendah yang pernah dilanda banjir dan membuatnya bertambah luas disebut *al-'Aqiq*, bentuk jamaknya ialah *al-'Aqa'iq* dan *al-A'iqqah*.

Fiqh Hadis

1. Tidak boleh melewati miqat tanpa ihram bagi orang yang hendak melakukan haji atau umrah.
2. Orang yang tempat tinggal berdekatan dengan miqat-miqat itu, yakni berada berdekatan dengan Mekah, maka ihramnya dimulakan dari rumah rumah masing-masing.
3. Miqat penduduk Mekah dalam ibadah haji secara khusus adalah dari Mekah, sedangkan mereka yang hendak melakukan umrah diwajibkan keluar menuju ke titik miqat yang paling dekat dengannya, lalu dia memulakan ihram umrahnya dari tempat tersebut.

Kesimpulan

Dari hadis-hadis yang dihimpun dalam bab ini dapat diambil beberapa kesimpulan sebagai berikut:

1. Menjelaskan miqat penduduk Madinah, Najd, Syam, Yaman, Iraq, dan penduduk Mekah untuk melakukan ibadah haji.
2. Orang yang menuju ke Baitullah untuk tujuan haji atau umrah tidak boleh melewati batasan ihram, kecuali telah berihram.
3. Orang yang berumrah dari kalangan penduduk Mekah diwajibkan keluar ke tempat yang halal, lalu dia memulakan ihramnya dari tempat tersebut.

Soalan

1. Jelaskan miqat-miqat dengan menentukan tempat-tempatnya, penduduknya dan jarak antara miqat-miqat tersebut dengan Mekah!
2. Bagaimanakah hukum orang yang memulakan ihramnya sesudah melewati batasan miqat?
3. Jelaskan miqat penduduk Mekah ketika hendak mengerjakan ibadah haji dan ibadah umrah!

BAB JENIS-JENIS IHRAM DAN CARA PELAKSANAANYA

٢٥٤- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: خَرَجْنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَامَ حَجَّةِ الْوَدَاعِ، فَمِنَّا مَنْ أَهَلَّ بِعُمْرَةٍ، وَمِنَّا مَنْ أَهَلَّ بِحَجٍّ وَعُمْرَةٍ، وَمِنَّا مَنْ أَهَلَّ بِحَجٍّ، وَأَهَلَّ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْحَجِّ، فَأَمَّا مَنْ أَهَلَّ بِعُمْرَةٍ فَحَلَّ عِنْدَ قُدُوْمِهِ، وَأَمَّا مَنْ أَهَلَّ بِحَجٍّ، أَوْ جَمَعَ الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ فَلَمْ يَحِلُّوا حَتَّى كَانَ يَوْمَ النَّحْرِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

254. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Kami berangkat bersama Rasulullah (s.a.w) pada tahun haji wada'. Lalu di antara kami ada yang berihram untuk umrah, ada yang berihram untuk haji dan umrah, dan ada pula yang berihram untuk haji, sedangkan Rasulullah (s.a.w) berihram untuk haji. Adapun orang yang berihram untuk umrah, dia ber-*tahallul* sebaik dia tiba; dan orang yang berihram untuk haji atau menggabungkan antara haji dan umrah, mereka tidak ber-*tahallul* sebelum tiba hari raya aidil adha." (Mutaffaq 'alaih)

Makna Hadis

Antara kemudahan Islam ialah membuat beberapa macam ihram untuk memudahkan mereka yang melakukan manasik. Oleh itu, orang yang berihram boleh melakukan ihram untuk umrah sahaja, untuk haji sahaja, atau untuk umrah dan haji secara sekali gus.

Semua jenis ihram ini dilakukan oleh rombongan yang menemani Nabi (s.a.w) pada waktu haji wada dan baginda apa yang telah dilakukan oleh mereka. Baginda menjelaskan bahawa setiap kaum boleh melakukan apa yang sebaiknya mereka kerjakan dalam manasik. Nabi (s.a.w) bersabda bagi menjelaskan kepada mereka bahawa dirinya adalah panutan dalam perkataan, perbuatan dan keputusan. Oleh itu, baginda bersabda:

خُذُوْا عَنِّي مَنَاسِكَكُمْ.

"*Ambillah oleh kamu manasik-manasik dariku.*"

Analisis Lafaz

"وجوه الإحرام", perkataan "وجوه" adalah bentuk jamak dan lafaz "وجه". Maksudnya ialah jenis-jenis yang berkaitan dengan ihram, iaitu haji, umrah, atau haji dan umrah secara bersamaan (qiran).

"وصفته", dan tata caranya yang harus dilakukan oleh orang yang hendak berihram.

"خَرَجْنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", setelah solat Zohor empat rakaat kami berangkat dari Madinah pada hari Sabtu, lima hari menjelang masuknya bulan Zulkaedah. Setelah itu Nabi (s.a.w) berkhutbah kepada mereka bagi mengajarkan etika manasik dan pekerjaan-pekerjaan ihram.

"عَامَ حَجَّةِ الْوَدَاعِ", itu terjadi pada tahun 10 Hijriah. Diberi nama demikian kerana Rasulullah (s.a.w) memohon diri kepada umat manusia ketika melaksanakan haji itu dan baginda tidak lagi mengerjakan ibadah haji sesudah berhijrah. Di dalam haji wada' baginda memohon diri kepada umat manusia dan di dalam khutbahnya di Arafah baginda bersabda:

لَعَلِّي لاَ أَلْقَاكُمْ بَعْدَ عَامِيْ هَذَا.

"*Barangkali aku tidak akan bersua lagi dengan kamu sesudah tahun (haji)ku ini.*"

"فَمِنَّا مَنْ أَهَلَّ بِعُمْرَةٍ", di antara kami ada yang melakukan ihram umrah dan mengangkat suaranya seraya mengucapkan talbiyah ketika memulakan ihram.

"وَمِنَّا مَنْ أَهَلَّ بِحَجٍّ وَعُمْرَةٍ", di antara kami ada yang melakukan ihram untuk haji dan umrahnya, yakni haji qiran.

"وَمِنَّا مَنْ أَهَلَّ بِحَجٍّ", dan di antara kami ada yang berihram untuk haji, yakni melakukan haji ifrad.

"وَأَهَلَّ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْحَجِّ", sedangkan Rasulullah (s.a.w) sendiri berihram untuk haji yang bererti haji ifrad.

"فَأَمَّا مَنْ أَهَلَّ بِعُمْرَةٍ فَحَلَّ عِنْدَ قُدُوْمِهِ", orang yang berihram untuk umrah telah dihalalkan segala sesuatu baginya setelah dia melakukan semua pekerjaan umrah, iaitu tawaf, sa'i, dan mencukur rambut atau memotongnya.

"وَأَمَّا مَنْ أَهَلَّ بِحَجٍّ، أَوْ جَمَعَ الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ فَلَمْ يَحِلُّوا حَتَّى كَانَ يَوْمَ النَّحْرِ", orang yang berihram untuk haji atau qiran, dia tetap dalam keadaan ihram sebelum berwukuf di Arafah, melontar jumrah, dan mencukur rambut atau memotongnya.

Fiqh Hadis

Boleh melakukan ihram umrah sahaja dan ini diberi nama haji tamattu', atau untuk haji sahaja dan ini diberi nama haji ifrad atau untuk haji dan umrah secara sekali gus dan ini diberi nama haji qiran.

Imam Ahmad berkata: "Haji tamattu' lebih afdal, kerana Nabi (s.a.w) pernah mengharapkan untuk mengerjakannya:

لَوِ اسْتَقْبَلْتُ مِنْ أَمْرِيْ مَا اسْتَدْبَرْتُ لاَ حَلَلْتُ وَ لَمَا سُقْتُ الْهَدْيَ.

"*Seandainya aku mengetahui sebelumnya apa yang terjadi sekarang, nescaya aku akan ber-tahallul dan tidak menggiring al-hadyu (haiwan kurban).*"

Rasulullah (s.a.w) tidak akan mengharapkannya, kecuali kerana perbuatan itu lebih afdal. Menurut satu riwayat yang bersumber daripada Imam Ahmad, bagi orang yang menggiring haiwan kurban (*al-hadyu*), qiran adalah yang lebih afdal baginya kerana perbuatannya itu sama seperti apa yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w). Dan bagi orang yang tidak menggiring (membawa) haiwan kurban, maka ber-tamattu' adalah lebih afdal baginya kerana itu bersesuaian dengan apa yang pernah diharapkan oleh Rasulullah (s.a.w) dan bersesuaian pula dengan apa yang baginda perintahkan kepada para sahabatnya.

Imam Malik dan Imam al-Syafi'i mengatakan bahawa haji ifrad lebih afdal. Mereka melandaskan pendapatnya dengan apa yang menjadi pilihan Rasulullah (s.a.w), iaitu ifrad terlebih dahulu, kemudian baginda memasukkan umrah kepadanya untuk menjelaskan bahawa itu boleh dilakukan dalam bulan-bulan haji.

Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa haji qiran lebih afdal daripada haji ifrad dan tamattu'. Al-Nawawi dari kalangan mazhab al-Syafi'i menyokong pendapat ini.

Abu Yusuf mengatakan bahawa haji qiran dan tamattu' sama sahaja, di mana keduanya lebih afdal daripada haji ifrad.

Kesimpulan

Dari hadis yang dihimpun dalam bab ini dapat disimpulkan beberapa perkara berikut:

Menjelaskan jenis-jenis perbuatan yang berkaitan dengan ihram dan mana yang paling afdal serta apa sahaja yang dikerjakan oleh setiap orang yang berihram.

Soalan

1. Apakah makna "وجوه الإحرام" itu?
2. Apakah makna sifat ihram?
3. Bilakah Nabi (s.a.w) berangkat meninggalkan Madinah untuk melakukan haji wada'?
4. Jelaskan makna haji wada'! Bilakah itu dikerjakannya?
5. Sebutkan jenis-jenis ihram para sahabat yang berangkat bersama dengan Rasulullah (s.a.w) dalam haji wada'!

6. Jelaskan makna ifrad, qiran, dan tamattu! Mengapa kesemua cara-cara ini boleh dilakukan?
7. Jelaskan jenis ihram yang paling afdal dengan menyebutkan perbezaan pendapat ulama engenainya serta dalil-dalil mereka secara singkat!

BAB IHRAM DAN APA-APA YANG BERKAITAN DENGANNYA

٢٥٥- عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: مَا أَهَلَّ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلاَّ مِنْ عِنْدِ الْمَسْجِدِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

255. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) tidak pernah melakukan ihram kecuali dimulai dari masjid." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) telah menetapkan miqat-miqat untuk ihram dan memulakan ihram dari miqat-miqat tersebut, sehingga orang yang hendak berihram dimakruhkan memakai pakaian ihram sebelum miqatnya. Akan tetapi, ihramnya sah seandainya dia melakukan ihram sebelum tiba di miqat.

Nabi (s.a.w) pernah berihram dari Zul Hulaifah, kerana Zul Hulaifah merupakan miqat bagi penduduk Madinah dan yang bertempat tinggal di sekitarnya. Zul Hulaifah merupakan miqat yang paling afdal kerana kemuliaan tempat yang pertama dan kedua, iaitu dari tanah suci ke tanah suci lain bahkan Zul Hulaifah merupakan miqat yang paling jauh dari Baitullah dan paling banyak pahalanya.

Telah disebutkan di dalam satu riwayat bahawa baginda memulakan ihram dari tempat solatnya, sebagaimana disebutkan pula dalam riwayat lain bahawa baginda memulakan ihram ketika unta kenderaannya bangkit berdiri dan ada pula riwayat yang mengatakan bahawa baginda memulakan ihram ketika berada di al-Baida'. Seluruh riwayat ini dapat digabungkan berdasarkan pemahaman hadis Ibn Abbas (r.a) yang menyatakan bahawa masing-masing peristiwa itu memang terjadi. Nabi (s.a.w) pernah berihram dari tempat solatnya ketika unta kenderaannya berangkat berdiri dan ketika berada di al-Baida'. Ketika melakukan itu, baginda dilihat oleh sahabatnya, sehingga mereka meriwayatkannya sesuai dengan apa yang mereka lihat. Dengan demikian, tidak ada pertentangan di antara riwayat-riwayat tersebut.

Analisis Lafaz

"مَا أَهَلَّ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", Rasulullah (s.a.w) tidak berihram. Kalimat ini diucapkan oleh Ibn Umar (r.a) sebagai jawapan ke atas orang yang mengatakan bahawa Nabi (s.a.w) berihram dari al-Baida'. Untuk itu, Ibn Umar (r.a) berkata:

بَيْدَاؤُكُمْ هَذِهِ الَّتِي تُكَذِّبُوْنَ عَلَى رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ أَهَلَّ مِنْهَا. مَا أَهَلَّ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلاَّ مِنْ عِنْدِ الْمَسْجِدِ.

"Al-Bai'da' kamu inilah yang menjadi landasan kamu berdusta terhadap Rasulullah (s.a.w) bahawa baginda berihram daripadanya. Rasulullah (s.a.w) tidak melakukan ihram kecuali dari dalam masjid."

Apa yang dimaksudkan dengan masjid pada pernyataan tersebut ialah masjid Zul Hulaifah.

Fiqh Hadis

Ihram yang paling afdal ialah dimulai dari tempat miqat masing-masing. Imam Ahmad dan Imam Maliki mengatakan bahawa makruh melakukan ihram sebelum tiba di miqat. Ini merupakan pendapat yang paling sahih di antara dua pendapat di kalangan mazhab al-Syafii. Ini kerana Nabi (s.a.w) berihram dari miqatnya dan ini telah disepakati oleh ulama. Nabi (s.a.w) tidak melakukan ihram dari dalam masjid, padahal Allah telah menjadikan solat di dalamnya sama dengan pahala seribu kali mengerjakan solat di masjid yang lain. Ini menunjukkan bahawa berihram dari tempat miqat adalah lebih afdal.

Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa apa yang lebih afdal ialah berihram sebelum miqat apabila seseorang itu mampu menahan diri daripada melakukan apa-apa yang dilarang bagi orang yang sedang berihram.

٢٥٦- عَنْ خَلاَّدِ بْنِ السَّائِبِ عَنْ أَبِيهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "أَتَانِي جِبْرِيلُ، فَأَمَرَنِي أَنْ آمُرَ أَصْحَابِي أَنْ يَرْفَعُوا أَصْوَاتَهُمْ بِالإِهْلاَلِ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ، وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ وَابْنُ حِبَّانَ.

256. Daripada Khallad ibn al-Sa'ib (r.a) daripada ayahnya bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: *"Jibril telah datang kepadaku dan memerintahkan aku agar menyuruh sahabat-sahabatku menguatkan suara mereka saat membaca talbiyah."* (Diriwayatkan oleh al-Khamsah dan dinilai sahih oleh al-Tirmizi serta Ibn Hibban)

Makna Hadis

Menguatkan suara ketika membaca talbiyah bagi kaum lelaki adalah disunatkan, kerana itu mengumandangkan kalimat tauhid yang bererti mengesakan Allah (s.w.t), mengagungkan syiar-syiar agama dan mematuhi Sunnah Nabi (s.a.w). Allah (s.w.t) menyuruh Nabi-Nya supaya menyuruh para sahabatnya menguatkan suara mereka ketika membaca talbiyah agar para malaikat bangga kepada mereka pada saat mereka beramai-ramai mengucapkan talbiyah menuju ke Baitullah.

Di dalam riwayat al-Sa'ib disebutkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

أَتَانِي جِبْرِيْلُ، فَقَالَ: كُنْ عَجَّاجًا وَثَجَّاجًا – وَالْعَجُّ رَفْعُ الصَّوْتِ بِالتَّلْبِيَـةِ وَالثَّجُّ نَحْـرُ الْبُدْنِ.

"*Jibril telah datang kepadaku dan dia berkata: "Jadilah engkau orang yang menguatkan bacaan talbiyah dan menyembelih haiwan qurban.*" Apa yang dimaksud dengan istilah *al-'Ajj* ialah menguatkan suara saat membaca talbiyah, sedangkan apa yang dimaksud dengan istilah *al-Tsajj* ialah menyembelih haiwan qurban.

Menguatkan suara bacaan talbiyah ini dianjurkan tidak dilakukan di dalam masjid agar tidak mengganggu orang yang sedang mengerjakan solat, membaca al-Qur'an, belajar dan orang yang sedang beriktikaf.

Dalam suatu riwayat yang bersumber dari Imam Malik disebutkan bahawa menguatkan suara saat membaca talbiyah di dalam masjid diperbolehkan, iaitu di dalam Masjidil Haram, Masjid Khaif di Mina, dan Masjid Namirah di Arafah, kerana ketiga masjid tersebut dibangun untuk menunaikan manasik-manasik.

Adapun bagi kaum wanita, mereka tidak boleh menguatkan suaranya saat membaca talbiyah kerana dikhawatirkan akan menimbulkan fitnah.

Analisis Lafaz

"أَنْ آمُرَ أَصْحَابِي", Jibril memerintahkan kepada Nabi (s.a.w) Perintah ini bagi Nabi (s.a.w) bersifat wajib, sedangkan bagi para sahabatnya bersifat sunat.

"أَنْ يَرْفَعُوا أَصْوَاتَهُمْ بِالْإِهْلَالِ", *al-Ihlal* adalah mengangkat atau menguatkan suara saat membaca talbiyah.

Fiqih hadis

1. Ketaatan para sahabat dalam mengerjakan apa yang diperintahkan oleh Rasulullah (s.a.w) kepada mereka.
2. Perintah menguatkan bacaan talbiyah, kerana ini merupakan salah satu di antara syiar manasik dan sebagai bukti mengerjakan amal ibadah. Ini disunatkan menurut pendapat jumhur ulama, tetapi dengan syarat

hendaklah dilakukan tanpa mengganggu orang lain, sedangkan bagi wanita hanya dengan suara yang dapat didengar oleh dirinya sendiri sahaja.

Periwayat Hadis

Khallad ibn al-Sa'ib ibn Suwaid al-Ansari. Beliau meriwayatkan hadis daripada ayahnya, juga daripada Zaid ibn Khalid al-Juhani. Riwayat hadisnya telah diambil oleh anak lelakinya yang bernama Khalid dan Habban bin Wasi'.

Al-Sa'ib ibn Khallad ibn Suwaid ibn Tsa'labah ibn Amr al-Khazraji, dikenal dengan nama Abu Sahlah. Beliau meriwayatkan lima hadis, dan riwayat hadisnya telah diambil oleh anak lelakinya yang bernama Khallad, juga oleh Shaleh ibn Khaiwan. Beliau meninggal dunia pada tahun 71 Hijriah.

٢٥٧- عَنْ زَيْدِ بْنِ ثَابِتٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَجَرَّدَ لِإِهْلاَلِهِ وَاغْتَسَلَ. رَوَاهُ اَلتِّرْمِذِيُّ وَحَسَّنَهُ.

257. Daripada Zaid ibn Tsabit (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) menanggalkan pakaiannya untuk berihram setelah mandi." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan menilainya hasan)

Makna Hadis

Untuk melakukan ihram ada syarat-syarat tersendiri yang mesti dilakukan oleh orang yang hendak melakukan ihram, antara lain ialah mandi. Hukum mandi ini sunat bagi orang yang hendak berihram, baik lelaki ataupun wanita, sekalipun dia sedang berhaid atau sedang bernifas. Syarat yang lain pula ialah menanggalkan seluruh pakaian yang berjahitan.

Hukum asal *al-Tajarrud* (menanggalkan pakaian yang berjahit) adalah wajib, tetapi mendahulukannya setelah mandi untuk bersiap sedia ihram adalah sunat. Syarat yang lain pula ialah memotong kuku, mencabut bulu ketiak dan mencukur bulu kemaluan. Syarat yang selainnya pula ialah mandi untuk memasuki kota Mekah dan mandi untuk wukuf.

Analisis Lafaz

"تَجَرَّدَ لِإِهْلاَلِهِ", menanggalkan pakaiannya (yang berjahit) dan memakai kain serta selendangnya sesudah mandi.

"وَحَسَّنَهُ", dinilai hasan oleh al-Tirmizi, tetapi dinilai gharib dan dha'if oleh al-Uqaili. Hadis ini turut dikemukakan oleh al-Daruqutni, al-Baihaqi dan al-Thabarani. Al-Hakim dan al-Baihaqi meriwayatkan hadis ini daripada Ya'qub ibn Atha', sedangkan Ya'qub ibn Atha' seorang periwayat dha'if.

Fiqh Hadis

1. Disunatkan mandi untuk berihram.
2. Orang yang hendak berihram diwajibkan menanggalkan pakaian yang berjahit.

٢٥٨- عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا: أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ: مَا يَلْبَسُ الْمُحْرِمُ مِنْ الثِّيَابِ؟ فَقَالَ: "لاَ تَلْبَسُوا الْقَمِيصَ، وَلاَ الْعَمَائِمَ، وَلاَ السَّرَاوِيلاَتِ، وَلاَ الْبَرَانِسَ، وَلاَ الْخِفَافَ، إِلاَّ أَحَدٌ لاَ يَجِدُ النَّعْلَيْنِ فَلْيَلْبَسْ الْخُفَّيْنِ وَلْيَقْطَعْهُمَا أَسْفَلَ مِنَ الْكَعْبَيْنِ، وَلاَ تَلْبَسُوا شَيْئًا مِنْ الثِّيَابِ مَسَّهُ الزَّعْفَرَانُ وَلاَ الْوَرْسُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ.

258. Daripada Ibn Umar (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah ditanya mengenai pakaian yang dipakai oleh orang yang berihram, lalu baginda bersabda: "Janganlah kamu memakai baju gamis, serban, seluar, pakaian yang bertutup kepala dan khuff kecuali bagi orang yang tidak menemukan sepasang selipar, maka dia boleh memakai sepasang khuff, tetapi dia harus memotong keduanya hingga bahagian bawah kedua mata kakinya. Jangan pula kamu memakai pakaian yang terkena minyak zakfaran (wangian) dan yang dicelup dengan *waras* (pewarna)." (Muttafaq 'alaih. Lafaz hadis ini menurut riwayat Muslim)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) selalu memberikan jawapan kepada orang yang bertanya kepadanya dan setiap jawapan yang dikemukakannya pasti tepat, berilmu dan bersyariat yang mengandung arahan yang baik dan bijak. Pakaian yang tidak boleh dipakai oleh orang yang berihram jumlahnya terbatas dan ini mesti dijelaskan. Lain halnya dengan pakaian yang boleh dipakai, maka itu jumlahnya tidak terbatas. Jika baginda bersabda bahawa orang yang berihram tidak boleh memakai ini dan itu, maka itu bererti boleh memakai selainnya.

Melalui ungkapan baju gamis dan celana, Nabi (s.a.w) mengingatkan setiap pakaian yang dijahit dan menutupi tubuh secara keseluruhan atau sebahagian. Ungkapan serban serta baju yang bertutup kepala mengingatkan semua pakaian yang menutupi kepala, baik yang dijahit ataupun tidak. Dan melalui ungkapan khuff baginda mengingatkan pakaian yang menutupi kaki.

Wanita dan lelaki berbeza dalam masalah *al-Tajarrud* (menanggalkan pakaian yang berjahit) ini, tetapi mereka sama-sama tidak boleh memakai pakaian yang dibubuhi zakfaran atau *waras* (celupan). Wanita dilarang menutupi wajahnya, memakai sarung tangan, dan memakai cadar, tetapi dibolehkan memakai apa-apa

perhiasan yang disukainya dan pakaian yang lain. Memakai wangian, berburu, mencabut pepohonan (menebangnya) dan lain-lain seumpamanya diharamkan bagi wanita dan lelaki.

Analisis Lafaz

"الْمُحْرِمُ", apa yang dimaksudkan dalam hadis ini ialah lelaki, kerana wanita dibolehkan memakai apa-apa pakaian dengan syarat pakaian yang tidak dibubuhi minyak zakfaran atau dicelup dengan *waras*.

"الْقَمِيصَ", semua pakaian yang menutupi tubuh dengan potongan, model dan jahitan.

"الْعَمَائِمَ", bentuk jamak daripada lafaz "العمامة", iaitu-kain yang dililit di kepala. Diberi nama demikian kerana pakaian ini menutupi seluruh kepala, yakni serban.

"السَّرَاوِيلاَتِ", kata yang berasal daripada bahasa Parsi, kemudian dii'rabkan, maksudnya pakaian yang menutupi tubuh bahagian bawah, yakni seluar.

"الْبَرَانِسَ, bentuk jamak dari lafaz "البرنس", iaitu setiap pakaian yang mempunyai tutup kepala yang menyatu dengan bajunya.

"الْخِفَافَ", bentuk jamak dari lafaz "الخف", pakaian yang dibuat daripada kulit yang dipakai pada kedua kaki hingga menutupi kedua mata kaki.

"إِلاَّ أَحَدٌ لاَ يَجِدُ النَّعْلَيْنِ", orang yang berihram tidak boleh memakai sepasang khuff, kerana termasuk pakaian yang dijahit kecuali jika seseorang itu tidak menemukan sepasang selipar, misalnya kedua seliparnya hilang atau tidak mampu membelinya.

"فَلْيَلْبَسْ الْخُفَّيْنِ وَلْيَقْطَعْهُمَا أَسْفَلَ مِنَ الْكَعْبَيْنِ", apa yang dimaksudkan ialah membuka kedua mata kakinya ketika berihram.

"الزَّعْفَرَانُ", nama tumbuh-tumbuhan yang berbau wangi dan dapat dijadikan sebagai pencelup, berasal dari Yaman.

"الْوَرْسُ", nama sejenis tumbuhan di negeri Yaman, digunakan sebagai pencelup, tetapi tidak berbau wangi.

Fiqh Hadis

1. Orang yang berihram dilarang memakai pakaian yang biasa dipakai dalam seharian dan menutupi kepalanya agar dengan *al-Tajarrud* ini dia ingat pada suatu hari kelak dia menghadap kepada Allah. Dengan demikian, keadaan seperti ini diharapkan mampu menyedarkannya bahawa dia sentiada berada dalam pengawasan Allah dan mencegahnya daripada melakukan perbuatan yang dilarang. Selain itu, pakaian seperti bertujuan supaya seseorang itu sentiasa ingat mati, memakai kain kafan dan hari berbangkit pada hari kiamat dalam keadaan tidak beralas kaki lagi ber-*tajarrud*. Dan dengan *tajarrud* ini hendaklah dia berharap bersih dari segala

bentuk dosa.

2. Lelaki dianjurkan membuka kedua mata kaki ketika ihram.
3. Boleh memakai sepasang khuff kerana keadaan darurat sesudah memotong bahagian atasnya supaya kedua mata kakinya kelihatan. Menurut Imam Ahmad, seseorang tidak perlu memotongnya dan beliau menjawab hadis yang menganjurkan memotongnya bahawa hadis tersebut telah di-*manshukh*. Bagi orang yang memakai sepasang khuff lantaran tidak memiliki selipar, maka dia tidak wajib membayar fidyah menurut jumhur ulama, kerana itu dibolehkan baginya sebagai satu *rukhsah*. Menurut mazhab Hanafi, dia wajib membayar fidyah berdasarkan hukum asal bagi orang yang memakai pakaian yang berjahit.
4. Memakai pakaian yang dibubuhi zakfaran dan *waras* hukumnya haram.

٢٥٩- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كُنْتُ أُطَيِّبُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِإِحْرَامِهِ قَبْلَ أَنْ يُحْرِمَ، وَلِحِلِّهِ قَبْلَ أَنْ يَطُوفَ بِالْبَيْتِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

259. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Aku memakaikan minyak wangi kepada Rasulullah (s.a.w) untuk ihramnya sebelum baginda melakukan ihram dan untuk *tahallul*-nya sebelum melakukan tawaf di Baitullah." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Oleh kerana orang yang berihram datang untuk melakukan ibadah yang mulia, iaitu menunaikan manasik, maka disyariatkan kepadanya memakai wangian, kerana wangian itu termasuk salah satu ciri kebersihan yang bertujuan mengelakkan bau yang tidak sedap. Orang yang hendak ihram sebelum memulakan ihramnya sebaiknya mencukur rambut dan memotong kukunya terlebih dahulu. Semua itu merupakan adab berihram.

Orang yang berihram apabila telah ber-*tahallul* dari melontar jumrah dan mencukur rambut dibolehkan memakai wangian sebagai persiapan supaya ketika mendekati Baitullah dan tawaf ziarah dalam keadaan bersih.

Analisis Lafaz

"كُنْتُ أُطَيِّبُ رَسُولَ الله صَلَّى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", aku memakaikan wangian ke tubuh Rasulullah (s.a.w).

"لِإِحْرَامِهِ قَبْلَ أَنْ يُحْرِمَ", untuk ihramnya, yakni ihram haji atau ihram umrah, sebelum memulakan ihramnya.

"وَلِحِلِّهِ قَبْلَ أَنْ يَطُوفَ بِالْبَيْتِ", aku memberinya wangian kerana baginda telah keluar dari ihramnya setelah melontar jumrah 'Aqabah dan mencukur rambut, yakni sebelum

baginda melakukan tawaf ifadhah di Kaabah. Ini kerana orang yang berihram itu apabila telah melontar jumrah dan mencukur rambut atau memotongnya, maka dihalalkan baginya segala sesuatu yang dilarang dalam berihram, kecuali wanita. Tahallul ini disebut tahallul pertama.

Fiqh Hadis

1. Boleh memakai wangian sebelum melakukan ihram. Jumhur ulama menganggap sunat memakai wangian ketika hendak melakukan ihram dan bekasnya boleh tetap wujud hingga ihram selesai, kerana tidak membahayakan apabila warna dan baunya masih tetap wujud. Mazhab Maliki mengatakan bahawa barang siapa yang memakai wangian sebelum ihram dan ternyata bau dan warnanya masih tetap wujud sesudah berihram, maka hukumnya haram dan semua itu wajib segera dihilangkan dan wajib membayar fidyah bagi seseorang yang berkenaan. Tetapi jika yang masih wujud itu hanya warnanya sahaja, maka ada dua pendapat sama ada wajib membayar fidyah ataupun tidak. Jika baunya masih tetap wujud, maka makruh melakukan ihram apatah lagi dia mengetahui kewujudannya, tetapi dia tidak mampu melenyapkannya. Mereka menjawab hadis ini bahawa itu termasuk salah satu perbuatan yang dikhususkan kepada Nabi (s.a.w) atau baginda barangkali mandi untuk ihram sebelum membulatkan niatnya, lalu wangian itu hilang. Adapun memakai wangian sesudah memulakan berihram, maka menurut kesepakatan ulama itu diharamkan, baik pada tubuh ataupun pada pakaian dan seseorang yang memakainya wajib membayar fidyah. Orang yang berbuat demikian berdosa apabila dia sengaja melakukannya.
2. Dibolehkan memakai wangian sesudah tahallul pertama.

٢٦٠- عَنْ عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لاَ يَنْكِحُ الْمُحْرِمُ، وَلاَ يُنْكِحُ، وَلاَ يَخْطُبُ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

260. Daripada Utsman ibn Affan (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Orang yang berihram tidak boleh berkahwin, mengahwinkan dan meminang.*" (Riwayat Muslim)

Makna Hadis

Sadd al-Dzari'ah (melakukan langkah berjaga-jaga) merupakan salah satu kaedah syariat. Oleh kerana perkahwinan adalah penyebab terjadinya persetubuhan dan bersenang-senang, sedangkan itu dilarang untuk dilakukan semasa ihram, maka dilarang bagi orang yang berihram melakukan akad perkahwinan untuk dirinya sendiri atau mengahwinkan seorang wanita yang berada di dalam kekuasaannya

atau mengahwinkan seorang kanak-kanak yang berada di dalam asuhannya, bahkan diharamkan pula meminang. Secara zahirnya, larangan ini menunjukkan hukum haram, tetapi kebanyakan ulama menjadikan larangan dalam masalah meminang sebagai makruh. Adapun perkahwinan Rasulullah (s.a.w) dengan Maimunah, maka itu tidak perlu dipertikai lagi kerana apa yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) ketika baginda sedang dalam keadaan *halal* (telah ber-*tahallul*), seperti mana yang ditegaskan oleh riwayat Abu Rafi', iaitu riwayat yang diceritakan oleh kebanyakan sababat.

Analisis Lafaz

"لاَ يَنْكِحُ الْمُحْرِمُ", orang yang sedang berihram tidak boleh mengadakan akad nikah untuk dirinya sendiri.

"وَلاَ يُنْكِحُ", tidak boleh mengahwinkan seorang wanita sebagai walinya atau sebagai wakil selagi dia sedang berihram haji, ihram umrah, atau ihram untuk keduanya.

"وَلاَ يَخْطُبُ", tidak boleh meminang wanita untuk orang lain dan tidak pula untuk dirinya sendiri. Larangan dalam kalimat ini menurut jumhur ulama menunjukkan hukum haram, sedangkan menurut Imam Abu Hanifah menunjukkan hukum makruh.

Fiqh Hadis

Orang yang sedang berihram diharamkan melangsungkan akad nikah untuk dirinya sendiri atau untuk orang lain dan diharamkan pula meminang wanita.

Jumhur ulama mengatakan bahawa jika dia melangsungkan akad nikah, maka nikahnya tidak sah dan batal. Tetapi menurut Imam Malik, seandainya seseorang itu telah menggauli isterinya, maka nikahnya tetap batal dan tidak sah dengan tetap melalui proses menjatuhkan talak, kerana masalah ini masih diperselisihkan oleh ulama. Untuk itu, perselisihan ini mestilah dihilangkan dengan cara menjatuhkan talak sebagai langkah berjaga-jaga terhadap persoalan kemaluan.

Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad mengatakan bahawa perkahwinan seseorang batal tanpa harus melafazkan talak. Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa orang yang berihram sah melangsungkan akad nikah untuk dirinya sendiri, juga untuk orang lain, kerana berlandaskan kepada makna zahir kisah perkahwinan Maimunah (r.a).

٢٦١- عَنْ أَبِي قَتَادَةَ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ فِي قِصَّةِ صَيْدِهِ الْحِمَارَ الْوَحْشِيَّ، وَهُوَ غَيْرُ مُحْرِمٍ، قَالَ: فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِأَصْحَابِهِ، وَكَانُوا مُحْرِمِينَ: "هَلْ مِنْكُمْ أَحَدٌ أَمَرَهُ أَوْ أَشَارَ إِلَيْهِ بِشَيْءٍ؟" قَالُوا: لاَ. قَالَ: "فَكُلُوا مَا بَقِيَ مِنْ لَحْمِهِ". مُتَّفَقٌ

عَلَيْهِ.

261. Daripada Abu Qatadah al-Ansari (r.a) dalam kisah ketika dia berburu keldai liar sedangkan dia dalam keadaan tidak berihram, beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda kepada para sahabatnya yang ketika itu mereka sedang berihram: "Apakah ada seseorang di antara kamu yang memerintahnya (untuk berburu), atau mengisyaratkan sesuatu (tentang berburu) kepadanya?" Mereka menjawab: "Tidak ada." Nabi (s.a.w) bersabda: "Makanlah dagingnya yang masih tersisa oleh kamu." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Orang yang berihram bererti menghadap Allah dengan mengetepikan semua kebiasaan dan hawa nafsu, membebaskan diri daripada dosa-dosa, dan menanggalkan pakaian yang biasa dalam seharian dalam keadaan menuju rumah Allah dan berdiri di hadapan pintunya. Dia tidak boleh menebang pohon, mengganggu orang lain dan menyakiti haiwan serta tidak boleh berburu. Dia datang ke Baitullah dalam keadaan membaca talbiyah dan bertaubat.

Haiwan liar yang diburu oleh orang lain dan orang yang sedang berihram tidak membantunya dengan cara memberi isyarat kepadanya, memberikan anak panah dan tidak pula menyerahkan anjing pemburu kepadanya, maka dihalalkan baginya memakan hasil buruan orang lain itu kerana dia tidak turut serta berburu dan tidak terlibat di dalamnya. Inilah Abu Qatadah, dia berburu untuk dirinya sendiri, tetapi teman-temannya turut memakan sebahagian daripada hasil buruannya itu, padahal mereka sedang berihram. Ketika mereka merasa kesulitan memecahkan hukum masalah ini, mereka kembali mendatangi Rasulullah (s.a.w) dan bertanya kepadanya mengenai masalah yang masih mereka ragui itu.

Kemudian Rasulullah (s.a.w) mengadakan pemeriksaan terhadap mereka dan setelah baginda mengetahui bahawa mereka tidak terlibat di dalam perburuan itu, maka baginda menghalalkan mereka untuk memakan hasil buruan itu. Bahkan baginda turut memberi sokongan di atas tindakan mereka dengan cara turut makan bersama mereka sebagai menjelaskan bahawa itu sememangnya dihalalkan.

Analisis Lafaz

"فِي قِصَّةِ صَيْدِهِ الْحِمَارَ الْوَحْشِيَّ", Abu Qatadah (r.a) al-Ansari telah menceritakan kisahnya sebagai berikut:

أن رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَرَجَ حَاجًّا فَخَرَجُوْا مَعَهُ فَصَرَفَ طَائِفَةً مِنْ أَصْحَابِهِ مِنْهُمْ أَبُو قَتَادَةَ، وقَالَ: خُذُوا سَاحِلَ الْبَحْرِ حَتَّى نَلْتَقِيَ، فَأَخَذُوا سَاحِلَ الْبَحْرِ فَلَمَّا انْصَرَفُوا أَحْرَمُوا كُلُّهُمْ إِلاَّ أَبَا قَتَادَةَ فَلَمْ يُحْرِمْ، فَبَيْنَمَا هُمْ يَسِيرُونَ إِذْ رَأَوْا حُمُرَ

وَحْشٍ فَحَمَلَ أَبُو قَتَادَةَ عَلَى الْحُمُرِ فَعَقَرَ مِنْهَا أَتَانًا، فَنَزَلْنَا فَأَكَلْنَا مِنْ لَحْمِهَا فَأَدْرَكَنَا رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَأَلْنَاهُ عَنْ ذَلِكَ؟ قَالَ: مِنْكُمْ أَحَدٌ أَمَرَهُ أَن يَحْمِلَ عَلَيْهَا أَوْ أَشَارَ إِلَيْهَا؟ قَالُوا: لاَ، قَالَ: فَكُلُوا مَا بَقِيَ مِنْ لَحْمِهَا. وَفِيْ رِوَايَةٍ: هَلْ مَعَكُمْ مِنْهُ شَيْءٌ؟ فَقُلْتُ: نَعَمْ، فَنَاوَلْتُهُ الْعَضُدَ فَأَكَلَ مِنْهَا.

"Rasulullah (s.a.w) berangkat untuk melakukan ibadah haji dan mereka (para sahabat) turut berangkat bersamanya. Kemudian sekumpulan daripada mereka disuruh berpecah dan termasuk di antara mereka terdapat Abu Qatadah. Baginda bersabda (kepada mereka): "Ambillah oleh kamu jalan pantai. Nanti kita bertemu kembali." Lalu mereka mengambil jalan pantai, kemudian mereka berangkat berihram, kecuali Abu Qatadah, dia tidak ikut berihram. Manakala mereka sedang berjalan, tiba-tiba mereka melihat sekumpulan keldai liar, lalu Abu Qatadah segera memburunya dan berhasil membunuh seekor keldai liar betina dari sekumpulan keldai liar itu. Lalu kami beristirehat dan memakan sebahagian dagingnya, dan akhirnya Rasulullah (s.a.w) berhasil menyusul kami, lalu kami menanyakan kepadanya perkara tersebut. Baginda bersabda: "Apakah ada seseorang di antara kamu yang memerintahkannya untuk memburu binatang itu atau mengisyaratkan kepadanya?" Mereka menjawab: "Tidak ada." Nabi (s.a.w) bersabda: "Kalau demikian, makanlah dagingnya yang masih tersisa oleh kamu." Di dalam riwayat lain disebutkan: "Apakah masih ada yang tersisa pada kamu?" Aku menjawab: "Ya." Kemudian aku mengambilkannya sepotong paha dan baginda memakan sebahagiannya."

"خَرَجَ حَاجًّا", ungkapan ini sering kali digunakan. Tetapi makna *al-hajj* menurut asalnya ialah ziarah ke Baitullah. Ini seakan-akan dikatakan bahawa Nabi (s.a.w) berangkat dengan tujuan ke Baitullah. Oleh itu, ibadah umrah disebut pula dengan istilah haji kecil. Peristiwa yang disebutkan di dalam hadis ini terjadi pada tahun Perjanjian al-Hudaibiyah[11] pada tahun 6 Hijriah di mana ketika itu para sahabat berjanji setia kepada Nabi (s.a.w) di bawah sebuah pohon yang ada di tempat itu. Mereka berjanji setia kepada Nabi (s.a.w) sampai mati. Peristiwa ini yang diisyaratkan dalam firman Allah:

﴿ لَّقَدْ رَضِيَ ٱللَّهُ عَنِ ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ ٱلشَّجَرَةِ ..... ﴿١٨﴾

[11] Al-Hudaibiyah adalah nama sebuah kampung kecil yang terletak sekitar 21 km dari Mekah dan sembilan marhalah dari Madinah. Diberi nama demikian kerana di tempat itu terdapat pohon Hadba.' Menurut pendapat lain kerana nama sebuah sumur yang terdapat berhampiran pohon itu sengaja ditebang oleh al-Faruq sebagai langkah-langkah berjaga-jaga supaya tidak dipuja oleh generasi kebelakangan di kemudian hari. Pada masa sekarang tempat itu diberi nama al-Syis dan masih termasuk bahagian daripada tanah suci.

"*Sesungguhnya Allah telah reda terhadap orang mukmin ketika mereka berjanji setia kepadamu di bawah pohon...*" (Surah al-Fath: 18)

"طَائِفَةٌ مِنْ أَصْحَابِهِ", sebahagian dari pasukan kaum muslimin.

"حُمُرَ وَحْشٍ", keldai liar.

"فَحَمَلَ", lalu Abu Qatadah memburunya.

"فَعَقَرَ مِنْهَا أَتَانًا", dan dia berhasil menangkap seekor keldai liar betina, lalu dia langsung menyembelihnya.

"فَأَدْرَكْنَا رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", Rasulullah (s.a.w) berhasil menyusul kami beserta rombongan yang bersamanya.

"أَن يَحْمِلَ عَلَيْهَا", menyerang dan memburunya.

"هَلْ مَعَكُمْ مِنْهُ شَيْءٌ؟", apakah masih ada yang tersisa pada kamu. Ini dilakukan oleh Nabi (s.a.w) untuk menenangkan hati mereka, bahawa baginda bersetuju dengan perbuatan mereka.

"الْعَضُدَ", sepotong paha.

Fiqh Hadis

1. Seorang pemimpin berhak untuk membahagikan kekuatan pasukan tentera selagi itu dianggap perlu untuk mengawal pergerakan musuh.
2. Orang yang berihram boleh memakan daging hasil buruan apabila binatang buruan tersebut tidak diburu olehnya dan dia tidak membantu orang lain untuk memburunya serta tidak pula terlibat di dalam perburuannya.
3. Membunuh haiwan buruan sudah dianggap sama dengan menyembelihnya.
4. Orang yang berihram tidak boleh membantu orang yang tidak berihram untuk membunuh binatang buruan.
5. Merujuk kepada nash-nash ketika terjadi keraguan dan tanggapan-tanggapan yang saling bercanggah.
6. Meminta sesuatu kepada teman-teman dan menerima hadiah mereka.
7. Menyisakan bahagian tertentu makanan untuk kemudian diberikan kepada teman yang tidak hadir di tempat dari kalangan orang yang mesti dihormati atau orang yang bakal dijadikan hakim dalam masalah yang berkenaan secara khusus.

٢٦٢- عَنْ الصَّعْبِ بْنِ جَثَّامَةَ اللَّيْثِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ أَهْدَى لِرَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِمَارًا وَحْشِيًّا، وَهُوَ بِالْأَبْوَاءِ أَوْ بِوَدَّانَ فَرَدَّهُ عَلَيْهِ، وَقَالَ: "إِنَّا لَمْ نَرُدَّهُ عَلَيْكَ إِلاَّ أَنَّا حُرُمٌ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

262. Daripada al-Sha'b ibn Jatssamah al-Laitsi (r.a) bahawa beliau pernah memberikan hadiah seekor keldai liar kepada Rasulullah (s.a.w) ketika baginda berada di al-Abwa atau di Waddan, tetapi baginda memulangkan semula pemberian keldai liar itu kepadanya dan bersabda: "Sesungguhnya kami tidak sekali-kali memulangkannya kepadamu, melainkan kerana kami sedang berihram." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Setiap binatang buruan yang diburu untuk orang yang sedang berihram tidak dihalalkan bagi orang yang berihram memakannya. Dengan demikian, dapatlah digabungkan pemahaman dalam masalah ini dan hilanglah semua percanggahan antara hadis ini dan hadis Abu Qatadah sebelumnya.

Kisah hadis Abu Qatadah ialah perburuan itu dilakukan oleh dirinya sendiri yang tidak berihram dan tanpa bantuan daripada orang yang berihram sama ada melalui anjing pemburu atau anak panah dan tidak pula melalui petunjuknya, baik dengan isyarat ataupun dengan perkataan. Oleh itu binatang buruan itu dihalalkan baginya.

Sedangkan kisah al-Sha'ab ibn Jattsamah berkaitan dengan binatang buruan yang diyakini oleh Rasulullah (s.a.w) bahawa binatang buruan itu diburu untuknya, sedangkan baginda dalam keadaan berihram. Oleh itu, baginda menolaknya kerana binatang itu tidak boleh dimakan olehnya. Sesungguhnya Rasulullah (s.a.w) meminta maaf kepada si pemberi hadiah ketika memulangkannya semata-mata untuk menghibur hatinya sekali gus menjelaskan hukumnya. Pengertian ini ditegaskan oleh hadis Abu Qatadah yang ada pada Imam Ahmad dan Ibn Majah dengan sanad yang *jayyid* (baik). Lafaznya sebagai berikut:

إِنَّمَا صُدْتُهُ لَهُ.

"*Sesungguhnya haiwan itu saya buru untuk dirinya sendiri.*"

Analisis Lafaz

"بِالْأَبْوَاءِ", nama sebuah kampung yang terletak di sebelah utara al-Juhfah. Jarak antara al-Juhfah dengan al-Abwa' lebih kurang 43 km. Diberi nama al-Abwa' kerana tempat itu selalunya terdedah kepada banjir. Di al-Abwa' ini terdapat kuburan ibu Rasulullah (s.a.w), iaitu Aminah binti Wahb yang jaraknya dari Madinah lebih kurang enam mil.

"وَدَّانَ", nama sebuah tempat yang masyhur berhampiran dengan al-Abwa'.

"فَرَدَّهُ عَلَيْهِ", Rasulullah (s.a.w) tidak mahu menerima hadiah itu daripadanya, sehingga berubahlah wajah si pemberi hadiah itu kerana hadiahnya dipulangkan. Ini terjadi pada tahun haji wada'.

"إِنَّا لَمْ نَرُدَّهُ عَلَيْكَ إِلَّا أَنَّا حُرُمٌ", sesungguhnya kami tidaklah sekali-kali memulangkannya kepadamu melainkan lantaran kami sedang berihram.

Fiqh Hadis

1. Boleh memulangkan hadiah kerana ada suatu sebab dan meminta maaf ketika memulangkannya untuk menghibur hati si pemberi hadiah.
2. Hadiah tidak termasuk milik orang yang diberi hadiah, kecuali setelah hadiah itu diterimanya dan kemampuan untuk memilikinya tidak bererti menjadikan seseorang sebagai pemiliknya.
3. Orang yang sedang berihram dilarang makan daging hasil buruan apabila binatang itu diburu untuknya.
4. Orang yang berihram harus melepaskan binatang buruan yang tidak boleh diburu olehnya.

Periwayat Hadis

Al-Sha'ab ibn Jattsamah al-Laitsi al-Hijazi. Beliau seorang sahabat yang meriwayatkan beberapa hadis dan telah meriwayatkan hadis daripada Ibnu Abbas (r.a) dalam kisah hadiah binatang buruan dan kisah yang selainnya.

٢٦٣- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "خَمْسٌ مِنَ الدَّوَابِّ كُلُّهُنَّ فَوَاسِقُ يُقْتَلْنَ فِي الْحِلِّ وَ الْحَرَمِ: الْغُرَابُ، وَالْحِدَأَةُ، وَالْعَقْرَبُ، وَالْفَأْرَةُ، وَالْكَلْبُ الْعَقُورُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

263. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Ada lima jenis haiwan perosak yang boleh dibunuh di tanah halal dan di tanah haram (suci), iaitu: burung gagak, burung helang, kalajengking, tikus dan anjing gila.*" (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Setelah Allah mengharamkan membunuh binatang darat dan mengganggunya, maka Dia menghilangkan larangan tersebut melalui lisan Nabi-Nya terhadap semua binatang yang mendatangkan bahaya dan mudarat kepada umat manusia, iaitu burung gagak, burung helang, kalajengking, tikus, dan anjing gila. Haiwan-haiwan ini dapat mengancam kehidupan dan kesihatan serta kekuatan manusia, maka orang yang berihram dan orang yang sedang solat dibolehkan membunuh haiwan-haiwan tersebut ketika sedang menjalankan ibadah dan ihram sebagai membela diri hingga di tempat yang paling suci dan paling bersih sekalipun. Ini dilakukan untuk melaksanakan kaedah syariat yang menyatakan bahawa mudarat (bahaya) itu harus dihilangkan. Termasuk di antaranya adalah segala sesuatu yang mengganggu, misalnya perompak yang tidak dapat dicegah kecuali dengan cara membunuhnya.

Analisis Lafaz

"خَمْسٌ", batasan di dalam hadis ini bukan bererti hanya terbatas kepada jumlah tersebut, kerana di dalam riwayat Muslim disebutkan empat jenis dengan tidak memasukkan burung gagak, sedangkan di dalam riwayat yang lain disebutkan enam jenis dengan menambahkan ular.

"مِنَ الدَّوَابِّ", bentuk jamak dari lafaz "الدابة", nama bagi setiap haiwan yang melata di muka bumi. Huruf *ta'* menunjukkan makna *mubalaghah*, kemudian tradisi memindahkan pengertiannya untuk menunjukkan kepada setiap haiwan yang berkaki empat, seperti kuda, keldai dan baghal.

"كُلُّهُنَّ فَوَاسِقُ", berasal daripada lafaz *al-fisq* yang bererti "menyimpang". Diberi nama demikian kerana binatang-binatang tersebut berbeza dengan binatang yang selainnya kerana gemar mengganggu dan boleh merosakkan.

"الْغُرَابُ", diberi nama *al-Ghurab* (asing) kerana burung ini melarikan diri ketika disuruh oleh Nabi Nuh meninggalkan perahunya untuk mencari berita tentang daratan. Di perjalanan itu burung gagak menjumpai sepotong bangkai, lalu ia memakannya dan tidak mahu kembali lagi menjumpai Nabi Nuh. Burung gagak suka mematuk tulang belakang unta dan kedua-dua matanya serta mencuri makanan manusia.

"الْحِدَأَةُ", burung yang berwatak buruk, suka menyambar makanan manusia dan adakalanya ia menyambar sesuatu benda yang berwarna merah yang sebenarnya tidak termasuk makanannya kerana ia menduga benda itu adalah daging. Ia adalah burung helang.

"الْعَقْرَبُ", kalajengking. Ia memiliki lapan kaki, kedua matanya berada di tulang belakang, suka menyengat dan sengatannya amat menyakitkah kerana berbisa. Tetapi anehnya kalajengking tidak mahu menyengat mayat dan orang yang sedang tidur selagi tidak ada bahagian tubuhnya yang bergerak. Jika a bergerak, maka dia langsung menyengatnya.

"الْفَأْرَةُ", tikus. Apa yang dimaksudkan di sini ialah tikus rumah yang juga dikenali dengan sebutan "الفويسقة". Rasulullah (s.a.w) pernah membunuhnya ketika pada suatu malam ia menjatuhkan lampu yang hampir-hampir membakar rumah baginda. Ia adalah jenis binatang perosak. Ia tidak pernah membiarkan sesuatu pun yang berharga kecuali dirosaknya dan dihancurkannya.

"الْكَلْبُ الْعَقُورُ", anjing gila yang suka menggigit manusia. Anjing ini sangat ditakuti kerana penyakit yang dihidapnya (rabies). Tetapi istilah ini disebut pula untuk maksud singa, seperti mana maksud yang terdapat di dalam satu hadis yang menyatakan:

اللَّهُمَّ سَلِّطْ عَلَيْهِ كَلْبًا مِنْ كِلاَبِكَ.

"*Ya Allah, serahkanlah dia kepada seekor singa daripada singa-singa-Mu.*"

Maka anjing tersebut mati diterkam oleh singa. Hadis ini berkedudukan hasan dan dikemukakan oleh al-Hakim.

Fiqh Hadis

1. Boleh membunuh lima jenis haiwan perosak di tanah suci, terlebih lagi di tanah halal (yang bukan tanah suci).
2. Boleh membunuh setiap binatang yang membahayakan, misalnya harimau, singa, nyamuk dan lain-lain sebagainya.
3. Dilarang memelihara binatang yang berbahaya.

٢٦٤- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ احْتَجَمَ وَهُوَ مُحْرِمٌ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

264. Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah berbekam ketika sedang berihram. (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Para ulama telah bersepakat untuk membolehkan berbekam bagi orang yang berihram apabila berbekam itu diperlukan, baik di kepala ataupun di bahagian tubuh yang lain. Jika ada sehelai rambut yang tercabut, maka dia wajib membayarkan fidyahnya, tetapi jika tidak ada, maka dia bebas daripada sebarang membayar fidyah. Jika dia berbekam tanpa ada uzur, lalu ada sehelai rambut yang tercabut, maka dia wajib membayar fidyah dan dia pun berdosa, tetapi jika tidak ada rambut yang tercabut, maka hukumnya hanya dimakruhkan.

Fiqh Hadis

Orang yang berihram dibolehkan berbekam. Jumhur ulama mengatakan bahawa berbekam dibolehkan bagi orang yang berihram, meskipun itu tidak diperlukan dan tidak ada fidyah ke atasnya, selagi rambutnya tidak ada yang tercabut. Apabila ada sehelai rambut yang tercabut, maka dia wajib membayar fidyah.

Imam Malik berkata: "Orang yang berihram tidak boleh berbekam kecuali dalam keadaan darurat, kerana ini dikaitkan dengan adanya penyakit seperti yang disebutkan di dalam hadis yang lain daripada Ibn Abbas (r.a) yang lafaznya adalah sebagai berikut:

أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ احْتَجَمَ وَهُوَ مُحْرِمٌ فِي رَأْسِهِ مِنْ دَاءٍ كَانَ بِهِ.

"Rasulullah (s.a.w) pernah berbekam pada kepalanya ketika berihram kerana penyakit yang diderita di bahagian kepalanya itu."

٢٦٥- عَنْ كَعْبِ بْنِ عُجْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: حُمِلْتُ إِلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالْقَمْلُ يَتَنَاثَرُ عَلَى وَجْهِي، فَقَالَ: "مَا كُنْتُ أَرَى الْوَجَعَ بَلَغَ بِكَ مَا أَرَى، أَتَجِدُ شَاةً؟ قُلْتُ: لاَ. قَالَ: "فَصُمْ ثَلاَثَةَ أَيَّامٍ، أَوْ أَطْعِمْ سِتَّةَ مَسَاكِينَ، لِكُلِّ مِسْكِينٍ نِصْفُ صَاعٍ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

265. Daripada Ka'ab ibn 'Ujrah (r.a), beliau berkata: "Aku diusung menuju ke tempat Rasulullah (s.a.w), sedangkan kutu bertebaran ke mukaku, lalu baginda bersabda: "Aku belum pernah melihat penyakit yang menimpamu seperti apa yang aku lihat sekarang. Apakah engkau memiliki seekor kambing?" Dia menjawab: "Tidak." Nabi (s.a.w) bersabda: "Puasalah tiga hari atau berilah makan kepada enam orang miskin; setiap orang memperoleh setengah sha'." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Allah (s.w.t) mensyariatkan fidyah bagi orang yang berihram apabila dia melanggar sesuatu yang dilarang seperti memotong kuku, mencukur rambut dan memakai pakaian yang berjahit.

Allah (s.w.t) membolehkan memilih salah satu di antara ketiga-tiga jenis fidyah sebagai satu kemudahan bagi hamba-hamba-Nya sebagaimana dijelaskan tentang kadar yang wajib diberikan berupa makanan dan jumlah orang miskin yang wajib menerima fidyah.

Ketika Nabi (s.a.w) melihat keadaan Ka'ab ibn 'Ujrah dalam keadaan teruk, baginda merasa kasihan kepadanya, lalu memerintahkannya agar menghilangkan kutu yang begitu banyak di kepalanya dan amat mengganggunya itu. Baginda menjelaskan kepadanya perkara-perkara yang dapat menutupi kekurangan tersebut. Allah (s.w.t) berfirman:

..... فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا أَوْ بِهِۦٓ أَذًى مِّن رَّأْسِهِۦ فَفِدْيَةٌ مِّن صِيَامٍ أَوْ صَدَقَةٍ أَوْ نُسُكٍ ۚ .....

﴿١٩٦﴾

"... *Jika ada salah seorang di antara kamu yang sakit atau ada gangguan di kepalanya (lalu dia bercukur), maka dia wajib berfidyah, iaitu berpuasa, bersedekah, atau berqurban....*" (Surah al-Baqarah: 196)

Analisis Lafaz

"حُمِلْتُ إِلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", aku dibawa kepada Rasulullah (s.a.w) seraya diusung. Hal ini terjadi pada umrah al-Hudaibiyah pada tahun 6 Hijriah.

"وَالْقَمْلُ", kutu.

"يَتَنَاثَرُ عَلَى وَجْهِي", bertebaran dan berjatuhan ke mukaku kerana terlampau banyak.

"أَرَى", aku menduga.

"أَتَجِدُ شَاةً؟", apakah engkau mempunyai seekor kambing?

Fiqh Hadis

1. Orang yang berkedudukan tinggi disyariatkan agar berbelas kasihan kepada teman-temannya dan memperhatikan keadaan mereka serta sentiasa memeriksanya. Jika dia ada melihat salah seorang di antara pengikutnya ditimpa kesusahan, maka dia hendaklah memberikan jalan keluar bagi permasalahan yang dihadapi oleh pengikutnya.
2. Orang yang berihram diharamkan mencukur rambut, namun dia boleh mencukurnya sebagai *rukhsah* apabila kepalanya berpenyakit, misalnya berkutu atau menderita penyakit yang lain.
3. Pilihan untuk membayar fidyah berdasarkan urutan, iaitu menyembelih seekor kambing, berpuasa atau memberi makan orang miskin. Pengertian pilihan ini dapat disimpulkan dari perkataan "atau" yang digunakan untuk menunjukkan makna pilihan menurut istilah bahasa. Demikian pula pengertian pilihan dapat disimpulkan daripada hadis berikut:

   إِنْ شِئْتَ فَانْسُكْ نَسِيكَةً، وَإِنْ شِئْتَ فَأَطْعِمْ، وَإِنْ شِئْتَ فَصُمْ ثَلاَثَةَ أَيَّامٍ.

   "*Jika engkau menghendaki, maka sembelihlah seekor haiwan kurban kecil (seekor kambing) dan jika engkau suka, engkau boleh memberi makan dan jika engkau suka, engkau boleh puasa selama tiga hari.*" Demikianlah menurut riwayat hadis yang dikemukakan oleh Abu Dawud.
4. Pembayaran fidyah ini tidak ditentukan berdasarkan tempat. Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa memberi makan tidak dikaitkan dengan tempat. Adapun menyembelih haiwan kurban, maka ini khusus dilakukan di tanah suci. Ini kerana mengalirkan darah haiwan kurban tidak diakui sebagai amal taqarrub kecuali pada waktu atau tempat yang telah ditentukan, sedangkan darah ini tidak ada kaitannya dengan zaman, maka ia mesti ada kaitannya dengan tempat yang dalam hal ini adalah tanah suci. Imam Ahmad dan Imam al-Syafi'i berkata: "Memberi makan dan menyembelih kurban hanya dilakukan di tanah suci." Imam Malik berkata: "Fidyah tidak dikhususkan oleh waktu dan tempat."

5. Menjelaskan kadar yang wajib diberikan ketika berfidyah yang berbentuk makanan, iaitu tiga sha', sedangkan jumlah orang miskin yang diberinya ialah enam orang. Ini bererti setiap orang mendapat setengah sha'. Menurut satu riwayat yang bersumberkan daripada Imam Abu Hanifah, setiap orang mendapat setengah sha' gandum atau satu sha' daripada jenis yang lain.

Periwayat Hadis

Ka'ab ibn 'Ujrah ibn Umayyah al-Balawi, nama panggilannya Abu Muhammad al-Madani. Beliau meriwayatkan 47 hadis, dan anak-anaknya telah mengambil riwayat hadis daripadanya. Beliau meninggal dunia pada tahun 51 Hijriah.

٢٦٦- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: لَمَّا فَتَحَ اللهُ عَلَى رَسُولِهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَكَّةَ، قَامَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي النَّاسِ، فَحَمِدَ اللهُ وَأَثْنَى عَلَيْهِ، ثُمَّ قَالَ: "إِنَّ اللهَ حَبَسَ عَنْ مَكَّةَ الْفِيلَ، وَسَلَّطَ عَلَيْهَا رَسُولَهُ وَالْمُؤْمِنِينَ، وَإِنَّهَا لَمْ تَحِلَّ لِأَحَدٍ كَانَ قَبْلِي، وَإِنَّمَا أُحِلَّتْ لِي سَاعَةٌ مِنْ نَهَارٍ، وَإِنَّهَا لَنْ تَحِلَّ لِأَحَدٍ بَعْدِي، فَلاَ يُنَفَّرُ صَيْدُهَا، وَلاَ يُخْتَلَى شَوْكُهَا، وَلاَ تَحِلُّ سَاقِطَتُهَا إِلاَّ لِمُنْشِدٍ، وَمَنْ قُتِلَ لَهُ قَتِيلٌ فَهُوَ بِخَيْرِ النَّظَرَيْنِ"، فَقَالَ الْعَبَّاسُ: إِلاَّ الْإِذْخِرَ، يَا رَسُولَ اللهِ، فَإِنَّا نَجْعَلُهُ فِي قُبُورِنَا وَبُيُوتِنَا، فَقَالَ: "إِلاَّ الْإِذْخِرَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

266. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Ketika Allah (s.w.t) memberikan kemenangan kepada Rasul-Nya (ke atas kota Mekah), lalu Rasulullah (s.a.w) berdiri di hadapan orang ramai (berkhutbah). Baginda memuji Allah dan menyanjung-Nya, kemudian bersabda: "Sesungguhnya Allah telah menahan pasukan bergajah daripada menyerang kota Mekah dan memberikan kekuasaan kepada Rasul-Nya serta kaum mukminin. Sesungguhnya Mekah belum pernah dihalalkan bagi sesiapa pun sebelumku. Sesungguhnya Mekah hanya dihalalkan bagiku sesaat dari siang hari. Sesungguhnya Mekah tidak akan dihalalkan lagi bagi sesiapa pun sesudahku. Oleh itu, binatang buruannya tidak boleh diganggu, pohon yang berduri tidak boleh ditebang (dipotong), dan barang temuannya tidak dihalalkan kecuali bagi orang yang ingin mengumumkannya. Barang siapa kerabatnya ada yang terbunuh, maka dia dibolehkan memilih salah satu di antara dua pilihan yang terbaik." Al-'Abbas berkata: "Kecuali *al-Idzkhir*, wahai Rasulullah, kerana sesungguhnya kami menjadikannya untuk menutupi kuburan kami dan menjadikannya atap bagi rumah-rumah kami." Lalu Nabi (s.a.w) bersabda: "Kecuali *al-Idzkhir*." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Allah (s.w.t) mengutus Rasul-Nya untuk semesta alam dengan membawa berita gembira dan sebagai pemberi peringatan. Baginda mengajak umat manusia supaya memeluk agama Islam dan menyembah Allah, maka berimanlah kepadanya sekumpulan kecil umat manusia. Mereka yang telah masuk Islam berada di bawah tekanan dan seksaan kaum Quraisy, kerana pada saat itu kekuasaan negara berada di tangan mereka. Orang yang lemah di Mekah hidup dalam keadaan tertindas, terpaksa menelan pahitnya seksaan. Maka Allah memerintahkan kepada mereka untuk berhijrah, hingga jadilah kota Madinah sebagai rumah dan tempat tinggal mereka, sedangkan penduduk Madinah adalah orang yang menolong agama Islam. Mereka saling tolong-menolong dalam berjihad di jalan Allah, hingga Allah memberikan kemenangan kepada mereka dan berjayalah Islam berkat kegigihan perjuangan mereka serta semua orang Arab tunduk kepada mereka dan masuk ke dalam agama Allah secara beramai-ramai.

Sesudah itu mereka kembali lagi ke Mekah sebagai orang yang menang, dan Rasulullah (s.a.w) menetapkan keutamaan kota Mekah dan kesuciannya serta menjelaskan kepada kita undang-undang yang menetapkan bahawa pembunuhan merupakan suatu perbuatan jenayah, sehingga pelakunya wajib dihukum melalui hukum qisas atau membayar diat sekalipun pelakunya berlindung di dalam tanah suci, kerana tanah suci tidak dapat melindungi orang yang derhaka manakala pemilihan antara menjatuhkan hukuman qisas atau membayar diat adalah diserahkan sepenuhnya kepada wali si terbunuh.

Analisis Lafaz

"لَمَّا فَتَحَ اللهُ عَلَى رَسُولِهِ", ketika Allah hendak membukakan kota Mekah untuk Rasul-Nya yang terjadi hari Jumaat tarikh 10 Ramadhan tahun 8 Hijriah. Rasulullah (s.a.w) menyampaikan khutbahnya ini pada hari kedua setelah pembukaan kota Mekah seraya berdiri di hadapan pintu Kaabah.

"إِنَّ اللهَ حَبَسَ عَنْ مَكَّةَ الْفِيلَ", ini mengisyaratkan kisah tentera Habsyah, iaitu mereka yang datang untuk memerangi tanah suci. Kemudian Allah segera menurunkan azab-Nya kepada mereka yang kisahnya disebutkan di dalam Surah al-Fil.

"وَسَلَّطَ عَلَيْهَا رَسُولَهُ وَالْمُؤْمِنِينَ", penguasaan yang dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w) terhadap kota Mekah kerana orang Quraisy telah menodai kesucian kota Mekah, sehingga baginda menguasainya dengan cara paksa seperti mana yang ditegaskan oleh lafaz "سلط" dan juga oleh lafaz "لم تحل" sesudahnya.

"وَإِنَّمَا أُحِلَّتْ لِي سَاعَةٌ مِنْ نَهَارٍ", Allah (s.w.t) memberikan kekuasaan kepada Rasulullah (s.a.w) untuk memerangi Mekah dalam waktu yang terbatas, iaitu berawal dari terbitnya matahari hingga solat Asar. Apa yang dimaksudkan dengan istilah *al-Sa'ah* ialah hitungan waktu, bukan hitungan waktu astronomi, iaitu waktu ketika baginda mula memasuki Mekah.

"فَلاَ يُنَفَّرُ صَيْدُهَا", binatang buruannya tidak boleh diburu, diganggu dan dikejutkan.

"وَلاَ يُخْتَلَى شَوْكُهَا", pepohonannya tidak boleh ditebang dan dicabut.

"وَلاَ تَحِلُّ سَاقِطَتُهَا إِلاَّ لِمُنْشِدٍ", *al-Saqithah* adalah sesuatu benda yang jatuh tanpa pengetahuan pemiliknya, yakni barang yang hilang. *Al-Munsyid* adalah orang yang mengumumkannya kepada khalayak ramai. Maksudnya ialah barang temuannya tidak halal kecuali hanya bagi orang yang ingin mengumumkannya.

"وَمَنْ قُتِلَ لَهُ قَتِيلٌ فَهُوَ بِخَيْرِ النَّظَرَيْنِ", barang siapa di antara kerabatnya ada yang terbunuh, maka walinya berhak memilih salah satu di antara dua pilihan yang terbaik baginya, iaitu qishash dan diat.

"اْلإِذْخِرَ", tumbuhan yang baunya wangi, biasa dipakai oleh pandai besi untuk perapian. Mereka mengatapi rumah mereka dengan *idzkhir* yang diletakkan di antara celah-celah kayu, dan untuk menutupi celah-celah di antara batu-batu bata dalam kuburan.

Fiqh Hadis

1. Haram melakukan peperangan di Mekah.
2. Haram memotong pohon berduri yang ada di Mekah. Jika pohon itu tumbuh secara semula jadi, maka haram memotongnya menurut kesepakatan para ulama, tetapi jika pohon itu sengaja ditanam, maka boleh memotongnya menurut pendapat jumhur ulama.
3. Barang temuan di Mekah tidak boleh dijadikan sebagai hak milik, tetapi harus diumumkan.
4. Haram mengganggu binatang buruan di Mekah, kerana itu akan mengakibatkan ia pupus.
5. Pembukaan kota Mekah dilakukan dengan cara paksa menurut pendapat jumhur ulama, sedangkan menurut Imam al-Syafi'i, kota Mekah dibuka dengan cara damai, kerana kota Mekah tidak dibahagikan kepada tentera kaum muslimin selaku pemenang dalam peperangan. Tetapi pendapatnya ini disanggah melalui satu kenyataan bahawa Rasulullah (s.a.w) telah menganugerahkan Mekah kepada penghuninya.
6. Betapa tinggi kedudukan al-Abbas di sisi Nabi (s.a.w) dan perhatian al-Abbas yang tinggi pula terhadap kota Mekah kerana Mekah merupakan kota kelahirannya dan tempat dia dibesarkan.
7. Rasulullah (s.a.w) mengecualikan *al-idzkhir* dalam hukum haram untuk memenuhi permintaan al-Abbas. Itu merupakan ijtihad Rasulullah (s.a.w) sendiri atau berkat wahyu yang diturunkan kepada ketika itu. Diqiaskan dengan *al-idzkhir* adalah segala sesuatu yang sangat diperlukan seperti membuat tongkat mengikut 'illatnya.

٢٦٧- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ زَيْدِ بْنِ عَاصِمٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِنَّ إِبْرَاهِيمَ حَرَّمَ مَكَّةَ وَدَعَا لِأَهْلِهَا، وَإِنِّي حَرَّمْتُ الْمَدِينَةَ كَمَا حَرَّمَ إِبْرَاهِيمُ مَكَّةَ، وَإِنِّي دَعَوْتُ فِي صَاعِهَا وَمُدِّهَا بِمِثْلِ مَا دَعَا إِبْرَاهِيمُ لأَهْلِ مَكَّةَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

267. Daripada Abdullah ibn Zaid ibn Ashim (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "Sesungguhnya Ibrahim telah mengharamkan Mekah dan mendoakan bagi penduduknya dan sesungguhnya aku haramkan Madinah sebagaimana Ibrahim mengharamkan Mekah dan sesungguhnya aku mendoakan sha' dan mudnya seperti doa yang telah dipanjatkan oleh Ibrahim untuk penduduk Mekah." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Allah telah menjadikan Mekah sebagai suci sejak langit dan bumi diciptakan, serta diperlihatkan kesucian Mekah kepada seluruh hamba-Nya melalui lisan kekasih-Nya, iaitu Nabi Ibrahim (a.s). Allah (s.w.t) mengilhamkan kepadanya agar mendoakan penduduknya. Untuk itu Nabi Ibrahim (a.s) berdoa:

..... رَبِّ ٱجْعَلْ هَـٰذَا بَلَدًا ءَامِنًا وَٱرْزُقْ أَهْلَهُۥ مِنَ ٱلثَّمَرَٰتِ ..... ﴿١٢٦﴾

"... *Wahai Tuhanku, jadikanlah negeri ini negeri yang aman, dan berilah rezeki kepada para penduduknya berupa buah-buahan...*" (Surah al-Baqarah: 126) Ini menunjukkan keutamaan yang dimiliki oleh Nabi Ibrahim (a.s).

Demikian pula Allah menyucikan kota Madinah al-Munawwarah yang menjadi tempat hijrah Rasulullah (s.a.w) untuk memuliakannya dan menjelaskan keutamaannya serta mengisyaratkan betapa mulia kedudukan para penghuninya. Allah menurunkan ilham-Nya kepada Nabi Muhammad (s.a.w) agar mendoakan kota Madinah, lalu baginda berdoa untuk keberkatan sha' dan mudnya serta apa-apa peristiwa tidak akan menimpa dirinya.

Kedua-dua kota ini merupakan kota suci yang dipenuhi dengan keamanan dan kedamaian, diberkati dan disucikan demi menghormati Rasulullah (s.a.w) dan Nabi Ibrahim (a.s).

Analisis lafaz

"إِنَّ إِبْرَاهِيمَ حَرَّمَ مَكَّةَ", Nabi Ibrahim (s.a.w) memperlihatkan kesuciannya dan menetapkan batasan-batasannya serta meninggikan bangunan Kaabah setelah tanda-tandanya hilang dihanyutkan banjir besar yang meranapkan bangunan Kaabah yang pernah dibangun oleh Nabi Adam (a.s).

"وَدَعَا لِأَهْلِهَا", Nabi Ibrahim mendoakan penduduknya. Ini ditegaskan oleh firman Allah:

..... فَٱجْعَلْ أَفْـِٔدَةً مِّنَ ٱلنَّاسِ تَهْوِىٓ إِلَيْهِمْ وَٱرْزُقْهُم مِّنَ ٱلثَّمَرَٰتِ لَعَلَّهُمْ يَشْكُرُونَ ﴿٣٧﴾

"*… Jadikanlah hati sebahagian umat manusia cenderung kepada mereka dan beri: rezekilah mereka dari buah-buahan, mudah-muddhan mereka bersyukur.*" (Surah Ibrahim: 37)

Masih banyak lagi doa lain yang telah dipanjatkan oleh Nabi Ibrahim (r.a).

"وَإِنِّي حَرَّمْتُ الْمَدِينَةَ", aku memperlihatkan kesuciannya sebagaimana Nabi Ibrahim memperlihatkan kesucian Mekah.

"وَإِنِّي دَعَوْتُ فِي صَاعِهَا وَمُدِّهَا", maksudnya ialah segala sesuatu yang ditakar dan ditimbang dengan ukuran tersebut, kerana doa ini dimaksudkan memohon berkat untuk makanan yang ditakar, bukan takarannya.

Fiqh Hadis

1. Kesucian Mekah bermaksud memberikan keamanan kepada para penduduknya daripada peperangan, dan orang yang memasukinya dalam keadaan aman; binatang buruannya diharamkan, begitu pula memotong pepohonannya dan mencabut pohon berduri di dalamnya.
2. Kesucian Madinah bermaksud binatang buruannya haram diburu, pepohonannya haram ditebang, dan tidak boleh terjadi peristiwa apa pun di dalamnya.
3. Menjelaskan keutamaan Nabi Ibrahim (a.s) dan Nabi Muhammad (s.a.w).
4. Dilarang melanggar kehormatan kedua-dua kota suci ini.

٢٦٨- عَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْمَدِينَةُ حَرَمٌ مَا بَيْنَ عَيْرٍ إِلَى ثَوْرٍ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

268. Daripada Ali ibn Abu Talib (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Madinah adalah kota suci. Seluruh daerah yang terletak di antara Bukit 'Air dan Bukit Tsaur termasuk kota suci.*" (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Hadis ini menjelaskan batasan kota suci Madinah. Apa yang dimaksudkan di sini ialah kota suci Madinah terletak di antara dua daerah berbatu hitam di sebelah timur dan barat. *Al-Labah* ialah daerah yang berbatu hitam. Hadis ini tidaklah bertentangan dengan hadis yang mengatakan di antara dua *al-Labah* dengan Bukit 'Air dan Bukit Tsaur mengelilingi kota Madinah yang bererti mentafsirkan pengertian yang terdapat di dalam hadis dua *al-Labah*.

Analisis Lafaz

"الْمَدِينَةُ حَرَمٌ", berikut ini akan disebutkan batasan kota suci Madinah dari sebelah selatan dan sebelah utara.

"مَا بَيْنَ عَيْرٍ إِلَى ثَوْرٍ", keduanya merupakan nama dua buah bukit di antara bukit-bukit Madinah yang lain. Bukit 'Air merupakan bukit yang besar lagi tinggi, terletak di sebelah selatan Madinah, dapat ditempuh dalam jarak waktu dua jam dari Madinah. Sedangkan Tsaur adalah bukit kecil yang berwarna merah, terletak di sebelah utara Bukit Uhud. Adapun batas sebelah timur dan sebelah barat disebutkan di dalam hadis lain daripada Rafi' ibn Khadij (r.a) yang menyatakan bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda:

إِنَّ إِبْرَاهِيْمَ حَرَّمَ مَكَّةَ، وَإِنِّي أُحَرِّمُ مَا بَيْنَ لاَبَتَيْهَا.

"*Sesungguhnya Ibrahim telah menyucikan kota Mekah dan sesungguhnya aku sekarang menyucikan segala yang ada di antara kedua al-labah-nya (Madinah).*"

Al-Labah adalah *al-Harrah*, yakni tanah yang terdiri daripada batu-batu hitam. Kota Madinah terletak di antara dua buah *al-Harrah*, yakni dari sebelah timur dan sebelah barat.

Fiqh Hadis

1. Menjelaskan batasan tanah suci kota Madinah dari sebelah selatan dan sebelah utara.
2. Menggabungkan antara hadis ini dengan hadis mengenai *al-Labataini*.

Kesimpulan

Dari hadis-hadis yang dihimpun dalam bab ini dapatlah diambil beberapa kesimpulan berikut:

1. Keutamaan berihram dari miqat.
2. Perintah ber-*ihlal* (membaca talbiyah dengan suara yang kuat), kerana ini merupakan salah satu di antara syiar manasik.
3. Ketaatan para sahabat dalam mengerjakan apa yang diperintahkan kepada mereka.
4. Disunatkan mandi untuk melakukan ihram.
5. Orang yang berihram diwajibkan menanggalkan pakaian yang biasa dipakai seharian ketika hendak memulakan ihram.
6. Orang yang berihram dilarang memakai pakaian biasa dan menutupi kepalanya. Dilarang memakan daging binatang buruan jika sengaja diburu untuk dirinya atau membantu di pemburu melalui petunjuk atau isyaratnya. Dilarang pula memelihara haiwan yang perosak (haiwan jahat).

7. Dianjurkan membuka kedua mata kaki ketika berihram dan dianjurkan supaya orang yang sedang berihram melepaskan haiwan yang berada di tangannya, iaitu haiwan yang dilarang diburu olehnya.
8. Dibolehkan memakai sepasang khuff dalam keadaan darurat, tetapi dengan syarat keduanya dipotong bahagian atasnya hingga kedua mata kaki orang yang memakai nampak kelihatan. Dibolehkan memakai wangian sebelum melakukan ihram dan dibolehkan memakai wangian sesudah *tahallul* pertama. Orang yang sedang berihram dibolehkan mencukur rambut apabila di kepalanya terdapat penyakit seperti berkutu ayau penyakit yang lain. Orang yang berihram dibolehkan memakan daging haiwan buruan apabila tidak sengaja diburu untuknya sedangkan dia tidak membantu si pemburu dengan apa jua cara sekalipun baik melalui petunjuk ataupun isyaratnya. Dibolehkan memulangkan hadiah kerana ada halangan yang menghalang seseorang untuk menerimanya serta meminta maaf kepada pemberi hadiah ketika memulangkannya demi menjaga perasaan hatinya. Dibolehkan membunuh haiwan-haiwan perosak baik di tanah suci mahupun di tanah halal (selain tanah suci). Dibolehkan membunuh setiap binatang yang merbahaya dan orang yang berihram dibolehkan berbekam.
9. Tidak boleh memakan binatang perosak dan orang yang berihram tidak boleh membantu orang yang tidak berihram membunuh binatang buruan.
10. Membunuh haiwan buruan merupakan cara menyembelihnya.
11. Pemimpin berhak membahagikan kekuatan para sahabatnya demi kemaslahatan dan mempercayakan sebahagian daripada mereka untuk mengawasi pergerakan musuh sebelum peperangan dimulakan.
12. Orang yang sedang berihram diharamkan memakai pakaian yang dibubuhi minyak zakfaran atau dicelup dengan *waras*. Dilarang pula melangsungkan akad nikah, baik untuk dirinya sendiri ataupun untuk orang lain. Dilarang mencukur rambut tanpa alasan darurat yang dibenarkan di sisi syariat. Dilarang melakukan peperangan di dalam kita suci Mekah dan kota suci Madinah, dilarang menebang atau mencabut pohon berduri di kota Mekah dan dilarang mengganggu binatang buruan di kota Mekah kerana itu akan mengakibatkan ia pupus.
13. Disyaratkan kembali kepada nash-nash ketika terjadi keraguan dan tanggapan yang bertentangan.
14. Meminta sesuatu kepada rakan-rakan dan menerima hadiah daripada mereka.
15. Menyisakan bahagian makanan untuk rakan yang tidak berada di tempat dari kalangan orang yang mesti dihormati atau hukum masalah tersebut berkaitan dengan keputusannya secara khusus.
16. Orang yang menjadi pemimpin mesti bersikap lemah lembut terhadap rakan-rakannya, memperhatikan dan meninjau keadaan mereka.
17. Dibolehkan takhyir atau memilih dalam membayar fidyah.

18. Menjelaskan kadar yang wajib diberikan dalam fidyah berupa makanan, jumlah orang miskin yang mesti diberi makan, dan batasan sebelah timur dan barat kota suci Madinah.
19. Barang temuan di kota Mekah tidak boleh dijadikan sebagai hak milik, tetapi mesti diumumkan kepada khalayak ramai untuk mengetahui siapa pemiliknya yang sebenar.
20. Kedudukan al-'Abbas (r.a) yang tinggi di sisi Nabi (s.a.w) dan perhatian al-Abbas yang sangat tinggi pula kepada kota Mekah.

Soalan

1. Bagaimanakah hukum ber-*ihlal* sebelum miqat?
2. Sebutkan riwayat-riwayat yang menceritakan ihlal yang dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w)! Mengapa terdapat pertentangan di dalamnya?
3. Apakah makna lafaz *al-'Ajj* dan lafaz *al-Tsajj*?
4. Bagaimanakah hukum *al-'Ajj*? Apakah ini turut dianjurkan bagi kaum wanita?
5. Bagaimanakah hukum *al-Tsajj* di dalam masjid?
6. Sebutkanlah syarat-syarat berihram!
7. Bagaimanakah hukum *tajarrud* (melepaskan pakaian seharian)?
8. Apakah pakaian yang dipakai oleh orang yang berihram?
9. Apakah jawapan Rasulullah (s.a.w) bersesuaian dengan maksud pertanyaan yang diajukan oleh si penanya?
10. Jelaskan masalah memakai khuff dalam ihram dan hukum-hukumnya!
11. Apakah makna "البرانس"? Bagaimanakah hukum memakainya bagi orang yang berihram!
12. Jelaskan kesimpulan daripada perkara-perkara yang dilarang dipakai oleh orang yang sedang berihram!
13. Bagaimanakah hikmah memakai wangian sebelum memulakan ihram?
14. Bagaimana pula hukum memakai wangian sesudah *tahallul* pertama sebelum tawaf?
15. Bagaimanakah hukum memakai wangian saat berihram? Apakah denda yang dibebankan kepada pelakunya apabila dia mengerjakannya?
16. Bagaimanakah hikmah diharamkan berkahwin dan meminang ketika ihram?
17. Apakah larangan itu menunjukkan hukum haram atau hukum makruh? Jelaskan perbezaan pendapat ulama mengenainya!
18. Apakah alasan yang anda ajukan untuk menjawab masalah Rasulullah (s.a.w) berkahwin dengan Maimunah ketika baginda sedang berihram?
19. Sebutkan perbezaan antara "لا يَنكح" dan "لا يُنكح"!

20. Bagaimanakah hikmah yang terdapat di dalam larangan berburu bagi orang yang berihram?
21. Bilakah orang yang berihram dihalalkan memakan hasil binatang buruan?
22. Jelaskan makna lafaz-lafaz berikut: “,“يختلى” ,“ينفر” ,“أتان” ,“عقر” ,“حمر وحش” ,“الإذخر” ,“منشد” ,“ساقطتها”” dan “اللابتين”!
23. Apakah yang menjadi sumber rujukan ketika terjadi keraguan?
24. Mengapa Rasulullah (s.a.w) mahu memakan sisa hasil haiwan buruan? Sebutkan hikmahnya!
25. Ceritakan kisah Abu Qatadah dan kisah al-Sha'ab ibn Jattsamah! Sebutkan perbezaan di antara kedua-dua kisah tersebut!
26. Apakah boleh memulangkan hadiah? Apakah yang dianjurkan ketika memulangkannya?
27. Jelaskan letak al-Abwa! Bilakah kisah ini terjadi?
28. Apakah jumlah yang disebutkan di dalam hadis: "Ada lima jenis haiwan yang semuanya adalah haiwan perosak" mempunyai makna batasan?
29. Ceritakan lima jenis haiwan yang disebutkan di dalam hadis di atas!
30. Apakah boleh membunuh kelima-lima jenis binatang tersebut di tanah suci? Mengapa demikian?
31. Jelaskan makna “العقور” secara lengkap!
32. Bagaimanakah hukum berbekam bagi orang yang berihram? Bilakah orang yang berbekam wajib membayar fidyah?
33. Jelaskan jenis-jenis fidyah! Apakah membayar fidyah mesti mengikut urutan sebutan atau dibolehkan memilih?
34. Sebutkan perbezaan pendapat di kalangan ulama mengenai tempat penyembelihan!
35. Dari manakah dapat disimpulkan pengertian *takhyir* (pilihan) di dalam hadis mengenai fidyah?
36. Apakah fidyah itu berkaitan dengan waktu dan tempat? Jelaskan pendapat ulama mengenainya!
37. Tanah suci Mekah dan barang temuannya mempunyai hukum-hukum tersendiri. Jelaskanlah masalah ini!
38. Bilakah Allah mengharamkan Mekah? Jelaskan maksud mengharamkannya!
39. Apakah doa Rasulullah (s.a.w) untuk takaran atau yang ditakarnya?
40. Jelaskan batasan tanah suci Madinah!

BAB GAMBARAN HAJI DAN MEMASUKI KOTA SUCI MEKAH

لَهُ، فَأَتَى بَطْنَ الْوَادِي، فَخَطَبَ النَّاسَ. ثُمَّ أَذَّنَ ثُمَّ أَقَامَ، فَصَلَّى الظُّهْرَ، ثُمَّ أَقَامَ فَصَلَّى الْعَصْرَ، وَلَمْ يُصَلِّ بَيْنَهُمَا شَيْئًا. ثُمَّ رَكِبَ حَتَّى أَتَى الْمَوْقِفَ فَجَعَلَ بَطْنَ نَاقَتِهِ الْقَصْوَاءِ إِلَى الصَّخَرَاتِ، وَجَعَلَ حَبْلَ الْمُشَاةِ بَيْنَ يَدَيْهِ وَاسْتَقْبَلَ الْقِبْلَةَ، فَلَمْ يَزَلْ وَاقِفاً حَتَّى غَرَبَتِ الشَّمْسُ، وَذَهَبَتْ الصُّفْرَةُ قَلِيلاً، حَتَّى غَابَ الْقُرْصُ، وَدَفَعَ وَقَدْ شَنَقَ لِلْقَصْوَاءِ الزِّمَامَ حَتَّى إِنَّ رَأْسَهَا لَيُصِيبُ مَوْرِكَ رَحْلِهِ، وَيَقُولُ بِيَدِهِ الْيُمْنَى: "أَيُّهَا النَّاسُ، السَّكِينَةَ، السَّكِينَةَ"، كُلَّمَا أَتَى حَبْلاً أَرْخَى لَهَا قَلِيلاً حَتَّى تَصْعَدَ. حَتَّى أَتَى الْمُزْدَلِفَةَ، فَصَلَّى بِهَا الْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ، بِأَذَانٍ وَاحِدٍ وَإِقَامَتَيْنِ، وَلَمْ يُسَبِّحْ بَيْنَهُمَا شَيْئًا، ثُمَّ اضْطَجَعَ حَتَّى طَلَعَ الْفَجْرُ، فَصَلَّى الْفَجْرَ، حِينَ تَبَيَّنَ لَهُ الصُّبْحُ بِأَذَانٍ وَإِقَامَةٍ ثُمَّ رَكِبَ حَتَّى أَتَى الْمَشْعَرَ الْحَرَامَ، فَاسْتَقْبَلَ الْقِبْلَةَ، فَدَعَاهُ، وَكَبَّرَهُ، وَهَلَّلَهُ فَلَمْ يَزَلْ وَاقِفًا حَتَّى أَسْفَرَ جِدًّا. فَدَفَعَ قَبْلَ أَنْ تَطْلُعَ الشَّمْسُ، حَتَّى أَتَى بَطْنَ مُحَسِّرَ فَحَرَّكَ قَلِيلاً، ثُمَّ سَلَكَ الطَّرِيقَ الْوُسْطَى الَّتِي تَخْرُجُ عَلَى الْجَمْرَةِ الْكُبْرَى، حَتَّى أَتَى الْجَمْرَةَ الَّتِي عِنْدَ الشَّجَرَةِ، فَرَمَاهَا بِسَبْعِ حَصَيَاتٍ، يُكَبِّرُ مَعَ كُلِّ حَصَاةٍ مِنْهَا، مِثْلَ حَصَى الْخَذْفِ، رَمَى مِنْ بَطْنِ الْوَادِي، ثُمَّ انْصَرَفَ إِلَى الْمَنْحَرِ، فَنَحَرَ، ثُمَّ رَكِبَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَفَاضَ إِلَى الْبَيْتِ، فَصَلَّى بِمَكَّةَ الظُّهْرَ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ مُطَوَّلاً.

269. Daripada Jabir ibn Abdullah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) melakukan ibadah haji, kami pun ikut berangkat bersamanya. Ketika kami tiba di Zul Hulaifah, Asma' binti Umais melahirkan anak, lalu Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Mandilah engkau,

kemudian pakailah kain pembalut, lalu berihramlah." Rasulullah (s.a.w) melakukan solat di dalam masjid, kemudian menaiki unta al-Qaswa' miliknya hingga ketika sampai di al-Baida', baginda ber-*ihlal* mengucapkan kalimat tauhid, iaitu:

"لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لاَ شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ، إِنَّ اَلْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ، لاَ شَرِيكَ لَكَ".

"Kupehuhi panggilan-Mu, ya Allah, kupenuhi panggilan-Mu. Tidak ada sekutu bagi-Mu, kupenuhi panggilan-Mu. Sesungguhnya segala puji dan nikmat berasal dari-Mu, begitu pula semua kekuasaan, tidak ada sekutu bagi-Mu." Ketika kami sampai di Baitullah, baginda terus mengusap rukun (Kaabah), lalu berlari kecil sebanyak tiga kali (keliling) dan berjalan biasa sebanyak empat kali (keliling). Setelah itu baginda mendatangi maqam Ibrahim dan melakukan solat, lalu kembali ke rukun dan mengusapnya. Kemudian baginda keluar dari pintu itu menuju ke Shafa. Ketika telah berada di dekat Shafa baginda membacakan firman-Nya:

"إِنَّ اَلصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللهِ، أَبْدَأُ بِمَا بَدَأَ اللهُ بِهِ".

"Sesungguhnya Shafa dan Marwa adalah sebahagian daripada syiar Allah." (Surah al-Baqarah: 158) Mulailah dengan apa yang dimulai oleh Allah." Lalu baginda naik ke Shafa hingga dapat melihat Kaabah, lalu menghadap ke arah kiblat dan mentauhidkan Allah serta membesarkan-Nya, selanjutnya mengucapkan:

"لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ، وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ أَنْجَزَ وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ."

"Tidak ada Tuhan selain Allah Yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya, bagi-Nya segala kekuasaan, bagi-Nya segala puji dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu. Tidak ada Tuhan selain Allah Yang Maha Esa, Dia telah menunaikan Janji-Nya, menolong hamba-Nya (Nabi (s.a.w), dan mengalahkan golongan-golongan yang bersekutu sendirian." Baginda membaca doa di antara hal tersebut sebanyak tiga kali. Setelah itu baginda turun dari Shafa menuju ke Marwa. Ketika menginjakkan kedua kakinya di perut lembah, baginda berlari kecil dan apabila naik, berjalan biasa hingga sampai di Marwa. Baginda melakukan sesuatu di Marwa, seperti apa yang baginda lakukan di Shafa."

Jabir (r.a) melanjutkan hadisnya, iaitu sebagai berikut: "Ketika hari tarwih tiba, mereka berangkat menuju ke Mina. Rasulullah (s.a.w) menaiki kenderaannya dan melakukan solat Zohor, solat Asar, solat Maghrib, solat Isyak, dan solat Subuh di Mina. Setelah itu baginda tinggal sebentar hingga matahari terbit, lalu berangkat lagi hingga sampai di Arafah. Baginda menjumpai khemah kecil telah dipasang untuknya di Namirah, lalu baginda turun beristirehat di Namirah. Setelah matahari tergelincir, baginda memerintahkan agar al-Qaswa' unta kenderaannya dipersiapkan dan diberi pelana untuknya. Nabi (s.a.w) sampai di perut lembah dan berkhutbah kepada orang ramai. Kemudian azan dikumandangkan dan langsung dengan beriqamah, lalu baginda mengerjakan solat Zohor. Sesudah itu iqamah dikumandangkan lagi, dan baginda terus melakukan solat Asar tanpa melakukan

satu solat pun di antara keduanya. Setelah itu baginda berangkat lagi hingga sampai di Mawqif (tempat berwukuf), lalu baginda menjadikan perut al-Qaswa' (unta kenderaannya) melekat di batu-batuan yang ada di situ, dan baginda menjadikan para pejalan kaki berada di hadapannya lalu menghadap ke arah kiblat. Baginda masih lelap dalam keadaan berwukuf hingga matahari terbenam dan mega kuning sedikit mula hilang serta bulatan matahari terbenam semuanya.

Baginda berangkat, sedangkan tali kendali al-Qaswa' ditarik kencang hingga kepalanya hampir mengenai bahagian hadapan pelananya, lalu baginda mengisyaratkan dengan tangan kanannya seakan-akan mengatakan: "Tenanglah, tenanglah!" Jika baginda sampai pada suatu tanjakan, maka dikendurkanlah tali kendali kenderaannya sedikit agar kenderaannya dapat menaikinya, demikianlan hingga sampai di al-Muzdalifah, lalu baginda melakukan solat Maghrib dan solat Isyak dengan sekali azan dan dua kali iqamah, tanpa melakukan solat apa pun di antara keduanya. Setelah itu baginda merebahkan tubuhnya (berbaring) hingga fajar terbit, lalu mengerjakan solat Subuh ketika nampak jelas waktu subuh dengan sekali azan dan sekali iqamah. Kemudian Nabi (s.a.w) menaiki kenderaannya (berangkat) menuju ke Masy'aril Haram, lalu menghadap ke kiblat dan berdoa kepada Allah seraya mengagungkan dan membesarkan-Nya. Baginda tetap berdiri hingga pagi nampak benar-benar terang dan sebelum matahari muncul Nabi (s.a.w) berangkat. Ketika sampai di lembah Muhassir, baginda memacu sedikit unta kenderaannya, lalu menempuh jalan tengah yang menghantarkannya ke Jumrah al-Kubra. Ketika sampai di Jumrah yang terletak berhampiran dengan pohon, baginda langsung melontarnya dengan tujuh biji batu kerikil seraya mengucapkan takbir pada setiap kali lontaran. Setiap batu kerikil sebesar batu ketapel. Nabi (s.a.w) melontarnya dari perut lembah. Setelah itu baginda berangkat menuju ke tempat penyembelihan kurban, lalu berkurban. Kemudian Rasulullah (s.a.w) berangkat untuk melakukan tawaf ifadhah di Baitullah. Baginda melakukan solat Zohor di Mekah. (Diriwayatkan oleh Muslim dalam hadis yang sangat panjang)

Makna Hadis

Hadis ini sangat besar faedahnya. Di dalamnya terdapat banyak kaedah yang sangat berharga untuk dijadikan sebagai pedoman bagi orang yang ingin melakukan manasik ibadah haji sekali gus sebagai pembimbing dalam setiap keadaan ketika berhaji. Hadis ini merupakan rujukan para ulama dalam menyimpulkan dalil-dalil mengenai hukum-hukum manasik dan mereka menggali pemahaman daripadanya dalam memecahkan setiap persoalan yang sukar.

Para ulama telah banyak membicarakan masalah fiqh yang terdapat di dalam hadis ini dan kami pun turut mengemukakan hukum-hakam yang terdapat di dalamnya. Abu Bakar ibn al-Mundzir telah membahas hadis ini sehingga menjadi kitab yang cukup tebal. Di dalamnya beliau menyimpulkan kesimpulan hukum fiqh yang jumlahnya lebih daripada seratus lima puluh permasalahan. Jika apa-apa yang disimpulkan daripada hadis ini lebih mendalam dan lebih teliti nescaya permasalahan itu melebihi jumlah tersebut atau hampir mendekatinya. Maha Suci

Allah Yang Maha Pemenang lagi Maha Mengetahui.

Analisis Lafaz

"رَوَاهُ مُسْلِمٌ مُطَوَّلاً", di dalam hadis ini terdapat beberapa tambahan yang sengaja dibuang oleh Ibn Hajar untuk mempersingkat hadis ini sebagai *syahid* (dalil). Tetapi berikut ini kami sengaja mengetengahkan hadis dalam bentuk lengkap agar dapat menyempurhakan faedah dan dijadikan sebagai dalil dalam berbagai masalah yang berkaitan dengan bab ini. Menurut lafaz yang ada pada Muslim:

عَنْ جَعْفَرَ بْنِ مُحَمَّدٍ عَنْ أَبِيْهِ قَالَ: دَخَلْنَا عَلَى جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ فَسَأَلَ عَنْ الْقَوْمِ حَتَّى انْتَهَى إِلَيَّ، فَقُلْتُ: أَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَلِيِّ بْنِ حُسَيْنٍ، فَأَهْوَى بِيَدِهِ إِلَى رَأْسِي، فَنَزَعَ زِرِّي الْأَعْلَى، ثُمَّ نَزَعَ زِرِّي الْأَسْفَلَ، ثُمَّ وَضَعَ كَفَّهُ بَيْنَ ثَدْيَيَّ وَأَنَا يَوْمَئِذٍ غُلاَمٌ شَابٌّ، فَقَالَ: مَرْحَبًا بِكَ يَا ابْنَ أَخِي، سَلْ عَمَّا شِئْتَ، فَسَأَلْتُهُ وَهُوَ أَعْمَى وَحَضَرَ وَقْتُ الصَّلاَةِ، فَقَامَ فِي نِسَاجَةٍ مُلْتَحِفًا بِهَا، كُلَّمَا وَضَعَهَا عَلَى مَنْكِبِهِ رَجَعَ طَرَفَاهَا إِلَيْهِ مِنْ صِغَرِهَا، وَرِدَاؤُهُ إِلَى جَنْبِهِ عَلَى الْمِشْجَبِ، فَصَلَّى بِنَا، فَقُلْتُ: أَخْبِرْنِي عَنْ حَجَّةِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ بِيَدِهِ، فَعَقَدَ تِسْعًا، فَقَالَ: إِنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَكَثَ تِسْعَ سِنِينَ لَمْ يَحُجَّ، ثُمَّ أَذَّنَ فِي النَّاسِ فِي الْعَاشِرَةِ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَاجٌّ فَقَدِمَ الْمَدِينَةَ بَشَرٌ كَثِيرٌ كُلُّهُمْ يَلْتَمِسُ أَنْ يَأْتَمَّ بِرَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَيَعْمَلَ مِثْلَ عَمَلِهِ، فَخَرَجْنَا مَعَهُ حَتَّى أَتَيْنَا ذَا الْحُلَيْفَةِ، فَوَلَدَتْ أَسْمَاءُ بِنْتُ عُمَيْسٍ مُحَمَّدَ بْنَ أَبِي بَكْرٍ، فَأَرْسَلَتْ إِلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَيْفَ أَصْنَعُ، قَالَ: اغْتَسِلِي وَاسْتَثْفِرِي بِثَوْبٍ وَأَحْرِمِي، فَصَلَّى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمَسْجِدِ، ثُمَّ رَكِبَ الْقَصْوَاءَ حَتَّى إِذَا اسْتَوَتْ بِهِ نَاقَتُهُ عَلَى الْبَيْدَاءِ، نَظَرْتُ إِلَى مَدِّ بَصَرِي بَيْنَ يَدَيْهِ مِنْ رَاكِبٍ وَمَاشٍ وَعَنْ يَمِينِهِ مِثْلَ ذَلِكَ وَعَنْ يَسَارِهِ مِثْلَ ذَلِكَ وَمِنْ خَلْفِهِ مِثْلَ ذَلِكَ وَرَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ أَظْهُرِنَا وَعَلَيْهِ يَنْزِلُ الْقُرْآنُ وَهُوَ يَعْرِفُ تَأْوِيلَهُ وَمَا عَمِلَ بِهِ مِنْ شَيْءٍ عَمِلْنَا بِهِ، فَأَهَلَّ بِالتَّوْحِيدِ: "لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ لَبَّيْكَ لاَ شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لاَ شَرِيكَ لَكَ"، وَأَهَلَّ النَّاسُ بِهَذَا

الَّذِي يُهِلُّونَ بِهِ فَلَمْ يَرُدَّ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَيْهِمْ شَيْئًا مِنْهُ وَلَزِمَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَلْبِيَتَهُ، قَالَ جَابِرٌ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ: لَسْنَا نَنْوِي إِلاَّ الْحَجَّ لَسْنَا نَعْرِفُ الْعُمْرَةَ حَتَّى إِذَا أَتَيْنَا الْبَيْتَ مَعَهُ اسْتَلَمَ الرُّكْنَ فَرَمَلَ ثَلاَثًا وَمَشَى أَرْبَعًا، ثُمَّ نَفَذَ إِلَى مَقَامِ إِبْرَاهِيمَ عَلَيْهِ السَّلاَم فَقَرَأَ: "وَاتَّخِذُوا مِنْ مَقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى"، فَجَعَلَ الْمَقَامَ بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْبَيْتِ فَكَانَ أَبِي يَقُولُ: وَلاَ أَعْلَمُهُ ذَكَرَهُ إِلاَّ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقْرَأُ فِي الرَّكْعَتَيْنِ: قُلْ هُوَ اللهُ أَحَدٌ وَقُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ، ثُمَّ رَجَعَ إِلَى الرُّكْنِ فَاسْتَلَمَهُ ثُمَّ خَرَجَ مِنْ الْبَابِ إِلَى الصَّفَا، فَلَمَّا دَنَا مِنْ الصَّفَا قَرَأَ: "إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللهِ، أَبْدَأُ بِمَا بَدَأَ اللهُ بِهِ، فَبَدَأَ بِالصَّفَا فَرَقِيَ عَلَيْهِ حَتَّى رَأَى الْبَيْتَ فَاسْتَقْبَلَ الْقِبْلَةَ فَوَحَّدَ اللهِ وَكَبَّرَهُ، وَقَالَ: "لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ أَنْجَزَ وَعْدَهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ"، ثُمَّ دَعَا بَيْنَ ذَلِكَ قَالَ مِثْلَ هَذَا ثَلاَثَ مَرَّاتٍ، ثُمَّ نَزَلَ إِلَى الْمَرْوَةِ حَتَّى إِذَا انْصَبَّتْ قَدَمَاهُ فِي بَطْنِ الْوَادِي سَعَى حَتَّى إِذَا صَعِدَتَا مَشَى حَتَّى أَتَى الْمَرْوَةَ فَفَعَلَ عَلَى الْمَرْوَةِ كَمَا فَعَلَ عَلَى الصَّفَا حَتَّى إِذَا كَانَ آخِرُ طَوَافِهِ عَلَى الْمَرْوَةِ، فَقَالَ: لَوْ أَنِّي اسْتَقْبَلْتُ مِنْ أَمْرِي مَا اسْتَدْبَرْتُ لَمْ أَسُقْ الْهَدْيَ وَجَعَلْتُهَا عُمْرَةً، فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ لَيْسَ مَعَهُ هَدْيٌ فَلْيَحِلَّ وَلْيَجْعَلْهَا عُمْرَةً، فَقَامَ سُرَاقَةُ بْنُ مَالِكِ بْنِ جُعْشُمٍ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، أَلِعَامِنَا هَذَا أَمْ لِأَبَدٍ؟ فَشَبَّكَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَصَابِعَهُ وَاحِدَةً فِي الْأُخْرَى، وَقَالَ: دَخَلَتِ الْعُمْرَةُ فِي الْحَجِّ مَرَّتَيْنِ لاَ بَلْ لِأَبَدِ أَبَدٍ، وَقَدِمَ عَلِيٌّ مِنْ الْيَمَنِ بِبُدْنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَوَجَدَ فَاطِمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا مِمَّنْ حَلَّ وَلَبِسَتْ ثِيَابًا صَبِيغًا وَاكْتَحَلَتْ فَأَنْكَرَ ذَلِكَ عَلَيْهَا، فَقَالَتْ: إِنَّ أَبِي أَمَرَنِي بِهَذَا، قَالَ: فَكَانَ عَلِيٌّ يَقُولُ بِالْعِرَاقِ فَذَهَبْتُ إِلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُحَرِّشًا عَلَى فَاطِمَةَ لِلَّذِي صَنَعَتْ مُسْتَفْتِيًا لِرَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِيمَا ذَكَرَتْ عَنْهُ فَأَخْبَرْتُهُ أَنِّي أَنْكَرْتُ ذَلِكَ عَلَيْهَا، فَقَالَ: صَدَقَتْ صَدَقَتْ مَاذَا قُلْتَ حِينَ فَرَضْتَ الْحَجَّ؟ قَالَ:

قُلْتُ: اَللَّهُمَّ إِنِّي أُهِلُّ بِمَا أَهَلَّ بِهِ رَسُولُكَ، قَالَ: فَإِنَّ مَعِيَ الْهَدْيَ فَلاَ تَحِلُّ، قَالَ: فَكَانَ جَمَاعَةُ الْهَدْيِ الَّذِي قَدِمَ بِهِ عَلِيٌّ مِنْ الْيَمَنِ وَالَّذِي أَتَى بِهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِائَةً، قَالَ: فَحَلَّ النَّاسُ كُلُّهُمْ وَقَصَّرُوا إِلاَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَنْ كَانَ مَعَهُ هَدْيٌ، فَلَمَّا كَانَ يَوْمُ التَّرْوِيَةِ تَوَجَّهُوا إِلَى مِنًى فَأَهَلُّوا بِالْحَجِّ وَرَكِبَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَصَلَّى بِهَا الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ وَالْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ وَالْفَجْرَ، ثُمَّ مَكَثَ قَلِيلاً حَتَّى طَلَعَتْ الشَّمْسُ وَأَمَرَ بِقُبَّةٍ مِنْ شَعَرٍ تُضْرَبُ لَهُ بِنَمِرَةَ فَسَارَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلاَ تَشُكُّ قُرَيْشٌ إِلاَّ أَنَّهُ وَاقِفٌ عِنْدَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ كَمَا كَانَتْ قُرَيْشٌ تَصْنَعُ فِي الْجَاهِلِيَّةِ، فَأَجَازَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى أَتَى عَرَفَةَ فَوَجَدَ الْقُبَّةَ قَدْ ضُرِبَتْ لَهُ بِنَمِرَةَ فَنَزَلَ بِهَا حَتَّى إِذَا زَاغَتْ الشَّمْسُ أَمَرَ بِالْقَصْوَاءِ فَرُحِلَتْ لَهُ، فَأَتَى بَطْنَ الْوَادِي، فَخَطَبَ النَّاسَ، وَقَالَ: إِنَّ دِمَاءَكُمْ وَأَمْوَالَكُمْ حَرَامٌ عَلَيْكُمْ كَحُرْمَةِ يَوْمِكُمْ هَذَا فِي شَهْرِكُمْ هَذَا فِي بَلَدِكُمْ هَذَا، أَلاَ كُلُّ شَيْءٍ مِنْ أَمْرِ الْجَاهِلِيَّةِ تَحْتَ قَدَمَيَّ مَوْضُوعٌ وَدِمَاءُ الْجَاهِلِيَّةِ مَوْضُوعَةٌ، وَإِنَّ أَوَّلَ دَمٍ أَضَعُ مِنْ دِمَائِنَا دَمُ ابْنِ رَبِيعَةَ بْنِ الْحَارِثِ كَانَ مُسْتَرْضِعًا فِي بَنِي سَعْدٍ فَقَتَلَتْهُ هُذَيْلٌ، وَرِبَا الْجَاهِلِيَّةِ مَوْضُوعٌ، وَأَوَّلُ رِبًا أَضَعُ رِبَانَا رِبَا عَبَّاسِ بْنِ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ فَإِنَّهُ مَوْضُوعٌ كُلُّهُ، فَاتَّقُوا اللهَ فِي النِّسَاءِ فَإِنَّكُمْ أَخَذْتُمُوهُنَّ بِأَمَانِ اللهِ وَاسْتَحْلَلْتُمْ فُرُوجَهُنَّ بِكَلِمَةِ اللهِ وَلَكُمْ عَلَيْهِنَّ أَنْ لاَ يُوطِئْنَ فُرُشَكُمْ أَحَدًا تَكْرَهُونَهُ، فَإِنْ فَعَلْنَ ذَلِكَ فَاضْرِبُوهُنَّ ضَرْبًا غَيْرَ مُبَرِّحٍ، وَلَهُنَّ عَلَيْكُمْ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ، وَقَدْ تَرَكْتُ فِيكُمْ مَا لَنْ تَضِلُّوا بَعْدَهُ إِنِ اعْتَصَمْتُمْ بِهِ كِتَابُ اللهِ، وَأَنْتُمْ تُسْأَلُونَ عَنِّي فَمَا أَنْتُمْ قَائِلُونَ؟ قَالُوا: نَشْهَدُ أَنَّكَ قَدْ بَلَّغْتَ وَأَدَّيْتَ وَنَصَحْتَ، فَقَالَ بِإِصْبَعِهِ السَّبَّابَةِ يَرْفَعُهَا إِلَى السَّمَاءِ وَيَنْكُتُهَا إِلَى النَّاسِ: اللَّهُمَّ اشْهَدْ، اللَّهُمَّ اشْهَدْ، ثَلاَثَ مَرَّاتٍ، ثُمَّ أَذَّنَ ثُمَّ أَقَامَ فَصَلَّى الظُّهْرَ ثُمَّ أَقَامَ فَصَلَّى الْعَصْرَ وَلَمْ يُصَلِّ بَيْنَهُمَا شَيْئًا، ثُمَّ رَكِبَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى أَتَى الْمَوْقِفَ فَجَعَلَ بَطْنَ نَاقَتِهِ الْقَصْوَاءِ إِلَى الصَّخَرَاتِ، وَجَعَلَ حَبْلَ الْمُشَاةِ بَيْنَ يَدَيْهِ

وَاسْتَقْبَلَ الْقِبْلَةَ، فَلَمْ يَزَلْ وَاقِفًا حَتَّى غَرَبَتْ الشَّمْسُ وَذَهَبَتْ الصُّفْرَةُ قَلِيلاً حَتَّى غَابَ الْقُرْصُ وَأَرْدَفَ أُسَامَةَ خَلْفَهُ وَدَفَعَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَدْ شَنَقَ لِلْقَصْوَاءِ الزِّمَامَ حَتَّى إِنَّ رَأْسَهَا لَيُصِيبُ مَوْرِكَ رَحْلِهِ، وَيَقُولُ بِيَدِهِ الْيُمْنَى: أَيُّهَا النَّاسُ السَّكِينَةَ السَّكِينَةَ، كُلَّمَا أَتَى حَبْلاً مِنَ الْحِبَالِ أَرْخَى لَهَا قَلِيلاً حَتَّى تَصْعَدَ حَتَّى أَتَى الْمُزْدَلِفَةَ فَصَلَّى بِهَا الْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ بِأَذَانٍ وَاحِدٍ وَإِقَامَتَيْنِ وَلَمْ يُسَبِّحْ بَيْنَهُمَا شَيْئًا، ثُمَّ اضْطَجَعَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى طَلَعَ الْفَجْرُ وَصَلَّى الْفَجْرَ حِينَ تَبَيَّنَ لَهُ الصُّبْحُ بِأَذَانٍ وَإِقَامَةٍ، ثُمَّ رَكِبَ الْقَصْوَاءَ حَتَّى أَتَى الْمَشْعَرَ الْحَرَامَ فَاسْتَقْبَلَ الْقِبْلَةَ فَدَعَاهُ وَكَبَّرَهُ وَهَلَّلَهُ وَوَحَّدَهُ فَلَمْ يَزَلْ وَاقِفًا حَتَّى أَسْفَرَ جِدًّا فَدَفَعَ قَبْلَ أَنْ تَطْلُعَ الشَّمْسُ، وَأَرْدَفَ الْفَضْلَ بْنَ عَبَّاسٍ وَكَانَ رَجُلاً حَسَنَ الشَّعْرِ أَبْيَضَ وَسِيمًا، فَلَمَّا دَفَعَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّتْ بِهِ ظُعُنٌ يَجْرِينَ فَطَفِقَ الْفَضْلُ يَنْظُرُ إِلَيْهِنَّ فَوَضَعَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدَهُ عَلَى وَجْهِ الْفَضْلِ، فَحَوَّلَ الْفَضْلُ وَجْهَهُ إِلَى الشِّقِّ الْآخَرِ يَنْظُرُ فَحَوَّلَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدَهُ مِنَ الشِّقِّ الْآخَرِ عَلَى وَجْهِ الْفَضْلِ يَصْرِفُ وَجْهَهُ مِنْ الشِّقِّ الْآخَرِ يَنْظُرُ حَتَّى أَتَى بَطْنَ مُحَسِّرٍ فَحَرَّكَ قَلِيلاً، ثُمَّ سَلَكَ الطَّرِيقَ الْوُسْطَى الَّتِي تَخْرُجُ عَلَى الْجَمْرَةِ الْكُبْرَى حَتَّى أَتَى الْجَمْرَةَ الَّتِي عِنْدَ الشَّجَرَةِ فَرَمَاهَا بِسَبْعِ حَصَيَاتٍ يُكَبِّرُ مَعَ كُلِّ حَصَاةٍ مِنْهَا مِثْلِ حَصَى الْخَذْفِ رَمَى مِنْ بَطْنِ الْوَادِي، ثُمَّ انْصَرَفَ إِلَى الْمَنْحَرِ فَنَحَرَ ثَلاَثًا وَسِتِّينَ بِيَدِهِ، ثُمَّ أَعْطَى عَلِيًّا فَنَحَرَ مَا غَبَرَ وَأَشْرَكَهُ فِي هَدْيِهِ، ثُمَّ أَمَرَ مِنْ كُلِّ بَدَنَةٍ بِبَضْعَةٍ فَجُعِلَتْ فِي قِدْرٍ فَطُبِخَتْ فَأَكَلاَ مِنْ لَحْمِهَا وَشَرِبَا مِنْ مَرَقِهَا، ثُمَّ رَكِبَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَفَاضَ إِلَى الْبَيْتِ فَصَلَّى بِمَكَّةَ الظُّهْرَ فَأَتَى بَنِي عَبْدِ الْمُطَّلِبِ يَسْقُونَ عَلَى زَمْزَمَ، فَقَالَ: انْزِعُوا بَنِي عَبْدِ الْمُطَّلِبِ، فَلَوْلاَ أَنْ يَغْلِبَكُمْ النَّاسُ عَلَى سِقَايَتِكُمْ لَنَزَعْتُ مَعَكُمْ، فَنَاوَلُوهُ دَلْوًا فَشَرِبَ مِنْهُ.

"Daripada Ja'far ibn Muhammad daripada ayahnya, beliau berkata: "Kami menemui Jabir ibn Abdullah, lalu dia bertanya kepada kami hingga sampai kepadaku, lalu aku berkata: "Aku adalah Muhammad ibn Ali ibn Husain." Kemudian dia menghulurkan

tangannya dan meraba kepalaku (lalu ke bawah) dan membuka kancing bajuku yang paling atas, lalu yang bawah. Setelah itu dia meletakkan kedua tangannya pada kedua pundakku yang ketika aku seorang pemuda yang masih remaja lalu dia berkata: "Selamat datang, wahai anak saudaraku, bertanyalah sesuka hatimu." Lalu aku bertanya kepadanya yang telah buta itu. Tidak lama kemudian masuklah waktu solat. Dia segera bangkit dengan memakai baju luar yang dia sampirkan ke tubuhnya. Ketika dia menyampirkannya pada kedua sisi pundaknya, kedua tepi bajunya itu melorot kerana terlampau kecil saiznya, sedangkan selendangnya berada di sebelahnya bergantung di tempat menyangkut baju. Dia melakukan solat bersama kami. Setelah itu aku bertanya: "Ceritakan kepadaku tentang haji yang dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w)!" Dia mengisyaratkan dengan tangannya seraya menunjukkan bilangan sembilan, lalu berkata: "Sesungguhnya Rasulullah (s.a.w) tinggal selama sembilan tahun (di Madinah) tanpa melakukan ibadah haji. Kemudian pada tahun yang kesepuluh baginda menyerukan kepada orang ramai bahawa Rasulullah (s.a.w) akan menunaikan ibadah haji.

"Maka datanglah orang ramai ke Madinah, semua mereka ingin untuk bermakmum kepada Rasulullah (s.a.w) dan mengerjakan seperti apa yang dikerjakannya. Kami berangkat bersamanya. Ketika sampai di Zul Hulaifah, Asma' binti Umais melahirkan Muhammad ibn Abu Bakar. Lalu Asma' mengirimkan utusan kepada Rasulullah (s.a.w) untuk menanyakan apa yang harus dia lakukan. Nabi (s.a.w) bersabda: "Mandilah kamu dan pakailah kain pembalut, kemudian berihramlah!" Rasulullah (s.a.w) mengerjakan solat di dalam masjid (Zul Hulaifah) lalu menaiki al-Qaswa' semula (dan berangkat). Ketika unta kenderaan baginda berjalan datar di al-Baida', aku melihat sejauh mata memandang ke bahagian hadapan baginda yang dipenuhi penunggang dan orang yang berjalan kaki, di sebelah kanannya pun sama seperti itu, begitu pula di sebelah kiri dan bahagian belakangnya, semuanya dipenuhi oleh orang yang berkenderaan dan orang yang berjalan kaki. Sedangkan Rasulullah (s.a.w) sendiri berada di tengah-tengah kami seraya menerima wahyu al-Qur'an yang diturunkan kepadanya dan baginda mengetahui takwilnya. Dan segala sesuatu yang baginda kerjakan, kami kerjakan pula. Baginda ber-*ihlal* dengan mengucapkan kalimat tauhid:

"لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ لَبَّيْكَ لاَ شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لاَ شَرِيكَ لَكَ".

"Aku penuhi seruan-Mu, ya Allah. Aku penuhi seruan-Mu, aku penuhi seruan-Mu, tiada sekutu bagi-Mu, aku penuhi seruan-Mu. Sesungguhnya segala puji dan nikmat adalah milik-Mu, begitu pula segala kekuasaan tidak ada sekutu bagi-Mu." Maka orang ramai pun ber-*ihlal* sesuai dengan apa yang di-*ihlal*-kan oleh baginda. Rasulullah (s.a.w) tidak berkata sepatah kata pun. Baginda hanya membaca talbiyah. Jabir (r.a) melanjutkan kisahnya: "Kami tidak berniat (pada saat itu) kecuali hanya untuk haji dan kami tidak mengetahui umrah (dapat disatukan dengan haji). Ketika kami sampai di Baitullah bersamanya, baginda terus mengusap rukun dan berlari kecil tiga kali serta berjalan biasa empat kali. Sesudah itu baginda terus menuju ke maqam Nabi Ibrahim (a.s), lalu membacakan firman-Nya: "*Dan jadikanlah sebahagian maqam Ibrahim tempat solat.*" (Surah al-Baqarah: 125). Maka baginda menjadikan

maqam Ibrahim berada di antaranya dan Kaabah. Ayahku (Muhammad ibn Ali ibn Husain) berkata: "Sepengetahuanku, tidak lain Jabir menceritakannya daripada Nabi (s.a.w). Dalam solat dua rakaatnya itu Nabi (s.a.w) membaca Surah al-Ikhlas dan Surah al-Kafirun. Setelah itu baginda kembali ke rukun dan mengusapnya, lalu keluar dari pintu itu menuju ke Shafa. Ketika berada di dekat Shafa, baginda membacakan firman-Nya:

"إِنَّ الصَّفَا والْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللهِ، أَبْدَأُ بِمَا بَدَأَ اللهُ بِهِ".

"Sesungguhnya Shafa dan Marwa adalah sebahagian daripada syi'ar Allah." (Surah al-Baqarah: 155). Aku memulakan dengan apa yang dimulai oleh Allah." Baginda memulakan dari Shafa. Oleh itu, baginda menaikinya hingga dapat melihat Baitullah, lalu menghadap ke arah kiblat dan mentauhidkan Allah serta membesarkan-Nya (bertakbir) lalu membaca:

"لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ أَنْجَزَ وَعْدَهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ".

"Tidak ada Tuhan selain Allah Yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya, bagi-Nya segala kekuasaan dan bagi-Nya segala puji. Dia Maha Kuasa ke atas segala sesuatu. Tidak ada Tuhan selain Allah yang telah menunaikan janji-Nya menolong hamba-Nya, dan mengalahkan golongan-golongan yang bersekutu sendirian." Baginda mengucapkan doa di antara ucapan tersebut dan baginda lakukan hal itu sebanyak tiga kali. Kemudian baginda turun menuju ke Marwah. Ketika kedua kaki baginda menginjak perut lembah, baginda berlari kecil dan apabila naik, baginda mula berjalan biasa hingga sampai di Marwah. Baginda melakukan sesuatu di Marwah seperti apa yang baginda lakukan ketika di Shafa. Ketika tawaf (sa'i)nya sampai di Marwah (untuk yang terakhir kalinya), baginda bersabda: "Seandainya aku mengetahui sebelumnya seperti apa yang terjadi sekarang, nescaya aku tidak perlu membawa haiwan kurban, dan aku menjadikannya sebagai umrah. Oleh itu, barang siapa di antara kamu, tidak mempunyai *al-hadyu* (haiwan kurban), maka hendaklah dia ber-*tahallul* dan menjadikannya sebagai umrah." Kemudian berdirilah Suraqah ibn Malik ibn Ju'syum, lalu bertanya: "Wahai Rasulullah, apakah ini untuk tahun kita sekarang sahaja atau untuk selamanya?" Rasulullah (s.a.w) mengaitkan jari-jemarinya dan menyatukan antara yang satu dengan yang lain, lalu bersabda: "Umrah termasuk haji, sebanyak dua kali; tidak, bahkan untuk selama-lamanya." Ali (r.a) tiba dari negeri Yaman dengan membawa haiwan kurban Nabi (s.a.w), lalu dia menjumpai Fatimah (r.a) yang termasuk di antara orang yang telah ber-*tahallul* dan memakai pakaian celupan (berwarna) serta memakai celak mata. Namun, Ali (r.a) mengingkari perbuatannya itu, tetapi Fatimah menjawab: "Sesungguhnya ayahkulah yang memerintahkan aku berbuat begini." Ketika di Iraq, Khalifah Ali (r.a) pernah menceritakan: "Lalu aku pergi menghadap Rasulullah (s.a.w) untuk mengadukan apa yang dikatakan Fatimah yang bersumber daripadanya, dan aku menceritakan kepadanya bahawa aku mengingkari perbuatannya itu. Tetapi

baginda menjawab: "Dia benar, dia benar. Apakah yang telah engkau katakan ketika melakukan haji?" Aku menjawab: "Aku membaca: 'Ya Allah, sesungguhnya aku berihram sebagaimana Rasul-Mu berihram'." Nabi (s.a.w) bersabda: "Sesungguhnya aku mempunyai haiwan kurban, maka janganlah kamu ber-*tahallul* lagi." Jabir (r.a) melanjutkan kisahnya bahawa jumlah haiwan kurban yang didatangkan oleh Ali (r.a) dari Yaman dan yang dibawa oleh Nabi (s.a.w) sendiri seluruhnya berjumlah seratus ekor. Jabir (r.a) melanjutkan kisahnya bahawa orang ramai pun ber-*tahallul* dan memotong rambut mereka kecuali Nabi (s.a.w) dan orang ramai yang membawa haiwan kurban. Ketika hari tarwiah tiba mereka berangkat menuju ke Mina, lalu berihram untuk haji. Rasulullah (s.a.w) berangkat menaiki unta kenderaannya. Baginda melakukan solat Zohor, Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh di Mina. Setelah itu berdiam sejenak hingga matahari terbit. Lalu baginda memerintahkan agar memasang sebuah tenda dari bulu di Namirah untuknya. Sesudah itu baginda berangkat. Orang ramai Quraisy tidak merasa ragu lagi bahawa Nabi (s.a.w) pasti berwukuf di Masyaril Haram, seperti yang biasa dilakukan oleh kaum Quraisy pada zaman Jahiliah. Tetapi ternyata Rasulullah (s.a.w) melaluinya dan berjalan terus hingga sampai di Arafah. Baginda menjumpai khemah kecil telah dipasang untuknya di Namirah, lalu baginda turun beristirehat di dalamnya. Ketika matahari telah tergelincir baginda memerintahkan agar al-Qaswa', unta kenderaannya dipersiapkan untuknya. Baginda tiba di perut lembah, lalu berkhutbah kepada orang ramai yang antara lain baginda bersabda: "Sesungguhnya darah dan harta benda kamu diharamkan ke atas kamu seperti kesucian hari, bulan, dan negeri kamu ini. Ingatlah, segala sesuatu yang termasuk perkara Jahiliah telah dihapuskan di bawah kedua telapak kakiku, demikian pula seluruh darah Jahiliah. Sesungguhnya darah pertama yang aku hapuskan dari darah kami ialah darah Ibn Rabi'ah ibn al-Harits yang dahulu disusui oleh kalangan Bani Sa'ad, lalu dibunuh oleh Bani Hudzail dan riba Jahiliah dihapuskan pula. Riba pertama yang aku hapuskan ialah riba kami, iaitu riba al-Abbas ibn Abdul Muttalib. Sesungguhnya ribanya itu seluruhnya telah dihapuskan. Bertakwalah kamu kepada Allah dalam urusan wanita, sesungguhnya kamu telah mengambil mereka berdasarkan keamanan daripada Allah dan kalian menghalalkan kehormatan (kemaluan) mereka dengan kalimat Allah. Hak kamu ke atas diri mereka ialah hendaklah mereka tidak mengizinkan seorang pun yang tidak kamu sukai menginjak rumah kamu. Apabila mereka melakukan itu, maka pukullah mereka dengan pukulan yang tidak melukai. Dan hak mereka ke atas diri kamu ialah hendaklah kamu memberi mereka rezeki (makan) dan memberi mereka pakaian dengan cara yang makruf. Sesungguhnya aku telah meninggalkan sesuatu untuk kamu yang tidak akan menyesatkan kamu sesudahnya jika kamu berpegang teguh kepadanya, iaitu: Kitabullah (dan Sunnah Rasul-Nya). Kelak kamu akan ditanya mengenai diriku (di hari kiamat). Maka apakah yang akan kamu katakan?" Mereka menjawab: "Kami bersaksi bahawa tuan telah menyampaikan, telah menunaikan, dan telah memberi nasihat." Kemudian Rasulullah (s.a.w) mengisyaratkan jari telunjuknya ke arah langit, lalu ditunjukkannya ke arah orang ramai seraya bersabda: "Ya Allah, saksikanlah. Ya Allah, saksikanlah," sebanyak tiga kali. Kemudian azan dikumandangkan, lalu iqamah, lalu baginda melakukan solat

Zohor, lalu iqamah dikumandangkan kembali dan baginda terus mengerjakan solat Asar tanpa melakukan solat apa pun di antara keduanya. Rasulullah (s.a.w) berangkat hingga tiba di tempat wukuf, lalu baginda menjadikan perut unta kenderaannya, al-Qaswa' melekat pada batu-batuan dan menjadikan tempat orang yang berjalan kaki berada di hadapannya. Lalu baginda menghadap ke arah kiblat. Baginda masih tetap dalam keadaan berwukuf hingga matahari tenggelam dan mega kuning hilang sedikit, lalu matahari tenggelam sepenuhnya. Setelah membonceng Usamah di belakangnya, Rasulullah (s.a.w) berangkat, sedangkan tali kendali al-Qaswa' ditariknya kencang hingga kepalanya benar-benar terkena bahagian hadapan pelananya. Rasulullah (s.a.w) mengisyaratkan dengan tangannya seakan-akan mengatakan: "Tenanglah, tenanglah!" Jika sampai pada suatu tanjakan, baginda mengendurkan tali kenderaannya sedikit agar unta kenderaannya dapat naik dengan mudah. Ketika sampai di al-Muzdalifah, baginda melakukan solat Maghrib dan solat Isyak dengan sekali azan dan dua kali iqamah, tanpa melakukan solat apa pun di antara keduanya. Kemudian Rasulullah (s.a.w) berbaring hingga fajar terbit, lalu melakukan solat Subuh ketika waktu subuh sudah masuk dengan sekali azan dan sekali iqamah. Selanjutnya Rasulullah (s.a.w) menaiki al-Qaswa' dan berangkat hingga sampai di Masy'aril Haram, lalu menghadap ke arah kiblat dan berdoa kepada-Nya seraya bertahlil dan mentauhidkan-Nya. Baginda masih tetap dalam keadaan wukuf hingga cahaya pagi benar-benar terang. Baginda berangkat sebelum matahari terbit seraya membonceng al-Fadhl ibn Abbas. Al-Fadhl ibn Abbas adalah seorang lelaki yang memiliki rambut yang indah, berkulit putih lagi rupawan. Ketika Rasulullah (s.a.w) berada dalam perjalanannya, mereka bersua dengan serombongan kafilah kaum wanita yang sedang berjalan, lalu al-Fadhl memandang ke arah mereka, namun Rasulullah (s.a.w) meletakkan tangannya ke wajah al-Fadhl. Tetapi al-Fadhl memalingkan wajahnya ke arah lain supaya tetap dapat melihat mereka, maka baginda mengalihkan tangannya ke sisi yang lain tepat di wajah Al-Fadhl untuk menghalangi pandangan al-Fadhl dari sisi yang lain itu. Ketika sampai di lembah Muhassir, baginda memacu unta kenderaannya sedikit, lalu mengambil jalan tengah yang menuju ke Jumrah al-Kubra. Ketika sampai di Jumrah yang berada berhampiran sebatang pohon, baginda melontarnya dengan tujuh batu kerikil seraya membaca takbir pada setiap kali lontaran, di antara batu-batu kerikil itu ada yang besarnya seperti batu ketepel. Baginda melontarnya dari perut lembah. Setelah itu baginda berangkat menuju tempat penyembelihan haiwan kurban, lalu baginda menyembelih enam puluh tiga ekor haiwan kurban dengan tangannya sendiri. Setelah itu menyerahkan tugas tersebut kepada Ali (r.a) untuk menyembelih haiwan-haiwan kurban yang masih tersisa itu, dan baginda menyertakan Ali di dalam kurbannya. Setelah itu baginda memerintahkan agar setiap ekor unta diambil sepotong dagingnya, lalu diletakkan di dalam bekas dan langsung dimasak. Kemudian Rasulullah (s.a.w) dan Ali (r.a) memakan sebahagian daripada daging yang sudah masak itu dan meminum kuahnya. Sesudah itu Rasulullah (s.a.w) menaiki kenderaannya dan berangkat (menuju ke Baitullah), lalu baginda melakukan tawaf ifadhah di Baitullah dan melakukan solat Zohor di Mekah. Setelah itu baginda mendatangi Bani Abdul Muttalib yang sedang menimba air

zamzam seraya bersabda: "Wahai Bani Abdul Muttalib, timbalah air untuk orang ramai. Seandainya aku tidak merasa khuatir orang ramai akan mengalahkan kamu dalam jawatan *al-Siqayah* kamu, nescaya aku akan ikut menimbakannya bersama kamu." Lalu mereka memberi setimba air zamzam dan baginda langsung meminum sebahagiannya."

Ja'far ibn Muhammad ibn Ali ibn al-Husain ibn Ali ibn Abu Talib al-Hasyimi, nama panggilannya Abu Abdullah, seorang imam yang jujur. Dia meninggal dunia pada tahun 184 Hijriah dalam usia 68 tahun.

"عَنْ أَبِيْهِ", daripada ayahnya, iaitu Muhammad ibn Ali ibn al-Husain ibn Ali ibn Abu Talib al-Hasyimi, nama panggilannya Abu Ja'far yang juga dikenali dengan nama al-Baqir. Dia meninggal dunia pada tahun 114 Hijriah.

"فَسَأَلَ عَنْ الْقَوْمِ", Jabir menanyakan orang ramai yang datang berkunjung kepadanya, kerana pada saat itu kedua-dua matanya telah buta, seperti yang disebutkan dalam keterangan berikutnya.

"حَتَّى انْتَهَى إِلَيَّ", hingga pertanyaannya sampai kepada diriku.

Ali ibn al-Husain ibn Ali ibn Abu Talib al-Hasyimi, nama panggilannya Abu al-Husain Zainul Abidin. Dia meninggal dunia pada tahun 92 Hijriah.

"فَنَزَعَ زِرِّي الْأَعْلَى", Jabir mengeluarkan kancing atasku dari rumah kancingnya untuk membuka baju gamisku agar dapat meraba dadaku.

"وَهُوَ أَعْمَى", kalimat ini berkedudukan sebagai kata keterangan keadaan. Maksudnya ialah ketika aku bertanya kepadanya, dia seorang buta. Ini kerana sebelum itu Jabir (r.a) masih boleh melihat. Ini disebutkan dalam kalimat selanjutnya yang menyatakan: "Aku memandang sejauh mataku memandang." Penulis kitab *Usd al-Ghabah* berkata: "Jabir (r.a) di akhir usianya mengalami buta."

"قَامَ فِي نِسَاجَةٍ", nama sejenis pakaian yang ditenun.

"عَلَى الْمِشْجَبِ", di atas kapstoknya, yakni tempat menggantungkan pakaian.

"فَقَالَ بِيَدِهِ", maka Jabir (r.a) mengisyaratkan dengan tangannya.

"فَعَقَدَ تِسْعًا", dan dia menggenggamkan sembilan jarinya untuk menunjukkan pengertian sembilan tahun.

"ثُمَّ أَذَّنَ فِي النَّاسِ", Nabi (s.a.w) memberitahu hal tersebut kepada mereka dan menyiarkannya agar mereka bersiap sedia menunaikan ibadah haji bersamanya dan belajar manasik serta hukum-hakam ibadah haji. Selain itu, ini bertujuan agar mereka menyaksikan semua ucapan dan perbuatan baginda. Nabi (s.a.w) mewasiatkan kepada mereka agar orang yang hadir menyampaikannya kepada orang yang tidak hadir bagi menyebarkan seruan Islam.

"حَتَّى أَتَيْنَا ذَا الْحُلَيْفَةِ", ketika kami sampai di miqat.

Muhammad ibn Abu Bakar al-Shiddiq al-Taimi, nama panggilannya Abu al-Qasim al-Madani, dilahirkan pada masa Nabi (s.a.w) dalam perjalanan menuju haji wada'. Dia meriwayatkan hadis daripada ayahnya secara mursal, dan telah diambil riwayat hadisnya oleh al-Qasim, anak lelakinya. Al-Zahabi berkata: "Dia termasuk salah seorang yang bergabung dengan Khalifah Utsman, aktif dan turut serta membelanya sehingga Utsman (r.a) berkata kepadanya: "Wahai anak

saudaraku, seandainya ayahmu melihatmu di tempat ini, nescaya dia merasa kecewa." Muhammad ibn Abu Bakar pun faham lalu dia memisahkan diri dan bergabung dengan Ali (r.a). Hingga menjadilah dia salah seorang pengikutnya yang paling setia. Dia mengikuti Ali (r.a) dalam Perang al-Jamal dan meninggal dunia di Mesir pada tahun 38 Hijriah. Dia dibunuh oleh Mu'awiyah ibn Khadij.

"قَالَ: اغْتَسِلِي", Rasulullah (s.a.w) bersabda kepadanya: "Mandilah kamu untuk berihram!" Sabda Rasulullah (s.a.w) ini merupakan jawapan kepada pertanyaannya yang menyebutkan bahawa Asma' binti Umais mengirimkan seorang pesuruh untuk menanyakan kepada Rasulullah (s.a.w) tentang apa yang harus dia lakukan.

"وَاسْتَثْفِرِي", *al-Istitsfar* ialah memakai lampin, lalu memakai kain yang lebar untuk menyumbat jalan keluarnya darah, sedangkan kedua hujung kain itu diikat pada bahagian hadapan dan belakang kain. Ini sama dengan kantong yang diletakkan di bawah ekor kuda untuk mencegah kotorannya tidak berjatuhan. Ini disebut *al-Talajjum*.

"ثُمَّ رَكِبَ الْقَصْوَاءَ", *al-Qashwa* adalah nama unta Nabi (s.a.w) yang seperempat daripada kedua telinganya terputus. *Al-'Adhba'* adalah unta lain milik Nabi (s.a.w) di mana kedua-dua daun telinganya terpotong lebih daripada seperempatnya. Unta lain milik Nabi (s.a.w) disebut *al-Jad'a*, di mana kedua-dua daun telinganya terpotong secara keseluruhannya.

"حَتَّى إِذَا اسْتَوَتْ بِهِ نَاقَتُهُ عَلَى الْبَيْدَاءِ", padang pasir yang sama sekali tidak ada tumbuhan, sedangkan apa yang dimaksudkan dalam hadis ini ialah nama sebuah tempat di Zul Hulaifah.

"نَظَرْتُ إِلَى مَدِّ بَصَرِي", aku memandang sejauh mataku memandang.

"فَأَهَلَّ بِالتَّوْحِيدِ", baginda menguatkan suaranya mengucapkan talbiyah yang terdapat di dalamnya makna mentauhidkan Allah (s.w.t).

"لَبَّيْكَ", bentuk *tatsniyah*. Maksudnya ialah bilangan yang banyak, yakni berkali-kali.

"اللَّهُمَّ", aku penuhi seruanmu, ya Allah kerana orang yang berihram itu pada hakikatnya adalah orang yang memenuhi seruan Allah yang ditujukan kepadanya agar menziarahi rumah-Nya.

"لاَ شَرِيكَ لَكَ", tidak ada seorang pun yang menyekutukan-Mu dalam hal yang berhak mendapat sanjungan dan pujian serta memberikan nikmat.

"إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ", aku penuhi seruan-Mu, kerana segala pujian dan nikmat hanya milik-Mu. Memenuhi seruan ilahi daripada seseorang hamba bersifat mutlak tanpa perlu ada alasan. Mendahulukan pujian ke atas nikmat mengisyaratkan kepada makna *al-Hamdu* (pujian), kerana Allah (s.w.t) berhak mendapat pujian kerana Zat-Nya semata, bukan kerana pemberian nikmat secara khusus.

"لَسْنَا نَعْرِفُ الْعُمْرَةَ", kami tidak mengetahui umrah dapat dilakukan secara bersamaan dengan ibadah haji dalam bulan-bulan haji. Ini kerana ibadah umrah itu pada hakikatnya telah dikenali di kalangan mereka, namun mereka tidak mengetahui bahawa haji dapat dilakukan secara bersamaan dengan umrah dalam satu niat.

"حَتَّى إِذَا أَتَيْنَا الْبَيْتَ", hingga kami sampai di Kaabah bersamaan dengan pagi hari Ahad, tarikh empat bulan Zulhijah.

"اسْتَلَمَ الرُّكْنَ", mengusap Hajar Aswad. Pengertian rukun di sini ditujukan kepada Hajar Aswad apabila diucapkan, sedangkan makna *al-Istilam* adalah mengusap dan menciumnya dengan membaca takbir dan tahlil jika itu dapat dilakukan oleh seseorang selagi tidak mengganggu orang lain. Jika tidak mampu berbuat demikian, maka *al-Istilam* sudah memadai dilakukan dengan menggunakan isyarat dari kejauhan.

"فَرَمَلَ ثَلاَثًا", berjalan cepat dan menggerakkan kedua bahunya dalam ketiga-tiga pusingan tawafnya. Inilah yang disebut dengan *al-Khabab* dan ia sunat dilakukan ketika bertawaf.

"وَمَشَى أَرْبَعًا", dan berjalan biasa dalam keempat pusingan yang terakhir. Dengan demikian, jumlah keseluruhan pusingan tawaf ada tujuh kali.

"ثُمَّ نَفَذَ إِلَى مَقَامِ إِبْرَاهِيمَ", "نفذ" bermaksud sampai kepadanya dengan menguak kepadatan orang ramai yang berasak-asak di sekitar Kaabah. Maqam Ibrahim merupakan sebuah batu yang dahulu digunakan untuk tempat berpijak Nabi Ibrahim (a.s) ketika membangun Kaabah al-Musyarrafah.

"فَكَانَ أَبِي يَقُولُ", al-Nawawi menerangkan bahawa kalimat ini merupakan perkataan Ja'far al-Shadiq. Maksudnya ialah Jafar telah menceritakan hadis ini daripada ayahnya dan ayahnya daripada Jabir (r.a). Ja'far mengatakan bahawa ayahnya, yakni Muhammad al-Baqir, pernah menceritakan bahawa Nabi (s.a.w) membaca kedua-dua surah tersebut ketika mengerjakan solat dua rakaat sunat tawaf. Pada rakaat pertama sesudah al-Fatihah, baginda membaca Surah al-Kafirun dan pada rakaat yang kedua sesudah al-Fatihah, baginda membaca Surah al-Ikhlash.

"وَلاَ أَعْلَمُهُ ذَكَرَهُ إِلاَّ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", ini bukanlah satu keraguan dalam masalah tersebut kerana lafaz *al-ilmu* bertentangan dengan lafaz *al-syak*, tetapi ini merupakan kepastian yang menunjukkan hadis hingga sampai kepada Nabi (s.a.w).

ثُمَّ رَجَعَ إِلَى الرُّكْنِ فَاسْتَلَمَهُ "", sesudah Rasulullah (s.a.w) mengerjakan solat sunat tawaf, baginda terus menuju Hajar Aswad dan menciumnya.

"ثُمَّ خَرَجَ مِنْ الْبَابِ", kemudian baginda keluar dari pintu itu, yakni pintu Bani Makhzum yang sekarang dikenali dengan pintu Shafa. Rasulullah (s.a.w) keluar dari arahnya kerana pintu itu yang paling dekat menuju Shafa, namun ini tidak bererti baginjda menganggapnya sebagai sunat. Orang yang melakukan ibadah haji boleh keluar dari mana-mana pintu.

"فَلَمَّا دَنَا مِنْ الصَّفَا", ketika telah berada di dekat Shafa.

"قَرَأَ: إِنَّ الصَّفَا والْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللهِ", "شعائر" adalah bentuk jamak dari lafaz "شعيرة" yang bermaksud tanda, yakni termasuk di antara tanda manasik yang diperintahkan dalam ibadah haji ialah sa'i di antara Shafa dan Marwah. Demikian pula dengan manasik-manasik yang lain seperti berwukuf di Arafah, melontar jumrah, tawaf dan menyembelih haiwan kurban.

"أَبْدَأُ", aku memulai sa'iku.

"بِمَا بَدَأَ اللهُ بِهِ", seperti apa yang dimulakan oleh Allah dalam firman-Nya iaitu bermula dari Shafa.

"فَبَدَأَ بِالصَّفَا فَرَقِيَ عَلَيْهِ", baginda menaiki Bukit Shafa dalam permulaan sa'inya.

"حَتَّى رَأَى الْبَيْتَ", hingga baginda dapat melihat Kaabah. Ini terjadi pada masa Nabi (s.a.w), kerana pada waktu itu masjid tidak mempunyai tembok. Pada masa sekarang Kaabah tidak dapat dilihat dari sebelah atas bukit Shafa kerana dihalangi oleh tembok masjid.

"فَوَحَّدَ اللهَ", lalu baginda mentauhidkan Allah melalui ucapan "لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ" (Tidak ada tuhan selain Allah).

"وَكَبَّرَهُ", dan membesarkan-Nya melalui ucapan "الله أكبر" (Allah Mahabesar).

"وَحْدَهُ", hanya Allah semata.

"لاَ شَرِيكَ لَهُ", tidak ada seorang pun yang menyekutukan-Nya dalam sifat uluhiyah dan rububiyyah, serta tidak ada seorang pun yang berhak disembah bersama-Nya.

"لَهُ الْمُلْكُ", semua makhluk adalah milik-Nya.

"وَلَهُ الْحَمْدُ", bagi-Nya segala pujian di dunia dan di akhirat.

"وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ", Maha Sempuma kekuasaan-Nya, tidak ada sesuatu pun di bumi dan di langit yang mampu melemahkan-Nya.

"أَنْجَزَ وَعْدَهُ", telah menunaikan apa yang Dia janjikan kepada Nabi berupa memenangkan agama-Nya dan meninggikan kalimah-Nya.

"وَنَصَرَ عَبْدَهُ", menolong kekasih-Nya yakni Rasul-Nya ke atas musuh-musuh-Nya.

"وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ", dan mengalahkan golongan-golongan yang bersekutu untuk melawan Nabi (s.a.w) semasa dalam Perang al-Khandaq yang terjadi pada tahun kelima atau tahun keempat Hijriah dalam bulan Syawal. Menurut satu pendapat, apa yang dimaksudkan di sini adalah seluruh golongan yang bersekutu melawan Nabi (s.a.w), maka Allah pasti akan memusnahkan mereka.

"وَحْدَهُ", dengan sendiri-Nya, yakni tanpa campur tangan manusia seperti melalui peperangan mereka. Allah (s.w.t) berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَةَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ جَآءَتْكُمْ جُنُودٌ فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا وَجُنُودًا لَّمْ تَرَوْهَا ..... ﴿٩﴾

"*Wahai orang yang beriman, ingatlah akan nikmat Allah (yang telah dikurniakan) kepada kamu ketika datang kepada kamu tentera-tentera, lalu Kami kirimkan kepada mereka angin taufan dan tentera yang tidak dapat kamu lihat...*" (Surah al-Ahzab: 9)

"ثُمَّ دَعَا بَيْنَ ذَلِكَ", kemudian baginda berdoa di sela-sela itu, yakni doa yang sempat baginda panjatkan.

"قَالَ مِثْلَ هَذَا ثَلاَثَ مَرَّاتٍ", Nabi (s.a.w) mengucapkan kalimat berikut sebanyak tiga kali: "لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ أَنْجَزَ وَعْدَهُ وَنَصَرَ

"عَبْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ" (Tidak ada tuhan selain Allah, Allah Maha Besar, tidak ada Tuhan selain Allah semata, tiada sekutu bagi-Nya, bagi-Nya segala kekuasaan dan segala puji, Dia Maha Kuasa ke atas segala sesuatu. Tidak ada tuhan selain Allah semata yang telah menunaikan janji-Nya, menolong hamba-Nya, dan mengalahkan golongan-golongan yang bersekutu dengan sendiri-Nya."

"ثُمَّ نَزَلَ إِلَى الْمَرْوَةِ", kemudian baginda turun dengan berjalan kaki biasa menuju ke arah Marwah.

"حَتَّى إِذَا انْصَبَّتْ قَدَمَاهُ", ketika menginjakkan kedua kakinya.

"فِي بَطْنِ الْوَادِي", pada perut lembah tempat bersa'i.

"سَعَى", lalu baginda berjalan dengan cepat di antara dua tanda berwana hijau. Tanda pertama berada berhampiran tiang yang terletak di dekat 'Ali, sedangkan tanda kedua terletak di sebelah pintu Baghlah.

"حَتَّى إِذَا صَعِدَتَا", ketika baginda mulai menaiki tempat bersa'i, yakni sesudah dua tanda tersebut.

"مَشَى", baginda berjalan biasa dengan langkah yang tenang dan perlahan.

"فَفَعَلَ عَلَى الْمَرْوَةِ كَمَا فَعَلَ عَلَى الصَّفَا", baginda melakukan perkara yang sama di atas Marwah seperti apa yang baginda lakukan di atas Shafa, yakni menaikinya dan menghadap ke arah kiblat, berzikir dan berdoa. Demikianlah yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) semasa dalam keseluruhan pusingan sa'i yang tujuh kali itu.

"حَتَّى إِذَا كَانَ آخِرُ طَوَافِهِ عَلَى الْمَرْوَةِ", apa yang dimaksud dengan istilah tawaf dalam kalimat ini ialah sa'i, yakni akhir tawaf baginda adalah di Marwah.

"لَوْ أَنِّي اسْتَقْبَلْتُ مِنْ أَمْرِي مَا اسْتَدْبَرْتُ لَمْ أَسُقْ الْهَدْيَ وَجَعَلْتُهَا عُمْرَةً", huruf "ما" berfungsi sebagai *mawshulah*, kedudukan i'rabnya adalah *nashab* kerana menjadi *maf'ul* bagi perkataan "استقبلت". Istilah "استقبلت" adalah lawan kepada kata "استدبرت". Apa yang dimaksudkan di sini ialah seandainya aku mengetahui sejak dulu lagi apa yang aku ketahui sekarang bahawa ihram dengan niat umrah, nescaya aku tidak perlu lagi membawa *al-hadyu* (haiwan kurban) dan aku akan mengerjakannya bersama kamu apa yang aku perintahkan kepada kamu untuk mengerjakannya, iaitu membatalkan niat haji dengan niat umrah, sedangkan orang yang membawa haiwan kurban tidak sah melakukan itu, kerana dia tidak boleh ber-*tahallul* sebelum menyembelih haiwan kurbannya, dan dia tidak boleh pula menyembelihnya kecuali pada hari raya aidil adha. Lain halnya dengan orang yang tidak membawa haiwan kurban, maka dia boleh ber-*tahallul*. Nabi (s.a.w) berkata demikian tidak lain hanya untuk menghibur hati para sahabatnya kerana amatlah berat bagi mereka apabila mereka ber-*tahallul*, sedangkan Nabi (s.a.w) sendiri berihram. Oleh itu baginda mengatakan demikian kepada mereka supaya mereka tidak mempunyai ganjalan hati dan mereka mengetahui bahawa apa yang lebih utama ialah menerima seruan Nabi (s.a.w) seperti mana yang dianjurkan kepada mereka di mana seandainya baginda tidak membawa haiwan kurban, nescaya baginda akan ber-*tahallul* bersama mereka.

"أَلِعَامِنَا هَذَا", apakah dibolehkan melakukan umrah di dalam bulan-bulan haji ini hanya khusus untuk tahun ini sahaja?

"فَشَبَّكَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَصَابِعَهُ وَاحِدَةً فِي اْلأُخْرَى", *al-Tasybik* adalah memasukkan sebahagian jari-jemari tangan kepada sebahagian yang lain. Sedangkan kalimat "وَاحِدَةً فِي اْلأُخْرَى" berkedudukan menjadi *badal ba'dh*.

"دَخَلَتِ الْعُمْرَةُ فِي الْحَجِّ مَرَّتَيْنِ", Nabi (s.a.w) mengucapkan kalimat: "Umrah masuk ke dalam haji," sebanyak dua kali.

"لِأَبَدٍ أَبَدٍ", semua pekerjaan umrah dimasukkan ke dalam pekerjaan-pekerjaan haji hingga hari kiamat.

"بِبُدْنٍ", bentuk jamak dari lafaz "بدنة", diucapkan untuk menunjukkan bahawa haiwan unta, lembu dan kambing, tetapi pemakaiannya secara umum ditujukan untuk ternakan unta.

"فَذَهَبْتُ إِلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُحَرِّشًا", *al-Tahrisy* adalah mengadu binatang antara yang satu dengan yang lain agar berlaga. Tetapi apa yang dimaksudkan dalam hadis ini ialah menceritakan setiap perkara kepada Rasulullah (s.a.w) yang nantinya baginda akan menegur Fatimah.

"فَحَلَّ النَّاسُ كُلُّهُمْ", sebahagian besar orang ber-*tahallul*. Ungkapan ini mengandungi makna yang bersifat umum, tetapi apa yang dimaksudkan di sini ialah makna yang bersifat khusus. Ini kerana Aisyah (r.a) tidak turut ber-*tahallul* dan beliau tidak termasuk di antara orang yang membawa *al-hadyu* (haiwan kurban).

"وَقَصَّرُوا", mereka memendekkan (memotong) rambut mereka dan tidak mencukurnya, padahal mencukur lebih afdal bagi mereka. Ini tidak lain kerana mereka menghendaki demikian supaya sebahagian rambutnya supaya dapat mereka cukur setelah ber-*tahallul* dari haji.

"فَلَمَّا كَانَ يَوْمُ التَّرْوِيَةِ", hari tarwiyah ialah tarikh kelapan bulan Zulhijah. Diberi nama demikian kerana mereka membawa bekalan air minum kerana di Arafah sukar dijumpai air.

"تَوَجَّهُوا إِلَى مِنًى", mereka berangkat menuju Mina.

"فَأَهَلُّوا بِالْحَجِّ", lalu mereka berihram untuk melakukan ibadah haji.

"فَصَلَّى بِهَا الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ وَالْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ وَالْفَجْرَ", Nabi (s.a.w) mengerjakan solat Zohor pada hari tarwiyah, solat Asar, solat Maghrib, solat Isyak dan solat Subuh pada hari yang kesembilan.

"ثُمَّ مَكَثَ قَلِيلاً حَتَّى طَلَعَتْ الشَّمْسُ", Nabi (s.a.w) tinggal di Mina sesudah mengerjakan solat Subuh pada hari yang kesembilan hingga matahari terbit.

"بِنَمِرَةَ", nama sebuah tempat yang terletak berhampiran Arafah, tetapi ia tidak termasuk Arafah.

"وَلاَ تَشُكُّ قُرَيْشٌ إِلاَّ أَنَّهُ وَاقِفٌ عِنْدَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ", maksudnya ialah kaum Quraisy pada masa Jahiliah selalunya melakukan wukuf di Masy'aril Haram, iaitu di sebuah bukit di al-Muzdalifah yang dikenali dengan nama Quzah, sedangkan orang Arab yang lain pada masa dahulu melewati tempat tersebut dan melakukan wukuf di Arafah. Nabi (s.a.w) melewatinya pula menuju ke Arafah kerana Allah (s.w.t) telah menyuruhnya demikian melalui firman-Nya:

ثُمَّ أَفِيضُواْ مِنۡ حَيۡثُ أَفَاضَ ٱلنَّاسُ ..... ﴿١٩٩﴾

"*Kemudian bertolaklah kamu dari tempat bertolaknya orang (menuju ke Arafah)…*" (Surah al-Baqarah:199)

Apa yang dimaksud dengan "orang" di dalam ayat tersebut ialah orang Arab selain kabilah Quraisy, kerana kabilah Quraisy dahulu selalunya melakukan wukuf di al-Muzdalifah, kerana al-Muzdalifah masih termasuk tanah suci Mekah, sedangkan mereka selalunya berbangga diri bahawa mereka adalah penduduk tanah suci Allah. Oleh itu, mereka tidak akan keluar daripadanya.

"فَأَجَازَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", Rasulullah (s.a.w) melewati al-Muzdalifah, namun tidak melakukan wukuf, melainkan terus menuju Arafah. Ini tidak bersesuaian dengan dugaan orang Quraisy. Mereka menduga bahawa wukuf yang akan dilakukan oleh Nabi (s.a.w) adalah di al-Muzdalifah sama seperti yang mereka lakukan, kerana baginda adalah seorang Quraisy.

"حَتَّى أَتَى عَرَفَةَ", hingga berada di dekat Arafah. Pemahaman ini berdasarkan konteks kalimat selanjutnya yang menyebutkan bahawa baginda turun beristirehat di dalam sebuah khemah kecil yang dipasang untuknya di Namirah.

"حَتَّى إِذَا زَاغَتْ الشَّمْسُ", ketika matahari telah tergelincir daripada pertengahan langit dan waktu solat Zohor mulai masuk.

"أَمَرَ بِالْقَصْوَاءِ فَرُحِلَتْ لَهُ", baginda memerintahkan agar unta kenderaannya yang diberi nama al-Qaswa' disediakan dengan meletakkan pelananya di bahagian tulang belakangnya dan mengikatnya dengan kuat kerana baginda hendak menunggangnya.

"فَأَتَى بَطْنَ الْوَادِي", perut lembah, nama sebuah tempat yang berhampiran Arafah yang dikenali dengan nama Urnah, tetapi ia tidak termasuk Arafah.

"فَخَطَبَ النَّاسَ", menasihati dan menganjurkan mereka agar berbuat kebaikan serta mengajarkan mereka manasik-manasik haji.

"كَحُرْمَةِ يَوْمِكُمْ هَذَا", seperti kesucian hari kamu sekarang, yakni kesuciannya benar-benar kukuh seperti mana kukuhnya kesucian hari itu.

"أَلَا كُلُّ شَيْءٍ مِنْ أَمْرِ الْجَاهِلِيَّةِ تَحْتَ قَدَمَيَّ مَوْضُوعٌ", apa yang dimaksud dengan istilah "موضوع" ialah tidak ada hukumnya lagi dan telah dihapuskan serta tidak diperlakukan lagi.

"وَإِنَّ أَوَّلَ دَم أَضَعُ مِنْ دِمَائِنَا دَمُ ابْنِ رَبِيعَةَ بْنِ الْحَارِثِ", Rabi'ah ibn al-Harits adalah anak bapa saudara Nabi (s.a.w) yang disusui oleh kalangan Bani Sa'ad, lalu dibunuh oleh Bani Hudzail. Nabi (s.a.w) membatalkan darahnya dan membatalkan tuntutannya pada masa Islam serta tidak membuat apa-apa tuntutan kepada Rabi'ah.

"وَأَوَّلُ رِبًا", sedangkan yang menjadi sifatnya ialah jumlah lafaz "أضع". Maksudnya ialah aku menghapuskan riba dan tidak diperlakukannya lagi, sedangkan yang menjadi khabarnya ialah lafaz "ربانا". Lafaz "الدماء" dan "الربا" di-*mudhaf*-kan kepada *dhamir jemaah mutakallim* kerana adanya kesamaan agama iaitu Islam atau kerana adanya kesamaan kekerabatan (nasab). Memulakan penghapusan dengan sesuatu yang terjadi di kalangan kerabat sendiri memiliki makna yang lebih kukuh di

dalam jiwa pendengarnya.

"أَنْ لاَ يُوطِئْنَ فُرُشَكُمْ أَحَدًا تَكْرَهُونَهُ", janganlah kaum wanita mengizinkan seseorang dari kalangan orang yang tidak kamu sukai memasuki rumah mereka. Makna "وطء الفراش" bukanlah ungkapan yang menunjukkan makna zina, kerana ini jelas sudah diharamkan, baik bersama dengan orang yang dibenci ataupun tidak. Seandainya perkataan itu bermaksud zina, nescaya hukumannya adalah rejam, bukan hanya sekadar pukulan yang tidak melukai seperti mana yang diisyaratkan melalui sabdanya: "Jika mereka (kaum wanita) melakukan perkara itu," yakni membenarkan masuk seseorang yang tidak disukai oleh suaminya: "Maka pukullah mereka dengan pukulan yang tidak melukai," yakni pukulan yang tidak keras dan tidak membuat mereka luka.

"كِتَابُ اللهِ", dengan dibaca baris *nashab* kerana menjadi *badal* kepada lafaz yang sebelumnya. Kalau dibaca "كتابُ الله" dengan dibaca rafa', bererti menjadi *khabar* bagi *mubtada'* yang dibuang. Secara umum, lafaz ini menjadi tafsiran kepada lafaz sebelumnya dan menunjukkan keagungan al-Qur'an.

"وَأَنْتُمْ تُسْأَلُونَ عَنِّي", sedangkan kamu kelak akan ditanya oleh Tuhan kamu, apakah Rasul-Ku telah menyampaikan apa yang telah diturunkan kepadanya.

"فَقَالَ بِإِصْبَعِهِ السَّبَّابَةِ يَرْفَعُهَا إِلَى السَّمَاءِ وَيَنْكُتُهَا", al-Qadhi berkata: "Inilah bunyi riwayat ini, iaitu dengan menggunakan huruf *ta'*, yakni "ينكتها" kerana makna lafaz *al-Nakt* ialah memukulkan hujung tongkat ke tanah sehingga memberikan bekas. Begitu pula makna yang dimaksudkan di sini, iaitu memberikan kesan terhadap hati lawan bicara agar memikirkan apa yang dikatakannya dan melaksanakannya. Tetapi menurut pendapat yang lain, lafaz ini diungkapkan dengan memakai huruf *ba'*, yakni "ينكبها" yang bermaksud membolak-balikkannya dan menunjukkannya ke arah orang lain dengan jari telunjuknya.

"ثُمَّ أَذَّنَ", kemudian azan dikumandangkan oleh Bilal (r.a) berdasarkan perintah Nabi (s.a.w).

"ثُمَّ أَقَامَ", lalu Bilal mengumandangkan iqamah.

"فَصَلَّى", maka Nabi (s.a.w) mengerjakan solat, yakni bersama orang ramai.

"الظُّهْرَ", Zohor dengan diqasar menjadi dua rakaat.

"ثُمَّ أَقَامَ", kemudian Bilal mengumandangkan iqamah lagi.

"فَصَلَّى الْعَصْرَ", dan Nabi (s.a.w) mengerjakan solat Asar bersama mereka secara qasar yang disatukan dengan solat Zohor, iaitu jamak taqdim.

"وَلَمْ يُصَلِّ بَيْنَهُمَا شَيْئًا", Nabi (s.a.w) tidak mengerjakan apa-apa solat sunat di antara keduanya, kerana *muwaalaah* (berturut-turut) di antara kedua-dua solat adalah wajib, kerana baginda melakukannya secara jamak.

"حَتَّى أَتَى الْمَوْقِفَ", hingga baginda sampai di tempat wukuf.

"فَجَعَلَ بَطْنَ نَاقَتِهِ الْقَصْوَاءِ إِلَى الصَّخَرَاتِ", *al-Shakharat* adalah batu-batu kecil yang terhampar di bahagian bawah Jabal Rahmah. Jabal Rahmah adalah sebuah bukit yang terletak di tengah Padang Arafah. Inilah tempat wukuf yang disunatkan. Jika seseorang tidak mampu melakukan wukuf di tempat itu, hendaklah dia mendekati

semampu yang mungkin, yakni usahakanlah agar dia dapat berwukuf di tempat yang paling dekat dengan tempat tersebut. Adapun perbuatan yang sering kali dilakukan oleh orang awam, bahawa menaiki Jabal Rahmah mesti diutamakan di mana seakan-akan berwukuf tidak sah kecuali di atas Jabal Rahmah, maka anggapan seperti itu adalah salah. Apa yang benar ialah dibolehkan wukuf pada mana-mana bahagian di tanah Arafah.

"وَجَعَلَ حَبْلَ الْمُشَاةِ بَيْنَ يَدَيْهِ", *Habl al-Musyah* adalah tempat mereka orang ramai berkumpul manakala *Habl al-Ramli* adalah bonggolan pasir yang memanjang lagi besar. Lafaz "حبل" di-*mudhaf*-kan kepada lafaz "المشاة" untuk menunjukkan bahawa seseorang tidak dapat sampai kepadanya kecuali dengan berjalan kaki, atau kerana para pejalan kaki berkumpul di tempat tersebut untuk menghindari orang yang berkenderaan.

"حَتَّى غَابَ الْقُرْصُ", bulatan matahari. Kalimat ini menjelaskan kalimat "غربت الشمس" dan "ذهبت الصفرة", kerana kalimat yang terakhir ini merupakan majaz yang menunjukkan bahawa sebahagian besar bulatan matahari tenggelam, tetapi tidak secara keseluruhannya. Kemudian dikukuhkan dengan tenggelamnya seluruh bulatan matahari untuk melenyapkan adanya anggapan tersebut.

"وَأَرْدَفَ أُسَامَةَ خَلْفَهُ", Rasulullah (s.a.w) membonceng Usamah di belakangnya, yakni di bahagian belakang unta kenderaannya.

"وَدَفَعَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", Rasulullah (s.a.w) berangkat dari Arafah.

"وَقَدْ شَنَقَ لِلْقَصْوَاءِ الزِّمَامَ", dikatakan "شنقت البعير شنقا" bermaksud aku menarik kencang tali kendalinya hingga kepalanya terangkat sama seperti yang dilakukan oleh penunggang kuda terhadap kuda yang dinaikinya.

"حَتَّى إِنَّ رَأْسَهَا لَيُصِيبُ مَوْرِكَ رَحْلِهِ" *Hattaa, al-Mawrik* dan *al-Mawrikah* adalah tempat yang digunakan oleh penunggang untuk melipatkan kedua kakinya. Ia terletak di tengah bahagian hadapan pelana unta kenderaan. *Al-Mawrik* dibuat daripada kulit yang bentuknya mirip dengan bantal kecil sebagai tempat untuk melipatkan kaki. Ia berada di bahagian hadapan pelana. Apa yang dimaksudkan dengan ungkapan ini adalah Nabi (s.a.w) menarik kepala untanya melalui tali kendalinya dengan kuat agar jalannya tidak terlampau cepat.

"وَيَقُولُ بِيَدِهِ الْيُمْنَى", berisyarat dengan tangannya.

"السَّكِينَةَ السَّكِينَةَ", ia di-*washal*-kan oleh *fi'il* yang dibuang. Bentuk lengkapnya ialah: "Tetaplah kamu dalam keadaan tenang, jangan terlalu tergesa-gesa." Maksudnya ialah Nabi (s.a.w) menyuruh mereka agar berjalan dengan tenang dan menganjurkan mereka untuk tetap bersikap tenang ketika baginda melihat mereka memukul unta kenderaan mereka untuk memacunya agar berjalan lebih cepat

"كُلَّمَا أَتَى حَبْلاً مِنْ الْحِبَالِ", *al-Hibal* adalah bentuk jamak dari lafaz "حبل" adalah tanjakan pasir yang tidak terlalu tinggi.

"أَرْخَى لَهَا قَلِيلاً حَتَّى تَصْعَدَ", Nabi (s.a.w) mengendurkan tali kendali untanya sedikit untuk memberikan kesempatan kepadanya agar dapat menaiki tanjakan dengan mudah.

"حَتَّى أَتَى الْمُزْدَلِفَةَ", hingga sampai ke al-Muzdalifah. Al-Muzdalifah adalah nama sebuah lembah yang letaknya memanjang mulai dari lembah Muhassir di sebelah Barat hingga al-Ma'zimain di sebelah imur, panjangnya lebih kurang empat kilometer. Diberi nama demikian kerana diambil dari perkataan "التزلف" *tazalluf* dan "الإزدلاف" yang bermaksud mendekatkan diri, kerana jemaah haji yang berangkat dari Arafah selalunya mendekati tempat tersebut, yakni mendekatinya. Menurut pendapat yang lain, diberi nama al-Muzdalifah kerana jemaah haji tiba di tempat tersebut apabila hari telah mula malam, yakni pada permulaan malam hari.

"فَصَلَّى بِهَا الْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ", Rasulullah (s.a.w) mengerjakan solat Maghrib dan Isyak di al-Muzdalifah secara jamak ta'khir, yakni mengerjakan dua solat itu pada waktu solat Isyak.

"بِأَذَانٍ وَاحِدٍ", dengan sekali azan pada solat yang pertama, yakni solat Maghrib.

"وَإِقَامَتَيْنِ", dengan dua kali iqamah yang masing-masing untuk solat Maghrib dan solat Isyak.

"وَلَمْ يُسَبِّحْ بَيْنَهُمَا شَيْئًا", baginda tidak mengerjakan apa-apa solat sunat di antara solat Maghrib dan solat Isyak. Solat sunat juga diberi nama pula *sabhah*.

"ثُمَّ اضْطَجَعَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى طَلَعَ الْفَجْرُ", Rasulullah (s.a.w) membaringkan tubuhnya (tidur) di al-Muzdalifah untuk menguatkan tubuhnya sekali gus kerana merasa belas kasihan kepada umatnya.

"وَصَلَّى الْفَجْرَ حِينَ تَبَيَّنَ لَهُ الصُّبْحُ", Rasulullah (s.a.w) mengerjakan solat Subuh ketika fajar shadiq telah terbit, yakni waktu Subuh telah tiba.

"ثُمَّ رَكِبَ الْقَصْوَاءَ", Rasulullah (s.a.w) menaiki unta kenderaannya.

"حَتَّى أَتَى الْمَشْعَرَ الْحَرَامَ", Masy'aril Haram adalah nama sebuah bukit kecil yang terletak di hujung al-Muzdalifah. Ia dinamakan pula Bukit Quzah. Dahulu pada zaman Jahiliah mereka biasa menandai haiwan-haiwan kurban mereka di tempat tersebut, yakni mereka menandainya dengan melukai bahagian belakangnya hingga mengeluarkan darah.

"فَاسْتَقْبَلَ الْقِبْلَةَ", lalu Rasulullah (s.a.w) memusingkan kenderaannya untuk menghadap ke arah kiblat.

"فَدَعَاهُ", dan berdoa kepada Allah.

"وَكَبَّرَهُ وَهَلَّلَهُ وَوَحَّدَهُ", melalui ucapannya: "الله أكبر الله أكبر الله أكبر" dan "لا إله إلا الله وحده لا شريك له".

"حَتَّى أَسْفَرَ جِدًّا", cahaya siang mula menyebar dan menyinari dengan sinar yang terang. *Dhamir* yang terdapat di dalam lafaz "أسفر" kembali kepada lafaz *al-fajr*.

"وَأَرْدَفَ الْفَضْلَ بْنَ عَبَّاسٍ", Rasulullah (s.a.w) membonceng al-Fadhl ibn Abbas di belakangnya.

"وَكَانَ رَجُلاً حَسَنَ الشَّعْرِ أَبْيَضَ وَسِيمًا", rupawan dan kacak.

"مَرَّتْ بِهِ ظُعُنٌ يَجْرِينَ", rombongan wanita yang berkenderaan unta, bentuk jamak kepada lafaz "ظعينة". Ia pada mulanya bermaksud unta yang membawa seorang wanita, kemudian dimaksudkan secara majaz kepada wanita itu sendiri kerana

wanita tersebut menaiki unta kenderaannya.

"فَطَفِقَ الْفَضْلُ يَنْظُرُ إِلَيْهِنَّ", al-Fadhl mula memandang mereka dengan pandangan yang penuh dengan rasa kagum kerana wanita itu cantik-cantik belaka.

"فَوَضَعَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدَهُ عَلَى وَجْهِ الْفَضْلِ", maka baginda meletakkan tangannya ke wajah al-Fadhl agar dia tidak melihat mereka (rombongan wanita itu).

"فَحَوَّلَ الْفَضْلُ وَجْهَهُ إِلَى الشِّقِّ الْآخَرِ يَنْظُرُ", al-Fadhl memalingkan wajahnya ke arah yang lain agar dapat melihat mereka.

"فَحَوَّلَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدَهُ مِنْ الشِّقِّ الْآخَرِ عَلَى وَجْهِ الْفَضْلِ يَصْرِفُ وَجْهَهُ مِنْ الشِّقِّ الْآخَرِ", Rasulullah (s.a.w) memindahkan tangannya dari arah lain untuk mencegah al-Fadhl agar tidak melihat mereka. Sesungguhnya Nabi (s.a.w) tidak memerintahkan mereka memalingkan pandangan mereka daripada Fadhl kerana dengan memalingkan wajah al-Fadhl, maka itu sudah dianggap memadai.

"حَتَّى أَتَى بَطْنَ مُحَسِّرٍ", dinamakan lembah Muhassir kerana tentera bergajah merasa kepenatan di tempat tersebut. Muhassir adalah sebuah lembah yang terletak di antara al-Muzdalifah dengan Mina. Penduduk Mekah memberinya nama dengan sebutan "lembah neraka".

"فَحَرَّكَ قَلِيلاً", Nabi (s.a.w) memacu untanya sedikit agar berjalan agak cepat.

"ثُمَّ سَلَكَ الطَّرِيقَ الْوُسْطَى", kemudian Nabi (s.a.w) menempuh jalan al-Ma'zimain (jalan tengah).

"الَّتِي تَخْرُجُ عَلَى الْجَمْرَةِ الْكُبْرَى", jalan yang menghantarkan baginda ke Jumrah al-Aqabah.

"حَتَّى أَتَى الْجَمْرَةَ الَّتِي عِنْدَ الشَّجَرَةِ", hingga sampai di Jumrah al-Aqabah yang pada saat itu terdapat sebatang pohon. Jumrah adalah nama bagi bonggolan batu-batu kerikil dan diberi nama demikian kerana manusia berhimpun di tempat itu.

"مِثْلِ حَصَى الْخَذْفِ", kerikil kecil yang besarnya sama dengan biji kacang supaya batu kerikil tersebut dapat dilontarkan dengan menggunakan dua buah jari. Apapun, besarnya sama dengan batu ketepel.

"رَمَى مِنْ بَطْنِ الْوَادِي", Nabi (s.a.w) melemparnya dari bahagian bawah Jumrah, bukan dari bahagian atasnya.

"ثُمَّ انْصَرَفَ إِلَى الْمَنْحَرِ ،", setelah itu yakni sesudah melempar Jumrah al-Aqabah, Rasulullah (s.a.w) berangkat menuju tempat penyembelihan haiwan-haiwan kurban. Pada masa lalu, tempat penyembelihan kurban itu berada berhampiran Jumrah al-Aqabah, namun pada masa sekarang tempat untuk penyembelihan itu berada di muara jalan menuju Mina.

"فَنَحَرَ", lalu Nabi (s.a.w) menyembelih enam puluh tiga ekor unta untuk dirinya sendiri sesuai dengan bilangan usia baginda.

"ثُمَّ أَعْطَى عَلِيًّا فَنَحَرَ مَا غَبَرَ", setelah itu Nabi (s.a.w) menyerahkan pisau penyembelih kepada Ali (r.a) agar dia menyembelih tiga puluh tujuh ekor unta yang masih tersisa daripada seratus ekor unta itu.

"ثُمَّ أَمَرَ مِنْ كُلِّ بَدَنَةٍ بِبَضْعَةٍ", Rasulullah (s.a.w) memerintahkan agar mengambil sekerat daging dari setiap unta yang telah disembelih.

"ثُمَّ رَكِبَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", setelah menyembelih haiwan kurban, baginda menaiki unta kenderaannya.

"فَأَفَاضَ إِلَى الْبَيْتِ", baginda turun dari Mina menuju ke Baitul Haram (Kaabah) untuk melakukan tawaf ifadhah yang juga disebut sebagai tawaf rukun dan tawaf ziarah. Tawaf ini termasuk salah satu daripada rukun haji, di mana ibadah haji tidak sah kecuali dengan adanya tawaf ifadhah ini.

"فَصَلَّى بِمَكَّةَ الظُّهْرَ", kalimat ini di-*'athaf*-kan kepada lafaz yang dibuang. Maksudnya Nabi (s.a.w) berangkat dan melakukan tawaf di Kaabah, iaitu tawaf ifadhah, kemudian mengerjakan solat Zohor. Dan lafaz tawaf dalam kalimat ini tidak disebutkan kerana sudah difahami menerusi konteks kalimat.

"انْزِعُوا بَنِي عَبْدِ الْمُطَّلِبِ", teruslah menimba air zamzam, wahai Bani Abdul Muttalib dan berilah orang ramai minum daripadanya.

"فَلَوْلاَ أَنْ يَغْلِبَكُمْ النَّاسُ", seandainya aku tidak merasa khuatir orang lain kelak berkeyakinan bahawa itu termasuk manasik haji, lalu mereka berebut meraihnya hingga dapat mengalahkan kamu dan menyingkirkan kamu daripada jawatan *al-Siqayah*, nescaya aku turut serta menguruskan *al-Siqayah* bersama kamu. Nabi (s.a.w) mengatakan demikian kerana betapa penting jawatan ini.

"فَنَاوَلُوهُ دَلْوًا فَشَرِبَ مِنْهُ", lalu Bani Abdul Muttalib memberikan setimba air zamzam kepada baginda dan baginda meminum sebahagiannya.

Fiqh Hadis

1. Orang yang hendak berihram haji atau ihram umrah disunatkan mandi, meskipun dia sedang berhaid atau bernifas.
2. Wanita yang berhaid dan bernifas disyariatkan menyumbat kemaluannya dengan kain pembalut dan ihram mereka tetap dianggap sah.
3. Boleh melakukan haji dengan berkenderaan atau berjalan kaki, tetapi berkenderaan adalah lebih afdal kerana mengikuti Sunnah Nabi (s.a.w), meskipun memerlukan biaya yang lebih banyak dan lebih membantu keselesaan ketika melaksanakan manasik.
4. Dianjurkan melakukan ihram daripada miqat yang telah ditentukan.
5. Disyariatkan membaca talbiyah, tetapi hukumnya masih diperselisihkan oleh ulama. Imam Abu Hanifah berkata: "Membaca talbiyah merupakan salah satu syarat ihram. Ihram tidak sah tanpanya kerana adanya perintah untuk itu dalam hadis Ummu Salamah (r.a) yang mengatakan sebagai berikut:

سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يَقُولُ: يَا آلَ مُحَمَّدٍ، مَنْ حَجَّ مِنْكُمْ فَلْيُهِلَّ فِي حَجِّهِ.

"Aku pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Wahai keluarga Muhammad, barang siapa di antara kamu melaksanakan haji, maka hendaklah dia membaca talbiyah." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dengan sanad yang *jayyid*)

Menurut pendapat yang masyhur di kalangan mazhab Imam Malik, membaca talbiyah itu wajib dan orang yang meninggalkannya wajib membayar fidyah dengan menyembelih *al-hadyu*. Imam Ahmad dan Imam al-Syafi'i mengatakan bahawa talbiyah itu sunat. Mereka mengatakan bahawa sekadar perbuatan Nabi (s.a.w) tidak menunjukkan hukum wajib, sebaliknya itu hanya menunjukkan yang Nabi (s.a.w) telah menganjurkannya.

6. Orang yangr berhaji disunatkan memasuki Mekah sebelum berwuqut di Arafah untuk melakukan tawaf qudum.
7. Disunatkan mengusap Hajar Aswad sebelum melakukan tawaf dan sesudah melakukan solat sunat tawaf sebanyak dua rakaat.
8. Orang yang berhaji atau orang yang berumrah hendaklah bertawaf di Baitullah. Jumhur ulama mengatakan bahawa disyaratkan tawaf dilakukan sebanyak tujuh kali pusingan, dimulai dari Hajar Aswad dan berhenti di Hajar Aswat. Ini merupakan rukun yang tidak dapat ditutupi atau diganti dengan membayar *dam* (denda) atau selainnya. Imam Abu Hanifah berkata: "Rukun tawaf itu adalah empat kali pusingan, sedangkan tiga sisanya adalah wajib dan dapat digantikan dengan membayar *dam* (denda)." Hukum berkenderaan semasa mengerjakan tawaf masih diperselisihkan oleh ulama. Imam Ahmad dan Imam al-Syafi'i berkata: "Dibolehkan bertawaf dengan berkenderaan, sekalipun tanpa ada uzur dan tidak ada membayar *dam* ke atasnya, tetapi berjalan kaki lebih afdal." Imam Malik dan Imam Abu Hanifah berkata: "Berjalan kaki semasa mengerjakan tawaf adalah wajib, kecuali kerana ada uzur. Jika seseorang berkenderaan semasa bertawaf tanpa uzur, maka dia wajib mengulanginya semula dengan berjalan kaki. Jika tidak, maka dia wajib membayar *dam* (denda). Tetapi apabila dia berkenderaan semasa mengerjakannya kerana ada uzur, maka tidaklah dia dikenakan apa-apa denda mengikut kesepakatan ulama. Dalam suatu riwayat daripada Imam Ahmad disebutkan bahawa tawaf tidak cukup dilakukan dengan berkenderaan apabila tanpa uzur, kerana tawaf adalah ibadah yang berkaitan dengan Baitullah, maka ia tidak boleh dikerjakan dengan berkenderaan tanpa ada uzur, kerana tawaf sama dengan solat.
9. Disyariatkan berlari kecil dalam tiga kali pusingan tawaf, sekalipun tidak ada penyebab dan wanita tidak boleh melakukan lari kecil ini, baik semasa bertawaf mahupun semasa bersa'i.
10. Disyariatkan mengerjakan solat sunat tawaf sebanyak dua rakaat di belakang maqam Ibrahim. Ulama berselisih pendapat mengenai hukumnya. Mazhab Hanafi mengatakan bahawa solat sunat tawaf dua rakaat hukumnya wajib. Pendapat ini juga merupakan pendapat Imam Malik dan Imam al-Syafi'i dengan alasan kerana ada perintah untuk mengerjakannya dan Rasulullah (s.a.w) sentiasa mengerjakannya. Tetapi menurut pendapat yang masyhur

di kalangan mazhab Maliki, solat sunat tawaf mengikuti tawaf itu sendiri. Dengan erti kata lain, apabila tawaf itu wajib, maka solatnya pun menjadi wajib. Jika tawafnya itu sunat, maka sunat pula hukumnya. Disunatkan kedua-dua rakaat tawaf itu dikerjakan di belakang maqam Ibrahim, namun jika seseorang mengerjakannya di tempat yang lain, maka dia mesti mengulanginya selagi masih berwuduk. Imam Ahmad berkata: "Solat sunat tawaf hukumnya sunat." Pendapat inilah yang paling sahih di kalangan mazhab al-Syafi'i. Mereka mengatakan bahawa perintah yang terdapat di dalam ayat yang membahas masalah ini menunjukkan hukum sunat. Solat sunat tawaf sah dikerjakan di mana-mana tempat mengikut pendapat jumhur ulama. Adapun solat yang dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w) berhampiran maqam Ibrahim hanya untuk menjelaskan amalan yang paling afdal.

11. Menjelaskan tentang cara menaiki setiap tangga yang ada pada Shafa dan Marwah. Jumhur ulama mengatakan bahawa itu disunatkan. Tetapi bagi wanita, itu tidak disunatkan agar tidak berasak-asakan dengan lelaki dan tidak menaiki tangga bukit Shafa adalah lebih baik bagi mereka.
12. Disunatkan berzikir dan berdoa di atas bukit Shafa dan Marwah dan di antara keduanya dengan doa yang disukainya, tetapi doa *ma'tsur* daripada Rasulullah (s.a.w) adalah lebih diutamakan.
13. Disyariatkan bersa'i di antara Shafa dengan Marwah, tempatnya di dalam Masjidil Haram dan panjangnya lebih kurang 420 m. Dari Shafa ke tanda pertama panjangnya 80 m, sedangkan jarak antara dua tanda adalah 70 m, sesudah dua tanda ke Marwah jauhnya 270 m, sedangkan lebar jalannya sekitar 20 m. Ulama berselisih pendapat mengenai hukum bersa'i ini. Jumhur ulama mengatakan bahawa sa'i merupakan salah satu rukun haji atau umrah, di mana haji atau umrah tidak sempurna tanpanya dan sa'i ini tidak dapat digantikan dengan membayar *dam*. Imam Abu Hanifah berkata: "Sa'i adalah wajib dalam haji dan umrah. Jika ditinggalkan, maka wajib dibayar dengan *dam* dan ia bukan merupakan rukun. Melakukan sa'i dengan berjalan kaki lebih afdal." Mazhab Maliki dan mazhab Hanafi mengatakan bahawa barang siapa bersa'i dengan berkenderaan tanpa uzur, maka dia wajib mengulanginya semula jika waktunya masih belum berakhir. Jika waktunya sudah berakhir, maka dia wajib membayar *dam* (denda), kerana apabila seseorang itu mampu berjalan kaki, maka dia wajib melakukannya.
14. Disunatkan bersa'i berjalan kaki dengan tenang. Jika seseorang berjalan kaki atau berlari kecil pada setiap sa'i, maka itu sudah memadai baginya, tetapi dia tidak mendapatkan pahala yang lebih afdal mengikut tiga imam mazhab. Ini merupakan pendapat yang masyhur di kalangan mazhab Imam Malik.
15. Barang siapa yang tinggal di Mekah, lalu dia ingin melakukan ihram haji, maka apa yang lebih diutamakan baginya ialah hendaklah dia berihram

pada hari yang kelapan.

16. Orang yang berhaji disunatkan mengerjakan solat lima waktu di Mina, mulai dari solat Zohor hari tarwiyah hingga solat Subuh pada tarikh sembilan. Dia menginap di Mina pada malam kesembilan, dan hendaklah dia tidak meninggalkan Mina kecuali setelah matahari pada hari yang kesembilan sudah terbit.
17. Orang yang berhaji disunatkan beristirehat di Namirah.
18. Imam disunatkan menyampaikan khutbah yang ditujukan kepada seluruh umat manusia sesudah matahari tergelincir di Arafah pada hari Arafah.
19. Orang yang berhaji tidak boleh memasuki Arafah kecuali setelah matahari tergelincir. Solat Zohor dan Asar dikerjakan secara qasar lagi jamak taqdim tanpa ada pemisah di antara keduanya.
20. Disyariatkan menjamak dua solat yakni solat Zohor dan Asar di Arafah dengan jamak taqdim, dan menjamak solat Maghrib dan Isya di al-Muzdalifah dengan jamak takhir. Jumhur ulama mengatakan bahawa penyebab jamak ini adalah ibadah haji dan oleh kerananya, ia boleh dilakukan oleh seluruh orang yang berada di Arafah, baik dia adalah penduduk Mekah ataupun orang yang berasal dari bangsa lain. Ini kerana Nabi (s.a.w) sendiri mengerjakan solat jamak ini dan ikut berhaji bersama orang yang hadir dari kalangan penduduk Mekah mahupun kalangan yang lain, sedangkan baginda sendiri tidak ada menyuruh supaya jamak ditinggalkan sebagaimana baginda menyuruh mereka meninggalkan qasar melalui sabda Rasulullah (s.a.w):

أَتِمُّوْا فَإِنَّا قَوْمٌ سَفْرٌ.

"*Sempurnakanlah solat kamu, kerana kami adalah kaum yang sedang bermusafir.*"

Kebanyakan ulama mazhab al-Syafi'i mengatakan bahawa jamak di antara kedua solat tersebut dilakukan kerana alasan musafir. Oleh itu, masyarakat setempat atau orang yang bermusafir namun jarak perjalanannya kurang daripada jarak perjalanan qasar seperti penduduk Mekah tidak dibolehkan melakukan jamak. Adapun solat qasar, maka menurut jumhur ulama penduduk Mekah dan orang yang bermusafir yang jaraknya kurang daripada perjalanan qasar tidak dibolehkan melakukan qasar. Menurut Imam Ahmad dan Imam Malik, mereka dibolehkan melakukan qasar sebagaimana mereka juga dibolehkan melakukan jamak. Adapun azan dan iqamah untuk kedua-dua solat yang dijamak, maka menurut pendapat yang paling sahih dari Imam Ahmad, solat pertama dilakukan dengan azan dan iqamah, sedangkan solat yang kedua hanya dilakukan iqamah sahaja. Menurut mazhab Imam Abu Hanifah, kedua-dua solat tersebut dijamak dengan sekali azan dan sekali iqamah. Menurut Imam Malik, kedua-dua solat dijamak dengan dua kali azan dan dua kali iqamah. Menurut Imam al-Syafi'i dalam qaul jadid dan Imam Ahmad dalam salah satu riwayat yang bersumber daripadanya, kedua-dua solat dijamak dengan sekali iqamah

tanpa mengumandangkan azan.

21. Disunatkan berangkat meninggalkan al-Muzdalifah menuju Mina sesudah waktu *isfar* (pagi telah bersinar terang) mengikut jumhur ulama. Sedangkan menurut Imam Malik, bertolak meninggalkan al-Muzdalifah hendaklah dilakukan sebelum *isfar*.
22. Disunatkan menyegerakan solat Subuh pada hari raya kurban di al-Muzdalifah dengan mengumandangkan azan dan iqamah kerana mengikuti amalan Nabi (s.a.w). Oleh kerana pekerjaan ibadah pada hari itu amat banyak, maka disunatkan segera melakukannya agar setelah menunaikan solat Subuh masih banyak kesempatan untuk melakukan pekerjaan manasik yang lain.
23. Disyariatkan berwukuf di Masy'aril Haram sesudah mengerjakan solat Subuh.
24. Disyariatkan berdoa dan berzikir di Masy'aril Haram hingga cahaya pagi menjadi terang, kemudian berangkat menuju ke Mina sebelum matahari terbit, agar berbeza dengan apa yang dahulu biasa dikerjakan oleh orang musyrikin, di mana mereka tidak berangkat dari Masy'aril Haram kecuali sesudah matahari benar-benar telah terbit.
25. Memulakan melontar Jumrah 'Aqabah sebaik tiba di Mina dan tidak melakukan sesuatu pun sebelum melontarnya. Waktu *mukhtar* (terbaik) untuk melontar ialah waktu dhuha pada hari raya kurban, sedangkan waktu *jawaz* (boleh) untuk melakukannya masih diperselisihkan oleh ulama. Menurut Imam Malik, Imam Abu Hanifah dan satu riwayat yang bersumber daripada Imam Ahmad, boleh melontar Jumrah 'Aqabah dimulai sejak terbit fajar pada hari raya kurban. Mazhab al-Syafi'i dan Imam Ahmad menurut pendapat yang masyhur di kalangan mazhab Hanbali menyebutkan bahawa melontar Jumrah 'Aqabah dibolehkan sesudah pertengahan malam hari raya kurban. Ini merupakan permulaan waktu melontar Jumrah 'Aqabah. Adapun akhir waktunya tanpa sebarang hukum makruh ialah hingga matahari terbenam pada hari raya kurban. Bagi orang yang melontarnya sebelum Maghrib, bererti dia telah melontarnya tepat pada waktunya, meskipun waktu itu bukan waktu yang disunatkan untuk melontar jumrah. Jika seseorang mengakhirkan waktu melontar jumrah hingga malam hari, maka dia hendaklah melontar jumrah pada waktu malam hari, meskipun hukumnya makruh mengikut jumhur ulama. Imam Ahmad berkata: "Barang siapa yang melontar Jumrah 'Aqabah pada waktu malam hari, maka dia tidak boleh melontarnya sebelum matahari hari yang kedua tergelincir." Beliau melandaskan pendapatnya berdasarkan perkataan Ibn Umar (r.a):

مَنْ نَسِيَ الْجِمَارَ إِلَى اللَّيْلِ فَلاَ يَرْمِ حَتَّى تَزُوْلَ الشَّمْسُ مِنَ الْغَدِ.

"Barang siapa yang lupa melontar jumrah hingga waktu malam hari, maka janganlah dia melontarnya sebelum matahari tergelincir pada keesokan harinya." (Diriwayatkan oleh al-Baihaqi)

26. Orang yang melontar Jumrah 'Aqabah disunatkan berdiri pada perut lembah (lembah bahagian bawah). Dengan erti kata lain, seseorang menjadikan Mina, al-Muzdalifah dan Arafah berada di sebelah kanannya, sedangkan Mekah berada di sebelah kirinya.
27. Tidak boleh berdiri untuk berdoa sesudah melontar Jumrah 'Aqabah, kerana ini belum pernah dilakukan oleh Nabi (s.a.w) dan keadaan pula tidak memungkinkan. Selain itu, dianjurkan berharap semoga doa yang dipanjatkannya dalam kedua lontaran terdahulu dimakbulkan, kerana larangan berdoa setelah melakukan jumrah yang terakhir ini berlandaskan kepada satu riwayat yang menceritakan: "Tidak ada doa sesudah melakukan kedua-dua lontaran jumrah."
28. Disunatkan memperbanyak haiwan yang dikurbankan.
29. Orang yang berkurban disunatkan menyembelih sendiri haiwan kurbannya, meskipun dia dibolehkan mewakilkan tugas ini kepada orang lain, iaitu tugas menyembelih kurban dan memotongnya.
30. Disunatkan menyegerakan penyembelihan kurban dan tidak mengakhirkannya pada hari raya kurban itu.
31. Disunatkan memakan sebahagian daging haiwan kurban.
32. Disunatkan berangkat dari Mina menuju ke Mekah pada hari raya kurban untuk melakukan tawaf ifadhah yang merupakan salah satu rukun haji. Jika dia menangguhkannya, lalu mengerjakannya pada hari hari tasyriq, maka itu pun sudah memadai tanpa ada sebarang denda menurut kesepakatan ulama. Imam al-Syafi'i berkata: "Tidak dilarang mengakhirkannya sekalipun pada waktu yang lama selagi dia tidak mengerjakan manasik lagi." Imam Ahmad berkata: "Jika seseorang menangguhkan tawaf ifadhah hingga sesudah hari-hari tasyriq, maka itu dianggap sudah memadai baginya dan dia tidak dikenakan kewajipan membayar *dam* (denda)." Imam Malik berkata: "Batasan waktu paling akhir melaksanakan tawaf ifadhah ialah sampai akhir bulan Zulhijjah." Imam Abu Hanifah berkata: "Tawaf ifadhah wajib dikerjakan pada hari-hari tasyriq dan disyaratkan hendaklah sebahagian besarnya dikerjakan sebelum matahari tenggelam. Jika tidak, maka dia wajib membayar fidyah."
33. Boleh meringkaskan hadis dengan mengetengahkan apa-apa yang berkaitan dengan tema pembahasan sahaja.
34. Seorang isteri tidak boleh mengizinkan mana-mana lelaki dan perempuan memasuki rumah suaminya kecuali apabila dia mengetahui atau meyakini bahawa suaminya tidak membenci orang tersebut.
35. Boleh membonceng seseorang di belakang haiwan kenderaan yang dinaikinya apabila haiwan tersebut kuat untuk dinaiki oleh dua orang.
36. Boleh dibonceng di belakang orang kenamaan dan pemimpin masyarakat.
37. Haram memandang wanita lain dan wajib menundukkan pandangan mata daripadanya.
38. Watak manusia lemah dalam memerangi hawa nafsu.

39. Diwajibkan merubah perkara mungkar dengan kekuatan selagi itu boleh dilakukan.
40. Haji wada' yang digambarkan di dalam hadis ini yakni hadis Jabir (r.a) merupakan pengajaran praktikal tentang tatacara pelaksanaan ibadah haji. Rasulullah (s.a.w) telah mempraktikkannya kepada kita mengikuti setiap bacaan dan perbuatannya. Baginda adalah teladan terbaik bagi umatnya. Oleh itu, baginda berhaji dengan berkenderaan dan tidak segan-segan baginda menjelaskan bahkan mengingatkan kita menerusi sabdanya:

خُذُوْا عَنِّي مَنَاسِكَكُمْ.

"*Ambillah daripadaku manasik-manasik kamu.*"

٢٧٠- عَنْ خُزَيْمَةَ بْنِ ثَابِتٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا فَرَغَ مِنْ تَلْبِيَتِهِ فِي حَجٍّ أَوْ عُمْرَةٍ سَأَلَ اللهَ رِضْوَانَهُ وَالْجَنَّةَ وَاسْتَعَاذَ بِرَحْمَتِهِ مِنَ النَّارِ. رَوَاهُ الشَّافِعِيُّ بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ.

270. Daripada Khuzaimah ibn Tsabit (r.a) bahawa jika Nabi (s.a.w) telah menyelesaikan talbiyah dalam haji atau umrah, baginda selalunya memohon kepada Allah keredaan dan syurga-Nya, serta memohon perlindungan melalui rahmat-Nya daripada (seksa) neraka. (Diriwayatkan oleh Imam al-Syafi'i dengan sanad yang dha'if)

Makna Hadis

Oleh kerana orang yang bertalbiyah memohon melalui talbiyah dan sikap *tadharu'* akan limpahan rahmat Allah, maka doanya sesudah talbiyah dimakbulkan, kerana pada saat itu seseorang menghadap kepada Allah dengan sepenuh hati. Oleh itu, disunatkan baginya membaca doa setelah selesai membaca talbiyah. Oleh itu, antara Sunnah Nabi (s.a.w) sesudah membaca talbiyah ialah memohon kepada Allah keredaan dan syurga-Nya serta meminta perlindungan melalui rahmat-Nya daripada seksa neraka. Ini merupakan permintaan yang dilakukan di tempat yang paling mulia. Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَرِضْوَٰنٌ مِّنَ ٱللَّهِ أَكْبَرُ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿٧٢﴾

"*… Dan keredaan Allah lebih besar. Itu adalah keberuntungan yang besar.*" (Surah al-Taubah: 72)

Analisis Lafaz

"إِذَا فَرَغَ مِنْ تَلْبِيَتِهِ", jika baginda telah menyelesaikan bacaan talbiyah.

"سَأَلَ اللهَ رِضْوَانَهُ وَالْجَنَّةَ", baginda memohon keredaan Allah dan meminta agar dimasukkan ke dalam syurga-Nya.

"وَاسْتَعَاذَ بِرَحْمَتِهِ مِنَ النَّارِ", dan baginda meminta perlindungan kepada Allah agar diselamatkan daripada seksa neraka.

"بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ", dengan sanad yang dha'if, kerana di dalamnya terdapat Shalih ibn Muhammad ibn Abu Za'idah yang diberi gelaran Abu Waqid al-Laitsi di mana pakar hadis menilainya sebagai dha'if.

Fiqh Hadis

Orang yang berihram disunatkan berdoa setelah selesai membaca talbiyah pada bila-bila masa dengan membaca doa ini atau apa-apa doa *ma'tsur* daripada Nabi (s.a.w).

Periwayat Hadis

Khuzaimah ibn Tsabit ibn al-Fakih ibn Tsa'labah ibn Sa'idah ibn Ammar al-Ansari yang dikenali dengan gelaran Dzu al-Syahadatain.[12] Beliau turut serta dalam Perang Badar dan Perang Uhud serta meriwayatkan 38 hadis. Riwayat hadisnya telah diambil oleh anak lelakinya yang bernama Imarah, juga oleh Ibrahim ibn Sa'ad ibn Abu Waqqash. Beliau mati syahid pada tahun 37 Hijriah dalam Perang Shiffin dengan memihak kepada Ali (r.a).

٢٧١- عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "نَحَرْتُ هَاهُنَا، وَمِنًى كُلُّهَا مَنْحَرٌ، فَانْحَرُوا فِي رِحَالِكُمْ، وَوَقَفْتُ هَاهُنَا وَعَرَفَةُ كُلُّهَا مَوْقِفٌ، وَوَقَفْتُ هَاهُنَا وَجَمْعٌ كُلُّهَا مَوْقِفٌ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

---

[12] Beliau diberi gelaran demikian kerana Rasulullah (s.a.w) pernah membeli seekor kuda dari seorang Abar badwi, lalu baginda mengambil kuda itu dan membayarnya, tetapi kedua belah pihak berselisih tentang taksirannya. Setelah itu, Khuzaimah datang dan dia terus bersaksi dengan memihak kepada Nabi (s.a.w) dan menyalahkan orang Arab badwi itu, sehingga Nabi (s.a.w) pun bertanya kepadanya: "Wahai Khuzaimah, bagaimana kamu boleh bersaksi terhadap sesuatu yang tidak kamu ketahui sebelumnya?" Khuzaimah menjawab: "Wahai Rasulullah, jika saya percaya kepada tuan tentang berita yang datang dari langit. Lalu mengapa saya tidak boleh percaya kepada tuan terhadap berita yang datang dari bumi?" Nabi (s.a.w) bersabda: "Barang siapa yang telah dipersaksikan Khuzaimah, maka itu sudah cukup baginya." Hadis dikemukakan oleh al-Daraquthni. Kaumnya, iaitu orang Aus amat bangga dengan Khuzaimah. Mereka selalu berkata: "Di kalangan kami terdapat seseorang yang kesaksiannya dijadikan oleh Rasulullah (s.a.w) sebanding dengan kesaksian dua orang lelaki."

271. Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "Aku pernah menyembelih kurban di sini, demikian pula seluruh daerah Mina merupakan tempat penyembelihan kurban, maka berkurbanlah di tempat kamu. Aku pernah berwukuf di sini, demikian pula seluruh daerah Arafah merupakan tempat berwukuf. Aku pernah berwukuf di sini, dan seluruh daerah Jama' merupakan tempat untuk berwukuf." (Diriwayatkan Muslim)

Makna Hadis

Allah (s.w.t) memberikan keluasan bagi umat Nabi Muhammad (s.a.w) dan Dia tidak membebankan suatu pekerjaan yang tidak mampu mereka kerjakan.

Allah membolehkan mereka melakukan wukuf di Arafah dan al-Muzdalifah, membolehkan pula menyembelih kurban di Mina, yakni di mana-mana tempat selagi masih termasuk kawasan Mina. Hadis ini menambahkan keringanan yang diberikan kepada mereka, kerana telah turut berhaji bersama Rasulullah (s.a.w) orang ramai yang jumlahnya sangat banyak hingga memerlukan tempat yang luas. Allah (s.w.t) mengetahui bahawa kelak jutaan manusia akan berhaji ke Baitullah setelah Islam tersiar ke seluruh penjuru dunia sehingga Allah (s.w.t) memberikan keringanan kepada hamba-hamba-Nya dan memberikan keluasan kepada mereka. Ini merupakan salah satu bentuk toleransi Islam.

Analisis Lafaz

"نَحَرْتُ هَاهُنَا", aku pernah menyembelih kurban di dekat Jumrah al-'Aqabah.

"وَمِنًى كُلُّهَا مَنْحَرٌ", seluruh daerah Mina merupakan tempat menyembelih haiwan kurban. Maksudnya adalah menyembelih haiwan kurban di mana-mana tempat di Mina sudah memadai. Mina adalah sebuah lembah yang terkenal dan merupakan sebahagian daripada tanah suci. Diberi nama demikian kerana darah haiwan kurban mengalir di tempat itu.

"فَانْحَرُوا فِي رِحَالِكُمْ", berkurbanlah di tempat tinggal kamu, kerana tempat kamu masih termasuk kawasan Mina.

"وَوَقَفْتُ هَاهُنَا", yakni berhampiran daerah berbatu yang berada di lereng Bukit Arafah (Illal).

"وَعَرَفَةُ كُلُّهَا مَوْقِفٌ", seluruh daerah Arafah adalah tempat untuk berwukuf. Di bahagian mana pun seseorang boleh melakukan wukuf dan itu sudah mencukupinya, kecuali perut Lembah Urnah. Arafah adalah nama sebuah lembah terkenal dan terletak di tanah halal. Tempat ini digunakan untuk berwukuf dan di tengah-tengahnya terdapat sebuah bukit yang dikenali dengan nama Jabal Rahmah. Diberi nama Arafah kerana pada masa yang silam Nabi Adam dan Siti Hawa dipertemukan di tempat tersebut setelah keduanya diturunkan ke bumi. Menurut pendapat yang lain, diberi nama demikian kerana umat manusia saling berkenalan di tempat itu. Dan menurut pendapat yang lain lagi, diberi nama demikian kerana umat manusia berkenalan dengan Allah di tempat itu atau sebaliknya Allah

berkenalan dengan mereka.

"وَوَقَفْتُ هَاهُنَا", yakni di Bukit Quzah, tempat imam berdiri di al-Muzdalifah.

"وَجَمْعٌ كُلُّهَا مَوْقِفٌ", dan Jama' seluruhnya merupakan tempat berwukuf. Di mana-mana tempat seseorang boleh berwukuf di Muzdalifah dan berwukuf di tempat itu dibenarkan kecuali di Lembah Muhassir. Jama' adalah nama sebuah lembah di al-Muzdalifah. Diberi nama demikian kerana umat manusia berhimpun di tempat itu. Al-Muzdalifah berasal dari perkataan "الإزدلاف" bermaksud dekat, kerana letak al-Muzdalifah berdekatan dengan Arafah atau kerana umat manusia mendekatkan dirinya kepada Allah di tempat itu.

Fiqh Hadis

Tempat berkurban dan tempat berwukuf di Arafah dan al-Muzdalifah tidak ditentukan kerana semua itu merupakan tempat berkurban dan tempat berwukuf, meskipun melakukannya tidak secara persis di tempat Rasulullah (s.a.w) berwukuf dan berkurban.

٢٧٢- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا جَاءَ إِلَى مَكَّةَ دَخَلَهَا مِنْ أَعْلاَهَا، وَخَرَجَ مِنْ أَسْفَلِهَا. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

272. Daripada Aisyah (r.a) bahawa ketika Nabi (s.a.w) tiba di Mekah, baginda masuk dari jalan bahagian atasnya dan keluar (berhijrah) melalui jalan bahagian bawahnya." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) keluar meninggalkan Mekah ketika berhijrah ke Madinah dengan sembunyi-sembunyi, kerana orang yang membantu baginda amat sedikit sedangkan musuhnya amat ramai. Tetapi ketika agama Islam telah tersebar luas hingga memenuhi seluruh kawasan, baginda memasuki Mekah dengan terang-terangan melalui jalan bahagian atasnya berikut seluruh bekalan dan pasukannya untuk memperlihatkan kepada musuh-musuhnya apa yang telah dibuktikan oleh Allah bahawa dia pasti beroleh pertolongan dan kemenangan. Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَلِلَّهِ ٱلۡعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِۦ وَلِلۡمُؤۡمِنِينَ ..... ﴿٨﴾

"… *Padahal kekuatan itu hanyalah bagi Allah, Rasul-Nya, dan orang mukmin…*" (Surah al-Munafiqun: 8)

Baginda memasukinya dari Kida', iaitu dari lereng Hujun dengan tujuan baginda tiba di Baitullah dari arah pintu seraya menghadap kepadanya. Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَأْتُوا۟ ٱلْبُيُوتَ مِنْ أَبْوَٰبِهَا ۚ ..... ﴿١٨٩﴾

"... *Dan masuklah ke dalam rumah-rumah itu dari pintu-pintunya...*" (Surah al-Baqarah: 189)

Di samping itu, ia bertujuan bagi merealisasikan apa yang telah dijanjikan oleh Hassan kepada kaum musyrik melalui perkataannya: "Aku akan kehilangan anak perempuanku yang masih kecil jika kamu tidak melihatnya, sedangkan debu-debu berterbangan kerana kemunculannya dari Kada'."

Oleh itu, Rasulullah (s.a.w) bersabda ketika memasuki Mekah: "Masukilah Mekah dari jalan seperti apa yang dikatakan oleh Hassan."

Ketika baginda keluar meninggalkannya untuk berhijrah ke Madinah, maka jalan yang dilaluinya ialah dari Kuda', iaitu melalui jalan bahagian bawahnya secara sembunyi-sembunyi.

Analisis Lafaz

"لَمَّا جَاءَ إِلَى مَكَّةَ", ketika baginda tiba di Mekah pada tahun waktu pembukaan kota Mekah.

"دَخَلَهَا مِنْ أَعْلاَهَا", baginda memasukinya dari jalan Hujun, iaitu lereng yang tinggi, lalu turun menuju ke al-Ma'lah (kawasan kuburan penduduk Mekah). Pada mulanya jalan ini sukar untuk ditempuh, kemudian diperbaiki oleh Mu'awiyah, kemudian diratakan oleh Abdul Malik, lalu diperbaiki lagi oleh al-Mahdi, kemudian pada zaman Sultan al-Mu'ayyad diratakan secara keseluruhannya. Kada' merupakan lafaz yang tidak menerima *tanwin* kerana illat *'alamiyah* dan *ta'nits*.

"وَخَرَجَ مِنْ أَسْفَلِهَا", baginda keluar melalui Kada', iaitu bahagian bawah dari kota Mekah. Penduduk Mekah berkata: "Masuklah dari Kada' dan keluarlah dari Kuda."

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan memasuki kota Mekah dari bahagian atasnya dan keluar melalui jalan bahagian bawahnya supaya malaikat di kedua-dua jalan itu menyaksikannya.
2. jika Kada' tidak dilalui oleh seseorang, maka disunatkan berpusing jalan ke arah Kuda kerana mengikuti Sunnah.
3. Memasuki kota Mekah dari mana-mana jalan adalah dibolehkan dan memasukinya tanpa melalui Kada' tidak membuat seseorang berdosa atau mesti membayar *dam*.

٢٧٣- عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا: أَنَّهُ كَانَ لاَ يَقْدُمُ مَكَّةَ إِلاَّ بَاتَ بِذِي طُوَى حَتَّى يُصْبِحَ وَيَغْتَسِلَ، وَيَذْكُرُ ذَلِكَ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

273. Daripada Ibn Umar (r.a) bahawa tidak sekali-kali beliau tiba di Mekah melainkan terlebih dahulu menginap di Dzi Thuwa hingga pagi hari lalu mandi dan beliau menceritakan bahawa itu dilakukan kerana meniru perbuatan Nabi (s.a.w). (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Untuk memasuki kota Mekah tentu ada syarat-syaratnya yang tersendiri di antaranya ialah memasukinya pada waktu siang hari. Jika seseorang memasukinya pada waktu malam hari, maka itu tetap dibolehkan kerana Nabi (s.a.w) pernah melakukannya dalam umrah al-Ji'ranah.

Etika yang lain ialah disunatkan mandi terlebih dahulu ketika hendak memasukinya apabila ini memudahkan seseorang untuk melakukannya. Tetapi apa yang lebih afdal adalah hendaklah mandi ini dilakukan di Dzi Thuwa kerana mengikuti Sunnah Nabi (s.a.w).

Analisis Lafaz

"كَانَ لاَ يَقْدُمُ مَكَّةَ", Abdullah ibn Umar apabila telah berada di kawasan berhampiran Mekah dan ingin memasukinya.

"إِلاَّ بَاتَ بِذِي طُوَى", menginap terlebih dahulu di Dzi Thuwa, nama sebuah tempat yang terletak di sebelah barat Mekah. Di kawasan itu terdapat sebuah sumur yang terkenal ketika hendak memasuki jalan Kada'. Nabi (s.a.w) pernah turun beristirehat di tempat ini ketika haji wada' dan baginda menginap pada waktu malam Ahad tarikh empat Zulhijjah tahun 10 Hijriah di tempat itu.

"حَتَّى يُصْبِحَ", hingga pagi hari baginda barulah memasukinya.

"وَيَغْتَسِلَ", dan mandi sesudah mengerjakan solat Subuh kerana menghormati kota Mekah yang akan dimasukinya.

"وَيَذْكُرُ ذَلِكَ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", Ibnu Umar (r.a) menceritakan bahawa Nabi (s.a.w) melakukan itu, yakni menginap di Dzi Thuwa dan mandi sebelum memasuki kota Mekah.

Fiqh Hadis

1. Orang yang berihram disunatkan menginap di Dzi Thuwa.
2. Disunatkan mandi ketika hendak memasuki Mekah di Dzi Thuwa bagi orang yang melalui jalan ini.
3. Orang yang berihram disunatkan memasuki Mekah pada waktu siang hari, kerana ini lebih menampakkan syiar agama, lebih-lebih lagi jika orang yang hendak memasukinya adalah orang yang menjadi tumpuan ramai. Kecekalan Ibn Umar (r.a) untuk mandi dan menginap di Dzi Thuwa ketika hendak memasuki Mekah semata-mata kerana kecintaannya untuk sentiasa

tetap mengikuti Sunnah Nabi (s.a.w).

٢٧٤- عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا: أَنَّهُ كَانَ يُقَبِّلُ الْحَجَرَ الْأَسْوَدَ وَيَسْجُدُ عَلَيْهِ. رَوَاهُ الْحَاكِمُ مَرْفُوعًا، وَالْبَيْهَقِيُّ مَوْقُوفًا.

274. Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa beliau selalu mencium Hajar Aswad dan meletakkan keningnya. (Diriwayatkan oleh al-Hakim secara *marfu'* dan al-Baihaqi secara *mawquf*)

Makna Hadis

Mengikuti Sunnah adalah dianjurkan, meskipun kadang kala agak sukar difahami oleh akal fikiran kerana tidak berlandaskan kepada alasan-alasan yang boleh diterima akal. Peninggalan Sunnah merupakan hujah bagi orang yang menerimanya, meskipun dia tidak dapat memahami makna dan rahsia yang tersimpan di sebaliknya. Nabi (s.a.w) mencium Hajar Aswad hanya semata-mata menghormatinya dan memuliakannya. Allah (s.w.t) mengutamakan sebahagian batu-batuan ke atas sebahagian yang lain sebagaimana Dia pula telah mengutamakan sebahagian tempat dan negeri ke atas tempat dan negeri yang lain. Dia juga telah mengutamakan sebahagian malam dan siang hari serta sebahagian bulan ke atas sebahagian yang lain. Masalah ini termasuk ke dalam *al-Ittiba'*, kemudian *al-Taslim*. Ia merupakan perkara yang dapat diterima oleh akal, dibolehkan untuk melakukannya, dan tidak dilarang serta tidak pula diingkari.

Analisis Lafaz

"يَسْجُدُ عَلَيْهِ", meletakkan keningnya pada Hajar Aswad ketika menciumnya.

"رَوَاهُ الْحَاكِمُ مَرْفُوعًا، وَالْبَيْهَقِيُّ مَوْقُوفًا", hadis ini menurut riwayat al-Hakim secara *marfu'*, sedangkan menurut riwayat al-Baihaqi secara *mawquf* dan dinilai hasan oleh Imam Ahmad. Ia turut diriwayatkan oleh Abu Ya'la dengan sanadnya melalui hadis Abu Dawud al-Tayalisi.

Fiqh Hadis

Disyariatkan mencium Hajar Aswad dan meletakkan kening ketika menciumnya mengikut pendapat jumhur ulama. Tetapi Imam Malik menganggap makruh meletakkan kening padanya, namun membolehkahnya sebagai *rukhsah* apabila dilakukan seorang diri.

٢٧٥- وَعَنْهُ قَالَ: أَمَرَهُمُ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَرْمُلُوا ثَلاَثَةَ أَشْوَاطٍ وَيَمْشُوا أَرْبَعًا مَا بَيْنَ الرُّكْنَيْنِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

275. Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Nabi (s.a.w) menyuruh mereka (para sahabat) agar berlari kecil sebanyak tiga kali pusingan dan berjalan biasa sebanyak empat kali pusingan di antara kedua rukun. (Muttafaq 'alaih)

٢٧٦- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ كَانَ إِذَا طَافَ بِالْبَيْتِ الطَّوَافَ الْأَوَّلَ خَبَّ ثَلاَثًا وَمَشَى أَرْبَعًا. وَفِي رِوَايَةٍ: رَأَيْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا طَافَ فِي الْحَجِّ أَوِ الْعُمْرَةِ أَوَّلَ مَا يَقْدُمُ، فَإِنَّهُ يَسْعَى ثَلاَثَةَ أَطْوَافٍ بِالْبَيْتِ وَيَمْشِي أَرْبَعَةً. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

276. Daripada Ibn Umar (r.a) bahawa jika beliau bertawaf di Baitullah, yakni tawaf yang pertama, maka beliau berlari kecil sebanyak tiga kali pusingan dan berjalan biasa sebanyak empat kali pusingan. Menurut riwayat yang lain disebutkan sebagai berikut: "Saya pernah melihat Rasulullah (s.a.w) apabila bertawaf dalam haji atau umrahnya, iaitu ketika baru tiba (di Mekah), baginda berlari kecil sebanyak tiga kali pusingan di sekeliling Baitullah dan berjalan biasa sebanyak empat kali pusingan. (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Allah (s.w.t) memperlihatkan kepada Rasul-Nya apa yang bergejolak di dalam hati kaum musyrikin, sehingga baginda menyuruh para sahabat berlari kecil semasa bertawaf. Berlari kecil ini dibatasi hanya tiga kali pusingan yang pertama kerana berbelas kasihan kepada mereka.

Berlari kecil adalah disyariatkan dalam setiap tawaf yang sesudahnya disusuli dengan sa'i. Pada mulanya berlari kecil ini bertujuan menakut-nakuti orang kafir dan memperlihatkan kekuatan sekali gus membantah anggapan mereka yang menyatakan bahawa kelak akan tiba kepada kamu suatu kaum (kaum muslimin) yang keadaan mereka lemah kerana penyakit demam Yatsrib. Akhirnya Nabi (s.a.w) memperlihatkan keperkasaan kaum muslimin kepada mereka.

Pada tahun pelaksanaan haji wada', berlari kecil masih tetap disyariatkan, sekalipun seluruh penduduk Mekah telah masuk Islam dan penyebabnya sudah tidak wujud lagi. Ini tidak lain sebagai peringatan tentang apa yang terjadi pada masa lalu. Mereka tidak melakukan berlari kecil di antara kedua rukun tidak lain kerana kaum musyrikin berada di arah Qu'aiqi'an (Bukit Hindi), sedangkan mereka tidak dapat melihat apa yang terjadi di antara kedua-dua rukun.

Di dalam satu riwayat disebutkan bahawa ketika kaum musyrikin melihat kaum muslimin berlari kecil semasa bertawaf, sebahagian mereka berkata kepada

sebahagian yang lain: "Mereka yang kamu yakini telah dilemahkan oleh penyakit demam, sesungguhnya mereka benar-benar lebih bertenaga daripada si anu dan anu. Kekuatan mereka mirip dengan rusa."

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Ibn Abbas (r.a) yang sumbernya sama dengan hadis sebelumnya.

"أَمَرَهُمْ النَّبِيُّ", Nabi (s.a.w) menyuruh para sahabat yang ikut bersamanya dalam umrah qadha'.

"أَنْ يَرْمُلُوا", *al-Raml* adalah berjalan cepat dengan- langkah-langkah yang pendek (berlari kecil) sambil menggerakkan kedua bahu supaya kaum musyrikin melihat kekuatan mereka melalui penampilan sedemikian, sehingga ini mampu mematahkan omong kosong mereka sekali gus mencemuh mereka. Ini hanya dilakukan dalam tawaf yang disusuli oleh sa'i.

"وَيَمْشُوا أَرْبَعًا مَا بَيْنَ الرُّكْنَيْنِ", Nabi (s.a.w) menyuruh mereka berjalan biasa di antara kedua-dua rukun Yamani, kerana kaum musyrikin tidak melihat mereka. Pada saat itu posisi kaum musyrikin berada di arah yang berlawanan dengan tempat Hajar Aswad hingga mereka tidak dapat melihat posisi di antara kedua-dua rukun.

"خَبَّ ثَلاَثًا", *al-Khabb* adalah berjalan cepat. Maksudnya sama dengan lafaz *al-Raml* tadi.

"أَوَّلَ مَا يَقْدُمُ", dalam tawaf qudum.

Fiqh Hadis

1. Bukti mukjizat Rasulullah (s.a.w) kerana Allah memberitahu kepadanya apa yang dikatakan oleh kaum musyrikin di antara sesama mereka.
2. Pemimpin dianjurkan bersifat belas kasihan kepada bawahannya.
3. Disyariatkan berlari kecil dalam tawaf qudum, iaitu tiga kali pusingan pertama bagi kaum lelaki, namun tidak bagi kaum wanita. Ini kerana jika kaum wanita berlari kecil, maka tersingkaplah kecantikannya dan terdengarlah suaranya. Oleh itu, ini dilarang bagi mereka.
4. Boleh menamakan satu kali tawaf dengan istilah *al-Syawth* (sekali pusingan).
5. Disunatkan memperlihatkan kekuatan dengan seluruh bekalan dan senjata di hadapan orang kafir untuk membuat mereka gerun.
6. Tidak dilarang melakukan ibadah dengan tujuan untuk membuat kesal musuh. Ini tidak bertentangan dengan citra ikhlas dalam beramal, bahkan termasuk ke dalam kategori menguatkan ketaatan. Dalilnya firman Allah (s.w.t):

..... وَلَا يَنَالُونَ مِنْ عَدُوٍّ نَّيْلًا إِلَّا كُتِبَ لَهُم بِهِۦ عَمَلٌ صَٰلِحٌ ..... ﴿١٢٠﴾

"... *Dan tidak menimpakan sesuatu bencana kepada musuh, melainkan dituliskan bagi mereka suatu amal soleh...*" (Surah al-Taubah: 120)

٢٧٧- وَعَنْهُ قَالَ: لَمْ أَرَ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَلِمُ مِنَ الْبَيْتِ غَيْرَ الرُّكْنَيْنِ الْيَمَانِيَيْنِ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

277. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: "Saya belum pernah melihat Rasulullah (s.a.w) mengusap bahagian Kaabah selain kedua-dua rukun Yamani." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Kaabah atau Baitullah mempunyai empat buah rukun, di antaranya adalah rukun Syarqi dan rukun Yamani. Kedua-duanya dibangun oleh Nabi Ibrahim (a.s). Oleh itu, kedua-duanya diusap untuk mengikuti Sunnah Rasulullah (s.a.w). Rukun Syarqi mempunyai keistimewaan dengan cara mendapat ciuman, kerana Hajar Aswad terdapat di dalamnya. Sedangkan kedua-dua rukun yang lain iaitu rukun Iraqi dan rukun Syami tidak dicium dan tidak pula diusap, kerana tidak termasuk bangunan Nabi Ibrahim (a.s) dan belum pernah ada Sunnah yang menyatakan bahawa kedua-duanya pernah diusap.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Ibn Umar (r.a) yang sumbernya sama dengan hadis sebelumnya.

"الرُّكْنَيْنِ الْيَمَانِيَيْنِ", rukun Aswad dan rukun Yaman, kedua-duanya dikenali dengan sebutan "dua rukun Yamani. Rukun Aswad yakni rukun yang di dalamnya terdapat Hajar Aswad diusap dan dicium, kerana rukun ini memiliki dua keutamaan, iaitu adanya Hajar Aswad dan dibangun di atas pondasi Nabi Ibrahim (a.s). Sedangkan rukun Yamani hanya diusap tanpa dicium, kerana ia hanya memiliki satu keutamaan, iaitu dibangun di atas pondasi Nabi Ibrahim (a.s). Sedangkan kedua-dua rukun yang lain, iaitu yang dikenali dengan nama "dua rukun Syami tidak memiliki apa-apa keutamaan dan oleh kerananya, kedua-duanya tidak boleh dicium dan tidak pula diusap.

Fiqh Hadis

Disunatkan mengusap kedua-dua rukun Yamani kerana mengikuti Sunnah Rasulullah (s.a.w).

٢٧٨- عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ قَبَّلَ الْحَجَرَ الْأَسْوَدَ فَقَالَ: إِنِّي أَعْلَمُ أَنَّكَ حَجَرٌ لاَ تَضُرُّ وَلاَ تَنْفَعُ، وَلَوْلاَ أَنِّي رَأَيْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُقَبِّلُكَ مَا قَبَّلْتُكَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

278. Daripada Umar (r.a) bahawa beliau mencium Hajar Aswad, lalu berkata: "Sesungguhnya aku mengetahui bahawa engkau tidak dapat memberikan mudarat dan tidak pula memberi manfaat. Seandainya aku tidak melihat Rasulullah (s.a.w) menciummu, nescaya aku tidak akan menciummu." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Oleh kerana umat manusia masih baru meninggalkan penyembahan berhala, maka Umar khuatir apabila orang ramai yang tidak faham berkeyakinan bahawa usapan dan ciumannya kepada Hajar Aswad bertujuan mengagungkan apa yang biasa dilakukan oleh masyarakat Arab pada zaman Jahiliah. Untuk itu, beliau ingin memberitahu mereka bahawa usapan yang dilakukannya itu berbeza dengan perbuatan Jahiliah yang menyembah berhala dengan keyakinan bahawa berhala itu dapat memberikan mudarat dan manfaat kepada mereka. Sikapnya itu sekali gus untuk melindungi akidah Islam agar tidak menyimpang atau bercampur dengan syirik hanya kerana masalah mencium Hajar Aswad. Selain itu, ia bertujuan membebaskan keraguan di dalam diri kaum muslimin dengan memantapkan pengetahuan mereka terhadap hakikat segala perkara, supaya mereka tidak dituduh oleh kaum musyrikin sebagai orang yang berfahaman salah dan berwawasan cetek. Semoga Allah memberinya balasan yang sebaik-baiknya di atas jasanya terhadap umat Islam.

Analisis Lafaz

"أَنَّهُ قَبَّلَ الْحَجَرَ", bahawa Umar mencium Hajar Aswad pada hari-hari musim haji.

"إِنِّي أَعْلَمُ أَنَّكَ حَجَرٌ", aku berkeyakinan bahawa engkau adalah batu.

"لاَ تَضُرُّ وَلاَ تَنْفَعُ", engkau tidak dapat memberikan mudarat terhadap orang yang tidak mahu menciummu dan tidak dapat memberikan manfaat terhadap orang yang menciummu.

"وَلَوْلاَ أَنِّي رَأَيْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُقَبِّلُكَ مَا قَبَّلْتُكَ", tidak ada yang menggerakkan diriku untuk menciummu kecuali kerana mengikuti amalan Rasulullah (s.a.w) untuk membiasakan kaum muslimin pasrah terhadap baginda dan mematuhi seluruh ajaran agama.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan mengusap Hajar Aswad dengan tangan dan menciumnya. Ini menunjukkan kemuliaan dan keutamaan yang dimiliki oleh Hajar Aswad ke atas benda-benda yang selainnya.
2. Makruh mencium sesuatu yang tidak pernah dicontohkan pengamalannya oleh Rasulullah (s.a.w).
3. Menolak kepercayaan yang terjadi di kalangan sesetengah masyarakat yang tidak faham bahawa di dalam Hajar Aswad terdapat keistimewaan yang keluar dari dalam dirinya sendiri.
4. Diharuskan mengikuti Sunnah dalam menunaikan manasik dan dalam segala sesuatu yang ada kaitannya dengan urusan agama, meskipun hikmahnya belum diketahui.
5. Membersihkan hati dan keyakinan daripada unsur kepercayaan Jahiliah. Pemimpin hendaklah segera menjelaskan suatu masalah dan memutuskan hukum apabila dia melihat gejala yang boleh mengkhuatirkan akidah orang lain boleh terancam kerana perbuatannya.

٢٧٩- عَنْ أَبِي الطُّفَيْلِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: رَأَيْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَطُوفُ بِالْبَيْتِ وَيَسْتَلِمُ الرُّكْنَ بِمِحْجَنٍ مَعَهُ، وَيُقَبِّلُ الْمِحْجَنَ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

279. Daripada Abu al-Thufail (r.a), beliau berkata: "Saya pernah melihat Rasulullah (s.a.w) melakukan tawaf di Baitullah dan mengusap rukun dengan tongkatnya dan mencium tongkatnya pula." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Antara kemudahan agama Islam ialah ajaran-ajaran yang diperkenalkannya sangat mudah, begitu pula dengan petunjuk-petunjuknya. Antara lain ialah boleh mengusap rukun dengan tongkat apabila mengusapnya dengan tangan sukar dilakukan, lalu seseorang itu hendaklah mencium tongkat tersebut sebagai pengganti menciumnya secara langsung.

Analisis Lafaz

"وَيَسْتَلِمُ الرُّكْنَ بِمِحْجَنٍ", mengisyaratkan ke Hajar Aswad dengan tongkat yang pangkalnya melengkung.

"وَيُقَبِّلُ الْمِحْجَنَ", kemudian mencium tongkat yang dipakainya untuk isyarat itu, kerana baginda sukar melakukannya dengan tangan.

Fiqh Hadis

Dibolehkan mengusap rukun Hajar Aswad dengan tongkat apabila sukar melakukannya secara langsung dengan tangan. Imam Ahmad dan Imam al-Syafi'i berkata: "Jika seseorang tidak dapat melakukan *istilam* dengan tangan, maka dia boleh mengisyaratkan tangannya ke arah Hajar Aswad, kemudian mencium tangannya yang telah dia gunakan sebagai isyarat itu."

Imam Abu Hanifah berkata: "Apabila seseorang tidak dapat mencium Hajar Aswad secara langsung, maka dia boleh menggunakan sesuatu seperti tongkat. Jika masih tidak dapat melakukannya dengan menggunakan suatu alat, maka dia boleh mengangkat kedua-dua tangannya setinggi kedua-dua telinganya dengan menjadikan bahagian dalam kedua telapak tangannya ditujukan ke arah Hajar Aswad seraya berisyarat kepadanya seakan-akan dia sedang meletakkan kedua tangannya mengusap Hajar Aswad, dan bahagian luar kedua telapak tangannya diarahkan ke wajahnya seraya dicium."

Imam Malik berkata: "Jika keadaan di sekitar Hajar Aswad penuh sesak, maka usahakan mengusapnya dengan tangan atau dengan tongkat, kemudian meletakkannya pada mulutnya tanpa menciumnya. Jika tidak sampai, hendaklah dia bertakbir apabila dia telah berada lurus sejajar dengan Hajar Aswad kemudian langsung berangkat tawaf tanpa perlu berisyarat lagi."

Periwayat Hadis

Abu al-Thufail, nama aslinya ialah Amir ibn Wa'ilah al-Kinani al-Laitsi. Beliau dilahirkan pada tahun Perang Uhud. Muslim dan Ibn Adi telah mengategorikan sebagai sahabat. Beliau meriwayatkan hadis daripada Abu Bakar dan Umar, dan riwayat hadisnya telah diambil oleh Qatadah dan al-Qasim ibn Abu Buzzah, juga Ma'ruf Ibnu Jarbudz serta ulama yang lain. Beliau termasuk golongan yang memihak kepada Ali. Beliau orang terakhir yang meninggal dunia di kalangan sahabat secara keseluruhanya. Seorang penulis kitab Nuzhum 'Amud al-Nasab dalam salah satu bait syairnya berkata: "Orang yang paling akhir meninggal dunia di kalangan sahabat ialah Abu al-Thufail, yakni Amir ibn Wa'ilah."

٢٨٠- عَنْ يَعْلَى بْنَ أُمَيَّةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: طَافَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُضْطَبِعًا بِبُرْدٍ أَخْضَرَ. رَوَاهُ الْخَمْسَةُ إِلاَّ النَّسَائِيَّ، وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ.

280. Daripada Ya'la ibn Umayyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melakukan tawaf dengan memakai kain burdah hijau yang baginda lipatkan di bawah ketiak kanannya." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah kecuali al-Nasa'i dan dinilai sahih oleh al-Tirmizi)

Makna Hadis

Al-Idhthiba' dalam tawaf disunatkan bagi kaum lelaki. Lafaz *Idhthiba'* merupakan wazan *Iftia'al* dan lafaz *al-dhab'u* bermaksud mengepit. Apa yang dimaksudkan di sini ialah hendaklah seseorang menjadikan kain selendangnya berada di bawah ketiak kanannya, sedangkan hujungnya dia sampirkan ke atas bahu kirinya. Hikmah berpakaian seperti ini untuk memperlihatkan kekuatan dan keteguhan serta dapat memudahkan seseorang berlari kecil semasa bertawaf. Ini dilakukan dalam tujuh pusingan tawaf. Jika telah selesai tawaf, hendaklah dia merapikan semula kain selendangnya. Kain selendang tidak boleh dikepit di bawah ketiak apabila seseorang mengerjakan solat sunat tawaf dua rakaat.

Wanita diharamkan berbuat demikian kerana cara ini dapat membuka auratnya dan memperlihatkan kecantikannya.

Analisis Lafaz

"طَافَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُضْطَبِعًا", *al-Idhthiba'* adalah hendaklah seseorang yang sedang melakukan manasik menjadikan bahagian tengah kain selendangnya berada di bawah ketiak kanannya, lalu menyampirkan kedua hujungnya ke atas bahu kirinya dari kedua arah dadanya dan tulang belakangnya. Diberi nama demikian kerana salah satu daripada ketiaknya kelihatan. Rasulullah (s.a.w) melakukan cara berpakaian seperti ini untuk memperlihatkan kekuatan dan ketabahan. Cara ini dapat membantu untuk berjalan cepat (berlari kecil).

"بِبُرْدٍ أَخْضَرَ", dengan kain burdah yang berwarna hijau.

Fiqh Hadis

1. Kaum lelaki disunatkan ber-*idhthiba'* dalam setiap pusingan tawaf. Ia hukumknya sunat mengikut pendapat jumhur ulama. Imam Abu Hanifah dan Imam al-Syafi'i berkata: "Disunatkan ber-*idhthiba'* dalam tawaf umrah dan tawaf haji yang di dalamnya terdapat berjalan cepat (lari kecil), iaitu tawaf qudum atau tawaf ifadhah, apabila tidak ada sa'i sesudah tawaf qudum." Mazhab Hanbali mengkhususkan *idhthiba'* ini bagi tawaf qudum sahaja, tetapi pengkhususan ini tidak ada dalilnya. Imam Malik berkata: "*Idhthiba'* ini tidak disunatkan kerana tidak dikenali dan tidak ada seorang pun yang pernah melakukannya." Apapun, pendapatnya itu dapat disanggah dengan adanya hadis-hadis yang menerangkan masalah ini.
2. Ini tidak disunatkan semasa mengerjakan solat dan tidak pula bagi wanita menurut kesepakatan ulama, kerana wanita mesti tetap dalam keadaan tertutup.

Periwayat Hadis

Ya'la ibn Umayyah ibn Abu Ubaidah ibn Hammam ibn al-Harits ibn Bakr ibn Zaid ibn Malik ibn Hanzalah ibn Malik ibn Zaid Manah ibn Tamim, mawla Quraisy al-Makki. Dia termasuk antara orang yang menyerah semasa penaklukan Mekah dan turut dalam Perang Hunain serta Perang al-Thaif. Hadis-hadis yang telah diriwayatkannya berjumlah 48. Riwayat hadisnya telah diambil oleh Shafwan, anak lelakinya, dan Mujahid serta Atha'. Sesudah masuk Islam dia hidup hingga mendekati lima puluh tahun.

٢٨١- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ يُهِلُّ مِنَّا الْمُهِلُّ فَلاَ يُنْكِرُ عَلَيْهِ، وَيُكَبِّرُ مِنَّا الْمُكَبِّرُ فَلاَ يُنْكِرُ عَلَيْهِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

281. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "Dahulu di antara kami ada yang menguatkan suaranya semasa bertalbiyah, tetapi sikapnya itu tidak diingkari dan di antara kami ada pula orang yang bertakbir, tetapi sikapnya itu tidak diingkari pula." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Jika jemaah haji berangkat dari Arafah pada waktu malam sepuluh Zulhijjah, maka disyariatkan membaca takbir beserta talbiyah secara bersamaan. Inilah yang diamalkan oleh sahabat. Ada di antara mereka yang bertakbir, ada yang bertalbiyah, ada pula yang menggabungkan antara takbir dengan talbiyah. Nabi (s.a.w) mendengarkan semua itu dan baginda menyetujuinya tanpa mengingkari salah seorang pun di antara mereka, kerana setiap orang mengamalkan Sunnah.

Analisis Lafaz

"يُهِلُّ مِنَّا الْمُهِلُّ", *al-Ihlal* ialah menguatkan suara ketika membaca talbiyah. Waktunya ketika mengerjakan umrah dimulai sejak memasuki ihram hingga bertawaf, sedangkan dalam haji hingga melontar Jumrah 'Aqabah.

"فَلاَ يُنْكِرُ عَلَيْهِ", Rasulullah (s.a.w) tidak mencelanya dan tidak pula melarangnya.

Fiqh Hadis

1. Barang siapa yang membaca takbir sebagai pengganti talbiyah, maka itu dibenarkan.
2. Bantahan terhadap orang yang berpendapat bahawa talbiyah dihentikan sesudah mengerjakan solat Subuh di Arafah.

3. Hadis menjadi dalil yang menggambarkan keberangkatan mereka pada pagi hari menuju Arafah.
4. Menjelaskan bahawa persetujuan Rasulullah (s.a.w) merupakan bahagian daripada Sunnah.

٢٨٢- عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: بَعَثَنِي رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الثَّقَلِ، أَوْ قَالَ فِي الضَّعَفَةِ مِنْ جَمْعٍ بِلَيْلٍ.

282. Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) menyuruhku untuk membawa barang-barang atau dia berkata: "Untuk membawa kaum wanita dan kanak-kanak dari Jama' pada waktu malam hari."

٢٨٣- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: اسْتَأْذَنَتْ سَوْدَةُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيْلَةَ الْمُزْدَلِفَةِ: أَنْ تَدْفَعَ قَبْلَهُ، وَكَانَتْ ثَبِطَةً -تَعْنِي: ثَقِيلَةً- فَأَذِنَ لَهَا. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِمَا.

283. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Saudah meminta izin kepada Rasulullah (s.a.w) untuk berangkat lebih awal daripadanya, sedangkan dia seorang yang gemuk, lalu baginda mengizinkannya." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Antara Sunnah Rasulullah (s.a.w) adalah seseorang mestilah menginap di al-Muzdalifah dan hendaklah dia tidak berangkat kecuali setelah mengerjakan solat Subuh di tempat itu. Selanjutnya berwukuf di Masy'aril Haram dan tidak boleh berangkat melainkan sesudah waktu pagi hari kelihatan dengan terang, tetapi matahari masih belum terbit lagi bagi membezakan diri dengan kebiasaan Jahiliyah. Orang Jahiliah dahulu tidak berangkat dari al-Muzdalifah sebelum matahari terbit di atas Bukit Tsabir yang terletak di sebelah utara Mina di tepi sebelah kanan orang yang berangkat dari Mina menuju Mekah.

Hadis ini menunjukkan *rukhsah* bagi orang yang lemah dan kaum wanita. Mereka dibolehkan tidak menyempurnakan *mabit* (menginap) dan berangkat dari al-Muzdalifah sebelum fajar.

Analisis Lafaz

"فِي الثَّقَلِ", bekalan dan barangan orang musafir.

"أَوْ قَالَ فِي الضَّعَفَةِ", perkataan "أو" menunjukkan keraguan periwayat. *Al-Dha'afah* adalah orang yang lemah seperti kaum wanita dan kanak-kanak.

"مِنْ جَمْعٍ", yakni dari al-Muzdalifah. Diberi nama demikian kerana ketika Nabi Adam dan Siti Hawa diturunkan, mereka bersua kembali di tempat itu.

"بِلَيْلٍ", pada waktu malam hari.

Saudah binti Zam'ah ibn Qais ibn Abd Syams ibn Abd Wudd al-'Amiriyyah, Ummul Mu'minin. Beliau pernah ikut berhijrah ke Habsyah, dan telah meriwayatkan banyak hadis. Ibn Abbas (r.a) mengambil riwayat hadis daripadanya. Beliau meninggal dunia pada masa pemerintahan Khalifah Umar (r.a).

"أَنْ تَدْفَعَ قَبْلَهُ", turun menuju Mina sebelum Rasulullah (s.a.w).

Fiqh Hadis

1. Gugurnya *mabit* (menginap) di al-Muzdalifah kerana adanya uzur, seperti tubuh lemah, takut berasak-asakan atau khuatir ditinggal oleh rakan seperjalanan. Ini merupakan izin umum bagi orang yang lemah berangkat dari Mina sebelum fajar terbit dengan tujuan untuk melontar Jumrah 'Aqabah sebelum berasak-asakan.
2. Disyariatkan menginap di al-Muzdalifah. Ini hukumnya sunat mengikut mazhab Hanafi, Imam Malik dan Imam al-Syafi'i. Menurut satu pendapat yang bersumber daripada Imam Malik, turun di al-Muzdalifah pada waktu malam kurban hanya sekadar menurunkan *rihal* (beristirehat sebentar maka hukumnya adalah wajib. Menurut mazhab Hanbali dan sebahagian mazhab Hanafi, menginap di al-Muzdalifah hukumnya wajib sampai lewat pertengahan malam. Menurut mazhab al-Syafi'i, pengertian *mabit* yang paling minimum ialah sesaat setelah pertengahan malam. Sedangkan menurut yang lain adalah sebahagian besar daripada malam hari. Apa yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) ialah baginda menginap di al-Muzdalifah dan mengerjakan solat Subuh di tempat itu, lalu berwukuf hingga pagi nampak kelihatan terang (sebelum matahari terbit). Setelah itu, baginda berangkat dan bersabda: "Ambillah manasikku oleh kamu." Ulama bersepakat bahawa cara inilah yang paling afdal dan paling sempurna.

٢٨٤- عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ لَنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ تَرْمُوا الْجَمْرَةَ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ إِلاَّ النَّسَائِيَّ، وَفِيهِ انْقِطَاعٌ.

284. Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda kepada kami: "Janganlah kamu melontar jumrah sebelum matahari terbit." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah kecuali al-Nasa'i. Di dalam hadis ini terdapat *inqitha'*)

Makna Hadis

Waktu melontar Jumrah 'Aqabah adalah pada hari raya aidil adha pada saat tahallul pertama. Waktu melontar jumrah mula masuk mengikut pendapat Imam Ahmad

dan Imam al-Syafi'i setelah tengah malam hari raya. Menurut Imam Malik dan Imam Ahmad, waktu melontar jumrah masih belum masuk kecuali setelah fajar terbit. Akan tetapi mereka bersepakat bahawa yang paling utama ialah dilakukan sesudah matahari terbit, kerana waktu itu merupakan waktu yang digunakan oleh Rasulullah (s.a.w) untuk melontar jumrah.

Nabi (s.a.w) bersabda: "Janganlah kamu melontar jumrah." Larangan yang terdapat di dalam hadis ini menunjukkan hukum haram menurut sebahagian ulama sedangkan menurut sebahagian yang lain makruh.

Analisis Lafaz

"لاَ تَرْمُوا الْجَمْرَةَ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ", janganlah kamu melontar jumrah sebelum matahari terbit. Kalimat ini melarang melontar Jumrah 'Aqabah pada hari raya kurban sebelum matahari terbit.

"وَفِيهِ انْقِطَاعٌ", di dalam sanad hadis ini terdapat *inqitha'* (rentetan yang terputus). Imam Ahmad berkata: "Al-Hasan al-Urni tidak pernah mendengarnya daripada Ibn Abbas (r.a).

Fiqh Hadis

Waktu untuk melontar Jumrah 'Aqabah ialah sesudah matahari terbit. Dalam pembahasan sebelum ini telah disebutkan mengenai waktu *mukhtar* untuk melontar jumrah dan waktu *jawaz*, iaitu dalam fiqh hadis no. 269.

٢٨٥- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: أَرْسَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِأُمِّ سَلَمَةَ لَيْلَةَ النَّحْرِ، فَرَمَتِ الْجَمْرَةَ قَبْلَ الْفَجْرِ، ثُمَّ مَضَتْ فَأَفَاضَتْ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ، وَإِسْنَادُهُ عَلَى شَرْطِ مُسْلِمٍ.

285. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Nabi (s.a.w) mengutus Ummu Salamah pada malam hari raya kurban, lalu Ummu Salamah melontar jumrah sebelum fajar. Setelah itu beliau berangkat dan melakukan tawaf ifadhah." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, sedangkan sanadnya mengikut syarat Muslim)

Makna Hadis

Hadis ini adalah dalil yang dijadikan pegangan oleh ulama yang membolehkan melontar jumrah sebelum fajar, iaitu mazhab al-Syafi'i dan mazhab Hanbali. Alasannya ialah melontar jumrah yang dilakukan oleh Ummu Salamah sebelum fajar itu diketahui oleh Rasulullah (s.a.w) dan baginda bersetuju dengannya. Belum pernah ada satu riwayat yang dinukil di kalangan kami yang menunjukkan

Rasulullah (s.a.w) mengingkari perbuatan itu. Dengan demikian, ini menunjukkan hukum boleh. Hadis ini bertentangan dengan hadis Ibn Abbas sebelum ini, tetapi kedua-duanya dapat digabungkan pemahamannya mengikut ulama yang mengatakan boleh bahawa hadis Aisyah untuk menjelaskan hukum boleh, sedangkan hadis Ibn Abbas untuk menjelaskan itu yang lebih utama.

Analisis Lafaz

"أَرْسَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِأُمِّ سَلَمَةَ لَيْلَةَ النَّحْرِ", baginda mengutusnya dari al-Muzdalifah ke Mina.

"فَرَمَتِ الْجَمْرَةَ", lalu Ummu Salamah melontar Jumrah 'Aqabah.

"قَبْلَ الْفَجْرِ", sebelum solat fajar.

"ثُمَّ مَضَتْ", lalu dia berangkat menuju ke Mekah.

"فَأَفَاضَتْ", dan melakukan tawaf ifadhah untuk menyempurnakan semua pekerjaan haji dan melakukan tahallul akbar sebelum Nabi (s.a.w) tiba. Oleh hari raya kurban merupakan hari giliran Ummu Salamah, barangkali inilah penyebab yang membuat Ummu Salamah bersegera melontar jumrah dan tawaf ifadhah, sedangkan isteri-isteri Nabi (s.a.w) yang lain tidak demikian.

Fiqh Hadis

Boleh melontar Jumrah 'Aqabah sebelum fajar hari raya kurban mengikut pendapat mazhab Imam al-Syafi'i dan pendapat yang masyhur dari Imam Ahmad. Mereka menjawab hadis Ibn Abbas (r.a) yang di dalamnya melarang daripada melontar jumrah sebelum matahari terbit bahawa apa yang dimaksud itu dapat ditafsirkan sebagai hukum sunat, kerana digabungkan dengan riwayat-riwayat yang selainnya.

Menurut mazhab Hanafi dan Imam Malik, melontar Jumrah 'Aqabah tidak boleh dilakukan sebelum fajar hari raya kurban terbit bagi selain para pengembala, kerana berlandaskan kepada hadis Ibn Abbas (r.a) yang menyebutkan sebagai berikut:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَأْمُرُ نِسَاءَهُ وَثَقْلَهُ مِنْ صَبِيْحَةِ جَمْعٍ أَنْ يُفِيْضُوا مَعَ أَوَّلِ الْفَجْرِ بِسَوَادٍ وَأَنْ لاَ يَرْمُوا الْجَمْرَةَ إِلاَّ مُصْبِحِيْنَ.

"Sejak pagi hari Nabi (s.a.w) menyuruh isteri-isterinya berikut barang bawaannya di Jama' (nama suatu tempat) supaya mereka berangkat pada permulaan fajar ketika hari masih gelap, dan mereka tidak boleh melontar jumrah kecuali pada waktu pagi hari." (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i)

Pengembala dibolehkan melontar jumrah pada waktu malam hari kerana berlandaskan kepada hadis Ibn Umar (r.a) yang menyebutkan sebagai berikut:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَخَّصَ لِرُعَاةِ الْإِبْلِ أَنْ يَرْمُوْا بِاللَّيْلِ.

"Nabi (s.a.w) memberikan *rukhsah* kepada para pengembala unta untuk melontar jumrah pada waktu malam hari." (Diriwayatkan oleh al-Bazzar)

Mereka mentafsirkan hadis Ibn Abbas (r.a) yang melarang melontar jumrah sebelum matahari terbit bahawa itu menunjukkan hukum sunat. Mereka menjawab perbuatan melontar jumrah yang dilakukan oleh Ummu Salamah sebelum fajar bahawa apa yang dimaksudkan dalam hadis Ummu Salamah dapat ditafsirkan sebelum mengerjakan solat Subuh. Oleh itu, ini tidak menunjukkan bahawa melontar dilakukan sebelum fajar terbit. Di dalam hadis tersebut tidak terdapat suatu yang menunjukkan bahawa melontar Ummu Salamah berdasarkan izin daripada Nabi (s.a.w). Oleh itu, hadis ini tidak dapat dijadikan sebagai hujah dan itu hanya khusus bagi Ummu Salamah (r.a) semata sama seperti para pengembala.

٢٨٦- عَنْ عُرْوَةَ بْنِ مُضَرِّسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ شَهِدَ صَلاَتَنَا هَذِهِ -يَعْنِي: بِالْمُزْدَلِفَةِ- فَوَقَفَ مَعَنَا حَتَّى نَدْفَعَ، وَقَدْ وَقَفَ بِعَرَفَةَ قَبْلَ ذَلِكَ لَيْلاً أَوْ نَهَارًا، فَقَدْ تَمَّ حَجُّهُ وَقَضَى تَفَثَهُ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ، وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ وَابْنُ خُزَيْمَةَ.

286. Daripada Urwah ibn Mudharris (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Barang siapa mengikuti solat kami ini yakni di al-Muzdalifah dan tinggal bersama kami hingga kami berangkat sedangkan sebelumnya dia telah berwukuf di Arafah pada waktu malam hari atau waktu siang hari, bererti hajinya telah sempurna dan keperluannya telah ditunaikannya.*" (Diriwayatkan oleh al-Khamsah dan dinilai sahih oleh al-Tirmizi serta Ibn Khuzaimah)

Makna Hadis

Berwukuf di Arafah merupakan rukun haji yang paling utama. Barang siapa yang tidak berwukuf di Arafah, maka tidak ada haji baginya. Oleh itu, Nabi (s.a.w) bersabda:

الْحَجُّ عَرَفَةُ.

"*Haji adalah Arafah.*"

Ini dilakukan oleh Nabi (s.a.w) sebagai jawapan terhadap Urwah ibn Mudharris yang ketika itu dia datang semasa pelaksanaan haji wada' di al-Muzdalifah, sedangkan dia tidak sempat berwukuf di Arafah. Dia berkata: "Wahai Rasulullah, saya tiba dari Bukit Thayyi', hingga unta kenderaanku kepenatan

dan diriku keletihan. Demi Allah, tiada satu bukit pun yang kulewati, melainkan aku berwukuf padanya. Apakah saya beroleh ibadah haji?" Rasulullah (s.a.w) menjawabnya dengan apa yang telah disebutkan pada hadis di atas.

Dari penjelasan di atas dapat disimpulkan bahawa wukuf di Arafah merupakan rukun haji. Adapun berwukuf di al-Muzdalifah masih diperselisihkan oleh ulama sama ada ia rukun atau sebaliknya. Menurut jumhur ulama, berwukuf di al-Muzdalifah hukumnya wajib dan orang yang meninggalkannya mesti membayar *dam* yang perinciannya telah diterangkan sebelum ini.

Analisis Lafaz

"مَنْ شَهِدَ صَلاَتَنَا هَذِهِ", barang siapa yang mengikuti solat kami ini, yakni solat Subuh hari raya kurban.

"فَوَقَفَ مَعَنَا حَتَّى نَدْفَعَ", dan tinggal bersama kami hingga kami berangkat menuju ke Mina sebelum matahari terbit.

"وَقَدْ وَقَفَ بِعَرَفَةَ قَبْلَ ذَلِكَ لَيْلاً أَوْ نَهَارًا", jumlah ini berkedudukan sebagai *hal* (kata keterangan keadaan) yang bermaksud: "Sedangkan dia telah melakukan berwukuf pada tarikh sembilan Zulhijah atau pada malam hari raya kurban sebelum mabit dan berwukuf di al-Muzdalifah."

"فَقَدْ تَمَّ حَجُّهُ", hajinya telah sempurna dan barang siapa yang tidak mengerjakan apa yang telah disebutkan, maka tidak ada haji baginya.

"وَقَضَى تَفَثَهُ", *al-Tafats* adalah sesuatu yang dilakukan oleh orang yang berihram. Apabila dia telah ber-*tahallul* daripada ihram, seperti mencukur kumis, memotong kuku, mencabut bulu ketiak, dan mencukur rambut kemaluan. Maksudnya ialah telah tiba masa *tahallul* daripada ihram.

Fiqh Hadis

1. Waktu berwukuf di Arafah dimulai sejak fajar hari Arafah hingga fajar hari raya kurban, kerana lafaz "الليل" dan "النهار" (malam dan siang) di dalam hadis bersifat mutlak yang mencakupi semua waktu malam dan siang hari. Inilah menurut pendapat Imam Ahmad. Menurut jumhur ulama, apa yang dimaksud siang hari ialah waktu sesudah matahari tergelincir dari pertengahan langit, kerana Nabi (s.a.w) dan para khalifahnya belum berwukuf di Arafah kecuali sesudah matahari tergelincir. Menurut Imam Malik, waktu wukuf yang rukun masih belum masuk kecuali setelah matahari terbenam, sekalipun hanya selama membaca kalimat *Subhanallah*.
2. Ibadah haji masih belum sempurna keutamaannya kecuali pelakunya mengikuti solat Subuh di al-Muzdalifah dan berwukuf hingga imam berangkat menuju Mina. Apa yang dimaksud dengan tidak sempurna ialah tidak sempurna keutamaannya.

Periwayat Hadis

Urwah ibn Mudharris, nama gelarannya Abu Aus ibn Haritsah ibn Lam al-Tha'i. Dia mengikuti haji wada' dan meriwayatkan sepuluh hadis. Al-Sya'bi mengambil riwayat hadis daripadanya.

٢٨٧- عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: إِنَّ الْمُشْرِكِينَ كَانُوا لاَ يُفِيضُونَ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ، وَيَقُولُونَ: أَشْرِقْ ثَبِيرُ وَأَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَالَفَهُمْ، ثُمَّ أَفَاضَ قَبْلَ أَنْ تَطْلُعَ الشَّمْسُ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

287. Daripada Umar (r.a), beliau berkata: "Sesungguhnya kaum musyrikin dahulu masih belum berangkat sebelum matahari terbit, lalu mereka berkata: "Terbitlah, wahai Tsabir." Sesungguhnya Nabi (s.a.w) berbeza dengan mereka, kerana itu baginda berangkat sebelum matahari terbit." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) selalunya menjaga sikap agar berbeza dengan orang musyrikin demi mengukuhkan tiang-tiang agama sekali gus mengingatkan umat Islam supaya tidak mengikuti amalan orang yang menyimpang daripada jalan yang lurus serta mengamalkan manasik haji mengikut ajaran hanif yang sebelum ini telah dipesongkan oleh kaum musyrikin.

Sikap ini antara lain baginda suka berangkat meninggalkan al-Muzdalifah sebelum matahari terbit. Inilah yang dimaksudkan dalam hadis Jabir (r.a) sebelum ini yang menyebutkan: "حتى أسفر جدا" yang bermaksud "hingga pagi nampak kelihatan terang (tetapi matahari belum terbit."

Analisis Lafaz

"لاَ يُفِيضُونَ", mereka masih belum berangkat meninggalkan al-Muzdalifah.

"أَشْرِقْ", bentuk *fi'il amar* dari perkataan *al-isyraq* yang bermaksud "terbitlah".

"ثَبِيرُ", nama sebuah bukit terkenal yang terletak di sebelah kiri orang yang berangkat menuju ke Mina. Bukit ini merupakan bukit yang paling besar di Mekah, namanya berasal dari nama seorang lelaki dari kalangan Hudzail iaitu Tsabir yang jenazahnya dikebumikan di bukit tersebut. Di dalam sebuah riwayat disebutkan:

أَشْرِقْ ثَبِيْرُ لَعَلَّنَا نُغِيْرُ.

"*Terbitlah, wahai Tsabir (matahari), agar kami dapat menyerang (musuh).*" Inilah perkataan yang telah membudaya di zaman Jahiliah. Ia diambil dari perkataan "أغار الفرس" yang bermaksud "pasukan kuda berlari cepat menyerang musuh." Tetapi

apa yang dimaksudkan di sini ialah agar kami cepat berangkat untuk melakukan penyembelihan haiwan kurban.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan berangkat meninggalkan al-Muzdalifah sebelum matahari terbit.
2. Kaum muslimin mestilah membezakan diri mereka dengan kaum musyrikin pada setiap perbuatan mereka dan mengembalikan ibadah haji sesuai dengan tuntunan ajaran agama yang hanif.

٢٨٨- عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ وَأُسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمْ قَالاَ: لَمْ يَزَلِ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُلَبِّي حَتَّى رَمَى جَمْرَةَ الْعَقَبَةِ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

288. Daripada Ibn Abbas (r.a) dan Usamah ibn Zaid (r.a), mereka berdua berkata: "Nabi (s.a.w) masih tetap bertalbiyah hingga selesai melontar Jumrah 'Aqabah." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Melontar jumrah merupakan amalan *taqarrub* sekali gus ibadah. Di dalamnya terdapat makna tunduk, pasrah, rendah diri dan beribadah kepada Allah Tuhan semesta alam. Ia juga sebagai ungkapan mematuhi perintah agama, menampakkan penyesalan di atas apa yang dilakukan oleh seseorang berupa dosa dan cenderung mematuhi rayuan syaitan kerana pujuk rayu syaitan digambarkan berada di tempat jumrah. Syaitan itu berusaha mempujuk manusia untuk melakukan perbuatan maksiat sedangkan manusia mengherdiknya dan mengusirnya dengan cara melontar batu. Ini seakan-akan orang yang sedang melontar jumrah itu berkata kepada syaitan: "Terhinalah engkau, wahai makhluk yang dilaknat. Sesungguhnya jika aku mematuhimu berbuat maksiat pada masa lalu, maka sekarang aku bertekad untuk tidak mentaatimu lagi di masa mendatang. Maka menjauhlah engkau dariku!"

Di sini dapat disimpulkan bahawa tujuan melontar jumrah adalah tunduk, patuh dan beribadah kepada Allah semata dengan mengerjakan sesuatu yang sama sekali tidak disukai nafsu kerana mengikuti Sunnah Nabi Ibrahim (a.s). Sehubungan ini, Ibn Abbas (r.a) menceritakan hadis berikut bahawa Nabi (s.a.w) bersabda:

لَمَّا أَتَى إِبْرَاهِيمُ عَلَيْهِ السَّلاَمُ عَنِ النَّاسِكِ عَرَضَ لَهُ الشَّيْطَانُ عَنْدَ جَمْرَةِ الْعَقَبَةِ فَرَمَاهُ بِسَبْعِ حَصَيَاتٍ حَتىَّ سَاخَ فِي الْأَرْضِ، ثُمَّ عَرَضَ لَهُ عِنْدَ الْجَمْرَةِ الثَّانِيَةِ فَرَمَاهُ بِسَبْعِ

حَصَيَاتٍ حَتىَّ سَاخَ فِي الْأَرْضِ. قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا: الشَّيْطَانُ تَرْجُمُوْنَ وَمِلَّةُ أَبِيْكُمْ تَتَّبِعُوْنَ.

"Ketika Nabi Ibrahim (a.s) hendak melakukan kurban, syaitan menampakkan dirinya di Jumrah al-'Aqabah, lalu Nabi Ibrahim melemparnya dengan tujuh biji batu kerikil hingga terbenam ke dalam tanah. Kemudian syaitan menampakkan dirinya lagi kepadanya di jumrah yang kedua, lalu Nabi Ibrahim (a.s) melemparnya dengan tujuh biji batu hingga syaitan terbenam ke dalam tanah. Kemudian syaitan menampakkan dirinya lagi di jumrah yang ketiga, lalu dia melemparnya dengan tujuh biji batu kerikil hingga terbenam ke dalam tanah." Ibn Abbas (r.a) berkata: "Syaitan mesti kamu lempari dengan batu, dan agama ayah kamu (Nabi Ibrahim) mesti kamu ikuti." (Diriwayatkan oleh al-Baihaqi)

Bacaan talbiyah sebagai ungkapan memenuhi seruan Allah (s.w.t) terus berlangsung hingga hari raya kurban, yakni hingga selesai melontar jumrah. Seseorang hendaklah menghentikan bacaan talbiyah ketika melakukan lemparan batu kerikil pertama. Tetapi menurut pendapat yang lain, bacaan talbiyah dihentikan setelah selesai melemparkan batu kerikil terakhir.

Analisis Lafaz

"حَتَّى رَمَى جَمْرَةَ الْعَقَبَةِ", hingga selesai melontar Jumrah 'Aqabah.

Fiqh Hadis

Disyariatkan berterusan membaca talbiyah hingga hari raya kurban. Menurut jumhur ulama, bacaan talbiyah dihentikan ketika melontar kerikil pertama. Imam Ahmad berkata: "Seseorang berterusan membaca talbiyah hingga selesai melontar Jumrah 'Aqabah." Beliau berdalilkan satu hadis yang diriwayatkan oleh al-Nasa'i sebagai berikut:

فَلَمْ يَزَلْ يُلَبِّي حَتَّى رَمَى جَمْرَةَ الْعَقَبَةِ، فَلَمَّا رَجَعَ قَطَعَ التَّلْبِيَةَ.

"*Nabi (s.a.w) sentiasa membaca talbiyah hingga selesai melontar Jumrah 'Aqabah. Sebaik pulang, baginda barulah menghentikan bacaan talbiyah.*"

Menurut Imam Malik, seseorang hendaklah menghentikan bacaan talbiyah ketika matahari tergelincir pada hari Arafah, lalu dia menyibukkan diri dengan berzikir dan berdoa, kecuali orang yang *al-Murahiq*, iaitu orang yang sempit waktunya kerana dia berihram pada waktu malam hari raya kurban, sehingga dia sentiasa membaca talbiyah hingga melontar jumrah.

Periwayat Hadis

Usamah ibn Zaid ibn Haritsah al-Kalbi, nama panggilannya Abu Muhammad. Beliau adalah kekasih Rasulullah (s.a.w) dan anak kekasihnya serta anak ibu yang memeliharanya, iaitu Ummu Aiman. Beliau meriwayatkan 128 hadis. Nabi (s.a.w) pernah melantiknya sebagai panglima perang yang di dalamnya terdapat Abu Bakar dan Umar, dan beliau turut serta dalam Perang Mu'tah. Ibn Abbas dan Abu Wa'il mengambil hadis daripadanya. Beliau meninggal dunia pada tahun 54 Hijriah dalam usia 75 tahun.

٢٨٩- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ جَعَلَ الْبَيْتَ عَنْ يَسَارِهِ، وَمِنًى عَـنْ يَمِينِهِ، وَرَمَى الْجَمْرَةَ بِسَبْعِ حَصَيَاتٍ وَقَالَ: هَذَا مَقَامُ الَّذِي أُنْزِلَتْ عَلَيْهِ سُـورَةُ الْبَقَـرَةِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

289. Daripada Abdullah ibn Mas'ud (r.a) bahawa beliau menjadikan Kaabah di sebelah kirinya dan arah Mina di sebelah kanannya, lalu melontar jumrah dengan tujuh biji batu kerikil, dan berkata: "Inilah tempat yang telah diturunkan kepada baginda Surah al-Baqarah." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Para sahabat amat gemar menyebarluaskan amalan Sunnah Nabi dan agama melalui perkataan dan perbuatan mereka. Inilah Ibn Mas'ud (r.a) berdiri untuk melontar Jumrah 'Aqabah. Beliau menjadikan Kaabah berada di sebelah kirinya, sedangkan Mina berada di sebelah kanannya, kemudian berkata seraya menjelaskan cara berdiri Nabi (s.a.w) pada masa lalu dengan mempraktikkannya: "Inilah tempat yang dahulu diturunkan kepada Nabi (s.a.w) Surah al-Baqarah."

Cara yang diamalkan oleh Ibn Mas'ud dalam melontar jumrah ini merupakan Sunnah Nabi (s.a.w), kerana melontar jumrah itu sudah cukup dilakukan dengan berdiri pada mana-mana kedudukan sekalipun, tetapi dengan syarat hendaklah semua batu kerikil yang dilontarkannya jatuh tepat ke sasaran, iaitu tempat berhimpun batu-batu kerikil yang berbentuk setengah lingkaran anak bulan.

Latar belakang hadis ini ialah Ibn Ma'sud (r.a) melihat kaum lelaki melontar jumrah dari sebelah atas, sehingga beliau kemudian mengemukakan hadis ini sebagai keterangan terhadap sikap mereka sekali gus menjelaskan kepada mereka tentang cara yang lebih afdal.

Analisis Lafaz

"رَمَى", *al-Ramy* adalah melontar dengan batu kerikil pada waktu zaman dan tempat serta bilangan yang telah ditentukan.

"الْجَمْرَةَ", maksudnya ialah Jumrah 'Aqabah. Jamrah menurut bahasa adalah nama bagi tempat himpunan batu-batu kerikil. Diberi nama demikian kerana manusia berhimpun di tempat tersebut.

"بِسَبْعِ حَصَيَاتٍ", bentuk jamak dari lafaz "حصاة" yang bermaksud batu kerikil.

"هَذَا مَقَامُ الَّذِي أُنْزِلَتْ عَلَيْهِ سُورَةُ الْبَقَرَةِ", inilah tempat berdiri Nabi (s.a.w) yang pada saat itu diturunkan kepadanya ayat-ayat mengenai manasik dan hukum-hakamnya. Tempat ini lebih utama dan lebih berhak untuk diikuti daripada melontar jumrah dari sebelah atas. Dalam hadis ini disebutkan secara khusus Surah al-Baqarah, kerana sebahagian besar pekerjaan haji terdapat di dalamnya.

Fiqh Hadis

1. Menjelaskan bilangan batu kerikil yang digunakan untuk melontar Jumrah 'Aqabah sebanyak tujuh biji. Imam Malik berkata: "Barang siapa yang melontar jumrah dengan batu kerikil yang bilangannya kurang daripada tujuh biji dan dia tidak sempat menyempurnakannya, maka itu dapat digantikan dengan membayar *dam*." Imam al-Syafi'i berkata: "Apabila kurang satu biji batu kerikil, maka mesti membayar denda satu *mud*, kurang dua biji batu kerikil, maka mesti membayar setengah *sha'*, sedangkan kurang tiga biji batu atau lebih, maka mesti membayar *dam*." Imam Abu Hanifah berkata: "Jika seseorang meninggalkan lontaran kurang daripada setengah bilangan jumrah yang tiga, maka dendanya adalah satu sha'. tetapi jika lebih, maka mestilah dibayar dengan *dam*."
2. Hukum melontar jumrah adalah wajib dan oleh kerananya, ia dapat digantikan dengan membayar *dam* mengikut pendapat ulama sedangkan jumhur ulama mensyaratkan melontar jumrah satu demi satu.
3. Perhatian para sahabat yang sangat mendalam terhadap setiap apa yang dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w) ketika melaksanakan ibadah haji, kerana baginda bersabda:

   خُذُوْا عَنِّي مَنَاسِكَكُمْ.

   "*Ambillah oleh kamu manasik-manasik daripadaku.*"
4. Tidak makruh seseorang membacakan Surah al-Baqarah ketika melontar jumrah.

٢٩٠- عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: رَمَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْجَمْرَةَ يَوْمَ النَّحْرِ ضُحًى، وَأَمَّا بَعْدَ ذَلِكَ فَإِذَا زَالَتِ الشَّمْسُ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

290. Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melontar jumrah pada hari raya kurban pada waktu dhuha. Sesudah itu baginda melakukannya setelah matahari tergelincir." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Waktu yang paling afdal untuk melontar Jumrah 'Aqabah adalah pada hari raya kurban bersesuaian dengan apa yang pernah dilakukan oleh Nabi (s.a.w), tepatnya pada waktu dhuha dan seperti mana yang diamalkan oleh kebanyakan sahabat. Ini telah disepakati oleh seluruh ulama. Manakala waktu *jawaz* pula telah diterangkan sebelum ini.

Waktu melontar ketiga-tiga jumrah pada hari-hari tasyriq dimulai ketika matahari telah tergelincir. Ini pendapat jumhur ulama.

Analisis Lafaz

"رَمَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْجَمْرَةَ", Rasulullah (s.a.w) melontar jumrah. Maksudnya ialah Jumrah 'Aqabah.

"ضُحًى", sesudah matahari terbit hingga sepenggalah, iaitu waktu solat Dhuha.

"وَأَمَّا بَعْدَ ذَلِكَ", yakni sesudah hari raya kurban, iaitu pada hari-hari tasyriq.

"فَإِذَا زَالَتِ الشَّمْسُ", maka melontar jumrah pada hari-hari tasyriq dilakukan sesudah matahari tergelincir.

Fiqh Hadis

1. Menjelaskan waktu *mukhtar* (yang lebih utama) melontar Jumrah 'Aqabah. Huarian masalah ini telah disebutkan sebelum ini.
2. Melontar jumrah pada hari-hari tasyriq dilakukan sesudah matahari tergelincir.

٢٩١- عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ كَانَ يَرْمِي الْجَمْرَةَ الدُّنْيَا بِسَبْعِ حَصَيَاتٍ، يُكَبِّرُ عَلَى أَثَرِ كُلِّ حَصَاةٍ، ثُمَّ يَتَقَدَّمُ، ثُمَّ يُسْهِلُ، فَيَقُومُ فَيَسْتَقْبِلُ الْقِبْلَةَ، فَيَقُومُ طَوِيلاً، ثُمَّ يَدْعُو وَيَرْفَعُ يَدَيْهِ، ثُمَّ يَرْمِي الْوُسْطَى، ثُمَّ يَأْخُذُ ذَاتَ الشِّمَالِ فَيُسْهِلُ، وَيَقُومُ مُسْتَقْبِلَ الْقِبْلَةِ، ثُمَّ يَدْعُو فَيَرْفَعُ يَدَيْهِ وَيَقُومُ طَوِيلاً، ثُمَّ يَرْمِي جَمْرَةَ ذَاتِ الْعَقَبَةِ مِنْ بَطْنِ الْوَادِي وَلاَ يَقِفُ عِنْدَهَا، ثُمَّ يَنْصَرِفُ، فَيَقُولُ: هَكَذَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَفْعَلُهُ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

291. Daripada Umar (r.a) bahawa beliau melontar jumrah yang paling bawah dengan tujuh biji kerikil sambil membaca takbir setelah melontar setiap batu. Kemudian beliau maju dan menuju ke tempat yang datar, lalu berdiri dan menghadap ke arah kiblat, lalu berdoa seraya mengangkat kedua tangannya dan berdiri dalam waktu

yang cukup lama. Sesudah itu, beliau melontar Jumrah Wustha, lalu mengambil jalan sebelah kiri dan menuju ke tempat yang datar. Beliau berdiri di tempat ini seraya menghadap ke arah kiblat, lalu berdoa seraya mengangkat kedua tangannya dari berdiri dalam waktu yang cukup lama. Setelah itu beliau melontar Jumrah 'Aqabah dari bahagian bawah lembah, tetapi beliau tidak berdiam di tempat itu. Beliau terus pergi dan berkata: "Demikianlah aku telah melihat Rasulullah (s.a.w) melakukannya." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Melontar jumrah merupakan amal ibadah untuk mendekatkan diri kepada Allah. Rahsianya mematuhi perintah Allah. Tempat melontar jumrah merupakan tempat yang padanya doa dimakbulkan dan rahmat diturunkan. Oleh itu, disyariatkan berdoa sesudah melontar Jumrah Pertama dan Jumrah Kedua. Adapun setelah melontar Jumrah Ketiga, iaita Jumrah 'Aqabah, maka tidak disyariatkan memanjatkan doa. Adakalanya kerana sempitnya tempat atau kerana berharap semoga doa yang sebelumnya diterima atau sebagai isyarat bahawa ibadah haji telah selesai.

Analisis Lafaz

"الْجَمْرَةَ الدُّنْيَا", jumrah yang terletak berhampiran Masjid al-Khaif.

"عَلَى أَثَرِ كُلِّ حَصَاةٍ", sesudah setiap kali melontar.

"ثُمَّ يَتَقَدَّمُ، ثُمَّ يُسْهِلُ", kemudian menuju ke tempat yang datar.

"ثُمَّ يَدْعُو", kemudian mengucapkan doa yang cukup panjang yang sama panjangnya dengan membaca Surah al-Baqarah.

"وَيَرْفَعُ يَدَيْهِ", seraya mengangkat kedua tangannya ketika berdoa.

"وَيَقُومُ طَوِيلاً", mengenai lamanya berdiri di tempat tersebut telah disebutkan di dalam satu riwayat yang diketengahkan oleh Ibn Abu Syaibah dengan sanad yang sahih bahawa Ibn Umar (r.a) berdiri di antara kedua-dua jumrah dalam waktu yang lamanya sama dengan membaca Surah al-Baqarah dan beliau mengangkat kedua tangannya ketika berdoa.

"الْوُسْطَى", jumrah yang terletak di sebelah jumrah pertama. Ini kerana letaknya di antara jumrah pertama dan jumrah ketiga (Jumrah 'Aqabah).

"ثُمَّ يَأْخُذُ ذَاتَ الشِّمَالِ", lalu beliau berjalan ke arah utara (sebelah kirinya), lalu berdiri untuk berdoa di tempat yang aman daripada lontaran batu kerikil.

"ثُمَّ يَرْمِي جَمْرَةَ ذَاتِ الْعَقَبَةِ", lalu melontar jumrah yang ada di 'Aqabah, yakni Jumrah 'Aqabah.

"وَلاَ يَقِفُ عِنْدَهَا", tetapi beliau tidak berdiri di Jumrah 'Aqabah.

"ثُمَّ يَنْصَرِفُ", dan terus pergi yakni tidak berdiri lagi setelahnya.

Fiqh Hadis

1. Melontar jumrah dengan tujuh biji batu kerikil.
2. Membaca takbir ketika melakukan setiap kali lontaran batu.
3. Menghadap ke arah kiblat setelah melontar kedua-dua jumrah, iaitu Jumrah Shughra dan Jumrah Wustha.
4. Berdoa setelah melakukan melontar di Jumrah Shughra dan Jumrah Wustha.
5. Mengangkat kedua-dua tangan ketika berdoa.
6. Melontar jumrah pada hari-hari tasyriq dilakukan sesudah matahari tergelincir, iaitu jumrah pertama yang terletak di sebelah Masjid al-Khaif, kemudian Jumrah Wustha dan Jumrah 'Aqabah. Urutan ini merupakan syarat. Menurut jumhur ulama, seandainya seseorang mendahulukan sebahagian ke atas sebahagian yang lain, maka dia mesti mengulanginya dari awal. Mazhab Hanafi masih mempertikai hukumnya. Al-Kamal ibn al-Hammam memilih pendapat yang mengatakan bahawa berurutan dalam melontar jumrah itu sunat, kerana setiap jumrah merupakan amal *taqarrub* yang berdiri sendiri, di mana sebahagian daripadanya tidak bergantung sebahagian yang lain.

٢٩٢- وَعَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "اللَّهُمَّ ارْحَمِ الْمُحَلِّقِينَ"، قَالُوا: وَالْمُقَصِّرِينَ يَا رَسُولَ اللهِ. قَالَ فِي الثَّالِثَةِ: "وَالْمُقَصِّرِينَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

292. Daripada Ibn Umar (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) berdoa: "Ya Allah, rahmatilah orang yang mencukur rambutnya." Mereka (para sahabat) berkata: "Wahai Rasulullah, juga orang yang memotong rambutnya." Dalam doa yang ketiga, baginda baru membaca: "Juga (untuk) orang yang memotong rambutnya." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Oleh kerana ber-*tahallul* dari manasik adakalanya dengan cara mencukur sebahagian besar rambut dan adakalanya dengan memendekkannya, sedangkan mencukur menunjukkan kepada ketulusan niat, maka Rasulullah (s.a.w) segera mendoakan orang yang mencukur rambut sebanyak tiga kali.

Mengulangi doa ini bererti menunjukkan keutamaan bercukur kerana mereka mengerjakan pekerjaan yang lebih afdal. Ketika para sahabat meminta kepada Nabi (s.a.w) untuk mendoakan orang yang memotong rambut, barulah baginda mendoakan mereka dalam doanya yang ketiga. Mencukur rambut lebih afdal daripada memotongnya. Ini hanya berlaku bagi kaum lelaki, sedangkan kaum wanita diwajibkan memotong rambut dan haram bagi mereka mencukurnya,

kerana itu bererti menganiaya hak mereka dan pahala memotongnya adalah lebih sempurna bagi mereka.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Ibn Umar (r.a), yakni sumbernya sama dengan hadis sebelumnya.

"أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ", bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda dalam haji wada. Menurut pendapat yang lain, dalam al-Hudaibiyah, kerana Utsman dan Abu Qatadah adalah dua orang yang memotong rambut dan tidak mencukurnya sedangkan peristiwa ini terjadi pada tahun al-Hudaibiyah.

"الْمُحَلِّقِينَ", orang yang mencukur rambutnya dalam haji atau umrah ketika ber-*tahallul*.

"قَالُوا", mereka berkata, yakni para sahabat yang mendengarkan doanya.

"وَالْمُقَصِّرِينَ", mereka meminta kepada Rasulullah (s.a.w) agar mendoakan orang yang memotong rambutnya sebagaimana mendoakan orang yang mencukur rambutnya. *Al-Muqashshir* adalah orang yang memotong sebahagian rambutnya dan tidak mencukurnya, tetapi ini sudah dianggap memadai. Lafaz "المقصرين" dalam perkataan para sahabat di-*athaf*-kan kepada lafaz "المحلقين" yang terdapat di dalam sabda Nabi (s.a.w). Ini dinamakan *'athaf talqin*.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan mencukur rambut atau memotongnya, namun mencukur rambut lebih utama berbanding memotongnya, kerana mencukur menunjukkan ketulusan melaksanakan ibadah, patuh, kebenaran niat dan bersegera dalam mengerjakan perintah. Dari sini hukum mencukur rambut wajib menurut Imam Malik dan Imam Ahmad, sedangkan menurut Imam Abu Hanifah dan Imam al-Syafi'i hukumnya sunat. Menurut Imam al-Syafi'i, memotong rambut cukup dilakukan dengan memotong tiga helai rambut. Menurut Imam Abu Hanifah, memotong rambut batasannya adalah seperempat rambut kepala. Ini dikecualikan bagi orang yang ber-*tamattu'* apabila sudah dekat masa ihram haji, maka memotong rambut adalah lebih afdal baginya, agar rambutnya masih tersisa untuk ibadah haji. Wanita yang berihram hanya dibolehkan memotong rambutnya, bukan mencukurnya.
2. Boleh memohon rahmat bagi orang yang masih hidup dan tidak hanya khusus bagi orang yang telah meninggal dunia.
3. Berdoa untuk orang yang mengerjakan apa yang telah disyariatkan ke atas mereka.
4. Mengulangi doa bagi orang yang mengerjakan amalan yang lebih utama di antara dua perkara yang boleh dipilih salah satu daripadanya. Mengulangi doa ini mengisyaratkan betapa ibadah itu diutamakan. Dianjurkan mendoakan orang yang mengerjakan sesuatu yang dibolehkan, sekalipun kedudukan amalan itu bukan sesuatu yang diutamakan.

٢٩٣- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَفَ فِي حَجَّةِ الْوَدَاعِ، فَجَعَلُوا يَسْأَلُونَهُ، فَقَالَ رَجُلٌ: لَمْ أَشْعُرْ، فَحَلَقْتُ قَبْلَ أَنْ أَذْبَحَ. قَالَ: "اذْبَحْ وَلاَ حَرَجَ" ،فَجَاءَ آخَرُ، فَقَالَ: لَمْ أَشْعُرْ، فَنَحَرْتُ قَبْلَ أَنْ أَرْمِيَ، قَالَ: "ارْمِ وَلاَ حَرَجَ"، فَمَا سُئِلَ يَوْمَئِذٍ عَنْ شَيْءٍ قُدِّمَ وَلاَ أُخِّرَ إِلاَّ قَالَ: "افْعَلْ وَلاَ حَرَجَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

293. Daripada Abdullah ibn Amr ibn al-Ash (r.a) bahawa Rasululldh (s.a.w) melakukan wukuf semasa mengerjakan haji wada', kemudian mereka (para sababat) bertanya kepadanya. Seorang lelaki (di antara mereka) berkata: "Aku tidak mengetahui, hingga aku mencukur rambut sebelum menyembelih kurban." Nabi (s.a.w) bersabda: "Sembelihlah dan tidak ada dosa." Lelaki yang lain datang dan bertanya: "Aku tidak faham hingga aku menyembelih kurban sebelum melontar jumrah." Nabi (s.a.w) bersabda: "Lontarlah jumrah, dan tidak ada dosa." Setiap soalan yang diajukan kepada Rasulullah (s.a.w) mengenai sesuatu yang didahulukan dan tidak pula yang diakhirkan melainkan baginda menjawab: "Kerjakanlah dan tidak ada dosa." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Para sahabat sentiasa berkeinginan mengamalkan Sunnah Nabi (s.a.w) sehingga mereka banyak bertanya tentang Sunnah dan apa-apa yang berkaitan dengannya. Mereka kagum perihal seorang Arab badwi yang datang dari daerah pedalaman, lalu dia bertanya kepada Nabi (s.a.w) tentang masalah yang dianggap sukar baginya dan jawapan Nabi (s.a.w) kepadanya merupakan pengajaran yang bermanfaat bagi mereka.

Syariat yang diajarkan oleh Nabi (s.a.w) tentu dipenuhi toleransi, tidak menyusahkan umat dan memberi kemudahan bagi para pemeluknya. Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي ٱلدِّينِ مِنْ حَرَجٍ ..... ﴿٧٨﴾

"*... Dia sekali-kali tidak menjadikan suatu kesempitan dalam agama kamu...*" (Surah al-Hajj: 78)

Oleh itu, baginda tidak menghukum orang yang tidak faham apatah lagi lupa. Nabi (s.a.w) memberikan jawapan ketika mereka menanyakan kepadanya tentang sejumlah manasik yang dalam pelaksanaannya ada yang didahulukan dan yang diakhirkan. Mereka menduga bahawa dalam mengerjakan manasik-manasik itu diwajibkan tertib (berurutan), namun baginda menjelaskan kepada mereka melalui sabdanya: "Kerjakanlah, dan tidak ada dosa."

Analisis Lafaz

"وَقَفَ فِي حَجَّةِ الْوَدَاعِ", melakukan wukuf dalam haji wada'. Ini baginda lakukan pada tahun 10 Hijriah. Diberi nama haji wada' kerana dalam melaksanakan haji ini Nabi (s.a.w) meminta diri kepada umat manusia melalui sabdanya:

لَعَلِّي لاَ أَلْقَاكُمْ بَعْدَ عَامِي هَذَا.

"*Barangkali aku tidak dapat berhaji lagi sesudah tahun ini.*" Dalam haji wada', Nabi (s.a.w) mengajarkan mereka syariat-syariat Islam, dan semasa haji wada' pula turun firman Allah (s.w.t):

..... ٱلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ ..... ﴿٣﴾

"*… Pada hari ini telah Kusempurnakan agama kamu...*" (Surah al-Maidah: 3)

Beliau berada di atas unta kenderaannya ketika berwukuf seraya berkhutbah kepada orang yang hadir berdekatan jumrah.

"لَمْ أَشْعُرْ", aku tidak faham.

"لاَ حَرَجَ", tidak kesempitan, dosa atau fidyah ke atas dirimu baginya kerana masalah susunan.

"نَحَرْتُ", aku menyembelih haiwan kurban.

"قَبْلَ أَنْ أَرْمِيَ", sebelum melontar Jumrah 'Aqabah.

"فَمَا سُئِلَ يَوْمَئِذٍ عَنْ شَيْءٍ قُدِّمَ وَلاَ أُخِّرَ", Rasulullah (s.a.w) tidak mendapat soalan mengenai suatu masalah yang dilupakan oleh orang yang berhaji atau tidak difahaminya, melainkan baginda memudahkannya.

Fiqh Hadis

1. Wajib mengikuti Sunnah dan memperhatikannya dengan cara bertanya apabila tidak faham.
2. Kemudahan agama Islam dan toleransinya dalam menghilangkan kesempitan dan tidak menghukum orang yang tidak faham serta lupa. Oleh itu, barang siapa telah bersumpah untuk tidak mengerjakan sesuatu, lalu dia mengerjakannya kerana lupa atau tidak faham, maka tiada dosa dan kifarat ke atasnya.
3. Boleh mendahulukan sebahagian pekerjaan haji ke atas sebahagian yang lain seperti mendahulukan mencukur rambut ke atas menyembelih kurban atau mendahulukan menyembelih kurban ke atas melontar jumrah.
4. Seluruh pekerjaan pada hari raya kurban yang telah disebutkan di dalam hadis ini, iaitu melontar jumrah, menyembelih kurban, dan mencukur rambut, tidak wajib dikerjakan secara berurutan. Apa yang masih belum disebutkan seperti tawaf ifadhah dan sa'i haji jika tidak didahulukan seperti mana yang telah disebutkan di dalam manasik Jabir (r.a) yang

diriwayatkan oleh Muslim. Seluruh pekerjaan itu diringkas oleh sebahagian ulama dengan istilah "رَنْحَطْ", huruf *ra'* untuk istilah *al-Ramy* (melontar jumrah), huruf *nun* untuk *al-Nahr* (menyembelih kurban), huruf *ha'* untuk *al-Halq* (mencukur rambut), dan huruf *tha'* untuk tawaf. Imam Ahmad dan Imam al-Syafi'i mengatakan bahawa urutan berikut adalah disunatkan, iaitu melontar jumrah, lalu menyembelih kurban dan terakhir mencukur rambut. Imam Malik dan Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa urutan yang telah disebutkan di atas iaitu melontar jumrah, menyembelih kurban dan mencukur rambut adalah wajib. Seseorang yang meninggalkan urutan tersebut wajib membayar *dam*. Kedua-duanya mengatakan bahawa makna "لا حرج" adalah "tidak ada dosa", tetapi pelakunya tetap harus membayar fidyah.

٢٩٤- عَنْ الْمِسْوَرِ بْنِ مَخْرَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَحَرَ قَبْلَ أَنْ يَحْلِقَ، وَأَمَرَ أَصْحَابَهُ بِذَلِكَ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

294. Daripada al-Miswar ibn Makhramah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) menyembelih kurban sebelum mencukur rambut, dan baginda menyuruh para sahabatnya untuk berbuat demikian." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Menyembelih haiwan kurban didahulukan ke atas mencukur rambut. Inilah yang dikerjakan oleh Rasulullah (s.a.w) dan disyariatkan kepada kita supaya diikuti. Urutan mendahulukan berkurban daripada mencukur rambut adalah sunat. Adapun orang yang *muhshar* (terhalang daripada memasuki Mekah), menurut satu pendapat, urutan tersebut hukumnya wajib. Inilah yang diisyaratkan oleh al-Bukhari dalam riwayat yang dikemukakan di dalam Kitab *al-Syuruth*. Disebutkan di dalamnya bahawa Nabi (s.a.w) bersabda kepada para sahabat:

قُوْمُوْا فَانْحَرُوْا ثُمَّ احْلَقُوْا.

"*Bangkitlah kamu untuk berkurban, kemudian cukurlah rambut kamu!*" Demikian pula perkataan Ummu Salamah (r.a) kepada Nabi (s.a.w):

أُخْرُجْ، ثُمَّ لاَ تُكَلِّمْ أَحَدًا مِنْهُمْ كَلِمَةً حَتَّى تَنْحَرَ بُدْنَهُ، فَخَرَجَ، فَنَحَرَ بُدْنَهُ ثُمَّ دَعَا حَالِقَهُ فَحَلَقَهُ. الْحَدِيْثَ.

"*Keluarlah kamu, namun janganlah kamu berbicara sepatah kata pun kepada seseorang di antara mereka sebelum kamu menyembelih haiwan kurban." Baginda kemudian keluar dan menyembelih haiwan kurban, lalu memanggil tukang cukur untuk mencukur rambutnya.*" Hingga akhir hadis.

Penulis kitab Subul al-Salam berkata: "Sebenarnya apa yang lebih utama ialah seandainya Ibn Hajar mengakhirkan hadis ini dan meletakkannya dalam Bab: *al-Ihshar*."

Analisis Lafaz

"نَحَرَ", menyembelih kurban.

"وَأَمَرَ أَصْحَابَهُ بِذَلِكَ", Rasulullah (s.a.w) menyuruh para sahabatnya yang hadir dalam umrah al-Hudaibiyah menyembelih kurban mereka sebelum bercukur.

Fiqh Hadis

Mendahulukan menyembelih kurban ke atas mencukur rambut.

Periwayat Hadis

Al-Miswar ibn Makhramah ibn Naufal al-Zuhri. Beliau meriwayatkan 22 hadis dan riwayatnya telah diambil oleh Ali Ibn al-Husain. Beliau ditimpa batu manjanik ketika sedang mengerjakan solat di Hijir Ismail dalam pengepungan Ibn al-Zubair, hingga akhirnya beliau meninggal dunia.

٢٩٥- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا رَمَيْتُمْ وَحَلَقْتُمْ فَقَدَ حَلَّ لَكُمُ الطِّيبُ وَكُلُّ شَيْءٍ إِلاَّ النِّسَاءَ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ، وَفِي إِسْنَادِهِ ضَعْفٌ.

295. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Jika kamu telah melontar jumrah dan telah mencukur rambut, bererti wangian telah dihalalkan buat kamu dan juga segala sesuatu kecuali wanita.*" (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Dawud, tetapi sanad hadis ini dha'if)

Makna Hadis

Orang yang melakukan haji mengalami dua kali tahallul, iaitu tahallul kecil dan tahallul besar.

Tahallul kecil dilakukan setelah mengerjakan dua perkara, iaitu melontar Jumrah 'Aqabah dan mencukur atau memotong rambut. Setelah seseorang selesai dua pekerjaan haji tersebut, maka dihalalkan baginya semua apa yang diharamkan bagi orang yang berihram, kecuali wanita. Dia tidak boleh bersetubuh dengan isteri kecuali setelah melakukan tawaf ifadhah.

Adapun tahallul besar, maka itu dapat dilakukan setelah seseorang bertawaf ifadhah. Setelah itu dihalalkan baginya segala sesuatu yang diharamkan bagi orang

yang berihram, termasuk wanita dan berburu.

Analisis Lafaz

"إِذَا رَمَيْتُمْ", apabila kamu telah melontar Jumrah 'Aqabah.

"وَحَلَقْتُمْ", dan kamu telah mencukur rambut kepala kamu.

"فَقَدَ حَلَّ لَكُمْ الطِّيبُ", maka telah dihalalkan bagimu wangian.

"وَكُلُّ شَيْءٍ", dan semua sesuatu yang diharamkan bagi orang yang berihram, seperti memakai pakaian yang berjahit dan menutupi kepala.

"إِلاَّ النِّسَاءَ", kecuali bersetubuh dengan isteri. Ini tidak dihalalkan baginya kecuali jika dia sudah bertawaf rukun, iaitu tawaf ifadhah.

"وَفِي إِسْنَادِهِ ضَعْفٌ", di dalam hadis ini yakni sanadnya terdapat unsur dha'if, kerana hadis ini berasal daripada riwayat al-Hajjaj ibn Artha'ah, sedangkan dia termasuk orang yang dha'if.

Fiqh Hadis

Jika orang yang berihram telah melontar Jumrah 'Aqabah dan mencukur rambutnya, maka dihalalkan baginya segala sesuatu yang tadinya dilarang lantaran ihram, kecuali bersetubuh dengan isteri sekalipun hanya melakukan cumbu rayu sebelum seseorang itu melakukan tawaf ifadhah. Inilah pendapat jumhur ulama.

Imam Malik berkata: "Seseorang dihalalkan melakukan segala sesuatu kecuali wanita, wangian dan berburu." Tetapi menurut pendapat yang masyhur di kalangan mazhab Maliki, memakai wangian hukumnya makruh.

Sufyan ibn Uyaynah menceritakan hadis berikut daripada Amr ibn Dinar yang telah menceritakan bahawa Khalifah Umar ibn al-Khatthab pernah berkata:

إِذَا رَمَيْتُمُ الْجَمْرَةَ فَقَدَ حَلَّ لَكُمْ مَاحُرِّمَ إِلاَّ النِّسَاءَ وَالطِّيْبَ.

"*Jika kamu telah melontar jumrah, bererti telah dihalalkan bagi kamu apa-apa yang tadinya diharamkan, kecuali wanita dan wangian.*" Ibn Daqiq al-Id berkata: "Hadis ini *munqathi'*, kerana Amr ibn Dinar belum pernah mendengarnya daripada Umar ibn al-Khatthab (r.a)."

٢٩٦- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَيْسَ عَلَى النِّسَاءِ حَلْقٌ، وَإِنَّمَا يُقَصِّرْنَ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ بِإِسْنَادٍ حَسَنٍ.

296. Daripada Ibn Abbas (r.a) daripada Nabi (s.a.w), baginda pernah bersabda: "Tidak ada mencukur rambut bagi kaum wanita melainkan hanya memotongnya sahaja." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dengan sanad yang hasan)

Makna Hadis

Hukum mencukur rambut bagi kaum wanita adalah haram, baik dalam keadaan halal mahupun dalam keadaan ihram, kerana ia termasuk perbuatan yang mencacatkan dirinya. Oleh itu, mereka hanya diwajibkan memotong rambutnya sahaja, tidak disyariatkan mencukur rambutnya. Seandainya ada seorang wanita mencukur rambutnya, maka itu sudah memadai untuk ber-*tahallul*, tetapi dia berdosa kecuali kerana ada uzur.

Analisis Lafaz

"لَيْسَ", tidak disyariatkan.

"عَلَى النِّسَاءِ حَلْقٌ", mencukur rambut *tahallul* dari haji atau umrah.

"وَإِنَّمَا يُقَصِّرْنَ", melainkan yang diwajibkan bagi mereka hanyalah memotong rambut.

Fiqh Hadis

Ketentuan bagi wanita yang berihram adalah hanya memotong rambutnya apabila hendak ber-*tahallul*. Imam al-Syafi'i dan Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa makruh baginya mencukur rambut, kerana itu merupakan perbuatan bid'ah. Tetapi Imam Nawawi berkata: "Seandainya seorang wanita mencukur rambutnya untuk ber-*tahallul*, maka itu sudah dianggap memadai, tetapi dia berdosa."

Imam Malik dan Imam Ahmad berkata: "Mereka haram mencukur rambutnya, meskipun dia adalah seorang anak perempuan yang berumur sepuluh tahun. Jika dia melakukannya, maka walinya wajib mencegahnya."

Jumhur ulama berkata: "Wanita memotong rambutnya dari seluruh hujung rambut kepalanya sepanjang satu jari."

Imam Malik berkata: "Hendaklah wanita memotong seluruh hujung rambutnya sedikit sahaja dan tidak boleh hanya memotong sebahagian hujungnya. Ini dilakukan apabila pada kepalanya tidak terdapat penyakit. Jika pada kepalanya terdapat penyakit, maka dia dibolehkan mencukur rambutnya kerana dalam keadaan darurat, sebagaimana dibolehkan bagi anak perempuan yang masih kecil mencukur rambutnya."

٢٩٧- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا: أَنَّ الْعَبَّاسَ بْنَ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اسْتَأْذَنَ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَبِيتَ بِمَكَّةَ لَيَالِيَ مِنًى مِنْ أَجْلِ سِقَايَتِهِ، فَأَذِنَ لَهُ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

297. Daripada Ibn Umar (r.a) bahawa al-Abbas ibn Abdul Muttalib pernah meminta izin kepada Rasulullah (s.a.w) untuk menginap di Mekah pada malam-

malam Mina kerana tugas *Siqayah*, lalu baginda mengizinkannya. (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Menginap di Mina pada hari-hari tasyriq merupakan salah satu daripada manasik haji. Ulama berbeza pendapat mengenai hukumnya, sama ada wajib ataupun sunat.

Menurut jumhur ulama, itu wajib seperti mana yang ditegaskan oleh hadis yang menceritakan bahawa al-Abbas (r.a) meminta izin kepada Nabi (s.a.w) untuk menginap di Mekah, lalu baginda memberi rukhsah kepadanya. Ini berlaku secara umum tidak lain kecuali berkaitan dengan urusan yang wajib pula dan Rasulullah (s.a.w) memberi izin kepadanya untuk tidak menginap kerana jawatan *Siqayah* yang harus diurusnya demi kemaslahatan umum.

Analisis Lafaz

"أَنَّ الْعَبَّاسَ بْنَ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اسْتَأْذَنَ", dia meminta izin kepada Rasulullah (s.a.w) untuk menginap di Mekah pada malam-malam Mina. Apa yang dimaksud dengan "malam-malam Mina" ialah malam tarikh sebelas dan tarikh dua belas bagi orang yang bersegera meninggalkan Mina, serta malam tiga belas bagi orang yang lambat meninggalkan Mina.

"مِنْ أَجْلِ سِقَايَتِهِ", kerana dia harus menyediakan air zamzam untuk orang yang memerlukan minuman. Al-Abbas menjawat sebagai juru *Siqayah* setelah ayahnya iaitu Abdul Muttalib pada masa Jahiliah, kemudian Rasulullah (s.a.w) tetap memperakuinya pada masa Islam. Jawatan *Siqayah* adalah hak keluarga al-Abbas untuk selamanya.

Fiqh Hadis

1. Meminta izin kepada pemimpin untuk melakukan pekerjaan yang menyangkut kemaslahatan umum dan keputusan hukum.
2. Wajib menginap di Mina dan ia merupakan salah satu manasik haji. Apa yang dimaksudkan dengan "menginap" ialah menghabiskan sebahagian besar waktu malam hari di Mina. Jika seseorang bersumpah tidak akan menginap di suatu tempat, maka dia tidak boleh melanggar sumpahnya kecuali apabila dia menghabiskan sebahagian besar waktu malam hari di tempat tersebut. Ulama berselisih pendapat mengenai hukum wajib membayar *dam* kerana tidak menginap. Imam Malik berkata: "Seseorang wajib membayar *da*m untuk setiap malam yang ditinggalkannya." Imam al-Syafi'i berkata: "Seseorang mesti memberi makan satu mud untuk satu malam yang ditinggalkannya dan dua mud sekiranya dia tidak menginap dua malam; sedangkan apabila tidak menginap selama tiga malam, maka

dia wajib membayar dam." Menurut pendapat yang masyhur di kalangan mazhab Imam Ahmad, seseorang tidak dikenakan apa-apa sangki. Imam Abu Hanifah berkata: "Menginap di Mina hukumnya sunat, kerana jika itu wajib, nescaya Nabi (s.a.w) tidak membenarkan al-Abbas (r.a) meninggalkannya."

3. *Rukhsah* boleh meninggalkan menginap kerana mengurus jawatan *Siqayah* untuk para jemaah haji. Jumhur ulama mengatakan bahawa boleh meninggalkan menginap bagi setiap orang yang mempunyai uzur yang mirip dengan uzur-uzur yang dibolehkan oleh Rasulullah (s.a.w) sebagai *rukhsah* bagi mereka dan demikian pula bagi setiap orang yang tugasnya berkaitan dengan kemaslahatan umum, seperti menjaga harta benda dan mengubati pesakit, kerana itu sama dengan tugas *Siqayah*. Ketetapan ini berdasarkan adanya persamaan antara kedua permasalahan itu. Imam Ahmad berkata: "Meninggalkan menginap hanya khusus diperuntukkan bagi orang yang menjawat *Siqayah* dan bagi pengembala ternakan berdasarkan izin Nabi (s.a.w) di dalam hadisnya."

٢٩٨- عَنْ عَاصِمِ بْنِ عَدِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَخَّصَ لِرُعَاةِ الْإِبِلِ فِي الْبَيْتُوتَةِ عَنْ مِنًى يَرْمُونَ يَوْمَ النَّحْرِ، ثُمَّ يَرْمُونَ لِيَوْمَيْنِ، ثُمَّ يَرْمُونَ يَوْمَ النَّفْرِ. رَوَاهُ الْخَمْسَةُ، وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ وَابْنُ حِبَّانَ.

298. Daripada 'Ashim ibn Adi (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) memberikan *rukhsah* kepada para pengembala unta untuk tidak menginap di Mina. Mereka melontar jumrah pada hari raya kurban, kemudian mereka melontarnya semula untuk dua hari, lalu melontar lagi pada hari nafar. (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, dan dinilai sahih oleh al-Tirmizi serta Ibn Hibban)

Makna Hadis

Pengembala unta meminta izin kepada Nabi (s.a.w) sesudah melontar Jumrah 'Aqabah untuk dibolehkan tidak melontar jumrah pada hari kedua, tetapi mereka akan datang pada hari ketiga untuk melontar dua hari sekali gus, iaitu melontar hari ketiga dan hari kedua yang mereka lewatkan. Kemudian mereka melontar lagi pada hari yang keempat jika mereka tidak bersegera meninggalkan Mina dan Rasulullah (s.a.w) membenarkan mereka. ini menunjukkan betapa tinggi toleransi Islam. *Rukhsah* yang pertama bukan hanya ditujukan kepada al-Abbas (r.a) beserta jawatan *Siqayah* melainkan diberikan pula kepada tugas dan pekerjaan yang mempunyai pengertian sama, iaitu semua orang yang mempunyai uzur yang berkaitan dengan kemaslahatan umum.

Analisis Lafaz

"رَخَّصَ", ungkapan rukhsah menunjukkan kebalikan 'azimah, dan izin yang diberikan kerana ada kaitannya dengan penyebab yang telah disebutkan. Oleh itu, apabila penyebabnya atau yang semakna dengannya tidak ada, maka itu tidak dibolehkan. 'Azimah ialah sesuatu yang telah disyariatkan pada mulanya, sedangkan rukhsah ialah hukum syariat yang mudah, tetapi disyariatkan kemudian sebagai perpindahan dari hukum yang sukar kepada hukum yang lebih mudah disertai dengan adanya kaitan penyebab dengan hukum yang pertama. Di dalam sebuah hadis disebutkan:

إِنَّ اللهَ يُحِبُّ أَنْ تُؤْتَى رُخَصُهُ كَمَا يُحِبَّ أَنْ تُؤْتَى عَزَائِمُهُ.

"*Sesungguhnya Allah menyukai apabila rukhsah-rukhsah-Nya dikerjakan, sebagaimana 'azimah-'azimah-Nya dikerjakan.*"

"فِي الْبَيْتُوتَةِ عَنْ مِنًى", untuk menginap di luar Mina. Rasulullah (s.a.w) memberikan rukhsah kepada para pengembala itu, kerana mereka mesti mengembala dan memelihara ternakannya serta mencari padang rumput di tempat-tempat yang jauh, sementara orang ramai disibukkan dengan pekerjaan manasik mereka hingga tidak sempat memperhatikan haiwan ternakan. Oleh itu, mustahil bagi mereka menghimpun dua tugasan antara mengembala ternak dengan melontar jumrah serta menginap. Maka mereka dibolehkan untuk tidak menginap kerana uzur dan tidak melontar jumrah seperti mana yang telah disebutkan di atas.

"يَرْمُونَ يَوْمَ النَّحْرِ", mereka akan melontar Jumrah 'Aqabah pada hari raya kurban.

"ثُمَّ يَرْمُونَ لِيَوْمَيْنِ", kemudian mereka menggabungkan melontar hari yang berikutnya sesudah hari raya kurban bersama dengan melontar hari yang selanjutnya lagi secara jamak taqdim. Dengan kata lain, mereka melontar jumrah pada hari kesebelas Zulhijjah untuk hari kesebelas dan hari kedua belas.

"ثُمَّ يَرْمُونَ يَوْمَ النَّفْرِ", kemudian mereka melontar pula pada hari keberangkatan yang kedua dari Mina bagi orang yang tidak bersegera meninggalkan Mina. Adapun bagi orang yang bersegera meninggalkan Mina pada hari kedua, maka dia tidak dibolehkan melontar pada hari ketiga.

Fiqh Hadis

1. Gugurnya kewajipan menginap di Mina pada malam-malam tasyriq bagi para pengembala.
2. Melontar Jumrah 'Aqabah mesti dilakukan pada harinya.
3. Rukhsah bagi para pengembala untuk menjamak melontar dua hari dalam satu hari. Mereka boleh memilih sama ada mendahulukan melontar semua jumrah pada hari kesebelas untuk melontar hari kesebelas dan hari kedua belas atau melontar pada hari kedua belas untuk melontar hari kesebelas dan hari kedua belas.

Periwayat Hadis

Ashim ibn Adi ibn al-Harits ibn al-Ajlan al-Qudha'i al-Ajlani. Pada waktu Perang Badar beliau menjawat sebagai amir untuk kawasan Quba' dan al-'Aliyah, sehingga Nabi (s.a.w) memberinya bahagian harta ghanimah Perang Badar. Beliau turut serta dalam Perang Uhud. Semua hadis yang diriwayatkannya berjumlah 6 dan riwayatnya telah diambil oleh Abul Baddah , anak lelakinya dan al-Sya'bi. Beliau meninggal dunia pada masa pemerintahan Khalifah Mu'awiyah.

٢٩٩- عَنْ أَبِي بِكْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: خَطَبَنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ النَّحْرِ... الْحَدِيثَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

299. Daripada Abu Bakrah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) berkhutbah kepada kami pada hari raya kurban…," hingga akhir hadis. (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Dalam ibadah haji terdapat khutbah-khutbah yang sememangnya disyariatkan bagi menjelaskan hukum-hakam manasik. Menurut mazhab Maliki dan mazhab Hanafi ada tiga kali khutbah, sedangkan menurut mazhab al-Syafi'i dan mazhab Hanbali ada empat kali khutbah.

Analisis Lafaz

"الْحَدِيثَ", hingga akhir hadis. Di dalam Shahih al-Bukhari daripada Abu Bakrah (r.a) disebutkan sebagai berikut:

خَطَبَنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ النَّحْرِ: أَتَدْرُوْنَ أَيَّ يَوْمٍ هَذَا؟ قُلْنَا: اللهُ وَرَسُوْلُهُ أَعْلَمُ. فَسَكَتَ حَتَّى ظَنَنَّا أَنَّهُ سَيُسَمِّيهِ بِغَيْرِ اسْمِهِ، قَالَ: أَلَيْسَ يَوْمُ النَّحْرِ؟ قُلْنَا: بَلَى. قَالَ: أَيُّ شَهْرٍ هَذَا؟ قُلْنَا: اللهُ وَرَسُوْلُهُ أَعْلَمُ. فَسَكَتَ حَتَّى ظَنَنَّا أَنَّهُ سَيُسَمِّيهِ بِغَيْرِ اسْمِهِ، فَقَالَ: أَلَيْسَ ذُو الْحِجَّةِ ؟ قُلْنَا بَلَى. قَالَ: أَيُّ بَلَدٍ هَذَا؟ قُلْنَا: اللهُ وَرَسُوْلُهُ أَعْلَمُ، فَسَكَتَ حَتَّى ظَنَنَّا أَنَّهُ سَيُسَمِّيهِ بِغَيْرِ اسْمِهِ. قَالَ: أَلَيْسَتْ بِالْبَلْدَةِ الْحَرَامِ؟ قُلْنَا: بَلَى. قَالَ: فَإِنَّ دِمَاءَكُمْ وَأَمْوَالَكُمْ عَلَيْكُمْ حَرَامٌ كَحُرْمَةِ يَوْمِكُمْ هَذَا فِي شَهْرِكُمْ هَذَا فِيْ بَلَدِكُمْ هَذَا إِلَى يَوْمِ تَلْقَوْنَ رَبَّكُمْ، أَلاَ هَلْ بَلَّغْتُ؟ قَالُوْا: نَعَمْ. قَالَ: اللَّهُمَّ اشْهَدْ، فَلْيُبَلِّغِ الشَّاهِدُ الْغَائِبَ، فَرُبَّ مُبَلِّغٍ أَوْعَى مِنْ سَامِعٍ، فَلاَ تَرْجِعُوْا بَعْدِيْ كُفَّارًا يَضْرِبُ

بَعْضُكُمْ رِقَابَ بَعْضٍ".

"Nabi (s.a.w) berkhutbah kepada kami pada hari raya kurban. Baginda bersabda: "Tahukah kamu hari apakah sekarang?" Kami menjawab: "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui." Baginda diam hingga kami menduga bahawa baginda akan menamakannya bukan dengan nama yang biasanya, lalu baginda bersabda: "Bukankah hari ini adalah hari raya kurban?" Kami menjawab: "Memang benar." Baginda bertanya: "Bulan apakah sekarang ini?" Kami menjawab: "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui." Baginda diam hingga kami menduga bahawa baginda akan menamakannya bukan dengan nama biasanya, lalu baginda bersabda: "Bukankah bulan Zulhijjah?" Kami menjawab: "Memang benar." Baginda bertanya: "Negeri apakah ini?" Kami menjawab: "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui." Baginda diam hingga kami menduga bahawa baginda akan menamakannya bukan dengan nama yang biasanya, lalu baginda bersabda: "Bukankah ini tanah suci?" Kami menjawab: "Memang benar." Baginda bersabda: "Sesungguhnya darah dan harta benda kamu diharamkan ke atas kamu seperti mana haramnya (sucinya) hari kamu sekarang dalam bulan kamu dan di negeri kamu ini dan hingga kamu bersua dengan Allah kamu (pada hari kiamat). Ingatlah, bukankah aku telah menyampaikan?" Mereka menjawab: "Ya." Nabi (s.a.w) bersabda: "Ya Allah, saksikanlah, hendaklah orang yang hadir menyampaikannya kepada orang yang tidak hadir, kerana adakalanya orang yang menerima berita lebih memahami daripada orang yang mendengarkannya (dari sumber berita). Janganlah kamu kembali menjadi kufur sesudahku; sebahagian daripada kamu memukul leher sebahagian yang lain."

"يَوْمَ النَّحْرِ", hari raya kurban, iaitu hari kesepuluh bulan Zulhijjah.

"قُلْنَا: اللهُ وَرَسُوْلُهُ أَعْلَمُ", mereka menjawab dengan menyerahkannya kepada Allah dan Rasul-Nya.

"فَسَكَتَ", Rasulullah (s.a.w) diam dan tidak menjawab hingga akhirnya baginda menjawab, atau orang ramai semuanya diam tidak ada yang menjawab, lalu Rasulullah (s.a.w) menjawabnya.

"بِالْبَلْدَةِ الْحَرَام", maksudnya adalah Mekah, kerana di dalamnya dilarang ada peperangan.

"إِلَى يَوْمِ تَلْقَوْنَ رَبَّكُمْ", hingga kamu meninggal dunia, keharaman atau kesucian ini bersifat abadi.

"أَلاَ هَلْ بَلَّغْتُ، اللَّهُمَّ اشْهَدْ", Nabi (s.a.w) mengatakan demikian kerana merupakan suatu yang fardu baginya menyampaikan risalah-Nya kepada umat manusia. Lalu baginda meminta agar dipersaksikan oleh Allah, bahawa dia telah menyampaikan dan menunaikan tugasan yang diwajibkan oleh Allah kepadanya.

"فَلْيُبَلِّغِ الشَّاهِدُ الْغَائِبَ", hendaklah orang yang hadir di antara kamu menyampaikan apa yang telah kukatakan kepada orang yang tidak hadir.

"فَرُبَّ مُبلّغٍ أَوْعَى مِنْ سَامِعٍ", adakalanya pembicaraanku yang disampaikan kepada seseorang lebih hafal dan lebih memahami maknanya daripada orang yang menerimanya langsung daripadaku. Al-Muhallab berkata: "Di dalam kalimat ini

mengandungi pemahaman bahawa kelak di akhir zaman akan terdapat orang yang mempunyai pemahaman ilmu yang lebih daripada generasi sebelumnya, namun jumlah mereka sedikit kerana makna "رب" menunjukkan pemahaman yang 'sedikit'."

"فَلاَ تَرْجِعُوْا بَعْدِيْ كُفَّارًا يَضْرِبُ بَعْضُكُمْ رِقَابَ بَعْضٍ", menghalalkan harta, dan darah serta kehormatan akan mengakibatkan kekufuran, kerana orang yang biasa mengerjakan dosa-dosa besar, maka nasib sialnya boleh mengheretnya kepada perkara yang jauh lebih buruk daripada perbuatannya, hingga dikhuatirkan dia akan mengalami su'ul khatimah dan hidupnya diakhiri dalam keadaan tidak beragama Islam.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan melakukan khutbah pada hari raya kurban mengikut pendapat Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad. Sedangkan menurut mazhab Maliki dan mazhab Hanafi, khutbah haji itu ada tiga, iaitu pada tarikh tujuh bulan Zulhijjah, hari Arafah, dan hari kedua setelah hari raya kurban. Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad berkata: Khutbah haji ada empat, iaitu pada tarikh tujuh Zulhijjah, hari Arafah, hari raya kurban dan hari ketiga setelah hari raya kurban, iaitu tarikh dua belas Zulhijjah, kerana hari itu merupakan keberangkatan nafar pertama bagi yang ingin bersegera meninggalkan Mina.
2. Bersopan santun yang baik dalam menjawab pertanyaan.
3. Dibolehkan menyampaikan hadis kepada orang yang tidak memahami maknanya dan tidak pula mengerti mengenainya apabila si penyampai benar-benar menguasai apa yang disampaikannya dan dia dibolehkan menggambarkannya sebagai ahli ilmu dalam bidang itu.
4. Wajib menyampaikan ilmu, hukumnya wajib kifayah dan adakalanya menjadi wajib 'ain bagi sebahagian orang tertentu.
5. Mengukuhkan hukum haram misalnya dengan cara mengulangi pernyataan atau cara yang selainnya.
6. Disyariatkan membuat perumpamaan dan mengumpamakan sesuatu dengan sesuatu yang serupa dengannya agar lebih jelas bagi si pendengar. Sesungguhnya kesucian darah, kehormatan, dan harta diumpamakan dengan kesucian hari, bulan, dan negeri kerana orang yang diajak bicara dapat mengetahui secara jelas perkara tersebut, namun tidak mengetahui secara jelas masalah pelanggaran kesuciannya, lagi pula mereka pasti dengan lantang mencela orang yang melakukan perbuatan tersebut, iaitu melanggar kesucian darah, kehormatan, dan harta. Sesungguhnya pertanyaan mengenainya didahulukan sebagai peringatan akan kesuciannya dan untuk mengukuhkan apa yang telah ditetapkan di dalam diri mereka. Setelah itu ia dijadikan sebagai pedoman untuk menetapkan apa yang hendak dikukuhkannya.

7. Sebutan "kufur" terhadap orang yang memerangi orang mukmin dinyatakan dengan ungkapan yang keras sebagai peringatan agar pendengar tidak lagi melakukannya. Dengan erti kata lain, ungkapan ini sebagai perumpamaan, kerana itu hanya patut dilakukan oleh orang kafir.

٣٠٠- عَنْ سَرَّاءَ بِنْتِ نَبْهَانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: خَطَبَنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ الرُّءُوسِ فَقَالَ: "أَلَيْسَ هَذَا أَوْسَطَ أَيَّامِ التَّشْرِيقِ؟" الْحَدِيثَ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ بِإِسْنَادٍ حَسَنٍ.

300. Daripada Sarra' binti Nabhan (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) berkhutbah kepada kami pada hari al-Ru'us. Baginda bersabda: "Bukankah hari ini adalah pertengahan hari tasyriq?" hingga akhir hadis. (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dengan sanad yang hasan)

Makna Hadis

Hari-hari Mina ada empat, pertama hari kurban, iaitu hari haji akbar yang dikenali dengan hari aidil adha yang di dalamnya terdapat empat pekerjaan haji, iaitu melontar jumrah, menyembelih kurban, mencukur rambut dan tawaf. Sedangkan hari ketiga berikutnya dinamakan hari-hari tasyriq, kerana mereka menjemur daging haiwan kurban dan *al-hadyu* di tengah terik matahari. Mereka menjemurnya di atas tempat jemur untuk dijadikan dendeng. Pendapat yang lain mengatakan bahawa dinamakan demikian kerana malam-malam harinya disinari oleh cahaya rembulan.

Hari pertama daripada hari tasyriq dinamakan hari *al-Ru'us*, kerana banyaknya kepala haiwan kurban pada hari itu sebagaimana dinamakan pula dengan sebutan hari *al-Qir*, kerana pada hari itu orang ramai bertamu di Mina, maka tidak ada perjalanan dan tidak ada pula keberangkatan pada hari itu. Hari kedua ialah hari *nafar* pertama bagi orang yang ingin bersegera meninggalkannya, sedangkan hari ketiga adalah hari nafar kedua bagi orang yang tidak bersegera meninggalkan Mina. Hari yang paling utama ialah hari pertama dan inilah makna yang dimaksudkan di dalam sabda Nabi (s.a.w): "…*pertengahannya...*" Di dalam perkataan masyarakat Arab disebutkan bahawa untaian kalung yang paling tengah adalah yang paling baik.

Analisis Lafaz

"الْحَدِيثَ", menurut riwayat yang diketengahkan oleh Abu Dawud disebutkan bahawa Rabi'ah ibn Abdul Rahman ibn Hushain telah menceritakan kepada kami bahawa neneknya yang bernama Sarra' binti Nabhan yang pada masa Jahiliah bertugas sebagai pembantu rumah tangga pernah berkata:

خَطَبَنَا رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ الرُّؤُوسِ، فَقَالَ: أَيُّ يَـوْمٍ هَـذَا؟ قُلْنَـا: اللهُ وَ رَسُوْلُهُ أَعْلَمُ. قَالَ: أَلَيْسَ أَوْسَطُ أَيَّامِ التَّشْرِيْقِ.

"Rasulullah (s.a.w) pernah berkhutbah kepada kami pada hari *al-Ru'us*. Baginda bertanya: "Hari apakah sekarang?" Kami menjawab: "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui." Nabi (s.a.w) bersabda: "Bukankah hari ini adalah pertengahan hari tasyriq?"

Sedangkan menurut lafaz hadis Sarra' disebutkan sebagai berikut:

سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ: أَتَدْرُوْنَ أَيُّ يَوْمٍ هَذَا؟ قَالَتْ: وَهُوَ الْيَوْمُ الَّذِيْ يَدْعُوْنَهُ يَوْمَ الرُّؤُوْسِ، قَالُوْا: اللهُ وَرَسُوْلُهُ أَعْلَمُ. قَالَ: هَذَا أَوْسَطُ أَيَّـامِ التَّـشْرِيْقِ. قَالَ: أَتَدْرُوْنَ أَيُّ بَلَدٍ هَذَا؟ قَالُوْا: اللهُ وَرَسُوْلُهُ أَعْلَمُ. قَالَ: هَذَا الْمَشْعَرُ الْحَرَامُ. قَـالَ: إِنِّي لاَ أَدْرِي لَعَلِّيْ لاَ أَلْقَاكُمْ بَعْدَ عَامِي هَذَا، أَلاَ إِنَّ دِمَاءَكُمْ وَأَمْـوَالَكُمْ وَأَعْرَاضَـكُمْ عَلَيْكُمْ حَرَامٌ كَحُرْمَةِ بَلَدِكُمْ هَذاَ حَتَّى تَلْقَوْنَ رَبَّكُمْ فَيَسْأَلُكُمْ عَنْ أَعْمَـالِكُمْ، أَلاَ فَلْيُبَلِّغْ أَدْنَاكُمْ أَقْصَاكُمْ، أَلاَ هَلْ بَلَّغْتُ، فَلَمَّا قَدِمْنَا الْمَدِيْنَـةَ لَـمْ يَلْبُـثْ قَلِـيْلاً حَتَّى مَاتَ.

"Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tahukah kamu hari apakah sekarang?" Sarra' mengatakan bahawa apa yang dimaksud ialah hari yang mereka sebut dengan hari *al-Ru'us*. Mereka menjawab: "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui." Nabi (s.a.w) bersabda: "Hari ini adalah pertengahan hari tasyriq." Nabi (s.a.w) bersabda: "Tahukah kamu negeri (kota) apakah ini?" Mereka menjawab: "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui." Nabi (s.a.w) bersabda: "Ini adalah Masy'aril Haram." Nabi (s.a.w) bersabda: "Sesungguhnya aku tidak mengetahui. Ada kemungkinan aku tidak dapat bersua kembali dengan kamu sesudah tahun ini. Ingatlah, sesungguhhya darah dan harta benda serta kehormatan kamu diharamkan ke atas kamu seperti mana haramnya negeri kamu ini, hingga kamu bersua dengan Tuhan kamu, lalu Dia menanyakan amal perbuatan kamu. Ingatlah, hendaklah orang yang paling dekat dari kamu menyampaikannya kepada orang yang paling jauh di antara kamu. Ingatlah, bukankah aku telah menyampaikan?" Ketika kami tiba di Madinah, tidak lama kemudian baginda wafat.

"يَوْمَ الرُّؤُوْس", hari kesebelas bulan Zulhiijah, iaitu hari kedua setelah hari raya kurban.

"قُلْنَا: اللهُ وَ رَسُوْلُهُ أَعْلَمُ", mereka menduga bahawa Nabi (s.a.w) akan memberinya nama bukan dengan nama yang biasanya.

Fiqh Hadis

1. Bersopan santun kepada orang yang dihormati ketika mengemukakan jawapan.
2. Khutbah hari-hari tasyriq dilakukan pada hari kesebelas Zulhijjah, iaitu khutbah keempat, menurut pendapat Imam Syafi'i dan Imam Ahmad.

Periwayat Hadis

Rabi'ah ibn Abdul Rahman ibn Hushain meriwayatkan hadis ini daripada neneknya, Sarra'. Telah diambil riwayat daripadanya oleh Abu Ashim al-Nabil. Ibn Hibban menyebutnya di dalam golongan orang yang dikategorikan sebagai tsiqah. Di dalam kitab al-Taqrib disebutkan bahawa Rabi'ah ibn Abdul Rahman adalah orang yang *maqbul* (dapat diterima hadisnya). Al-Bukhari dan Abu Daud telah mengemukakan hadisnya.

Sarra' binti Nabhan al-Ghanawiyyah meriwayatkan hadis secara langsung daripada Nabi (s.a.w). Ibn Hibban berkata: "Beliau seorang sahabat wanita." Telah diambil riwayat daripadanya oleh Rabi'ah ibn Abdul Rahman ibn Hushain dan Sakitah binti al-Ja'ad al-Ghanawiyyah. Al-Bukhari dan Abu Dawud telah menyebutkan hadisnya.

٣٠١- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَهَا: "طَوَافُكِ بِالْبَيْتِ وَبَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ يَكْفِيكَ لِحَجِّكِ وَعُمْرَتِكِ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

301. Daripada Aisyah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah bersabda kepadanya: "Tawafmu di Baitullah dan antara Shafa dengan Marwah sudah mencukupi untuk haji dan umrahmu." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Orang yang melakukan haji qiran ialah orang yang berihram untuk umrah dan haji secara sekali gus. Oleh itu, cukup baginya hanya dengan sekali tawaf dan sekali sa'i kerana semua pekerjaan umrah dipadukan dengan semua pekerjaan haji. Inilah pendapat jumhur ulama, lain halnya dengan mazhab Hanafi yang mengatakan bahawa orang yang ber-*qiran* mesti melakukan dua kali tawaf dan dua kali sa'i.

Analisis Lafaz

"طَوَافُكِ بِالْبَيْتِ وَبَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ", maksudnya ialah tawaf ifadhah pada hari raya kurban, lalu melakukan sa'i sesudahnya.

"يَكْفِيكَ لِحَجِّكِ وَعُمْرَتِكِ", Nabi (s.a.w) berkata kepada isterinya, Aisyah (r.a) sesudah Aisyah selesai mengerjakan kesemua pekerjaan haji. Ini kerana pada mulanya dia berihram untuk umrah, tetapi ketika sampai di Sarif dia berhaid, sehingga Nabi (s.a.w) menyuruhnya memasukkan haji ke dalam umrah, hingga menjadilah dia sebagai orang yang ber-*qiran*. Dia tidak melakukan tawaf dan sa'i untuk umrah sebelum haji, kerana dia sedang berhaid.

Fiqh Hadis

Seseorang yang melakukan haji *qiran* cukup hanya dengan sekali tawaf dan sekali sa'i mengikut pendapat jumhur ulama. Mereka mengatakan demikian dengan berdalilkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Umar (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَنْ أَحْرَمَ بِالْحَجِّ وَالْعُمْرَةِ أَجْزَأَهُ طَوَافٌ وَاحِدٌ وَسَعْيٌ وَاحِدٌ عَنْهُمَا حَتَّى يَحِلَّ مِنْهُمَا جَمِيْعًا.

"*Barang siapa yang berihram untuk haji dan umrah, maka cukup baginya sekali tawaf dan sekali sa'i untuk keduanya hingga dia bertahallul secara bersamaan.*" (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Muslim, Ibn Majah dan al-Tirmizi. Hadis ini menurut riwayat al-Tirmizi dan mengatakan bahawa hadis ini hasan sahih)

Menurut mazhab Hanafi, orang yang ber-*qiran* diwajibkan melakukan dua kali tawaf dan dua kali sa'i kerana berlandaskan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Ziyad ibn Malik daripada Ali (r.a) dan Ibn Mas'ud (r.a):

القَارِنُ طَوَافَانِ وَسَعْيَانِ.

"*Orang yang ber-qiran melakukan tawaf dua kali dan sa''i dua kali.*" (Diriwayatkan oleh al-Thahawi dengan sanad yang semua periwayatnya adalah tsiqah)

Apa yang disebut di dalam beberapa riwayat berkaitan sabda Nabi (s.a.w) kepada Aisyah (r.a) yang mengatakan, "Tinggalkanlah umrahmu!" maka maksudnya ialah baginda menyuruhnya agar meninggalkan pekerjaan umrah, iaitu tidak meneruskan pekerjaan seperti tawaf, sa'i, dan memotong rambut. Nabi (s.a.w) menyuruhnya meninggalkan semua pekerjaan umrah dan memerintahkan agar memasukkannya ke dalam pekerjaan haji. Dengan demikian, Aisyah (r.a) ber-*qiran*, lalu dia mengerjakan semua manasik.

٣٠٢- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمْ يَرْمُلْ فِي السَّبْعِ اَلَّذِي أَفَاضَ فِيهِ. رَوَاهُ الْخَمْسَةُ إِلاَّ التِّرْمِذِيَّ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

302. Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) tidak melakukan *al-Raml* (berjalan cepat) dalam tujuh kali pusingan tawaf ifadhah. (Diriwayatkan oleh al-Khamsah kecuali al-Tirmizi dan dinilai sahih oleh al-Hakim)

Makna Hadis

Al-Raml atau berjalan cepat yang telah disyariatkan dalam tiga kali pusingan pertama tawaf hanyalah untuk seluruh tawaf yang dilakukan sebelum sa'i, seperti tawaf umrah atau tawaf ifadhah. Adapun tawaf yang tidak disertai sa'i sesudahnya, seperti tawaf qudum, maka berjalan cepat dalam tiga putaran pertama tidak disyariatkan.

Analisis Lafaz

"لَمْ يَرْمُلْ", *al-Raml* adalah berjalan cepat dengan mempersingkat langkah dan menggerakkan kedua-dua bahu (berlari kecil), tetapi kecepatannya masih di bawah lari biasa. Ini disyariatkan bagi kaum lelaki sedangkan kaum wanita tidak disyariatkan.

"فِي السَّبْعِ اَلَّذِي أَفَاضَ فِيهِ", baginda tidak berjalan cepat semasa mengerjakan tawaf ifadhah.

Fiqh Hadis

Tidak disyariatkan berjalan cepat seperti yang telah disyariatkan dalam tawaf ifadhah mengikut pendapat Ibn Abbas (r.a). Tetapi pendapat ini ditentang oleh seluruh ulama, di mana mereka mengatakan bahawa berjalan cepat disunatkan pada ketiga pusingan pertama. Jika seseorang meninggalkannya, maka bererti dia meninggalkan sunat dan tidak mendapat keutamaannya, tetapi tawafnya tetap sah dan tidak ada kewajipan membayar *dam* ke atasnya.

Menurut mazhab Hanafi, disunatkan berjalan cepat dalam tawaf umrah dan tawaf yang sesudahnya diiringi dengan sa'i dalam haji, iaitu tawaf qudum atau tawaf ifadhah, tetapi berjalan cepat ini tidak disyariatkan bagi wanita.

Menurut jumhur ulama, berjalan cepat disyariatkan bagi orang yang berihram untuk haji atau umrah dalam tawaf qudum, kerana berlandaskan kepada hadis Ibn Umar (r.a):

أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا طَافَ بِالْبَيْتِ الْأَوَّلِ رَمَلَ ثَلاَثًا وَمَشَى أَرْبَعًا مِنَ الْحَجَرِ إِلَى الْحَجَرِ.

"Jika Rasulullah (s.a.w) melakukan tawaf di Baitullah, iaitu tawaf yang pertama (tawaf qudum), maka baginda berjalan cepat sebanyak tiga kali pusingan dan

berjalan biasa sebanyak empat kali pusingan dari rukun ke rukun."

Mazhab al-Syafi'i berpendapat lain bahawa berjalan cepat dilakukan dalam tawaf yang diiringi dengan sa'i sesudahnya. Ini dilakukan sesudah tawaf qudum dan tawaf ifadhah, tetapi tidak dilakukan dalam tawaf wada' dan tawaf sunat. Jika tidak melakukan sa'i sesudah tawaf qudum, maka seseorang hendaklah ber-*idhthiba'* dan berjalan cepat dalam tawaf ifadhah dan melakukan sa'i sesudahnya.

٣٠٣- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ وَالْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ، ثُمَّ رَقَدَ رَقْدَةً بِالْمُحَصَّبِ، ثُمَّ رَكِبَ إِلَى الْبَيْتِ فَطَافَ بِهِ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

303. Daripada Anas (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) mengerjakan solat Zohor, Asar, Maghrib dan Isyak, lalu baginda tidur sesaat di al-Muhasshab. Setelah itu baginda berangkat menuju ke Baitullah untuk melakukan tawaf. (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

٣٠٤- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّهَا لَمْ تَكُنْ تَفْعَلُ ذَلِكَ -أَيْ: النُّزُولَ بِالْأَبْطَحِ- وَتَقُولُ : إِنَّمَا نَزَلَهُ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِأَنَّهُ كَانَ مَنْزِلاً أَسْمَحَ لِخُرُوجِهِ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ

304. Daripada Aisyah (r.a) bahawa beliau tidak melakukan perkara itu, yakni beristirehat di al-Abthah dan beliau mengatakan bahawa sesungguhnya Rasulullah (s.a.w) turun beristirehat hanyalah kerana baginda memandang bahawa al-Abthah merupakan tempat yang paling mudah baginya untuk berangkat (pulang ke Madinah). (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) beristirehat di tempat tersebut sebagai ungkapan rasa syukur kepada Allah di atas kemenangannya, padahal sebelum itu baginda dalam keladaan tertekan, di samping mensyukuri kemenangan agama-Nya yang telah disempurnakan. Padahal sebelum itu kaum musyrikin telah pun berkali-kali ingin memadamkan Islam di mana dahulu mereka memenuhi tempat tersebut dan berjanji setia untuk sentiasa tetap dalam kekufuran. Mereka menulis lembaran kezaliman dan bersumpah untuk memutuskan hubungan dengan Bani Hasyim dalam kisah yang masyhur itu.

Kemudian Allah (s.w.t) menangkal tipu muslihat mereka dan membalikkannya kepada diri mereka sendiri sebagai senjata makan tuan. Allah memelihara Islam daripada perbuatan jahat mareka. Turun beristirehat di al-Abthah untuk mengenang

kembali peringatan yang bersejarah itu sekali gus sebagai ungkapan rasa syukur di atas nikmat Allah bagi orang yang melakukan haji hingga hari kiamat.

Akan tetapi turun beristirehat di al-Muhashshab ini bukanlah suatu yang disunatkan, melainkan masalahnya bersifat *takhyiri* (pilihan). Untuk itu, barang siapa yang hendak beristirehat, dia boleh melakukannya dan barang siapa yang tidak berminat, maka dia boleh tidak beristirehat di tempat itu.

Analisis Lafaz

"صَلَّى الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ وَالْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ" *Shallazh*, baginda melontar jumrah sesudah matahari tergelincir pada hari nafar, kemudian mengakhirkan solat Zohor, namun masih dalam waktunya, begitu pula solat Asar, Maghrib, dan Isyak.

"ثُمَّ رَقَدَ رَقْدَةً", kemudian baginda tidur sesaat.

"بِالْمُحَصَّبِ", nama sebuah tempat yang terletak di jalan menuju ke Mina, yang juga dikenali dengan nama al-Abthah, tempat air banjir mengalir dan cukup luas, terdapat batu-batu kerikil di dalamnya. Tempat ini merupakan daerah Bani Kinanah.

"ثُمَّ رَكِبَ إِلَى الْبَيْتِ", kemudian baginda berangkat menuju Baitullah.

"فَطَافَ بِهِ", dan melakukan tawaf wada'.

"بِالْأَبْطَحِ", makna asalnya ialah tanah yang menghampar luas. Diberi nama demikian kerana tempatnya cukup luas, terletak di antara Mekah dan Mina. Ia dinamakan pula al-Muhashshab.

"إِنَّمَا نَزَلَهُ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", Rasulullah (s.a.w) turun beristirehat di al-Abthah.

"أَسْمَحَ لِخُرُوجِهِ", lebih mudah untuk berangkat ke Madinah agar orang yang lambat dan yang cepat jalannya dapat bersamaan, lalu mereka menginap di tempat tersebut, dan pada waktu sahur mereka berangkat menuju ke Madinah secara bersama.

Fiqh Hadis

1. Orang yang berhaji disunatkan turun beristirehat di al-Muhashshab ketika kembali dari Mina menuju Mekah dan melakukan solat Zohor, Asar, Maghrib dan Isyak. Hendaklah dia menginap pada malam empat belas Zulhijjah, lalu masuk ke Mekah dan melakukan tawaf wada' kerana mengikuti Sunnah Nabi (s.a.w).
2. *Al-Tahshib* (beristirehat di al-Muhashshab) tidak termasuk manasik haji. Rasulullah (s.a.w) pernah singgah di tempat tersebut, namun hanya sekadar beristirehat. Imam mazhab yang empat mengatakan bahawa turun beristirehat di al-Muhashshab itu sunat kerana mengikuti Sunnah Nabi (s.a.w). Abu Bakar, Umar dan Ibn Umar pernah beristirehat di tempat itu.

3. Orang yang telah berhaji dianjurkan bersegera kembali pulang ke tanah airnya.
4. Menciptakan keselesaan bagi jemaah haji dan menangguhkan pulang apabila ada suatu keperluan yang dianggap penting.

٣٠٥- عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: أُمِرَ النَّاسُ أَنْ يَكُونَ آخِرَ عَهْدِهِمْ بِالْبَيْتِ، إِلاَّ أَنَّهُ خَفَّفَ عَنِ الْحَائِضِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

305. Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Manusia diperintahkan bahawa batas paling akhir masa mereka ialah di Baitullah, namun ini digugurkan bagi wanita yang berhaid." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Oleh suci merupakan syarat dalam mengerjakan ibadah tawaf, maka Rasulullah (s.a.w) tidak membolehkan orang yang berhaid dan bernifas mendekati Baitullah. Mereka tidak sah melakukan tawaf tetapi diberi keringanan untuk tidak melakukan tawaf wada' yang wajib. Keringanan ini menunjukkan bahawa tawaf wada' adalah wajib. Mereka tidak wajib mengqadha' tawafnya sesudah bersuci dan tidak dikenakan kewajipan membayar *dam* kerana meninggalkannya. Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Analisis Lafaz

"أُمِرَ النَّاسُ", Nabi (s.a.w) menyuruh manusia, kerana tidak seorang pun yang berhak memerintah mereka kecuali Rasulullah (s.a.w). Hadis ini secara hukum berkedudukan *marfu'* dan apa yang dimaksud dengan "manusia" ialah jemaah haji.

"أَنْ يَكُونَ آخِرَ عَهْدِهِمْ بِالْبَيْتِ", hendaklah tawaf wada' merupakan akhir dari masanya di Baitullah, sehingga dia tidak boleh kembali ke tanah airnya sebelum melakukan tawaf wada'.

"إِلاَّ أَنَّهُ خَفَّفَ عَنِ الْحَائِضِ", kewajipan tawaf ini digugurkan bagi wanita yang berhaid.

Fiqh Hadis

1. Wajib melakukan tawaf wada' bagi orang yang telah menyelesaikan ibadah haji, baik mufrid, mutamatti' ataupun qarin. Inilah pendapat jumhur ulama di mana mereka mengatakan bahawa orang yang meninggalkannya diwajibkan membayar *dam*, tetapi ini tidak diwajibkan bagi wanita yang berhaid dan bernifas serta orang yang bertempat tinggal di dalam kawasan

miqat. Imam Malik berkata: "Tawaf wada' adalah sunat dan tidak apa-apa kewajipan bagi orang yang meninggalkannya." Hal yang sama dikatakan pula oleh Imam al-Syafi'i. Alasannya ialah seandainya tawaf wada' itu waiib, nescaya tidak diringankan bagi wanita yang berhaid." Pendapat ini disanggah bahawa adanya keringanan menunjukkan pelaksanaan tawaf wada' itu wajib selain bagi wanita yang sedang berhaid. Tawaf wada' menurut jumhur ulama hukumnya wajib.

2. Suci merupakan syarat bagi sahnya tawaf. Oleh itu, tawaf digugurkan bagi wanita yang berhaid dan bernifas.

٣٠٦- عَنِ ابْنِ الزُّبَيْرِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "صَلاَةٌ فِي مَسْجِدِي هَذَا أَفْضَلُ مِنْ أَلْفِ صَلاَةٍ فِيمَا سِوَاهُ إِلاَّ الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ، وَصَلاَةٌ فِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ أَفْضَلُ مِنْ صَلاَةٍ فِي مَسْجِدِي بِمِائَةِ صَلاَةٍ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

306. Daripada Ibn al-Zubair (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Solat di masjidku ini lebih afdal daripada mengerjakan solat seribu kali dalam masjid yang lain, kecuali Masjidil Haram dan mengerjakan solat di Masjidil Haram lebih afdal daripada seratus kali mengerjakan solat di masjidku ini.*" (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban)

Makna Hadis

Oleh kerana Allah mengutamakan sebahagian malam hari, bulan, dan tahun ke atas sebahagian yang lain, maka Dia juga mengutamakan sebahagian tempat ke atas sebahagian yang lain, seperti mana keutamaan solat di dalam Masjid Nabawi. Allah (s.w.t) menjadikan pahala solat di dalamnya sama dengan seribu kali solat di tempat yang lain, kecuali Masjidil Haram. Solat di dalam Masjidil Haram lebih utama daripada solat di Masjid Nabawi dengan perbezaan seratus kali lipat dan seratus ribu kali ganda daripada masjid-masjid yang lain. Alangkah beruntung orang yang bertempat tinggal dekat Masjidil Haram dan Masjid Nabawi. Wahai orang yang bertempat tinggal di dekat Masjidil Haram dan Masjid Nabawi serta para jemaah haji, peliharalah nikmat yang besar ini dan jagalah kelestariannya, serta bersyukurlah kamu kepada Allah (s.w.t) di atas kurnia tersebut. Biasakanlah mengerjakan solat di dalam masjid-masjid tersebut agar kamu memperoleh tambahan pahala ini kerana itu merupakan ghanimah yang besar.

Analisis Lafaz

"صَلاَةٌ فِي مَسْجِدِي هَذَا", maksudnya ialah Masjid Nabawi di Madinah.

"بِمِائَةِ صَلاَةٍ", seratus kali ganda solat di Masjid Nabawi. Jika dibandingkan dengan masjid yang lain, maka perbezaannya ialah seratus ribu kali ganda.

Fiqh Hadis

1. Keutamaan Masjidil Haram melebihi keutamaan Masjid Nabawi dan masjid yang selainnya.
2. Keutamaan Masjid Nabawi ke atas masjid yang selainnya, kecuali Masjidil Haram.
3. Anjuran untuk bermukim di Mekah dan Madinah.

Periwayat Hadis

Ibn al-Zubair, nama aslinya ialah Abdullah ibn al-Zubair ibn al-Awwam al-Asadi, dikenal dengan gelaran Abu Khubaib al-Makki al-Madani. Dia adalah orang pertama yang dilahirkan dalam masa Islam dan dikenali sebagai pendekar kaum Quraisy. Dia meriwayatkan 33 hadis, dan riwayat hadisnya telah diambil oleh anak-anaknya iaitu Abbad dan Amir, serta saudara lelakinya, iaitu Urwah, juga Atha' serta Wahb ibn Kaisan.

Dia ikut dalam Perang al-Yarmuk dan dibaiat sesudah kematian Yazid ibn Mu'awiyah dan berhasil mengalahkan negeri Yaman, Iraq serta Khurasan. Dia adalah orang yang fasih lagi berani dan petah bercakap. Dia meninggal dunia di Mekah pada tahun 73 Hijriah. Masa pemerintahannya berlangsung selama 9 tahun. Sedangkan dia lahir dua puluh bulan sebelum hijrah.

Kesimpulan

Dari hadis-hadis yang dihimpun dalam bab ini dapat diambil beberapa kesimpulan sebagai berikut:

1. Orang yang hendak berihram haji atau umrah disunatkan mandi, sekalipun dia sedang berhaid atau bernifas. Disunatkan mengusap Hajar Aswad sebelum tawaf dan sesudah mengerjakan solat tawaf dua rakaat. Orang yang berhaji disunatkan turun beristirehat di Namirah, melakukan khutbah sesudah matahari tergelincir pada hari Arafah di lembah Arafah, berangkat dari al-Muzdalifah ke Mina sesudah waktu *isfar* (pagi kelihatan terang), bersegera melakukan solat Subuh pada hari raya kurban di al-Muzdalifah dengan sekali azan dan sekali iqamah kerana mengikuti Sunnah Rasulullah (s.a.w), memperbanyak *al-hadyu* (haiwan kurban), menyembelih sendiri haiwan kurban; bersegera dalam menyembelih kurban; memakan

sebahagian *al-hadyu* yang sunat, berangkat dari Mina ke Mekah pada hari raya kurban untuk melakukan tawaf ifadhah, berdoa setiap kali selesai membaca talbiyah bagi orang yang berihram, dan apa yang lebih afdal ialah membaca doa ma'tsur daripada Nabi (s.a.w). Mandi ketika memasuki kota Mekah di Dzi Thuwa, memasuki Mekah al-Mukarramah pada waktu siang hari, memperlihatkan kekuatan dengan bekalan dan senjata di hadapan orang kafir untuk menakut-nakuti mereka, mengusap kedua rukun Yamani kerana mengikuti Sunnah Rasulullah (s.a.w), turun beristirehat di al-Muhashshab pada hari nafar dari Mina dan menunaikan solat Zohor, Asar, Maghrib dan Isyak serta menginap pada malam 14 Zulhijjah, kemudian memasuki Mekah untuk melakukan tawaf wada', menghadap ke kiblat sesudah melontar dua jumrah (Jumrah Shughra dan Jumrah Wustha) disertai doa.

2. Dibolehkan meringkas hadis dengan menyebutkan pokok yang diperlukan sesuai dengan tema perbahasan, mengusap rukun (Hajar Aswad) dengan tongkat apabila sukar mengusapnya dengan tangan, melontar Jumrah 'Aqabah sebelum hari raya kurban, berdoa memohon rahmat bagi orahg-orang yang hidup dan mengkhususkannya hanya bagi orang yang telah meninggal dunia, mendahulukan sebahagian pekerjaan haji ke atas sebahagian yang lain, meriwayatkan hadis kepada orang yang tidak memahami maknanya dan tidak pula mengerti mengenainya apabila penyampai menguasai apa yang disampaikannya, mendahulukan menyembelih kurban ke atas mencukur rambut, dan mengulangi doa bagi orang yang mengerjakan sesuatu perkerjaan yang lebih afdal di antara dua perkara yang boleh dipilih salah satu daripadanya, serta membuktikan bahawa mengulangi doa tersebut ditujukan kepada apa yang paling afdal.
3. Dianjurkan melakukan ihram dari miqat, semua perbuatan mereka mesti berbeza dengan kaum musyrikin, meminta izin kepada para amir dan para pemimpin dalam perkara-perkara mengejut yang berkaitan dengan kemaslahatan umum dan hukum, berdoa untuk orang yang mengerjakan sesuatu yang diperbolehkan, sekalipun perbuatannya itu ada yang lebih baik daripadanya, menyerukan takbir setiap kali melontar jumrah, kembali pulang ke tanah air bagi orang yang telah berhaji. berdoa bagi orang yang mengerjakan apa-apa yang disyariatkan kepadanya dan wanita yang berhaid serta bernifas hendaklah menyumbat kemaluannya, serta ihram keduanya tetap dianggap sah, namun mereka tidak boleh tawaf kecuali sesudah suci daripada hadas, kerana suci merupakan syarat utama bagi sahnya tawaf.
4. Disyariatkan menyerukan talbiyah, berjalan cepat dalam ketiga pusingan pertama tawaf, melakukan solat tawaf dua rakaat di belakang maqam Ibrahim, menjamak di antara dua solat di Arafah, iaitu solat Zohor dan Asar pada waktu Zohor (jamak taqdim), menjamak dua solat di al-Muzdalifah antara solat Maghrib dan solat Isyak pada waktu Isyak (jamak ta'khir) wukuf di Masy'aril Haram sesudah solat Subuh hari raya kurban, berdoa di Masy'aril Haram hingga cahaya pagi terang dan berangkat menuju ke

Mina sebelum matahari terbit, memasuki Mekah dari daerah atas dan keluar daripadanya melalui daerah bawah, mengusap Hajar Aswad dengan tangan dan menciumnya, ber-*idhthiba'* setiap kali pusingan, menginap di al-Muzdalifah hingga fajar, berangkat dari al-Muzdalifah sebelum matahari terbit, membaca talbiyah secara berterusan hingga hari raya kurban, mencukur atau memendekkan rambut, tetapi yang paling utama ialah mencukur rambut, melakukan khutbah pada hari raya kurban dan membuat perumpamaan terhadap sesuatu yang sukar difahami dengan sesuatu yang mudah diertikan agar dapat difahami oleh pendengar.

5. Tidak disyariatkan berjalan cepat dalam tawaf yang sesudahnya tidak terdapat sa'i, dan tidak pula bagi kaum wanita.
6. Menjelaskan hukum tawaf, sa'i, dua rakaat tawaf, melontar Jumrah 'Aqabah dan jumrah-jumrah yang lain, menginap di al-Muzdalifah, melakukan pekerjaan pada hari raya kurban secara berurutan dan menginap di Mina.
7. Menerangkan mukjizat Rasulullah (s.a.w), kerana Allah (s.w.t) memberitahu kepadanya apa yang telah diucapkan oleh kaum musyrikin.
8. Disyariatkan beretika yang baik dalam memberikan jawapan kepada orang yang dihormati.
9. Bantahan terhadap orang yang mengatakan talbiyah dihentikan sesudah mengerjakan solat Subuh hari Arafah.
10. Disunatkan melakukan zikir dan berdoa menurut apa yang disukai oleh orang yang berhaji di atas tangga Shafa dan Marwah serta di tengah-tengah antara keduanya, tetapi doa yang paling afdal ialah doa ma'tsur daripada Rasulullah (s.a.w), berjalan biasa dalam sa'i dengan langkah yang tenang dari Shafa hingga tanda pertama, kemudian dari tanda kedua hingga ke Marwah serta berjalan cepat di antara dua tanda, solat lima waktu di Mina yang dimulai dengan solat Zohor pada tarikh 8 Zulhijjah dan selesai saat solat Subuh tarikh 9 Zulhijjah dan wukuf untuk melontar Jumrah 'Aqabah di perut lembah dengan posisi Mina berada di sebelah kanan dan Mekah berada di sebelah kiri.
11. Pemimpin kaum dianjurkan bersikap kasih sayang dan lemah lembut kepada bawahannya.
12. Menjelaskan waktu wukuf di Arafah, kadar waktu yang wajib untuk tinggal di al-Muzdalifah, waktu *mukhtar* untuk melontar Jumrah 'Aqabah dan waktu *jawaz* untuk melontarnya, bilangan batu kerikil yang digunakan untuk melontar Jumrah 'Aqabah dan untuk melontar pada hari-hari tasyriq, waktu melontar jumrah pada hari-hari tasyriq dan cara-caranya, bilangan khutbah haji dan pendapat ulama mengenainya, bilangan tawaf dan sa'i bagi orang yang ber-*qiran* serta pendapat ulama mengenainya, perintah, keputusan, dan sikap yang segera bagi seorang imam dalam menanggapi perkara-perkara yang apabila dikerjakan dia merasa khuatir akan keselamatan akidah pelakunya. Arafah itu semuanya merupakan tempat berwukuf, al-Muzdalifah seluruhnya adalah tempat berwukuf, dan Mina seluruhnya merupakan tempat menyembelih kurban. Dalam masalah

menyembelih kurban dan berwukuf tidak disyaratkan terikat dengan tempat yang pernah digunakan oleh Rasulullah (s.a.w).

13. Dihalalkan bagi orang yang berihram sesudah tahallul pertama (sesudah melontar jumrah dan mencukur rambut) semua perkara yang tadinya dilarang baginya kerana berihram, kecuali wanita.
14. Wajib mengikuti Sunnah dan memperhatikannya melalui pertanyaan mengenainya, memotong rambut bagi wanita yang ihram, menyampaikan ilmu secara wajib kifayah dan adakalanya menjadi wajib 'ain bagi sebahagian orang dan melakukan tawaf wada' bagi orang yang telah menyempurnakan haji.
15. Gugurnya menginap di al-Muzdalifah kerana suatu uzur dan gugurnya menginap di Mina bagi orang yang memegang urusan *Siqayah* dan para pengembala ternakan unta.
16. Rukhsah bagi para pengembala untuk menjamakkan melontar dua hari dalam sehari.
17. Kemuliaan Hajar Aswad dan keutamaannya ke atas benda-benda yang selainnya.
18. Makruh mencium sesuatu yang tidak pernah disyariatkan.
19. Diharuskan mengikuti Sunnah dalam mengerjakan manasik dan semua perkara yang ada kaitannya dengan agama, sekalipun hikmahnya masih belum diketahui.
20. Kemudahan agama dan toleransinya dalam usaha menghapus segala bentuk kesempitan dan meniadakan hukuman terhadap orang yang tidak faham dan orang lupa.
21. Sebutan kufur terhadap orang yang memerangi orang mukminin sebagai kecaman pedas agar si pendengar tidak berani melakukan perkara itu.
22. Keutamaan Masjidil Haram dan Masjid Nabawi.
23. Anjuran untuk tinggal di Mekah dan Madinah.

Soalan

1. Jelaskan kedudukan hadis Jabir (r.a) dan perhatian ulama mengenainya!
2. Mengapa Nabi (s.a.w) melakukan haji dengan berkenderaan?
3. Gambarkan haji yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w)!
4. Bagaimanakah para sahabat ber-*ihlal* (berihram)?
5. Sebutkan kisah Asma' binti Umais!
6. Mengapa Nabi (s.a.w) berangkat dari al-Muzdalifah sebelum matahari terbit?
7. Ceritakan tentang melontar jumrah yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) pada semua jumrah dan doa yang dibacanya sesudah melontar jumrah!
8. Jelaskan waktu-waktu untuk melontar jumrah!

9. Sampai bilakah tawaf ifadhah itu dibolehkan?
10. Sebutkan rahsia membaca doa sesudah bertalbiyah!
11. Apalah doa yang dibaca oleh Nabi (s.a.w) sesudah bertalbiyah!
12. Sebutkan sisi dha'if hadis Khuzaimah!
13. Sebutkan autobiografi Khuzaimah ibn Tsabit (r.a)!
14. Ceritakan tentang Arafah, al-Muzdalifah dan Mina!
15. Jelaskan kemudahan Islam dalam meniadakan batasan tempat menyembelih dan berwukuf hanya bergantung pada tempat menyembelih dan tempat wukuf Nabi (s.a.w)!
16. Jelaskan makna lafaz-lafaz berikut: "جمع", "رحالكم", "كداء", "كدى", "الثقل", "الأبطح", "المحصب", "ذات العقبة", "يسهل", "الدنيا", "ثبطة", "الضعفة" dan "أسمح"!
17. Dari manakah Nabi (s.a.w) memasuki dan keluar dari Mekah? Sebutkan hikmahnya!
18. Jelaskan etika memasuki Mekah!
19. Apakah yang menyebabkan Abdullah ibn Umar masyhur dan popular?
20. Mengapa memasuki Mekah dianjurkan pada waktu siang hari? Sebutkan rahsianya.
21. Bagaimanakah hukum mencium Hajar Aswad? Sebutkan hikmahnya! Bagaimana pula hukum melekatkan kening padanya?
22. Bagaimanakah hukum berjalan cepat? Sebutkan hikmahnya! Berapa pusingan berjalan cepat itu dilakukan?
23. Jelaskan tawaf yang disyariatkan dan tidak disyariatkan berjalan cepat!
24. Sebutkan rukun-rukun yang dimiliki oleh Kaabah dan rukun yang berlandaskan kepada pondasi Nabi Ibrahim (a.s) serta yang tidak berlandaskan padanya!
25. Mengapa rukun sebelah timur diistimewakan?
26. Di dalam hadis Umar ibn al-Khatthab terdapat usaha memelihara tauhid dan keputusan yang berbeza antara perbuatan orang mukmin dengan orang kafir. Bincangkan masalah ini!
27. Apakah dalam ber-*ittiba'* disyaratkan mengetahui hikmahnya?
28. Apakah yang harus dilakukan oleh orang yang sukar mengusap Hajar Aswad dengan tangan?
29. Apakah yang disyariatkan bagi orang yang berhaji pada malam kesepuluh apabila dia ber-*nafar* dari Arafah?
30. Bilakah orang yang berhaji menghentikan bacaan talbiyahnya?
31. Bagaimanakah hukum menginap di al-Muzdalifah? Sebutkan cara yang lebih utama dari perbuatan Nabi (s.a.w)!
32. Siapakah wanita yang meminta izin kepada Rasulullah (s.a.w) untuk berangkat sebelum fajar dari Jama'?
33. Jelaskan waktu untuk melontar Jumrah 'Aqabah!

34. Apakah makna larangan yang terdapat di dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "Janganlah kamu melontar jumrah sebelum matahari terbit?" Mengapa hadis ini berkedudukan *munqathi'*!
35. Mengapa Ummu Salamah melontar jumrah sebelum fajar?
36. Bagaimanakah cara menghindari pertentangan antara hadis Aisyah (r.a) dengan hadis Ibn Abbas (r.a)?
37. Bagaimanakah hukum berwukuf di Arafah?
38. Bagaimanakah hukum berwukuf di al-Muzdalifah?
39. Jelaskan makna "وقضى تفثه"!
40. Apakah *Tsabir* itu!
41. Mengapa Nabi (s.a.w) berangkat sebelum matahari terbit?
42. Jelaskan tentang melontar jumrah-jumrah!
43. Bagaimanakah hukum melontar jumrah?
44. Apakah yang dimaksudkan oleh perkataan Ibn Mas'ud (r.a): "Inilah tempat yang diturunkan kepadanya Surah al-Baqarah"?
45. Mengapa Surah al-Baqarah ini disebutkan secara khusus, sedangkan surah-surah al-Qur'an yang selainnya tidak?
46. Jelaskan waktu yang paling utama dalam melontar Jumrah 'Aqabah dan waktu *jawaz*-nya!
47. Jelaskan waktu-waktu bagi melontar jumrah pada hari-hari tasyriq!
48. Mengapa disyariatkan berdoa sesudah melontar Jumrah Shughra dan Jumrah Wustha! Berapa lamakah masa berdiri kala berdoa?
49. Mengapa tidak disyariatkan berdoa sesudah melontar Jumrah 'Aqabah?
50. Jelaskan mazhab ulama mengenai masalah mencukur rambut dan bahagian yang paling minimun untuk dipotong menurut masing-masing imam!
51. Manakah yang lebih afdal, mencukur atau memotong rambut? Sebutkan hikmah keutamaan ini!
52. Bagaimanakah hikmah mengulangi doa bagi orang yang mencukur rambutnya?
53. Apakah wanita mencukur rambutnya dalam manasik?
54. Sebutkan kedudukan i'rab dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "والمقصرين"!
55. Jelaskan apa sebab perhatian para sahabat yang sangat mendalam hal mengikuti Sunnah Nabi (s.a.w)!
56. Jelaskan toleransi (kemurahan) Islam!
57. Bagaimana hukum orang yang tidak faham dan orang lupa dalam mendahulukan pekerjaan-pekerjaan yang seharusnya diakhirkan pada hari raya kurban?
58. Jelaskan pendapat ulama fiqh mengenai pekerjaan-pekerjaan pada hari raya kurban! Apakah wajib atau sunat tertib (berurutan) dalam mengerjakannya?

59. Bagaimanakah hukum mendahulukan menyembelih kurban ke atas mencukur rambut bagi orang yang terhambat memasuki Mekah dan orang yang selainnya?
60. Apakah cara yang paling utama dalam menerapkan hadis al-Miswar ibn Makhramah?
61. Ada berapa tahallul bagi orang yang melaksanakan ibadah haji?
62. Apakah yang dihalalkan bagi orang yang berihram setelah melakukan *tahallul asghar*!
63. Apakah perkara-perkara yang dibolehkan baginya setelah ber-*tahallul akbar*!
64. Apakah yang membuat hadis Aisyah (r.a) berkedudukan dha'if?
65. Apakah yang disyariatkan bagi wanita dalam ber-*tahallul*?
66. Bagaimanakah hukumnya apabila wanita mencukur sebahagian besar rambut kepalanya?
67. Bagaimanakah hukum menginap di Mina? Sebutkan mazhab ulama mengenainya!
68. Bagaimanakah hukum orang yang tidak menginap di Mina?
69. Sebutkan orang yang diberi rukhsah oleh Nabi (s.a.w) untuk tidak menginap!
70. Apakah yang dimaksudkan dengan 'azimah dan rukshah itu?
71. Jelaskan permintaan para penggembala unta kepada Nabi (s.a.w)! Mengapa baginda memberikan rukhsah buat mereka?
72. Ada berapakah khutbah haji? Jelaskan tujuan-tujuan khutbah tersebut!
73. Sebutkanlah isi khutbah Rasulullah (s.a.w)!
74. Apakah hari *al-Ru'us* itu?
75. Apakah hari-hari tasyriq itu? Mengapa diberi nama demikian? Manakah yang paling afdal?
76. Jelaskan perbezaan pendapat ulama dalam masalah pekerjaan haji orang yang ber-qiran dengan menyebutkan dalil sandaran masing-masing mereka!
77. Jelaskan makna hadis: "Tinggalkanlah umrahmu"!
78. Jelaskan di manakah disyariatkan berjalan cepat dan di mana pula ia tidak disyariatkannya! Sebutkan perbezaan pendapat ulama mengenainya!
79. Apakah sah tawaf wanita berhaid dan wanita bernifas?
80. Bagaimanakah hukum al-*Tahshib*?
81. Jelaskan hikmah ber-*tahshib*! Bagaimanakah pendapat Aisyah (r.a) dalam masalah ini?
82. Bagaimanakah hukum tawaf wada' dan hukum orang yang meninggalkannya?
83. Sebutkan dalil orang yang mengatakan wajib melakukan tawaf wada'!

84. Apakah yang dimaksudkan dengan masjid yang tiga itu? Sebutkan keutamaan mengerjakan solat di dalamnya!
85. Apakah keistimewaan yang dimiliki oleh Masjidil Haram hingga berada di atas keistimewaan Masjid Nabawi dan Masjidil Aqsha?
86. Apakah keistimewaan yang dimiliki oleh Masjid Nabawi hingga berada diatas Masjidil Aqsha?
87. Sebutkan keutamaan menetap dan tinggal di Madinah al-Munawwarah!

BAB FAWAT DAN IHSHAR

٣٠٧- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَدْ أُحْصِرَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَحَلَقَ وَجَامَعَ نِسَاءَهُ، وَنَحَرَ هَدْيَهُ، حَتَّى اعْتَمَرَ عَامًا قَابِلاً. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

307. Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah dalam keadaan terkepung. Baginda mencukur rambutnya, menggauli isteri-isterinya dan menyembelih haiwan kurban serta menangguhkan umrahnya hingga tahun hadapan." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Tercegahlah orang yang berhaji hingga tidak dapat sampai ke Baitullah kerana suatu sebab, yakni *ihshar* atau terkepung dan orangnya dinamakan *muhshar*, yakni orang yang terkepung hingga tidak dapat meneruskan niatnya menuju Baitullah. Dalil mengenai masalah ini adalah firman Allah (s.w.t):

..... فَإِنْ أُحْصِرْتُمْ فَمَا ٱسْتَيْسَرَ مِنَ ٱلْهَدْيِ ..... ﴿١٩٦﴾

"*... Jika kamu terkepung (terhalang oleh musuh atau kerana sakit), maka (sembelihlah) kurban yang mudah didapat...*" (Surah al-Baqarah: 196)

Sebab turun ayat ini ialah ketika Nabi (s.a.w) dalam keadaan terhalang oleh musuh pada tahun al-Hudaibiyah hingga baginda tidak dapat sampai ke Baitullah. Ini terjadi pada tahun 6 Hijriah.

Analisis Lafaz

"الفوات", dikatakan "فات الحج" adalah waktu untuk mengerjakan haji telah terlewat, iaitu wukuf di Arafah.

"الإحصار", terhalang dan terhambat hingga tidak sampai ke tempat destinasi. Dikatakan "أحصره المرض أو السلطان" adalah seseorang terhalang oleh sakit atau penguasa hingga tidak sampai ke tempat tujuannya. Orang yang terhalang disebut *mukshar*.

Al-Hashr adalah tertahan. Dikatakan "حصره" apabila seseorang dalam keadaan terkepung oleh musuhnya. Orang yang dikepung disebut *mahshur*.

"قَدْ أُحصِرَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", baginda terhalang oleh musuh hingga tidak dapat memasuki Mekah. Ini terjadi pada umrah al-Hudaibiyah.

"فَحَلَقَ وَجَامَعَ نِسَاءَهُ، وَنَحَرَ هَدْيَهُ", *'athaf* dengan memakai huruf *waw* hanya menunjukkan perhimpunan yang mutlak dan tidak menunjukkan susunan, serta tidak bertentangan dengan hadis al-Miswar ibn Makhramah pada hadis no. 294.

"حَتَّى اعْتَمَرَ عَامًا قَابِلاً", peristiwa ini terjadi pada Umrah al-Qadhiyyah. Jumhur ulama tidak mewajibkan qadha' dan mereka menamakannya Umrah al-Qadha' dan al-Qadhiyyah bersempena terjadinya peristiwa perjanjian antara kaum Quraisy dengan Nabi (s.a.w).

Fiqh Hadis

1. Barang siapa yang terkepung (terhalang dan tidak dapat memasuki Mekah) maka dia mesti ber-*tahallul*. Menurut jumhur ulama, tidak ada istilah *ihshar* kecuali disebabkan perbuatan musuh. Oleh itu, mereka tidak membolehkan tahallul kecuali kerana terhalang oleh musuh. Imam Abu Hanifah berkata: "Istilah *ihshar* ditujukan kepada setiap hambatan yang mencegah seseorang untuk sampai ke Baitullah dan ihramnya, seperti adanya musuh, sakit, salah satu anggota badannya patah atau luka, takut kehabisan bekalan atau kenderaan hilang, maka dia dibolehkan ber-*tahallul*.
2. Orang yang terkepung wajib menyembelih *al-hady* (haiwan kurban) menurut pendapat jumhur ulama. Berbeza dengan Imam Malik, dia berpendapat tidak wajib.
3. Menjelaskan tempat menyembelih *al-hady*. Menurut jumhur ulama, *al-hady* disembelih di tempat di mana seseorang itu terkepung, sekalipun berada di tanah halal, sebab Nabi (s.a.w) menyembelihnya di al-Hudaibiyah kerana orang kafir menghalangi sampainya *al-hady* ke tempatnya, iaitu tanah suci. Menurut mazhab Hanafi, tidak boleh menyembelihnya kecuali di tanah suci. Untuk itu, seseorang harus mengirimkannya bersama orang lain, lalu dia berjanji dengannya akan melakukan sembelihan pada tarikh tertentu. Jika tarikh yang dijanjikan oleh kedua-dua belah pihak tersebut telah tiba, maka seseorang boleh ber-*tahallul*. Tetapi Imam Abu Hanifah sendiri mengatakan bahawa boleh menyembelih *al-hady*, sekalipun sebelum hari raya kurban. Kedua-dua murid Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa penyembelihan *al-hady* dalam kes terkepung hingga tidak dapat mengerjakan haji hanya boleh dilakukan pada hari raya kurban.
4. Hukum qadha' bagi orang yang terkepung. Imam Malik dan Imam al-Syafi'i serta riwayat yang paling sahih daripada Imam Ahmad mengatakan bahawa apabila seseorang terkepung dalam haji sunat atau umrah sunat, maka tidak ada apa-apa bebanan ke atas dirinya selain *al-hady* terkepung. Apabila dia terkepung dalam haji fardu, maka kewajibannya masih tetap

seperti semula. Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa wajib qadha', bahkan beliau menambahkan bahawa diwajibkan ke atas orang-yang terkepung dalam hajinya melakukan haji dan umrah dan bagi orang yang ber-qiran melakukan sekali haji dan dua kali umrah.

5. Qadha' hendaklah bersifat segera dan tidak boleh ditangguhkan hingga dua tahun berikutnya, tetapi harus terus dilakukan pada tahun berikutnya.

٣٠٨- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: دَخَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى ضُبَاعَةَ بِنْتِ الزُّبَيْرِ بْنِ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا، فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنِّي أُرِيدُ الْحَجَّ، وَأَنَا شَاكِيَةٌ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "حُجِّي وَاشْتَرِطِي: أَنَّ مَحِلِّي حَيْثُ حَبَسْتَنِي". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

308. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Nabi (s.a.w) menemui Dhuba'ah binti al-Zubair ibn Abdul Muttalib, lalu Dhuba'ah berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku hendak melakukan haji, sedangkan aku dalam keadaan sakit." Lalu Nabi (s.a.w) bersabda: "Berhajilah, tetapi syaratkanlah tahallul-mu apabila sakit menghambatmu." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Antara kemudahan Islam ialah hukum-hakamnya mudah dilaksanakan dan tidak mengandungi sebarang kesukaran apatah lagi kesempitan. Inilah kisah seorang sahabat wanita, dia mengadu kepada Rasulullah (s.a.w) seraya berkata: "Saya hendak mengerjakan ibadah haji, tetapi saya merasa khuatir kala-kalau sakit saya yang teruk ini menghambat diri saya untuk menunaikan manasik-manasik haji. Mendengar itu, Nabi (s.a.w) memberinya petunjuk bahawa hendaklah dia mensyaratkan bagi hajinya bahawa tempat tahallulnya ialah apabila sakit menghambatnya. Jika sakit menghambatnya menunaikan manasik, maka dia boleh ber-tahallul, dan hukumnya disamakan dengan hukum orang yang terkepung, namun oleh kerana dia sakit hingga tidak dapat menyempurnakan haji, maka wanita itu idak diwajibkan menyembelih *al-hady*.

Analisis Lafaz

Dhuba'ah binti al-Zubair ibn Abdul Muttalib ibn Hasyim ibn Abdu Manaf al-Hasyimiyyah, dia adalah isteri al-Miqdad ibn al-Aswad, dan termasuk salah seorang wanita Muhajirin yang pertama. Dia meriwayatkan 11 hadis dan riwayat hadisnya telah diambil oleh Aisyah (r.a) dan Ibn Abbas (r.a).

"شَاكِيَةٌ", sakit teruk.

"حُجِّي وَاشْتَرِطِي", berihramlah engkau untuk hajimu dan jadikanlah satu syarat dalam hajimu ketika melakukan ihram, bahawa jika sakit menghambatmu dalam hajimu, maka engkau akan ber-*tahallul*.

"مَحَلِّي", tempat ber-*tahallul*-ku.

"حَيْثُ حَبَسْتَنِي", iaitu di tempat yang aku tidak mampu lagi menunaikan manasik haji kerana sakit teruk.

Fiqh Hadis

Orang yang berihram apabila dalam ihramnya dia mensyaratkan akan ber-*tahallul* apabila ada uzur yang menghambatnya secara mengejut, maka dia boleh ber-*tahallul*. Inilah pendapat Imam Ahmad dan Imam al-Syafi'i. Manfaat syarat ini ialah supaya dia ber-*tahallul* tanpa wajib membayar *dam ihshar*.

Imam Malik dan Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa tidak sah melakukan syarat ini dan tidak ada hukumnya dalam masalah ini. Mereka berdua mengatakan bahawa ini hanyalah rukhsah bagi Dhuba'ah semata atau hanya berkaitan dengan kes penyakit tertentu.

٣٠٩- عَنْ عِكْرِمَةَ عَنْ الْحَجَّاجِ بْنِ عَمْرٍو الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ كُسِرَ أَوْ عُرِجَ، فَقَدْ حَلَّ وَعَلَيْهِ الْحَجُّ مِنْ قَابِلٍ، قَالَ عِكْرِمَةُ: فَسَأَلْتُ ابْنَ عَبَّاسٍ وَأَبَا هُرَيْرَةَ عَنْ ذَلِكَ؟ فَقَالاَ: صَدَقَ. رَوَاهُ الْخَمْسَةُ، وَحَسَّنَهُ التِّرْمِذِيُّ.

309. Daripada 'Ikrimah daripada al-Hajjaj ibn Amr al-Ansari (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barang siapa yang kakinya patah atau pincang, bererti dia telah ber-*tahallul* dan dia harus menunaikan hajinya pada tahun yang akan mendatang." 'Ikrimah berkata: "Lalu aku bertanya kepada Ibn Abbas dan Abu Hurairah mengenai masalah ini, lalu keduanya menjawab: "Ya, dia itu benar." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah dan dinilai hasan oleh al-Tirmizi)

Makna Hadis

Orang yang berihram keluar daripada ihramnya apabila dia berniat tahallul jika terjadi halangan yang mengejut seperti kaki patah atau kaki pincang atau lain-lain penyakit yang dapat menghambatnya menunaikan manasik haji. Dia ter-*tahallul* daripada ihramnya serta wajib menunaikan haji pada tahun yang mendatang apabila dia masih belum mengerjakan haji fardu. Ini termasuk salah satu kemudahan Islam. Allah (s.w.t) berfirman:

لَّيْسَ عَلَى ٱلْأَعْمَىٰ حَرَجٌ وَلَا عَلَى ٱلْأَعْرَجِ حَرَجٌ وَلَا عَلَى ٱلْمَرِيضِ حَرَجٌ ..... ﴿٦١﴾

"*Tidak ada halangan bagi orang buta, tidak (pula) bagi orang pincang, dan tidak (pula) bagi orang yang sakit….*" (Surah al-Nur: 51)

Ihshar pun boleh kerana halangan musuh dan demikian pula ia boleh berlaku kerana adanya syarat terdahulu untuk ber-*tahallul* jika berlaku sesuatu yang tidak diinginkan.

Analisis Lafaz

"مَنْ كُسِرَ أَوْ عُرِجَ", ditimpa penyakit pada kakinya tetapi bukan cacat bawaan, sedangkan dia dalam keadaan berihram.

"فَقَدْ حَلَّ", dia telah ber-*tahallul* daripada ihramnya kerana patah kaki atau pincang, baik dia berihram untuk haji atau umrah ataupun untuk kedua-duanya sekali.

"وَعَلَيْهِ الْحَجُّ مِنْ قَابِلٍ", tetapi dia harus menunaikan haji pada tahun berikutnya apabila dia masih belum menunaikan haji fardu.

"قَالَ عِكْرِمَةُ: فَسَأَلْتُ ابْنَ عَبَّاسٍ وَأَبَا هُرَيْرَةَ عَنْ ذَلِكَ", 'Ikrimah bertanya kepada Ibn Abbas dan Abu Hurairah dengan tujuan untuk memastikan kebenaran apa yang dikatakan oleh al-Hajjaj itu.

"فَقَالاَ", maka keduanya menjawab yakni Ibn Abbas dan Abu Hurairah.

"صَدَقَ", benarlah apa yang dikatakan oleh al-Hajjaj itu, bahawa dia telah meriwayatkannya daripada Nabi (s.a.w).

Fiqh Hadis

Orang yang berihram apabila dirinya ditimpa halangan berupa penyakit, maka sebaik ditimpa penyakit itu dia menjadi orang yang telah ber-*tahallul*.

Periwayat Hadis

'Ikrimah al-Barbari adalah mawla Ibn Abbas, nama panggilan Abu Abdullah, merupakan salah seorang imam yang terkemuka. Ia meriwayatkan hadis daripada Ibnu Abbas (tuannya), Aisyah, Abu Hurairah, dan Abu Qatadah serta sejumlah sahabat yang lain. Dan riwayat hadis daripadanya telah diambil oleh al-Sya'bi, Ibrahim al-Nakha'i, dan Abu al-Sya'tsa' dari kalangan rakan-rakannya, Amr ibn Dinar, Qatadah, Ayyub, dan sejumlah ulama yang lain.

Al-Sya'bi berkata: "Tidak seorang pun yang masih hidup dan lebih alim tentang Kitab Allah selain daripada Ikrimah." Mereka pernah menuduhnya pernah melakukan banyak bid'ah. Al-Ajali berkata: "Ikrimah seorang yang tsiqah lagi

bersih daripada tuduhan orang yang tidak bertanggung jawab terhadap dirinya."

Ia dinilai tsiqah oleh Imam Ahmad, Ibn Mu'in, Abu Hatim, dan al-Nasa'i, sedangkan dari kalangan ulama terdahulu seperti Ayyub al-Sukhtayani menilainya sebagai tsiqah. Mush'ab berkata: "Ikrimah meninggal dunia pada tahun 105 Hijriah."

Al-Hajjaj ibn Amr al-Mazini al-Ansari al-Madani adalah seorang sahabat. Beliau turut serta dalam Perang Shiffin bersama Ali (r.a), dan riwayat hadisnya telah diambil oleh anak saudaranya yang bernama Dhamrah ibn Sa'ad dan juga oleh 'Ikrimah.

Kesimpulan

Dari hadis-hadis yang terdapat dalam bab ini dapat diambil beberapa kesimpulan sebagai berikut:

Orang yang berihram boleh ber-*tahallul* daripada ihramnya kerana *ihshar* dan kerana bersyarat lantaran kemalangan seperti patah kaki atau pincang.

Soalan

1. Apakah takrif *ihshar* dan *muhshar*!
2. Bagaimanakah cara menggabungkan antara hadis dalam bab ini dengan hadis yang diceritakan oleh al-Miswar sebelum ini?
3. Jelaskan mazhab Imam Abu Hanifah mengenai sebab-sebab *ihshar*!
4. Apakah qadha' diwajibkan bagi orang yang mengalami *ihshar*!
5. Mengapa dinamakan 'umrah al-qadha' menurut Imam Abu Hanifah? Mengapa dinamakan 'umrah al-qadha' atau al-qadhiyyah menurut pendapat jumhur ulama?
6. Siapakah Dhuba'ah itu? Sebutkan penyakit yang dideritanya!
7. Jelaskan makna kalimat berikut: "إن محلي حيث حبستني"! Jelaskan pendapat ulama dalam masalah ini!
8. Bagaimanakah hukum orang yang patah kaki atau pincang kaki? Apakah yang wajib dilakukan oleh orang yang mengalaminya?